MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

1. *Penang Resilience Strategy.*

   (a) Terangkan langkah-langkah konkrit Kerajaan Negeri untuk memastikan Pelan Strategi dilaksanakan secara berkesan dan akauntabiliti bukan sekadar dokumen dasar.

   (b) Bilakah pelan pelaksanaan atau *roadmap* dengan KPI dan belanjawan akan dibentang?

   (c) Bagaimanakah kerajaan menutup jurang pembiayaan RM1 bilion serta menangani kelemahan tadbir urus antara agensi?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. (a) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan berkesan dan akauntabiliti terhadap *Penang Resilience Strategy* (PRS) adalah seperti berikut:

      (i) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan *Resilience Strategy* (PRSC) yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri dan disokong oleh Unit Penyelaras di bawah Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang bagi memastikan integrasi dengan pelan spatial negeri;

(ii) Menyenaraikan inisiatif PRS dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) dan dokumen perancangan tempatan supaya semua tindakan mempunyai dasar fizikal dan peruntukan pembangunan yang sah;

(iii) Melaksanakan projek rintis di bawah tema *Climate, Inclusion & Well-being* sebagai bukti awal keberkesanan pendekatan berdaya tahan, misalnya pengurusan banjir berasaskan alam semula jadi dan komuniti inklusif di Bandar Raya George Town;

(iv) Memantau secara berkala dan menyediakan laporan awam tahunan di mana setiap agensi peneraju perlu melaporkan kemajuan melalui *Dashboard* Penang2030 serta diaudit oleh Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti; dan

(v) Menjalinkan kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa seperti *Resilient Cities Network* dan UN-Habitat untuk perkongsian amalan terbaik secara berkala.

(b) Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang menyediakan *Implementation Roadmap* 2025-2030 bagi PRS. Maklumat berhubung sasaran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Index – KPI) dan anggaran belanjawan akan dimaklumkan selepas *roadmap* tersebut dimuktamadkan kelak.

(c) Pelaksanaan Projek Pembangunan sememangnya memerlukan sokongan peruntukan dan tadbir urus yang berkesan antara agensi. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sentiasa menyediakan peruntukan pembangunan untuk pelaksanaan projek di Pulau Pinang. Sememangnya peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah tinggi berbanding Kerajaan Negeri selaras dengan kuasa eksekutif yang dimiliki. Kerajaan Negeri sentiasa menggerakkan pendekatan yang lebih kolaboratif dengan bekerjasama dengan sektor swasta, rakan pembangunan dan pembiaya berpotensi bagi pelaksanaan projek di Pulau Pinang.

Pembangunan projek di Pulau Pinang melibatkan tiga peringkat pelaksanaan iaitu peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Tadbir urus antara agensi yang melibatkan ketiga-tiga peringkat tersebut akan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Tindakan Pembangunan Negeri bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan projek serta menyokong pencapaian sasaran secara mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK YB LEE KHAI LOON

2. Majlis Perbendaharaan Kebangsaan.

   (a) Senaraikan tarikh-tarikh Ketua Menteri Pulau Pinang menghadiri Mesyuarat Perbendaharaan Negara sejak tahun 2018 hingga kini.

   (b) Apakah isu utama yang telah dibangkitkan oleh Pulau Pinang dalam mesyuarat tersebut, khususnya berkaitan pembiayaan negeri dan hasil persekutuan?

   (c) Sejauh manakah keberkesanan dan hasil nyata daripada penyertaan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. (a) Tarikh-tarikh Mesyuarat Kewangan Negara yang dihadiri oleh YAB Ketua Menteri sejak tahun 2018 adalah seperti berikut :

   (i) 7 Jun 2018

   (ii) 27 Mei 2019

   (iii) 22 Mei 2020

   (iv) 6 Mei 2021

   (v) 26 April 2022

(vi) 18 April 2023

(vii) 4 April 2024

(viii) 6 Mac 2025

(b) Isu-isu utama yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut melibatkan penetapan dasar dan undang-undang yang berhubung hal-ehwal kewangan Persekutuan – Negeri, antaranya peruntukan hasil dan pemberian kewangan kepada negeri-negeri (contohnya geran tahunan, geran pemberian khas dan royalti), dasar fiskal dan belanjawan negara, termasuk impak terhadap kedudukan kewangan negeri, pembahagian hasil cukai dan bukan cukai antara Persekutuan dan Negeri, pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan serta had hutang negeri dan penyelarasan dasar pembangunan negeri yang mempunyai implikasi fiskal.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri secara konsisten membangkitkan pendirian terhadap isu-isu yang dibincangkan bagi memastikan hubungan kewangan yang adil, seimbang dan teratur antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri, khususnya Pulau Pinang.

(c) Majlis Kewangan Negara (MKN) berperanan sebagai platform rasmi bagi setiap Kerajaan Negeri mengutarakan pandangan dan input berhubung dasar kewangan serta peruntukan hasil antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Keberkesanan penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat tersebut tidak wajar diukur berdasarkan pencapaian individu negeri semata-mata, tetapi lebih tepat dinilai melalui keputusan positif secara kolektif yang dicapai hasil perbincangan bersama. Antara keputusan yang memberi impak langsung termasuklah:

(i) Peningkatan kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) sebanyak 25 peratus, iaitu daripada RM109 juta kepada RM548 juta yang akan berkuat kuasa mulai tahun 2026;

(ii) Penambahbaikan garis panduan pelaksanaan Pemindahan Fiskal Ekologi (Ecological Fiscal Transfer, EFT) bagi pemuliharaan biodiversiti; dan

(iii) Peningkatan jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada semua Kerajaan Negeri kepada RM9.8 bilion bagi tahun 2025, berbanding RM9.3 bilion pada tahun 2024.

Perkembangan ini mencerminkan keberkesanan platform MKN sebagai wadah utama penyelarasan fiskal antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan ekonomi dan keupayaan kewangan negeri terus diperkukuh secara mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

3. *Penang City Competitiveness Master Plan* (CCMP).

(a) Apakah indikator kejayaan (KPI) utama bagi CCMP serta bagaimana ia diukur?

(b) Berapakah peruntukan bajet serta sumber manusia diperuntukkan bagi melaksanakan pelan induk ini?

(c) Bagaimana kerajaan memastikan manfaat dan kejayaan CCMP akan dirasai oleh komuniti tempatan dan bukan hanya pelabur besar?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. (a) Pelan Induk Daya Saing Bandar (*City Competitiveness Master Plan* – CCMP) merupakan satu pelan strategik yang dirangka oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memanfaatkan kelebihan Bandar Raya George Town melalui penekanan terhadap aspek geografi, tenaga kerja, infrastruktur, saiz ekonomi, keterangkuman sosial, kelestarian bandar dan daya tahan ekonomi. CCMP ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang pada 18 Ogos 2025.

Bagi memastikan pelaksanaannya dapat diukur dengan jelas, CCMP digerakkan melalui empat (4) teras utama seperti berikut:

(i) Memperkasa pembangunan bandar pintar dan pertumbuhan ekonomi bagi merangsang inovasi dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi;

(ii) Meningkatkan kualiti persekitaran binaan dan kebolehdiaman bandar melalui reka bentuk bandar yang inklusif, penyediaan perumahan mampan dan pembangunan ruang hijau;

(iii) Memantapkan pengurusan sumber semula jadi, sumber boleh diperbaharui dan sosial bagi menjamin kelestarian jangka panjang; dan

(iv) Mengukuhkan tadbir urus pintar melalui reformasi institusi dan pengurusan bandar yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

(b) Kos keseluruhan bagi pelaksanaan CCMP adalah sebanyak RM1,381,225.79 (Ringgit Malaysia Satu Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Dua Ratus Dua Puluh Lima Dan Tujuh Puluh Sembilan Sen Sahaja), yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Ekonomi. Pelaksanaan pelan ini turut disokong oleh tenaga kerja sedia ada di bawah pentadbiran MBPP dengan penglibatan pelbagai

jabatan dan agensi bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan berkesan.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan manfaat dan kejayaan CCMP turut dirasai oleh keseluruhan masyarakat terutamanya komuniti tempatan dan tidak hanya tertumpu kepada pelabur-pelabur besar, iaitu melalui pelaksanaan strategi pembangunan yang inklusif dan berimpak langsung kepada rakyat. Antara langkah yang diambil adalah:

(i) Pendekatan pembangunan inklusif dan libat urus komuniti. Pelaksanaan CCMP dilaksanakan melalui sesi libat urus dan perundingan bersama penduduk tempatan, peniaga kecil, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti akar umbi bagi memastikan pandangan dan keperluan mereka diambil kira dalam perancangan serta pelaksanaan strategi pembangunan bandar;

(ii) Penjanaan peluang ekonomi tempatan. Menggalakkan penyertaan penduduk dalam sektor kreatif, pertanian bandar, pelancongan komuniti serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui insentif, latihan dan akses kepada pasaran;

(iii) Pelaburan dalam infrastruktur sosial dan kelestarian bandar. Menambah baik kemudahan awam mesra Orang Kurang Upaya (OKU), memperbanyakkan ruang hijau, laluan pejalan kaki, taman bandar serta

menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti;

(iv) Pembangunan berteraskan kelestarian dan pemeliharaan warisan. Setiap inisiatif pembangunan disemak agar selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* – SDG) khususnya SDG 8 (Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari), serta memastikan pembangunan baharu tidak menjejaskan identiti warisan George Town dan alam sekitar; dan

(v) Peningkatan kemahiran dan pembangunan bakat tempatan. Menyediakan program latihan dan peningkatan kemahiran untuk memastikan tenaga kerja tempatan bersedia mengisi peluang pekerjaan dalam sektor baharu dan berteknologi tinggi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

4. Penang International Financial Centre (PIFC).

   (a) Huraikan secara terperinci konsep, mekanisme dan syarat-syarat khusus (termasuk skim insentif, pengecualian cukai atau duti) dalam cadangan PIFC telah dikemukakan ke Putrajaya.

   (b) Terangkan sebab-sebab Kerajaan Persekutuan menolak cadangan tersebut serta tunjukkan di mana kesilapannya.

   (c) Apakah pelan mitigasi setelah Kerajaan Persekutuan menolak cadangan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. **1. Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC**

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

(i) Dana Pelaburan Industri Negeri *State Sovereign Wealth Fund*

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech, dan perkhidmatan sokongan profesional.

2. Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan PIFC melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja *(working group)* yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

3. Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi PIFC memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak

berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

4. Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan PIFC diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

(a) Peningkatan Rantaian Nilai Industri *Upgrading Value Chain*

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi.

(b) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar.

Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (*brain drain*).

(c) Perintis Inovasi Kewangan Digital (*Digital Financial Innovation*)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(d) Peluang Pekerjaan dan Pemerkasaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

5. Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau langkah-langkah susulan termasuk:

(i) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.

(ii) Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.

(iii) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

5. Unsur nadir bumi (REE).

   (a) Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam mengenal pasti kebolehlaksanaan dan risiko alam sekitar termasuk projek perintis di Perak.

   (b) REE merupakan bahan mentah utama dalam penghasilan cip dan semikonduktor, apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menghadapi perang nadir bumi antara US dan China serta melindungi kepentingan ekonomi negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. (a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah untuk menilai kebolehlaksanaan pemajuan sumber elemen nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) serta risiko terhadap alam sekitar. Keputusan pelaksanaan bergantung kepada kajian terperinci aspek geologi dan pertimbangan faktor lain seperti lokasi sumber di kawasan hutan simpan, kawasan sensitif alam sekitar (KSAS), tadahan air, tanah first grade serta peraturan mineral negeri.

   Kerajaan Negeri turut berpandukan kepada SOP Perlombongan NR-REE yang dikeluarkan oleh Kementerian NRES pada 20 Disember 2023, dan sedang

menggubal Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Pulau Pinang berasaskan SOP tersebut bagi memastikan pembangunan sektor ini dilaksana secara mampan, selamat dan mematuhi undang-undang.

Selain itu, lawatan tapak ke projek perintis NR-REE di Mukim Kenering, Perak telah diadakan pada 23 Ogos 2024, diketuai oleh YB MMK Perumahan dan Alam Sekitar Pulau Pinang bersama agensi teknikal negeri bagi meninjau pelaksanaan, potensi hasil serta langkah perlindungan alam sekitar oleh Kerajaan Negeri Perak.

(b) Bagi menghadapi implikasi geopolitik dan melindungi kepentingan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan dengan berpandukan kepada dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan serta melibatkan Kerajaan Persekutuan apabila meneroka potensi kerjasama strategik bersama syarikat tempatan atau asing yang berminat untuk melaksanakan penerokaan NR-REE di Pulau Pinang. NR-REE merupakan komoditi yang bernilai tinggi dalam industri berteknologi tinggi dan pertahanan. Oleh yang demikian, satu pendekatan yang strategik perlu diambil bagi memastikan pemajuan sumber ini dibuat secara terkawal. Ini juga bertujuan untuk mengelakkan eksploitasi daripada mana-mana pihak di samping menjamin kepentingan ekonomi negeri serta kepentingan strategik negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

6. Pelaburan Intel di Pulau Pinang.

   (a) Terangkan secara terperinci berkaitan status terkini pelaburan yang bernilai US$7 bilion dalam pembangunan kemudahan advanced 3D chip packaging.

   (b) Senaraikan semua pelaburan besar yang telah dijanjikan oleh pelabur sejak 2018 mengikut nama syarikat, nilai pelaburan serta sama ada telah disempurnakan, tertangguh atau dibatal.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. (a) Projek pelaburan Intel ini pada asalnya dirancang untuk memindahkan sebahagian operasi pembuatan faundri dari Costa Rica ke Malaysia, sebagai sebahagian daripada usaha pengembangan global syarikat. Syarikat juga berhasrat menyiapkan pembinaan kemudahan Penang Advanced Packaging (PAP) menjelang penghujung 2025. Permulaan operasi kemudahan ini akan disesuaikan dengan keadaan pasaran dan tahap penggunaan kapasiti sedia ada, selari dengan strategi pengoptimuman pembuatan *global Intel* bagi memastikan kecekapan operasi serta daya saing antarabangsa.

   (b) Berdasarkan maklumat MIDA, status pelaksanaan bagi tiga (3) projek pelaburan tertinggi yang diluluskan oleh MIDA dalam sektor perkilangan di Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Manakala berdasarkan maklumat PDC, senarai pelaburan syarikat asing yang telah melabur di kawasan perindustrian PDC adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Ringkasan

status pelaksanaan projek pelaburan yang diluluskan oleh MIDA dalam sektor perkilangan di Pulau Pinang sejak 2020 hingga Jun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

STATUS PELAKSANAAN BAGI TIGA PROJEK PELABURAN TERTINGGI YANG DILULUSKAN OLEH MIDA DALAM SEKTOR PERKILANGAN DI PULAU PINANG MULAI TAHUN 2020 HINGGA JUN 2025

Tahun 2020

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Bruker (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	Dexcom (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Ultra Clean Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2021

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Intel Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.	Status: Projek ditangguhkan buat sementara waktu
2.	Robert Bosch Semiconductor Manufacturing Penang Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Ibiden Electronics Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2022

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	Ultra Clean Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Greatech Integration (M) Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2023

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Lumileds Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	WD Media (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Enovix Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2024

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	MKS Instruments Malaysia Sdn. Bhd.	Pemasangan mesin/peralatan
2.	Siliconware Precision Malaysia Sdn. Bhd.	Pemasangan mesin/peralatan
3.	Unimx Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Sehingga Jun 2025

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Pentamaster Technology (M) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Guangdong Tianyu Semiconductor Co., Ltd.	Status: Perancangan secara aktif

LAMPIRAN B

PELABURAN DARIPADA SYARIKAT ASING YANG TELAH MELABUR DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PDC MULAI 2018 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2025

BIL.	NAMA SYARIKAT	TAMAN PERINDUSTRIAN	STATUS PEMBANGUNAN
1.	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
2.	Smith & Nephew Operations Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
3.	Dexcom (Malaysia) Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
4.	Synergy Sterilisation Kulim (M) Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
5.	LEM Malaysia Sdn. Bhd.	Penang Science Park North	Beroperasi
6.	Sustio Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
7.	TTM Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	Penang Science Park North	Beroperasi
8.	Elite Material Penang (Penang) Sdn. Bhd.	Penang Science Park North	Dalam pembinaan
9.	Comet Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	Penang Science Park	Dalam pembinaan
10.	Siliconware Precision Malaysia Sdn. Bhd.	Bandar Cassia Technology Park	Dalam pembinaan
11.	Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.	Bandar Cassia Technology Park	Dalam pembinaan
12.	MKS Instruments Malaysia Sdn. Bhd.	Bandar Cassia Technology Park	Dalam pembinaan

LAMPIRAN C

STATUS PELAKSANAAN PROJEK PELABURAN YANG DILULUSKAN OLEH MIDA DALAM SEKTOR PERKILANGAN DI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA JAN-JUN 2025

TAHUN	2020		2021		2022		2023		2024		JAN – JUN 2025	
PERKARA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA
PROJEK	167	154 (92.22%)	111	101 (90.99%)	135	126 (93.33%)	149	144 (96.64%)	182	158 (86.81%)	86	58 (67.44%)
PELABURAN (BILION)	14.4	13.7 (95.29%)	76.2	5.9 (7.70%)	13.7	13.4 (97.81%)	63.4	63.1 (99.53%)	17.3	13.7 (79.07%)	12.5	9.0 (71.99%)
PELUANG PEKERJAAN	13,380	12,294 (91.88%)	12,024	8,812 (93.19%)	15,752	15,137 (96.10%)	17,623	17,320 (98.28%)	16,254	13,831 (85.09%)	11,116	6,440 (57.93%)

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

7. *Virtual Island of Penang* (VIP).

   (a) Perincikan jumlah sebenar kos pembangunan projek ini sejak 2020, RM14 juta seperti dinyatakan MBPP atau RM30 juta seperti dilapor media.

   (b) Apakah metrik keberhasilannya dalam membina *City Digital Twin* dan ekosistem digital negeri?

   (c) Nyatakan usaha MBSP dalam membina sistem yang sama seperti MBPP.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan Projek Bandar Pintar yang merangkumi pembangunan sistem *Virtual Island of Penang* (VIP) dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM15,722,979.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Tujuh Ratus Dua Puluh Dua Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Sembilan Sahaja), meliputi Fasa 1 (2022–2024) bagi penyediaan infrastruktur asas dengan kos sebanyak RM4,410,280.00 (Ringgit Malaysia Empat Juta Empat Ratus Sepuluh Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Sahaja) dan Fasa 2 (2024–2027) yang melibatkan pembangunan ke atas 11 modul analitik utama dengan kos sebanyak RM11,312,699.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Tiga

Ratus Dua Belas Ribu Enam Ratus Sembilan Puluh Sembilan Sahaja).

(b) Metrik keberhasilan dalam pembangunan *City Digital Twin* dan ekosistem digital negeri dinilai melalui keberkesanan pelaksanaan VIP sebagai platform digital bersepadu yang menyokong pengurusan bandar bagi kedua-dua kawasan pentadbiran MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Antara indikator utama keberhasilannya adalah:

(i) Peningkatan ketepatan simulasi dan analisis bandar digital untuk perancangan fizikal, pembangunan serta pengurusan risiko bencana;

(ii) Pewujudan inventori data spatial yang komprehensif bagi keseluruhan infrastruktur bandar;

(iii) Pengurangan kesesakan trafik melalui penyelarasan sistem lampu isyarat pintar dan analitik kapasiti jalan;

(iv) Pemantauan keselamatan dan bencana secara masa nyata melalui integrasi sistem kamera litar tertutup (CCTV) pintar serta sensor Internet Pelbagai Benda (IoT);

(v) Peningkatan kecekapan pengurusan sumber bandar seperti tenaga, sisa pepejal dan inventori pokok; dan

(vi) Peningkatan kepuasan awam melalui aplikasi Pearl yang membolehkan rakyat menyalurkan aduan, menerima makluman cuaca dan bencana serta berinteraksi secara langsung dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

(c) MBSP turut membangunkan sistem yang seumpama dengan MBPP, namun pada skala pelaksanaan yang lebih kecil. Antara komponen utama sistem ini termasuklah penyediaan inventori data spatial merentasi jabatan yang meliputi maklumat perancangan, infrastruktur, pelesenan, cukai, jalan, lampu, pokok dan aset bandar lain.

Selain itu, beberapa usaha sedang dilaksanakan ke arah pembangunan sistem *City Digital Twin*, antaranya adalah:

(i) Dalam usaha mencapai pendekatan yang lebih mampan, majlis kini dalam proses mengintegrasi data imej satelit daripada **MYSA (Agensi Angkasa Malaysia).** Memperoleh imej berkualiti tinggi adalah penting kerana ia diperlukan untuk analisis terperinci. Analisis ini termasuk pengenalan struktur haram, pembangunan pertanian yang tidak sah dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

(ii) Pembangunan modul *e-Submission* yang berfungsi untuk melancarkan proses penyerahan peta digital permohonan perancangan ke dalam sistem bagi mempercepat proses kelulusan; dan

(iii) Integrasi dengan *Integrated Smart Flood Monitoring System* (INFLOS) MBSP untuk tujuan pemantauan paras air dan kawasan berisiko banjir secara masa nyata.

Usaha-usaha ini menjadi asas penting ke arah pembentukan platform *City Digital Twin* MBSP yang lebih menyeluruh, selaras dengan aspirasi negeri menuju bandar pintar dan berdaya tahan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

8. Kecurian kabel *copper*.

(a) Senaraikan bilangan aduan diterima, tangkapan dibuat, dituduh ke mahkamah mengikut daerah dan bulan sejak 2023.

(b) Di manakah kelemahan dan kesilapannya yang menyebabkan masalah ini terus berulang serta pencuri masih bermaharajalela?

(c) Terangkan strategi Kerajaan Negeri untuk memutuskan rangkaian sindiket ini serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. (a) Statistik kes kecurian kabel *copper*, tangkapan yang dibuat serta di tuduh ke Mahkamah sepanjang tahun 2023, 2024 dan Jan-Sept 2025 mengikut pecahan daerah dan bulan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Punca masalah ini terus berulang adalah seperti berikut:

(i) Kelemahan Sistem Keselamatan Fizikal

1) Kawasan tidak berpagar atau tidak dipantau seperti tapak pencawang, laluan kabel bawah tanah dan stesen luar bandar sering terbuka dan mudah diakses.

2) Tiada sistem pemantauan 24 jam seperti kekurangan CCTV, sensor, atau rondaan berkala menjadikan pencuri mudah beroperasi pada waktu malam.

3) Kabel tidak ditandakan atau dikesan: Tiada penggunaan teknologi seperti *cable marking* atau *metal detection alert system* menjadikan pencuri sukar dikesan selepas kejadian.

(ii) Faktor Ekonomi dan Sosial

1) Harga logam tinggi: Harga tembaga (*copper*) di pasaran gelap sangat menarik, mendorong pencurian berulang.

2) Masalah sosial: Pengangguran dan keperluan wang cepat menjadikan individu mudah terjebak.

3) Pembeli besi buruk yang tidak beretika: Ada pengusaha scrap metal yang menerima barang curi tanpa semakan asal-usul.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius isu kecurian kabel tembaga kerana ia menjejaskan keselamatan awam, perkhidmatan utiliti, dan imej pentadbiran negeri. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dirangka bagi mengekang aktiviti jenayah ini serta memulihkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan negeri seperti berikut:

(i) Pengukuhan Penguatkuasaan dan Pemantauan

1) Menjalin kerjasama strategik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan rondaan dan operasi bersepadu.

2) Melaksanakan pemantauan berterusan di kawasan panas (*hotspot*) kecurian melalui kamera litar tertutup (CCTV) serta pengawasan rondaan keselamatan komuniti.

3) Tindakan tegas terhadap pembeli besi buruk tidak berlesen yang menjadi saluran utama penjualan kabel curi, termasuk pembatalan lesen dan tindakan undang-undang.

(ii) Pengawalan Rantai Bekalan Logam

1) Memperketatkan lesen perniagaan kitar semula logam dengan syarat tambahan seperti keperluan dokumentasi asal-usul barangan.

2) Menubuhkan pangkalan data bersama antara agensi untuk menjejak transaksi jual beli logam bagi mengesan aktiviti mencurigakan.

3) Melaksanakan penguatkuasaan berjadual di premis kitar semula bagi memastikan tiada aktiviti menerima barangan curi.

(iii) Penggunaan Teknologi Moden

1) Menggalakkan syarikat utiliti menggantikan kabel tembaga kepada kabel gentian optik (fiber) atau aluminium, yang kurang mempunyai nilai pasaran gelap.

2) Menyokong penggunaan sensor pengesan aktiviti pemotongan kabel yang boleh memberi amaran awal kepada pasukan keselamatan.

(iv) Pendekatan Pendidikan dan Kesedaran Komuniti

1) Menjalankan kempen kesedaran di peringkat MPKK, sekolah, dan komuniti setempat mengenai kesan kecurian kabel terhadap keselamatan dan perkhidmatan awam.

2) Melibatkan sukarelawan komuniti dan rondaan masyarakat (Rukun Tetangga) bagi membantu menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

(v) Pemulihan Keyakinan Rakyat

1) Menunjukkan ketelusan dalam siasatan dan pelaporan kes-kes kecurian yang berjaya ditumpaskan.

2) Mempercepatkan proses baik pulih infrastruktur terjejas seperti lampu jalan dan sambungan komunikasi.

3) Mengadakan sesi libat urus (*engagement session*) dengan rakyat untuk menerangkan langkah-langkah pencegahan serta kemajuan tindakan kerajaan negeri.

LAMPIRAN A

Kecurian kabel *copper.*

(a) Senaraikan bilangan aduan diterima, tangkapan dibuat, dituduh ke mahkamah mengikut daerah dan bulan sejak 2023.

Statistik kes kecurian kabel *Cooper*, tangkapan yang dibuat serta di tuduh ke Mahkamah sepanjang tahun 2023, 2024 dan Jan-Sept 2025 mengikut pecahan daerah dan bulan adalah seperti berikut:

Januari - Disember 2023

BULAN	TIMUR LAUT			BARAT DAYA			SBG PERAI UTARA			SBG PERAI TENGAH			SBG PERAI SELATAN			JUMLAH KES		
	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH
JANUARI	1	2	2				2						2	12	2	5	14	4
FEBRUARI	2						4	1	1				1			7	1	1
MAC	2						4			1			1			8	0	0
APRIL	3	3	3	1			3	1	1							7	4	4
MEI				1			3	1	1							4	1	1
JUN	1						1	1	1	2						4	1	1
JULAI										1	1	1	3			4	1	1
OGOS	3						2			3	2	2	3	1	1	11	3	3
SEPTEMBER							1	1	1	5			2	2	2	8	3	3
OKTOBER	3						2	1	1	3	1	1				8	2	2
NOVEMBER	2	1	1	1			3	1	1	6	3	3	2	3	1	14	8	6
DESEMBER							1									1	0	0
JUMLAH	**17**	**6**	**6**	**3**	**0**	**0**	**26**	**7**	**7**	**21**	**7**	**7**	**14**	**18**	**6**	**81**	**88**	**26**

Januari - Disember 2024

BULAN	TIMUR LAUT			BARAT DAYA			SBG PERAI UTARA			SBG PERAI TENGAH			SBG PERAI SELATAN			JUMLAH KES		
	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH
JANUARI	3	3	1	1	1	1	4	4		4	17	3	1	2	2	13	27	7
FEBRUARI	1	4		1	1	1	4	4	1	2			2	4		10	13	2
MAC	4	11	2	2	2	1				7	9	1	1			14	22	4
APRIL	2			1	2	1				1	1		2	5		6	8	1
MEI	3	14	2				3	5	4	2	1	1				8	20	7
JUN							3	6	5	1	1		2	4	1	6	11	6
JULAI	1	1		1	6	1	1	1		2	8	6				5	16	7
OGOS	2			3	5	1	3	3	2	2	8	2	11	16	9	21	32	14
SEPTEMBER	2	7	1	3	3	2				1	6	2				6	16	5
OKTOBER							3	7	2							3	7	2
NOVEMBER				2	5	2										2	5	2
DESEMBER				2	4	1				3	6	6	2			7	10	7
JUMLAH	**18**	**40**	**6**	**16**	**29**	**11**	**21**	**30**	**14**	**25**	**57**	**21**	**21**	**31**	**12**	**101**	**187**	**64**

Januari - September 2025

BULAN	TIMUR LAUT			BARAT DAYA			SBG PERAI UTARA			SBG PERAI TENGAH			SBG PERAI SELATAN			JUMLAH KES		
	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH
JANUARI	1			2	1	1	1	1	1	4	1	1				8	3	3
FEBRUARI				1			2			2	2	2	1	1	1	6	3	3
MAC	1	1		2						2	1	1	2	3	3	7	5	4
APRIL				1			3	8	6							4	8	6
MEI	5	5		2	2	2	1						2	4	4	10	11	6
JUN							1	1					1			2	1	0
JULAI	1			2			1						1	1		5	1	0
OGOS				1			1						3	1		5	1	0
SEPTEMBER	1												2			3	0	0
OKTOBER																0	0	0
NOVEMBER																0	0	0
DESEMBER																0	0	0
JUMLAH	9	6	0	11	3	3	10	10	7	8	4	4	12	10	8	50	33	22

(b) Di manakah kelemahan dan kesilapannya yang menyebabkan masalah ini terus berulang serta pencuri masih bermaharajalela?

1. Kelemahan Sistem Keselamatan Fizikal

   a) Kawasan tidak berpagar atau tidak dipantau seperti tapak pencawang, laluan kabel bawah tanah dan stesen luar bandar sering terbuka dan mudah diakses.
   b) Tiada sistem pemantauan 24 jam seperti kekurangan CCTV, sensor, atau rondaan berkala menjadikan pencuri mudah beroperasi pada waktu malam.
   c) Kabel tidak ditandakan atau dikesan: Tiada penggunaan teknologi seperti *cable marking* atau *metal detection alert system* menjadikan pencuri sukar dikesan selepas kejadian.

2. Faktor Ekonomi dan Sosial

   a) Harga logam tinggi: Harga tembaga (copper) di pasaran gelap sangat menarik, mendorong pencurian berulang.
   b) Masalah sosial: Pengangguran dan keperluan wang cepat menjadikan individu mudah terjebak.
   c) Pembeli besi buruk yang tidak beretika: Ada pengusaha scrap metal yang menerima barang curi tanpa semakan asal-usul.

(c) Terangkan strategi Kerajaan Negeri untuk memutuskan rangkaian sindiket ini serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius isu kecurian kabel tembaga kerana ia menjejaskan keselamatan awam, perkhidmatan utiliti, dan imej pentadbiran negeri. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dirangka bagi mengekang aktiviti jenayah ini serta memulihkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan negeri seperti berikut:

1. Pengukuhan Penguatkuasaan dan Pemantauan

- Menjalin kerjasama strategik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan rondaan dan operasi bersepadu.
- Melaksanakan pemantauan berterusan di kawasan panas (hotspot) kecurian melalui kamera litar tertutup (CCTV) serta pengawasan rondaan keselamatan komuniti.
- Tindakan tegas terhadap pembeli besi buruk tidak berlesen yang menjadi saluran utama penjualan kabel curi, termasuk pembatalan lesen dan tindakan undang-undang.

2. Pengawalan Rantai Bekalan Logam

- Memperketatkan lesen perniagaan kitar semula logam dengan syarat tambahan seperti keperluan dokumentasi asal-usul barangan.
- Menubuhkan pangkalan data bersama antara agensi untuk menjejak transaksi jual beli logam bagi mengesan aktiviti mencurigakan.
- Melaksanakan penguatkuasaan berjadual di premis kitar semula bagi memastikan tiada aktiviti menerima barangan curi.

3. Penggunaan Teknologi Moden

- Menggalakkan syarikat utiliti menggantikan kabel tembaga kepada kabel gentian optik (fiber) atau aluminium, yang kurang mempunyai nilai pasaran gelap.
- Menyokong penggunaan sensor pengesan aktiviti pemotongan kabel yang boleh memberi amaran awal kepada pasukan keselamatan.

4. Pendekatan Pendidikan dan Kesedaran Komuniti

- Menjalankan kempen kesedaran di peringkat MPKK, sekolah, dan komuniti setempat mengenai kesan kecurian kabel terhadap keselamatan dan perkhidmatan awam.

- Melibatkan sukarelawan komuniti dan rondaan masyarakat (Rukun Tetangga) bagi membantu menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

5. Pemulihan Keyakinan Rakyat

- Menunjukkan ketelusan dalam siasatan dan pelaporan kes-kes kecurian yang berjaya ditumpaskan.
- Mempercepatkan proses baik pulih infrastruktur terjejas seperti lampu j alan dan sambungan komunikasi.
- Mengadakan sesi libat urus (engagement session) dengan rakyat untuk menerangkan langkah-langkah pencegahan serta kemajuan tindakan kerajaan negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

9. Kaunselor bertauliah.

   (a) Nyatakan nisbah kaunselor : pelajar terkini di setiap sekolah dalam Negeri Pulau Pinang.

   (b) Apakah skop kerja rasmi kaunselor dan adakah kaunselor juga dilantik sebagai guru pengganti di sekolah yang kekurangan guru?

   (c) Terangkan secara terperinci usaha Kerajaan Negeri dalam menjadikan sekolah selamat serta kesihatan mental dalam komuniti sekolah?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. (a) Nisbah Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) kepada bilangan murid adalah 1 GBK: 500 murid. Nisbah ini adalah tertakluk dengan nisbah yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di samping itu, nisbah bilangan GBK di sekolah menengah adalah mengikut nisbah yang telah ditetapkan namun nisbah GBK di sekolah rendah masih terdapat kekurangan seramai 41 orang GBK di seluruh Negeri Pulau Pinang.

   (b) Skop kerja rasmi GBK di sekolah adalah berdasarkan kepada empat (4) fokus iaitu:

(i) Pengembangan dan pembangunan sahsiah diri murid iaitu melahirkan perwatakan murid yang berketrampilan dan terpuji;

(ii) Peningkatan disiplin murid untuk melahirkan murid yang berdisiplin dan persekitaran sekolah yang aman sejahtera;

(iii) Pendidikan kerjaya murid untuk melahirkan murid yang mengetahui hala tuju pendidikan dan kerjaya masa hadapan; dan

(iv) Psikososial dan kesejahteraan murid iaitu untuk melahirkan murid yang mempunyai emosi dan pemikiran sihat dan sejahtera

Di samping itu, bagi sekolah yang mempunyai kekurangan GBK, lantikan dalaman boleh dibuat oleh pihak sekolah kepada guru yang difikirkan sesuai. Namun begitu, tiada lantikan kontrak untuk GBK kerana tugas GBK memerlukan set kemahiran dan pengetahuan yang khusus. Sekolah yang kekurangan guru untuk mengajar, GBK boleh diberikan waktu kelas ganti selama lapan (8) waktu untuk menjalankan intervensi yang sesuai.

(c) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam menjadikan sekolah selamat adalah memastikan semua sekolah telah menjalankan saringan Minda Sihat kepada murid sebanyak 2 kali setahun dan menjalankan intervensi umum dan khusus untuk membantu murid yang memerlukan bantuan dalam hal kesihatan mental. Kerajaan Negeri juga turut membantu dalam menyelaras program antara jabatan berkaitan agar wujud kolaboratif antara jabatan kerajaan lebih tersusun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

10. Penipuan atas talian jenis *pig-butchering*.

    (a) Senaraikan bilangan kes, kerugian, pendakwaan dan pemulihan kerugian mangsa di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah sejak 2022.

    (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mencontohi tindakan DOJ Amerika Syarikat yang berjaya menangkap serta memulangkan aset hasil penipuan?

    (c) Sekiranya tidak, kenapa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. *Pig Butchering* merupakan satu bentuk penipuan dalam talian berasaskan manipulasi emosi, di mana mangsa dipujuk menjalin hubungan mesra atau percintaan palsu sebelum diperdaya untuk melabur dalam skim pelaburan tidak wujud.

    (a) Statistik *Love Investment Scam* Kontinjen Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025.

Pecahan Kes *Love Investment Scam* Mengikut Pecahan Daerah Di Pulau Pinang.

Tahun	2023		2024		2025	
	Kes	**Kerugian**	**Kes**	**Kerugian**	**Kes**	**Kerugian**
Timur Laut	1	RM228,214.00				
Seberang Perai Utara						
Seberang Perai Tengah					2	RM1,601,994.50
Seberang Perai Selatan						
Barat Daya			1	RM111,640.00	1	RM52,000.00
Jumlah	**1**	**RM228,214.00**	**1**	**RM111,640.00**	**3**	**RM1,653,994.50**

Berdasarkan statistik di atas, sepanjang tempoh tahun 2022 hingga Oktober 2025, sejumlah 5 kes *Love Investment Scam* telah direkodkan di Kontinjen Pulau Pinang dengan jumlah keseluruhan kerugian sebanyak **RM1,993,848.50.**

Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES	KERUGIAN (RM)
2022	0	0
2023	1	228,214.00
2024	1	111,640.00
2025	3	1,653,994.50

Secara keseluruhannya, trend kes *Love Investment Scam* menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2025 berbanding tahun-tahun sebelumnya, dengan jumlah kerugian juga meningkat hampir lapan kali ganda berbanding dua tahun terdahulu.

Berdasarkan kes "*Love Investment Scam*" yang dilaporkan di Pulau Pinang, siasatan bagi tahun 2023 dan 2024 menunjukkan bahawa pihak polis telah berjaya menahan serta mendakwa pemilik akaun bank yang terlibat bagi kedua-dua kes tersebut.

Namun begitu, tiada sebarang pemulangan wang kepada pengadu dapat dilakukan memandangkan pengadu tidak menghubungi National Scam Response Center (NSRC) untuk tujuan pensitaan dan pemulangan semula wang (fund recovery).

Kebiasaannya, dalam kes seumpama ini, pengadu hanya menyedari telah diperdaya selepas tempoh dua hingga tiga bulan, iaitu setelah mengalami kerugian yang besar. Kelewatan membuat laporan menyebabkan tindakan segera untuk menyekat transaksi atau membekukan akaun penerima tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa kritikal, sekali gus menjejaskan peluang pemulangan wang.

Bagi tahun 2025, berdasarkan tiga (3) kes yang direkodkan, hanya satu (1) kes telah didaftarkan dengan NSRC. Walau bagaimanapun, jumlah sitaan yang direkodkan adalah kosong, antara sebab utamanya ialah pengadu hanya menyedari telah diperdaya selepas dua hingga tiga bulan daripada tarikh transaksi dilakukan.

(b) Kerajaan Malaysia pada tahun 2022 telah menubuhkan National Scam Response Center (NSRC) iaitu pusat nasional bagi menangani dan menyelaras tindakan segera terhadap kes penipuan dalam talian (online scams). NSRC berperanan sebagai pusat sehenti (one-stop centre) untuk menerima laporan segera daripada orang awam yang menjadi mangsa penipuan kewangan dalam talian. Melalui talian *Hotline* 997, mangsa boleh membuat laporan serta-merta bagi membolehkan tindakan pantas diambil untuk membekukan transaksi atau akaun penerima yang terlibat. Pusat ini adalah kerjasama antara beberapa agensi utama seperti:

(i) Polis Diraja Malaysia (PDRM);

(ii) Bank Negara Malaysia (BNM);

(iii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);

(iv) Kementerian Kewangan (MOF); dan

(v) Institusi kewangan tempatan.

Tujuan utama penubuhan NSRC ialah untuk mengurangkan kerugian mangsa, mempercepat proses tindak balas, dan meningkatkan keberkesanan siasatan terhadap jenayah siber dan penipuan dalam talian. Berikut adalah mekanisme yang digunakan untuk melakukan pemulangan wang mangsa:

(i) Laporan Segera ke NSRC (Hotline 997)

- Mangsa perlu menghubungi **talian 997** sebaik sahaja menyedari bahawa mereka telah ditipu.

- NSRC akan menyelaraskan tindakan dengan **bank, polis, dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi** untuk menghentikan transaksi yang mencurigakan.

(ii) Sekatan Dana dan Siasatan

- Jika laporan dibuat dengan pantas, NSRC boleh membantu **menyekat wang yang telah dipindahkan** sebelum ia dikeluarkan oleh *scammer*.

- Polis dan pihak berkuasa akan menjalankan siasatan untuk mengenal pasti akaun keldai yang digunakan oleh penjenayah.

- Proses sitaan wang dibawah seksyen 116D KTJ perlu dilakukan oleh Pegawai Penyiasat terhadap jumlah yang terdapat dalam akaun suspek kepada institusi kewangan melalui portal eFSA.

(iii) Proses Pemulangan Wang

- Setelah siasatan membuktikan bahawa wang tersebut adalah milik mangsa, pihak berkuasa boleh memulangkan dana tersebut setelah permohonan diluluskan oleh Majistret.

- Perintah pemulangan wang akan dihantar kepada institusi kewangan melalui portal eFSA setelah Pegawai Penyiasat mengemaskini status kelulusan pemulangan wang dibawah Seksyen 413 KTJ.

- Proses pemulangan biasanya mengambil masa **3 hingga 6 bulan,** bergantung kepada bukti dan prosedur undang-undang.

- Mangsa mungkin perlu hadir ke mahkamah untuk melengkapkan prosedur di bawah **Seksyen 413 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).**

(iv) Kepentingan Laporan Polis

- **Laporan polis adalah wajib** untuk memastikan wang yang disekat dapat diproses dan dipulangkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

11. Pewartaan *Middle Bank*.

(a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak menyahut saranan Prof. Aileen Tan supaya pewartaan *Middle Bank* dijalankan serentak dengan projek pembangunan di sekitarnya?

(b) Siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya kemusnahan ekologi berlaku sebelum pewartaan dilaksanakan?

(c) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap model pengurusan bersama (Marine Managed Area) atau lokasi alternatif pembangunan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. (a) Status pewartaan *Middle Bank* tidak menjejaskan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memelihara dan memulihara kawasan tersebut. Bukti jelas dapat dilihat melalui semakan semula laluan awal projek LRT yang pada asalnya merentas *Middle Bank*, namun diubah melalui kawasan Macallum bagi mengelakkan kesan kepada kawasan berkenaan, selaras dengan cadangan sempadan pewartaan oleh Penang Institute dan Centre for Marine and Coastal Studies (CEMACS).

(b) Kemusnahan ekologi lautan berpunca daripada gabungan pelbagai aktiviti manusia termasuk pembuangan sampah, pelepasan sisa tidak dirawat oleh industri, penternakan dan pertanian, serta kesan perubahan iklim. Faktor-faktor ini bukan sahaja menjejaskan *Middle Bank*, malah seluruh ekosistem marin di utara Semenanjung. Walaupun sukar menentukan pihak tertentu sebagai punca, Kerajaan Negeri tetap komited memelihara ekosistem marin, khususnya di *Middle Bank*, tanpa mengira status pewartaan semasa.

(c) Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan model pengurusan bersama (co-management) dan konsep *co-existence* dalam perancangan masa depan *Middle Bank*. Namun, penekanan utama adalah keperluan merawat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jelutong, yang berpotensi menjadi sumber pencemaran tambahan terhadap ekosistem marin. Pengalaman antarabangsa menunjukkan tapak pelupusan pantai yang tidak dirawat boleh menjejaskan habitat laut, justeru rawatan menyeluruh perlu dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan ekosistem *Middle Bank* kekal terpelihara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

12. Kualiti air sungai.

    (a) Senaraikan stesen pemantauan kualiti air sungai di Pulau Pinang mengikut lokasi serta keberkesanannya.

    (b) Senaraikan nilai WQI terkini mengikut sungai utama dan sungai *tributaries.*

    (c) Terangkan langkah khusus Kerajaan Negeri untuk memastikan sungai-sungai di bawah 'kelas III' dipulihkan kepada sekurang-kurangnya kelas II seperti sasaran JAS.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. (a) Terdapat 58 stesen manual dan 1 stesen automatik berada di Sg Kulim ±1 km dari Loji Toh Alang. Stesen automatik memberikan amaran awal kepada JAS Pulau Pinang. Stesen-stesen ini dapat membantu agensi-agensi berkaitan dalam mengenal pasti status kualiti air sungai dari semasa ke semasa dan merangka perancangan yang bersesuaian. Stesen pengawasan kualiti air sungai manual adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (b) Nilai Water Quality Index (WQI) terkini mengikut sungai utama dan sungai *tributaries* adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(c) Terdapat dua (2) jawatankuasa utama di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantau dan menyelaras isu pencemaran sungai:

(i) **Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar**

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang mengenal pasti dan membawa isu pencemaran sungai ke mesyuarat ini. Tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), (PBT), Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi lain.

(ii) **Jawatankuasa Ops Lumpur**

JPS Pulau Pinang merupakan urusetia bagi jawatankuasa ini yang memantau pematuhan kerja tanah dan pelan kawalan hakisan (ESCP) di seluruh negeri dengan penyertaan MBPP, MPSP, JAS, JKR dan Pejabat Daerah dan Tanah. Fokus utamanya ialah mengurangkan risiko banjir lumpur di tapak binaan serta memantau pencemaran air akibat hakisan dan enapan.

LAMPIRAN A

Lembangan	Sungai	No Stesen
Sg. Bayan Lepas	Sg. Bayan Lepas	1 PBLS003
	Sg. Tiram	1PBLS001
	Sg. Tiram	1PBLS002
Sg. Jawi	Sg. Chempedak	1PJWI003
	Sg. Jawi	1PJWI001
	Sg. Junjong	1PJWI002
	Sg. Junjong	1PJWI004
	Sg. Machang Bubok	1PJWI007
	Sg. Tengah	1PJWI005
Sg. Juru	Sg. Ara	1PJRU006
	Sg. Juru	1PJRU001
	Sg. Juru	1PJRU012
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU002
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU003
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU009
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU010
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU011
	Sg. Pasir	1PJRU004
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU008
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU013
	Sg. Rambai	1PJRU005
	Sg. Rambai	1PJRU007
Sg. Kluang	Sg. Ara	1PKLU002
	Sg. Ara	1PKLU003
	Sg. Dua Besar	1PKLU005
	Sg. Kluang	1PKLU001
	Sg. Relau	1PKLU004
Sg. Perai	Sg. Air Melintas	1PPRI007
	Sg. Jarak	1PPRI009
	Sg. Kereh	1PPRI006
	Sg. Kereh	1PPRI008
	Sg. Kereh	1PPRI024
	Sg. Kubang Semang	1PPRI005
	Sg. Perai	1PPRI003
	Sg. Perai	1PPRI004
	Sg. Pertama	1PPRI022
Sg. Pinang	Sg. Air Itam	1PPNG006
	Sg. Air Itam	1PPNG011
	Sg. Air Itam	1PPNG018

	Sg. Air Terjun	1PPNG019
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG001
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG002
	Sg. Dondang	1PPNG012
	Sg. Dondang	1PPNG013
	Sg. Dondang	1PPNG014
	Sg. Dondang	1PPNG015
	Sg. Dondang	1PPNG016
	Sg. Dondang	1PPNG017
	Sg. Jelutong	1PPNG010
	Sg. Pinang	1PPNG003
	Sg. Pinang	1PPNG008
	Sg. Pinang	1PPNG021
	Sg. Satu	1PPNG020
	Sg. Titi Kerawang	1PPNG004
Sg. Kerian	Sg. Kechil	1PKER002
	Sg. Kechil	1PKER003
	Sg. Kerian	1PKER009
	Sg. Kerian	1PKER014

LAMPIRAN B

Lembangan	Sungai	No Stesen	WQI	Kelas
Sg. Bayan Lepas	Sg. Bayan Lepas	1 PBLS003	74	III
	Sg. Tiram	1PBLS001	78	II
	Sg. Tiram	1PBLS002	62	III
Sg. Jawi	Sg. Chempedak	1PJWI003	42	IV
	Sg. Jawi	1PJWI001	52	IV
	Sg. Junjong	1PJWI002	59	III
	Sg. Junjong	1PJWI004	49	IV
	Sg. Machang Bubok	1PJWI007	65	III
	Sg. Tengah	1PJWI005	55	III
Sg. Juru	Sg. Ara	1PJRU006	75	III
	Sg. Juru	1PJRU001	62	III
	Sg. Juru	1PJRU012	53	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU002	71	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU003	72	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU009	95	I
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU010	60	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU011	66	III
	Sg. Pasir	1PJRU004	63	III
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU008	56	III
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU013	79	II
	Sg. Rambai	1PJRU005	46	IV
	Sg. Rambai	1PJRU007	60	III
Sg. Kluang	Sg. Ara	1PKLU002	97	I
	Sg. Ara	1PKLU003	60	III
	Sg. Dua Besar	1PKLU005	63	III
	Sg. Kluang	1PKLU001	45	IV
	Sg. Relau	1PKLU004	73	III
Sg. Perai	Sg. Air Melintas	1PPRI007	59	III
	Sg. Jarak	1PPRI009	73	III
	Sg. Kereh	1PPRI006	48	IV
	Sg. Kereh	1PPRI008	55	III
	Sg. Kereh	1PPRI024	63	III
	Sg. Kubang Semang	1PPRI005	63	III
	Sg. Perai	1PPRI003	80	II
	Sg. Perai	1PPRI004	61	III

	Sg. Pertama	1PPRI022	63	III
Sg. Pinang	Sg. Air Itam	1PPNG006	69	III
	Sg. Air Itam	1PPNG011	72	III
	Sg. Air Itam	1PPNG018	98	I
	Sg. Air Terjun	1PPNG019	97	I
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG001	81	II
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG002	97	I
	Sg. Dondang	1PPNG012	56	III
	Sg. Dondang	1PPNG013	58	III
	Sg. Dondang	1PPNG014	77	II
	Sg. Dondang	1PPNG015	79	II
	Sg. Dondang	1PPNG016	67	III
	Sg. Dondang	1PPNG017	74	III
	Sg. Jelutong	1PPNG010	72	III
	Sg. Pinang	1PPNG003	83	II
	Sg. Pinang	1PPNG008	51	III
	Sg. Pinang	1PPNG021	41	III
	Sg. Satu	1PPNG020	98	I
	Sg. Titi Kerawang	1PPNG004	57	III
Sg. Kerian	Sg. Kechil	1PKER002	92	II
	Sg. Kechil	1PKER003	90	II
	Sg. Kerian	1PKER009	83	II
	Sg. Kerian	1PKER014	85	II

WQI :

	>92.7	Kelas I
	76.5- 92.7	Kelas II
	51.9 – 76.5	Kelas III
	31.0 – 51.9	Kelas IV
	<31.0	Kelas V

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

13. World EXPO Osaka 2025.

(a) Senaraikan hasil penyertaan Kerajaan Negeri termasuk syarikat pelaburan, nilai pelaburan serta MoU yang telah dimeterai.

(b) Perincikan hasil RM5 bilion yang diumum tersebut serta tetapkan garis masa ia direalisasikan.

(c) Apakah mekanisme pemantauan, mitigasi, audit serta klausa tanggungan sekiranya pelaburan atau MoU tidak menjadi kenyataan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Semasa Minggu Pulau Pinang di World EXPO Osaka 2025, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah berjaya memeterai tiga (3) *Memorandum of Understanding* (MoU) seperti jadual di bawah:

BIL.	SYARIKAT	PROJEK	ANGGARAN NILAI PELABURAN (RM JUTA)
1.	PDC & Federal Express Services (M) Sdn. Bhd. (FedEX)	Penang International Logistics Aeropark	153.0

BIL.	SYARIKAT	PROJEK	ANGGARAN NILAI PELABURAN (RM JUTA)
2.	PDC & DHL Express (Malaysia) Sdn. Bhd.	Penang International Logistics Aeropark	153.0
3.	Solar Voltech Sdn. Bhd., Shizen International & Atlantic Blue	Development of a 100MW Ground-Mounted or Floating Solar Power System integrated with a 225 MWh Battery Energy Storage System (BESS) under the CRESS initiative	120.0

Selain itu, InvestPenang telah mempromosi industri reka bentuk litar bersepadu (IC) melalui inisiatif *Penang Silicon Design* @5KM+ (PSD@5KM+). Pihak InvestPenang bersama JETRO telah menganjurkan *Penang, Malaysia Business Seminar* JETRO di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan bertemakan "*Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy*". Seminar ini memperkenalkan Pulau Pinang sebagai hab inovasi dan teknologi serta mempamerkan empat (4) syarikat reka bentuk IC tempatan iaitu Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip dan Tenasic Technology

Seminar ini telah memberi peluang kepada lebih 30 delegasi Jepun untuk menjalin kerjasama dalam reka bentuk cip generasi akan datang, memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai pemain global dalam industri reka bentuk IC

dan membuka jalan bagi hubungan jangka panjang antara Malaysia dan Jepun. Seminar ini juga menekankan kemampuan Pulau Pinang untuk menarik pelaburan strategik sekaligus memacu pembangunan inovasi di rantau Asia Tenggara.

(b) Hasil RM5 bilion yang diumumkan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang adalah merujuk kepada anggaran kos keseluruhan projek pembangunan strategik yang diuruskan oleh PDC. Terdapat enam (6) projek yang merupakan sebahagian daripada senarai projek berimpak tinggi di bawah Pelan Strategik PDC 2024-2028 yang dipromosikan semasa di World EXPO Osaka 2025 bagi menarik pelaburan asing. Senarai projek tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL.	PROJEK	JANGKAAN SIAP
1.	The Coast	2030
2.	Penang Linear Waterfront	2029
3.	Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP 3)	2031
4.	Penang International Logistics Aeropark (PILA)	Fasa 1 – 2028
5.	Medi-City	Fasa 1 - 2033
6.	GBS @ Technoplex	2028

Berdasarkan unjuran anggaran pulangan hasil, The Coast akan memberikan hasil sebanyak RM1.75 bilion, BKIP3 sebanyak RM1.3 bilion, PILA sebanyak RM365 juta dan GBS @ Technoplex adalah sebanyak RM653.15 juta. Bagi projek Penang Linear Waterfront dan Medi-City, anggaran pulangan hasil akan diperincikan dan diperhalusi dari semasa ke semasa selaras dengan pelaksanaan fasa-fasa pembangunan bagi kedua-dua projek berkenaan.

(c) Pelaksanaan projek di bawah MoU dipantau secara berterusan oleh PDC dan langkah mitigasi seperti mengenalpasti pelabur alternatif turut diambil sekiranya pelabur asal tidak menjadi kenyataan.

Secara umum, MoU adalah dokumen yang tidak mengikat secara undang-undang, berdasarkan klausa tanggungan di dalam MOU, sekiranya pelaburan atau kerjasama yang dirancang tidak direalisasikan, mana-mana pihak berhak menamatkan MoU ini dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 7(a).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

14. Industri kreatif.

(a) Mengapa sehingga kini tiada pelan strategik menyeluruh industri kreatif yang merangkumi sasaran, bajet, KPI dan garis masa?

(b) Senaraikan jumlah peruntukan, pecahan kategori (acara, geran, latihan) dan bilangan penerima manfaat mengikut tahun sejak 2018.

(c) Apakah insentif dan skim sokongan yang dilaksanakan untuk menarik dan mengekalkan bakat kreatif?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Fokus Kerajaan Negeri adalah untuk mengangkat industri kreatif Pulau Pinang ke peringkat nasional dan antarabangsa melalui usaha penyenaraian warisan kebangsaan serta pengiktirafan di bawah UNESCO. Sebagai contoh, Kebaya telah menerima pengiktirafan UNESCO sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara pada tahun 2023 melalui pencalonan serantau yang turut melibatkan Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Kemboja.

Sementara itu, bagi Perarakan Chingay Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Singapura, agensi warisan serta

rakan serantau untuk proses pencalonan bersama bagi disenaraikan sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO. Kerajaan Negeri turut menyokong pencalonan bersama tarian singa oleh Malaysia dan China sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO. Sebagai usaha sokongan, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Pertandingan Tarian Singa Atas Tiang Antarabangsa Pulau Pinang di Seberang Perai pada 7-9 November 2025.

Proses pencalonan ini kebiasaannya mengambil tempoh sekitar tiga (3) hingga lima (5) tahun, termasuk penyediaan kertas kerja, dokumentasi warisan hidup, penglibatan komuniti, sesi libat urus dan penilaian teknikal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kos pelaksanaan proses ini ditanggung melalui peruntukan sedia ada Kerajaan Negeri dan disokong oleh agensi berkaitan.

(b) Senarai jumlah peruntukan, pecahan kategori dan bilangan penerima manfaat mengikut tahun sejak 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(c) Kerajaan Negeri menyokong pembangunan bakat kreatif melalui penyaluran dana di bawah Jawatankuasa MMK Ekonomi Kreatif bagi melaksanakan program kesenian dan kebudayaan merangkumi pelbagai skala, termasuk latihan, produksi serta penyertaan seniman tempatan dalam acara berkaitan. Di samping itu, penganjuran program kesenian utama seperti George Town Festival, Butterworth Fringe Festival dan Nibong Tebal Festival turut menyediakan platform penting kepada para seniman, penggiat seni dan komuniti kreatif untuk mengetengahkan karya mereka, memperluas jaringan kolaborasi serta meningkatkan keterlihatan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERUNTUKAN, PECAHAN KATEGORI (ACARA, GERAN, LATIHAN) DAN BILANGAN PENERIMA MANFAAT MENGIKUT TAHUN (2020 – OKTOBER 2025)

TAHUN	BILANGAN/KATEGORI	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)
2020	33 acara	33	146,030.00
2021	15 acara	15	116,986.00
2022	16 acara	16	177,750.00
2023	28 acara	28	720,235.01
2024	29 acara	29	160,500.00
2025 (Sehingga Oktober)	43 acara	43	195,850.00
JUMLAH			**1,517,351.01**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

15. Creative Digital District (CD²)@George Town.

(a) Terangkan status dan perancangan pembangunan yang diumumkan sebagai hab industri digital dan kreatif.

(b) Bila ia dijangka beroperasi sepenuhnya dan siapa penerima manfaatnya?

(c) Berapakah bajet yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk projek CD² serta jumlah sebenar yang dibelanjakan sehingga kini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Creative Digital District (CD²@George Town).

(a) CD²@George Town merupakan sebuah kawasan yang berpusat di Gat Lebuh China. Kawasan ini pada awal pelaksanaannya memberi fokus untuk menghidupkan semula kawasan teras bandar Pulau Pinang dan mewujudkan sebuah daerah inovasi yang memfokuskan kepada teknologi digital dan industri kreatif. Pada masa kini, kawasan Gat Lebuh China telah dihidupkan dengan pembukaan pelbagai kampus, hab reka bentuk kreatif dan pejabat syarikat teknologi dan industri digital serta institusi seni dan budaya seperti berikut:

(i) Fakulti Teknologi Digital, Wawasan Open University (WOU);

(ii) Digital Penang;

(iii) 42Penang;

(iv) Finexus;

(v) Penang Science Cluster (PSC);

(vi) Rekayu;

(vii) Think City;

(viii) Pejabat Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Zon Utara; dan

(ix) TS Cloud Sdn. Bhd.

Digital Penang telah melaksanakan pelbagai program dan bengkel serta telah berkolaborasi dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan pihak swasta. Antara program yang telah dilaksanakan ialah program pembangunan digitalisasi usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan program teknikal yang dapat meningkatkan keupayaan syarikat teknologi pemula di negeri ini.

(b) CD^2@George Town yang meliputi kawasan seluas 114.0 ekar telah dilancarkan pada tahun 2022 oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Pembangunan ini bersifat dinamik dan akan terus berkembang dari semasa ke semasa dengan penyertaan komuniti kreatif dan digital serta syarikat-syarikat berasaskan teknologi bagi membentuk sebuah ekosistem inovasi yang mampan dan berdaya maju di Pulau Pinang. Penerima utama manfaat kawasan ini adalah:

(i) Syarikat-syarikat teknologi pemula Pulau Pinang;

(ii) Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS);

(iii) Syarikat digital dan teknologi sederhana dan besar; dan

(iv) Komuniti dan rakyat Pulau Pinang.

(c) Tiada peruntukan khas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan CD²@George Town, kecuali peruntukan berkaitan untuk pelaksanaan program dan acara di bawah inisiatif CD² seperti yang dinyatakan. Perbelanjaan langsung bagi projek ini hanya melibatkan kos majlis pelancaran berjumlah RM81,507.00.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

16. *Made in Penang*

(a) Nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan jenama *Made in Penang* dalam industri kreatif supaya ia boleh dipasarkan ke peringkat serantau dan antarabangsa.

(b) Bagaimana Kerajaan Negeri memanfaatkan warisan budaya dan identiti tempatan Penang untuk memperkuat kedudukan *Made in Penang* dalam produk kreatif global?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi-agensi berkaitan termasuk *Penang Global Tourism* (PGT) sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh jenama *Made in Penang* dalam industri kreatif agar dapat dipasarkan ke peringkat serantau dan antarabangsa. Pendekatan ini memberi penekanan kepada keaslian, kreativiti serta identiti budaya Pulau Pinang melalui penghasilan karya seni, reka bentuk, fesyen, makanan, kraf tangan dan juga kandungan filem.

Antara usaha utama ialah menyokong penganjuran festival dan platform kreatif berskala antarabangsa seperti *George Town Festival*, *Butterworth Fringe Festival, Nibong Tebal Festival* dan *Penang International Food*

Festival (PIFF) yang berfungsi sebagai pentas pendedahan dan jaringan untuk penggiat seni tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyokong pembangunan ruang kreatif dan inkubator industri seperti *Hin Bus Depot* dan Wisma Yeap Chor Ee yang menjadi hab kolaborasi artis, pereka dan usahawan kreatif muda.

Kerajaan Negeri juga memperkukuh promosi pedagang tradisional dan produk tempatan melalui penghasilan siri video dokumentari *Traditional Trades of Penang*, kandungan media sosial serta program jelajah promosi (roadshows), termasuk memasarkan produk tempatan di pasaran luar negara. Produk tradisional yang dipromosikan antara lain seperti capal, songkok, manik, belanca dan lain-lain, Inisiatif ini memastikan warisan seni dan kemahiran turun-temurun dapat dipromosikan dengan lebih meluas sambil memanfaatkan peluang ekonomi baharu.

Selain itu, PGT turut mengukuhkan jenama *Made in Penang* melalui platform pengiktirafan antarabangsa seperti Panduan Michelin yang mengetengahkan keunikan gastronomi Pulau Pinang. Busana tradisional Kebaya, sebagai warisan budaya tempatan, turut dipromosikan melalui kempen fotografi dan penampilan khas semasa jelajah promosi luar negara, termasuk di *World Expo 2025 Osaka* sempena Minggu Pulau Pinang.

(b) Pulau Pinang mendapat manfaat besar daripada keunikan produk tempatan yang mencerminkan identiti dan warisan negeri ini. Melalui jenama *Made in Penang*, pelbagai produk kreatif seperti kraf tangan, makanan tradisional, fesyen, seni reka dan barangan berasaskan budaya dipromosikan ke peringkat serantau dan antarabangsa. Inisiatif ini bukan sahaja memperkenalkan keistimewaan Pulau Pinang kepada dunia, tetapi juga memperkukuh daya saing pengusaha tempatan dalam pasaran global.

Usaha ini turut menitikberatkan elemen kelestarian, keaslian dan inovasi, memastikan produk yang dipasarkan bukan sahaja berkualiti, malah dihasilkan secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan komuniti

setempat. Melalui pendekatan ini, *Made in Penang* berfungsi sebagai platform untuk memperkukuh ekonomi kreatif, memelihara warisan budaya dan meningkatkan nilai tambah produk tempatan secara mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

17. Penang World City - Bayan Mutiara.

(a) Terangkan status terkini kemajuan fizikal projek termasuk nilai pelaburan sebenar yang telah direalisasikan setakat ini.

(b) Nyatakan langkah-langkah audit dan semakan dalaman bagi memastikan transaksi jualan tanah, pengaliran dana serta pemindahan hak pembangunan dijalankan secara telus dan bebas daripada pelanggaran undang-undang termasuk AMLA.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. (a) Setakat Oktober 2025, kerja-kerja tebus guna di tapak projek Penang World City, Bayan Mutiara telah mencapai 70% kemajuan fizikal. Berdasarkan Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value, GDV), projek ini dianggarkan bernilai RM16.0 bilion, dengan hasil nilaian tanah yang diperolehi Kerajaan Negeri berjumlah RM1.072 bilion setakat ini.

(b) Semua transaksi jualan tanah termasuk pindahmilik tanah telah dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat dalam Perjanjian Purchase and Development (PDA) bertarikh 11 November 2011. Semua tindakan yang diambil adalah mematuhi tatakelola dan mengikut segala terma dan syarat yang telah ditandatangani.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

18. Projek tambakan laut dari Bagan Ajam ke Teluk Air Tawar.

    (a) Terangkan status terkini termasuk perancangan induk *masterplan* dan kemajuan fizikal tentang projek ini.

    (b) Apakah langkah kontingensi Kerajaan Negeri sekiranya pihak pemaju Rayston Consortium (Butterworth) Sdn Bhd tidak dapat mematuhi syarat atau projek tertangguh?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri telah meneliti semula pelaksanaan Perjanjian Penambakan Tanah dan Penempatan di kawasan Pantai Bersih, Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, yang sebelum ini dimeterai bersama Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RSCB).

    Setelah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kekangan daripada pihak RCSB berkaitan lokasi tambakan, kos pelaksanaan serta impak sosioekonomi, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan perjanjian tersebut. Notis Penamatan Perjanjian berkenaan telah dikemukakan kepada pihak RCSB pada 22 September 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

19. *Mobile CCTV Watch You.*

(a) Senaraikan lokasi dan bilangan *mobile CCTV* yang dipasang mengikut KADUN serta bilangan kompaun yang dikeluarkan.

(b) Sejauh manakah keberkesanan program *Watch You* bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan MBSP.

(c) Terangkan bajet dan peruntukan tahunan yang disediakan khusus untuk penyelenggaraan, penggantian dan pemasangan *mobile CCTV*.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. (a) Sebanyak 82 unit kamera CCTV mudah alih *(*Watch You*)* telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada 66 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 16 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Senarai lokasi kamera CCTV mudah alih mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) di bawah kawasan pentadbiran MBPP adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala bagi kawasan pentadbiran MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Bagi tempoh mulai Januari sehingga September 2025, MBPP melaporkan bahawa tiada kompaun dikeluarkan melalui sistem CCTV mudah alih. Sementara itu, MBSP telah

mengeluarkan sebanyak 133 kompaun hasil daripada pemantauan menggunakan sistem yang sama dalam tempoh tersebut.

(b) Program pemasangan kamera CCTV mudah alih *(Watch You)* telah membantu meningkatkan kecekapan penguatkuasaan MBSP melalui beberapa aspek utama seperti berikut:

(i) Pemantauan secara masa nyata *(real-time)* yang membolehkan tindakan pantas diambil terhadap sebarang pelanggaran peraturan;

(ii) Penyediaan bukti kukuh bagi tindakan undang-undang, seterusnya memperkukuh proses pendakwaan;

(iii) Pengurangan kebergantungan kepada rondaan fizikal, sekali gus menjimatkan sumber tenaga manusia; dan

(iv) Peningkatan ketelusan dan integriti dalam penguatkuasaan melalui rakaman visual yang berobjektif dan boleh diaudit.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program *Watch You* telah membuktikan keberkesanannya sebagai alat sokongan penting dalam memperkukuh pemantauan serta meningkatkan kecekapan penguatkuasaan di peringkat MBSP.

(c) Bagi kawasan pentadbiran MBPP, peruntukan tahunan yang disediakan khusus untuk pemasangan dan penyelenggaraan CCTV mudah alih adalah seperti berikut;

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2023	589,950.00
2024	366,872.00
2025	83,376.00

Manakala bagi MBSP, tiada peruntukan khusus disediakan bagi tujuan penyelenggaraan, penggantian dan pemasangan CCTV mudah alih. Sebanyak 16 unit CCTV mudah alih

tersebut telah diperoleh melalui pembangunan Sistem i-SWeeP iaitu sebuah sistem pemantauan yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan bandar.

LAMPIRAN A

Senarai 66 Unit Kamera CCTV Mudah Alih (Watch You) Mengikut KADUN di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

BIL	KADUN	NAMA JALAN / LOKASI
1.	Batu Maung	Hilir Sungai Kluang 4
2.	Batu Uban	Lorong Sungai Dua
3.	Bayan Lepas	Halaman Sungai Ara
4.	Bayan Lepas	Lintang Bayan Lepas
5.	Bayan Lepas	Taman Jajar Sungai Ara
6.	Bayan Lepas	Persimpangan Jalan Teluk Kumbar / Jalan Sungai Batu
7.	Bayan Lepas	Jalan Bukit Kecil 2, Taman Sri Nibong
8.	Bayan Lepas	Persiaran Kelicap (Berdekatan Setia Triangle)
9.	Bayan Lepas	Lorong Permatang Damar Laut 5/8 (Laluan masuk ke Pantai Esen)
10.	Bayan Lepas	Changkat Sungai Ara 2A
11.	Bayan Lepas	Persiaran Bukit Jambul 5
12.	Bayan Lepas	Lebuhraya Nipah
13.	Bayan Lepas	Lengkok Teluk Kumbar 3
14.	Bayan Lepas	Jalan Mahkamah, Bayan Lepas
15.	Komtar	Jalan Gurdwara
16.	Komtar	Persimpangan Jalan Pintal Tali / Pesara Claimant
17.	Komtar	Jalan Thomas / Jalan William
18.	Komtar	Persimpangan Lebuh Carnarvon / Lebuh Acheh
19.	Komtar	Jalan Pintal Tali

20.	Komtar	Lebuh Carnarvon
21.	Komtar	Jalan Tun Dr. Lim Chwee Leong
22.	Komtar	Persimpangan Lorong Tok Aka / Lebuh Melayu
23.	Komtar	Jalan Dato Keramat (Berdekatan Penang Times Square)
24.	Komtar	Jalan S.P. Chelliah
25.	Padang Kota	Taman Linear, Padang Kota
26.	Padang Kota	Persimpangan Lebuh Penang / Lebuh Union
27.	Padang Kota	Persimpangan Lebuh Penang / Lebuh Bishop
28.	Padang Kota	Persimpangan Lebuh King / Lebuh Gereja
29.	Padang Kota	Lebuh Light
30.	Padang Kota	Lebuh Muntri
31.	Padang Kota	Persimpangan Jalan Burma / Jalan Rangoon
32.	Padang Kota	Lebuh Mcnair (Pasar Lebuh Cecil)
33.	Pengkalan Kota	Lebuh Pantai (Berdekatan Balai Polis Lebuh Pantai)
34.	Pengkalan Kota	Persimpangan Lebuh Union / Lebuh Pantai
35.	Pengkalan Kota	Persimpangan Lorong Pit / Lebuh Ah Quee
36.	Pengkalan Kota	Persimpangan Victoria Street / Gat Lebuh Acheh
37.	Pengkalan Kota	Persimpangan Gat Lebuh Macallum / Lintang Macallum 1
38.	Pengkalan Kota	Taman Kejiranan Macallum
39.	Pengkalan Kota	Lebuh Queen (Little India)
40.	Pulau Betong	Jalan Sungai Burung, Balik Pulau
41.	Pulau Betong	Persimpangan Jalan Baru / Jalan Kuala Jalan Baru
42.	Pulau Tikus	Persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Mount Erskine
43.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Playground 1)

44.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Seaview)
45.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Playground 2)
46.	Pulau Tikus	Persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Mount Erskine
47.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Tandas 1)
48.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Tandas 2)
49.	Seri Delima	Tanah Lapang Gelugor
50.	Seri Delima	Taman Kejiranan Karpal Singh, Lorong Delima 11
51.	Sungai Pinang	Japanese Garden, Jalan Mas Jelutong
52.	Sungai Pinang	Persiaran Karpal Singh
53.	Sungai Pinang	Persimpangan Lebuh Sungai Pinang 1 / Lebuh Sungai Pinang 6 (Masjid Al-Bukhary)
54.	Sungai Pinang	Belakang Bomba Jalan Perak
55.	Tanjong Bungah	Chin Farm, Batu Ferringgi
56.	Tanjong Bungah	Jalan Masuk Chin Farm, Batu Ferringgi
57.	Tanjong Bungah	Lintang Lembah Permai 17 (Berdekatan Mira Residence)
58.	Tanjong Bungah	Jalan Lembah Permai (berdekatan BSG Galeria)
59.	Tanjong Bungah	Jalan Batu Ferringgi (Tempat Letak kenderaan Moonlight Bay)
60.	Tanjong Bungah	Jalan Lembah Permai (Berdekatan Klinik Kesihatan Tanjung Bungah)
61.	Tanjong Bungah	Persimpangan Jalan Pepper Estate / Medan Fettes
62.	Tanjong Bungah	Hong Seng Estate
63.	Tanjong Bungah	Jalan Chong Lye Hock
64.	Tanjong Bungah	Jalan Sungai Emas 1
65.	Tanjong Bungah	Jalan Sungai Emas, Batu Ferringgi
66.	Tanjong Bungah	Jalan Sungai Emas 3, Batu Ferringgi

LAMPIRAN B

Senarai 16 Unit Kamera CCTV Mudah Alih (Watch You) Mengikut KADUN di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

BIL	KADUN	NAMA JALAN / LOKASI
1.	Bertam	Permatang Sintok
2.	Pinang Tunggal	Taman Seri Gelugor
3.	Sungai Dua	Simpang Empat Permatang Buluh
4.	Sungai Dua	Sungai Lokan
5.	Sungai Puyu	Jalan Bagan Lalang
6.	Bagan Dalam	Jalan Bagan Baru 1
7.	Bagan Dalam	Jalan Limbungan
8.	Bagan Dalam	Lebuh Kampung Benggali 2
9.	Permatang Pasir	Pasar Awam Sama Gagah
10.	Berapit	Kebuk Mutiara Jaya
11.	Bukit Tengah	Jalan Pengkalan
12.	Perai	Taman Senangin
13.	Bukit Tambun	Jeti Pulau Aman (Pangkalan Cassia)
14.	Bukit Tambun	Jalan Batu Kawan
15.	Jawi	Pasar Awam Bukit Panchor
16.	Sungai Acheh	Pasar Awam Taman Pekaka

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

20. Kenaikan cukai tanah.

    (a) Adakah kenaikan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri gagal mempelbagaikan sumber baru hasil negeri dan pengurusan kewangan?

    (b) Apakah unjuran hasil tambahan?

    (c) Mengapa keputusan kenaikan cukai tanah ini tidak pernah dibuat di bawah pentadbiran Ketua Menteri sebelum ini tetapi dilaksanakan oleh Ketua Menteri Chow Kon Yeow?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. (a) Kerajaan Negeri memutuskan untuk melaksanakan semakan cukai tanah bermula Januari 2026 selepas kali terakhir semakan cukai tanah dibuat pada tahun 1994 iaitu 30 tahun yang lalu. Keputusan untuk menyemak kadar cukai tanah ini dibuat kerana Kerajaan Negeri mendapati hasil negeri khususnya daripada cukai tanah tidak berkembang (*stagnant*) sedangkan nilai tanah di seluruh Pulau Pinang meningkat berkali ganda dalam tempoh 30 tahun. Pengeluaran hakmilik baharu yang terhad kepada purata 4000 hakmilik setahun turut menyumbang kepada peningkatan minimum hasil cukai tanah.

    Keputusan Kerajaan Negeri untuk membuat semakan cukai tanah bermula tahun 2026 tidak bermakna Kerajaan Negeri gagal mempelbagaikan hasil negeri sebaliknya lebih kepada

tindakan reformasi pengurusan hasil cukai tanah selepas 30 tahun tidak disemak. Ketiadaan semakan cukai tanah yang sepatutnya dilaksana setiap 10 tahun telah menyumbang kepada ketirisan hasil cukai tanah yang berpunca daripada maklumat tanah yang bertindih, akaun cukai tanah yang tidak diselenggara dan dasar serta perundangan berkaitan cukai tanah hakmilik First Grade, Condition A, B dan C yang tidak jelas.

Proses semakan cukai tanah yang dibuat sekarang ini telah membantu pihak Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah membersihkan data-data hakmilik tanah, mengemaskini maklumat akaun cukai, membuat pengiraan kadar cukai yang lebih tepat terhadap hampir 200,000 hakmilik First Grade, Condition A, B dan C berdasarkan kepada kegunaan semasa berbanding kegunaan tanah 30 tahun lepas.

(b) Berdasarkan kadar cukai tanah baharu yang diwartakan, dianggarkan Kerajaan Negeri berupaya mengutip hasil cukai tanah selepas rebat berjumlah RM210-220 juta setahun berbanding RM120-125 juta setahun sebelum ini.

(c) Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri YAB Tuan Chow Kon Yeow memutuskan untuk melaksanakan semakan cukai tanah ini selepas kali terakhir semakan dibuat pada tahun 1994 atas kesedaran bahawa Kerajaan Negeri harus meningkatkan hasil pendapatan negeri bagi menampung peningkatan kos pengurusan kerajaan yang semakin meningkat setiap tahun disamping memastikan semua agenda pembangunan negeri dan kebajikan rakyat dapat diteruskan malah ditambah baik menjelang tahun 2030. Pada masa yang sama, semakan cukai tanah dan pengkelasan semula tanah Desa ke Bandar untuk seluruh Negeri Pulau Pinang diharap dapat mengurangkan jurang perbezaan kadar bayaran cukai antara pemilik tanah di kawasan bandar dan di kawasan desa sedangkan kawasan-kawasan desa ini telah membangun dengan begitu pesat dalam aspek demografi dan sosio-ekonomi selain dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur moden setaraf dengan kawasan bandar sedia ada.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

21. RUU Sumber Air Pulau Pinang 2025.

(a) Bilakah ia akan dikuatkuasakan sepenuhnya dan terangkan pelan jangka pendek serta jangka panjang pelaksanaannya?

(b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa Enakmen ini benar-benar berfungsi serta tidak hanya tertumpu kepada pengawalseliaan, tetapi turut memperkukuh aspek perlindungan sumber air mentah dan mitigasi risiko kemarau?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. (a) Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 dan Enakmen Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 telah diwartakan pada 11 September 2025. Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 dijangka dapat dikuatkuasakan selepas penubuhan rasmi Lembaga Sumber Air Pulau Pinang iaitu apabila semua prasyarat utama seperti penstrukturan penjawatan, penyediaan sistem kewangan, penggubalan peraturan dan pelan peralihan pentadbiran selesai dilaksanakan.

Bagi pelan pelaksanaan jangka pendek (1–2 tahun pertama):
Tumpuan diberikan kepada penyediaan asas tadbir urus dan pentadbiran lembaga, termasuk pewujudan struktur organisasi, pengisian jawatan utama, penyelarasan

peralihan kuasa kepada Lembaga, pembangunan sistem kewangan dan pematuhan serta penggubalan peraturan pelaksanaan enakmen.

Bagi pelan jangka panjang (3–5 tahun): Lembaga akan menumpukan kepada pengukuhan kapasiti institusi dan teknikal, pelaksanaan sistem pemantauan sumber air bersepadu, penguatkuasaan yang lebih berkesan, pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran awam berkaitan sumber air, serta pelaksanaan strategi kelestarian sumber air termasuk kawalan pengambilan air, pengurusan kawasan tadahan, dan integrasi teknologi baharu bagi memastikan keselamatan sumber air negeri secara mampan.

(b) Bagi memastikan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 benar-benar berfungsi dan tidak hanya tertumpu kepada aspek pengawalseliaan tetapi turut memperkukuh aspek perlindungan sumber air mentah dan mitigasi risiko kemarau merangkumi pengurusan, perlindungan dan kelestarian sumber air negeri seperti berikut:

(i) Penubuhan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang (LSAPP) sebagai agensi utama bagi mengurus, memelihara dan melindungi sumber air negeri secara menyeluruh. Lembaga ini akan memastikan pelaksanaan enakmen dilaksanakan secara berkesan dan bersepadu;

(ii) Penyediaan Pelan Pengurusan Sumber Air Negeri yang akan menjadi asas dan rujukan kepada semua agensi berkaitan dalam merancang pembangunan, mengurus kawasan tadahan serta memastikan keputusan dibuat dengan mengambil kira kapasiti dan kelestarian sumber air;

(iii) Pemantauan dan Penguatkuasaan Bersepadu melalui penggunaan teknologi moden bagi memantau kualiti sungai, kawasan tadahan dan sumber air bawah tanah secara berterusan;

(iv) Perlindungan Kawasan Sumber Air dengan menetapkan zon perlindungan, rizab sungai dan garis panduan pembangunan mampan bagi mencegah pencemaran dan degradasi sumber air mentah;

(v) Pelan Mitigasi Risiko Kemarau dengan memperkukuh pelan kontigensi bekalan air, menggalakkan amalan penjimatan air serta penggunaan semula air (*reuse*) dan air terawat (*reclaimed water*); dan

(vi) Pendidikan dan Kesedaran Awam melalui program pendidikan dan kempen berterusan untuk meningkatkan tanggungjawab bersama dalam menjaga sumber air.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini memastikan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 bukan hanya menjadi instrumen kawal selia tetapi juga berfungsi sebagai rangka kerja utama yang memperkukuh perlindungan sumber air mentah dan kesiapsiagaan negeri terhadap risiko kemarau.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

22. Lembaga Sumber Air Pulau Pinang.

(a) Bilakah Lembaga ini akan ditubuhkan secara rasmi dan siapakah ahli-ahlinya serta kriteria pelantikan mereka?

(b) Berapakah jumlah peruntukan tahunan untuk operasi Lembaga ini termasuk kos pentadbiran, aktiviti pengawasan dan pemantauan?

(c) Nyatakan peranan Lembaga dalam usaha pewartaan kawasan tadahan air serta mekanisme pengambilan balik tanah.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. (a) Lembaga Sumber Air Pulau Pinang sedang dalam proses penubuhan di mana beberapa langkah awal sedang dilaksanakan bagi memastikan Lembaga ini dapat ditubuhkan secara rasmi dan beroperasi sepenuhnya.

Secara anggaran, penubuhan rasmi Lembaga ini dapat dilaksanakan selepas semua prasyarat utama diselesaikan termasuklah:

(i) Penstrukturan penjawatan bagi menentukan keperluan sumber manusia dan perjawatan baharu;

(ii) Penyediaan sistem kewangan Lembaga bagi memastikan pengurusan dana dan operasi yang telus;

(iii) Penggubalan peraturan-peraturan pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025; dan

(iv) Penyediaan pelan peralihan pentadbiran daripada Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) kepada Lembaga apabila ianya beroperasi sepenuhnya.

Kertas kerja cadangan permohonan penstrukturan perjawatan baharu bagi penubuhan Lembaga telah pun dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) untuk tindakan dan pertimbangan selanjutnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pada masa yang sama, BKSA sedang dalam proses menggubal peraturan-peraturan pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang dengan penyelarasan bersama agensi dan jabatan berkaitan bagi memastikan tiada pertindihan dengan garis panduan atau peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

Ahli Lembaga dan kriteria perlantikan adalah sepertimana termaktub di bawah Seksyen 6, Enakmen Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Anggaran jumlah peruntukan tahunan untuk operasi Lembaga ini termasuk kos pentadbiran, aktiviti pengawasan dan pemantauan adalah sebanyak RM10 juta setahun. Peruntukan ini akan meningkat setelah penguatkuasaan enakmen dilaksanakan dengan sepenuhnya.

(c) Lembaga akan berperanan sebagai badan penyelaras dan penasihat utama kepada Kerajaan Negeri dalam mengenal pasti serta mencadangkan kawasan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai kawasan tadahan air atau zon perlindungan sumber air.

Bagi pengambilan balik tanah, Lembaga akan menyediakan input teknikal dan justifikasi kepada Pihak Berkuasa Negeri, manakala pelaksanaan sebenar akan dilaksanakan mengikut peruntukan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh Pejabat Tanah dan Galian. Segala proses ini akan dilaksanakan secara telus, berperingkat, dan mengambil kira kepentingan awam serta kelestarian sumber air negeri.

LAMPIRAN A

AHLI LEMBAGA DAN KRITERIA PERLANTIKAN LEMBAGA SUMBER AIR PULAU PINANG

Jawatan/Kategori	Ahli/Anggota	Kriteria Perlantikan
Pengerusi	Ketua Menteri Pulau Pinang	**Atas Jawatan**
Timbalan Pengerusi	Setiausaha Kerajaan Negeri	**Atas Jawatan**
Anggota Atas Jawatan	1. Penasihat Undang-Undang Negeri	**Atas Jawatan**
	2. Pegawai Kewangan Negeri	**Atas Jawatan**
	3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)	**Atas Jawatan**
	4. Dua (2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang	**Atas Jawatan** (Memegang portfolio berkaitan sumber air)
Anggota Lain	Tidak lebih daripada lima (5) orang anggota lain	**Dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri** (Mempunyai **kepakaran** dalam perkara yang berhubung dengan sumber air)
Setiausaha Lembaga	Pengarah	**Dilantik oleh Lembaga dengan Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

23. Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM).

(a) Senaraikan sungai-sungai yang telah mempunyai pelan IRBM yang lengkap dengan profil sungai tersebut.

(b) Terangkan tahap kemajuan pelaksanaan pelan IRBM bagi Sungai Juru serta berapa peratus tindakan mitigasi pencemaran telah siap.

(c) Nyatakan cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha pelaksanaan pelan IRBM.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. (a) Sungai-sungai di Pulau Pinang yang telah mempunyai pelan IRBM yang lengkap adalah seperti berikut:

(i) IRBM Sungai Perai, Pulau Pinang/Kedah (2018);

(ii) IRBM Sungai Muda, Pulau Pinang/Kedah (2019); dan

(iii) IRBM Sungai Juru, Pulau Pinang (2021).

(b) IRBM Sungai Juru telah menggariskan pelbagai pelan tindakan untuk memastikan air yang mencukupi dan bersih, mengurangkan risiko banjir serta pemeliharaan alam sekitar. Pelan-pelan tindakan tersebut telah

diedarkan kepada pelbagai agensi dan dijadikan sebagai panduan kepada agensi-agensi tersebut untuk dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut bidang kuasa masing-masing tertakluk kepada sumber dan peruntukan yang diterima. Antara tindakan pelan IRBM yang telah dilaksanakan dan dalam pelaksanaan adalah seperti di **JADUAL 1**:

JADUAL 1: STATUS PELAKSANAAN PELAN IRBM SUNGAI JURU

BIL.	TINDAKAN	STATUS
Jangka Pendek		
1	Kerja penyelenggaraan berkala tahunan	Berkala
2	Kerja-kerja kecemasan mengorek muara Sungai Juru tahun 2021	Siap dilaksanakan
3	Pemasangan dan penyelenggaraan *log-boom* di Sungai Rambai	Siap dilaksanakan
4	Operasi Pasukan Petugas Khas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang (Ops Lumpur)	Berkala
5	Kerja-kerja pemuliharaan muara Sungai Juru tahun 2024	Siap dilaksanakan
Jangka Panjang		
1	Projek Pemuliharaan Sungai Juru	Dalam permohonan RP1 RMK13
2	Program penanaman satu (1) juta batang pokok di Pulau Pinang (700 batang pokok di Sungai Juru)	Siap dilaksanakan
3	Projek Denai Kebangsaan Sungai Rambai	Siap dilaksanakan
4	Projek Denai Kebangsaan Sungai Rambai Fasa 2	Dalam pelaksanaan

(c) Antara cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha pelaksanaan IRBM adalah:

(i) Mengenal pasti pencemaran daripada sumber tidak berpusat (non-point source) kerana ia berpunca daripada pelbagai aktiviti yang tersebar dan tidak mempunyai titik pelepasan yang khusus. Keadaan ini menimbulkan kesukaran dalam mengenal pasti punca sebenar pencemaran serta menyukarkan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh;

(ii) Sumber kewangan yang terhad menjadi cabaran utama kerana projek pemuliharaan sungai memerlukan kos yang tinggi;

(iii) Penglibatan komuniti tempatan dalam pemuliharaan sungai masih tertumpu kepada program kesedaran jangka pendek. Selain itu, mekanisme insentif untuk menggalakkan amalan mesra alam oleh industri dan masyarakat masih lagi terhad buat masa ini; dan

(iv) Komponen di dalam IRBM melibatkan pelbagai agensi mengikut peruntukan dan bidang kuasa masing-masing. Justeru, pengurusan lembangan sungai hendaklah ditangani secara bersepadu. Setiap agensi teknikal termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah bersama-sama berganding bahu menangani isu kebersihan sungai bagi merealisasikan kehijauan saliran sungai.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

24. Menaik taraf rumah pam di Sungai Junjung Mati.

(a) Terangkan status terkini tentang kajian dan isu yang dihadapi oleh rumah pam sedia ada.

(b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf rumah pam yang tidak dapat berfungsi dengan baik?

(c) Apakah pelan mitigasi sekiranya tiada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Sungai Junjung Mati.

(a) Tiada rumah pam di Sungai Junjung Mati. Struktur yang telah dibangunkan di sungai tersebut adalah pintu air pasang surut (*tidal control gate*, TCG). Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding untuk menjalankan kajian reka bentuk terperinci bagi mengurangkan risiko banjir di lembangan Sungai Junjung Mati bagi mengenal pasti isu dan masalah di dalam kawasan lembangan sungai tersebut. Kajian tersebut kini berada di peringkat penyediaan Laporan Interim dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2026.

(b) Kebolehfungsian TCG tersebut sentiasa dipantau oleh pihak JPSPP dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan, tindakan pembaikan akan dilaksanakan segera. Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan berkala turut dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan tahunan yang diperolehi. Buat masa ini, TCG tersebut menjalankan fungsinya dengan baik.

(c) Melalui kajian yang sedang dilaksanakan ini, beberapa opsyen tindakan mitigasi banjir akan dibentang dan dimuktamadkan dengan kos pembinaan berkaitan. Kerajaan Negeri melalui JPSPP akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan projek fizikal. Sekiranya permohonan tersebut tidak diluluskan, Kerajaan Negeri akan menyenaraikannya di dalam peruntukan pembangunan negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

25. Banjir dari Stesen Minyak Shell ke Isuzu Jalan Alma Bukit Minyak.

    (a) Terangkan punca utama yang menyebabkan masalah ini khasnya projek pelebaran jalan baru siap tahun lepas.

    (b) Mengapa isu banjir tidak diambil kira semasa perancangan dan reka bentuk jalan dibuat?

    (c) Nyatakan usaha jangka masa pendek dan panjang untuk menangani masalah ini.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. (a) Punca utama yang menyebabkan kejadian banjir berlaku di kawasan antara Stesen Minyak Shell hingga ke Isuzu, Jalan Alma, Bukit Minyak adalah fenomena air laut pasang. Kejadian fenomena ini menyebabkan air sungai melimpah dan berlaku aliran balik (backflow) ke dalam sistem longkang jalan. Apabila paras air sungai mencapai tahap maksimum, aliran air dari longkang jalan tidak dapat dialirkan ke sungai, sekali gus menyebabkan banjir kilat di kawasan berkenaan.

    (b) Perancangan dan reka bentuk jalan telah mengambil kira data hidrologi dan aras air sedia ada. Namun, perubahan corak cuaca serta peningkatan paras air sungai semasa

fenomena air pasang besar telah mengatasi kapasiti yang dirancang bagi sistem saliran tersebut.

(c) Langkah-langkah penambahbaikan jangka pendek yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) bagi menangani permasalahan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Pembersihan, penyelenggaraan dan mengorek pulih sistem saliran daripada mendapan dan sampah sarap di dalam parit, saluran pembetung dan longkang sedia ada; dan

(ii) Penubuhan pasukan ronda bagi memantau kawasan berisiko banjir semasa hujan lebat dan mengambil tindakan segera.

Manakala, langkah-langkah penambahbaikan jangka panjang pula adalah seperti berikut:

(i) Pembinaan kawasan takungan (sump);

(ii) Pemasangan pam bergerak dan pintu kepak (flap gate) di parit tepi jalan sedia ada; dan

(iii) Penaiktarafan longkang sedia ada daripada saiz 600 milimeter (mm) x 600mm kepada 1200mm x 1200mm bagi meningkatkan kapasiti saliran.

JPSPP akan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek ini melalui peruntukan *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP2 RMK13) di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kilang Ubi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

26. Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).

(a) Senaraikan cawangan PASTI yang beroperasi mengikut lokasi, bilangan kanak-kanak serta bilangan guru.

(b) Terangkan peranan Kerajaan Negeri dalam pemantauan terhadap PASTI dalam aspek pematuhan peraturan, keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

(c) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan taska dan tadika yang *accessible* serta *affordable*.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. (a) Untuk makluman, Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) merupakan pusat asuhan yang tidak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

Walau bagaimanapun penubuhan PASTI ini adalah melalui parti politik dan dikawal selia oleh Majlis Agama Islam dan Kementerian Pendidikan dari aspek kurikulum. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri di bawah MMK Pembangunan Sosial dan Kebajikan tidak mempunyai data berkenaan PASTI di negeri Pulau Pinang.

(b) Kerajaan Negeri di bawah MMK Pembangunan Sosial dan Kebajikan tidak mempunyai punca kuasa dalam urusan PASTI kerana institusi tersebut tidak didaftarkan di bawah seliaan JKMNPP dan JKNPP.

(c) Usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan mewujudkan Taska' D Komtar bagi kemudahan penjawat awam yang berkhidmat di KOMTAR. Bagi menggalakkan penglibatan wanita dalam tenaga buruh serta mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong kemudahan penjagaan kanak-kanak yang mudah diakses.

Bagi memastikan kemudahan ini lebih inklusif dan mudah dicapai oleh masyarakat, PWDC dengan kerjasama Penang Geographic Information System Centre (PeGIS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) telah melaksanakan inisiatif pemetaan taska berdaftar di seluruh Negeri Pulau Pinang. Langkah ini membolehkan orang ramai mengakses maklumat lokasi taska berdaftar dengan lebih mudah, sekali gus membantu ibu bapa membuat pilihan terbaik dan memastikan anak-anak mendapat penjagaan yang selamat dan berkualiti.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

27. 1401 unit RMKu A tidak dibina perlu digantikan dengan bayaran sumbangan RM106,485,000.00.

    (a) Terangkan status terkini terimaan yang dikutip oleh Kerajaan Negeri.

    (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan pemaju membayar sumbangan tersebut.

    (c) Sejauh manakah kewajaran dan kelestarian dasar ini memandangkan kos membina RMKu A dan kos tanah semakin meningkat?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. (a) Sehingga bulan Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah menerima kutipan sebanyak RM77,186,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Juta Satu Ratus Lapan Puluh Enam Ribu Sahaja) bagi bayaran sumbangan menggantikan unit Rumah MutiaraKu Jenis A (RMKu A) yang tidak dibina. Penerimaan bayaran sumbangan tersebut adalah secara berfasa berdasarkan peringkat pembinaan iaitu 10% Pelan Kebenaran Merancang (PKM), 10% Pelan Bangunan, 20% Kebenaran Memulakan Kerja (COW) dan 60% Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

(b) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa memantau dan memastikan kelulusan pemajuan hanya akan diberikan selepas tawaran sumbangan tersebut dibayar sebelum kelulusan PKM diberikan secara berperingkat. Tindakan perundangan juga akan diambil termasuk mengenakan penalti lewat bayar.

(c) Dasar penggantian pembinaan unit RMKu A dengan bayaran sumbangan ini masih dianggap wajar dan relevan memandangkan ia memberi fleksibiliti kepada pemaju di kawasan yang kurang sesuai untuk pembinaan rumah kos rendah (RMKu A) di samping membolehkan Kerajaan Negeri menyalurkan hasil sumbangan tersebut bagi membiayai pembinaan projek RMKu A di lokasi lain yang lebih strategik dan berdaya huni. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan kos pembinaan dan harga tanah semasa, Kerajaan Negeri akan sentiasa menilai semula kadar sumbangan secara berkala bagi memastikan dasar ini kekal mampan dan tidak menjejaskan matlamat penyediaan perumahan mampu milik di Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

28. Pelaksanaan jajaran jalan baharu menyambungkan Machang Bubuk 1 dengan Taman Sanctuari dan Jalan Seladang.

    (a) Terangkan usaha yang diambil oleh JKR berkenaan cadangan tersebut.

    (b) Bandingkan anggaran kos pengambilan balik tanah jajaran ini dengan pelebaran Jalan Kulim.

    (c) Sejauh manakah cadangan tersebut dapat meleraikan trafik di Jalan Kulim yang semakin sesak?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Jajaran jalan baharu menyambungkan Machang Bubuk 1 dengan Taman Santuari dan Jalan Seladang.

    (a) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) akan menyenaraikan cadangan projek tersebut di bawah Rancangan Negeri Pulau Pinang Kelima (RNPP 5).

    (b) Anggaran kos pengambilan balik tanah (PBT) bagi projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	ANGGARAN KOS PBT (RM)
1	Cadangan pelebaran Jalan Kulim, Seberang Perai Tengah hingga ke sempadan Kedah daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3)	100.00 juta
2	Cadangan membina jalan baharu menghubungkan Jalan Machang Bubok 1 dengan Taman Santuari	46.44 juta

(c) Kajian Impak Trafik (Traffic Impact Assessment, TIA) akan dilaksanakan setelah butiran projek ini diluluskan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

29. Penang Turf Club (PTC).

(a) Terangkan kronologi tanah PTC ditetapkan sebagai zon KKP1 (Kawasan Keutamaan Pembangunan 1) bagi tujuan komersial.

(b) Walaupun pemilik tanah tidak membuat permohonan pembangunan secara rasmi, nyatakan justifikasi dan sebab Kerajaan Negeri tidak mewartakan tanah PTC sebagai zon rekreasi atau menyediakan *Special Area Plan* (SAP) terlebih dahulu.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. (a) Kronologi Tanah Penang Turf Club

(i) Tanah Penang Turf Club (PTC) yang dimaksudkan terletak di atas sebahagian Lot 403 dan sebahagian Lot 728, Seksyen 2, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

(ii) Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang Bilangan 8/2013 pada 02 Ogos 2013 bersetuju meluluskan perlingkungan semula ke 'Perniagaan Am' dengan nisbah plot yang dibenarkan 1:1 dan maksimum 3:1 untuk Tetuan PTC di atas sebahagian Lot 403 dan sebahagian Lot 728.

(iii) Pemohon kemudiannya telah mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang No. MPPP/OSC/PM2274/13 bagi cadangan mendirikan satu (1) blok desa persaraan tujuh (7) tingkat (142 unit) dan tempat letak kenderaan dua (2) tingkat di aras bawah bangunan. Keluasan kawasan bagi pemajuan ini adalah 11,790.67 meter persegi / 2.914 ekar dan status projek adalah ia telah siap dibina sepenuhnya.

(iv) Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP2020) Warta Kerajaan Jilid 51 No. 13 Tambahan No. 1 bertarikh 28 Jun 2007, tanah PTC ditunjukkan sebagai Kawasan Pembangunan Baharu dan Pembangunan Sedia Ada.

(v) RSNPP2030 telah diwartakan pada 24 Oktober 2019 (Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No: 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019, Kenyataan Warta No. 1068). Dengan pewartaan RSNPP2030, ia membatalkan RSNPP2020 yang diwartakan pada 28 Jun 2007 (No. Warta Jilid 51 No. 13 Tambahan No. 1).

(vi) Justeru itu, berdasarkan RSNPP2030 yang diwartakan, kawasan tersebut merupakan Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 (KKP1), pemilik tanah dibenarkan untuk melaksanakan sebarang pemajuan sama ada perumahan, komersial dan industri. Walau bagaimanapun, pemberian kelulusan kebenaran merancang tertakluk kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

(b) Pengezonan KKP1 atau sebarang bentuk pengezonan dalam Rancangan Struktur tidak ditentukan berdasarkan permohonan daripada pemilik tanah, sebaliknya ditetapkan mengikut keperluan struktur negeri. Penetapan ini mengambil kira faktor tekanan pembangunan, permintaan dan penawaran kawasan pembangunan serta keperluan ekonomi setempat, nilai warisan, pembaharuan dan pembangunan semula bandar.

Sekiranya PTC ingin diwartakan sebagai zon rekreasi atau *Special Area Plan* (SAP), pewartaan tersebut perlu memenuhi ciri-ciri tertentu seperti keperluan pemajuan semula, memperelokkan kawasan, memulihara atau untuk tujuan pengurusan sesebuah kawasan bagi kepentingan khusus kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Dari sudut yang lain pula, PTC bukanlah kawasan yang mempunyai isu atau permasalahan yang memerlukan penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan kajian-kajian lain yang berkaitan. Lazimnya, penyediaan RKK atau kajian hanya dilaksanakan ke atas kawasan yang berdepan dengan isu pembangunan seperti kesesakan lalu lintas, pemeliharaan dan pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), kawasan bersejarah atau kepentingan-kepentingan awam lain yang mendesak.

Walau bagaimanapun, bagi isu pewartaan sebagai zon rekreasi, ia akan dikaji di peringkat Draf Rancangan Tempatan MBPP2035.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(I)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON

30. Pelaksanaan cadangan mitigasi TIA di Persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang.

    (a) Terangkan status terkini serta jangkaan bila akan disempurnakan.

    (b) Nyatakan status pelaksanaan cadangan pembinaan jejantas ROB di persimpangan jalan tersebut.

    (c) Mengapakah kajian serta reka bentuk jejantas telah siap pada tahun 2014 tapi masih tidak dapat dilaksanakan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

30. (a) Pelaksanaan cadangan mitigasi Penilaian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment* – TIA) di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang telah disyaratkan dalam Pelan Kebenaran Merancang (PKM) bagi pembangunan projek yang dikemukakan oleh Tetuan Iconic Maison Sdn. Bhd. PKM ini telah diluluskan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan kerja-kerja mitigasi ini dalam fasa pelaksanaan dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2027 sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan. Cadangan mitigasi TIA di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan sistem aliran lalu lintas sehala dari Jalan Rozhan, Jalan Seladang, Jalan Alma Jaya 2 dan Lorong Industri Alma 2;

(ii) Menaik taraf Jalan Rozhan, Jalan Seladang, Jalan Alma Jaya 2 dan Lorong Industri Alma 2 sehingga ke garisan *Right of Way* (ROW);

(iii) Pelaksanaan aliran *left-in* dan *left-out* di persimpangan Jalan Alma dan Jalan Pauh Kijang; dan

(iv) Menaik taraf persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang sehingga ke garisan ROW jalan.

(b) Status pelaksanaan cadangan pembinaan jejantas *Road Over Bridge* (ROB) di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang masih di peringkat perbincangan berkaitan isu-isu pengambilan balik tanah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Kerajaan Negeri bersama pemilik tanah persendirian yang terlibat. Walau bagaimanapun, kerja-kerja naik taraf persimpangan Jalan Alma dan Jalan Rozhan telah diangkat untuk kelulusan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RNPP) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Pada masa kini, kerja-kerja reka bentuk terperinci (*detailed design*) telah siap dilaksanakan oleh JKR dan projek ini akan dilaksanakan setelah kerja-kerja PBT diselesaikan.

(c) Cadangan pembinaan jejantas ROB di persimpangan jalan tersebut ditangguhkan kerana isu PBT yang masih belum selesai di beberapa kawasan ROB walaupun kajian dan reka bentuk jejantas telah siap pada tahun 2014.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

1. Bagi Rumah MutiaraKu (RMKu) yang dibina di atas tanah sendiri, berapakah subsidi yang dibiayai oleh kerajaan?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Projek Rumah MutiaraKu (RMKu) di Negeri Pulau Pinang dibangunkan di atas tanah milik pemaju menggunakan sumber kewangan pemaju sendiri dan diselia oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) di bawah portfolio Perumahan dan Alam Sekitar.

   Walau bagaimanapun, bagi kategori rumah yang dibina di atas tanah milikan sendiri dengan subsidi kerajaan, program tersebut adalah di bawah bidang kuasa Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang berada di bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di peringkat Persekutuan. Di peringkat Negeri Pulau Pinang, urusan penyelarasan dasar dan pelaksanaan berkaitan Kementerian tersebut, khususnya yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, adalah di bawah portfolio Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa. Melalui program yang dilaksanakan oleh SPNB, Kerajaan Persekutuan menyalurkan subsidi sebanyak RM20,000 bagi setiap unit rumah yang dibina di atas tanah sendiri di bawah Program Rumah Mesra Rakyat (RMR SPNB).

Oleh yang demikian, tiada subsidi seumpamanya disalurkan di bawah Program Rumah MutiaraKu (RMKu) oleh Kerajaan Negeri bagi rumah yang dibina di atas tanah milikan sendiri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

2. Berapakah jumlah rumah orang tua yang disediakan oleh pihak kerajaan pada masa ini di kawasan Balik Pulau?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Setakat ini tiada rumah orang tua yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri di kawasan Balik Pulau.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

3. Pesakit-pesakit yang menerima rawatan dialisis di bawah seliaan JKM di kawasan Balik Pulau.

   (a) Berapa ramaikah jumlahnya?

   (b) Berapakah caj yang dikenakan kepada pesakit dialisis ini?

   (c) Berapa ramaikah yang telah kembali sembuh?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Mengikut rekod jabatan, tiada pesakit dialisis di Balik Pulau yang berada di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

4. Jalan-jalan di antara Sg Pinang ke Teluk Bahang sering mengalami halangan, terutama pada musim tengkujuh.

   (a) Adakah pemantauan berkala dilakukan terhadap pokok yang boleh tumbang?

   (b) Adakah pemangkasan berkala dilakukan oleh JKR?

   (c) Perlukah JKR dan kontraktor menyediakan FRT (fast respond team) untuk menangani isu pada waktu malam?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. (a) Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan pemantauan berkala setiap tiga (3) bulan terhadap pokok-pokok yang berisiko tumbang dan menghalang laluan di jalan-jalan antara Sungai Pinang ke Teluk Bahang.

   (b) Pemangkasan berkala bagi pokok yang berisiko adalah di bawah tanggungjawab MBPP. MBPP melaksanakan pemangkasan secara berkala pada setiap tahun mengikut keadaan kesihatan dan keselamatan pokok serta aduan yang diterima. Tindakan penebangan pokok yang dikenal pasti berisiko mendatangkan bahaya telah dilaksanakan oleh MBPP pada tahun 2024 di sepanjang laluan tersebut.

(c) MBPP mempunyai Skuad Pantas untuk menguruskan hal kecemasan seperti kejadian pokok tumbang pada waktu malam dengan sokongan daripada agensi lain seperti JKRPP, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Selain itu, JKR Malaysia melalui syarikat lantikan konsesi iaitu THB Maintenance Sdn. Bhd mempunyai pusat operasi yang bersedia 24 jam di Balik Pulau dan akan bertindak dengan pantas sekiranya berlaku halangan dan bencana di sepanjang jalan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

5. Kerajaan Negeri telah meluluskan satu projek jalan baharu iaitu North Coastal Paired Road (NCPR) Pakej 1.

   (a) Difahamkan terdapat halangan dengan penduduk tempatan, apakah situasi pada masa ini, terutamanya isu yang timbul?

   (b) Kos pembinaan sepanjang 10.61km menelan belanja sebanyak RM2.43 bilion ini tidak termasuk pengambilan tanah, adakah ini tidak terlalu mahal?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. (a) Kajian jajaran dan reka bentuk laluan baharu yang dicadangkan telah dikaji secara teliti dan mendalam sebelum pindaan pada sebahagiannya dibuat bagi mengelakkan jajaran tersebut melalui kawasan berkepadatan tinggi di Tanjung Bungah terutamanya yang berhampiran Mar Vista Resort, Twin Towers Condominium, dan Jalan Chee Seng.

   Jajaran dan reka bentuk baharu ini mengalihkan titik permulaan jajaran ke kawasan jalan pesisir pantai (coastal road) sebelum disambungkan ke laluan asal sekali gus mengurangkan impak kepada penduduk setempat secara signifikan serta meningkatkan aspek keselamatan dan kemudahan penyuraian trafik di kawasan tersebut.

(b) Cadangan kos pembinaan tersebut merupakan hasil semakan semula melalui satu sesi Bengkel Analisa Semakan dan Penilaian Anggaran Kos Pembinaan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur serta wakil berkaitan dari pentadbiran Kerajaan Negeri.

Cadangan tersebut berdasarkan kepada penilaian kos asas kontrak pakej 2 yang telah dimeterai pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sekiranya penilaian mengikut kadar pasaran semasa bahan binaan, tenaga kerja, jentera dan lain-lain berkaitan, maka kos pembinaan dijangka melebihi kos yang dicadangkan selaras dengan peningkatan harga pasaran.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

6. Terdapat jalan-jalan dari Pekan Balik Pulau ke Sg Pinang yang sering berlubang.

   (a) Adakah punca jalan berlubang ini akibat dari paip bocor bawah tanah?

   (b) Mengapa penampalan yang dilakukan sering bocor semula sehingga mengakibatkan kemalangan?

   (c) Penampalan oleh pihak PBAPP sering terjadi bocor sehingga 3-4 kali, bilakah paip tersebut dipasang dan penggantian baru?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. (a) Kejadian jalan berlubang di kawasan ini adalah disebabkan kebocoran paip air bawah tanah yang melemahkan struktur jalan. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada paip-paip di kawasan ini adalah paip berusia (aged pipes) yang telah dipasang berpuluh tahun dahulu. Paip yang telah uzur ini lebih terdedah kepada kemerosotan (deterioration) dan kegagalan/ kebocoran.

   (b) Kebocoran kepada penampalan yang dilakukan biasanya berpunca daripada beberapa faktor. Antara punca utama adalah seperti berikut:

      (i) Kerja pemadatan (compaction) yang tidak mencukupi dimana bahan tampalan tidak dipadatkan dengan

betul menyebabkan air dan udara masuk dan menjejaskan kekuatan jalan/pavemen;

(ii) Permukaan lama tidak dibersihkan atau dikeringkan sepenuhnya sebelum ditampal menyebabkan bahan baharu tidak dapat melekat dengan kuat;

(iv) Kehadiran/kemasukan air ke dalam struktur jalan/ pavemen yang melemahkan lapisan asas (base/ sub-base). Apabila kawasan tampalan tersebut dilalui oleh kenderaan, berlakunya pergerakan dan kegagalan struktur yang akan menyebabkan tampalan pecah semula; dan

(v) Kualiti bahan turapan yang tidak memenuhi spesifikasi iaitu dengan menggunakan bahan berkualiti rendah.

Isu penampalan semula jalan yang dinyatakan berkemungkinan besar merujuk kepada pembaikan sementara (temporary patching) jalan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Pembaikan sementara ini sememangnya tidak direka untuk bertahan lama seperti turapan kekal (permanent road reinstatement) dan boleh rosak jika terdedah kepada trafik berat atau hujan lebat sebelum kerja pembaikan kekal dilaksanakan oleh kontraktor lantikan PBAPP.

(c) Rangkaian paip air sedia ada di laluan tersebut terdiri daripada pelbagai jenis bahan termasuk *asbestos cement* (AC), *High-Density Polyethylene* (HDPE), *Ductile Iron* (DI), *Mild Steel* (MS) dan *Unplasticized Polyvinyl Chloride* (uPVC) yang telah berusia sehingga 28 tahun. PBAPP sedia maklum akan keadaan paip uzur di laluan ini. Program penggantian paip lama terutamanya paip AC dan paip-paip lain yang dikenal pasti kerap bocor kepada paip baharu yang lebih tahan lasak sedang giat dilaksanakan di seluruh Pulau Pinang secara berfasa. Terkini, PBAPP dalam proses pelantikan perunding bagi projek cadangan penggantian paip air sedia ada HDPE dari persimpangan Sungai Nipah hingga bulatan Hospital Balik Pulau. Projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2027.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

7. Dalam usaha kerajaan untuk menyampaikan subsidi RON95, terdapat golongan yang terpinggir dan dinafikan hak mereka.

   (a) Apakah kerajaan akan menentukan nelayan-nelayan pantai yang tidak mempunyai lesen sampan / bot boleh menikmati subsidi?

   (b) Adakah pihak Jabatan Perikanan boleh membantu untuk memberikan lesen kepada nelayan-nelayan tersebut?

   (c) Berapa ramaikah nelayan-nelayan yang telah tamat lesen?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. (a) Nelayan tidak berlesen adalah tidak layak menerima insentif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada golongan nelayan.

   (b) Jabatan Perikanan (DOF) bertanggungjawab untuk mengeluarkan Lesen Sampan Khas (LSK) kepada nelayan yang layak serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Pemohon perlu memenuhi kriteria dan lulus semakan dokumentasi, temuduga serta tapisan vesel layak layar.

   (c) DOF telah mengeluarkan surat pembatalan lesen kepada 504 orang nelayan di Negeri Pulau Pinang pada 12 November 2024 atas faktor pemilik lesen tersebut tidak memperbaharui lesen selama tiga (3) tahun berturut-turut.

Selain itu, faktor yang boleh menyebabkan pemilik tamat lesen adalah seperti yang berikut:

(i) Tempoh tamat lesen tidak melebihi satu (1) tahun dan pembaharuan boleh dibuat dalam masa tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat lesen;

(ii) Pemilik lesen menarik diri dari menjadi nelayan kerana keluar industri; dan

(iii) Melakukan kesalahan sehingga lesen digantung dalam tempoh satu (1) tahun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

8. Terdapat insiden di mana kontraktor yang bertanggungjawab untuk menuai hasil padi gagal melakukan tanggungjawab.

   (a) Apakah kontraktor yang diamanahkan untuk mengambil padi ini gagal melaksanakan tanggungjawab dan faktor apa?

   (b) Adakah pihak PPK menentukan sama ada pihak kontraktor mampu melaksanakan tugas mereka sebelum sesuatu tender diberikan?

   (c) Apakah solusi pihak PPK?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. (a) Insiden dakwaan kegagalan kontraktor jentera menuai hasil telah berlaku pada Musim 1/2025 melibatkan seorang pesawah yang tidak boleh menuai hampir keseluruhan petak sawah manakala empat (4) orang pesawah terpaksa meninggalkan kerja tuaian sekitar 10% petak kerana masalah ini.

   Berdasarkan semakan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Pulau Pinang, pesawah tersebut menguruskan aktiviti tuaian sendiri dengan menggunakan perkhidmatan luar sejak beberapa musim yang lalu manakala pesawah lain meneruskan perkhidmatan dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau.

Perjanjian estet padi jelas menyatakan bahawa keperluan kejenteraan ladang adalah melalui PPK Seri Pulau namun tidak menghalang sekiranya peserta ingin menggunakan perkhidmatan luar dengan tanggungjawab sendiri.

Dalam situasi ini pihak kontraktor jentera PPK (bukan kontraktor luar yang diuruskan pesawah sendiri) sebenarnya telah berusaha berkali-kali masuk kedalam petak sawah namun gagal menjalankan operasi penuaian malahan tindakan tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada jentuainya.

Faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada permasalahan aktiviti penuaian kali ini adalah seperti yang berikut:

(i) Faktor cuaca hujan lebat serta tiupan angin kencang telah berlaku pada tuaian Musim 1/2025 yang menyebabkan pokok padi rebah; dan

(ii) Keadaan tanah yang jerlus dan bertekstur padat (high soil density) selepas hujan menyukarkan pergerakan jentera tuai.

Walau bagaimanapun, keadaan ini merupakan kes terpencil dan tidak menjejaskan keseluruhan operasi menuai di dalam kawasan PPK Seri Pulau.

(b) Pelantikan kontraktor jentera menuai di bawah PPK Seri Pulau dilaksanakan melalui proses penilaian dan soal selidik terhadap pesawah di kawasan berkenaan. Berdasarkan laporan dapatan soal selidik yang dijalankan di Balik Pulau, 77% pesawah menyatakan persetujuan dan berpuas hati dengan perkhidmatan kontraktor yang dilantik oleh PPK Seri Pulau.

Penilaian tersebut mengambil kira beberapa aspek keupayaan kontraktor termasuk pengalaman luas yang melebihi 30 tahun dalam pengendalian operasi penuaian di kawasan sawah sekitar Balik Pulau, keupayaan jentera dan tenaga kerja yang dimiliki, rekod prestasi terdahulu serta kebolehan mengurus kerja menuai secara sistematik serta

pengetahuan tempatan terhadap keadaan sawah dan struktur tanah di kawasan tersebut.

Walaupun proses penilaian dilaksanakan dengan teliti, faktor luar jangka seperti cuaca buruk dan kerosakan mesin semasa operasi boleh memberi kesan kepada prestasi sebenar kontraktor selepas pelantikan dibuat.

(c) Pihak PPK Seri Pulau sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan dan kebajikan ahli-ahli khususnya pesawah yang terjejas akibat kelewatan atau kegagalan kerja menuai.

Langkah-langkah yang diambil bagi memastikan operasi menuai di bawah projek estet padi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan pada musim-musim akan datang adalah seperti yang berikut;

(i) Mengadakan sesi rundingan dengan pesawah untuk menilai semula tahap kerugian dan mencari jalan penyelesaian terbaik;

(ii) PPK bersetuju menanggung 20% daripada jumlah kerugian yang dialami pesawah sebagai bentuk tanggungjawab sosial dan sokongan kepada ahli;

(iii) Membantu pesawah membuat tuntutan melalui Skim Takaful Tanaman Padi bagi kerugian yang disebabkan oleh bencana alam;

(iv) Cadangan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Jabatan Pertanian (DOA) untuk melaksanakan kerja-kerja pengapuran tanah, baik pulih kawasan jerlus dan pemulihan struktur tanah; dan

(v) Memperkemas sistem pemantauan kontraktor termasuk jadual penuaian dan laporan prestasi secara berkala bagi mengelakkan insiden berulang.

Isu yang berlaku adalah bersifat terpencil dan bukan berpunca daripada kecuaian menyeluruh pihak kontraktor atau kelemahan sistem pelantikan oleh PPK Seri Pulau. Pihak PPK telah mengambil langkah memperkukuh

mekanisme pemantauan bagi memastikan kebajikan pesawah terus terpelihara dan operasi estet padi dapat dijalankan dengan lebih baik pada masa hadapan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

9. Sebagai kawasan pertanian yang mengeluarkan sumber makanan Negeri Pulau Pinang, kawasan Barat Daya boleh ditingkatkan keupayaan pengeluaran makanan dan perikanan.

   (a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai satu perancangan khusus pengeluaran pertanian dan perikanan?

   (b) Apakah tindakan jangka masa pendek dan panjang di dalam hal ini?

   (c) Adakah FAMA dan MARDI mempunyai penglibatan yang lebih spesifik?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. (a) Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya dan Timur Laut mempunyai perancangan yang menyeluruh dan berfokus dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil pertanian sejajar dengan hala tuju pembangunan sektor agromakanan Negeri Pulau Pinang di bawah Pelan Strategik Pembangunan Daerah Barat Daya dan Timur Laut Tahun 2026–2030. Pelan ini digubal bagi memperkukuh daya saing sektor pertanian daerah melalui pendekatan berasaskan teknologi, kelestarian dan nilai tambah yang tinggi dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) komoditi utama iaitu padi, durian dan sayur-sayuran.

Berdasarkan data semasa, keluasan tanaman di kedua-dua daerah adalah 290 hektar bagi tanaman padi, 179.2 hektar bagi tanaman durian dan 97.7 hektar bagi tanaman sayur-sayuran. Ketiga-tiga komoditi ini dipilih kerana mempunyai potensi pengeluaran yang tinggi serta berperanan penting dalam menyokong keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi tempatan. Fokus utama pelan strategik ini adalah meningkatkan kecekapan pengeluaran, memperkukuh rantaian nilai dan memastikan pembangunan sektor pertanian yang mampan serta berdaya saing menjelang tahun 2030.

Bagi subsektor padi, pelan strategik ini memberi penekanan kepada penggunaan benih padi sah berpotensi hasil tinggi, penggunaan teknologi pintar (smart farming) seperti penderia tanah dan dron pemantauan tanaman serta pemantapan sistem pengairan dan saliran sawah. Mekanisasi dan automasi ladang turut digalakkan bagi mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada tenaga kerja luar. Program pengurusan tanaman berasaskan data dan ramalan cuaca juga akan diperluas bagi meningkatkan ketepatan intervensi agronomi dan kawalan serangan penyakit.

Bagi tanaman durian, komoditi ini menjadi tanaman bernilai tinggi dan berpotensi eksport. Justeru, tumpuan diberikan kepada pengurusan ladang bersepadu, penggunaan bahan tanaman berkualiti serta pengukuhan sistem pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP). Pembangunan pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil (collection and processing centre) akan dipertingkat bagi menambah baik sistem logistik, penjenamaan dan pemasaran produk durian Negeri Pulau Pinang di pasaran domestik dan antarabangsa.

Selain itu, bagi subsektor sayur-sayuran, pelaksanaan strategi tertumpu kepada penggunaan sistem fertigasi moden dan rumah hijau, pembangunan kawasan pengeluaran baharu serta peningkatan kemahiran dan keusahawanan petani muda melalui latihan dan bimbingan teknikal. Penekanan turut diberikan terhadap pengeluaran sayur-sayuran secara lestari dan mesra alam dengan pengurangan penggunaan bahan kimia serta penerapan teknologi

pertanian hijau dan biopes bagi menjamin keselamatan makanan jangka panjang.

Selain strategi pengeluaran, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang turut menekankan aspek pembangunan infrastruktur pertanian termasuk naik taraf jalan ladang, sistem saliran, pembinaan pusat pengumpulan hasil dan fasiliti pasca tuai. Bantuan input pertanian dan geran pembangunan juga disediakan bagi menggalakkan penyertaan aktif petani serta meningkatkan daya saing sektor pertanian tempatan. Program pembangunan kapasiti dan latihan berterusan kepada petani, usahawan tani serta koperasi juga akan diteruskan bagi melahirkan komuniti tani moden dan progresif.

Bagi industri perikanan pula, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 31 Julai 2024 telah meluluskan penetapan lima (5) kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di negeri ini dan salah satu ZIA yang telah diluluskan adalah di perairan Pulau Betong yang terletak di Daerah Barat Daya dengan keluasan 0.4 hektar. ZIA Pulau Betong mempunyai dua (2) penternak sangkar ikan marin yang menternak ikan merah, ikan nyok-nyok, ikan siakap dan ikan kerapu.

Selain itu, bagi memastikan pengeluaran akuakultur di Negeri Pulau Pinang tidak terjejas, Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Pulau Sayak telah membuat kajian kesesuaian tapak untuk penempatan ternakan baharu di luar sempadan kawasan Taman Negara Pulau Pinang (TNPP), Teluk Bahang bagi menggantikan tapak sedia ada yang terletak di dalam kawasan gazet TNPP kepada enam (6) pengusaha sangkar ikan marin.

Lesen Akuakultur Darat juga telah mula dikeluarkan pada tahun 2025 oleh DOF Negeri Pulau Pinang kepada penternak di Balik Pulau iaitu syarikat Global Goodway yang merupakan penerima lesen akuakultur darat yang pertama di Negeri Pulau Pinang. DOF turut memberi bantuan dalam bentuk input dan peralatan di bawah program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPEKS) Akuakultur kepada seramai

lapan (8) orang penternak di Daerah Barat Daya pada tahun 2025 dengan jumlah bantuan bernilai RM161,550.00.

Bagi memastikan keterjaminan makanan, pihak DOF Negeri Pulau Pinang turut melaksanakan penguatkuasaan dengan kerjasama jabatan/agensi berkaitan bagi mengekang aktiviti pencerobohan oleh bot pukat tunda di perairan negeri ini. Selain itu, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga telah menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM350,000.00 pada tahun 2024 dan RM880,000.00 pada tahun 2025 bagi projek pelepasan benih ikan/ udang/ kerang ke perairan umum sebagai inisiatif meningkatkan hasil nelayan.

(b) Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah Barat Daya dan Timur Laut 2026–2030 dapat dilaksanakan dengan berkesan, pihak DOA Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Pendekatan ini membolehkan setiap inisiatif dilaksanakan secara berperingkat dan berfokus mengikut keutamaan serta keperluan pembangunan sektor pertanian di daerah ini.

Bagi tindakan jangka masa pendek iaitu dalam tempoh 2026 hingga 2027, keutamaan diberikan kepada penyediaan asas pelaksanaan pelan strategik serta pengukuhan kapasiti pengeluaran sedia ada. Langkah utama adalah seperti peningkatan keupayaan pengeluaran padi melalui penggunaan benih sah berpotensi hasil tinggi, pengurusan ladang bersepadu serta kawalan rumpai dan perosak secara sistematik. Di samping itu, pelaksanaan projek perintis pertanian pintar (smart farming) akan diperkenalkan bagi tanaman padi dan sayur-sayuran melalui penggunaan teknologi penderia, dron pemantauan serta sistem pengurusan ladang berasaskan data. Bantuan input pertanian dan insentif pengeluaran juga akan disalurkan kepada pesawah dan pengusaha tanaman durian serta sayur-sayuran bagi meningkatkan hasil dan menstabilkan bekalan makanan. Dalam masa yang sama, infrastruktur asas pertanian seperti jalan ladang, sistem saliran serta pusat pengumpulan hasil akan dibaik pulih dan dinaik taraf bagi menyokong kelancaran aktiviti pengeluaran. Program

pembangunan kapasiti dan latihan teknikal kepada petani turut dilaksanakan secara intensif bagi memperkukuh kemahiran, pemahaman terhadap amalan pertanian lestari serta meningkatkan kecekapan pengurusan ladang. Selain itu, tindakan jangka pendek juga melibatkan pemantauan data dan pemetaan kawasan berpotensi bagi mengenal pasti lokasi baharu sesuai untuk pengembangan tanaman bernilai tinggi.

Sementara itu, tindakan jangka masa panjang bagi tempoh 2028 hingga 2030 menumpukan kepada usaha memperkukuh kecekapan pengeluaran, meningkatkan nilai tambah produk pertanian serta menjamin kelestarian sumber dan daya saing sektor pertanian daerah. Inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan adalah pengembangan kawasan tanaman bernilai tinggi seperti durian dan sayur premium bagi meningkatkan pendapatan petani dan nilai ekonomi pertanian daerah. Pengurusan tanaman padi akan diperkukuh melalui automasi sepenuhnya proses penanaman, pembajaan dan penuaian bagi mencapai sasaran hasil optimum menjelang tahun 2030. Di samping itu, pembinaan pusat pengumpulan, pemprosesan dan penjenamaan hasil pertanian (collection and processing centre) akan dilaksanakan bagi memperkukuh rantaian nilai serta meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk tempatan di pasaran domestik dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri melalui DOA juga akan mengukuhkan rantaian bekalan makanan dengan menggalakkan penggunaan platform pemasaran digital serta membina jaringan kerjasama strategik bersama pihak swasta dan koperasi pertanian. Bagi memastikan pertanian berkembang secara mampan, pelan jangka panjang turut memberi penekanan kepada pembangunan pertanian hijau dan rendah karbon termasuk penggunaan teknologi hijau, baja organik dan kawalan biologi yang mesra alam. Selain itu, kerjasama dengan institusi penyelidikan dan agensi berkaitan akan terus diperkukuh bagi tujuan inovasi teknologi dan pembangunan produk berasaskan pertanian. Dalam masa yang sama, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan modal insan tani generasi baharu (agropreneur muda) melalui latihan keusahawanan, program bimbingan serta

insentif khas bagi menarik penyertaan belia dalam sektor pertanian.

Manakala, pihak DOF Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan langkah jangka pendek bagi pembangunan industri perikanan di Daerah Barat Daya seperti penetapan ZIA di Pulau Betong, pemberian bantuan dalam bentuk input dan peralatan di bawah program SPEKS Akuakultur kepada penternak yang mematuhi syarat dan melesenkan semua projek akuakultur darat untuk memastikan pembangunan industri akuakultur dapat dijalankan dengan lebih mampan dan seterusnya memastikan keterjaminan makanan yang mencukupi dan selamat di negeri ini. Selain itu, DOF Negeri Pulau Pinang akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan sebagai langkah jangka masa panjang.

(c) Pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang melaksanakan projek Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) Kawasan Jelapang Padi Pulau Pinang dengan kerjasama DOA Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMK12). Projek ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesuburan tanah diikuti pengesyoran kadar pembajaan nitrogen, phosporus dan kalium (NPK) di 12,202 hektar kawasan sawah padi di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk 462 hektar kawasan sawah padi di Daerah Barat Daya. Berdasarkan dapatan kajian, keperluan pembajaan di Barat Daya bagi hasil mampu capai lapan (8) tan metrik/hektar adalah 90:60:75 kilogram/ hektar. Pemberian kadar baja yang tepat adalah penting bagi memenuhi keperluan pemakanan pokok, mengurangkan pembaziran input serta mengurangkan pendedahan kepada serangan perosak dan penyakit utama tanaman padi.

Selain itu, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pulau Pinang juga bertanggungjawab dalam urusan pemasaran produk agromakanan seperti sayur–sayuran, buah–buahan, bunga-bungaan serta produk–produk industri makanan dan asas tani. Bagi memastikan peluang pasaran terjamin, FAMA telah

mewujudkan *outlet* peruncitan untuk membantu usahawan dan petani untuk memasarkan produk masing-masing. Bilangan *outlet* peruncitan yang terdapat di Daerah Barat Daya adalah seperti yang berikut:

BIL.	OUTLET PERUNCITAN	BILANGAN
1.	Gerai Buah-Buahan Segar	2
2.	Agrobazaar Kedai Rakyat	3
3.	Agrobazaar Rakyat	2
4.	Pasar Tani	1
5.	Agrobazaar *K-Shope*	3
JUMLAH		**11**

Selain itu, FAMA juga telah mewujudkan program Ladang Kontrak bagi memastikan pasaran produk pertanian terjamin. Sehingga kini, terdapat 45 orang petani buah-buahan dan sayur-sayuran di Daerah Barat Daya telah berdaftar dengan program ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

10. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melebar dan meluaskan jalan di antara Teluk Bahang dengan Sg Pinang?

    (a) Semasa musim cuti, peningkatan lalu lintas di jalan ini telah meningkat dengan drastik. Adakah satu kajian dilakukan?

    (b) Faktor kekerapan halangan seperti pokok tumbang dan batu runtuh memberi permasalahan kepada pengguna. Adakah pihak JKR membuat kajian?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Buat masa ini, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di antara Teluk Bahang dengan Sungai Pinang.

    (a) Tiada kajian khusus berkaitan isu peningkatan lalu lintas di laluan tersebut dijalankan buat masa ini. Walau bagaimanapun, JKRPP sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi menangani isu kecekapan dan keselamatan infrastruktur sedia ada terutamanya yang melibatkan cerun di sepanjang laluan berkenaan.

    (b) JKRPP sentiasa memantau keadaan cerun dan kawasan berhampiran laluan ini melalui rondaan berkala. Kajian penilaian risiko cerun juga telah dijalankan bagi mengenal pasti lokasi berisiko tinggi. Langkah-langkah pemantauan

ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya sentiasa terjamin.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

11. *Hotspot* jalan raya yang sentiasa menghadapi traffic jam di kawasan Barat Daya seperti di kawasan Teluk Kumbar dan Pekan Kongsi

    (a) Adakah kerajaan berhasrat untuk mengatasi masalah ini?

    (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengatasi masalah ini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Kesesakan lalu lintas di kawasan Teluk Kumbar dan Pekan Kongsi.

    (a) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas yang sering mengalami kesesakan di kawasan Teluk Kumbar dan Pekan Kongsi. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) komited untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

    (b) Tindakan jangka masa pendek yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan-kawasan ini adalah pelaksanaan kajian trafik di Pekan Balik Pulau pada tahun 2026 oleh JKRPP bagi

mengenal pasti punca kesesakan di kawasan tersebut. Cadangan penguraian trafik di Pekan Kongsi akan dilaksanakan selepas kajian trafik dibuat pada tahun 2026 selesai dibentangkan.

Manakala bagi kawasan Teluk Kumbar pula, pelebaran jalan di Jalan Teluk Kumbar juga telah disyaratkan berdasarkan kelulusan *Traffic Impact Assessment* (TIA) & *Road Safety Audit* (RSA) kepada beberapa pemaju di sekitar persimpangan Masjid Sungai Batu seperti Tetuan Definite Harmony, Tetuan Asta Gemilang, Tetuan Montrico, Tetuan Kobay Sdn. Bhd. & Tetuan Wisma Dayamas di mana bagi mengatasi masalah kesesakan trafik di kawasan sekitar.

Bagi tindakan jangka masa panjang pula. JKRPP mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Teluk Kumbar dari persimpangan Jalan Sungai Batu sehingga ke persimpangan Jalan Cangkat Bukit Belah 5 daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong. Selain itu, sebuah bulatan akan dibina di persimpangan Jalan Sungai Batu dan pusingan-U Jalan Teluk Kumbar bagi mewujudkan aliran trafik yang lebih lancar *(free movement traffic)* di hadapan Masjid Sungai Batu. JKRPP telah mengemukakan permohonan cadangan penaiktarafan ini kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk pertimbangan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dimana projek ini telah lulus pelaksanaan kerja-kerja awalan sehingga peringkat reka bentuk.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

12. Isu kawasan banjir di kawasan perumahan Kuala Sg Pinang amat menekankan penduduk di kawasan ini.

    (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan tebatan banjir di kawasan ini?

    (b) Apakah solusi jangka masa pendek dan jangka masa panjang?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. (a) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu banjir yang dihadapi oleh penduduk di kawasan kuala Sungai Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding bagi menjalankan Kajian Rekabentuk Terperinci Bagi Menaiktaraf Sistem Saliran di Taman Nelayan, Kuala Sungai Pinang bagi menentukan kaedah penyelesaian isu banjir di kawasan tersebut. Kajian ini masih di peringkat Laporan Konsep Rekabentuk dan dijangka siap pada bulan Jun 2026. Cadangan projek fizikal akan dilaksanakan setelah kajian tersebut siap sepenuhnya dan dijangka dapat mengurangkan impak kesan banjir di kawasan perumahan taman tersebut sebagai langkah jangka masa panjang.

    (b) Sebagai tindakan penyelesaian jangka masa pendek, JPSPP turut melaksanakan kerja-kerja pengorekan

muara Sungai Pinang yang dijalankan secara berkala tertakluk kepada kelulusan peruntukan semasa. Selain itu, JPSPP juga telah menaiktaraf sistem amaran banjir di kawasan kuala Sungai Pinang bagi memberikan amaran awal bencana banjir kepada penduduk.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

13. Isu tambor selut kuala yang sentiasa terjadi apabila air pasang sering memberi kesan, apabila air surut kepada nelayan-nelayan Kuala Jalan Baru dan Kuala Sg Pinang.

    (a) Apakah JPS mempunyai sebarang perancangan terperinci tentang kayu-kayu bakau yang menghalang laluan?

    (b) Apakah solusi jangka masa pendek dan jangka masa panjang?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. (a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang perancangan terperinci berkenaan isu kayu-kayu bakau yang berada di pesisir memandangkan ia tidak menghalang laluan nelayan ke muara. Walau bagaimanapun, pihak JPS Negeri Pulau Pinang melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara di muara sungai yang dikenal pasti telah mengganggu aktiviti nelayan dan menghalang aliran air ke laut pada setiap tahun. Kerja-kerja ini dijalankan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

    (b) Bagi solusi jangka masa pendek, pihak JPS Negeri Pulau Pinang melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara sungai bagi mengelakkan aktiviti nelayan terganggu akibat selut di muara. Kerja-kerja ini dilaksanakan mengikut keutamaan dengan melibatkan semua muara sungai

mendap yang menyumbang kepada masalah muara cetek. Perancangan dan permohonan peruntukan dibuat dengan mengutamakan muara-muara yang sempit dan menjejaskan aktiviti nelayan. Manakala penyelenggaraan sungai dan muara dilaksanakan secara berkala bagi solusi jangka masa panjang.

Selain itu, JPS Malaysia kini sedang melaksanakan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) bagi Negeri Pulau Pinang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kawasan pantai dan muara sungai yang mengalami masalah hakisan serta isu mendapan di muara sungai. Melalui kajian ini, jabatan/agensi yang berkaitan akan merangka dan menyediakan pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang. Pelan tindakan ini akan menjadi panduan untuk pelaksanaan secara berperingkat mengikut bidang kuasa jabatan/agensi masing-masing bergantung kepada sumber dan peruntukan yang diterima. ISMP ini juga akan membantu Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan yang lebih berkesan secara preventif dan korektif. Kajian ini dijangka siap pada 23 Jun 2027.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

14. Kawasan paya bakau pinggiran bahagian kolam udang dan kolam ikan di Permatang Pasir kebanyakan telah mati.

    (a) Apakah Kerajaan Negeri ada membuat kajian terhadap perkara ini, EIA yang berkala?

    (b) Apakah perkara ini tidak bercanggah dengan slogan Kerajaan pada tahun lepas ingin menanam sejuta pokok sedangkan pokok yang ada habis mati?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) hanya menilai dan meluluskan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Sekiranya laporan EIA tersebut memenuhi keperluan Seksyen 34A(2C) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 maka kelulusan boleh diberikan berserta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Walau bagaimanapun, tiada EIA berkala yang diluluskan atau berada di bawah pemantauan JAS bagi kawasan Permatang Pasir kerana tiada projek akuakultur atau pembangunan di kawasan tersebut yang tertakluk kepada keperluan EIA. Oleh itu, kematian pokok bakau di kawasan pinggiran kolam udang dan kolam ikan di situ tidak berpunca daripada projek yang dinilai melalui proses EIA.

(b) Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa kematian pokok bakau di kawasan tersebut menjejaskan usaha pemeliharaan alam sekitar yang sedang giat dijalankan termasuk kempen menanam sejuta pokok. Namun, kejadian ini tidak bercanggah dengan dasar atau komitmen Kerajaan Negeri sebaliknya menjadi peringatan tentang kepentingan pemantauan dan penyelenggaraan habitat semula jadi selepas aktiviti penanaman dijalankan. Inisiatif sejuta pokok bukan sekadar menanam tetapi memastikan kadar kelangsungan hidup pokok yang tinggi melalui penjagaan rapi dan pemulihan kawasan terjejas. Oleh itu, tindakan susulan seperti siasatan punca kematian bakau, program penanaman semula serta penambahbaikan sistem saliran dan kualiti air akan dilaksanakan supaya matlamat kempen tersebut terus selari dengan agenda kelestarian negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

15. Perumahan kos rendah dan RMM yang terdapat di kawasan Titi Teras dan Sg Pinang masih lagi di kategori projek sakit.

    (a) Apakah Kerajaan Negeri masih berusaha untuk meneruskan projek ini?

    (b) Bilakah projek ini dapat disiapkan?

    (c) Apakah kerajaan akan menambahkan projek-projek rumah PPRT dan RMM di kawasan Barat Daya?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Projek di Titi Teras yang dikenali sebagai Projek Quinton merupakan cadangan pembangunan satu (1) blok rumah pangsa mampu milik setinggi 16 tingkat yang mengandungi sebanyak 379 unit kediaman termasuk kemudahan tempat letak kenderaan, kemudahan masyarakat serta satu (1) tingkat separa bawah tanah, yang dibangunkan di atas Lot 94, Lot 95 dan PT11, Jalan Sungai Pinang, Mukim E, Daerah Barat Daya.

    Sementara itu, projek di Sungai Pinang iaitu Projek Sri Bayu, melibatkan cadangan pembangunan satu (1) blok rumah pangsa 12 tingkat yang mengandungi sebanyak 123 unit rumah pangsa kos sederhana rendah dan 123 unit rumah pangsa kos rendah serta satu (1) blok tambahan (Annex) setinggi sepuluh (10) tingkat dengan dua (2) tingkat separa bawah tanah bagi

kemudahan tempat letak kenderaan dan kemudahan masyarakat.

Kedua-dua projek ini pada asalnya dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd., namun syarikat berkenaan telah melalui proses penggulungan (liquidation) dan kini sedang dalam proses pelan pemulihan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat prihatin terhadap kebajikan pembeli dan telah meluluskan pelaksanaan konsep "white knight" bagi menyelamatkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Melalui pendekatan ini, satu rakan pembiaya akan dilantik bagi Projek Sri Bayu dan Projek Quinton untuk membantu dalam aspek pembiayaan kewangan serta pelaksanaan kerja-kerja pembinaan semula. Sebagai imbalan, rakan pembiaya ini akan diberikan pulangan berdasarkan jumlah unit yang akan disiapkan kelak.

(b) Mengambil kira bahawa projek ini pada asalnya dibangunkan oleh pemaju swasta, pelaksanaannya kini akan diselaraskan oleh pihak pelikuidasi iaitu Tetuan Baker Tilly Insolvency PLT bagi pihak pemaju, bersama rakan pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri. Projek ini berada di bawah pengurusan pelikuidasi yang bertanggungjawab memuktamadkan kadar kos serta keperluan kewangan bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan disambung semula yang dijangka bermula pada Disember 2025. diselaraskan bersama pihak pelikuidasi bagi pihak pemaju, serta Rakan Pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan laporan tinjauan oleh perunding, kemajuan fizikal bagi Pangsapuri Quinton telah mencapai 71.11%, manakala Pangsapuri Sri Bayu telah mencapai 89.7%. Keadaan semasa di tapak memerlukan pelaksanaan kerjakerja pembaikan utama (major defects work) bagi membetulkan struktur dan komponen yang telah rosak memandangkan projek berkenaan telah lama terbengkalai. Tarikh siap baharu projek akan ditentukan semula setelah pelan pemulihan dimuktamadkan kelak.

(c) Sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 37 buah projek Rumah MutiaraKu (RMKu) telah disenaraikan dalam perancangan, manakala 12 buah projek sedang dalam peringkat pembinaan di kawasan Daerah Barat Daya. Senarai penuh projek berkenaan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK RUMAH MUTIARAKU (RMKU) A, B & C DI PULAU PINANG

A. SENARAI PROJEK RMKU A, B DAN C SEDANG DIBINA.

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	**TAHUN**	**PROJEK**	**PEMAJU**	**LOKASI**	**JENIS RMKu**	**BIL. UNIT**
1	2017	SERI BAYU	TETUAN PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	332, MUKIM 3 BUKIT SG. RUSA & SG. PINANG, JALAN SUNGAI RUSA	A	123
2	2017	SERI BAYU	TETUAN PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	332, MUKIM 3 BUKIT SG. RUSA & SG. PINANG, JALAN SUNGAI RUSA	B	123
3	2018	QUINTON	TETUAN PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	LOT 94 & 95, PETAK A (SEBAHAGIAN LOT 378 & 380), JALAN SUNGAI PINANG	C	379
4	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN DEFINITE HAMONY DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 256, JALAN TELUK KUMBAR 1	B	129
5	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JERNIH PROSPEKTIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 237, 439, 440 DAN 441, JALAN PULAU BETONG, MUKIM J	A	1,224
6	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JERNIH PROSPEKTIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 237, 439, 440 DAN 441, JALAN PULAU BETONG, MUKIM J	B	360
7	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JERNIH PROSPEKTIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 237, 439, 440 DAN 441, JALAN PULAU BETONG, MUKIM J	C	320
8	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN DEFINITE HAMONY DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 256, JALAN TELUK KUMBAR, MUKIM 11	C	85
9	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN KOBAY SB SDN. BHD.	LOT 451, MUKIM 11, LINTANG TELUK KUMBAR 1	C	259
10	2022	LONDON PAVILLION	TETUAN M SUMMIT PREMIUM SDN. BHD.	LOT 362, 21173, 21174 & 20088, 20092, MUKIM 11, PERMATANG DAMAR LAUT	C	527
12	2024	MALDIVES RESIDENCES	TETUAN SOLARIS PRESTASI SDN. BHD.	LOT 71641 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 15318), JALAN TUN DR. AWANG, JALAN SULTAN AZLAN SHAH, MUKIM 12	C	1,665
JUMLAH						**5,194**

B. SENARAI KEBENARAN MERANCANG PROJEK RMKU A B DAN C (SWASTA DAN PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI & SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC))

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	**TAHUN**	**PROJEK**	**PEMAJU**	**LOKASI**	**JENIS RMKu**	**BIL. UNIT**
1	2016	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ALAMKHAS SDN. BHD.	LOT NO. 84, MUKIM D BAGAN AIR ITAM, LORONG PRESTIJ 10, JALAN BARU, BALIK PULAU	A	192
2	2016	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ALAMKHAS SDN. BHD.	LOT NO. 84, MUKIM D BAGAN AIR ITAM, LORONG PRESTIJ 10, JALAN BARU, BALIK PULAU	B	192
3	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD.	PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI LOT 289, 290, 291, 752, 768, 770, 1050 DAN 1144, MUKIM 11, SUNGAI BATU	A	645
4	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MTT PROPERTIES. & DEV. SDN. BHD.	SBHG. 728 & 1551, MUKIM 4 BATU ITAM, JALAN SUNGAI AIR PUTIH 6	A	160
5	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MTT PROPERTIES. & DEV. SDN. BHD.	SBHG. 728 & 1551, MUKIM 4 BATU ITAM, JALAN SUNGAI AIR PUTIH 6	B	288
6	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	DI ATAS LOT 1053, 1054 DAN SEBAHAGIAN SIMPANAN LALUAN (PELOT A), MUKIM C	B	108
7	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	DI ATAS LOT 1053, 1054 DAN SEBAHAGIAN SIMPANAN LALUAN (PELOT A), MUKIM C	C	128
8	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN I-GLOBAL PROPERTY NETWORK SDN. BHD.	DI ATAS LOT 802 DAN 444, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM, MUKIM 11	C	559
9	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ASTA GEMILANG SDN. BHD.	PPA1M TELUK KUMBAR, DI ATAS LO-LOT 11, 12, 15, 16, 1531 DAN 1532, MUKIM 9	C	2500
10	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ASTA GEMILANG SDN. BHD.	PPA1M SUNGAI BATU, DI ATAS LOT 290 DAN 291, MUKIM 11	C	4000
11	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN PLENITUDE ESTATES SDN. BHD.	DI JALAN PONDOK UPEH, MUKIM 6	A	327
12	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN SURIA PERMAS SDN. BHD.	LOT 70677, MUKIM 12	C	168

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	**TAHUN**	**PROJEK**	**PEMAJU**	**LOKASI**	**JENIS RMKu**	**BIL. UNIT**
13	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN REIGNVIEW DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 683, JALAN BUKIT BELAH 1, MUKIM 11	C	201
14	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ION DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 10097 & 10331, JALAN BALIK PULAU, MUKIM 6	C	220
15	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ICONIC LANDMARK SDN. BHD.	LOT-LOT 422, 423 & 424, MUKIM 10	B	357
16	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ICONIC LANDMARK SDN. BHD.	LOT-LOT 422, 423 & 424, MUKIM 10	C	1,188
17	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN WISMA DAYAMAS SDN. BHD.	LOT-LOT 20252, 20253, 20283 & 1804 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), MUKIM 11	A	115
18	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN WISMA DAYAMAS SDN. BHD.	LOT-LOT 20252, 20253, 20283 & 1804 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), MUKIM 11	B	115
19	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	JALAN SUNGAI PINANG	A	192
20	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	JALAN SUNGAI PINANG	B	192
21	2021	BUKIT GEDONG	LPNPP / TETUAN HUNZA LAND CORPORATION SDN. BHD.	LOT 72798 & SIMPANAN JALAN (BERSEBELAHAN LOT 72826), JALAN MAYANG PASIR, MUKIM 12	B	300
22	2021	BUKIT GEDONG	LPNPP / TETUAN HUNZA LAND CORPORATION SDN. BHD.	LOT 72798 & SIMPANAN JALAN (BERSEBELAHAN LOT 72826), JALAN MAYANG PASIR, MUKIM 12	C	960

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	**TAHUN**	**PROJEK**	**PEMAJU**	**LOKASI**	**JENIS RMKu**	**BIL. UNIT**
23	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN VIENNA VIEW DEVELOPMENT SDN. BHD. / MAH SING	LOT 70790, MUKIM 12, JALAN PERMATANG DAMAR LAUT, BATU MAUNG	C	536
24	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MAGNA REZEKI SDN. BHD.	LOT 72021, MUKIM 12	C	1,202
25	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN OIB PROPERTIES (K) SDN. BHD.	13742-13746, 13769-13773 & PT6574, JALAN CHANGKAT SUNGAI ARA 1, MUKIM 12	C	849
26	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN KAY PRIDE SDN. BHD.	LOT 20390, MUKIM 11, SUNGAI BATU	C	960
27	2022	URC MAHSURI 5 POINT BLOCK FASA 1	LPNPP / TETUAN NILAI ARIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 2323, SEBAHAGIAN LOT 2322, SEBAHAGIAN LORONG MAHSURI 10, MUKIM 12	B	300
28	2023	URC MAHSURI 5 POINT BLOCK FASA 1	LPNPP / TETUAN NILAI ARIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 2323, SEBAHAGIAN LOT 2322, SEBAHAGIAN LORONG MAHSURI 10, MUKIM 12	C	770
29	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN TROPICAL ISLAND RESORTS SDN. BHD.	DI ATAS LOT-LOT PT 1962-1965 SERTA TANAH KERAJAAN 'PETAK A', 'PETAK B', 'PETAK C', MUKIM 13, SERTA 'PETAK E', MUKIM 12	B	360
30	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ICOM ATTRACTIONS SDN. BHD.	DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 586 & 675, MUKIM 10	C	1,299
		BELUM DIKEMUKAKAN			B	150
31	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN DYNAMITE PACIFIC SDN. BHD.	DI ATAS LOT 672, 673, 675, 144, 1060, 20151, 20152, 645, 646 & 649, MUKIM 11	C	1,240

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	**TAHUN**	**PROJEK**	**PEMAJU**	**LOKASI**	**JENIS RMKu**	**BIL. UNIT**
32	2023	BELUM DIKEMUKAKAN			B	372
33	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ASTA GEMILANG SDN. BHD.	LOT 30, PERSIARAN RELAU, 11900 BAYAN LEPAS	C	1,050
34	2024	ESENVIEW RESIDENCE	TETUAN ZANTALITE ENTERPRISE (M) SDN. BHD.	LOT 1411, JALAN KEKABU 5 DAN 1, MUKIM 12	C	484
35	2024	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MONTRICO DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 672, 1058, 1063, 20001, 21161, SEBAHAGIAN LOT 645, JALAN TELUK KUMBAR, MUKIM11	B	288
36	2024	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MONTRICO DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 672, 1058, 1063, 20001, 21161, SEBAHAGIAN LOT 645, JALAN TELUK KUMBAR, MUKIM11	C	958
37	2025	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN HUNZA PROPERTIES (NORTH) SDN. BHD.	LOT 13742, 13743, 13744, 13745, 13746, 13769, 13770, 13771, 13772, 13773 & 72447 (LOT LAMA PT 6574), MUKIM 12, CANGKAT SUNGAI ARA 1	C	481
					C	492
JUMLAH						**24,898**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

16. Kemudahan parkir di Hospital Besar Pulau Pinang amat kritikal

    (a) Apakah inisiatif pihak hospital untuk mengatasi masalah tersebut?

    (b) Apakah tindakan jangka masa panjang dan jangka masa pendek?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Hospital Pulau Pinang (HPP) sentiasa peka terhadap keperluan kemudahan tempat letak kenderaan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di HPP.

    (a) Buat masa ini, JKNPP telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengatasi masalah parkir di HPP, antaranya ialah:

        (i) Membina blok wanita dan kanak-kanak dengan tambahan kawasan parkir sebanyak 499 lot;

        (ii) Membina blok klinik pakar dan wad hospital dengan tambahan kawasan parkir sebanyak 500 lot; dan

        (iii) Membina blok baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel dengan tambahan kawasan parkir 70 lot.

Pelaksanaan projek-projek ini merangkumi penambahan lot parkir dan pembangunan di kawasan baharu yang telah dikenal pasti. Inisiatif ini secara tidak langsung memberi impak positif dalam menangani isu kekangan tempat letak kenderaan di HPP.

(b) Bagi menangani masalah parkir di HPP, JKNPP bersama agensi-agensi berkaitan telah mengambil pelbagai langkah dan merangka pelan tindakan jangka pendek serta jangka panjang seperti yang berikut:

(i) Mengoptimumkan ruang parkir HPP sedia ada agar dapat menampung keperluan kemudahan parkir untuk semua pihak;

(ii) Memperkemaskan pengurusan bangunan parkir bertingkat, termasuk kawalan trafik dan kemasukan bagi mengurangkan kesesakan;

(iii) Menggalakkan penggunaan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam untuk ke HPP;

(iv) Meningkatkan kekerapan perkhidmatan *buggy* di antara bangunan parkir bertingkat dengan Blok B (Blok Perkhidmatan Utama);

(v) Memohon kebenaran penggunaan ruang parkir Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) dan tapak kosong di Jalan Sepoy Lines (tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang) sebagai tapak sementara tempat letak kereta HPP;

(vi) Meneliti kesesuaian kertas cadangan syarikat-syarikat swasta untuk mewujudkan perkhidmatan valet di HPP dan juga cadangan penswastaan kemudahan tempat letak kenderaan di HPP;dan

(vii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menyediakan perkhidmatan bas percuma, *Central Area Transit* (CAT) ke HPP secara percuma bermula 1 Januari 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

17. Penyakit influenza sedang menyerang negara pada ketika ini.

    (a) Berapa ramaikah rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah dijangkiti penyakit ini dan dirawat di Hospital Pulau Pinang?

    (b) Apakah keadaan hospital daerah SPU, SPT, SPS, DBD dan DTL mampu untuk mengawal dan menangani wabak ini?

    (c) Adakah kerajaan menjangkakan satu keadaan serius akan berlaku terutamanya di pusat pendidikan dan sebagainya?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. (a) Jangkitan influenza tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan/notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Namun, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau tren aktiviti influenza mahupun kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada dan daripada lokasi-lokasi *sentinel* yang telah dikenal pasti di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang.

    Bagi tahun 2025, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang (Sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya

sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak kecil, warga emas dan pesakit penyakit kronik, memerlukan rawatan lanjut di hospital.

(b) Buat masa ini, kes-kes influenza yang berlaku di Negeri Pulau Pinang masih dalam keadaan terkawal. Setiap hospital telah menyediakan bilik isolasi atau kubikel berasingan bagi menempatkan kes-kes influenza dalam usaha mengekang jangkitan di wad.

Selain itu, inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) adalah seperti "*fever clinic*" di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital. Ini bagi mengasingkan pesakit yang datang ke Jabatan berkenaan dengan gejala demam dan berpotensi menghidap influenza.

(c) *Trend* influenza secara keseluruhan pada tahun 2025 adalah kurang dan stabil berbanding tahun 2024. Namun begitu, JKNPP menganggarkan peningkatan pada minggu-minggu seterusnya. Buat masa ini, dengan jumlah kes sedia ada, keadaan masih terkawal dan sentiasa dipantau oleh JKNPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

18. Hospital Pulau Pinang pada 3 Oktober 2025 telah memohon maaf di atas kelewatan 6 jam masa menunggu bagi Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD).

    (a) Apakah penyebab dan keadaan yang telah berlaku di ETD pada tarikh tersebut?

    (b) Semasa waktu puncak yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama, apakah faktornya?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. (a) Pada 3 Oktober 2025, Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) Hospital Pulau Pinang mengalami kesesakan akibat peningkatan jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Dalam masa yang sama, faktor lain yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kerana beberapa petugas kesihatan dijangkiti wabak influenza dan terpaksa mengambil cuti sakit.

    Untuk makluman, Hospital Pulau Pinang merupakan sebuah hospital negeri yang turut menerima rujukan dari negeri-negeri jiran selain dari klinik kesihatan dan hospital-hospital lain di Pulau Pinang. Hal ini menyebabkan jumlah pesakit harian yang diterima di Jabatan Kecemasan Hospital Pulau Pinang adalah sangat ramai dan boleh mencecah 350 pesakit sehari.

(b) Purata bertugas bagi setiap syif adalah seramai lima (5) hingga tujuh (7) pegawai perubatan dan faktor utama yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama adalah disebabkan oleh kekurangan bilangan pegawai perubatan sedia ada.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

19. Permohonan untuk pembaikan masjid-masjid yang rosak telah dimajukan pada tahun 2024 lagi kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi mendapat bantuan penyelenggaraan. Namun sehingga ke hari ini, tiada sebarang bantuan diberikan. Jelaskan.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil dan menaik taraf 25 buah masjid dan surau di seluruh Negeri Pulau Pinang. Permohonan yang diterima akan diselaraskan dalam Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan Masjid / Surau / Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) berdasarkan tahap kerosakan dan keperluan untuk pembaikan serta tertakluk kepada peruntukan semasa.

    Sehingga Oktober 2025, JHEAIPP telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil dan menaik taraf 19 buah masjid dan surau di seluruh Negeri Pulau Pinang. Tiada projek dilaksanakan di KADUN Teluk Bahang pada tahun 2024 namun pada tahun 2025 JHEAIPP telah melaksanakan kerja-kerja memasang bumbung awning, mengecat, siling dan membaiki kubah serta kerja berkaitan di Masjid Jamek Teluk Bahang dengan kos berjumlah RM73,901.20.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

20. Berapa banyakkah masjid di negeri ini yang telah diselenggarakan pada tahun ini?

    (a) Berapa banyakkah kutipan 10% sumbangan Jumaat seluruh Negeri Pulau Pinang yang yang diperolehi sehingga kini?

    (b) Pihak masjid sendiri mempunyai aktiviti yang padat namun tidak mempunyai kutipan kewangan yang mencukupi. Adakah pihak Majlis dan JAINPP mempunyai solusi kepada perkara ini?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil dan menaik taraf 20 buah masjid dan surau di seluruh Negeri Pulau Pinang.

    (a) Tabung wakaf 10% sumbangan masjid yang telah dilancarkan pada bulan Julai 2019 telah mengumpul sebanyak RM2,144,553.40. Kutipan terkumpul ini disumbangkan oleh 104 masjid daripada 216 masjid seluruh Pulau Pinang. Bagi memantapkan fungsi dan peranannya Tabung ini telah dijenamakan semula dengan nama Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang melalui kelulusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.6/2025 bertarikh 14 Julai 2025 dengan

mengekalkan objektif yang sama untuk menambah aset hartanah umat Islam. Semua Imam Utama Masjid-masjid Daerah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelaraskan kutipan sumbangan masjid-masjid kariah dalam daerah masing-masing termasuk kutipan yang akan dilaksanakan kepada surau-surau yang diberikan kebenaran melaksanakan Solat Jumaat.

(b) Masalah kekurangan dana dan sumber kewangan memang sesuatu yang tidak boleh dinafikan. Kerajaan Negeri secara berterusan akan menyalurkan peruntukan melalui pembangunan dan penyelenggaraan Masjid atau Surau di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, jawatankuasa kariah digalakkan agar lebih kreatif dan proaktif dalam menjana pendapatan masjid melalui wakaf misalnya seperti penubuhan koperasi, sewaan dewan dan sebagainya. Masjid juga disarankan menggunakan platform digital dalam talian untuk mendapat sumbangan yang lebih luas secara berterusan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri menggalakkan setiap masjid menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat/ sektor korporat melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk penajaan aktiviti atau pembiayaan infrastruktur. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIPP akan sentiasa melaksanaan Audit Penarafan Masjid setiap tahun dengan memberi penekanan kepada aspek kewangan masjid/surau agar menguruskan kewangan secara telus dan profesional dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat Islam di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

21. Terdapat rumah-rumah yang diubahsuai di taman-taman sehingga menyebabkan projek itu tergendala.

    (a) Apakah kerajaan mempunyai solusi terhadap perkara ini?

    (b) Berapa banyakkah rumah-rumah yang diubahsuai dan tergendala di kawasan Barat Daya?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. **(a)** Selaras dengan dasar dan amalan semasa pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sebarang cadangan ubah suai atau pindaan bangunan yang tidak melibatkan perubahan guna tanah, intensiti pembangunan atau struktur utama bangunan sedia ada, dan tidak melebihi 1,500 kaki persegi serta tidak melebihi 50% dari keluasan lantai sedia ada, tidak diwajibkan untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM), hanya memadai dengan mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan (PB) sahaja.

    Pihak MBPP hanya akan menjalankan pemeriksaan tapak sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh pihak perunding yang dilantik. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan semua kerja pembinaan, ubah suai dan tambahan yang dijalankan serta telah siap adalah selaras dengan PB yang telah diluluskan oleh pihak MBPP dan mematuhi semua syarat teknikal serta peraturan yang berkuat kuasa.Setelah pemeriksaan tapak dilakukan dan disahkan mematuhi kelulusan PB, pihak perunding boleh

mengemukakan CCC kepada pihak MBPP untuk tujuan rekod dan pengesahan akhir oleh pihak MBPP.

Sekiranya pihak MBPP menerima aduan daripada orang awam berkaitan kacau ganggu di sesuatu kawasan perumahan, pihak MBPP akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*AKTA 171*].

Mengikut peruntukan Seksyen 82, AKTA 171, pihak MBPP mempunyai kuasa untuk mengeluarkan notis bertulis kepada pemilik premis yang didapati menyebabkan atau membenarkan berlakunya kacau ganggu, dengan tujuan untuk menghapuskan kacau ganggu tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tindakan yang sama boleh diambil ke atas rumah-rumah yang didapati terbiar, usang atau tidak diselenggara dengan baik, yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan awam atau menjejaskan kebersihan dan kesihatan persekitaran.

Namun demikian, sekiranya pengubahsuaian sesebuah rumah itu tergendala disebabkan oleh faktor peribadi/kewangan atau terlibat dalam kes mahkamah, maka, perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa pihak MBPP. Perkara ini termasuklah pengubahsuaian rumah yang tidak mendapatkan kebenaran yang sah daripada pihak MBPP.

(b) Sejak tahun 2024 sehingga Oktober 2025, terdapat sebanyak tujuh (7) buah rumah yang diubah suai dan tergendala di Daerah Barat Daya. Kesemua rumah tersebut telah diambil tindakan di bawah peruntukan Seksyen 82, AKTA 171. Perinciannya adalah seperti berikut:

BIL.	ALAMAT	TARIKH NOTIS SEKSYEN 82	TAHUN
1	Solok Kampung Jawa 4	07.02.2024	
2	No 46, Persiaran Mahsuri 2	14.05.2024	
3	No 40, Balik Pulau	30.05.2024	

4	Lot 1030, disebelah Pejabat Pos, Lot 107 & 14885, Kolam Ikan Lorong 3	26.09.2024	2024
5	2E-2-19, Bayan Lepas	30.09.2024	
6	No. 5, Solok Kampung Jawa 4	19.11.2024	
7	Lot 10042, Lengkok Teluk Bahang	07.05.2025	2025

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

22. Berapa banyakkah projek penyelenggaraan rumah berstrata yang telah dilaksanakan di kawasan Barat Daya?

    (a) Berapakah jumlah pembiayaan yang telah diberikan oleh LPNPP setakat ini berbanding jumlah yang dilaksanakan?

    (b) Adakah konsep 20% yang perlu diwujudkan oleh JMB masih diperlukan bagi pembaikan rumah strata?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Sejak tahun 2021 sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri melalui program Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) telah meluluskan sebanyak 34 buah projek di kawasan Barat Daya dengan jumlah kos sebanyak RM8,448,060.70.

    (a) Daripada 34 buah projek yang telah diluluskan, sebanyak 27 buah projek telah dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak RM6,854,870.20 manakala sebanyak tujuh (7) buah projek pula telah dibatalkan dengan jumlah kos sebanyak RM1,593,190.50 kerana pihak *Joint Management Body* (JMB)/*Management Committee* (MC)

tidak mengemukakan baki bayaran sebanyak 20% dalam tempoh yang ditetapkan.

(b) TPM80PP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan swasta berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah. Pelaksanaan pembiayaan bersama ini bertujuan untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan JMB/MC skim perumahan berstrata selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 21, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang menetapkan bahawa tanggungjawab penyelenggaraan skim perumahan berstrata tersebut terletak di bawah pengurusan JMB/MC. Sehingga bulan Oktober 2025, konsep baki pembiayaan 20% di bawah JMB/MC masih berkuat kuasa bagi permohonan yang diluluskan di bawah TPM80PP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

23. Libat urus yang dilaksanakan berkaitan perkara "zoning" bagi kawasan Barat Daya, bilakah akan diimplimentasikan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Pelaksanaan Sesi Libat Urus (SLU) bagi penyediaan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035 (DRTMBPP 2035) ini diperuntukkan di bawah Seksyen 12, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 *[Akta 172]* dan diadakan secara berterusan sepanjang proses penyediaan rancangan tempatan bagi memastikan dokumen yang dihasilkan benar-benar mencerminkan keperluan pembangunan setempat.

Penyediaan DRTMBPP 2035 ini meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. Selain itu, DRTMBPP ini juga merangkumi pelbagai aspek seperti pewartaan *zoning*, penyelarasan cadangan pembangunan, penggubalan dasar kawalan serta pelaksanaan strategi pembangunan.

SLU yang dijalankan ini adalah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil rakyat, agensi kerajaan, pemilik tanah, komuniti setempat dan orang awam bertujuan untuk mendapatkan pandangan, maklum balas dan input secara menyeluruh sebelum DRTMBPP 2035 dimuktamadkan.

Laporan akhir DRTMBPP 2035 dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2026 untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan publisiti akhir dan semakan awam.

Setelah itu, laporan akhir ini akan diwartakan dan diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Seterusnya, pelaksanaan *zoning* bagi kawasan Barat Daya akan dapat dilaksanakan dan dokumen ini akan digunakan sebagai asas kawalan pembangunan rasmi oleh MBPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG YB MUHAMAD BIN KASIM

24. Melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No 36, iaitu mewujudkan bandar-bandar kecil.

    (a) Apakah kesannya kepada penduduk-penduduk yang rumah dan tanah mereka termasuk ke dalam sempadan bandar?

    (b) Apakah keadilan yang dimaksudkan terhadap 25 bandar baru, terutamanya dari segi cukai tanah dan cukai petak?

    (c) Apakah tujuan ini bermaksud akan ada perubahan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. (a) Pewujudan sempadan bandar baharu tidak menjejaskan pemilikan tanah sedia ada. Perubahan ini dibuat untuk menyesuaikan status tanah dengan pembangunan sebenar di kawasan berkenaan.

    Contoh seperti kawasan Seberang Jaya yang kini telah membangun dengan pesat dan mempunyai bangunan seperti pembangunan bercampur iaitu kediaman, pusat komersil, hotel dan industri, namun hakikat sebenar hakmilik tersebut masih terletak di kawasan desa.

Antara kebaikan pewujudan sempadan bandar baharu adalah seperti berikut:

(i) Membolehkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan merancang pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan perumahan dengan lebih teratur serta mengikut keperluan kawasan bandar;

(ii) Meningkatkan taraf kawasan yang sebelum ini di kawasan desa, melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik;

(iii) Meningkatkan nilai pasaran hartanah serta menarik minat pelabur ke kawasan tersebut; dan

(iv) Menambah hasil Kerajaan Negeri melalui kutipan cukai tanah bandar yang akan digunakan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Tanah yang kini berada dalam kawasan bandar akan dikenakan kadar cukai tanah mengikut kadar tanah bandar.

(b) Perluasan sempadan bandar dan pewujudan bandar-bandar baharu akan menyebabkan cukai tanah dikira berdasarkan lokaliti sebenar mengikut status tanah masing-masing. Namun begitu, bagi meringankan kesan kenaikan cukai tanah, Kerajaan Negeri telah menyediakan struktur rebat yang bersesuaian supaya beban ke atas pemilik tanah dapat dikurangkan.

Struktur rebat ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut tahun, untuk semua pemilik tanah tanpa mengira kategori, bagi memastikan peralihan kepada kadar baharu dapat dijalankan secara adil dan terkawal. Langkah ini juga bertujuan memberi masa kepada pemilik tanah menyesuaikan diri dengan perubahan kadar cukai tanpa memberi impak kewangan yang mendadak.

Mulai tahun 2026 hingga 2028, kadar rebat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

(i) Tahun 2026 : Rebat sebanyak 32.5%

(ii) Tahun 2027 : Rebat sebanyak 20%

(iii) Tahun 2028 : Rebat sebanyak 20%

(c) Tujuan pewujudan bandar baharu ini adalah untuk menyelaras pentadbiran tanah dan perancangan pembangunan supaya lebih teratur. Ia tidak mengubah dasar utama Kerajaan Negeri, tetapi kadar cukai tanah akan diselaras dengan status baharu kawasan dan bagi memastikan kutipan hasil negeri lebih teratur dan adil.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

25. Terdapat banyak rungutan bahawa pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang kehabisan katil yang menyebabkan lama menunggu di kawasan kecemasan sebelum dimasukkan ke wad.

    (a) Apakah Hospital Pulau Pinang menghadapi kekurangan katil?

    (b) Berapakah jumlah katil keseluruhan yang terdapat di satu-satu wad?

    (c) Adakah disebabkan pihak hospital menghadapi kekurangan doktor dan staf?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. (a) Secara umumnya, Hospital Pulau Pinang (HPP) mempunyai kapasiti katil sebanyak 1163 dan tidak mencukupi bagi menampung bilangan pesakit yang semakin bertambah setiap tahun. Hal ini adalah kerana HPP merupakan sebuah hospital yang menjadi rujukan bagi pelbagai sub kepakaran dan menerima rujukan pesakit dari negeri-negeri jiran, klinik kesihatan dan hospital-hospital lain di Pulau Pinang.

(b) Jumlah katil di setiap wad Hospital Pulau Pinang adalah berjumlah 1163 dan perincian adalah seperti berikut:

Wad	Bilangan Katil
Pediatrik	169
Perubatan	449
Paliatif	10
Rehabilitasi	10
Radioiodin	5
Pembedahan	236
Rawatan Rapi Dewasa	45
Psikiatrik	74
Obstetrik dan Genokologi	80
Jumlah Keseluruhan	1163

(c) Kekurangan doktor dan staf kesihatan adalah antara salah satu faktor yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama. Namun, isu ini turut berlaku di negeri-negeri lain akan tetapi perkara ini sedang ditangani dengan usaha sama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelbagai usaha dan inovasi turut dilakukan termasuk pergerakan anggota kesihatan dilaksanakan secara kluster dalam usaha menghadapi isu kekurangan doktor dan staf kesihatan yang lain.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

26. Setakat hari ini, berapa ramaikah pesakit kanser yang sedang mendapat rawatan di Hospital Besar Pulau Pinang?

    (a) Tahap berapakah pesakit kanser yang ditempatkan di Klinik Jalan Perak?

    (b) Berapa ramaikah pesakit yang ditempatkan di situ?

    (c) Berapakah tahap kesembuhan bagi pesakit kanser di klinik tersebut?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Sehingga awal tahun 2025, Jabatan Onkologi dan Radioterapi Hospital Pulau Pinang menerima sekitar 3,000 kes baharu dan 16,700 bagi kes rawatan susulan.

    (a) Di Klinik Kesihatan Jalan Perak, terdapat wad pesakit Paliatif (Kanser Terminal) iaitu pesakit yang mempunyai jangka hayat kurang daripada 3 bulan. Walau bagaimanapun, wad ini turut menerima pesakit yang masih menjalankan rawatan akut tetapi mempunyai gejala yang perlu dirawat seperti sakit, muntah, psikologi dan sebagainya.

    (b) Bermula tahun 2024 sehingga kini, sejumlah 796 pesakit telah dimasukkan ke Wad Paliatif Klinik Kesihatan Jalan

Perak.

(c) Tahap kesembuhan pesakit di Wad Paliatif Klinik Kesihatan Jalan Perak adalah rendah di mana rawatan paliatif diberikan kepada pesakit kanser bertujuan bagi mengurangkan kesakitan yang dialami oleh pesakit tersebut seperti sesak nafas dan sebagainya.

Rawatan Paliatif merupakan rawatan bagi pesakit yang terminal (pesakit yang mempunyai jangka hayat kurang daripada 3 bulan). Namun terdapat beberapa pesakit yang masih mempunyai jangka hayat 2 hingga 3 tahun bergantung kepada jenis penyakit, tahap kesihatan, serta keberkesanan rawatan sokongan yang diterima.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(II)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM

27. Garis panduan tadika dan taska pada masa kini amat menekan pengusaha-pengusaha, di mana seorang kanak-kanak dikenakan caj RM450 berbanding gaji minima wakil / ibu bapa RM1700.

    (a) Apakah pihak kerajaan tempatan mahu mengkaji semula syarat-syarat yang ditetapkan?

    (b) Ramai pengusaha mahukan garis panduan ini diringankan supaya situasi menang-menang. Apakah kerajaan mahu mengkaji semula syarat yang ada sekarang?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. (a) Kerajaan Negeri di bawah Portfolio Pembangunan Sosial dan Kebajikan amat memahami rintihan dan cabaran yang dihadapi oleh para pengusaha TASKA, TADIKA dan Pusat Jagaan (TTPJ), khususnya berkaitan kadar bayaran yang rendah berbanding kos operasi yang semakin meningkat, termasuk caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

    Bagi menangani isu ini, Pejabat MMK Pembangunan Sosial telah menganjurkan dua sesi Townhall bersama pengusaha dan agensi teknikal pada 2 dan 7 Oktober 2025 melibatkan bahagian Pulau dan Seberang Perai. Sesi ini diadakan bagi mendapatkan cadangan, maklum balas dan mengenal pasti cabaran sebenar di lapangan.

Input yang diterima kemudiannya telah dibincangkan dalam bengkel teknikal bersama semua agensi berkaitan untuk menyemak semula serta menambah baik garis panduan pendaftaran TTPJ agar lebih mesra pengusaha, jelas dan tidak membebankan.

(b) Dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Taskforce* TTPJ yang saya pengerusikan, semua agensi juga telah diminta tidak melaksanakan sebarang tindakan penguatkuasaan berkaitan lesen sepanjang proses penambahbaikan ini dijalankan, kecuali bagi kes yang melibatkan keselamatan kanak-kanak, di mana tindakan segera perlu diambil. Langkah ini bertujuan memastikan keseimbangan antara aspek penguatkuasaan sambil memperkemas prosedur serta garis panduan sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, MMK Pembangunan Sosial turut mencadangkan agar caj infrastruktur (infra-fee) di bawah PBT dikurangkan atau diberikan diskaun sebanyak 50% bagi semua pengusaha TTPJ sebagai langkah meringankan beban kos. Cadangan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat *Taskforce* TTPJ dan telah dikemukakan kepada EXCO Kerajaan Tempatan untuk pertimbangan lanjut di peringkat Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), memandangkan pelaksanaannya turut melibatkan keperluan dan pertimbangan dari perspektif PBT.

Pada masa ini, penyediaan Garis Panduan Lengkap Pendaftaran TTPJ sedang berada pada peringkat akhir pemuktamadan dan akan dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat MMKN dalam masa terdekat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

1. Nyatakan dengan terperinci, adakah akaun PDC atau subsidiari PDC pernah dibeku atau sedang dibeku oleh PDRM atas siasatan kes berkenaan *scam* MBI?

   (a) Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan perkara sebegini tidak lagi berlaku?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Terdapat satu (1) akaun bank milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dibekukan atas siasatan kes *scam* MBI oleh Bahagian Anti Pengubahan Wang Haram (AMLA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 23 Julai 2025. Namun akaun ini telah diaktifkan semula pada 30 Julai 2025.

   (a) Bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang pada masa hadapan, penilaian menyeluruh dan terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan Kerajaan Negeri dan PDC hanya berurus niaga dengan pelabur yang mempunyai rekod prestasi baik, kepakaran yang relevan dalam bidang pelaburan serta keupayaan modal atau pembiayaan kewangan yang kukuh dan terjamin.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

2. Kebajikan negeri.

(a) Nyatakan jumlah sumbangan Skim i-Sejahtera yang dibelanja oleh kerajaan pada tahun 2020 hingga 2025.

(b) Nyatakan jumlah sumbangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 hingga 2025?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2.

(a) Perincian jumlah sumbangan Program i-Sejahtera yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2020 hingga tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Jumlah sumbangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 hingga Oktober 2025 adalah seperti berikut:

Peruntukan Negeri di bawah OS42000
Pemberian dalam negeri

Tahun	Peruntukan (RM)
2020	8,000,000.00
2021	8,000,000.00
2022	8,200,000.00
2023	8,200,000.00
2024	8,001,000.00
2025	8,500,000.00
JUMLAH	**48,901,000.00**

Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2025 adalah merangkumi pelaksanaan beberapa program kebajikan seperti berikut:

(i) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES);

(ii) Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin;

(iii) Tabung Bantuan Segera Negeri (TBSN);

(iv) Bantuan Latihan Sambil Belajar (BLSB);

(v) Bantuan Bencana Alam Negeri Pulau Pinang;

(vi) Bantuan Geran Pentadbiran kepada Pertubuhan Sukarelawan; dan

(vii) Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan (BAT/S)

Sumbangan Kerajaan Negeri kepada JKM Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2025 dilaksanakan mengikut keperluan program kebajikan yang sedang berjalan. Jumlah sumbangan ini tidak kekal dan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan rakyat Pulau Pinang. Pendekatan ini memastikan bantuan disalurkan secara lebih berkesan dan responsif terhadap keperluan semasa masyarakat.

LAMPIRAN A

LAPORAN PENERIMA DAN BAYARAN TAHUNAN I-SEJAHTERA (2020-OKTOBER 2025)

PROGRAM	2020			2021		
	PENERIMA	KADAR	JUMLAH	PENERIMA	KADAR	JUMLAH
PENGHARGAAN WARGA EMAS	157,232	RM150.00	RM23,584,800.00	173,284	RM150.00	RM25,992,600.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	10,328	RM100.00	RM1,032,800.00	10,679	RM100.00	RM1,067,900.00
BANTUAN OKU	11,637	RM150.00	RM1,745,550.00	11,644	RM150.00	RM1,746,600.00
SURI EMAS	44,266	RM100.00	RM4,426,600.00	45,372	RM100.00	RM4,537,200.00
ANAK EMAS	6,033	RM200.00	RM1,206,600.00	2,820	RM200.00	RM564,000.00
KHAIRAT WARGA EMAS	5,221	RM1,000.00	RM5,221,000.00	4,906	RM1,000.00	RM4,906,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	21	RM1,000.00	RM21,000.00	14	RM1,000.00	RM14,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	0	RM1,000.00	RM0.00	37	RM1,000.00	RM37,000.00
Jumlah (RM)	**239,738**		**RM37,238,350.00**	**248,756**		**RM38,865,300.00**

LAMPIRAN A

PROGRAM	2022			2023		
	PENERIMA	KADAR	JUMLAH	PENERIMA	KADAR	JUMLAH
PENGHARGAAN WARGA EMAS	198,434	RM200.00	RM39,686,800.00	202,193	RM200.00	RM40,438,600.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	11,094	RM100.00	RM1,109,400.00	10,968	RM100.00	RM1,096,800.00
BANTUAN OKU	12,686	RM200.00	RM2,537,200.00	13,344	RM200.00	RM2,668,800.00
SURI EMAS	47,462	RM100.00	RM4,746,200.00	45,844	RM100.00	RM4,584,400.00
ANAK EMAS	3,767	RM200.00	RM753,400.00	5,971	RM200.00	RM1,194,200.00
KHAIRAT WARGA EMAS	6,180	RM1,000.00	RM6,180,000.00	5,886	RM1,000.00	RM5,886,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	15	RM1,000.00	RM15,000.00	24	RM1,000.00	RM24,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	134	RM1,000.00	RM134,000.00	138	RM1,000.00	RM138,000.00
Jumlah (RM)	**279,772**		**RM55,162,000.00**	**248,368**		**RM56,030,800.00**

LAMPIRAN A

PROGRAM	2024			2025 (SEHINGGA OKTOBER)		
	PENERIMA	KADAR	JUMLAH	PENERIMA	KADAR	JUMLAH
PENGHARGAAN WARGA EMAS	205,242	RM200.00	RM41,048,400.00	209,816	RM200.00	RM41,963,200.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	10,747	RM100.00	RM1,074,700.00	10,639	RM100.00	RM1,063,900.00
BANTUAN OKU	14,490	RM200.00	RM2,898,000.00	14,987	RM200.00	RM2,997,400.00
SURI EMAS	45,095	RM100.00	RM4,509,500.00	44,217	RM100.00	RM4,421,700.00
ANAK EMAS	5,059	RM200.00	RM1,011,800.00	3,852	RM200.00	RM770,400.00
KHAIRAT WARGA EMAS	5,517	RM1,000.00	RM5,517,000.00	4,306	RM1,000.00	RM4,306,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	14	RM1,000.00	RM14,000.00	9	RM1,000.00	RM9,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	171	RM1,000.00	RM171,000.00	97	RM1,000.00	RM97,000.00
Jumlah (RM)	**286,335**		**RM56,244,400.00**	**287,923**		**RM55,628,600.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

3. Aplikasi *Penang Smart Parking* sering mengalami gangguan sistem, apakah masalah utama yang dihadapi dalam sistem aplikasi ini?

   (a) Nyatakan dari tahun 2023 hingga 2025, berapa kali mengalami masalah gangguan dan apakah kos lepas yang ditanggung oleh MBPP?

   (b) Nyatakan syarikat yang menjalani operasi aplikasi ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Antara isu utama yang dikenal pasti berhubung gangguan dalam sistem Aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP) adalah seperti berikut:

   (i) Gangguan fungsi aplikasi secara keseluruhan yang menyebabkan pengguna tidak dapat mengakses atau membuat bayaran caj letak kereta dalam tempoh tertentu;

   (ii) Ralat teknikal pada sistem pembayaran, termasuk insiden di mana kompaun dikeluarkan walaupun bayaran tempat letak kereta masih aktif; dan

   (iii) Kegagalan sambungan pelayan *(server)* dan isu penyelenggaraan sistem yang menyebabkan kelewatan

proses transaksi dan kesulitan pengguna untuk mendaftar atau log masuk ke aplikasi tersebut.

(a) Secara keseluruhan, PSP telah mengalami gangguan sistem sebanyak lapan (8) kali dari tahun 2023 sehingga 2025.

MBPP tidak menanggung sebarang kos tambahan akibat daripada gangguan sistem PSP memandangkan segala kerja pembaikan dan pemulihan ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat yang mengendalikan aplikasi tersebut.

(b) Syarikat yang bertanggungjawab mengendalikan operasi Aplikasi PSP ialah HeiTech Padu Berhad (HTP).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

4. Apakah status pelaksanaan projek *Water Taxi* di Pulau Pinang?

   (a) Adakah projek ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kesesakan di bahagian Pulau?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengiklankan *Request For Proposal* (RFP) Perkhidmatan *Water Taxi* pada bulan Disember 2022. Walau bagaimanapun, RFP ini telah dibatalkan pada awal tahun 2025 susulan daripada kegagalan pembida untuk memperolehi kelulusan-kelulusan yang wajib daripada pihak-pihak berkuasa.

   Pada masa kini, Kerajaan Negeri sedang mengkaji lokasi-lokasi jeti yang sesuai untuk penyediaan perkhidmatan *Water Taxi* yang menghubungkan kawasan Pulau dan Seberang Perai.

   (a) Kerajaan Negeri dan MBPP sedar bahawa keutamaan dan galakan perlu diberikan kepada penggunaan pengangkutan awam untuk menangani kesesakan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Tujuan utama cadangan Perkhidmatan *Water Taxi* disediakan adalah sebagai salah satu mod pengangkutan awam yang boleh digunakan oleh orang awam untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bahagian Pulau, Pulau Pinang. Kebanyakan jalan-jalan utama di bahagian pulau dari bahagian utara sehingga ke

bahagian selatan pulau mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk iaitu Jalan Tanjong Tokong, Weld Quay, Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan Bayan Lepas.

Sehubungan itu, sebanyak lima (5) laluan *feeder* telah dicadangkan di dalam Laporan *The Water Transport Pre-Feasibility Study* oleh perunding Halcrow iaitu laluan dari Queensbay - The Light, The Light - Weld Quay, Weld Quay - Gurney Quay, Gurney Quay - Tanjung Tokong Island dan Tanjong Island - Strait Quay.

Secara kesimpulannya, penyediaan perkhidmatan *Water Taxi* merupakan salah satu alternatif kaedah pengangkutan (mode of transport) untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

5. Berdasarkan kepada laporan media, pendapatan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang pada tahun 2024 ialah RM866 juta atau dengan kehadiran 453,600 pesakit luar negara di hospital swasta.

   (a) Adakah Kerajaan Negeri menikmati hasil pendapatan ini?

   (b) Jika tidak, apakah langkah intervensi yang akan diambil?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. (a) Kerajaan Negeri tidak menerima hasil pendapatan secara langsung daripada pesakit luar negara yang mendapatkan rawatan di hospital swasta di Pulau Pinang. Tiada cukai atau levi khusus dikenakan terhadap pelancong perubatan oleh pihak Kerajaan Negeri.

   (b) Sektor pelancongan perubatan telah memberikan kesan pengganda (multiplier effect) yang signifikan terhadap ekonomi negeri. Kehadiran pesakit antarabangsa bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja hospital dan perkhidmatan sokongan, tetapi juga meningkatkan kadar penginapan hotel, serta merangsang perbelanjaan dalam sektor makanan dan minuman, peruncitan serta pusat membeli-belah. Sektor penerbangan turut menerima manfaat melalui peningkatan jumlah perjalanan antarabangsa ke Pulau Pinang, sekali gus

memperkukuh kedudukan negeri sebagai hab pelancongan kesihatan serantau.

(c) Sebagai langkah intervensi, Kerajaan Negeri melalui *Penang Centre of Medical Tourism* (PMED) di bawah *Penang Global Tourism* terus memperkukuh ekosistem pelancongan perubatan melalui promosi berterusan, kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan, agensi pelancongan dan institusi kewangan, serta pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi bagi memperluas capaian pasaran antarabangsa. Usaha ini memastikan manfaat ekonomi sektor pelancongan perubatan dapat dinikmati secara inklusif oleh komuniti setempat, di samping mengekalkan reputasi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf antarabangsa

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

6. Nyatakan jumlah keuntungan bersih yang diperolehi PBA bagi tahun 2024 dan perincikan kegunaan keuntungan ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Jumlah keuntungan bersih yang diperolehi PBA bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM145.2 juta selepas cukai. Perincian kegunaan keuntungan ini adalah bagi tujuan berikut:

(i) Perbelanjaan Operasi (OPEX)

Merangkumi kos pembaikan, penyelenggaraan, serta aktiviti operasi harian bagi memastikan kelancaran sistem bekalan air dan keberkesanan pengurusan aset sedia ada;

(ii) Perbelanjaan Modal (CAPEX)

Melibatkan pelaksanaan projek menaik taraf infrastruktur sedia ada dan pembangunan infrastruktur baharu di bawah *Water Contingency Plan (WCP 2030)*. Ini termasuk penggantian paip lama, peningkatan kapasiti loji rawatan air, serta pelaksanaan inisiatif pengurangan kadar Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water, NRW);

(iii) Pembiayaan Perbelanjaan Modal dan Faedah SUKUK

Peruntukan bagi pembayaran pembiayaan perbelanjaan modal serta faedah hasil daripada pengeluaran SUKUK berjumlah RM300 juta pada tahun 2025, yang bertujuan

menyokong pelaksanaan projek-projek infrastruktur air strategik negeri; dan

(iv) Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Memperuntukkan sebanyak RM4 juta di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dana ini akan digunakan bagi pembinaan tangki sedutan, sistem pam, serta tangki atas bumbung untuk bangunan kediaman termasuk flat lima (5) tingkat tanpa lif, sebagai langkah meningkatkan kemudahan bekalan air kepada penduduk.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

7. Untuk tahun 2024 dan sehingga September 2025, berapakah jumlah laporan kes buli atau kes jenayah di sekolah yang diterima oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan PDRM Pulau Pinang?

   (a) Adakah Kerajaan Negeri juga bercadang mengadakan kempen kesedaran atau pendidikan terhadap kes buli dan jenayah di sekolah?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Laporan kes buli melalui Sistem Pengurusan Sahsiah Dalam IDMe (MOEIS) di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2024 adalah seramai 709 murid manakala tahun ini sehingga September 2025 pula adalah seramai 313 murid.

   Di samping itu, laporan kes buli yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang bagi tahun 2024 adalah sebanyak 32 kes manakala tahun ini sehingga September 2025 pula sebanyak 31 kes.

   (a) Dalam usaha pencegahan kes buli, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pencegahan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (SPI KPM) Bilangan 12 Tahun 2023 bertajuk Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah

menggariskan panduan bagi semua sekolah antaranya adalah pelaksanaan program secara berterusan seperti:

(i) Program ceramah anti-buli, kempen anti buli dengan kerjasama PDRM, Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) dan Penang Women's Development Corporation (PWDC);

(ii) Program "Gerakan Kepimpinan Madani : Hentikan Salah Laku Buli dan Seksual Tahun 2024" yang dilaksanakan pada 15 Disember 2024 hingga 13 Januari 2025;

(iii) Kempen "Kami Benci Buli" yang dilaksanakan di sekolah sepanjang tahun secara berkala sewaktu perhimpunan pagi;

(iv) Program "Town Hall Discussion Kontijen Pulau Pinang Tahun 2025", "Benci Buli – Cegah dan Lawan" pada 25 September 2025 di Dewan Sri Pinang;

(v) Program "Town Hall Tribunal Antibuli : #Generasi Tanpa Buli Anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang" pada 25 September 2025 di Dewan SJKC Aik Hua;

(vi) Kempen pencegahan buli sempena "Penang2030 Festival KOMTAR 2025" pada 11 Oktober 2025;

(vii) Pemasangan banner, bunting dan poster pencegahan buli di sekolah;

(viii) Pemerkasaan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) dengan melaksanakan program seperti Pelaksanaan Program Duta Sahsiah dan Kit Duta Sahsiah, Program Kit 5 Min bersama Guru Bimbingan Kaunseling (GBK), Lawatan Asrama bersama PDRM dan Pembudayaan Sahsiah Terpuji; dan

(ix) Seminar kepada guru-guru kaunseling di Pulau Pinang anjuran Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) pada 17 Julai 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

8. Isu monyet liar.

   (a) KADUN Seri Delima dan Kebun Bunga mempunyai isu monyet liar yang sangat membimbangkan, apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

   (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang wujudkan jawatankuasa khas bagi menangani masalah ini?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. (a) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perhilitan bagi menangani konflik gangguan hidupan liar seperti kera adalah seperti berikut:

   (i) Siasatan Aduan: Menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima bagi mengenal pasti spesies terlibat dan tindakan sesuai. Siasatan telah dibuat di Seri Delima, Kebun Bunga dan Krystal Heights pada Jun 2024.

   (ii) Khidmat Nasihat: Memberi nasihat kepada pengadu mengenai pengurusan sampah dan penjagaan kawasan bagi mengurangkan gangguan.

   (iii) Pemasangan Perangkap: Memasang perangkap di lokasi sesuai; dua (2) unit perangkap dipasang di

Taman Bukit Indah pada Jun 2024 dan berjaya menangkap 40 ekor kera.

(iv) Pemantauan Berterusan: Melakukan rondaan dan pemantauan 1–2 kali seminggu serta memastikan perangkap diaktifkan sepanjang tempoh operasi.

(b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani konflik manusia dan kera. Namun, Jabatan Perhilitan terus melaksanakan langkah sedia ada seperti:

(i) Pemantauan dan kawalan populasi kera melalui tangkapan dan pemindahan di kawasan berisiko.

(ii) Program kesedaran masyarakat untuk meningkatkan kefahaman tentang pencegahan konflik.

(iii) Kerjasama dengan PBT dan agensi berkaitan bagi tindakan bersepadu di kawasan terjejas.

Kerajaan Negeri akan terus memantau situasi dan mempertimbangkan penubuhan jawatankuasa khas jika perlu pada masa hadapan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

9. Isu kereta tersadai.

   (a) Selepas pelancaran oleh Menteri Pengangkutan berkaitan Skim Strata Kenderaan Usang pada September lepas, apakah kesan atau sambutan yang diterima oleh MBPP?

   (b) Selain skim ini, apakah lagi perancangan MBPP bagi mengatasi masalah kereta tersadai

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima sambutan yang amat positif daripada komuniti perumahan strata selepas pelancaran Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang oleh YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan pada 20 September 2025 yang lalu. Program ini dilihat berjaya meningkatkan kesedaran dan kefahaman pihak *Joint Management Body* (JMB) dan pihak *Management Committee* (MC) mengenai kaedah pengurusan kenderaan usang di kawasan masing-masing.

Pihak pengurusan skim strata kini lebih memahami tanggungjawab dan bidang kuasa mereka termasuklah dalam menggubal *House Rules* yang berkaitan dengan kenderaan terbiar. Sehubungan dengan itu, langkah ini telah mendorong beberapa pengurusan skim perumahan strata untuk mula berurusan secara langsung dengan pihak MBPP bagi mendapatkan rujukan berhubung panduan teknikal serta nasihat pelaksanaan.

Sehingga kini, sebanyak lima (5) buah kenderaan usang telah diserahkan secara sukarela oleh pemilik masing-masing melalui kaedah *'e-Dereg'* yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama syarikat pelupusan berlesen (*Authorised Automotive Treatment Facility* – AATF) iaitu Car Medic Sdn. Bhd. Kaedah ini membolehkan proses pembatalan pendaftaran dilaksanakan dengan sah, efisien dan tanpa sebarang kos tambahan kepada pemilik.

Memandangkan Negeri Pulau Pinang menjadi negeri perintis pertama bagi program ini, pihak MBPP berpandangan bahawa program ini telah memberi impak yang sangat positif untuk meningkatkan kesedaran awam, menggalakkan kerjasama antara pihak kerajaan, pihak swasta dan komuniti strata serta membuka ruang kepada pelaksanaan pengurusan kenderaan usang yang lebih tersusun, sistematik dan mesra alam di Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya.

(b) Bagi mengatasi masalah kenderaan tersadai, pihak MBPP akan menggalak dan memperluas pelaksanaan Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang ke lebih banyak skim perumahan strata di kawasan pentadbiran MBPP kerana pendekatan penyerahan secara sukarela oleh pemilik kenderaan ini dilihat sebagai kaedah yang paling berkesan dan beretika dalam menguruskan pelupusan kenderaan usang.

Selain itu, pihak MBPP juga sedang meneliti peluang sekiranya dapat diwujudkan kerjasama antara pihak pengeluar dan pengedar kenderaan bagi memperkenalkan skim insentif tukar-balik (*trade-in*) untuk menggalakkan pemilik melupuskan kenderaan lama serta beralih kepada kenderaan baharu yang lebih selamat dan mesra alam.

Bagi jangka masa panjang pula, pihak MBPP berhasrat untuk mengemukakan syor kepada Kerajaan Negeri agar dapat mempertimbangkan penggubalan satu kerangka perundangan khusus berkaitan pelupusan kenderaan yang telah mencapai tempoh *end-of-life vehicle* (ELV). Langkah ini penting bagi memastikan pengurusan kenderaan usang dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh, berkesan dan mampan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

10. Kenderaan berat yang membawa bahan binaan sesuatu projek sering mendatangkan masalah dan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bercadang memasukkan masa kenderaan berat sesuatu projek untuk masuk ke kawasan bandar dalam permohonan Kebenaran Merancang?

    (a) Jika tidak, adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kemalangan yang melibatkan kenderaan berat?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius isu kesesakan lalu lintas yang sering timbul berikutan pelaksanaan projek pembangunan baharu. Setiap PBT mengambil langkah mitigasi melalui kaedah yang berbeza bagi mengelakkan isu ini daripada menjadi lebih kritikal.
    Bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), pihak MBPP telah menetapkan syarat agar setiap pemaju menyediakan Pelan Pengurusan Trafik semasa mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM). Penyediaan pelan ini turut mengambil kira aspek pergerakan kenderaan berat keluar dan masuk ke tapak pembangunan bagi tujuan kawalan serta pemantauan aliran trafik di kawasan sekitarnya dan pelan ini akan disemak oleh Jabatan Kejuruteraan MBPP. Selain itu, pihak MBPP turut mensyaratkan supaya penghantaran bahan binaan hendaklah dijadualkan

pada waktu luar puncak sahaja untuk memastikan kelancaran aliran trafik dan mengurangkan kesesakan di kawasan sekitar.

Manakala bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, pergerakan kenderaan berat yang memasuki kawasan bandar atau menggunakan jalan utama seperti Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan untuk ke tapak cadangan pembangunan semasa peringkat kerja tanah, laluan tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi penyelenggara jalan. Selain itu, MBSP telah menetapkan syarat dalam Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan bahawa kerja-kerja tanah serta kerja pembinaan hanya boleh dijalankan pada waktu yang dibenarkan sahaja iaitu antara jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang (Isnin sehingga Jumaat) dan jam 8.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari (Sabtu). Kerja-kerja tersebut tidak dibenarkan dijalankan pada hari Ahad dan cuti umum. Namun, buat masa ini pihak MBSP tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menetapkan jadual pergerakan kenderaan berat sesuatu projek ke kawasan bandar dalam PKM. Cadangan ini akan dipertimbangkan sekiranya mempunyai keperluan pada masa akan datang.

(a) Sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan kenderaan berat, perkara tersebut adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*AKTA 333]* dan jika berlaku sebarang kejadian kemalangan di tapak pemajuan yang melibatkan kenderaan berat, ia akan dilindungi di bawah polisi insurans *'Contractor All Risks'*, yang menjadi tanggungjawab pihak pemaju dan kontraktor projek yang dilantik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

11. Senaraikan penerbangan antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari hingga September 2025 beserta dengan jumlah penumpang.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Penerbangan antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari hingga September 2025 adalah seperti berikut:

    (a) Thai Airways;

    (b) Firefly;

    (c) Cathay Pacific;

    (d) AirAsia;

    (e) HK Express;

    (f) Lion Air;

    (g) Citilink, JetStar;

    (h) Scoot Airlines;

    (i) Singapore Airlines;

(j) Batik Air;

(k) China Southern Airlines;

(l) China Airlines;

(m) Thai Lion Air;

(n) Myanmar Airways;

(o) Qatar Airways;

(p) FlyDubai, Xiamen Airlines;

(q) Juneyao Airlines;

(r) Shanghai Airlines;

(s) Shenzhen Airlines;

(t) Sichuan Airlines;

(u) Indigo Airlines;

(v) Loong Airlines; dan

(w) Cambodia Airways.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses kepada bilangan penumpang bagi setiap syarikat penerbangan namun data jumlah ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

KETIBAAN ANTARABANGSA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG BAGI TAHUN 2025

BULAN	TAHUN 2025
JANUARI	191,339
FEBRUARI	172,126
MAC	169,447
APRIL	119,946
MEI	168,083
JUN	162,544
JULAI	180,595
OGOS	166,702
SEPTEMBER	165,154
JUMLAH	**1,495,936**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

12. Berapakah kadar minat membaca di kalangan rakyat Pulau Pinang?

    (a) Apakah kaedah Kerajaan Negeri dalam memupuk budaya suka membaca di Pulau Pinang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Berdasarkan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), kadar membaca dalam kalangan rakyat Pulau Pinang direkodkan sebanyak 89.1 peratus, manakala pada tahun 2024/2025 kadar membaca masyarakat Pulau Pinang adalah sebanyak 95 peratus. Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Pulau Pinang mempunyai tahap amalan membaca yang tinggi dan merupakan antara negeri yang aktif dalam pembudayaan ilmu.

    (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) sentiasa komited dalam memperkukuh budaya membaca dalam kalangan rakyat negeri ini. Usaha dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perpustakaan kekal relevan dan berperanan sebagai pusat rujukan ilmu, penyebaran maklumat dan komuniti pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif seperti berikut:

(i) Pemerkasaan Perkhidmatan Perpustakaan;

1) Melalui penyediaan kemudahan perpustakaan yang kondusif, mesra pengguna dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.

AKTIVITI / INISIATIF	JUMLAH PENGLIBATAN / PENYERTAAN
Pemerkasaan Perkhidmatan Perpustakaan (pengunjung fizikal & maya)	688,293 pengunjung (426,742 fizikal, 261,551 maya)

(ii) Program Galakan Membaca;

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memupuk budaya suka membaca dalam kalangan rakyat negeri ini. Salah satu pendekatan utamanya adalah melalui pelaksanaan Program Galakan Membaca merangkumi pelbagai bentuk aktiviti seperti kempen bacaan, pertandingan, pameran serta inisiatif pinjaman kelompok yang memberi peluang kepada masyarakat daripada pelbagai lapisan termasuk sekolah, tadika dan jabatan kerajaan untuk mengakses bahan bacaan dengan lebih mudah. Inisiatif ini turut mendapat sambutan menggalakkan.

BILANGAN PELAKSANAAN / PROGRAM	JUMLAH PENGLIBATAN / PENYERTAAN
2,360 program	1,935,229 peserta

1) Jom Baca Bersama 10 Minit;

a) Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan satu inisiatif kebangsaan yang mula diperkenalkan pada tahun 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM). Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) turut menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit Tahun 2025 sebagai komitmen berterusan dalam menyokong gerakan membaca kebangsaan.

Program	Jumlah Penglibatan / Penyertaan
Jom Baca Bersama 10 Minit	347,721 peserta

2) Program Jom Baca Bersama TKM1, YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid;

a) Program Jom Baca Bersama TKM1 diinisiatifkan oleh Timbalan Ketua Menteri 1, YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid yang melibatkan 41 buah sekolah merangkumi 13 Parlimen di Negeri Pulau Pinang.

3) Jalinan Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; dan

a) Pada 5 Februari 2025, Majlis Peluncuran Rakan Strategik antara Jabatan Pendidikan Negeri dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah diadakan di Prangin Mall, menandakan kerjasama strategik bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar;

b) Perpustakaan menyokong pelaksanaan Program NILAM di sekolah-sekolah dengan menyediakan pelbagai bahan bacaan yang sesuai mengikut tahap umur dan minat pelajar. Melalui penyediaan koleksi

buku fizikal dan digital, perpustakaan memudahkan pelajar mengakses bahan bacaan untuk direkodkan dalam Buku NILAM mereka.

c) Perpustakaan turut menganjurkan sesi bimbingan, bengkel membaca dan penulisan, serta aktiviti galakan membaca seperti ceramah dan pertandingan ulasan buku, bagi meningkatkan kemahiran literasi pelajar.

4) Pesta Buku Pulau Pinang.

a) Pesta Buku Pulau Pinang turut memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri perbukuan tempatan dengan menyediakan ruang niaga, promosi dan jaringan antara penerbit, penulis, pembaca dan industri perbukuan. Selain jualan buku dan produk pendidikan, Pesta Buku membuka peluang kolaborasi bagi memperkasa komuniti ilmu seperti institusi pendidikan, agensi kerajaan, NGO dan syarikat teknologi. Kesannya, Pulau Pinang bakal dilihat sebagai pusat ilmu yang dinamik dan berdaya tahan, seterusnya menjana impak sosioekonomi yang mampan melalui pembangunan intelektual masyarakat.

b) Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Malaysia, Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Pesta Buku Pulau Pinang Tahun 2025 bersempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 pada 17 hingga 20 Julai 2025 bertempat di pekarangan Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan telah mencatatkan jumlah pengunjung seramai 221,299 orang.

(iii) Penyediaan Akses Kepada Bahan Bacaan Elektronik; dan

1) Selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan pembaca masa kini, Kerajaan Negeri juga

menumpukan perhatian kepada pengukuhan literasi digital melalui penyediaan akses kepada bahan bacaan elektronik yang lebih interaktif dan mesra pengguna.

2) Sebagai sebahagian daripada usaha transformasi digital, PPAPP juga menyediakan perkhidmatan Hub Digital @ PPAPP secara percuma iaitu pusat akses sehenti bagi kemudahan bacaan elektronik, pembelajaran dalam talian dan aktiviti berasaskan teknologi. Melalui Hub Digital @ PPAPP yang dipanjangkan penggunaannya melalui platform u-Pustaka, pengguna dapat mengakses pelbagai sumber digital seperti e-Buku, e-Majalah, e-Suratkhabar, e-Jurnal, buku audio, 19 pangkalan data dalam talian yang disediakan menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) kepada Perpustakaan Awam Negeri (PAN). Sebanyak 5 juta judul bahan bacaan digital disediakan yang boleh diakses pada setiap masa.

(iv) Inisiatif Pinjaman Kelompok: Strategi PPAPP Meningkatkan Jumlah Pinjaman dan Pembudayaan Membaca.

1) Menerusi program pinjaman kelompok yang merupakan salah satu inisiatif strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang bagi meningkatkan jumlah pinjaman bahan bacaan serta memperluas capaian perkhidmatan kepada komuniti. Melalui program ini, perpustakaan menawarkan kemudahan pinjaman secara pukal kepada institusi seperti sekolah, tadika, jabatan kerajaan dan komuniti di mana wakil bertindak sebagai penyelaras pinjaman bagi pihak kumpulan mereka. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan akses kepada bahan bacaan tanpa perlu hadir secara individu ke perpustakaan, malah menggalakkan pembudayaan membaca secara menyeluruh dalam kalangan warga sekolah, kanak-kanak, penjawat awam dan komuniti. Inisiatif ini membantu meningkatkan statistik pinjaman bahan perpustakaan di samping memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat dalam komuniti.

PINJAMAN KELOMPOK	JUMLAH PINJAMAN
209 Institusi	175,689 bahan

(v) Menggalakkan aktiviti lawatan penanda aras, lawatan akademik dan penglibatan komuniti ke Perpustakaan.

1) PPAPP sentiasa menggalakkan aktiviti lawatan akademik, lawatan penandaarasan, dan penglibatan komuniti ke perpustakaan sebagai usaha memperkukuh jaringan kerjasama serta menonjolkan peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan rujukan.

2) Sepanjang tahun 2025, sebanyak 31 lawatan telah diterima dengan penyertaan seramai 1,336 orang, melibatkan pelbagai sektor institusi.

3) Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh kerjasama antara perpustakaan dengan pelbagai institusi, malah menonjolkan PPAPP sebagai hab ilmu, pusat rujukan, dan lokasi penandaarasan bagi masyarakat umum.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

13. Rumah Pangsa Padang Tembak.

(a) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi tempoh 2023, 2024 dan sehingga September 2025?

(b) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kualiti kehidupan penduduk Padang Tembak ditambah baik?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited dalam usaha memastikan kesejahteraan rakyat serta peningkatan kualiti hidup penduduk, khususnya di kawasan Rumah Pangsa Padang Tembak, melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan dan kerja penyelenggaraan secara berkala. Sejak tahun 2023 sehingga September 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3,751,169.96 bagi pelaksanaan sebanyak 94 projek penyelenggaraan di skim-skim perumahan awam dan swasta yang layak di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jadual perincian peruntukan penyelenggaraan Rumah Pangsa Padang Tembak bagi tempoh tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat komited dalam usaha memperbaiki kemudahan asas bagi memudahkan kehidupan rakyat terutamanya penduduk di Rumah Pangsa Padang Tembak. Antara langkah yang telah diambil adalah:

(i) Memberi bantuan penyelenggaraan lif bagi memastikan sistem lif berfungsi dengan baik; dan

(ii) Melantik syarikat pengurusan harta swasta untuk menguruskan Skim Rumah Pangsa Padang Tembak bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, mempercepat penyelesaian aduan dan memperkukuh pengurusan harian perumahan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengenal pasti Rumah Pangsa Padang Tembak sebagai salah satu projek di bawah inisiatif Pembaharuan Semula Bandar dalam *Rolling Plan* 5 (RP5), Pelan Induk Pembangunan LPNPP 2026–2030. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang lebih moden, mampan, berdaya huni dan inklusif di samping menangani isu seperti keluasan unit kediaman yang kecil serta kekurangan kemudahan masyarakat. Pendekatan ini juga dapat membuka ruang kepada pembangunan semula kawasan lama agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kesejahteraan rakyat secara tuntas.

LAMPIRAN A

PERINCIAN PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK BAGI TAHUN 2023 SEHINGGA SEPTEMBER 2025

TAHUN	PERUNTUKAN			JUMLAH (RM)
	BELANJA PEMBANGUNAN (RM)	PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (RM)	AKAUN AMANAH PERUMAHAN MAMPU MILIK (RM)	
2023	1,673,118.98	446,700.00	222,143.17	**2,341,962.15**
2024	800,510.00	0.00	40,600.00	**841,110.00**
SEPTEMBER 2025	0.00	438,101.00	129,996.81	**568,097.81**
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**2,473,628.98**	**884,801.00**	**392,739.98**	**3,751,169.96**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA YB LEE BOON HENG

14. Tanah adalah bidang kuasa mutlak Kerajaan Negeri, apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap tuan tanah yang menyewakan tanah untuk didirikan rumah tetapi tidak melaksana kerja penyelenggaraan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Tanah terletak di bawah bidang kuasa mutlak Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Ini bermaksud urusan seperti pemegangan tanah, pendaftaran hakmilik dan surat ikatan berhubungan dengan tanah, penerokaan, pemajuan tanah, pengambilan tanah, pengeluaran permit dan lesen untuk mencari gali lombong dan lain-lain yang berkaitan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah.

Walaupun Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah, kuasa tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa terutamanya Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya ke atas tanah milik kerana hakmilik tersebut dilindungi oleh undang-undang selaras dengan Seksyen 340(1), Kanun Tanah Negara, kecuali ada asas-asas tertentu bagi menyangkal keesahannya.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah akan memantau tanah-tanah berimilik bagi mengenal pasti sama ada pembangunan yang dilaksanakan adalah mengikut kategori kegunaan tanah dan syarat nyata yang diluluskan. Sekiranya didapati tuan tanah melanggar syarat nyata atau tidak mematuhi peraturan-peratuan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 129 Kanun Tanah Negara [Akta 828].

Apabila hakmilik telah didaftarkan dengan nama tuan punya tanah telah tercatat dalam hakmilik tersebut, maka tanah itu secara sah dan muktamad telah terletak hak dan menjadi hak kepunyaan kepada tuan punya tanah yang namanya didaftarkan dalam hakmilik tersebut. Justeru, tuan punya tanah mempunyai hak dan tanggungjawab ke atas tanah yang dimiliki termasuk menyelenggara tanah milik masing-masing.

Sekiranya tanah tersebut telah disewakan kepada penyewa untuk didirikan rumah tetapi tuan punya tanah atau penyewa tidak melaksanakan penyelenggaraan, perkara ini dilihat lebih berkait rapat perihal pematuhan kepada skop-skop yang telah pun dipersetujui bersama oleh tuan punya tanah dan penyewa tanah dalam perjanjian tenansi yang dimeterai. Pemantauan perjanjian tenansi ini merupakan tanggungjawab sepenuhnya tuan punya tanah dan penyewa dan adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Namun, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya d bawah Seksyen 80 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 sekiranya wujud kacau ganggu akibat daripada kegagalan penyelenggaraan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

15. Senaraikan syarikat atau kilang daripada China yang melabur di Pulau Pinang serta jumlah pelaburan setiap mereka.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Berdasarkan data yang dikemukakan oleh pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), senarai syarikat atau kilang daripada negara China yang melabur di Pulau Pinang sejak 2021 sehingga terkini adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Namun, maklumat berkaitan jumlah pelaburan bagi setiap syarikat tersebut tidak didedahkan oleh pihak MIDA.

LAMPIRAN A

SENARAI PELABURAN DARIPADA NEGARA CHINA YANG DILULUSKAN DI BAWAH BIDANG KUASA MIDA MENGIKUT PROJEK DI PULAU PINANG MULAI 2021 HINGGA 2025

BIL.	TAHUN KELULUSAN	NAMA SYARIKAT	SEKTOR UTAMA	JUMLAH PELABURAN (RM)
1	2021	Jinko Solar Technology Sdn. Bhd.	Pembuatan	**681,251,473.00**
2		Inventec Appliances (Malaysia) Shd. Bhd.	Pembuatan	
3		BYD Electronics (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
4		Mehow Medical (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
5		Wahbo (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
6	2022	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pembuatan	**3,033,022,271.00**
7		TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
8		TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
9		TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
10		Huaya Precision Manufacturing Sdn. Bhd.	Pembuatan	
11		Huaya Precision Manufacturing Sdn. Bhd.	Pembuatan	
12		Fengshi Metal Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
13		Ruihan Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
14		Kaifa Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
15		Kaifa Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
16	2023	Inv New Material Technology (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	**4,682,301,147.00**
17		Linktel Technologies Sdn. Bhd.	Pembuatan	
18		Lepu Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
19		Phabritek Sdn. Bhd.	Pembuatan	
20		Fastrain Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
21		Lepu Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
22		Omega Solar Sdn. Bhd.	Pembuatan	
23		Omega Solar Sdn. Bhd.	Pembuatan	
24		Ace Mechanical Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
25		Kaifa Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
26		Well Tech Technologies (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
27		Dahua Precision Manufacturing Sdn. Bhd.	Pembuatan	
28		Mehow Medical (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
29		Mehow Medical (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
30		Heatwise Sdn. Bhd.	Pembuatan	
31		Zhongding Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
32		Kaifa Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	

SENARAI PELABURAN DARIPADA NEGARA CHINA YANG DILULUSKAN
DI BAWAH BIDANG KUASA MIDA MENGIKUT PROJEK DI PULAU PINANG MULAI 2021 HINGGA 2025

BIL.	TAHUN KELULUSAN	NAMA SYARIKAT	SEKTOR UTAMA	JUMLAH PELABURAN (RM)
33	2024	Unimx Technology Sdn. Bhd.	Pembuatan	**4,566,972,959.00**
34		CosMX Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
35		SuperSiC (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
36		PEN S J Electronics Sdn. Bhd.	Pembuatan	
37		IoTronix Technologies Sdn. Bhd.	Pembuatan	
38		RIGOL Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
39		ePAK (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
40		JHT Semiconductor Sdn. Bhd.	Pembuatan	
41		Nexustest Technology Sdn. Bhd.	Pembuatan	
42		BYD Electronics (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
43		RCT Power Energy (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
44		ShiJia Technologies (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
45		Victortech (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
46		Winway Interconnect Technology (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
47		Jutze Interconnect Sdn. Bhd.	Pembuatan	
48		Yunyi Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
49		Inventec Appliances (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
50		Waftech Sdn. Bhd.	Pembuatan	
51		Keyto My Sdn. Bhd.	Pembuatan	
52		Xinglian Technology Sdn. Bhd.	Pembuatan	
53		PG JYX Manufacture (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
54		Huaya Precision Manufacturing Sdn. Bhd.	Pembuatan	
55		Golden Spice Biotechnology Sdn. Bhd.	Pembuatan	
56		Indusair Electronics (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
57		Minami Electronics Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
58		AccoTEST Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
59		Phograin Technology Sdn. Bhd.	Pembuatan	
60		Minami Electronics Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
61		Jutze Interconnect Sdn. Bhd.	Pembuatan	
62		Suzhou Automei Automation Technology Co., Ltd	Perkhidmatan	
63		Huzhou Bolang Medical Technology Co., Ltd	Perkhidmatan	

SENARAI PELABURAN DARIPADA NEGARA CHINA YANG DILULUSKAN
DI BAWAH BIDANG KUASA MIDA MENGIKUT PROJEK DI PULAU PINANG MULAI 2021 HINGGA 2025

BIL.	TAHUN KELULUSAN	NAMA SYARIKAT	SEKTOR UTAMA	JUMLAH PELABURAN (RM)
64	2025	TF-AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pembuatan	**3,872,332,486.00**
65		Guangdong Tianyu Semiconductor Co., Ltd.	Pembuatan	
66		Linktel Technologies Sdn. Bhd.	Pembuatan	
67		Starlink Electronic Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
68		Hongfeng Special Materials (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
69		PXM Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
70		Jiaze Industrial (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
71		BQCTech Sdn. Bhd.	Pembuatan	
72		Sunyo Technology (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
73		B&T Drilling Technology (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
74		Fengshi Metal Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	
75		VITEK Technologies Sdn. Bhd.	Pembuatan	
76		Changyuan Automation Sdn. Bhd.	Pembuatan	
77		Inventec Appliances (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan	
78		Kaifa Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

16. Senaraikan nama syarikat kontraktor dan nama pemilik yang mendapat projek daripada PBA dari tahun 2024 hingga September 2025 dengan jumlah kos projek.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Senarai nama syarikat kontraktor dan nama pemilik yang mendapat projek daripada PBA dari tahun 2024 hingga September 2025 dengan jumlah kos projek adalah seperti di **LAMPIRAN A (Tahun 2024)** dan **LAMPIRAN B (Tahun 2025)**.

LIST OF TENDER APPROVED BY THE TENDER BOARD YEAR 2024

No.	Tender	Contractor	Contract Amount (RM)	Nama Pengarah
1	KERJA – KERJA MENAIKTARAF, PEMBAIKAN DAN MENGECAT PEJABAT OPERASI JAWI JALAN CANGKAT SERTA KERJA - KERJA BERKAITAN DI SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	EXCELLENT ENGINEERING VENTURE SDN BHD	419,555.00	NOOR SUHARAINI BINTI HAMID NORIZAN BIN MOHD AZMAN
2	PENGALIHAN SESALUR UTAMA 600MM, 300MM & 150MM S-BEND BAGI PERLAKSANAAN PROJEK TEBATAN BANJIR OLEH JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN (JPS) & MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) DI JALAN PERMATANG RAWA, JALAN GAJAH MATI & TAMAN SEJAHTERA, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	LIM ENG CHIN ENTERPRISE	303,450.00	LIM ENG CHIN
3	PEMBEKALAN DAN PENGGANTIAN PAIP-PAIP BERGARISPUSAT 100MM BESI TUANG (CI) DAN 50MM BESI BERGALVANI (GI) KEPADA PAIP-PAIP BERGARISPUSAT 300MM BESI KELULI LEMBUT (360M), 150MM BESI MULUR (1,084M) DAN 50MM PAC (1,831M) DI JALAN EDGECUMBE, LORONG EDGECUMBE, GERBANG EDGECUMBE, MEDAN LIM CHENG TEIK, JALAN LUNAS DAN SOLOK LUNAS, GEORGETOWN, DTL, PULAU PINANG (RETENDER)	Sanjung Teamwork Sdn. Bhd.	2,300,167.00	ONG KOK KIONG LEONG JIA XIN
4	PENGGANTIAN PAIP AIR BERGARISPUSAT 150MM SIMEN ASBESTOS KEPADA DN 200mm BESI MULUR & 63mm HDPE DI SEPANJANG JALAN TASEK, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	Sanjung Teamwork Sdn. Bhd.	1,792,890.00	ONG KOK KIONG LEONG JIA XIN
5	PENGGANTIAN PAIP AIR BERGARISPUSAT 150mm SIMEN ASBESTOS KEPADA DN 150mm BESI MULUR DAN 63MM HDPE DI JALAN KERIAN KEDAH DARI TAMAN JAWI JAYA SEHINGGA KE PERSIMPANGAN JALAN SUNGAI DURI, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	Quality Expansion Sdn.Bhd.	1,370,830.00	ABDUL HALIM BIN ABDUL RASHID NOR HANIZA BINTI ABDUL HAMID
6	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI KAWASAN SEBERANG PERAI (PBAPP) UNTUK 24 BULAN	Saharruddin Construction Sdn Bhd	1,675,894.10	SAHARRUDDIN BIN ABD. GHNY ROSNAH BINTI AHAMD
7	UPGRADING OF AGEING/OLD RTU STATIONS AND ASSOCIATED WORKS FOR PBAPP	NIXMA TECHNOLOGY (M) SDN BHD	392,560.00	TAN YEAN CHONG PANG SHAH KEE
8	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN DAN PAGAR JENIS TEMBOK BATU BATA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SETOR SUNGAI NYIOR S.P.U , PULAU PINANG	SINAR MUTIARA DINAMIK SDN BHD	910,106.00	YUZAINI BIN CHE YUSOF
9	REPLACEMENT OF 8 NOS F DN 600 MM (24") BUTTERFLY VALVES FOR PHASE 2 FILTER SCOURING AT SUNGAI DUA WTP	WORKNETIC ENGINEERING SDN BHD	335,940.00	WONG HUI QI
10	SUPPLY AND INSTALLATION OF ELECTROMAGNETIC FLOW METER & PRESSURE REDUCING VALVE FOR 4 DMA AT DBD, PENANG	LIM ENG CHIN ENTERPRISE	398,766.00	LIM ENG CHIN
11	REPLACEMENT OF FILTER SAND, NOZZLES AND ASSOCIATED FILTER MAINTENANCE WORKS FOR PACKAGE 10 AT SUNGAI UDA WTP	HHF TRADING	831,700.00	SYAHRUL AMRIE BIN RUSHIDEN
12	PROPOSED SUPPLY, INSTALL, TESTING & COMMISSIONING SEVEN (7) NOS OF 11KV MOTOR STARTER PANELS AND ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI DUA OLD HIGH LIFT PUMP STATION, SUNGAI DUA WTP, S.P.U, PULAU PINANG. (RECALL)	ZES Engineering Sdn Bhd	5,105,100.00	MOHD ZAKI BIN ISMAIL NORZULIANA BINTI ZAINOL ABIDIN
13	CADANGAN MENJALANKAN KERJA PEMASANGAN PAIP AIR UTAMA YANG MELINTASI SUNGAI PERAI DI DALAM KAWASAN SEBERANG PERAI UTARA DAN SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG (DESIGN & BUILD).	KOK AUN ENGINEERING SDN BHD	16,888,000.00	TEOH KOK AUN GOH EAN LEE
14	CADANGAN MEMBINA DAN MENGUBAHSUAI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BOARD MEETING ROOM, TINGKAT 32 KOMTAR, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG	GOLDEN SAND VENTURE SDN BHD	399,915.00	MOHD AZUAN BIN JAAFAR @ ABDULLAH
15	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN SIMEN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI KAWASAN SEBERANG PERAI UNTUK 12 BULAN ("PBAPP") –RECALL	DS MAJU SDN BHD	410,540.00	JAMALUDIN BIN SAAD SITI JUMAAH BINTI RAHMAT
16	PROPOSED REPLACEMENT OF ONE (1) NOS OF 1000KVA 11KV/433V POWER TRANSFORMER NO.1 AND ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI DUA WATER TREATMENT, S.P.U , PULAU PINANG	A.B.U. HAYAT SDN BHD	298,000.00	MUHAMAD WIZAN BIN SULAIMAN MOHAMAD ZAIDI BIN ISA EZA HARYANTI BINTI MUDA
17	CADANGAN PEMASANGAN LIMA (5) UNIT 'PRESSURE REDUCING VALVE (PRV)' DI KAWASAN BALIK PULAU, DAERAH BARAT DAYA, PENANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	UNIBRIGHT STAR ENTERPRISE	558,000.00	TEOH CHENG YONG TEOH SEOW FANG
18	PEMBEKALAN DAN PENGGANTIAN PAIP AIR BERGARISPUSAT 300MM SIMEN ASBESTOS KEPADA DN 300MM KELULI LEMBUT DI JALAN PERSEKUTUAN FT 001 JAWI, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	PEMBINAAN MURUGEN	740,588.00	MURUGEN A/L S RENGASAMY VIKNESWARI A/P/MURUGEN

LIST OF TENDER APPROVED BY THE TENDER BOARD YEAR 2024

No.	Tender	Contractor	Contract Amount (RM)	Nama Pengarah
19	SET UP AND COMMISSION LABORATORY INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM (LIMS) AT CENTRAL LABORATORY SUNGAI DUA WATER TREATMENT PLANT	CHEMOINFORMATICS SDN BHD	359,505.00	MOK HUEH MIN, CHAN CHER MAYN, ANAND SHIVRAM IYER
20	SUPPLY, INSTALL, TEST AND COMMISSION FOR IMPROVING SLUDGE SETTLING PROCESS AUTOMATION AND OPTMIZATION AT SUNGAI DUA WATER TREATMENT PLANT	NIXMA TECHNOLOGY (M) SDN BHD	210,580.00	TAN YEAN CHONG PANG SHAH KEE
21	PROPOSED REPLACEMENT 2 NOS OF 30KW PUMP SETS & ASSOCIATED WORKS AT TAMAN PERINDUSTRIAN MACHANG INDAH PUMP STATION, S.P.T PULAU PINANG	APT ASSETS SDN BHD	181,380.00	RUSHAINI BT OSMAN AHMAD BIN ALI
22	CADANGAN PENGGANTIAN 'ELECTROMAGNETIC MAGFLOW METER' DI 'DISTRICT METERING AREAS' (DMA) DAN SEMUA KERJA BERKAITAN DI DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD. (TENDER SEMULA).	SYARIKAT BESI BAN SIN SDN BHD	490,000.00	CHUAH CHEE BENG CHUAH CHEE GEE CHUAH CHEE SIN CHUAH CHEE CHYN
23	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF TWENTY UNITS OF PEGASUS PRV PRESSURE CONTROLLER	RD-PALMER TECHNOLOGY (M) SDN BHD	598,000.00	
24	REHABILITATE THE EXISTING PHASE 2 FILTER BED TO DUAL PARALLEL LATERAL UNDERDRAIN RAPID GRAVITY SAND FILTRATION SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI DUA WTP	CMEIS SOLUTIONS SDN BHD	7,121,500.00	WONG LAI CHEN LAU KENG ANN @RICKY LAU
25	SLOPE STABILISATION WORK FOR THE 14KM SUNGAI DUA CANAL AND OTHER ASSOCIATED WORK UPGRADING WORK AT THE 14KM SUNGAI DUA CANAL TO ACCOMMODATE CAPACITY OF 1750MLD +100ARI	JALZIZ SDN. BHD.	26,828,300.00	ABDUL JALIL BIN MOHD HASSAN AHMAD TARMIZA BIN ZAINON
26	SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING FOR 0.24MLD DESALINATION PLANT AT PULAU AMAN, PULAU PINANG	KLOBERZ SDN. BHD.	2,891,960.00	TAN JIN KIAT YAP SIEW YEE
27	SUPPLY, DELIVER AND INSTALL V-FENCE SECURITY FENCING AT GUILLEMARD WATER TREATMENT PLANT	PEMBINAAN CERIA	290,044.80	MUHAMMAD NAZREEN BIN ABDUL RAHIM
28	SUPPLY, DELIVER AND INSTALL V-FENCE SECURITY FENCING AT GUILLEMARD SERVICE RESERVOIR	MUTIARA JITU ENTERPRISE	204,400.00	MUHAMMAD ASHAFY BIN MD TAMBY
29	CADANGAN PENGGANTIAN PAIP KELULI KARBON KLORIN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LRA SUNGAI DUA UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD -	GREENDEX SDN BHD	371,755.00	LIM CHENG HONG CHOO JERN YUE CHOO FOCK SIONG
30	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENAIKTRAF RUMAH PAM PALMCO BAWAH, JALAN KENARI, 11900 BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	APT ASSETS SDN BHD	496,420.00	RUSHAINI BT OSMAN AHMAD BIN ALI
31	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH GLOBAL SYSTEM FOR MOBILE COMMUNICATION (GSM) BAGI KAWALAN LEVEL TANGKI SIMPANAN DI SEMBILAN (9) LOKASI MELIPUTI KAWASAN SEBERANG PERAI DAN PULAU PINANG	AMAL SEGAR TRADING	581,600.00	BAKRI BIN HASHIM
32	PROPOSED SUPPLY, INSTALL & COMMISSION NEW RTU STATIONS TO EXTEND REMOTE MONITORING AT SEVERAL LOCATION FOR PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	BERJAYA AUTOMATION SDN BHD	939,080.00	YEAP KIM POH ONG LI-MING JIMMY KHOR
33	PEMBEKALAN DAN PENGGANTIAN PAIP AIR BERGARIS PUSAT 100MM SIMEN ASBESTOS KEPADA DN 150MM BESI MULUR DAN 63MM HDPE DI KAMPUNG CHANGKAT (BALIK BUKIT), NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	IMPOH BAHTERA ENGINEERING	2,082,950.00	MUHAMMAD DANIEL BIN SEW FATIMAH BINTI YAHYA
34	CADANGAN MENUKAR, MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH DUA (2) UNIT 11KV MEDIUM VOLTAGE DRIVE (MVD) DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI STESEN PAM BUKIT DUMBAR 2, LOT 297-301, JALAN BUKIT DUMBAR, 10000 GEORGETOWN, PULAU PINANG	BERJAYA AUTOMATION SDN. BHD	3,999,194.00	YEAP KIM POH ONG LI-MING JIMMY KHOR
35	CADANGAN MENUKAR, MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH DUA (2) UNIT POWER TRANSFORMER 1500KVA 11KV/433V, EMPAT (4) UNIT SWITCHGEAR DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS RUMAH PAM BUKIT DUMBAR, LOT 297-301, JALAN BUKIT DUMBAR, 10000 GEORGETOWN, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	BERJAYA AUTOMATION SDN. BHD.	3,914,974.30	YEAP KIM POH ONG LI-MING JIMMY KHOR
36	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KERJA-KERJA PENSTABILAN CERUN UNTUK TANAH RUNTUH DI BELAKANG EMPANGAN TELUK BAHANG	SHAFYNAZ RESOURCES	545,500.00	SHAIDATUL SHAFINAZ BINTI MAZLAN

LIST OF TENDER APPROVED BY THE TENDER BOARD YEAR 2025

No.	Tender	Contractor	Contract Amount	Nama Pengarah
1	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SATU (1) UNIT MOTOR 400KW VARIABLE SPEED DRIVES & KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR BATU FERRINGHI (TENDER SEMULA)	TALENT INTEGRATION SDN BHD	505,000.00	YAP ENG KHENG YEAP HUI WEN
2	CADANGAN TRANSFORMER OIL FILTRATION BAGI ALATUBAH KUASA DI PEPASANGAN MILIK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	HW TECH ELECTRICAL SDN BHD	820,596.00	LIM KOK HOOI ANG GAIK CHENG
3	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG & MENTAULIAH SISTEM PLC UNTUK AUTOMASI SISTEM PAM DI RUMAH PAM BUKIT MINYAK & RUMAH PAM BUKIT MERTAJAM UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG	NIXMA TECHNOLOGY (M) SDN BHD	637,340.00	TAN YEAN CHONG PANG SHAH KEE
4	CADANGAN MEMBAIKI 33KV/11KV 8MVA POWER TRANSFORMER NO.2 KEBOCORAN MINYAK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PAM MENGKUANG MAK SULONG, S.P.T., PULAU PINANG	TES ELECTRICAL SDN BHD	310,068.00	ONG TENG HOOI ONG GIM SOON CHAN YOKE MOOI
5	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN SIMEN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI DAERAH TIMUR LAUT UNTUK 12 BULAN ("PBAPP")	PELANGI VENTURE	207,070.00	NURULJANNAH BINTI MUHAMAD NAZRI
6	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN SIMEN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI DAERAH BARAT DAYA UNTUK 12 BULAN ("PBAPP")	CASSERRA UNGGUL ENTERPRISE	250,800.00	FATIN NAJIHAH BINTI NAZIR
7	MEMBEKAL DAN MEMASANG KERANGKA PANEL RTU DAN PLC BARU UNTUK MENGGANTIKAN KERANGKA PANEL SESAK SEDIA ADA DI STESEN BUKIT DUMBAR LAMA DAN KEMASKINI STATUS PENGEMPAMAN TELUK KUMBAR DI RTU DAN PLC	NIXMA TECHNOLOGY (M) SDN BHD	411,200.00	TAN YEAN CHONG PANG SHAH KEE
8	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI DAERAH TIMUR LAUT DAN DAERAH BARAT DAYA ("PBAPP") UNTUK 24 BULAN	247 GLOBAL INDUSTRIES SDN. BHD.	1,725,570.00	VIVEGANANTHAN A/L RAJOO GOPAL PUSPARANI A/P SHANMUGAM
9	PEROLEHAN PERKHIDMATAN BAGI PENYELENGARAAN BERJADUAL DAN PEMBAIKAN PAM SELAM ANGKAT RENDAH DI RUMAH PAM LAHAR TIANG DAN LOJI RAWATAN AIR SG. DUA UNTUK TEMPOH 2 TAHUN (2025 – 2027) UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	KEJURUTERAAN YUN LOONG SDN. BHD.	3,174,480.00	WOON CHUN YAW WOON CHUN LAM
10	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH SATU (1) UNIT PAM SET BERKAPASITI 90MLD DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI STESEN PAM BUKIT DUMBAR 2 (BD2), LOT 297-301, JALAN BUKIT DUMBAR, 10000 GEORGETOWN, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	INTAN HECTARE SDN. BHD.	7,450,000.00	KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD SHAHAR MD AZIZAN BIN AHMAD MUHD RIDHWANUDDIN BIN MOHAMED ARSHAD BIN ABDUL RASHID
11	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJITERIMA SATU (1) UNIT 11KV MEDIUM VOLTAGE DRIVE (MVD) PEMULA MOTOR BAGI OLD HIGH LIFT PUMP NO. 10 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA, SPU, PULAU PINANG.	NLE ELECTRICAL ENGINEERING SDN BHD	1,688,000.00	HONG TEAM WAH TAN AI ENG HONG EWE BENG
12	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN LOJI RAWATAN AIR MENGKUANG PARK BERKAPASITI 114JLH, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG UNTUK TETUAN PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	ASIA BARU CONSTRUCTION SDN BHD	249,300,000.00	TEOH TEIK LEONG ISMAIL BIN KARIM LOW SIANG TIM LAW KEE YONG GOH BEE TIN ONG BOON HAI PAN HENG SEONG
13	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 36,000M3 KOLAM TAKUNGAN BERTETULANG DI PT16 (LOT 646) SEKSYEN 4, JALAN JELUTONG, BANDAR JELUTONG (BUKIT DUMBAR), D.T.L., PULAU PINANG (R6)	TEKUN TERAJU TEKNIK (M) SDN BHD	12,307,437.59	MIOR KASIM BIN MIOR HAMZAH MIOR AHMAD SYAKIR BIN MIOR KASIM
14	CADANGAN UNTUK MEMBINA (REKA & BINA) "SLUDGE DEWATERING FACILITY" DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	WASSER DYNAMIC SDN BHD	2,232,220.00	LIEW LUI SONG LIM JOO WAN
15	CADANGAN PENGGANTIAN "ELECTROMAGNETIC MAGFLOW METER' DI DISTRICT METERING AREAS (DMA) DAN SEMUA KERJA BERKAITAN DI SEBERANG PERAI, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD (TENDER SEMULA)	DECA SOLUTIONS SDN BHD	488,884.40	RAZIM FARIS BIN MALEK @ OTHMAN AMIRUL HAKIM BIN TUKIMAN
16	MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI LOJI PENYAHGARAMAN 0.24 MLD DI PULAU AMAN, PULAU PINANG (TENDER SEMULA)	Econmax (M) Sdn Bhd	3,580,430.00	WONG KAM FATT ONG CHIN WAH LIM GEK HONG NG WEI LING
17	CADANGAN UNTUK MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH MESIN INLINE MIXER UNTUK MENGURANGKAN MASA PROSES PEMENDAPAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA	ARACHEM (M) SDN BHD	988,180.00	LEE WAI LUM EEW SZE CHIEH @ YEW SZE KIAT LEE MOOK SWEE LEE YING HAN

LIST OF TENDER APPROVED BY THE TENDER BOARD YEAR 2025

No.	Tender	Contractor	Contract Amount	Nama Pengarah
18	CADANGAN MENGUBAHSUAI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI. 2A & 6 GROUND FLOOR, JALAN SUNGAI AIR PUTIH, BOTANICA CT, 11000 BALIK PULAU, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD.	KUNAMI CONSTRUCTION ENTERPRISE	369,200.00	MOHD MUZAFFAR KHAN BIN ANWAT KHAN
19	MENAIK TARAF PERISIAN INDUSOFT 8.0 KEPADA AVEVA EDGE UNTUK MENYERASI DENGAN SCADA INDUK DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI LOJI BATU FERINGGHI, AQUEDUCT DAN RUMAH PAM TELUK BAHANG	PRECISION CONTROL (PENANG) SDN BHD	870,000.00	YOON KOON SENG POI YIN THIT POI CHEE IN YONG CHUN JIAT TENG WEE SIONG
20	CADANGAN UNTUK MENGGANTIKAN DUA (2) UNIT 23 MLD PAM ANGKAT TINGGI, SATU (1) UNIT 23 MLD PAM ANGKAT RENDAH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR BUKIT TOH ALLANG, S.P.U, PULAU PINANG.	Tunjang Sepakat Resources	1,757,170.00	AZIRA BINTI AHAMAD
21	CADANGAN PEMASANGAN PAIP AIR BERKEMBAR BERGARISPUSAT DN 900MM KELULI LEMBUT MERENTASI SUNGAI PERAI, JALAN CHAIN FERRY, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	CKH Engineering Sdn Bhd	33,889,938.00	CH'NG KANG HUAT LIM MOY CH;NG HOOI PENG CH'NG KEAN TIONG CH'NG KEAN WAH
22	CADANGAN REKA BENTUK, MEMBINA, MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH 3 NO. "DUAL PARALLEL LATERAL UNDERDRAIN RAPID GRAVITY SAND FILTRATION SYSTEM" DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LRA AIR TERJUN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	MFA Mutiara Resources Sdn Bhd	1,697,300.00	MUHAMMAD FIRDAUS BIN AHMAD AMIRAH BINTI ZAINOL ISMAIL BIN ISHAK
23	MEMBEKALKAN, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAHKAN SKRIN TV VIDEOWALL UNTUK PUSAT ARAHAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	IPENET SOLUTIONS SDN BHD	240,000.00	TEH SIAK KUAN TEH TEIK PEIR LEE CHAN YUEN CHONG KAH WOOI LEE SEOW VOON
24	CADANGAN PEMASANGAN 'ELECTROMAGNETIC FLOW METER' DAN 'PRESSURE REDUCING VALVE' (PRV) UNTUK 2 DMA DI DAERAH TIMUR LAUT, PENANG UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD	SYARIKAT BESI BAN SIN SDN BHD	417,450.00	CHUAH CHEE BENG CHUAH CHEE GEE CHUAH CHEE SIN CHUAH CHEE CHYN
25	CADANGAN MEMBEKAL, MEMASANG & MENTAULIAH 'ELECTROMAGNETIC FLOW METER' BARU DI 600MM JALAN KAMPUNG TELUK, 450MM MACHANG BUBOK PUMP HOUSE & 300MM TAMAN SERI BUKIT INDAH PUMP HOUSE UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD	JUNTAL ENGINEERING SDN BHD	291,000.00	LOW TEING HAI PHUAH ENG KOOI
26	CADANGAN UNTUK MEMBEKAL DAN MENUKAR KOMPONEN BAGI POWER CELL UNTUK 11KV MEDIUM VOLTAGE DRIVES (MVD) NO.5 DAN NO.6 DI STESEN PAM BUKIT DUMBAR 1 (BD1) DAN 11KV MEDIUM VOLTAGE DRIVES NO.3 DI STESEN PAM BUKIT MINYAK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD	Berjaya Automation Sdn Bhd	2,560,087.00	YEAP KIM POH ONG LI-MING JIMMY KHOR
27	PEMULIHAN SISTEM SEDIA ADA "DISSOLVED AIR FLOATION" (DAF) KEPADA PROSES RAWATAN AIR YANG LEBIH CEKAP DAN BERKESAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA	Brilliant Logic Sdn Bhd	16,351,965.00	NOORASYKIN BINTI KAYIM MOHD BASHARUDDIN BIN SHARIF NGEOW KEN XI
28	CADANGAN PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PAIP 1800MM MS DARI LINTANG MACALLUM, BANDAR GEORGETOWN, KE KOLAM TAKUNGAN BUKIT DUMBAR, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG (FASA 1) UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG	Aktif Unggul Sdn Bhd	56,980,000.00	MOHAMED RAFFE BIN K.CHEKKU SHARIFAH NOOR ASHIKIN SY AZNAL ABDUL HALIM BIN MOHD SALLEH
29	KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN SIMEN UNTUK PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD BAGI KAWSAAN SEBERANG PERAI UNTUK 12 BULAN ("PBAPP")	PEDU JATI SDN BHD	509,055.00	ADDUL RAHMAN @FAISOL BIN AHMAD SOBRI BIN AWANG @ RAMLI AHMAD TARMIZI BIN MD DAUD

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

17. Senaraikan semua permohonan Kebenaran Merancang yang telah dilulus atau dalam proses kelulusan di KADUN Kebun Bunga dari Ogos 2023 hingga September 2025.

    (a) Jika terdapat permohonan yang ditolak, senaraikan juga berserta dengan alasan kenapa ditolak.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Sebanyak sepuluh (10) Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) telah diluluskan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kebun Bunga dari bulan Ogos 2023 sehingga September 2025. Perincian senarai tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

    (a) Berdasarkan semakan oleh pihak MBPP, tiada PKM yang ditolak dari bulan Ogos 2023 sehingga September 2025 di kawasan DUN Kebun Bunga.

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI KAWASAN DUN KEBUN BUNGA (N24) YANG DILULUSKAN OLEH MBPP DARI OGOS 2023 SEHINGGA SEPTEMBER 2025

BIL.	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	NO. LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH DILULUSKAN
1	MBPP/ILCS-OSC/PM/479/2023	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN BAGI MENSTABILKAN CERUN DAN PEMBINAAN JALAN LINGKARAN 66 KAKI DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH RIZAB JALAN KERAJAAN, MUKIM 18, MOUNT ERSKINE, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG. (PLAN ASSIGNMENT OF WORK).	TANAH KERAJAAN (SIMPANAN PARIT)	MUKIM 18	TANJUNG BUNGA, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN MOUNT ERSKINE	ASPEN VISION TANJUNG SDN. BHD.	26/9/2023
2	MBPP/ILCS-OSC/PM/348/2022	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN BAGI TUKARGUNA 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIA ADA NO. 18 JALAN BAGAN JERMAL, DARIPADA 'KEDIAMAN' KEPADA 'PERNIAGAAN' DI ATAS LOT NO. 6, SEKSYEN 1, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	6	SEKSYEN 1	GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN BAGAN JERMAL	LOH GIM EAN HOLDINGS SDN. BHD.	10/10/2023
3	MBPP/ILCS-OSC/PM/341/2022	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN 2 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 10044, JALAN MOUNT ERSKINE, SEK. 1, BANDAR GEORGE TOWN, D.T.L., PULAU PINANG.	10044	SEKSYEN 1	GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN MOUNT ERSKINE	PHANG THENG THAM & PHANG CHOKE CHIN	1/11/2023
4	MBPP/ILCS-OSC/PM/530/2023	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN: A) MEROBOHKAN 7 UNIT BANGUNAN 1 TINGKAT SEDIA ADA B) MENDIRIKAN 1 BLOK BANGUNAN 7 TINGKAT DAN 1 TINGKAT MEZZANINE YANG MENGANDUNGI: I) RUANG KEDAI (17 UNIT) II) RUANG PEJABAT (5 UNIT) III) RUANG PENJAJA (27 UNIT GERAI) IV) AUDITORIUM (1 UNIT) V) TEMPAT LETAK KENDERAAN BERTINGKAT C) MENYEDIAKAN TEMPAT LETAK BAS DI ATAS LOT 3808, SEBAHAGIAN LOT 3807 DAN SEBAHAGIAN LOT 2833 (TANAH RIZAB, WARTA SEKSYEN 62), JALAN KEBUN BUNGA, MUKIM 18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	LOT 3808, SEBAHAGIAN LOT 3807 & SEBAHAGIAN LOT 2833	MUKIM 18	TANJUNG BUNGA, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN KEBUN BUNGA	PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG	12/12/2023

BIL.	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	NO. LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH DILULUSKAN
5	MBPP/ILCS-OSC/PM/537/2023	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEROBOHKAN BANGUNAN SEDIA ADA DAN CADANGAN MENDIRIKAN SEBUAH BANGUNAN KOLUMBARIUM 10 TINGKAT YANG MENGANDUNGI: FASA 1 I) 1 TINGKAT KEMUDAHAN UTILITI / FASILITI DI PARAS 1 II) 9 TINGKAT RUANG KOLUMBARIUM DAN KEMUDAHAN SOKONGAN DI PARAS 2 - 10 FASA 2 I) 5 TINGKAT RUANG KEMUDAHAN SOKONGAN DI PARAS 2 - 6 FASA 3 I) 9 TINGKAT RUANG KOLUMBARIUM DAN KEMUDAHAN SOKONGAN DI PARAS 2 - 10 DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 992, JALAN MOUNT ERSKINE, SEKSYEN 1, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	SEBAHAGIAN LOT 992	SEKSYEN 1	GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN MOUNT ERSKINE	PERSATUAN KWANGTUNG DAN TENGCHOW, PULAU PINANG	12/12/2023
6	MBPP.OSC-PM1/2023	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIA ADA NO. 37 JALAN BUNGA TELANG DAN MENDIRIKAN 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DI ATAS LOT 1675, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG TOKONG, DAERAH TIMUR LAUT, JALAN BUNGA TELANG, PULAU PINANG.	1675	SEKSYEN 1	TANJUNG TOKONG, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN BUNGA TELANG	SEE EWE LIN	12/12/2023

BIL.	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	NO. LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH DILULUSKAN
7	MBPP/ILCS-OSC/PM/529/2023	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN KERETA KABEL BUKIT BENDERA YANG TERDIRI DARIPADA: A) STESEN BAWAH MENDIRIKAN BANGUNAN STESEN KERETA KABEL DAN PERNIAGAAN 3 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2845 DAN SEBAHAGIAN LOT 2850 [TANAH RIZAB (WARTA SEKSYEN 62, KTN)], JALAN KEBUN BUNGA, MUKIM 18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG B) STESEN TENGAH MENDIRIKAN BANGUNAN STESEN TENGAH KERETA KABEL 1 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN HUTAN SIMPAN KEKAL BUKIT KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 400), MUKIM 17, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG C) STESEN ATAS I) MEROBOHKAN 2 UNIT BANGUNAN SEDIA ADA II) MENDIRIKAN BANGUNAN STESEN KERETA KABEL DAN PERNIAGAAN 2 TINGKAT DAN 2 TINGKAT `LOWER GROUND` III) MEMBINA 2 UNIT JEJANTAS KETIBAAN DAN PELEPASAN DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN NEGERI (BERHAMPIRAN LOT 99), BANDAR BUKIT BENDERA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG D) CADANGAN JAJARAN (2.77 KM) DAN 15 PYLON KERETA KABEL DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2845, SEBAHAGIAN LOT 2850 [TANAH RIZAB (WARTA SEKSYEN 62, KTN)], SEBAHAGIAN HUTAN SIMPAN KEKAL HIGHLANDS (SEBAHAGIAN LOT 10177) DAN SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 2830), MUKIM 18, SEBAHAGIAN HUTAN SIMPAN KEKAL BUKIT KERAJAAN (SEBAHAGIAN LOT 400), MUKIM 17, SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN (BERSEMPADAN LOT 205 DAN LOT 238), BANDAR BUKIT BENDERA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	SEBAHAGIAN LOT 2845, SEBAHAGIAN LOT 2850, SEBAHAGIAN LOT 400, SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN DAN SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN (HUTAN SIMPAN)	MUKIM 17 & MUKIM 18	BATU FERRINGGI & TANJUNG BUNGAH, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN KEBUN BUNGA & BUKIT BENDERA	PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG	29/1/2024
8	MBPP.OSC-PM48/2024	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK A) MEROBOHKAN 2 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT NO. 8 DAN NO. 10 SEDIA ADA B) CADANGAN MENDIRIKAN 4 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI ATAS LOT 1730 & 1731, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG TOKONG, DAERAH TIMUR LAUT, JALAN BUNGA MELATI, PULAU PINANG.	1730 & 1731	SEKSYEN 1	TANJUNG TOKONG, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN BUNGA MELATI	SIEWSUI SDN. BHD.	21/5/2024

BIL.	NO. PM	CADANGAN PEMAJUAN	NO. LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMOHON	TARIKH DILULUSKAN
9	MBPP.OSC-PM237/2025/SRT10(50)	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI: A) KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN BAGI MEROBOH SEBAHAGIAN BANGUNAN SEDIA ADA B) CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIA ADA KEPADA 2 TINGKAT NO. 1F, JALAN SATERIA DI ATAS LOT 3379, MUKIM 18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG. PERMOHONAN SECARA SERENTAK: PKM + PB)	3379	MUKIM 18	TANJUNG BUNGA, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN SATERIA	JESSICA LIM XIAO YEN	19/3/2025
10	MBPP.OSC-PM244/2025/SRT10(51)	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK PINDAAN KEPADA CADANGAN PEMBANGUNAN KERETA KABEL BUKIT BENDERA (MELALUI KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG NO. JPB/KM/6675/A (MBPP/ILCS-OSC/PM529/2023) YANG DILULUSKAN PADA 29.1.2024: DARIPADA: A) STESEN BAWAH MENDIRIKAN BANGUNAN STESEN KERETA KABEL DAN PERNIAGAAN 3 TINGKAT KEPADA: A) STESEN BAWAH MENDIRIKAN BANGUNAN STESEN KERETA KABEL DAN PERNIAGAAN 4 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2845 DAN SEBAHAGIAN LOT 2850 (TANAH RIZAB [WARTA SEK. 62 KTN]), JALAN KEBUN BUNGA, MUKIM 18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	SEBAHAGIAN LOT 2845 & SEBAHAGIAN LOT 2850	MUKIM 18	TANJUNG BUNGA, DAERAH TIMUR LAUT	JALAN KEBUN BUNGA	PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG	19/3/2025

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

18. Senaraikan semua *columbarium* yang terdapat di Pulau Pinang berserta dengan jumlah petak dan juga pihak pengurusan *columbarium*.

    (a) Memandangkan *columbarium* telah menjadi permintaan yang tinggi, adakah Kerajaan Negeri akan mengawal harga jualan setiap petak?

    (b) Jika tidak, sertakan alasan mengapa?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Berdasarkan semakan rekod PBT, terdapat tujuh (7) buah tapak kolumbarium di Negeri Pulau Pinang yang dimiliki oleh pihak swasta seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan Negeri menyedari bahawa permintaan terhadap petak kolumbarium semakin meningkat, khususnya di kawasan bandar yang menghadapi kekangan tanah perkuburan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan harga jualan petak kolumbarium bagi memastikan kadar harga yang dikenakan tidak membebankan rakyat.

    Pada masa kini, harga jualan petak kolumbarium ditentukan berdasarkan kos pembangunan, lokasi serta kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak

Berkuasa Tempatan sedang meneliti mekanisme kawalan dan garis panduan harga yang munasabah bagi mengelakkan sebarang unsur pencatutan serta memastikan harga kekal berpatutan untuk semua lapisan masyarakat.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memastikan bahawa bagi setiap pembangunan kolumbarium yang diluluskan, sebanyak satu peratus (1%) daripada jumlah keseluruhan unit hendaklah diserahkan kepada Kerajaan Negeri secara percuma untuk tujuan kebajikan.

(b) Tidak berkaitan.

LAMPIRAN A

SENARAI KOLUMBARIUM DI PULAU PINANG

BIL.	PEMILIK	DAERAH	PIHAK PENGURUSAN	JUMLAH PETAK
1	United Hokkien Cemeteries Penang	Timur Laut	United Hokkien Cemeteries Penang	6,000
2	Chinese Public Cemetery Sepuluh Kongsi	Timur Laut	The Committee of the Sepuloh Kongsi Chinese Public Cemetery	2,000
3	Kek Lok Si Temple	Timur Laut	Nirvana Memorial Park Penang Sdn. Bhd.	6,000
4	United Hokkien Cemeteries Penang	Timur Laut	United Hokkien Cemeteries Penang	41,700
5	The Titular Roman Catholic (Diocese of Penang) dan Penang Christian Cemeteries Association (PCCA)	Timur Laut	The Titular Roman Catholic (Diocese of Penang) dan Penang Christian Cemeteries Association (PCCA)	8,551
6	The Heaven Memorial Park Berhad	Seberang Perai Tengah	The Heaven Memorial Park Berhad	-
7	Peace Penang Columbarium Berhad	Seberang Perai Tengah	Peace Penang Columbarium Berhad	30,000

*** Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai maklumat berhubung jumlah keseluruhan petak kolumbarium (tempat menyimpan abu mayat) kerana pihak The Heaven Memorial Park Berhad tidak memberi kerjasama untuk mengemukakan maklumat.*

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA YB LEE BOON HENG

19. Berapakah jumlah keuntungan yang dicatat oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada tahun 2024 dan sehingga September 2025?

    (a) Senaraikan semua kegunaan keuntungan ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun 2024, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM527.0 juta. Sementara itu, bagi tempoh sehingga Jun 2025, berdasarkan akaun pengurusan tidak beraudit, PDC telah merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM71.0 juta. Keuntungan PDC yang dinyatakan telah mengambil kira bayaran bonus prestasi pegawai dan kakitangan PDC.

    (a) Sebagai agensi pembangunan utama Kerajaan Negeri, PDC memikul tanggungjawab penting dalam memastikan setiap hasil dan lebihan tunai yang dijana daripada aktiviti pelaburan serta pembangunan dapat disalurkan semula kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang. Sumbangan ini bukan sahaja dalam bentuk kewangan, malah turut diterjemahkan melalui projek-projek pembangunan berdaya maju yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat dan ekonomi negeri.

        Antara inisiatif berimpak tinggi yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak PDC adalah seperti yang berikut:

(i) Pembukaan taman-taman perindustrian baharu di *Batu Kawan Technology Park* (BKTP), *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3) dan *Penang Science Park South* (PSPS), yang menjadi pemacu utama pertumbuhan sektor perindustrian dan pelaburan asing di Pulau Pinang;

(ii) Pembangunan *GBS By The Sea* di Bayan Lepas, yang kini menempatkan tiga (3) syarikat multinasional (MNC) dan berjaya menyediakan kira-kira 1,700 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak tempatan;

(iii) *GBS TechSpace* di Bayan Lepas, yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan inkubasi teknologi, telah berjaya menarik pelabur strategik dalam sektor semikonduktor serta mewujudkan Penang Silicon Design @5km+, platform pembangunan jurutera berkemahiran tinggi bagi memperkukuh kedudukan Malaysia di peta industri semikonduktor global;

(iv) Perjanjian Pembangunan Bersama (*Joint Development Agreement*, JDA) bernilai lebih RM13.0 bilion antara PDC, PDC Properties Sdn. Bhd. dan SkyWorld Development Berhad, yang mana melibatkan pembangunan sebanyak 38,000 unit Rumah Bakat Madani telah menjadikannya antara projek perumahan terbesar di Malaysia yang memberi impak sosial dan ekonomi yang amat signifikan; dan

(v) Projek Usahasama Strategik dan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelabur utama Fajarbaru Builder Group Bhd (*Projek Medicity*), JetBlue Sdn. Bhd. (*1926 Heritage Hotel Penang*), TNB Power Generation Berhad (*Sumber Tenaga Hijau*) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi pembangunan *Penang International Logistic Aeropark (PILA)*.

Selain projek berskala besar, PDC turut menumpukan perhatian terhadap pembangunan yang memberi manfaat terus kepada rakyat Pulau Pinang seperti yang berikut:

(i) Dataran Usahawan di Bandar Cassia yang dijadikan sebagai pusat aktiviti keusahawanan dan komuniti;

(ii) Kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Utara Penang Science Park untuk menyokong pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS); dan

(iii) Waterfront Foodie @ Bayan Lepas dijadikan destinasi baharu pelancongan komuniti berkonsepkan makanan dan gaya hidup (*food & lifestyle*).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menghargai komitmen dan usaha berterusan PDC dalam menjayakan agenda pembangunan negeri. Kejayaan yang dicapai oleh PDC ini membuktikan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan serantau, tetapi juga negeri yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui pembangunan seimbang antara ekonomi dan sosial.

Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan penuh kepada PDC bagi memastikan setiap projek pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan secara mampan, inklusif dan memberi manfaat langsung kepada rakyat Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

20. Senaraikan peruntukan MBPP ke TPS Hill Trace bagi tahun 2025 dan anggaran pada tahun 2026.

    (a) Apakah perancangan jangka panjang MBPP terhadap TPS ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Sahaja) untuk tahun 2025 bagi pelaksanaan kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf Tapak Penjaja Sementara (TPS) Hill Trace yang terletak di Jalan Mount Erskine. Anggaran peruntukan bagi tujuan yang sama pada tahun 2026 adalah sebanyak RM1.0 juta (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja).

    (a) Buat masa ini, pihak MBPP tidak mempunyai perancangan jangka panjang terhadap TPS Hill Trace. Walau bagaimanapun, pihak MBPP akan melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian, menaik taraf dan penyelenggaraan secara berkala dari semasa ke semasa untuk memastikan segala kemudahan dan fasiliti di TPS Hill Trace sentiasa berada dalam keadaan baik serta dapat memberikan keselesaan kepada para peniaga dan pengunjung.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA YB LEE BOON HENG

21. Berapa ramai yang mengambil bahagian dalam Skim Sewa-Beli Perumahan?

    (a) Apakah masalah utama yang dihadapi dalam melaksanakan skim ini?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan Skim Sewa Beli atau lebih dikenali sebagai *Rent-to-Own* (RTO) iaitu satu inisiatif proaktif Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Negeri Pulau Pinang memiliki kediaman sendiri. Pelaksanaan skim ini adalah selaras dengan visi LPNPP untuk memastikan setiap keluarga di negeri ini berpeluang memiliki rumah yang bersesuaian dengan kemampuan masing-masing.

    Sehingga Oktober 2025, sebanyak **1,736 permohonan telah diluluskan dan ditawarkan daripada keseluruhan 2,290 permohonan** yang diterima di bawah skim ini, melibatkan kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang seperti yang diperincikan di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang berdepan dengan beberapa masalah atau cabaran utama dalam pelaksanaan Skim RTO yang dikendalikan oleh LPNPP sebagai agensi pelaksana utama. Antara masalah atau cabaran utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

(i) **Peningkatan kos pembinaan dan harga tanah;**

Kos pembinaan yang semakin meningkat serta harga tanah yang tinggi khususnya di kawasan pulau menjadikan penyediaan unit di bawah Program Rumah Mutiaraku (RMKu) semakin mencabar. Keadaan ini memerlukan subsidi yang besar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan harga jualan kekal mampu milik dan berpatutan kepada golongan sasaran;

(ii) **Isu kelayakan dan komitmen penyewa;**

Sebahagian peserta Skim RTO tidak mempunyai keupayaan kewangan yang stabil atau gagal menjelaskan bayaran sewa secara konsisten sepanjang tempoh sewaan. Situasi ini menjejaskan keupayaan mereka untuk memiliki rumah selepas tamat tempoh sewaan dan dalam masa yang sama meningkatkan risiko tunggakan sewa;

(iii) **Kurangnya penyertaan daripada pemaju swasta**

Faktor margin keuntungan yang rendah serta risiko kutipan sewa tertunggak menyebabkan ramai pemaju swasta kurang berminat untuk menyertai Skim RTO sekali gus mengehadkan jumlah unit yang dapat disediakan melalui kerjasama awam-swasta; dan

(iv) **Kekangan tanah untuk pembangunan.**

Kekurangan tanah yang sesuai khususnya di kawasan strategik dalam Negeri Pulau Pinang menjadi antara halangan utama untuk memperluas pelaksanaan skim ini. Walaupun terdapat tanah di kawasan Seberang Perai, lokasi tersebut sering kurang mendapat sambutan disebabkan oleh faktor jarak, kemudahan infrastruktur dan aksesibiliti yang terhad.

LAMPIRAN A

PERINCIAN PENAWARAN SKIM SEWA BELI DI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH

BIL.	NAMA PROJEK SEWA BELI	DAERAH	BILANGAN UNIT
1	TAMAN SERI DESA	SEBERANG PERAI UTARA	109
2	PANGSAPURI MEKAR SARI 1 – KOS RENDAH	SEBERANG PERAI UTARA	23
3	BANDAR PUTRA BERTAM – KOS RENDAH	SEBERANG PERAI UTARA	1
4	PANGSAPURI MEKAR SARI 1 – KOS SEDERHANA RENDAH	SEBERANG PERAI UTARA	30
5	PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) MAK MANDIN	SEBERANG PERAI UTARA	143
6	RUMAH PANGSA DESA WAWASAN BLOK B	SEBERANG PERAI TENGAH	352
7	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	SEBERANG PERAI SELATAN	145
8	TAMAN SERULING EMAS	SEBERANG PERAI SELATAN	103
9	TAMAN SEJAHTERA RAKYAT (KAMPUNG KEPALA GAJAH)	SEBERANG PERAI SELATAN	53
10	SRI SAUJANA	DAERAH TIMUR LAUT	2
11	PANGSAPURI IDAMAN PRESTIJ (K-PARK)	DAERAH BARAT DAYA	775
JUMLAH			**1,736**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

22. Berapakah perbelanjaan Penang FC bagi tahun 2024 dan anggaran tahun 2025?

    (a) Apakah rancangan Penang FC untuk meningkatkan mutu permainan dan kualiti pemain?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Jumlah perbelanjaan Penang FC bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM11,411,209.00 dan anggaran tahun 2025 adalah sebanyak RM10,196,093.00.

    (a) Buat masa kini, Penang FC sedang memperkukuhkan lagi pemain-pemain baharu bagi membina keserasian dan semangat berpasukan. Penang FC kini berada dalam momentum positif. Dalam tiga (3) perlawanan terakhir, prestasi pemain menunjukkan peningkatan yang ketara hasil daripada keserasian dan persefahaman yang semakin terbina dalam kalangan pasukan.

    Pihak pengurusan menjangkakan bahawa Penang FC akan terus meningkatkan mutu permainan serta memperkukuh kualiti keseluruhan pasukan pada masa akan datang.

    Antara rancangan bagi meningkatkan mutu permainan dan kualiti pemain Penang FC adalah seperti berikut:

(i) Menambah baik kaedah latihan taktikal dan teknikal melalui analisis video perlawanan serta penggunaan data prestasi pemain yang disediakan oleh juru analisis pasukan;

(ii) Menjalankan latihan berintensiti tinggi secara berkala;

(iii) Latihan mental dan psikologi melalui program "*team building*" dan kepimpinan bagi memperkukuh semangat berpasukan serta disiplin pemain;

(iv) Memberi bimbingan individu kepada pemain untuk mengurus tekanan dan meningkatkan keyakinan diri;

(v) Peningkatan aspek fizikal melalui pelaksanaan program fizikal "*conditioning*" yang merangkumi kekuatan, ketahanan dan pemulihan (*recovery*);

(vi) Memantau pemakanan dan pemulihan pemain yang diselia oleh pakar nutrisi sukan;

(vii) Pembangunan berterusan melalui program pembangunan pemain muda (*youth development*) bagi melahirkan bakat tempatan berkualiti; dan

(viii) Menggalakkan penyertaan jurulatih dalam kursus dan latihan lanjutan bagi meningkatkan kemahiran kejurulatihan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

23. Senaraikan jenis dan jumlah sumbangan industri kuari kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2024.

    (a) Senaraikan jumlah lokasi dan tempoh pajakan bagi kuari ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Industri kuari yang aktif di Negeri Pulau Pinang adalah kuari yang mengeluarkan bahan batuan jenis batu, *granite* dan tanah merah. Jumlah sumbangan industri kepada Kerajaan Negeri adalah berbentuk pulangan royalti iaitu sebanyak RM8,024,978.00 antara tahun 2020 hingga 2024.

    (a) Senarai lokasi dan tempoh pajakan bagi kuari-kuari ini adalah seperti berikut:

Lokasi	Pegangan
Lot 20364, Mukim 13, Daerah Timur Laut	Selama-lamanya
Lot 625, 627 dan 2342, Mukim 12, Daerah Barat Daya	Selama-lamanya
Lot 817, 818, 1104 dan 1105, Mukim 4, Seberang Perai Selatan	Selama-lamanya

Lokasi	Pegangan
Lot 10189, 10190 dan 195, Mukim 17, Seberang Perai Tengah	Lot 10189 dan 10190: 99 tahun Lot 195: Selama-lamanya
PT 659, Mukim 12, Seberang Perai Tengah	30 tahun

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA YB LEE BOON HENG

24. Nyatakan JMB / MC yang terdapat di KADUN Kebun Bunga.

    (a) Berapakah JMB / MC yang tidak aktif?

    (b) Apakah peranan COB dalam memastikan mereka kembali aktif?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Berdasarkan rekod Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), terdapat sebanyak **52 skim strata** yang terletak di dalam **Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga**. Maklumat terperinci berkaitan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi skim-skim tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

    (a) Terdapat 16 JMB/MC yang tidak aktif dalam KADUN Kebun Bunga.

    (b) Secara dasarnya, **tindakan yang boleh diambil oleh pihak COB** bagi memastikan skim strata yang tidak aktif untuk kembali berfungsi adalah dengan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah **Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]** seperti berikut:

        (i) Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 11(5)(a), Akta 757, sekiranya Pesuruhjaya berpuas

hati bahawa Jawatankuasa Pengurusan tidak dibentuk dengan sepatutnya, Pesuruhjaya boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pemilik petak untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi tujuan penubuhan semula pengurusan;

(ii) Pihak COB boleh melaksanakan pelantikan ejen pengurusan berdaftar bagi mengurus tadbir skim strata yang terlibat secara sementara sehingga penubuhan semula JMB/MC dapat dilaksanakan oleh pemilik-pemilik petak; dan

(iii) Pihak COB turut melaksanakan inisiatif pendidikan dan libat urus secara berterusan kepada pemilik-pemilik petak untuk memberikan penerangan dan kesedaran berhubung tanggungjawab di bawah Akta 757 serta kepentingan penubuhan JMB/ MC bagi memastikan urusan pentadbiran dan penyelenggaraan bangunan berjalan secara teratur dan berkesan.

LAMPIRAN A

STATUS PIHAK PENGURUSAN BANGUNAN BAGI KADUN KEBUN BUNGA DI BAWAH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
1	BANGUNAN LOT 1471	KUAN WAH DEV. SDN. BHD.	LOT 1471 G 7623	30	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
2	TAMAN BATU BUKIT BLOK 10/12	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1380 G 15731	60	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
3	TAMAN BATU BUKIT	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1383 G 15734	30	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
4	TAMAN BATU BUKIT	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1384 G 15735	135	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
5	TAMAN BATU BUKIT (BLOK 14)	VIGOL DEV. SDN. BHD.	LOT 1381 G 15732	25	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
6	RIFLE RANGE - BLOK D	SUK	LOT 1278 PN 220	431	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
7	RIFLE RANGE - BLOK C	SUK	LOT 1279 PN 221	431	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
8	RIFLE RANGE - BLOK F	SUK	LOT 1280	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
9	RIFLE RANGE - BLOK E	SUK	LOT 1277 PN 219	431	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
10	RIFLE RANGE - BLOK A	SUK	LOT 1275	408	PEMAJU	SEKSYEN 2,

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
			PN 217			AYER ITAM
11	RIFLE RANGE - BLOK B	SUK	LOT 1276 PN 218	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
12	RIFLE RANGE - BLOK G	SUK	LOT 1281 PN 223	407	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
13	RIFLE RANGE - BLOK H	SUK	LOT 1282 PN 224	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
14	VILLA BUNGA TELANG	CHIN BROTHERS CO. SDN. BHD.	LOT 2032 G 47371	20	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
15	RIFLE RANGE - BLOK J	SUK	LOT 1283 PN 225	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
16	MEDAN LUMBA KUDA - LOT 2061	KEEPAHEAD HOLDINGS SDN. BHD.	LOT 2061 G HBM 63	268	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
17	LAHAT COURT	YUEN SUN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 2062 G HBM166	81	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
18	LAHAT VILLA	YUEN SUN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1810 G 30250	8	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
19	KAYANGAN PURI MUTIARA	JURIMAS SDN. BHD.	LOT 3793 G HBM 86	267	MC	MUKIM 18
20	KAYANGAN PURI MUTIARA DARAT	JURIMAS SDN. BHD.	LOT 3792 GT. HBM 120	56	MC	MUKIM 18
21	PARK AVENUE	THONG SIN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 3794 GM 355	41	MC	MUKIM 18
22	DESA TIMOR	TROPILAND SDN. BHD.	LOT 2017 G 52598	12	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
23	FOREST FIELD - WATERFALL	THONG SIN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 3795 GM 356	53	MC.	MUKIM 18
24	SCOTLAND PARK	NIKMAT JAYA SDN. BHD.	LOT 2077 G HBM 144	68	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
25	TAMAN HARMONI	CONFLUX DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 2066 G54719	38	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
26	TAMAN HARMONI	CONFLUX DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 2067 G54720	32	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
27	LEISURE BAY	LEISURE HOLIDAYS HOLDINGS SDN. BHD.	LOT 3177 G47623	82	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
28	TAMAN JESSELTON HEIGHTS	GARDEN COURT SDN. BHD.	LOT 809 G 5922	9	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
29	DESA LUMBA KUDA	PRIMA KINTA SDN. BHD.	LOT 2064 GT 52154	42	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
30	TAMAN KUDA MAS	MEDAL RANK SDN. BHD.	LOT 2073 G 58680	18	JMB	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
31	TAMAN ERSKINE	UJUNG PELANGI SDN. BHD.	LOT 1592 GT 62431	37	MC	SEKSYEN 2, TANJUNG BUNGAH
32	VILLA BATU BUKIT	CHIN BROTHERS COMPANY LIMITED	LOT 2055 GT. 73252	72	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
33	PANGSAPURI MEWAH VILLA SCOTLAND	DENMAS SDN. BHD.	LOT 2071 GT. 58678	98	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
34	PERBADANAN PENGURUSAN BLOK 16	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1382 GT 15733	8	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
35	MENARA KUDA LARI	EVER NOBLE SDN. BHD.	LOT 2134 HS(D) 14261	213	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
36	TAMAN EVERGREEN	UJUNG PELANGI SDN. BHD.	LOT 1637 GERAN 91195	35	MC.	SEKSYEN 2, TANJUNG BUNGAH
37	ALILA HORIZON	HUNZA PROPERTIES (N) SDN. BHD.	LOT 4244 G.M. 375	250	MC	MUKIM 18
38	ALILA HOMES	HUNZA PROPERTIES (N) SDN. BHD.	LOT 4245	162	MC	MUKIM 18
39	PUNCAK ERSKINE	PRIME VIEW SDN. BHD.	LOT 135 & 3562	1074	JMB	MUKIM 18
40	TAMAN SERI TANJONG	PALMEX INDUSTRIES SDN. BHD.	LOT 3175	40	JMB	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
41	FETTES RESIDENCES	PALMEX INDUSTRIES SDN. BHD.	LOT 3390	195	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
42	THE PEAK RESIDENCES	IVORY VILLAS SDN. BHD.	Tiada maklumat	637	JMB	MUKIM 18
43	TRI PINNACLE	ASPEN GROUP	LOT 3622, 3624 – 3626	1257	JMB	MUKIM 18
44	TAMAN BUKIT ERSKINE	IVORY VILLAS SDN. BHD.	LOT 141	554	JMB	MUKIM 18
45	THE LATITUDE	IVORY PROPERTIES	Tiada maklumat	238	JMB	MUKIM 18

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
46	E GARDEN	TETUAN VISENTAK CAPITAL SDN. BHD.	LOT 10156-10158	142	JMB	MUKIM 18
47	MONT RESIDENCE	TETUAN VISENTAK CAPITAL SDN. BHD.	LOT 10156-10158	473	JMB	MUKIM 18
48	SKYRIDGE GARDEN	JIRAN BINA SDN. BHD.	LOT 3585	486	JMB	MUKIM 18
49	SKYRIDE APARTMENT	JIRAN BINA SDN. BHD.	LOT 3585	306	JMB	MUKIM 18
50	ALILA 2	NILAI ARIF SDN. BHD.	LOT 10159	270	JMB	MUKIM 18
51	SCOTS PAVILLION	GL SEMESTA CORPORATION SDN. BHD.	GRN 11370 LOT 10034 SEK 2 GEORGE TOWN	99	JMB	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
52	CITADINES TANJUNG TOKONG	REGALIA PIONEER SDN. BHD.	PT 295 SEK. 1 BTT	50	PEMAJU	SESYEN. 1, TANJUNG TOKONG

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

25. Nyatakan kos pengurusan sisa pepejal MBPP dengan peratusan daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan MBPP.

    (a) Nyatakan tindakan MBPP untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal.

    (b) Adakah dasar pengasingan sampah mencapai tujuan seperti yang ditetapkan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Kos pengurusan sisa pepejal bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) secara purata selama tempoh tiga (3) tahun adalah sebanyak RM120,236,306.58 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Juta Dua Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Tiga Ratus Enam dan Lima Puluh Lapan Sen Sahaja) iaitu bersamaan dengan 28.39% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan MBPP.

    (a) Antara tindakan yang diambil oleh pihak MBPP untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang berkesan adalah seperti berikut:

        (i) Memperkasa sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu melalui penggunaan teknologi pintar bagi memantau operasi pengurusan sisa secara masa nyata (real-time). Inisiatif ini merangkumi penggunaan Internet Benda (Internet of Things – IoT) untuk

menjejaki pergerakan kenderaan kutipan sampah serta mengoptimumkan laluan kutipan;

(ii) Menambah baik fasiliti pelupusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan sanitari dan loji rawatan sisa bagi menampung peningkatan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan;

(iii) Memperluas kerjasama strategik dengan pihak industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan dalam pelaksanaan program kitar semula bagi menyokong usaha pengurangan sisa ke tapak pelupusan;

(iv) Memperkukuh penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan pengurusan sisa pepejal di kawasan perumahan dan premis perniagaan bagi memastikan pematuhan yang lebih berkesan; dan

(v) Melaksanakan kempen kesedaran awam secara berterusan berkaitan amalan pengurusan sisa mampan seperti kitar semula dan pengurangan sisa makanan melalui pelbagai medium termasuk media sosial, pertandingan dan program komuniti.

(b) Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dilaksanakan semula oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Julai 2024. Pelaksanaan dasar ini telah meningkatkan tahap kesedaran awam dan mempertingkat kadar kitar semula di bawah pentadbiran MBPP.

Hasil pelaksanaan dasar ini dapat dilihat melalui peningkatan kadar kitar semula yang direkodkan di bawah pentadbiran MBPP iaitu sebanyak 41.78% pada tahun 2023 dan telah meningkat kepada 43.72% pada tahun 2024 dan seterusnya kepada 45.27% sehingga September 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

26. Apakah rasional Kerajaan Negeri membenarkan pemaju boleh melakukan pemindahan kadar densiti ke projek perumahan yang lain?

    (a) Adakah kerajaan sedar bahawa kebenaran ini telah disalahguna oleh pemaju?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Pemindahan kadar densiti merupakan dasar yang membolehkan pemilik tanah untuk menjual hak pembangunan kepada pemaju atau lain-lain pihak berkepentingan yang kemudiannya boleh menggunakan hak tersebut untuk meningkatkan densiti pembangunan di lokasi lain yang telah ditetapkan.

    Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membenarkan pemaju melakukan pemindahan kadar densiti sebagai salah satu mekanisme kawalan pembangunan yang bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan memastikan pembangunan yang lebih seimbang serta mampan khususnya di kawasan George Town, Pulau Pinang.

Pelaksanaan dasar ini dilaksanakan di kawasan MBPP melalui Garis Panduan Pemberian Insentif Penyediaan Tempat Letak Kenderaan dan Pemindahan Hak Pembangunan Atau Nisbah Plot (*Plot Ratio*) yang dibenarkan di Tapak Warisan Dunia George Town (Pindaan Tahun 2022).

Garis panduan ini yang dibenarkan di Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT), Pulau Pinang telah dikuatkuasakan oleh pihak MBPP pada 27 Februari 2020 di mana TWDGT ditetapkan sebagai kawasan pemindahan hak pembangunan (*transferring site*).

Pindaan terhadap garis panduan ini telah diluluskan oleh pihak MBPP pada 25 Februari 2022 bagi memperluas kawasan yang layak menerima pemindahan hak pembangunan atau nisbah plot (*plot ratio*) yang dibenarkan yang dikenali sebagai kawasan penerima (*receiving site*).

Pengenalan insentif ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan/pemajuan di kawasan TWDGT sekali gus menggalakkan penetapan semula penduduk di kawasan sekitar George Town (*Repopulating* George Town). Pendekatan ini adalah selari dengan usaha murni Kerajaan Negeri melalui MBPP dengan mengambil tanggungjawab sepenuhnya bagi mengekalkan Nilai Keunggulan Sejagat (*Outstanding Universal Value* - OUV) TWDGT, Pulau Pinang. OUV ini akan menjadikan George Town ikon warisan dunia, tetapi juga asas kepada setiap keputusan perancangan, pembangunan dan pemuliharaan di kawasan tersebut.

(a) Kerajaan Negeri juga tidak menafikan kemungkinan bahawa segelintir pemaju mengambil kesempatan ke atas insentif yang diberikan di bawah garis panduan ini dengan menyalahgunakan bagi tujuan yang tidak sejajar dengan

matlamat asal dasar tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan Negeri melalui MBPP sentiasa membuat persediaan yang sewajarnya bagi menghadapi risiko penyalahgunaan insentif yang diberikan dengan bercadang untuk melaksanakan semakan tapak (*site verification*) ke atas projek-projek yang telah mengguna pakai insentif ini.

Pada masa yang sama, pihak MBPP juga akan menjalankan kajian semula terhadap garis panduan berkenaan bagi memastikan pelaksanaannya dilaksanakan dengan lebih teratur, telus serta berpaksikan objektif asal, iaitu untuk menggalakkan penetapan semula penduduk (*Repopulating George Town*) di TWDGT.

Pihak MBPP turut sentiasa memantau pemindahan nisbah plot bermula dari peringkat permohonan kebenaran merancang, di mana pemaju yang menerima pemindahan nisbah plot perlu menyatakan jumlah nisbah plot yang diterima di atas pelan permohonan kebenaran merancang. Pihak MBPP kemudiannya akan mengenakan syarat melalui Borang C1 Kebenaran Merancang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

27. Nyatakan jumlah pesakit yang dijangkiti penyakit kronik seperti komplikasi jantung, paru-paru, sistem penafasan di Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam bagi tempoh 2018 hingga September 2025.

    (a) Apakah punca kepada penyakit ini?

    (b) Adakah ia berkaitan dengan suntikan vaksin COVID-19?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Pesakit-pesakit yang mempunyai komplikasi jantung, paru-paru dan sistem pernafasan akan dirujuk ke tiga (3) buah hospital iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Seberang Jaya. Pesakit dengan komplikasi jantung akan dirujuk ke Klinik Kardiologi, manakala, pesakit yang mengalami komplikasi paru-paru dan sistem pernafasan, akan dirujuk ke Klinik Respiratori di tiga hospital berkaitan.

    Klinik Kardiologi di Hospital Bukit Mertajam telah mula beroperasi mulai tahun 2020. Jumlah pesakit yang hadir dan dirujuk ke Klinik Kardiologi dan Klinik Respiratori di ketiga-tiga hospital tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Terdapat pelbagai punca yang membawa kepada penyakit berkaitan jantung dan paru-paru seperti genetik, pemakanan, jangkitan dan lain-lain.

(b) Secara umumnya, risiko kesan susulan pengambilan vaksin COVID-19 yang digunakan di dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah sangat rendah. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan secara berterusan ini, tiada bukti yang dapat mengaitkan pengambilan vaksin COVID-19 dengan penyakit kronik seperti penyakit jantung, paru-paru atau penafasan.

Bukti sedia ada juga menunjukkan bahawa vaksinasi COVID-19 memberi manfaat yang lebih besar berbanding risiko kesan *advers* susulan pengambilan vaksin tersebut. Ini juga selaras dengan pemantauan vaksin COVID-19 di peringkat global.

LAMPIRAN A

DATA MENGENAI JUMLAH PESAKIT YANG HADIR KE KLINIK KARDIOLOGI (JANTUNG) MENGIKUT HOSPITAL DI NEGERI PULAU PINANG

Hospital	Jumlah Kehadiran Pesakit ke Klinik Kardiologi Mengikut Tahun						
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Hospital Pulau Pinang	2206	2632	3356	4419	3199	3236	3497
Hospital Seberang Jaya	5	4	185	191	275	290	93
Hospital Bukit Mertajam	0	0	309	373	326	368	418

DATA MENGENAI JUMLAH PESAKIT YANG HADIR KE KLINIK RESPIRATORI (PARU-PARU DAN PERNAFASAN) MENGIKUT HOSPITAL DI NEGERI PULAU PINANG

Hospital	Jumlah Kehadiran Pesakit ke Klinik Respiratori Mengikut Tahun						
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Hospital Pulau Pinang	**23227**	**28459**	**23543**	**19338**	**23633**	**25869**	**28447**
Hospital Seberang Jaya	**485**	**917**	**358**	**467**	**630**	**564**	**372**
Hospital Bukit Mertajam	**450**	**444**	**532**	**512**	**432**	**498**	**512**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

28. Bagaimanakah dasar Kerajaan Negeri dapat menyokong agenda pemerkasaan wanita khususnya dalam kalangan wanita B40?

    (a) Nyatakan jumlah wanita yang menerima manfaat daripada program yang telah direncanakan bagi tempoh 2023 hingga September 2025.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai dasar khusus yang tertumpu sepenuhnya kepada pemerkasaan wanita. Namun begitu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan wanita, antaranya melalui penubuhan **Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)** di setiap kawasan **Dewan Undangan Negeri (DUN)** sejak tahun 2019.

    Melalui JPWK, wanita diberi peluang untuk memegang jawatan kepimpinan serta merancang dan melaksanakan pelbagai program yang berfokuskan kepada pembangunan wanita dan keluarga. Usaha ini bukan sahaja menggalakkan penglibatan aktif wanita dalam kepimpinan di peringkat akar umbi, tetapi juga memperkukuh peranan mereka dalam memperkasakan komuniti setempat secara menyeluruh.

    Selain itu, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) turut melaksanakan pelbagai program dalam membantu wanita khususnya dalam kategori B40 seperti *Penang Women*

Entrepreneurs Mentoring Programme atau PenMentor dan Wanita Jana Rezeki. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan, membina jaringan sokongan, mengembangkan potensi diri serta menjana pendapatan secara mampan.

Jadual 1: Program dan penyertaan wanita dalam program pemerkasaan wanita

Tahun	No	Program	Jumlah Penyertaan Setiap Program	Jumlah Tahunan
2023	1	Eko-Usahawanan: Bengkel Digital Wanita	20	3,380
	2	Seminar Wanita Bangkit	100	
	3	Wanita Jana Rezeki 4.0	20	
	4	*Penang Women Entrepreneurs Program 4.0*	40	
	5	Program di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)	3,200	
2024	1	*Penang Women Entrepreneurs Program 5.0*	30	3,320
	2	Seminar *No Money No Talk*	100	
	3	Program di bawah JPWK	3,100	
2025	1	*Penang Women Entrepreneurs Program 6.0*	60	5,060
	2	Wanita Jana Rezeki 5.0 X JPWK	2,000	
	3	Program di bawah JPWK	3,000	

(a) Perincian program pemerkasaan wanita yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 hingga September 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

29. Apakah saluran rasmi Kerajaan Negeri dalam menyampaikan info bencana kepada rakyat Pulau Pinang?

    (a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat mendapat info bencana yang sahih?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyampaikan maklumat dan hebahan berkaitan bencana kepada rakyat melalui beberapa saluran rasmi yang diselaras oleh Unit Pengurusan Bencana (UPB).

    Antara saluran utama ialah Sistem Penang Alert, iaitu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berperanan sebagai platform maklumat dan hebahan awam berkaitan bencana. Sistem ini memberi amaran awal, maklumat kawasan berisiko serta panduan tindakan semasa kecemasan kepada orang awam. Ia juga berfungsi sebagai platform pengurusan bencana secara berpusat bagi merekod kejadian dan menyelaras bantuan dengan lebih teratur.

    Selain itu, inisiatif ini turut merangkumi Sistem Geo Bencana, yang berperanan sebagai pangkalan data dan peta interaktif lokasi hotspot banjir di seluruh negeri Pulau Pinang. Sistem ini turut memaparkan maklumat pegawai penyelaras bencana di peringkat daerah (PDT) serta pegawai dari agensi penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Bomba

dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memudahkan penyelarasan operasi semasa bencana.

Maklumat dan hebahan awam juga disalurkan melalui platform media sosial rasmi *Facebook* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan *Facebook* UPB, yang secara aktif mengeluarkan infografik, hebahan amaran dan peringatan awal bencana kepada rakyat.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menerima dan berkongsi maklumat daripada agensi teknikal serta persekutuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Sistem Maklumat Bencana (Info Bencana), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memastikan maklumat bencana yang disampaikan adalah sahih, tepat dan terkini.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan pendekatan bersepadu dalam memastikan rakyat menerima maklumat bencana yang sahih dan tepat. Melalui sistem amaran awal seperti Penang Alert dan Sistem Geo Bencana, maklumat rasmi mengenai risiko dan kejadian bencana disalurkan terus kepada rakyat. Di samping itu, laman media sosial rasmi Unit Pengurusan Bencana (UPB) turut digunakan sebagai penyebaran maklumat dan hebahan awam kepada rakyat.

Selain itu, pendekatan pengesahan maklumat dilaksanakan dengan kerjasama rapat agensi teknikal dan persekutuan seperti NADMA, APM, JPS, METMalaysia, JBPM dan PDRM, bagi memastikan setiap maklumat atau amaran bencana yang dikeluarkan telah disahkan dan disemak ketepatannya sebelum diumumkan kepada orang awam.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pendekatan pendidikan dan kesedaran awam melalui program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) bagi mendidik rakyat agar hanya sumber rasmi dirujuk ketika menerima maklumat bencana.

Pendekatan pemantauan dan penafian berita palsu juga turut digerakkan melalui Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi (UKKI), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berperanan menyalurkan penjelasan serta penafian rasmi bagi mengekang penyebaran maklumat tidak sahih.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(III)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG

30. Nyatakan produk-produk dan premis yang menyalahguna logo atau sijil halal bagi tempoh 2020 hingga September 2025.

    (a) Berapakah permohonan baru status halal bagi tempoh yang sama dan senaraikan produk atau premis tersebut?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

30. Penyalahgunaan logo atau sijil halal boleh diambil tindakan penguatkuasan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011. Setakat hari ini, penguatkuasan undang-undang di bawah APD 2011 di Negeri Pulau Pinang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Penyalahgunaan logo atau sijil halal ini melibatkan produk makanan/ minuman, premis makanan, kosmetik dan dandanan diri, farmaseutikal dan rumah sembelihan. Statistik operasi penguatkuasaan di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2020 hingga September 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Permohonan sijil halal Malaysia terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Permohonan Baharu, Permohonan Pembaharuan dan Permohonan Penambahan Menu. Berikut adalah statistik permohonan baharu sahaja yang diproses oleh Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2020 sehingga September 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Permohonan sijil halal ini melibatkan sembilan (9) Skim Pensijilan iaitu Skim Produk Makanan/ Minuman, Skim Premis Makanan, Skim Barang Gunaan, Skim Kosmetik dan Dandanan Diri, Skim Farmaseutikal, Skim Logistik, Skim Rumah Sembelihan, Skim Peranti Perubatan dan Skim Kontrak Pengeluaran (OEM). Senarai terperinci syarikat yang telah dipersijilkan halal dan maklumat produk halal di Negeri Pulau Pinang boleh dirujuk melalui Portal Halal Malaysia: myehalal.halal.gov.my/portal-halal.

LAMPIRAN A

STATISTIK OPERASI PENGUATKUASAAN DI NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH 2020 HINGGA SEPTEMBER 2025

BIL.	TAHUN	SKIM									
		PR	PM	BG	FM	KO	MD	(OEM)	LG	RS	JUMLAH
1.	2020	19	8	0	0	0	0	0	0	0	27
2.	2021	18	7	0	0	1	0	0	0	0	26
3.	2022	13	17	0	0	0	0	0	0	2	32
4.	2023	7	10	0	0	0	0	0	0	0	17
5.	2024	9	20	0	0	0	0	0	0	0	29
6.	2025 (September)	8	11	0	1	0	0	0	0	1	21
Jumlah		74	73	0	1	1	0	0	0	3	152

Ringkasan Skim:
PR - Produk Makanan
PM - Premis Makanan
BG - Barang Gunaan
FM- Farmaseutikal
KO - Kosmetik dan Dandanan Diri
MD - Peranti Perubatan
OEM - Skim Pengilangan Kontrak
LG - Logistik
RS - Rumah Sembelihan

LAMPIRAN B

STATISTIK PERMOHONAN BAHARU SAHAJA YANG DIPROSES OLEH NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TAHUN 2020 SEHINGGA SEPTEMBER 2025

BIL.	TAHUN	SKIM									
		PR	PM	BG	FM	KO	MD	(OEM)	LG	RS	JUMLAH
1.	2020	259	73	10	6	57	0	23	2	0	430
2.	2021	375	47	30	7	57	0	26	0	1	543
3.	2022	404	105	14	10	44	0	27	5	1	610
4.	2023	577	94	15	9	53	0	35	2	2	787
5.	2024	571	112	17	14	34	5	56	3	2	814
6.	2025 (September)	383	73	22	12	52	0	42	8	1	593
Jumlah		2569	504	108	58	297	5	209	20	7	3777

Ringkasan Skim:
PR- Produk Makanan
PM - Premis Makanan
BG - Barang Gunaan
FM- Farmaseutikal
KO - Kosmetik dan Dandanan Diri
MD - Peranti Perubatan
OEM - Skim Pengilangan Kontrak
LG - Logistik
RS - Rumah Sembelihan

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

1. Pada mesyuarat penggal yang lalu, EXCO Pelancongan ada memaklumkan bahawa akan mengembangkan Tourism Pulau Pinang dengan menambahkan lagi beberapa penerbangan terus dari negara China dan India ke Pulau Pinang. Bilakah penambahan penerbangan tersebut akan dilaksanakan?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) dan *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB) sedang giat berunding dengan beberapa syarikat penerbangan antarabangsa bagi membuka laluan baharu serta menambah kekerapan penerbangan terus ke Pulau Pinang sebagai langkah strategik memperkukuh hubungan udara, merancakkan kedatangan pelancong dan menyokong pertumbuhan ekonomi negeri. Untuk tahun 2025, laluan penerbangan baharu yang telah direalisasikan dari China ialah Chengdu oleh *Sichuan Airlines*, yang mula beroperasi pada April 2025.

   Selain itu, beberapa laluan sedia ada turut mencatatkan penambahan kekerapan penerbangan dari China antaranya Guangzhou oleh *China Southern Airlines* (14 kali seminggu), Xiamen oleh *Xiamen Airlines* (7 kali seminggu), Shanghai oleh *Juneyao Airlines* (7 kali seminggu), Hong Kong oleh *Hong Kong Express* (14 kali seminggu) serta Chengdu oleh *Sichuan Airlines* (7 kali seminggu).

Selain penerbangan berjadual di atas, penerbangan *chartered flight* juga terbang ke bandar Kunming, Chongqing, Xian dan Haikou.

Pada masa yang sama, selain destinasi ke Chennai yang dilancarkan pada Disember 2024, pihak PCEB kini sedang berunding dengan *IndiGo Airlines* bagi menambah penerbangan terus dari destinasi lain di India ke Pulau Pinang. Perbincangan ini sedang dijalankan dengan mengambil kira kelulusan pihak berkuasa penerbangan serta rundingan komersial antara syarikat penerbangan dan lapangan terbang terlibat.

Usaha-usaha ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperluas ketersambungan udara antarabangsa (international air connectivity) yang akan memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan dan perniagaan utama di rantau ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

2. Masalah kawasan tanah yang dirizabkan untuk pembangunan surau dan rumah ibadat di dalam kawasan perumahan. Bolehkah pihak Kerajaan Negeri meletakkan syarat wajib kepada pemaju supaya memaklumkan terlebih awal kepada pembeli di mana lokasi kawasan yang akan dirizabkan untuk pembangunan tersebut?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengenakan syarat-syarat pembangunan kepada pemaju dalam cadangan kemajuan kawasan pembangunan skim perumahan termasuklah penyediaan kemudahan awam seperti surau dan rumah ibadat berdasarkan garis panduan PBT dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang sedang berkuat kuasa.

   Peletakan lokasi surau dan rumah ibadat akan ditunjuk dan dicatat dengan jelas dalam Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang telah diluluskan oleh PBT. Oleh yang demikian, mana-mana pembeli yang ingin membeli hartanah dalam sesuatu pembangunan skim perumahan, boleh memohon supaya pemaju menunjukkan PKM yang telah diluluskan oleh PBT bagi melihat lokasi tapak surau dan rumah ibadat secara tepat dan jelas. Selain itu, pihak pembeli hartanah juga boleh datang ke pejabat PBT berkenaan untuk memohon bagi melihat lokasi tapak surau dan rumah ibadat yang telah diluluskan dalam PKM.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

3. Masalah hentian bas yang kotor dan tidak diselenggara dengan baik. Apakah langkah yang diambil oleh pihak yang berkenaan bagi memastikan hentian bas berada dalam keadaan yang bersih, tidak rosak dan selesa untuk pengguna?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah melaksanakan Pemantauan Bersepadu Sekolah Fasa 1/2025 pada bulan Januari hingga Julai 2025 dengan menitikberatkan pematuhan penjualan makanan di kantin sekolah dan koperasi sekolah. Peratus penyelesaian isu tersebut adalah seperti berikut:

    (a) Sekolah Rendah - 73.3%; dan

    (b) Sekolah Menengah - 56.0%

    Namun begitu, angka ini akan meningkat apabila lawatan susulan dan penambahbaikan telah dibuat serta pemantauan Fasa 2/2025 yang akan berakhir pada Disember 2025.

    Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sentiasa mengikuti dengan rapat kempen kesedaran dan advokasi yang dianjurkan oleh Cawangan Pemakanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi memastikan semua murid mengamalkan pemakanan sihat serta mampu membentuk gaya

hidup sihat. Inisiatif ini turut disokong melalui pelaksanaan Pakej Inisiatif Sekolahku Sihat Stail Kita yang akan dijalankan di setiap sekolah di semua daerah mulai November 2025. Antara sekolah yang terlibat pada peringkat awal Inisiatif ini dilancarkan adalah seperti berikut:

(a) Sekolah Kebangsaan Telok Kumbar;

(b) Sekolah KebangsaanTo' Bedor;

(c) Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor;

(d) Sekolah Kebangsaan Bukit Minyak; dan

(e) Sekolah Kebangsaan Bandar Tasek Mutiara.

Di samping itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) turut merangka inisiatif bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan penjaja di luar kawasan sekolah agar mematuhi garis panduan penjualan makanan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan dasar pemakanan sihat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

25. Setiap tahun pesawah padi mengalami masalah yang sama iaitu berhadapan dengan keadaan sawah yang penuh dengan pokok keladi agas. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi dan mengawal pembiakan pokok keladi agas yang membiak terlalu cepat di sawah padi sehingga merugikan pesawah?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah melancarkan jawatankuasa *task force* pembendungan, penghapusan dan kawalan keladi agas bermula Mei 2023 bagi mencari solusi kemerebakan rumpai yang mengancam tanaman padi ini. Pada tahun 2023, peruntukan sebanyak RM900,000.00 telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman Padi pada musim 2/2023.

Manakala sebanyak RM400,000.00 telah diperuntukan bagi perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di dua (2) daerah meliputi keluasan 74.4 hektar. Perkhidmatan kawalan keladi agas ini telah menurunkan keluasan infestasi sebanyak 64.15% pada musim 1/2024.

Manakala pada tahun 2025, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun bagi memberi kesedaran kepada petani untuk melaksanakan kawalan dari peringkat penyediaan tanah (pra-cambah). Sebanyak

enam (6) bendera kuning tanda amaran telah dinaikkan di *point* bancian perosak dan penyakit bagi daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) bertujuan agar petani dapat melaksanakan kawalan segera. Petak demonstrasi penanaman mengikut '*rice check*' juga dilaksanakan di daerah SPU melibatkan keluasan sebanyak 4 hektar bagi musim 2/2025.

Program kesedaran yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

(a) Taklimat Kawalan Rumpai Bagi Keladi Agas dan Sambau pada 21 Julai 2025 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu melibatkan lebih 40 orang ahli dan peserta ladang benih di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu;

(b) Program Libat Urus Petak Model Pengurusan Kawalan Rumpai dan *Hands On* Pengumpanan Tikus pada 30 September 2025 di Koperasi Permatang Kuang Berhad;

(c) Taklimat Pengurusan Rumpai Bagi Tanaman Padi Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 2 Oktober 2025 yang disertai lebih 100 orang peserta dari seluruh Negeri Pulau Pinang;

(d) Pameran Keladi Agas di Klinik Pengembangan Pertanian sempena Program Pemerkasaan Sektor Pertanian Inc. Negeri Pulau Pinang di Kampung Labuh Banting pada 27 dan 28 September 2025;

(e) Pameran Keladi Agas sempena Seminar Peningkatan Hasil dan Kualiti Padi Di Majlis Graduasi Program *Farmers Field School* (FFS) siri ke 15/2025 pada 16 Oktober 2025; dan;

(f) Video Pengenalan Keladi Agas di '*Facebook Page*' Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

26. Selain daripada bentuk kewangan, apakah inisiatif-inisiatif lain yang ditawarkan bagi meningkatkan taraf kehidupan golongan miskin atau ibu tunggal yang kurang berpendidikan khususnya di dalam kawasan Telok Air Tawar?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Selain bantuan kewangan, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pelbagai inisiatif bukan kewangan bagi membantu golongan miskin dan ibu tunggal yang kurang berpendidikan, bukan sahaja di kawasan Telok Air Tawar, malah terbuka kepada peserta di seluruh negeri Pulau Pinang.

Antara inisiatif tersebut ialah :-

(i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) yang dilaksanakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah dengan pemberian bantuan peralatan perniagaan bernilai maksimum RM3,000.00 kepada peniaga kecil berpendapatan rendah bagi memperkukuh keupayaan perniagaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah.

(ii) Program Pembangunan Modal Insan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri turut dilaksanakan dengan menawarkan latihan kemahiran seperti masakan, jahitan dan asas keusahawanan bagi membantu peserta termasuk ibu tunggal menjana pendapatan sendiri dan hidup berdikari.

(iii) Kerajaan Negeri juga melalui *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) juga melaksanakan Program PenMentor yang memberi latihan keusahawanan, pembangunan kemahiran dan bimbingan kepada wanita berpendapatan rendah bagi meningkatkan keupayaan diri serta peluang ekonomi secara mampan. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, Kerajaan Negeri berhasrat memperkasa wanita dan komuniti rentan agar dapat keluar daripada kitaran kemiskinan selaras dengan sasaran Pulau Pinang ke arah sifar miskin menjelang tahun 2026.

(iv) Zakat Pulau Pinang (ZPP) turut melancarkan program latihan kemahiran berasaskan perkhidmatan dan perubatan tradisional melalui Program Ummi Therapy, yang memfokuskan kepada penjagaan kesihatan serta urutan lepas bersalin dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). ZPP juga menyediakan latihan kemahiran dalam bidang *Food & Beverage* (F&B) yang merupakan antara sektor penting dalam industri hospitaliti dan perkhidmatan. Antara kursus yang ditawarkan termasuk pembuatan kuih tradisional, kek dan pastri, masakan barat serta barista.

Selain itu, ZPP juga menawarkan pelbagai kursus keusahawanan merangkumi Kursus Asas Keusahawanan, Kursus Pemasaran dan Promosi, Kursus Asas Akaun, Kursus Pengurusan Kewangan, Kursus Pemasaran Digital, Kursus Pensijilan Halal serta beberapa kursus lain yang bersesuaian dengan keperluan dan potensi peserta.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

27. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan peranan masjid sebagai salah satu tempat menjana ekonomi dan pendidikan masyarakat terutama golongan belia?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited memperkasakan peranan masjid bukan sahaja sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai pusat ekonomi dan pendidikan masyarakat, khususnya golongan belia.

Melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP, masjid kini dihubungkan secara digital dengan agensi Islam negeri bagi memperkukuh tadbir urus dan menjana potensi ekonomi setempat.

Selain itu, sebanyak RM10.22 juta diperuntukkan bagi pembangunan dan penyelenggaraan masjid, manakala RM14.2 juta pula disalurkan untuk memperkasakan pendidikan Islam termasuk sekolah agama rakyat dan institusi tahfiz.

Di bawah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030), masjid berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi, pendidikan dan anak muda. Melalui program seperti Seminar Pemerkasaan Koperasi Masjid, kerajaan negeri mendorong penubuhan koperasi berasaskan masjid, memberi latihan pengurusan koperasi patuh syariah serta membuka ruang penglibatan belia dalam aktiviti keusahawanan.

Antara contoh koperasi masjid :

(a) Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah yang menawarkan produk-produk sejuk beku, perkhidmatan penginapan (Attaqwa Inn), dan lain lagi ;

(b) Koperasi Masjid Abdullah Fahim (KOMAF) yang antaranya mengendalikan majlis walimatulurus anak khariah; dan

(c) Koperasi Masjid Ibadur Rahman yang menawarkan tapak perniagaan dan penjualan barangan asas pada harga yang berpatutan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IV)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG

28. Berapakah jumlah penerima zakat yang dikategori sebagai miskin di Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2025 mengikut pecahan DUN?

    (a) Jelaskan bentuk zakat yang telah digunakan selain zakat asnaf.

    (b) Apakah usaha yang akan dipertingkatkan bagi memperbaiki sistem yang sedia ada ke arah yang lebih cekap dan adil?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Sehingga september 2025, seramai 38,008 penerima zakat telah dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin di seluruh Negeri Pulau Pinang melibatkan jumlah agihan sebanyak RM45,000,752.00. Butiran lanjut berhubung Jumlah Penerima Zakat yang diketegorikan sebagai Miskin di Pulau Pinang sehingga tahun 2025 seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) diagihkan kepada lapan (8) asnaf iaitu Asnaf Fakir, Asnaf Miskin, Asnaf Amil, Asnaf Muallaf, Asnaf Ghorimin, Asnaf Ibnu Sabil, Asnaf Fisabilillah dan Asnaf Ar-Riqab dalam pelbagai bentuk Skim Agihan mengikut keperluan setiap asnaf bagi memenuhi Maqasid Syariah serta dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

(b) Bagi memastikan sistem agihan zakat lebih cekap dan adil, beberapa usaha akan dipertingkatkan:

(i) Pendigitalan Sistem Agihan iaitu penggunaan sistem bersepadu berasaskan data masa nyata untuk pemantauan dan pengesanan penerima;

(ii) Pemetaan Asnaf Secara Mikro iaitu dengan mengadakan Analisis geolokas dan bancian lapangan untuk mengenal pasti kawasan tumpuan kemiskinan;

(iii) Pemantauan dan Audit Berkala iaitu penilaian berkala terhadap keberkesanan bantuan dan status ekonomi penerima;

(iv) Kerjasama Strategik iaitu kolaborasi dengan agensi kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat untuk pengesahan dan pemadanan bantuan; dan

(v) Pemerkasaan Asnaf iaitu fokus kepada program keluar daripada kemiskinan melalui latihan, bimbingan, dan bantuan modal.

LAMPIRAN A

PENERIMA ZAKAT KATEGORI FAKIR MISKIN MENGIKUT DUN BAGI TAHUN 2025 (JANUARI - SEPTEMBER)

KOD DUN	DUN	2025			
		FAKIR		MISKIN	
		BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM)	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM)
N01	PENAGA	753	1,152,607.09	1,710	1,528,215.44
N02	BERTAM	318	528,235.10	765	871,628.31
N03	PINANG TUNGGAL	526	824,407.69	1,387	1,399,444.49
N04	PERMATANG BERANGAN	682	1,015,471.90	1,658	1,727,556.94
N05	SUNGAI DUA	390	545,837.55	1,129	950,006.48
N06	TELOK AYER TAWAR	326	510,322.13	1,045	867,995.57
N07	SUNGAI PUYU	120	203,090.20	341	236,599.90
N08	BAGAN JERMAL	270	430,943.80	892	781,867.61
N09	BAGAN DALAM	155	216,594.90	433	330,927.70
N10	SEBERANG JAYA	565	892,671.07	1,815	5,424,605.50
N11	PERMATANG PASIR	498	758,299.00	1,622	1,543,490.14
N12	PENANTI	350	526,259.00	1,220	1,216,228.01
N13	BERAPIT	24	35,600.00	90	160,657.44
N14	MACHANG BUBOK	399	599,020.90	1,425	1,294,930.44
N15	PADANG LALANG	109	146,326.80	371	402,190.05
N16	PERAI	67	94,257.55	190	138,151.50
N17	BUKIT TENGAH	249	334,486.50	794	720,345.28
N18	BUKIT TAMBUN	124	174,499.50	369	299,150.15
N19	JAWI	218	325,646.10	633	536,341.95
N20	SUNGAI BAKAP	344	517,617.35	1,085	1,250,218.19
N21	SUNGAI ACHEH	342	505,169.05	811	853,709.94
N22	TANJONG BUNGA	198	292,542.65	452	449,240.25
N23	AIR PUTIH	122	218,949.85	387	306,777.50
N24	KEBUN BUNGA	2	4,700.00	19	9,746.00
N25	PULAU TIKUS	26	37,750.00	59	45,777.75
N26	PADANG KOTA	57	102,660.55	141	119,871.70
N27	PENGKALAN KOTA	10	11,100.00	25	18,507.25
N28	KOMTAR	104	211,802.65	265	214,691.00
N29	DATOK KERAMAT	185	328,680.00	483	561,406.75

N30	SUNGAI PINANG	498	816,342.65	1,269	1,077,654.20
N31	BATU LANCANG	10	27,150.00	42	23,438.60
N32	SERI DELIMA	136	212,158.20	309	291,198.30
N33	AIR ITAM	166	278,510.70	442	395,534.70
N34	PAYA TERUBONG	24	31,850.00	43	42,084.90
N35	BATU UBAN	182	323,911.50	397	412,421.75
N37	BATU MAUNG	191	323,683.85	656	534,250.47
N36	PANTAI JEREJAK	90	160,681.45	366	288,672.55
N38	BAYAN LEPAS	352	542,282.30	1,224	1,086,358.08
N39	PULAU BETONG	254	384,874.75	996	644,735.57
N40	TELOK BAHANG	389	579,891.60	823	717,237.80
JUMLAH KESELURUHAN		**9,825**	**15,226,885.88**	**28,183**	**29,773,866.15**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

1. Senaraikan semua reban ayam daging, ayam kampung dan ayam telur yang belum dinaiktaraf kepada penternakan tertutup.

   (a) Huraikan kekangan ketidakpatuhan oleh penternak.

   (b) Adakah proses pemutihan akan dilaksanakan sekali lagi?

   (c) Sementara menunggu sistem penternakan tertutup, apakah kaedah untuk menangani isu lalat yang semakin merunsingkan?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Senarai reban ayam daging, ayam kampung dan ayam telur yang belum dinaiktaraf kepada sistem reban tertutup adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) Selain kos pembinaan yang tinggi, penternak turut dibebani dengan kos permohonan Kebenaran Merancang (KM) yang melibatkan bayaran mahal, dokumen teknikal dan masa menunggu lama. Ramai penternak memilih untuk kekal menggunakan reban terbuka kerana lebih mudah dan murah. Di samping itu, mereka juga bimbang ladang unggas akan ditutup akibat pembangunan perumahan yang semakin hampir dengan kawasan penternakan.

   (b) Susulan Sesi Dialog bersama penternak unggas pada 6 Oktober 2025, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau

Pinang telah menyediakan kertas MMK berkaitan pengecualian Kebenaran Merancang untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Pada masa ini, kertas tersebut sedang menunggu ulasan daripada jabatan-jabatan berkaitan sebelum disemak dan dibentangkan untuk kelulusan.

(c) Pada masa kini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah melaksanakan aktiviti pemantauan yang berterusan serta tindakan kompaun. Penternak juga dinasihatkan untuk membersihkan najis secara mingguan serta menabur kapur di atas najis bagi kawalan lalat. Selain itu, penternak juga dinasihatkan untuk melaksanakan semburan lalat secara berjadual. Penggunaan *effective microbes* juga digalakkan di dalam penternakan. Sekiranya masalah lalat masih tidak terkawal Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang akan mengeluarkan Notis Penutupan Sementara sehingga penternak dapat menyelesaikan isu lalat di ladangnya.

LAMPIRAN A

SENARAI REBAN AYAM DAGING, AYAM KAMPUNG DAN AYAM TELUR YANG BELUM DINAIK TARAF KEPADA SISTEM REBAN TERTUTUP DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	NAMA LADANG	ALAMAT LADANG	KOMODITI
1.	SHING SHENG KEE FARM SDN. BHD.	LOT 557, MUKIM 7 BUKIT PANCHOR, SPS	AYAM PEDAGING
2.	SHING SHENG KEE FARM SDN. BHD.	LOT 316 & 889 MUKIM 5 SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PEDAGING
3.	SENG KEE CHAN TRADING (M) SDN. BHD.	LOT 1749, MUKIM 11 NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
4.	AYAM EL SEMESTA SDN. BHD.	LOT 269, 270, 271, MUKIM 03, SPS	AYAM PEDAGING
5.	AYAM EL SEMESTA SDN. BHD.	LOT 47 & 50, MUKIM 15, JALAN TASEK, KAMPUNG VALDOR LUAR, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PEDAGING
6.	KHOR CEI LIEW	LOT 3179, JALAN BYRAM, MUKIM11, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
7.	LIANG TEIK FARM SDN. BHD.	LOT 332, 333, 335, MUKIM 3, BUKIT DEGONG, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PEDAGING

8.	CHIN FARMING	LOT 292 MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PENELUR
9.	HENG HUAT FARM	LOT 21874, MUKIM 15, SUNGAI JAWI, SPS	AYAM PENELUR
10.	NG CHIN BOON FARM	2127(159), JALAN 17, KAMPUNG VALDOR, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PENELUR
11.	HEAP SOON FARMING SDN. BHD.	LOT 1401, JALAN BYRAM, MUKIM 11, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
12.	DONG BEI FARM ENTERPRISE	LOT 1126, MUKIM 4, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PEDAGING
13.	LCY BOON TRADING	LOT 372, MUKIM 12, 2107, JALAN BESAR, LADANG VALDOR, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PEDAGING
14.	PCS & EVER SUCCESS POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 197, MUKIM 11, CHANGKAT, SPS	AYAM BAKA KAMPUNG
15.	PCS & EVER SUCCESS POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 2964, MUKIM 5, SUNGAI DURI, SPS	AYAM PEDAGING
16.	PCS & EVER SUCCESS POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1811, MUKIM 14, SPT	ITIK PENELUR
17.	PCS & EVER SUCCESS POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1637, MUKIM 11, CHANGKAT A, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING

18.	PCS & EVER SUCCESS POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1467, MUKIM 11, CHANGKAT B, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
19.	PCS & EVER SUCCESS POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1528, MUKIM 11, CHANGKAT C, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
20.	TAN CHOI HIN SDN. BHD.	LOT 838, 1553, SUNGAI LEMBU, MUKIM 17, SPT	ITIK PEMBIAKBAKAAN
21.	KOE AGRICULTURE TRADING SDN. BHD.	LOT 106,107,108, MUKIM F, PAYA KONGSI, DBD	AYAM PEDAGING
22.	SAM YOU QUAIL FARM	LOT 1638 & 1639, TINGKAT SELAMAT 10, TASEK GELUGOR, SPU	PUYUH PEDAGING
23.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 571, 572, 573, 779 MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
24.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 600, MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
25.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 3894, MUKIM 11, JALAN CHANGKAT, SPS	AYAM PEDAGING
26.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 2628, 2647, MUKIM 11, SPS	AYAM PEDAGING
27.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 2645, MUKIM 11, SPS	AYAM PEDAGING

28.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 407 & 408, MUKIM 20, SPT	AYAM PEDAGING
29.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 203, MUKIM 3, SPS	AYAM PEDAGING
30.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 54, 58, 588, 589, 590, 591, MUKIM 4, SPS	AYAM PEDAGING
31.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 741, MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
32.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 287, MUKIM 2, SPS	AYAM PEDAGING
33.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 255, MUKIM 2, SPS	AYAM PEDAGING
34.	PWF FARMS SDN. BHD.	LOT 78, 79, 80, 271, 272, 274, 279, 315 & 316, MUKIM 6, SEMPAH, SPS	AYAM PEDAGING
35.	PERNIAGAAN MUHIBBAH RIA SDN. BHD.	LOT 1187, 1189, 374 & 81, MUKIM 7, PAYA KEMIAN, SPS	AYAM PEDAGING
36.	PERNIAGAAN MUHIBBAH RIA SDN. BHD.	LOT 3588, MUKIM 14, JALAN BUKIT TAMBUN, SPS	AYAM PEDAGING
37.	PERNIAGAAN MUHIBBAH RIA SDN. BHD.	LOT 272, MUKIM 13, JALAN BATU KAWAN, SPS	AYAM PEDAGING

38.	PERNIAGAAN MUHIBBAH RIA SDN. BHD.	LOT 370, 372 & 1160, MUKIM 7, PAYA KEMIAN, SPS	AYAM PEDAGING
39.	PERNIAGAAN MUHIBBAH RIA SDN. BHD.	LOT 3187, MUKIM 6, JALAN NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
40.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 2016, 2027, MUKIM 16, BUKIT TEH, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
41.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 2021, MUKIM 16, BUKIT TEH, SPT	AYAM BAKA KAMPUNG
42.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1922, MUKIM 16, BUKIT TEH, SPT	ITIK PEDAGING
43.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 2974, 198, MUKIM 5, SUNGAI DURI, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
44.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 284, MUKIM 2, JALAN TANAH MERAH, TASEK, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
45.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 2966, MUKIM 5, SUNGAI DURI, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
46.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1247, MUKIM 4, WELLESLEY, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
47.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 960, 326, MUKIM 4, WELLESLEY, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN

48.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 956, 1010, MUKIM 4, SUNGAI BAONG, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
49.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 978, MUKIM 4, WELLESLEY, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
50.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1577,1578, MUKIM 17, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
51.	JIALI POULTRY FARM SDN. BHD.	LOT 1250, 1249, MUKIM 4, WELLESLEY, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
52.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 3405, 3406, MUKIM 15, SPS	AYAM PEDAGING
53.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 145, MUKIM 2, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
54.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 225, MUKIM 2, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
55.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1700, MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
56.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 569, MUKIM 14, SPT	AYAM PEDAGING
57.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1625, MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
58.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 242, MUKIM 2, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN

59.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 397 & 398, 378 MUKIM 3, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
60.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 433 & 681, MUKIM 1, SPS	AYAM PEDAGING
61.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 437 & 847, MUKIM 4, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
62.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 468, 469 & 470, MUKIM 1, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
63.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1019, MUKIM 4, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
64.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1040, MUKIM 14, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
65.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1045, MUKIM 14, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
66.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1149, MUKIM 14, SPT	AYAM PEDAGING
67.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1624, MUKIM 16, SPT	AYAM BAKA KAMPUNG
68.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1629 & 1622, MUKIM 14, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
69.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1947, 1948 & 1859, 386, 387 & 1858, MUKIM 17, SPT	AYAM PEDAGING

70.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 160, 161, MUKIM 6, SPS	AYAM PEDAGING
71.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 198, MUKIM 11, SPS	AYAM PEDAGING
72.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 257, MUKIM 2, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
73.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 346, MUKIM 1, SPS	AYAM PEDAGING
74.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 376, 378, 379, 381, 383, 857,MUKIM 1, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
75.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 401, 6279, MUKIM 7, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
76.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 404, MUKIM 7, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
77.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 431, MUKIM 5, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
78.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 753, MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
79.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 788, 787, 184, 789, 791, 10011, 192, 186, 194, 188, MUKIM 5, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
80.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 920, MUKIM 5, SPS	AYAM PEDAGING

81.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 955, MUKIM 4, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
82.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1542, 1541, MUKIM 16, SPT	AYAM PEDAGING
83	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1129, MUKIM 5, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
84.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 1008, MUKIM 12, VALDOR, SPS	AYAM PEDAGING
85.	KAMI FARMING SDN. BHD.	LOT 2024, MUKIM 16, SPT	AYAM KAMPUNG KACUKAN
86.	LAW LIAN FARM	LOT 276, 277, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
87.	LAW LIAN FARM	LOT 263, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
88.	ANG LIP LENG	LOT 140, MUKIM 4, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
89.	MAYBEST FOOD INDUSTRIES & TRADING	LOT 1023, JALAN WELLESLEY, KAMPUNG SUNGAI BAONG, SUNGAI BAKAP, SPS	ITIK PENELUR
90.	SHOON HENG BROTHERS FARMING	LOT 1633, MUKIM 14, KAMPUNG MANGGIS, PERMATANG TINGGI, SPT	AYAM PENELUR

91.	PIN NONG TRADERS (M) SDN. BHD.	LOT 1679, 1680, JALAN 17, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
92.	NG YAM KENG FARM	LOT 274, JALAN 16 , MUKIM 15 , KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
93.	NG YAM KENG FARM	LOT 291, JALAN 20, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
94.	FENG QIN FARMING	LOT 1696, MUKIM 15, JALAN 10, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
95.	TEOH SIONG HONG FARM	LOT 302, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SUNGAI BAKAP, SPS.	AYAM PENELUR
96.	LAW BROTHERS RESOURCES SDN. BHD.	LOT 258, JALAN 19, MUKIM 14, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
97.	SHENG SHENG HUAT FARM	LOT 249, JALAN 12, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
98.	SHENG SHENG HUAT FARM	LOT 134, JALAN 18 ,MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
99.	SHENG SHENG HUAT FARM	LOT 226, JALAN 10, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
100.	SHENG SHENG HUAT FARM	LOT 187, JALAN 18, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR

101.	SHENG SHENG HUAT FARM	LOT 1675, JALAN 17, MUKIM 15, KAMPUNG VALDOR, SPS	AYAM PENELUR
102.	SHENG SHENG HUAT FARM	LOT 301, MUKIM 15, LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP, SPS	AYAM PENELUR
103.	GSY POULTRY FARM	LOT 390, MUKIM 16, JALAN GAJAH MATI, MACHANG BUBUK, SPT	AYAM PENELUR
104.	GSY POULTRY FARM	LOT 559 & 560, MUKIM 16, JALAN GAJAH MATI, MACHANG BUBUK, SPT	AYAM PEDAGING
105.	WELLESLEY FARMING SDN. BHD.	LOT 310, MUKIM 4, KAMPUNG WELLESLEY, SUNGAI BAKAP, SPS	ITIK PENELUR
106.	WELLESLEY FARMING SDN. BHD.	LOT 548, MUKIM 4, KAMPUNG WELLESLEY, SUNGAI BAKAP, SPS	ITIK PENELUR
107.	LSP VENTURE	LOT 20524, MUKIM 12, TINGKAT SELAMAT 3, KAMPUNG SELAMAT, TASEK GELUGOR, SPU	AYAM PEDAGING
108.	NG TEIK CHAI	LOT 2459, MUKIM 6, PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS, SPU	AYAM PEDAGING
109.	CHING SHUENN AGRICULTURAL SDN. BHD.	LOT 960, 961, 956, 957, MUKIM 6, PAYA KELADI, KEPALA BATAS, SPU	AYAM PEDAGING
110.	CHING SHUENN AGRICULTURAL SDN. BHD.	LOT 932 & 929, MUKIM 6, PAYA KELADI, BERTAM, KEPALA BATAS, SPU	AYAM PEDAGING

111.	CHING SHUENN AGRICULTURAL SDN. BHD.	LOT 933, MUKIM 6, PAYA KELADI, BERTAM, KEPALA BATAS, SPU	AYAM PEDAGING
112.	CHING SHUENN AGRICULTURAL SDN. BHD.	LOT 3792 & 3793, MUKIM 12, PINANG TUNGGAL, TASEK GELUGOR, SPU	AYAM PEDAGING
113.	CAB CAKARAN SDN. BHD.	LOT 799, JALAN KAMPUNG, CHE AMINAH, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
114.	CAB CAKARAN SDN. BHD.	LOT 4761, JALAN SUNGAI KOROK, KAMPUNG EKOR KUCHING, TASEK GELUGOR, SPU	AYAM PEDAGING
115.	CAB CAKARAN SDN. BHD.	LOT 4420 & 4421, KAMPUNG TASEK, TASEK GELUGOR, SPU	AYAM PEDAGING
116.	CAB CAKARAN SDN. BHD.	LOT 315, PENANTI, BUKIT MERTAJAM, SPT	AYAM PEDAGING
117.	CAB CAKARAN SDN. BHD.	LOT 1445 & 1446, JALAN KUBANG ULU, KUBANG ULU, BUKIT MERTAJAM, SPT	AYAM PEDAGING
118.	S & T FARMQUEST SDN. BHD.	LOT 403, 920 & 921, MUKIM 2, TASEK, SPS	AYAM PEDAGING
119.	TAN SUAT LYE	LOT 1464 & 1465, MUKIM 11, CHANGKAT, SPS	AYAM PEDAGING
120.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 339, MUKIM 19, KAMPUNG TELUK WANG, SPT	AYAM PEDAGING

121.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 388, 389, 390, MUKIM 19, TELOK WANG, SPT	AYAM PEDAGING
122.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 888, MUKIM 19, KAMPUNG TELOK WANG, SPT	AYAM PEDAGING
123.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 267, 277, 839, 843, MUKIM 19, KAMPUNG TELOK WANG, SPT	AYAM PEDAGING
124.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 2009, MUKIM 16, PERMATANG TINGGI, SPT	AYAM PEDAGING
125.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 2325, 2326, 2328, MUKIM 17, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM PEDAGING
126.	YEONG CHERNG SDN. BHD.	LOT 1084, MUKIM 12, JURU, SPT	AYAM PEDAGING
127.	HWA HUAT LIVESTOCK INDUSTRIES SDN. BHD.	LOT 1609, 5737, MUKIM 11, CHANGKAT, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM PEDAGING
128.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 1167, MUKIM 7, SUNGAI KECHIL, JAWI, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
129.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 395, MUKIM 7, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
130.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 397, MUKIM 7, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN

131.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 893, MUKIM 4, PERMATANG ARA, SUNGAI DURI, SUNGAI JAWI, SPS	AYAM PEDAGING
132.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 868, 1180, 1181, MUKIM 8, NIBONG TEBAL, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
133.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 11, 12 & 13, MUKIM 1, TASEK, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
134.	KP ASLI SDN. BHD.	LOT 1642 & 1643, JALAN CHANGKAT, SPS	AYAM KAMPUNG KACUKAN
135.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 364 & 365, MUKIM 18, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM PEDAGING
136.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 757 & 746, MUKIM 18, SUNGAI LEMBU SPT	AYAM PEDAGING
137.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 752, 753, 754 & 755, MUKIM 18, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM PEDAGING
138.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 357, MUKIM 18, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM PEDAGING
139.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 449, MUKIM 19, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM PEDAGING
140.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 962, 963, 964, 965, MUKIM 18, SUNGAI LEMBU, SPT	AYAM PEDAGING
141.	SIM FAH FARMING SDN. BHD.	LOT 596 & 597, MUKIM 16, MACHANG BUBOK, SPT	AYAM PEDAGING

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

2. Senaraikan semua ladang ternakan babi di Pulau Pinang berserta jumlah ternakan.

   (a) Senaraikan semua pusat penyembelihan babi berserta jumlah bulanan yang disembelih sejak Januari 2024.

   (b) Huraikan import daging babi dari luar Pulau Pinang dan luar negara.

   (c) Huraikan kejadian wabak ASF di Kampung Selatan.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Senarai ladang ternakan babi dan jumlah babi mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) Senarai pusat penyembelihan babi dan jumlah yang disembelih mengikut bulan sejak Januari 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

   (b) Sehingga kini tiada kemasukan daging babi dari luar Negeri Pulau Pinang atau dari luar negara ke Negeri Pulau Pinang.

   (c) Sehingga 27 Oktober 2025, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan tindakan peiupusan ternakan babi di lima (5) ladang di daerah Seberang Perai Utara (SPU) berikutan pengesahan

kes penyakit *African Swine Fever* (ASF) di kawasan berkenaan.

Kes terakhir dilupuskan pada 8 Oktober 2025, dengan jumlah keseluruhan 2,545 ekor ternakan yang terlibat. Daripada jumlah itu, sebanyak 351 ekor ternakan babi telah mati secara semula jadi. Manakala ternakan babi yang dilupus melalui kaedah gas karbon dioksida (CO_2) adalah sebanyak 2,194 ekor.

Tindakan pelupusan dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Penyakit ASF yang ditetapkan oleh JPV Malaysia. Langkah ini diambil bagi memastikan penyakit dapat dikawal secara berkesan serta mengelakkan penularan jangkitan ke ladang-ladang lain.

JPV Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama pelbagai jabatan/agensi kerajaan terus melaksanakan aktiviti pengawalan, pemantauan, pensampelan serta nyahkuman di kawasan terlibat bagi memastikan situasi berada dalam kawalan. JPV Negeri Pulau Pinang kekal komited dalam memastikan industri penternakan negeri ini kekal selamat, mampan dan terkawal daripada ancaman penyakit haiwan yang berjangkit.

LAMPIRAN A

SENARAI LADANG DAN JUMLAH TERNAKAN BABI MENGIKUT DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

BIL.	KOD LADANG	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	JUMLAH TERNAKAN (EKOR)
1	A11	Wong Kuan Chew	1607 MK 15 Luar Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	1,000
2	A 11 A	Wong Kuan Siang	1607 MK 15 Luar Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	4,500
3	A 11 B	Wong Fusheng	1607 MK 15 Luar Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	2,000
4	A12	Khor Chong Teik	Lot 466 MK 7, SPS	2,000
5	PS005	Loo Lean Chye	828, Jln 17, Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	900
6	PS006	Tan Ah Baa	727, Jln Hutan Petai, Padang Lallang, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang	800
7	PS009	Loo Lean Cuah	TBP 1205, Jln Hujung Luar Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	150
8	PS020	Ng Sin Teik / Ng Seng Lee	1918, Tiga Kongsi, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	800
9	PS021	Law Hann Khoon	TBP 2301, Jalan 19, Luar Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	700
10	PS024	Chuah Kim Choon	522, Jln 20, Kampung Valdor, 14200 Sg Bakap, Pulau Pinang	100
11	PS030	Goh Cheng Sim	No. 1543, Mukim 15, Luar Kg Valdor, Sungai Bakap, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pin	50
12	PS031	Lee Lin Liek	TBP 2021, MK 15, Luar Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	300
13	PS034	Low Tee Kiah	TBP 1856, Luar Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	670
14	PS036	Ng Cheik Keong	1750, Jln 17, Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	200
15	PS037	Lim Chin Meng	No. 2191, Jln 19, Luar Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	1,200
16	PS038	Loh Hee Heng	1858, Kampung Jawi, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	100
17	PS041	Chuah Meng Seng	339, Jln Lima Kongsi, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	1,800
18	PS042	Ngan Ngai Tit	No. 2217, Mukim 15, Luar Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	1,000
19	PS045	Lee Jock Hua	TS 963, Jalan 20, Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	1,000
20	PS045A	Lee Lin Liek	TS 963, Jalan 20, Kampung Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	1,500
21	PS048	Chin Kim Hong	1940, Kg Wellesley, 14200 Sungai Bakap, SPS, Pulau Pinang	3,500
22	PS049	Yap Bee Heng	888, MK 15, Tiga Kongsi, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	400
23	PS050	Tan Beng Hooi	TBP 1547, Jalan 20 Kampung Valdor, 14200 Sg Bakap, Pulau Pinang	500
24	PS052	Teoh Lim Hock	392, Perkampungan Jawi, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	450
25	PS059	H'ng Shao Cong	1127, Jalan Kebun, Kampung Jawi Sg Bakap, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinanag	80
26	PS060	H'ng Kia Choon	2045, Jalan 20, Kg Valdor, Sungai Bakap, 14200 Pulau Pinang	550
27	PS064	Lee Kian Nam	1157, Jalan 6, Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, SPS, Pulau Pinang	1,000
28	PS070	Chin Ewe Beng	TS 2306, MK 5, Sungai Duri, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	0
29	PS072	Ong Theng How	685, Kepala Gajah, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang	1,500
30	PS074	Lim Choon Huat	No. 1925, Jalan Balai Polis, Kg Jawi, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	48
31	PS086	Tan Hock Peng	No. 1716, Jln Lima Kongsi, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	700
32	PS088	Lee Phong Seh	1602, Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	120
33	PS088A	Lee Lin Liek	1602, Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	400

SENARAI LADANG DAN JUMLAH TERNAKAN BABI MENGIKUT DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG

34	PS114	Tan Boon Hwa	LOT 232, Jln 19, Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	200
35	PS120	Lim Jun Jie	No. 1367, Jalan Mati Lima Kongsi, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	5,000
36	PS127	Goh Ah Ba @ Goh Kiang Mong	No. 798, Jalan 19, Luar Kg Valdor, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	8
37	PS130	Teh Heng Kiang	728, Jalan Badak Mati, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang	0
JUMLAH				**35,226**

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

BIL.	KOD LADANG	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	JUMLAH TERNAKAN (EKOR)
1	PU 001	Teoh Keow Theng	2351, Tingkat Selamat 10, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,200
2	PU 003	Teoh Chiew Seong @ Teoh Chew Keat	2496 Tingkat Selamat 6 Kg.Selamat, 13300 Tasik Gelugor, Pulau Pinang	3,000
3	PU 004	Low Kheng Hong	9263, Tingkat Selamat 6 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,200
4	PU 006	Lim Eng Giap	2806 Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	3,500
5	PU 008	Khoo Khee Chok	2476 Tingkat Selamat 3 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	4,000
6	PU 009	Ng Joo Hong	2714, Tingkat Selamat 9 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
7	PU 010	Oon Kean Houng	1547,Tingkat Selamat 6 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,300
8	PU 012	Lai Tai Kuang	8313, Tingkat Selamat 7, Kg. Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	600
9	PU 013	Tiou Song Meng	2487, Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,600
10	PU 015	Low Chai Heng	1730,Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	500
11	PU 017	Lye Shu Chaang	1597, Tingkat Selamat 8 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,800
12	PU 020	Teoh Cheng Yi	2083, Tingkat Selamat 9, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,400
13	PU 021	Khor Yam Hwa	1537, Tingkat Selamat 6 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,500
14	PU 022	Low Kheng Joo	1531, Tingkat Selamat 6 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	3,000
15	PU 023	Lo Hee Gnoh	2496, Tingkat Selamat 3 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,200
16	PU 024	Tean Eng Chun	1632, Tingkat Selamat 9 Kg Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
17	PU 025	Chang Chin Keng	1931, Tingkat Selamat 6 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	0
18	PU 026	Tan Chong Ming	1721 Tingkat Selamat 10, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,300
19	PU 029	Ng Un Chai	1684, Tingkat selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
20	PU 030	Tang Meng Hock	1707, Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,700
21	PU 031	Lim Keang Seng	2306, Tingkat Selamat 9 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
22	PU 032	Teh Cheng Chuan	1666, Tingkat Selamat 9 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
23	PU 033	Teh Song Tee	1577, Tingkat Selamat 7 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,200
24	PU 034	Law Yon Chian	2863, Tingkat Selamat 7 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,300
25	PU 035	Oon Kean Houng	1593,Tingkat Selamat 7 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,000
26	PU 038	Loh Jit Huah	1494, Tingkat Selamat 4 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	450
27	PU 039	Lee Tiang Heng	1714, Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	0
28	PU 040	Sia Tek Kuang	1455, Tingkat Selamat 3, Kampung Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	300

SENARAI LADANG DAN JUMLAH TERNAKAN BABI MENGIKUT DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG

29	PU 041	They Soo Peng	1598, Tingkat Selamat 8 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,500
30	PU 042	Lee Ah Chye	2373 Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	3,000
31	PU 043	Lee Chia You	1727 Tingkat Selamat 10 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,100
32	PU 046	Chuah Chia Hao	1635, Tingkat Selamat 9, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	500
33	PU 048	Lai Kok Kun	1570, Tingkat Selamat 7, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	3,000
34	PU 049	Tan Hong Chew	2740, Tingkat Selamat 9, Kg. Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
35	PU 050	Ch'ng Ah Huat	1626, Tingkat Selamat 9 Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,500
36	PU 051	Oon Kean Houng	1549, Tingkat Selamat 6, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,200
37	PU 055	Oon Choon Poi	1540, Tingkat Selamat 6, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,600
38	PU 056	Tang Boon Hooi	1564, Tingkat Selamat 6, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,300
39	PU 059	Lim Teik Li	1496, Tingkat Selamat 4, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	950
40	PU 060	Cheah Tek Chun	2742, Tingkat Selamat 3, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,300
41	PU 064	Ng Cun Lie	1677, Tingkat Selamat 9, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,500
42	PU 065	Ang Kim Huat	1712,Tingkat Selamat 10, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,200
43	PU 067	Su Wee Leck @ Tai Wee Leek	2463, Tingkat Selamat 6, Kg Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
44	PU 068	Ang Choo Tuan	2452, Tingkat Selamat 2, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	2,000
45	PU 071	Lim Poh Huat	2755, Tingkat Selamat 5, Kg. Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
46	PU 074	Lim Teck Choon	1493, Tingkat Selamat 4, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
47	PU 077	Loo Kuang Joo	2753, Tingkat Selamat 5, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	800
48	PU 083	Lee Ah Kho	5749, Jalan 3 Pongsu Seribu, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang	700
49	PU 086	Ang Tiak Thiyou @ Ang Sjok Tu	5950, Tingkat Selamat 3, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	700
50	PU 090	Tang Toh Liat	40, Kampung Setol, 13210 Pinang Tunggal, Kepala Batas, Pulau Pinang	2,800
51	PU 091	Lee Eng Huat	2782, Tingkat Selamat 8, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	800
52	PU 093	Ng Teng Kuang	1674, Tingkat Selamat 9, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,200
53	PU 094	Oon Kean Houng	1658, Tingkat Selamat 7, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	200
54	PU 102	Goh Choong Hong	1542, Tingkat Selamat 6, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	500
55	PU 105	Chim Hong Chung @ Cheng Ho	1555, Tingkat Selamat 6, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,050
56	PU 108	Tan Tee An	1518, Tingkat Selamat 5, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
57	PU 112	Ng Cun Lie	1623, Tingkat Selamat 9, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	4,000
58	PU 116	Sang Tiang Ang	1466, Tingkat Selamat 1, Kg.Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	1,000
JUMLAH				**84,450**

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

BIL.	KOD LADANG	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	JUMLAH TERNAKAN (EKOR)
1	PT001	Lye Choon Meng	760, Jln Mengkuang, Berapit, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	4,500
2	PT004	Ch'ng Poh Teik	2981 TBP, MK 18, Sungai Lembu, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	1,300
3	PT007	Cheeh Kim Peow	1445, Machang Bubok, Bukit Teh, 14020 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	135

SENARAI LADANG DAN JUMLAH TERNAKAN BABI MENGIKUT DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG

4	PT008	Ang Shi Shen	Lot 1202 MK 15, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	1,800
JUMLAH				**7,735**

DAERAH BARAT DAYA

BIL.	KOD LADANG	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	JUMLAH TERNAKAN (EKOR)
1	PB 036	Woon Teng Boon	118, Mukim J, Kg Genting, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang	2,000
2	PB 117	Ooi Chye Lye	311, Mukim 1, Pantai Acheh, Balik Pulau, Pulau Pinang	2,500
JUMLAH				**4,500**

JUMLAH BESAR **162,757**

LAMPIRAN B

SENARAI PUSAT PENYEMBELIHAN BABI DAN JUMLAH YANG DISEMBELIH MENGIKUT BULAN SEJAK JANUARI 2024

TAHUN 2024

RUMAH SEMBELIH	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Soon Seng Meat Sdn. Bhd.	2,070	1,262	1,208	890	1,119	1,164	1,227	1,685	1,176	1,671	2,516	2,591
YSH Food Supplies	3,167	2,232	2,976	2,767	3,034	2,754	3,154	2,926	2,178	2,692	2,437	2,105
Hi Good Corporation Sdn. Bhd.	2,960	2,220	2,713	2,542	2,611	2,466	2,795	2,945	2,447	2,930	3,239	2,679
TCS Global Venture	1,688	1,335	0	0	0	0	286	876	871	853	903	939
Cell Diversified	3,327	3,219	3,407	3,181	3,329	3,210	3,549	3,578	3,209	2,407	2,997	3,247
Batu Maung Slaughtering House	3,139	3,110	3,305	3,096	3,277	3,019	3,444	3,456	2,984	1,821	2,287	3,050
JUMLAH	**16,351**	**13,378**	**13,609**	**12,476**	**13,370**	**12,613**	**14,455**	**15,466**	**12,865**	**12,374**	**14,379**	**14,611**

TAHUN 2025

RUMAH SEMBELIH	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT
Soon Seng Meat Sdn. Bhd.	3,110	2,679	4,619	3,543	3,605	3,530	3,251	2,572	2,446	1,588
YSH Food Supplies	2,577	2,090	2,576	2,373	2,571	2,891	4,122	3,675	2,480	2,023
Hi Good Corporation Sdn. Bhd.	3,026	2,128	2,651	2,573	2,545	2,306	3,954	4,006	2,417	1,448
TCS Global Venture	986	842	876	850	836	708	855	881	726	711
Cell Diversified	3,270	2,976	3,367	3,367	3,271	3,917	5,009	6,330	3,330	2,710
Batu Maung Slaughtering House	3,676	2,902	3,565	3,027	3,318	2,887	2,791	2,926	2,349	1,549
JUMLAH	**16,645**	**13,617**	**17,654**	**15,733**	**16,146**	**16,239**	**19,982**	**20,390**	**13,748**	**10,029**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

3. Huraikan status pengoperasian loji biogas di Kampung Valdor.

   (a) Nyatakan isipadu bulanan kutipan sisa dari setiap ladang dan jumlah bayaran bulanan.

   (b) Adakah masih terdapat ladang yang membuang sisa terus saliran dan jumlah kompaun yang telah diberi?

   (c) Apakah status projek loji kumbahan najis babi berasaskan biogas di Kampung Selamat?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Loji biogas telah beroperasi di Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan. Kutipan sisa babi dibuat di ladang babi di dalam Kampung Valdor dan di luar Kampung Valdor. Walau bagaimanapun, jumlah najis yang diperolehi adalah tidak mencukupi serta cair bagi menjana gas. Pada masa kini, selain daripada kutipan sisa babi loji biogas, molases juga turut diguna pakai untuk menghasilkan gas.

   (a) Jumlah bayaran bulanan bagi ladang di dalam Kampung Valdor adalah RM10/induk babi manakala bagi ladang di luar Kampung Valdor adalah RM30/induk babi. Syarikat Timeless Green mengambil sisa babi dengan menggunakan lori tangki septik 5 tan dan 12 tan. Isipadu kutipan sisa mengikut ladang dan jumlah bayaran adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti ladang yang masih membuang sisa terus ke saliran dan tindakan kompaun telah dikenakan terhadap ladang berkenaan. Jumlah kompaun yang dikenakan adalah RM10,000.00 bagi setiap kesalahan.

(c) JPV Negeri Pulau Pinang dengan persetujuan penternak Kampung Selamat, Seberang Perai Utara telah melantik satu syarikat untuk melaksanakan projek *pilot study* di dua (2) buah ladang babi di Kampung Selamat. Sehingga kini, projek tersebut masih berjalan. Syarikat tersebut telah melaksanakan projek *pilot study* sejak enam (6) bulan yang lepas dan masih tidak dapat mencapai tahap bacaan *Biochemical Oxygen Demand* (BOD) kurang daripada 50ppm (dalam unit *parts per million*). Faktor yang mempengaruhi tahap bacaan ini adalah disebabkan oleh kolam yang dipenuhi dengan *sludge* dan tidak dicuci. Selain itu, kapasiti kolam kumbahan yang tidak mencukupi untuk menampung bilangan populasi babi di ladang juga turut menyumbang kepada faktor tahap bacaan yang rendah. Syarikat tersebut telah mengambil tindakan mencuci kolam kumbahan tetapi bacaan BOD masih tidak stabil. Syarikat tersebut juga memaklumkan bahawa akan mengadaptasi sistem rawatan daripada Negara India yang lebih berkesan.

Bagi menyelesaikan isu pencemaran, pihak JPV Negeri Pulau Pinang turut membuat perbincangan bersama dengan pihak Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM). Hasil perbincangan menyatakan bahawa pembinaan projek rawatan di tiga (3) laluan air ke Sungai Perai perlu dilaksanakan. Keberkesanan projek rawatan ini telah dibuktikan dengan pembinaan projek perintis yang telah dibina di Parit Cina, manakala dua (2) laluan lain yang perlu dibina adalah di Parit Kubang Menerong dan Parit Besar.

LAMPIRAN A

ISIPADU KUTIPAN SISA MENGIKUT LADANG DAN JUMLAH BAYARAN

BIL.	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	KOD LADANG	ISIPADU KUTIPAN (m3/bulan)	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Loo Lean Cuah	TBP 1205, Jalan Hujung Luar, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS009	67.5	200.00
2.	Law Hann Khoon	TBP 2301, Jalan 19, Luar Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS021	67.5	1,200.00
3.	Chuah Kim Choon	522, Jalan 20, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS024	67.5	400.00
4.	Low Tee Kiah	TBP 1856, Luar Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS034	67.5	430.00
5.	Ng Cheik Keong	1750, Jalan 17, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS036	67.5	400.00
6.	Lim Chin Meng	No. 2191, Jalan 19, Luar Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS037	270.0	1,000.00
7.	Ngan Ngai Tit	No. 2217, Mukim 15, Luar Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS042	270.0	1,500.00
8.	Lee Lin Liek	TS 963, Jalan 20, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS045A	0.0	1,200.00 (Kutipan berhenti kerana babi terlalu sedikit)
9.	Tan Beng Hooi	TBP 1547, Jalan 20 Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS050	135.0	900.00

BIL.	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	KOD LADANG	ISIPADU KUTIPAN (m3/bulan)	JUMLAH BAYARAN (RM)
10.	H'ng Kia Choon	2045, Jalan 20, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS060	270.0	750.00
11.	Tan Boon Hwa	LOT 232, Jalan 19, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS114	0.0	250.00 (Kutipan berhenti kerana babi terlalu sedikit)
12.	Loo Lean Chye	828, Jalan 17, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS005	270.0	920.00
13.	Lee Jock Hua	TS 963, Jalan 20, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS045	270.0	2,000.00
14.	Lee Kian Nam	1157, Jalan 6, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS064	270.0	1,200.00
15.	Lee Lin Liek	1602, Kampung Valdor, Sungai Bakap	PS088A	67.5	600.00
16.	Teoh Lim Hock	392, Perkampungan Jawi, Sungai Bakap	PS052	270.0	2,100.00
17.	Loh Hee Heng	1858, Kampung Jawi, Sungai Bakap	PS038	0.0	1,200.00 (Kutipan akan dimulakan apabila ada lori tangki septik)
18.	Ong Theng How	685, Kepala Gajah, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang	PS072	270.0	3,900.00

BIL.	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	KOD LADANG	ISIPADU KUTIPAN (m3/bulan)	JUMLAH BAYARAN (RM)
19.	Lim Choon Huat	No. 1925, Jalan Balai Polis, Kampung Jawi, Sungai Bakap	PS074	0.0	450.00 (Kutipan akan dimulakan apabila ada lori tangki septik)
20.	H'ng Shao Cong	1127, Jalan Kebun, Kampung Jawi Sungai Bakap, Sungai Jawi	PS059	0.0	600.00 (Kutipan akan dimulakan apabila ada lori tangki septik)
21.	Tan Ah Baa	727, Jalan Hutan Petai, Padang Lalang, Simpang Ampat	PS006	270.0	3,000.00
22.	Yap Bee Heng	888, MK 15, Tiga Kongsi, Simpang Ampat	PS049	0.0	3,150.00 (Kutipan akan dimulakan apabila ada lori tangki septik)
23.	Ng Sin Teik / Ng Seng Lee	1918, Tiga Kongsi, Simpang Ampat	PS020	0.0	2,850.00 (Kutipan akan dimulakan apabila ada lori tangki septik)
24.	Lim Jun Jie	No. 1367, Jalan Mati Lima Kongsi, Sungai Bakap	PS120	135.0	4,640.00

BIL.	NAMA PENTERNAK	ALAMAT LADANG	KOD LADANG	ISIPADU KUTIPAN (m3/bulan)	JUMLAH BAYARAN (RM)
25.	Tan Hock Peng	No. 1716, Jalan Lima Kongsi, Sungai Bakap	PS086	0.0	1,800.00 (Kutipan akan dimulakan apabila ada lori tangki septik)
26.	Khor Chong Teik	Lot 466, Mukim 7, SPS	A12	270.0	6,300.00

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

4. Huraikan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk pelaksanaan Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin bagi tahun 2024 dan 2025.

   (a) Senaraikan semua penerima mengikut kawasan DUN.

   (b) Adakah pihak Kerajaan Negeri membuat lawatan susulan selepas diduduki?

   (c) Nyatakan jumlah rakyat termiskin semasa mengikut kawasan DUN.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Program Baik Pulih dan Bina Baru Rumah Rakyat Termiskin merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah, khususnya isi rumah dengan pendapatan RM3,170.00 dan ke bawah atau pendapatan per kapita RM581.00 dan ke bawah bagi memiliki kediaman yang selesa, selamat dan sempurna didiami. Pelaksanaan program ini dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah melalui dua komponen utama, iaitu baik pulih rumah dengan kadar siling bantuan sehingga RM42,000.00 dan bina baru rumah dengan kadar siling bantuan sehingga RM75,000.00.

   Bagi tahun 2024 dan 2025, jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM2,179,424.99 melibatkan 41 orang penerima di seluruh negeri Pulau Pinang.

Pelaksanaan program ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya kumpulan isi rumah termiskin.

(a) Senarai penerima program ini telah disusun mengikut kawasan DUN berdasarkan data yang diterima daripada Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah melaksanakan lawatan susulan selepas rumah siap dibina atau dibaik pulih bagi memastikan penerima telah menduduki rumah berkenaan dan kerja-kerja pembinaan dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Lawatan ini turut memberi ruang untuk menilai tahap keberkesanan program serta mengenal pasti sebarang keperluan penambahbaikan pada masa hadapan.

(c) Berdasarkan data eKasih yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), jumlah rakyat termiskin semasa di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 11,412 orang. Perincian jumlah rakyat termiskin mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

SENARAI PENERIMA PROGRAM BINA BARU DAN BAIKI RUMAH RAKYAT TERMISKIN TAHUN 2024 DAN 2025 MENGIKUT DUN

BIL	DAERAH	DUN	TAHUN	JENIS BANTUAN	NAMA PENERIMA	LOKASI	JUMLAH (RM)
1.	SPU	Bertam	2024	Baik Pulih	Fatimah bt Mohamad	Bertam	39,990.00
2.	SPU	Bertam	2024	Baik Pulih	Mohd Rafizal bin Mansoor	Bertam	19,995.00
3.	SPU	Bertam	2024	Baik Pulih	Mohamad Fadzil bin Ismail	Bertam	41,990.00
4.	SPU	Bertam	2024	Baik Pulih	Azmi bin Aziz	Bertam	19,990.00
5.	SPU	Bertam	2024	Baik Pulih	Noorsita bt Ideros	Bertam	19,996.00
6.	SPU	Pinang Tunggal	2024	Bina Baru	Afidah bt Ahmad	Pinang Tunggal	74,250.00
7.	SPU	Pinang Tunggal	2024	Bina Baru	Mohd Saiful Nizam bin Yahaya	Pinang Tunggal	74,300.00
8.	SPU	Pinang Tunggal	2024	Bina Baru	Haminah bt Daros	Pinang Tunggal	74,375.00
9.	SPU	Pinang Tunggal	2024	Baik Pulih	Maizun bt Jusoh	Pinang Tunggal	26,160.00
10.	SPU	Pinang Tunggal	2025	Baik Pulih	Lathifah bt Ibrahim	Pinang Tunggal	41,982.00
11.	SPU	Penaga	2025	Baik Pulih	Amnah bt Hassim	Penaga	41,883.20
12.	SPU	Penaga	2025	Baik Pulih	Azimah bt Ibrahim	Penaga	42,000.00
13.	SPU	Telok Air Tawar	2025	Bina Baru	Mohd Noorsobree bin Salleh	Telok Air Tawar	74,500.00
14.	SPU	Telok Air Tawar	2025	Bina Baru	Zainol Hizam bin Mohd Yatim	Telok Air Tawar	73,680.00

BIL	DAERAH	DUN	TAHUN	JENIS BANTUAN	NAMA PENERIMA	LOKASI	JUMLAH (RM)
15.	**SPU**	Telok Air Tawar	2025	Baik Pulih	Ridwan bin Md Isa	Telok Air Tawar	42,000.00
16.	**SPU**	Permatang Berangan	2025	Bina Baru	Ismail bin A Hamid	Permatang Berangan	74,323.00
17.	**SPT**	Bukit Tengah	2024	Baik Pulih	Abd Manaf bin Hashim	Bukit Tengah	10,838.00
18.	**SPT**	Machang Bubuk	2024	Bina Baru	Samsudin bin Saad	Machang Bubuk	75,000.00
19.	**SPT**	Machang Bubuk	2025	Bina Baru	Rozila bt Razali	Machang Bubuk	75,000.00
20.	**SPT**	Machang Bubuk	2024	Baik Pulih	Nurul Ain bt Mat Isa	Machang Bubuk	10,838.00
21.	**SPS**	Sungai Bakap	2024	Bina Baru	Azman bin Yusof	Kg. Che Isa, Nibong Tebal	27,040.00
22.	**SPS**	Sungai Bakap	2025	Bina Baru	Mohd Hafiz bin Mohd Nor	Sg. Bakap	74,800.00
23.	**SPS**	Bukit Tambun	2024	Baik Pulih	Hasimah bt Abdullah	Bukit Tambun	38,200.00
24.	**SPS**	Bukit Tambun	2025	Baik Pulih	Roslina bt Zakaria	Bukit Tambun	41,200.00
25.	**SPS**	Jawi	2024	Baik Pulih	Mohd Nor bin Osman	Jawi	35,600.00
26.	**SPS**	Sungai Acheh	2024	Bina Baru	Siti Aminah bt Hussain	Sg. Acheh	75,000.00
27.	**SPS**	Sungai Acheh	2025	Baik Pulih	Zainab bt Ahmad	Sg. Acheh	40,500.00
28.	**SPS**	Sungai Acheh	2025	Baik Pulih	Rahim bin Hashim	Sg. Acheh	39,700.00
29.	**DTL**	Datok Keramat	2024	Bina Baru	Saburah Bee bt Sultan	George Town	75,000.00
30.	**DTL**	Pengkalan Kota	2024	Baik Pulih	Nagamal A/P Velliyan	George Town	42,000.00

BIL	DAERAH	DUN	TAHUN	JENIS BANTUAN	NAMA PENERIMA	LOKASI	JUMLAH (RM)
31.	**DTL**	Seri Delima	2024	Baik Pulih	Ang Kim Looi @ Ang Kim Hoi	Jelutong	43,831.20
32.	**DTL**	Batu Uban	2025	Bina Baru	Rokia bt Bajir Khan	Gelugor	75,000.00
33.	**DTL**	Batu Uban	2025	Bina Baru	Abdul Hamid bin Noor	Gelugor	75,000.00
34.	**DBD**	Teluk Bahang	2024	Bina Baru	Salmiah bt Mehad	Kuala Jalan Bharu	72,604.30
35.	**DBD**	Teluk Bahang	2024	Bina Baru	Idris bin Man	Kuala Jalan Bharu	73,000.00
36.	**DBD**	Teluk Bahang	2024	Bina Baru	Rosini bt Md Yusof	Kuala Jalan Bharu	73,005.00
37.	**DBD**	Teluk Bahang	2025	Bina Baru	Mohd Sabri bin Alias	Kuala Jalan Bharu	73,558.99
38.	**DBD**	Teluk Bahang	2025	Bina Baru	Fazilah bt Abd Hamid	Kuala Jalan Bharu	73,559.60
39.	**DBD**	Pulau Betong	2024	Bina Baru	Khalijah bt Hamid	Titi Teras, Balik Pulau	73,547.95
40.	**DBD**	Pulau Betong	2024	Baik Pulih	Husain bin Niayan	Sg. Burung	32,003.25
41.	**DBD**	Batu Maung	2025	Bina Baru	Siti Norhidayah bt Yahaya	Mukim 12, DBD	72,184.50
JUMLAH PERBELANJAAN TAHUN 2024 DAN 2025							**2,179,424.99**

LAMPIRAN B

JUMLAH RAKYAT TERMISKIN SEMASA DI BAWAH STATISTIK DATA EKASIH SEHINGGA NOVEMBER 2025 MENGIKUT KAWASAN DUN NEGERI PULAU PINANG

BIL	DUN	JUMLAH
1	Air Itam	190
2	Air Putih	165
3	Bagan Dalam	209
4	Bagan Jermal	242
5	Batu Lancang	109
6	Batu Maung	192
7	Batu Uban	163
8	Bayan Lepas	362
9	Berapit	99
10	Bertam	362
11	Bukit Tambun	272
12	Bukit Tengah	224
13	Datok Keramat	155
14	Jawi	416
15	Kebun Bunga	57
16	Komtar	95
17	Machang Bubuk	442
18	Padang Kota	32
19	Padang Lalang	208
20	Pantai Jerejak	99
21	Paya Terubong	246
22	Penaga	764
23	Penanti	400
24	Pengkalan Kota	76
25	Perai	119
26	Permatang Berangan	799
27	Permatang Pasir	519
28	Pinang Tunggal	760
29	Pulau Betong	276
30	Pulau Tikus	45
31	Seberang Jaya	431
32	Seri Delima	97
33	Sungai Acheh	476
34	Sungai Bakap	477
35	Sungai Dua	516
36	Sungai Pinang	334
37	Sungai Puyu	256
38	Tanjong Bunga	142
39	Telok Ayer Tawar	310
40	Telok Bahang	276
	JUMLAH	**11,412**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

5. Huraikan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan).

   (a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada peniaga kecil dan mikro bagi tahun 2024 dan 2025 mengikut DUN.

   (b) Adakah penilaian tahunan terhadap penerima dibuat setiap tahun?

   (c) Huraikan pencapaian penerima antara Program Bantuan Peralatan dengan peminjam Skim Pinjaman Harapan.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) merupakan program bantuan alatan perniagaan yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada.

   (a) Bagi tahun 2024 dan 2025, sejumlah RM280,550.80 telah disalurkan di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) kepada 77 peniaga kecil dan

mikro di seluruh 40 DUN Pulau Pinang. Program ini dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah melalui Vot Pembangunan P01(64) – Projek Khas Ekonomi.

Secara keseluruhannya, agihan peruntukan mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	JUMLAH (RM)
Seberang Perai Utara	74,577.80
Seberang Perai Tengah	37,016.00
Seberang Perai Selatan	68,578.00
Timur Laut	38,571.00
Barat Daya	61,808.00
JUMLAH KESELURUHAN	280,550.80

Perincian mengikut setiap DUN dilampirkan di **LAMPIRAN A**.

(b) Penilaian terhadap penerima dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan bagi memastikan peniaga kekal aktif menjalankan perniagaan. Pemantauan dibuat secara berkala oleh Pejabat Daerah dan Tanah termasuk pemeriksaan mengejut serta semakan penggunaan bantuan bagi menjamin ketelusan pelaksanaan program.

(c) Program Bantuan Peralatan memberi bantuan bukan tunai bernilai sehingga RM3,000 untuk membantu peniaga kecil menambah baik operasi dan pendapatan. Hasil pemantauan dan temubual bersama penerima bantuan mendapati penerima-penerima telah berjaya meningkatkan *output* dan keberhasilan produk berbanding sebelumnya

Manakala Skim Pinjaman Harapan Pulau Pinang (SPH) yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sejak tahun 2013 menyediakan pinjaman tanpa cagaran antara RM5,000 hingga RM50,000 di bawah dua skim:

- Skim 1: Pinjaman RM5,000 – RM25,000 untuk usahawan mikro.

- Skim 2: Pinjaman RM26,000 – RM50,000 untuk usahawan kecil yang mempunyai sekurang-kurangnya 3 pekerja tetap dan rekod jualan konsisten.

Sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 4,512 usahawan mikro telah menerima manfaat SPH dengan jumlah pinjaman RM34.64 juta, kadar kutipan 87%, dan baki dana sebanyak RM5.97 juta. Secara umum, peminjam SPH menunjukkan pencapaian positif dari segi peningkatan pendapatan, kemampanan operasi, dan keupayaan memperluas pasaran. Skim ini terbukti membantu meningkatkan daya saing usahawan tempatan secara berstruktur dan berterusan.

LAMPIRAN A

BILANGAN PENERIMA DAN JUMLAH PERUNTUKAN PROGRAM PENINGKATAN DAN PEMULIHAN EKONOMI (BANTUAN PERALATAN) 2024 DAN 2025 MENGIKUT DUN

KOD DUN	NAMA DUN	BIL. PENERIMA	2024 (RM)	2025 (RM)	JUMLAH (RM)
N1	Penaga	1	–	3,000	3,000
N2	Bertam	4	6,000	3,000	9,000
N3	Pinang Tunggal	6	7,980	11,457.80	19,437.80
N4	Permatang Berangan	6	10,650	2,920	13,570
N5	Sungai Dua	5	4,830	5,780	10,610
N6	Telok Air Tawar	3	3,000	2,960	5,960
N7	Sungai Puyu	1	3,000	–	3,000
N8	Permatang Pasir	1	2,590	–	2,590
N9	Penanti	4	2,680	5,980	8,660
N10	Berapit	–	–	–	–
N11	Machang Bubuk	–	–	–	–
N12	Bukit Tengah	1	3,000	–	3,000
N13	Padang Lalang	5	8,447	5,980	14,427
N14	Seberang Jaya	4	2,590	5,749	8,339
N15	Sungai Bakap	9	14,119	12,000	26,119
N16	Bukit Tambun	–	0	0	0
N17	Jawi	5	10,339	2,900	13,239
N18	Sungai Acheh	10	8,860	20,360	29,220
N19	Bayan Lepas	6	17,530	7,590	25,120
N20	Pantai Jerejak	8	8,740	20,168	28,908
N21	Pulau Betong	–	–	–	–
N22	Teluk Bahang	3	7,780	–	7,780
N23	Air Itam	–	–	–	–
N24	Kebun Bunga	–	–	–	–
N25	Pulau Tikus	–	–	–	–
N26	Padang Kota	–	–	–	–
N27	Pengkalan Kota	–	–	–	–
N28	Komtar	–	–	–	–
N29	Batu Lanchang	–	–	–	–
N30	Seri Delima	1	3,000	–	3,000
N31	Air Putih	1	–	2,900	2,900
N32	Paya Terubong	1	–	3,000	3,000
N33	Batu Uban	3	9,000	–	9,000
N34	Bukit Gelugor	–	–	–	–
N35	Datok Keramat	6	11,671	6,000	17,671
N36	Sungai Pinang	–	–	–	–
N37	Batu Maung	–	–	–	–
N38	Tanjung Bunga	1	3,000	–	3,000
N39	Tanjong	–	–	–	–
N40	Padang Kota	–	–	–	–
JUMLAH KESELURUHAN		**77**	**158,806.00**	**121,744.80**	**280,550.80**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN YB GOH CHOON AIK

6. Huraikan secara terperinci perbelanjaan mengurus bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

   (a) Nyatakan jumlah perbelanjaan sebenar sehingga 31 Oktober 2025.

   (b) Adakah terdapat perbelajaan luar jangkaan daripada anggaran bajet 2025?

   (c) Apakah pendekatan yang boleh mengurangkan perbelanjaan mengurus bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. (a) Jumlah perbelanjaan sebenar melibatkan Objek Am (OA) "Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap" sehingga 31 Oktober 2025 adalah sebanyak RM255,658,600.85, tidak termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri berjumlah RM90 juta.

   (b) Sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak RM5,423,530.16 telah direkodkan sebagai perbelanjaan luar jangka atau kontingensi yang melibatkan OS42000 dengan pecahan sebanyak RM349,808.60 di bawah vot mengurus Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (B.01) dan sebanyak RM5,073,721.56 di bawah vot mengurus Jabatan Kewangan Negeri (B.16). Walau bagaimanapun, perbelanjaan luar jangka tersebut masih di bawah siling

peruntukan belanjawan tahun 2025 dan tidak menjejaskan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain.

(c) Antara pendekatan yang boleh digunakan bagi mengurangkan perbelanjaan mengurus bagi "Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap" adalah dengan menetapkan keutamaan perbelanjaan melibatkan OA40000, khususnya "Pemberian Dalam Negeri" (OS42000) agar selari dengan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa memantau butiran perbelanjaan yang telah diluluskan bagi memastikan perbelanjaan tersebut dibelanjakan berdasarkan tujuan kelulusan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN YB GOH CHOON AIK

7. Huraikan jumlah penjawat awam mengikut agensi di bawah bayaran emolumen Kerajaan Negeri.

   (a) Nyatakan pecahan bayaran emolumen mengikut gaji pokok, imbuhan tetap, elaun dan bonus.

   (b) Adakah anggaran perbelanjaan emolumen 2025 tersasar disebabkan kenaikan gaji penjawat awam?

   (c) Adakah kerajaan dapat mengurangkan pengambilan penjawat awam baru bagi tahun-tahun akan datang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Secara keseluruhannya, terdapat seramai 3,621 penjawat awam negeri yang sedang berkhidmat di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan negeri. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,254 penjawat awam lantikan secara tetap dan 367 secara kontrak (*Contract of Service*).

   Pecahan penjawat awam negeri mengikut Jabatan-jabatan di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan	Pengisian		Jumlah Keseluruhan
		Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak (COS)	
1.	Pejabat SUK Pulau Pinang	449	226	675
2.	Jabatan Kewangan Negeri	62	29	91
3.	Jabatan Mufti	27	2	29
4.	Jabatan Kehakiman Syariah	76	12	88
5.	Pejabat Tanah dan Galian	188	13	201
6.	Pejabat Daerah dan Tanah DTL	127	5	132
7.	Pejabat Daerah dan Tanah DBD	114	2	116
8.	Pejabat Daerah dan Tanah SPU	131	4	135
9.	Pejabat Daerah dan Tanah SPT	131	1	132
10.	Pejabat Daerah dan Tanah SPS	108	2	110
11.	Jabatan Kerja Raya	622	8	630
12.	Jabatan Pengairan dan Saliran	409	15	424
13.	PlanMalaysia@PulauPinang	55	1	56
14.	Jabatan Pertanian	138	0	138
15.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	34	1	35
16.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	121	10	131
17.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	272	13	285
18.	Pejabat TYT Yang Di Pertua Negeri	31	16	47
19.	Jabatan Perhutanan Negeri	57	2	59
20.	Jabatan Taman Botani	87	1	88
21.	Jabatan Pendakwaan Syariah	15	4	19
	JUMLAH KESELURUHAN	**3,254**	**367**	**3,621**

(a) Maklumat bayaran bagi emolumen penjawat awam negeri mengikut pecahan gaji pokok, imbuhan tetap dan elaun serta bonus adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

(b) Semasa penyediaan Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 dirangka, anggaran bagi emolumen penjawat awam telah pun mengambil kira kenaikan gaji penjawat awam selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Penjawat Awam (SSPA). Anggaran peruntukan bagi bayaran emolumen penjawat awam negeri tahun 2025 termasuk gaji dan upahan (OS11000), elaun tetap (OS12000), sumbangan berkanun untuk kakitangan (OS13000), elaun lebih masa (OS14000), faedah-faedah kewangan lain (OS15000) dan bayaran imbuhan tahunan dan bantuan kewangan (OS17000) yang dibajetkan adalah berjumlah RM207,547,367.00. Manakala perbelanjaan sebenar berdasarkan **LAMPIRAN 1** adalah berjumlah RM157,940,230.20 dengan peratus perbelanjaan bagi OS11000 adalah sebanyak 79.32%, OS12000 adalah sebanyak 84.46% dan OS17000 sebanyak 85.44%.

Berdasarkan jadual di **LAMPIRAN 1**, perbelanjaan sebenar emolumen penjawat awam negeri pada tahun ini setakat Oktober 2025 berada dalam kawalan dan masih belum tersasar daripada anggaran peruntukan tahun 2025.

(c) Pengambilan penjawat awam baharu bagi negeri lantikan tetap dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan bagi mengisi kekosongan jawatan di Jabatan-jabatan. Kelulusan pengambilan penjawat awam baharu, adalah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dasar Kerajaan terhadap had pengisian jawatan pada masa ini adalah sebanyak 90% daripada keseluruhan perjawatan semasa berdasarkan kepada surat JPA.(S).700 bertarikh 26 Mac 2025. Pengisian jawatan semasa bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan Negeri pada waktu ini adalah pada tahap 89.2 % iaitu 3,254 daripada keseluruhan 3,648 perjawatan. Justeru, pengambilan penjawat awam baharu bagi tahun-tahun akan

datang adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan had pengisian yang telah ditetapkan Kerajaan.

Bagi lantikan kontrak (Contract of Service) pula, ianya dikawal dengan menghadkan pewujudan jawatan kontrak seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bilangan 2 Tahun 2023 Perkara 4.1.4 yang menyatakan bahawa *"bagi mengelakkan lebihan peruntukan Objek Am 10000, permohonan emolumen perlu mengambil kira keupayaan pengisian jawatan kosong semasa, termasuk kesesuaian cadangan penempatan baharu. Selain itu, kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) dan kelulusan peruntukan daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara/kontrak di bawah Objek Sebagai 29000. Permohonan perkhidmatan adalah bagi melaksanakan sesuatu tugas dalam jangka masa pendek serta penggunaan kepakaran yang tidak boleh diperolehi pada peringkat Jabatan/Agensi."*

LAMPIRAN A

JADUAL PERBANDINGAN ANGGARAN PERUNTUKAN EMOLUMEN PENJAWAT AWAM NEGERI TAHUN 2025 DENGAN PERBELANJAAN SEBENAR
(setakat Oktober 2025) (Sumber maklumat berdasarkan laporan buku vot jabatan di Sistem iSpeks pada 30 Oktober 2025)

JABATAN		PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS11000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS11000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS12000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS12000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS17000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS17000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T01	PERUNTUKAN DIRAJA	1,435,000.00	1,149,999.70	80.14	443,000.00	327,050.64	73.83	50,000.00	29,561.15	59.12
T02	PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN	156,682.00	121,092.90	77.29	105,000.00	85,000.00	80.95	-	-	-
B01	PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN	24,658,352.00	18,052,718.46	73.21	15,783,345.00	12,094,464.04	76.63	2,280,107.00	1,147,721.49	50.34
B02	PEJABAT TANAH DAN GALIAN	8,306,576.00	6,678,658.78	80.40	2,054,040.00	1,653,313.41	80.49	368,380.00	347,689.40	94.38
B03	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, TIMUR LAUT	5,226,300	4,313,021.22	82.53	1,307,760	1,074,668.64	82.18	222,600	214,189.69	96.22
B04	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA	4,889,970	3,928,461.26	80.34	1,184,240	980,192.93	82.77	226,530	199,877.48	88.23
B05	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI UTARA	6,426,960	5,189,797.77	80.75	1,399,740	1,131,739.02	80.85	272,530	262,632.28	96.37
B06	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI TENGAH	5,821,946	4,808,789.69	82.60	1,324,665	1,119,604.52	84.52	247,790	244,562.22	98.70
B07	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI SELATAN	5,052,370	4,103,066.56	81.21	1,154,080	939,507.83	81.41	214,860	204,768.36	95.30
B08	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	15,142,345.00	12,048,375.89	79.57	1,267,090.00	3,255,555.83	256.93	219,615.00	615,054.76	280.06
B09	JABATAN PERHUTANAN	2,168,940.00	1,706,349.26	78.67	601,660.00	458,871.60	76.27	94,180.00	81,397.79	86.43
B10	JABATAN TAMAN BOTANI	2,941,400	2,326,320.89	79.09	887,025.00	668,404.29	75.35	130,555.00	118,933.54	91.10

JABATAN		PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS11000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS11000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS12000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS12000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS17000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS17000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
B12	JABATAN KERJA RAYA	25,766,184.00	21,008,981.71	81.54	6,489,958.00	5,245,863.87	80.83	1,116,932.00	1,039,093.55	93.03
B13	JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM	12,468,580.00	10,083,229.66	80.87	2,873,820.00	2,346,832.97	81.66	527,792.00	503,307.75	95.36
B14	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	1,394,261	1,132,766.43	81.24	344,400.00	274,347.80	79.66	60,322.00	55,860.81	92.60
B15	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA	3,067,355.00	2,421,882.85	78.96	704,700.00	532,975.84	75.63	134,370.00	123,995.45	92.28
B16	JABATAN KEWANGAN NEGERI	3,459,641	2,826,705.45	81.71	765,480.00	627,733.03	82.01	147,785.00	142,819.72	96.64
B17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	4,540,070.00	3,668,521.01	80.80	1,196,820.00	966,829.14	80.78	197,910.00	195,507.90	98.79
B18	JABATAN PERTANIAN	5,986,752.00	4,803,082.07	80.23	1,412,520.00	1,146,619.82	81.18	255,170.00	241,855.04	94.78
B19	JABATAN MUFTI	1,732,732.00	1,305,850.37	75.36	352,340.00	305,640.00	86.75	81,217.00	68,756.91	84.66
B20	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH	4,358,208.00	3,338,366.12	76.60	913,260.00	726,362.03	79.54	185,238.00	169,832.00	91.68
B21	JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH	976,150	772,348.41	79.12	186,180.00	145,720.00	78.27	40,673.00	37,129.20	91.29
JUMLAH		145,976,774.00	115,788,386.46	79.32	42,751,123.00	36,107,297.25	84.46	7,074,556.00	6,044,546.49	85.44
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN (RM) (OS11000, OS12000 DAN 0S17000)		157,940,230.20								

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

8. Huraikan perbelanjaan mengurus bagi Perkhidmatan dan Bekalan.

   (a) Nyatakan perbelanjaan sebenar bagi Perkhidmatan dan Bekalan bagi tahun 2023 dan 2024.

   (b) Sejauh mana anggaran perbelanjaan sejumlah RM193,925,552 telah dibelanjakan.

   (c) Apakah implikasinya sekiranya pengurangan perbelanjaan mengurus bagi Perkhidmatan dan Bekalan diteruskan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. (a) Berdasarkan Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang, perbelanjaan sebenar Kerajaan Negeri melibatkan Perkhidmatan dan Bekalan [Objek Am (OA) 20000] bagi tahun 2023 dan 2024, adalah masing-masing berjumlah RM195,864,599.49 dan RM181,207,899.86.

   (b) Sehingga 12 November 2025 (jam 7.08 pagi), sejumlah RM143,520,576.86 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri, berbanding anggaran perbelanjaan OA 20000 Tahun 2025 sebanyak RM193,925,552.00.

   (c) Sekiranya Kerajaan Negeri perlu meneruskan pengurangan Perbelanjaan Mengurus melibatkan Perkhidmatan dan Bekalan (OA 20000), Kerajaan Negeri akan mengutamakan Perbelanjaan Berkanun seperti bayaran Perhubungan dan Utiliti (OS 23000), Sewaan (OS 24000), Penyelenggaraan

dan Perkhidmatan Berkontrak (OS 28000 dan OS 29000) dan Bayaran Emolumen serta tuntutan berkaitan bagi kakitangan kontrak (OS 29000) berbanding Perbelanjaan Tidak Berkanun seperti Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (OS 21000) dan Bekalan (OS 26000 dan OS 27000) yang akan dikuatkuasakan secara kawalan dalaman pada peringkat jabatan. Oleh itu, Kerajaan Negeri masih berupaya meneruskan perkhidmatan seperti sedia ada, tanpa menjejaskan kepentingan rakyat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

9. Huraikan bidang kuasa dan agensi di bawah MMK Pembangunan Sosial.

   (a) Jelaskan peruntukan yang disalurkan kepada agensi-agensi bawah MMK Pembangunan Sosial.

   (b) Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan bagi Program i-Sejahtera.

   (c) Apakah kategori dalam Program i-Sejahtera boleh dikaji semula atau berlaku pertindihan bayaran daripada Kerajaan Persekutuan?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pembangunan Sosial di Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab merangka dasar, menyelaraskan agensi dan memantau program bagi memastikan kesejahteraan sosial serta pembangunan komuniti. Tumpuan khusus diberikan kepada keperluan dan hak kumpulan sasar dari aspek PEMBANGUNAN wanita, keluarga, kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), dan warga emas.

   MMK Pembangunan Sosial juga menggubal serta menyemak dasar sosial negeri supaya selari dengan dasar persekutuan serta menyelaraskan agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program dan inisiatif sosial di dalam negeri. Antara agensi utama di bawah MMK

Pembangunan Sosial adalah *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

(a) Peruntukan di bawah MMK Pembangunan Sosial bertujuan untuk menggerakkan agenda pembangunan sosial di Negeri Pulau Pinang. Antara agensi yang menerima peruntukan di bawah MMK Pembangunan Sosial ialah PWDC dan *Women's Centre for Change* (WCC). Melalui peruntukan tersebut, Taska D'Komtar 1.0 telah menerima sebanyak RM75,818.56, manakala Taska D'Komtar 2.0 pula diperuntukkan sebanyak RM79,710.12. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Daerah Timur Laut (PJKK DTL) menerima peruntukan sebanyak RM60,000.00, sementara Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) memperoleh peruntukan berjumlah RM210,000.00. Peruntukan yang disalurkan ini adalah untuk tempoh setahun meliputi kos operasi dan perbelanjaan lain bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan program-program yang dijalankan.

(b) Jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi Program i-Sejahtera sejak tahun 2010 sehingga Oktober 2025 adalah sebanyak RM570,246,340.00.

(c) Program Suri Emas di bawah i-Sejahtera Pulau Pinang diwujudkan sebagai penghargaan kepada para suri rumah yang bukan sahaja mengurus keluarga, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Namun demikian, wujud potensi pertindihan dengan program i-Suri KWSP di peringkat Persekutuan yang turut menawarkan bantuan kewangan dan sokongan kepada golongan sama. Bagi memastikan setiap penerima mendapat manfaat secara adil serta mengekalkan keberkesanan program i-Sejahtera untuk jangka panjang, Kerajaan Negeri telah meneliti perkara ini melalui sesi libat urus bersama Ahli Parlimen, ADUN dan PPK dalam Bengkel Cadangan Bayaran i-Sejahtera pada awal tahun 2025. Hasil perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan untuk mengekalkan semua bayaran program i-Sejahtera. Kerajaan Negeri sentiasa mendengar pandangan rakyat bagi memastikan kesejahteraan masyarakat terus terjamin.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

10. Huraikan kos pelaburan tahunan PBA dalam pengurusan air negeri sejak tahun 2022.

    (a) Huraikan kos pelaksanaan Pakej 12A dan nyatakan jumlah pengeluaran air terawat (JLH) semasa.

    (b) Jelaskan projek pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi.

    (c) Apakah status loji rawatan air Empangan Mengkuang?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kos pelaburan tahunan Perbadanan Bekalan Air (PBA) dalam pengurusan air negeri sejak tahun 2022 terbahagi kepada kos perbelanjaan operasi (OPEX) dan kos perbelanjaan modal (CAPEX). Perincian kos dan kegunaan adalah seperti berikut:

	2022 (RM juta)	**2023 (RM juta)**	**2024 (RM juta)**
OPEX	338.3	372.2	402.6
CAPEX	41.3	106.1	137.0
Jumlah	379.6	478.3	539.6

Perbelanjaan operasi utama meliputi kos pembaikan dan penyelenggaraan, kos tenaga elektrik, kos bahan kimia, kos emolumen, serta kos pentadbiran yang diperlukan bagi memastikan kelancaran operasi harian sistem bekalan air.

Manakala perbelanjaan modal pula memberi tumpuan kepada usaha menaik taraf serta membangunkan infrastruktur baharu termasuk penggantian paip lama, peningkatan kapasiti loji rawatan air, pengurangan kadar Air Tidak Terhasil (NRW), pembelian tanah, pemasangan meter dan lain-lain inisiatif yang menyokong peningkatan kecekapan sistem bekalan air negeri.

(a) Projek Pakej 12A telah dilaksanakan dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM32 juta melalui pelaburan oleh PBAPP di bawah Pelan Kontigensi Air 2030. Jumlah pengeluaran air terawat telah meningkat sebanyak 114 juta liter sehari (JLH) iaitu daripada 1,612 JLH kepada 1,726 JLH.

(b) Projek pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi merupakan sebahagian daripada perancangan strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PBAPP untuk melaksanakan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Mengkuang Park berkapasiti 114 JLH yang terletak berhampiran Empangan Mengkuang di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030).

Seiring dengan pelaksanaan pelan ini, kefungsian Empangan Mengkuang telah diubah daripada empangan rizab kemarau strategik kepada empangan harian bagi membolehkan sumber air mentah digunakan secara lebih optimum bagi keperluan harian pengguna.

Rumah Pam Lahar Yooi dibangunkan bagi menyediakan sumber air mentah tambahan daripada Sungai Muda untuk mengisi semula Empangan Mengkuang, sekaligus memastikan kebolehoperasian berterusan LRA

Mengkuang Park dan Empangan Mengkuang dalam memenuhi keperluan bekalan air terawat di negeri ini.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Ekonomi telah meluluskan permohonan tambahan skop bagi pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi dan pemasangan Paip Dwi-Fungsi pada 17 September 2025. Projek fizikal ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2027 dan dijangka siap pada tahun 2029. Pembiayaan projek berkenaan akan dilaksanakan menggunakan baki peruntukan di bawah Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (EMD).

(c) Status loji rawatan air Empangan Mengkuang (LRA Mengkuang Park) sehingga 30 September 2025 telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 5.42% berbanding 4.74% yang dijadualkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

11. Huraikan status Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

    (a) Perincikan skop kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

    (b) Sejauh manakah RM50 juta yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri telah digunakan?

    (c) Huraikan kesalinghubungan antara stesen LRT dengan LTAPP.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Status semasa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa mengikut pakej kerja adalah seperti berikut:

    (i) Pakej Kerja 1 iaitu pembinaan bangunan sokongan dengan *progress* terkini sebanyak 78%;

    (ii) Pakej Kerja 2 iaitu kerja-kerja pelebaran apron parkir pesawat dan *taxiway* dengan *progress* terkini adalah sebanyak 30%; dan

    (iii) Pakej Kerja 3 merangkumi pembesaran terminal utama Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan infrastruktur dalaman dimana ianya masih dalam fasa rekabentuk (*Design Stage*).

(a) Terdapat dua (2) skop kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri iaitu:

(i) Pembinaan jalan baharu iaitu jalan masuk dan keluar yang menghubungkan pintu masuk utama LTAPP dengan Jalan Sultan Azlan Shah (JSAS) bagi mempertingkatkan akses dan kelancaran trafik ke kawasan lapangan terbang. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan anggaran kos sebanyak RM10 juta; dan

(ii) Kerja-kerja pembinaan sistem saliran utama (main stormwater drainage) bermula dari kawasan sekitar LTAPP sehingga ke Sungai Kluang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan anggaran kos sebanyak RM40 juta.

(b) Setakat bulan Oktober 2025, peruntukan sebanyak RM2,120,000.00 telah diluluskan untuk kerja-kerja pembinaan sistem saliran utama (main stormwater drainage) manakala peruntukan sebanyak RM300,000.00 telah diluluskan untuk kerja-kerja pembinaan jalan masuk dan keluar (access road) ke kawasan LTAPP.

(c) Lokasi Stesen LRT di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) terletak kira-kira 100 meter dari bangunan terminal baharu PIA.

Sebuah jambatan pejalan kaki (pedestrian link bridge) akan dibina menghubungkan stesen ini dengan bangunan Terminal PIA dan juga bangunan tempat letak kereta bertingkat (MSPR) PIA bagi memudahkan pergerakan penumpang antara stesen LRT, terminal lapangan terbang dan kawasan parkir.

Kesalinghubungan ini direkabentuk bagi memastikan aliran pergerakan pengguna yang lancar, selamat dan mesra pejalan kaki di antara sistem pengangkutan awam dan terminal lapangan terbang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

12. Huraikan kemajuan Projek Pintasan Ayer Hitam ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (Pakej 2).

    (a) Jelaskan kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan baki kos yang perlu ditanggung.

    (b) Siapakah yang akan menyelenggara Jalan Pintasan ini setelah siap dibina?

    (c) Unjuran kos penyelenggaraan tahunan Jalan Pintasan ini.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Sehingga Oktober 2025, kemajuan projek telah mencapai 88% berbanding jadual asal 88% dengan tiada kelewatan direkodkan.

    (a) Projek ini menggunakan kontrak *Design and Build* (D&B) yang diubah suai mengikut kaedah pelaksanaan projek. Kaedah pembayaran kemajuan kerja bukannya secara tunai, sebaliknya mengguna pakai kaedah *in kind* iaitu melalui pemindahan tanah (*alienation of Exchanged Land*) secara berperingkat, berdasarkan kemajuan kerja.

    Harga kontrak semasa adalah berjumlah RM851,976,745.00. Sehingga Mei 2025, jumlah bayaran

yang diperakukan adalah sebanyak RM555,409,300.00. bersamaan 65% dengan keluasan tanah yang telah diserahkan kepada pihak kontraktor 11.6183 ekar. Merujuk kepada harga kontrak semasa, baki kos yang belum dijelaskan adalah bernilai sebanyak RM296,567,445.00.

(b) Projek ini akan diserahkan kepada JKR untuk diselenggara selepas tamat tempoh *Defect Liability Period* (DLP) selama dua (2) tahun daripada tarikh *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan.

Beberapa siri rundingan dan perbincangan bersama antara Kerajaan Negeri bersama Pengurusan Aset (Jalan), Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia dan JKR Pulau Pinang telahpun dimulakan.

Unjuran kos penyelenggaraan tahunan Jalan Pintasan ini dianggarkan sebanyak RM 950,000.00 setahun merangkumi komponen utama projek iaitu laluan jalan utama, *viaduct, retaining earth wall, ramp*, simpang *Left-In Left-Out, U-Turn, On-Site Detention* (OSD) *System* & pemantauan cerun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

13. Huraikan cadangan Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua.

    (a) Perincikan cadangan penaiktarafan Jalan-jalan Negeri terlibat.

    (b) Jelaskan kos penaiktarafan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

    (c) Apakah pelan kontingensi pengurusan trafik ketika pelaksanaan projek?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos keseluruhan yang telah dimuktamadkan selepas Makmal Kajian Nilai (Value Assessment, VA) sebanyak RM2.908 bilion, melibatkan pembiayaan secara hibrid melalui peruntukan pembangunan, Dana Mudahcara Infrastruktur (DMI) dan sumbangan oleh PLUS Berhad. Kaedah ini telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024.

Projek ini melibatkan skop kerja seperti yang berikut:

(i) Laluan terus dari Juru ke Sungai Dua sepanjang 17.4 km;

(ii) Laluan sedia ada 17.4 km dan persimpangan;

(iii) Membina baharu satu (1) plaza tol di susur masuk Persimpangan Jambatan Pulau Pinang ke *Mainline Express Lanes* (MEL), satu (1) plaza tol di susur keluar MEL ke Persimpangan East-West, satu (1) plaza tol di susur masuk dari Persimpangan East-West ke MEL serta menaik taraf Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;

(iv) Meroboh dan membina semula dua (2) buah jejambat pejalan kaki sedia ada dan membina baharu dua (2) jejambat pejalan kaki di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;

(v) Kerja geoteknik;

(vi) Perabot jalan;

(vii) Pembinaan sistem perparitan jalan;

(viii) Pengalihan utiliti; dan

(ix) Pengambilan tanah.

Projek ini dimulakan dengan pelaksanaan satu kajian trafik secara terperinci oleh Kementerian Kerja Raya khususnya bagi menangani isu kesesakan di laluan antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Kajian ini dijalankan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di 40 lokasi sepanjang jajaran tersebut bagi menganalisis aliran trafik sebenar dan merangka penyelesaian yang lebih berkesan serta mampan.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam beberapa siri mesyuarat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Berhad, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan (MOF) serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan tersebut, konsep penyuraian trafik telah dipersetujui yang merangkumi tiga (3) komponen utama, iaitu MEL, pembinaan Laluan Pengumpul dan

Pengedar (Collector–Distributor Lanes, CDL), serta kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan laluan sedia ada.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa melalui lima (5) pakej utama, dengan tempoh pembinaan keseluruhan selama 48 bulan.

Garis Masa dan Status Pelaksanaan:

(i) Makmal Kajian Nilai (*Value Assessment*): 24 – 28 Februari 2025

(ii) Lantikan Perunding Rekabentuk & Penyeliaan Tapak: 17 Julai 2025

(iii) Mula kerja fizikal (Pakej 1 – Naiktaraf East-West Interchange & Slip Ramp): November 2025

(iv) Mula kerja fizikal (Pakej 2–5 – MEL & CDL): Pertengahan tahun 2026

(v) Jangkaan siap projek: Jun 2030

Pelaksanaan projek ini dijangka memberikan impak positif yang besar kepada kelancaran sistem pengangkutan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Dengan pembinaan MEL dan CDL, aliran trafik secara terus dapat dipisahkan daripada trafik tempatan, sekali gus mengurangkan kesesakan secara signifikan serta meningkatkan tahap perkhidmatan (*Level of Service*) LOS di kawasan berkenaan.

Selain itu, reka bentuk persimpangan yang lebih efisien akan mengurangkan titik konflik dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Secara keseluruhan, projek ini diyakini akan meningkatkan keberkesanan jaringan jalan raya utama negara, memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan sosial, serta merangsang pelaburan strategik di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya.

(a) Terdapat 4 persimpangan jalan negeri yang akan terlibat dalam penyuraian trafik Cadangan Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua. Walau bagaimanapun, skop kerja dan *limit of work* masih dalam perbincangan bersama pihak KKR serta LLM di mana akan dimuktamadkan kelak.

(b) Kos penaiktarafan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri hanya dapat diputuskan setelah skop kerja dan *limit of work* dimuktamadkan.

(c) Antara pelan kontingensi pengurusan trafik yang boleh dilaksanakan ketika pelaksanaan projek ini adalah:

(i) Penyampaian makluman terkini secara berkala melalui media sosial dan saluran rasmi kepada pengguna jalan mengenai maklumat terkini supaya pengguna jalan dapat membuat perancangan awal perjalanan;

(ii) Pemasangan papan tanda tunjuk arah sementara dan tetap dipasang di laluan utama dan laluan alternatif supaya pemandu dapat menyesuaikan haluan sebelum tiba di kawasan kerja;

(iii) Penempatan papan tanda di lokasi strategik dimana diletakkan pada jarak yang mencukupi sebelum kawasan kerja agar pengguna jalan mempunyai masa untuk menukar lorong atau haluan; dan

(iv) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala papan tanda secara rutin untuk memastikan ia kekal dalam keadaan baik, jelas kelihatan pada waktu siang dan malam, serta tidak dihalang oleh kerja-kerja pembinaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

14. Nyatakan pencapaian dan kos tanggungan dua laluan bas percuma CAT Bridge.

    (a) Adakah CAT George Town dan BEST Komtar ditanggung sepenuhnya oleh MBPP dan huraikan pencapaiannya?

    (b) Jelaskan kemajuan cadangan CAT Batu Kawan via Jambatan Kedua.

    (c) Adakah cadangan CAT Batu Kawan boleh dilaksanakan secara Perkongsian Awam-Swasta?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Perkidmatan *Congestion Alleviation Transport* (CAT) Bridge ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4.38 juta setahun dengan menggunakan 15 buah bas untuk kedua-dua laluan tersebut. Dua (2) laluan CAT Bridge tersebut adalah seperti berikut:

    (i) CT 13 : Laluan Seberang Jaya ke Bayan Lepas (10 bas); dan

    (ii) CT 14 : Laluan Bukit Mertajam ke Komtar (5 bas).

Dari segi prestasi pencapaian, perkhidmatan CAT menunjukkan momentum trend pemulihan positif pasca pandemik yang menunjukkan keanjalan dan keperluan berterusan terhadap sistem pengangkutan awam bandar.

Jumlah purata penumpang harian bagi CAT 13 dan CAT 14 adalah 1,242 (sehingga September 2025) berbanding 1,133 orang pada tahun 2024, dengan kenaikan dicatatkan pada kadar 9.6%. Peningkatan positif ini adalah selari dengan peningkatan aktiviti ekonomi, pembukaan sektor pelancongan dan pertumbuhan guna semula pengangkutan awam. Trend ini membuktikan bahawa pelaburan Kerajaan Negeri dalam perkhidmatan bas percuma memberi impak nyata kepada mobiliti rakyat, kesejahteraan bandar serta pengurangan kesesakan lalu lintas.

Kerajaan Negeri akan terus menambah baik kekerapan, kebolehpercayaan serta kemudahan perkhidmatan CAT Bridge demi manfaat pengguna.

(a) Perkhidmatan Bas *Shuttle* Central Area Transit (CAT) George Town ditanggung sepenuhnya oleh MBPP sejak tahun 2009 hingga kini. Pencapaian yang telah dicapai oleh MBPP semasa pelaksanaan perkhidmatan bas CAT GT ini adalah seperti berikut:

(i) Mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di atas jalan raya;

(ii) Menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan;

(iii) Mengurangkan pencemaran alam sekitar iaitu pelepasan karbon dikurangkan;

(iv) Meningkatkan kualiti hidup dalam kawasan pusat bandar George Town; dan

(v) Membantu dalam menarik pelancong kerana meliputi lokasi-lokasi tarikan pelancongan.

MBPP juga telah menambah bilangan bas CAT GT daripada 3 buah bas kepada 5 buah bas bermula November 2014 memandangkan permintaan pengguna Bas CAT telah meningkat. Perselangan masa perjalanan telah dikurangkan daripada 20 minit kepada 10 minit. Penambahan bilangan Bas CAT telah meningkatkan jumlah pengguna bas perkhidmatan Bas CAT dan keselesaan penumpang. Kos perkhidmatan Bas CAT GT sebanyak RM1,426,934.88 ditanggung sepenuhnya oleh MBPP setiap tahun.

Pada masa sekarang, lebih kurang 4,700 orang awam menggunakan perkhidmatan Bas CAT setiap hari di mana bancian MBPP menunjukkan bahawa 40% daripada pengguna perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma ini mempunyai kenderaan persendirian.

Perkhidmatan BEST KOMTAR pula ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri dan perkhidmatan ini adalah khusus kepada penjawat awam yang bekerja di KOMTAR. Buat masa ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan laluan BEST KOMTAR di semua daerah di Pulau Pinang untuk penjawat awam ke KOMTAR yang terletak di Daerah Timur Laut seperti berikut:

(i) Bertam, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) menggunakan tiga (3) buah bas;

(ii) Seberang Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) menggunakan dua (2) buah bas;

(iii) Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) menggunakan satu (1) buah bas; dan

(iv) Balik Pulau dan Bayan Lepas, Daerah Barat Daya menggunakan satu (1) buah bas.

Buat masa ini, seramai 258 orang penjawat awam menggunakan perkhidmatan BEST KOMTAR setiap hari. Pencapaian BEST KOMTAR adalah seperti berikut:

(i) Membantu penjawat awam dalam mengurangkan beban pengangkutan seharian ke tempat kerja;

(ii) Pengurangan penggunaan kenderaan persendirian yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang;

(iii) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di atas Jambatan Pulau Pinang; dan

(iv) Mempromosikan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan penjawat awam.

(b) Cadangan CAT Batu Kawan melalui Jambatan Kedua telah dibentangkan oleh wakil Rapid Penang dalam MMK Pengangkutan pada 4 September 2025. Cadangan ini disambut baik dan mesyuarat mencadangkan agar sesi libat urus diadakan bersama wakil industri di Kawasan Batu Kawan Industrial Park (BKIP) untuk memastikan kebolehlaksanaan perkhidmatan bas awam dari Bayan Baru di bahagian Pulau melalui Jambatan Kedua Pulau Pinang ke Batu Kawan di tanah besar.

Cadangan awal adalah untuk menyediakan tiga (3) perjalanan *(trips)* pada waktu puncak pagi dan tiga (3) perjalanan *(trips)* pada waktu puncak petang yang bertujuan menyokong mobiliti pekerja merentas jambatan, mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tumpuan terutama di *"bottle neck"* Batu Kawan.

Susulan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Invest Penang dan Rapid Penang telah menganjurkan sesi libat urus, *Focus Group Discussion* pada 28 Oktober 2025 bagi mendapat maklum balas daripada wakil industri untuk memperhalusi cadangan perkhidmatan tersebut.

Seterusnya, sesi soal selidik akan dijalankan untuk mengetahui kebolehlaksanaan cadangan laluan ini atau cadangan laluan baharu yang lebih komprehensif boleh diteliti.

(c) Cadangan pelaksanaan secara Perkongsian Awam-Swasta dilihat sebagai langkah strategik untuk mengurangkan kos Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama, mendapat komitmen daripada pihak swasta.

Rapid Penang bersama Invest Penang sebelum ini telah menjalankan perbincangan awal dengan beberapa syarikat di kawasan BKIP untuk menaja sebahagian kos perkhidmatan bas bagi kakitangan mereka. Walaupun inisiatif tersebut belum dapat direalisasikan atas faktor tertentu, konsep perkongsian seperti ini kekal relevan dan wajar diteroka semula bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan yang inklusif dan lestari.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan Prasarana melalui Rapid Penang, Pihak Berkuasa Tempatan dan sektor industri dalam memperkukuhkan jaringan perkhidmatan bas demi manfaat bersama.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

15. Nyatakan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa melalui LTAPP pada 2025 dan perincikan mengikut pecahan negara.

    (a) Nyatakan pelancong antarabangsa melalui Terminal Cruise Swettenham Pier dan jumlah cruise yang mendarat.

    (b) Huraikan kutipan Fi Hotel dan nyatakan kutipan bulanan bagi tahun 2025.

    (c) Adakah Kerajaan Negeri boleh mengenakan caj kepada pelancong antarabangsa?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Jumlah kedatangan pelancong antarabangsa melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Bilangan pelancong antarabangsa melalui Terminal *Cruise* Swettenham Pier adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Jumlah kapal persiaran mendarat sehingga Julai 2025 adalah sebanyak 55 buah kapal persiaran.

    (b) Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha mempertingkatkan sektor pelancongan negeri melalui penganjuran program-program berimpak

tinggi bertaraf antarabangsa. Kutipan Fi Hotel ini dibuat melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikenakan kepada pengurusan hotel pada kadar RM3.00/bilik/malam bagi hotel 4 dan 5 bintang, dan kadar RM2.00/bilik/malam bagi hotel 3 bintang dan ke bawah.

Kutipan bulanan Fi Hotel bagi tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

(c) Buat masa ini, Cukai Pelancongan RM10.00 satu (1) malam dikenakan kepada pelancong asing yang menginap di hotel diseluruh negara. Kutipan ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan sebahagian kutipan dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN A

10 Negara Dengan Ketibaan Tertinggi Pelancong Melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (Jan – Sep 2025)

BIL	NEGARA	BILANGAN KETIBAAN PELANCONG
1	Indonesia	284,364
2	China	161,599
3	Singapura	116,442
4	Taiwan	32,830
5	Thailand	23,491
6	India	18,984
7	Amerika Syarikat	17,569
8	United Kingdom	15,972
9	Australia	15,449
10	Jepun	13,405

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Pulau Pinang (Dikemaskini 10 Oktober 2025)

LAMPIRAN B

10 Negara Dengan Ketibaan Tertinggi Pelancong Melalui Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier (Jan – Sep 2025)

BIL	NEGARA	BILANGAN KETIBAAN PELANCONG
1	Singapura	64,662
2	India	12,052
3	United Kingdom	9,333
4	Amerika Syarikat	7,353
5	Indonesia	6,786
6	Jerman	5,864
7	China	4,803
8	Korea Selatan	4,392
9	Filipina	3,917
10	Australia	3,134

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Pulau Pinang (Dikemaskini 10 Oktober 2025)

LAMPIRAN C

KUTIPAN BULANAN FI HOTEL BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA SEPTEMBER 2025

BULAN	KUTIPAN (RM)
JANUARI	1,078,398.00
FEBRUARI	956,440.00
MAC	985,649.00
APRIL	783,603.00
MEI	962,615.00
JUN	907,239.00
JULAI	1,216,603.00
OGOS	1,295,145.00
SEPTEMBER	1,013,048.00
JUMLAH	**9,198,740.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

16. Huraikan kemajuan Rangka Kerja Pembangunan Belia Strategik 2024 - 2028.

    (a) Perincikan program pembangunan latihan sukan sepanjang tahun 2025.

    (b) Huraikan Program Tajaan Kerjasama dan nyatakan jumlah tajaan yang diterima.

    (c) Huraikan persiapan SUKMA 2026 dan bajet yang diperlukan.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) memfokuskan pada dua (2) aspek utama dalam pembangunan belia di Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2028 iaitu Pembangunan Kapasiti Belia dan Penggerak Komuniti Belia.

    Di bawah aspek Pembangunan Kapasiti Belia adalah merangkumi inisiatif teras seperti berikut:

    (i) Keusahawanan;

    (ii) Sukarelawan Belia Pulau Pinang;

    (iii) E-Sukan;

(iv) Pemerkasaan Pertubuhan Belia; dan

(v) Bakat Belia.

Di bawah aspek Penggerak Komuniti Belia adalah merangkumi inisiatif teras seperti berikut:

(i) Jelajah Belia;

(ii) Belia Aspirasi;

(iii) Kesedaran Sivik; dan

(iv) Pusat Belia.

(a) Program latihan sukan Negeri yang dikendalikan oleh jurulatih sukan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada ketetapan pelan periodisasi dibahagikan kepada beberapa fasa utama, iaitu fasa persediaan, pertandingan dan transisi. Setiap fasa mempunyai objektif, kandungan latihan dan intensiti tersendiri untuk memastikan atlet mencapai prestasi puncak pada masa yang tepat. Perincian program latihan berdasarkan pelan periodisasi tahunan adalah seperti berikut:

(i) Fasa persediaan bermula dua (2) hingga empat (4) bulan dan objektif utama adalah membangunkan asas kecergasan umum serta kemahiran asas sukan;

(ii) Fasa pra-pertandingan bermula satu (1) hingga dua (2) bulan dan objektif utama meningkatkan prestasi khusus sukan dan simulasi pertandingan;

(iii) Fasa pertandingan adalah sepanjang musim pertandingan dan objektif utama mengekalkan prestasi optimum dan mencapai kemuncak prestasi; dan

(iv) Fasa transisi di mana tempoh fasa ini adalah dua (2) hingga empat (4) minggu selepas musim pertandingan. Objektif fasa ini adalah untuk

pemulihan fizikal dan mental serta pencegahan kecederaan aktiviti.

(b) Program Pembiayaan I.M.P.A.C.T. yang ditubuhkan pada tahun 2025 merupakan satu program tajaan dikendalikan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama pihak swasta serta penaja lain, yang berpotensi menjana lebih banyak sumbangan bagi kebajikan atlet.

Sehingga September 2025, program ini telah berjaya mendapat tajaan wang tunai sejumlah RM28,030.00 dan tajaan dalam bentuk perkhidmatan dan barangan sejumlah RM125,000.00 dengan jumlah besar RM153,030.00.

(c) Kontinjen Negeri Pulau Pinang telah memulakan persiapan bagi menghadapi Sukan SUKMA 2026 selepas tamat Sukan SUKMA 2024 di Sarawak. Sasaran yang diletakkan kini adalah bagi meraih 60 pingat emas dan menukar 50% pingat perak yang diraih pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas.

Secara keseluruhannya, sejumlah RM8 juta ringgit diperlukan bagi menyiapsediakan keseluruhan pasukan kontinjen negeri dalam tempoh dua (2) tahun membabitkan kesemua tanggungan kos perbelanjaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

17. Nyatakan jumlah unit rumah kos rendah (RM42,000) dan RMM yang memperolehi CCC pada tahun 2025.

    (a) Huraikan kemajuan RMM Bukit Gedong dan URC Mahsuri.

    (b) Huraikan RMM Permatang Tinggi.

    (c) Huraikan status projek sewa beli Taman Murai Jaya.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Berdasarkan rekod yang dikemas kini oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sehingga bulan Oktober 2025, jumlah rumah kos rendah yang dikenali sebagai Rumah Mutiaraku Jenis A (RMKu A), rumah kos sederhana rendah yang dikenali sebagai RMKu Jenis B (RMKu B) dan rumah kos sederhana yang kini dikenali sebagai RMKu Jenis C (RMKu C) di Pulau Pinang yang telah siap dibina adalah sebanyak 61,171 unit. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, tiada unit RMKu A yang direkodkan telah siap dibina dan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada tahun 2025.

    (a) Projek RMKu Bukit Gedong dan Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) Mahsuri merupakan projek yang telah diluluskan di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan (PIPP) LPNPP melalui *Rolling Plan* 1

Tahun 2021. Status semasa pelaksanaan kedua-dua projek tersebut adalah seperti berikut:

(i) Bagi RMKu Bukit Gedung, proses pelantikan pemaju bagi pelaksanaan projek ini telah selesai. Pihak pemaju sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) termasuk kelulusan Laporan Geoteknikal, Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) dan kelulusan-kelulusan teknikal lain yang berkaitan. Projek ini merupakan projek yang agak kompleks memandangkan lokasi tapak projek adalah berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Kem Angkatan Tentera dan keadaan topografi tapak berbukit (melibatkan cerun kelas 3 dan 4); dan

(ii) Bagi Projek PSB Mahsuri pula, ia merupakan projek rintis PSB di Pulau Pinang. Projek ini akan dilaksanakan melalui dua (2) fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 melibatkan pembangunan satu (1) blok unit gantian. Manakala Fasa 2 pula akan melibatkan pembangunan bercampur termasuk unit RMKu. Pelaksanaan pembangunan Fasa 1 telah bermula di tapak yang mana kerja-kerja penanaman cerucuk telah pun dijalankan.

(b) Projek RMKu Permatang Tinggi juga merupakan projek yang telah diluluskan di bawah PIPP LPNPP melalui *Rolling Plan* 1 Tahun 2021. Proses perolehan bagi pelantikan pemaju telah selesai. Kini, pemaju telah pun berjaya menyelesaikan isu-isu struktur dan binaan tidak sah di atas tapak tersebut. PKM juga telah dikemukakan untuk kelulusan dan secara dasarnya telah diluluskan bersyarat melalui Mesyuarat Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Seberang Perai.

(c) Projek perumahan RMKu A Taman Murai Jaya merupakan projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku Pengurus Projek dan LPNPP selaku Pemilik Projek/Tanah. Projek ini telah mencapai 100% kemajuan kerja pada 31 Disember 2024 dan kini dalam proses untuk mendapatkan CCC.

Projek RMKu Taman Murai Jaya ini akan ditawarkan melalui skim sewa beli (*Rent to Own* - RTO) kepada pemohon yang layak berdasarkan kuota kaum mengikut Daerah Seberang Perai Selatan.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK RMKU A, B DAN C SIAP DAN TERIMA SIJIL LAYAK MENDUDUKI (OC) / SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SEJAK TAHUN 2008

Daerah Timur Laut Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
Daerah Timur Laut									
1	2008	DTL	Taman Serina	Kerajaan Negeri	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown	A	125	Sungai Pinang	Kerajaan Negeri
2	2008	DTL	Taman Serina	Kerajaan Negeri	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown	B	145	Sungai Pinang	Kerajaan Negeri
3	2008	DTL	Desa Indah	Tetuan Alshem Dev Sdn. Bhd.	Lot 1243, 1659 & 2115 Mk.3, Jalan Paya Terubong	B	972	Paya Terubong	Swasta
4	2008	DTL	Taman Permai Jaya	Tetuan Taman Seri Setia Sdn. Bhd.	3365, 3366, 3785, 3786, 3788 Sebahagian Lot 381, Mk 18, Jalan Permai, Gelugor	B	127	Batu Uban	Swasta
5	2009	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	A	192	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
6	2009	DTL	Nipah Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT.692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang	A	180	Tanjong Bungah	Swasta
7	2009	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	B	544	Batu Uban	Kerajaan Negeri
8	2009	DTL	Palm Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT. 692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjong Pinang, Daerah Timur Laut	B	512	Tanjong Bungah	Swasta
9	2009	DTL	Taman Sri Aman C1	Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13 D.T.L	B	354	Batu Uban	Swasta
10	2009	DTL	Bukit Bl	Tetuan Reka Indah Dev Sdn. Bhd.	Lot 1555, 1556,& 1557 Sek. 5, Lebuhraya Thean Teik, DTL	B	295	Pulau Tikus	Swasta
11	2009	DTL	Puncak Erskine	Tetuan Prime View Sdn. Bhd.	Lot 135 & 3562 Mk.18 GM 167 201 Daerah Timur Laut	B	1,038	Kebun Bunga	Swasta
12	2009	DTL	Pinang Court	Tetuan Jelutong Dev Sdn. Bhd.	Plot C2-3, Lebuh Sungai Pinang 1, Bandar Georgetown	B	389	Sungai Pinang	Swasta
13	2010	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	A	238	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
14	2010	DTL	Taman Seri Tanjong	Tetuan Palmex Industries Sdn. Bhd.	Lot 3175, Seksyen 1, Bandar Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut	A	40	Tanjong Bungah	Swasta
15	2010	DTL	Taman Sinar Pelangi	Tetuan Genuine Galaxy Sdn. Bhd.	Lot 432, Seksyen 1, Bandar Jelutong, DTL	B	287	Batu Lancang	Swasta
16	2010	DTL	Taman Sri Aman C2	Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13 D.T.L	B	347	Batu Uban	Swasta
17	2010	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown	B	466	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
18	2012	DTL	Halaman Kenanga	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, DTL	A	204	Batu Uban	Kerajaan Negeri
19	2012	DTL	Halaman Kenanga	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, DTL	B	510	Batu Uban	Kerajaan Negeri
20	2012	DTL	The Pulse	Tetuan Nusmetro Venture (P) Sdn. Bhd.	Lot PT.59, No. H.S (D) 15868, Gelugor, Daerah Timur Laut	B	249	Batu Uban	Swasta
21	2012	DTL	Taman Pelangi Indah	Tetuan Ujung Pelangi Sdn. Bhd.	Lot 962 & 963 (Lot Lama 314) Lorong Perak Seksyen 1, Bandar Jelutong	B	354	Datok Keramat	Swasta
22	2012	DTL	Palm Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT. 692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjong Pinang, Daerah Timur Laut	B	486	Tanjong Bungah	Swasta
23	2014	DTL	Shineville	Tetuan Zantalite Enterprise Sdn. Bhd.	Lot 54, Seksyen 5, Bandar Georgetown, Lebuhraya Thein Teik,	B	234	Seri Delima	Swasta

24	2014	DTL	Taman Bukit Erskine	Tetuan Ivory Villas Sdn. Bhd.	Lot 141, Mukim 18, Lebuhraya Halia	B	554	Kebun Bunga	Swasta
25	2014	DTL	Halaman Kristal	Tetuan Crystal Prestige Sdn. Bhd.	Lot 2333, Jalan Free School, 11600	B	245	Datok Keramat	Swasta
26	2015	DTL	Centrio Avenue	Tetuan Nuwata Sdn. Bhd.	Lot 7586, 7587 Sebahagian 7588 dan Sebahagian 7585, Mukim 13, Jalan Permai, Jalan Bukit Gambir, DTL	B	780	Batu Uban	Swasta
27	2017	DTL	Selasih Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT 692 (Lot Baru 71), Sebahagian Kawasan Tebusguna Bandar Tanjung Pinang (Fasa 1), DTL	B	644	Tanjong Bungah	Swasta
28	2018	DTL	Egarden	Tetuan Visentak Capital Sdn. Bhd.	Di Atas Lot-lot 10156-10158 (Lot Lama 3618), Mukim 18, Mount Erskine, Pulau Pinang	B	142	Kebun Bunga	Swasta
29	2018	DTL	Tri Pinnacle	Tetuan Aspen Group	Persiaran Halia 3, di atas Lot PT82 (Lot-lot Lama 3622 & 3624), Lot 3625 & Lot 3626, Mk. 18, Mt. Erskine, Tg.	B	458	Kebun Bunga	Swasta
30	2018	DTL	Tri Pinnacle	Tetuan Aspen Group	Persiaran Halia 3, di atas Lot PT82 (Lot-lot Lama 3622 & 3624), Lot 3625 & Lot 3626, Mk. 18, Mt. Erskine, Tg.	C	859	Kebun Bunga	Swasta
31	2018	DTL	Taman Gema Intan	Tetuan Gema Intan Sdn. Bhd.	Lot 587, Sek. 1, Bandar Jelutong, Jalan Perak, DTL	B	109	Batu Lancang	Swasta
32	2018	DTL	Taman Skyridge	Tetuan Zantalite Sdn. Bhd.	Lot 10167, MKM 18 Mt Erskine, DTL	B	184	Kebun Bunga	Swasta
33	2018	DTL	Taman Skyridge	Tetuan Zantalite Sdn. Bhd.	Lot 10167, MKM 18 Mt Erskine, DTL	C	154	Kebun Bunga	Swasta
34	2018	DTL	Iconic Vue	Tetuan Iconic Land	Lot 740, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi	C	232	Tanjong Bungah	Swasta
35	2020	DTL	ISantorini	UDA Holdings SB	Sebahagian Lot 3265 (PT274), Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Jalan Seri Tanjung Tokong	C	2155	Tanjong Bungah	Swasta
36	2020	DTL	SP Chelliah	Tetuan Zubicon Sdn. Bhd.	Lot 758 & Lot 1058, Sek 10, Jalan SP Chelliah, Georgetown	B	770	Datok Keramat	Swasta
37	2019	DTL	SP Chelliah	Tetuan Zubicon Sdn. Bhd.	Lot 758 & Lot 1058, Sek 10, Jalan SP Chelliah, Georgetown	C	1323	Datok Keramat	Swasta
38	2017	DTL	Artis 3	Tetuan Dutamas Permai Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot 516, 524 dan Sebahagian Lot 701, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	158	Datok Keramat	Swasta
39	2021	DTL	332, 407 dan 460, Seksyen 1 Batu Feringgi, Batu Feringgi,	Tetuan Orientside Dev. Sdn. Bhd.	Kg Chetty, Batu Feringghi, Daerah Timur Laut	B	464	Tanjong Bungah	Swasta
40	2021	DTL	The Stone	Tetuan PLB Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 9819, Tingkat Paya Terubong 5, Mk. 13	C	1,000	Paya Terubong	Swasta
41	2017	DTL	Granito	Tetuan Taman Sri Bunga (BSG)	Sebahagian Lot 4510, Mk. 18, Tanjung Bungah, Lorong Lembah Permai 3	C	980	Kebun Bunga	Swasta
42	2018	DTL	The Zen	Tetuan Asia Green Construction	Di Persiaran Bayan Indah, Di Atas Lot-Lot PT3984, PT4011 dan PT4012, Bayan Mutiara, Mukim 13	C	1,200	Pantai Jerejak	Swasta
43	2019	DTL	The Dew	Tetuan PLB Sdn Bhd		C	281	Paya Terubong	Swasta
44	2020	DTL	Ideal Residensi (1)	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,312	Seri Delima	Swasta
						Jumlah DTL	22,292		

Daerah Barat Daya Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2008	DBD	Saujana Permai	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad	Lot 8012, Mk 12, Jln Sultan Azlan Shah	A	156	Bayan Baru	Swasta
2	2010	DBD	Pangsapuri Bayan Indah	Tetuan CP Landmark Sdn. Bhd.	Lot 1964, Mukim 9, Lintang Kampung Mesjid Daerah Barat Daya	A	94	Bayan Baru	Swasta
3	2011	DBD	Taman Freesia	Tetuan Gold Mart Development	Lot 371 & 372, Mk. E, Titi Teras	A	78	Pulau Betong	Swasta
4	2011	DBD	Desa Nipah (Lembaman)	Tetuan Belleview Group	Lot 57, Jalan Sg. Nipah, Balik Pulau, Mk. G, Daerah Barat Daya	A	80	Pulau Betong	Swasta
5	2012	DBD	Idaman Melur	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sg Ara	Lot 719, MK 10, DBD	A	280	Bayan Lepas	Swasta

6	2012	DBD	Setia Vista	Tetuan SP Setia Sdn. Bhd.	Di atas Lot 102, 104, 400 & 402, Mk. 5, Daerah Barat Daya, Lebuh Relau	A	165	Bayan Lepas	Swasta
7	2013	DBD	Kuala Sg Pinang	PERDA	Lot PT.813, HS(D)3, (Petak 1), dan Lot PT241, HS(M)240, Mk. B, Kuala Sg. Pinang	A	216	Pulau Betong	Kerajaan Persekutuan
8	2013	DBD	Taman I Park	Tetuan Ideal Property Development	Lot 8009 & 8013, Mk. 12	A	642	Pulau Betong	Swasta
9	2014	DBD	Setia Vista	Tetuan SP Setia Sdn. Bhd.	Lot 102, 104, 400, 402, MK 5,	A	165	Bayan Lepas	Swasta
10	2014	DBD	Taman Freesia	Tetuan Gold Mart Development	Lot 371 & 372, MK E, Titi Teras	A	78	Pulau Betong	Swasta
11	2014	DBD	Sri Akasia	Tetuan Reka Indah Development (Penang) Sdn. Bhd.	Lot 10197, 10198 dan 10200, Mk. E, DBD, Jalan Sungai Pinang	A	133	Pulau Betong	Swasta
12	2015	DBD	Idaman Seroja	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sdn. Bhd.	Lot 1078, Mukim 10, DBD	A	480	Bayan Lepas	Swasta
13	2015	DBD	Taman Seri Anggun	JKP Sdn. Bhd.	Lot 5804, Mukim 12, DBD	A	160	Batu Maung	Swasta
14	2016	DBD	Bayu Nyaman	Tetuan Diamaward (M) Sdn. Bhd.	Lot 616, 617, 9298, 20030 & 20031, Jalan Kampung Bukit MK 11, Bayan Lepas, D.B.D	A	690	Bayan Lepas	Swasta
15	2016	DBD	Prestige 3	Tetuan PLB Land Sdn. Bhd.	Lot 10512, Lot Lama 465, MK D, DBD, Balik Pulau	A	250	Teluk Bahang	Swasta
16	2016	DBD	Idaman Selasih	Tetuan Modular Platinum Sdn. Bhd.	Lot 1073, Jalan Dato' Ismail Hashim/Jalan Paya Terubong, Mk. 10, DBD, Sungai Ara	A	478	Bayan Lepas	Swasta
17	2016	DBD	Idaman Selasih	Tetuan Modular Platinum Sdn. Bhd.	Lot 1073, Jalan Dato' Ismail Hashim/Jalan Paya Terubong, Mk. 10, DBD, Sungai Ara	B	478	Bayan Lepas	Swasta
18	2017	DBD	Rimbun Pangsapuri	Tetuan Kay Pride Sdn. B	Jalan Pulau Betung, di atas Lot 297, Mk. J, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	A	459	Pulau Betong	Swasta
19	2017	DBD	Kejora	Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	Lot 1799, Mk. 11, Teluk Kumbar, Bayan Lepas	A	240	Batu Maung	Swasta
20	2017	DBD	Suria Merbah	Tetuan Asia Green Construction SB	Di atas Lot 12807, Jalan Merbah, Mukim 12	A	349	Batu Maung	Swasta
21	2018	DBD	Taman Ria	Tetuan M Summit Corporation Sdn. Bhd.	Lot 978, Mk. 9. Teluk Kumbar, Dbd, Pulau Pinang	A	135	Batu Maung	Swasta
22	2018	DBD	Sunway Cassia/Desa Kayu Manis	Tetuan Sunway Grand Sdn Bhd	Lot 1475,1477,1479, 1480 & 1512 Dan Sebahagian Lot 337,1472, 1473,1476,1478,1515 Dan 1517,Mk 15, Jln Kekabu 2, Dbd	A	90	Bayan Lepas	Swasta
23	2018	DBD	Taman Ria	Tetuan M Summit Corporation Sdn. Bhd.	Lot 978, Mk. 9. Teluk Kumbar, Dbd, Pulau Pinang	B	135	Bayan Lepas	Swasta
24	2018	DBD	Ramah Pavilion	Tetuan M Summit Corporation Sdn. Bhd.	Lot 953,968,975 & 977 Mk7 Jalan Teluk Kumbar, Bukit Gemuruh, Dbd	C	759	Bayan Lepas	Swasta
25	2016	DBD	I-Condo @ One Foresta	Tetuan I-Global Property Network SB	Di atas Lot 798, 924, 925, 926, 930, 940, Mk. 11 Bayan Lepas	C	1343	Bayan Lepas	Swasta
26	2017	DBD	Mahsuri Court	Tetuan Seraimas Bina Sdn Bhd	Lot 71401 (SebahagianLot Lama 1096), Jalan Mayang Pasir, Mukim 12, DBD	A	65	Bayan Baru	Swasta
27	2017	DBD	Mahsuri Court	Tetuan Seraimas Bina Sdn Bhd	Lot 71401 (SebahagianLot Lama 1096), Jalan Mayang Pasir, Mukim 12, DBD	B	65	Bayan Baru	Swasta
28	2017	DBD	Mahsuri Court	Tetuan Seraimas Bina Sdn Bhd	Lot 71401 (SebahagianLot Lama 1096), Jalan Mayang Pasir, Mukim 12, DBD	C	108	Bayan Baru	Swasta
29	2017	DBD	Pala Palace	(PERDA) (JV : Gayarena Sdn Bhd)	Lot P.T. 105, Mukim 2, Jalan Telok Bahang, DBD	A	100	Teluk Bahang	Swasta
30	2017	DBD	Dua Residensi	PDC Properties	Lot 865, 866 & 873 Mukim 9, DBD	B	346	Bayan Baru	Kerajaan Negeri
31	2017	DBD	Dua Residensi	PDC Properties	Lot 865, 866 & 873 Mukim 9, DBD	C	348	Bayan Baru	Kerajaan Negeri
32	2021	DBD	Mercury / Teluk Kumbar Height	Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	Lot 20254 (Sebahagian lot lama 1799) Mukim 11, Teluk Kumbar DBD	B	240	Bayan Lepas	Swasta
33	2021	DBD	Kuala Sg Pinang	PERDA	Lot 3077 Sebahagian Lot 3076 Fasa 2A Mukim B Daerah Barat Daya Pulau Pinang	A	52	Bayan Lepas	Kerajaan Persekutuan
34	2021	DBD	Cassa Ara	Tetuan Corfield Development Sdn. Bhd.	20101, 20102 & 20330, Mukim 10 Bukit Relau, Persiaran Relau dan Lilitan Sg. Ara, Daerah Barat Daya	A	63	Bayan Lepas	Swasta

35	2021	DBD	Cassa Ara	Tetuan Corfield Development Sdn. Bhd.	20101, 20102 & 20330, Mukim 10 Bukit Relau, Persiaran Relau dan Lilitan Sg. Ara, Daerah Barat Daya	B	63	Bayan Lepas	Swasta
36	2021	DBD	310, 311, 312 & 10632 (Sbhg Lot 451(Lot Lama), Mukim D Bagan	Tetuan Ideal Homes Properties Sdn. Bhd.	310, 311, 312 & 10632 (Sbhg Lot 451(Lot Lama), Mukim D Bagan Air Itam, Jalan Prestij 4, Daerah Barat	A	1,175	Bayan Lepas	Swasta
37	2018	DBD	Prestige III	Tetuan PLB Land SB	Di atas Lot 465, Mk. D, DBD, Kuala Jalan Bahru, Jalan Baru, Balik Pulau	C	203	Pulau Betong	Swasta
38	2017	DBD	Fairview Residence	Tetuan Potential Dual Sdn. Bhd.	586 & 675, Mukim 10 Bukit Relau, Daerah Barat Daya, Changkat Sg. Ara 19	B	117	Bayan Lepas	Swasta
39	2017	DBD	Fairview Residence	Tetuan Potential Dual Sdn. Bhd.	586 & 675, Mukim 10 Bukit Relau, Daerah Barat Daya, Changkat Sg. Ara 19	C	692	Bayan Lepas	Swasta
40	2018	DBD	Tree O	Tetuan Diamaward (M) Sdn. Bhd. (HUNZA)	Di atas Lot 17073 Sungai Ara, Mukim 12, Daerah Barat Daya	C	1,240	Bayan Lepas	Swasta
41	2021	DBD	Havana Residence	Tetuan Koperasi Tunas Muda / Ideal	Lot 71538 -71683 PT 6742 (Lot lama 15318), Jalan Tun Dr Awang/Jalan Sultan Azlan Shah, MK12, DBD	C	1,342	Bayan Baru	Swasta
						Jumlah DBD	14,352		

Seberang Perai Utara

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2008	SPU	Taman Sri Desa (Kg. Besar)	Kerajaan Negeri	Lot 2983 & 3019, Mk. 12, S.P.U	A	429	Pinang Tunggal	Kerajaan Negeri
2	2008	SPU	Taman Chempedak (Padang Chempedak)	Kerajaan Negeri	Lot 1264, 1265,1266,1267, Mk.13,Tasek Gelugor	A	435	Permatang Berangan	Kerajaan Negeri
3	2008	SPU	Taman Sepadu	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Lot 3265, 3266, 3267, 3279, 2454, 2999, 3000 3002, Mk.12, Seberang Perai Utara	A	48	Pinang Tunggal	Swasta
4	2009	SPU	Taman Merbau Indah	Tetuan Ocean Mix Sdn. Bhd.	Lot 1215 & 3012, Mukim 11, SPU	A	197	Sungai Dua	Swasta
5	2009	SPU	Bertam Perdana 3	Tetuan Bertam Properties Sdn. Bhd.	Lot 4822 Mk. 3, Kepala Batas, SPU	A	412	Pinang Tunggal	Swasta
6	2009	SPU	Taman Ampang Jajar	Tetuan Silver Channel Sdn. Bhd.	Jalan Permatang Pauh, Ampang Jajar, Sek. 3, SPU	A	304	Bagan Jermal	Swasta
7	2010	SPU	Taman Sentral	Tetuan Seraimas Bina Sdn. Bhd.	Lot 530, Mukim 14, SPU	A	54	Bagan Jermal	Swasta
8	2010	SPU	Taman Merbau Jaya	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Lot 1126, 2975, 2977,1290,1572,3040 & 3041, Mukim 11, Merbau, SPU	A	146	Sungai Dua	Swasta
9	2010	SPU	Taman Sg. Dua Utama	PERDA	Lot PT 28 & 29, Mukim 16, SPU	A	266	Sungai Dua	Kerajaan Persekutuan
10	2010	SPU	Taman Penaga Permai	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Lot PT 91-92, 94 - 100, SPT	A	172	Penaga	Swasta
11	2011	SPU	Pangsapuri Suria	Tetuan PJD Eastern Land Sdn. Bhd.	Lot 440,441 & 803, Sek. 4, Bandar Butterworth	A	439	Bagan Dalam	Swasta
12	2011	SPU	Taman Sejahtera Indah	SPNB	Mk. 7, Telok Air Tawar	A	80	Telok Air Tawar	GLC
13	2012	SPU	Bertam Perdana 3 Fasa 13	Tetuan Bertam Properties Sdn. Bhd.	Lot 12423 Mk. 6, Kepala Batas, SPU	A	193	Pinang Tunggal	Swasta
14	2013	SPU	Taman Seri Indah	Tetuan UDA Land Sdn. Bhd.	Lot PT 18, PT 19, MK6 & PT 34 & 108, Mk. 8, Kampung Paya, Kepala Batas	B	34	Sungai Dua	GLC
15	2014	SPU	Bertam Perdana Fasa II	Tetuan Bertam Properties	Lot 12432, MK 6, Kepala Batas	A	120	Pinang Tunggal	Swasta
16	2014	SPU	Bandar Putra Bertam	Tetuan Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd.	10268-10303, 10306-10353, 10355-10574, MK 6, Bertam, Kepala Batas, SPU	A	76	Pinang Tunggal	Swasta
17	2014	SPU	Bandar Putra Bertam	Tetuan Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd.	10268-10303, 10306-10353, 10355-10574, MK 6, Bertam, Kepala Batas	B	304	Pinang Tunggal	Swasta
18	2015	SPU	Taman Bayu Aman	Tetuan Welcome Properties Sdn. Bhd. (Blue Wagon)	Lot 6104, Jln Teluk Air Tawar, Mk 7, SPU	A	149	Telok Air Tawar	Swasta
19	2016	SPU	Desa Ara	Tetuan GDW Mengkuang Sdn. Bhd.	Lot 369, 1217 dan 1218, Mk. 13, SPU	A	172	Permatang Berangan	Swasta

20	2017	SPU	Lampam	Tetuan Bertam Properties	Lot 5013 dan 5014, Mk. 3 dan Lot 12454, Mk. 6, Jalan Paya Keladi, Kepala Batas, SPU	A	132	Pinang Tunggal	Swasta
21	2018	SPU	Patin	Tetuan Bertam Properti	Fasa 2c : Lot 5013 Dan 5014, Mk. 3 Dan Lot 12454 Mk. 6, Jalan Paya Keladi	A	72	Pinang Tunggal	Swasta
22	2018	SPU	Mekarsari	Tetuan Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd. (HUNZA)	Lot 10577 & 812, Mukim 6, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Bertam, Kepala Batas, SPU	A	141	Pinang Tunggal	Swasta
23	2018	SPU	Mekarsari	Tetuan Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd. (HUNZA)	Lot 10577 & 812, Mukim 6, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Bertam, Kepala Batas, SPU	B	141	Pinang Tunggal	Swasta
24	2018	SPU	The Park, Mak Mandin	Tetuan Silver Channel SB	Di Atas Lot PT536 (Lot Lama 10073), Jalan Mak Mandin, Butterworth	C	780	Bagan Jermal	Swasta
25	2018	SPU	Bertam Perdana 2 Fasa 1D-1	Tetuan Bertam Properti	Di atas Lot 13449, Bertam Perdana 2, Fa	A	140	Pinang Tunggal	Swasta
26	2021	SPU	Taman Desa Ara Permai	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Pembangunan Bercampur Di Atas Sebahagian Lot 1762 dan Sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Tok Alang, SPU	A	264	Pinang Tunggal	Swasta
27	2021	SPU	Taman Desa Ara Permai	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Pembangunan Bercampur Di Atas Sebahagian Lot 1762 dan Sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Tok Alang, SPU	C	503	Pinang Tunggal	Swasta
28	2021	SPU	Oren Serdang	Tetuan Magnum Platinum Sdn Bhd	Lot 1121 & 5486, MK.6 SPU	A	120	Bagan Jermal	Swasta
29	2021	SPU	Jiran Residensi	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 88, 1719, 1729 & Tanah Kerajaan Lot 99, Seksyen 4, Butterworth	B	353	Bagan Jermal	Kerajaan Negeri
30	2021	SPU	Jiran Residensi	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 88, 1719, 1729 & Tanah Kerajaan Lot 99, Seksyen 4, Butterworth	C	354	Bagan Jermal	Kerajaan Negeri
31	2021	SPU	Desa Ara	Tetuan GDW Mengkuang Sdn. Bhd.	Lot 369, 1217 dan 1218, Mk. 13, SPU	A	172	Pinang Tunggal	Kerajaan Negeri
32	2021	SPU	Legasi Bertam	Tetuan UDA Land Sdn. Bhd.	Di atas Lot 20017 di Atas 20663 - 20668 & Tanah Kerajaan (Rizab Jalan) Mukim 6, Jalan Seri Serdang	A	80	Permatang Berangan	Kerajaan Negeri
33	2017	SPU	Taman Perda Indah	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot PT711, Jalan Kubang Menerong, Mukim 12, Tasek Gelugor, SPU Pulau Pinang Fasa 2B	B	203	Permatang Berangan	Swasta
34	2017	SPU	Taman Perda Indah	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot PT711, Jalan Kubang Menerong, Mukim 12, Tasek Gelugor, SPU Pulau Pinang Fasa 2B	C	707	Permatang Berangan	Swasta
35	2016	SPU	Taman Perda Indah	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	Taman Perda Indah Kubang Menerong (Sebahagian Lot PT 711), Mukim 12, Jalan Kubang Menerong, SPU	B	200	Pinang Tunggal	Kerajaan Persekutuan
36	2018	SPU	Taman Perda Indah	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Sebahagian Lot 369,1217,1218,1219,1763,1768 dan	C	232	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
37	2020	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Setia Fountaines Sdn Bhd	Lot 1557, 1826, 1829, 2457 dan 2466 Petak A tanah Kerajaan Mukim 6 SPU	A	640	Pinang Tunggal	Swasta
38	2022	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Setia Fountaines Sdn Bhd	Lot 1557, 1826, 1829, 2457 dan 2466 Petak A tanah Kerajaan Mukim 6 SPU	A	2,334	Pinang Tunggal	Swasta
39	2023	SPU	Scientex Fasa 1	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	382	Pinang Tunggal	Swasta
40	2020	SPU	Scientex (Fasa 2)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	180	Pinang Tunggal	Swasta
41	2020	SPU	Scientex (Fasa 3)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	282	Pinang Tunggal	Swasta
42	2020	SPU	Scientex (Fasa 4)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	291	Pinang Tunggal	Swasta
43	2020	SPU	Scientex (Fasa 5)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	203	Pinang Tunggal	Swasta
44	2020	SPU	Scientex (Fasa 6)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	197	Pinang Tunggal	Swasta

45	2020	SPU	Scientex (Fasa 7)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 3262 dan 5688 (Lot baru 21141 dan 211420 Mukim 12, SPU	C	204	Pinang Tunggal	Swasta
46	2019	SPU	Senamas	Tetuan PTL Properties	Lot 5569 hingga lot 5637 dan Tanah Kerajaan (Lot 5665 & Simpanan Jalan Sediada) Sebhg Lot Lama 4378, Mukim 12, SPU	C	338	Pinang Tunggal	Swasta
						Jumlah SPU	13,675		

Seberang Perai Tengah Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2009	SPT	Taman Nagasari	Tetuan Grand Eastern Reality Dev.	Lot 1812 & 1815 Mk 6, Seberang Prai Tengah	A	175	Seberang Jaya	Swasta
2	2009	SPT	Taman Sri Delima	Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	Lot 604 & 606 Mk.13 Seberang Perai Tengah	A	260	Bukit Tengah	Swasta
3	2009	SPT	Taman Bukit Juru	Tetuan Juru Height Sdn. Bhd.	Lot 1202 & 1439, Mk.12, Seberang Perai Tengah	A	120	Bukit Tengah	Swasta
4	2009	SPT	Taman Pauh Jaya	Tetuan UDA Holdings Sdn. Bhd.	Lot PT 1435-1449, Lot 3169, 3170 & 3174, Taman Pauh Jaya, Jalan Baru, Mk. 6, SPT	A	98	Bukit Tengah	GLC
5	2009	SPT	Taman Pauh Fasa 1A	Tetuan UDA Holdings Sdn. Bhd.	Lot PT 1435-1449, Lot 3169, 3170 & 3174, Taman Pauh Jaya, Jalan Baru, Mk. 6, SPT	B	18	Bukit Tengah	GLC
6	2010	SPT	Desa Titi Panjang	Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	Lot 11658, 11659, 11712-11720, 11722-11725, 11727-11734 & 11738, Mk. 14, SPT	A	60	Machang Bubok	Swasta
7	2011	SPT	Taman Guar Perahu Indah	Tetuan Iwara Sdn. Bhd.	Lot 832,831,1378,1379,1380,1381, 1382, Mk.20, SPT	A	59	Penanti	Swasta
8	2011	SPT	Taman Machang Bubuk Fasa III	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	308	Machang Bubok	Swasta
9	2011	SPT	Taman Machang Bubuk Fasa III	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	312	Machang Bubok	Swasta
10	2011	SPT	Taman Machang Bubuk Fasa III	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	22	Machang Bubok	swasta
11	2013	SPT	Desa Impian	Tetuan Asas Dunia Sdn. Bhd.	Lot 1631 & 1632, Mk. 14, SPT	A	69	Machang Bubok	Swasta
12	2014	SPT	Seri Akasia	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Lot 63 & 64, MK 19, Penanti	A	134	Penanti	Swasta
13	2014	SPT	Park View Residences	Tetuan Seraimas Bina Sdn. Bhd.	Lot 2216, MK 12	A	174	Bukit Tengah	Swasta
14	2014	SPT	Rumah Pangsa Tropika	Tetuan GTM Group	Lot 1639, MK 14, Permatang Tinggi, SPT	A	114	Machang Bubok	Swasta
15	2014	SPT	Sanctuary Court	Tetuan Mandarina IJM	Lot 1112, 1113, 1205 & 1207, Mk 15	A	247	Machang Bubok	Swasta
16	2015	SPT	Hillpark Residensi	Tetuan Sunrise Manner Sdn. Bhd.	Di atas lot-1138 dan 1146, Mukim 15, Seberang Perai Tengah	A	96	Machang Bubok	Swasta
17	2016	SPT	Laguna Indah	Tetuan Landmark Strategy Sdn. Bhd.	Lot PT4551, PT4549, PT4552 & PT4553, Jalan Baru, MK 1, SPT	B	256	Perai	Swasta
18	2017	SPT	Taman Lembah Indah	Tetuan Prima Jadi Sdn. Bhd.	Lot Lama PT132, PT133 dan 131, Mk. 14, Simpang Ampat, SPT	A	288	Machang Bubok	Swasta
19	2017	SPT	Taman Desa Prominance	Tetuan Bionic Development Sdn. Bhd.	Lot 9, 32, 1537 dan 6117, Mk. 6, SPT	A	124	Seberang Jaya	Swasta
20	2017	SPT	Permatang Tok Suboh	Tetuan Jabatan Perumahan Negara, KPKT	Mk. 14, Kg Tok Suboh, Bukit Minyak, SPT	A	231	Machang Bubok	Kerajaan Persekutuan
21	2008	SPT	Taman Perwira Indah	Tetuan CMC Premier Planner Sdn. Bhd.	Lot 14726 Mk. 14, Perwira Indah, Bukit Mertajam	A	218	Machang Bubok	Swasta
22	2008	SPT	Pinggiran Alma	Tetuan Rimaland Sdn. Bhd.	Lot 4948 Mk.15, SPT	A	131	Machang Bubok	Swasta
23	2008	SPT	Taman Bukit Juru	Tetuan Juru Height Sdn. Bhd.	Lot 1202 & 1439, Mk.12, Seberang Perai Tengah	A	95	Bukit Tengah	Swasta
24	2008	SPT	Taman Bayu Mutiara	Tetuan Mayang Zaman Sdn. Bhd.	Lot No. 734, 736, 738, 740-748, Mukim 11, Jalan Bukit Tengah, SPT	A	77	Bukit Tengah	Swasta

25	2018	SPT	Pangsapuri Harmoni	Tetuan Sunway Bintang Sdn Bhd	Di Atas Lot 90,95,113,114,115,119,122,133 Dan 138, Seksyen 1, Jalan Muthu Palaniappan, Bukit Mertajam	A	110	Permatang Pasir	Swasta
26	2017	SPT	Permatang Tok Suboh	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.		A	39	Machang Bubok	Kerajaan Negeri
27	2021	SPT	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok C	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	79	Machang Bubok	Swasta
28	2021	SPT	PR1MA @ Permatang Pauh	Tetuan Excel Focus Properties Sdn. Bhd.	Di atas 2162 (Dahulunya Lot 1323), Mukim 4, Jalan Permatang Pauh	C	1017	Seberang Jaya	Swasta
29	2021	SPT	Woodslands	Tetuan PTL Properties Sdn. Bhd.	Di atas Lot-lot 2332, 2409 & 2410, Mk. 10, Jalan Betek	C	186	Padang Lalang	Swasta
30	2021	SPT	Taman Lembah Permai	Tetuan Welcome Devel	Sebahagian Lot 1999 dan 2988, Mukim 1(	A	60	Padang Lalang	Swasta
31	2021	SPT	Taman Nagasari A	Tetuan Grand Eastern Reality Dev.		A	160	Bukit Tengah	Swasta
32	2017	SPT	Macang Bubuk, Mukim 15, SPT.	Tetuan GTM Property Management Sdn.Bhd	Macang Bubuk, Mukim 15, SPT.	A	110	Machang Bubok	Swasta
33	2017	SPT	PPA1M Alma, Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	Tetuan Harta Intan Builders S/B	PPA1M Alma, Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	C	112	Machang Bubok	Swasta
34	2018	SPT	Wakaf Seete Aisha Fasa 2, Seberang Jaya, SPT	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd JV MAINPP	Wakaf Seete Aisha Fasa 2, Seberang Jaya, SPT	C	572	Seberang Jaya	GLC
35	2018	SPT	PPA1M Jalan Lestari, Mukim 6	Tetuan WERN	PPA1M Jalan Lestari, Mukim 6	C	120	Seberang Jaya	Swasta
36	2021	SPT	Di atas Lot 31345, Mukim 14, Seberang Perai Tengah	Tetuan Manda'rina Sdn Bhd	Di atas Lot 31345, Mukim 14, Seberang Perai Tengah	A	95	Machang Bubok	Swasta
37	2017	SPT	D'Palma	Tetuan Grandpalms Dev	Lot 1116,1117,1118,1119 ,1214,1215 dan 1216 Jalan Machang Bubuk Mukim 15	A	270	Machang Bubok	Swasta
38	2021	SPT	Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	Tetuan Sunrise Manner Sdn. Bhd.		A	560	Machang Bubok	Swasta
						Jumlah SPT	7,176		

Seberang Perai Selatan									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2008	SPS	Taman Merpati Indah	Tetuan Inai Emas Sdn. Bhd.	Lot 422, 427, 428, 429 Seberang Perai Selatan	A	58	Sungai Bakap	Swasta
2	2009	SPS	Taman Dato' Kramat	Tetuan Mascot Star Ent Sdn. Bhd.	Lot. 856, Mk9, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	A	63	Sungai Acheh	Swasta
3	2009	SPS	Taman Pancur Mutiara	Tetuan Prima Jadi Sdn. Bhd.	Lot 509, Mukim 7, Seberang Perai Selatan	A	70	Sungai Bakap	Swasta
4	2010	SPS	Taman Jawi Ria	Tetuan Silver Resort Sdn. Bhd.	Lot 453, 2704, 2705, 2706, Mk. 7, SPS	A	36	Sungai Bakap	Swasta
5	2011	SPS	Taman Tekukur Indah	Tetuan Lai Keat Development Sdn. Bhd.	Lot 2604 & 2605, Mk. 11, Nibong Tebal, SPS	A	78	Jawi	Swasta
6	2012	SPS	Taman Sri Bistar	Tetuan Gemilang Budaya	Lot 2559, MK 11, Nibong Tebal	A	112	Jawi	Swasta
7	2012	SPS	Taman Sungai Duri Permai	Tetuan Asas Dunia Sdn. Bhd.	Lot 282, 288, 289, 591, 862, 2525 & 2528, Mk. 5, dan 72, 73, 74,75, 159, 170 & 307, Mk. 6 Seberang Perai	A	224	Sungai Bakap	Swasta
8	2012	SPS	Halaman Seroja	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 832, 831, 1378, 1379, 1380, 1381, MK 20	B	195	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
9	2012	SPS	Taman Sungai Duri Permai	Tetuan Asas Dunia Sdn. Bhd.	Lot 282, 288, 289, 591, 862, 2525 & 2528, Mk. 5, dan 72, 73, 74,75, 159, 170 & 307, Mk. 6 Seberang Perai Selatan	B	114	Sungai Bakap	Swasta

10	2012	SPS	Taman Sungai Duri Permai	Tetuan Asas Dunia Sdn. Bhd.	Lot 282, 288, 289, 591, 862, 2525 & 2528, Mk. 5, dan 72, 73, 74,75, 159, 170 & 307, Mk. 6 Seberang Perai	B	30	Sungai Bakap	Swasta
11	2013	SPS	Taman Seri Saujana	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Lot 5388, Nibong Tebal, Mk. 7	A	40	Sungai Bakap	Swasta
12	2014	SPS	Taman Seri Putera	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Lot 264, MK 9 Permatang Tok Mahat	A	74	Sungai Acheh	Swasta
13	2014	SPS	Taman Perdana	Tetuan Great Marvel Sdn. Bhd.	Lot 20390, Simpang Ampat, MK 14	A	106	Bukit Tambun	Swasta
14	2015	SPS	Taman Sungai Jawi Fasa 1	Tetuan ABT Jaya Holding Sdn. Bhd.	Lot 6482-5500, 5519-5556 & 5567 (Lot Asal 326), Mk. 7, SPS	A	77	Sungai Bakap	Swasta
15	2016	SPS	Taman Pekatra Indah	Tetuan Simcity-Ete Venture Sdn. Bhd.	Di atas Lot PT24 (Lot Lama 1054), Jalan Simpang Empat Tasek, Mk. 15, DSPS	A	55	Sungai Bakap	Swasta
16	2016	SPS	Seri Saujana Fasa 1K	Tetuan JKP Sdn Bhd	Lot 5388, Mukim 7, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	A	44	Sungai Bakap	Swasta
17	2018	SPS	Taman Halaman Indah	Tetuan UDI Properties Sdn Bhd	Lot-Lot 200, 448 Dan 449, Mukim 6, Jawi, Seberang Perai Selatan	A	211	Sungai Bakap	Swasta
18	2018	SPS	Taman Halaman Indah	Tetuan UDI Properties Sdn Bhd	Lot-Lot 200, 448 Dan 449, Mukim 6, Jawi, Seberang Perai Selatan	B	249	Sungai Bakap	Swasta
19	2018	SPS	Suria	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot 282 (Sebahagian Lot Lama 274), Batu Kawan, Mk. 13, Sps	B	149	Bukit Tambun	Kerajaan Negeri
20	2018	SPS	Suria	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot 282 (Sebahagian Lot Lama 274), Batu Kawan, Mk. 13, Sps	C	371	Bukit Tambun	Kerajaan Negeri
21	2017	SPS	Taman Sungai Jawi	Tetuan ABT Jaya Holdings Sdn. Bhd.	Lot 326, Mukim 7, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	A	61	Jawi	Swasta
22	2017	SPS	Taman Sungai Bakap Perdana	PERDA	Lot P.T 270, Mukim 5, Jalan Selamat, Sungai Bakap, Daerah Seberang Perai Selatan	A	72	Sungai Bakap	Kerajaan Persekutuan
23	2018	SPS	Panchor Residence	Tetuan Panchor Reside	Lot PT873 hingga PT 1088 (Lot lama 542	B	85	Sungai Bakap	Swasta
24	2021	SPS	Kepala Gajah	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.		A	41	Sungai Bakap	Swasta
25	2017	SPS	Bandar Tasik Mutiara	Tetuan Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 21482 (Lot Lama No. 8747), Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15.	A	279	Sungai Bakap	Swasta
26	2021	SPS	Bandar Tasik Mutiara B	Tetuan Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 2473 , Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15,	A	391	Sungai Bakap	Swasta
27	2021	SPS	Bandar Tasik Mutiara C	Tetuan Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 2494(Lot Lama No. 8747), Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15	A	391	Sungai Bakap	Swasta
						Jumlah SPS	3,676		
						JUMLAH	61,171		

DAERAH	RMKU		
	A	B	C
DTL	979	11,817	9,496
DBD	6,873	1,444	6,035
SPU	7,787	1,235	4,653
SPT	4,895	274	2,007
SPS	2,483	822	371
JUMLAH	23,017	15,592	22,562
	61,171		

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

18. Huraikan Agenda Pembangunan Islam Penang 2030.

    (a) Perincikan pelaksanaan Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia 2.0.

    (b) Huraikan kemajuan pembinaan Masjid Sungai Bakap dan kos tanggungan Kerajaan Negeri.

    (c) Jelaskan status pembinaan masjid baru di Zon 1, Bandar Cassia.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri telah menjenamakan semula Gagasan Khaira Ummah kepada Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI 2030) seiring dengan Visi Penang2030 bagi memperkasakan pembangunan ummah melalui lima (5) teras utama, iaitu Pembangunan Sosioekonomi, Pembangunan Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Pembangunan Anak Muda dan Pembangunan Dakwah & Tarbiah dengan 14 Strategi dan 70 Pelan Tindakan. Hal ini menggambarkan iltizam Kerajaan Negeri di bawah Exco Agama dan berperanan untuk mengangkat kembali kemuliaan dan kehebatan ajaran serta didikan Rasulullah SAW.

Agenda Pembangunan Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2030 (APAI 2030) memberi penekanan kepada lima (5) teras berikut:

(i) Pembangunan Sosioekonomi iaitu menjadikan umat Islam sebagai penyumbang utama dalam sektor ekonomi negeri Pulau Pinang;

(ii) Pembangunan Pendidikan iaitu mengembalikan peranan Pulau Pinang sebagai pusat pengembangan ilmu Islam serantau;

(iii) Pembangunan Keluarga iaitu pembentukan keluarga Muslim di Pulau Pinang berteraskan keluarga inspirasi negara;

(iv) Pembangunan Anak Muda iaitu melahirkan generasi anak muda Islam yang kompeten serta memiliki upaya dan wibawa di Pulau Pinang; dan

(v) Pembangunan Dakwah dan Tarbiah iaitu pemerkasaan masjid-masjid sekitar Pulau Pinang sebagai pusat pembangunan komuniti Muslim.

(a) Pelaksanaan Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia 2.0 (ISPHM 2.0) oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah dirangka dengan beberapa langkah strategik bagi menyuntik kecekapan dan ketelusan dalam proses pensijilan halal. Teras utama inisiatif ini ialah pemendekan tempoh pemprosesan permohonan domestik kepada hanya 30 hari bekerja dan mempercepatkan permohonan antarabangsa. Bagi memastikan kelancaran proses ini JAKIM telah menambah bilangan juruaudit halal bagi membolehkan jumlah permohonan yang meningkat dikendalikan dengan lebih efisien.

Selain itu, pendigitalan menjadi aspek penting dalam pelaksanaan ISPHM 2.0. Berkaitannya, pihak JAKIM telah melancarkan sistem dalam talian iaitu MyHALALINGREDIENTS untuk memudahkan pendaftaran dan penilaian bahan mentah. Sistem baharu ini diintegrasikan dengan platform sedia ada iaitu MYeHALAL dalam mengurangkan penghantaran

dokumen fizikal secara berulang. Mulai 5 Mei 2025, semua permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) diproses secara digital sepenuhnya dan pemohon akan menerima sijil digital melalui sistem MYeHALAL. Di samping itu, pihak JAKIM juga telah menyusun semula prosedur permohonan bagi memastikan ekosistem pensijilan halal yang lebih cekap dan berkesan. Pelaksanaan ISPHM 2.0 juga membolehkan kelulusan segera dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari bagi kategori-kategori tertentu seperti produk yang berada dalam senarai putih (*whitelist*) dan yang tidak kritikal. Hal ini merupakan satu langkah proaktif untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha mendapatkan pensijilan halal.

(b) Projek Pembinaan Masjid dan Sekolah Agama Rakyat Sungai Bakap ini dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan makluman pihak ICU Pulau Pinang, kemajuan semasa yang dilaporkan pada 20 Oktober 2025 adalah seperti berikut:

(i) Peratus Sebenar: 27.02%
(ii) Peratus Jadual: 26.21%
(iii) Peratus Perbezaan: 0.81%
(iv) Hari: 6 hari (awal)

Pecahan peruntukan bagi projek tersebut adalah seperti berikut:

(i) Kerajaan Persekutuan: RM9,000,000.00
(ii) Kerajaan Negeri: RM6,000,000.00
(iii) Pihak Kariah: RM2,000,000.00

(c) Berdasarkan rekod Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), cadangan Membina Baharu Masjid Bandaraya, Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang pada masa ini adalah di peringkat kerja-kerja awalan dimana kerja-kerja siasatan tanah dan kerja-kerja ukur sedang dilaksanakan di tapak dan dijangka siap pada Disember 2025. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang sebagai agensi pelaksana pada masa ini sedang dalam proses untuk melantik perunding

arkitek bagi menyediakan konsep reka bentuk bagi masjid bandaraya tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

19. Huraikan pencapaian hasil sebenar terkini berbanding anggaran hasil tahun 2025.

    (a) Huraikan hasil luar jangkaan diperolehi pada tahun 2025 sekiranya ada.

    (b) Huraikan tunggakan cukai yang berjaya dikutip balik.

    (c) Selepas diskaun diberi, nyatakan anggaran hasil cukai tahun 2026 dan 2027.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. Jumlah kutipan sebenar hasil negeri bagi tahun 2025 (Sehingga 12 November 2025, jam 12.02 tengah hari) berjumlah RM916,296,996.44 (101.07%) berbanding anggaran hasil berjumlah RM906,595,776.00.

    (a) Berdasarkan prestasi kutipan hasil negeri setakat 12 November 2025, terdapat beberapa komponen hasil yang menunjukkan pencapaian melebihi 100% daripada anggaran asal tahun 2025, sekali gus boleh dikategorikan sebagai hasil luar jangkaan.

    Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan langkah penambahbaikan kutipan hasil oleh jabatan dan agensi negeri,

termasuk semakan kadar fi tertentu, penguatkuasaan tunggakan hasil serta penggunaan sistem e-pembayaran yang lebih meluas. Perincian hasil yang menunjukkan kutipan melebihi 100% adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Berdasarkan rekod sehingga 31 Oktober 2025, tunggakan cukai yang berjaya dikutip balik berjumlah RM6,385,820.37. Perincian adalah seperti jadual berikut:

	JANUARI 2025 (RM)	OKTOBER 2025 (RM)	TUNGGAKAN CUKAI YANG BERJAYA DIKUTIP (RM)
Baki Tunggakan Cukai Tanah	27,451,566.63	23,518,052.33	3,933,514.30
Baki Tunggakan Cukai Petak	13,936,739.41	11,484,433.34	2,452,306.07
JUMLAH	**41,388,306.04**	**35,002,485.67**	**6,385,820.37**

(c) Anggaran kutipan hasil cukai (tanah sahaja) bagi tahun 2026 adalah seperti berikut:

(i) PDTSPU : RM50 juta
(ii) PDTSPT : RM50 juta
(iii) PDTSPS : RM30 juta
(iv) PDTDTL : RM55 juta
(v) PDTDBD : RM25 juta

LAMPIRAN A

Kod Hasil	Perincian	Anggaran Hasil Tahun 2025 (RM)	Hasil Sebenar Tahun 2025 (RM)	Kenaikan (pencapaian >100% daripada unjuran sehingga 12/11/25)
71212	**Lesen Hiburan Billiard** (Peningkatan disebabkan oleh peningkatan permohonan pusat hiburan biliard yang direkodkan sehingga Oktober 2025)	15,000.00	31,711.40	211.41%
71199	**Bayaran Pendaftaran Yang Lain** (Peningkatan bayaran pendaftaran lain disebabkan oleh penggunaan Surat Kuasa Wakil dalam urusan urusniaga selain daripada berdasarkan bayaran permohonan memfailkan suratan dan pembatalan atau pendaftaran di atas hakmilik)	391,830.00	2,519,720.00	643.06 %
73301	**Jualan Harta Benda** (Penjualan beberapa aset alih kenderaan PSUKPP)	4,475.00	147,695.40	3,300.46%
73306	**Jualan Rumah Awam Kos Rendah** (Hasil jualan unit RKR kerajaan negeri : projek penswastaan Ampang Jajar, penswastaan ~~Sri Saujana~~	10.00	700,800.00	7,008,000.00%

	Sri saujana Gat Lebuh Macallum)			
73603	**Bayaran Khas Tanah** (Pada tahun 2025, kenaikan ketara adalah disebabkan oleh pembayaran daripada pihak PDC. Hasil sebenar ini adalah bergantung sepenuhnya kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Pembayaran akan dilaksanakan sekiranya pemohon bersetuju meneruskan permohonan yang diluluskan serta kadar fi yang ditetapkan oleh PBN dan kadar diskaun atau nominal jika ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, permohonan kebenaran menggunakan tanah kerajaan dalam sesuatu tempoh bagi membina Tapak Rekreasi dan Landskap juga turut menyumbang kepada peningkatan hasil)	8,600,000.00	53,072,340.64	617.12%
73604	**Premium Tanah – Tukar Syarat** (Peningkatan kelulusan permohonan di bawah Seksyen 204D (KTN) serah dan berimilik semula dan peningkatan kelulusan permohonan di bawah	12,500,000.00	69,074,504.80	552.60%

	Seksyen 124 (KTN) tukar syarat kategori tanah)			
73802	**Jualan Barang-Barang Haiwan** (Peningkatan hasil jualan produk pengawalan pencemaran di ladang termasuk kaedah UM, EM dan MUDBALL)	5000.00	20,463.00	409.26%
76199	**Denda dan Hukuman Yang Lain** (Berdasarkan bayaran denda lewat yang dikenakan ke atas permohonan pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara, bayaran Pembatalan Pelucuthakan Tanah dan bayaran denda kutipan lewat hakmilik / dokumen pendaftaran)	456,000.00	1,751,916.86	384.19%
81101	**Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu** (Termasuk bayaran balik emolumen pegawai yang bertukar berjumlah RM17,791.57 dan terimaan bayaran balik bayaran *ex-gratia* kepada nelayan daripada PDTBD berjumlah RM895,180.00)	103,745.00	1,426,836.37	1,375.33%

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

20. Huraikan perbezaan antara Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 dan kelulusan Perlingkungan Semula dengan RSNPP2030.

    (a) Apakah status Draf Rancangan Tempatan MBPP 2035?

    (b) Huraikan Draf Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera 2020 (Penggantian).

    (c) Nyatakan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP2030) adalah satu Draf Rancangan Pemajuan yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan kini dalam peringkat akhir untuk diwartakan. Dalam DRTSP2030 tersebut ada dicadangkan pengezonan setiap lot di dalam kawasan kajian. Pengezonan tersebut akan dijadikan rujukan oleh pihak MBSP semasa pertimbangan sesuatu permohonan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 22(2)(b), Akta Perancangan Bandar dan Desa [AKTA 172] selagi mana ia tidak bercanggah dengan RSNPP2030 yang telah diwartakan.

    Kelulusan perlingkungan semula pula adalah pindaan terhadap pengezonan yang dicadangkan di dalam DRTSP2030 yang

akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) mengikut *case by case basis*. Walau bagaimanapun, perubahan guna tanah dari semasa ke semasa turut dipertimbangkan oleh keperluan dan permintaan pembangunan semasa. Berdasarkan maklumat daripada pihak Jabatan Perancang Bandar, MBSP sehingga Ogos 2025 sebanyak 787.14 ekar kawasan telah mengalami proses perlingkungan semula. Semua permohonan perlingkungan semula yang diluluskan akan diselaraskan semula di dalam pelan cadangan guna tanah DRTSP2030 sebelum ia dibentangkan kepada JPN untuk kelulusan dan seterusnya dibawa ke Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk pewartaan.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) pula merupakan Rancangan Pemajuan yang telah diwartakan oleh PBN pada 24 Oktober 2019 dan diguna pakai bagi tujuan penentuan hala tuju pembangunan di seluruh Pulau Pinang. RSNPP2030 yang telah diwartakan, dizonkan semula dan diluluskan di peringkat JPN akan diselaraskan dengan pengezonan DRTSP2030 yang kini dalam penyediaan.

(a) Merujuk kepada Manual Rancangan Tempatan Edisi 2022 yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia@Pulau Pinang, proses penyediaan Rancangan Tempatan (RT) melibatkan empat (4) peringkat **utama** seperti berikut:

(i) Peringkat 1: Peringkat Mobilisasi;

(ii) Peringkat 2: Penyediaan Draf RT;

(iii) Peringkat 3: Publisiti dan Penyertaan Awam; dan

(iv) Peringkat 4: Pewartaan dan Pembatalan.

Status terkini bagi Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035 (DRTMBPP2035) kini berada pada Peringkat 2 iaitu Peringkat Penyediaan Laporan Draf Awal. Dalam peringkat ini terdapat empat (4) laporan utama yang perlu disediakan seperti berikut:

(i) Laporan Pendekatan Kajian (LPK);

(ii) Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP);

(iii) Laporan Draf Awal RT; dan

(iv) Laporan Draf Akhir RT.

Peringkat ini merupakan fasa penting dalam proses penyediaan rancangan tempatan bagi memastikan setiap cadangan pembangunan yang dikemukakan adalah selaras dengan dasar dan hala tuju pembangunan semasa negeri, serta berdaya laksana dalam konteks kawasan pentadbiran MBPP.

Pada tahap ini, penilaian sedang dijalankan terhadap pelbagai aspek termasuk guna tanah, rangkaian pengangkutan, kemudahan awam dan pemeliharaan alam sekitar. Penilaian ini bertujuan untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kelestarian bandar dapat dicapai.

Hasil daripada penyediaan laporan ini akan menjadi asas kepada DRTMBPP2035 sebelum melalui Peringkat Publisiti Awam dan seterusnya kelulusan oleh pihak berkuasa negeri.

(b) Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera (RKKBB) 2020-2030 (Penggantian) ini ialah rancangan untuk menggantikan Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera yang telah diwartakan pada 1 September 2016 dan Bukit Bendera *Local Plan* (BBLP), *Municipal Penang Island* yang diwartakan pada 15 April 1999.

Tujuan RKKBB 2020-2030 (Penggantian) ini disediakan adalah untuk memajukan, memajukan semula, memelihara dan memulihara kawasan Bukit Bendera. Kandungannya merangkumi pelan induk, pelan pengurusan risiko bencana, zon pembangunan, kelas guna tanah, garis panduan dan pelan pengurusan. Antara keperluan penyediaan RKKBB 2020–2030 (Penggantian) adalah seperti berikut:

(i) Memanfaatkan produk pelancongan selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menjadikan Bukit Bendera sebagai rizab biosfera di bawah Program *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) *Man and The Biosphere*

(MAB) dan memperkasa industri pelancongan sebagai penggerak ekonomi negeri;

(ii) Memulihara dan memelihara bangunan warisan dan bersejarah di kawasan Bukit Bendera sebagai satu potensi pelancongan;

(iii) Menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan berasaskan hijau dan warisan serta mengambil kira daya tampung bagi menjaga kesejahteraan kawasan kajian; dan

(iv) Penyediaan pelan tindakan terperinci serta pelaksanaan projek jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta pelan pengurusan.

RKKBB2020-2030 (Penggantian) ini juga merupakan panduan dan hala tuju perancangan di Bukit Bendera seiring dengan pembangunan yang mampan. Selain itu, pengurusan dan pelaksanaan pembangunan kawasan Bukit Bendera ini telah diperincikan mengikut bidang tugas agensi yang terlibat bagi memastikan pembangunan di sekitarnya dapat mematuhi Rancangan Kawasan Khas ke arah pengekalan dan penambahbaikan terhadap ekologi semasa.

Strategi pembangunan Bukit Bendera ini bukan sahaja bergantung kepada pihak agensi yang terlibat malah orang awam, terutamanya penduduk tempatan dan ahli akademik supaya dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pembangunan Bukit Bendera yang berdaya laksana dan tidak mengabaikan pembangunan yang mampan. RKKBB2020-2030 (Penggantian) ini disediakan di dalam dua (2) jilid iaitu:

(i) JILID 1 : Hala Tuju Strategik dan Tindakan, yang memaparkan hala tuju perancangan dan pembangunan Bukit Bendera; dan

2	AA PRODUCTS SDN. BHD.
3	ABITRADE SDN. BHD.
4	ACTIVE CHAMBER SDN. BHD.
5	AIMS MOTION TECHNOLOGY SDN. BHD.
6	AROMACOM SDN. BHD.
7	ASCENDO LIGHTING (M) SDN. BHD.
8	ASIA NUTRI-CHEMICAL (M) SDN. BHD.
9	ATOTECH (MALAYSIA) SDN. BHD.
10	ATTRACTIVE VENTURE SDN. BHD.
11	AVIATRON (M) SDN. BHD.
12	BBS AUTOMATION PENANG SDN. BHD.
13	BIOXIS HOLDINGS SDN. BHD.
14	BOSSARD (M) SDN. BHD.
15	BUTTERFIELD (M) SDN. BHD.
16	CCB MEDICAL DEVICES SDN. BHD.
17	CHEMLITE INDUSTRIES SDN. BHD.
18	COMET TECHNOLOGIES MALAYSIA SDN. BHD.
19	DAEMA MARKETING SDN. BHD.
20	DAEWOO ELECTRONICS SALES & SERVICES (M) SDN. BHD.
21	DALE INNOVATION SDN. BHD.
22	DAVISCOMMS (MALAYSIA) SDN. BHD.
23	DORKIE INDUSTRIES SDN. BHD.
24	DYNAPHARM SDN. BHD.
25	EASY PACK MACHINERY SDN. BHD.
26	EDM HOLDINGS SDN. BHD.
27	ENIHCAM TECHNOLOGY SDN. BHD.
28	ENZA ZADEN ASIA HOLDING SDN. BHD.
29	EQX MATERIALS SDN. BHD.
30	EVERBEST SOYA BEAN PRODUCTS SDN. BHD.
31	IIA MALAYSIA SDN. BHD.
32	GOUDEN SDN. BHD.
33	GRAND VENTURE TECHNOLOGY SDN. BHD.
34	H&T INDUSTRIES (PG) SDN. BHD.
35	IBIDEN ELECTRONICS (M) SDN. BHD.
36	IDEALON SDN. BHD.
37	INSTANT MANUFACTURE SDN. BHD.
38	JEENHUAT FOODSTUFFS INDUSTRIES SDN. BHD.
39	KALTECH SDN. BHD.
40	KH INDUSTRIAL SUPPLIERS (M) SDN BHD
41	K-TOOL ENGINEERING SDN. BHD.
42	LEVERAGE BUSINESS SDN. BHD.
43	LIFECARE MEDICAL DEVICES SDN. BHD.
44	MANDARIN EQUITY SDN. BHD.
45	MEHOW MEDICAL (M) SDN. BHD.
46	METAL SURFACE PROGRESS SDN. BHD.
47	MGE ENGINEERING SDN. BHD.
48	NIPPON HITECH MALAYSIA SDN. BHD.

SENARAI KILANG DI KAWASAN PENANG SCIENCE PARK (PSP)

BIL.	NAMA SYARIKAT
49	NOLEK SDN. BHD.
50	ORIENTAL FASTECH MANUFACTURING SDN. BHD.
51	OST INTEGRATION SDN. BHD.
52	PANFAST MARKETING (M) SDN. BHD.
53	PARAMIT MALAYSIA SDN. BHD.
54	PCF FOOD SOLUTION SDN. BHD.
55	PRODELCON SDN. BHD.
56	PTS INDUSTRIES SDN. BHD.
57	SCANDINAVIAN IBS SDN. BHD.
58	SFP TECHNOLOGY SDN. BHD.
59	STAR ELECTRONICS SALES & SERVICES SDN. BHD.
60	SWISS CONFISERIE SDN. BHD.
61	TAIPOLY TECHNOLOGY SDN. BHD.
62	Q-PLAS SDN. BHD.
63	TEONG HUAT MEDICAL SDN. BHD.
64	TEST ENGINEERING SOLUTION SDN. BHD.
65	TIAN SENG HANG TRADING COMPANY SDN. BHD.
66	TS SOLARTECH SDN. BHD.
67	VC ORIENT SDN. BHD.
68	VIGILENZ MEDICAL DEVICES SDN. BHD.
69	VITAL PRIORITY SDN. BHD.
70	WIN MEN BIOTECH SDN. BHD.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(V)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK

28. Senaraikan kelulusan perlingkungan semula di Seberang Perai bagi tahun 2024 dan 2025.

    (a) Senaraikan kelulusan PKM dan Pelan Bangunan di MBSP bagi tahun 2025.

    (b) Huraikan pencapaian pelaksanaan SPEED.

    (c) Senaraikan projek yang mendapat CCC sepanjang 2025 dan nyatakan jumlah harta baru yang dikenakan cukai taksiran mulai 2025.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Senarai kelulusan perlingkungan semula (*rezoning*) di Seberang Perai bagi tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Senarai kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

    (b) Sehingga 26 Oktober 2025, permohonan yang telah didaftarkan di bawah inisiatif *Strategic Planning and Express Development Environment* (SPEED) adalah sebanyak 30 buah projek merangkumi projek industri dan skim perumahan (*pilot project*). Daripada jumlah tersebut, tiga (3) buah projek kilang industri telah memperoleh Sijil

Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dalam tempoh 15 bulan sehingga 22 bulan.

Penjimatan masa yang dicatat sebelum pembinaan (peringkat kelulusan) sehingga selesai pembinaan (peringkat CCC dan lesen) adalah sebanyak 60%. Manakala, penjimatan kos oleh pemaju yang tercatat untuk tiga (3) buah projek yang telah mencapai CCC dianggarkan antara 6% sehingga 10% (bergantung kepada tempoh siap).

Keseluruhan *Foreign Direct Investment and Domestic Direct Investment* (FDI/DDI) sebanyak RM30.609 bilion (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Bilion Enam Ratus Sembilan Juta Sahaja) yang dicatat di bawah inisiatif SPEED dilihat dapat menjana anggaran kutipan cukai taksiran sebanyak RM20.61 juta (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Enam Puluh Satu Ribu Sahaja) kepada MBSP dan lebih 2,000 peluang pekerjaan di kilang industri dapat diwujudkan.

Inisiatif SPEED telah memperoleh Anugerah '*Silver Award*' untuk Program *Malaysia Institute of Planners, Planning Excellence Awards* (MIPPEA) 2024, Naib Johan Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (AIKNPP) 2024, Johan *Business Process Improvement* 2024 MBSP dan yang terkini adalah penganugerahan *Malaysian Book of Records* 2025 untuk '*The Fastest Local Authority Approval For Development Plan Appplication*' (22 hari).

Pencapaian dan kejayaan projek SPEED MBSP adalah bergantung kepada komitmen tinggi semua pihak terutamanya pemohon/pelabur dalam mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan, menjelaskan semua bayaran/sumbangan dan tidak meminda pelan-pelan yang dikemukakan selepas proses prarundingan dibuat dan selepas kelulusan diberikan.

Prosedur SPEED ini akan ditambah baik dengan mengintegrasikan elemen kecerdasan buatan (*artificial intelligence* - AI) dalam proses kerja dan membenarkan pemasangan mesin/jentera serta lesen perniagaan

bertempoh dalam peringkat pembinaan. Penambahbaikan ini akan memperincikan prosedur sedia ada dan memberi nilai tambah kepada pelaksanaan SPEED di MBSP. Keseluruhan prosedur ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2026 dengan mengambil kira pandangan daripada semua pihak termasuk agensi pelaburan, jabatan teknikal dan badan profesional.

(c) Senarai projek yang telah memperoleh CCC sepanjang tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN C**. Jumlah harta baharu yang dikenakan cukai taksiran mulai tahun 2025 adalah sebanyak 13,546 unit dengan jumlah cukai sebanyak RM8,068,748.70 (Ringgit Malaysia Lapan Juta Enam Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Lapan Dan Tujuh Puluh Sen Sahaja).

***Sila Imbas Kod QR untuk LAMPIRAN A,B dan C**

LAMPIRAN A



LAMPIRAN B



LAMPIRAN C



MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

1. Jelaskan statistik kes buli yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.

   (a) Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani peningkatan kes buli?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Data statistik kes buli di Pulau Pinang oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dari tahun 2020 hingga Oktober 2025 adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Bilangan Murid Kes Buli
2020	Tiada Rekod. Pelaksanaan PdPR semasa pandemik COVID-19
2021	55
2022	67
2023	289
2024	709
2025	313

Secara keseluruhan, kes buli di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan ketara antara tahun 2021 hingga 2024, sebelum mencatatkan penurunan pada tahun 2025.

Ketiadaan rekod pada tahun 2020 adalah disebabkan pelaksanaan PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah) sepanjang tempoh pandemik COVID-19, yang menyebabkan interaksi fizikal antara pelajar sangat terhad. Peningkatan mula dikesan pada tahun 2021 dan 2022 apabila sekolah kembali beroperasi secara fizikal dan aktiviti sosial pelajar meningkat.

Lonjakan tertinggi direkodkan pada tahun 2024 dengan 709 kes, yang dikaitkan dengan beberapa faktor utama seperti peningkatan kesedaran pelajar terhadap isu buli, sistem pelaporan yang lebih mudah diakses melalui platform digital seperti e-Aduan Disiplin, serta tindakan tegas oleh pihak sekolah dalam merekod dan melaporkan setiap insiden buli.

Namun demikian, penurunan bilangan kes pada tahun 2025 (sehingga Oktober) menunjukkan bahawa langkah-langkah pencegahan dan intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui JPNPP mula menunjukkan keberkesanan, hasil pelaksanaan pelbagai program kesedaran, pendidikan emosi, serta pengukuhan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

(a) JPNPP selaras dengan dasar dan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai langkah strategik untuk membendung dan menangani kes buli. Antara langkah yang diambil ialah:

(i) Pemantauan dan Audit Asrama "Terjah Asrama"

Pemantauan dan Audit Asrama dilaksanakan secara aktif melalui Program "Terjah Asrama" di semua sekolah berasrama di Pulau Pinang, dijalankan bersama oleh JPNPP dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Program ini melibatkan pemeriksaan mengejut (spot check) untuk menilai tahap keselamatan, kebajikan, disiplin dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan asrama. Langkah proaktif ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti warden serta mendidik murid tentang kepentingan membudayakan asrama selamat dan beradab.

(ii) Penambahbaikan Saluran Aduan

Bagi memastikan ketelusan dan akses mudah kepada pelaporan, pelbagai saluran aduan buli telah ditambah baik. Saluran pelaporan yang disediakan termasuklah SISPAA KPM (melalui pautanhttps://moe.spab.gov.my/), Hotline KPM (03-8884 9325), WhatsApp AduBuli (014-800 9325), emel (adubuli@moe.gov.my) dan peti aduan sedia ada di setiap institusi pendidikan. Semua aduan yang diterima akan dipantau rapi oleh pegawai dari KPM, JPNPP, dan PPD bagi mengelakkan sebarang penyembunyian atau manipulasi laporan yang diterima.

(iii) Kolaborasi dengan Agensi Penguatkuasa

JPNPP bertindak melaporkan setiap kes buli yang mempunyai elemen jenayah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan siasatan yang profesional dan bebas dapat dijalankan. Pihak Sekolah dan JPNPP bekerjasama rapat dengan PDRM serta agensi-agensi lain yang berkaitan sepanjang proses siasatan, kaunseling dan intervensi.

(iv) Program Intervensi Sahsiah dan Pendidikan Pencegahan

Program ini merangkumi pelaksanaan Program Sahsiah Terpuji, penggunaan modul sahsiah, dan kempen "Kami Benci Buli" di bawah Unit Hal Ehwal Murid (HEM) di sekolah bertujuan untuk memupuk nilai empati, hormat dan disiplin dalam kalangan murid. Selain itu, kaunselor sekolah turut terlibat secara aktif melalui sesi bimbingan, intervensi kumpulan dan kempen kesedaran.

(v) Latihan dan Pemerkasaan Warden Asrama

Dalam memastikan pengurusan asrama yang cekap, nisbah dan standard warden ditetapkan mengikut kadar KPM. Semua warden yang terdiri daripada guru diwajibkan untuk menghadiri kursus dan taklimat berkala yang berkaitan dengan pengurusan asrama, tatacara

siasatan kes buli, dan tanggungjawab pemantauan.

(vi) Pemasangan dan Penggunaan Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Sebagai langkah pencegahan tambahan dan untuk memantau keselamatan penghuni, pihak KPM telah memperluas pemasangan dan penggunaan CCTV di sekolah berasrama di Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) juga telah melaksanakan kempen *Penang Goes Orange (PGO)* pada tahun 2023 bertemakan *Kindness4wellness: Stop Bullying* yang memberi tumpuan kepada usaha untuk menghentikan buli di sekolah. Kempen ini berjaya menarik penyertaan seramai 3,000 orang peserta sebagai tanda solidariti menentang buli. Penganjuran kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap isu buli secara fizikal mahupun di alam siber serta memupuk persekitaran yang selamat, dan harmoni dalam kalangan masyarakat di Negeri Pulau Pinang. PWDC juga telah bekerjasama dengan PDRM dan JPNPP untuk memberi taklimat kesedaran berkaitan isu buli kepada murid-murid sekolah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

2. Nyatakan unit-unit kedai di Komtar yang dimiliki oleh PDC dan perincikan unit mana yang disewa dan unit masih kosong.

   (a) Apakah langkah yang diambil oleh PDC untuk sewakan semua unit yang kosong?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Sehingga Oktober 2025, terdapat sebanyak 204 unit milikan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Komtar dan sebanyak 125 unit telah disewakan, manakala sebanyak 79 unit masih kosong.

   (a) Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh PDC bagi mempromosikan unit yang kosong:

      (i) Menganjurkan program-program promosi seperti Hari Bersama Pelanggan 1.0 pada 17 Januari 2024, Ekspo Hartanah pada 20 Jun 2025, Hari Bersama Pelanggan pada 18 September 2025 dan Karnival Usahawan SPH dan Hari Terbuka PDC pada 4 Oktober 2025;

      (ii) Bekerjasama dan berkolaborasi dengan agensi dan pihak luar. Pihak PDC turut serta di dalam Program Madani Zon Utara pada 3 hingga 5 Mei 2024, Hari Bersama KADUN Jawi pada 9 Jun 2024, Ekspo Rumah Mampu Milik dan Hartanah pada 20 hingga 21 Julai 2024, Program Penang2030 pada 21 dan 22

September 2024 dan Pesta Pulau Pinang 2024 dan 2025. Selain itu, pihak PDC juga turut menyertai Program Larian MAPPA XX -Zon Wilayah Utara-Anjuran Institut Tadbiran Awam Negara Cawangan Utara (INTURA) pada 28 Jun 2025 dan *The Powergrid, Entrepreneurs, Property & Financial Intelligence-Anjuran Global Synergy Consult* pada 22 Ogos 2025;

(iii) Hebahan melalui media sosial rasmi PDC iaitu Facebook dan laman sesawang, papan LED di premis PDC dan Komtar, portal Mudah.my dan Buletin Mutiara;

(iv) Menambah daya tarikan premis di Komtar melalui inisiatif pembersihan PDC. Pada tahun 2024, PDC telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan melibatkan sebanyak 15 unit di Aras 1, 2 dan 3 bangunan Komtar. Inisiatif ini dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menarik lebih ramai penyewa. Jumlah kos yang terlibat bagi pelaksanaan kerja-kerja pembersihan tersebut adalah sebanyak RM3,900.00; dan

(v) Hebahan kepada agen hartanah dan usahawan di Pulau Pinang setiap suku tahun berhubung status terkini jumlah unit kosong di Komtar.

Sebagai makluman, harga sewaan bagi setiap unit adalah berdasarkan nilaian semasa yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Walau bagaimanapun, penentuan harga sewaan juga tertakluk kepada pertimbangan mengikut kes berdasarkan justifikasi tertentu yang diberikan. PDC juga bersedia untuk menimbang dan memberikan diskaun sewaan yang bersesuaian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

3. Apakah status projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)?

   (a) Apakah status pemasangan sistem bagi penggunaan kod respons pantas (QR) di LTAPP?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Status semasa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa mengikut pakej kerja adalah seperti berikut:

   (i) Pakej Kerja 01 iaitu pembinaan bangunan sokongan dengan progres terkini sebanyak 78%;

   (ii) Pakej Kerja 02 iaitu kerja-kerja pelebaran apron parkir pesawat dan *taxiway* dengan progress terkini adalah sebanyak 30%; dan

   (iii) Pakej Kerja 03 merangkumi pembesaran terminal utama dan infrastruktur dalaman di mana pakej kerja ini masih dalam fasa rekabentuk (Design Stage).

   Pada masa ini, LTAPP beroperasi dengan kapasiti 6.5 juta penumpang setahun (million passenger per annum - mppa). Melalui projek pembesaran ini, kapasiti LTAPP akan ditingkatkan kepada 12 juta mppa bagi menampung pertumbuhan trafik penumpang masa hadapan.

(a) Pelaksanaan projek pemasangan sistem bagi penggunaan kod respons pantas (QR) ini akan dilaksanakan dalam dua (2) fasa di kawasan Pelepasan dan Ketibaan antarabangsa seperti berikut:

(i) Fasa Pertama melibatkan penggantian kaunter *Autogate* sedia ada dengan kaunter baharu, dengan mengekalkan jumlah enam (6) unit *Autogate* di setiap kawasan (pelepasan dan ketibaan). Fasa ini dijangka siap pada penghujung Disember 2025; dan

(ii) Fasa Kedua pula dijadualkan bermula pada Suku Pertama 2026, yang akan memperluaskan penggunaan sistem baharu ini bagi menampung pertambahan penumpang antarabangsa secara lebih efisien.

Selain itu, pihak MAHB telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dengan melaksanakan Projek National Integrated Immigration System (NiiSE) yang melibatkan naik taraf sistem *Autogate* sedia ada kepada sistem baharu yang boleh digunakan oleh warganegara dari 63 buah negara, termasuk tambahan tujuh (7) negara ASEAN dan warganegara Malaysia. Projek NiiSE ini akan mengurangkan kesesakan di kawasan terminal antarabangsa kelak di mana para penumpang yang tiba termasuk bukan warganegara dapat menggunakan *Autogate* bagi mempercepatkan proses dokumentasi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

4. Sejauh manakah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif bagi menyokong pertubuhan belia yang bakal menyaksikan transisi umur dari 35 tahun ke 30 tahun menjelang tahun 2026?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah mewujudkan satu inisiatif iaitu Dana Pembangunan Belia yang merupakan sebuah inisiatif bagi membantu pertubuhan-pertubuhan belia di negeri ini sejak tahun 2024. Antara syarat utama bagi permohonan dana ini adalah program yang dianjurkan oleh pertubuhan belia yang memohon perlu berobjektifkan aspek peningkatan kapasiti seperti kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawanan, berpersatuan, kepimpinan, atau program pengiktirafan dan penganugerahan bagi memupuk pelapis kepimpinan pertubuhan.

   Bagi tahun 2025, sebanyak RM99,800.00 telah diluluskan kepada sejumlah 47 pertubuhan belia bagi melaksanakan sebanyak 59 program dan telah memanfaatkan seramai 10,809 orang belia.

   Berkenaan dengan penurunan had umur belia ke 30 tahun, berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), seramai 3,083 daripada 5,929 orang pemegang jawatan dalam pertubuhan belia di Pulau Pinang adalah berumur bawah 30 tahun. Ini bermakna 52% daripada pemegang jawatan adalah benar-benar dalam kalangan belia

mengikut ketetapan baharu. Angka ini bukan sahaja menunjukkan pematuhan terhadap syarat penubuhan pertubuhan belia, malah membuktikan bahawa pertubuhan-pertubuhan ini sememangnya digerakkan dan diterajui oleh golongan muda yang aktif dan progresif.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal penularan serta peningkatan kes jangkitan influenza yang berlaku sejak belakangan ini?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Jangkitan Influenza merupakan penyakit yang tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] melainkan berlakunya wabak Influenza. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) senantiasa memantau jangkitan Influenza melalui survelan di klinik sentinel seluruh negeri Pulau Pinang.

   Sebagai usaha membendung jangkitan Influenza, JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan sesi "*Townhall Meeting*" bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk Influenza, melalui langkah-langkah seperti berikut:

   (a) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;

   (b) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan kendiri dan tanggungjawab bersama;

(c) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

(d) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan

(e) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan **Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* Di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022,** pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

Bagi penularan influenza di pasar raya seluruh Negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang jangkitan influenza dan cara-cara mencegah mendapat jangkitan. Hebahan melalui media sosial juga dilakukan melalui Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Selain daripada itu, program imunisasi pemberian vaksin Influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh

negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

6. Nyatakan statistik penggunaan Rapid On Demand (ROD) bagi setiap zon.

   (a) Apakah masalah yang dihadapi setakat ini?

   (b) Perincikan jenis aduan yang diterima dan penyelesaian bagi aduan tersebut.

   (c) Adakah bilangan van akan ditambah?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Berdasarkan data semasa, purata penggunaan harian Rapid On Demand (ROD) adalah seperti jadual di bawah:

No	Zon	Purata Penumpang Harian
1	T110B Gurney	376
2	T111B Georgetown	452
3	T210B Farlim	325
4	T311B Jelutong	197
5	T312B Bayan Lepas	122
6	T313B Bayan Baru	199
7	T410B Balik Pulau	189
8	T611B Bertam	105
9	T710B Sunway	377

No	Zon	Purata Penumpang Harian
10	T711B BM City	166
11	T712B Alma	147
12	T810B Batu Kawan	141
13	T811B Nibong Tebal	94

Nota: Bermula 27 Sep 2025, zon T712B digabungkan dengan T711B dan zon T312B digabungkan dengan T313B.

(a) Antara cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan perkhidmatan ROD ialah gangguan operasi disebabkan kerosakan teknikal yang menjejaskan keupayaan operasi harian pada tahap optimum.

(b) Aduan yang paling kerap diterima melibatkan masa menunggu dan tempoh perjalanan yang panjang terutama di kawasan dengan permintaan tinggi. Sebagai langkah penambahbaikan, Rapid Penang telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

(i) Melaraskan semula zon liputan dari segi keluasan zon untuk mengoptimumkan pengagihan van berdasarkan corak permintaan semasa; dan

(ii) Menambah lokasi *pick-up-point* secara berperingkat berdasarkan maklumbalas pengguna.

(c) Pada masa ini, pihak Rapid Penang tiada perancangan bagi penambahan van memandangkan purata penggunaan semasa masih tidak mencapai sasaran 120 penumpang harian bagi satu van berdasarkan sasaran prestasi operasi yang ditetapkan. Namun demikian Rapid Penang sedang menilai corak permintaan semasa di beberapa zon berimpak tinggi bagi menentukan keperluan pengukuhan kapasiti secara berfasa sekiranya *trend* penggunaan terus meningkat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

7. Adakah kadar kes penipuan (scam) di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan atau penurunan dalam beberapa tahun kebelakangan ini?

   (a) Apakah langkah pencegahan dan usaha pendidikan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk membendung serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah penipuan ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Berikut merupakan statistik keseluruhan kadar kes penipuan (scam) di Pulau Pinang daripada tahun 2023 sehingga September 2025.

Tahun	2023		2024		2025	
	Kes	Kerugian	Kes	Kerugian	Kes	Kerugian
Timur Laut	912	RM21,298,039.69	720	RM21,344,391.57	757	RM26,763,967.84
Seberang Perai Utara	267	RM7,860,599.36	284	RM5,872,816.84	309	RM6,544,720.53
Seberang Perai Tengah	332	RM9,941,825.01	301	RM12,561,720.04	541	RM10,444,584.40
Seberang Perai Selatan	283	RM4,016,541.99	163	RM3,279,275.47	296	RM5,569,318.66
Barat Daya	367	RM13,644,429.97	328	RM10,087,259.24	427	RM8,743,787.81
Jumlah	**2,161**	**RM56,761,436.02**	**1796**	**RM53,145,463.16**	**2330**	**RM58,066,379.24**

Analisis Statistik Kes Penipuan Dalam Talian di Negeri Pulau Pinang (Tahun 2023–2025)

Jabatan Siasatan Jenayah Komersil merekodkan statistik kes dan kerugian penipuan dalam talian di negeri Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025. Analisis ini meliputi perubahan trend kes, jumlah kerugian, serta cadangan tindakan bagi memperkukuh usaha pencegahan.

(i) Statistik Kes Keseluruhan

Tahun	Jumlah Kes	Perubahan (+/-)	Peratus Perubahan
2023	2,161	-	-
2024	1,796	-365	-16.9%
2025	2,330	+534	+29.7%

Terdapat penurunan jumlah kes pada tahun 2024 sebanyak 16.9% berbanding tahun sebelumnya. Namun, pada tahun 2025 jumlah kes meningkat semula hampir 30%, menunjukkan peningkatan semula aktiviti jenayah penipuan dalam talian.

(ii) Statistik Kerugian (Nilai RM)

Tahun	Jumlah Kerugian (RM)	Perubahan (+/-)	Peratus Perubahan
2023	RM56,761,436.02	-	-
2024	RM53,145,463.16	-RM3,615,972.86	-6.4%
2025	RM58,066,379.24	+RM4,920,916.08	+9.3%

Walaupun jumlah kes menurun pada tahun 2024, nilai kerugian kekal tinggi. Tahun 2025 menunjukkan peningkatan semula dengan jumlah kerugian tertinggi dalam tempoh tiga tahun, mencecah RM58 juta.

(iii) Analisis Mengikut Daerah

1) Timur Laut:
Kekal sebagai penyumbang utama kes dan kerugian tertinggi setiap tahun. Walaupun kes menurun pada 2024, jumlah kerugian tidak menurun.

2) Seberang Perai Utara:
Kes meningkat setiap tahun tetapi kerugian agak tidak stabil.

3) Seberang Perai Tengah:
Lonjakan besar kes pada tahun 2025 (541 kes). Namun, nilai kerugian menurun sedikit.

4) Seberang Perai Selatan:
Kes turun 2024 tetapi naik semula 2025 dengan peningkatan besar dalam nilai kerugian.

5) Barat Daya:
Kes meningkat tetapi nilai kerugian menurun.

(iv) Rumusan Keseluruhan (2023–2025)

1) Jumlah kes menurun pada 202 tetapi meningkat semula pada 2025.

2) Jumlah kerugian kekal tinggi walaupun bilangan kes turun.

3) Daerah Timur Laut kekal sebagai kawasan paling kritikal.

4) Trend menunjukkan peningkatan semula aktiviti scam dan jenayah siber pada tahun 2025.

5) Penurunan 2024 menunjukkan tindakan pencegahan berkesan, namun perlu diperkukuh semula.

(v) Cadangan Strategi JSJK Pulau Pinang

1) Fokus pencegahan di daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah.

2) Perkukuh risikan jenayah siber dan pengesanan pemilik akaun 'mule'.

3) Kempen kesedaran awam berterusan mengenai penipuan dalam talian.

4) Tingkatkan kerjasama dengan institusi kewangan bagi pemantauan transaksi mencurigakan.

(a) Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah penipuan dalam talian dan jenayah siber, pelbagai langkah pencegahan serta usaha pendidikan telah dirancang dan dilaksanakan. Antaranya termasuk:

(i) Kempen Kesedaran Awam melalui media massa, media sosial dan program komuniti bagi memberi penerangan mengenai modus operandi penipuan serta cara-cara melindungi diri daripada menjadi mangsa.

(ii) Program Pendidikan dan Taklimat di sekolah, institusi pengajian tinggi serta tempat awam bagi mendidik masyarakat mengenai kepentingan keselamatan siber.

(iii) Kerjasama Strategik bersama agensi kerajaan, syarikat telekomunikasi dan institusi kewangan untuk menyalurkan maklumat amaran serta memperkukuh sistem keselamatan data pengguna.

(iv) Pembangunan Portal Aduan dan Saluran Pelaporan Dalam Talian seperti National Scam Response Centre (NSRC) dan portal semakmule untuk memudahkan orang ramai membuat semakan dan laporan segera.

(v) Penyebaran Bahan Edukasi Digital seperti infografik, video kesedaran dan hebahan melalui platform rasmi polis bagi memperluas capaian maklumat.

Langkah-langkah ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan masyarakat lebih peka, berhati-hati serta tidak mudah terpedaya dengan pelbagai bentuk penipuan dalam talian yang semakin kompleks.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

8. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menangani isu pendatang asing yang berniaga atau membuka premis di Pulau Pinang?

   (a) Nyatakan statistik perniagaan bagi kes sewa lesen premis perniagaan kepada warga asing serta tindakan pembatalan lesen.

   (b) Bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyelesaikan isu warga asing kahwin rakyat tempatan, namun menjalankan perniagaan atas nama pasangan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mewujudkan garis panduan komprehensif yang menggabungkan syarat-syarat daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berikut merupakan garis panduan yang diguna pakai mengikut PBT:

   (i) Garis Panduan Kawalan Aktiviti Perniagaan untuk Pengusaha Warga Asing MBPP Tahun 2017; dan

   (ii) Garis Panduan Keterlibatan Pekerja / Pembantu di Pusat Penjaja MBSP, Premis Perniagaan dan Penjaja Tahun 2020.

Kedua-dua garis panduan ini bertujuan untuk mengawal penglibatan warga asing dalam sektor perniagaan serta memastikan hanya individu yang layak dan mematuhi undang-undang sahaja dibenarkan bekerja atau membantu dalam perniagaan. Selain itu, dasar yang telah ditetapkan dalam garis panduan tersebut turut dijadikan sebagai syarat-syarat pelesenan bagi premis perniagaan.

Pihak PBT komited dalam menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala bagi memastikan pematuhan terhadap syarat pelesenan khususnya berkaitan penggunaan pekerja atau pembantu warga asing. Kerajaan Negeri juga melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama pihak PBT, JIM dan agensi-agensi penguatkuasaan lain di kawasan *hotspot* dan berdasarkan lokasi aduan diterima. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran syarat pelesenan atau penyalahgunaan lesen perniagaan, tindakan seperti pengeluaran notis, kompaun dan pembatalan lesen akan diambil.

Pihak PBT sentiasa mengambil langkah proaktif untuk menyemak dan mengemas kini garis panduan sedia ada mengikut keperluan semasa bagi memastikan penguatkuasaan yang lebih efektif serta mengurangkan penglibatan pendatang asing dalam aktiviti perniagaan di Pulau Pinang.

(a) Perincian statistik perniagaan bagi kes sewa lesen premis perniagaan kepada warga asing serta tindakan pembatalan lesen adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) PBT di Pulau Pinang mengambil beberapa langkah khusus bagi menangani isu warga asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan dan menjalankan perniagaan atas nama pasangan masing-masing.

Pihak MBPP menetapkan melalui Prosedur Operasi Standard (SOP) bahawa setiap permohonan lesen perniagaan mestilah dikemukakan oleh warga tempatan dan tertakluk kepada pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pihak MBPP juga sentiasa menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan lesen perniagaan

tidak dipajakkan kepada warga asing serta sentiasa memeriksa premis perniagaan untuk memastikan pekerja barisan hadapan seperti juruwang adalah warga tempatan sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat lesen. Langkah-langkah ini diambil bagi memastikan aktiviti perniagaan di Pulau Pinang kekal dikawal selia dengan baik dan tidak dieksploitasi oleh warga asing melalui perkahwinan dengan rakyat tempatan.

Bagi pihak MBSP pula, tindakan yang diambil ialah dengan melarang sepenuhnya penglibatan pekerja atau pembantu bukan warganegara termasuk pasangan warga asing dalam aktiviti kedai runcit. Bagi jenis perniagaan lain, pihak MBSP membenarkan pasangan bukan warganegara membantu atau mengendalikan perniagaan bagi pihak pasangan rakyat tempatan namun tertakluk kepada syarat pelesenan iaitu jumlah pekerja atau pembantu bukan warganegara (termasuk pasangan) tidak melebihi 70% daripada jumlah keseluruhan pekerja. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran terhadap syarat ini, MBSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan tegas seperti pengeluaran notis, kompaun atau pembatalan lesen perniagaan.

LAMPIRAN A

STATISTIK PERNIAGAAN BAGI KES SEWA LESEN PREMIS PERNIAGAAN KEPADA WARGA ASING SERTA TINDAKAN PEMBATALAN LESEN

TAHUN	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)		MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)	
	SEWA LESEN	PEMBATALAN LESEN	SEWA LESEN	PEMBATALAN LESEN
2020	93	-	35	-
2021	87	-	28	-
2022	88	-	58	7
2023	93	-	255	1
2024	115	-	923	3
2025 (SEHINGGA OKTOBER)	89	-	470	1
JUMLAH	**565**	**-**	**1,769**	**12**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR YB TEH LAI HENG

9. Apakah usaha tambahan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah gelandangan yang kini dilihat semakin meningkat semula secara mendadak?

   (a) Apakah tindakan yang diambil khususnya bagi gelandangan yang mempunyai masalah mental dan sakit kronik?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) dalam mengatasi masalah gelandangan adalah seperti berikut:

   (i) **Operasi Bersepadu**
   Kerajaan Negeri di bawah MMK Kebajikan mengambil inisiatif menjalankan operasi bersepadu bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), dan lain-lain. bagi mengenal pasti serta membantu gelandangan yang memerlukan intervensi segera. Golongan yang dikenal pasti akan diberikan bantuan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat berteduh serta khidmat kaunseling bersama sokongan psikososial. Mereka juga akan ditempatkan di Pusat Transit Gelandangan atau institusi kebajikan di bawah seliaan JKM bagi tujuan perlindungan sementara dan proses pemulihan sosial.

(ii) **Program Padanan Kerja**
JKM melalui Pusat Transit Gelandangan turut melaksanakan Program Padanan Kerja bagi membantu gelandangan kembali berdikari agar mereka tidak kembali hidup di jalanan.

(iii) **Kempen "Bijak Membantu Elak Tertipu" (BMET)**
JKM turut melaksanakan Kempen BMET bagi mendidik masyarakat agar menyalurkan bantuan kepada golongan memerlukan melalui saluran sah dan berdaftar. Kempen ini bertujuan mengelakkan kegiatan eksploitasi dan penipuan yang sering berlaku atas nama kebajikan serta memastikan bantuan disalurkan secara beretika, tersusun dan berkesan.

(iv) **Libat Urus Antara Agensi: Penambahbaikan SOP Pengurusan Gelandangan**

Kerajaan Negeri sedang memperkemas SOP penyelamatan gelandangan melalui perbincangan meja bulat bersama JKM, AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PDRM dan agensi berkaitan bagi menyelaraskan intervensi untuk gelandangan yang terjebak dadah dan berdepan isu kesihatan mental. Kerjasama strategik dengan ahli akademik (Universiti Sains Malaysia (USM) turut membantu merangka penyelesaian berasaskan kajian lapangan bagi memperbaiki pengurusan kes dan rujukan rawatan. Dengan penyelarasan antara agensi teknikal dan pendekatan bersepadu, usaha ini dijangka meningkatkan keberkesanan intervensi dan mengurangkan risiko gelandangan di sekitar Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan isu gelandangan ditangani bukan sahaja dari sudut kebajikan, tetapi juga melalui pemulihan sosial, pemerkasaan ekonomi dan penyertaan komuniti.

(a) JKM tiada punca kuasa dalam menangani gelandangan yang mempunyai masalah mental dan sakit kronik. Namun, Pegawai Intervensi Krisis (PIK) yang terdiri daripada pegawai Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan JKM diberikan kuasa yang sewajarnya untuk membawa individu atau gelandangan bermasalah mental ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan terdekat untuk tujuan pemeriksaan dan rawatan awal serta penilaian sama ada perlu dimasukkan dan ditahan di dalam hospital psikiatri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

10. Kebanyakan paip pembentungan IWK telah dipasang sejak berpuluh-puluh tahun khususnya di Bandar George Town, ada apa-apa rancangan dari Jabatan Perkhidmatan Pembetungan atau Indah Water Konsortium (IWK) untuk menggantikan paip yang uzur?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Loji Rawatan Kumbahan Serantau George Town (PEG227) yang berperanan penting dalam memproses aliran kumbahan dari kawasan George Town dan sekitarnya dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP).

    Selepas loji tersebut siap dibina pada tahun 2007, Indah Water Konsortium (IWK) telah mengambil alih sebagai pengendali sistem pembetungan dari segi operasi dan penyelenggaraan. IWK telah mengambil langkah yang berterusan bagi memastikan aset-aset pembetungan uzur, termasuk paip yang telah dipasang sejak beberapa dekad lalu terus berfungsi dengan cekap dan selamat.

    Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh IWK adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan penilaian keadaan aset melalui pendekatan pengurusan risiko bagi mengenal pasti paip pembetungan yang telah uzur serta berisiko mengalami kegagalan struktur;

(ii) Penyediaan pelan penggantian dan penaiktarafan paip pembetungan secara berperingkat berdasarkan tahap keutamaan teknikal, impak operasi serta kelulusan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan; dan

(iii) Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan, penaiktarafan dan pemulihan di kawasan kritikal yang dikenal pasti melalui pemeriksaan kamera litar tertutup (CCTV) dan laporan prestasi sistem pembetungan.

IWK sentiasa menjalinkan kerjasama secara berterusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan atau penggantian dapat dijalankan dengan teratur tanpa menjejaskan operasi sedia ada. Secara keseluruhannya, IWK komited untuk melaksanakan program penggantian dan penaiktarafan aset pembetungan secara berfasa, tertakluk kepada keutamaan teknikal serta sumber kewangan yang diluluskan bagi memastikan sistem pembetungan di George Town kekal berdaya tahan dan memenuhi piawaian kebangsaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR YB TEH LAI HENG

11. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menaik taraf Tech Dome Pulau Pinang bagi memupuk minat anak-anak muda serta menceburi dalam bidang-bidang berkaitan STEM pada masa depan?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Tech Dome Pulau Pinang (TDP) yang ditubuhkan pada tahun 2016 telah berjaya menarik 1.35 juta pengunjung dan memainkan peranan penting dalam memupuk minat STEM terutama kalangan anak-anak muda. Walau bagaimanapun, fasiliti sedia ada kini terhad dari segi ruang dan kapasiti untuk menampung permintaan tinggi serta perkembangan teknologi baharu.

    TDP berhasrat untuk meningkatkan daya saing serantau dalam pendidikan STEM, mengambil kira kemajuan pusat sains di rantau ini seperti yang dirancang oleh Science Centre Singapore dan Futorium Thailand.

    Pihak TDP kini dalam peringkat perancangan awal untuk membangunkan pusat sains baharu yang lebih luas, moden, dan berdaya saing. Perkara tersebut sedang dalam proses perbincangan oleh Ahli Lembaga Pengarah sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan sokongan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

12. Berapakah jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang?

    (a) Adakah kadar liputannya telah mencapai tahap yang memuaskan?

    (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan fungsi tambahan kecerdasan buatan (AI) untuk analisis data pengurusan trafik semasa selaras dengan Pengurusan Bandar Pintar (Smart City)?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Sebanyak 1,525 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan pecahan sebanyak 1,137 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan sebanyak 388 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

    (a) Kadar liputan sistem CCTV di kawasan pentadbiran MBPP berada pada tahap yang memuaskan, dengan pemasangan tertumpu di kawasan berpenduduk padat. Sementara itu, kadar liputan sistem CCTV di

kawasan pentadbiran Seberang Perai masih belum mencapai tahap memuaskan berikutan keluasan kawasannya yang jauh lebih besar. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan tersebut iaitu MBPP dan MBSP sentiasa cakna dan proaktif dalam usaha untuk menambah bilangan CCTV di kawasan pentadbiran masing-masing bagi memperluas liputan serta meningkatkan keselamatan awam di seluruh Negeri Pulau Pinang.

(a) Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sedang giat mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI) dalam sistem pemantauan trafik sebagai sebahagian daripada usaha untuk merealisasikan agenda Bandar Pintar Negeri Pulau Pinang.

Sebanyak 82 unit CCTV berteknologi AI telah dipasang di kawasan pentadbiran MBPP seperti George Town, Bayan Baru dan Batu Ferringgi dan kini sedang dalam proses ujian dan pentauliahan oleh pihak kontraktor. Manakala, sebanyak 30 unit CCTV telah dipasang di kawasan pentadbiran MBSP melalui projek rintis di sekitar Bandar Sunway, Seberang Jaya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR YB TEH LAI HENG

13. Nyatakan Skim RMM yang sedang dibangunkan dan telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang mengikut kategori A, B dan C.

    (a) Nyatakan bilangan yang telah ditawarkan sejak 2020 mengikut kategori A, B dan C.

    (b) Nyatakan bilangan jumlah pemohon yang dalam senarai 'sedang menunggu' mengikut kategori A, B dan C.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Sehingga bulan Oktober 2025, sebanyak **34,965 unit Rumah MutiaraKu (RMKu)** yang sedang dalam **proses pembinaan**. Jumlah ini merangkumi keseluruhan pembangunan **70 buah projek pembangunan RMKu** di lima (5) daerah di Negeri Pulau Pinang yang telah mendapat **kelulusan Pelan Kebenaran Merancang** seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa komited dalam memastikan setiap keluarga di negeri ini berpeluang memiliki kediaman sendiri yang bersesuaian dengan kemampuan masing-masing selaras dengan slogan 'Satu Keluarga Satu Rumah'. Sehubungan dengan itu, sebanyak **22,973 tawaran** telah dikeluarkan sejak dari **tahun 2020 sehingga Oktober 2025** seperti di **LAMPIRAN B**.

(b) Sehingga bulan Oktober 2025, jumlah senarai menunggu aktif (iaitu pemohon yang telah membuat pengemaskinian dalam tempoh tiga (3) tahun terkini) adalah sebanyak **6,604** permohonan seperti di **LAMPIRAN C**. LPNPP turut giat melaksanakan hebahan kepada orang ramai bagi menggalakkan pemohon agar sentiasa mengemas kini maklumat permohonan masing-masing supaya kekal aktif dan layak dipertimbangkan untuk penawaran.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK RUMAH MUTIARAKU (RMKu) A,B & C PULAU PINANG

Senarai Projek RMKU A, B & C Yang Telah Mendapat Kelulusan Kebenaran Merancang Dan Dalam Peringkat Pembinaan

Daerah Timur Laut									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DTL	Sandiland Foreshore	Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 (Lot Baru 10039), Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	B	321	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
2	2017	DTL	Sandiland Foreshore	Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 & PT 354, Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	C	482	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
3	2017	DTL	Jelutong (Grace HarmonI)	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.(Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	B	310	Sungai Pinang	Swasta
4	2017	DTL	Jelutong (Grace HarmonI)	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.(Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	C	444	Sungai Pinang	Swasta
5	2018	DTL	Cecil Residensi	Tetuan PDC Properties	Di atas tanah kerajaan Plot A bersebelahan Lot 311 (di antara Jalan Pintasan Cecil dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu), Seksyen 11E, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	348	Pengkalan Kota	Swasta
6	2018	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Aspen Vintage Sdn.Bhd.	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehmah	B	38	Sungai Pinang	Swasta
7	2018	DTL	Pangsapuri Warisan Indah	Tetuan UDA Holdings SB	Di Atas Lot PT204 (Lot Baru 3195), Jalan Tanjung Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	A	550	Tanjong Bungah	GLC
8	2019	DTL	Granito	Tetuan Taman Sri Bunga (BSG)	Di Atas Lot 4714-4723 dan 4759-4769, Sebahagian Lot Lot 4713 dan 4758, Lorong Sungai Kelian 10, Bandar Tanjung Bungah,	B	342	Tanjong Bungah	Swasta
9	2020	DTL	Ideal Residensi (2)	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,554	Seri Delima	Swasta
10	2021	DTL	Pinang Perdana	Tetuan Saluran Melodi Sdn Bhd	Lot 1266, Jalan Makloom, seksyen 9W, Bandar Georgetown	C	20	Dato Keramat	Swasta
11	2021	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Major Development (*formerly* Hooi Hwa)	Lot 809,810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar Jelutong	C	298	Batu Lanchang	Swasta
12	2017	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Major Development (formerly Hooi Hwa)	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, Daerah Timur Laut	C	646	Batu Uban	Swasta
13	2024	DTL	118 Harmony	Tetuan Depstar Sdn. Bhd.	Di atas Lot 10225, Lebuh Relau, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	C	118	Batu Uban	Swasta
14	2024	DTL	Ideal Venice Residensi	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Di atas Lot 3363 (Plot C), Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir,	C	1,632	Batu Uban	Swasta
15	2022	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest SB (GEOVALLEY)	Lot 20409, Lot 20411, Lot 10290, 10292 dan sebahagian Lot 20344, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, Daerah Timur Laut	C	1,670	Paya Terubong	Swasta
						Jumlah DTL	**8,773**		

Daerah Barat Daya

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	A	123	Pulau Betong	Swasta
2	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	B	123	Pulau Betong	Swasta
3	2018	DBD	Quinton	Tetuan Prisma Bumiraya SB	Lot 94 & 95, Petak A (sebahagian Lot 378 & 380), Jalan Sungai Pinang, Mk. E Balik Pulau	C	379	Pulau Betong	Swasta
4	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Di atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar 1, DBD	B	129	Bayan Lepas	Swasta
5	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	A	1,224	Pulau Betong	Swasta
6	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	B	360	Pulau Betong	Swasta
7	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	C	320	Pulau Betong	Swasta
8	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daearah Barat Daya	C	85	Bayan Lepas	Swasta
9	2021	DBD	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	Tetuan Kobay SB sdn Bhd	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	C	259	Bayan Lepas	Swasta
10	2022	DBD	London Pavillion	Tetuan M SUMMIT Premium	Lot 362,21173,21174 & 20088, 20092, Mukim 11, Permatang Damar Laut	C	527	Bayan Lepas	Swasta
11	2023	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest Sdn. Bhd.	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	C	1,670	Bayan Lepas	Swasta
12	2024	DBD	Maldives Residences	Tetuan Solaris Prestasi Sdn Bhd	Lot 71641 (sebahagian Lot Lama 15318), Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Sultan Azlan Shah, Mukim 12, DBD	C	1,665	Bayan Lepas	Swasta
						Jumlah DBD	6,864		

Seberang Perai Utara

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2018	SPU	Taman Bayu Aman	Tetuan Welcome Development Sdn Bhd	Lot 6104 (Old Lot 1870) & 6106-6136 (Lot Lama 3354), Jln Teluk Air Tawar, Mk 7, SPU	A	160	Telok Air Tawar	Swasta
2	2018	SPU	Mak Mandin	Tetuan PDC	Lot 10214, Lorong Mak Mandin 5, Butterworth, SPU	A	187	Bagan Jermal	Kerajaan Negeri

3	2021	SPU	PPA1M Konifer	Tetuan Motif Era S/B	PPA1M Konifer Permatang Sintok, Mukim 5, SPU	C	112	Bertam	Swasta
4	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	104	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
5	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	C	312	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
6	2022	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Stop Leaks & Cleanz Sd. Bhd.	Lot 10691, Lorong Ser Tawar 1, Mukim 7, Butterworth	C	96	Telok Air Tawar	Swasta
7	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 5)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12, Seberang Perai Utara	C	364	Tasek Gelugor	Swasta
8	2024	SPU	Harbour View	Tetuan PJD Eastern Land Sdn. Bhd.	Di atas Lot 3675, Jalan Harbour Place Seksyen 4, Seberang Perai Utara	C	373	Bagan Dalam	Swasta
9	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 4)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	291	Tasek Gelugor	Swasta
10	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 3)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	282	Tasek Gelugor	Swasta
11	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 7)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	204	Tasek Gelugor	Swasta
12	2018	SPU	Taman Ara Damai	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 1640, Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	468	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
						Jumlah SPU	**2,953**		

Seberang Perai Tengah

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	SPT	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok A	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	79	Machang Bubok	Swasta
2	2018	SPT	The Loft	Tetuan Villa Acres SB	Lot-lot 17 dan 1798, Mukim 10, Jalan Betek	C	281	Padang Lalang	Swasta
3	2017	SPT	Aston Park	Tetuan Ivory Square S/B	Bukit Mertajam, Sek.4, Bukit Mertajam, SPT	A	87	Berapit	Swasta
4	2017	SPT	Taman Seri Puteri	Tetuan JKP Sdn Bhd	Guar Perahu, Kubang Semang	A	128	Penanti	Swasta
5	2017	SPT	Seberang Jaya	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Seberang Jaya	A	90	Seberang Jaya	Swasta
6	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Excell Focus Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 2163, Mukim 4, Jalan Permatang Pauh, SPT	C	410	Seberang Jaya	Swasta
7	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties SB	Di atas Lot 2140, Mukim 4	C	112	Seberang Jaya	Swasta
8	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Di Atas Lot 200, 252, dan 3117, Mukim 4, Seberang Perai Tengah	A	150	Seberang Jaya	Kerajaan Persekutuan
9	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	193	Machang Bubok	Swasta

10	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	30	Machang Bubok	Swasta
11	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	B	118	Machang Bubok	Swasta
12	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 3)	C	98	Machang Bubok	Swasta
13	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	A	29	Machang Bubok	Swasta
14	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	B	90	Machang Bubok	Swasta
15	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	A	63	Machang Bubok	Swasta
16	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	B	82	Machang Bubok	Swasta
17	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	A	24	Machang Bubok	Swasta
18	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	B	59	Machang Bubok	Swasta
19	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 7)	C	20	Machang Bubok	Swasta
20	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	C	112	Seberang Jaya	Swasta
21	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	B	198	Seberang Jaya	Swasta
22	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Iconic Maison sdn Bhd	Lot 317794 (Lot lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	C	751	Machang Bubok	Swasta
23	2021	SPT	Pangsapuri Rambai Mewah	Tetuan JSC Infrabina	DI ATAS LOT 2341-2378, 240-2407 DAN PETAK A	C	396	Machang Bubok	Swasta
24	2019	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Taraf Ria Sdn Bhd	Lot 32905(PT3054) Mukim 14, Jalan Bukit Minyak	C	160	Machang Bubok	Swasta
25	2022	SPT	Aston Minca Residence	Tetuan KH Venture Estate Sdn Bhd	Di atas lot 6, Seksyen 2 , Lebuh Aston , SPT	C	237	Permatang Pasir	Swasta
26	2023	SPT	Ari Altitude	Tetuan PTL Alpha Sdn Bhd	Lot 1726, Jalan Santuari 3, Mukim 14, SPT	C	500	Berapit	Swasta
						Jumlah SPT	4,497		

Seberang Perai Selatan

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI/ ECO	PT2195 (Lot lama 1534), Mukim 11, Ladang Kaledonia, Jalan Sungai Daun	A	272	Jawi	Kerajaan Negeri
2	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI/ Aspen	Penempatan Semula Ladang Byram Tanah Kerajaan PT2194 (Lot lama 7578), Mukim 11, SPS, Pulau Pinang	A	68	Jawi	Kerajaan Negeri
3	2020	SPS	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di Atas Lot 402,461,752,753,754,899, dan 900, Mukim 5, SPS	C	315	Sungai Bakap	Swasta
4	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	B	3,223	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
5	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	C	8,000	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
						Jumlah SPS	**11,878**		
						JUMLAH	**34,965**		

Statistik Penawaran Bagi Tempoh Tahun 2020 SehinggaBulan Oktober 2025

Daerah Pohon	01/2020 - 10/2025																			
	RMKu A				RMKu B1				RMKu C1				RMKu C2				RMKu C3			
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L
SEBERANG PERAI TENGAH	1,051	425	269	4	21	8	7	0	18	6	1	0	138	156	27	1	1,292	851	226	10
SEBERANG PERAI UTARA	1,025	545	354	11	175	163	67	4	1	5	0	1	336	108	35	3	1,879	707	263	7
SEBERANG PERAI SELATAN	1,259	537	449	2	129	135	45	2	2	2	0	0	20	15	13	0	251	225	100	2
DAERAH TIMUR LAUT	139	63	48	1	583	766	324	6	10	50	5	1	62	42	13	1	1,131	2,068	508	33
DAERAH BARAT DAYA	1,210	155	65	7	48	94	29	7	4	4	0	0	74	16	11	1	1,074	705	211	16
Jumlah	**4,684**	**1,725**	**1,185**	**25**	**956**	**1,166**	**472**	**19**	**35**	**67**	**6**	**2**	**630**	**337**	**99**	**6**	**5,627**	**4,556**	**1,308**	**68**
	7,619				**2,613**				**110**				**1,072**				**11,559**			
	22,973																			

Senarai Menunggu Aktif Sehingga Bulan Oktober 2025

Daerah Pohon	10/2022 - 10/2025																			
	RMKu A				RMKu B1				RMKu C1				RMKu C2				RMKu C3			
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L
TIADA PILIHAN DAERAH	230	51	72	4	102	31	41	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SEBERANG PERAI TENGAH	173	104	64	2	85	42	25	0	78	32	13	1	9	38	13	0	6	49	11	1
SEBERANG PERAI UTARA	179	42	26	0	122	67	33	1	45	17	8	0	32	10	6	1	213	68	60	2
SEBERANG PERAI SELATAN	316	43	148	2	60	40	20	1	21	9	13	0	2	12	4	0	171	46	42	1
DAERAH TIMUR LAUT	56	21	19	0	118	139	103	7	106	196	78	2	36	142	38	0	60	690	164	8
DAERAH BARAT DAYA	464	34	26	0	185	69	25	1	59	34	4	0	31	42	1	0	135	275	72	3
Jumlah	**1,418**	**295**	**355**	**8**	**672**	**388**	**247**	**11**	**309**	**288**	**116**	**3**	**110**	**244**	**62**	**1**	**585**	**1,128**	**349**	**15**
	2,076				**1,318**				**716**				**417**				**2,077**			
	6,604																			

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

14. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai Akta 672? Jika ia, apakah status terkini. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?

    (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan Waste to Energy (WtE) untuk melupuskan sampah?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Buat masa ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan kajian ketekunan wajar *(due diligence)* untuk meneliti implikasi teknikal dan perundangan berhubung cadangan pengambilalihan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Pulau Pinang. Keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada untuk menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 *[Akta 672]* atau tidak adalah tertakluk kepada hasil kajian tersebut serta rundingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kelak.

    (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menggunakan teknologi *Waste to Energy* (WtE) bagi pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pihak KPKT menyasarkan pembinaan sebanyak **18 buah loji WtE** di seluruh negara menjelang tahun **2040** dan **Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB)** telah dikenal pasti sebagai lokasi cadangan pembangunan loji WtE bagi Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

15. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memperkukuh sektor pelancongan budaya dan kreatif bagi menyokong semangat keusahawanan orang tempatan serta menggalakkan dan menarik lebih ramai pihak untuk menyertai bidang ini?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memperkukuh sektor pelancongan budaya dan ekonomi kreatif sebagai salah satu teras pembangunan pelancongan negeri. Melalui kerjasama strategik antara Penang Global Tourism (PGT), Think City, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan Galeri Seni Negeri Pulau Pinang, pelbagai inisiatif berasaskan komuniti dilaksanakan seperti lawatan berpandu (bersama pemandu pelancong), bengkel warisan, seni jalanan dan festival budaya bagi memastikan penglibatan langsung penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan sekaligus memberi manfaat ekonomi kepada mereka.

    Selain itu, Pulau Pinang terus mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi acara seni dan budaya bertaraf antarabangsa dengan penganjuran acara seperti George Town Festival, George Town Literary Festival, Penang Fashion Week, Penang International Food Festival, Butterworth Fringe Festival dan Nibong Tebal Festival. Acara-acara ini berfungsi sebagai

platform penting untuk penggiat seni, usahawan dan komuniti tempatan mempromosikan hasil karya dan produk mereka.

Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kesedaran destinasi melalui strategi pemasaran yang lebih efektif, termasuk kerjasama dengan media dan pempengaruh untuk mempromosikan keunikan seni, budaya dan warisan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Usaha menyeluruh ini diyakini dapat terus mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah hab budaya dan seni serantau yang berdaya saing serta mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

16. Senaraikan langkah-langkah dan perancangan jangka pendek atau panjang yang diambil Kerajaan Negeri untuk membanteras kegiatan mat rempit dan lumba haram di Pulau Pinang.

    (a) Nyatakan statistik operasi polis sejak tahun 2020.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak PDRM Pulau Pinang khususnya Jabatan Siasatan Penguatkuasan Trafik (JSPT) dalam membanteras kegiatan Mat Rempit seperti menjalankan operasi secara berkala, mengenal pasti lokasi dan masa kegiatan Mat Rempit berlangsung serta melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR). Selain itu juga pihak PDRM telah bekerjasama dengan pihak sekolah melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan juga menjalankan Op Didik di sekolah- sekolah yang dikenalpasti golongan pelajar berpotensi melakukan kesalahan jalan raya.

    (a) Statistik operasi polis sejak tahun 2020 adalah seperti berikut:

        (i) Statistik Operasi Tahun 2020

            1) Jumlah Operasi : 68;

            2) Jumlah Saman : 1,717 saman;

3) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 297 Kenderaan; dan

4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 147 Tangkapan.

(ii) Statistik Operasi Tahun 2021

1) Jumlah Operasi : 125;

2) Jumlah Saman : 2,972 saman;

3) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 521 Kenderaan; dan

4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 115 Tangkapan.

(iii) Statistik Operasi Tahun 2022

1) Jumlah Operasi : 159;

2) Jumlah Saman : 5,603 saman;

3) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 1,079 Kenderaan; dan

4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 108 Tangkapan.

(iv) Statistik Operasi Tahun 2023

1) Jumlah Operasi :433;

2) Jumlah Saman : 11,186 saman;

3) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 2,384 Kenderaan; dan

4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 129 Tangkapan.

(v) Statistik Operasi Tahun 2024

1) Jumlah Operasi : 365;

2) Jumlah Saman : 10694 saman;

3) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 2061 Kenderaan; dan

4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 :131 Tangkapan.

(vi) Statistik Operasi Tahun 2025 Sehingga September 2025

1) Jumlah Operasi : 319;

2) Jumlah Saman : 9,606 saman;

3) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 1, 777 Kenderaan; dan

4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 113 Tangkapan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VI)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG

17. Pulau Pinang merupakan bandar pesisir, namun sehingga kini industri pelancongan eco kita seperti pelayaran, *tour* di atas laut dan *cruise* memancing, masih belum dibangunkan berbanding dengan bandar pesisiran yang lain. Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh menggalakkan dan memupuk industri tersebut supaya menjadi tarikan baru negeri kita?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism (PGT) telah merangka langkah proaktif bagi memperkukuh promosi industri pelancongan berasaskan laut dan ekopelancongan, termasuk aktiviti pelayaran santai dan lawatan atas laut. Promosi ini akan dipertingkatkan melalui platform digital dan media sosial rasmi PGT bagi menonjolkan keunikan aktiviti maritim Pulau Pinang kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Dalam masa yang sama, agen pelancongan turut digalakkan memasukkan aktiviti berasaskan laut ini dalam pakej pelancongan mereka, bagi membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada komuniti setempat dan pengusaha tempatan.

    Bagi Seberang Perai, walaupun Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) belum mempunyai perancangan khusus berkaitan pelayaran atau lawatan di atas laut, beberapa program berbentuk ekopelancongan telah dilaksanakan. Antaranya ialah penganjuran *World Wetlands Day 2024* dengan kerjasama *Shorebirds Peninsular Malaysia Project* (SPMP) dan Canon Marketing (Malaysia) Sdn. Bhd., yang menampilkan aktiviti *boat*

tour menyusuri Sungai Tembus bagi meninjau habitat burung hijrah di pesisir Teluk Air Tawar–Kuala Muda. Siri kedua program ini dijadualkan berlangsung pada November 2025 bagi meneruskan inisiatif pemeliharaan dan promosi pelancongan alam sekitar di kawasan tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyokong produk pelancongan berasaskan inisiatif swasta, seperti pelancaran Penang River Cruise oleh Auto-City Group dengan kerjasama MBSP, Think City Sdn. Bhd., dan PGT. Pelayaran sepanjang 15 kilometer di Sungai Juru ini menawarkan pengalaman menyusuri perkampungan nelayan tradisional, ladang akuakultur, hutan paya bakau dan panorama semula jadi, sekali gus menjadi tarikan baharu pelancongan eko di Seberang Perai.

Bagi memastikan pembangunan sektor ini berjalan secara mampan dan selamat, semua aktiviti yang dipromosikan adalah berlesen, sah di sisi undang-undang serta mematuhi piawaian keselamatan pelancongan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh keyakinan pelancong terhadap keselamatan dan kualiti pengalaman mereka, malah turut membina imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan maritim yang bertanggungjawab, selamat dan lestari.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

1. Nyatakan jumlah masjid dan surau yang telah dinaik taraf dari tahun 2023 serta jumlah peruntukan yang disalurkan mengikut daerah.

   (a) Berapa banyak daripada projek ini telah siap sepenuhnya dan berapa yang masih dalam proses?

   (b) Apakah bentuk pemantauan yang dijalankan untuk memastikan kerja naik taraf memenuhi spesifikasi?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil dan menaik taraf masjid dan surau seperti perincian di bawah:

DAERAH	TAHUN 2023		TAHUN 2024	
	PERUNTUKAN (RM)	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PROJEK
DTL	1,572,867.91	14	2,075,350.76	7
SPT	368,766.38	7	701,596.70	5
SPU	1,580,239.78	12	2,081,915.71	9
SPS	795,794.97	9	692,836.15	8
DBD	424,590.00	2	196,889.55	3
JUMLAH	**4,742,259.04**	**44**	**5,748,588.87**	**32**

DAERAH	TAHUN 2025	
	PERUNTUKAN (RM)	PROJEK
DTL	224,420.48	4
SPT	974,266.42	3
SPU	1,368,931.48	4
SPS	483,154.00	4
DBD	532,664.77	4
JUMLAH	**3,583,437.15**	**19**

(a) Kesemua projek tahun 2023 dan 2024 telah siap sepenuhnya manakala bagi projek tahun 2025, terdapat projek yang telah siap dan dalam pelaksanaan yang akan siap pada tahun semasa manakala tiga (3) projek yang merupakan projek sambungan iaitu kerja-kerja menaik taraf Masjid Jamek Alma Jaya, Masjid Jamek Tuan Samad Permatang Sungai Dua dan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) akan disiapkan pada tahun 2026.

(b) JHEAIPP melalui Unit Pembangunan akan membuat lawatan tapak bagi memantau pelaksanaan kerja di tapak dan memastikan kerja-kerja di tapak mematuhi speksifikasi kerja yang telah ditetapkan di dalam *Bill Of Quantity* (BQ).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

2. Apakah dasar Kerajaan Negeri melarang hidangan arak pada semua program rasmi melibatkan kerajaan, agensi dan PBT?

   (a) Nyatakan SOP pelaksanaan dan sebarang pengecualian.

   (b) Terangkan mekanisme penguatkuasaan serta tindakan terhadap penganjur / pegawai yang melanggar.

   (c) Apakah perlindungan ke atas penjawat awam / petugas Muslim pada acara pihak ketiga yang menghidangkan arak?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. (a) SOP pelaksanaan adalah seperti Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 - PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI di Perkara 5.1.4 yang menyatakan bahawa "hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan;". Setiap program rasmi melibatkan kerajaan, agensi dan PBT wajib memastikan tiada arak dihidangkan atau dipamerkan dalam sebarang program rasmi kerajaan serta tiada sebarang pengecualian yang diberikan.

   (b) Mekanisme penguatkuasaan adalah dengan memastikan setiap acara rasmi perlu dipantau agar patuh kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 - PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI. Sekiranya berlaku perlanggaran penganjur / pegawai akan dikenakan tindakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

(c) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penjawat awam Muslim akan terus dilindungi dan dibimbing dalam melaksanakan tugas rasmi tanpa menjejaskan pegangan agama, dan setiap agensi disaran mengamalkan kepekaan budaya dan agama dalam setiap urusan rasmi yang melibatkan pihak ketiga.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

3. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap penglibatan orang Islam dalam perayaan keagamaan bukan Islam selaras fatwa negeri seperti pesta ponggal dan tanglung?

   (a) Nyatakan garis panduan bertulis untuk PBT, sekolah dan agensi.

   (b) Apakah pelan komunikasi kerajaan mengenai pematuhan fatwa kepada penganjur, sekolah, PBT dan komuniti?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Pendirian Kerajaan Negeri adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2019 yang bersidang pada 21 dan 22 Ogos 2019 iaitu seperti berikut:

   (i) Hukum menziarahi rumah terbuka orang bukan Islam sempena perayaan agama mereka adalah harus dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:

      (a) Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti menyertakan dan melibatkan simbol-simbol agama, berhala dan sebagainya;

      (b) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti memakai pakaian berwarna tertentu dengan kepercayaan

tertentu yang melambangkan kepercayaan terhadap agama tertentu selain Islam;

(c) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini seperti percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan;

(d) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam seperti ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam dan ucapan-ucapan yang menghina umat Islam; dan

(e) Majlis tersebut tidak disediakan dengan makanan-makanan yang haram seperti arak, babi dan sebagainya.

(ii) Hukum terlibat dalam persiapan perayaan orang bukan Islam yang berkaitan dengan agama mereka adalah diharamkan di sisi syarak dan pandangan para ulama mazhab. Namun, membantu mereka dalam perayaan kebudayaan memerlukan pemerhatian yang lebih terperinci. Ini kerana seseorang Muslim perlu mengenal pasti sejauh mana perayaan kebudayaan itu mempunyai unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Jika unsur-unsur kepercayaan tersebut mendominasi, maka seharusnya orang Islam hendaklah menjauhi tindakan membantu dan menjayakan persiapan perayaan tersebut. Namun, jika perayaan tersebut adalah semata-mata berbentuk kebudayaan, maka penyertaan bersama orang bukan Islam tersebut adalah harus.

(iii) Hukum orang Islam mengenakan pakaian untuk sambutan sesuatu perayaan bukan Islam adalah seperti berikut:

(a) Tidak boleh malah hukumnya haram memakai pakaian yang khusus bagi sesuatu kaum tertentu jika mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan keagamaan mereka dan juga mendedahkan aurat seperti kostum atau topi Santa Clause, pakaian paderi, pakaian sami, lambang salib dan sebagainya;

(b) Bagi pakaian yang menjadi adat kaum lain yang tiada kaitan dengan ajaran agama mereka secara khusus seperti sari, kurta, samfoo, cheongsam dan sebagainya secara asasnya adalah harus selagi mana tidak terdapat unsur membesarkan agama orang bukan Islam dan memelihara aurat. Namun sebaiknya orang Islam mengelakkan diri daripada memakai pakaian tersebut pada hari perayaan orang bukan Islam atas dasar *sadd al-zari'ah* iaitu menutup sebarang peluang berlakunya *tasyabbuh* yang dilarang; dan

(c) Pakaian yang sudah menjadi kebiasaan umum seperti tali leher dan kot, maka tidak menjadi isu bagi Muslim untuk memakainya pada perayaan orang bukan Islam selagi mana tidak menzahirkan pembesaran kepada agama mereka.

(a) Secara dasarnya semua garis panduan mengenai penglibatan orang Islam dalam perayaan bukan Islam telah disebarkan dan wajib dipatuhi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi di Pulau Pinang. Hal ini kerana keputusan fatwa negeri adalah dasar yang dikategorikan sebagai hukum syarak yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang setelah diwartakan.

(b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah agensi negeri telah menggunakan pelbagai medium sebaran kepada umum agar sesuatu fatwa/hukum itu difahami dan diamalkan antaranya melalui Program Irsyad Fatwa, Khubah Jumaat, Program Khas di radio mutiara.fm iaitu rancangan Merungkai Fatwa Menjejak Falak dan melalui media sosial seperti *facebook* dan tiktok.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

4. Nyatakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terkini.

   (a) Senaraikan fatwa yang diwartakan dari tahun 2023 sehingga kini.

   (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaras panduan Mufti untuk acara majmuk agar tidak bercanggah fatwa?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terkini adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Maklumat AJK Fatwa Negeri Pulau Pinang juga boleh dirujuk di Portal Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang seperti di laman sesawang berikut: https://mufti.penang.gov.my/index.php/kerajaan/keurusetiaan/jk-fatwa-negeri-pulau-pinang

   (a) Fatwa yang diwartakan dari Tahun 2023 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

   (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) sentiasa menyelaras panduan Mufti untuk acara majmuk agar tidak bercanggah fatwa melalui penglibatan Sahibus Samahah Mufti atau wakil dalam memberi pandangan syarak bagi mesyuarat pelaksanaan program-program di Negeri Pulau Pinang untuk memastikan sesuatu program dengan keterlibatan pimpinan dalam kalangan

orang Islam atau masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang adalah tidak melanggar batas syarak/fatwa.

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA
AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG
SESI 2024/2025
(Januari 2024 – Disember 2025)

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED JAWATAN
1.	SS. Dato' Dr Prof Madya Mohd Sukki bin Othman (Ph.D UM)	Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang / Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang	JUSA C
2.	Tuan Haji Mohammad Zamri bin Shapik (Sarjana UM)	Timbalan Mufti	S54
3.	Prof . Dr Irwan Bin Mohd Subri (Ph.D UIAM)	Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia	JUSA C
4.	Dr Mohammad Zaini bin Yahya Ph.D (UIAM)	Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia	DS 52
5.	Dato' Professor Dr Noor Inayah Binti Yaakub (Ph.D Uni. Manchester UK)	Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Canselor University College MAIWP International (UCMI)	JUSA A
6.	Prof Madya Dr. Ibrahim Bin Hasyim (Ph.D Uni Dundee UK)	Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris	DS 54
7.	Prof Madya Abdul Aziz Mat Isa (Ph.D Uni. Lampeter UK)	Timbalan Naib Canselor (HEP) UNITEN	DS 54
8.	Dr Muhammad Najib Bin Abdullah (Ph.D UIAM)	Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia	DS 52
9	Tuan Haji Mohd Salmi bin Shaimi (Diploma Bahasa Arab, Sarjana Muda Syariah Univ. Islam Madinah)	Pakar Rujuk Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	S44
10	Datuk Haji Munir bin Hj Md Salleh	Pegawai Istana Negara/ Ahli MAINPP	Jusa C
11	Dato' Haji Makhtar bin Haji Shapee	Ahli MAINPP	Pesara

12	Haji Roslan bin Esa (Sarjana Muda Univ. Malaya, Sarjana Pengurusan Awam Univ. Utara Malaysia, Sijil Darul Ifta' Rep. Arab Mesir)	Ketua Penolong Mufti/ Setiausaha	S48

LAMPIRAN B

SENARAI FATWA YANG DIWARTAKAN DARI TAHUN 2023 SEHINGGA KINI

HIMPUNAN FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN BAGI TAHUN 2023-2025		
BIL.	**PERKARA**	**TARIKH WARTA**
1.	Fatwa Mengenai Pembahagian Pulangan Manfaat Bagi Pelaksanaan Projek Pembangunan Usaha Sama Tanah Milik MAINPP Di Atas Dua (2) Lot Tanah Iaitu Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) Dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang	16 Mac 2023
2.	Fatwa Mengenai Hukum Tajaan Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah dengan Menggunakan Sumber Zakat	2 Jan 2025
3.	Fatwa Mengenai Hukum Kewajipan Membayar Zakat oleh Pemegang Saham yang Mempunyai Kepentingan dan Mendapat Ganjaran daripada Syarikat	
4.	Fatwa Mengenai Hukum Zakat ke atas Emas yang Digadaikan di Syarikat Pajak Gadai	
5.	Fatwa Mengenai Kewajipan Membayar Zakat Emas bagi Pelaburan Emas	
6.	Fatwa Mengenai Hukum Penetapan Baki Terendah Zakat Wang Simpanan	

7.	Fatwa Mengenai Hukum Membina atau Membaik Pulih Masjid dengan Dana Wang Wakalah Zakat, Zakat Pulau Pinang di Bawah *Asnaf Fi Sabilillah*	
8.	Fatwa Mengenai Hukum Pembayaran Zakat bgai Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing (FOREX)	
9.	Fatwa Mengenai Hukum Berkenaan Skim Geran Penyelidikan Zakat Menggunakan Wakalah Agihan Zakat Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	
10.	Fatwa Mengenai Ketetapan Waktu Pengeluaran Zakat Tanaman atau Padi di Negeri Pulau Pinang	
11.	Fatwa Mengenai Fahaman, Ajaran, Pegangan atau Amalan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan Rangkaiannya	15 Julai 2025
12.	Fatwa Mengenai Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim yang Menyalahi Akidah Ahli Sunnah Waljamaah di Negeri Pulau Pinang	
13.	Fatwa Mengenai Penyelewengan Ajaran dan Fahaman yang Dibawa oleh Suhaini bin Mohammad (Sohai Ibnu Muhammad, Sihulk)	
14.	Fatwa Mengenai Hukum Amalan Toast dalam Majlis Makan Beradat Angkatan Tentera Malaysia	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

5. Bilakah tarikh operasi pembukaan tanah perkuburan Masjid Jelutong kepada qaryah?

   (a) Nyatakan garis masa lengkap Fasa 2 (perolehan, pembinaan, siap guna).

   (b) Kemuka halangan kritikal dan tarikh sasaran pembukaan.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan kerja-kerja tanah dan pembinaan dinding penahan (retaining wall) di tanah perkuburan Masjid Jamek Jelutong.

   (a) Pihak MAINPP masih dalam proses penelitian dan kajian semula untuk diangkat dan dipertimbang dalam Mesyuarat MAINPP bagi mendapatkan kelulusan pindaan dari kaedah pelaksanaan konsep liang konkrit bertingkat kepada konsep tambakan tanah bertingkat bagi membolehkan penggunaan tanah kubur ini beroperasi dalam masa terdekat.

   Proses penelitian dan kajian semula perubahan kaedah pelaksanaan ini dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2025 dan proses perolehan akan dilaksanakan dalam suku pertama (1) tahun 2026. Manakala fasa pembinaan dijangka bermula pada suku kedua (2) hingga

ketiga (3) tahun 2026 dan jangkaan siap untuk digunakan pada suku keempat (4) tahun 2026 atau awal tahun 2027.

(b) Antara kekangan utama yang menyebabkan keperluan penelitian dan kajian semula ini adalah disebabkan oleh isu muka bumi yang agak rendah berbanding kawasan komersial bersebelahan, keperluan penyediaan infrastruktur asas seperti longkang, jalan asas dan stor penyimpanan serta kekangan peruntukan yang dijangka menelan belanja sebanyak RM3,500,000.00 kepada MAINPP (wang tawaqquf) berdasarkan anggaran kos pada tahun 2022.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

6. Berapa pemeriksaan, tangkapan, pendakwaan dan sabitan atas kesalahan mengajar tanpa tauliah di bawah Seksyen 119 Enakmen 2004, dari tahun 2023 sehingga kini?

   (a) Nyatakan denda / hukuman yang dikenakan.

   (b) Senaraikan bilangan siasatan, tangkapan, pertuduhan dan sabitan berkaitan penyebaran ajaran sesat.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Berdasarkan data pemeriksaan, tangkapan, pendakwaan dan sabitan Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dari tahun 2023 hingga 29 Oktober 2025. Jumlah aduan dan tindakan adalah seperti berikut :

TAHUN	PEMERIKSAAN	TANGKAPAN	PENDAKWAAN	SABITAN
2023	11	0	0	0
2024	14	1	0	0
2025	7	0	0	0

   (a) Denda / Hukuman boleh dikenakan dibawah mana-mana Enakmen Seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004 (EPAI 2004) atau Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 (EKJSNPP 1996) iaitu tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

(b) Bilangan siasatan, tangkapan, pertuduhan dan sabitan berkaitan penyebaran ajaran sesat bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

SABITAN	PEMERIKSAAN	TANGKAPAN	PENDAKWAAN
Sek. 3 (Pemujaan Salah)	1	0	0
Sek. 4 (Mengajar @ Menjelaskan Doktrin / Upacara / Perbuatan Menyalahi Syarak)	5	0	0
Sek. 5 (Mengembangkan Doktrin)	1	0	0
Sek. 6 (Dakwaan Palsu) - Isytihar Nabi, Imam Mahdi, Wali & Dakwa Mengetahui Peristiwa di Luar Pemahaman Manusia	0	0	0

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

7. Nyatakan senarai masjid tanpa anak kariah di Pulau Pinang mengikut daerah.

   (a) Nyatakan kebenaran solat Jumaat bagi masjid-masjid ini.

   (b) Apakah usaha kerajaan dalam meramaikan kembali kariah bagi masjid-masjid ini?

   (c) Senaraikan masjid-masjid lain yang kemungkinan akan tiada anak kariah seperti Masjid Batu Uban.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Senarai masjid tanpa anak kariah di Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	MASJID	DAERAH
1	Masjid Lama Jamek Lorong Burma (Masjid Kelawai Lama)	Timur Laut
2	Masjid Nagore Shariff	Timur Laut
3	Masjid Pintal Tali	Timur Laut
4	Masjid Pakistan	Timur Laut
5	Masjid Maqbul, Sg Pinang	Timur Laut
6	Masjid Kg Jawa Baru	Timur Laut
7	Masjid Khan Mohammad	Timur Laut
8	Masjid Tarik Air	Timur Laut

9	Masjid Tengah, Lorong Burma	Timur Laut
10	Masjid Arab, Jalan Seang Teik	Timur Laut
11	Masjid Tanjung Huma	Timur Laut
12	Masjid Jalan York	Timur Laut
13	Masjid Khairi, Pahang Road	Timur Laut
14	Masjid Wan Chik Arifin	Timur Laut
15	Masjid Halaman Indah	Seberang Perai Selatan
16	Masjid As-Salam	Seberang Perai Tengah
17	Masjid Annahrain, Sungai Dua Utama	Seberang Perai Utara

(a) Proses kebenaran masjid tanpa kariah melaksanakan solat Jumaat adalah tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) serta Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Permohonan bagi sesuatu masjid tanpa kariah untuk melaksanakan solat Jumaat hendaklah dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Kariah kepada Pejabat Agama Daerah (PAD). Pihak PAD akan menjalankan siasatan terperinci meliputi faktor keperluan penduduk, bilangan jemaah, jarak dengan masjid sedia ada, kemudahan fizikal serta kemampuan surau menampung pelaksanaan solat Jumaat.

Hasil siasatan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi mendapatkan pandangan hukum sebelum mendapat pertimbangan dan kelulusan MAINPP.

Tujuan utama proses ini adalah bagi memastikan pelaksanaan solat Jumaat di sesuatu kawasan berjalan secara teratur, menepati hukum syarak, tidak menjejaskan fungsi masjid sedia ada, serta mampu memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat Islam di kariah berkenaan.

(b) Masjid-masjid ini sememangnya telah diimarahkan dengan pelbagai program keagamaan dan kemasyarakatan. Selain itu, masjid-masjid ini juga terus mendirikan solat Jumaat

seperti biasa. Usaha untuk meramaikan semula jemaah serta menghidupkan aktiviti kariah sentiasa dijalankan secara berterusan oleh pihak jawatankuasa masjid dengan sokongan Kerajaan Negeri dan JHEAIPP.

(c) Pentadbiran ini berpandangan bahawa Masjid Jamek Batu Uban masih relevan dan kekal berfungsi sebagai masjid kariah pada masa kini. Walaupun sebahagian rumah kampung di kawasan Batu Uban telah diarah berpindah, namun berdasarkan persempadanan peta kariah Masjid Jamek Batu Uban, masih terdapat kawasan perumahan kos rendah yang didiami oleh majoriti umat Islam, serta kawasan perumahan kos sederhana dan tinggi di sekitar masjid tersebut.

Kehadiran komuniti Muslim yang masih menetap di kawasan berhampiran menunjukkan bahawa Masjid Jamek Batu Uban masih mempunyai potensi untuk terus berfungsi sebagai pusat ibadah dan aktiviti kariah bagi masyarakat setempat.

Isu kekurangan anak kariah ini lazimnya merujuk kepada masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar serta masjid yang kedudukannya jauh daripada kawasan perumahan dan penduduk tetap atau kawasan tersebut hanyalah sebagai pusat perindustrian/pelancongan. Faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini ialah pembangunan pesat di kawasan bandar, pemindahan penduduk asal, serta perubahan guna tanah yang menyebabkan jumlah penduduk Islam menetap di sekitar masjid semakin berkurangan.

Masjid yang berpotensi seperti yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

i. Masjid Jamek Alimsah Waley (Daerah Timur Laut); dan

ii. Masjid Jamek Bagan Jermal (Daerah Timur Laut).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

8. Senaraikan masjid-masjid yang telah berusia yang sesuai atau telah disenaraikan sebagai warisan di Pulau Pinang.

   (a) Apakah pelan penyelenggaraan untuk masjid berusia ini?

   (b) Nyatakan peruntukan pemuliharaan warisan dan audit keselamatan struktur.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Senarai masjid yang digazetkan sebagai bangunan warisan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Pelan penyelenggaraan adalah memastikan masjid-masjid tersebut mengekalkan nilai sejarah, elemen seni bina, warisan budaya dan perlindungan berterusan agar ianya berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kaedah penyelenggaraan perlu merujuk kepada Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan dan Tapak dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

   (b) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah melaksanakan Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori I & II dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town untuk membantu pemilik bangunan menjalankan kerja-kerja pembaikan pada

bangunan mereka termasuklah masjid warisan. Peruntukan diberikan berdasarkan jadual berikut:

No.	Nama Masjid	Peruntukan (RM)
1.	Masjid Kapitan Keling	400,000.00
2.	Masjid Melayu Lebuh Acheh	404,343.20
3.	Masjid Alisah Waley	142,000.00
4.	Masjid Jamek Benggali	182,190.00
5.	Masjid Jamek Perangin	17,700.00
6.	Masjid Titi Papan	27,150.00
7.	Masjid Pintal Tali	Tiada permohonan dikemukakan mengikut masa yang ditetapkan iaitu sehingga 8 Mac 2024
	Jumlah	**1,173,383.20**

LAMPIRAN A

BIL.	NAMA MASJID	TAHUN DIBINA
1.	Masjid Kapitan Keling, Jalan Masjid Kapitan Keling (Bangunan warisan Kategori I)	1801
2.	Masjid Melayu Lebuh Acheh, Lebuh Acheh (Bangunan warisan Kategori I)	1808
3.	Masjid Jamek Alimsah Waley, Lebuh Chulia (Bangunan warisan Kategori I)	1811
4.	Masjid Pintal Tali, Jalan Pintal Tali (Bangunan warisan Kategori II)	1820
5.	Masjid Jamek Titi Papan, Jalan Burma (Bangunan warisan Kategori II)	1841
6.	Masjid Jamek Benggali, Lebuh Leith (Bangunan warisan Kategori I)	1845
7.	Masjid Jamek Perangin, Jalan Dr. Lim Chwee Leong (Bangunan warisan Kategori II)	1890

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

9. Sejauh manakah keberkesanan Rancangan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) setakat ini?

   (a) Apakah projek pengangkutan baharu yang sedang dirancang untuk jangka pendek dan panjang?

   (b) Bagaimana kerajaan memastikan projek ini dilaksanakan tanpa membebankan kewangan negeri dan rakyat?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Keberkesanan PTMP setakat ini diukur bukan sahaja berdasarkan kemajuan pembinaan, tetapi juga kejayaan dalam mendapatkan sokongan politik dan kewangan yang diperlukan untuk memulakan projek-projek yang telah lama tertangguh seperti berikut:

   (i.) LRT Laluan Mutiara kini telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan MRT Corporation, sebuah syarikat milik *Minister of Finance Incorporated* sebagai agensi pelaksana, dan satu Notis untuk Meneruskan Kerja (NTP) telah diberikan kepada kontraktor pelaksana, SRS Consortium Sdn Bhd (SRS) pada Julai 2025, menandakan permulaan rasmi tempoh pembinaan di bawah kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke *Silicon Island* dengan jangkaan pengoperasian pada tahun 2031;

(ii.) Pembinaan PIL2A yang menghubungkan Batu Maung dengan *Silicon Island* kini di fasa pembinaan dengan kemajuan kerja sebanyak 12.11%;

(iii.) Jalan Pintasan Ayer Itam – Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (juga dikenali sebagai Pakej 2 dalam projek jalan-jalan utama dan laluan ke-3) kini dalam fasa pembinaan dengan kemajuan kerja sebanyak 87.52% setakat Oktober 2025 dan dijangka dibuka sepenuhnya menjelang 2027. Projek ini adalah bukti nyata komitmen Kerajaan Negeri dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang kritikal untuk mengurangkan kesesakan; dan

(iv.) Selain itu, sebagai penyelesaian jangka pendek Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan intervensi pengangkutan jangka pendek dan sederhana seperti penambahbaikan perkhidmatan bas dan pengurusan trafik pintar secara selari, bagi memberi kelegaan segera kepada pengguna sementara menunggu projek utama rel dan jalan raya disiapkan.

PTMP menggariskan perkara-perkara strategik yang perlu dikaji dan diperincikan mengikut fasa pelaksanaan yang akan ditentukan kelak. Kajian tersebut akan mengambil kira perubahan semasa dari segi keperluan dan juga teknologi terkini sewaktu tempoh pelaksanaan nanti. Justeru, komponen-komponen yang lain masih dalam tahap cadangan dan tertakluk kepada kajian semula serta kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan kelak.

Masalah kewangan menjadi cabaran utama bagi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan komponen-komponen PTMP lain sekiranya tidak mendapat sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu mengambil kira isu-isu berbangkit semasa proses pengambilan balik tanah yang dijalankan, cabaran bagi mendapatkan kelulusan-kelulusan wajib yang berkaitan, kawalan bagi meminimumkan kesan kepada alam sekitar dan sosial, bantahan terhadap projek oleh pihak parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan cabaran lain yang tidak diduga.

Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan adanya sistem LRT Laluan Mutiara, masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini akan dapat dikurangkan. Sistem LRT ini telah mendapatkan sokongan

lebih 97% penduduk Pulau Pinang dan maklumbalas daripada pelawat yang disoal selidik semasa sesi Pemeriksaan Awam. Oleh itu, sistem LRT Laluan Mutiara ini akan menarik minat orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam yang dihubungkan sehingga ke Penang Sentral di Butterworth sebagai satu (1) alternatif pengangkutan yang baik. Cadangan jajaran LRT secara *elevated* tidak akan terganggu sekiranya berlaku kejadian banjir kilat dan kemalangan di jalan raya. Maka, apabila penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam meningkat, jumlah kenderaan persendirian akan berkurangan di jalan raya lalu dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya. Untuk menjayakan projek LRT ini, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak MRTC untuk mempromosikan perkhidmatan LRT Laluan Mutiara ini bagi memastikan rakyat Pulau Pinang menggunakan LRT dan bas perantara, iaitu sistem *feeder* yang menyokong perkhidmatan LRT.

(a) Perancangan PTMP adalah modular, membolehkan fokus beralih mengikut keperluan dan ketersediaan dana untuk perancangan jangka pendek dan panjang seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Kerajaan Negeri mengamalkan pendekatan kewangan berhemat melalui strategi yang jelas:

(i) Kerjasama pelaksanaan projek LRT Laluan Mutiara bersama Kerajaan Persekutuan di mana Kerajaan Persekutuan membiayai LRT Laluan Mutiara (anggaran RM13 bilion – RM16.8 bilion), Kerajaan Negeri telah mengurangkan beban tanggungan, yang sebelum ini merupakan kebimbangan utama PTMP;

(ii) Model Pembiayaan *Public-Private-Partnership* (PPP) bagi pelaksanaan projek Pulau Silikon (Pulau A) berserta Pembangunan, kemudahan infrastruktur di atas Pulau A, *highway Pan Island Link* 2A (PIL 2A), *Airport Link Road* (sebelum ini dikenali sebagai Penang South Reclamation - PSR, yang telah dikurangkan saiznya daripada tiga buah pulau kepada satu pulau) yang sepatutnya menjadi sumber utama pembiayaan untuk komponen PTMP yang lain, terutamanya projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL1), laluan rel Tanjung Tokong dan Air Itam serta

lain-lain komponen yang dirancang di bawah PTMP sejak 2015;

Projek ini dirancang untuk menggunakan pendekatan penjanaan hasil daripada penjualan tanah baharu untuk membiayai infrastruktur, sekali gus mengelak penggunaan dana awam negeri yang sedia ada; dan

(iii) Kerajaan Negeri memperuntukkan dana khusus di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dan Pelan Induk Pengimbangan Ekologi PSI (PEOM). Peruntukan ini disalurkan untuk membantu komuniti nelayan yang terimpak dengan pelaksanaan projek tambakan Pulau Silikon dan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi alam sekitar juga diutamakan.

Kerajaan Negeri tidak hanya fokus pada pembangunan fizikal, tetapi turut mengambil kira impak sosial dan ekologi, yang juga merupakan sebahagian daripada kos pelaksanaan yang bertanggungjawab.

Secara keseluruhannya, jaminan kewangan PTMP kini jauh lebih kukuh berbanding tahun-tahun sebelumnya, berikutan penglibatan Kerajaan Persekutuan dan model pembiayaan inovatif yang berasaskan model PPP.

LAMPIRAN A

PERANCANGAN JANGKA PENDEK DAN PANJANG BAGI RANCANGAN INDUK PENGANGKUTAN PULAU PINANG (PTMP)

Jenis Projek	Komponen Utama	Jangka Masa & Status	Tujuan Strategik
Transit Rel (Projek Utama PTMP)	LRT Laluan Mutiara (Pulau Silikon/Bayar Lepas - Komtar - Penang Sentral	Jangka Pendek-Sederhana: Pembinaan bermula 2025, siap 2031.	Menjadi tulang belakang sistem pengangkutan awam, meningkatkan sasaran mod awam kepada 40% menjelang 2031.
Infrastruktur Jalan Raya Fasa 1	Pakej 2 Bypass (Air Itam-Tun Dr Lim Chong Eu)	Jangka Pendek: Hampir siap, dijangka operasi 2027.	Menyuraikan kesesakan laluan utama di kawasan padat.
Infrastruktur Jalan Raya Fasa 2	Pan Island Link (PIL) & Terowong/ Jambatan 'Third Link'	Jangka Panjang: Dalam semakan semula kebolehlaksanaan dan penyelarasan reka bentuk.	Melengkapkan rangkaian jalan raya dan menghubungkan pulau-tanah besar.
Ketersambungan Merentas Selat	Jambatan Rel LRT Mutiara ke Penang Sentral	Jangka Pendek-Sederhana: Reka bentuk selesai, proses tender sedang berjalan.	Mengintegrasikan sepenuhnya pengangkutan awam Pulau Pinang dan Seberang Perai.
Pengangkutan Awam Seberang Perai	Transit Aliran Bas (BRT)	Jangka Panjang: Dalam perancangan.	Menyediakan sistem transit awam di Seberang Perai sementara menunggu pengoperasian sistem LRT.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

10. Berapakah jumlah belia yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini?

    (a) Apakah strategi yang digunakan untuk mengenal pasti dan mendekati belia di kawasan berisiko tinggi?

    (b) Apakah jenis program intervensi yang telah dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Berdasarkan statistik penyalahgunaan dadah yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), bilangan penagih dadah di Negeri Pulau Pinang secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penagih
2020	2,622
2021	2,080
2022	2,248
2023	3,320
2024	3,394
2025 (Setakat Ogos)	2,340
Jumlah Keseluruhan	**16,004**

(a) Strategi utama bagi mengenalpasti kawasan berisiko penyalahgunaan dadah adalah dengan menganalisis data kawasan *hotspot* dan Skuad Anti Dadah. Pihak berkuasa akan menggunakan data berkaitan penagihan dadah, bilangan klien, individu yang disyaki serta penagih baharu untuk menentukan kawasan berisiko tinggi khususnya yang melibatkan golongan belia. Skuad Anti Dadah yang diwujudkan turut berfungsi sebagai 'mata-mata' dalam memantau serta memerhati kawasan baharu *hotspot* penagihan dadah.

Bagi strategik mendekati golongan belia yang terdedah di kawasan *hotspot* penagihan dadah, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya adalah seperti pelaksanaan program Kem Belia, Skuad Anti Dadah yang membawa pendedahan bahaya dadah kepada belia dan penggunaan media sosial sebagai platfom utama dalam membenteras penyalahgunaan serta jenayah dadah.

(b) Terdapat beberapa program intervensi yang dilaksanakan di kawasan berisiko tinggi penyalahgunaan dadah seperti:

(i) Program pemulihan dan rawatan yang berasaskan Model i-Pulih diperkasakan di setiap daerah yang merangkumi 9 komponen iaitu rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan, pembentukan fizikal dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, sivik dan tatanegara, latihan kemahiran dan vokasional, agama dan spiritual, sosial dan rekreasi serta integrasi masyarakat;

(ii) Program sokongan keluarga seperti Program Kelompok Sokongan Keluarga Kepulihan, Program *Family On Alert* dan Program Sesi Lawatan keluarga;

(iii) Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya yang dilaksanakan di sekolah dan mensasarkan pelajar berumur 13 hingga 18 tahun; dan

(iv) Program Intelek Asuhan Rohani untuk murid sekolah rendah tahap dua iaitu berumur 10 hingga 12 tahun yang berisiko. Matlamatnya adalah untuk membina kesedaran dan daya tahan diri terhadap penyalahgunaan dadah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

11. Nyatakan jumlah Permit Khas (KPDN) kategori Pengangkutan Air kepada nelayan di Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2024 mengikut jeti.

    (a) Senaraikan kaedah memohon Permit Khas dan syarat yang perlu dipatuhi.

    (b) Senaraikan aduan / kompaun salah guna minyak bersubsidi oleh pemegang permit.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Jumlah Permit Khas kategori Pengangkutan Air yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) dari tahun 2020 hingga tahun 2024 adalah seperti yang berikut:

    (i) Aktiviti nelayan bukan sepenuh masa sebanyak 19 permohonan; dan

    (ii) Aktiviti pengangkutan air persendirian/pelancongan sebanyak 34 permohonan.

(a) Permohonan Permit Khas boleh dibuat melalui Sistem MySubsidi Permit Khas. Dokumen sokongan yang dilampirkan di dalam sistem perlu lengkap bagi memenuhi syarat kelulusan permohonan.

Senarai dokumen bagi permohonan Permit Khas mengikut kategori permohonan adalah seperti yang berikut:

KATEGORI PERMOHONAN	SENARAI DOKUMEN
Permohonan Individu	i. Salinan kad pengenalan; ii. Surat sokongan dari agensi berkaitan; ii. Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (mengikut keperluan); v. Surat kontrak kerja/jadual kerja (jika berkaitan); v. Salinan dokumen pemilikan/ penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja); vi. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertanian sahaja); vii. Salinan sijil pemilikan/penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan); dan viii. Surat sokongan daripada stesen minyak yang dipilih.
Permohonan Syarikat	i. Salinan kad pengenalan pemilik syarikat; ii. Salinan pendaftaran perniagaan/ syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); iii. Salinan surat lantikan wakil syarikat; iv. Surat sokongan dari agensi berkaitan; v. Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (mengikut keperluan); vi. Surat kontrak kerja/jadual kerja (jika berkaitan); vii. Salinan dokumen pemilikan/ penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja); iii. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertanian sahaja); ix. Salinan sijil pemilikan/penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan); dan x. Surat sokongan daripada stesen minyak yang dipilih.

(b) KPDN dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak mempunyai maklumat ke atas rekod aduan/kompaun salah guna minyak bersubsidi oleh pemegang Permit Khas kategori Pengangkutan Air di Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

12. Nyatakan penerima subsidi petrol / diesel dalam kalangan pemegang Permit Khas nelayan mengikut daerah dari tahun 2020 hingga 2024.

    (a) Nyatakan kriteria kelayakan subsidi petrol / diesel untuk pemegang Permit Khas nelayan.

    (b) Senaraikan kes salah guna / penyelewengan yang berlaku dari tahun 2020 sehingga kini.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui surat kepada pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertarikh 2 Februari 2021 telah mempertimbangkan kelulusan Lesen Sampan Khas (LSK) bagi 3,629 permohonan tertakluk kepada syarat-syarat tambahan seperti yang berikut:

    (i) Penerima LSK tidak layak menuntut Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Bantuan Subsidi Minyak dan Insentif Pendaratan Ikan dalam tempoh percubaan selama satu (1) tahun; dan

    (ii) Penerima LSK diwajibkan mengemukakan laporan pendaratan hasil tangkapan kepada pihak LKIM untuk tujuan rekod dan pemantauan serta menjadi kriteria dalam pemberian insentif-insentif di bawah LKIM.

Justeru, penerima LSK yang telah melepasi syarat tambahan dan telah mengemukakan laporan pendaratan hasil tangkapan (sekurang-kurangnya 120 kali pengisytiharan) layak untuk memperbaharui lesen vesel dengan pihak DOF serta layak untuk memohon bantuan di bawah program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHTN) seperti bantuan ESHN, Bantuan Subsidi Minyak dan Insentif Pendaratan Ikan.

(a) Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan mula dilaksanakan pada tahun 2006 bagi membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung oleh nelayan disebabkan kesan kenaikan harga minyak di pasaran.

Kategori penerima skim ini adalah seperti yang berikut:

(i) Pemilik Vesel perikanan Zon A (tradisional);
(ii) Pemilik Vesel perikanan Zon A (enjin dalam dan jerut bilis);
(iii) Pemilik Vesel perikanan Zon B; dan
(iv) Pemilik Vesel perikanan Zon C.

Syarat kelayakan untuk memohon skim ini adalah seperti yang berikut:

(i) Pemilik Mykad (Biru);
(ii) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh DOF; atau
(iii) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sabah atau Jabatan Pelabuhan Dermaga Negeri Sabah serta Lesen Menangkap Ikan oleh Jabatan Perikanan Sabah.

Pemilik vesel individu/syarikat diwajibkan berdaftar dengan LKIM di Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) melalui *eNelayan Management System* dengan mengemukakan dokumen yang berkaitan.

(b) Kes salah guna/penyelewengan yang dilakukan oleh nelayan pantai dan laut hasil dari tangkapan jabatan/agensi penguatkuasa adalah seperti yang berikut:

(i) Membenarkan pihak ketiga menggunakan kad pintar petrol/diesel semasa pembelian selain daripada pemilik kad pintar;
(ii) Menggunakan minyak subsidi petrol/diesel bukan untuk tujuan menangkap ikan;
(iii) Pemilik vesel tidak turun ke laut atau vesel rosak tetapi membuat pengistiharan dan membeli minyak subsidi petrol/diesel untuk kegunaan sendiri; dan
(iv) Pemilik kad pintar mengisi minyak ke dalam tong yang tidak dibenarkan dan mengisi minyak ke dalam kenderaan.

Manakala kes salah guna/penyelewengan yang dilakukan oleh nelayan pantai dan laut hasil dari aduan awam atau pemeriksaan mengejut ke stesen minyak yang didaftarkan adalah seperti yang berikut:

(i) Pembelian minyak subsidi yang melebihi kapasiti tong/tangki yang dibenarkan oleh LKIM;
(ii) Pemegang kad pintar menjual minyak subsidi kepada nelayan lain yang kehabisan kuota; dan
(iii) Mengisi minyak subsidi diesel ke vesel yang dimiliki dengan menggunakan kad pintar orang lain kerana kehabisan kuota.

Bilangan kes salah guna/penyelewengan yang berlaku di kalangan nelayan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah seperti jadual yang berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2020	55
2021	52
2022	52
2023	17
2024	61
2025	37
JUMLAH	**274**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

13. Senaraikan pendaratan ikan dari tahun 2023 sehingga 2025 mengikut daerah.

    (a) Terangkan faktor utama kejatuhan bilangan pendaratan ikan seperti dilaporkan Utusan pada 22 September 2025.

    (b) Sejauh manakah projek PSI memberi impak kejatuhan pendaratan ini?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Jumlah pendaratan ikan mengikut daerah pada tahun 2023 sehingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Berdasarkan data tangkapan laut pada tahun 2023 hingga 2024, terdapat peningkatan pendaratan dari 38,226.24 tan metrik ke 39,385.50 tan metrik. Peningkatan pengeluaran domestik negara ini adalah konsisten dan positif sepanjang tempoh pemulihan dan menjadi antara penyumbang penting kepada hasil perikanan negara. Kadar Sara Diri (SSR) perikanan juga turut menunjukkan peningkatan dari 91.9% pada tahun 2023 ke 93.3% pada tahun 2024.

    Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang terus membangunkan sektor perikanan alternatif dan mampan melalui sektor akuakultur. Selari dengan Dasar Agro makanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), pihak

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk meningkatkan sektor agromakanan negara secara menyeluruh termasuk melalui pembangunan sektor akuakultur.

Sebagai contoh, pengeluaran akuakultur marin di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah yang tertinggi di Malaysia dengan jumlah pengeluaran sebanyak 52,943 tan metrik daripada jumlah pengeluaran akuakultur negara secara keseluruhan pada tahun 2024 adalah sebanyak 56,051.12 tan metrik.

(b) Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung telah melaksanakan analisis pendaratan sumber laut di kawasan selatan Negeri Pulau Pinang iaitu di sekitar tapak projek Pulau Silikon pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, pengumpulan data tersebut masih belum selesai dan pihak IPP akan mengeluarkan data secara sah selepas proses analisis tamat.

LAMPIRAN A

JUMLAH PENDARATAN IKAN MENGIKUT DAERAH PADA TAHUN 2023 SEHINGGA SEPTEMBER 2025 (TAN METRIK)

2023	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH BESAR
Barat Daya	752.728	1302.917	1458.324	1121.757	1237.014	1283.227	1371.193	1188.244	1200.642	1259.962	1178.38	1107.097	**14461.485**
Timur Laut													
Seberang Perai Utara	1663.355	2143.57	1590.776	1748.12	1227.956	1746.506	2277.267	1680.35	1186.191	1211.652	1841.989	1432.259	**19749.991**
Seberang Perai Tengah													
Seberang Perai Selatan													

2024	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (JAN - APR)	JUMLAH (MEI - DIS)
Barat Daya	468.344	646.375	863.821	875.432	1079.88	962.361	718.28	739.725	582.581	775.94	678.305	736.431	**2853.972**	**6273.503**
Timur Laut	630.609	823.656	1131.77	1149.245	1349.051	1166.491	942.143	972.495	788.833	1029.153	905.368	1008.015	**3735.28**	**8161.549**
Seberang Perai Utara	2148.424	4225.005	3903.476	3469.596	946.785	1073.004	721.734	687.121	721.023	840.291	752.066	671.114	**13746.501**	**6413.138**
Seberang Perai Tengah					74.035	74.392	70.353	75.684	70.861	75.527	77.377	79.624		**597.853**
Seberang Perai Selatan					478.917	523.23	534.329	547.994	577.724	538.497	585.113	618.386		**4404.19**

2025	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	JUMLAH BESAR
Barat Daya	623.223	659.348	605.6	923.867	737.529	720.588	763.044	723.569	647.292	**6404.06**
Timur Laut	371.274	397.84	298.405	404.977	353.354	343.357	335.068	345.487	0	**2849.762**
Seberang Perai Utara	1087.447	2626.889	2268.588	2732.697	1875.623	1934.129	2375.805	1687.832	1623.18	**18212.19**
Seberang Perai Tengah	85.413	108.291	109.17	106.119	103.936	110.597	109.384	107.096	108.041	**948.047**
Seberang Perai Selatan	623.223	659.348	605.6	923.867	737.529	720.588	763.044	723.569	647.292	**6404.06**

Nota: Tiada data mengikut daerah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan bagi bulan Januari hingga April kerana data diambil dari setiap pangkalan bermula bulan Mei.

ID134/05

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

14. Senaraikan bantuan dan jumlah bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat di Pulau Pinang sejak 2018 hingga kini.

    (a) Senaraikan jumlah yang diterima mengikut sekolah, daerah dan tahun.

    (b) Apakah kriteria agihan bantuan SAR?

    (c) Apakah keberkesanan bantuan SAR terhadap hasil pendidikan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Bantuan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Pulau Pinang sejak 2018 hingga 2024 ialah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN
2018	RM1,777,432.00
2019	RM2,481,160.00
2020	RM2,994,260.00
2021	RM3,002,927.00
2022	RM3,170,138.00
2023	RM2,910,376.00
2024	RM3,200,000.00

(a) Senarai jumlah yang diterima mengikut sekolah, daerah dan tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B.**

(b) Kriteria agihan bantuan SAR adalah seperti berikut;

(i) Agihan mengikut jumlah sekolah yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang;

(ii) Agihan secara jumlah pelajar sekolah secara perkapita; dan

(iii) Agihan berdasarkan jumlah guru dan kakitangan sekolah.

(c) Keberkesanan bantuan SAR terhadap hasil pendidikan seperti berikut:

(i) Bantuan SAR dapat mengurangkan beban kewangan sekolah yang ditanggung oleh pihak Jemaah Pengurusan sekolah yang boleh menjejaskan operasi Pendidikan;

(ii) Pembelian Alat Bantu Mengajar (ABM) mampu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru kepada pelajar;

(iii) Bantuan SAR kepada guru-guru mampu meningkatkan semangat dan komitmen dalam pengajaran kepada pelajar; dan

(iv) Bantuan SAR yang dibelanja untuk pembaikan kecil akan memberi manfaat keselesaan kepada semua pelajar di sekolah.

LAMPIRAN A

JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH TAHUN 2018 HINGGA 2024

BIL	DAERAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
1	Barat Daya	27	42	43	44	44	44	44
2	Timur Laut	25	35	35	35	35	35	35
3	Butterworth	21	41	43	43	43	43	43
4	Kepala Batas	47	70	75	77	77	72	75
5	Seberang Perai Tengah	47	76	89	89	89	89	89
6	Seberang Perai Selatan	27	40	46	46	46	46	46
JUMLAH		**194**	**304**	**331**	**334**	**334**	**329**	**332**

LAMPIRAN B

JUMLAH AGIHAN PERUNTUKAN SEKOLAH MENGIKUT DAERAH TAHUN 2018 HINGGA 2024

BIL	DAERAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
1	Barat Daya	RM247,375	RM342,791	RM39,8892	RM395,595	RM404,449	RM389,229	RM424,096
2	Timur Laut	RM229,050	RM285,659	RM316,613	RM314,677	RM321,721	RM309,614	RM337,349
3	Butterworth	RM192,402	RM334,630	RM388,982	RM386,604	RM395,257	RM380,383	RM414,457
4	Kepala Batas	RM430,614	RM571,139	RM678,457	RM692,291	RM707,786	RM6369,21	RM722,891
5	Seberang Perai Tengah	RM430,614	RM620,390	RM805,183	RM800,181	RM818,090	RM787,304	RM857,831
6	Seberang Perai Selatan	RM247,375	RM326,648	RM416,250	RM413,576	RM422,383	RM406,921	RM4433,73

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

15. Senaraikan bantuan dan jumlah bantuan MAINPP kepada KITAB sejak 2018.

    (a) Apakah pecahan operasi, pembangunan dan biasiswa mengikut tahun?

    (b) Apakah status audit perbelanjaan dan pematuhan syarat?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Jumlah bantuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) kepada Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) pada tahun 2018 sehingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2018	3,000,000
2019	3,000,000
2020	3,970,000
2021	4,500,000
2022	4,500,000
2023	5.242,000
2024	5,800,000
2025	6,600,000

Peruntukan ini telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Sdn. Bhd., Zakat MAINPP dan MAINPP sendiri untuk perbelanjaan pengurusan dan peruntukan biasiswa zakat terbuka untuk semua program yang ditawarkan.

(a) Perincian pecahan Belanja Operasi, Pembangunan dan Biasiswa mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BELANJA OPERASI (RM)	BELANJA PEMBANGUNAN (RM)	BIASISWA PELAJAR (RM)
2018	3,055,047	162,637	499,020
2019	3,081,684	141,575	506,851
2020	3,476,893	28,567	169,908
2021	7,200,546	46,687	366,800
2022	5,436,179	94,265	878,400
2023	6,789,233	116,928	636,170
2024	8,546,017	220,615	718,005

(b) Status audit perbelanjaan dan pematuhan syarat mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	NAMA FIRMA AUDIT	TARIKH SIJIL AUDIT	JENIS SIJIL AUDIT
2018	NORHASHIMAH & PARTNERS	12 April 2019	Bersih
2019	NORHASHIMAH & PARTNERS	10 Februari 2020	Bersih
2020	JAMAL, AMIN & PARTNERS	8 Februari 2021	Bersih
2021	JAMAL, AMIN & PARTNERS	18 Februari 2022	Bersih
2022	JAMAL, AMIN & PARTNERS	15 Februari 2023	Bersih
2023	MNZ WAJA PLT	16 April 2024	Bersih
2024	MNZ WAJA PLT	25 April 2025	Bersih

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

16. Senaraikan rangkaian industri dan penempatan pelajar KITAB.

    a) Dengan siapa MoU latihan industri ditandatangani?

    b) Berapakah bilangan penempatan praktikum setahun dan kadar penyerapan kerja?

    c) Apakah KPI kebolehpasaran yang disasar tiga tahun akan datang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Senarai rangkaian industri dan penempatan pelajar Kolej Islam Tekonologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Memorandum Persefahaman (MoU) latihan industri telah ditandatangani dengan beberapa agensi mengikut bidang pengajian seperti berikut:

        (i) Bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak – Keedsflix

        (ii) Bidang Halal – Dalam peringkat perancangan untuk dimeterai bersama Penang Halal International (PHI)

(iii) Bidang Kaunseling – Dalam peringkat perancangan untuk dimeterai bersama Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

(b) Jumlah keseluruhan penempatan praktikum dan latihan industri bagi tahun semasa melibatkan seramai 92 orang pelajar merangkumi tiga (3) sesi pelaksanaan iaitu Semester 3 Sesi 2023/2024, Sesi Timur Tengah, *dan* Semester 1 Sesi 2025/2026. Penempatan ini merangkumi pelbagai bidang pengajian termasuk Pendidikan Awal Kanak-kanak, Halal dan Kaunseling yang dijalankan melalui kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), serta sektor industri swasta di dalam dan luar negeri.

Dari segi kadar penyerapan kerja, hasil maklum balas daripada agensi latihan menunjukkan bahawa 80% hingga 85% pelajar telah diserap bekerja selepas tamat latihan industri. Penyerapan ini melibatkan pelbagai bentuk pekerjaan seperti kontrak, sambilan dan sepenuh masa. Hal ini menandakan bahawa latihan industri bukan sekadar komponen akademik, tetapi juga medium penting dalam melahirkan graduan yang memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.

Kecenderungan majikan untuk menyerap pelatih sebagai pekerja tetap turut membuktikan keberkesanan pendekatan latihan industri yang menekankan kemahiran insaniah, etika kerja, komunikasi berkesan, dan profesionalisme pelajar. Pihak institusi juga mendapati peningkatan minat pelajar untuk kekal bekerja di tempat latihan berpunca daripada keserasian budaya kerja dan pendedahan praktikal yang baik sepanjang tempoh penempatan.

(c) KPI kebolehpasaran graduan bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang (2025–2028) adalah untuk mencapai sekurang-kurangnya 90% kadar kebolehpasaran graduan menjelang tahun 2028 selaras dengan matlamat Agenda Pembangunan Agama Islam 2030 (APAI2030) Negeri Pulau Pinang iaitu membina masyarakat berilmu, sejahtera dan berdaya saing.

LAMPIRAN A

SENARAI RANGKAIAN INDUSTRI DAN PENEMPATAN PELAJAR KOLEJ ISLAM TEKONOLOGI ANTARABANGSA (KITAB) PULAU PINANG

SEM 3 SESI 2024/2025			
BIL	**LATIHAN INDUSTRI**	**BIL. PELAJAR**	**CATATAN**
1	MADRASAH AL-AMINIAH	1	
2	BALAI POLIS BALIK PULAU	1	
3	PUSAT PENGAJIAN DARUL HADIS PULAU PINANG	3	
4	TADIKA MENARA GADING	1	
5	MAHABBATEN TRAVEL & TOURS (SEBERANG JAYA)	1	
6	SEKOLAH ZAKAT KEDAH	1	
7	MAAHAD TAHFIZ AL-ISLAH	1	
8	MASJID JAMEK ARA KUDA	1	
9	PUSAT ISLAM, USM	1	
10	SMA FAQIAH DAIMIAH	1	
11	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM (SRITI)	1	
12	PEJABAT AGAMA DAERAH BARAT DAYA PULAU PINANG	1	
TIMUR TENGAH 2025			
1	PENANG HALAL INTERNATIONAL	3	
2	YAYASAN ISLAM PULAU PINANG	2	
3	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG	2	
4	WAKAF MAINPP	2	
5	ZAKAT MAINPP	3	
6	KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB) PULAU PINANG	2	
7	JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PULAU PINANG	2	
8	JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG	3	
9	JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG	2	
SEM 1 SESI 2025/2026			
1	AC SYNERGY ENTERPRISE SDN. BHD. (KILANG PAU GREEN COTTAGE)	1	
2	AG MED SDN BHD	1	
3	AI-KAUTHAR EDUQIDS BANDAR PERDA BUKIT MERTAJAM	1	
4	AUGY GLOBAL MARKETING SDN.BHD	2	
5	AZMINA JANNAH DIANI & ASSOCIATES	1	
6	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG	1	
7	BAHANG BAY HOTEL SDN. BHD.	1	
8	BRAHIM FOOD SERVICE BAYAN LEPAS	1	
9	FARMERS RIVER INTERNATIONAL SDN BHD	2	
10	GoWSTOURS INTERNATIONAL	1	
11	HOTEL SERI MALAYSIA (BAYAN BARU)	1	

12	JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG (JMNPP)	1	
13	JERUK MADU PAK ALI	1	
14	KHABILU MURUKU (TASEK GELUGOR)	2	
15	KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA PULAU PINANG	1	
16	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)	1	
17	KOMATRA SAJIAN SDN BHD (KEM SUNGAI ARA)	1	
18	KPDNKK SEBERANG JAYA PULAU PINANG	1	
19	LEXIS SUITES HOTEL	1	
20	LOGIX EXPRESS SND BHD	1	
21	MADRASAH ALQURAN WAL ARABIYYAH (MAWAR)	1	
22	MADRASAH TAHFIZ NIKMATUL IMAN	1	
23	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KULIM	1	
24	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA MUDA	1	
25	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN	1	
26	MUMMY RQ SDN.BHD	1	
27	NABIHAN LEGACY	1	
28	PAK ALI INDUSTRIES SDN BHD	1	
29	PEJABAT AGAMA DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	1	
30	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BARAT DAYA (PPD)	1	
31	POLITEKNIK SEBERANG PERAI	2	
32	PULLMAN KLCC HOTEL & RESIDENCES	1	
33	PUSAT ISLAM , USM	1	
34	PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) BUKIT MERTAJAM	1	
35	PUSAT PERKHIDMATAN WANITA (PPW)	1	
36	SK CHANGKAT IBUL	1	
37	TADIKA MUTIARA PINTAR ATHFAL BALIK PULAU	1	
38	TADIKA TAHFIZ FITRAH	1	
39	THERAPLAY MALAYSIA ACADEMY	1	
40	UiTM PERMATANG PAUH	1	
41	USLINOV AHMAD CHAMBERS	1	
42	VOUK HOTEL SUITES, PENANG	2	
43	WEEDA RICH INDUSTRIES SDN BHD	1	
44	YADIM PULAU PINANG	1	
45	YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA PULAU PINANG	3	
46	YAYASAN RESTU	1	
47	YKN HQ PUTRAJAYA	2	
48	YUSLINOV AHMAD CHAMBERS	2	
JUMLAH PELAJAR		**92**	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

17. Apakah jumlah bantuan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di luar negara sejak 2018?

    (a) Apakah pecahan mengikut negara, bidang dan tahun?

    (b) Apakah kriteria kelayakan bantuan pelajar luar negara?

    (c) Apakah syarat pendapatan, CGPA dan pengiktirafan institusi?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Jumlah bantuan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di luar negara melalui Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sejak 2018 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Pecahan mengikut negara bidang dan tahun adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

    (b) Kriteria kelayakan bantuan pelajar luar negara adalah seperti berikut:

        (i) Skim Permulaan Insititut Pengajian Tinggi (IPT) Luar Negara:

            1) Bermastautin di Pulau Pinang melebihi setahun;

            2) Peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja;

3) Belajar sepenuh masa;

4) Permohonan sekali sahaja; dan

5) Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pendaftaran yang dinyatakan dalam surat tawaran

(ii) Skim Dermasiswa Luar Negara:

1) Bermastautin di Pulau Pinang melebihi setahun;

2) Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD sahaja;

3) Tidak mendapat mana-mana tajaan atau pinjaman boleh ubah;

4) Hanya keputusan peperiksaan yang LULUS akan dipertimbangkan, kecuali bagi pengajian Islam di Indonesia yang memperoleh nilai purata bersamaan dengan CGPA 2.75;

5) Keputusan peperiksaan dan surat pengesahan pengajian tahun semasa pelajar Timur Tengah perlu **DISAHKAN** oleh Pegawai Atase Pendidikan Pulau Pinang di Timur Tengah;

6) Permohonan sekali sahaja dalam tempoh setahun; dan

7) Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

(c) Syarat pendapatan, CGPA dan pengiktirafan institusi adalah seperti berikut:

(i) Tiada syarat pendapatan kerana di bawah asnaf Fisabilillah;

(ii) CGPA 2.75 ke atas sahaja bagi Indonesia (Pengajian Islam)/ pengajian luar Malaysia yang lain seperti bidang perubatan syarat kelayakan minimum adalah LULUS sahaja; dan

(iii) Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

LAMPIRAN A

SKIM PERMULAAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) LUAR NEGARA

TAHUN	NILAI AGIHAN (RM)	BIL. PENERIMA
2018	289,268.20	151
2019	283,500.00	143
2020	45,000.00	22
2021	205,000.00	101
2022	136,000.00	68
2023	204,000.00	102
2024	192,515.88	79

SKIM DERMASISWA LUAR NEGARA SEPERTI BERIKUT:

TAHUN	NILAI AGIHAN (RM)	BIL. PENERIMA
2021	2,690,000.00	278
2022	2,156,000.00	268
2023	2,445,000.00	280
2024	2,104,000.00	249

LAMPIRAN B

TAHUN 2021:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2021	Mesir	Pengajian Islam	192	1,406,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	26	182,000
	Jordan	Pengajian Islam	11	132,000
	Maghribi	Pengajian Islam	1	10,000
	Indonesia	Perubatan	6	120,000.00
	Mesir	Perubatan	34	680,000.00
	Rusia	Perubatan	8	160,000.00
Jumlah			**278**	**2,690,000.00**

TAHUN 2022:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2022	Mesir	Pengajian Islam	202	1,261,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	14	98,000.00
	Jordan	Pengajian Islam	30	369,000.00
	Maghribi	Pengajian Islam	1	8,000.00
	India	Perubatan	1	20,000.00
	Indonesia	Perubatan	4	80,000.00
	Mesir	Perubatan	12	240,000.00
	Rusia	Perubatan	4	80,000.00
Jumlah			**268**	**2,156,000.00**

TAHUN 2023:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2023	Mesir	Pengajian Islam	201	1,308,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	12	84,000.00
	Jordan	Pengajian Islam	33	393,000.00
	Maghribi	Pengajian Islam	2	20,000.00
	Bangladesh	Perubatan	1	20,000.00
	Indonesia	Perubatan	6	120,000.00
	Mesir	Perubatan	18	360,000.00
	Rusia	Perubatan	7	140,000.00
Jumlah			**280**	**2,445,000.00**

TAHUN 2024:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2024	Mesir	Pengajian Islam	180	1,146,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	6	42,000.00
	Jordan	Pengajian Islam	39	466,000.00
	Maghribi	Pengajian Islam	3	30,000.00
	Rusia	Pengajian Islam	1	20,000.00
	Bangladesh	Perubatan	1	20,000.00
	Indonesia	Perubatan	3	60,000.00
	Mesir	Perubatan	11	220,000.00
	Rusia	Perubatan	5	100,000.00
Jumlah			**249**	**2,104,000.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

18. Sekolah Islam Antarabangsa Al Mashoor oleh MAINPP.

(a) Apakah bentuk kerjasama antara MAINPP, Yayasan Islam Pulau Pinang dan Al Hamra Integrated School dalam aspek kurikulum, pengurusan pentadbiran serta sumber kewangan?

(b) Apakah perkembangan projek ini?

(c) Sejauh manakah model ini menjamin sekolah Islam antarabangsa ini dalam jangka masa panjang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. (a) Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang Bil. 2/2025 bertarikh 21 Julai 2025 bersetuju untuk pengoperasian Al Mashoor International Islamic School (AMIIS) akan menggunapakai YIPP Edu Services Sdn. Bhd. yang dimiliki secara majoriti oleh MAINPP dengan pegangan saham, sebanyak 70 peratus dan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) sebanyak 30 peratus. Pada 22 Mac 2025 satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama pihak Al Hamra Integrated School telah diadakan dan Al Hamra Integrated School akan bertindak sebagai operator

melalui satu Syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) yang akan dimiliki secara bersama oleh YIPP Edu Services Sdn. Bhd. dan operator Al Mashoor International Islamic School (AMIIS). Ini adalah satu inisiatif supaya kawalan pengoperasian secara berterusan dapat di jalankan.

(b) Kerja-kerja renovasi telah pun disiapkan dan di dalam proses untuk perakuan *Certificate Of Practical Completion* (CPC). Pendaftaran Lesen Kelulusan Sementara dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam proses pemeriksaan dan kelulusan.

(c) Model kerjasama yang termeterai ini mampu untuk menjamin sekolah Islam antarabangsa dalam jangka masa panjang disebabkan oleh Struktur Tadbir Urus yang kukuh. Melalui entiti khas (SPV – Special Purpose Vehicle), struktur ini membantu menjaga integriti dan kesinambungan operasi. Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) akan bertindak sebagai penjaga visi Islamik manakala pengurus profesional mengurus operasi harian. Model yang menetapkan mekanisme audit, akademik dan kewangan secara berkala akan menjamin ketelusan dan penambahbaikan yang berterusan.

Selain itu, bagi menjamin sekolah ini dalam jangka masa panjang Standard Akademik dan Pasaran Global juga penting. Model yang menggabungkan kurikulum *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) dengan nilai Islam mampu menarik pelajar antarabangsa dan tempatan. Hal ini membuktikan bahawa sekolah antarabangsa yang dibangunkan ini bukan hanya sekadar sekolah agama akan tetapi institusi yang mampu berdaya saing di peringkat global dengan identiti Islamik yang pertama di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

19. Berapakah jumlah kes individu menyamar sebagai sami atau pendakwah bukan Islam untuk kutipan derma di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini?

    (a) Apakah langkah penguatkuasaan yang dilaksana bagi mencegah penipuan ini?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Sejak tahun 2020 hingga Oktober 2025, sebanyak empat laporan polis telah direkodkan di Pulau Pinang berkaitan kegiatan penipuan kewangan oleh individu yang menyamar sebagai Sami Buddha. Suspek-suspek ini didapati menjalankan kegiatan kutipan derma, kononnya untuk membiayai rumah kebajikan dan aktiviti keagamaan, namun wang yang dikutip digunakan untuk kepentingan peribadi. Hasil siasatan mengesahkan bahawa kesemua suspek tidak mempunyai pengiktirafan rasmi daripada mana-mana organisasi atau lembaga agama Buddha di Malaysia dan identiti mereka mencurigakan kerana menggunakan dokumen pengenalan diri yang dipercayai palsu atau diperoleh secara tidak sah.

    (a) Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil inisiatif untuk membuat pemantauan dan sesi libat urus secara berkala dengan pentadbiran Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), terutamanya kuil-kuil Buddha. Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kewaspadaan komuniti RIBI terhadap kehadiran individu yang tidak

dikenali dan mengaku sebagai sami, serta menggalakkan mereka untuk melaporkan segera sekiranya mengesan kehadiran individu mencurigakan. Selain itu, maklumat yang diperoleh daripada pemantauan ini akan disalurkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen bagi menyemak latar belakang serta mengesan kemungkinan pemalsuan dokumen pengenalan diri yang digunakan oleh sami-sami palsu tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

20. Senaraikan program dan peruntukan pembangunan belia yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi muda yang berdaya saing dan memiliki kemahiran insaniah serta kepimpinan, terutama di kawasan luar bandar.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah memperkenalkan Siri Jelajah Belia bermula tahun 2024 bertujuan mendekati golongan belia di kawasan luar bandar serta memfokuskan kepada penglibatan aktif mereka dalam program komuniti setempat.

Pengisian utama dalam Siri Jelajah Belia ini ialah sesi libat urus secara mikro yang menampilkan YB Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, bersama pemimpin setempat sebagai ahli panel untuk berinteraksi secara langsung dengan para belia.

Selain itu, pelbagai aktiviti turut dijalankan mengikut lokaliti, keperluan dan minat utama belia di sesuatu kawasan, antaranya termasuk temuduga terbuka, reruai pameran dan sesi perkongsian oleh jabatan serta agensi kerajaan, konvoi motosikal, agihan bantuan komuniti, dan banyak lagi.

Berikut ialah senarai program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025 (sehingga Oktober) di bawah Siri Jelajah Belia iaitu:

(i) Santai Moreh di Permatang Pasir;

(ii) Jelajah Sahur Belia Pulau Pinang;

(iii) Ziarah Ramadan di Sungai Dua;

(iv) Ziarah Ramadan di Telok Air Tawar;

(v) Karnival Mini di Sungai Puyu;

(vi) Baton Hari Belia Negara;

(vii) Fiesta Belia Kampung Penanti Madani 2025;

(viii) Jom Santai di Seberang Jaya;

(ix) Rakan Muda Turun Kampus;

(x) Santai Anak Muda di Telok Bahang; dan

(xi) *Penang Rider* Jalan Teruih.

Bagi mewujudkan belia yang berdaya saing dan memiliki kemahiran insaniah serta kepimpinan, PYDC turut melaksanakan program seperti berikut:

(i) Program Sidang Muda tahun 2025 yang mendedahkan belia dengan perjalanan Dewan Undangan Negeri, proses penggubalan undang-undang dan pemahaman tentang sistem pentadbiran kerajaan;

(ii) Seramai 8,367 orang belia telah berdaftar sebagai Sukarelawan Belia dan turut melibatkan diri dalam pelbagai program peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri serta komuniti; dan

(iii) Pertandingan Keusahawanan Belia atau dikenali sebagai *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC). Bagi tahun 2025, YEC akan dilaksanakan pada peringkat daerah manakala peringkat negeri akan dilaksanakan pada tahun 2026.

Bagi merancakkan lagi pembangunan belia di negeri ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan seperti berikut:

(i) Dana Pembangunan Belia berjumlah RM100,000.00 yang mana merupakan satu inisiatif di bawah MMK Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2024 bertujuan membantu pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar untuk menganjurkan program pembangunan belia;

(ii) Peruntukan MMK Belia dan Pembangunan Belia (Mahasiswa) berjumlah RM203,750.00 terus disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2025;

(iii) Peruntukan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang berjumlah RM1.35 juta setahun; dan

(iv) Peruntukan SKIM INSENTIF BEST! ANAK PENANG – Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP) berjumlah RM500,000.00 telah diperuntukkan bagi tempoh lima (5) tahun untuk pemberian insentif kepada belia-belia yang berjaya di dalam kejohanan yang dipertandingkan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

21. Nyatakan jumlah peruntukan tahunan YIPP bagi pengurusan KAFA Menengah dari tahun 2022 hingga 2025.

    (a) Nyatakan perincian penggunaan bajet KAFA Menengah mengikut daerah dan komponen utama.

    (b) Nyatakan kos per kapita setiap pelajar dan purata per pusat bagi setiap tahun.

    (c) Nyatakan status audit kewangan dan audit prestasi bagi KAFA Menengah.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Jumlah peruntukan tahunan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) bagi pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Menengah dari tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	GERAN ZAKAT MAINPP (RM)	GERAN KERAJAAN NEGERI (RM)	JUMLAH (RM)
2022	372,161.80	500,000.00	872,161.80
2023	677,084.80	500,000.00	1,177,084.80
2024	784, 802.00	-	784, 802.00
2025	804,722.00	-	804,722.00
JUMLAH			**3,638,770.60**

(a) Perincian penggunaan bajet KAFA Menengah mengikut daerah dan komponen utama seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Perincian kos per kapita setiap pelajar dan purata per pusat bagi setiap tahun seperti di **LAMPIRAN B**.

(c) Status Audit Kewangan: Kewangan YIPP sentiasa diaudit oleh juruaudit luar yang dilantik setiap tahun bagi memastikan ketelusan dan pematuhan kepada piawaian perakaunan semasa.

Status Audit Prestasi: Audit prestasi dilaksanakan melalui pemantauan dan penilaian dalaman. YIPP mengemas kini laporan prestasi program setiap tahun kepada Lembaga Pengarah YIPP bagi tujuan semakan, penambahbaikan dan kelulusan tindakan lanjut.

LAMPIRAN A

(a) Emolumen, Operasi dan Program

Tahun 2022

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 41,382.50	RM 157,208.02	RM 14,384.00
Timur Laut	RM 39,775.20		-
Seberang Perai Utara	RM 83,868.65		-
Seberang Perai Tengah	RM 39,775.20		RM 34,419.40
Seberang Perai Selatan	RM 49,719.00		-
Lumpsum / Luar Kawasan			RM 17,580.00

Tahun 2023

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 67,282.80	RM 196,917.95	RM 21,204.00
Timur Laut	RM 66,935.10		-
Seberang Perai	RM 139,732.50		RM 3,131.60
Utara			
Seberang Perai Tengah	RM 65,834.15		RM 81,027.70
Seberang Perai Selatan	RM 67,282.80		-
Lumpsum / Luar Kawasan	-		RM 4,7701.5

Tahun 2024

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 67,832.80	RM 157,007.05	-
Timur Laut	RM 77,827.55		RM 500.00
Seberang Perai Utara	RM 133,049.65		-
Seberang Perai Tengah	RM 75,107.95		RM 68,633.58
Seberang Perai Selatan	RM 67,432.80		RM 17,990.00
Lumpsum / Luar Kawasan	-		RM 28,708.40

Tahun 2025 (Sehingga September 2025)

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 46,665.22	RM 129,241.85	RM 54,852.90
Timur Laut	RM 47,617.10		-
Seberang Perai Utara	RM 99,824.20		RM 7.550.00
Seberang Perai Tengah	RM 61,729.15		RM 8,133.00
Seberang Perai Selatan	RM 52,083.06		-
Lumpsum / Luar Kawasan	-		RM 14,250.00

LAMPIRAN B

(b) Per Kapita dan Per Pusat:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA(RM)
2022	872,161.80
2023	1,177,084.80
2024	784, 802.00
2025	804,722.00

TAHUN	JUMLAH PELAJAR
2022	303 Orang
2023	577 Orang
2024	479 Orang
2025	346 Orang

TAHUN	JUMLAH PUSAT
2022	11 Pusat
2023	13 Pusat
2024	13 Pusat
2025	13 Pusat

1. Per Kapita Setahun Seorang

$$\frac{\text{Jumlah Peruntukan}}{\text{Jumlah Pelajar}} = \text{Per Kapita Setahun}$$

TAHUN	PER KAPITA SETAHUN
2022	RM 2,878.42
2023	RM 2,040.01
2024	RM 1,638.42
2025	RM 2,325.79

2. Purata Per Pusat Setahun

$$\frac{\text{Jumlah Peruntukan Setahun}}{\text{Jumlah Pusat}} = \text{Purata Per Pusat Setahun}$$

TAHUN	PURATA PER PUSAT SETAHUN (RM)
2022	79,287.44
2023	90,544.98
2024	60,369.38
2025	61,901.69

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

22. Apakah bantuan terkini dari sudut kewangan dan insentif khusus oleh kerajaan untuk pesawah di kawasan jerlus?

    (a) Sejauh manakah kerajaan menyediakan pam kepada pesawah agar air dapat dipam keluar apabila hujan?

    (b) Apakah perlindungan risiko tanaman yang ditawarkan kepada pesawah terjejas?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan bantuan kewangan, insentif, dan pembangunan infrastruktur bagi menangani isu tanah jerlus di kawasan jelapang padi di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai usaha dan bantuan melalui peruntukan pembangunan negeri telah disalurkan dari tahun 2022 hingga 2025 bagi mengurangkan masalah jerlus, meningkatkan hasil, dan menstabilkan pendapatan pesawah. Senarai peruntukan dan insentif untuk tanaman padi dan pesawah Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu pesawah menguruskan sumber air secara berkesan khususnya bagi menghadapi situasi hujan lebat serta musim kemarau.

Bagi aspek pengaliran air keluar semasa musim hujan, Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan kepada penambahbaikan dan penyelenggaraan sistem saliran sawah padi. Sistem saliran yang lebih efisien membolehkan air hujan dialirkan keluar dengan cepat daripada petak sawah sekali gus mengurangkan risiko tanah mendap dan jerlus.

Bagi kawasan sawah yang dikenal pasti mengalami masalah tanah jerlus, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan parit jejari serta parit ladang telah dilaksanakan bagi mempercepatkan aliran keluar air. Senarai projek yang telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang adalah seperti yang berikut:-

(i) Penyelenggaraan saliran sepanjang 2,400 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM12,000.00 serta 20,000 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM120,000.00 di Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

(ii) Penyelenggaraan saliran sepanjang 2,000 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM10,000.00 di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS); dan

(iii) Penyelenggaraan saliran sepanjang 2,200 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM14,600.00 di Daerah Barat Daya (DBD).

Selain itu, pembinaan parit jejari berukuran 9 meter × 0.6 meter × 0.3 meter juga dibuat bagi mempertingkatkan kecekapan pengaliran air keluar dari petak sawah. Selain pengurusan air semasa hujan, perhatian turut diberikan terhadap bekalan air semasa musim kemarau. Bagi tujuan ini, sebanyak 40 unit pam air diesel telah disediakan untuk digunakan oleh pesawah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pam-pam ini digunakan bagi mengepam air masuk ke petak sawah untuk mengekalkan kelembapan tanah dan memastikan pertumbuhan padi tidak terjejas akibat kekurangan air.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah menyediakan satu mekanisme pengurusan air dua (2) hala yang menyeluruh seperti berikut:-

(i) Aliran keluar air semasa hujan melalui sistem saliran yang dipertingkat termasuk pembinaan dan penyelenggaraan parit jejari serta parit ladang di kawasan berisiko jerlus; dan

(ii) Aliran masuk air semasa kemarau melalui penyediaan pam air diesel bagi menjamin bekalan air mencukupi untuk tanaman padi.

(b) Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pelbagai bentuk perlindungan risiko tanaman bagi pesawah yang terjejas akibat bencana alam, serangan perosak atau penyakit tanaman. Salah satu inisiatif utama ialah Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang diperkenalkan melalui Agrobank. Skim ini menawarkan perlindungan kewangan sehingga RM3,000.00 bagi setiap hektar dengan kadar perlindungan yang berbeza mengikut fasa pertumbuhan padi seperti berikut:-

(i) Fasa vegetatif (sehingga 30 hari selepas penanaman) dengan perlindungan yang diberi adalah sebanyak 50% iaitu RM1,500.00 bagi setiap hektar;

(ii) Fasa reproduktif (31 hingga 60 hari selepas penanaman) dengan perlindungan yang diberi adalah sebanyak 75% iaitu RM2,250.00 bagi setiap hektar; dan

(iii) Fasa masak (61 hari selepas penanaman sehingga menuai) dengan perlindungan yang diberi adalah sebanyak 100%, iaitu RM3,000.00 bagi setiap hektar.

Selain itu, skim ini turut menyediakan perlindungan tambahan sehingga RM1,500.00 bagi setiap hektar untuk kerosakan akibat serangan perosak dan penyakit tanaman. Caruman skim ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan ia terbuka kepada semua pesawah yang berdaftar di bawah Skim Baja Kerajaan Persekutuan dan memiliki akaun dengan Agrobank.

Selain STTP, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) turut menyediakan Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi bagi pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana alam seperti banjir, rebut atau kemarau. Tabung ini menyediakan faedah seperti yang berikut:-

(i) Pampasan kewangan yang segera kepada pesawah untuk menampung kerugian tanaman akibat bencana serta membantu pesawah untuk kembali menanam padi tanpa mengalami kesulitan kewangan yang serius;

(ii) Sokongan teknikal dan nasihat daripada pegawai pertanian termasuk panduan pemulihan tanah dan tanaman serta langkah-langkah pencegahan untuk menghadapi bencana akan datang;

(iii) Proses permohonan yang mudah dan cepat bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan segera kepada pesawah yang memerlukan; dan

(iv) Skop bantuan meliputi pesawah yang kehilangan sebahagian atau keseluruhan hasil padi akibat bencana dengan keutamaan diberikan kepada kawasan yang terjejas teruk.

Keseluruhannya, inisiatif kerajaan melalui Skim Takaful Tanaman Padi dan Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi menunjukkan komitmen yang jelas dalam memastikan kesejahteraan pesawah, mengurangkan risiko kerugian dan mengekalkan kestabilan pengeluaran padi negara walaupun menghadapi risiko bencana alam atau serangan perosak.

LAMPIRAN A

SENARAI PERUNTUKAN DAN INSENTIF UNTUK TANAMAN PADI DAN PESAWAH NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2025

TAHUN	PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2022	i. Pembangunan asas sektor padi termasuk penambahbaikan tapak sawah dan sistem pengairan awal.	350,000.00
2023	i. Pembangunan asas sektor padi termasuk penambahbaikan tapak sawah dan sistem pengairan awal; dan ii. Peruntukan khas kawalan keladi agas bagi mengawal rumpai yang memburukkan keadaan tanah sawah.	990,000.00
2024	i. Pembangunan asas sektor padi termasuk penambahbaikan tapak sawah dan sistem pengairan awal; dan ii. Program peningkatan hasil dan pengukuhan struktur tanah sawah.	500,000.00
2025	i. Perataan tanah sawah, pembaikan sistem saliran dan pembinaan parit jejari untuk menyalurkan air mendapan di kawasan jerlus bagi tanah sawah aktif berkeluasan 11,858 hektar dengan manfaat kepada 5,057 orang pesawah.	450,000.00
JUMLAH		**2,290,000.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

23. Apakah status terkini kluster influenza di Pulau Pinang?

    (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaras tindakan dengan KKM dan JPN susulan lonjakan kluster di institusi pendidikan?

    (b) Senaraikan protokol dan bilangan penutupan sekolah dan tempoh pemulihan.

    (c) Apakah strategi vaksinasi influenza untuk kumpulan berisiko di Pulau Pinang?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Bagi tahun 2025, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak kecil, warga emas dan pesakit penyakit kronik, memerlukan rawatan lanjut di hospital.

    (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan "*Townhall Meeting*" bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah seperti berikut:

(i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;

(ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan kendiri dan tanggungjawab bersama;

(iii) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

(iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan

(v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan **Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022,** pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan jangkitan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

(b) Tindakan penutupan premis dan institusi pendidikan termasuk sekolah akibat jangkitan influenza tidak boleh dilaksanakan di bawah Seksyen 18, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Ini adalah kerana jangkitan influenza tidak memenuhi tafsiran penyakit berjangkit di bawah Seksyen 2 Akta yang sama.

Walau bagaimanapun, pendekatan kawalan dan cadangan penutupan sekolah masih boleh dijalankan melalui perbincangan dan kerjasama dengan pihak sekolah dan Pejabat Kesihatan Daerah. Penutupan sekolah merupakan pilihan terakhir dan hanya akan dilaksanakan setelah penilaian risiko terperinci menunjukkan justifikasi yang kukuh.

(c) Program Imunisasi Influenza Kebangsaan 2025 telah dimulakan pada 18 Februari 2025. Program ini bertujuan untuk melindungi lebih ramai populasi berisiko tinggi daripada komplikasi serius akibat jangkitan influenza yang boleh menyebabkan kemasukan ke hospital atau kematian.

Program ini menyasarkan 320,000 warga emas bagi vaksinasi influenza namun seramai 170,000 warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya lebih daripada satu penyakit akan menerima vaksin influenza secara percuma di fasiliti kesihatan KKM. Pemberian vaksin influenza ini boleh didapati dengan beberapa cara iaitu seperti:

(i) Temu janji melalui MySejahtera;

(ii) *Walk-in* secara terus ke Klinik Kesihatan; dan

(iii) Jangkauan luar (*outreach*) ke pusat jagaan warga emas atau komuniti berisiko tinggi dengan kerjsama NGO.

Sehingga 16 Oktober 2025, JKN Pulau Pinang telah menghabiskan keseluruhan 10,000 dos peruntukkan vaksin influenza kepada warga emas yang layak. Sebarang cadangan perluasan program vaksin influenza di Malaysia akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Dasar Imunisasi Kebangsaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VII)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH

24. Apakah harga runcit semasa antiviral influenza di Pulau Pinang dan variasinya antara hospital, klinik swasta dan farmasi?

    (a) Bagaimanakah kerajaan memastikan antiviral tersedia pada kos mampu milik di fasiliti awam negeri?

    (b) Apakah strategi perolehan pukal negeri bagi menurunkan kos antiviral semasa musim puncak?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Harga runcit semasa antiviral influenza di Pulau Pinang dan variasinya antara hospital, klinik swasta dan farmasi bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Lokasi	Jenis Ubat	Harga (RM)
OLEH ORANG AWAM

ID157/23

KANDUNGAN

PERKARA **MUKASURAT**

PRAKATA

1. Latarbelakang 4
2. Definisi pelepasan benih ikan ke perairan umum 4
3. Konsep pelepasan benih ikan ke perairan umum 5
4. Jenis-jenis pelepasan benih ikan ke umum 5
5. Tujuan garis panduan Pelepasan benih ikan ke perairan umum 5
6. Objektif 6
7. Manafaat Umum 6
8. Faktor-faktor penurunan populasi ikan di perairan umum 6
9. Tafsiran 7
10. Tujuan pelepasan 7
11. Mekanisma Pelepasan Benih Bersasar 8
    - 11.1 Peringkat Persediaan Pelepasan Benih Ikan 8
    - 11.2 Peringkat Pelaksanaan Pelepasan Benih 11
    - 11.3 Peringkat Pemantauan 12
12. Mekanisma Pelepasan Benih Ikan/Udang Bagi Tujuan Pendidikan /Keagamaan 12
    - 12.1 Peringkat awal pelepasan benih 12
    - 12.2 Peringkat Pelaksanaan Pelepasan Benih 13
13. Implikasi Ikan Asing/Larangan Dilepaskan Ke Perairan Umum 13
14. Penilaian Keberkesanan dan Pengukuhan 13
15. Penutup 13
16. Senarai Rujukan 14

Lampiran 1	Statistik Bilangan Benih Yang Telah Dilepaskan dan Pendaratan	15
Lampiran 2	Borang Permohonan Program Pelepasan Umum Oleh Orang Awam	16
Lampiran 3	Senarai Ikan Yang Boleh Dilepaskan Ke Perairan Umum Oleh Orang Awam	17
Lampiran 4	Senarai Ikan Bukan Asli Yang Dilarang Dilepaskan Ke Perairan Umum	18

GARIS PANDUAN PROGRAM PELEPASAN IKAN KE PERAIRAN UMUM DI MALAYSIA

1. Latarbelakang

Jumlah spesies ikan asli di Semenanjung Malaysia sebanyak 282 spesies (haslawati et al., 2007). Senarai ikan asli tersebut menunjukkan 32 peratus adalah daripada famili cyprinidae. Melibatkan kawasan perairan sungai, tasik dan empangan. Kajian inventori telah dijalankan oleh Institut Peryelidikan Perikanan FRI Glami Lemi di 28 lembaran sungai dan 5 tasik. Melibatkan 32 lokasi di Semenanjung Malaysia dan 1 lokasi di Sarawak. Kajian yang dijalankan daripada tahun 2004 hingga 2018 mengenalpasti 105 spesies ikan asli dan 30 famili ikan asli. Berdasarkan maklumat tesrsebut jelas menunjukan terdapat banyak spesis ikan asli yang telah pupus, hampir pupus dan terancam. Maklumat dan data saintifik **program inventori** sumber perikanan darat akan digunakan untuk menentukan kaedah perlaksanaan pelepasan benih ke perairan umum. Bagi menentukan sungai, lokasi pelepasan,spesis, bilangan benih dan sebagainya. Berdasarkan maklumat saintifik ini penekanan akan diberikan kepada pemuliharaan sumber di bawah program pembangunan habitat dan memperkayakan sumber Perikanan darat. Aktiviti yang dilaksanakan antaranya adalah pelepasan benih ikan ke Perairan umum.

2. Definisi Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum

Secara umumnya pelepasan benih ikan ke perairan umum membawa maksud melepaskan benih ikan ke perairan umum dengan tujuan untuk meningkatkan populasi ikan. Oleh itu berlaku kekeliruan dan salah faham berdasarkan definisi tersebut. Terutama berkaitan dengan benih ikan asing yang dilepaskan diperairan umum. Berdasarkan definisi FAO stocking adalah membiakan pembenihan ikan di hatcheri dan melepaskan ke sungai, danau atau laut untuk meningkatkan populasi yang sudah ada atau menciptakan populasi yang sebelumnya tidak ada. Restoking pula membawa maksud membiakan benih ikan asli di hatcheri dan benihnya dilepaskan di habitat asal tujuan untuk memulihara kepelbagaian diversiti. Berdasarkan definisi-definisi tersebut pelepasan benih ke perairan umum bermaksud melepaskan benih ikan asli ke habitat asalnya di perairan umum dengan tujuan untuk meningkatkan populasi dan memulihara kepelbagaian biodiversiti. Pelepasan juga melibat induk ikan.

3. Konsep pelepasan benih ke perairan umum dihuraikan seperi berikut:-

i) Membiakan benih ikan asli di hatcheri
ii) Melepaskan benih ikan asli dihabitat asal
iii) Melepaskan benih ke perairan umum secara berkala
iv) Berdasarkan maklumat saintifik (inventori sumber perikanan)
v) Pemuliharaan oleh komuniti setempat
vi) Pemantauan keberkesanan program pelepasan benih

4. Jenis-jenis pelepasan benih ikan ke perairan umum

i) Pelepasan benih ikan spesis ikan lazim(ikan asli) ke perairan umum untuk menambah stok.
ii) Pelepasan benih ikan untuk mengawal ekosistem sungai seperti rumpai air, planton dan sebagainya
iii) Pelepasan benih ikan mengawal dominan populasi
iv) Pelepasan induk ikan ke perairan umum untuk pemuliharaan
v) Pelepasan induk ikan untuk reakreasi
vi) Pelepasan spesis ikan terancam ke perairan umum

5. Tujuan Garis Panduan Pelepasan benih ikan

Garis Panduan Pelepasan Benih Ikan ke perairan umum ini bertujuan untuk memberi panduan dan memperjelaskan tatacara pelaksanaan pelepasan ikan ke perairan umum. Garis panduan ini ini mengandungi konsep, objektif, strategi, perancangan, perlaksanaan, pemantauan dan penilaian projek. Oleh itu, tujuan khusus garis panduan ini adalah

i) Memberikan panduan tatacara pelepasan benih ke perairan umum bermula daripada perancangan,perlaksanaan,pemantauan dan penilaian.
ii) Menguruskan supaya pelepasan benih ikan khususnya jenis-jenis ikan asli yang dilepaskan ke perairan umum berdasarkan maklumat saintifik dan menggunakan kaedah kajian yang tepat.
iii) Pengurusan pelepasan umum yang sistematik memastikan kelestarian sumber perikanan yang berterusan.

6. Objektif

i) Memulihara, meningkat dan menjamin kelestarian sumber perikanan darat.
ii) Meningkatkan sumber pendapatan nelayan darat
iii) Menyokong dan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri perikanan rekreasi.

7. Manafaat umum

a) Menambah dan mengekalkan stok ikan asli di perairan darat
b) Mengekalkan spesis ikan asli daripada pupus
c) Memulihara dan mengekalkan pelbagai spesis ikan asli bernilai tinggi
d) Peningkatan pendaratan ikan asli dari perairan umum.
e) Memulihara kepelbagaian biodiversiti dan genetik ikan asli
f) Penambahan pendapatan nelayan dan pihak berkepentingan
g) Membangunakan industri nilai tambah perikanan rekreasi seperti restoran masakan ikan sungai, perkhidmatan bot pelancung/ memancing, aktiviti sport fishing dan penjualan peralatan memancing.
h) Membangunkan indutri hiliran seperti produk ikan pekasam ikan kering,bebola ikan, ikan sejuk beku dan sebagainya
i) Memperkasakan komuniti dalam pengurusan perikanan darat.
   a) Peranan dan penglibatan masyarakat dalam membantu kerajaan memulihara sumber adalah penentu kejayaan pengurusan sumber secara mampan. Memperkasakan komuniti dalam pengurusan (penjagaan) sumber perikanan darat dapat mengurangkan beban kerajaan serta mewujudkan kesedaran dan mengubah sikap
   b) masyarakat terhadap kepentingan menjaga sumber.
j) Mewujudkan produk pelancongan
   a) Program pelepasan benih ini mampu dijadikan sebagai produk pelancongan. Ekosistem perikanan darat serta habitat ikan mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Program-program yang melibatkan pelancong seperti aktiviti menyusur sungai, meninjau kawasan santuari dan sebagainya mampu menjadi destinasi yang menarik dan menjadi tumpuan pelancong.

8. Faktor -faktor penurunan populasi ikan di perairan umum

i) Penangkapan ikan tidak terkawal(ekploitasi)
ii) Pencemaran

iii) Wujudnya ikan asing diperairan umum
iv) Ekosistem sungai yang terganggu seperti meluruskan dan mendalamkan sungai.penebangan pokok raperian ditebing sungai dan pencerobohan rezab sungai
v) Penyakit ikan
vi) Perubahan iklim

9. Tafsiran

i) Perairan umum

Perairan umum berdasarkan Akta Perikanan 1985 ertinya mana-mana sungai, tasik, anak sungai, kolam dan mana-mana perairan lain di Malaysia selain dari perairan lautan, sama ada semulajadi atau buatan manusia, milikan sendiri atau selainnya.

ii) Perikanan darat

Perikanan darat berdasarkan Akta Perikanan 1985 ertinya perikanan di perairan sungai

iii) Perairan umum tertutup

Perairan umum tertutup ialah perairan sungai yang tiada aliran air masuk dan air keluar daripada perairan tersebut

iv) Perairan umum terbuka

Perairan umum terbuka ialah apa-apa perairan sungai yang ada aliran air masuk dan aliran air keluar daripada perairan tersebut.

v) Perairan terbuka bermilikan

Perairan terbuka bermilikan ialah apa-apa perairan terbuka yang dimiliki secara perundangan atau diurus dan ditadbir di bawah bidang mana-mana badan berkuasa melalui sesuatu perundangan.

vi) Perairan umum tertutup bermilikan

Perairan umum tertutup bermilikan ialah apa-apa perairan tertutup yang dimiliki secara perundangan atau yang diurus dan ditadbir dibawah bidang kuasa mana-mana badan berkuasa melalui sesuatu undang-undang.

10. Tujuan pelepasan benih

10.1 Pelepasan Benih Bersasar

- Pelepasan benih bersasar sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun di perairan yang telah ditentukan untuk mencapai objektif utama pelepasan benih.

- Pelepasan benih bagi tujuan santuari dan konservasi
- Pelepasan benih berdasarkan maklumat saintifik (maklumat inventori sumber dan kajian-kajian berkaian.

10.2 Pelepasan Benih Bagi Tujuan Pendidikan(Awareness)/Keagamaan

- Pelepasan benih oleh orang awam
- Benih-benih ikan yang dibenarkan
- Lokasi pelepasan yang strategik
- Penglibatan masyarakat terutama badan bukan kerajaan, pelajar-pelajar sekolah, ketua masyarakat dan badan keagamaan.

11. Mekanisma Pelepasan Benih Bersasar

11.1 Peringkat Persedian Pelepasan Benih

11.1.1 Perancangan Pelepasan Benih Ikan

i) Menyediakan jadual perancangan pelepasan benih ikan secara berkala 3 kali setahun bagi setiap lokasi yang telah ditentukan. Dicadangan pelepasan benih dilakukan diantara bulan Mac hingga September setiap tahun.
ii) Perancangan mestilah berdasarkan kepada kesesuaian lokasi,musim dan waktu.
iii) Merancang sumber bekalan benih ikan daripada hatceri Jabatan atau swasta.
iv) Merancang pelepasan benih berdasarkan daripada hasil kajian inventori perikanan darat yang telah dilaksanakan.
v) Sumber Peruntukan boleh diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan berkanun,Syarikat Koperat(CSR) dan sebagainya.
vi) Merancang keperluan perbelanjaan seperti perolehan benih, peralatan.persedian majlis,pengangkutan,sewaan (sekiranya ada) dan sebagainya.

11.1.2 Penentuan Perairan umum

i) Keutamaan pemilihan perairan umum untuk pelepasan benih ikan hendaklah berdasarkan perairan umum yang telah dilaksanakan inventori sumber perikanan darat.

ii) Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti untuk dijadikan santuari atau kawasan konservasi untuk melindungi dan memulihara sumber perikanan darat.(Rekod koordinat pelepasan)

iii) Kriteria pemilihan kawasan pelepasan umum:-

- Perairan umum yang mempunyai ekosistem dan habitat ikan yang baik.
- Kawasan habitat pembiakan semulajadi ikan / lubuk pembiakan.
- Keutamaan kawasan koservasi
- Kawasan pelepasan umum berdekatan dengan penempatan nelayan memudahkan pengawasan,pemantauan dan impak pelepasan benih memberi manafaat kepada komuniti nelayan darat.
- Kawasanyangaktifdenganaktivitipenangkapan ikan
- Terhindar daripada unsur pencemaran terutama kawasan hulu sungai seperti aktiviti perladangan,perkilangan pelombongan dan perumahan.
- Mengetahui keadaan sosial ekonomi masyarakat/nelayan darat/penduduk setempat.

11.1.3 Pemilihan Lokasi Pelepasan yang tepat

Pemilihan lokasi pelepasan adalah bermaksud menentukan tapak atau tempat yang bersesuaian untuk melaksanakan pelepasan benih ikan. Pemilihan lokasi yang tepat adalah penentu kejayaan pelepasan benih yang dilaksanakan. Kriteria pemilihan lokasi adalah:-

i) Parameter kualiti air yang sesuai.
ii) Tahap kesuburan air seperti nitrat,fosfat dan plankton
iii) Kedalaman air yang sesuai
iv) Arus sungai diantara 5-10 m/s.
v) Dicadang di lokasi yang mempunyai kemudahan asas
vi) Mempunyai tebing sungai yang rendah.

11.1.4 Pemilihan Spesis Ikan

- Pemililihan spesis ikan adalah berdasarkan kepada kajian inventori sumber perikanan darat.

- Menggunakan pengiraan Indek kepelbagai simpson (Indeks Simson D).

Kriteria pemilihan spesis ikan adalah seperti berikut:-

i) Indentifikasi dan penentuan spesis-spesis ikan yang terancam dan berkurangan populasinya di suatu perairan atau ekosistem.
ii) Spesis ikan asli sahaja yang dibenarkan untuk pelepasan umum.
iii) Spesis ikan asing/bukan asli tidak dibenarkan di lepaskan ke perairan umum.
iv) Ikan yang mempunyai genetik yang baik, bernilai dan mempunyai potensi pasaran.
v) Keutamaan spesis ikan yang telah dibiakkan secara komersial
vi) Spesis yang mempunyai adapatasi dengan persekitaran baharu yang cepat.
vii) Pandangan masyarakat setempat.

11.1.5 Kualiti dan kesihatan ikan

i) Bagi memastikan ikan yang dilepaskan sihat dan bebas dari penyakit. Benih ikan mestilah melalui proses kurantin bagi memastikan ikan tersebut sihat dan bebas daripada penyakit.
ii) Memperolehi benih-benih daripada hatceri swasta yang telah mempunyai pensijilan yang diiktiraf oleh Jabatan.

11.1.6 Saiz benih Ikan/Udang

i) Saiz benih ikan yang hendak dilepaskan mestilah tidak kurang daripada 3 inci.
ii) Saiz benih udang yang hendak dilepaskan adalah tidak kurang PL25.

11.1.7 Nisbah spesis dan kuantiti benih ikan

Nisbah spesies dan kuaniti benih ikan yang hendak dilepaskan adalah berdasarkan rantaian jenis pemakanan ikan iaitu 30% ikan herbivor, 60% omnivor dan 10% karnivor. Hasil kajian inventori perikanan darat hendaklah dijadikan panduan.

11.1.8 Waktu pelepasan

Pelepasan benih ikan mestilah dilaksanakan pada pada waktu yang bersesuaian iaitu awal pagi (7.00 pagi hingga 9.00 pagi) atau lewat petang. (4.00 petang hingga 6.00 petang)

11.2 Peringkat Perlaksanaan Pelepasan Benih

i) Persediaan dan penghantaran benih

- Benih ikan/udang yang hendak dilepaskan mestilah tiba ke lokasi pelepasan 1 jam sebelum pelepasan.
- Penggunaan beg plastik pembungkusan benih adalah digalakkan. Nisbah diantara oksigen dan air bergantung kepada jarak penghantaran. (Cth Nisbah Air 1 : Oksigen 4 boleh bertahan bagi perjalanan 8 jam).
- Bagi benih yang mempunyai duri penggunaan tangki fiber yang lengkap dengan alat pengudaraan adalah diperlukan.

ii) Membuat pemeriksaan benih

- Pemeriksaan benih mesti dilakukan kepada setiap beg plastik benih bagi memastikan benih yang diterima aktif.
- Pemeriksaan secara fizikal adalah penting untuk memastikan benih ikan tersebut sihat dan tidak berpenyakit.
- Sekiranya berlaku kematian benih ikan lebih daripada 10 peratus, maka pemeriksaan lebih teliti dilakukan untuk memastikan benih tersebut tiada penyakit.

iii) Aklimitasi

- Beg plastik pembungkusan benih perlu direndam ke dalam sungai atau tangki transit sekurang-kurangnya 30 minit sebelum pelepasan dibuat bagi menstabilkan suhu serta mengurangkan stress kepada benih.

iv) Teknik pelepasan benih

- Membuka beg plastik
- Masukkan air ke dalam beg plastik secara pelahan-lahan.
- Benih ikan mestilah dilepaskan secara perlahan-lahan ke dalam air

11.3 Peringkat Pemantauan

11.3.1 Pembentukan Jawatankuasa Pemuliharaan Sumber Komuniti Perikanan Darat

- Sekiranya pelepasan benih dibuat dikawasan yang merupakan kawasan aktiviti tangkapan nelayan darat atau kawasan konservasi disarankan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa dikalangan komuniti nelayan darat bagi melibatkan komuniti nelayan darat agar sama-sama membantu untuk pengurusan dan pemuliharaan sumber.
- Penutupan kawasan tangkapan dikawasan-kawasan pelepasan benih
- Penentuan zon hijau(kawasan tangkapan bebas), zon kuning (kawasan tangkapan bermusim) dan zon merah (kawasan yang dilarang dengan aktiviti tangkapan-kawasan lubuk ikan)
- Musim tertutup iaitu larangan menangkap ikan ketika musim ikan bertelur.

12. Mekanisma Pelepasan Benih Ikan/Udang Bagi Tujuan Pendidikan/ Keagamaan

12.1 Peringkat Awal Pelepasan Benih

12.1.1 Perancangan Perancangan Pelepasan Benih

i) Badan berkanun, swasta, badan keagamaan, orang awam dan lain-lain yang ingin menjalankan aktiviti pelepasan benih ikan/udang perlu merujuk terlebih dahulu dengan PPN/Pusat/Daerah sebelum menjalankan aktiviti pelepasan.

ii) Permohonan boleh dibuat di PPN/Pusat/daerah yang berkaitan melalui Borang **DOF/PU-OA 01/2019** sekurang-kurangnya 2 minggu dari tarikh program.

iii) Permohonan ini perlu dibuat bagi memastikan tiada ikan terlarang dilepaskan ke perairan umum.

iv) Spesies ikan yang dicadangkan hendaklah mendapat kebenaran PPN/Pusat/Daerah **(Senarai Ikan yang dibenarkan adalah dirujuk)**.

12.1.2 Peringkat Pelaksanaan Pelepasan Benih

i) Pihak yang menjalankan program pelepasan perlu menjemput wakil jabatan sebagai saksi program pelepasan tersebut.

ii) Bagi program pendidikan waktu pelepasan benih adalah mengikut waktu yang ditetapkan, namun begitu bagi program keagamaan, waktu pelepasan adalah mengikut penganjur program namun digalakkan pada waktu yang telah disyorkan oleh jabatan.

iii) Pihak penganjur program hendaklah mengemukakan laporan program pelepasan ke PPN/Pusat/Daerah tidak lewat dari 2 minggu dari tarikh program bagi tujuan rekod.

13. Implikasi Ikan Asing/Larangan Dilepaskan Ke Perairan Umum

i) Menganggu kesimbangan biodiversiti, habitat dan spesis ikan asli di perairan umum.15

ii) Ikan asing yang boleh membiak di perairan umum menjadi dominan dan pemangsa kepada ikan asli yang sedia ada di perairan.

14. Penilaian Keberkesanan dan Pengukuhan

i) Kajian keberkesanan Pelepasan Umum akan dijalankan keatas perairan-perairan yang telah dijalankan program pelepasan umum bagi mengenalpasti impak yang diperolehi hasil daripada program pelepasan umum.

ii) Kajian ini akan dijalankan oleh FRI Glami Lemi.Laporan tersebut akan di dokumentasikan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

iii) Zon konservasi yang telah menunjukkan impak yang positif selepas pelepasan umum dilaksanakan perlu dipulihara untuk memastikan kesinambungan ekosistem dan mengekalkan stok ikan.

15. Penutup

Garis Panduan Pelepasan Benih Ikan/Udang ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada kakitangan Jabatan untuk melaksanakan program pelepasan benih ikan/udang ke perairan umum. Garis Panduan ini juga boleh digunakan untuk memberikan maklumat dan panduan kepada orang awam yang berhasrat untuk melaksanakan program ini.

16. Senarai Rujukan

1. Ahmad Ashhar Othman , Hambal Hanafi,Ramley Abu Bakar 2003.Freshwater fishes of Gelami Lemi.Freswater Fisheries Reseach Centre(FFRC) Depatment of Fisheries Malaysia, Batu Berendam,Melaka.
2. Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan Peraturan-Peraturan.
3. http://www.ros.gov.my/
4. Kamus Dewan Bahasa dan pustaka.
5. River Auditing.Department of Irrigation and Drainage Malaysia
6. Haslawati Baharuddin, Chew Poh Chiang, Rosly Hassan 2007. Checlist of Native Freshwater Fishes of Peninsular Malaysia. Cawangan komunikasi, Jabatan Perikanan Malaysia.

LAMPIRAN 1

A. Statistik bilangan benih yang telah dilepaskan dan pendaratan di perairan umum

Tahun	Jumlah Benih (juta)	Pendaratan (tan)
2005	7.29	4582
2006	8.31	4164
2007	14.42	4279
2008	7.82	4352
2009	3.23	4468
2010	2.54	4805
2011	6.24	5694
2012	6.72	5041
2013	5.59	5640
2014	7.13	6520
2015	7.45	5924
2016	8.34	5847
2017	9.47	5188

DOF/PU-OA 01/2019

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN PROGRAM PELEPASAN IKAN KE PERAIRAN UMUM

A. BUTIRAN PEMOHON

1. Nama Pemohon : _____
2. Alamat : _____
3. Poskod : _____ 4. Negeri : _____
5. No. Kad Pengenalan : _____

B. BUTIRAN PERMOHONAN PELEPASAN UMUM

1. Tarikh Cadangan Pelepasan : _____
2. Masa Cadangan Pelepasan : _____
3. Lokasi Cadangan Pelepasan : _____
4. Tujuan Pelepasan : Program Pendidikan ☐ Program Komuniti ☐ Program Keagamaan ☐
   Namakan Program/Pertubuhan Yang Terlibat : _____
5. Jenis Ikan/Udang Yang Dilepaskan : _____
6. Bilangan Benih/Ikan Yang dilepaskan : _____
7. Sumber Benih/Ikan : Hatceri Jabatan ☐ Hatceri Swasta ☐
   Nama Hatceri Jabatan/Swasta : _____

** Tandakan (/) yang mana berkaitan*

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan diatas adalah benar. Jika didapati maklumat yang diberikan ini palsu , Jabatan Perikanan Malaysia berhak menolak permohonan ini.

_____ Tarikh

_____ Tandatangan

Nama : _____

D. ULASAN DAN KELULUSAN PPN

Tarikh Terima Permohonan : _____

*** DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN**

Ulasan : _____

_____

_____

_____

Tarikh : _____ _____ _____

Tandatangan Cop Rasmi

** Pilih yang mana berkaitan*


Jabatan Perikanan Malaysia
SENARAI IKAN YANG BOLEH DILEPASKAN KE PERAIRAN UMUM OLEH ORANG AWAM
Kelah
Tor tambroides
Jelawat
Leoprobarbus hoevenii
Sebarau
Hampala macrolepidota
Baung
Hemibagrus wyckioides
Tengalan
Puntius bulu
Lampam Sungai
Barbonymus schwanenfeldii
Temoleh
Probarbus jullieni
Kaloi Kunyit
Hypsibarbus wetmorei
Temakang
Helostoma temminckii
Tengas
Neolissochilus hexagonolepis
Ketutu
Oxyeleotris marmorata
Puyu
Anabas testudineus
Terbul
Osteochilus hasselti
Lomah
Thynnichtys thynnoides
Siakap
Lates calcarifer
Udang Galah
Macrobrachium rosenbergii
Sepat ronggong
Trichopodus trichopterus


Ikan Bukan Asli
Yang Dilarang Dilepaskan
ke Perairan Umum
Genus: Serrasalmus
Nama Tempatan: Piranha
Genus: Serrasalmo
Nama Tempatan: Piranha
Genus: Pygocentrus
Nama Tempatan: Piranha
Genus: Catoprion
Nama Tempatan: Piranha
Genus: Pygopristis
Nama Tempatan: Piranha
Genus: Pristobrycon
Nama Tempatan: Piranha
Genus: Colossoma / Piaractus
Nama Tempatan: Pacu / Bawal Merah
Genus: Mylopus / Myleus
Nama Tempatan: Pacu / Bawal Merah
Genus: Mylossoma
Nama Tempatan: Silver Dollar
Genus: Myletes
Nama Tempatan: Silver Dollar
Genus: Salmo / Oncorhynchus
Nama Tempatan: Salmon
Genus: Salmo / Oncorhynchus
Nama Tempatan: Trout
Genus: Cichla
Nama Tempatan: Peacock Bass
Genus: Esox
Nama Tempatan: Northern Pike


Genus: Cichlasoma
Nama Tempatan: Flower Horn
Genus: Arapaima
Nama Tempatan: Arapaima / Ikan Naga
Genus: Acipenser
Nama Tempatan: Sturgeon
Genus: Lepisosteus
Nama Tempatan: Ikan Buaya
Genus: Cherax
Nama Tempatan: Red Claw
Spesies: Bidyanus bidyanus
Nama Tempatan: Silver Perch
Spesies: Hemibagrus wyckioides
Nama Tempatan: Baung Ekor Merah
Spesies: Scortum barcoo
Nama Tempatan: Jade Perch
Spesies: Crenopharyngodon idella
Nama Tempatan: Kap Rumput
Spesies: Cyprinus carpio
Nama Tempatan: Lee Kon
Spesies: Hypophthalmichthys molitrix
Nama Tempatan: Kap Perak
Spesies: Hypophthalmichthys nobilis
Nama Tempatan: Kap Kepala Besar
Genus: Hypostomus
Nama Tempatan: Bandaraya
Spesies: Labeo rohita
Nama Tempatan: Rohu
Genus: Oreochromis
Nama Tempatan: Tilapia
Spesies: Polyodon spathula
Nama Tempatan: Paddlefish


Spesies: Psephurus gladius
Nama Tempatan: Paddlefish
Spesies: Clarias gariepinus
Nama Tempatan: Keli Afrika
Spesies: Pangasius sanitwongsei
Nama Tempatan: Patin (Chao Phraya Giant Catfish / High Fin Catfish)
Spesies: Catla catla
Nama Tempatan: Katla

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

3. Bagaimanakah kaedah QarboGrow dilaksanakan dalam Program Padi Berimpak Tinggi negeri?

   (a) Apakah kelebihan kaedah ini berbanding kaedah sebelum ini?

   (b) Bagaimanakah kaedah ini meningkatkan pendapatan petani

   (c) Apa yang kerajaan bantu pesawah untuk kaedah ini?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Kaedah QarboGrow dilaksanakan melalui penyemburan QarboGrow iaitu penggalak fotosintesis. Ia disembur sebanyak empat kali iaitu pada hari ke 40, 50, 60 dan 70 selepas tabur (disebut sebagai 'Hari Lepas Tanam'). Penyemburan dilakukan menggunakan dron bagi memastikan liputan yang sekata serta penggunaan bahan yang efisien di seluruh kawasan sawah. Pihak Syarikat Qarbotech bekerjasama dengan Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dan petani tempatan untuk melaksanakan latihan, pemantauan prestasi hasil, serta pengumpulan data lapangan. Sehingga kini, sebanyak 2,000 hektar kawasan padi di daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) telah menggunakan kaedah ini.

   (a) Kelebihan kaedah baharu menggunakan teknologi QarboGrow dalam penanaman padi iaitu penggalak fotosintesis pertama di dunia adalah ia mampu membantu tanaman padi menyerap cahaya matahari dengan lebih berkesan bagi meningkatkan

kecekapan proses fotosintesis seterusnya mempercepatkan pertumbuhan vegetatif dan pengisian biji padi yang berkualiti tinggi.

Penggunaan teknologi ini terbukti dapat meningkatkan hasil tuaian sehingga 30%, mengukuhkan daya tahan tanaman terhadap tekanan cuaca seperti suhu tinggi dan kekurangan air, serta boleh digabungkan dengan input pertanian lain seperti baja dan racun tanpa menjejaskan keberkesanannya. Walau bagaimanapun, keberkesanan teknologi ini perlu dilaksanakan selaras dengan Amalan Pertanian Baik dan panduan *Rice Check* yang digariskan oleh Jabatan Pertanian Malaysia. Ini termasuklah kawalan rumpai sebelum aplikasi bagi mengelak bahan aktif diserap oleh rumpai, penggunaan benih sah seperti varieti MR297 atau MR303 yang mempunyai kadar fotosintesis tinggi, pengurusan air sawah antara 5 cm hingga 10 cm pada fasa vegetatif serta pembajaan tepat masa dan seimbang mengikut fasa pertumbuhan tanaman.

Selain itu, semua aktiviti ladang perlu direkodkan mengikut *Rice Check* bagi menilai keberkesanan penggunaan input dan hasil yang diperoleh. Secara keseluruhannya, gabungan teknologi inovatif QarboGrow dengan prinsip Amalan Pertanian Baik bukan sahaja meningkatkan hasil dan kualiti padi, malah menyokong sistem pengeluaran yang lebih efisien, mampan dan berdaya saing bagi industri padi negara khususnya di kawasan jelapang padi seperti Negeri Pulau Pinang.

(b) Pesawah dapat meningkatkan purata hasil sebanyak satu (1) metrik tan setiap hektar sawah yang diusahakan. Setiap tambahan satu (1) tan hasil adalah bersamaan dengan RM1,500.00 sehektar sedangkan kos penggunaan termasuk semburan QarboGrow hanya sekitar RM320.00 sehektar bagi satu musim. Berdasarkan peningkatan hasil purata sebanyak 30% atau satu (1) metrik tan tambahan sehektar, pesawah boleh memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1,500.00 sehektar. Selepas ditolak kos penggunaan QarboGrow, keuntungan bersih yang diperoleh ialah sekitar RM1,180.00 tambahan sehektar bagi satu musim. Bantuan program penggalak fotosintesis ini dapat membantu sara hidup serta daya tahan ekonomi komuniti pesawah.

(c) Kerajaan Negeri membantu pesawah melalui penyediaan input pertanian berimpak tinggi seperti produk QarboGrow yang berfungsi sebagai penggalak fotosintesis bagi meningkatkan kecekapan tumbesaran pokok padi, seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran. Peruntukan sebanyak RM1,622,000.00 telah disalurkan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi Perkhidmatan dan Perbekalan Produk Penggalak Fotosintesis (QarboGrow) di kawasan sawah seluas 2,000 hektar yang melibatkan golongan sasaran seramai 1,392 orang pesawah di Negeri Pulau Pinang.

DOA Negeri Pulau Pinang turut memantau pengeluaran hasil padi secara berkala bagi menilai impak penggunaan produk QarboGrow, termasuk peningkatan hasil per hektar, kualiti padi serta penjimatan penggunaan baja dan racun kimia. Namun begitu terdapat beberapa halangan yang perlu diatasi antaranya tahap kesedaran dan kefahaman pesawah terhadap kaedah baharu ini, keperluan latihan penggunaan yang betul, serta faktor cuaca yang boleh mempengaruhi keberkesanan produk. Usaha berterusan seperti bimbingan teknikal, pemantauan berjadual dan penilaian impak lapangan perlu diteruskan bagi memastikan hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan secara mampan melalui penggunaan produk berasaskan teknologi seperti QarboGrow.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

4. Berapakah nilai / *volume* eksport siakap dan udang yang terjejas, disebabkan Pihak Berkuasa Thailand mengenakan sekatan eksport siakap dan udang?

   (a) Senaraikan langkah segera mengurangkan lambakan domestik.

   (b) Nyatakan sasaran pemulihan pasaran eksport ini.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Data bagi eksport produk siakap dan udang ke Negara Thailand pada tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Ikan yang tidak dapat dieksport ke Thailand telah dijual dalam pasaran tempatan dengan harga yang lebih murah.

   (b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas pihak Jabatan Perikanan Thailand dan National Bureau of Agricultural Commodity and Food Standards (ACFS) di Bangkok, Thailand pada 26 September 2025 bagi membincangkan isu sekatan eksport ikan siakap yang dikenakan oleh Kerajaan Thailand kepada penternak di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

DATA EKSPORT PRODUK IKAN SIAKAP DAN UDANG KE NEGARA THAILAND TAHUN 2024

DATA EKSPORT PRODUK IKAN SIAKAP KE NEGARA THAILAND TAHUN 2024 (JAN-DIS)			
TAHUN	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT
2024	22,097,430	231,840,546	10

*** Berdasarkan data eksport ikan siakap ke Thailand pada tahun 2024, anggaran kuantiti eksport berjumlah 22,097,430kg dengan nilai RM231,840,546 dengan purata harga RM19,320,046 sebulan.**

DATA EKSPORT PRODUK UDANG KE NEGARA THAILAND TAHUN 2024 (JAN-DIS)			
TAHUN	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT
2024	3,289,782	5,115,836	2

*** Berdasarkan data eksport udang ke Thailand pada tahun 2024, anggaran kuantiti eksport berjumlah 3,289,782kg dengan nilai RM5,115,836 dengan purata harga RM426,320 sebulan.**

DATA EKSPORT PRODUK IKAN(SIAKAP) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	KEDAH	21,505,533	226,353,570	11	RM18,862,797.50
	KELANTAN	20,300	40,600	2	RM3,383.33
	PERLIS	571,597	5,446,376	10	RM453,864.67
Jumlah		**22,097,430**	**231,840,546**	**10**	**RM19,320,045.50**

DATA EKSPORT PRODUK IKAN(UDANG) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	KEDAH	590,630	722,975	1	RM60,248
	PERLIS	2,699,152	4,392,861	2	RM366,072
Jumlah		**3,289,782**	**5,115,836**	**2**	**RM426,320**

DATA EKSPORT IKAN HIDUP(SIAKAP) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	PERLIS	1,025,150	8,860,000	9	RM738,333
Jumlah		**1,025,150**	**8,860,000**	**9**	**RM738,333**

DATA EKSPORT IKAN HIDUP(UDANG) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	KEDAH	692	2,021,762	2,921	RM68,480
	SELANGOR	2,016	14,193	7	RM1,183
Jumlah		**2,708**	**2,035,955**	**752**	**RM169,663**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

5. Apakah pelanggaran prosedur eksport yang menyebabkan Pihak Berkuasa Thailand mengenakan sekatan eksport siakap dan udang?

   (a) Nyatakan tindakan terhadap tindakan ini.

   (b) Terangkan SOP baharu dan senarai semak eksport yang wajib dipatuhi.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Tiada sekatan terhadap pengeksportan ikan siakap. Pihak Negara Thailand mengetatkan syarat import ikan siakap dari Malaysia kerana berlaku pelanggaran penggunaan antibiotik terlarang terhadap ikan siakap yang diternak di Malaysia.

   (a) Negara Thailand mengetatkan syarat import ikan siakap dengan mengenakan kajian persampelan terhadap ikan yang dieksport. Kajian persampelan ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Thailand dalam tempoh tiga hingga lima hari di pintu sempadan. Situasi ini telah menimbulkan kesukaran terhadap penternak untuk mengeksport ikan siakap ke Negara Thailand kerana tindakan ini menyebabkan risiko kerosakan kepada ikan siakap tersebut apabila ikan siakap ini tidak disimpan di dalam tempat penyimpanan sewajarnya kerana tiada kemudahan bilik sejuk di pintu sempadan.

(b) Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah seperti yang berikut:

(i) Mengenal pasti 40 buah ladang di seluruh Negeri Pulau Pinang yang terlibat dengan pengeksportan ikan siakap ke Negara Thailand dan meminta supaya setiap ladang memohon pensijilan *my*GAP melalui DOF supaya pemantauan berkala dapat dilaksanakan;

(ii) Melaksanakan program kesedaran berkaitan Amalan Akuakultur Baik (AAB) di ladang dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perjumpaan bersama penternak ikan siakap untuk menangani isu ini;

(iii) Melaksanakan program persampelan khusus untuk isu ini melibatkan ikan siakap dan makanan ikan dengan persampelan kali pertama telah dibuat pada bulan Februari 2025 melibatkan 28 sampel dan persampelan kedua telah dibuat pada bulan April 2025 melibatkan 16 sampel makanan ikan; dan

(iv) Menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membangunkan mekanisme di sepanjang proses pengeksportan ikan siakap ke Negara Thailand dalam memastikan rantaian bekalan pengeksportan ikan siakap mematuhi keperluan Negara Thailand.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

6. Bagaimana Kerajaan Negeri berkoordinasi dengan kementerian/ Persekutuan untuk menyelesaikan masalah Pihak Berkuasa Thailand mengenakan sekatan eksport siakap dan udang?

   (a) Nyatakan lima tuntutan rasmi kepada Thailand.

   (b) Gariskan garis masa keputusan jawatankuasa Thailand.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas pihak Jabatan Perikanan Thailand dan National Bureau of Agricultural Commodity and Food Standards (ACFS) di Bangkok, Thailand pada 26 September 2025 bagi membincangkan isu sekatan eksport ikan siakap yang dikenakan oleh Kerajaan Thailand kepada penternak di Negeri Pulau Pinang.

   (a) Lima (5) tuntutan rasmi pihak Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Thailand adalah seperti yang berikut:

      (i) Pertimbangan Penggunaan Garis Panduan Lama Untuk *Chilled Fresh* Siakap

      Garis panduan lama untuk kemasukan *chilled fresh* siakap diteruskan. Dalam masa yang sama, semua syarikat di Malaysia perlu mematuhi mekanisme baharu yang telah ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jika terdapat syarikat yang gagal mematuhi peraturan, syarikat tersebut akan disenarai hitam tanpa menjejaskan syarikat lain yang berkualiti dan sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Kerajaan Thailand;

(ii) Cadangan Syarikat Berkualiti oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sekiranya pertimbangan pada tuntutan pertama tidak dapat dipenuhi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merayu agar pihak Thailand membenarkan beberapa syarikat berkualiti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk terus mengeksport ikan siakap ke Negara Thailand dengan mematuhi mekanisme Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM serta berpandukan garis panduan lama yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Thailand;

(iii) Maklumat Bertulis Berkenaan Kaedah Ujian Makmal dan *Knowledge Exchange*

Pihak Kerajaan Malaysia memohon agar Kerajaan Thailand dapat memberikan maklumat rasmi secara hitam putih berhubung kaedah ujian makmal yang diguna pakai. Hal ini amat penting bagi memastikan pengimport dari Negeri Pulau Pinang dapat mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga memohon untuk dibenarkan sesi *knowledge exchange* antara pegawai makmal Malaysia dan Thailand untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai piawaian yang digunakan oleh pihak Thailand dalam membuat *lab sampling;*

(iv) Lawatan Tapak di Sempadan

Ia bagi meneliti dengan lebih terperinci kaedah sekatan yang dilaksanakan. Langkah ini dapat membantu pihak Malaysia memahami dengan lebih jelas kehendak dan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Thailand; dan

(v) Pemulangan Produk Selepas Ujian Pemeriksaan

Sekiranya tuntutan pertama dan kedua masih tidak dapat dipertimbangkan, pihak Kerajaan Malaysia merayu agar produk yang telah diuji dan diperiksa dapat dipulangkan semula. Jika tidak dipulangkan, ia akan mengakibatkan kerugian besar kepada para penternak di Malaysia.

(b) Pihak Jabatan Perikanan Thailand memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perikanan Thailand telah bersara pada 30 September 2025. Justeru, keputusan yang perlu dibuat oleh jawatankuasa harus menunggu ketetapan muktamad daripada Ketua Pengarah baharu yang dijangka akan mula bertugas pada awal tahun 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

7. Apakah status bekalan beras putih tempatan di Pulau Pinang?

   (a) Bagaimanakah agihan / kuota BPT kepada pasar raya, kedai runcit dan koperasi ditetapkan?

   (b) Bagaimana pemantauan dilakukan oleh kerajaaan bagi memastikan beras tempatan cukup?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Tiada lagi bekalan beras putih tempatan di Negeri Pulau Pinang selepas Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) Bersubsidi Tahun 2025 berakhir pada 31 Ogos 2025 yang lalu.

   (a) Tiada penetapan agihan / kuota beras putih tempatan kepada pasar raya, kedai runcit dan koperasi kerana Program Khas BPT Bersubsidi Tahun 2025 telah berakhir pada 31 Ogos 2025.

   (b) Pemantauan terhadap program ini telah dihentikan tetapi pemantauan dan penguatkuasaan terhadap stok, harga dan pematuhan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 tetap diteruskan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
. 14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

8. Nyatakan nisbah doktor dan jururawat kepada penduduk Pulau Pinang bagi tahun 2023 hingga 2025.

   (a) Adakah nisbah tersebut memenuhi piawaian WHO untuk doktor dan jururawat?

   (b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu mengurangkan beban kekurangan doktor dan jururawat akibat daripada pertambahan penduduk di DUN?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Nisbah doktor dan jururawat kepada penduduk Pulau Pinang bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

Tahun	Pegawai Perubatan	Jururawat	Penduduk Pulau Pinang
2023	1,735	3,624	1,772,000
2024	1,939	4,341	1,800,000
2025 (Sehingga Ogos)	1,907	4,346	1,803,300

   (a) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan nisbah doktor kepada penduduk sekurang-kurangnya satu (1) doktor untuk setiap 1,000 orang dan satu (1) jururawat bagi setiap 300 orang. Berdasarkan nisbah yang disyorkan oleh WHO, kadar nisbah semasa di antara doktor (fasiliti kesihatan kerajaan) dan

penduduk di negeri ini adalah mencapai seperti apa yang ditetapkan namun nisbah di antara jururawat dan penduduk masih tidak mencapai sasaran, iaitu 1:415.

(b) Isu kekurangan tenaga kesihatan dari pelbagai bidang merupakan isu di peringkat kebangsaan dan perlu diselesaikan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Di peringkat negeri, antara langkah yang dilakukan bagi mengurangkan isu ini adalah dengan menggerakkan anggota kesihatan di pelbagai fasiliti kesihatan kerajaan di Pulau Pinang secara berjadual tanpa mengira penempatan perjawatan pegawai. Selain itu, JKNPP juga sentiasa berusaha membuat permohonan pertambahan kakitangan kesihatan ke peringkat kementerian.

Sebagai usaha transformasi dari *sick care* kepada *health care*, Kerajaan Negeri turut merancakkan lagi promosi kesihatan awam dan kesedaran awam bagi memupuk gaya hidup yang lebih sihat sebagai usaha mengurangkan kesesakan di kemudahan kesihatan awam. Ini dapat dilihat melalui penganjuran acara promosi kesihatan awam dan acara sukan yang melibatkan pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) di seluruh Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

9. Nyatakan bilangan produk makanan diperiksa dan jumlah tidak mematuhi standard keselamatan sejak 2020 hingga kini.

   (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri memastikan keselamatan produk di pasaran?

   (b) Apakah mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang digunakan?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Sejak tahun 2020 hingga kini, sebanyak 2,485 sampel penguatkuasaan telah diambil daripada industri dan permis makanan. Daripada jumlah tersebut, 135 sampel didapati tidak mematuhi standard keselamatan makanan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan *Codex Alimentarius*. Kesemua pelanggaran ini telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan pendakwaan. Kesemua kesalahan tersebut telah disabitkan dan dikenakan hukuman denda berjumlah RM665,650 oleh mahkamah di seluruh Negeri Pulau Pinang.

   Selain itu, penguatkuasaan turut memberi tumpuan kepada pematuhan kehendak pelabelan produk makanan di pasaran. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 28,932 jenis produk makanan telah disita dengan nilai sitaan RM734,935, dan kesemuanya telah dilupuskan di tapak pelupusan sisa pepejal Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

(a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) memastikan produk makanan di pasaran selamat melalui langkah-langkah berikut:

(i) Pemantauan dan pensampelan berkala terhadap makanan mentah, makanan diproses dan makanan sedia dimakan;

(ii) Pemeriksaan kebersihan premis makanan yang melibatkan restoran, kilang, kantin serta pasar awam;

(iii) Siasatan terhadap aduan pengguna berkaitan isu keselamatan makanan;

(iv) Pelaksanaan program jaminan keselamatan makanan;

(v) Kerjasama strategik dengan agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantaian bekalan.

(b) Mekanisme Pemantauan dan Penguatkuasaan Keselamatan Makanan adalah seperti berikut:

(i) Pemeriksaan premis makanan dilaksanakan secara berkala oleh pegawai JKNPP mengikut kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985;

(ii) Pensampelan makanan dihantar kepada makmal untuk dianalisis;

(iii) Notis amaran dan tindakan dikeluarkan kepada pengendali makanan yang gagal mematuhi peraturan. Kesalahan serius boleh dikenakan denda, penggantungan lesen, atau tindakan mahkamah;

(iv) Produk yang disahkan tidak selamat akan diarahkan untuk ditarik balik daripada pasaran dengan segera;

(v) Melaksanakan kempen pendidikan awam serta program latihan kepada pengendali makanan bagi meningkatkan

kefahaman terhadap kepentingan keselamatan makanan.

Kerajaan Negeri melalui JKNPP komited memastikan setiap produk makanan yang dijual di pasaran adalah selamat dimakan oleh pengguna melalui kawalan bersepadu, penguatkuasaan undang-undang, dan kerjasama strategik pelbagai agensi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

10. Berapakah jumlah kanak-kanak yang dikenal pasti mengalami masalah pertuturan dari tahun 2020 sehingga kini?

    (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu kanak-kanak yang mengalami masalah pertuturan di Pulau Pinang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Jumlah murid kategori kurang upaya pertuturan dalam pendidikan sekolah negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH MURID
2020	18
2021	20
2022	21
2023	22
2024	20
2025	25

(a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan program dalam usaha membantu kanak-kanak yang mengalami masalah pertuturan di Pulau Pinang seperti berikut:-

(i) Perkhidmatan sokongan Pegawai Bidang Khusus 3PK bidang Terapi Pertuturan dan Bahasa dari aspek saringan, penilaian, konsultasi guru/waris dan

intervensi kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) atau latihan kepada guru/waris; dan

(ii) Kunjung bantu ke sekolah berfokus kepada latihan untuk guru pendidikan khas bagi akomodasi dan modifikasi di dalam bilik darjah yang bersesuaian bagi menyokong komunikasi berkesan bagi MBPK pertuturan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

11. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan bagi membantu pesakit warga asing di klinik atau hospital kerajaan di Pulau Pinang?

    (a) Apakah SOP yang diguna pakai sekiranya pesakit warga asing tidak mampu membayar kos rawatan?

    (b) Bagaimana mekanisme pemantauan peruntukan ini dilaksanakan?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Sehingga kini, tiada peruntukan khas yang disalurkan kepada pesakit warganegara asing (WNA) di klinik kesihatan ataupun Hospital Kerajaan.

    (a) Bagi pesakit WNA, mana-mana rawatan di Klinik Kesihatan mahupun hospital kerajaan, mereka perlu membayar pada harga yang sama. Namun, terdapat pengecualian caj kepada pemegang kad United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) yang sah sahaja. Mereka yang mengemukakan dokumen permohonan kad UNHCR yang belum disahkan atau dalam pertimbangan UNHCR adalah tidak layak diberikan pengurangan caj ini. Surat pengenalan diri daripada UNHCR boleh diterima pakai bagi mendapatkan pengurangan 50%.

Bagi penyakit berjangkit yang dihidapi oleh WNA, pengecualian fi adalah bagi pesakit luar, ujian makmal dan lain-lain prosedur siasatan bagi penyakit berjangkit tersebut. Senarai penyakit berjangkit adalah:

(i) Demam kuning;
(ii) Ebola;
(iii) Kolera;
(iv) Malaria;
(v) Plague;
(vi) Tifoid;
(vii) Tuberkulosis;
(viii) Avian influenza; dan
(ix) Kusta

Pengecualian caj fi ini tidak terpakai pada WNA yang datang ke klinik kesihatan mahupun hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan di negara ini sebagai pelancong kesihatan (health tourism). Kanak-kanak WNA akan menerima pengecualian fi pesakit luar dan fi suntikan imunisasi rutin polio melalui suntikan vaksin Dtap-IPV-HepB-Hib.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

12. Apakah perkembangan penjenamaan semula Sistem Masjid Pro Penang ke Sistem Pengurusan Bersepadu MAINPP?

    (a) Berapakah kos keseluruhan sejak pembangunan hingga kini?

    (b) Nyatakan syarikat pembangun sistem ini serta mod perolehan / tender.

    (c) Berapa bilangan masjid belum menyertai sistem ini? Nyatakan sebab berlaku.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. (a) Kos pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP bagi setiap masjid ditetapkan sebanyak RM10,550.00. Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Bilangan 3 Tahun 2025 telah bersetuju untuk mewajibkan penggunaan SPB MAINPP di semua masjid di negeri Pulau Pinang dan kos pelaksanaan sistem ditanggung sepenuhnya.

    Selain itu, Mesyuarat MAINPP Bilangan 4 Tahun 2025 juga telah bersetuju untuk memulangkan semula kos yang telah ditanggung oleh masjid yang melaksanakan sistem ini pada peringkat awal dengan kadar maksimum RM5,550.00 bagi setiap masjid.

Secara keseluruhannya, jumlah kos pelaksanaan sistem ini bagi 216 masjid di seluruh negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM2,278,800.00.

(b) Mesyuarat MAINPP Bilangan 4 Tahun 2020 telah memutuskan bahawa perolehan bagi penggunaan system ini akan dibuat oleh pihak masjid sendiri serta menyarankan agar semua masjid menggunakan sistem yang dibangunkan oleh syarikat Myrich Dynasty Network Sdn. Bhd.

Bagi menyelaraskan pelaksanaan dan mengelakkan percanggahan dalam penggunaan sistem pengurusan di peringkat masjid, Mesyuarat MAINPP Bilangan 3 Tahun 2025 telah bersetuju untuk mewajibkan penggunaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP di semua masjid di negeri Pulau Pinang.

(c) Sehingga kini, kesemua 216 masjid di negeri Pulau Pinang telah menggunakan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP sepenuhnya, iaitu lebih awal daripada jangkaan asal pelaksanaan. Sistem ini telah berjaya digunakan dengan berkesan bagi menguruskan pelbagai urusan pentadbiran masjid, termasuk Mesyuarat Agung Pencalonan Jawatankuasa Kariah 2026-2028 yang telah berlangsung pada Julai 2025 hingga September 2025 yang lalu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

13. Sejauh manakah impak pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) terhadap pembangunan dasar Kerajaan Negeri?

    (a) Senaraikan aktiviti dan peruntukan program yang dijalankan tahun 2024.

    (b) Apakah mekanisme pemantauan keberkesanan DKG di peringkat pelaksanaan?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Kaji selidik awal bagi Penilaian Separuh Penggal Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama pegawai pelaksana DKG mendapati bahawa pelaksanaan dasar ini memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan dasar Kerajaan Negeri, khususnya dari segi cara sesuatu dasar digubal, dilaksanakan dan dinilai.

    Pertama, pelaksanaan DKG mengutamakan keperluan pelbagai kumpulan dalam penyampaian perkhidmatan dan pengurusan agensi atau jabatan. Melalui bimbingan serta pemantauan yang berterusan, pegawai pelaksana DKG dilihat semakin peka terhadap isu gender dan keadilan sosial dalam melaksanakan program serta tugasan harian mereka.

    Kedua, pelaksanaan DKG turut menyumbang kepada pembentukan dasar yang lebih inklusif dan responsif gender di peringkat negeri. Setiap dasar dan program yang dirangka kini mengambil kira keperluan wanita,

lelaki serta golongan rentan seperti ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU), bagi memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara adil dan saksama.

Ketiga, kejayaan pelaksanaan DKG dapat dilihat melalui pelaksanaan Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (Gender Responsive and Participatory Budgeting – GRPB) yang dijalankan secara menyeluruh di peringkat kerajaan tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Melalui metodologi GRPB, rakyat dilibatkan secara langsung dalam penyediaan bajet serta perancangan program dan projek. Pendekatan ini membolehkan sumber diagihkan dengan lebih tepat sasaran, adil serta telus kepada rakyat, yang dapat melihat sendiri bagaimana bajet negeri dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan mereka.

(a) Senarai aktiviti dan peruntukan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 oleh PWDC, MBPP dan MBSP adalah seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN A**.

(b) Mekanisme Pemantauan Keberkesanan DKG

Mekanisme pemantauan keberkesanan DKG di peringkat pelaksanaan adalah dengan mewujudkan struktur Jawatankuasa Pemandu Dasar (*Policy Steering Committee*) yang berfungsi sebagai badan tadbir urus peringkat tertinggi dan memegang akauntabiliti utama terhadap kejayaan sesuatu dasar serta unit/bahagian yang mempunyai kuasa menyelia dan membuat penjajaran agar dasar dapat diterjemahkan dalam Tatacara Pengendalian Piawai setiap jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.

Di peringkat kerajaan tempatan, pemantauan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Gender yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar serta dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai gender. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun bagi memantau serta mendokumentasikan kemajuan pelaksanaan DKG, termasuk pencapaian sasaran setiap jabatan berdasarkan Pelan Tindakan DKG MBPP dan MBSP masing-masing.

LAMPIRAN A

AKTIVITI DAN PERUNTUKAN PROGRAM DASAR KETERANGKUMAN GENDER (DKG) YANG DIANJURKAN OLEH JABATAN/AGENSI TAHUN 2024

Bil.	Tarikh	Program	Peruntukan (RM)
1	11 Mac	Taklimat DKG anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) kepada Ahli Majlis MBPP & MBSP yang Baru Dilantik	-
2	2 Mei	Sesi Konsultansi Pelan Tindakan DKG bersama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) dari Pejabat SUK Negeri	-
3	14 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) 2024 bersama Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	-
4	17 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama lima Pejabat Daerah dan Tanah	-
5	17 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang	-
6	1 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Bahagian Kawal Selia Air (BKSA)	-
7	1 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	-
8	1 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama PDT Seberang Perai Utara	-
9	19 September	Sesi konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP)	-
10	20 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	-

Bil.	Tarikh	Program	Peruntukan (RM)
11	24 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG & Projek GRPB bersama PDT Seberang Perai Tengah	-
12	25 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG & Projek GRPB PDT Daerah Barat Daya	-
13	25 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)	-
14	26 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG & Projek GRPB PDT Seberang Perai Selatan	-
15	1 Oktober	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Perbadanan Ketua Menteri (CMI)	-
16	16 Oktober	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	-
17	18 Oktober	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	-
18	19 November	Sesi Dialog YB Lim Siew Khim bersama Pegawai Focal Point DKG	2,255.00
19	6 Disember	Taklimat DKG bersama staf Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang	-
20	11 Disember	GRPB Bootcamp 2024	4,200.00
JUMLAH PERBELANJAAN (RM)			**6,455.00**

MBPP			
Bil.	**Tarikh**	**Program**	**Peruntukan (RM)**
1	1 Januari	Soal Selidik Bajet Rakyat MBPP 2025 @ *City Walk* Sempena Hari Bandaraya 2024	10,100.00
2	28 Januari	Soal Selidik Bajet Rakyat @ MBPP *Car Free Day*	2,830.00
3	25 Februari	Sesi *Town Hall* Bajet Rakyat MBPP 2025	35,292.00
4	17 Februari	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 1	2,300.00
5	20 Februari	Lawatan MBSP ke Projek GRPB MBPP	6,475.00
6	15 hingga 24 Mac	Soal Selidik Bajet Rakyat 2025 MBPP @ Plaza Gurney & Queensbay Mall	-
7	22 Mac	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 2	2,300.00
8	22 April	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 3	2,420.00
9	23 Mei	Bengkel Sumbang Saran Toolkit SDD untuk KT (MBPP)	9,468.00
10	24 Mei	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 4	2,420.00
11	28 Jun	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 5	2,420.00
12	18 Julai	Bengkel Analisis Gender MBPP	5,097.60
13	26 Julai	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 6	2,420.00
14	23 Ogos	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 7	2,420.00
15	29 Ogos	Penang iBelanja Engagement @ Pasar Jalan Anson	-
16	27 September	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 8	2,420.00
17	25 Oktober	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 9	2,420.00
18	13 November	Bengkel ToT bagi Pegawai & Penolong Pegawai Gender MBPP	4,375.00
19	22 November	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 10	2,420.00
JUMLAH PERBELANJAAN (RM)			**97,597.60**

MBSP			
Bil.	**Tarikh**	**Program**	**Peruntukan (RM)**
1	7 Februari	Pelancaran GRPB CA 2024 MBSP: Edisi Hibrid	7,240.00
2	22 Februari	Lawatan MBPP ke Projek GRPB MBSP	7,450.00
3	30 April	Bengkel ToT bagi Pegawai & Penolong Pegawai Gender MBSP	7,780.00
4	23 Mei	Bengkel Sumbang Saran Toolkit SDD untuk KT (MBSP)	9,468.00
5	4 Jun	Pengumuman Peserta & Taklimat Garis Panduan *GRPB Champion Award* MBSP 2024	-
6	20 Jun	Bengkel Analisis Gender MBSP	5,350.00
7	15 Ogos	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender untuk Kakitangan MBSP Siri 1	3,600.00
8	20 Ogos	Sesi Bersama Panel Perunding Bagi Kategori Perkhidmatan Pintar GRPB Champion Award MBSP	2,500.00
9	28 Ogos	Sesi Bersama Panel Perunding bagi GRB dan Aspek Gender GRPB Champion Award MBSP	3,780.00
10	5 September	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender untuk Kakitangan MBSP Siri 2 & 3	11,400.00
11	9 September	Sesi Bersama Panel Perunding bagi Kategori Ekonomi dan Sosial GRPB Champion Award MBSP	-
12	3 Oktober	Taklimat DKG untuk Kakitangan MBSP Siri 4 & 5	5,400.00
13	3 Oktober	Sesi Konsultasi Panel Perunding bagi Kategori Alam Sekitar GRPB Champion Award MBSP 2024	-
14	30 November	Bengkel Pelan Tindakan DKG MBSP 2025	22,203.00
JUMLAH PERBELANJAAN (RM)			**86,171.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

14. Sejauh manakah keberkesanan kempen Penang Goes Orange dalam meningkatkan kesedaran dan mencegah keganasan terhadap wanita?

    (a) Berapakah jumlah peserta yang terlibat dalam aktiviti PGO dan berapa peruntukan diturunkan pada tahun 2024?

    (b) Apakah indikator yang digunakan untuk menilai impak kempen terhadap perubahan sikap masyarakat?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Kempen *Penang Goes Orange* (PGO) yang bermula pada tahun 2014 kini telah berkembang menjadi platform advokasi utama di Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran terhadap keganasan terhadap wanita, kanak-kanak dan isu berasaskan gender.

    Keberkesanan kempen ini terserlah melalui peningkatan penyertaan masyarakat, kesedaran warga awam terhadap isu keganasan rumah tangga serta penambahbaikan sistem sokongan mangsa. Selepas lebih 10 tahun, PGO terbukti berkesan sebagai gerakan sosial yang membina masyarakat lebih peka, berani dan menolak keganasan terhadap wanita.

    (a) Pada tahun 2024, lebih 10,000 orang peserta telah terlibat dalam kempen PGO.

        Bagi pelaksanaan kempen tahun 2024, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30,000.00

kepada PWDC. Jumlah keseluruhan kos pelaksanaan kempen adalah sebanyak RM122,500.00, baki perbelanjaan telah ditampung melalui sumbangan dana, sumbangan barangan, pembiayaan tempat dan perkhidmatan daripada pelbagai rakan strategik dan penaja korporat.

(b) Indikator utama yang digunakan untuk menilai impak kempen terhadap perubahan sikap masyarakat merangkumi tiga aspek utama, iaitu:-

(i) Tahap penglibatan masyarakat

Jumlah penyertaan yang meningkat dari tahun ke tahun menunjukkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap isu keganasan berasaskan gender semakin tinggi dan mencerminkan keterbukaan masyarakat untuk membincangkan isu-isu yang dahulunya dianggap sensitif.

(ii) Kerjasama strategik yang meluas

Penglibatan pelbagai NGO, institusi pendidikan, termasuk swasta, agensi kerajaan dan komuniti tempatan dalam kempen PGO menjadi petunjuk penting terhadap keberkesanan pendekatan kolaboratif dalam menyebarkan mesej kesedaran secara lebih menyeluruh dan berimpak.

(iii) Analisis capaian serta interaksi di media social

Data capaian, perkongsian dan komen yang diterima daripada kandungan digital seperti video kesedaran dan infografik digunakan untuk menilai keberkesanan strategi komunikasi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

15. Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesahkan Sungai Kereh tercemar najis babi. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah pencemaran sungai ini?

    (a) Sejauh manakah keberkesanan UMAS (Useful Microbes Activated Solution) dan Quantum Thermal Cracking?

    (b) Apakah hasil kajian rintis yang dilakukan menggunakan teknologi baru?

    (c) Nyatakan garis masa penyelesaian masalah pencemaran ini.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah bagi menyelesaikan isu pencemaran Sungai Kereh menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP). Antara tindakan yang dilaksanakan termasuk penggunaan *Useful Microbes Activated Solution* (UMAS) oleh JPVPP yang masih dijalankan di kawasan saliran Kampung Selamat. Selain itu, JPVPP turut menyalurkan bantuan UMAS kepada semua 61 buah ladang ternakan di Kampung Selamat. Di samping itu, Syarikat HRB Q Tech Sdn Bhd masih menjalankan Pilot Projek di dua (2) buah ladang babi di Kampung Selamat.

    (a) Penggunaan UMAS oleh JPVPP dapat membantu untuk mengawal bau busuk apabila digunakan di dalam aktiviti

penternakan manakala *Quantum Thermal Cracking* masih dalam proses perlaksanaan di dua (2) buah ladang babi.

(b) Kajian rintis yang dilaksanakan masih berada dalam peringkat pelaksanaan. Berdasarkan hasil pemantauan bacaan *Biochemical Oxygen Demand (BOD)* telah mencapai paras di bawah 50 ppm selepas proses *desludging* dijalankan di ladang-ladang babi yang terlibat.

(c) JPVPP mensasarkan tempoh satu (1) tahun untuk menyelesaikan isu pencemaran iaitu sehingga tahun 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

16. Jelaskan dasar Kerajaan Negeri berhubung pengenalan lesen mesra haiwan di premis makanan.

    (a) Apakah syarat dan jenis haiwan yang dibenarkan di bawah lesen ini?

    (b) Enakmen atau garis panduan manakah yang dirujuk dalam pelaksanaannya?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mengeluarkan sebarang lesen atau kelulusan khas bagi membenarkan haiwan berada dalam premis makanan. Pendekatan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Establisymen Makanan yang secara jelas melarang kehadiran haiwan di dalam kawasan penyediaan makanan. Hal ini bertujuan bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan makanan dan kesihatan awam sentiasa terpelihara serta mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh PBT.

    (a) Tiada ketetapan syarat atau jenis haiwan yang dibenarkan memandangkan PBT tidak mengeluarkan lesen mesra haiwan. Langkah ini diambil bagi menggelakkan risiko

penularan penyakit zoonotik dan risiko kecederaan atau gigitan haiwan kepada pelanggan.

(b) Enakmen atau garis panduan yang dirujuk untuk pengawalan isu ini adalah seperti berikut:

(i) Undang-undang Kecil Establisymen Makanan; dan

(ii) Akta Makanan 1983 [Akta 281] dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang dikuatkuasakan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

17. Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertambahan projek perumahan baharu?

    (a) Apakah pelan jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan berisiko tinggi?

    (b) Berapakah peruntukan telah disalurkan kepada PBT untuk kerja naik taraf saliran sejak 2023?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Dalam memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertambahan projek perumahan baharu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menetapkan keperluan penyediaan laporan kajian hidraulik kepada pemaju bagi setiap cadangan pembangunan. Kajian ini perlu mengambil kira selang berulang purata (average recurrence interval, ARI) hujan untuk 100 tahun serta kesan tambahan aliran daripada pembangunan ke atas sistem saliran sedia ada. Segala cadangan penaiktarafan sistem perparitan dan kolam takungan hendaklah dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam kajian sebelum kelulusan diberi.

    Selain itu, bagi memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertambahan projek perumahan baharu, Kerajaan Negeri melalui PBT melaksanakan kawalan Kebenaran Merancang (KM) kepada pemaju dengan mensyaratkan penaiktarafan parit utama di sekitar kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation and Drainage in Penang Island* yang telah digariskan oleh Japan

International Cooperation Agency (JICA). Bagi pembangunan di luar kawasan George Town, pemaju diwajibkan mematuhi piawaian Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam Daerah serta Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut atau kajian-kajian tebatan banjir khusus yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP).

Agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), JPSPP dan PBT turut bekerjasama rapat dalam pelaksanaan projek-projek naik taraf sistem saliran. Kerjasama ini melibatkan perkongsian maklumat dan kepakaran bagi memastikan setiap projek memberikan impak yang optimum serta memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertumbuhan projek perumahan baharu.

(a) Pelan jangka pendek bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan berisiko tinggi adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan projek-projek penaiktarafan sistem saliran dan tebatan banjir berskala kecil dan sederhana di kawasan berisiko;

(ii) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan, pembaikan dan penyelenggaraan sistem saliran secara berkala;

(iii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rumah pam secara bulanan; dan

(iv) Melaksanakan kerja-kerja pengorekan kolam takungan banjir di kawasan taman perumahan.

Pelan jangka panjang bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan berisiko tinggi pula adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan kajian menyeluruh di kawasan-kawasan yang berisiko untuk banjir;

(ii) Melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di lembangan-lembangan sungai utama; dan

(iii) Menyediakan pelan reka bentuk terperinci bagi pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir di kawasan *hotspot* banjir.

(b) Peruntukan yang telah disalurkan kepada PBT bagi pelaksanaan kerja-kerja penaiktarafan sistem

saliran dari tahun 2023 sehingga 2025 adalah seperti di **JADUAL 1.**

JADUAL 1: PERUNTUKAN KERJA PENAIKTARAFAN SISTEM SALIRAN PBT (2023-2025)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	
	MBPP	MBSP
2023	1,654,038.80	7,252,185.85
2024	1,177,872.26	576,663.23
2025	4,310,499.00	8,761,620.92
JUMLAH (RM)	**7,142,410.06**	**16,590,470.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

18. Senaraikan strategi Kerajaan Negeri untuk memperkasa pelancongan luar bandar.

    (a) Senaraikan tempat-tempat pelancongan luar bandar yang terlibat dengan promosi Kerajaan Negeri.

    (b) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi memajukan eko-pelancongan di kawasan luar bandar ini?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) memberi tumpuan kepada strategi memperkasa pelancongan luar bandar melalui kempen khas seperti *The Opposite Side of The Island – Seberang Perai* yang menonjolkan keunikan agro-pelancongan, alam semula jadi serta kehidupan komuniti tempatan. Usaha ini merangkumi pembangunan produk pelancongan berasaskan komuniti (CBT) seperti *homestay*, bengkel kraf, lawatan ladang, pengalaman gastronomi desa, aktiviti memancing tradisional dan pemerhatian kelip-kelip, selain memperkukuh segmen ekopelancongan di kawasan pesisir dan kampung tradisi. PGT juga menjalankan promosi secara bersepadu melalui media sosial, platform digital dan kolaborasi industri termasuk penerbitan video promosi "Pulau Pinang Yang Berlainan (*Not The Penang You Know*)" bagi meningkatkan capaian pasaran.

Seiring itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memperkasa pelancongan luar bandar melalui pembangunan infrastruktur sokongan, promosi produk pelancongan tempatan, penglibatan komuniti serta pelaksanaan projek eko-pelancongan secara inklusif. Pendekatan ini memastikan manfaat ekonomi, sosial dan budaya diagihkan secara seimbang kepada penduduk setempat, di samping mengekalkan kelestarian persekitaran dan identiti komuniti luar bandar.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PGT terus memperkukuh promosi pelancongan luar bandar dengan menonjolkan keunikan alam semula jadi, warisan dan kehidupan komuniti tempatan. Antara destinasi utama yang dipromosikan di Seberang Perai ialah *Design Village Outlet Mall*, Pulau Aman, Juru *River Cruise* , Hutan Lipur Cherok To' Kun, kawasan pesisir yang terkenal dengan makanan laut segar, Kampung Mengkuang Titi, Empangan Mengkuang, Permatang Rawa *Agro Park* dan Kampung Agong. Di bahagian Pulau, kempen "*The Other Side of The Island* – Balik Pulau" menampilkan lawatan dusun buah-buahan, ladang organik serta tarikan sekitar Teluk Bahang seperti Taman Negara Pulau Pinang dan *Tropical Spice Garden,* Entopia dan ESCAPE. Promosi dijalankan melalui saluran digital rasmi PGT, YouTube, laman web mypenang.gov.my serta penerbitan panduan pelancongan.

Pada masa yang sama, MBSP sedang menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT, SPS) yang dijangka siap pada tahun 2026 bagi mendokumentasi dan menyelaras pembangunan pelancongan luar bandar secara lebih strategik. Kajian ini merangkumi kategori sejarah, warisan, seni dan budaya, gastronomi, *agrotourism*, *ecotourism*, sukan dan rekreasi, kesihatan serta vista. Selain itu, MBSP turut mempromosikan Teluk Air Tawar–Kuala Muda (TAT-KM) sebagai kawasan eko-pelancongan utama melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan NGO dalam inisiatif *Bird Flyway* untuk memelihara habitat burung migrasi dan memperkukuh potensi pelancongan berasaskan alam.

(b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khusus bagi mana-mana sektor pelancongan. Melalui PGT, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi promosi berasaskan tema, produk dan segmen pasaran sasaran, bukannya terhad kepada lokasi semata-mata. Melalui pendekatan ini, pelbagai segmen pelancongan seperti pelancongan warisan, ekopelancongan, pelancongan komuniti dan agro, serta pelancongan kesihatan

dipromosikan secara menyeluruh meliputi semua daerah termasuk Seberang Perai. Pendekatan tematik ini memastikan setiap destinasi menerima pendedahan yang seimbang dan tidak tertumpu hanya kepada lokasi tertentu.

Di samping itu, keberkesanan promosi dipertingkat melalui penggunaan kempen digital, penyertaan dalam pameran pelancongan antarabangsa serta kerjasama strategik bersama rakan industri seperti syarikat penerbangan, media dan pempengaruh. Usaha ini bukan sahaja memperluaskan capaian promosi Pulau Pinang tetapi juga mengoptimumkan perbelanjaan promosi serta menjamin pulangan yang lebih berimpak dan berterusan kepada sektor pelancongan negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

19. Nyatakan hasil padi Musim 1 Tahun 2025 di DUN Permatang Berangan serta anggaran kerugian petani.

    (a) Apakah punca utama pengeluaran rendah dan pelan pemulihan Musim 2?

    (b) Senaraikan bantuan kerajaan untuk memulakan semula penanaman berserta garis masa sumbangan.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Anggaran hasil padi bagi Musim 1 Tahun 2025 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan adalah 4.95 tan sehektar dengan harga jualan purata sebanyak RM1,500.00 bagi setiap tan. Berdasarkan kos pengeluaran sebanyak RM5,000.00 sehektar, pendapatan bersih petani dianggarkan sekitar RM2,425.00 sehektar.

    (a) Punca utama pengeluaran hasil tanaman didapati menurun disebabkan oleh kemerebakan keladi agas (*Monochoria vaginalis*). Rumpai ini tergolong dalam kumpulan rumpai daun lebar akuatik yang kerap ditemui di kawasan sawah padi. Keladi agas membiak dengan cepat melalui biji benih dan rizom, serta bersaing dengan tanaman padi untuk mendapatkan nutrien, cahaya matahari dan air. Keadaan ini menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, hasil tuaian berkurangan, dan mutu beras menurun. Selain itu,

rumpai yang tumbuh padat turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan serta meningkatkan kos kawalan ladang.

Bagi mengawal masalah kemerebakan rumpai keladi agas dan memulihkan hasil tanaman pada musim kedua, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti berikut:

(i) Kawalan Awal Sebelum Penanaman

Kerja pembajakan dan pembalikan tanah dilakukan bagi menimbus biji benih dan rizom rumpai supaya tidak dapat tumbuh semula. Sistem pengairan dan saliran dipastikan berfungsi baik bagi mengawal paras air di petak sawah.

(ii) Kawalan Kimia

Racun pra-rawat (*pre-emergent herbicide*) seperti bahan aktif *bensulfuron-methyl* atau *penoxsulam* digunakan mengikut kadar dan masa yang disyorkan oleh pihak Jabatan Pertanian (DOA) / Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Penyemburan dilakukan pada hari ke7 hingga ke10 selepas penanaman bagi mengurangkan populasi rumpai di peringkat awal pertumbuhan padi.

(iii) Kawalan Manual dan Mekanikal

Kerja mencabut rumpai secara manual dilakukan di kawasan yang menunjukkan serangan tinggi. Penggunaan alat mekanikal seperti *rotavator* dan *weeder* digunakan bagi membersihkan kawasan antara barisan tanaman.

(iv) Amalan Agronomi Baik

Penggunaan benih sah dan berkualiti tinggi bagi memastikan pertumbuhan seragam dan cepat menyaingi rumpai. Penanaman dilaksanakan secara rapat dan mengikut jarak yang disyorkan bagi mengurangkan ruang pertumbuhan rumpai. Paras air sawah dikawal pada tahap 5cm hingga 10cm untuk menghalang pertumbuhan rumpai daun lebar seperti keladi agas.

(v) Pemantauan Berterusan

Pemeriksaan ladang dilaksanakan setiap dua (2) hingga tiga (3) minggu bagi mengesan kawasan yang berisiko tinggi dan tindakan segera diambil untuk mengelakkan penyebaran rumpai. Selain itu, Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Utara juga telah melaksanakan petak demonstrasi kawalan keladi agas bagi pembekal racun yang berminat untuk mengguna pakai racun keluaran syarikat mereka.

(b) Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang telah mengaktifkan kembali kawasan jelapang padi yang kurang aktif dan menaik taraf serta menambahbaik system pengairan di seluruh kawasan sawah padi di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai inisiatif dan insentif yang telah dilaksanakan antaranya perataan tanah sawah, pembinaan parit jejari, bantuan input pertanian serta perkhidmatan mekanisasi ladang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

20. Berapakah jumlah kes serangan seksual yang dilaporkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini mengikut pecahan kes mengikut jenis serangan seperti cabul, rogol, sumbang mahram, dan amang seksual?

    (a) Apakah bentuk sokongan yang disediakan kepada mangsa serangan seksual di Pulau Pinang?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Statistik kes serangan seksual mengikut pecahan kes yang dilaporkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga Oktober 2025 adalah seperti di jadual:

JENIS KESALAHAN	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Cabul	45	76	89	72	80	50
Rogol	77	83	103	81	91	77
Sumbang Mahram	4	3	13	9	8	4
Amang Seksual	69	58	79	84	100	75
JUMLAH	**195**	**220**	**284**	**246**	**279**	**206**

(a) Antara bentuk–bentuk sokongan yang disediakan kepada mangsa serangan seksual di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) **Sokongan Perubatan (Kementerian Kesihatan Malaysia- KKM)**

Mangsa boleh mendapatkan rawatan kecemasan dan pemeriksaan perubatan di hospital kerajaan atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC);

(ii) **Sokongan Undang – Undang dan Siasatan (PDRM – Unit Siasatan Jenayah Seksual).**

Mangsa boleh membuat laporan di mana-mana balai polis, dan pihak polis akan menjalankan siasatan secara sulit serta melindungi identiti mangsa. Selain itu, mangsa boleh memohon perintah perlindungan melalui mahkamah bagi memastikan keselamatan mereka daripada sebarang ancaman susulan. Saksi dan mangsa juga mempunyai hak untuk menjalani perbicaraan tertutup di mahkamah demi menjaga maruah serta keselamatan mereka;

(iii) **Sokongan Kaunseling dan Psikologi (Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)).**

Mangsa akan dirujuk kepada kaunselor bertauliah bagi mendapatkan sokongan emosi dan mengatasi trauma, sekali gus mengurangkan tekanan, ketakutan, serta rasa bersalah, serta membantu membina semula keyakinan diri. Selain itu, kaunseling keluarga turut disediakan untuk membantu ahli keluarga memahami pengalaman mangsa dan memberikan sokongan yang sewajarnya; dan

(iv) **Sokongan Talian Bantuan dan Aduan.**

Talian Kasih 15999 beroperasi 24 jam untuk menerima aduan, memberi nasihat, dan menyediakan rujukan segera kepada mangsa. Selain itu, Talian Nur/*WhatsApp* 019-2615999 membolehkan laporan dibuat secara rahsia, manakala *Women's Centre for Change* (WCC) Hotline di Pulau Pinang dan *Women's Organisation for Awareness* (WOA Hotline) turut menerima panggilan daripada mangsa serangan seksual bagi memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

21. Apakah status terkini Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lebuh Banting?

    (a) Nyatakan garis masa, skop pakej, kos, kemajuan fizikal dan tarikh siap.

    (b) Apakah persediaan kerajaan memandangkan banyak projek Kampung Angkat MADANI berada di kawasan terlibat?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Kawasan Lebuh Banting terletak di dalam kawasan tadahan Sungai Perai dan program tebatan banjir di kawasan tersebut adalah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai Fasa 2.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) akan memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan secara berperingkat melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) bagi pelaksanaan projek RTB Sungai Perai Fasa 2 yang akan merangkumi kawasan tadahan sungai tersebut. Perancangan pelaksanaan projek fizikal akan hanya dapat ditentukan setelah projek diluluskan kelak.

    (b) Kerajaan Negeri melalui JPSPP akan melaksanakan satu (1) Projek MADANI di kawasan tersebut iaitu Kerja-Kerja

Infrastruktur dan Input Pertanian Di Kampung Guar Petai, Pulau Pinang dengan peruntukan berjumlah RM500,000.00 dari Kerajaan Persekutuan. Selain itu, JPSPP juga akan melaksanakan kerja menyelenggara Sungai Bongkok Keriang (dari Sekolah Agama Rakyat Padang Ibu ke Sekolah Agama Rakyat Guar Jering) dengan peruntukan berjumlah RM50,000.00 sebagai tindakan mitigasi jangka pendek bagi memastikan aliran air dapat mengalir dengan lancar dan mengurangkan kesan banjir. JPSPP juga mempunyai perancangan untuk meninggikan ban di Jajaran Kampung Lebuh Banting, Sungai Perai pada tahun 2026 dengan menggunakan peruntukan pembangunan negeri dan persekutuan. Kerja-kerja yang dirancang ini adalah merupakan tindakan mitigasi banjir jangka pendek sementara menunggu kelulusan perlaksanaan projek RTB Sg. Perai Fasa 2 diluluskan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

22. Apakah tindakan Kerajaan Negeri menangani banjir kilat berulang di Taman Ara Permai sejak lima tahun akibat sistem perparitan tidak mengikut spesifikasi?

    (a) Nyatakan pelan pembaikan bertarikh, peruntukan, penguatkuasaan serta bantuan kepada penduduk.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Pembangunan di kawasan Taman Ara Permai masih belum siap sepenuhnya dan masih di bawah tanggungjawab pihak pemaju. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengarahkan pihak pemaju supaya menaik taraf sistem perparitan sedia ada di kawasan Taman Ara Permai.

    Selain itu, pihak MBSP juga tidak membenarkan air buangan dari pembangunan baharu disalurkan ke dalam sistem saliran perumahan sedia ada di Taman Ara Permai. Pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan sistem saliran dan pelepasan air buangan yang berasingan untuk pembangunan baharu tersebut. Ini adalah untuk memastikan aliran air tidak menambah beban kepada sistem saliran sedia ada dan mengelakkan kejadian banjir berulang.

(a) Perincian pelan pembaikan bertarikh, peruntukan, penguatkuasaan dan bantuan kepada penduduk adalah seperti berikut:

(i) Pelan pembaikan bertarikh adalah seperti berikut:

TARIKH	PELAN PEMBAIKAN
20.11.2020	Mendalamkan kolam tadahan kering di Taman Desa Ara Permai.
25.11.2020	Menambah kotak pembentung sebanyak lima (5) unit bersaiz 900 milimeter di sepanjang Lorong Desa Ara Permai 2.
20.12.2020	Menambah kotak pembentung bersaiz 900 milimeter sebanyak satu (1) unit di Lorong Desa Ara Permai 1.
18.12.2020	Penaiktarafan parit pengumpulan air (*double drain*) di tepi kawasan lapang Taman Desa Ara Permai.
15.12.2020	Tambahan kolam tadahan kering di kawasan kemajuan masa hadapan.
25.07.2021	Penaiktarafan parit monsun bersaiz 3,600 milimeter di hadapan kawasan komersial.
13.11.2021	Penambahan parit monsun bersaiz 2,400 milimeter di sepanjang Jalan Ara Kuda ke Sungai Kulim.
29.04.2025	Melebarkan parit sedia ada bersaiz 600 milimeter kepada 900 milimeter di sepanjang Lorong Desa Ara Permai 8 ke Lorong Desa Ara Permai 1.

08.10.2025	Penambahan kotak pembentung bersaiz 900 milimeter di Lorong Desa Ara Permai 8 dan Lorong Desa Ara Permai 6.

(ii) Semua kerja pembaikan ini adalah di bawah tanggungan pihak pemaju dan tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada pihak MBSP memandangkan Pembangunan masih belum siap sepenuhnya. Pemaju bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan langkah mitigasi banjir secara berterusan sehingga isu banjir di kawasan tersebut diselesaikan sepenuhnya.

(iii) Penguatkuasaan terhadap kerja tanah bagi kemajuan Fasa 2 juga telah dikenakan kepada pemaju dengan pengeluaran Notis Kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [AKTA 133] pada 06 Julai 2023 dan tawaran kompaun di bawah akta yang sama pada 30 Disember 2024, susulan kesalahan melepaskan air bersedimen dan lumpur ke dalam longkang awam yang menyebabkan kejadian banjir lumpur di kawasan berkenaan.

(iv) Pihak pemaju telah memberi bantuan dari segi kerja baik pulih fizikal semasa tempoh Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period – DLP) termasuk membina lantai anjung kereta, membaiki longkang, mengecat anjung kereta dan menurap semula jalan di hadapan rumah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

23. Apakah dasar dan garis panduan RIBI di kawasan perumahan yang baru dibina, khususnya di kawasan majoriti Melayu?

    (a) Apakah syarat persediaan tapak / kelulusan boleh dilonggarkan dan diganti di tempat lain yang majoriti bukan Melayu?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Setiap projek pembangunan perumahan baharu wajib mematuhi Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Masyarakat termasuk penyediaan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) tanpa mengira sama ada kawasan tersebut majoriti Melayu atau sebaliknya.

    (a) Penyediaan tapak RIBI ditentukan berdasarkan jumlah penghuni dan bilangan unit perumahan yang dicadangkan. Syarat ini turut dimasukkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang (KM) yang diberikan kepada pemaju. Sekiranya tapak RIBI tidak dapat disediakan atau tidak sesuai di tempatkan di kawasan majoriti Melayu, pihak pemaju diberi kelonggaran untuk merayu dengan membayar sumbangan kewangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi menggantikan tapak RIBI tersebut yang tidak dapat disediakan secara fizikal. Bayaran sumbangan tersebut adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

    Perincian syarat yang digunapakai untuk kedua-dua PBT adalah seperti berikut:

i. Garis Panduan **MBPP** di laman web berikut:
https://www.mbpp.gov.my/ms/korporat/sumber/dasar-garis-panduan/dasar-garis-panduan-jabatan-perancangan-pembangunan3?start=2

ii. Piawaian **MBSP** di laman web berikut:
https://www.mbsp.gov.my/index.php/ms/mengenai-mpsp/garis-panduan-mpsp/159-garis-panduan/712-garis-panduan-perancang-bandar

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

24. Berapakah jumlah kes keganasan rumah tangga yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini, dan apakah trend keseluruhannya?

    (a) Apakah faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada perubahan dalam jumlah kes ini?

    (b) Apa usaha kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Statistik kes keganasan rumah tangga berdasarkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga Oktober tahun 2025 adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Jumlah kes keganasan rumah tangga tahun 2020 hingga Oktober 2025

TAHUN	JUMLAH KES
2020	262
2021	455
2022	450
2023	366
2024	455
2025	277
JUMLAH	**2,265**

Mengikut data daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes-kes menunjukkan lonjakan ketara sebanyak 193 kes antara tahun 2020 dan 2021, terutamanya disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, trend ini berubah pada tahun 2023 apabila terdapat penurunan sebanyak 84 kes, dengan 366 kes dilaporkan berbanding 450 kes pada tahun 2022.

Peningkatan yang direkodkan pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh peningkatan tahap kepercayaan dan kesedaran masyarakat terhadap saluran bantuan yang disediakan. Faktor ini turut menunjukkan bahawa semakin ramai individu mula menyedari kepentingan mendapatkan bantuan dan berani tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa, ini menjelaskan kenaikan semula jumlah laporan kepada 455 kes pada tahun tersebut.

Perubahan trend ini juga boleh dikaitkan dengan usaha berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat (DKS) yang diperkenalkan pada tahun 2020. Dasar ini menekankan penyediaan akses awal kepada bantuan dan sokongan melalui pewujudan pelbagai First Support Point (FSP) di seluruh negeri. Di samping itu, melalui kempen tahunan Penang Goes Orange, mesej kesedaran bahawa Pulau Pinang menolak sebarang bentuk keganasan terhadap wanita telah berjaya diperluaskan ke seluruh komuniti. Hasilnya, semakin ramai individu tampil berani untuk membuat laporan, mendapatkan perlindungan, dan menuntut keadilan selaras dengan hasrat negeri untuk membentuk masyarakat yang lebih selamat dan berdaya tahan.

(a) Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada perubahan dalam jumlah kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang tahun 2020 hingga 2025.

(i) Kesan pandemik COVID-19

Kenaikan kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang mencatatkan peningkatan ketara khususnya semasa tempoh PKP. Peningkatan ini didorong oleh faktor tekanan berganda yang dialami oleh isi rumah, termasuk tekanan ekonomi dan kehilangan pekerjaan. Selain itu, pergerakan yang terhad memaksa pasangan untuk duduk bersama di rumah untuk jangka masa yang panjang, menyebabkan ketegangan memuncak, lantas

mencetuskan lebih banyak konflik dan insiden keganasan.

(ii) Faktor ekonomi dan sosial

Semasa ketidakstabilan ekonomi pada tahun 2020 dan 2021, tekanan kewangan menjadi punca utama berlakunya keganasan. Namun, apabila ekonomi mula pulih pada tahun 2022 dan 2023, tekanan tersebut berkurangan. Walau bagaimanapun, golongan berpendapatan rendah masih kekal terdedah kepada risiko keganasan disebabkan oleh pergantungan kewangan yang tinggi terhadap pasangan.

(iii) Masalah kesihatan mental

Kemurungan, gangguan personaliti, dan keresahan melampau boleh menjejaskan kawalan emosi dan keupayaan menyelesaikan konflik secara sihat. Individu yang mengalaminya mungkin bertindak agresif atau menggunakan keganasan sebagai tindak balas terhadap tekanan. Selain itu, ketagihan alkohol dan dadah turut memburukkan keadaan dengan melemahkan kawalan diri dan meningkatkan risiko tingkah laku ganas terhadap pasangan atau ahli keluarga.

(b) Antara usaha kerajaan dengan kerjasama jabatan/agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengatasi masalah keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:

(i) Kempen Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat

Kempen tahunan seperti "Penang Goes Orange" dijalankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya keganasan rumah tangga. Program komuniti melalui ceramah, forum dan media sosial turut diadakan bagi mengubah persepsi bahawa keganasan rumah tangga bukan isu peribadi tetapi tanggungjawab bersama.

(ii) Dasar Keluarga Selamat dan *First Support Point*

Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat pada tahun 2020, sebagai dasar menyeluruh untuk memperkukuh institusi keluarga dan

mencegah keganasan domestik melalui pendekatan pencegahan awal (*early intervention*). Melalui dasar ini, pelbagai First Support Point (FSP) diwujudkan di peringkat komuniti bagi menyediakan akses awal kepada bantuan, khidmat kaunseling, dan rujukan kepada agensi berkaitan.

(iii) Pusat Krisis dan Perlindungan

One Stop Crisis Centre (OSCC) di hospital kerajaan berfungsi sebagai pusat sehenti yang menyediakan rawatan perubatan, bantuan membuat laporan polis serta kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga. Selain itu, Rumah Perlindungan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan badan bukan kerajaan (NGO) turut menyediakan tempat tinggal sementara yang selamat bagi mangsa dan anak-anak mereka.

Mangsa juga boleh mendapatkan bantuan segera melalui Talian Kasih 15999, iaitu talian 24 jam bagi membuat aduan atau mendapatkan sokongan berkaitan keganasan rumah tangga dan masalah sosial.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

25. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan komuniti tempatan mendapat manfaat langsung daripada aktiviti pelancongan?

    (a) Senaraikan inisiatif atau insentif untuk projek pelancongan berasaskan komuniti (CBT).

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Bagi memastikan komuniti tempatan mendapat manfaat langsung daripada aktiviti pelancongan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pendekatan pembangunan pelancongan yang inklusif dan berasaskan komuniti iaitu *Community-Based Tourism* (CBT). Pendekatan ini memberi tumpuan kepada penyertaan aktif penduduk dalam pembangunan, pengurusan serta promosi destinasi pelancongan agar manfaat ekonomi, sosial dan budaya dapat dikongsi secara menyeluruh. Antara langkah yang diambil termasuk pemberian sokongan kepada pengusaha tempatan dan komuniti, penganjuran program dan festival warisan yang mempromosikan produk komuniti, pemeliharaan aset budaya dan alam sekitar serta penyertaan komuniti dalam program utama pelancongan. Pendekatan ini telah memupuk rasa tanggungjawab masyarakat terhadap kelestarian destinasi pelancongan negeri.

    (a) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) melaksanakan pelbagai program berasaskan komuniti bagi memperkukuh identiti budaya, memelihara warisan serta merancakkan sosioekonomi setempat. Antara inisiatif utama termasuk Perayaan Warisan George Town

yang melibatkan 40 komuniti dan menarik lebih 15,000 pengunjung, program kesiapsiagaan komuniti melalui latihan responden awal kebakaran kepada 100 komuniti serta pemasangan 10 unit *Automated External Defibrillator* (AED) di bangunan warisan Kategori 1. Selain itu, program insentif pemuliharaan bangunan warisan turut memberi impak besar, melibatkan 52 bangunan Kategori I dan 312 bangunan Kategori II dengan jumlah peruntukan melebihi RM18 juta. Inisiatif ini bukan sahaja memelihara keaslian seni bina dan identiti budaya, malah menyokong pertumbuhan pelancongan dan manfaat ekonomi kepada komuniti tempatan.

Dalam aspek seni dan budaya, penganjuran *George Town Festival* (GTF) 2025 dengan lebih 50 program berjaya menjadi platform pembangunan sosioekonomi melalui seni, budaya dan warisan. Program ini melibatkan kumpulan seni komuniti tempatan dan diperluas ke kawasan di luar George Town dengan GTF@Paya Terubong bagi menggalakkan penyertaan masyarakat. Selain itu, perarakan Chingay dan perayaan *Pai Thee Kong* turut menjadi tarikan pelancongan utama yang memperkukuh semangat perpaduan, pewarisan budaya dan memberi peluang penjanaan pendapatan kepada peniaga kecil serta pengusaha warisan. Secara keseluruhan, usaha bersepadu ini memastikan George Town kekal sebagai bandar warisan yang hidup, inklusif dan berdaya saing di pentas global.

Selain itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan pendekatan CBT bagi memastikan komuniti tempatan menerima manfaat langsung daripada aktiviti pelancongan melalui penyertaan aktif dalam pembangunan dan pengurusan destinasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat, malah memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemeliharaan warisan dan alam sekitar. Antara inisiatif utama termasuk Program Penglibatan Komuniti Setempat yang melibatkan komuniti nelayan Sungai Tembus dalam pemuliharaan burung hijrah serta penganjuran pakej pelancongan berasaskan alam semula jadi, serta promosi produk dan warisan tempatan melalui penyertaan pengusaha seni dan makanan tradisional dalam festival seperti *Butterworth Fringe Festival* (BFF), Hari Warisan Seberang Perai dan Hari Bandaraya bagi memperluas pasaran dan menarik pelancong.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

26. Berapakah jumlah individu OKU yang berdaftar mengikut pecahan kategori ketidakupayaan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini?

    (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pendaftaran OKU secara menyeluruh, terutamanya di kawasan luar bandar?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Bilangan individu Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar mengikut pecahan kategori ketidakupayaan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited memastikan golongan OKU mendapat akses kepada bantuan dan kemudahan yang sewajarnya. Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) kerap menganjurkan program *outreach* di kawasan luar bandar bagi memudahkan pendaftaran OKU serta menyediakan maklumat berkaitan bantuan yang layak dipohon. Pegawai JKM turut memberikan penerangan dan bimbingan kepada individu OKU atau wakil keluarga mereka bagi memastikan proses pendaftaran berjalan lancar.

LAMPIRAN A

PECAHAN KATEGORI KETIDAKUPAYAAN DI PULAU PINANG DARI TAHUN 2020 HINGGA OKTOBER 2025								
Tahun	**Penglihatan**	**Pendengaran**	**Pertuturan**	**Fizikal**	**Pembelajaran**	**Mental**	**Pelbagai**	**Jumlah Keseluruhan**
2020	155	102	4	816	644	100	51	**1,872**
2021	152	101	5	768	584	135	67	**1,812**
2022	197	114	2	948	1,080	127	68	**2,536**
2023	297	163	12	1,189	1,419	208	89	**3,377**
2024	325	189	12	1,541	1,804	227	93	**4,191**
2025	216	113	10	1,080	1,329	147	79	**2,974**

SUMBER : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

27. Berapa ramai penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan di Pulau Pinang dan berapa ramai yang menerima Elaun Pekerja OKU dari tahun 2020 sehingga kini?

    (a) Adakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memperluas peluang pekerjaan bagi OKU di sektor awam dan swasta?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Terdapat seramai **96 Orang Kurang Upaya (OKU)** sedang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

    Selain itu, berdasarkan statistik daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), seramai 87,171 orang pencari kerja OKU seluruh negara termasuk peserta Program *Return To Work* (RTW) telah berjaya ditempatkan dalam sektor pekerjaan sejak Januari 2020 sehingga 24 Oktober 2025. Daripada jumlah tersebut, seramai **6,784 daripadanya adalah dari Negeri Pulau Pinang**.

    Elaun Pekerja OKU (EPOKU) adalah di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu **bantuan bulanan EPOKU berjumlah RM450.00** yang dikhususkan untuk OKU berumur 16 tahun ke atas yang bekerja. Syarat utama untuk mendapatkan bantuan ini adalah pemohon mestilah warganegara Malaysia,

memiliki kad OKU yang berdaftar dengan JKM dan bukan sedang menuntut di institusi pendidikan. Selain itu, penerima hendaklah berpendapatan bulanan antara RM100.00 hingga RM1,700.00. Permohonan boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Sejak tahun 2020 sehingga kini, sebanyak **33,129 orang OKU menerima manfaat bantuan** tersebut seperti perincian di **Lampiran A**.

(a) Bagi memperluas peluang pekerjaan kepada OKU di sektor awam, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP. 1.3.6 Dasar Pengambilan dan Pengurusan Inklusif Orang Kurang Upaya serta Garis Panduan Pengurusan Tempat Kerja Yang Inklusif OKU dan pemakaiannya turut dipanjangkan kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Berdasarkan pekeliling tersebut, Kerajaan Negeri melaksanakan **urusan pengambilan penjawat awam kategori OKU mengikut Pihak Berkuasa Melantik** masing-masing.

Di samping itu, pelbagai inisiatif yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO dan Kerajaan Negeri untuk memperluas peluang pekerjaan bagi OKU dalam sektor swasta. Antaranya ialah melaksanakan inisiatif di bawah Belanjawan 2025 iaitu **Program Daya Kerjaya 3.0** yang merupakan satu insentif penggajian yang diberikan kepada majikan.

Program ini membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti OKU dan bekas banduan. Insentif khas ini adalah sebanyak **RM600.00 sebulan selama 3 bulan untuk majikan** yang mengambil pekerja daripada kumpulan sasar ini.

Sejak permohonan dibuka pada 1 Januari sehingga 26 Oktober 2025, statistik PERKESO mencatatkan sebanyak 33 permohonan daripada majikan termasuk di negeri

Pulau Pinang dan sebanyak **42 orang pekerja OKU mendapat manfaat** dengan pengesyoran bayaran maksimum kepada majikan berjumlah RM55,000.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama KESUMA melalui PERKESO telah melaksanakan beberapa strategi untuk membantu OKU mendapatkan akses kepada pekerjaan yang sewajarnya sekali gus memastikan golongan ini mendapat permintaan dalam pasaran buruh negara sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan mereka. Antaranya inisiatif yang dilancarkan adalah seperti yang berikut:

(i) **Menyediakan Pusat Satelit** sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan seperti UTC Komtar, Pusat Komuniti Desa Selamat dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Taman Gelugor Indah;

(ii) **Melaksanakan Karnival Kerjaya secara bersasar khusus untuk golongan OKU** dan PERKESO telah merekodkan sebanyak 103 Karnival Kerjaya yang berskala besar dan kecil khusus untuk golongan OKU di seluruh negara termasuk di negeri Pulau Pinang sejak Januari hingga 24 Oktober 2025;

(iii) Melaksanakan **Program *Return To Work* (RTW)** iaitu program pengurusan hilang upaya untuk membantu pencarum yang cedera atau menghidapi penyakit untuk dipulihkan dan kembali semula bekerja lebih awal, sihat dan selamat;

(iv) Melaksanakan **Program *Disability Equality Training* (DET) dan *Return To Work Coordinator* (RTWC)** bertujuan untuk memberikan pendedahan serta sokongan kepada majikan bagi menggajikan pekerja OKU. Program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada majikan dalam penggajian OKU; dan

(v) Menjalin kerjasama strategik dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui

(vi) Pusat Kesihatan Mental Masyarakat dan telah melaksanakan ***Program Re-Employment Support, Treatment and Rehabilitation Teamwork*** **(RESTART)** khusus untuk OKU Mental yang bertujuan untuk membantu pesakit mental menerusi sokongan individu dan penempatan pekerjaan.

LAMPIRAN A

STATISTIK PENERIMA BANTUAN ELAUN PEKERJA ORANG KURANG UPAYA (EPOKU)

TAHUN	BILANGAN PENERIMA BANTUAN
2020	5,560
2021	5,710
2022	5,770
2023	5,548
2024	5,305
2025	5,236
JUMLAH	**33,129**

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
**Bilangan penerima bagi tahun 2025 adalah bilangan penerima bantuan sehingga bulan Oktober 2025.*

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH

28. Apakah langkah Kerajaan Negeri memperkasa koperasi pertanian dan perikanan bagi menstabilkan harga hasil tempatan?

    (a) Nyatakan jumlah koperasi aktif serta jumlah pengeluaran/ pasaran dikawal koperasi sejak 2020.

    (b) Jelaskan peranan koperasi dalam rantaian bekalan dan kawalan harga hasil tani negeri.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Koperasi memainkan peranan sebagai sektor ketiga dalam membantu meningkatkan sosioekonomi anggota-anggota dan seterusnya menjana ekonomi negeri serta negara. Berdasarkan Statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2024, terdapat 107 koperasi yang terlibat dalam fungsi pertanian.

    Bagi memperkasa koperasi pertanian dan perikanan dalam membantu menstabilkan harga hasil tempatan, Kerajaan Negeri menyediakan insentif seperti yang berikut:

    (i) Geran Mutiara MADANI kepada semua koperasi yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2025, terdapat 14 buah koperasi yang menjalankan aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan telah memohon geran ini dengan jumlah kelulusan adalah sebanyak RM200,0000.00; dan

(ii) Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyalurkan bantuan aset mekanisasi dengan pemberian enam (6) unit jentera pertanian dan lima (5) unit dron pertanian kepada koperasi yang aktif dan berdaya maju. Kemudahan ini membolehkan koperasi menjalankan aktiviti penyemburan, pembajaan dan kerja ladang secara automatik serta dapat mengurangkan kos operasi, meningkatkan produktiviti dan mengekalkan kestabilan harga hasil pertanian di pasaran tempatan.

Pelaksanaan program seperti Pembangunan Tanaman Padi, Buah-buahan dan Sayur-sayuran dengan peruntukan sebanyak RM7.3 juta serta aktiviti jualan terus dan kelompok tani dengan peruntukan berjumlah RM3.0 juta telah memperkukuh kedudukan koperasi sebagai penghubung utama antara pengeluar dan pengguna. Melalui pendekatan ini, koperasi berperanan mengurus pembelian pukal input, pengumpulan hasil serta jualan terus kepada pengguna bagi mengurangkan pengaruh orang tengah yang menjejaskan kestabilan harga. Program Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian dengan peruntukan berjumlah RM1.48 juta dan Pusat Inkubator serta Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian dengan peruntukan bernilai RM1.1 juta pula memberi fokus kepada peningkatan kemahiran dan kecekapan pengurusan koperasi dalam aspek pemasaran, inovasi teknologi serta pembangunan produk nilai tambah.

Dalam masa yang sama, RM1.67 juta telah disalurkan untuk pelaksanaan Program Perkhidmatan Kejenteraan Pertanian dan RM3.52 juta telah disalurkan bagi Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan. Program-program ini turut memberi peluang kepada koperasi untuk menceburi bidang hiliran seperti pemprosesan hasil dan pengeluaran produk asas tani bernilai tambah. Usaha ini disokong melalui Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan projek infrastruktur dengan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM9.1 juta yang memperkukuh jaringan bekalan dan memastikan ketersediaan hasil pertanian sepanjang tahun.

(a) Sehingga tahun 2025, terdapat sejumlah 59 buah koperasi aktif bagi sektor pertanian dan perikanan di Negeri Pulau Pinang dengan jumlah perolehan adalah sebanyak RM1,383,647.05.

Aktiviti yang dijalankan adalah seperti penanaman sayur, buah-buahan, tanaman kontan dan ternakan, penangkapan ikan dan akuakultur.

Sebanyak 11 buah koperasi pertanian telah berjaya ditubuhkan dari tahun 2020 sehingga 2025 melalui kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dan SKM. Senarai koperasi adalah seperti yang berikut:

(i) Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad;
(ii) Koperasi Kelompok Permatang Pasir Pulau Pinang Berhad;
(iii) Koperasi Kelompok Permatang Ara Pulau Pinang Berhad;
(iv) Koperasi Kelompok Padang Temusu Pulau Pinang Berhad;
(v) Koperasi Kelompok Padi Lahar Kepar Pulau Pinang Berhad;
(vi) Koperasi Mini Estet Seri Manggis Pulau Pinang Berhad;
(vii) Koperasi Tani Paya Keladi Pulau Pinang Berhad;
(viii) Koperasi Kelompok Padi Jalan Baru Nibong Tebal Berhad;
(ix) Koperasi Kelompok Padi Jalan Sempadan Berhad;
(x) Koperasi Jaya Tani Pulau Pinang Berhad; dan
(xi) Koperasi Usahawantani TKPM Ara Kuda Pulau Pinang Berhad.

(b) Koperasi berperanan dalam rantaian bekalan dan kawalan harga hasil tani negeri seperti yang berikut:

(i) Pemantapan struktur pengurusan sawah padi dan rantaian logistik tanaman

Koperasi pertanian di Negeri Pulau Pinang membantu dalam menguruskan sawah padi dan menyediakan kemudahan tanaman padi yang lebih efisien dengan mengurangkan kos orang tengah. Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dengan sokongan SKM Negeri Pulau Pinang sedang mencadangkan transformasi kelompok padi kepada koperasi. Ini membolehkan pengurusan kelompok padi dapat dilaksanakan secara sistematik dan aktiviti perniagaan berskala besar dapat dijalankan serta memberi manfaat kepada anggota.

Sebagai contoh, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad berperanan menguruskan sawah padi dengan membantu petani memperkasa di samping

memperbaiki sistem rekod aktiviti/transaksi serta pengurusan sawah padi yang lebih teratur, sistematik dan berstruktur.

(ii) Peranan sebagai pengeluar dan pengumpul utama
Koperasi bertindak menggabungkan hasil daripada anggota-anggota koperasi bagi memastikan kuantiti mencukupi dan kualiti terjamin. Pengumpulan hasil secara pukal membolehkan kawalan terhadap bekalan di pasaran serta mengelak manipulasi harga oleh orang tengah.

Sebagai contoh, Koperasi Petani Pulau Pinang Berhad berperanan menjadi tempat pengumpulan pengeluaran tanaman anggota. Koperasi juga membantu anggota menjana pendapatan tambahan melalui penglibatan anggota dalam aktiviti rantaian pengurusan tanaman seperti meracun atau membaja.

(iii) Peningkatan produktiviti dan nilai tambah

Koperasi memainkan peranan dalam memperkenalkan teknologi moden dan memudahkan akses input kepada petani untuk meningkatkan pengeluaran.

Sebagai contoh, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad telah diperkenalkan dengan teknologi satelit yang mampu menilai tahap kesuburan tanah sawah padi anggota-anggota mereka bagi mendapatkan hasil yang optimum. Teknologi ini kelak boleh diguna pakai oleh koperasi kelompok padi yang lain sekiranya berjaya.

(iv) Pembangunan kapasiti dan kerjasama dengan pihak kerajaan

Koperasi di Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalinkan hubungan yang baik (*networking*) dengan Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan seperti SKM Negeri, DOA Negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri, Jabatan Perikanan (DOF) Negeri dan lain-lain jabatan/agensi berkaitan. Gerakan koperasi menerima manfaat daripada jaringan kerjasama ini dan membolehkan koperasi membantu anggota dan komuniti.

(v) Penglibatan dalam pemasaran dan agihan terus

Koperasi boleh mendapatkan produk daripada anggota dan membantu dalam jualan terus barangan dan produk tersebut kepada pengguna tanpa perantara. Koperasi turut menguruskan pasar tani, *outlet* agro dan platform jualan dalam talian. Langkah ini dapat membantu menstabilkan harga runcit serta meningkatkan pendapatan anggota koperasi.

(vi) Rantaian Bekalan

Koperasi berperanan untuk mengurus pembelian pukal input pertanian seperti baja, racun dan benih bagi pihak ahli agar dapat mengurangkan kos pengeluaran di peringkat ladang.

(vii) Kawalan Harga

Koperasi menjadi platform penting bagi memastikan petani menerima harga yang adil di peringkat ladang manakala pengguna menikmati harga yang munasabah di pasaran. Melalui pengurusan secara berkelompok, koperasi mampu mengawal kadar pasaran setempat dengan menetapkan harga yang lebih seimbang antara pengeluar dan pembeli.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(VIII)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH

29. Apakah status pelaksanaan koperasi berasaskan teknologi digital dan e-dagang di Pulau Pinang?

    (a) Nyatakan jumlah koperasi yang telah beralih ke platform digital.

    (b) Terangkan bentuk bantuan teknikal, latihan dan geran yang disediakan untuk transformasi digital koperasi.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah melaksanakan program taklimat pendigitalan serta penjualan produk dan perkhidmatan melalui Laman Web KSHOP bagi jualan produk koperasi secara atas talian (*online*). Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran digitalisasi anggota koperasi. Laman Web KSHOP ini dibangunkan sebagai platform pemasaran secara digital bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi ke seluruh dunia.

    (a) Sebanyak 52 buah koperasi telah diberi latihan berkaitan penggunaan dan pendaftaran Laman Web KSHOP.

    (b) Laman Web KSHOP merupakan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebagai platform pemasaran digital bagi gerakan koperasi. Selain itu, Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan bagi bantuan Geran Mutiara MADANI kepada koperasi yang layak

sebagai bantuan bagi modal pusingan atau pembelian peralatan operasi pejabat. Kemudahan ini dapat membantu koperasi membangunkan dan memasarkan produk secara digital. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Pulau Pinang juga turut menganjurkan bengkel dan latihan kepada koperator seperti program Seminar Penggunaan Laman Web KSHOP yang telah diadakan pada 16 Januari 2025 dan Bengkel Taklimat KSHOP Koperasi Negeri Pulau Pinang pada 30 Ogos 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

1. Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan warga emas dan OKU mendapat akses mudah kepada program bantuan dan khidmat kesihatan komuniti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi negeri?

   (a) Berikan statistik jumlah penerima bantuan JKM di KADUN Batu Uban.

   (b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri bagi membantu golongan warga emas yang tiada waris?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) mendapat akses kepada bantuan dan kemudahan yang sewajarnya. Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) kerap menganjurkan program berbentuk *outreach* di pelbagai tempat bagi memudahkan golongan warga emas dan OKU melakukan pendaftaran serta mendapat maklumat berkaitan bantuan yang layak dipohon. Pegawai yang terlibat turut memberikan penerangan dan bimbingan bagi membantu proses pendaftaran sama ada kepada individu sendiri atau ahli keluarga yang mewakili mereka.

   (a) Statistik jumlah penerima bantuan JKM mengikut skim bantuan di KADUN Batu Uban adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Sukarelawan Mutiara bagi membantu dan menyantuni golongan warga emas yang tiada waris. Inisiatif ini bertujuan menjadi saluran komunikasi dua hala antara rakyat dan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti keperluan sebenar masyarakat serta menyelesaikan isu kebajikan dan masalah sosial melalui kerjasama komuniti dan agensi. Selain itu, program ini memupuk masyarakat yang penyayang, prihatin, dan bersatu melalui semangat kejiranan, memperkukuh kepimpinan akar umbi serta menjalin kerjasama dengan Pusat Khidmat ADUN, sekali gus memperkasa budaya kesukarelawanan selaras dengan dasar kebajikan negeri.

LAMPIRAN A

STATISTIK PENERIMA BANTUAN
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG
BAGI DUN BATU UBAN

BIL.	SKIM BANTUAN	BILANGAN KES
1	Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)	26
2	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	14
3	Bantuan Warga Emas (BWE)	103
4	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	60
5	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	55
6	Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar Dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT)	30
JUMLAH		**288**

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

***Janaan maklumat penerima bantuan ini adalah pada Oktober 2025.**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

2. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina kemudahan sukan awam di KADUN Batu Uban seperti gelanggang futsal, pickleball dan bola keranjang bagi tujuan pembangunan sukan akar umbi?

   (a) Apakah bentuk sokongan kewangan atau geran kecil yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada persatuan belia dan sukan tempatan?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri komited untuk menambah baik infrastruktur sukan di seluruh daerah dan komuniti. Namun, setiap pembinaan dan menaik taraf fasiliti perlu dimohon terlebih dahulu kepada Kerajaan Pulau Pinang.

   (a) Sejumlah RM5 juta peruntukan setahun telah diperuntukkan bagi tahun 2025 untuk tujuan tersebut, meliputi peruntukan kepada Majlis Sukan Negeri dan Pejabat EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan.

   Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan yang dikhususkan bagi kerja-kerja naik taraf gelanggang sukan di setiap daerah melalui Pejabat Daerah dan Tanah.

Selain daripada sokongan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) telah melaksanakan program Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Geran Padanan Sukan (GPS) bagi menyokong penganjuran acara sukan pelbagai peringkat dari antarabangsa sehingga peringkat komuniti.

Bagi DSK, sejumlah 93 permohonan telah diluluskan setakat Jendela 6 dengan jumlah RM1,198,000.00 yang memanfaatkan acara sukan dengan jumlah penyertaan 22,858 peserta. Manakala untuk GPS, negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM1,165,000.00 melalui 17 permohonan bagi menganjurkan acara sukan dalam bentuk geran padanan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

3. Apakah alasan Kerajaan Negeri untuk tidak memberikan kebenaran kepada penganjur karnival atau ekspo masyarakat India untuk diadakan 3 bulan sebelum sambutan Deepavali?

   (a) Adakah Kerajaan Negeri pernah membuat survey berkaitan penerimaan sambutan karnival ini di kalangan masyarakat India?

   (b) Nyatakan pihak yang membuat bantahan terhadap penganjuran karnival tersebut.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 3 Tahun 2024 pada 17 Januari 2024 telah memutuskan bahawa penganjuran Karnival/ Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India di Negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

   (i) Syarat-syarat yang telah dipersetujui bukan hanya terpakai pada perayaan Deepavali tetapi terpakai juga untuk Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India;

   (ii) Penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India terbuka untuk

penganjur/peniaga dari luar Negeri Pulau Pinang bermula dari 1 April sehingga 30 Jun sahaja;

(iii) Tiada penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo dibenarkan 30 hari sebelum perayaan Deepavali. Karnival/Bazar/Ekspo hanya dibenarkan di dalam pusat membeli-belah/pasar raya/premis kedai sahaja tanpa melibatkan mana-mana penganjur dan peniaga dari luar premis tersebut. Penganjur Karnival/Bazar/Ekspo juga dibenarkan di tapak-tapak khas yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kebenaran-kebenaran ini perlu mendapat kelulusan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan;

(iv) Setiap penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India perlu mendapatkan kelulusan permit penganjuran, permit perniagaan sementara, permit hiburan dan permit pemasangan iklan sepanduk/*banner* daripada PBT sebelum penganjuran bermula;

(v) Tidak dibenarkan penganjur/peniaga/pekerja bukan warganegara Malaysia/Permastautin Tetap (PR) dan penganjur/peniaga/pekerja warganegara Malaysia perlu berada di tapak bagi menguruskan perniagaan sepenuhnya dalam penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India; dan

(vi) PBT boleh membatalkan permit perniagaan yang telah dikeluarkan kepada penganjur dan peniaga sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana syarat di atas dan tindakan penguatkuasaan lanjut akan diambil berdasarkan undang-undang semasa yang sedang berkuat kuasa.

Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan asas-asas pertimbangan seperti berikut:

(i) Kerajaan Negeri berterusan menerima aduan dan rungutan daripada peniaga India di Negeri Pulau

Pinang, Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil India Negeri Pulau Pinang (yang mewakili 200 orang penjaja/peniaga kecil India), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berhubung penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India yang melibatkan penyertaan peniaga dari luar Negeri Pulau Pinang dan juga luar negara seperti India, Bangladesh dan Pakistan. Penganjuran tersebut memberi kesan negatif yang ketara kepada penjaja/peniaga tempatan;

(ii) Peniaga-peniaga tempatan tidak dapat bersaing secara sihat disebabkan oleh harga barangan yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga luar Negeri Pulau Pinang dan juga peniaga-peniaga asing dari luar negara adalah jauh lebih murah;

(iii) Pendapatan hasil jualan yang diperoleh oleh peniaga-peniaga tempatan terjejas teruk dan bakal berdepan risiko perniagaan gulung tikar; dan

(iv) Aktiviti perniagaan yang melibatkan peniaga-peniaga tempatan kaum India tidak dapat berkembang dengan baik kerana kesan penglibatan peniaga-peniaga luar di dalam pasaran tempatan.

(a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak menjalankan sebarang soal selidik berkaitan penerimaan sambutan Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India ini dalam kalangan masyarakat India.

(b) Pihak-pihak yang telah mengemukakan bantahan terhadap penganjuran Karnival/Bazar/Ekspo Kebudayaan dan Perayaan Kaum India yang melibatkan penganjur, peniaga dan penjaja dari luar Negeri Pulau Pinang atau luar negara adalah seperti berikut:

(i) Penjaja dan peniaga kecil India di Negeri Pulau Pinang;

(ii) Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil India Negeri Pulau Pinang (yang mewakili 200 orang penjaja/peniaga kecil India); dan

(iii) Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

4. Berapakah jumlah belia di Pulau Pinang yang terlibat dalam program latihan kemahiran di bawah Penang Youth Development Corporation (PYDC) bagi tahun 2024 dan 2025?

   (a) Apakah kadar kebolehpasaran selepas latihan?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) memperkasakan program berasaskan latihan dan kemahiran melalui Jawatankuasa Belia Pulau Pinang.

   Bagi tahun 2024 dan 2025, seramai 1,631 orang belia telah terlibat dalam sebanyak 47 program latihan kemahiran seperti kemahiran digital, keusahawanan, komunikasi, dan pembangunan kerjaya yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, institusi latihan, serta pihak industri.

   Senarai latihan dan kemahiran yang telah dianjurkan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang dengan kerjasama PYDC bagi belia di negeri ini adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) PYDC buat masa kini tidak mempunyai data bagi nilai kebolehpasaran belia melalui program-program yang dilaksanakan namun impak positif yang ditonjol oleh peserta adalah lebih mempunyai keyakinan dan bersemangat untuk menonjolkan diri di khalayak ramai.

Belia-belia yang mengikut program juga tidak hanya didedahkan kepada alam pekerjaan namun mereka juga diajar untuk mengasah *soft skill* dan keusahawanan.

LAMPIRAN A

SENARAI LATIHAN DAN KEMAHIRAN YANG DIANJURKAN OLEH JBPP PADA TAHUN 2024- 2025

JBPP	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PENGLIBATAN BELIA
N02 Bertam	Kursus Asas Baiki Telefon Bimbit	9 Ogos 2025	22
N06 Telok Ayer Tawar	Kelas MADANI Baking & Dessert	16 Ogos 2025	20
N07 Sungai Puyu	Canva Editing Workshop	28 April 2024	14
	Bengkel Membuat Sabun dari Minyak	19 Mei 2024	
N09 Bagan Dalam	Latte Art Workshop	12 Mei 2024	60
	Photography Workshop	16 Jun 2024	40
	3D Printing Workshop	29 Disember 2024	40
	Basic Drone Handling Skills Training	27 April 2025	50
N11 Permatang Pasir	Asas Fotografi - Kursus TVET	22 Mac 2025	50
	Kursus Membaiki Peti Ais	28 Jun 2025	20
N12 Penanti	Program Make up asas 2.0	21 Julai 2024	60
N13 Berapit	Bengkel Kopi	19 Oktober 2025	15
N14 Machang Bubuk	Seminar cekap sunting: canva and capcut	1 Disember 2025	30
N16 Perai	Kursus Asas Menjahit	28 April 2024	25
	Bengkel Pengendalian Drone Untuk Belia KADUN Perai	11 Oktober 2025	35
N22 Tanjong Bunga	Kelas Batik Painting (Sempena Hari Bapa)	21 Jun 2025	60
	Kelas Digital	21-28 Jun 2025	40
	Kelas Memanah	22 Jun 2025	50
N23 Air Putih	Wax and wonder Batik	5 April 2025	30
	Coffee Workshop: Father's Day Special	14 Jun 2025	40

LAMPIRAN A

JBPP	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PENGLIBATAN BELIA
N25 Pulau Tikus	Beginners Website Development Workshop	28 Januari 2024	15
	Bake for a Cause: Cookies Workshop	30 Mac 2024	21
	Public speaking Workshop with Toastmasters oracle	23 Jun 2024	30
	Bengkel Terrarium	27 Julai 2024	200
	Bengkel Kraf Tangan Potongan Kertas Cina	10 Ogos 2024	11
	Bengkel Pengucapan Awam	18 Januari 2025	20
	Syawal Cookie Baking Workshop	19 April 2025	30
	Unlocking Team Potential: A workshop on communication and Leadership	23 Ogos 2025	25
N26 Padang Kota	Bengkel Google Workspace Belia Padang Kota	10 November 2024	30
	Bengkel AI Workshop: Gemini, Gems & Notebook LM Untuk Generasi AI	5 Oktober 2025	30
N27 Pengkalan Kota	Learn and Play Archery	23 Mac 2025	30
	Program Kursus Canva	27 Julai 2025	30
N28 Komtar	Bengkel "Coffee Brewing"	18 Ogos 2024	30
	Batik Workshop	5 Oktober 2024	25
	Pottery Workshop	3 November 2024	30
	Video Editing Workshop	26 Julai 2025	30
	Coffee Art Workshop	18 Oktober 2025	30

LAMPIRAN A

JBPP	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PENGLIBATAN BELIA
N31 Batu Lanchang	Tea Workshop 2024	8 September 2024	12
N32 Seri Delima	Program Bengkel Seni Latte	13 April 2024	30
	AI Film Craft	1 Jun 2024	40
	Bengkel Seni Latte	21 Jun 2025	30
N33 Air Itam	Coffee Workshop: Father's day special	14 Jun 2025	29
N35 Batu Uban	Youth Innovators: AI For Bussiness	18 Ogos 2024	50
N38 Bayan Lepas	Kelas Makeup Galam Raya	22 Mac 2025	10
N39 Pulau Betong	Bengkel Kelas Make up	19 Oktober 2024	30
N40 Teluk Bahang	Dandanan diri- solekan "serlahkan keanggunanmu"	1 September 2024	50
	Kelas Kemahiran Dandanan Diri - Asas Solekan Dan Hijab Style	21 Jun 2025	32
JUMLAH	**47 PROGRAM**		**1631 BELIA**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh MBPP bagi menangani isu pembuangan sampah haram dan sisa binaan di kawasan KADUN Batu Uban?

   (a) Nyatakan lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram di bahagian Pulau.

   (b) Berikan data mengenai mereka yang didakwa dan dikenakan hukuman atas kesalahan ini.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menangani isu pembuangan sampah haram termasuk di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban adalah seperti berikut:

   (i) Mengeluarkan Notis Tentang Kesalahan (NTK) di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];

   (ii) Mengambil tindakan untuk memberhentikan dan menghapuskan segala kacau ganggu terhadap pemunya tanah dan pemilik berdaftar kenderaan yang terlibat dalam aktiviti pembuangan sampah, selaras dengan Seksyen 80, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];

(iii) Memasang papan tanda "Dilarang Buang Sampah" dan melaksanakan kerja-kerja pengindahan di tapak longgokan sampah haram;

(iv) Memasang kamera litar tertutup (CCTV) mudah alih di kawasan panas (hotspot) bagi memantau dan mengawal aktiviti pembuangan sampah secara haram; dan

(v) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berjadual.

Sementara itu, bagi menangani isu pembuangan sampah binaan, MBPP telah menetapkan syarat-syarat khusus bagi semua Kebenaran Memulakan Kerja-kerja Pembinaan (COW) seperti berikut:

(i) Semua sisa binaan dan perobohan (C&D) yang dihasilkan daripada tapak pembinaan hendaklah dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh MBPP. Laporan bulanan aktiviti pelupusan sisa C&D juga perlu dikemukakan sebagai bukti pelupusan yang sah; dan

(ii) Tindakan penguatkuasaan serta-merta termasuk pengeluaran Perintah Henti Kerja (Stop Work Order) sekiranya didapati sisa C&D dari tapak pembinaan dilupuskan di tapak yang tidak diluluskan oleh MBPP.

(a) Lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram dan sisa binaan di bahagian Pulau adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) MBPP telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap individu atau pihak yang terlibat dalam aktiviti pembuangan sampah haram. Jumlah pengeluaran Notis Tentang Kesalahan (NTK) serta tindakan pendakwaan bagi kes pembuangan sampah haram dari tahun 2023 sehingga bulan September tahun 2025 adalah seperti berikut:

(i) Pengeluaran NTK

TAHUN	BILANGAN (NTK)
2023	825
2024	1,494
2025(Sehingga bulan September)	2,231
JUMLAH	4,550

(ii) Tindakan Pendakwaan

TAHUN	LOKASI	SYARIKAT / PEMILIK
2024	Jalan Teluk Kumbar	Sim Kok Kei
2025	Tingkat Bukit Jambul 1	Barathraj a/l Subramaniam

LAMPIRAN A

LONGGOKAN SAMPAH HARAM BERSKALA KECIL

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
1.	Bukit Bendera	Tanjong Bungah	Jalan Sungai 1
2.		Pulau Tikus	Lengkok Burma (Kampung Sireh)
3.		Tanjong Bungah	Jalan Tanjong Bungah
4.		Tanjong Bungah	Jalan Tanjung Pinang Satu
1.	Tanjong	Pengkalan Kota	Lebuhraya Merdeka
2.		KOMTAR	Jalan Sungai Ujong
1.	Jelutong	Datok Keramat	Jalan Dato Keramat Berdekatan Pusat KADUN
2.		Sungai Pinang	Lintang Sungai Pinang
3.		Datok Keramat	Jalan Perak (Perhentian Bas Taman Abidin)
4.		Sungai Pinang	Belakang Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
5.		Batu Lanchang	Jalan Pasar (Pasar Jalan Perak)
6.		Batu Lanchang	Jalan Ooi Thiam Siew
7.		Batu Lanchang	Jalan Taiping
8.		Batu Lanchang	Lorong Cantik
9.		Batu Lanchang	Jalan Sri Ibrahim Tepi D'Monte
10.		Batu Lanchang	Medan Penaga (Taman Selat)
11.		Batu Lanchang	Jalan Bagan Serai
1.	Bukit Gelugor	Seri Delima	Lorong Delima 4
2.		Seri Delima	Jalan Khemah
3.		Seri Delima	Tingkat Pemancar
4.		Seri Delima	Hilir Pemancar
5.		Seri Delima	Lebuhraya Bingham
6.		Seri Delima	Persiaran Sungai Gelugor 2
7.		Seri Delima	Tingkat Sungai Gelugor
8.		Air Itam	Kampung Sheik Madar
9.		Air Itam	Jalan Paya Terubong (Kampung Cina)
10.		Paya Terubong	Medan Angsana 2
11.		Paya Terubong	Lintang Angsana (*Backlane* Sushi Mentai)
12.		Paya Terubong	Medan Angsana 2 (Lokasi Berlainan No. 10)
13.		Paya Terubong	Jalan Rambai

LAMPIRAN A

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
14.		Paya Terubong	Hilir Paya Terubong (Restoran Deen)
15.		Paya Terubong	Halaman Paya Terubong 1 (Hadapan Agro)
1.	Bayan Baru	Batu Uban	Jalan Rumbia (*Backlane* Kedai)
2.		Batu Uban	Lengkok Nipah
3.		Batu Uban	Lorong Nipah 6
4.		Batu Uban	Tingkat Nipah (Hadapan No. 50)
5.		Pantai Jerjak	Jalan Pantai Jerejak 4 (Tepi Sungai)
6.		Pantai Jerjak	Lorong Kampung Jawa
7.		Batu Maung	Lebuh Batu Maung 4
8.		Batu Maung	Lengkok Batu Maung
9.		Pantai Jerjak	Jalan Mayang Pasir, Bukit Gedong
10.		Batu Maung	Saujana Damai
11.		Batu Maung	Lorong Sungai Tiram 4
12.		Batu Maung	Lintang Bayan 10
13.		Batu Uban	Lebuhraya Nipah
14.		Batu Uban	Jalan Permai
15.		Batu Uban	Jalan Endah
16.		Batu Maung	Jalan Bidara (Hadapan BKE Station)
17.		Batu Maung	Solok Sungai Ara 1
18.		Batu Maung	Lebuh Batu Maung 12
19.		Batu Maung	Lebuh Batu Maung 12/1
20.		Batu Maung	Medan Batu Maung 7
1.	Balik Pulau	Bayan Lepas	Jalan Mahkamah
2.		Bayan Lepas	Jalan Gertak Sanggul (Hadapan Dewan JKK)
3.		Bayan Lepas	Jalan Gertak Sanggul
4.		Bayan Lepas	Jalan Gertak Sanggul (Hadapan Masuk Khuntai)
5.		Bayan Lepas	Jalan Sungai Batu
6.		Bayan Lepas	Jalan Sungai Batu
7.		Bayan Lepas	Persiaran Sungai Batu
8.		Bayan Lepas	Teluk Bayu
9.		Bayan Lepas	Kampung Matahari Naik

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
10.		Pulau Betong	Pekan Kongsi (*Backlane*)
11.		Teluk Bahang	Jalan Nelayan
12.		Teluk Bahang	Jalan Teluk Awak

LONGGOKAN SAMPAH HARAM BERSKALA BESAR

BIL.	PARLIMEN	DUN	LOKASI
1.	Bayan Baru	Batu Maung	Jalan Baru, Batu Maung
2.	Bayan Baru	Batu Uban	Jalan Sungai Dua (Hadapan Jubilee)
3.	Balik Pulau	Bayan Lepas	Jalan Teluk Kumbar
4.	Jelutong	Sungai Pinang	Belakang Bomba Jalan Perak

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

6. Berapa banyak laporan terhadap JMB / MC dalam kawasan KADUN Batu Uban yang diterima oleh COB dalam tempoh tahun 2025? Berikan butiran yang lengkap.

   (a) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap JMB / MC yang gagal menjalankan penyelenggaraan dengan baik?

   (b) Apakah tempoh masa untuk COB bertindak ke atas aduan yang diterima?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak 92 aduan yang melibatkan *Joint Management Body* (JMB)/*Management Committee* (MC) di dalam KADUN Batu Uban bagi tempoh Januari hingga September 2025. Pecahan aduan yang diterima melalui sistem aplikasi PEARL dan surat rasmi/borang aduan adalah seperti berikut:

TAHUN (2025)	SURAT RASMI / BORANG	PEARL (e-ADUAN)	JUMLAH
JANUARI	5	12	17
FEBRUARI	3	8	11
MAC	4	8	12
APRIL	5	6	11
MEI	3	4	7

TAHUN (2025)	SURAT RASMI / BORANG	PEARL (e-ADUAN)	JUMLAH
JUN	4	0	4
JULAI	8	3	11
OGOS	2	13	15
SEPTEMBER	2	2	4
JUMLAH	**36**	**56**	**92**

(a) Merujuk Seksyen 21 dan Seksyen 59, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] adalah menjadi kewajipan ke atas setiap JMB/MC untuk mengurus, menyenggara dan memastikan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak serta harta bersama berada dalam keadaan baik, teratur dan boleh digunakan dengan selamat.

Sehubungan dengan itu, JMB/MC bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan dan penyelenggaraan skim di bawah seliaan mereka. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan penghuni, malah boleh membawa kepada tindakan melalui Tribunal Pengurusan Strata (TPS) bagi memastikan pihak pengurusan iaitu JMB/MC mematuhi kewajipan yang telah diperuntukkan di bawah Akta 757 tersebut.

Berdasarkan Akta 757 ini juga, tiada peruntukan khusus yang menetapkan tindakan penalti secara langsung terhadap JMB/MC sekiranya mereka gagal melaksanakan tugas penyelenggaraan dengan baik.

Walau bagaimanapun, kegagalan pihak JMB/MC dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab penyelenggaraan boleh dicabar di peringkat TPS dan mahkamah. TPS dan mahkamah mempunyai kuasa untuk memutuskan *award* dan membuat keputusan sekiranya dibuktikan JMB/MC gagal menjalankan tugas berhubung pengurusan dan penyelenggaraan di skim strata seliaannya.

(b) Setiap aduan yang diterima melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) akan didaftarkan bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan teratur. Aduan melalui sistem aplikasi PEARL akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari termasuk hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am. Manakala aduan yang diterima melalui surat-menyurat rasmi, serahan tangan melalui Borang Aduan Jabatan dan e-mel akan diambil tindakan berdasarkan klasifikasi isu yang dibangkitkan.

Aduan mudah akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja, manakala aduan sederhana dan rumit bergantung kepada siasatan jabatan. Walau bagaimanapun, pemakluman status aduan akan diberikan kepada pengadu dari semasa ke semasa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

7. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh MBPP berhubung aduan daripada penduduk mengenai anjing liar yang semakin banyak berkeliaran di kawasan Minden Heights, khususnya di Jalan 1 dan Lorong 14?

   (a) Berikan data tangkapan anjing di kawasan tersebut.

   (b) Selain operasi tangkapan, apakah pelan tindakan jangka panjang bagi menangani isu ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan operasi kawalan anjing liar berdasarkan aduan yang diterima daripada penduduk. Antara tindakan yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:

   (i) Bekerjasama dengan pihak *International Aid for the Protection & Welfare of Animals* (IAPWA) untuk menjalankan *task force* di kawasan aduan yang diterima;

   (ii) Memasang perangkap untuk tangkapan anjing di kawasan aduan; dan

   (iii) Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pemberi makanan (*feeders*) kepada haiwan terbiar yang menaburkan sisa makanan di tempat awam

mengikut peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 *[Akta 133]*.

(a) Sejumlah **61 ekor anjing** telah ditangkap oleh pihak MBPP di kawasan tersebut dari tahun 2021 sehingga 15 Oktober 2025 mengikut perincian seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN (EKOR)
2021	15
2022	13
2023	15
2024	14
2025 (setakat 15 Oktober 2025)	4
JUMLAH	**61**

(b) Pihak MBPP akan mempergiatkan lagi tindakan sedia ada yang diambil sebagai pelan jangka panjang bagi menangani isu ini. Pihak MBPP juga akan merancang pusat penempatan yang bersesuaian bagi menempatkan anjing-anjing yang agresif yang tidak sesuai untuk dikembalikan ke tempat asal untuk direhabilitasi atas pelbagai faktor seperti aduan berulang dan kacau ganggu.

Selain itu, antara inisiatif yang diambil adalah seperti mempergiatkan *task force* bersama pihak IAPWA di kawasan aduan, meneruskan pemasangan perangkap di kawasan aduan serta meneruskan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pemberi makanan (*feeders*) kepada haiwan terbiar yang menaburkan sisa makanan di tempat awam mengikut peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 *[Akta 133]*.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

8. Apakah strategi dan langkah baharu yang sedang dilaksanakan untuk memperkukuh daya saing ekonomi Pulau Pinang, khususnya dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global dan kadar tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat?

   (a) Sejauh manakah inisiatif Pelan Strategik Ekonomi Pulau Pinang 2030 telah disemak semula bagi menyesuaikan dasar pelaburan negeri dengan realiti ekonomi global baharu?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Langkah Dan Strategi Baharu Memperkukuh Daya Saing Ekonomi Pulau Pinang

   Bagi memperkukuh daya saing ekonomi negeri dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global serta kadar tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat , Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan beberapa strategi dan inisiatif utama seperti berikut:

   (i) Penubuhan *Tariff Monitoring Task Force*

   Pada 11 April 2025, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengumumkan penubuhan *Tariff Monitoring Task Force* sebagai satu inisiatif strategik bagi menangani isu tarif yang dikenakan oleh AS terhadap Malaysia. Pasukan ini ditubuhkan bagi memantau perubahan tarif antarabangsa,

khususnya tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas Malaysia, serta menilai kesannya terhadap sektor eksport negeri. Ia juga berperanan untuk mengukuhkan kerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam menyalurkan maklumat dan menyelaras tindakan dasar yang bersesuaian.

Skop utama pasukan ini adalah meliputi:

1) Penubuhan platform penyelarasan pusat untuk memantau perubahan dasar tarif antarabangsa;

2) Penglibatan secara langsung dengan sektor industri yang terjejas; dan

3) Pembangunan *Trade Adjustment Toolkit* bagi membantu pengeksport dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menyesuaikan diri dengan persekitaran perdagangan global yang baharu.

(ii) Inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* (PSD@5KM+)

Sebagai langkah memperkukuh daya saing Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, inisiatif PSD@5KM+ telah diperkenalkan bagi membangunkan ekosistem menyeluruh dalam rantaian nilai hadapan (front-end value chain) semikonduktor. Inisiatif ini berpusat di Bayan Lepas dalam radius lima (5) kilometer. Komponen utama inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

1) Pembangunan Infrastruktur (Ekosistem)

Pembinaan *Penang Integrated Circuit Design and Digital Park*, sebuah taman teknologi seluas satu (1) juta kaki persegi di Bayan Lepas yang menyediakan ruang pejabat dan makmal hibrid untuk syarikat reka bentuk cip dan digital;

2) Pembangunan Bakat dalam *Integrated Circuit Design* (IC Design)

Penubuhan Penang Chip Design Academy (PCDA) bagi menangani jurang kemahiran dalam bidang reka bentuk litar bersepadu. Akademi ini menawarkan program peningkatan kemahiran (upskilling) dan pemerkasaan semula (reskilling) kepada profesional dan graduan kejuruteraan. Sasarannya adalah melatih sekurang-kurangnya 1,000 jurutera serta kadar penempatan kerja melebihi 90%; dan

3) Pemangkin Ekosistem (Rekabentuk & Pembangunan dan Inkubasi)

Penyediaan *Silicon Research and Incubation Space* di GBS TechSpace sebagai pusat sehenti yang menawarkan perkhidmatan rundingan, ruang kerja kolaboratif dan akses kepada perisian *Electronic Design Automation* (EDA), *Multi-Project Wafer* (MPW), pembekal *Intellectual Property* (IP) dan kepakaran teknikal bagi penyediaan *New Product Introduction* (NPI).

Pelaksanaan inisiatif ini telah meningkatkan jumlah syarikat reka bentuk cip (IC Design) di Pulau Pinang daripada sekitar 20 buah syarikat pada tahun 2024 kepada lebih 45 buah syarikat pada tahun 2025. Terdapat tujuh (7) buah syarikat tempatan telah dikenal pasti sebagai penerima manfaat utama inisiatif ini iaitu Filpal, Infinecs Lab, Silicon X, SkyeChip, Sophic Automation, Channel Microsystems dan Tenasic Technology.

Daripada tujuh (7) buah syarikat ini, terdapat dua (2) buah syarikat tempatan yang menonjol dengan pencapaian tersendiri iaitu SkyeChip telah memperkenalkan dua teknologi cip canggih, iaitu *High Bandwidth Memory* (HBM3E) untuk aplikasi kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan dan teknologi Network-on-Chip (NoC) yang

meningkatkan kecekapan cip dalam sistem automotif, peranti pintar dan AI. Manakala, Silicon X pula sedang membangunkan cip proprietari tempatan di bawah jenama Made by Malaysia.

(iii) Pembangunan Bakat Digital dan AI (Sektor Perkhidmatan)

Selaras pembangunan ekosistem *Global Business Services* (GBS) di Pulau Pinang, InvestPenang turut mempergiat inisiatif pembangunan tenaga kerja digital melalui program latihan bersasar dalam bidang GBS dan AI. Berikut adalah program yang dilaksanakan iaitu:

1) *Penang GBS Industry Academy* (PGIA) 1.0

Akademi ini telah dilancarkan pada tahun 2022 bertujuan untuk melatih semula tenaga kerja dalam bidang teknologi GBS. Sehingga kini, PGIA telah melatih lebih daripada 1,105 peserta melibatkan 40 kursus berteknologi tinggi. Ini sekali gus membuktikan keberkesanan pendekatan berasaskan industri dalam melahirkan bakat digital yang kompeten;

2) PGIA 2.0: *#GenAI Talent Readiness* (2025)

Fasa kedua ini memberi tumpuan khusus kepada pembangunan bakat dalam bidang Kecerdasan Buatan Generatif (Generative AI) termasuk *Machine Learning, Deep Learning* dan *Large Language Models* (LLMs). Menjelang akhir tahun 2025, PGIA 2.0 dijangka melatih sekurang-kurangnya 100 peserta yang bersedia menghadapi cabaran serta peluang baharu dalam sektor AI.

Secara kesimpulannya, langkah-langkah strategik ini mencerminkan pendekatan proaktif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melindungi ekonomi negeri,

menyokong kelangsungan perniagaan dan mengekalkan keyakinan pelabur secara berterusan.

Kerajaan Negeri memerlukan masa untuk memuktamadkan mekanisme pelaksanaan yang efektif, berunding dengan pihak berkepentingan utama serta memastikan penjajaran menyeluruh antara agensi-agensi pelaksana.

Namun, Pulau Pinang tidak boleh dan tidak seharusnya menghadapi cabaran ekonomi global secara bersendirian. Oleh itu, sokongan serta kerjasama erat daripada Kerajaan Persekutuan amat diperlukan bagi memastikan keberhasilan pelaksanaan semua inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan Negeri, khususnya dalam memastikan ekosistem pelaburan negeri terus mampan dan berdaya saing.

(a) Berdasarkan semakan semasa, tiada dokumen rasmi yang dikenali sebagai Pelan Strategik Ekonomi Pulau Pinang 2030. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif strategik untuk menyemak semula dasar pelaburan dan pembangunan ekonomi negeri bagi menyesuaikan Pulau Pinang dengan perubahan dinamik ekonomi global. Penyesuaian ini bertujuan memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif, berdaya tahan dan menarik pelaburan bernilai tinggi pada peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pelan Induk Ekonomi Digital Pulau Pinang 2025–2030 (DEMP) yang mana merupakan manifestasi utama penyesuaian dasar pelaburan ini. DEMP dirangka sebagai satu pelan menyeluruh yang bertujuan memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab digital dan teknologi tinggi utama di Asia Tenggara menjelang tahun 2030. Pelan ini menekankan keperluan transformasi ekonomi negeri ke arah ekonomi berasaskan teknologi, inovasi dan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sejajar dengan trend global seperti Revolusi Industri 4.0, automasi dan digitalisasi ekonomi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

9. Apakah bentuk sokongan baharu yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi seperti InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro untuk berkembang dalam pasaran digital dan antarabangsa?

   (a) Bagaimana Kerajaan Negeri menilai keberkesanan program sedia ada dalam meningkatkan pendapatan isi rumah B40 dan M40?

YB DATO' HJ. RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terus memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri bagi membantu usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro memperluas keupayaan mereka ke pasaran digital dan antarabangsa. Langkah ini dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif bersasar yang memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran digital, penyediaan prasarana perniagaan moden serta pembinaan ekosistem teknologi yang mampan.

   Antara bentuk sokongan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi seperti InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro untuk berkembang dalam pasaran digital dan antarabangsa adalah seperti berikut:

(i) Memperkasa Kemahiran Digital dan Tenaga Kerja Tempatan

Melalui InvestPenang, Kerajaan Negeri memperkenalkan Penang GBS Industry Academy (PGIA) – sebuah usaha sama dengan MDEC, GBS Focus Group Pulau Pinang dan Penang Skills Development Centre (PSDC). PGIA bertujuan melahirkan dan mengekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor digital dan teknologi, termasuk bidang *data science*, *software development* dan *cybersecurity*.

Sejak dilancarkan pada November 2022, lebih 1,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi telah dilatih melalui lebih 40 modul latihan. Susulan kejayaan tersebut, PGIA 2.0 – *#GenAI Talent Readiness* telah dilancarkan pada Mei 2025, dengan tumpuan kepada latihan dalam *Generative AI*, *Machine Learning* dan *Large Language Models (LLMs)*, dijangka melatih sekurang-kurangnya 100 profesional digital sepanjang tahun ini.

Selain itu, InvestPenang turut menganjurkan talent *Outreach* dan *Penang Career Discovery Day*, platform tahunan yang mempertemukan pelajar universiti, graduan serta profesional muda dengan syarikat industri digital, termasuk peluang bagi wanita yang kembali bekerja.

(ii) Penyediaan Prasarana Perniagaan dan Ekosistem Digital

Kerajaan Negeri melalui PDC dan InvestPenang memastikan pembangunan prasarana digital di bawah inisiatif Malaysia Digital (MD) sebagai kesinambungan kepada program MSC dan *Penang Cybercity*. Antara kemudahan utama yang telah dibangunkan ialah GBS@Mayang, GBS@Mahsuri, GBS By The Sea dan GBS TechSpace, melibatkan lebih 500,000 kaki persegi ruang niaga digital.

Projek baharu GBS@Technoplex yang sedang dirancang akan menambah 400,000 kaki persegi lagi ruang pejabat dan perniagaan, sekali gus memperkukuh kedudukan Pulau

Pinang sebagai hab perkhidmatan digital dan keusahawanan teknologi.

(iii) Pemerkasaan Ekosistem Teknologi – *Penang Silicon Design @5KM+*

Selaras dengan *National Semiconductor Strategy* (NSS), Kerajaan Negeri melalui InvestPenang melaksanakan inisiatif *Penang Silicon Design* @5KM+ bagi memperkukuh industri reka bentuk cip dan semikonduktor tempatan. Inisiatif ini merangkumi:

- *Penang IC Design & Digital Park;*
- *Penang Chip Design Academy;* dan
- *Silicon Research & Incubation Space* di GBS TechSpace.

Program ini dijangka melahirkan 10 syarikat tempatan baharu, mewujudkan 10,000 pekerjaan bernilai tinggi serta melatih 500 jurutera tempatan dalam tempoh lima tahun. Syarikat yang layak turut menerima insentif sehingga RM2 juta setahun selama tiga tahun, termasuk subsidi latihan, sewaan ruang pejabat, utiliti, penggunaan *EDA tools*, *IP licensing* dan kemudahan *Multi-Project Wafer (MPW)*.

(iv) Platform Sokongan Strategik – *GBS 2.5 Series* dan *GBS Focus Group*

InvestPenang menubuhkan GBS Focus Group (GFG) sebagai platform penasihat industri bagi mengenal pasti keperluan semasa sektor GBS serta memperkukuh hubungan antara kerajaan, industri dan akademia. Selain itu, Program GBS 2.5 Series dijalankan sebagai platform strategik untuk meneroka teknologi baharu seperti automasi, *Generative AI*, analitik data dan kewangan digital. Melalui kedua-dua platform ini, usahawan tempatan, koperasi dan perusahaan mikro diberi ruang membina rangkaian, menyesuaikan model perniagaan serta meneroka peluang pasaran digital dan antarabangsa.

(v) Pembangunan Usahawan Mikro dan Bumiputera oleh PDC

Selain Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan kursus keusahawanan, PDC sedang melaksanakan tiga projek utama bagi menyokong pembangunan usahawan mikro dan bumiputera iaitu:

- *Waterfront Foodie* @ Bayan Lepas (siap November 2025);
- Kompleks Usahawan di Bandar Cassia (siap suku keempat 2027); dan
- Unit Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Penang Science Park North (siap suku keempat 2026).

Projek ini menyediakan ruang niaga, kemudahan latihan dan inkubasi untuk usahawan tempatan serta perusahaan kecil dan sederhana.

(vi) Inisiatif Digital Penang

Digital Penang memperluas *Market Access Programme* yang membawa syarikat pemula teknologi dan perusahaan mikro kecil sederhana (PMKS) ke pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, syarikat ADA Biotech yang ditaja ke *Techsauce Thailand 2024* berjaya memenangi *Techsauce Innovation Award*. Pada tahun 2025, 10 syarikat tempatan dibawa ke Thailand bagi kolaborasi dan perkongsian pasaran antarabangsa.

Selain itu, melalui *MSME Level Up (MELUP) Programme*, 20% peserta mencatatkan peningkatan hasil sekurang-kurangnya 40% selepas tamat program, menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan strategi pemasaran, kecekapan operasi dan penggunaan teknologi digital secara mampan.

(a) Penilaian keberkesanan program dilaksanakan secara berterusan oleh agensi pelaksana seperti InvestPenang, Digital Penang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melalui laporan prestasi tahunan, maklum balas peserta serta pemantauan hasil

pelaksanaan program masing-masing. Antara pencapaian yang direkodkan termasuk:

(i) Lebih 1,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi dilatih melalui *Penang GBS Industry Academy (PGIA)* sejak tahun 2022;

(ii) Pewujudan 4,000 hingga 5,000 peluang pekerjaan baharu hasil pembangunan fasiliti GBS di Pulau Pinang;

(iii) Sasaran untuk melatih 500 jurutera tempatan dan melahirkan 10 syarikat tempatan baharu melalui inisiatif *Penang Silicon Design @5KM+*;

(iv) Peningkatan hasil sebanyak 40% dalam kalangan 20% peserta selepas menamatkan *MSME Level Up (MELUP) Programme*; dan

(v) Peningkatan penyertaan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), profesional muda dan wanita kembali bekerja melalui program *Penang Career Discovery Day.*

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

10. Apakah inisiatif terkini yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memperkukuh peluang pekerjaan untuk golongan belia dan graduan baharu, terutamanya dalam sektor teknologi, perkhidmatan dan perusahaan sosial?

    (a) Berapakah jumlah graduan tempatan yang telah berjaya ditempatkan melalui program seperti *Penang Career Assistance & Talent Enhancement*?

    (b) Apakah kadar keberkesanannya?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kerjasama strategik dengan sektor industri dan pusat latihan seperti *Penang Skills Development Centre* (PSDC) sedang melaksanakan pelbagai program pembangunan bakat khususnya dalam sektor teknologi dan perkhidmatan melalui pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan penyesuaian semula kemahiran (*reskilling*) yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran golongan belia dan graduan baharu. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

    (i) *German Dual Vocational Training* (GDVT)

    Program latihan kemahiran dalam bidang Mekatronik dan *Precision Machining* berasaskan model Jerman, menggabungkan 70% latihan industri dan 30%

pembelajaran di PSDC. Program ini menawarkan prospek penyerapan kerja dengan gaji kompetitif;

(ii) *Penang Chip Design Academy* (PCDA)

Program *upskilling* dalam bidang reka bentuk cip meliputi modul *Custom Layout*, *Design Verification*, *Physical Design* dan *Analog Design*. Peserta disalurkan terus ke industri semikonduktor bagi mengisi kekurangan bakat kritikal;

(iii) *Future Skills Talent Council* (FSTC) - MyMahir TalentCorp

Program peningkatan kemahiran belia dan graduan dalam bidang strategik seperti Semikonduktor dan *Electrical & Electronic* (E&E) yang menghubungkan peserta kepada pekerjaan bernilai tinggi serta menyokong pembangunan bakat masa hadapan negeri;

(iv) Program Peningkatan Kemahiran Industri Semikonduktor (PeKIS)

Inisiatif peningkatan kemahiran teknikal kepada graduan B40 dalam bidang teknologi semikonduktor. Program ini menyumbang kepada mobiliti sosial melalui peluang kerjaya stabil dalam industri berkemahiran tinggi di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP);

(v) Program *Upskilling Semiconductor* – Zakat Pulau Pinang

Program meningkatkan kemahiran asnaf dan golongan berpendapatan rendah dalam bidang operasi semikonduktor, membuka peluang pekerjaan dengan gaji permulaan kompetitif serta meningkatkan taraf sosioekonomi peserta.

Bagi memperkukuh penglibatan golongan belia dan graduan baharu dalam sektor perusahaan sosial pula, pembangunan secara holistik perlu menyentuh aspek keusahawanan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam menjalankan inisiatif

pemantapan bidang keusahawanan melalui inisiatif seperti yang berikut:

1) Dana Pembangunan Belia (DPB)

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menawarkan dana yang boleh dimohon oleh persatuan atau pertubuhan belia yang berdaftar dan beralamat di Pulau Pinang. Dana ini berfungsi sebagai geran awal untuk membantu pertubuhan belia melaksanakan program atau projek termasuklah projek perintis keusahawanan sosial yang berasaskan komuniti. Pelbagai sumber pembiayaan lain turut tersedia untuk diterokai oleh para belia dan graduan baharu;

Program Pembangunan Keusahawanan *Youth Entrepreneurship Challenge* - YEC

PYDC juga telah menjalankan program pertandingan keusahawanan yang komprehensif untuk memperkasakan belia di Negeri Pulau Pinang agar menjadi usahawan yang lebih berdaya saing dan dinamik. Pertandingan keusahawanan yang dahulunya dijalankan di peringkat negeri kini dilaksanakan terlebih dahulu di peringkat daerah bagi memberi lebih banyak peluang penyertaan kepada peserta dari seluruh pelosok negeri termasuk kawasan luar bandar. Platform ini adalah ruang untuk para belia mencabar diri, berkongsi idea perniagaan inovatif dan seterusnya membangunkan idea tersebut menjadi realiti melalui bimbingan dan pementoran;

2) Sokongan Ekosistem Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

Usaha yang dijalankan bagi menyokong ekosistem PMKS adalah melalui program latihan kemahiran dan keusahawanan yang bertujuan meningkatkan kemahiran pengurusan, pemasaran, dan operasi perniagaan. Antara program yang berkaitan adalah

Kursus Asas Keusahawanan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) dan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER). Sokongan ekosistem PMKS yang positif ini akan melahirkan belia yang kompeten dan berdaya saing; dan

3) Latihan Pemasaran Digital dan Pementoran

Seiring dengan kemajuan teknologi, kursus pemasaran digital dianjurkan oleh pelbagai agensi negeri melaui program seperti Bengkel Pemasaran Digital yang disokong oleh Zakat Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) serta *Women Entrepreneurs Mentoring Programme* (PenMentor) anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Selain itu, terdapat juga pelbagai program dan latihan komprehensif yang ditawarkan oleh pihak Digital Penang.

Secara keseluruhan, inisiatif Kerajaan Negeri yang dijalankan memberi tumpuan kepada penerapan minda belia kelas pertama dan memantapkan kemahiran dalam bidang teknologi, perkhidmatan dan perusahaan sosial sekaligus membuka peluang pekerjaan yang lebih luas.

(a) Berkenaan jumlah graduan tempatan yang telah berjaya ditempatkan melalui program seperti *Penang Career Assistance & Talent Enhancement*, PSDC terus memainkan peranan aktif dalam menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pembangunan bakat tempatan yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran golongan belia dan graduan baharu.

Pada tahun 2024 dan 2025, sebanyak 132 orang graduan tempatan telah mengikuti program latihan *upskilling* dan *reskilling* di bawah beberapa program utama yang dilaksanakan di PSDC. Daripada jumlah tersebut, 99

orang peserta telah bekerja dan mendapat penempatan pekerjaan (baki peserta masih menjalani latihan).

Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan dan rakan industri, khususnya dalam bidang teknologi semikonduktor bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang semakin meningkat di sektor berteknologi tinggi Negeri Pulau Pinang.

(b) Kadar keberkesanan program yang *Penang Career Assistance & Talent Enhancement* menunjukkan trend peningkatan kadar keberkesanan daripada 85% kepada 88% dari tahun 2024 hingga tahun 2025. Angka tersebut membuktikan kualiti pelaksanaan latihan yang semakin mantap dan berjaya memperkukuh kebolehpasaran peserta.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

11. Apakah langkah yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan jalan di kawasan Flat Hamna, Jalan Helang dan sekitar Sungai Dua yang semakin meruncing?

    (a) Apakah bentuk kerjasama antara MBPP dan JKR dalam menambah baik sistem lalu lintas di kawasan tersebut?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta (TLK) di kawasan Sungai Dua adalah seperti berikut:

    (i) Menjalankan rondaan untuk membasmi parkir haram terutamanya di tepi jalan utama, laluan kecemasan dan kawasan sempit. Tindakan saman atau tundaan kenderaan kerap dilakukan bagi kenderaan yang menghalang lalu lintas atau diletakkan di luar petak tempat letak kenderaan;

    (ii) Melancarkan aplikasi *PEARL* atau *Penang Smart Parking* bagi memudahkan pengguna dan pihak MBPP untuk mengawal penggunaan petak parkir awam dengan lebih efisien;

(iii) Mengambil inisiatif untuk menukar kawasan tertentu seperti Lorong Helang kepada parkir selari atau bersilang bergantung kepada kelebaran jalan. Ini bagi memaksimumkan ruang sedia ada dan melancarkan lagi aliran trafik;

(iv) Menyediakan sebanyak 139 petak tempat letak kenderaan awam di kawasan sekitar Flat Hamna iaitu di Lorong Helang 1, Lorong Helang 2 dan Lorong Helang 3;

(v) Melalui Kebenaran Merancang Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sungai Dua, telah disyaratkan di dalam kelulusan Laporan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) untuk pembinaan dan penyambungan Jalan Helang;

(vi) Merujuk kepada Garis Panduan Bagi Penggunaan Tanah Lapang Sedia Ada Di Dalam Kawasan MBPP, dataran di dalam kawasan lapang yang tidak melebihi 10% dari kawasan lapang dengan keluasan maksimum 1,000 kaki persegi adalah dicadangkan untuk kegunaan alternatif sebagai tempat letak kenderaan pada waktu malam supaya dapat mengatasi masalah tersebut;

(vii) Berdasarkan Garis Panduan Tempat Meletak Kenderaan, pemajuan kediaman Rumah Mampu Milik (RMM) telah disyaratkan penyediaan satu (1) unit kediaman kepada satu (1) petak tempat letak kenderaan dan tambahan 10% tempat letak kenderaan untuk pelawat. Manakala, rumah pangsa disyaratkan satu (1) unit kediaman kepada dua (2) petak tempat letak kenderaan dan tambahan 10% tempat letak kenderaan untuk pelawat;

(viii) Bagi cadangan pemajuan baharu, podium berbilang tingkat untuk tempat letak kenderaan adalah dibenarkan dengan syarat pemaju menyediakan *alternative ramp* atau *speed ramp*;

(ix) Pelaksanaan jalan sehala di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan telah dilaksanakan dan akan diteruskan seperti di Lorong Nipah 4 dan Lorong Nipah 6, Lorong Helang 1 dan Jalan Khidmat, Jalan Sungai Dua (*Yellow House*);

(x) Mengenakan syarat kepada pihak pemaju untuk melebarkan Jalan Sungai Dua kepada empat (4) lorong lalu lintas iaitu di antara Jalan Pekaka 1 dan Lengkok Nipah bagi melancarkan aliran lalu lintas;

(xi) Cadangan mewujudkan persimpangan *Left In, Left Out* (LILO) di persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Batu Uban dan persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Sungai Dua serta mewujudkan dua (2) buah pusingan 'U' di Jalan Sultan Azlan Shah iaitu di hadapan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

(xii) Menambah baik perfungsian sistem lampu isyarat di kawasan Batu Uban dengan menyelaraskan lampu isyarat di Jalan Sungai Dua dari persimpangan USM sehingga ke Jalan Sultan Azlan Shah;

(xiii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green wave* di Jalan Sungai Dua dan Jalan Bukit Gambir;

(xiv) Memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analytic*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam; dan

(xv) Dua (2) buah stesen Transit Aliran Ringan (LRT) baharu akan dibina berhampiran persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Sungai Dua dan Jalan Batu Uban. Projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ini dijangka dapat mengurangkan kesesakan secara signifikan apabila siap kelak.

(a) Kerjasama antara MBPP dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah penting dalam usaha menambah baik sistem lalu lintas di kawasan tersebut. Bentuk kerjasama ini melibatkan perkongsian maklumat

berkaitan kajian trafik, pelan pengurusan lalu lintas serta projek-projek jalan utama, bagi memastikan tindakan di peringkat tempatan selaras dengan rangka kerja pembangunan infrastruktur di peringkat negeri dan nasional.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

12. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan semua projek pembangunan baharu di sekitar Penang World City dilaksanakan dengan mengambil kira kesan kepada trafik, saliran dan kesejahteraan penduduk sedia ada?

    (a) Adakah kajian penilaian impak lalu lintas (TIA) dan saliran telah dilaksanakan bagi projek-projek berdekatan?

    (b) Bagaimana memastikan pemaju mematuhi syarat sebelum kelulusan dikeluarkan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Bagi memastikan semua projek pembangunan baharu di sekitar Penang World City dilaksanakan dengan mengambil kira kesan kepada trafik, saliran dan kesejahteraan penduduk sedia ada, sewaktu di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang akan disyaratkan untuk penyediaan dan kelulusan Laporan Kajian Impak Lalu lintas (TIA), Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA).

    (a) Laporan TIA bagi Pelan Induk Projek Pembangunan Penang World City telah diluluskan pada 08 Mei 2023. Manakala bagi aspek berkaitan saliran, Laporan EIA bertajuk '*Proposed Land Reclamation For Mixed Coastal Development For The Penang World City* at Bayan Mutiara' telah diluluskan bersyarat oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 17 Februari 2020.

(b) Terdapat kawalan pembangunan ketat bagi memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat sebelum kelulusan dikeluarkan. Antaranya adalah:

(i) Proses cadangan pemajuan - Setiap permohonan pelan pembangunan akan melalui beberapa peringkat kelulusan termasuk Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Sijil Kebenaran Mula Kerja (COW) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Pemaju yang mematuhi semua syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan untuk kelulusan;

(ii) Pengesahan daripada agensi teknikal berkaitan - Ulasan daripada setiap agensi teknikal adalah diperlukan semasa Permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dan diproses. Permohonan Kebenaran Merancang akan diluluskan setelah mendapat pengesahan pematuhan daripada kesemua agensi teknikal yang berkaitan; dan

(iii) Penetepan syarat dalam Kebenaran Merancang - Syarat-syarat teknikal yang dikenakan ke atas cadangan pemajuan akan dimasukkan ke dalam Kebenaran Merancang. Pemaju perlu mematuhi setiap syarat yang dikenakan sebelum ke peringkat kelulusan Pelan Bangunan dan seterusnya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

13. Apakah usaha dan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri serta JKR bagi mengatasi masalah longkang tersumbat dan banjir kilat di kawasan Minden Heights, Sungai Dua dan Bukit Jambul?

    (a) Adakah projek naik taraf sistem perparitan utama di Jkawasan ini termasuk dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) negeri?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Antara usaha yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah longkang tersumbat dan banjir kilat di kawasan Minden Heights, Sungai Dua adalah pelaksanaan projek pembaikan / naik taraf longkang dan sistem perparitan. Kerja-kerja pembersihan serta pembesaran saluran dan longkang setempat telah dilaksanakan di beberapa lokasi yang bermasalah seperti di Changkat/ Jalan Minden (Jalan 3,5,7) untuk mengurangkan kejadian banjir kilat. Peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir kilat ini adalah sebanyak RM1.2 juta melalui peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS).

    (a) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah merancang pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Dua Besar, Pulau Pinang yang akan memberi fokus kepada kawasan Sungai Dua.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

14. Berapakah jumlah peruntukan penyelenggaraan longkang, parit dan pejalan kaki yang diluluskan bagi KADUN Batu Uban bagi tahun 2024 hingga 2025?

    (a) Berapa jumlah projek penyelenggaraan kecil (minor works) yang telah siap dan yang masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah tempoh tahun semasa?

    (b) Apakah kriteria utama yang digunakan dalam menentukan keutamaan lokasi penyelenggaraan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Jumlah peruntukan penyelenggaraan longkang, parit dan pejalan kaki yang diluluskan bagi Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban bagi tahun 2024 sehingga 2025 adalah seperti berikut:-

TAHUN	PERUNTUKAN LONGKANG, PARIT DAN PEJALAN KAKI (RM)
2024	3,617,000.00
2025	1,564,000.00
JUMLAH	**5,181,000.00**

    (a) Terdapat empat (4) buah projek di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Kerja Raya dan lima (5) buah projek di

bawah tanggungjawab pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bagi projek penyelenggaraan kecil (minor works) yang telah siap dan yang masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah tempoh tahun semasa.

(b) Kriteria utama yang digunakan dalam menentukan keutamaan lokasi penyelenggaraan adalah seperti berikut:-

(i) Pemantauan teknikal oleh kakitangan termasuk aduan yang diterima daripada orang awam dan pihak berkepentingan (stakeholders). Semua dapatan tersebut akan diperhalusi bagi menentukan lokasi dan jenis kerja yang perlu diutamakan;

(ii) Pemantauan berkala mengikut zon dan jenis infrastruktur (jalan, parit, bahu jalan, lampu jalan, papan tanda trafik dan sebagainya). Tujuan pemantauan ini adalah untuk mengenal pasti kerosakan lebih awal agar kerja pembaikan dapat dijalankan secara proaktif tanpa menunggu aduan awam;

(iii) Penilaian kos projek, tempoh pelaksanaan dan kesan terhadap keselamatan serta kesejahteraan awam. Keutamaan diberikan kepada lokasi yang memberi impak besar terhadap keselamatan, aliran trafik dan sosioekonomi penduduk setempat;

(iv) Penilaian tahap risiko banjir di kawasan yang sering mengalami banjir atau mempunyai sejarah banjir kilat diberi keutamaan tertinggi dalam memastikan keselamatan dan kesihatan awam didahulukan; dan

(v) Pemantauan keadaan fizikal sungai atau saliran yang berisiko menyebabkan paras kelodak, tumbuhan liar atau halangan seperti sampah dan struktur runtuh yang menghalang aliran air. Kejadian ini juga akan menyebabkan air bertakung (berisiko denggi) dan hakisan serta tebing runtuh yang perlu diberi keutamaan tinggi dalam menentukan kriteria penyelenggaraan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

15. Apakah statistik semasa berkaitan kes penyalahgunaan dadah dan penagihan baharu di Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025?

    (a) Apakah langkah pencegahan serta pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan seperti AADK dan JKM?

    (b) Apakah daerah yang dikenal pasti sebagai *hotspot* kes dadah tertinggi?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Statistik semasa berkaitan kes penyalahgunaan di Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

Tahun	**Jumlah Kes Penyalahgunaan Dadah**
2023	9,735
2024	14,452
2025 (Sehingga Oktober)	8,180
Jumlah Keseluruhan	**32,367**

(a) Langkah pencegahan serta pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan adalah seperti mengenalpasti kawasan berisiko penyalahgunaan dadah dengan menganalisis data kawasan *hotspot* dan laporan daripada Skuad Anti Dadah.

Pihak Berkuasa akan menggunakan data penagihan dadah, bilangan klien, individu yang disyaki serta penagih baharu untuk menentukan kawasan berisiko tinggi khususnya yang melibatkan golongan belia. Skuad Anti Dadah yang diwujudkan juga akan menjadi 'mata-mata' bagi memerhati kawasan baharu *hotspot* penagihan dadah.

Beberapa inisiatif lain juga telah dilaksanakan antaranya adalah seperti pelaksanaan program Kem Belia, Skuad Anti Dadah yang membawa pendedahan bahaya dadah kepada belia dan penggunaan media sosial sebagai platfom utama dalam membenteras penyalahgunaan serta jenayah dadah.

(b) Berdasarkan statistik terkini sehingga 31 Mac 2025, Daerah Timur Laut mencatatkan kes tertinggi berkaitan penyalahgunaan dadah sebanyak 2,219 kes, diikuti daerah Seberang Perai Utara sebanyak 2,203 kes.

Bagi daerah-daerah lain mempunyai kadar sebanyak 2,000 kes dan kebawah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

16. Senaraikan jumlah peruntukan yang telah diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang untuk kawasan DUN Batu Uban bagi tahun 2024 hingga 2025.

    (a) Bagaimana tahap pencapaian kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan?

    (b) Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan untuk memastikan kerja penyelenggaraan dilaksanakan dengan kualiti yang memuaskan dan mengikut tempoh masa ditetapkan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Peruntukan yang telah diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% (TPM80PP) bagi kawasan DUN Batu Uban bagi tempoh tahun 2024 sehingga Oktober 2025 adalah sebanyak RM3,044,252.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta Empat Puluh Empat Ribu Dua Ratus Lima Puluh Dua Sahaja) yang melibatkan sebanyak 13 projek. Perincian projek yang telah diluluskan adalah seperti di **Lampiran A**.

    (a) Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan adalah memuaskan. Semua projek telah dilaksanakan mengikut jadual serta mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Bagi projek yang masih dalam pelaksanaan, pemantauan secara berkala dilaksanakan bagi memastikan kerja-kerja

penyelenggaraan dijalankan mengikut spesifikasi teknikal dan skop kerja yang telah diluluskan oleh pihak pentadbiran.

(b) Mekanisme pemantauan dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan melalui pelbagai pendekatan, seperti pemeriksaan tapak secara berkala oleh pegawai teknikal serta semakan laporan kemajuan kerja yang dikemukakan oleh kontraktor. Selain itu, penilaian kualiti hasil kerja oleh pegawai teknikal turut diambil kira bagi memastikan setiap kerja penyelenggaraan mematuhi tahap kualiti yang ditetapkan serta disiapkan dalam tempoh masa yang dirancang.

LAMPIRAN A

PROJEK TPM80PP TAHUN 2024 DI KADUN BATU UBAN

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
1	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN DAN PEMBAIKAN SATU (1) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK 9, TAMAN JUBILEE 3, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM288,500.00	SIVIL
2	KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENUKAR SISTEM KAWALAN UTAMA, MENUKAR *MAIN SHEAVE* DAN *MAIN ROPE*, MENUKAR *ENCODER*, MENUKAR *HALL CALL BUTTON* DAN *COP* SERTA SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI EMPAT (4) UNIT LIF DI PANGSAPURI MUTIARA INDAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM352,000.00	LIF
3	KERJA-KERJA MENUKAR *MAIN BOARD LIF, GOVERNOR ROPE, CAR OPERATING PANEL* DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DUA (2) UNIT LIF DI TAMAN UTAMA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM195,552.00	LIF

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
4	KERJA-KERJA MENUKAR *MAIN CONTROLLER, CAR OPERATING PANEL, CAR DOOR CONTROLLER SYSTEM* DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DUA (2) UNIT LIF DI U-GARDEN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM340,000.00	LIF
5	KERJA-KERJA PEMBAIKAN TIGA (3) UNIT TANGKI AIR YANG BOCOR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DESA BESTARI BLOK B, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM114,000.00	SIVIL
6	KERJA-KERJA PEMBAIKAN DUA (2) UNIT TANGKI AIR YANG BOCOR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI VILLA SRI KENANGA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM80,100.00	SIVIL
7	KERJA-KERJA PEMBAIKAN ENAM (6) UNIT LIF DI E-PARK, JALAN BATU UBAN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM326,000.00	LIF
8	KERJA-KERJA PEMBAIKAN EMPAT (4) UNIT LIF SERTA NAIKTARAF SISTEM KAWALAN UTAMA DI TAMAN JADE VIEW, GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM292,000.00	LIF

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
9	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LAPISAN KALIS AIR (*WATERPROOFING*) SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SUNWAY CERIA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM107,000.00	SIVIL
10	KERJA-KERJA NAIK TARAF DUA (2) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN LIP SIN BLOK 5, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM160,100.00	SIVIL
11	KERJA-KERJA PEMBAIKAN EMPAT (4) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JUBILEE SUITES 1, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM161,400.00	SIVIL
12	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN DAN PEMBAIKAN *WATERPROOFING* YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK D, DESA PERMAI INDAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM200,100.00	SIVIL
JUMLAH TAHUN 2024		**RM2,616,752.00**	

LAMPIRAN A

PROJEK TPM80PP TAHUN 2025 DI KADUN BATU UBAN

BIL	PERKARA	AMAUN KERJA	SKOP KERJA
1	KERJA-KERJA NAIK TARAF TIGA (3) UNIT LIF DI TAMAN BUKIL JAMBUL BLOK A, B & C, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	RM427,500.00	LIF

RUMUSAN	
JUMLAH PROJEK TAHUN 2024 & 2025	**13**
JUMLAH PERUNTUKAN 2024 & 2025	**RM3,044,252.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

17. Apakah cadangan dan pelan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi pembangunan semula flat-flat lama yang telah berusia melebihi 40 tahun, khususnya yang menghadapi masalah struktur, penyelenggaraan dan kepadatan penduduk?

    (a) Berapakah jumlah flat lama yang dikenal pasti berpotensi untuk pembangunan semula (*redevelopment*)?

    (b) Berapa banyak daripadanya yang berada di kawasan Pulau?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri (KN) melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sedang merangka pelan jangka panjang bagi pembangunan semula (*redevelopment*) flat-flat awam yang telah berusia melebihi 40 tahun khususnya yang menunjukkan tanda-tanda kemerosotan struktur, isu penyelenggaraan berulang dan kadar kepadatan penduduk yang tinggi.

    Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) merupakan inisiatif KN untuk membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak lagi ekonomik untuk didiami. Selain itu, Projek PSB ini adalah bertujuan untuk meningkatkan imej dan reka bentuk bandar serta kualiti hidup masyarakat bandar serta merupakan produk utama LPNPP di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2021–2025 dan Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2026–2030.

Projek PSB ini dilaksanakan berpandukan Garis Panduan PSB (Pembangunan Perumahan) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 9/2022 pada 20 September 2022 untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan perumahan Projek PSB di Negeri Pulau Pinang.

(a) Pada masa kini, terdapat enam (6) skim perumahan/flat lama yang telah disenaraikan sebagai Projek PSB melibatkan tanah milikan tunggal (*sole proprietor*) seperti *State Secretary, Penang State Secretary Incorporated* (SSI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

(b) Pecahan enam (6) Projek PSB tersebut merangkumi tiga (3) projek di Bahagian Pulau dan tiga (3) projek di Bahagian Seberang Perai seperti berikut:

(i) PSB Mahsuri (2021) – 6.4 ekar (Pulau);
(ii) PSB Free School (2028) – 18.35 ekar (Pulau);
(iii) PSB Padang Tembak (2030) – 18.25 ekar (Pulau);
(iv) PSB Siakap (2023) – 5.5 ekar (Seberang Perai);
(v) PSB Mak Mandin (2022) – 12.67 ekar (Seberang Perai); dan
(vi) PSB Taman Mesra (2025) – 12.36 ekar (Seberang Perai).

Secara keseluruhannya, pelan jangka masa panjang ini bertujuan untuk memastikan pembangunan semula flat lama dapat dilaksanakan secara tersusun, mampan dan berpaksikan kebajikan penduduk asal sejajar dengan aspirasi KN untuk menjadikan kawasan perumahan awam lebih selamat, moden dan lestari.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

18. Berapakah bilangan RIBI di KADUN Batu Uban yang telah menerima bantuan melalui Tabung Peruntukan Khas RIBI?

    (a) Apakah status terkini projek (penyelenggaraan, pembinaan semula) bagi bantuan tersebut?

    (b) Apakah status pemilikan tanah RIBI bagi projek pembangunan Penang World City?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui peruntukan Tabung Amanah dan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah menyalurkan sebanyak RM560,000.00 kepada 12 buah RIBI di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban.

    (a) Perincian statistik peruntukan RIBI di KADUN Batu Uban serta status terkini bagi projek adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (b) Melalui pelan kelulusan Cadangan Pindaan Pelan Induk Pembangunan Perniagaan *Penang World City* yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.3/2022 pada 31 Mac 2022 terdapat lapan (8) plot RIBI yang diberi kelulusan di atas tanah tebus guna tersebut. Setakat ini, Jawatankuasa RIBI sedang mempertimbangkan kaedah yang paling berkesan bagi

penyerahan tanah tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan pajakan dan pemberi milikan.

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN TABUNG AMANAH DAN PERUNTUKAN KHAS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DI KADUN BATU UBAN DARI TAHUN 2018 HINGGA 2025

Nama RIBI	Agama	Tahun Kelulusan	Jumlah Kelulusan (RM)	Status Terkini
Kuil Swamimalai Sri Muniswarar Alayam	Hindu	2018	50,000.00	Projek Siap
Kuil Sri Nagakanni Amman, Lorong Endah Taman Brown	Hindu	2018	50,000.00	Projek Siap
Kuil Sree Krishna Bahavan, Sungai Dua (Permohonan Pertama)	Hindu	2020	50,000.00	Projek Siap
Kuil Dewa Sri Muneesvarar Sungai Dua (Sri Jada Muneswarar Alayam)	Hindu	2023	50,000.00	Projek Siap
Persatuan Penganut Chi Yin Guan Dou Mu Gong Pulau Pinang	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Persatuan Penganut Dewa Koay Seng Ong Sungai Dua	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Tokong Dewa Hean Poh Tean, Sungai Dua	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Tokong Dewa Tai Hoo Tian Tua Gee Ya Peh, Sungai Dua	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Tokong Dewa Tai Seng Keong, Sungai Nibong	Tao	2023	50,000.00	Projek Siap
Kuil Sree Krishna Bahavan, Sungai Dua (Permohonan Kedua)	Hindu	2024	20,000.00	Projek Siap
Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seng Hooi	Tao	2024	50,000.00	Projek Dalam Pelaksanaan
Kuil Sri Veera Kaliamman	Hindu	2025	40,000.00	Proses Pembayaran
Jumlah Keseluruhan (RM)			**560,000.00**	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

19. Klinik Kesihatan Sungai Dua dan Bukit Jambul.

(a) Apakah kapasiti rawatan harian di klinik ini dan bilangan pesakit yang dilayan setiap hari?

(b) Apakah perancangan pengembangan fasiliti (contoh: bilik rawatan, peralatan, bilik menunggu) memandangkan pertumbuhan pesat penduduk?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. (a) Kapasiti rawatan harian Klinik Kesihatan Sungai Dua adalah sebanyak 250 pesakit, namun jumlah pesakit yang hadir ke klinik ini ialah 450 orang sehari.

Kapasiti rawatan harian di Klinik Kesihatan Bukit Jambul pula adalah sebanyak 180 pesakit. Namun begitu, jumlah pesakit yang hadir ke klinik ini mencecah 380 orang setiap hari.

(b) Perancangan penambahbaikan fasiliti kesihatan di Klinik Kesihatan Sungai Dua adalah seperti berikut:

(i) Penambahbaikan laluan keluar dan masuk kenderaan menjadi sehala dengan membuka satu pintu keluar kerana kemalangan sering berlaku di pintu utama;

(ii) Bilik rawatan dan kecemasan serta bilik rekod kad pesakit akan dibesarkan;dan

(iii) Membina bumbung (*awning*) di pintu masuk dan kaunter pendaftaran hingga ke pintu bilik kecemasan.

Manakala, penambahbaikan fasiliti kesihatan di Klinik Kesihatan Bukit Jambul adalah seperti berikut:

(i) Membina bumbung (*awning*) tambahan di kawasan parkir ambulans dan parkir Orang Kurang Upaya (OKU);

(ii) Memperluaskan dan menyusun semula ruang menunggu pesakit sedia ada; dan

(iii) Memasang kipas gantung jenis *heavy-duty* di ruang menunggu pesakit.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

20. Apakah status terkini tanah lapang di kawasan KADUN Batu Uban, termasuk yang terletak di bawah seliaan MBPP?

    (a) Apakah pelan untuk memastikan tanah lapang ini terus dikekalkan sebagai kawasan rekreasi awam?

    (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggazetkan tanah lapang tertentu sebagai zon hijau kekal bagi mengelak pembangunan komersial pada masa hadapan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Sehingga kini terdapat sebanyak 35 buah tanah lapang di kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban dan daripada jumlah tersebut sebanyak 11 buah tanah lapang telah digazetkan.

    (a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang jelas dalam memelihara dan melindungi tanah lapang di Pulau Pinang. Hal ini dizahirkan melalui dasar tanah lapang yang digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) yang menekankan kepentingan penyediaan, pemeliharaan dan perlindungan tanah lapang sebagai komponen penting dalam mewujudkan persekitaran hidup yang sihat, seimbang dan lestari.

    Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Pulau Pinang (PMPP) telah merangka RSNPP2030 dengan mengambil kira keperluan tanah lapang di bawah Dasar Perancangan Utama (DPU 2.3) bagi

menyediakan kemudahan masyarakat yang mencukupi, berkualiti, berteknologi pintar dan mudah sampai kepada semua lapisan masyarakat.

Kerajaan Negeri telah memperhalusi DPU tersebut dengan mewujudkan Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP 2.3.4) iaitu memastikan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi mengikut hierarki dan taburan penduduk.

Berdasarkan DSP 2.3.4 ini, terdapat lima (5) langkah-langkah Pelaksanaan yang telah dirancang dan ditetapkan iaitu:

Langkah-langkah Pelaksanaan	Agensi Pelaksana
L2.3.4.1: Menetapkan Setiap Pembangunan Perumahan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Sebanyak 10% Dari Keluasan Seluruh Negeri Pulau Pinang.	PMPP dan PBT
L2.3.4.2 : Memastikan Semua Kawasan Lapang Awam Diwartakan.	PMPP dan PBT
L2.3.4.3 : Menyediakan Kawasan Lapang Dan Kemudahan Rekreasi Yang Mencukupi Dan Bersesuaian Dengan Keperluan Masyarakat Tempatan.	PBT
L2.3.4.4 : Memperkukuh Peranan Perbadanan Kawasan Lapang Ke Arah Menjayakan Dasar Kawasan Lapang Negeri.	PMPP dan PBT
L 2.3.4.5: Mengekal, Menaik Taraf Dan Menyelenggara Kawasan Kemudahan Rekreasi Dan Taman Awam Utama.	PBT

(b) Berdasarkan RSNPP2030 di bawah Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP) 2.3.4, antara langkah-langkah bagi pelaksanaan dasar tersebut adalah dengan memastikan semua kawasan lapang awam

diwartakan serta menyediakan kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat tempatan.

Dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah selari dengan dasar di peringkat Kerajaan Persekutuan melalui Ibu Pejabat PLANMalaysia iaitu menyasarkan penyediaan dua (2) hektar tanah lapang bagi setiap 1,000 penduduk. Pencapaian sasaran ini dipantau secara berkala oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) melalui laporan yang disediakan oleh PLANMalaysia Negeri selaku agensi penyelaras dasar tersebut.

Tanah lapang adalah termasuk dalam kategori yang ditakrifkan sebagai kawasan hijau sepertimana Rizab Hutan Simpan Kekal dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan perancangan guna tanah yang seimbang serta pelaksanaan langkah pemeliharaan dan perlindungan tanah lapang secara berterusan, agar pembangunan negeri dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan kesejahteraan penduduk dan kelestarian alam sekitar.

Tanah lapang dalam skim-skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) adalah tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 2(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*AKTA 172*] dan akan diwartakan sebagai kawasan hijau di bawah peruntukan Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 [*AKTA 65*]. Pewartaan tanah lapang ini merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai sasaran penyediaan dua (2) hektar tanah lapang bagi setiap 1,000 penduduk, sebagaimana yang ditetapkan dalam RSNPP2030 serta selaras dengan sasaran di peringkat Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, proses pewartaan ini akan dilaksanakan secara berterusan sehingga sasaran tersebut berjaya dicapai sepenuhnya dalam memastikan penyediaan tanah lapang mencukupi bagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat dan turut memperkukuh jaringan kawasan hijau di seluruh negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

21. Kawasan *hiking* di Bukit Jambul.

    (a) Pihak manakah yang bertanggungjawab secara rasmi untuk penyelenggaraan laluan termasuk aspek seperti pemangkasan pokok besar yang mengganggu laluan, pembaikan tangga batu, pemasangan dan penyelenggaraan papan arah serta penyelenggaraan tempat rehat?

    (b) Bagaimanakah tahap keselamatan dan pemantauan pengguna di kawasan tersebut?

    (c) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan bajet khas?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. (a) Pihak yang bertanggungjawab bagi penyelenggaraan laluan ke trek *hiking* di Bukit Jambul adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

    (b) Tahap keselamatan dan pemantauan pengguna di kawasan tersebut buat masa ini masih dalam keadaan baik dan akan dipantau oleh MBPP serta pihak bertanggungjawab yang lain dari masa ke semasa.

    (c) Tiada perancangan memandangkan kawasan tersebut akan dirancang sebagai kawasan penanaman/dusun

selari dengan rupa bumi dan fizikal kawasan berkaitan, akan tetapi Kerajaan Negeri mengambil sikap terbuka sekiranya terdapat cadangan yang bernas dan mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

22. Projek LRT Pulau Pinang.

(a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan Zon Pembangunan Baharu (Transit-Oriented Development, TOD) di kawasan sekitar stesen-stesen utama LRT?

(b) Apakah status pengambilan tanah dan penempatan semula penduduk yang terlibat dengan jajaran projek ini di KADUN Batu Uban?

(c) Nyatakan status terkini projek.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. (a) Kerajaan Negeri telah membuat perancangan untuk mewujudkan Zon Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di beberapa stesen iaitu Stesen Tapak Pesta, Stesen Bandar Sri Pinang dan Stesen Penang Sentral. Pemajuan melibatkan pembangunan TOD akan merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Berorientasikan Transit (TOD) di Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa Jun 2024.

Seterusnya, kawasan Tapak Pesta Sungai Nibong telah dikenal pasti sebagai salah satu lokasi berpotensi bagi pembangunan TOD yang akan dirancang selaras dengan pembinaan stesen LRT dan depoh sekunder LRT di kawasan tersebut. Pada masa ini, Kerajaan Negeri dalam

perancangan untuk melantik perunding bagi merangka pelan pembangunan TOD berkenaan agar selaras dengan rancangan guna tanah dan keperluan sistem pengangkutan awam negeri.

(b) Bagi urusan pengambilan tanah, perkara ini diselaraskan oleh Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan pada masa ini proses pengambilan sedang dijalankan termasuk sesi siasatan pengambilan terhadap tanah-tanah yang terlibat di bawah jajaran projek. Bagi kediaman yang terjejas, proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 sedang dijalankan dan penduduk yang terjejas akan diberi pampasan yang sewajarnya.

Sementara itu, bagi penduduk dan peniaga yang berada di atas tanah kerajaan, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP) ini akan melaksanakan sesi siasatan (*hearing*) yang dijadualkan bermula pada bulan November 2025. Hasil siasatan ini akan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi mempertimbangkan hala tuju dan bentuk bantuan yang sesuai kepada pemilik struktur di kawasan tersebut.

(c) Setakat ini, kontraktor sivil utama 1 (CMC 1) SRS Konsortium telah memulakan beberapa aktiviti awal pembinaan. Kerja-kerja pelebaran jalan telah dimulakan terlebih dahulu, diikuti dengan kerja-kerja penyiasatan tanah (*soil investigation*) di sepanjang pembahagi jalan (*road median*). Pada masa yang sama, kerja-kerja pemindahan utiliti juga sedang dijalankan di beberapa kawasan.

Selain itu, kerja-kerja cerucuk sudah dimulakan di beberapa lokasi utama termasuk Macallum, Bandar Sri Pinang, East Jelutong dan Kampung Baruh. Seterusnya, kerja-kerja cerucuk di kawasan Penang International Airport dan Sungai Tiram dijadualkan untuk dimulakan pada November 2025.

Selain daripada kerja-kerja awalan yang sedang rancak dijalankan di tapak, kerja-kerja rekabentuk dan senibina stesen juga sedang giat dilakukan.

Pada masa yang sama, iklan perolehan untuk kerja pembinaan jajaran segmen 2 (pakej CMC2) dari Stesen Macallum ke Penang Sentral telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2025. Pakej ini merangkumi pembinaan *viaduct*, jambatan laut merentasi Selat Pulau Pinang dan pembinaan Stesen Penang Sentral.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

23. Mohon penjelasan mengenai projek Rumah Mampu Milik di atas Lot 20133 dan Lot 9117, MK 13, DTL, Sungai Dua.

    (a) Apakah status terkini kerjasama Hamna Sdn Bhd bersama CMI?

    (b) Adakah Kerajaan Negeri menerima RFP / cadangan daripada mana-mana pemaju yang berminat untuk membangunkan tanah ini dan apakah keputusan Kerajaan Negeri?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. (a) Pada tahun 2019, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah meluluskan cadangan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) di atas Lot 9117 dan Lot 20113, Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL) oleh Hamna Sdn. Bhd. (HSB).

    Seterusnya, pada tahun 2021, HSB telah mengemukakan cadangan untuk melaksanakan pembangunan tersebut melalui usaha sama (*joint venture*) bersama Syarikat Citra Hartamas Sdn. Bhd. (CHSB). Cadangan ini telah dipersetujui oleh PBN bagi tujuan pemeteraian *Joint Development Agreement* (JDA).

    Projek ini pada asalnya dijadualkan untuk dimulakan pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penamatan kontrak oleh HSB terhadap pemaju asal iaitu

CHSB, maka berlakulah kelewatan terhadap pelaksanaan projek. Akibatnya, urusan pemeteraian JDA telah tertangguh dan kerja-kerja pembangunan tidak dapat dimulakan.

Kini, HSB telah mencadangkan pemaju baharu untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pelaksanaan Projek RMM tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diteliti semula dengan mengambil kira nilai tanah yang telah meningkat, terma dan syarat dalam JDA perlu diperhalusi dan dikaji semula serta perkara-perkara lain yang berkaitan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh PBN.

(b) Kerajaan Negeri telah menerima kertas cadangan daripada beberapa syarikat pemaju yang menyatakan minat untuk meneruskan pelaksanaan pembangunan di atas dua (2) lot tanah tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum dapat mempertimbangkan mana-mana cadangan luar sehinggalah keputusan muktamad dibuat berhubung hala tuju pelaksanaan Projek RMM ini di bawah HSB.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

24. Apakah statistik terkini kes kemurungan, cubaan bunuh diri dan kes trauma mental di negeri ini?

    (a) Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memperkukuh kesedaran kesihatan mental di sekolah?

    (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan dana sokongan bagi menyalurkan kepada NGO untuk penganjuran program dan aktiviti berkenaan kesihatan mental?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Buat masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan agensi yang berkaitan tidak mempunyai data secara rasmi berkaitan jumlah terkini kes kemurungan, cubaan bunuh diri dan kes trauma mental di negeri ini namun, berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, dianggarkan sekitar 1 juta rakyat Malaysia, bersamaan 4.6% daripada penduduk berumur 16 tahun ke atas, mengalami kemurungan. Angka ini menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda berbanding tahun 2019.

    Kesihatan mental juga bukan isu yang hanya menjejaskan orang dewasa. NHMS 2023 turut melaporkan bahawa satu (1) daripada setiap enam (6) kanak-kanak berumur 5 hingga 15 tahun di Malaysia berdepan dengan masalah kesihatan mental.

(a) Bagi memperkukuh kesedaran kesihatan mental di sekolah, institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun melaksanakan saringan dan penilaian kesihatan mental sebagai sebahagian daripada program berjadual yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Data daripada saringan ini akan disemak oleh guru bimbingan dan kaunseling sekolah. Sesi kaunseling akan diberikan terlebih dahulu dan pelajar yang memerlukan perhatian lanjut akan dirujuk untuk penilaian perubatan.

(b) Di peringkat negeri, sebuah Jawatankuasa Kesihatan Mental Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Belia dan Sukan Negeri telah ditubuhkan sejak tahun 2023 untuk menghimpun pelbagai agensi kerajaan, NGO, pakar hospital serta wakil penjagaan kesihatan primer bagi merancang dan menyelaras inisiatif berkaitan kesihatan mental di Negeri Pulau Pinang. Ahli jawatankuasa juga telah memulakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi meneroka pelaksanaan program kesihatan mental yang bersesuaian di sekolah-sekolah.

Jawatankuasa ini terus berfungsi di bawah pimpinan JKNPP dan Pejabat EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri dalam memperluas pelaksanaan projek bersama yang bertujuan meningkatkan kesedaran serta intervensi berkaitan kesihatan mental di peringkat sekolah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

25. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan pelan digital Pulau Pinang 2030 berjaya diterjemahkan kepada rakyat?

    (a) Senaraikan program yang telah dilaksanakan.

    (b) Apakah hala tuju terkini bagi tempoh 2025 hingga 2030 dan bagaimana ianya diselaraskan dengan strategi ekonomi negeri?

    (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri memperluas manfaat ekonomi digital kepada komuniti luar bandar dan B40?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Pelan Induk Ekonomi Digital (Digital Economy Master Plan, DEMP) 2025-2030.

    (a) Antara program/projek yang telah dilaksanakan oleh Digital Penang di bawah empat (4) tonggak utama DEMP adalah seperti di **JADUAL 1**:

JADUAL 1: PELAKSANAAN PROGRAM DEMP

BIL.	PROGRAM/PROJEK	TONGGAK
1	Aplikasi MyKADUN	Kerajaan Digital
2	Pelacak (*tracker*) PANTAU	
3	StartupPenang500	Ekonomi Digital
4	Program pengkomersialan syarikat pemula (*startup*) teknologi keras (*hardtech*) dan teknologi mendalam (*deeptech*)	
5	Geran akses pasaran	
6	Program akses pasaran	
7	MSME LevelUp Programme (MELUP)	
8	DahDigital	Komuniti Digital
9	Penang Internet Exchange (PIX)	Asas Digital

(b) DEMP akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasa ekonomi digital Pulau Pinang untuk semua dengan visi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab digital terkemuka di Asia Tenggara yang memacu pertumbuhan melalui perusahaan berasaskan inovasi, masyarakat terhubung serta pentadbiran kerajaan digital yang efisien dan berdaya saing.

Pelan induk ini diselaraskan dengan aspirasi Penang2030 di mana DEMP boleh menjadi salah satu pemangkin kepada Tema B Penang2030, iaitu menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Penekanan utama diberikan kepada pembangunan industri kreatif dan perkhidmatan perniagaan untuk pemacu pertumbuhan baharu yang mampu memperkukuh daya saing ekonomi negeri.

(c) Digital Penang, melalui program komuniti digital seperti DahDigital telah memperluaskan capaian dan keberkesanan inisiatif komuniti dalam usaha mendekati pelbagai segmen masyarakat serta menggalakkan keterangkuman digital yang lebih menyeluruh.

Digital Penang kini sedang giat melaksanakan kelas-kelas digital di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan Pusat Khidmat KADUN di seluruh negeri. Sehingga tahun 2025, lebih daripada 750 kelas digital telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada lebih 18,000 peserta termasuk komuniti luar bandar dan B40.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

26. Apakah KPI yang ditetapkan oleh MSN dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

    (a) Apakah bentuk sokongan kewangan yang disediakan Kerajaan Negeri kepada persatuan sukan negeri dalam membantu pembangunan bakat muda di peringkat akar umbi?

    (b) Apakah pelan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai hab sukan elektronik (E-Sport)?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah memenangi pingat emas untuk negeri Pulau Pinang di Temasya SUKMA. Pada SUKMA 2026 misalnya, 37 sukan akan dipertandingkan. Setiap sukan yang disertai diminta untuk menyumbang sekurang-kurangnya satu pingat emas untuk negeri ini. Bagi sukan-sukan individu yang mempunyai banyak acara, mereka diminta untuk menyumbang lebih daripada satu pingat emas bagi memastikan sasaran berada di kedudukan tiga buah negeri terbaik secara keseluruhannya tercapai.

    (a) Sokongan Kewangan yang disediakan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)

kepada persatuan-persatuan yang bernaung di bawah MSNPP bagi memastikan kesinambungan pembangunan sukan bakat muda adalah dengan pemberian sejumlah geran peruntukan untuk mereka menjalankan kegiatan sukan serta penganjuran kejohanan yang akan disalur berdasarkan permohonan kepada MSN.

Selain daripada geran bantuan, MSN juga membantu dalam bayaran pelantikan elaun jurulatih sambilan/separuh masa bagi sukan-sukan teras. Selain itu, bantuan kewangan untuk bayaran sewaan pusat-pusat latihan juga diberikan oleh MSN bagi memastikan latihan atlet dapat terus dijalankan.

Melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Sukan juga, sejumlah RM350,000.00 telah disediakan kepada mana-mana persatuan sukan yang memerlukan peruntukan tambahan bagi membantu membangunkan sukan di negeri ini.

(b) Buat masa kini, terdapat dua buah pusat sukan *E-Sport* iaitu di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU). Pelan jangka panjang Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan pusat *E-Sport* di setiap daerah di Pulau Pinang dan meneruskan pembangunan bakat dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

27. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf masjid dan surau khususnya di KADUN Batu Uban bagi tahun 2024 hingga 2025?

    (a) Senaraikan projek dan jumlah peruntukan mengikut pecahan masjid dan surau.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Bagi tahun 2024, tiada kerja-kerja pembaikan masjid dan surau dilaksanakan bagi kawasan KADUN Batu Uban. Walau bagaimanapun, pada tahun 2025 kerja-kerja menaik taraf tandas lelaki, wanita dan tempat wuduk telah dilaksanakan di Surau An-Nur, Lebuh Nipah dengan jumlah kos sebanyak RM114,080.00.

    (a) Senarai projek dan jumlah peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan kecil dan naik taraf yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) pada tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DAN NAIK TARAF YANG TELAH DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2024 DAN 2025

TAHUN	BIL	PROJEK	KATEGORI	KOS
TAHUN 2025	1	Kerja-kerja pendawaian semula elektrik, naik taraf bekalan TNB, Naik taraf MSB/DB dan penukaran kabel submain di Masjid Ubbudiah, Bukit Gedung, DBD	Masjid	234,828.00
	2	Kerja-kerja membaiki bumbung, menukar kepala paip, lampu dan table top serta kerja yang berkaitan di Masjid Bukit Bendera, DTL		16,816.11
	3	Kerja-kerja memasang lantai, jubin, dinding bata, lampu, kipas, membaiki bumbung, mengecat dan pintu pagar serta kerja yang berkaitan di Masjid Jalan York, DTL		53,864.13
	4	Kerja-kerja menaik taraf tempat wuduk wanita, pagar utama, pintu gelongsor dan mengecat serta kerja yang berkaitan di Masjid Jamek Nibong Tebal, SPS		74,174.28
	5	Kerja-Kerja Pendawaian elektrik semula di Masjid Al-Amin Simpang Tiga, SPS		330,000.00
	6	Kerja-kerja menaik taraf tandas lelaki dan wanita serta kerja berkaitan di Masjid Al-Hidayah Kuala Muda, SPU		119,003.93
	7	Kerja-kerja memasang bumbung awning, mengecat, siling dan membaiki kubah serta kerja berkaitan di Masjid Jamek Teluk Bahang, DBD		73,901.20
	8	Kerja-kerja menaiktaraf tandas wanita dan tempat wuduk serta kerja yang berkaitan di Masjid Merbau Kudung, SPU		119,927.55
	9	Kerja-kerja menaik taraf bekalan elektrik dan penghawa dingin Masjid Daerah SPT (sambungan)		800,000.00
	10	Kerja-kerja menaik taraf bilik tetamu di Masjid Daerah SPT		51,245.91
	11	Kerja-Kerja Menaiktaraf Bumbung Masjid Jamek Alma Jaya, SPT (sambungan)		80,000.00
	12	Kerja-Kerja Membaik Pulih Dan Penambahbaikan Masjid Jamek Tuan Samad Permatang Sungai Dua		630,000.00
	13	Kerja-Kerja Menaiktaraf Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, SPU		500,000.00
	14	Kerja-kerja menaiktaraf tempat wuduk serta kerja yang berkaitan di Surau Al-Faizin, Halaman Damai, DTL	Surau	39,660.24
	15	Kerja-krja menaikaraf tandas lelaki, wanita dan tempat wuduk serta kerja yang berkaitan di Surau Al-Mubarak, Kampung Baru Singai Ara, DBD		93,935.57
	16	Kerja-kerja memasang pagar keselamatan dan pintu pagar serta kerja yang berkaitan di Surau Raudatul Hidayah, Taman Guar Perahu Indah, Padang Ibu, SPT		43,020.51
	17	Kerja-kerja menaiktaraf tempat wuduk dan tandas serta kerja yang berkaitan di Surau Arrohman, Taman Panchur Utama, SPS		51,504.46
	18	Kerja-kerja menaiktaraf tandas lelaki, wanita, tempat wuduk dan lurang kumbahan serta kerja berkaitan di Surau An-Nur, Lebuh Nipah, DTL		114,080.00
	19	Kerja-kerja menukar pintu tandas, pagar keselamatan dan mengecat pagar serta kerja berkaitan di Surau Nurul Naim, Taman Cenderawasih, SPS		27,475.26
	20	Kerja-kerja pembaikan bumbung, gutter, karpet, longkang, jubin dan lain-lain kerja berkaitan di Surau An-Nur Kampung Nelayan, Teluk Kumbar,DBD		130,000.00

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

28. Hospital swasta baharu di Pulau Pinang.

(a) Nyatakan jumlah projek hospital swasta yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh lima tahun ini serta pihak pemaju yang terlibat.

(b) Apakah nilai keseluruhan pelaburan hospital swasta baharu di Pulau Pinang?

(c) Sejauh manakah menyumbang kepada peluang pekerjaan serta pertumbuhan sektor perkhidmatan kesihatan negeri?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. (a) Berikut adalah senarai projek hospital swasta yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam tempoh 5 tahun:

(i) *Bandar Jawi Specialist Center Sdn. Bhd.* - Kapasiti 96 katil, 12 bassinet, 2 kot fototerapi (multidisiplin) 23/6/2022 - 22/6/2026

(ii) *Bertam Specialist Hospital* - Kapasiti 100 katil, 1 kot fototerapi, 8 bassinet (multidisiplin) 22/9/2022 - 21/9/2025

(iii) *Victoria Specialist Hospital* - Kapasiti 151 katil, 8 bassinet, 2 kot dan 2 kot fototerapi (multidisiplin) 22/9/2022 - 21/9/2025

(iv) *Berjaya Hospital Penang* - Kapasiti 187 katil, 7 kot, 1 kot fototerapi, 3 bassinet, 4 kerusi pergigian, 4 kerusi dialisis, 2 kerusi sandar (multidisiplin) 26/9/2024 - 25/9/2027

(v) *Georgetown Specialist Hospital* - Kapasiti 247 katil, 11 kerusi sandar, 24 kerusi dialisis, 2 katil dialisis, 3 kerusi pergigian (multidisiplin) 21/10/2022 - 20/10/2025

Ambulatory Care Centre (ACC):

(i) *IIWAN Specialist Centre* - 26/9/2025 - 25/9/2026

(ii) *Aptus Surgery and Specialist Centre* - 20/2/2025 - 16/10/2027

(b) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai maklumat akan perkara ini kerana kos projek hospital swasta tidak berada di bawah seliaan mahupun melibatkan JKNPP.

(c) JKNPP tidak mempunyai maklumat berkenaan sektor pekerjaan di fasiliti swasta. Selain itu, fasiliti yang disenaraikan di atas masih dalam fasa pembangunan fasiliti dan belum siap sepenuhnya serta belum mula beroperasi. Justeru itu, kapasiti dan peluang pekerjaan di kesemua fasiliti swasta yang dinyatakan di atas belum dapat ditentukan.

Bagi sumbangan terhadap sektor perkhidmatan negeri pula, dengan wujudnya lebih banyak fasiliti kesihatan swasta ini akan memberi lebih banyak peluang kepada kerajaan untuk bekerjasama dari sudut penyumberluaran *(outsourcing)* perkhidmatan kesihatan terutamanya bagi perkhidmatan yang mempunyai waktu menunggu yang lama di hospital kerajaan. Selain itu, penyumberluaran

juga dapat dilakukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak disediakan di hospital kerajaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

29. Senaraikan GLC di bawah Kerajaan Negeri dan berikan butiran Pengurus Besar (GM) berserta elaun, gaji, bonus dan kemudahan lain yang diterima.

    (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urus tadbir GLC di bawah pentadbiran negeri?

    (b) Berapakah jumlah GLC yang telah diaudit sepenuhnya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. Senarai butiran bagi Pengurus Besar GLC adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan Negeri sentiasa menekankan prinsip *good governance* dalam pengurusan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urus tadbir. Antara langkah yang telah diambil termasuklah:

        (i) Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang berkelayakan dan berpengalaman bagi memastikan keputusan korporat dibuat secara profesional dan berintegriti;

(ii) Pemantauan prestasi kewangan dan operasi GLC secara berkala melalui laporan suku tahunan yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri;

(iii) Pelaporan serta penilaian prestasi tahunan, di mana setiap GLC dikehendaki membentangkan laporan prestasi tahunan yang merangkumi pencapaian kewangan dan sumbangan kepada Kerajaan Negeri;

(iv) Pelaksanaan kajian mengenai penyelarasan dan penyeragaman tadbir urus GLC oleh *Chief Minister Incorporated* (CMI) melalui penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang berpengalaman dalam bidang *Corporate Governance Policy, Strategic Management & Business Transformation* serta *Digital Economy & Sustainability Practices*; dan

(v) Penubuhan unit audit dalaman di bawah penyelarasan CMI bagi memastikan pematuhan terhadap dasar serta mempertingkatkan tahap operasi organisasi, sekali gus memperkukuh tadbir urus, integriti dan akauntabiliti pengurusan GLC.

(b) Sehingga Oktober 2025, sebanyak tujuh (7) daripada 18 GLC di bawah Kerajaan Negeri telah diaudit sepenuhnya oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Pulau Pinang iaitu:

(i) Invest-in-Penang Berhad;

(ii) George Town World Heritage Incorporated;

(iii) Penang Halal International Sdn. Bhd.;

(iv) Digital Penang Sdn. Bhd.;

(v) Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB Sdn. Bhd.);

(vi) Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd.; dan

(vii) Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

LAMPIRAN A

BUTIRAN BAGI PENGURUS BESAR/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BESERTA ELAUN, GAJI, BONUS DAN KEMUDAHAN LAIN YANG DITERIMA

Bil	Nama GLC	Perkara				
		Nama & Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)	Bonus	Kemudahan lain yang diterima
SSI						
1.	Invest-in-Penang Berhad	YBhg. Dato' Loo Lee Lian Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000 – RM30,000+	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
CMI						
2.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	YBhg. Dato' Seri Farizan Bin Darus Ketua Pegawai Eksekutif	RM40,200-RM74,600	Bil Telefon, pembelian telefon baru	Tidak dinyatakan	Kenderaan syarikat beserta pemandu untuk kegunaan persendirian
3.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	YBhg. Dato' Ong Bee Leng Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000-RM16,000	RM600 (Telefon dan Perjalanan)	Tiada	Tiada
4.	George Town World Heritage Incorporated	YBrs. Dr. Ang Ming Chee Pengurus Besar	RM7,676 – RM20,592	RM6,316	Tiada	Tiada
5.	Penang STEM Sdn. Bhd.	Dato' Chung Chok Yin Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000	RM 128 (Pengangkutan)	RM4,750	Tiada

Bil	Nama GLC	Perkara				
		Nama & Jawatan	Gaji	Elaun	Bonus	Kemudahan lain yang diterima
6.	Penang Tech Centre	Encik Ts. Khoo Boo Wooi Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada	Tiada	Tiada
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Encik Mohd Azraie Bin Ramli Ketua Pegawai Eksekutif	RM14,980	RM4,300 (Elaun perkhidmatan, telefon, sara hidup)	RM7,490	Tiada
8.	Penang FC Sdn. Bhd.	Encik Jeffrey Chew Gim Eam Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada	RM12,000 (BKK 1dan 2)	– RM500 *Medical Claim* (maksimum)
9.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Encik Ashwin A/L Gunasekeran Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	RM200 (telefon)	Satu (1) bulan gaji (BKK)	Kemudahan menggunakan kereta syarikat
10.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Encik Paul Au Chong Yee Pengurus Besar	RM8,200	RM500 (petrol)	RM8,200	Tiada

Bil	Nama GLC	Perkara				
		Nama & Jawatan	Gaji	Elaun	Bonus	Kemudahan lain yang diterima
11.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Encik Ts. Ng Kwang Ming Ketua Pegawai Eksekutif	RM18,000- RM20,000	RM2,000 (Perjalanan, telefon dan internet, penggunaan komputer riba)	1 bulan (Jika ada peruntukan)	Tiada
12.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Encik Ooi Chok Yan Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	Elaun telefon RM300	Tiada	Tiada
13.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	Puan Josephine Tan Mei Ling Pengurus Besar	RM8,000 – RM15,000	RM1,800 (Perkhidmatan, Perumahan, COLA, Telefon)	Tiada	1. Rawatan perubatan seperti dalam polisi organisasi 2. Tuntutan perjalan rasmi mengikut kadar yang diluluskan

Bil	Nama GLC	Perkara				
		Nama & Jawatan	Gaji	Elaun	Bonus	Kemudahan lain yang diterima
14.	Penang Science Cluster	YBhg. Dato' Ooi Peng Ee Ketua Pegawai Eksekutif	Julat gaji untuk pengurusan tertinggi adalah daripada RM8,900 ke RM19,500.00			
15.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)	Pengurus Besar (Kosong-tiada Pengurus Besar buat masa kini)	Setara dengan Gred N48			
16.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	Tiada Ketua Pegawai Eksekutif / Pengurus Besar. Seketariat dilaksanakan oleh Pengurusan CMI dan Think City	Tidak berkenaan			
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Pengurus Besar Nasrul Hisyam Bin Bokhari	RM8,376	RM350 (telefon dan pengangkutan)	RM8,376 (BKK)	RM250 (perubatan dan insuran)
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Pengurus Besar/CEO Belum dilantik	Tidak berkenaan			

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(IX)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM

30. Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan produk pelancongan berteraskan komuniti, ekopelancongan, pelancongan warisan dan pelancongan kesihatan bagi menarik segmen pelancong berbeza ke Pulau Pinang?

(a) Apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memperluaskan jaringan penerbangan antarabangsa ke LTAPP serta memperkukuh kerjasama promosi pelancongan dengan negara-negara ASEAN dan Asia Timur?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

30. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) turut melaksanakan strategi kerjasama pintar dengan syarikat penerbangan bagi memperkukuh promosi produk pelancongan dan menarik segmen pelancong baharu termasuk pelancong kesihatan. Antara inisiatif utama ialah pelaksanaan kempen bersama AirAsia, di mana penumpang yang menggunakan pas masuk (*boarding pass*) layak menerima tawaran istimewa bagi pakej pemeriksaan kesihatan dan produk pelancongan terpilih di Pulau Pinang. Promosi ini dilaksanakan secara menyeluruh melalui saluran digital, media sosial, liputan media antarabangsa dan kolaborasi bersama pempengaruh untuk memperlihatkan keunikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pelbagai segmen merangkumi warisan, gastronomi, ekopelancongan dan pelancongan kesihatan bertaraf dunia. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas capaian pasaran promosi ke destinasi seperti Hong Kong,

Shenzhen, Bangkok dan Singapura, malah turut memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan lengkap yang menawarkan keseimbangan antara rawatan kesihatan, rekreasi dan gaya hidup berkualiti.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkenalkan dan memperkukuh produk pelancongan berteraskan komuniti, ekopelancongan, pelancongan warisan dan pelancongan kesihatan di Seberang Perai. Antara usaha yang dijalankan termasuk Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT dan SPS) bagi mengenal pasti, mendokumentasikan serta mencadangkan pembangunan produk pelancongan baharu berasaskan komuniti setempat. Selain itu, penganjuran program seperti *Butterworth Fringe Festival, Nibong Tebal Festival*, Hari Warisan Seberang Perai, Hari Sungai Sedunia dan *Sungai Perai Nature Walk* telah berjaya menarik kedatangan pelancong pelbagai segmen, sekali gus memperkukuh kedudukan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan mampan yang memadukan warisan, komuniti dan kelestarian alam.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PGT sedang melaksanakan pelbagai langkah strategik bagi memperluaskan jaringan penerbangan antarabangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) serta memperkukuh kerjasama promosi pelancongan dengan negara-negara ASEAN dan Asia Timur. Usaha ini merangkumi perbincangan bagi membuka laluan penerbangan baharu dan meningkatkan kekerapan penerbangan sedia ada melalui kerjasama rapat dengan *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) dan syarikat penerbangan antarabangsa. Sebagai contoh, HK Express telah memulakan penerbangan dua (2) kali sehari dari Hong Kong ke Pulau Pinang bermula Oktober 2025, manakala Batik Air turut memperluas rangkaian penerbangan terus ke destinasi serantau termasuk Singapura dan Medan, serta Transnusa akan memulakan penerbangan terus dari Jakarta ke Pulau Pinang.

Dalam aspek promosi, Kerajaan Negeri turut melaksanakan kerjasama pemasaran bersama syarikat penerbangan, termasuk *AirAsia Boarding Pass*

Campaign yang menawarkan diskaun istimewa bagi tarikan pelancongan dan pakej pemeriksaan kesihatan di Pulau Pinang, sekali gus menggabungkan pelancongan santai dengan pelancongan kesihatan. Di peringkat antarabangsa, promosi turut diperkukuh melalui penyertaan aktif dalam pameran pelancongan seperti *ASEAN Tourism Forum* (ATF) dan *ITB China*, Shanghai, selain penganjuran lawatan promosi (*roadshows*) dan program media *familiarisation trips* (*FAM trips*) bersama pengendali pelancongan, media dan pempengaruh luar negara bagi memperkenalkan produk pelancongan baharu negeri.

Kesemua inisiatif ini diselaraskan bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menyokong pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini bukan sahaja meningkatkan keterhubungan udara dan kedatangan pelancong antarabangsa, tetapi turut mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan utama (*Northern Gateway*) dan destinasi pilihan di rantau ASEAN dan Asia Timur.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

1. Apakah status terkini tentang lampu jalan di Jalan Kikik 7, Jalan Kerapu dan Jalan Permatang Pauh (PICCA) yang sering tidak berfungsi?

   (a) Siapakah pemilik dan pihak manakah yang sepatutnya menyelenggara lampu jalan ini?

   (b) Apakah rancangan penyerahan hak penyelenggaraan lampu jalan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk penyelenggaraan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Semakan terkini oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapati bahawa lampu jalan di Jalan Kikik 7, Jalan Kerapu dan Jalan Permatang Pauh di Penang International Convention Cultural and Arts Centre (PICCA) telah berfungsi sepenuhnya.

   (a) Projek tersebut adalah dimiliki oleh Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai pelaksana. Buat masa ini, lampu jalan ini masih diselenggara oleh kontraktor lantikan PDC iaitu A.B.U. Hayat Sdn. Bhd.

   (b) Selaku pelaksana projek, PDC telah mengadakan pemeriksaan tapak bersama MBSP pada 27 Ogos 2025. Berkaitan itu, PDC kini dalam proses penyelarasan akhir

bersama MBSP sebelum panggilan sebut harga bagi pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan untuk memenuhi syarat dan keperluan yang telah ditetapkan dilaksanakan. Kerja-kerja penambahbaikan ini dianggarkan akan mengambil masa selama dua (2) bulan. Penyerahan rasmi hak penyelenggaraan kepada MBSP akan dilaksanakan setelah semua syarat dan ketetapan MBSP dipenuhi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

2. Apakah status terkini untuk Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) di Flat Mak Mandin Hijau serta Flat Mak Mandin?

   (a) Apakah statistik individu yang setuju untuk memiliki rumah, setuju untuk menerima bayaran bentuk wang tunai dan tidak setuju untuk kedua-dua?

   (b) Nyatakan jangka masa pembinaan fasa pertama dan pemindahan penduduk fasa pertama.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah memilih tiga (3) skim perumahan awam kos rendah lama sebagai projek rintis Pembaharuan Semula Bandar (PSB) di bawah *Rolling Plan* 2 (RP2) Tahun 2022, Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2021 - 2030. Salah satu (1) projek rintis tersebut adalah Projek PSB Mak Mandin. Terdapat tiga (3) skim perumahan yang terlibat dalam pelaksanaan Projek PSB Mak Mandin iaitu Mak Mandin Hijau, Mak Mandin Lama dan Mak Mandin 1.

   Pelaksanaan keseluruhan projek ini melibatkan seramai 820 orang pemilik petak. Walau bagaimanapun, hanya Flat Mak Mandin Hijau yang telah memperoleh hak milik strata dan diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan (MC) Mak Mandin Hijau. Manakala hak milik strata bagi Flat Mak Mandin Lama dan Mak

Mandin 1 belum dikeluarkan dan masih di bawah pemilikan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI).

Sesi libat urus dan proses rundingan bersama semua pihak berkepentingan telah dilaksanakan dan LPNPP telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana projek ini melalui resolusi yang diusulkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) MC Mak Mandin Hijau dan surat *blanket consent* daripada SSI.

(a) Daripada jumlah 820 unit/petak kediaman yang terletak di tiga (3) skim perumahan yang terlibat, statistik individu yang bersetuju untuk menerima rumah gantian, bersetuju menerima bayaran wang tunai dan tidak bersetuju atas kedua-dua tawaran berkenaan adalah seperti berikut:

(i) Majoriti penduduk iaitu sebanyak 503 unit (61.3%) telah bersetuju untuk menerima unit kediaman gantian sebagai bentuk penyelesaian perumahan/ penempatan semula;

(ii) Dua (2) unit (0.2%) memilih untuk menerima pampasan wang tunai; dan

(iii) 315 unit (38.5%) dalam kategori mereka yang tidak bersetuju, tidak dapat dihubungi/dikesan, unit tidak berpenghuni dan usang.

(b) *Request For Proposal* (RFP) bagi tujuan pelaksanaan Projek PSB Mak Mandin telah ditutup pada 9 Julai 2025 dan hanya satu (1) penyertaan yang diterima. Lembaga Perolehan LPNPP yang bersidang pada 14 Oktober 2025 bersetuju untuk menolak cadangan tersebut atas alasan tawaran yang diterima sangat rendah dan pemaju tersebut sedang disenaraihitamkan oleh Kerajaan Negeri. RFP ini akan diiklankan semula secara berfasa dan proses perolehan dijangka bermula pada bulan November 2025.

Pelantikan pemaju bagi fasa pertama dijangka akan selesai pada bulan April 2026, manakala kerja pembinaan dijangka bermula pada sukuan keempat tahun 2026 dan akan disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

3. Mengenai kejadian runtuhan melibatkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka di Pantai Dalam baru-baru ini, apakah langkah dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan struktur bangunan PPR di negeri ini berada dalam keadaan kukuh, selamat serta menepati piawaian kejuruteraan yang ditetapkan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Pembangunan projek-projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggunakan spesifikasi perancangan dan reka bentuk perumahan kos rendah sebagaimana yang ditetapkan dalam Standard Perumahan Kebangsaan bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (CIS2) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pembinaan PPR turut mematuhi spesifikasi yang digariskan di bawah *Uniform Building By-Laws* 1984 (UBBL) dan semua spesifikasi tersebut diselia serta disahkan oleh perunding arkitek dan jurutera profesional yang dilantik.

Walaupun projek-projek PPR dibangunkan oleh KPKT, urusan penawaran, pemantauan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan di Negeri Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Bagi memastikan struktur bangunan PPR di negeri ini kekal kukuh dan selamat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui LPNPP telah mengambil langkah proaktif dengan melantik Syarikat Pengurus Harta untuk bertindak bagi pihak LPNPP dalam melaksanakan pemantauan berterusan di skim-skim PPR. Skop kerja syarikat yang dilantik merangkumi urusan pentadbiran, pengurusan kewangan termasuk kutipan sewa, deposit, caj penyelenggaraan dan bayaran pindah milik, keselamatan terutamanya bagi skim berpagar, kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan landskap, tindakan penguatkuasaan terhadap tunggakan dan pelanggaran syarat serta pengurusan teknikal melibatkan sistem bekalan air, pembetungan, elektrikal dan peralatan pencegah kebakaran.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

4. Apakah status menaik taraf sistem perparitan dari jajaran Jalan Mak Mandin – Lorong Mak Mandin 3 – Tingkat Cantek 5 seperti jawapan yang telah diberikan dalam Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)12)?

   (a) Apakah status kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti yang dijadualkan bermula pada bulan Jun 2025?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Untuk makluman, pihak Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut buat masa ini, memandangkan sistem perparitan sedia ada masih berfungsi dengan baik dan mampu menampung kapasiti air ketika hujan lebat. Selain itu, pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin yang telah siap turut membantu mengurangkan masalah banjir yang pernah berlaku di kawasan berkenaan sebelum ini.

   (a) Kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Tingkat Cantek 5 telah siap dilaksanakan pada bulan September 2025 .

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

5. Merujuk kepada cadangan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Permatang Pauh, apakah langkah yang telah diambil untuk merealisasikan projek pelebaran jalan Permatang Pauh?

   (a) Apakah status kelulusan bagi projek ini seperti dinyatakan di Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)13)?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Permatang Pauh, beberapa langkah awal telah diambil ke arah merealisasikan projek pelebaran jalan tersebut. Antara langkah awal yang telah dilaksanakan adalah penyediaan cadangan teknikal awal, semakan reka bentuk jajaran sedia ada serta penyelarasan bersama agensi-agensi berkaitan bagi mendapatkan maklum balas awal sebelum pelaksanaan projek penuh.

   (a) Projek ini telah diangkat oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) melalui Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) memandangkan terdapat keperluan semasa bagi menampung peningkatan trafik di kawasan berkenaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

6. Mengenai parit jalan yang diselenggara oleh pihak JKR sepanjang Jalan Kampung Gajah, apakah perancangan untuk longkang yang belum dinaiktaraf sebanyak 6359m lagi?

   (a) Apakah status kelulusan peruntukan bagi kerja penaiktarafan di atas seperti yang pernah dinyatakan pada Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)15?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah mengangkat permohonan melalui peruntukan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) bagi tahun 2026 kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk penaiktarafan baki parit jalan sepanjang 6,359 meter (m) di kawasan tersebut.

   (a) Permohonan peruntukan bagi penaiktarafan parit dari seksyen 763.50 sehingga 764.00 tersebut masih belum menerima kelulusan dari KKR.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

7. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memasang panel solar di semua premis kepunyaan Kerajaan Negeri?

   (a) Apakah anggaran kos bil elektrik bulanan semua premis kerajaan di Pulau Pinang?

   (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bajet untuk memasang panel solar di semua premis Kerajaan Negeri secara berfasa bagi mengurangkan kos bil elektrik?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri telah melancarkan Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang *Penang Energy Framework* (PEF) pada bulan November 2024. Kerajaan Negeri kini juga dalam proses untuk melantik badan yang bertauliah sebagai agensi pelaksana bagi projek pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) di Pulau Pinang. Cadangan ini adalah selaras dengan sasaran Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang yang berhasrat untuk mencapai 10% TBB menjelang 2030 dan pengurangan intensiti tenaga sebanyak 25% menjelang tahun 2030. Perancangan ini dilaksanakan secara berperingkat dan menyeluruh, dengan memfokuskan kepada bangunan Kerajaan yang mempunyai bumbung besar dan penggunaan elektrik tinggi.

(a) Kos purata bil elektrik di bawah akaun pukal elektrik Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM180,000.00 sebulan.

(b) Buat masa ini, tiada peruntukan khas yang disediakan bagi pemasangan solar di premis Kerajaan Negeri. Ianya tertakluk ke atas perancangan setiap agensi/jabatan Negeri tersendiri dan ketersediaan peruntukan tahunan semasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri kini dalam proses meneliti model pembiayaan bagi pemasangan solar di pasaran yang tidak memerlukan modal permulaan dengan mengguna pakai beberapa kaedah yang diperkenalkan di peringkat Kerajaan Persekutuan seperti berikut:

(i) Perjanjian Pembelian Kuasa (*Power Purchase Agreement)* atau *Zero Capex Solar*: Pemaju solar akan memasang, memiliki dan menyelenggara sistem fotovoltaik (PV) solar di atas bumbung (atau ruang lain) dan pengguna akan membeli tenaga elektrik yang dijana pada kadar tarif tetap (atau lebih rendah) dalam tempoh tertentu;

(ii) Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE): Pemilik bangunan menyewakan bumbung/premis kepada pelabur solar yang akan memasang sistem tersebut dan mungkin menjual tenaga elektrik kepada pengguna atau berkongsi hasil pendapatan; dan

(iii) Skim Pembiayaan Projek Hijau: Skim yang ditawarkan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation ini memberikan jaminan pinjaman dan rebat bagi projek- projek hijau.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

8. Mengenai Projek Fasa Dua Pembinaan Parit Monsun Bypass Jalan Thamby Kechil yang dinyatakan di Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)22).

   (a) Apakah alternatif bagi projek ini? Huraikan secara terperinci.

   (b) Berapakah anggaran kos projek alternatif ini?

   (c) Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk siapkan projek alternatif ini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Projek Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kecil.

   (a) Projek-projek alternatif bagi projek pembinaan parit monsun *bypass* Jalan Thamby Kecil adalah penaiktarafan parit perimeter taman sedia ada serta pembinaan sebuah rumah pam di bahagian hilir parit pintasan Jalan Bagan Jermal. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada cadangan alternatif yang bakal dimuktamadkan oleh pihak perunding.

   (b) Anggaran kos bagi projek ini adalah sebanyak RM2.8 juta.

   (c) Jangkaan tempoh masa yang diperlukan untuk pelaksanaan projek adalah selama 24 bulan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

9. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Pasar Sri Uda?

   (a) Huraikan jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk projek ini secara terperinci.

   (b) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan dari peringkat mula hingga proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Status terkini Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja Pasar Sri Uda di 18-20, Jalan Bunga Raya Merah 2, Raja Uda Industrial Estate, 12300 Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah sedang dalam fasa penyediaan pelan reka bentuk terperinci.

   (a) Anggaran kos bagi pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM3.8 juta (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja). Walau bagaimanapun, pihak MBSP akan memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) setelah proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan; dan

(b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek ini bermula dari proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

BIL.	PROSES PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA PASAR SRI UDA	BULAN
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISIS	3
5.	LANTIKAN	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN	12
TEMPOH KESELURUHAN PROSES		**28**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

10. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Sin Tat?

    (a) Apakah status terkini projek ini?

    (b) Nyatakan anggaran kos bagi projek ini.

    (c) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan dari peringkat mula hingga proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut dengan jelas.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Status terkini Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja Sin Tat di Jalan Raja Uda, Taman Sin Tat, 12300 Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah **sedang dalam proses pelantikan perunding** oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tujuan menentukan konsep binaan pusat penjaja tersebut.

    (a) Anggaran kos bagi pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu sahaja). Walau bagaimanapun, pihak MBSP akan memohon peruntukan daripada pihak pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) setelah proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan; dan

(b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek ini bermula dari proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

BIL.	PROSES PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA SIN TAT	BULAN
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISIS	3
5.	LANTIKAN	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN	8
TEMPOH KESELURUHAN PROSES		**24**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

10. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Sin Tat?

    (a) Apakah status terkini projek ini?

    (b) Nyatakan anggaran kos bagi projek ini.

    (c) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan dari peringkat mula hingga proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut dengan jelas.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Status terkini Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja Sin Tat di Jalan Raja Uda, Taman Sin Tat, 12300 Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah **sedang dalam proses pelantikan perunding** oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tujuan menentukan konsep binaan pusat penjaja tersebut.

    (a) **Anggaran kos** bagi pelaksanaan projek ini adalah **sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu sahaja)**. Walau bagaimanapun, pihak MBSP **akan memohon peruntukan daripada pihak pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan**

x perlu bold.

Tempatan (KPKT) setelah proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan; dan

(b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek ini bermula dari proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

BIL.	PROSES PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA SIN TAT	BULAN
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISIS	3
5.	LANTIKAN	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN	8
TEMPOH KESELURUHAN PROSES		**24**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

11. Mengenai banjir kilat yang sudah berlaku sebanyak 10 kali di Taman Melur dan kawasan sekitarnya.

    (a) Nyatakan punca berlakunya banjir kilat ini.

    (b) Apakah langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk meminimumkan isu banjir kilat ini di sekitar kawasan tersebut? Huraikan secara terperinci.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. (a) Punca berlakunya banjir kilat Taman Melur dan kawasan sekitarnya adalah disebabkan oleh jumlah purata hujan yang tinggi dan pertembungan aliran dari hulu ke hilir Sungai Nyiur sewaktu air pasang tinggi.

    (b) Langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk meminimumkan isu banjir kilat ini di sekitar kawasan tersebut adalah seperti berikut:-

        (i) Langkah jangka pendek adalah perancangan membina tembok penahan banjir di belakang lorong Tingkat Melur 1 bersebelahan parit monsun Sungai Nyiur. Selain itu, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga sentiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan parit

perimeter dan parit monsun secara berkala bagi melancarkan aliran air ke hilir; dan

(ii) Langkah jangka panjang adalah dengan menjalankan kerja naik taraf parit perimeter Tingkat Melur dan membina rumah pam di kawasan hilir parit pintasan merentasi Jalan Bagan Jermal.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

12. Bagi projek pembaikan jalan dan longkang di Jalan Kampung Kastam di bawah penyelenggaraan JKR.

    (a) Nyatakan status terkini projek ini.

    (b) Nyatakan anggaran kos serta tempoh pelaksanaan projek ini.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Projek pembaikan jalan dan longkang di Jalan Kampung Kastam.

    (a) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Ekonomi (KE) di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) bagi pembiayaan projek tersebut.

    (b) Anggaran kos bagi pelaksanaan projek tersebut adalah sebanyak RM300,000.00 dan kerja-kerja pembaikan akan dapat dilaksanakan pada tahun 2026 sekiranya peruntukan diluluskan oleh KE.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

13. Apakah langkah yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah parkir yang semakin meruncing disebabkan oleh pembangunan pesat di seluruh Jalan Perniagaan Raja Uda, Jalan Raja Uda?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Antara langkah yang boleh diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menangani masalah parkir yang semakin meruncing yang disebabkan oleh pembangunan pesat di seluruh Jalan Perniagaan Raja Uda, Jalan Raja Uda ialah seperti berikut:

    (i) Menyusun semula aliran lalu lintas dengan melaksanakan sistem aliran lalu lintas sehala bagi membolehkan lebih banyak petak parkir diwujudkan di kedua-dua sisi jalan;

    (ii) Melebarkan jalan dan menggunakan bahu jalan sedia ada untuk dijadikan sebagai ruang parkir;

    (iii) Melaksanakan sistem parkir secara berbayar bagi mengawal tempoh parkir dan penggunaannya;

    (iv) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan masyarakat tempatan; dan

    (v) Menyediakan tempat hentian bas yang berhampiran bagi mengurangkan kebergantungan terhadap parkir di tepi jalan raya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

14. Berkaitan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas) yang dipromosikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

    (a) Senaraikan kedai di bawah skim ini yang menjual motosikal elektrik di seluruh Pulau Pinang.

    (b) Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan stesen cas elektrik motosikal EV?

    (c) Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk meliputi kereta elektrik dalam Skim MARiiCas ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Berdasarkan rekod pihak Malaysia Automative, Robotics & IOT Institute (MARii), terdapat sejumlah 11 kedai di bawah Skim Galakan Penggunaan Motosikal (MARiiCas) yang menjual motosikal elektrik seperti berikut:

BIL	NAMA KEDAI	KAWASAN
1	Eclimo Sdn. Bhd.	Tanjung Bungah
2	Hot Bike Sdn. Bhd.	Jelutong
3	KB Soon Huat Motor Sdn. Bhd.	Kepala Batas
4	Weng Motor	Sungai Jawi
5	CK Motorworld Sdn. Bhd.	Bukit Mertajam
6	ATV & EV Sdn. Bhd.	George Town

BIL	NAMA KEDAI	KAWASAN
7	Mugen Motorsport Sdn. Bhd.	Butterworth
8	May Motorcycle Sdn. Bhd.	Jelutong
9	EL Chong Motor Trading Sdn. Bhd.	Jawi
10	CKT Motor	Simpang Ampat
11	Superlux Garage Penang	Tanjung Tokong

(b) Terdapat sejumlah sepuluh (10) lokasi yang mempunyai stesen pengecasan motosikal elektrik seperti berikut:

(i) Astaka Persiaran Gurney;
(ii) Kompleks Makanan Medan Renong;
(iii) 1st Avenue Mall;
(iv) Kompleks Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Lebuh Pantai;
(v) Kompleks Desiran Tanjung;
(vi) Astaka Batu Lanchang;
(vii) Kompleks Sri Selera Bayan Baru;
(viii) Kompleks Bukit Jambul;
(ix) Kompleks Bukit Gedung; dan
(x) Menara Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan stesen pengecasan motosikal elektrik di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pemaju boleh disyaratkan untuk menyediakan kemudahan stesen pengecasan motosikal elektrik bagi projek pemajuan baharu.

(c) Perancangan untuk meliputi kereta elektrik dalam Skim MARiiCas adalah melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Buat masa ini, tiada pengumuman daripada Kerajaan Persekutuan berhubung perkara ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

15. Berapakah jumlah kes kemalangan biasa dan kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang dalam pecahan setiap bulan bagi tahun 2025?

    (a) Apakah langkah proaktif yang telah diambil atau akan dirancang oleh pihak berkenaan untuk mengurangkan kes kemalangan di atas Jambatan Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Berikut merupakan pecahan jumlah kemalangan maut dan kemalangan biasa di atas Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada tahun 2025. Menurut laporan keseluruhan sebanyak 10 kes kemalangan maut dan 361 kes kemalangan biasa pada tahun 2025 bagi kedua-dua jambatan di Negeri Pulau Pinang seperti laporan berikut:

    (i) Jambatan Pulau Pinang; dan

2025	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN BIASA
JANUARI	3	27
FEBUARI	0	18
MAC	3	13
APRIL	1	28
MEI	1	25
JUN	0	16
JULAI	1	43

2025	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN BIASA
OGOS	1	20
SEPTEMBER	0	39
JUMLAH	**10**	**229**

(ii) Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

2025	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN BIASA
JANUARI	0	22
FEBUARI	0	14
MAC	0	17
APRIL	0	14
MEI	0	18
JUN	0	9
JULAI	0	12
OGOS	0	15
SEPTEMBER	0	11
JUMLAH	**0**	**132**

(a) Langkah proaktif yang telah diambil oleh pihak PDRM khususnya JSPT IPK Pulau Pinang untuk mengurangkan kes kemalangan diatas Jambatan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Tindakan penguatkuasaan serta rondaan pencegahan kemalangan secara berkala telah dijalankan dari masa ke semasa;

(ii) Melaksanakan Operasi Had Laju secara berkala pada waktu puncak; dan

(iii) Tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan berat yang melanggar had waktu larangan atau membawa muatan berlebihan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

16. Mengenai tanah RIBI di Ampang Jajar.

    (a) Nyatakan senarai terkini semua tanah yang telah diluluskan, yang telah memohon masuk pelan merancang untuk mendirikan RIBI serta jumlah parkir yang bakal disediakan.

    (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan *sub station* bagi tujuan bekalan elektrik untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan setiap RIBI kelak?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan kawasan seluas 22 ekar di Ampang Jajar, Seberang Perai Utara untuk pembangunan pusat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Setakat ini, 24 persatuan RIBI telah menerima tawaran pajakan tanah, dan sehingga September 2025 ini, 11 persatuan RIBI telah mengemukakan Pelan Bangunan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai(MBSP)untuk kelulusan pembinaan RIBI masing-masing.Senarai adalah seperti **LAMPIRAN A** .

    Tanah yang telah ditolak akan ditukar guna untuk dijadikan sebagai kawasan tempat letak kereta bagi kemudahan pengunjung ke kawasan pusat RIBI tersebut. Penyediaan kemudahan ini dalam peringkat perancangan dan dijadualkan untuk dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2026, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

(a) Ya, Kerajaan Negeri mengambil maklum keperluan penyediaan sub-stesen bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di tapak RIBI Ampang Jajar. Perkara ini telah dikemukakan kepada Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) untuk tindakan dan pelaksanaan lanjut bagi memastikan bekalan elektrik dapat disalurkan dengan lebih teratur kepada setiap tapak RIBI.

LAMPIRAN A

Senarai Persatuan Membuat Permohonan Pelan Bangunan

Bil.	Plot		Persatuan
1	1	PT599	FGA Church Prai
2	2	PT600	Local Spiritual Assembly Of The Bahai's Of Seberang Perai
3	4	PT602	Paramita Buddhist Association
4	5	PT603	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan San Gong Ang Hai Gi
5	6	PT604	Pertubuhan Keturunan See Pulau Pinang
6	9	PT607	Pertubuhan Penganut Agama Buddha Zheng Xin
7	12	PT610	Pertubuhan Penganut Dewa Feng Shan Si Bao Gong
8	14	PT612	Penganut Dewa Ji Gong (Ji Shi Miao)
9	25	PT623	Butterworth Chinese Methodist Church
10	27	PT625	Pertubuhan Penganut Dewa Yin Fu Dian Dai Er Yer Bo
11	31	PT630	Penang Christian Centre

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

17. Apakah SOP dan tindakan yang boleh diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang melibatkan isu tanah yang tidak dikendalikan sehingga menjadi habitat kepada binatang liar yang boleh membahayakan penghuni di sekitar tanah?

    (a) Nyatakan statistik penguatkuasaan isu berkenaan bagi kawasan SPU lima tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Secara prinsipnya, Pejabat Daerah & Tanah bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran, penguatkuasaan dan pemantauan tanah kerajaan atau tanah milik mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828). Namun demikian, isu yang melibatkan kehadiran atau pencerobohan hidupan liar di atas tanah terbiar bukan berada di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah & Tanah.

    Tindakan berkaitan pengurusan dan kawalan haiwan liar tertakluk di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Selain itu, bagi haiwan ternakan atau haiwan peliharaan yang mengganggu kawasan perumahan, tindakan boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Bandaraya Seberang Perai

(MBSP) di bawah Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan serta Akta Perbandaran yang berkaitan.

Pejabat Daerah & Tanah akan memberi kerjasama dari segi aspek pemilikan dan status tanah sekiranya maklumat tersebut diperlukan oleh agensi penguat kuasa berkenaan dalam mengambil tindakan lanjut.

(a) Pejabat Tanah & Galian (PTG) dan Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU) tidak mempunyai statistik atau rekod khusus berhubung tindakan penguatkuasaan terhadap tanah terbiar yang menjadi habitat kepada binatang liar di Daerah Seberang Perai Utara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

18. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai rancangan untuk menaik taraf longkang-longkang yang sudah tidak dapat menampung kapasiti hujan kini dan yang sudah lama tidak dinaik taraf terutamanya di Pusat Penjaja Sin Tat, Perindustrian Mak Mandin dan Jalan Kampung Paya?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Bagi isu longkang di kawasan Pusat Penjaja Sin Tat, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melantik perunding yang kini dalam fasa penyediaan reka bentuk pusat penjaja tersebut termasuk menaik taraf parit dan longkang di sekitarnya.

    Walau bagaimanapun, bagi kawasan di Jalan Perindustrian Mak Mandin dan Jalan Kampung Paya yang berada di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR), tiada perancangan untuk menaik taraf longkang-longkang di kawasan tersebut kerana Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin yang telah siap dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat menampung jumlah kapasiti hujan di kawasan sekitarnya dan tiada lagi aduan diterima oleh pihak JKR.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

19. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meneroka dan membangunkan teknologi bateri air laut (*seawater battery*) sebagai salah satu tenaga hijau (tenaga yang boleh diperbaharui) di Pulau Pinang, khususnya bagi menyokong agenda pembangunan mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui selain solar serta sumber tenaga konvensional?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk meneroka dan membangunkan teknologi bateri air laut (*seawater battery*) sebagai sumber tenaga di Pulau Pinang. Ini adalah kerana teknologi ini masih belum matang dan memerlukan kajian-kajian yang lebih mendalam terutamanya melibatkan aspek kecekapan sistem serta kesan kepada alam sekitar dan hidupan marin untuk jangka masa panjang.

    Selain itu, sebagai teknologi yang masih dalam peringkat pembangunan, kos bagi merintis teknologi ini adalah amat besar. Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan perbendaharaan Negeri dibelanjakan dengan berhemah dan optimum untuk manfaat rakyat Negeri ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

20. Apakah rancangan penyelenggaraan secara berkala Pihak Berkuasa Tempatan dalam skop kerja membuang sisa-sisa enapan sebagai langkah mengurangkan masalah banjir kilat terutamanya dari parit monsun dari Jalan Thamby Kechil ke Tingkat Melur 1 sehingga Lorong Ceri 7 yang sebahagiannya masih parit tanah yang akan menghasilkan sisa enapan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan kerja-kerja pembuangan sisa enapan di parit monsun dari Jalan Thamby Kechil ke Tingkat Melur 1 sehingga Lorong Ceri 7 sebagai langkah mengurangkan masalah banjir kilat. Buat masa ini, MBSP melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit monsun tersebut secara berkala iaitu setiap enam (6) bulan sekali.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

21. Memandangkan penggunaan mesin pembedahan berasaskan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) semakin meluas di hospital swasta bagi meningkatkan ketepatan dan keselamatan pembedahan, apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memohon kepada KKM untuk melaksanakan teknologi serupa di hospital-hospital kerajaan di negeri ini bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan tahap keselamatan dalam pembedahan?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya sedang dalam perancangan untuk memperluas penggunaan teknologi berasaskan Kecerdasan Buatan atau *Aritificial Intelligence* (AI) dan pembedahan robotik secara berperingkat.

    Di peringkat Negeri Pulau Pinang, kemudahan perkhidmatan pembedahan robotik akan dilaksanakan selaras dengan pembangunan terkini Blok Pembedahan (Surgical Block) di Hospital Pulau Pinang (HPP) di mana mesin pembedahan robotik berasaskan AI akan ditempatkan di Dewan Bedah HPP. HPP dijangka menjadi pusat rujukan pembedahan robotik bagi Zon Utara.

    Inisiatif ini turut merangkumi perancangan latihan untuk pakar bedah dan jururawat bagi memastikan kecekapan penggunaan sistem berasaskan AI dan robotik dilaksanakan dengan selamat dan berkesan.

Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa pelaksanaan penuh teknologi robotik memerlukan peruntukan kewangan yang besar serta sokongan teknikal khusus. Oleh itu, JKNPP melalui KKM menilai keperluan ini secara berfasa bagi memastikan pelaburan yang dibuat adalah berimpak tinggi dan seimbang di antara kos serta manfaat kepada pesakit.

Perkhidmatan pembedahan di bawah JKNPP akan terus menyokong dan memperkukuh kerjasama dengan KKM dalam memperkenalkan teknologi pembedahan berasaskan AI secara berperingkat dengan keutamaan kepada keselamatan pesakit, keberkesanan rawatan dan pembangunan kepakaran tempatan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

22. Apakah statistik penggunaan harian oleh warganegara dan statistik bilangan van *Rapid On-Demand* yang beroperasi secara purata setiap hari di SPU berbanding SPT dan SPS?

(a) Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah bilangan van Rapid On-Demand yang mendapat sambutan hangat di Seberang Perai Utara (Laluan T710B)?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Pada masa ini, Rapid Bus tidak membezakan statistik penggunaan antara warganegara dan bukan warganegara, namun bagi data purata penggunaan harian di tiga kawasan Seberang Perai (SPU, SPT dan SPS) adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN VAN	PURATA PENUMPANG HARIAN (SPU, SPT & SPU)
SPU	2	105
SPT	13	690
SPS	5	235

*Laluan T611B Bertam (SPU) menunjukkan peningkatan ketara dengan jumlah penumpang harian mencecah sehingga 200 orang semasa tempoh semester akademik USM.

(a) Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri melalui operator Rapid Penang tiada perancangan untuk penambahan van memandangkan purata penggunaan semasa masih tidak mencapai sasaran iaitu 120 purata penumpang harian bagi satu van, berdasarkan sasaran prestasi operasi yang telah ditetapkan. Namun demikian Rapid Penang sedang menilai corak permintaan semasa di beberapa zon berimpak tinggi bagi menentukan keperluan pengukuhan kapasiti secara berfasa sekiranya *trend* penggunaan terus meningkat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

23. Seiring dengan trend pembelajaran berteraskan digital dalam kalangan remaja masa kini, apakah langkah-langkah yang dirancang oleh Jabatan Pendidikan Negeri bagi memastikan keseimbangan antara kecerdasan minda dan perkembangan fizikal melalui penggalakan aktiviti sukan serta kokurikulum di sekolah?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) merancang pelbagai langkah untuk menyeimbangkan kecerdasan minda dan perkembangan fizikal di sekolah melalui penggalakkan aktiviti sukan dan kokurikulum. Langkah-langkah ini termasuk mengintegrasikan sukan ke dalam kurikulum, memperkasakan program kokurikulum, menyediakan kemudahan sukan, menganjurkan pertandingan dan menyediakan latihan kepada guru. Tujuannya adalah untuk memastikan murid mendapat pendidikan yang holistik dengan membangunkan potensi intelektual dan fizikal murid secara seimbang.

Di samping itu, dalam memastikan integrasi sukan dan kokurikulum dalam kurikulum dilaksanakan dengan berkesan, Kerajaan Negeri melalui JPNPP telah melaksanakan beberapa perkara seperti berikut:

(i) Sukan olahraga dan sukan massa: Pelaksanaan sukan olahraga dan sukan massa seperti hari sukan dan acara sukan antara sekolah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan murid secara menyeluruh, bukan hanya mereka yang mempunyai bakat sukan;

(ii) Aktiviti kokurikulum: Pelbagai pilihan aktiviti kokurikulum, termasuk unit beruniform, kelab dan persatuan, serta kelab sukan, ditawarkan kepada murid untuk pembangunan diri secara menyeluruh;

(iii) Penubuhan jawatankuasa khas: Jawatankuasa khas di peringkat negeri dan daerah ditubuhkan untuk memantau dan menyelaras program sukan dan kokurikulum yang dijalankan di sekolah;

(iv) Penyediaan kemudahan dan peralatan: JPN membantu sekolah dalam penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan sukan dan peralatan yang mencukupi untuk pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum;

(v) Pengiktirafan dan ganjaran dengan memberi penganugerahan sijil dan hadiah. Sijil dan hadiah diberikan kepada murid yang aktif dalam sukan dan kokurikulum untuk memberi pengiktirafan dan galakan; dan

(vi) Penerapan elemen Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) juga diambil kira untuk menentukan tahap pencapaian bagi menggalakkan penyertaan yang aktif dan konsisten.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

24. Bagi menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang, adakah pihak berkenaan mempunyai rancangan untuk mencipta satu laman rasmi secara komprehensif termasuk mod pengangkutan, tempat menarik, acara terkini dan panduan pengangkutan awam seperti laman yang dimiliki oleh negara Jepun iaitu (GOTOKYO)?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Laman rasmi pelancongan Pulau Pinang, myPenang.gov.my kini sedang melalui proses penambahbaikan menyeluruh bagi menjadikannya sebuah platform pelancongan digital yang lebih komprehensif, interaktif dan berimpak global. Usaha ini dilaksanakan oleh Penang Global Tourism (PGT) sebagai sebahagian daripada inisiatif transformasi digital sektor pelancongan negeri selaras dengan aspirasi Penang2030.

Versi baharu portal ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2025, dengan reka bentuk antaramuka moden serta mesra pengguna. Portal tersebut akan menampilkan kandungan pelbagai bahasa bagi memudahkan capaian pelancong antarabangsa dan domestik, sekaligus memperluas jangkauan promosi Pulau Pinang di peringkat global.

Portal baharu ini akan menyediakan maklumat lengkap dan tersusun merangkumi tempat-tempat menarik, acara semasa, panduan pengangkutan awam, itinerari perjalanan, serta cadangan aktiviti mengikut minat pelancong. Pengaturcaraan

laman web turut dinaik taraf dengan teknologi terkini untuk memastikan masa muat yang lebih pantas, tahap keselamatan siber yang tinggi, dan navigasi yang lebih lancar merentasi pelbagai peranti.

Penambahbaikan ini juga membolehkan PGT memanfaatkan analitik data pelawat bagi menilai *trend* pelancongan dan keberkesanan promosi digital secara lebih tepat. Secara keseluruhannya, inisiatif ini akan memperkukuh kehadiran digital Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pintar (*smart tourism destination*) yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

25. Apakah penilaian Kerajaan Negeri terhadap kejayaan sebagai contohnya SkyeChip yang telah membangunkan cip HBM3E pertama di Malaysia?

    (a) Bagaimanakah ia boleh memanfaatkan pembangunan industri digital negeri seiring dengan strategi pembangunan industri digital negeri yang dipacu oleh Digital Penang bagi mencapai aspirasi Visi Penang2030?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Kejayaan syarikat seperti SkyeChip yang telah membangunkan cip HBM3E pertama di Malaysia mencerminkan kemajuan ekosistem digital dan teknologi tinggi di Negeri Pulau Pinang. Pencapaian ini menunjukkan keberkesanan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem digital berasaskan inovasi yang menjadi teras kepada pelaksanaan *Digital Economy Masterplan* (DEMP).

    (a) Kejayaan SkyeChip dalam teknologi cip canggih seperti HBM3E memberi manfaat besar dalam memacu pembangunan industri digital Negeri Pulau Pinang yang disokong oleh teknologi *Artificial Intelligence* (AI). Manfaat yang diperoleh meliputi pelbagai aspek merangkumi:

        (i) Pengukuhan kedudukan Negeri Pulau Pinang sebagai hab reka bentuk litar bersepadu (IC) yang mendapat pengiktirafan global. Pencapaian ini mengukuhkan naratif Pulau Pinang sebagai

"Lembah Silikon di Timur" dengan menunjukkan keupayaan reka bentuk cip hadapan (*front-end*) yang termaju, melangkaui kekuatan tradisional dalam pembungkusan dan pengujian semikonduktor (*back-end*);

(ii) Menarik pelaburan dalam bidang berkaitan malahan membuka mata pelabur global bahawa ekosistem *Research and Development* (R&D) dan reka bentuk IC di Pulau Pinang adalah matang dan berdaya maju. Senario ini berupaya menarik lebih banyak syarikat reka bentuk IC tempatan dan luar negara untuk melabur di Negeri Pulau Pinang;

(iii) Pembangunan cip HBM3E tersebut sangat signifikan untuk aplikasi AI dan Pengkomputeran Berprestasi Tinggi (HPC). Oleh yang demikian, kejayaan yang dilakar oleh SkyeChip bakal memacu fasa evolusi teknologi masa hadapan yang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju teknologi AI di Malaysia;

(iv) Syarikat tempatan seperti SkyeChip akan memberi kesan limpahan (*spillover effects*), pemindahan pengetahuan dan merangsang inovasi dalam kalangan syarikat pemula (*startups*) tempatan; dan

(v) Kejayaan ini juga mencatatkan kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam aspek pembangunan modal insan dan bakat digital berkemahiran tinggi di Malaysia. Justeru, hal ini mengurangkan risiko penghijrahan bakat malah menjadi inspirasi kepada anak tempatan untuk menceburi bidang berteknologi tinggi.

Secara dasarnya, bukti keberkesanan inisiatif Kerajaan Negeri seperti *Penang Silicon Design @5km+* (PSD@5KM+) dan *Penang Chip Design Academy* oleh Penang Skills Development Centre (PSDC) yang bertujuan menyediakan ekosistem lengkap dengan insentif, ruang inkubasi, peralatan dan program pembangunan bakat semakin terserlah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

26. Memandangkan latihan guru sedia ada masih kekurangan modul pengurusan emosi dan intervensi krisis, adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta universiti tempatan untuk memasukkan modul "Psikologi Pelajar dan Penyelesaian Konflik" (Student Psychology & Conflict Resolution Module) sebagai subjek teras dalam latihan perguruan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Sebagai makluman Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah menggunakan Buku Panduan Pelaksanaan Intervensi Krisis (CISM) yang dikeluarkan oleh Bahagian Psikologi dan kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku panduan ini merupakan nilai tambah dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memperkasakan perkhidmatan Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

Krisis adalah *"an emotionally hazardous situation"*, iaitu situasi yang mengganggu dan mengancam emosi serta berkait dengan perubahan sosial dalam lingkungan kewujudan individu seperti perubahan jangkaan terhadap diri atau hubungan dengan orang lain. Intervensi krisis ialah rawatan kecemasan psikologikal kepada mangsa krisis untuk membantu mereka kembali ke

tahap kefungsian adaptif dan mencegah atau mengurangkan impak negatif daripada trauma.

Di samping itu, dalam Modul Psikologi Pelajar dan Penyelesaian Konflik GBK akan menggunakan Modul Program Kaunseling Berfokus KPM Tahun 2010. Modul ini juga boleh digunakan oleh semua guru dalam mengurus konflik murid.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

27. Memandangkan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bercadang menilai semula kadar bantuan sedia ada seperti Bantuan Am, Bantuan Warga Emas dan terutamanya Bantuan Kanak-kanak?

    (a) Adakah terdapat rancangan untuk menaikkan kadar bantuan atau manambah baik syarat supaya lebih ramai penerima mendapat manfaat dari skim tersebut?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Cadangan menilai semula kadar bantuan sedia ada seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT) dan Bantuan Warga Emas (BWE) adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

    (a) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. Pihak JKM kini dalam perancangan untuk mengkaji semula Kertas Dasar Negeri bagi skim ini untuk memastikan ia lebih bersesuaian dengan perkembangan semasa, dan menangani kumpulan sasar yang semakin dinamik, serta mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang meningkat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

28. Berapakah jumlah keseluruhan pusat jagaan warga emas, pusat jagaan kanak-kanak yang ditubuhkan oleh NGO dan Kerajaan setakat tahun 2025?

    (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan geran operasi dan mempertimbangkan pengecualian cukai pintu, serta subsidi bil air dan elektrik bagi membantu institusi kebajikan bukan berasaskan keuntungan untuk terus beroperasi?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP), jumlah keseluruhan Pusat Jagaan Warga Emas dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta Kerajaan setakat tahun 2025 adalah sebanyak 23 buah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Perincian lanjut adalah seperti di **JADUAL 1**.

Jadual 1: Jumlah Pusat Jagaan Warga Emas Dan Kanak-Kanak

BIL.	DAERAH	PUSAT JAGAAN	
		WARGA EMAS	KANAK KANAK
1.	BARAT DAYA	0	1
2.	TIMUR LAUT	6	8
3.	SEBERANG PERAI UTARA	1	3
4.	SEBERANG PERAI TENGAH	1	3
5.	SEBERANG PERAI SELATAN	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		**8**	**15**

(b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyediakan geran operasi serta pemberian subsidi-subsidi lain kepada institusi kebajikan bukan berasaskan keuntungan. Namun begitu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mempertimbangkan pengecualian cukai pintu secara bertempoh terhadap bangunan yang diluluskan bagi kegunaan sebagai pusat aktiviti sosial atau seni komuniti yang tidak berorientasikan keuntungan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 tertakluk kepada pematuhan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

29. Senaraikan berapa peruntukan MARRIS yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pusat dan seterusnya berapa yang disalurkan kepada MBPP dan MBSP dari tahun 2020 sehingga 2025.

    (a) Bilangan skop kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan mengikut kategori dari tahun 2020 hingga 2025 bagi kedua-dua PBT (MBSP dan MBPP).

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29.

Tahun	Terimaan Daripada MOF	Jumlah Agihan Yang Disalurkan (Termasuk Permohonan Tambahan)	
		MBPP	MBSP
2020	186,151,318.00	39,652,950.59	70,062,410.98
2021	208,768,680.00	40,239,657.09	80,004,438.10
2022	208,770,700.00	37,111,391.97	84,374,982.85
2023	210,952,060.00	40,334,078.64	115,017,284.83
2024	221,721,000.00	36,680,236.52	136,705,485.89
2025 (Sehingga Okt)	187,317,810.00	39,026,773.41	89,168,795.22

(a) Skop Kerja Penyelenggaraan Mengikut Kategori seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

Skop Kerja Penyelenggaraan Mengikut Kategori

Tahun	MBPP	MBSP
2020	1. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 2. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 3. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 4. Kontrak Pembaikan Parit & Bahu Jalan	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit & Bahu Jalan. 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat
2021	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan
2022	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri
2023	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri

LAMPIRAN A

Tahun	MBPP	MBSP
2024	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri
2025 (Sehingga Okt)	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat	1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaran Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(X)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN

30. Merujuk kepada cadangan oleh Ahli Parlimen Bagan, YB Lim Guan Eng, berhubung dengan penubuhan Zon Kewangan Khas (Special Financial Zone, SFZ) seluas kira-kira 40 hektar di kawasan Ampang Jajar. Apakah dasar, hala tuju serta pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan tersebut?

    (a) Adakah SFZ ini akan melengkapkan CBD yang dicadangkan sebelum ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. **1. Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC**

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

(i) Dana Pelaburan Industri Negeri *(State Sovereign Wealth Fund)*

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech, dan perkhidmatan sokongan profesional.

2. Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja *(working group)* yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

3. Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama

pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

4. Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

i. Peningkatan Rantaian Nilai Industri *Upgrading Value Chain*

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk

membawa industri Malaysia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi.

ii. Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat *brain drain.*

iii. Perintis Inovasi Kewangan Digital *Digital Financial Innovation*

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

iv. Peluang Pekerjaan dan Pemerkasaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

5. Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang

dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau.

Langkah-langkah susulan termasuk:

(i) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.

(ii) Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.

(iii) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

1. Senaraikan projek baharu perumahan dan komersial yang diluluskan di DUN Permatang Pasir sejak tahun 2020 sehingga kini.

   (a) Sejauh manakah kajian impak pembangunan seperti banjir, trafik dan alam sekitar dijalankan sebelum kelulusan diberikan?

   (b) Berapa lama tempoh kajian impak untuk projek baharu ini boleh diguna pakai?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Senarai projek baharu bagi pembangunan perumahan dan komersial yang telah mendapat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir sejak tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Bagi setiap projek pembangunan, pihak MBSP meletakkan syarat pelaksanaan kajian impak pembangunan di peringkat PKM mengikut keperluan dan kesesuaian sesebuah projek pembangunan untuk memastikan semua isu teknikal diambil kira dan langkah mitigasi dilaksanakan sebelum projek diteruskan. Kelulusan PKM hanya akan

diberikan oleh pihak MBSP setelah semua syarat tersebut dipenuhi oleh pihak pemaju/pemohon. Antara kajian utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment* – TIA);

1) Kajian TIA dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Arahan Teknik Jalan (ATJ) 38/2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pelaksanaan kajian ini adalah diwajibkan bagi projek pembangunan kediaman yang melebihi 200 unit atau pembangunan komersial yang melebihi 45,000 kaki persegi. Bagi pembangunan di bawah had tersebut, pelaksanaan kajian akan dipertimbangkan oleh MBSP bergantung kepada kesesuaian dan impak terhadap sistem trafik setempat; dan

2) Kajian tersebut akan disemak oleh MBSP bersama JKR dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi menentukan langkah mitigasi yang bersesuaian seperti pelebaran jalan, pemasangan lampu isyarat serta penyediaan reka bentuk laluan masuk dan keluar yang selamat.

(ii) Kajian Hidraulik/Saliran; dan

1) Kajian ini ditetapkan bagi semua pembangunan yang melibatkan kerja tanah dan penyediaan sistem saliran baharu selaras dengan keperluan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). Kajian berkenaan disemak oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memastikan reka bentuk sistem saliran, kolam takungan serta langkah

kawalan banjir mematuhi piawaian teknikal yang ditetapkan dan tidak memberi kesan negatif kepada kawasan sekitar.

(iii) Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment* – EIA).

1) Kajian ini ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Ia diperlukan bagi projek pembangunan yang melibatkan kawasan melebihi 50 hektar, aktiviti penebusan tanah, atau pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar bagi memastikan impak terhadap alam sekitar dapat dikenal pasti dan dikawal dengan sewajarnya.

(b) Tempoh kajian impak untuk projek baharu ini boleh diguna pakai selama dua (2) tahun dari tarikh laporan diluluskan. Kajian perlu dikemas kini sekiranya berlaku perubahan terhadap skop, reka bentuk atau keadaan semasa tapak. MBSP bersama agensi teknikal berhak menghendaki semakan semula bagi memastikan semua langkah mitigasi kekal berkesan sebelum sebarang kelulusan baharu diberikan.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK BAHARU BAGI PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PKM) DI DUN PERMATANG PASIR BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA OKTOBER 2025

BIL.	NO. RUJUKAN	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PKM
1.	MBSP/70/39-32/18(26A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perumahan Terdiri Daripada: A) 16 Unit Rumah Berkembat 2 Tingkat B) 90 Unit Rumah Teres 2 Tingkat C)1 Unit Pencawang TNB Di Atas Lot 163, 165, 175 & 10923, Mukim 2, Lorong Pasir Indah 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Jana Utama Sdn. Bhd. (5.428252, 100.428093)	12 Mei 2022
2.	MBSP/70/39-32/20(23A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Sekim Perumahan Yang Mengandungi: Fasa 1 A) 30 Unit Rumah Teres 3 Tingkat B) 1 Unit Pencawang TNB Jenis Padat Fasa 2 A) Tapak Kemajuan Masa Hadapan Di Atas Lot 11080 (Lot Lama 1122), 11081 (Lot Lama 439), Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Pemaju Kelang Lama Sdn. Bhd. (5.414444, 100.414611)	26 Oktober 2023
3.	MBSP/70/39-32/2B.1(9A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Stesen Minyak Petronas Berserta Kedai Serbaneka Satu Tingkat Di Atas Lot 10302 (Lot Lama 2124), Di KM131.8 Lebuhraya Utara-Selatan (Arah Utara), Mukim 2, Sama Gagah, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	27 Januari 2022

		Untuk Tetuan : Petronas Dagangan Berhad (5.427855, 100.416641)	
4.	MPSP/70/39-32/15 B.1(8A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina: A) 1 Unit Restoran 'Drive Through' Setingkat B) 1 Unit Surau Setingkat Dan C) 1 Unit Depoh Sampah Setingkat Diatas Sebahagian Lot 1 (Lot Lama PT 157), Di KM 132.6 Lebuhraya Utara- Selatan (Arah Selatan), Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan Highway Station PLT (5.422630, 100.414543)	26 Januari 2023
5.	MBSP/70/39-38/1 B.1(144A)	Permohonan Pindaan Pembahagian Sempadan Fasa Bagi Cadangan Pelan Berlulus Bil.(91A)dlm.MBSP/70/39-38/1B.1 Bertarikh 21.10.2021 Yang Mengandungi: Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Pembangunan Skim Perumahan Dan Komersial Di Atas Lot-Lot 432, 443, 448, 451, 453, 454, 455, 457, 458, 509, 564, 565, 1092, 1093, 1094, 1095, 1096,1105 Dan 10138, Persiaran Sunway Wellesley, Mukim 8, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Fasa 1 A) Rumah Bandaran 3 Tingkat (210 Unit)(Hakmilik Strata Berpagar) B) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat Yang Mengandungi: (i) Dewan Masyarakat (ii)Pejabat Pengurusan (iii)Pencawang Elektrik TNB (iv)Unit Pelbagai Guna (TADIKA/TASKA/Pusat Jagaan) (v) Gimnasium (vi)Kolam Renang C) Tapak Surau D) 1 Unit Pondok Pengawal E) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah F) Tapak RIBI Fasa 2 A) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 17 Tingkat	OSC Lulus pindaan pembahagian fasa pada 6 Julai 2023, OSC Lulus rayuan pada 22 September 2022, OSC Lulus pada 26 Mei 2022, OSC Lulus rayuan pada 13 Jan 2022, OSC Lulus pada 21 Oktober 2021

		(Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) Tempat Letak Kereta 5 Tingkat, Termasuk Kedai (5 Unit), Unit Pelbagai Guna (TADIKA/TASKA/Pusat Jagaan) Dan Surau (ii) Dewan Masyarakat 1 Tingkat Di Atas Podium Tempat Letak Kereta (iii) Rumah Pangsa Kos Rendah 11 Tingkat (164 Unit) (iv) Pencawang Elektrik TNB B) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah C) Tapak RIBI Fasa 3 A) Rumah Bandaran 3 Tingkat (378 Unit)(Hakmilik Strata Berpagar) B) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat Yang Mengandungi: (i) Dewan Masyarakat (ii) Pejabat Pengurusan (iii) Pencawang Elektrik TNB (iv) Unit Pelbagai Guna (Tadika/Taska/Pusat Jagaan) (iv) Gimnasium (v) Kolam Renang C) Tapak Surau D) 1 Unit Pondok Pengawal E) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah F) Tapak RIBI Fasa 4 A) Rumah Bandaran 3 Tingkat (108 Unit)(Hakmilik Strata Berpagar) B) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat Yang Mengandungi : (i) Dewan Masyarakat (ii) Pejabat Pengurusan (iii) Pencawang Elektrik TNB (iv) Unit Pelbagai Guna (TADIKA/TASKA/Pusat Jagaan) (iv) Gimnasium (v) Kolam Renang (vi) Surau C) 1 Unit Pondok Pengawal D) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah E) Tapak RIBI Fasa 5 A) Kedai/Pejabat 3 Tingkat (26 Unit) (Hakmilik Strata)	

		Fasa 6 A) Tapak Untuk PPU TNB 2 Tingkat Fasa 7 A) Sebuah Loji Kumbahan Untuk : Tetuan Sunway Bintang Sdn. Bhd. (5.371587, 100.456513)	
6.	MBSP/70/39-38/2(112A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Pusat Penjaja (19 Unit Gerai) Di Atas Sebahagian Lot 10160, Mukim 8, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Permohonan Ini Adalah Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN) Untuk : Tetuan Sunway Bintang Sdn. Bhd. (5.372153, 100.458786)	20 Oktober 2022
7.	MBSP/70/39-34/19 B.1(12A)	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina 2 Unit Kedai 1 Tingkat (Pemilikan Tunggal) Di Atas Lot 3113 Dan Lot 3114, Jalan Tun Hussein Onn, Mukim O4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Line Clear Express & Logistics Sdn. Bhd. (5.406287, 100.407907)	10 Mei 2023
8.	MBSP/70/39-34/26 B.4(11A)	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan 24 Tingkat (Hak Milik Strata) Yang Terdiri Daripada: A) Tempat Letak Kereta Di Aras 1 Hingga 9 B) 3 Unit Kedai Di Aras 1 C) 165 Unit Pangsapuri Perkhidmatan (850kp/unit) Di Aras 10 Hingga 24 Di Atas Lot 1213, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Dh Land Sdn. Bhd. (5.405944, 100.415868)	21 Jun 2022
9.	MBSP/70/39-37/29(18A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan:	22 Jun 2023

		A) 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Di Atas Plot 1 – Plot 20) B) 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat (Di Atas Plot 21) C) 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Di Atas Plot 22 – Plot 25) Di Atas Lot 8386 (Lot Lama 1028), Mukim 7, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk : Tetuan Marvellous Land Sdn. Bhd. (5.370962, 100.447737)	
10.	MBSP/70/39-51/2 B.1(17A)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pembangunan Bercampur Yang Mengandungi: Fasa 1: A) 1 Unit Stesen Minyak 1 Tingkat Yang Mengandungi: (i) Kedai Serbaneka 1 Tingkat (ii) Kedai 2 Tingkat (iii) Restoran Makanan Segera 2 Tingkat (iv) 2 Kiosk 1 Tingkat (v) 1 Unit Pencawang Elektrik (vi) 1 Unit Depo Sampah (vii) 1 Unit Loji Rawatan Kumbahan Kecil Fasa 2 : A) 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Lot 699, Mukim 21, Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, Kanun Tanah Negara) Untuk Tetuan :HRJ Property Sdn. Bhd. (5.419833, 100.465474)	23 Sept 2021
11.	MBSP/70/39-51/3(42A)	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan Skim Perumahan Yang Terdiri Daripada: Fasa 1: A) Rumah Mampu Milik (RMM A) Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) 3 Blok Rumah Pangsa 5 Tingkat (350 Unit) (ii) 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat	OSC Lulus pada 9 Jun 2022

		(iii) 1 Unit Dewan Komuniti 1 Tingkat (iv) 1 Unit Pencawang Elektrik B) Rumah Mampu Milik (RMM C3) Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) 242 Unit Rumah Bandar '*Townhouse*' 2 Tingkat (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) (ii) 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat (iii)1 Unit Dewan Komuniti 1 Tingkat (iv) 1 Unit Pencawang Padat TNB C) 1 Unit Pusat Penjaja D) 1 Unit Surau E) Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam F) Stesen Pam Kumbahan Fasa 2: A) Rumah Mampu Milik (RMM C3) Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi: (i) 198 Unit Rumah Bandar '*Townhouse*' 2 Tingkat (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) (ii) 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat (iii)1 Unit Dewan Komuniti 1 Tingkat (iv) 1 Unit Pencawang Padat TNB Secara Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Mengikut Seksyen 204D Kanun Tanah Negara. Di Atas Lot 1056, 1057, 1058 & 1059, Mukim 21, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang. Untuk: Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. (5.432505, 100.439740)	
12.	MPSP/70/39-54/10 B.1 (23 A)	Permohonan Pindaan Pembahagian Sempadan Fasa Bagi Pelan Kebenaran Merancang Berlulus No. Rujukan (4A)dlm.MPSP/70/39-54/10 B.1 Yang Mengandungi: Fasa 1: A) 1 Blok Pangsapuri 22 Tingkat (Hakmilik Strata) Yang Terdiri Daripada 5 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta, 8 Unit Kedai/Pejabat, 1 Tingkat Kemudahan Dan 16 Tingkat Kediaman (278 Unit). Fasa 2:	OSC Lulus pindaan fasa pada 25 Mei 2023, OSC Lulus pindaan pada 14 April 2022, OSC Lulus Penyerahan Hak KM pada 7 Oktober 2021, OSC Lulus pada

		A) 7 Unit Kedai/Pejabat 3 Tingkat (Plot 9-15) Fasa 3: A) 10 Unit Kedai/Pejabat 3 Tingkat (Plot 1-8, Plot 16 & 17) Fasa 4: A) 7 Unit Kedai/Pejabat 3 Tingkat (Plot 18-24) Di Atas Lot Baru 10067-10099, Taman Ciku, Seksyen 3, Bandar Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Crystal Faber Sdn. Bhd. (5.368072, 100.459860)	28 November 2018, pembatalan syarat penyediaan 30% (84 unit) rumah kos rendah di atas lot 1068 & 1006, Taman Tan Sai Gin.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

2. Nyatakan jumlah tanah bendang yang diluluskan untuk ditambun mendirikan bangunan atau lain-lain sejak tahun 2020 hingga 2024 di Parlimen Permatang Pauh mengikut daerah.

   (a) Sejauh manakah aktiviti penambakan atau penukaran guna tanah bendang memberi kesan terhadap jumlah hasil padi di Pulau Pinang dan langkah Kerajaan Negeri mengatasinya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Jumlah tanah bendang yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri untuk pemajuan bagi Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah bagi tahun 2020 hingga 2024 adalah sebanyak **empat (4) permohonan dengan keluasan 28.0366 ekar**. Perincian adalah seperti yang berikut berikut :

   (i) Lim Mui Ling berkeluasan 1.5267 ekar;

   (ii) Empire Venture Resources Sdn Bhd berkeluasan 2.5721 ekar;

   (iii) Sunway Bintang Sdn Bhd berkeluasan 23.0311 ekar; dan

   (iv) Wakaf Pulau Pinang Join Development Sdn. Bhd. berkeluasan 0.9067 ekar.

(a) Aktiviti penambakan dan penukaran guna tanah bendang di Negeri Pulau Pinang memberi kesan secara langsung terhadap pengurangan keluasan kawasan penanaman aktif, sekali gus menjejaskan jumlah keseluruhan pengeluaran hasil padi negeri. Pengurangan kawasan sawah berpotensi menurunkan Kadar Sara Diri Beras (SSL) serta menjejaskan daya tahan negeri terhadap isu keterjaminan makanan.

Bagi mengawal kesan tersebut, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pertanian (DOA) serta jabatan/agensi berkaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa langkah bersepadu bagi memastikan kawasan sawah kekal berdaya guna dan produktif. Langkah-langkah utama yang diambil termasuk:

(i) **Kawalan dan pemantauan terhadap penukaran guna tanah bendang** oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PDT, khususnya di kawasan yang dikenal pasti sebagai Kawasan Jelapang Padi bagi mengelakkan tanah berpotensi tinggi ditukar kepada penggunaan bukan pertanian;

(ii) **Pemuliharaan dan pembangunan semula kawasan sawah terbiar**, melalui penyediaan bantuan input pertanian, baik pulih sistem saliran serta pembangunan infrastruktur sokongan dengan kerjasama agensi teknikal seperti JPS dan IADA;

(iii) **Pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman Padi**, termasuk usaha pembendungan dan kawalan rumpai Keladi Agas (*Monochoria vaginalis*) yang menjejaskan hasil tanaman. Pada tahun 2023, sebanyak RM400,000.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program kawalan keladi agas sebagai langkah meningkatkan produktiviti hasil padi negeri;

(iv) Mewujudkan **Jawatankuasa Pemantauan Menambun Tanah Sawah** di peringkat Jawatankuasa MMK

Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan Negeri Pulau Pinang; dan

(v) Galakan penggunaan panduan ***Rice Check*** **dan Amalan Pertanian Baik (GAP)** yang disyorkan oleh DOA bagi meningkatkan hasil, mengekalkan kesuburan tanah serta memastikan pengurusan tanaman dijalankan secara efisien dan berdaya saing.

Walaupun aktiviti penambakan dan penukaran guna tanah memberi tekanan terhadap keluasan sawah di negeri ini, usaha bersepadu antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan jabatan/agensi pelaksana teknikal telah membantu mengekalkan kestabilan pengeluaran padi di Negeri Pulau Pinang.

Selaras Pelan Pembangunan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mensasarkan peningkatan purata hasil kepada tujuh (7) hingga sepuluh (10) tan sehektar menjelang tahun 2030 melalui pelaksanaan program pembangunan infrastruktur pertanian, peningkatan kecekapan pengairan, penggunaan varieti padi berpotensi tinggi serta penerapan teknologi moden dalam pengurusan tanaman. Langkah ini diharap dapat memastikan subsektor padi negeri kekal mampan, produktif dan menyumbang secara berterusan kepada keterjaminan makanan negara.

Selain itu, bagi mengatasi kesan tersebut, **caj terjaminan makanan (Kadar Sumbangan Fiskal Keterjaminan Sumber Makanan Negeri Pulau Pinang 2024)** dikenakan bagi kawasan jelapang padi yang telah ditukar guna untuk pembangunan. Caj tersebut akan menjadi hasil Kerajaan Negeri dan akan digunakan untuk insentif tanaman padi serta membiayai Kajian Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) Peringkat Negeri Pulau Pinang. Pekeliling Setiausaha Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 1 Tahun 2024 telah memaklumkan kepada semua jabatan dan agensi di peringkat persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PLANMalaysia Negeri bagi menerima pakai Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) sebagai panduan dan rujukan dalam menyelaras penyediaan pelan pernbangunan dan perancangan guna tanah bagi kawasan sumber makanan negara

yang terdiri daripada tanaman makanan, aktiviti penternakan dan perikanan.

PLANMalaysia Negeri Pulau Pinang juga akan melaksanakan Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) Negeri Pulau Pinang pada tahun 2026 bagi merangka Pelan Induk Sumber Makanan Negara untuk negeri ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

3. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf sistem perparitan dan pengaliran di kawasan DUN Permatang Pasir bagi mengatasi masalah banjir kilat?

   (a) Senaraikan pihak yang akan bertangungjawab untuk mencuci dan menyelenggara parit-parit kampung di DUN Permatang Pasir.

   (b) Senaraikan juga tempat dan kekerapan kerja yang dilakukan.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam (DMP) Daerah Seberang Perai Tengah telah siap pada tahun 2016. DMP ini dijadikan sebagai rujukan bagi semua perancangan projek-projek pembangunan baharu atau pembangunan semula yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan kerajaan atau pihak swasta bagi memastikan sistem saliran yang direka bentuk adalah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

   (a) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja mencuci parit kampung yang terlibat dengan kes kecemasan/kejadian bencana dan berpotensi menjejaskan keselamatan penduduk setempat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir. Kerja-kerja ini

dilaksanakan menggunakan peruntukan kecemasan Pegawai Daerah dan P16(02) Peruntukan ADUN/PPK. Walau bagaimanapun, PDTSPT tidak mempunyai peruntukan tetap bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala.

(b) Penyelenggaraan akan dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan semasa dan ketersediaan peruntukan. Berikut merupakan projek yang telah dilaksanakan oleh PDTSPT bagi tahun 2025:

(i) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Kepala Bukit Indera Muda;

(ii) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Bukit Indera Muda;

(iii) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Samagagah;

(iv) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan berhampiran Lot 374 Kampung Tanah Liat; dan

(v) Kerja-kerja menaik taraf longkang konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Permatang Pasir.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

4. Nyatakan jumlah pesakit HIV AIDS dan sebab berlaku di Pulau Pinang sejak tahun 2020 hingga kini mengikut pecahan kaum.

   (a) Perincikan jangkitan HIV AIDS disebabkan oleh hubungan seks dan hubungan sesama jantina.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Jumlah keseluruhan kes HIV yang dilaporkan di Pulau Pinang bagi tempoh 2020 hingga 2025 (Oktober) adalah berjumlah 1873 kes dengan 203 kes AIDS dilaporkan bagi tempoh yang sama. Perincian kes mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bangsa	Jumlah Kes	Peratusan kes (%)
Melayu	842	44.95
Cina	547	29.2
India	225	12.01
Lain-lain	259	13.84

   (a) Daripada keseluruhan jumlah kes yang dilaporkan bagi tempoh tersebut, 98.29% adalah jangkitan melalui hubungan seksual. Bagi jangkitan secara homoseksual (sesama jantina) menyumbang 44.74%, heteroseksual (berlainan jantina) 43.88% dan biseksual (kedua-dua jantina) 9.66%.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

5. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada persatuan-persatuan sukan di Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun terkini (mengikut tahun dan persatuan)?

   (a) Nyatakan kriteria agihan, jenis perbelanjaan yang dibenarkan dan jumlah penerima.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Peruntukan utama yang disalurkan kepada persatuan-persatuan sukan di negeri ini adalah daripada Jawatankuasa MMK Sukan dan juga Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP). Bagi peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Sukan, mana-mana persatuan sukan adalah layak untuk memohon peruntukan ini dan perinciannya adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2021	350,000.00
2022	350,000.00
2023	500,000.00
2024	165,000.00
2025	350,000.00

Manakala anggaran peruntukan melalui MSNPP pula adalah tertumpu kepada 53 Persatuan Sukan Negeri dengan perincian peruntukan adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2021	3,500,000.00
2022	4,500,000.00
2023	6,000,000.00
2024	5,600,000.00

(a) Kriteria agihan serta jenis perbelanjaan bagi peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Sukan mestilah berteraskan pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang. Sejak tahun 2021 sehingga Oktober 2025, sebanyak 377 persatuan telah menerima manfaat daripada peruntukan ini.

Bagi peruntukan daripada MSNPP, kriteria utama dan jenis perbelanjaan perlu difokuskan kepada sukan-sukan yang bersasar yang mampu menyumbang pingat emas kepada negeri ini.

Kesemua 53 Persatuan Sukan Negeri menerima manfaat daripada peruntukan ini yang mana perbelanjaan yang dibenarkan adalah elaun makan, pengangkutan, penginapan, yuran penyertaan dan bayaran kecemasan. Manakala untuk penganjuran kejohanan atau program, semua jenis berkenaan dengan penganjuran dipertimbangkan kecuali perolehan perbelanjaan baju-T dan peralatan sukan.

Selain daripada sokongan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) telah melaksanakan program Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Geran Padanan Sukan (GPS) bagi menyokong penganjuran acara sukan pelbagai peringkat dari antarabangsa sehingga peringkat komuniti.

Bagi DSK, sejumlah 93 permohonan telah diluluskan setakat Jendela 6 dengan jumlah RM1,198,000.00 yang memanfaatkan acara sukan dengan jumlah 22,858 peserta. Manakala untuk GPS, Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM1,165,000.00 melalui 17 permohonan bagi menganjurkan acara sukan dalam bentuk geran padanan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

6. Nyatakan jumlah kes anak luar nikah yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2024, mengikut pecahan kaum.

   (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam pencegahan, pemulihan serta pendidikan kekeluargaan remaja?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Berikut merupakan kes anak luar nikah yang diklasifikasikan sebagai anak tidak sah taraf mengikut pecahan kaum bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024 yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi pelaksana seperti **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** telah melaksanakan pelbagai langkah strategik dalam **pencegahan, pemulihan dan pendidikan kekeluargaan remaja**. Langkah-langkah ini bertujuan membentuk sahsiah diri remaja yang positif, meningkatkan kesedaran tentang kesihatan reproduktif, serta menyediakan sokongan sosial bagi membantu mereka membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

(i) **Langkah Pencegahan**

Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada **pendidikan awal dan kesedaran** dalam kalangan remaja bagi mengelakkan mereka terlibat dalam gejala sosial dan tingkah laku berisiko. Melalui **program ceramah, bengkel, seminar, kem motivasi, *Teen Talk* dan *Teen Chat***, remaja didedahkan kepada pengetahuan mengenai **kesihatan reproduktif, hubungan sosial yang sihat dan pembentukan jati diri**. Pendekatan ini dijalankan secara berterusan melalui **Pusat Remaja KafeTEEN**, yang berfungsi sebagai pusat mesra remaja bagi golongan berumur 13 hingga 24 tahun.

Di Pulau Pinang, terdapat **dua (2) pusat KafeTEEN yang aktif beroperasi** iaitu di **UTC Komtar, George Town** dan **Bertam, Kepala Batas**. Kedua-dua pusat ini berperanan mendekati remaja di kawasan bandar dan luar bandar dengan pendekatan yang **santai, interaktif dan berinformasi**, bagi memastikan mesej pendidikan kekeluargaan dapat disampaikan secara berkesan;

(ii) **Langkah Pemulihan**

Bagi remaja yang terlibat dalam masalah sosial, pendekatan **pemulihan berasaskan sokongan psikososial dan bimbingan moral** dilaksanakan melalui LPPKN dan agensi berkaitan. Program ini menumpukan kepada **pemulihan kendiri, peningkatan keyakinan diri, serta pembinaan semula hubungan kekeluargaan**, bagi membantu mereka kembali ke landasan positif; dan

(iii) **Langkah Pendidikan Kekeluargaan**

Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada **pendidikan kekeluargaan berasaskan institusi keluarga**. **Ibu bapa** digalakkan memainkan

peranan aktif dalam membimbing anak-anak melalui **komunikasi terbuka, pemantauan sosial, dan pendidikan seks berasaskan nilai agama dan moral**. Pendidikan ini penting bagi mengurangkan risiko **pembuangan bayi, salah laku seksual dan masalah emosi dalam kalangan remaja**.

Selain itu, program kesedaran turut memberi penekanan kepada **tanggungjawab ibu bapa sebagai rakan dan mentor** kepada anak-anak. Ibu bapa disaran agar **mengenali rakan anak-anak mereka**, memahami kecenderungan tingkah laku serta peka terhadap tanda-tanda tekanan atau perubahan sikap.

LAMPIRAN A

Statistik Kes Pemeliharaan Dan Perlindungan Anak Tidak Sah Taraf Dalam Tempoh 2020 Hingga 2024 Bagi Negeri Pulau Pinang

DAERAH	TAHUN	KAUM				JUMLAH	JANTINA		JUMLAH
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN		LELAKI	PEREMPUAN	
SEBERANG PERAI UTARA	2020	4	1	1	0	6	2	4	6
	2021	7	0	0	0	7	3	4	7
	2022	9	2	0	0	11	5	6	11
	2023	14	0	0	0	14	7	7	14
	2024	14	0	2	0	16	8	8	16
	JUMLAH	**48**	**3**	**3**	**0**	**54**	**25**	**29**	**54**
SEBERANG PERAI TENGAH	2020	3	1	1	1	6	4	2	6
	2021	6	0	1	2	9	6	3	9
	2022	9	3	3	3	18	4	14	18
	2023	10	1	2	5	18	4	14	18
	2024	11	0	1	2	14	11	3	14
	JUMLAH	**39**	**5**	**8**	**13**	**65**	**29**	**36**	**65**
SEBERANG PERAI SELATAN	2020	0	0	0	0	0	0	0	0
	2021	0	0	0	0	0	0	0	0
	2022	0	0	0	0	0	0	0	0
	2023	0	0	0	0	0	0	0	0
	2024	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
TIMUR LAUT	2020	10	1	1	1	13	5	8	13
	2021	0	0	1	0	1	0	1	1
	2022	0	1	0	1	2	0	2	2
	2023	1	0	1	0	2	1	1	2

LAMPIRAN A

DAERAH	TAHUN	KAUM				JUMLAH	JANTINA		JUMLAH
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN		LELAKI	PEREMPUAN	
	2024	10	0	0	1	11	8	3	11
	JUMLAH	**21**	**2**	**3**	**3**	**29**	**14**	**15**	**29**
BARAT DAYA	2020	0	0	0	0	0	0	0	0
	2021	0	1	1	0	2	0	2	2
	2022	5	0	0	2	7	3	4	7
	2023	4	0	0	1	5	2	3	5
	2024	3	0	1	0	4	3	1	4
	JUMLAH	**12**	**1**	**2**	**3**	**18**	**8**	**10**	**18**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

7. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasa dan meningkatkan mutu sukan bola sepak di Pulau Pinang?

   (a) Nyatakan pelan pembangunan bola sepak negeri termasuk program akar umbi, liga tempatan dan akademi belia.

   (b) Jelaskan peruntukan tahunan, kemudahan latihan serta kerjasama dengan persatuan atau kelab profesional.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) serta pihak-pihak berkaitan sentiasa berusaha bagi meningkatkan mutu sukan bola sepak di negeri ini. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

   (i) Penyaluran bantuan kewangan bagi pemerkasaan program pembangunan bakat-bakat muda melalui kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) serta kelab-kelab bola sepak tempatan untuk menganjurkan klinik bola sepak, akademi latihan bola sepak, serta penganjuran pertandingan peringkat akar umbi;

   (ii) Memberi sokongan serta dana kewangan kepada pasukan yang mewakili negeri Pulau Pinang dalam

kejohanan liga-liga dibawah pengiktirafan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM);

(iii) Menaik taraf kemudahan infrastruktur sukan seperti menaik taraf stadium bola sepak, padang bola sepak peringkat komuniti serta lain-lain kemudahan sokongan termasuk penyaluran bantuan peralatan latihan dan pertandingan;

(iv) Mengerat serta menjalin hubungan kerjasama strategik bersama dengan Badan Bola Sepak Kebangsaan seperti FAM, Malaysia Football League (MFL), Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara Malaysia; dan

(v) Mengembangkan serta memperkasakan program pendidikan dan peluang untuk menaik taraf ilmu latihan kejurulatihan kepada jurulatih bola sepak tempatan.

(a) Pelan pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan adalah seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang dilaksanakan di seluruh negara. Program ini adalah satu inisiatif yang diwujudkan di beberapa institusi dan kawasan latihan bagi melatih kanak-kanak serta belia berumur antara 7 hingga17 tahun.

Jurulatih sambilan juga diambil bagi melatih pemain-pemain muda ini sekitar tiga kali seminggu. Selain itu, melalui FAP juga, beberapa kejohanan telah dilaksanakan bagi memberi ruang kepada pemain-pemain muda terus menonjolkan bakat mereka seperti liga-liga tempatan dan seumpamanya.

(b) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM100,000.00 kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang untuk penganjuran Kejohanan Liga Bola Sepak Tempatan, manakala MSNPP telah memperuntukan sebanyak RM50,000.00 bagi pembangunan pasukan SUKMA Negeri Pulau Pinang.

Melalui MMK Sukan juga, sejumlah RM350,000.00 telah diperuntukan kepada persatuan sukan termasuk sukan bola sepak bagi terus membantu pembangunan sukan di negeri ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

8. Berapakah jumlah penduduk Pulau Pinang yang memiliki rumah sendiri mengikut kaum?

   (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kadar pemilikan rumah meningkat dan seimbang antara kaum?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Menurut statistik dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi tempoh bermula 1 Januari 2005 sehingga 30 Oktober 2025, jumlah penduduk yang memiliki rumah sendiri mengikut kaum adalah seperti di Jadual 1 **LAMPIRAN A**.

   (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kadar pemilikan rumah di Negeri Pulau Pinang meningkat dan seimbang antara kaum. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

      (i) Penawaran berdasarkan pembahagian dan pengagihan kuota selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030) seperti di Jadual 2 **LAMPIRAN A**;

      (ii) Pemantauan penyediaan Rumah MutiaraKu (RMKu) melalui Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan di bawah

Tema A: Meningkatkan Daya Huni Bagi Menambah Baik Kualiti Kehidupan, Visi Penang2030 turut dilaksanakan oleh pihak LPNPP. Inisiatif Strategik A1 merangkumi tiga (3) sasaran utama seperti berikut:

1) Sasaran 1: Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM)/ RMKu sebanyak 220,000 unit menjelang tahun 2030;

2) Sasaran 2: Pembekalan 22,000 unit sewa beli (*Rent to Own* - RTO); dan

3) Sasaran 3: 3,000 keluarga mendapat faedah daripada kewujudan skim Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

(iii) Penawaran RMKu melalui Skim RTO. Bagi pemohon-pemohon yang tidak melepasi pinjaman perumahan melebihi tiga (3) kali bagi memiliki RMKu secara kaedah jual beli, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menawarkan unit-unit di bawah Skim RTO yang mana pembiayaannya adalah terikat dengan pihak LPNPP selama 15 tahun. Walau bagaimanapun, kesemua penawaran akan dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan;

(iv) Pelaksanaan pemurnian data dalam SMP bagi memastikan pemohon-pemohon berdaftar adalah berstatus aktif dan layak untuk ditawarkan unit RMKu. Ia dilaksanakan melalui kaedah baharu pelaksanaan *Outreach Programme* dan Hari Bertemu Pelanggan LPNPP yang akan dilaksanakan setiap sukuan tahun mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang; dan

(v) Pengenalan kategori RMKu baharu. Pada awalnya, hanya lima (5) kategori RMKu sahaja tersedia di negeri ini merangkumi RMKu A, B, C1, C2 dan C3. Dengan mengambil kira pelbagai faktor, Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah memperkenalkan dua (2) lagi kategori RMKu iaitu RMKu B2 dan D. RMKu B2 diperkenalkan selaras dengan visi Pembangunan Perumahan Inklusif MADANI (PIM) Kerajaan Perpaduan yang diumumkan oleh YAB Perdana

Menteri dan Manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2023. RMKu B2 berkeluasan sebanyak 750 kaki persegi (kp) dengan harga jualan maksimum sebanyak RM100,000.00 seunit (tanpa kemasan). Kategori RMKu B2 ini diwujudkan bagi mengisi jurang antara kategori RMKu B dengan harga jualan maksimum sebanyak RM72,000.00 seunit dan RMKu C1 dengan harga jualan maksimum sebanyak RM150,000.00 seunit. Kelulusan kategori ini juga akan memanfaatkan kebanyakan golongan belia B40 dan M40 yang baru berkeluarga dan berpendapatan isi rumah antara RM3,500.00 sehingga RM8,000.00 sebulan. Selain itu, kategori RMKu D diperkenalkan melalui Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah Dan Pemilikan Rumah Inklusif MADANI (MADANI Home Ownership Campaign) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 14/2025 pada 7 Mei 2025 yang mana pelaksanaannya adalah bagi tempoh satu (1) tahun bermula 1 Jun 2025 sehingga 31 Mei 2026. Harga siling maksimum bagi kategori ini adalah sebanyak RM400,000.00 seunit dengan keluasan minimum sebanyak 950 kp (dengan kemasan). Kategori ini juga tidak dibenarkan dibuka kepada pasaran terbuka serta tidak dibenarkan digunakan sebagai pematuhan.

LAMPIRAN A

JENIS KEDIAMAN	KAUM					
	Melayu	India	Cina	Lain-lain	Tiada Pilihan Bangsa	JUMLAH
Projek Perumahan Rakyat (PPR)	1,358	287	436	22	0	**2,103**
Rumah MutiaraKu A (RM42,000.00)	12,516	6,179	1,998	61	4	**20,758**
Rumah Mutiaraku B1 (Maksima RM72,500.00)	4,363	7,809	1,440	81	1	**13,694**
Rumah Mutiaraku C1 (Maksima RM150,000.00)	35	6	67	2	0	**110**
Rumah Mutiaraku C2 (Maksima RM200,000.00)	775	1,028	246	15	0	**2,064**
Rumah Mutiaraku C3 (Maksima RM300,000.00)	2,029	5,745	714	64	1	**8,553**
Rumah Mutiaraku (Maksima RM400,000.00)	174	1,215	181	21	0	**1,591**
Rumah Mutiaraku (Maksima RM500,000.00)	4	34	1	0	0	**39**
JUMLAH	**21,254**	**22,303**	**5,083**	**266**	**6**	**48,912**

Jadual 1 : Statistik Pemilikan Rumah Penduduk Di Negeri Pulau Pinang Daripada 01 Januari 2005 sehingga 30 Oktober 2025

JENIS KEDIAMAN	KAUM		
	Melayu	India	Cina dan Lain-lain
Rumah Kos Rendah (RMKu A – RM42,000.00)	50%	15%	35%
Rumah Kos Sederhana Rendah (RMKu B – RM72,500.00)	40%	10%	50%
Rumah Mampu Milik (RMKu C – RM150,000.00 – RM300,000.00)	40%	10%	50%

Jadual 2 : Pembahagian Dan Pengagihan Kuota Selaras Dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030)

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

9. Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi projek pengurusan banjir di DUN Permatang Pasir dalam lima tahun kebelakangan ini?

   (a) Senaraikan projek, lokasi, kos dan status semasa.

   (b) Terangkan pelan masa depan Kerajaan Negeri dalam mencegah banjir, termasuk projek naik taraf utama dan garis masa pelaksanaan.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Untuk lima (5) tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah memperuntukkan sejumlah RM744,439.00 bagi pelaksanaan projek-projek pengurusan banjir di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir. Kerajaan Persekutuan pula telah menyalurkan sejumlah RM489,700.00 bagi tujuan tersebut.

   (a) Senarai projek, lokasi, kos dan status semasa projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (b) JPSPP kini sedang meneliti projek-projek naik taraf sistem saliran utama serta pembinaan kolam takungan tambahan di kawasan-kawasan strategik dalam DUN Permatang Pasir dengan tumpuan kepada peningkatan kapasiti saliran dan mengurangkan risiko limpahan air semasa hujan lebat. Selain itu, JPSPP melalui Kerajaan Negeri akan memohon

peruntukan dari Kerajaan Persekutuan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) bagi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai Fasa 2 yang akan merangkumi kawasan tadahan sungai tersebut yang sebahagiannya adalah berada di dalam DUN Permatang Pasir. Perancangan pelaksanaan projek fizikal akan hanya dapat ditentukan setelah projek diluluskan kelak.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PENGURUSAN BANJIR DI DUN PERMATANG PASIR (2021-2025)

NO.	NAMA PROJEK DAN LOKASI	KOS PROJEK (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS
2021				
1	Kerja mendalam dan membaiki Sungai Samagagah (sambungan K9-2-10r) dan kerja-kerja berkaitan	18,295.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
2	Kerja menaik taraf parit K6-1a di Kampung Petani dan kerja-kerja berkaitan	81,150.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
3	Kerja mendalam dan membuang enapan di Sungai Jelutong dan kerja-kerja berkaitan	19,820.00	Kerajaan Persekutuan	Siap dilaksanakan
4	Projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di Sungai Permatang Rawa	19,930.00	Kerajaan Persekutuan	Siap dilaksanakan
2022				
5	Kerja menyelenggara parit Kampung Kota dan kerja-kerja berkaitan	19,600.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
6	Kerja menyelenggara parit di kawasan Tanjung Putus dan kerja-kerja berkaitan	19,600.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
7	Kerja pemuliharaan sistem saliran di *borrowpit* Sungai Perai (Pengkalan Tambang) bagi mengurangkan risiko banjir dan kerja-kerja berkaitan	19,950.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan

8	Kerja mendalam dan membaiki parit tanah di Permatang Ara	82,354.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
2023				
9	Kerja pencegahan banjir di *borrowpit* Sungai Perai (dari Belakang Mee Udang ke alor Sungai Jelutong) dan kerja-kerja berkaitan	164,910.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
10	Kerja pemuliharaan tali air utama Skim Pengairan Sungai Kulim bagi mengurangkan risiko banjir dan kerja-kerja berkaitan	35,820.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
11	Kerja penyelenggaraan *online storage* dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Perai (dari Jeti Pengkalan Tambang ke Lebuhraya Sungai Dua)	121,850.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
12	Kerja memulihara saliran bagi mengurangkan risiko banjir di Sungai Ban Bandar dan kerja-kerja berkaitan	50,000.00	Kerajaan Persekutuan	Siap dilaksanakan
2024				
13	Kerja membaik pulih saliran Sungai Sintok dan kerja-kerja berkaitan	49,710.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
14	Kerja membaik pulih saliran Sungai Samagagah dan kerja-kerja berkaitan	49,640.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
15	Kerja membaik pulih saliran anak Sungai Jelutong dan kerja-kerja berkaitan bagi mengurangkan risiko banjir di Kampung Kota	49,710.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan

16	Kerja menaik taraf lintasan dan kerja-kerja berkaitan di parit 1/3r, Tanjung Putus (K2B)	31,850.00	Kerajaan Negeri	Siap dilaksanakan
2025				
17	Menaik taraf sistem perparitan dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Permatang Ara	199,950.00	Kerajaan Persekutuan	Dalam pelaksanaan. Jangka siap Disember 2025.
18	Menaik taraf sistem perparitan dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Permatang Rambai	200,000.00	Kerajaan Persekutuan	Dalam pelaksanaan. Jangka siap Disember 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

10. Berapakah kadar hujan tahunan (mm) di DUN Permatang Pasir bagi tahun 2020 hingga 2025?

    (a) Nyatakan nilai hujan bulanan tertinggi dan terendah serta purata tahunan.

    (b) Jelaskan trend meningkat / menurun dan implikasi terhadap banjir, pertanian dan sistem perparitan.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Jumlah hujan tahunan pada tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti dalam jadual di bawah:

Tahun	Jumlah Hujan Tahunan (mm)
2020	2,160.8
2021	1,786.0
2022	2,073.2
2023	1,969.0
2024	2,149.6
2025	1,904.2

Secara amnya, berdasarkan perbandingan dengan purata hujan tahunan jangka panjang (1991 – 2020), DUN Permatang Pasir menerima jumlah hujan tahunan dalam julat purata sepanjang tempoh dari tahun 2020 hingga 2025. Pengelasan jumlah hujan

purata ialah peningkatan atau pengurangan dalam lingkungan ±20% berbanding jumlah purata hujan jangka panjang.

(a) Berdasarkan stesen pencerapan meteorologi terdekat, iaitu Prai, dari tahun 2018 hingga 2025, jumlah hujan bulanan tertinggi yang direkodkan ialah 328.2mm, iaitu pada Januari 2018 (tiada hujan bulanan tertinggi ekstrim direkodkan dalam tahun 2020 hingga 2025). Manakala jumlah hujan bulanan terendah yang direkodkan ialah 1.0mm, iaitu pada Januari 2022. Purata hujan tahunan ialah 2,175.9mm (Purata jangka panjang ialah dari tahun 1991 – 2020).

(b) Secara umumnya, taburan hujan di kawasan utara Semenanjung Malaysia menunjukkan trend meningkat dari tahun 1951 hingga 2023 seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, peningkatan jumlah hujan tidak begitu ketara sekiranya dibandingkan dengan peningkatan suhu dalam tempoh yang sama.

Trend hujan yang meningkat menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk berlaku hujan lebat dengan lebih kerap yang boleh mengakibatkan banjir di kawasan pertanian, terutamanya di kawasan tanah rendah. Keadaan ini boleh merosakkan infrastruktur penting seperti saliran, terusan dan tanah pertanian yang memerlukan kos pembaikan yang tinggi. Kawasan pertanian di cerun bukit akan mengalami risiko tanah runtuh jika hujan lebat berpanjangan. Kelembapan udara yang tinggi akibat hujan berterusan juga boleh meningkatkan risiko serangan kulat dan penyakit lain pada tanaman, seterusnya mengurangkan kualiti hasil.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) akan sentiasa mengemaskini maklumat cuaca serta menyalurkan ramalan dan amaran awal cuaca dari semasa ke semasa. Maklumat-maklumat ini akan disebarkan melalui laman web rasmi, aplikasi *mobile* myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia.

LAMPIRAN A


Annual Rainfall Trend for North Peninsula
y = 3.3694x + 2174.3
Rainfall (mm)
3500
3000
2500
2000
1500
1000
500
0
1951
1953
1955
1957
1959
1961
1963
1965
1967
1969
1971
1973
1975
1977
1979
1981
1983
1985
1987
1989
1991
1993
1995
1997
1999
2001
2003
2005
2007
2009
2011
2013
2015
2017
2019
2021
2023
Year

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

11. Berapakah jumlah kos keseluruhan yang dibayar untuk membangunkan sistem Penang Smart Qariah yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang?

    (a) Nyatakan syarikat pembangun sistem ini serta mod perolehan / tender.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Penang Smart Qariah merupakan aplikasi mudah alih yang dibangunkan bagi kegunaan anak kariah di Negeri Pulau Pinang. Aplikasi ini berfungsi untuk membolehkan ahli kariah mendaftar, mengemas kini maklumat diri, mendapatkan info semasa, berinfak serta berinteraksi dengan pihak masjid secara dalam talian. Aplikasi ini juga dihubungkan secara langsung dengan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP, menjadikannya salah satu komponen utama dalam ekosistem pendigitalan pengurusan masjid dan kariah yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Berkaitannya, kos pembangunan aplikasi Penang Smart Qariah ini adalah termasuk dalam kos keseluruhan pembangunan SPB MAINPP berjumlah RM2,278,800.00 meliputi 216 masjid dan tidak melibatkan peruntukan tambahan yang berasingan.

    (a) Pembangunan aplikasi ini dibangunkan oleh syarikat Myrich Dynasty Network Sdn. Bhd., iaitu syarikat yang sama dalam membangunkan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP. Pembangunan aplikasi ini

dilaksanakan sebagai sebahagian daripada modul tambahan SPB MAINPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

12. Apakah permainan pickleball dikategorikan sebagai sukan atau hiburan?

    (a) Adakah pembukaan gelanggang pickleball perlu lesen hiburan atau lesen olahraga / lesen awam lain?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Berdasarkan Surat Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 yang bertajuk "Tambahan Kepada Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2023: Senarai Sukan Di Bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576)", sukan Pickleball telah disenaraikan sebagai salah satu sukan di bawah Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023, yang merangkumi 103 jenis sukan secara keseluruhan.

    Namun, sukan Pickleball berdasarkan Undang-undang Kecil Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dikelaskan sebagai aktiviti hiburan.

    (a) Ya, pembukaan gelanggang Pickleball memerlukan lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui MBPP, sukan ini dikategorikan di bawah lesen hiburan kerana ia melibatkan pertandingan sukan dan juga dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil Tred Perniagaan dan Establishment Makanan 1991 serta Undang-undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000.

Manakala, melalui MBSP, pembukaan gelanggang Pickleball adalah tertakluk kepada keperluan Lesen Hiburan Awam di bawah Enakmen Hiburan Awam Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Jadual Kedua (Peraturan 8), Bahagian I, Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

13. Berapakah jumlah tangkapan melibatkan penagihan dadah di Parlimen Permatang Pauh sejak tahun 2020 hingga kini mengikut pecahan jenis dadah, umur dan kaum?

    (a) Apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan bilangan penagih dan mengatasi masalah penagih baru?

    (b) Apakah usaha melibatkan ADUN dalam perbincangan dengan AADK?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Jumlah tangkapan kes penyalahgunaan dadah di kawasan Parlimen Permatang Pauh bagi tempoh tahun 2020 hingga kini adalah sebanyak 2,307 kes. Perincian tangkapan mengikut pecahan jenis dadah, kategori umur dan kaum adalah seperti **LAMPIRAN A**.

    (a) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah melalui program pencegahan dan pemulihan seperti:

        (i) Program pemulihan dan rawatan yang menggunapakai Model i-Pulih yang diperkasa di

setiap daerah yang merangkumi sembilan (9) komponen iaitu rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan, pembentukan fizikal dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, sivik dan tatanegara, latihan kemahiran dan vokasional, agama dan spiritual, sosial dan rekreasi serta integrasi masyarakat;

(ii) Program sokongan keluarga seperti Program Kelompok Sokongan Keluarga Kepulihan, Program *Family on Alert* dan Program Sesi Lawatan Keluarga;

(iii) Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya yang dilaksanakan di sekolah-sekolah dan menyasarkan pelajar berumur antara 13 hingga 18 tahun; dan

(iv) Program Intelek Asuhan Rohani untuk murid sekolah rendah tahap dua iaitu berumur antara 10 hingga 12 tahun yang berisiko. Matlamat program ini adalah untuk membina kesedaran serta daya tahan diri terhadap pengaruh penyalahgunaan dadah.

(b) Pihak AADK Pulau Pinang sentiasa memberi kerjasama dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah dan akan sentiasa bekerjasama bersama ADUN bagi menangani isu penagihan dadah.

LAMPIRAN A

PERINCIAN TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DARIPADA 2020 HINGGA KINI MENGIKUT UMUR

UMUR	SEBERANG JAYA (KES)	PERMATANG PASIR (KES)	PENANTI (KES)	JUMLAH KESELURUHAN
19 TAHUN KEBAWAH	40	3	10	53
20 - 39 TAHUN	690	73	106	869
40- 59 TAHUN	364	32	64	460
60 TAHUN KEATAS	24	1	2	27
JUMLAH KESELURUHAN	**1,118**	**109**	**182**	**1,409**

PERINCIAN TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DARIPADA 2020 HINGGA KINI MENGIKUT KAUM

KAUM/KAWASAN	SEBERANG JAYA	PERMATANG PASIR	PENANTI	JUMLAH
MELAYU	810	107	169	1,086
CINA	115	2	7	124
INDIA	157	0	5	162
LAIN-LAIN	6	0	0	6
BUKAN WARGANEGARA	30	0	1	31
JUMLAH	**1,118**	**109**	**182**	**1,409**

PERINCIAN TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DARIPADA 2020 HINGGA KINI MENGIKUT JENIS DADAH

JENIS DADAH/KAWASAN	SEBERANG JAYA	PERMATANG PASIR	PENANTI	JUMLAH
METHAMPHETAMINE	544	58	94	696
HEROIN	221	32	64	317
CANNABIS	96	7	5	108
MITRAGYNINE	238	12	19	269
KETAMINE	2	0	0	2
ERIMIN 5	14	0	0	14
PIL YABA/WY	3	0	0	3
JUMLAH	**1,118**	**109**	**182**	**1,409**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

14. Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengatasi limpahan air di Jalan Penanti setiap kali hujan lebat yang menyebabkan banjir di Taman Penanti, khususnya di Lorong Penanti 7, sehingga menjejaskan harta benda penduduk?

    (a) Nyatakan punca utama berlaku masalah di sini.

    (b) Jelaskan pelan penyelesaian jangka panjang mengatasi masalah ini.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), didapati infrastruktur serta kapasiti longkang di sepanjang jajaran Jalan Penanti masih berfungsi dengan baik. Setakat ini, sistem perparitan sedia ada mampu menyalurkan aliran air dengan berkesan tanpa sebarang isu ketara dilaporkan.

    (a) Semakan oleh JKRPP mendapati bahawa punca utama berlakunya kejadian banjir di Lorong Penanti 7, Taman Penanti adalah seperti berikut:

        (i) Sistem perparitan sedia ada tidak mencukupi. Saluran longkang dan parit di kawasan Lorong Penanti 7, Taman Penanti berkapasiti kecil dan tidak dapat menampung aliran air hujan yang banyak ketika hujan lebat;

(ii) Kecerunan tanah yang rendah. Kawasan ini berada di dataran rendah yang menyebabkan aliran air keluar menjadi perlahan dan mudah bertakung terutama apabila hujan berterusan; dan

(iii) Kebersihan dan penyelenggaraan longkang. Parit dan longkang mengalami mendapan, tumbuhan liar serta tersumbat akibat sampah atau sedimen yang mengurangkan kecekapan aliran air. Selain itu, JKRPP juga mendapati terdapat laluan haram yang dibina di atas longkang yang menyebabkan kecekapan aliran air telah berkurang.

(b) Penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di Lorong Penanti 7, Taman Penanti memerlukan:

(i) Penaiktarafan sistem perparitan Taman Penanti dengan membina dan memperbesarkan longkang konkrit di kawasan tersebut bagi menampung kapasiti aliran air hujan;

(ii) Pelaksanaan kerja pendalaman (desilting) dan pembersihan berkala parit dan longkang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan parit dan longkang tidak tersumbat; dan

(iii) Pelaksanaan kajian kejuruteraan dan pelan mitigasi banjir menyeluruh oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) merangkumi kajian hidrologi dan topografi bagi merancang sistem saliran baharu secara menyeluruh di kawasan Penanti.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

15. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap masa depan Pasar Awam Permatang Pauh sama ada membina baharu di lokasi lain atau menaik taraf di tapak sedia ada?

    (a) Nyatakan justifikasi keputusan dibuat.

    (b) Jelaskan pelan pelaksanaan, penempatan sementara dan tarikh siap projek.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai cadangan untuk membina pasar awam baharu di lokasi lain iaitu di atas tanah milik Kerajaan Negeri di Lot 1272, 1273, 2051, sebahagian Lot 754 dan sebahagian Lot 2054, Sama Gagah, Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang berkeluasan sebanyak 8,172.2 meter persegi.

    Namun demikian, permohonan pemberimilikan tanah bagi tujuan tersebut telah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 25/2025 pada 04 September 2024 dan disahkan pada 11 September 2024.

    Susulan penolakan itu, MBSP telah meneliti semula keperluan projek dan mendapati bahawa pada masa ini tiada tapak baharu yang sesuai untuk pembangunan pasar awam berkenaan dan tiada perancangan menaik taraf pasar sedia ada. Pihak MBSP

akan mempertimbangkan dan mengkaji semula cadangan pembinaan semula pasar awam tersebut sekiranya terdapat tapak yang memenuhi keperluan dan kesesuaian pada masa hadapan.

(a) Permohonan cadangan tersebut telah ditolak kerana lot-lot tanah tersebut adalah diperuntukkan untuk pembinaan masjid baharu di kawasan Permatang Pauh.

(b) Sehingga kini, pihak MBSP belum mempunyai sebarang pelan pelaksanaan, penempatan sementara atau tarikh siap projek bagi pembinaan pasar awam baharu kerana ketiadaan tapak kosong yang sesuai di Permatang Pauh atau kawasan berhampiran.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

16. Apakah usaha Kerajaan Negeri menaik taraf atau membina kemudahan sukan seperti padang bola, gelanggang futsal, sepak raga tuju dan dewan serbaguna di DUN Permatang Pasir?

    (a) Nyatakan lokasi, kos dan status projek.

    (b) Huraikan pelan penyelenggaraan serta program penggunaan komuniti / belia, termasuk jadual tempahan dan indikator kadar guna.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Bagi fasiliti sukan di kawasan DUN Permatang Pasir, Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan projek-projek menaik taraf kemudahan sukan sekiranya terdapat permohonan yang sewajarnya.

    Terdapat sebanyak 17 fasiliti sukan di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) dan beberapa lagi di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Usaha MBSP untuk menaik taraf atau membina kemudahan sukan seperti padang bola, gelanggang futsal, sepak raga tuju dan dewan serba guna di kawasan DUN Permatang Pasir juga adalah seperti berikut:-

    (a) Mensyaratkan kepada pihak pemaju untuk menyediakan kemudahan awam bagi setiap cadangan pembangunan di

kawasan ini bagi memenuhi keperluan komuniti setempat; dan

(b) Memudah cara dalam proses pembangunan kepada agensi-agensi luar yang mempunyai perancangan untuk membina kemudahan awam di kawasan ini.

(i) Bagi tahun 2025, tiada sebarang projek menaik taraf fasiliti sukan di DUN Permatang Pasir dan PDTSPT serta MBSP juga masih belum mempunyai perancangan untuk membina dan menaik taraf sukan di kawasan terbabit;

(ii) Pentadbiran gelanggang sukan PDTSPT adalah di bawah tanggungjawab Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan penggunaan gelanggang akan diuar-uarkan dari semasa ke semasa. Sementara itu, bagi mana-mana projek baharu di bawah MBSP kelak, pelan penyelenggaraan serta program penggunaan komuniti dan belia, termasuk jadual tempahan dan indikator kadar penggunaan akan ditetapkan apabila terdapat projek baharu tersebut dibangunkan dan mula digunakan oleh masyarakat setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

17. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mencungkil bakat baharu sukan di Pulau Pinang?

    (a) Nyatakan program bakat akar umbi mengikut sukan, umur dan daerah, termasuk pihak yang menguruskannya.

    (b) Jelaskan peruntukan dan sasaran yang dirancang.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa berusaha dalam mencungkil bakat baharu sukan di negeri ini. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

    (i) Melaksanakan program Klinik Pengenalan Sukan bagi menggalakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi untuk merangsang penjanaan bilangan atlet-atlet pelapis negeri;

    (ii) Melaksanakan program Pengenalan Sukan (Sukan Massa) kepada masyarakat setempat dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri, pertubuhan bukan kerajaan dan kelab-kelab sukan di semua lapisan masyarakat; dan

(iii) Menjalankan kerjasama bersama pihak berkaitan seperti Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Majlis Sukan Negara dan lain-lain agensi / pihak untuk melaksanakan beberapa program kerjasama seperti Program Bakat Pelapis, Program Pembangunan Olimpik dan sebagainya.

(a) Program Bakat Akar Umbi yang dilaksanakan buat masa ini adalah di bawah seliaan MSNPP dengan kerjasama beberapa pihak lain. Program ini tidak dilaksanakan mengikut daerah tetapi disasarkan kepada semua golongan muda di negeri ini. Perincian program tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

(b) Sasaran utama MSNPP dalam program-program di Lampiran A adalah bertujuan memberi pengenalan serta pendedahan awal kepada masyarakat tentang aktiviti- aktiviti sukan. Kerjasama dengan beberapa pihak berkaitan turut dilaksanakan seperti JPNPP bagi mencungkil bakat pelajar-pelajar dan generasi muda di negeri ini.

Peruntukan yang disediakan oleh MSNPP adalah merangkumi pembiayaan seperti yang berikut:

Jenis Elaun	Jumlah (RM)
Jurulatih	700.00 (per bulan)
Pertandingan	4,000.00
Kem Bakat Negeri	20,000.00
Peralatan Latihan	10,000.00
Sewaan Kawasan Latihan	15,000.00

Melalui MMK Sukan juga, sejumlah peruntukan RM350,000.00 telah disediakan pada tahun 2025 bagi membantu mana-mana persatuan sukan membangunkan lagi sukan di negeri ini.

LAMPIRAN A

PROGRAM SUKAN BAKAT AKAR UMBI NEGERI PULAU PINANG

Jenis Program	Umur	Jenis Sukan
Program Pembangunan Pelapis Negeri	18 hingga 21 tahun	Angkat Berat, Gimnastik Artistik, Gimnastik Gimrama, Judo, Karate, Lawn Bowls, Menembak, Pelayaran, Ping Pong, Tenpin Bowling, Tinju dan Wushu
Program Pembangunan Bakat	13 hingga 17 tahun	Angkat Berat, Gimnastik Artistik, Gimnastik Gimrama, Judo, Karate, Lawn Bowls, Menembak, Pelayaran, Ping Pong, Tenpin Bowling, Tinju dan Wushu
Pembangunan sukan Olimpik	13 hingga 21 tahun	Akuatik Renang, Akuatik Terjun, Badminton, Berbasikal, Memanah, Olahraga, Skuasy dan Taekwondo

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

18. Berapakah jumlah bantuan kebajikan disalurkan kepada golongan miskin dan miskin tegar di DUN Permatang Pasir dari tahun 2023 sehingga kini?

    (a) Pecahkan mengikut jenis bantuan: tunai, bakul makanan, sewa, pendidikan dan kesihatan.

    (b) Nyatakan inisiatif baharu berserta peruntukan, sasaran penerima dan KPI keberhasilan yang dirancang oleh kerajaan.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Pemberian bantuan kebajikan kepada golongan miskin dan miskin tegar adalah mengikut kesesuaian penerima serta skim bantuan yang dipohon atau ditawarkan.

    (a) Jumlah bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Daerah dan Tanah bagi DUN Permatang Pasir dari tahun 2023 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Bagi data yang menunjukkan kosong bermaksud tiada permohonan Bantuan Bina Baru, Bantuan Naik taraf Rumah dan Bantuan Peralatan yang diluluskan bagi DUN Permatang Pasir disebabkan pemohon tidak layak kerana didapati telah menerima bantuan daripada agensi lain atau tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

    (b) Berdasarkan data eKasih bertarikh 1 November 2025, Pulau Pinang telah menunjukkan sifar kemiskinan tegar. Namun

begitu, isu kemiskinan bersifat dinamik dan memerlukan pemantauan berterusan agar isi rumah berpendapatan rendah tidak kembali terjerumus ke dalam kemiskinan akibat faktor seperti kehilangan pekerjaan, penyakit atau bencana.

Bagi memastikan kesejahteraan sosial rakyat terus diperkukuh dan isi rumah berpendapatan rendah kekal berdaya tahan, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan beberapa strategi utama, antaranya:

(i) Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat (FGD) di peringkat daerah bagi menyelaraspelaksanaan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat serta mengenal pasti isu dan cabaran di peringkat akar umbi;

(ii) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan peningkatan kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) daripada RM260.00 kepada RM322.00 mulai 1 Januari 2025. Bantuan diberikan antara RM100.00 hingga RM1,300.00 sebulan bergantung kepada kelayakan;

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) melalui Projek Khas Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah; dan

(iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin (PBRRT) di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar yang menyediakan kediaman selamat dan selesa kepada golongan berpendapatan rendah. Kos pembinaan rumah baharu diperuntukkan sehingga RM75,000.00 seunit, manakala baik pulih rumah sehingga RM42,000.00 seunit.

STATISTIK PENERIMA BANTUAN BAGI DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2023 HINGGA OKTOBER 2025 BAGI DUN PERMATANG PASIR						
SKIM BANTUAN	**2023**		**2024**		**Sehingga 31 Oktober 2025**	
	BIL. PENERIMA	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**	**BIL. PENERIMA**	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**	**BIL. PENERIMA**	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**
Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)	0	0	8	4,358	15	11,050.00
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	25	15,600	26	15,750	25	15,750.00
Bantuan Warga Emas (BWE)	82	49,200	83	49,800	73	43,800.00
Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	112	50,400	114	51,300	115	51,750.00
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	80	24,000	81	24,300	70	21,000.00
Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar Dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT)	37	18,500	38	19,000	31	15,500.00
Jumlah	**336**	**157,700.00**	**350**	**164,508.00**	**329**	**158,850.00**

STATISTIK PENERIMA BANTUAN BAGI DARIPADA PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2023 HINGGA OKTOBER 2025 BAGI DUN PERMATANG PASIR						
Jenis Bantuan	**2023**		**2024**		**Sehingga 31 Oktober 2025**	
	BIL. PENERIMA	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**	**BIL. PENERIMA**	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**	**BIL. PENERIMA**	**JUMLAH PERBELANJAAN (RM)**
Bantuan Bina Baru	4	RM233,050.00	-	-	-	-
Bantuan Naiktaraf Rumah	-	-	-	-	-	-
Bantuan Peralatan	6	RM15,270.00	1	RM2,590.00	-	-
Jumlah	**10**	**RM248,320.00**	**1**	**RM2,590.00**	**0**	**RM0.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

19. Dalam usaha menarik pelaburan baharu, bagaimana Kerajaan Negeri memastikan golongan belia turut diberi peluang dalam sektor perniagaan dan teknologi?

    (a) Adakah insentif khas ditawarkan kepada syarikat yang menggaji atau bekerjasama dengan usahawan muda tempatan?

    (b) Adakah Pulau Pinang bercadang mewujudkan hab khas untuk usahawan muda?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Dalam usaha menarik pelaburan baharu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan usaha bagi memastikan golongan belia turut diberi peluang dalam sektor perniagaan dan teknologi sejajar dengan visi Penang2030.

    Melalui InvestPenang, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi membantu mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, khususnya kepada golongan belia dalam sektor kemahiran dan teknologi. Antara langkah utama yang diambil ialah:

    (i) Memberi fasilitasi kepada pelabur baharu dalam pelaksanaan projek bagi memastikan pewujudan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dapat dikekalkan secara berterusan. Selain itu, InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat multinasional (MNC) untuk melokalisasikan rantaian

bekalan (supply chain localization) serta melaksanakan program *business matching* yang membuka ruang penyertaan kepada syarikat tempatan dan usahawan muda; dan

(ii) Menjalinkan kerjasama berterusan dengan agensi kerajaan dan pelabur sedia ada bagi mempromosi pelaburan baharu serta memperkukuh pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS). Langkah ini membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan termasuk golongan belia.

Selain itu, Penang CAT Centre di bawah InvestPenang turut berperanan membantu pencari kerja tempatan melalui kempen *My Penang, My Workplace*. Pusat ini menyediakan perkhidmatan *padanan kerja (*job matching*)*, promosi peluang kerjaya serta bekerjasama dengan Penang STEM dalam mempromosikan program *Technical Skills Learning* (TSL) bagi meningkatkan kemahiran belia tempatan.

Dalam memperkukuh penglibatan belia dalam sektor digital dan keusahawanan berasaskan teknologi, Digital Penang melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk program *StartupPenang500* yang memberi tumpuan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan usahawan muda. Program ini memberi pendedahan kepada inovasi, bimbingan industri serta akses kepada ekosistem digital bagi melahirkan generasi usahawan muda yang berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital negeri.

(a) Sebagai sebahagian daripada inisiatif *PSD@5KM+*, Ruang Penyelidikan dan Inkubasi Silikon (Silicon Research and Incubation Space) berfungsi sebagai hab sehenti untuk mempercepatkan pertumbuhan syarikat permulaan (start-up) reka bentuk cip dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Inisiatif ini menawarkan pakej insentif bersasar kepada syarikat tempatan termasuk usahawan muda melalui kemudahan ruang pejabat, akses kepada alatan EDA *(Electronic Design Automation)*, perkhidmatan *multi-project wafer* (MPW), makmal pasca silikon serta program latihan dan bimbingan industri.

(b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum mempunyai perancangan untuk menubuhkan hab khas bagi usahawan muda. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus memanfaatkan fasiliti dan platform sedia ada seperti Digital Penang dan InvestPenang bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan, bimbingan serta pemerkasaan belia dalam sektor teknologi dan perniagaan digital.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

20. Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah di kawasan perumahan DUN Permatang Pasir?

    (a) Senaraikan kekerapan jenayah yang sering berlaku di DUN ini dari tahun 2023 sehingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Berikut adalah usaha yang di ambil dalam dalam meningkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah di kawasan perumahan DUN Permatang Pasir :

    (i) Kempen Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat.
    Lebih banyak kempen kesedaran yang di jalankan oleh PDRM melalui Program AMANITA iaitu dengan menyampaikan maklumat dan risalah di kawasan bangunan perniagaan dan kawasan perumahan.

    Mengadakan ceramah di peringkat sekolah dan komuniti yang di sampaikan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan Pegawai Perhubungan Masijd yang di lantik di kalangan Pegawai Polis.

    (ii) Tingkatkan Kerjasama dengan Komuniti.
    Berkerjasama seperti tingkatkan rondaan dengan kerjasama komuniti setempat seperti rondaan bersama Rukun Tetangga (RT) dan RELA.

(a) Berikut merupakan jumlah keseluruhan kes dari tahun 2023 sehingga September 2025 Parlimen Permatang Pauh. Tiada kes direkod dibawah DUN Permatang Pasir.

Bil	DUN	JENAYAH	JUMLAH
1	Penanti	Ugutan Jenayah	1
2	Seberang Jaya	Rogol	2
		Curi Kenderaan	3
		Curi Dalam Bangunan	3
		Mendatangkan Cedera	2
		Judi	2
3	Permatang Pasir	Tiada	0

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

21. Nyatakan jumlah penerima bantuan zakat persekolahan dan kemasukan IPT bagi 2020 hingga 2024, mengikut tahun dan DUN.

    (a) Nyatakan kriteria kelayakan, kadar bantuan dan peratus kelulusan berbanding permohonan.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Jumlah penerima bantuan zakat persekolahan dan kemasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi tahun 2020 hingga 2024 mengikut tahun dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Peratus Kelulusan berbanding permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Kriteria kelayakan dan kadar bantuan bagi Skim Awal Persekolahan, Skim Pakaian Seragam dan Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah seperti berikut:

        (a) Kriteria kelayakan bagi Skim Awal Persekolahan:

            (i) Bermastautin di Pulau Pinang;

            (ii) Penerima Skim Bantuan Bulanan Zakat MAINPP – kelayakan bermula 1 orang anak bersekolah;

(iii) Pendapatan RM1,800 dan ke bawah – kelayakan bermula 2 orang anak bersekolah; atau

(iv) Pendapatan RM2,500 dan ke bawah – kelayakan bermula 3 orang anak bersekolah; atau

(v) Pendapatan RM2,750 dan ke bawah – kelayakan bermula 4 orang anak bersekolah; atau

(vi) Pendapatan RM3,000 dan ke bawah – kelayakan bermula 5 orang anak bersekolah dan ke atas.

(b) Kadar bantuan bagi Skim Awal Persekolah adalah seperti berikut:

(i) Sekolah Rendah – RM250.00 seorang pelajar; dan

(ii) Sekolah Menengah – RM300.00 seorang pelajar

(c) Kriteria kelayakan bagi Skim Pakaian Seragam (Pembelian Tanpa Tunai):

(i) Bermastautin di Pulau Pinang;

(ii) Pelajar dipilih oleh pihak Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah; dan

(iii) Pendapatan RM3,000 ke bawah.

(d) Kadar bantuan bagi Skim Pakaian Seragam (Pembelian Tanpa Tunai) adalah seperti berikut:

(i) Setiap pelajar menerima RM100; dan

(ii) Penebusan dilakukan oleh ketua keluarga di 24 premis seluruh daerah.

(e) Kriteria kelayakan bagi Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT):

(i) Bermastautin di Pulau Pinang;

(ii) Mendapat surat tawaran permulaan masuk ke IPT peringkat Tingkatan 6 Bawah/Sijil/Matrikulasi, Diploma Kolej Vokasional (KV), Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja; dan

(iii) Permohonan sekali sahaja bagi setiap kategori.

(f) Kadar Bantuan bagi Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah seperti berikut:

(i) Tingkatan 6 Bawah/Sijil/Matrikulasi – RM800

(ii) Diploma Kolej Vokasional (KV) – RM900

(iii) Diploma – RM1,000

(iv) Ijazah Sarjana Muda – RM1,200

*Tambahan RM200 setiap kategori jika belajar di Sabah/ Sarawak

LAMPIRAN A

BILANGAN PENERIMA DAN JUMLAH PERBELANJAAN
SKIM AWAL PERSEKOLAHAN, SKIM PAKAIAN SERAGAM (PEMBELIAN TANPA TUNAI), SKIM PERMULAAN IPT & SKIM DERMASISWA PENGAJIAN 2020 HINGGA 2024

	DUN	2020						2021						2022					
		AWAL SEKOLAH		PERMULAAN IPT		DERMASISWA		AWAL SEKOLAH		PERMULAAN IPT		DERMASISWA		AWAL SEKOLAH		PERMULAAN IPT		DERMASISWA	
		BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH
1	PENAGA	399	253,900.00	298	251,650.00	72	386,500.00	7	6,650.00	215	195,400.00	194	755,500.00	363	244,150.00	195	173,800.00	208	759,500.00
2	BERTAM	205	127,700.00	304	262,200.00	68	420,500.00	2	1,300.00	197	184,600.00	153	643,500.00	165	112,850.00	156	142,400.00	168	701,500.00
3	PINANG TUNGGAL	437	270,450.00	454	394,500.00	75	458,000.00	7	6,150.00	288	253,100.00	207	920,000.00	388	256,500.00	244	210,700.00	218	914,500.00
4	PERMATANG BERANGAN	420	254,600.00	334	286,500.00	80	386,500.00	9	5,950.00	228	204,500.00	189	742,500.00	349	230,950.00	244	219,300.00	209	805,500.00
5	SUNGAI DUA	314	191,000.00	303	271,000.00	47	260,000.00	6	4,750.00	178	157,400.00	136	519,500.00	270	171,750.00	136	118,000.00	131	502,500.00
6	TELOK AYER TAWAR	209	131,050.00	196	171,200.00	37	163,500.00	4	3,550.00	107	97,600.00	93	363,500.00	157	103,050.00	112	100,600.00	94	331,000.00
7	SUNGAI PUYU	55	33,300.00	37	31,600.00	2	7,000.00	1	1,100.00	30	27,300.00	3	10,500.00	41	25,050.00	16	15,400.00	15	50,500.00
8	BAGAN JERMAL	137	81,800.00	54	47,100.00	8	27,500.00	0	-	29	26,100.00	26	92,500.00	124	79,500.00	30	25,900.00	16	55,000.00
9	BAGAN DALAM	57	33,900.00	35	32,000.00	4	18,500.00	1	1,150.00	25	20,400.00	7	24,500.00	53	31,900.00	23	20,800.00	10	33,000.00
10	SEBERANG JAYA	509	306,750.00	493	428,500.00	55	334,500.00	8	4,900.00	250	221,100.00	151	667,000.00	382	240,600.00	269	236,200.00	169	670,500.00
11	PERMATANG PASIR	341	206,150.00	304	267,900.00	63	391,500.00	7	4,950.00	186	156,600.00	137	598,500.00	272	173,900.00	162	138,500.00	161	616,000.00
12	PENANTI	368	233,100.00	226	196,300.00	45	190,500.00	5	4,150.00	172	151,900.00	83	314,000.00	307	201,950.00	119	105,300.00	100	387,000.00
13	BERAPIT	14	8,200.00	13	11,600.00	1	3,500.00	0	-	14	11,000.00	10	33,000.00	7	4,600.00	4	3,200.00	4	13,000.00
14	MACHANG BUBOK	463	283,050.00	307	263,800.00	67	344,500.00	7	5,550.00	194	170,500.00	119	521,000.00	341	214,450.00	173	150,100.00	127	481,500.00
15	PADANG LALANG	101	60,550.00	51	41,800.00	9	31,000.00	1	850.00	32	26,800.00	14	53,500.00	66	43,350.00	30	29,800.00	16	55,500.00
16	PERAI	21	12,750.00	47	39,000.00	8	46,500.00	0	-	31	26,300.00	20	93,000.00	26	16,950.00	21	17,000.00	20	83,000.00
17	BUKIT TENGAH	225	138,250.00	150	130,600.00	22	100,500.00	0	-	93	81,400.00	34	136,500.00	182	113,550.00	74	62,100.00	50	173,000.00
18	BUKIT TAMBUN	128	79,450.00	124	100,400.00	25	112,500.00	3	1,950.00	76	65,400.00	50	195,000.00	96	63,700.00	76	68,000.00	54	219,500.00
19	JAWI	190	120,600.00	199	172,300.00	16	96,500.00	2	1,250.00	135	122,400.00	43	181,000.00	160	110,250.00	92	80,900.00	43	159,000.00
20	SUNGAI BAKAP	372	234,350.00	313	271,600.00	44	250,500.00	7	5,550.00	168	146,200.00	95	416,500.00	264	175,750.00	149	127,500.00	97	378,500.00
21	SUNGAI ACHEH	188	115,450.00	129	111,200.00	16	68,500.00	4	3,600.00	94	84,500.00	43	158,000.00	123	77,300.00	67	57,800.00	49	165,500.00
22	TANJONG BUNGA	67	38,050.00	70	58,500.00	9	35,000.00	0	-	39	32,900.00	21	72,000.00	53	32,500.00	32	27,200.00	31	104,000.00
23	AIR PUTIH	52	31,400.00	25	20,500.00	6	19,500.00	0	-	16	13,400.00	9	34,000.00	42	25,500.00	21	18,400.00	9	31,000.00
24	KEBUN BUNGA	2	1,350.00	3	2,800.00	0	-	0	-	3	3,200.00	0	-	1	700.00	1	1,000.00	0	-
25	P ULAU TIKUS	13	8,700.00	6	5,200.00	3	9,500.00	0	-	4	3,000.00	7	23,500.00	11	7,500.00	1	800.00	7	24,500.00
26	PADANG KOTA	11	5,850.00	19	17,000.00	13	35,500.00	0	-	5	5,400.00	10	33,000.00	5	2,400.00	8	6,600.00	14	65,500.00
27	PENGKALAN KOTA	1	450.00	2	1,400.00	0	-	0	-	2	1,600.00	1	2,500.00	2	850.00	3	2,700.00	0	-
28	KOMTAR	50	31,200.00	12	10,300.00	1	8,000.00	0	-	20	17,200.00	5	21,000.00	27	19,450.00	20	16,900.00	3	9,500.00
29	DATOK KERAMAT	68	40,550.00	57	50,800.00	28	143,500.00	3	1,850.00	40	34,000.00	42	181,000.00	56	34,450.00	31	26,100.00	42	165,500.00
30	SUNGAI PINANG	138	83,550.00	157	140,700.00	27	133,500.00	3	2,200.00	113	96,100.00	81	373,500.00	91	60,400.00	101	85,800.00	96	412,000.00
31	BATU LANCANG	4	2,250.00	8	6,600.00	0	-	0	-	10	8,600.00	0	-	3	1,800.00	4	5,800.00	0	-
32	SERI DELIMA	48	30,850.00	92	78,000.00	10	39,500.00	0	-	56	46,700.00	29	103,000.00	47	30,450.00	54	45,100.00	28	96,000.00
33	AIR ITAM	75	45,700.00	67	58,800.00	11	59,500.00	0	-	34	30,800.00	41	169,000.00	48	28,500.00	26	22,200.00	53	194,500.00
34	PAYA TERUBONG	3	2,150.00	3	2,400.00	0	-	0	-	1	800.00	0	-	4	2,850.00	1	800.00	0	-
35	BATU UBAN	103	61,700.00	100	89,100.00	7	24,500.00	3	2,050.00	66	61,400.00	41	140,500.00	79	52,250.00	46	40,200.00	45	163,500.00
36	BATU MAUNG	235	146,350.00	212	182,400.00	9	47,500.00	4	2,850.00	128	111,500.00	44	160,500.00	115	78,050.00	104	90,200.00	40	134,500.00
37	PANTAI JEREJAK	63	41,500.00	103	91,900.00	20	107,000.00			67	57,200.00	62	214,000.00	48	33,400.00	58	49,400.00	56	187,000.00
38	BAYAN LEPAS	331	203,000.00	345	294,500.00	54	209,000.00	4	2,950.00	248	213,300.00	128	486,500.00	193	121,600.00	191	165,500.00	147	526,000.00
39	P ULAU BETONG	195	123,350.00	197	165,000.00	29	163,500.00			105	97,300.00	79	307,000.00	122	76,400.00	80	70,800.00	83	299,500.00
40	TELOK BAHANG	194	114,550.00	118	98,100.00	11	62,000.00	2	1,450.00	78	66,600.00	44	184,500.00	122	80,500.00	57	50,700.00	53	213,000.00
41	LUAR PULAU PINANG	4	2,850.00	155	145,100.00	38	202,500.00			76	71,600.00	133	520,500.00	3	2,500.00	76	72,300.00	172	664,000.00
		6810	4,191,700.00	6126	5,301,850.00	1038	5,398,000.00	100	76,700.00	3853	3,403,100.00	2584	10,465,000.00	5213	3,388,100.00	3309	2,901,800.00	2842	10,825,000.00
		13974			14,891,550.00			6537			13,944,800.00		11364				17,114,900.00		

	DUN	2023								2024							
		AWAL SEKOLAH		PAKAIAN SERAGAM		PERMULAAN IPT		DERMASISWA		AWAL SEKOLAH		PAKAIAN SERAGAM		PERMULAAN IPT		DERMASISWA	
		BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH
1	PENAGA	226	175,100.00	887	133,050.00	266	230,600.00	275	1,047,500.00	259	195,100.00	745	119,429.71	231	239,450.00	333	1,227,000
2	BERTAM	116	85,950.00	733	109,950.00	282	248,900.00	210	810,500.00	118	92,500.00	837	136,901.95	229	232,400.00	371	1,369,500
3	PINANG TUNGGAL	239	184,150.00	1157	173,550.00	457	414,100.00	292	1,137,500.00	274	207,750.00	1291	197,159.88	454	461,200.00	367	1,321,500
4	PERMATANG BERANGAN	239	179,750.00	696	104,400.00	403	353,600.00	323	1,225,000.00	266	200,800.00	651	106,372.25	367	372,900.00	358	1,260,500
5	SUNGAI DUA	189	142,400.00	594	89,100.00	315	284,400.00	200	747,000.00	197	146,000.00	453	76,713.30	216	222,900.00	309	1,089,500
6	TELOK AYER TAWAR	130	95,650.00	643	96,450.00	190	165,100.00	147	535,000.00	111	82,250.00	497	82,514.84	165	166,300.00	133	484,500
7	SUNGAI PUYU	32	24,200.00	188	28,200.00	42	39,100.00	23	82,000.00	21	17,350.00	96	14,299.53	27	26,300.00	38	127,000
8	BAGAN JERMAL	77	55,600.00	409	61,350.00	38	32,000.00	38	129,000.00	90	65,700.00	299	52,955.80	38	36,900.00	37	123,500
9	BAGAN DALAM	43	31,500.00	464	69,600.00	34	32,100.00	14	45,000.00	45	33,850.00	278	45,618.65	25	23,700.00	25	85,500
10	SEBERANG JAYA	278	205,150.00	673	100,950.00	403	349,600.00	220	828,500.00	264	198,050.00	903	146,298.25	329	327,700.00	309	1,066,000
11	PERMATANG PASIR	207	154,750.00	387	58,050.00	328	279,500.00	230	829,000.00	208	159,000.00	521	85,903.55	234	244,900.00	214	738,000
12	PENANTI	196	149,750.00	701	105,150.00	251	226,200.00	148	543,000.00	204	158,400.00	816	140,094.10	224	225,800.00	284	975,500
13	BERAPIT	12	9,000.00	125	18,750.00	17	13,600.00	4	14,000.00	11	8,600.00	159	23,720.90	20	19,500.00	15	47,500
14	MACHANG BUBOK	254	191,150.00	969	145,350.00	294	263,900.00	182	698,500.00	245	184,200.00	810	141,110.45	206	208,500.00	210	733,500
15	PADANG LALANG	53	41,950.00	315	47,250.00	42	36,600.00	27	99,000.00	56	40,050.00	244	37,927.45	58	61,400.00	53	189,000
16	PERAI	17	11,150.00	193	28,950.00	44	41,900.00	31	124,500.00	19	13,250.00	160	29,118.90	27	26,400.00	42	146,500
17	BUKIT TENGAH	115	84,650.00	448	67,200.00	141	119,600.00	88	300,000.00	136	95,650.00	304	48,613.90	125	124,400.00	125	420,000
18	BUKIT TAMBUN	56	40,700.00	368	55,200.00	134	120,400.00	90	312,500.00	71	53,300.00	398	68,063.80	82	82,700.00	105	366,500
19	JAWI	105	84,000.00	517	77,550.00	217	197,800.00	76	327,000.00	115	88,900.00	499	87,893.63	206	212,200.00	124	428,500
20	SUNGAI BAKAP	200	158,500.00	900	135,000.00	313	270,800.00	151	530,000.00	208	160,900.00	896	143,089.25	281	283,900.00	261	890,000
21	SUNGAI ACHEH	95	70,250.00	493	73,950.00	155	134,700.00	68	233,500.00	113	82,950.00	687	99,589.90	105	105,700.00	172	651,500
22	TANJONG BUNGA	39	27,250.00	418	62,700.00	56	49,800.00	33	111,500.00	34	22,600.00	240	43,835.45	25	25,500.00	44	143,000
23	AIR PUTIH	37	25,350.00	14	2,100.00	45	39,700.00	14	57,500.00	38	27,600.00	0	-	13	14,700.00	14	44,000
24	KEBUN BUNGA	1	800.00	98	14,700.00	3	2,200.00	0	-	1	850.00	79	16,324.90	7	8,000.00	7	23,500
25	P ULAU TIKUS	9	7,900.00	442	66,300.00	13	10,300.00	5	16,500.00	7	6,300.00	465	76,998.30	32	32,200.00	12	40,000
26	PADANG KOTA	5	3,550.00	266	39,900.00	9	7,800.00	13	62,000.00	4	2,750.00	256	44,677.95	12	13,900.00	9	64,500
27	PENGKALAN KOTA	2	1,350.00	40	6,000.00	2	2,000.00	2	7,000.00	3	1,900.00	0	-	2	1,700.00	3	10,500
28	KOMTAR	17	14,250.00	185	27,750.00	39	34,000.00	5	17,500.00	20	15,650.00	65	12,835.90	14	13,400.00	16	53,000
29	DATOK KERAMAT	44	33,750.00	104	15,600.00	59	52,600.00	46	182,500.00	41	31,350.00	245	42,593.10	54	54,200.00	38	200,000
30	SUNGAI PINANG	76	60,650.00	271	40,650.00	185	165,100.00	138	558,000.00	79	65,250.00	84	15,217.45	140	142,700.00	136	518,000
31	BATU LANCANG	4	2,450.00	213	31,950.00	17	16,200.00	0	-	2	1,400.00	258	44,771.30	20	20,800.00	28	91,500
32	SERI DELIMA	33	26,200.00	184	27,600.00	116	102,000.00	52	173,000.00	37	28,200.00	123	17,248.50	65	65,700.00	63	209,500
33	AIR ITAM	43	31,500.00	377	56,550.00	45	39,600.00	68	259,500.00	31	24,650.00	336	60,321.10	68	68,200.00	74	250,500
34	PAYA TERUBONG	5	4,900.00	44	6,600.00	6	6,000.00	0	-	3	2,150.00	73	12,042.30	2	2,400.00	37	139,000
35	BATU UBAN	50	38,050.00	274	41,100.00	104	91,900.00	59	211,500.00	51	41,200.00	285	47,390.95	86	87,300.00	72	243,000
36	BATU MAUNG	99	82,450.00	496	74,400.00	212	187,600.00	63	230,000.00	104	84,650.00	316	49,339.05	178	182,300.00	81	296,000
37	PANTAI JEREJAK	40	30,550.00	393	58,950.00	120	109,800.00	116	420,500.00	37	28,600.00	398	70,301.78	82	84,900.00	189	580,500
38	BAYAN LEPAS	183	140,500.00	892	133,800.00	368	322,400.00	230	803,500.00	204	159,800.00	635	105,210.75	325	326,400.00	383	1,302,500
39	P ULAU BETONG	109	79,650.00	849	127,350.00	156	140,100.00	123	447,000.00	96	72,300.00	733	122,341.35	156	163,700.00	141	496,500
40	TELOK BAHANG	112	85,400.00	495	74,250.00	129	117,500.00	76	289,500.00	113	88,550.00	279	50,087.30	87	90,400.00	96	337,000
41	LUAR PULAU PINANG	2	2,300.00	0	-	148	134,500.00	314	1,138,500.00	3	2,250.00	0	-	102	112,865.88	173	666,500
		3789	2,874,100.00	17915	2,687,250.00	6190	5,485,800.00	4194	15,583,500.00	3933	2,992,550.00	16414	2,709,928.38	5119	5,211,415.88	5502	19,450,000
		32088			26,630,650.00					30968							30,363,894.

LAMPIRAN B

PERATUS KELULUSAN BERBANDING PERMOHONAN MENGIKUT TAHUN

SKIM	TAHUN	LULUS	GAGAL	JUMLAH PERMOHONAN	%
SKIM PERMULAAN IPT	2021	2,707	325	3,032	89.28
	2022	4,140	559	4,699	88.10
	2023	5,390	995	6,385	84.42
	2024	6,510	1,170	7,680	84.77
SKIM PAKAIAN SERAGAM	2021 SESI PERSEKOLAHAN 2022	10,513	1	10,514	99.99
	2022 SESI PERSEKOLAHAN 2023	13,826	385	14,211	97.29
	2023 SESI PERSEKOLAHAN 2024	12,786	186	12,972	98.57
	2024 SESI PERSEKOLAHAN 2025	21,279	676	21,955	96.92
SKIM AWAL PERSEKOLAHAN	2020	6,810	298	7,108	95.81
	2021	100	15	115	86.96
	2022	5,213	871	6,084	85.68
	2023	3,789	621	4,410	85.92
	2024	3,933	273	4,206	93.51

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

22. Senaraikan jenayah-jenayah yang melibatkan belia di Parlimen Permatang Pauh mengikut DUN dari tahun 2023 sehingga kini.

    (a) Apakah langkah kerajaan dalam memantau dan menangani jenayah-jenayah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Jenayah-jenayah yang sering berlaku di Parlimen Permatang Pauh mengikut DUN dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

Bil	DUN	JENAYAH	JUMLAH
1	Penanti	Ugutan Jenayah	1
2	Seberang Jaya	Rogol	2
		Curi Kenderaan	3
		Curi Dalam Bangunan	3
		Mendatangkan Cedera	2
		Judi	2
3	Permatang Pasir	Tiada	0

(a) Berikut merupakan langkah kerajaan dalam memantau dan menangani jenayah-jenayah iaitu:

(i) Pengukuhan Penguatkuasaan dan Rondaan

1) Bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan rondaan di kawasan berisiko tinggi termasuk kawasan perumahan, tumpuan pelancong dan zon industri.

2) Menambah kehadiran anggota polis komuniti serta memperkukuh peranan Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bagi membantu pemantauan setempat.

3) Menyediakan peruntukan khas untuk menyokong program keselamatan komuniti seperti pemasangan lampu jalan dan CCTV.

(ii) Penggunaan Teknologi dan Pendigitalan Pemantauan

1) Melaksanakan sistem Closed-Circuit Television (CCTV) pintar di bawah inisiatif Smart City Penang bagi mengesan aktiviti mencurigakan di kawasan awam.

2) Memperkenalkan pusat kawalan keselamatan bersepadu (Command Centre) untuk memantau CCTV secara masa nyata dan menyelaras tindakan pantas antara PBT, PDRM, dan agensi lain.

3) Menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih komuniti untuk rakyat melaporkan kejadian jenayah secara segera kepada pihak berkuasa.

(iii) Pencegahan melalui Pendidikan dan Kesedaran Awam

1) Lebih banyak kempen kesedaran yang di jalankan oleh PDRM melalui Program AMANITA iaitu dengan menyampaikan maklumat & risalah di kawasan bangunan perniagaan dan kawasan perumahan.

2) Mengadakan kempen keselamatan komuniti di sekolah, institusi pengajian, dan kawasan perumahan bagi mendidik masyarakat tentang langkah pencegahan jenayah.

3) Melibatkan MPKK dan NGO tempatan dalam usaha meningkatkan kesedaran sivik dan tanggungjawab sosial terhadap keselamatan kawasan.

(iv) Pemantauan Aktiviti Ekonomi dan Sosial Berisiko

1) Menjalankan pemeriksaan berkala ke atas premis hiburan, rumah sewa, dan bengkel besi buruk yang berpotensi menjadi tempat aktiviti jenayah tersembunyi.

2) Memantau isu pendatang tanpa izin dan penyalahgunaan lesen perniagaan dengan kerjasama Imigresen dan PBT.

(v) Penglibatan Rakyat dan Pendekatan Kolaboratif

1) Mempromosikan konsep "Community Policing", di mana rakyat menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa.

2) Mengadakan dialog keselamatan antara kerajaan negeri, agensi keselamatan, dan komuniti setempat bagi mendapatkan maklum balas serta memperbaiki strategi pemantauan jenayah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

23. Berapakah kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan pelajar sekolah ketika melintas di hadapan sekolah-sekolah dalam Parlimen Permatang Pauh bagi tempoh 2020 hingga 2024?

    (a) Nyatakan lokasi kemalangan, bilangan kes dan jenis kecederaan yang dilaporkan.

    (b) Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan pelajar sekolah ketika melintas di hadapan sekolah-sekolah dalam Parlimen Permatang Pauh bagi tempoh 2020 hingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2020	0
2021	1
2022	1
2023	3
2024	1

(a) Lokasi kemalangan, bilangan kes dan jenis kecederaan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

TAHUN	LOKASI KEMALANGAN	BILANGAN KES	JENIS KECEDERAAN
2020	Tiada	0	Tiada
2021	Jalan Permatang Pauh	1	Cedera Ringan
2022	Jln Tanah Liat Ke Pematang Nibong	1	Cedera Ringan
2023	Jalan Permatang Pauh/Pasir/B.Merah/Indramuda	3	Cedera Ringan
2024	Jalan Permatang Pauh/Pasir/B.Merah/Indramuda	1	Cedera Ringan

(b) Usaha kerajaan dalam menangani masalah ini ialah meningkatkan kesedaran keselamatan melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS) dan kesedaran keselamatan semasa melintas di sekolah- sekolah dengan perlaksanaan Op Didik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

24. Apakah rancangan penambahbaikan perkhidmatan bas dan pengangkutan awam di DUN Permatang Pasir, khususnya bagi kemudahan warga emas dan pelajar?

    (a) Nyatakan kekerapan, laluan dan liputan semasa perkhidmatan bas di kawasan ini.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Rapid Penang sentiasa komited untuk memperkukuh akses pengangkutan awam melalui pendekatan bersepadu dan kecekapan operasi bagi meningkatkan tahap aksesibiliti dan kemudahan kepada warga emas, pelajar serta komuniti setempat.

    Bagi kawasan DUN Permatang Pasir, Rapid Penang akan melaksanakan kajian dan perancangan laluan secara terperinci bagi menilai corak perjalanan serta tahap permintaan sebenar kawasan ini. Berdasarkan data semasa, kadar penggunaan pengangkutan awam di kawasan ini masih rendah, justeru itu hasil kajian akan digunakan sebagai asas bagi menentukan bentuk intervensi yang sesuai sama ada melalui penyusunan semula laluan, kurangkan *stop-point* atau pengembangan perkhidmatan *Rapid on Demand* (ROD) bagi memenuhi keperluan mobiliti setempat dengan lebih berkesan.

    Jadual dibawah menunjukkan data perkhidmatan bagi laluan, lokasi, kekerapan dan purata penumpang di kawasan berkaitan:

No	Laluan	Lokasi	Jumlah Bas	Kekerapan	Purata Penumpang Harian
1.	606	Kepala Batas – Bukit Mertajam	1	Setiap 3 jam	69
2.	702	Bukit Mertajam – Penang Sentral	5	Setiap 45 minit	555
3.	707	Taman Pelangi – Bukit Mertajam	1	Setiap 3 jam	94
4.	709	Machang Bubok – Penang Sentral	2	Setiap 2 jam	192
5.	802	Nibong Tebal – Bukit Mertajam	4	Setiap 1 jam	612

Selain perkhidmatan bas konvesional, *Rapid On-Demand* (ROD) turut beroperasi di dalam kawasan ini melalui zon T710B (Sunway-Butterworth) yang menyediakan tempahan perjalanan secara lebih fleksibel.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

25. Apakah usaha kerajaan dalam menambah klinik kesihatan atau menaik taraf kemudahan kesihatan sedia ada di DUN Permatang Pasir?

    (a) Apakah perkembangan terkini yang sedia ada?

    (b) Berapakah nisbah doctor penduduk dan jururawat penduduk di sini? Bandingkan dengan piawaian WHO.

    (c) Berapakah tempoh menunggu pesakit ketika ini dan langkah kerajaan dalam mengurangkan masa menunggu?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Pada masa ini, terdapat dua (2) projek pembinaan dan penaiktarafan di kawasan DUN Permatang Pasir iaitu Kompleks Kesihatan Bersepadu Kubang Semang dan projek menaik taraf Klinik Desa Permatang Pasir.

    (a) Bagi projek Kompleks Kesihatan Bersepadu Kubang Semang telah diluluskan di dalam bajet 2026 RMKe-13 dan buat masa ini, JKNPP masih menunggu surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

    Manakala, bagi projek penaiktarafan Klinik Desa Permatang Pasir, projek ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal bulan Disember tahun 2025.

(b) JKNPP tidak mempunyai data bagi nisbah di antara staf kesihatan dan penduduk Permatang Pasir namun data bagi keseluruhan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tahun	Pegawai Perubatan	Jururawat	Penduduk Pulau Pinang
2025 (Sehingga Ogos)	1,907	4,346	1,803,300

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan nisbah doktor kepada penduduk sekurang-kurangnya satu (1) doktor untuk setiap 1,000 orang dan satu (1) jururawat bagi setiap 300 orang. Berdasarkan nisbah yang disyorkan oleh WHO, kadar nisbah semasa di antara doktor (fasiliti kesihatan kerajaan) dan penduduk di negeri ini adalah mencapai seperti apa yang ditetapkan namun nisbah di antara jururawat dan penduduk masih tidak mencapai sasaran, iaitu 1:415.

(c) Tempoh menunggu pesakit di klinik kesihatan adalah 90 minit. Tempoh ini merangkumi masa menunggu dari pesakit mendapat nombor giliran hingga ke bilik konsultasi untuk pemeriksaan.

Antara langkah mengurangkan masa menunggu adalah dengan penggunaan transformasi digital. Sebanyak 10 klinik kesihatan di Pulau Pinang telah dilengkapi dengan Sistem Pengurusan Klinik Berasaskan Awan (CCMS). Sistem ini menggabungkan data pesakit, rawatan, ubatan, dan rujukan dalam satu platform digital untuk mempercepatkan perkhidmatan, mengurangkan masa menunggu, dan melancarkan kerja kakitangan.

Di bawah agenda transformasi digital, Kementerian Kesihatan Malaysia merancang untuk memperluaskan transformasi digital kepada lebih banyak fasiliti kesihatan dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang, termasuk memperbaharui sistem digital dan strategi pendigitalan

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

26. Senaraikan program pembangunan sukan dan bakat belia yang dijalankan di DUN Permatang Pasir dari tahun 2023 sehingga kini.

    (a) Bagaimana memohon peruntukan untuk program ini dan berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Sehingga kini, terdapat dua (2) program pembangunan sukan yang dijalankan di kawasan DUN Permatang Pasir seperti Pertandingan Bola Sepak 9 dan Konvoi Belia Permatang Pasir. Bagi program pembangunan belia, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan seperti berikut:

    (i) Singgah Sahur di Permatang Pasir 2024;
    (ii) Santai Moreh di Permatang Pasir 2025;
    (iii) *Photo Booth* Belia Permatang Pasir;
    (iv) Santai Hujung Minggu Wayang;
    (v) Program *Townhall* Belia Permatang Pasir;
    (vi) Belia Berkorban;
    (vii) Gotong Royong Merdeka;
    (viii) Santai Malam Minggu: Takluk Lahad Datu;
    (ix) Asas Fotografi: Kursus TVET; dan
    (x) Kursus Membaiki Peti Ais.

(a) Bagi terus memajukan pembangunan sukan dan belia di negeri ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan melalui beberapa agensi seperti Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Permohonan sukan dapat dimohon melalui dua (2) cara iaitu melalui Persatuan Sukan Negeri yang mana permohonan ini akan diangkat terus kepada MSNPP atau memohon kepada MMK Sukan secara terus. Peruntukan daripada MSNPP adalah berjumlah di antara **RM50,000.00 hingga RM150,000.00** berdasarkan sukan dan jenis permohonan persatuan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui MMK Sukan juga telah memperuntukkan sejumlah **RM350,000.00** kepada persatuan sukan untuk melaksanakan mana-mana program sukan di negeri ini.

Bagi pembangunan belia pula, melalui Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP), peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penganjuran program adalah **RM10,000.00** setahun bagi setiap kawasan DUN.

Selain itu, MMK Belia juga telah menyediakan sejumlah **RM203,000.00** yang boleh dipohon oleh mana-mana persatuan belia untuk melaksanakan program belia.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

27. Senaraikan projek-projek Rumah Mampu Milik (RMM) di DUN Permatang Pasir yang sedang dan akan dibangunkan.

    (a) Senaraikan bilangan penduduk tempatan yang berjaya memiliki rumah ini.

    (b) Apakah status perumahan kos rendah di Taman Pasir Indah yang sebelum ini digunakan sebagai asrama pekerja asing?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Senarai projek-projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku (RMKu) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir yang sedang dalam fasa pembinaan dan dalam perancangan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Sehingga bulan Oktober 2025, seramai 961 orang penduduk dari DUN Permatang Pasir telah berjaya menerima tawaran RMKu. Perincian penerima adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

    (b) Status perumahan kos rendah (RMKu A) Taman Pasir Indah yang sebelum ini digunakan sebagai asrama pekerja asing adalah seperti berikut:

(i) Mahkamah Sesyen Jenayah Butterworth telah membuat keputusan pada 25 Ogos 2025 yang mana Orang Kena Syak (OKS) telah mengaku bersalah atas pertuduhan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak:

1) OKS 1 = RM62,800.00;

2) OKS 2 = RM 31,400.00; dan

3) OKS 3 = RM 31,400.00.

Keseluruhan denda adalah sebanyak RM125,600.00.

(ii) Hasil siasatan tapak pada 25 September 2025 mendapati RMKu tersebut telah dikosongkan dan dipulihkan kepada keadaan asalnya.

(iii) Setakat ini, status RMKu tersebut masih kekal sebagai rumah pangsa kos rendah sebagaimana kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM). Unit-unit rumah tersebut hendaklah dijual oleh pemaju kepada senarai pembeli yang perlu diperoleh daripada pihak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

a. Senarai Projek RMKU A, B dan C Siap dan Terima Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Sejak Tahun 2008

Seberang Perai Tengah Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2018	SPT	Pangsapuri Harmoni	Tetuan Sunway Bintang Sdn Bhd	Di Atas Lot 90,95,113,114,115,119 ,122,133 Dan 138, Seksyen 1, Jalan Muthu Palaniappan,	A	110	Permatang Pasir	Swasta
						Jumlah	110		

b. Senarai Projek RMKU A, B dan C Sedang Dibina

Seberang Perai Tengah Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2022	SPT	Aston Minca Residence	Tetuan KH Venture Estate Sdn Bhd	Aston Minca Residence	C	237	Permatang Pasir	Swasta
						Jumlah	237		

c. Senarai Kebenaran Merancang Projek RMKU A B dan C Swasta dan Perancangan Kerajaan Negeri & Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Seberang Perai Tengah Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Spirit of Perai Sdn Bhd	Lot 1056;1057,1058,1059 Mukim 21, SPT	A	350	Permatang Pasir	Swasta
2	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Spirit of Perai Sdn Bhd	Lot 1056,1057,1058,1059 Mukim 21, SPT	C	440	Permatang Pasir	Swasta
						Jumlah	790		

LAMPIRAN B

KADUN Pohon	01/2008 - 10/2025															
	RUMAH MUTIARAKU A (RM42,000)			RUMAH MUTIARAKU B1 (MAKSIMA RM72,500)			RUMAH MUTIARAKU C1 (MAKSIMA RM150,000)			RUMAH MUTIARAKU C2 (MAKSIMA RM200,000)			RUMAH MUTIARAKU C3 (MAKSIMA RM300,000)		
	MELAYU	CINA	INDIA	MELAYU	CINA	INDIA	MELAYU	CINA	INDIA	MELAYU	CINA	INDIA	MELAYU	CINA	INDIA
PERMATANG PASIR	265	70	27	135	224	38	0	0	0	19	9	1	94	75	4
Jumlah	265	70	27	135	224	38	0	0	0	19	9	1	94	75	4
	362			397			0			29			173		
	961														

ID259/17

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XI)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

28. Senaraikan sungai-sungai yang terdapat di DUN Permatang Pasir dan tahap pencemarannya.

    (a) Apakah usaha kerajaan dan berapakah peruntukan disediakan dalam mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai ini dan menjaga kelestarian alam sekitar?

    (b) Apakah ada usaha melebarkan dan mendalamkan sungai Kubang Semang?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Senarai sungai-sungai yang terdapat di DUN Permatang Pasir:

    (i) Sungai Samagagah;
    (ii) Sungai Tanjung Putus;
    (iii) Sungai Sintok;
    (iv) Sungai Tok Alang;
    (v) Sungai Jelutong;
    (vi) Sungai Anak Jelutong;
    (vii) Alor Sungai Jelutong ;
    (viii) Sungai Perai (Dari Borrowpit Alor Sg Kubu Ke Hiway Plus);
    (ix) Sungai Ban Bandar; dan
    (x) Sungai Permatang Rawa (Taman Guru ke Kg Permatang Rawa).

Semakan kepada lokasi stesen pengawasan manual oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati terdapat empat (4) stesen berkemungkinan berada dalam kawasan DUN Permatang Pasir seperti berikut :

Sungai	No Stesen	Nilai Indeks Kualiti Air (IKA) 2024	Kategori IKA
Sungai Ara	1PJRU006	75	Sederhana Tercemar
Sungai Rambai	1PJRU007	60	Sederhana Tercemar
Sungai Kubang Semang	1PPRI005	63	Sederhana Tercemar
Sungai Perai	1PPRI004	61	Sederhana Tercemar

Bersih : 81-100
Sederhana Tercemar : 60-80
Tercemar : 0-59

(a) Berikut merupakan antara usaha Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang dalam membantu mengatasi masalah pencemaran-pencemaran sungai :

(i) Penguatkuasaan terhadap Industri & Kumbahan

1) Menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi lain;

2) Siasatan segera aduan awam berkaitan pencemaran;

3) Rondaan secara berkala ke lokasi berisiko dan berpotensi untuk pencemaran; dan

4) Pemeriksaan ke atas industri-industri secara berjadual.

(ii) Pengawasan

1) Pemantauan kualiti air sungai melalui program *Environmental Quality Management Plan* (EQMP); dan

2) Melaporkan data kualiti air sungai kepada pihak berkepentingan melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar.

(iii) Program Pendidikan & Kesedaran

1) Kempen kesedaran dan pendidikan bersama pihak berkepentingan.

(iv) Projek Khas

1) Membantu JAS Putrajaya menjalankan Kajian Pembangunan *Total Maximun Daily Load* (TMDL) Sungai Perai, Pulau Pinang. Ia merupakan satu projek khas kajian dalam perancangan pengurusan alam sekitar secara lebih holistik.

(v) Kawalan di Peringkat Perancangan

1) Mengawal selia projek-projek yang tertakluk Penilaian Impak Alam Sekitar (*EIA*);

2) Ulasan bertulis Penilaian Awal Tapak (*PAT*); dan

3) Pemprosesan notifikasi alat kawalan pencemaran / loji pengolahan efluen.

(b) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seperti membersih dan mendalam sungai-sungai tersebut berdasarkan kepada keperluan dan peruntukan pada tahun semasa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

1. Kebelakangan ini, semakin banyak kejadian membabitkan pelajar seperti kes buli, rogol dan keganasan yang berlaku di kawasan sekolah serta sekitar persekitaran pendidikan. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani peningkatan kes-kes membabitkan pelajar di sekolah-sekolah serta usaha kerjasama dengan pihak polis dan agensi berkaitan bagi memastikan keselamatan pelajar terus terpelihara?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Antara usaha Kerajaan Negeri bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani kes buli dan keselamatan pelajar di sekolah terus terpelihara adalah seperti berikut:

   (i) Program Kesedaran dan Pendidikan:
      1) Menganjurkan ceramah anti-buli di sekolah; dan
      2) Memberi penerangan kepada pelajar tentang akibat undang-undang jika terlibat dalam kes buli.

   (ii) Kerjasama dengan pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG):
      1) Menjalin kerjasama rapat dengan guru disiplin, kaunselor dan PIBG bagi mengesan awal pelaku dan mangsa buli; dan

2) Membantu pihak sekolah dalam menyiasat kes buli yang dilaporkan dan memastikan tindakan susulan di ambil.

(iii) Tindakan siasatan dan penguatkuasaan:
1) Menyiasat setiap aduan atau laporan kes buli dengan telus dan profesional; dan
2) Mengambil keterangan daripada mangsa, saksi, dan pelaku bagi memastikan keadilan semua pihak.

(iv) Unit rondaan dan pemantauan sekolah:
1) Menjalankan rondaan berkala di kawasan sekolah dan persekitaran; dan
2) Mengelakkan pergaduhan atau kejadian buli di luar pagar sekolah.

(v) Peranan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS):
1) PPS ditugaskan di setiap sekolah.
2) PPS bertindak sebagai penghubung antara pihak sekolah dan PDRM dalam menangani masalah disiplin dan keselamatan pelajar.

(vi) Saluran aduan dan perlindungan mangsa:
1) Menyediakan saluran aduan selamat bagi mangsa atau saksi untuk melaporkan kes buli.
2) Memastikan identiti mangsa dilindungi semasa proses siasatan dijalankan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

2. Berapakah jumlah rumah ibadat Islam dan bukan Islam yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang?

   (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan keharmonian antara semua rumah ibadat ini dapat dipelihara?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Jumlah rumah ibadat Islam di Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri Pulau Pinang berjumlah 216 buah masjid dan 553 buah surau manakala rumah ibadat bukan Islam di Pulau Pinang menurut rekod Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Pulau Pinang dan *Penang Harmony Corporation* (HARMONICO) berjumlah 1,093 buah meliputi Tokong Buddha, Tokong Tao, Kuil Hindu, Gereja, Wat Siam dan Gurdwara.

   (a) Kerajaan Negeri memandang serius dalam menjaga keharmonian antara kaum dan agama di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, antara usaha Kerajaan Negeri memastikan keharmonian antara semua rumah ibadat sentiasa dipelihara adalah seperti berikut:

      (i) Penggubalan dan Penguatkuasaan Garis Panduan Perancangan dalam memastikan pembinaan dan penempatan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan

tempat ibadat Islam (masjid/surau) mematuhi garis panduan perancangan yang ketat;

(ii) Mengambil pendekatan berhemah dan bukan tindakan keras dalam menyelesaikan isu rumah ibadat yang dibina tanpa kebenaran;

(iii) Pendekatan secara rundingan dalam menyelesaikan isu-isu sensitif kaum dan agama;

(iv) Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kewangan dan bantuan kepada rumah ibadat Islam dan tempat ibadat bukan Islam (RIBI) sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap masyarakat majmuk;

(v) Mempromosikan perpaduan dan keharmonian sosial dengan menyokong program-program yang dapat memupuk kefahaman dan saling menghormati dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama di Negeri Pulau Pinang;

(vi) Kerajaan Negeri melalui bahagian penguatkuasaan negeri akan sentiasa melaksanakan pemantauan aktiviti keagamaan agar tiada unsur ekstremisme atau penghinaan terhadap agama lain; dan

(vii) Semua rumah ibadat Islam dan bukan Islam dibina dan beroperasi mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa agar tidak menimbulkan konflik dalam komuniti.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

3. Nyatakan jumlah sekolah yang menjalankan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Pulau Pinang.

   (a) Berapa jumlah pelajar yang sedang mengikuti PPKI di seluruh Pulau Pinang?

   (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menyokong keperluan pendidikan khas mereka?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Bilangan sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas integrasi (PPKI) di Pulau Pinang seperti berikut:

   (i) Sekolah Rendah: 55 Sekolah; dan
   (ii) Sekolah Menengah: 36 Sekolah

   (a) Jumlah pelajar yang sedang mengikuti PPKI di seluruh Pulau Pinang bagi sekolah rendah adalah seramai 2,610 orang manakala sekolah menengah seramai 1,996 orang.

   (b) Antara langkah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam menyokong keperluan pendidikan khas adalah seperti berikut:

1. Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas:

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) mempunyai Sektor Pendidikan Khas yang sentiasa memantau dan memberikan perkhidmatan sokongan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di seluruh Pulau Pinang melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) di Pulau Pinang. 3PK mempunyai empat (4) orang Pegawai Bidang Khusus iaitu Pegawai Intervensi Pembelajaran, Pegawai Psikologi, Pegawai Terapi Pertuturan dan Bahasa serta Pegawai Terapi Cara Kerja. 3PK di Pulau Pinang berpusat di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam dengan menyediakan perkhidmatan saringan, penilaian dan intervensi bagi MBPK serta memberikan perkongsian ilmu, latihan dan konsultasi kepada guru, ibu bapa dan komuniti agar dapat mengurangkan impak ketidakupayaan MBPK di samping meningkatkan potensi MBPK. Ini menunjukkan komitmen negeri untuk menyediakan logistik dan sokongan sistemik terhadap MBPK.

2. Peningkatan akses dan kualiti untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK):

(i) Meningkatkan pelaksanaan pengajaran & pembelajaran (P&P) guru perdana dan guru pendidikan khas termasuk dalam peperiksaan awam;

(ii) Memantapkan perkhidmatan sokongan seperti saringan, penilaian, intervensi dan konsultasi pendidikan khas;

(iii) Cadangan dan penyediaan peralatan sokongan pendidikan khas yang bersesuaian mengikut keperluan MBPK serta latihan penggunaan peralatan sokongan yang dibekalkan;

(iv) Penempatan kelas PPKI yang kondusif;

(v) Memantapkan program transisi ke kerjaya bagi MBPK; dan

(vi) Kerjasama strategik dengan agensi swasta/awam di luar sekolah.

3. Pengisian guru dan pembangunan kapasiti guru untuk kelas PPKI:

Meski terdapat kekurangan guru yang memiliki opsyen pendidikan khas JPNPP telah mengadakan kursus Pendidikan Khas kepada guru-guru bukan opsyen Pendidikan Khas yang berminat untuk mengajar di PPKI.Ini membolehkan guru bukan opsyen tersebut dilatih dan mengisi kekurangan guru di PPKI. Latihan bagi pembangunan kapasiti dalam bidang pengurusan murid berkeperluan pendidikan khas, literasi & numerasi, kemahiran digital/ICT sentiasa dijalankan. Ini sebagai persediaan guru untuk menguasai ilmu dan kaedah terkini dalam pengurusan MBPK.

4. Pembekalan peralatan sokongan pembelajaran:

Beberapa buah PPKI dan Sekolah Pendidikan Khas (SPK) telah dibekalkan dengan peralatan sokongan pembelajaran seperti *Smartboard*, *Smart TV*, kit motor kasar dan kit motor halus serta alat bantuan pembelajaran bagi MBPK penglihatan dan pendengaran. Ini bagi membantu guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan kepada MBPK.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

4. Berapakah jumlah pelawat warga asing yang mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta di Pulau Pinang dari tahun 2023 sehingga 2025?

   (a) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Berdasarkan data daripada anggota *Penang Centre of Medical Tourism* (PMED) di bawah Penang Global Tourism, seramai 406,072 pelawat warga asing telah mendapatkan rawatan di hospital swasta di Pulau Pinang pada tahun 2023. Pada tahun 2024, jumlah tersebut meningkat kepada 418,608, manakala bagi tempoh Januari hingga September 2025, sebanyak 262,695 pelawat warga asing telah menerima rawatan di hospital swasta anggota PMED.

   (a) Melalui inisiatif oleh PMED, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang.

   Antara inisiatif yang dijalankan termasuk penyertaan dalam siri jelajah promosi (roadshow) ke luar negara seperti China, Hong Kong, Indonesia dan Jepun di bawah Penang Global Tourism (PGT), serta penyertaan dalam *Malaysia*

Healthcare Expo (MHX) di Bandung dan Jakarta melalui kerjasama dengan *Malaysian Healthcare Travel Council* (MHTC). Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyertai *ASEAN Tourism Fair* 2023 di Yogyakarta, Indonesia sebagai langkah memperluas jaringan promosi pelancongan perubatan di peringkat serantau.

Selain itu, PMED turut bekerjasama dengan institusi perbankan dalam penganjuran sesi ceramah kesihatan yang melibatkan pegawai pemasaran dari hospital swasta di Pulau Pinang sebagai usaha memperkukuh kerjasama dan menarik potensi pelanggan.

Bagi meningkatkan aksesibiliti pelancong perubatan ke Pulau Pinang menjelang Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia 2026, PMED turut memeterai *Memorandum of Cooperation* (MOC) bersama AirAsia pada 14 Oktober 2025 bagi melaksanakan *Boarding Pass Privilege Programme* yang bertujuan menarik lebih ramai pelancong perubatan ke negeri ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM YB JOSEPH NG SOON SIANG

5. Berapakah jumlah dan peratusan warga emas di Pulau Pinang pada masa ini?

   (a) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menghadapi cabaran negeri berpenduduk menua (*aging state*)?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Menurut unjuran penduduk Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2025, seramai 151,477 orang atau 8.4% daripada keseluruhan 1.8 juta penduduk Negeri Pulau Pinang terdiri daripada warga emas.

   (a) Berikut adalah strategi Kerajaan Negeri dalam menangani cabaran ini:

      (i) Satu pelan hala tuju penuaan aktif telah dilancarkan pada 30 September 2022 dalam menyediakan akses dan peluang kepada setiap golongan terutamanya warga emas untuk terus menjalani kehidupan yang aktif sepanjang proses penuaan. Pelan hala tuju ini terbahagi kepada tiga (3) fasa iaitu, Fasa Kesedaran, Fasa Integrasi dan Fasa Kemampanan. Perincian dan infografik berkenaan pelan haja tuju ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

      (ii) Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif untuk mewujudkan Bandar Mesra Usia (Age-Friendly

City) yang bertujuan membentuk persekitaran bandar yang inklusif, selamat dan menyokong kesejahteraan warga emas. Melalui pendekatan yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), usaha ini memberi manfaat besar kepada warga emas antaranya peningkatan kualiti hidup melalui penyediaan kemudahan awam mesra usia, penggalakan penyertaan sosial dan ekonomi, serta pengukuhan jaringan sokongan komuniti.

(iii) Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) turut memperkasakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berfungsi sebagai pusat komuniti bagi warga emas. PAWE menjalankan aktiviti seperti kelas memasak, senamrobik, bengkel kemahiran, serta aktiviti sosial bagi menggalakkan penyertaan aktif dan meningkatkan kesejahteraan mental serta fizikal mereka. Sehingga kini, sembilan (9) buah PAWE telah ditubuhkan dan beroperasi secara aktif di seluruh negeri.

Melalui platform PAWE ini juga, Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Warga Emas Celik, yang menumpukan kepada lima (5) komponen utama pembangunan warga emas, iaitu Celik Sosial, Celik Digital, Celik Kewangan, Celik Hak Bersuara, dan Celik Penuaan Aktif. Inisiatif ini merupakan pendekatan holistik Kerajaan Negeri dalam mempersiapkan Pulau Pinang menghadapi cabaran sebagai negeri berpenduduk menua dengan memperkasa warga emas agar kekal berdaya saing, berpengetahuan, berdikari dan berperanan aktif dalam masyarakat selaras dengan prinsip penuaan aktif dan inklusif yang menjadi teras kepada pembangunan sosial negeri.



KESEDARAN

PUBLISITI DAN ADVOKASI

Setiap warga emas masih boleh berbakti kepada masyarakat secara aktif. Melalui media, kempen dan kerjasama antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan swasta, kita boleh membentuk penuaan sebagai satu imej yang positif justeru mengubah tanggapan masyarakat terhadap warga tua.

INTEGRASI

PENGINTEGRASIAN PENUAAN AKTIF DALAM KOMUNITI

YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

18. Kemukakan perincian penuh perbelanjaan sistem digital negeri, MyKADUN, PeGIS (termasuk sistem pemetaan digital agensi-agensi negeri), merangkumi maklumat syarikat pembekal perkhidmatan, perjanjian pembekal / langganan, kaedah dan tempoh bayaran / langganan, kos penyelenggaraan / *maintenance*, kawalan KPI pembekal dan pengguna di peringkat Pihak Berkuasa Negeri serta kos pada setiap peringkat.

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Maklumat perincian penuh perbelanjaan sistem digital negeri dan PeGIS di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi maklumat syarikat pembekal perkhidmatan, perjanjian pembekal/ langganan, kaedah dan tempoh bayaran/ langganan, kos penyelenggaraan/ *maintenance* dilaporkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri seperti di **LAMPIRAN A** dan sebanyak 12 naskhah kontrak perjanjian penyelenggaraan telah dibuat antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat pembekal melalui senarai yang dilampirkan sebagai kaedah pengawalan KPI.

    Selain itu, pelaporan perbelanjaan sistem MyKADUN yang diuruskan oleh pihak Digital Penang dan dipantau oleh pihak Perbadanan Ketua Menteri telah diperincikan di **LAMPIRAN B**. Pemantauan prestasi sistem MyKADUN dilaksanakan secara mingguan melalui Laporan MMK Digital yang perlu dikemukakan kepada Exco MMK Digital dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa MMK Digital.

LAPORAN PENGURUSAN SISTEM DIGITAL NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

A. Senarai Aplikasi Diselenggara Secara Dalaman (*In-House*)

BIL.	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
1.	Sistem eSumbangan Sekolah Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
2.	Sistem Majlis Pengurusan Komuniti Kampung	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
3.	Sistem Maklumat Perubatan	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
4.	Sistem Penyelenggaraan Sistem Aplikasi (AppDesk ICT)	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
5.	Sistem Permohonan Tempahan Peralatan & Perisian	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
6.	Sistem Bring Your Own Device	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL.	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
7.	Sistem Helpdesk ICT	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
8.	Sistem MyPunch	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
9.	Sistem Pemahaman Rasuah, Integriti dan Governans	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
10.	Sistem Polisi Keselamatan Siber	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
11.	Sistem KPI	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
12.	Sistem Apps Rating	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
13.	Sistem eInovasi	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
14.	Sistem eBayar 2.0	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
15.	Sistem Permohonan Ke Luar Negara	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
16.	Sistem Permohonan Pas Anggota	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
17.	Sistem Single Sign On	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
18.	Sistem Data-Hub Penang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
19.	Sistem eIntegriti	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
20.	Sistem Permohonan Kuarters Daerah Timur Laut	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
21.	Sistem Green Citizen	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
22.	Sistem Pengurusan Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
23.	Sistem Bayaran Sewa Lot Kompleks Masyarakat Penyayang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
24.	Sistem Smart Event	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
25.	Sistem Permohonan GeoSebar	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
26.	Sistem e-Kursustani	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
27.	Sistem MyPrestasi	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
28.	Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
29.	Portal EKSA Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
30.	Portal Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
31.	Portal Rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
32.	Portal Intra@PgGov Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
33.	Laman Rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
34.	Laman Kelab Kebajikan dan Sukan PSUKPP	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
35.	Portal Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
36.	Portal Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
37.	Portal Puspanita	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
38.	Aplikasi GeoBencana	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
39.	Aplikasi ePeta Public	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
40.	Aplikasi ePeta Teknikal	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
41.	Aplikasi Penang Stop Violence	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
42.	Aplikasi GeoPantau – ESRI Living Atlas	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
43.	Aplikasi Info Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
44.	Aplikasi Lot Finder	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
45.	Aplikasi Lot Tracker	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
46.	Aplikasi Nama Geografi Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
47.	Aplikasi Pelan Industri Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
48.	Aplikasi Penang In History	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
49.	Aplikasi Penang Local Perspective	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
50.	Aplikasi Penang Sport Facilities	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
51.	Aplikasi Dashboard Statistik Utama Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
52.	Aplikasi StoryMap- Beaches and Waterfront	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
53.	Aplikasi StoryMap- Bicycle Trails in Balik Pulau, Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
54.	Aplikasi StoryMap-Penang Street Art I	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
55.	Aplikasi StoryMap-Penang Street Art II	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
56.	Aplikasi StoryMap-Heritage of History	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
57.	Aplikasi StoryMap-Penang In History	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
58.	Aplikasi Virtual George Town 3D	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
59.	Aplikasi Virtual George Town UNESCO World Heritage	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
60.	Aplikasi Virtual SPS 3D	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
61.	Aplikasi Taska	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
62.	Aplikasi GeoVetWatch360 Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
63.	Aplikasi Audit Negara- Tanah Bukit	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
64.	Aplikasi Tanah Bukit – 3D	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
65.	Aplikasi Penang 5G	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
66.	Aplikasi Jejak Jumaat TYT	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
67.	Aplikasi Semakan Cukai Pengkelasan Bandar dan Desa Daerah DBD	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
68.	Aplikasi Semakan Cukai Pengkelasan Bandar dan Desa Daerah SPS	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
69.	Aplikasi Semakan Cukai Pengkelasan Bandar dan Desa Daerah DTL	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
70.	Aplikasi Persempadanan Bandar Baharu Daerah Timor Laut	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
71.	Aplikasi Persempadanan Bandar Baharu Daerah Barat Daya	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
72.	Aplikasi Persempadanan Bandar Baharu Daerah Seberang Perai Utara	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
73.	Aplikasi Persempadanan Bandar Baharu Daerah Seberang Perai Tengah	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
74.	Apliksi Persempadanan Bandar Baharu Daerah Seberang Perai Selatan	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
75.	Aplikasi Penang Fiber	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
76.	Aplikasi Penang Hill Biosphere Reserve	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
77.	Aplikasi Lot Warta Tali Air	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT	KOS SELENGGARA (RM)
78.	Aplikasi Sempadan Pilihan Raya	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
79.	Aplikasi Pemetaan Zon Poskod Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
80.	Aplikasi Projek Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	0.00
		JUMLAH	0.00

Jadual 1 : Senarai Penyelenggaraan Sistem Aplikasi dan Sistem Maklumat GIS Secara *In-House*

B. Senarai Aplikasi Diselenggara Secara *Out-Source*

BIL	NAMA SISTEM	NAMA SYARIKAT
1.	Sistem ADUN.Net	KOMETSOFT
2.	Sistem iSejahtera	ILUSI PRIMA
3.	Sistem Pencen Adun	ILUSI PRIMA
4.	Sistem Pengurusan Dokumen dan Fail	GO X
5.	Sistem Tuntutan Perjalanan dan Kerja Lebih Masa	DHUHA
6.	Aplikasi Mudah Alih i-Attend	GO X
7.	Sistem Pendaftaran Pekerjaan Sepanjang Masa	ILUSI PRIMA
8.	Sistem Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat	ILUSI PRIMA
9.	Sistem Pinjaman Penuntut Negeri	ZEN COMPUTER SYSTEM
10.	Sistem Pengurusan Aduan (ePintas)	ILUSI PRIMA
11.	Aplikasi Mudah Alih ePintas	ILUSI PRIMA
12.	Sistem Pemantauan Projek Negeri	HARKAT
13.	Sistem Pemantauan Projek Kecil Daerah	HARKAT
14.	Sistem Direktori Perkhidmatan dan Perhubungan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	HARKAT

15.	Sistem Tempahan Pengangkutan	DHUHA
16.	Sistem Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi	ILUSI PRIMA
17.	Sistem Tempahan Berpusat Pulau Pinang	DHUHA
18.	Sistem Gerbang Pembayaran Penang (eBayar)	MESINIAGA
19.	Sistem Majlis Mesyuarat Kerajaan (eMMK)	GO X
20.	Sistem Penang Alert	ILUSI PRIMA
21.	Sistem e-Pengurusan Latihan PSUKPP	ILUSI PRIMA

Jadual 2: Senarai Penyelenggaraan Sistem Aplikasi Secara Out Source

C. Senarai Kontrak Perjanjian Penyelenggaraan

Bil	Perjanjian	Tempoh Perjanjian	Kaedah Bayaran	Kaedah Pelantikan	Nilai Kontrak (RM)
1.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi Pemantauan Projek Negeri (SPPN), Sistem Aplikasi Pemantauan Projek Kecil Daerah (SPPKD) Dan Sistem Aplikasi Maklumat Perhubungan Dan Perkhidmatan (iDirektori) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	19,656.00
2.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi Tempahan Pengangkutan (STEP) Dan Sistem Aplikasi Tuntutan Elaun (eClaim) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	16,200.00
3.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi eTempahan Berpusat (eTempahan) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	16,200.00
4.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi Dewan Undangan Negeri (ADUN.Net) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	18,921.60
5.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi eBayar Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	23,025.60

Bil	Perjanjian	Tempoh Perjanjian	Kaedah Bayaran	Kaedah Pelantikan	Nilai Kontrak (RM)
6.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi Pemantauan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (eMMK) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	19,980.00
7.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi iSejahtera Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	19,680.00
8.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi Pengurusan Dokumen dan Fail (iDoF) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	19,240.00
9.	Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi ePinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang (ePPN) Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	29,700.00
10.	Perkhidmatan Sokongan Sistem Aplikasi Informasi Bencana (Penang Alert), Sistem E-Pengurusan Latihan (ePL), Sistem Pendaftaran Pekerjaan Sepanjang Masa (e2PSM), Sistem Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institut Pengajian Tinggi Negeri Pulau Pinang (iBita), Sistem Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang (ePingat), Gerbang Aduan Bersepadu (ePintas) Dan Sistem Pencen Adun Di Pejabat	1 tahun	Suku tahunan	Pembelian Terus	49,770.00

Bil	Perjanjian	Tempoh Perjanjian	Kaedah Bayaran	Kaedah Pelantikan	Nilai Kontrak (RM)
	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2024 Hingga 2025				
11.	Perkhidmatan Pembangunan Sistem Aplikasi I-Attend Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1 tahun	Waranti	Sebut Harga Terbuka	0.00
12.	Perjanjian Pembaharuan Langganan Dan Penyelenggaraan Perisian ArcGIS Di Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1 tahun	Lump Sum	Sebut Harga Terbuka	197,812.80
				JUMLAH	**430,186.00**

Jadual 3: Kontrak Perjanjian/ Langganan

D. Belanjawan Mengurus Penyelenggaraan dan Pembaharuan Lesen

Bil	Perkara	Nilai (RM)
1.	Penyelenggaraan	430,186.00
2.	Pembaharuan Lesen	42,391.68
	JUMLAH	**472,577.68**

Jadual 4: Belanjawan Mengurus Penyelenggaraan Dan Pembaharuan Lesen Berkaitan Sistem Aplikasi

LAMPIRAN B

LAPORAN PERBELANJAAN SISTEM MyKADUN

PERKARA	JUMLAH (RM)
Kos pembangunan aplikasi	243,325.00
Latihan dan sokongan	10,314.00
Operasi dan penyelenggaraan	48,665.00
JUMLAH	**302,304.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

19. Senaraikan krematorium (tempat pembakaran mayat) seliaan Kerajaan Negeri / PBT.

    (a) Perincikan perkara penyelenggaraan, baik pulih, penambahbaikan dan pembangunan.

    (b) Nyatakan perancangan, hala tuju, nilai peruntukan bajet yang telah dibelanjakan (2020-2025) dan bakal diagihkan untuk tujuan-tujuan tersebut.

    (c) Apa perancangan dan ketersediaan dana kerajaan untuk kemudahan krematorium masyarakat bukan Islam di Pulau Pinang?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Tiada krematorium di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan hanya satu (1) krematorium di Tanah Perkuburan Hindu Batu Lanchang adalah dibawah seliaan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (PHEB).

    (a) Antara kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PHEB di Tanah Perkuburan Hindu Batu Lanchang adalah seperti berikut:

        (i) Membaiki bumbung dan dinding di kawasan tempat pembakaran mayat;

(ii) Membaiki serta menggantikan komponen dan peralatan "*Cremator A Front Opening Top Refractories*" pada mesin pembakar mayat;

(iii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas dua unit kremator di bangunan tanah perkuburan;

(iv) Membaiki tandas wanita di bangunan tanah perkuburan;

(v) Menjalankan kerja ukur tanah bagi menentukan plot pengebumian; dan

(vi) Membekal dan memasang alat gantian bagi mesin pembakar mayat, iaitu *thermocouple, pilot burner ignitor, air pressure switch* dan *switch selector* serta penyelenggaraan *DB switch* dan *voltage panel* bangunan.

(b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia@Pulau Pinang) telah melaksanakan Kajian Perancangan Kemudahan Tapak Perkuburan Islam dan Agama Selain Islam Negeri Pulau Pinang yang telah mendapat kelulusan secara prinsip dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) pada 30 Oktober 2025. Kajian ini merangkumi pelaksanaan kajian tapak *(ground survey)* mengikut daerah bagi mendapatkan inventori menyeluruh meliputi tapak perkuburan, kolumbarium, krematorium dan tapak pelepasan abu mayat. Data yang diperoleh telah dikemas kini dalam bentuk spatial bagi tujuan perancangan dan rujukan masa hadapan.

(c) Menerusi perancangan dan penyediaan dana yang mencukupi bagi kemudahan krematorium masyarakat bukan Islam, Kerajaan Negeri akan mengkaji dan meneliti semula sekiranya terdapat lokasi tapak yang bersesuaian untuk pembinaan kemudahan baharu bagi tujuan krematorium. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini adalah bergantung kepada ketersediaan peruntukan kewangan tahunan oleh Kerajaan Negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

20. Berapakah peratusan wanita Pulau Pinang yang terlibat dalam sektor pekerjaan dan kepimpinan di agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta apakah sasaran peningkatannya menjelang tahun 2030?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Sehingga kini, penyertaan wanita Pulau Pinang dalam sektor pekerjaan dan kepimpinan di agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menunjukkan perkembangan positif.

Sebanyak 49.4% pegawai wanita memegang jawatan penyelia (Gred 29) atau jawatan kanan (Gred 40 ke atas) dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, berbanding 50.6% lelaki

Secara terperinci terdapat 407 pegawai wanita berbanding 417 pegawai lelaki dalam kategori kepimpinan tersebut merangkumi:

(i) Jabatan Negeri: 215 wanita, 192 lelaki;

(ii) Badan Berkanun Negeri: 55 wanita, 44 lelaki; dan

(iii) Pihak Berkuasa Tempatan: 137 wanita, 181 lelaki.

Selain itu, di bawah 13 buah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri (CMI), 27% daripada Ahli Lembaga Pengarah ialah wanita (47 daripada 173 orang).

Dasar Keterangkuman Gender memastikan keseimbangan antara lelaki dan wanita dalam jawatan pembuat keputusan di jabatan serta agensi kerajaan. Dasar ini menetapkan nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka bagi memastikan kesaksamaan gender terus dipraktikkan dalam semua bidang pembangunan negeri dan menggalakkan lebih ramai wanita terlibat dalam jawatan pembuat keputusan di jabatan serta agensi kerajaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG

21. Apakah jumlah dan status kes sivil yang melibatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agensi atau perbadanan di bawahnya dari tahun 2020 hingga kini, termasuk maklumat ringkas mengenai keputusan kes dan kos guaman yang terlibat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. Jumlah kes sivil yang melibatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri dari tahun 2020 sehingga tahun 2025 adalah sebanyak 1146 kes yang melibatkan isu tanah, rujukan pengambilan tanah, perumahan, pinjaman penuntut, kemalangan, tort, permohonan semakan kehakiman dan rayuan. Perincian seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JENIS KES	BIL. KES	KOS YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI (RM)	KOS YANG DIBAYAR OLEH KERAJAAN NEGERI (RM)
1. Tanah Kes saman pemula dan writ saman khususnya berkaitan urusan dan permohonan tanah di bawah Kanun Tanah Negara yang melibatkan pindah milik, pecah bahagian, pecah sempadan, kaveat, lelong, dsb.	28	123,500.00	Bergantung kepada keputusan mahkamah
2. Rujukan Pengambilan Tanah Kes berkaitan bantahan pemilik tanah ke atas jumlah award pampasan pengambilan tanah yang diberikan oleh Pentadbir Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.	270	-	(22,592,027.52) Award pampasan tambahan dibayar oleh agensi pengambil tanah
3. Perumahan Kes berkaitan tuntutan tunggakan bayaran ansuran sewa rumah pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan PPR Paya Terubung, PPR Mak Mandin, PPR Kampung Melayu, PPR Gat Lebuh Noordin, PPR Batu Lanchang, PPR Jalan Tuna dsb. Mulai tahun 2024, semua kes perumahan dikendalikan sepenuhnya oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.	370 (sehingga tahun 2023)	*Kos tidak spesifik & berdasarkan tunggakan bayaran ansuran sewa setiap kes	-
4. Pinjaman Penuntut Kes berkaitan tuntutan tunggakan pembayaran balik pinjaman penuntut yang diberikan oleh Lembaga Tabung Amanah Pinjaman Penuntut kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi.	327	1,025,981.04	-

JENIS KES	BIL. KES	KOS YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI (RM)	KOS YANG DIBAYAR OLEH KERAJAAN NEGERI (RM)
5. Kemalangan Kes berkaitan tuntutan ganti rugi kecederaan akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan milik Kerajaan Negeri serta kemalangan yang berpunca daripada kerosakan jalan, pokok tumbang, dsb. di bawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran dsb.	53	500.00	246,700.00
6. Tort Kes berkaitan tuntutan ganti rugi akibat pelanggaran / kemungkiran / penamatan kontrak perjanjian serta tuntutan pembayaran balik tunggakan sewa dan kos penyelenggaraan premis milik Kerajaan Negeri (kuarters, gerai, dsb.)	18	6,569,332.80	429,000.00
7. Permohonan Semakan Kehakiman Kes berkaitan permohonan semakan semula keputusan Kerajaan Negeri khususnya yang melibatkan permohonan tanah di bawah Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah 1960 serta kelulusan perancangan dan perlingkungan semula di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.	7	55,000.00	-

JENIS KES	BIL. KES	KOS YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI (RM)	KOS YANG DIBAYAR OLEH KERAJAAN NEGERI (RM)
8. Rayuan Kes berkaitan rayuan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan khususnya yang melibatkan urusan tanah di bawah Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah 1960 serta perlingkungan semula di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.	73	388,000.00	38,000.00
JUMLAH	**1146**	**8,162,313.84**	***713,700.00**

Nota:

*Jumlah kos yang kena dibayar oleh Kerajaan Negeri di atas adalah tidak termasuk award pampasan tambahan kes Rujukan Pengambilan Tanah yang diberikan oleh mahkamah sebanyak RM22,592,027.52 kerana kos tersebut dibayar oleh agensi pengambil tanah terlibat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

1. Apakah data kutipan sebenar (RM) bagi sembilan strategi peningkatan hasil yang dilaksanakan pada 2025, terutamanya prestasi kutipan tunggakan cukai petak disasarkan RM6 juta (50% daripada RM12 juta keseluruhan), dan apakah "variance" berbanding unjuran?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Data kutipan sebenar (RM) berjumlah RM4,782,429.17 adalah bagi lima (5) strategi peningkatan hasil yang diterima sehingga 31 Oktober 2025. Terdapat strategi yang tiada data kutipan sebenar pada tahun 2025 berikutan masih di peringkat pengenalpastian lot dan proses kerja yang dilaksanakan secara berperingkat. Status pencapaian bagi sembilan (9) strategi peningkatan hasil yang dilaksanakan pada 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Senarai hasil yang dijangka diterima Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2025 - 2027 adalah seperti berikut:

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
1.	Melaksanakan kutipan tunggakan cukai petak sejumlah RM6 juta pada tahun 2025 (50% daripada tunggakan keseluruhan RM12 juta)	PTGPP telah menjalankan *taskforce* turun padang dengan mengadakan lawatan ke skim-skim strata di daerah Timur Laut bagi mengenalpasti nombor patil bagi dipadankan dengan nombor hakmilik. Usaha ini telah menunjukkan impak positif di mana tunggakan cukai petak dapat dilaksanakan serta pencerahan kepada orang awam tentang cukai petak serta perbezaannya di antara cukai taksiran, cukai tanah serta caj penyelenggaran dapat dijelaskan. Selain itu, peringatan membayar cukai juga digiatkan di semua platform media sosial PTGPP bagi memberi kesedaran kepada orang awam. Tindakan penguatkuasaan dan perampasan juga wajar dilaksanakan sekirannya Kerajaan	Berdasarkan kepada unjuran kutipan tunggakan cukai petak untuk tahun 2025 yang berjumlah RM6 juta, setakat 29/10/2025 kutipan tunggakan cukai petak yang berjaya dikutip berjumlah RM2,438,600.07.	Kutipan Tunggakan Cukai Petak setakat 29/10/2025 adalah RM2,438,600.07. Melibatkan bayaran oleh 19,882 akaun cukai petak di Negeri Pulau Pinang.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		Negeri serius dalam mengurangkan tunggakan cukai petak.		
2.	Cadangan Lelongan Tanah-Tanah Kerajaan, Contoh: Tanah-Tanah yang Dilucuthak di bawah Seksyen 100 KTN atau Tanah Lain Milik Kerajaan Yang Bernilai Tinggi dan Berpotensi Untuk Dilelong.	Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan secara lelongan telah dibentangkan dan diluluskan PBN. PTGPP telah memohon kesemua Pejabat Daerah untuk mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) hakmilik tanah untuk dicadangkan bagi tujuan lelongan.	Unjuran RM10 juta	Garis panduan lelong telah dikeluarkan pada 20 Mei 2025. Setakat ini satu.(1) kawasan telah dikenal pasti melibatkan empat (4) Lot di Daerah Timur Laut. Proses lelongan tanah-tanah ini dijangkakan dapat diselesaikan pada pertengahan tahun 2026.
3.	Semakan Proses Tukar Syarat Dan Kategori Tanah	PTGPP telah menyediakan Garis Panduan yang membolehkan pemohon mengemukakan permohonan tukar syarat secara serentak dengan permohonan perlanjutan tempoh pajakan.		Garis Panduan Kadar Premium dan Diskaun Bagi Dasar Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan telah dikeluarkan pada 10 April 2025. Semenjak garis panduan ini diluluskan sehingga Oktober 2025, sebanyak 3 permohonan tukar syarat secara serentak telah dipertimbangkan dengan kutipan premium tukar syarat

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
				kumulatif sebanyak RM2,181,970.00 manakala kutipan premium bagi permohonan pelanjutan tempoh pegangan yang diproses bersama permohonan tukar syarat ini adalah sebanyak RM4,207,694.80.
4.	Semakan semula kadar lesen *liquor*.	Ketetapan kadar lesen liquor adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan kali terakhir pindaan kadar ini dibuat adalah pada tahun 2014 melalui Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 163] bertarikh 20 Jun 2014. Jabatan Kewangan Negeri (JKN) telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2025 bagi mencadangkan kadar lesen liquor sedia ada disemak semula	Anggaran kutipan lesen 2025 adalah RM1,900,000.00.	Pencapaian kutipan lesen setakat September 2025 adalah RM1,217,648.00.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
5.	Semakan semula kadar duti hiburan dan penambahbaikan proses kerja kutipan duti hiburan.	Cadangan kadar baharu telah diluluskan oleh MMKN pada 18 Disember 2024. Kadar baharu telah diwartakan pada 20 Mac 2025 melalui Perintah Kadar Duti Hiburan 2025 Pg. P.U.6. berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.	Duti hiburan yang terlibat dengan semakan semula kadar adalah Kod H162804 – Cukai Tiket Permainan Hiburan , Kod H162807- Cukai Hiburan Kelab Malam dan Kod H162810- Cukai Hiburan *Coffee House.* Unjuran hasil bagi ketiga-tiga jenis duti hiburan adalah RM5,700,000.00.	Kutipan hasil bagi ketiga-tiga kod ini sehingga 31 Oktober 2025 adalah RM566,547.00. Pungutan hasil ini adalah tertakhluk kepada bilangan aktiviti hiburan yang dilaksanakan sepanjang tahun.
6.	Meningkatkan caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan seperti di kadar bayaran yang telah diluluskan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	JPV telah menguatkuasa caj baharu bagi caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan bermula 2 Mei 2025; Bagi status semakan warta dengan pihak PUU: JPV telah menerima keputusan semakan Warta Pusat-Pusat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bertarikh 15 Oktober 2025 dengan No. Ruj. PUNPP 352/100/1/2/SUB/59 dan dalam proses mengangkat kertas MMK.	Unjuran Hasil 2025 bagi perkhidmatan rawatan dan jualan ubat adalah RM930,000.00 (H0272101 dan H0273806).	Pencapaian Hasil sehingga 30 September 2025 adalah RM579,338.10.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
7.	Kajian semula kadar perkhidmatan sewaan pokok hiasan di Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang.	Surat Permohonan Kelulusan Penyelarasan Semula Kadar Perkhidmatan Sewaan Pokok Hiasan di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang [Ruj. JTB/PP/02/085 Jld. 20 (100)] telah dihantar kepada Jabatan Kewangan Negeri pada 20 Februari 2025 untuk pertimbangan bagi kelulusan kadar perkhidmatan sewaan yang baru.	Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah menerima kelulusan kadar baharu perkhidmatan sewaan pokok hiasan pada 11 Mac 2025 dari pihak Jabatan Kewangan Negeri (Ruj.: JKNPP/400/3/8/7 (38). Kadar baharu berkuatkuasa mulai 1 April 2025. Untuk makluman, Unjuran Hasil Tahun 2025 ialah RM42,000.00 meliputi semua jenis perihal hasil.	Jumlah kutipan hasil perkhidmatan sewaan pokok hiasan sehingga 31 Ogos 2025 ialah RM24,396.00
8.	Cadangan kerjasama dengan pihak swasta sebagai operator / pengurus kuarters-kuarters Kerajaan Negeri.	Satu perbincangan dengan semua pemegang taruh dan agensi berkaitan berhubung cadangan bagi melaksanakan perolehan secara RFP bagi tanah Kerajaan di Lengkok Jeselton dan Kampung 18 telah diadakan pada 19 Februari 2025 bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi berkaitan kesesuaian jenis pembangunan yang boleh dicadangkan dalam TOR kelak.		

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		Hasil perbincangan telah memutuskan agar RFP hanya dilaksanakan bagi pembangunan tanah Kerajaan di Lengkok Jeselton sahaja manakala 1 unit kuarters (sebagai percubaan) di Kampung 18 akan dikenal pasti bagi cadangan menyewakan premis tersebut kepada pihak swasta untuk dijadikan premis komersial. Pihak BKP dalam proses pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyedia RFP berdasarkan PK2.8, Pekeliling Perbendaharaan. Pihak BKP juga telah memohon penilaian hartanah daripada JPPH bagi mendapatkan harga pasaran sebelum kuarters-kuarters yang tidak berpenghuni di Kampung 18 tersebut boleh ditawarkan kepada syarikat luar untuk dikomersilkan.		
9.	Semakan Semula Kadar Fi Hotel di Negeri Pulau Pinang	Satu sesi libat urus bersama persatuan-persatuan hotel di Pulau Pinang telah diadakan pada 21 Ogos 2025 yang dipengerusikan oleh YB Wong Hon Wai, EXCO	Anggaran - RM11,500,000	Hasil Sebenar - RM9,198,740

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		Pelancongan dan Ekonomi Kreatif. Sesi tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada JKN, Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Persatuan Perhotelan serta Penang Global Tourism. Dalam perbincangan tersebut, pelbagai isu dan cadangan telah dibangkitkan, termasuk cadangan kadar baharu fi hotel yang dikemukakan oleh YB EXCO iaitu pada kadar tidak melebihi kadar yang dikenakan di Melaka, iaitu antara RM3 hingga RM5. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak BKT masih menunggu kadar baharu fi hotel tersebut oleh pihak YB EXCO/BPEN (Pelancongan) serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Pihak BKT akan melaksanakan pindaan terhadap kadar fi hotel di bawah Undang-undang Kecil Hotel hanya		

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		setelah kadar baharu tersebut dimuktamadkan dan diluluskan oleh MMKN.		

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

2. Merujuk kepada pengurangan perbelanjaan bukan berkanun OS 42000 dan OS 20000 (Perkhidmatan dan Bekalan), apakah metrik yang digunakan untuk menilai sama ada penjimatan ini telah menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam (*delivery system*) sepanjang 2025?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri tidak melaksanakan pengurangan perbelanjaan pada tahun 2025 seperti mana yang pernah dilaksanakan pada tahun 2024. Hal ini kerana sehingga kini, Jabatan Kewangan Negeri tidak melaksanakan sekatan perbelanjaan tahun 2025 ke atas Jabatan-jabatan Negeri. Oleh itu, semua jabatan masih berbelanja berdasarkan siling kelulusan Belanjawan Tahun 2025, sekali gus tidak menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam sepanjang tahun 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

3. Apakah status terkini penilaian dan pengurusan deposit Mineral Nadir Bumi (REE) bernilai RM100 bilion, dan apakah pelan tindakan yang telah dimuktamadkan untuk memanfaatkan potensi ini bagi memperkukuhkan kedudukan fiskal negeri menjelang 2026?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Status penilaian dan pengurusan deposit elemen nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) masih sama iaitu berdasarkan kajian tinjauan awalan yang telah dilakukan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG). Negeri Pulau Pinang mempunyai deposit elemen nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di kawasan perbukitan di sekitar Teluk Bahang, Balik Pulau, Bukit Mertajam dan Bukit Panchor. Jumlah sumber teragak (*inferred resource*) NR-REE ini adalah kira-kira 1.7 juta tan metrik, dengan nilai sekitar USD 21 bilion.

   Antara pelan tindakan oleh Kerajaan Negeri ialah seperti berikut:

   (a) Penyediaan draf Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Pulau Pinang.

   (b) Kerajaan Negeri terbuka kepada mana-mana pihak yang berminat untuk meneroka REE di Pulau Pinang tertakluk kepada syarat-syarat sedia ada yang dikenakan oleh jabatan teknikal. Pihak syarikat yang berminat untuk meneroka NR-REE di Pulau Pinang telah diminta untuk

mengemukakan *request for proposal* (RFP) kepada Kerajaan Negeri.

(c) Pemetaan sumber melalui kajian terperinci oleh JMG perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti lokasi dan potensi sebenar sumber NR-REE di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG YB ONG AH TEONG

4. Apakah perkembangan terkini perancangan kerjasama dengan pihak swasta dalam pengurusan kuarters kerajaan yang kosong?

   (a) Apakah peruntukan yang telah diluluskan bagi 2026 untuk membaiki 108 unit kuarters yang dilaporkan rosak?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Kuarters kerajaan yang masih kosong adalah disebabkan kerosakan *major* pada struktur atau ruangan dalaman kuarters dan sedang dalam proses untuk dibaiki secara berperingkat.

   Bagi kuarters kosong yang memerlukan kos pembaikan yang tinggi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah mengenal pasti tiga (3) unit kuarters di Daerah Timur Laut yang mempunyai potensi untuk disewakan kepada pihak swasta menerusi kaedah *Request for Proposal* (RFP).

   RFP ialah satu pendekatan kerjasama awam-swasta di mana pihak swasta terlibat akan membiayai dan menaik taraf kuarters kerajaan berkenaan untuk diduduki secara sewaan bagi tujuan komersial (lot kedai) atau pejabat operasi.

   (a) Pihak Bahagian Khidmat Pengurusan, PSUKPP telah memohon sebanyak RM3.7 juta menerusi peruntukan Pembangunan P01 bagi tahun 2026 untuk membaik pulih kuarters-kuarters yang rosak. Jumlah terkini kuarters rosak yang sedang dalam proses untuk dibaiki adalah sebanyak 67 unit.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

5. Kemajuan Paip Air 1.8m Pulau : Paip 1.8m (3.9 km) Macallum-Bukit Dumbar (RM44 juta) dijadual mula Disember 2024. Apakah peratusan kemajuan fizikal paip ini pada November 2025?

   (a) Adakah kelewatan dalam pembinaan (jika ada) akan menjejaskan keupayaan PBA menyalurkan 315 MLD air tambahan ke bahagian Pulau?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Projek Paip Air 1.8 meter (3.9 kilometer) dari Macallum ke Bukit Dumbar dengan kos anggaran RM44 juta merupakan projek keempat di bawah Pelan Kontingensi Air Pulau Pinang 2030 (Water Contingency Plan – WCP 2030) yang telah dirancang sejak tahun 2021.

   Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan kapasiti penghantaran air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke kawasan Bukit Dumbar, sekali gus memperkukuh sistem bekalan air ke bahagian Pulau terutamanya di kawasan strategik yang sedang pesat membangun.

   Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengeluarkan beberapa kenyataan media berkaitan kemajuan projek ini seperti berikut:

(1) 17 Julai 2024 – PBAPP memaklumkan bahawa projek ini termasuk dalam empat projek utama WCP 2030 yang sedang dirancang dengan tarikh mula kerja dijadualkan pada Disember 2024.

(2) 20 September 2024 – PBAPP menjelaskan bahawa projek paip 3.9 kilometer × 1.8 meter Macallum–Bukit Dumbar bernilai RM44 juta merupakan komponen penting bagi penghantaran tambahan air terawat dari Sungai Dua ke bahagian Pulau.

(3) 8 Januari 2025 – PBAPP mengesahkan bahawa kerja-kerja awal bagi projek tersebut akan dimulakan pada tahun 2025 selaras dengan pelaksanaan fasa baharu WCP 2030.

(4) 26 Jun 2025 – PBAPP melaporkan bahawa projek-projek di bawah WCP 2030 termasuk paip Macallum–Bukit Dumbar, sedang diteruskan mengikut keutamaan pembiayaan dan jadual pelaksanaan yang ditetapkan.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan, projek ini telah dipecahkan kepada beberapa fasa:

(i) Fasa 1

Kontraktor telah dilantik pada 22 Oktober 2025, dan kerja-kerja pembinaan telah bermula di tapak.

(ii) Fasa 2 :

Masih dalam proses kelulusan laluan utiliti dan pengambilan tanah, yang memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan agensi berkepentingan. Kerja pecah tanah dijadualkan sebelum akhir tahun 2025.

(a) Projek ini mengalami kelewatan pada peringkat awal berpunca daripada isu kelulusan teknikal dan pemilikan tapak oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi berkaitan. Walau bagaimanapun, PBAPP sedang berusaha mempercepatkan proses kelulusan agar kerja-kerja pembinaan dapat diteruskan sepenuhnya.

Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027 dan apabila siap kelak, ia akan menjadi komponen penting dalam memastikan kelestarian dan ketahanan sistem bekalan air Pulau Pinang khususnya untuk menyalurkan sehingga 315 juta liter sehari (MLD) tambahan air terawat dari tanah besar ke pulau apabila keseluruhan rangkaian WCP 2030 siap kelak.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

6. Status LRA Kompak Sungai Kerian (Pelaksanaan): LRA Kompak 2.4 MLD Sungai Kerian (RM4 juta) dijangka siap Disember 2024. Adakah projek ini telah beroperasi sepenuhnya?

   (a) Sekiranya berlaku kelewatan, apakah punca utama kelewatan LRA Kompak ini yang bertujuan menyelesaikan isu air di SPS?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memulakan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Kompak Sungai Kerian berkapasiti 6.4 juta liter sehari pada 12 Mac 2025.

   (a) Punca utama kelewatan LRA Kompak ini yang bertujuan menyelesaikan isu air di Seberang Perai Selatan (SPS) adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

      (i) Peningkatan kapasiti daripada 2.4 juta liter sehari kepada 6.4 juta liter sehari;

      (ii) Keperluan untuk mendapatkan kelulusan teknikal daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum sambungan bekalan kuasa dapat dilaksanakan; dan

(iii) Memastikan air terawat mencapai piawaian kualiti yang ditetapkan kerana perlu melalui beberapa peringkat saringan dan ujian sebelum penyerahan rasmi dapat dibuat

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

7. PTGPP menyasarkan kutipan tunggakan cukai petak RM6 juta (50% daripada RM12 juta) pada 2025. Apakah status kemajuan kutipan ini setakat November 2025?

   (a) Adakah tindakan penguatkuasaan dan perampasan telah dilaksanakan untuk mengurangkan tunggakan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Unjuran kutipan tunggakan cukai petak ialah sebanyak RM6 juta. Kutipan tunggakan sehingga September 2025 ialah RM2.3 juta dengan peratus *variance* ialah -61%.

   (a) Tindakan penguatkuasaan sedang dilaksanakan oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah secara berperingkat. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

      (i) Pengeluaran Surat Pentadbiran dan Notis 11;

      (ii) Pengecualian Tunggakan Denda;

      (iii) Program Turun Padang - Lawatan ke kawasan bertumpu, sesi pertemuan dengan komuniti pemilik strata di skim-skim strata yang mempunyai tunggakan cukai petak tertinggi;

(iv) Promosi & Hebahan - Hebahan melalui Portal PTGPP, Facebook, Instagram, TikTok rasmi serta siaran media massa; dan

(v) Town Hall Strata - Sesi libat urus bersama komuniti strata di lokasi terpilih bagi menjelaskan isu tunggakan dan kaedah penyelesaian. Perbincangan isu-isu seperti tunggakan cukai, permohonan hakmilik strata dan sebagainya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

8. Kemukakan penyata penuh audit kewangan dan audit dalaman CMI dari 2018 hingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Peruntukan Belanja Mengurus Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dari tahun 2018 sehingga kini adalah diletakkan di bawah Aktiviti 021 (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, BPEN) dan peruntukan Pembangunan P01 dan P16 di bawah BPEN dan Jabatan Kewangan Negeri (JKN). Bagi peruntukan perbelanjaan yang melibatkan CMI, terdapat keperluan untuk kelulusan Pegawai Pengawal selaras dengan peraturan kewangan dan pekeliling sedia ada.

   Sehingga kini, tiada sebarang pengauditan khusus oleh pihak Unit Audit Dalam mahupun Jabatan Audit Negara dilaksanakan ke atas peruntukan dan perbelanjaan mengurus CMI. Namun, pengauditan telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara ke atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

   Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperoleh Sijil Bersih dengan Pendapat Tanpa Teguran pada tahun 2018, 2019 dan 2024 dan Sijil Bersih dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 daripada Ketua Audit Negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG YB ONG AH TEONG

9. Bilakah PDC menjangkakan projek Hub Logistik Udara (RM997 juta) akan dilancarkan, setelah kajian kebolehlaksanaan siap pada 2023 dan kini di peringkat ulasan MAHB / MOT?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan melancarkan projek Hub Logistik Udara atau Penang International Logistics Aeropark (PILA) selepas perjanjian usaha sama antara PDC dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dimuktamadkan. Pada masa ini, perjanjian tersebut berada di peringkat akhir dan dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah MAHB.

   Anggaran kos pembangunan projek ini sedang dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak dengan proses *value engineering/ value management* sedang dijalankan bagi memastikan kos pembangunan yang optimum.

   Berdasarkan Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) yang telah siap pada tahun 2023, PDC telah menerima kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui surat bertarikh 7 Jun 2024. Seiring dengan itu, PDC turut mengambil langkah proaktif mendapatkan semua kelulusan teknikal yang diperlukan, termasuk:

   (i) Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA);

   (ii) Penilaian Impak Trafik (TIA);

(iii) Penilaian Impak Sosial (SIA); dan

(iv) Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang telah diluluskan dengan pindaan pada 19 Ogos 2025.

Selain itu, tender bagi kerja tanah untuk keseluruhan projek PILA kini di peringkat penilaian dan dijangka dimulakan pada awal tahun 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

9.	24.6.2022	PPPP/B/T4/2022	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH LANTAI KONKRIT DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI MENARA KOMTAR TINGKAT 10, 27, 43 & 61, SERTA TINGKAT BAWAH DI JALAN RIA DAN JALAN LEBUH TEK SOON, GEORGETOWN, PULAU PINANG. – FASA 3.	4,972,411.80	PEMBINAAN YSBT (M) SDN. BHD.
10.	24.6.2022	PPPP/I/T7/2022	CADANGAN MENAIKTARAF LANDSKAP BULATAN DAN PERSIMPANGAN BANDAR CASSIA DI SEBAHAGIAN LOT 274, BANDAR CASSIA, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	920,950.00	IMPIANA WARISAN CONSTRUCTION (M) SDN. BHD.
11.	29.8.2022	PPPP/PDCSU/Q8/2021	KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI GBS@MAYANG, GBS@MAHSURI, PDC SME CENTER, PDC TECHNO CENTER, INNOPLEX-MSCP1 DAN PLOT 2A PARKIR KERETA BAYAN LEPAS, PULAU PINANG. -PERLANJUTAN TEMPOH KONTRAK DARI 1 SEPTEMBER 2022 HINGGA 31 OGOS 2023.	461,089.20	STRENGTH ONE RESOURCES SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
12.	14.10.2022	PPPP/BKP/T1/2019	TENDER UNTUK MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT DI PEJABAT PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG – KELULUSAN PENYAMBUNGAN UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN SEWAAN BAGI 24 UNIT MESIN FOTOSTAT.	KELULUSAN PENYAMBUNGAN KONTRAK	FUJIFILM BUSINESS INNOVATION MALAYSIA SDN BHD.
13.	14.10.2022	PPPP/PPKFS/T1/2022	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN DAN MENAIKTARAF AIR HANDLING UNIT SEDIA ADA SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI FASA 1B2, 1B2T DAN 1D BANGUNAN KOMTAR FASA SATU, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	3,694,900.00	DYKIN ENGINEERING PART AND SERVICES SDN. BHD.
14.	14.10.2022	PPPP/PDCSU/T2/2022	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN DAN MENAIKTARAF CHILLER SEDIA ADA SETA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI FASA 2, BANGUNAN KOMTAR FASA DUA, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	2,138,030.00	DYKIN ENGINEERING PART AND SERVICES SDN. BHD.
15.	14.10.2022	NO. TENDER: PPPP/PDCSU/T3/2022	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN DAN MENAIKTARAF SISTEM PAM AIR DOMESTIK SEDIA ADA SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI FASA 2, BANGUNAN KOMTAR FASA DUA, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	820,000.00	SEJAGAT RAYA VENTURES
16.	14.10.2022	NO. TENDER: PPPP/B/T7/2022	CADANGAN PEMBAIKAN KONKRIT DI TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH, PEMBAIKAN GUTTER SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PROJEK PERUMAHAN TYPE R BUKIT GEDUNG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	1,538,536.00.	JA INOKRIT SDN. BHD.
17.	29.11.2022	NO. TENDER: PPPP/BP/T1/2022	TAWARAN UNTUK PERLINDUNGAN INSURANS KOMPREHENSIF UNTUK BANGUNAN DAN HARTA TETAP PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) DAN ANAK SYARIKAT PDC BAGI TEMPOH 01.01.2023 SEHINGGA 31.12.2023.	541,545.38	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD
18.	29.11.2022	NO. TENDER: PPPP/BKP/T3/2022	SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK UNTUK PESAKIT LUAR (GROUP OUTPATIENT AND CLINICAL) – GOPC	881,807.64	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
			BAGI TEMPOH 1 TAHUN DARI 1 JANUARI 2023 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023.		
19.	29.11.2022	NO. TENDER: PPPP/BKP/T4/2022	SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK UNTUK PESAKIT DALAM (IN-PATIENT) (GROUP HOSPITAL & SURGICAL HEALTH INSURANCE SCHEME) – GHS BAGI TEMPOH 1 TAHUN DARI 1 JANUARI 2023 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023.	2,201,752.43	AXA AFFIN GENERAL INSURANCE
TAHUN 2023					
1.	27.1.2023	NO. TENDER: PPPP/I/T21/2022	PEMASANGAN LAMPU ISYARAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA DI: I) PERSIMPANGAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 1 / LINGKARAN CASSIA SELATAN II) PERSIMPANGAN LEBUHRAYA BANDAR CASSIA / LINGKARAN CASSIA SELATAN TAMAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN (BKIP), BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG UNTUK TETUAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	979,980.00	A.B.U HAYAT SDN. BHD.
2.	5.5.2023	PPPP/B/T1/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN KRITIKAL PENGGANTIAN TANGKI AIR, WATERPROOFING, 'CONCRETE SPALLING AND RAILLING STAIRCASE' SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK 3,5,7,9 & 11 PANGSAPURI PELANGI, GAT LEBUH MACALLUM, PULAU PINANG.	1,724,560.00	ANWAR PLUMBING
3.	5.5.2023	PPPP/I/T1/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN DAN BANDAR CASSIA, LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	3,425,500.00	DARUL VISTA SDN. BHD.
4.	5.5.2023	PPPP/I/T28/2022	CADANGAN TEMPAT LETAK KERETA DI PARIT MONSOON DAN LINTASAN PEJALAN KAKI UNTUK KEGUNAAN KAWASAN LANDSKAP DI SIMPANAN LRT, TAMAN PERINDUSTRIAN BATU	1,493,250.00	PERFECT UNIVERSE SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
			KAWAN (BKIP), MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.		
5.	5.5.2023	PPPP/I/T2/2023	CADANGAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KERJA-KERJA BERSANGKUTAN DENGANNYA DI KAWASAN PSP DAN PSPN, MUKIM 13, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	2,160,705.50	SELO SKILL SDN. BHD.
6.	23.6.2023	PPPP/B/T4/2023	CADANGAN PEMBAIKAN KONKRIT DI TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH, PEMBAIKAN GUTTER SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN (FASA 2) DI PROJEK PERUMAHAN TYPE R BUKIT GEDUNG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	1,201,359.00	JA INOKRIT SDN. BHD.
7.	31.7.2023	PPPP/BKP/T1/2019	TENDER UNTUK MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT DI PEJABAT PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG. – TAMBAHAN 10 UNIT MESIN FOTOSTAT JENAMA FUJIFILM DI BAHAGIAN-BAHAGIAN DAN KELULUSAN PEMBAYARAN PERISIAN SOFTWARE.	5,154.40	FUJIFILM BUSINESS INNOVATION MALAYSIA SDN. BHD.
8.	8.9.2023	PPPP/I/T8/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, PEMBERSIHAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PENANG SCIENCE PARK (PSP) DAN PENANG SCIENCE PARK NORTH (PSPN) 2023/2025, MUKIM 13, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	1,670,820.00	ARBOR MASTER RESOURCES
9.	8.9.2023	PPPP/I/T9/2023	CADANGAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP, PEMBERSIHAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANDAR CASSIA DAN BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK (BKIP) 2023/2025, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	1,824,152.50	ARBOR MASTER RESOURCES
10.	26.9.2023	PPPP/LGL/Q8/2019	CADANGAN PEMBAYARAN FI GUAMAN KEPADA TETUAN SITHAM & ASSOCIATES BAGI KHIDMAT DAN NASIHAT PERUNDANGAN KEPADA PDC DALAM MENGENDALIKAN TUNTUTAN TERHADAP ASPEN BERJUMLAH RM15,000,000.00	100,000.00	TETUAN SITHAM & ASSOCIATES

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
			RENTETAN DARI KEGAGALAN MENDAPATKAN KELULUSAN UNTUK PEMBINAAN JUNCTION A DI BANDAR CASSIA.		
11.	26.9.2023	PPPP/PDCP/T1/2023	CADANGAN BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAHKAN DAN MENYELENGGARA LIF BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR YANG MENGANDUNGI 25 FASA PEMBANGUNAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 274), MUKIM 13 BANDAR CASSIA, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG. FASA 4: 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA RENDAH 12 TINGKAT (149 UNIT) : 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA JENIS A 14 TINGKAT (149 UNIT) : 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA JENIS B 19 TINGKAT (222 UNIT) : 5 UNIT KEDAI (LOCK UP SHOP) : 1 BLOK TEMPAT LETAK KERETA & MOTOSIKAL 2 TINGKAT UNTUK TETUAN: PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG	2,350,000.00	HYUNDAI ELEVATOR SALES & SERVICES SDN BHD
12.	17.11.2023	PPPP/PDCSU/Q14/208	CADANGAN MELANTIK KONTRAKTOR BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ESKALATOR DI KAWASAN RUANGAN LEGAR 2B/2D (CONCOURSE) BANGUNAN KOMTAR, PULAU PINANG.	122,112.00	TOSHIBA ELEVATOR (MALAYSIA) SDN. BHD. ATAU RANI-MS ENGINEERING SDN. BHD.
13.	17.11.2023	PPPP/BKP/T1/2023	SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK UNTUK PESAKIT LUAR (*GROUP OUTPATIENT AND CLINICAL)* – GOPC BAGI TEMPOH 1 TAHUN DARI 1 JANUARI 2024 - 31 DISEMBER 2024.	1,027,776.00	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD
14.	17.11.2023	PPPP/BKP/T2/2023	SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK UNTUK PESAKIT DALAM *(IN-PATIENT) (GROUP HOSPITAL & SURGICAL*	2,180,819.34	ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
			HEALTH INSURANCE SCHEME) – GHS BAGI TEMPOH 1 TAHUN DARI 1 JANUARI 2024 - 31 DISEMBER 2024.		
15.	17.11.2023	PPPP/BP/T1(R1)/2023	TAWARAN UNTUK PERLINDUNGAN INSURANS KOMPREHENSIF UNTUK BANGUNAN DAN HARTA TETAP PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) DAN ANAK SYARIKAT PDC BAGI TEMPOH 01.01.2024 SEHINGGA 31.12.2024.	455,824.39	ETIQA GENERAL INSURANCE BERHAD
16.	17.11.2023	PPPP/ICT/T1/2023	PELAWAAN TENDER PEMBEKALAN, PEMASANGAN, PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN PERALATAN *SMART MEETING ROOM* DI PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	640,284.88	VISI DINAMIK ENGINEERING SDN. BHD.

TAHUN 2024

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
1.	16.05.2024	PPPP/I/T4/2024	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH INFRASTRUKTUR DAN KERJA-KERJA BERSANGKUTAN DENGANNYA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PSP DAN PSPN, MUKIM 13, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	3,978,800.00	DARUL VISTA SDN. BHD.
2.	16.05.2024	PPPP/I/T9/2024	CADANGAN KERJA-KERJA MEROBOH LOJI SEDIA ADA IWK (SPI554), MENYERAHKAN SEMULA ASET-ASET PERALATAN SEDIA ADA LOJI KEPADA IWK DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282, MUKIM 13, BANDAR CASSIA, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (FASA 1).	1,295,500.00	DMG ADVENTURES (M) SDN. BHD.
3.	16.05.2024	PPPP/B/T3/2024	CADANGAN KERJA NAIK TARAF BANGUNAN MOTOROLA INNOPLEX, 2A, MEDAN BAYAN LEPAS, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.	2,150,099.70	NOOR AZRUL SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
4.	17.05.2024	PPPP/B/T3/2024	CADANGAN KERJA NAIK TARAF BANGUNAN MOTOROLA INNOPLEX, 2A, MEDAN BAYAN LEPAS, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.	2,150,099.70	NOOR AZRUL SDN. BHD.
5.	27.06.2024	PPPP/PDCSU/T1/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KELENGKAPAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI FASA 2B2D DI BANGUNAN KOMTAR FASA DUA, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	2,692,920.00	TECTRA SDN. BHD.
6.	27.06.2024	PPPP/PDCSU/T2/2024	CADANGAN PENGGANTIAN DAN MENAIKTARAF SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI BANGUNAN KOMTAR, FASA SATU DAN FASA DUA, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	1,235,272.75	KEJURUTERAAN JAYA KUKUH
7.	27.06.2024	PPPP/PPPKFS/T1/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN DAN MENAIKTARAF SISTEM AIR BERSIH UTAMA YANG SEDIADA SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI FASA SATU, BANGUNAN KOMTAR, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	2,076,677.58	VISION HAZILA RESOURCES
8.	27.06.2024	PPPP/PPPKFS/T2/2024	CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM KALIS AIR *(WATERPROOFING)* DAN PEPARITAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BUMBUNG TINGKAT 5 PODIUM, BANGUNAN KOMTAR, GEORGETOWN, PULAU PINANG.	3,305,590.00	ONESTEP INTERNATIONAL SDN. BHD.
9.	24.10.2024	PPPP/BKP/T1/2024	SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK UNTUK PESAKIT LUAR (GROUP OUT-PATIENT AND CLINICAL) – GOPC BAGI TEMPOH 1 TAHUN DARI 1 JANUARI 2025 SEHINGGA 31 DISEMBER 2025.	1,388,998.80	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD
10.	24.10.2024	PPPP/BKP/T2/2024	SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK UNTUK PESAKIT DALAM (IN-PATIENT) (GROUP HOSPITAL & SURGICAL HEALTH INSURANCE SCHEME) – GHS BAGI TEMPOH 1 TAHUN DARI 1 JANUARI 2025 SEHINGGA 31 DISEMBER 2025.	2,544,986.80	GENERALI INSURANCE MALAYSIA BERHAD
11.	24.10.2024	PPPP/BKP/T3/2024	TENDER UNTUK MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI PEJABAT	613,476.80	FUJIFILM BUSINESS INNOVATION MALAYSIA SDN BHD

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
			PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG, BANDAR BAYAN BARU, PULAU PINANG.		
12.	24.10.2024	PPPP/BP/T1/2024	PELAWAAN TENDER PEMBEKALAN, PEMASANGAN, PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN PERALATAN *SMART MEETING ROOM* DI PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	640,284.88	VISI DINAMIK ENGINEERING SDN. BHD.
13.	16.12.2024	PPPP/I/T20/2024	KERJA MEMBAIKPULIH SEBAHAGIAN PARIT MONSOON DAN MENYERAHKAN KEPADA MBSP TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI TAMAN INTAN CEMPAKA, JALAN BATU KAWAN 1, MUKIM 13, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	1,180,789.50	TERA ENGINEERING SDN. BHD.
14.	16.12.2024	PPPP/PHV/I/T01/2024	CADANGAN KERJA TANAH FASA 1 SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BATU MAUNG DISTRIBUTION AND LOGISTIC HUB, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, BERSEBELAHAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.	3,250,000.00	PDM BUILDERS SDN. BHD.

TAHUN 2025

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
1.	27.02.2025	PPPP/BPH/Q2/2022	PENYEWAAN DAN OPERASI TEMPAT LETAK KERETA DI KOMTAR WALK, KOMTAR, PULAU PINANG.	441,600.00	GEMILANG PESONA FASILITI (M) SDN. BHD.
2.	27.02.2025	PPPP/I/T22/2024	KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN SEDIA ADA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI LINGKARAN CASSIA SELATAN, PERSIARAN CASSIA SELATAN 1 DAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 2, TAMAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	1,938,540.00	A.B.U. HAYAT SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
3.	04.07.2025	PPPP/B/T3/2025	CADANGAN KERJA MENGECAT FASAD PODIUM PARAS 1 SEHINGGA PARAS 4 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN KOMTAR, PULAU PINANG.	1,768,888.80	MATLAMAT MURNI SDN. BHD.
4.	04.07.2025	PPPP/B/T2/2025	NO. TENDER: PPPP/B/T2/2025 CADANGAN PERLANTIKAN PERUNDING KONSORTIUM BAGI PROJEK MENAIKTARAF PINTU MASUK UTAMA KE PODIUM KOMTAR FASA 2 SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN, KOMTAR WALK, JALAN DR. LIM CHWEE LEONG, SEKSYEN 17, GEORGETOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	711,426.24	VERGE ARCHITECTS SDN. BHD.
5.	13.08.2025	PPPP/KEW/T1/2025	PELANTIKAN AGENSI PENARAFAN KREDIT (CREDIT RATING AGENCY) UNTUK PRIVATE DEBT SECURITIES RATING DAN SECOND PARTY OPINION UNTUK SUSTAINABLE FINANCE FRAMEWORK BAGI PROGRAM SUKUK RM3.0 BILION PDC.	578,494.00	RAM RATING SERVICES BERHAD
6.	28.08.2025	PPPP/PPKFS/T2/2025	CADANGAN PENGGANTIAN DAN MENAIKTARAF PANEL PENGGERA KEBAKARAN UTAMA (MAIN FIRE ALARM PANEL) SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI BANGUNAN KOMTAR FASA 1 & FASA 2 GEORGETOWN, PULAU PINANG.	3,399,500.00	MHBH POWERTECH (M) SDN. BHD.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

11. Kemukakan kos penuh dengan butiran terperinci (seperti: masa lebihan OT, sewaan, elaun, makan dan lain-lain) bilangan dan kakitangan terlibat untuk setiap sidang Dewan dari 2020 hingga kini (pecahan perincian mengikut sidang dan tahun).

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Kos penuh dengan butiran terperinci bagi setiap Mesyuarat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PERBELANJAAN BAGI SETIAP PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2020 SEHINGGA 2025

Bil.	Tahun	Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
1	2020	Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN – 14	Persidangan dilaksanakan secara singkat selama setengah hari sahaja disebabkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika pandemik Covid-19.	-
2		Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN – 14	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Penyediaan mesin fotostat; iv) Percetakan; dan v) Pembekalan.	186,391.35
			Elaun Lebih Masa	51,120.26
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	1,160.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
3	2021	Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN – 14 (**Perasmian**)	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Percetakan; v) Penyediaan mesin fotostat; vi) Jurugambar; dan	255,572.00

Bil.	Tahun	Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
			vii) Pembekalan kit Covid-19. Catatan : Tiada Istiadat Kawalan Kehormatan hanya ucapan perasmian oleh YDP TYT Negeri Pulau Pinang kerana pandemik Covid-19.	
			Elaun Lebih Masa	30,524.03
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	8,735.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
4	2021	Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN - 14	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Percetakan; v) Penyediaan mesin fotostat; dan vi) Percetakan.	210,387.00
			Elaun Lebih Masa	83,104.35
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	24,080.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
4	2022	Mesyuarat Pertama Penggal Kelima DUN – 14 (**Perasmian**)	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Makan minum, dobi pakaian kawalan kehormatan (Polis);	291,650.50

Bil.	Tahun	Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
			v) Pancaragam polis; vi) Percetakan; vii) Penyediaan mesin fotostat; viii) Jurugambar; ix) Pembekalan pelbagai; dan x) Juruacara perasmian.	
			Elaun Lebih Masa	30,897.82
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	20,345.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
5	2022	Mesyuarat Kedua Penggal Kelima DUN - 14	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Penyediaan mesin fotostat; dan v) Percetakan.	234,918.50
			Elaun Lebih Masa	101,842.88
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	19,155.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
6	2023	Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima DUN - 14	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Percetakan;dan	92,228.20

Bil.	Tahun	Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
			v) Pembekalan pelbagai.	
			Elaun Lebih Masa	19,309.85
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	6,835.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
7	2023	Mesyuarat Pertama (**Angkat Sumpah ADUN**) dan Mesyuarat Kedua (**Perasmian**) Penggal Pertama DUN – 15	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Makan minum, dobi pakaian kawalan kehormatan (Polis); v) Pancaragam polis; vi) Penyediaan mesin fotostat; vii) Jurugambar dan Juruvideo; dan viii) Pembekalan pelbagai.	481,956.60
			Elaun Lebih Masa	116,157.81
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	32,950.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
8	2024	Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN – 15 (**Perasmian**)	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Makan minum, dobi pakaian kawalan kehormatan (Polis); v) Pancaragam polis;	310,389.40

Bil.	Tahun	Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
			vi) Percetakan; vii) Penyediaan mesin fotostat; viii) Juruacara perasmian; ix) Jurugambar; dan x) Pembekalan pelbagai.	
			Elaun Lebih Masa	60,640.30
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	18,485.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-
9	2024	Mesyuarat Kedua Penggal Kedua DUN – 15	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Penyediaan mesin fotostat; v) Percetakan;dan vi) Pembekalan pelbagai.	228,873.60
			Elaun Lebih Masa	84,771.86
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	16,835.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	
8	2025	Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN – 15 (**Perasmian**)	Perkhidmatan : i) Penyiaran secara langsung; ii) Penyediaan makan dan minum; iii) Kanopi dan lain-lain peralatan; iv) Makan minum, dobi pakaian kawalan kehormatan (Polis);	336,575.78

Bil.	Tahun	Perkara	Butiran	Jumlah (RM)
			v) Pancaragam polis; vi) Percetakan; vii) Penyediaan mesin fotostat; viii) Juruacara perasmian; ix) Jurugambar; x) Penyediaan bas pancaragam polis; dan xi) Pembekalan pelbagai.	
			Elaun Lebih Masa	79,746.36
			Elaun Petugas (semasa persidangan DUN)	18,945.00
			Jumlah petugas yang terlibat – **80 orang**	-

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

12. Jelaskan pelan tindakan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri bagi mencapai semua tema dalam Penang2030.

    (a) Apakah lawatan pegawai ke Jepun dan Australia baru-baru ini membuahkan hasil Penang2030?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Visi **Penang2030** bukan sahaja menekankan pembangunan institusi kekeluargaan, malah turut merangkumi aspirasi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau dan pintar sebagai hala tuju pentadbiran Kerajaan Negeri bagi tempoh sepuluh tahun akan datang.

    Berdasarkan Visi Penang2030 iaitu:

    (i) **meningkatkan daya huni** bagi mempertingkat kualiti hidup rakyat;

    (ii) **menaik taraf ekonomi** untuk meningkatkan pendapatan isi rumah;

    (iii) **memperkasakan rakyat** bagi meningkatkan penyertaan umum dalam pembangunan; dan

    (iv) **melabur dalam infrastruktur serta kemudahan awam** bagi meningkatkan daya tahan negeri dalam pelbagai keadaan.

Bagi mencapai matlamat **Penang2030**, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya, telah menyelaras pelbagai inisiatif strategik termasuk perancangan pembangunan mampan, peningkatan kesejahteraan sosial, transformasi ekonomi digital, pemantapan kemahiran tenaga kerja, serta pengukuhan dasar hijau dan tenaga boleh diperbaharui. Pelaksanaan setiap inisiatif dipantau melalui laporan prestasi berkala yang disampaikan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi memastikan Penang2030 berada pada landasan yang ditetapkan.

Pelan tindakan ini dilaksanakan secara bersepadu bersama pihak berkuasa tempatan dan rakan industri. Antara program utama yang sedang dijalankan ialah **Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang**, yang memberi fokus kepada peningkatan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga menjelang tahun 2030. Kerajaan Negeri juga memacu dasar pembangunan hijau, transformasi ekonomi digital, dan peningkatan kemahiran tenaga kerja tempatan agar seiring dengan keperluan industri berteknologi tinggi.

Setakat ini, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti **16 inisiatif strategik** sebagai tonggak utama pelaksanaan Penang2030, merangkumi pembangunan infrastruktur mampan, pelancongan lestari, peningkatan taraf hidup rakyat, dan pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

(a) Berhubung lawatan pegawai ke Jepun dan Australia, ingin dijelaskan bahawa lawatan tersebut dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk memperkukuh hubungan strategik antarabangsa serta meneroka peluang pelaburan dan kerjasama teknologi.

Melalui lawatan kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Universiti Central Queensland (CQ) dan Pusat Sukan Prestasi Tinggi Gold Coast, Australia dari 17 hingga 24 September 2025 telah membawa kepada perbincangan dan idea bersama dengan beberapa pihak berkaitan seperti *Victorian Institute of Sport, Central Queensland* dan sebagainya.

Hasil lawatan tersebut, delegasi didedahkan dengan pelan, dasar dan strategik utama sukan di Negara Australia seperti *sport tourism* yang mana, sukan yang

dianjurkan oleh pihak Kerajaan Australia mahupun pihak swasta adalah berkonsepkan "sukan membawa kepada pelaburan, pelancongan dan penjanaan ekonomi".

Melalui Penang2030, visi utama Kerajaan Negeri buat masa ini adalah meningkatkan lagi penyertaan dan penglibatan masyarakat kepada sukan. Walau bagaimanapun, perancangan akan datang Kerajaan Negeri melalui MMK Sukan dan MSNPP adalah menjadikan sukan-sukan yang dianjurkan di Pulau Pinang sebagai sukan antarabangsa atau *sport tourism* seperti penganjuran Sukan SEA 2027.

Kajian berkaitan Sains Sukan serta penaiktaraf peralatan sukan juga diperlukan di negeri ini bagi terus membantu membangunkan sukan Negeri Pulau Pinang.

Seterusnya, lawatan rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Jepun adalah sempena ***World EXPO Osaka 2025*** telah membuahkan hasil signifikan dalam menyokong matlamat Penang2030. Lawatan ini berjaya menarik minat pelabur terutamanya di dalam sektor teknologi tinggi, automasi, dan reka bentuk cip, seterusnya membuka peluang pekerjaan baharu bagi belia tempatan.

Kerajaan Negeri melalui InvestPenang telah mempromosi industri reka bentuk litar bersepadu (IC) melalui inisiatif Penang Silicon Design @5KM+ (PSD@5KM+). Pihak InvestPenang bersama JETRO telah menganjurkan Penang, Malaysia Business Seminar JETRO di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan bertemakan "Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy". Seminar ini memperkenalkan Pulau Pinang sebagai hab inovasi dan teknologi serta mempamerkan empat (4) syarikat reka bentuk IC tempatan iaitu Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip dan Tenasic Technology.

Seminar ini telah memberi peluang kepada lebih 30 delegasi Jepun untuk menjalin kerjasama dalam reka bentuk cip generasi akan datang, memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai pemain global dalam industri reka bentuk IC dan membuka jalan bagi hubungan jangka panjang antara Malaysia dan Jepun. Seminar ini

juga menekankan kemampuan Pulau Pinang untuk menarik pelaburan strategik sekali gus memacu pembangunan inovasi di rantau Asia Tenggara.

Hasil lawatan menunjukkan pencapaian yang positif dari segi potensi pelaburan. Walau bagaimanapun, tindakan susulan diperlukan untuk memastikan pelaburan yang diperoleh dapat diterjemahkan kepada peluang pekerjaan dan memberi manfaat sosial kepada komuniti tempatan. Sehubungan itu, koordinasi yang lebih kukuh antara agensi adalah penting bagi memastikan semua hasil lawatan dapat diintegrasikan secara efektif dalam pelan tindakan Penang2030.

Secara keseluruhan, pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi mencapai semua tema **Penang2030** sedang dilaksanakan secara berfasa dan dipantau rapi. Lawatan pegawai ke Jepun dan Australia dianggap sebagai langkah sokongan strategik yang berpotensi memberi manfaat jangka panjang dalam merealisasikan matlamat **Penang2030** menjelang tahun 2030.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

13. Berapakah kadar kemiskinan yang direkodkan di Pulau Pinang?

    (a) Jelaskan perancangan Kerajaan Negeri ke arah sifar miskin pada tahun 2026.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Sehingga 1 November 2025, bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) mengikut status Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar adalah seperti berikut:

Status Miskin	Jumlah KIR
Miskin Tegar	0
Miskin	11,412
Terkeluar	20,216
Jumlah Keseluruhan	**31,628**

Berdasarkan data eKasih bertarikh 1 November 2025, Pulau Pinang telah menunjukkan sifar kemiskinan tegar. Namun begitu, isu kemiskinan bersifat dinamik, di mana bilangan isi rumah boleh berubah pada bila-bila masa mengikut faktor seperti kehilangan pekerjaan, penyakit kronik, atau bencana. Oleh itu, sasaran sifar miskin menjelang 2026 memerlukan usaha berterusan, pendekatan menyeluruh dan kerjasama pelbagai agensi bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan secara mampan.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pelbagai inisiatif seperti:

(i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD) yang berperanan untuk melaksanakan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat, serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat daerah.

(ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah tambahan yang proaktif melalui Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah JKM. Mulai 1 Januari 2025, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) di bawah BAES telah dinaikkan dari RM260.00 kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk *output* yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

(iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa serta kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan kadar miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

14. Nyatakan pelan tindakan yang dirancang oleh Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri dalam memastikan Pelan Perkongsian Hasil Kerajaan Persekutuan kepada Negeri dapat direalisasikan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Dalam usaha merealisasikan perkongsian hasil yang lebih adil antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, tindakan yang diambil melibatkan penambahbaikan dasar, semakan semula kaedah agihan hasil serta pelaksanaan kajian bagi memperkukuh asas rundingan antara kedua-dua pihak.

Berikutan itu, terdapat keperluan untuk mengaktifkan Jawatankuasa Pilihan Mengenai Perhubungan Negeri dan Persekutuan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memperbaharui dan memperkukuh hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta telah mengenal pasti beberapa langkah utama sebagai sebahagian daripada usaha merealisasikan aspirasi tadbir urus fiskal yang lebih cekap, berkesan dan saksama.

Langkah-langkah tersebut melibatkan pembaharuan terhadap kuasa pembiayaan dan hasil, jaminan perkongsian hasil, serta 'penyamaan mendatar' dalam agihan fiskal antara negeri-negeri dan merangkumi perkara-perkara berikut:

(i) **Perkongsian hasil yang adil**, dengan sebahagian hasil cukai Persekutuan yang dijana di Pulau Pinang dikembalikan kepada negeri. Kerajaan Negeri mencadangkan sekurang-kurangnya 20% daripada hasil cukai yang dipungut diperuntukkan semula kepada negeri dalam bentuk geran tambahan atau perkongsian hasil bagi membiayai projek pembangunan dan perkhidmatan awam yang setimpal dengan sumbangan Pulau Pinang kepada negara;

(ii) **Penerbitan data hasil dan perbelanjaan negeri secara telus** oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan akauntabiliti dalam agihan peruntukan;

(iii) **Pelaksanaan program penyamaan fiskal menyeluruh** melalui penubuhan *Equalisation Grant* berasaskan formula yang mengambil kira populasi, keluaran ekonomi, tahap kemiskinan dan keperluan pembangunan bagi menjamin semua negeri mempunyai sumber mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan asas sambil mengiktiraf sumbangan besar negeri seperti Pulau Pinang kepada KDNK negara;

(iv) **Penggunaan amalan terbaik antarabangsa**, seperti penyamaan fiskal mendatar di Australia yang ditadbir oleh Grants Commission serta pemindahan penyamaan tanpa syarat (*unconditional equalisation transfers*) di Kanada, boleh dijadikan asas dalam merangka satu mekanisme di Malaysia yang diperundangkan bagi pembiayaan negeri dan disemak secara berkala supaya dapat dilaksanakan secara telus;

(v) **Pindaan kepada undang-undang dan peraturan bagi memberikan negeri-negeri autonomi kewangan yang lebih luas.** Langkah ini hendaklah merangkumi pengembangan asas cukai yang boleh dikenakan oleh negeri, selagi dibenarkan oleh Perlembagaan. Contohnya, pindaan yang membolehkan negeri melalui undang-undang persekutuan atau pindaan perlembagaan mengenakan cukai penggunaan *(consumption tax)* atau cukai jualan *(sales tax)* peringkat dalam negeri, atau melaksanakan surcaj (yang dirangka dengan teliti dan dengan penyelarasan bersama Kerajaan Persekutuan) ke atas cukai persekutuan tertentu, serta melaras fi dan levi negeri; dan

(vi) **Kebenaran kepada negeri untuk menerbitkan bon atau mendapatkan pinjaman pembangunan**, dalam had hutang yang berhemat, untuk mengeluarkan bon atau mendapatkan pinjaman pembangunan bagi projek infrastruktur, tertakluk kepada peraturan pendedahan *(disclosure)* dan pengurusan risiko *(risk management)* yang jelas. Kerajaan Persekutuan boleh membantu dengan menubuhkan rangka kerja jaminan atau skim pinjaman *padanan (matching loan schemes)* bagi projek-projek penting. Pemerkasaan kewangan negeri akan mengurangkan kebergantungan yang berlebihan terhadap pemindahan *(transfers)* persekutuan serta menggalakkan inisiatif pembangunan tempatan yang lebih berkesan dan bertanggungjawab.

Cadangan-cadangan ini merupakan sebahagian daripada agenda pembaharuan yang digariskan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Negeri Pulau Pinang bagi membentuk sistem persekutuan yang lebih kukuh, saksama dan berdaya saing. Pelaksanaannya dijangka memberi manfaat bukan sahaja kepada Pulau Pinang tetapi juga kepada semua negeri di Malaysia melalui pertumbuhan yang lebih seimbang dan tadbir urus yang lebih berkesan di peringkat nasional.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

15. MBPP telah menyiapkan kajian Pelan Bandar Berdaya Saing. Adakah dokumentasi berkenaan akan diadaptasi dalam semua proses pembangunan? Jelaskan.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Pelan Induk Daya Saing Bandar (*City Competitiveness Master Plan* – CCMP) yang dirangka oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) boleh dilaksanakan dan diadaptasi dalam semua proses pembangunan yang dirancang, khususnya di kawasan pentadbiran MBPP. CCMP ini merupakan satu pelan strategik yang dirangka khusus bagi memanfaatkan kelebihan Bandar Raya George Town melalui penekanan terhadap aspek geografi, tenaga kerja, infrastruktur, saiz ekonomi, keterangkuman sosial, kelestarian bandar dan daya tahan ekonomi.

Bagi memastikan pelaksanaannya dapat diukur dengan jelas, CCMP digerakkan melalui empat (4) teras utama seperti berikut:

(i) Memperkasa pembangunan bandar pintar dan pertumbuhan ekonomi bagi merangsang inovasi dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi;
(ii) Meningkatkan kualiti persekitaran binaan dan kebolehdiaman bandar melalui reka bentuk bandar yang inklusif, penyediaan perumahan mampan dan pembangunan ruang hijau;

(iii) Memantapkan pengurusan sumber semula jadi, sumber boleh diperbaharui dan sosial bagi menjamin kelestarian jangka panjang; dan

(iv) Mengukuhkan tadbir urus pintar melalui reformasi institusi dan pengurusan bandar yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan CCMP dijangka dapat memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai bandar berdaya saing di peringkat serantau, di samping menyokong agenda pembangunan mampan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

16. MBPP dengan kerjasama USM telah berjaya menyiapkan kajian ilmiah berkaitan *Carbon Neutral City*. Adakah terdapat penurunan kadar karbon di bandar?

    (a) Jelaskan pencapaian bandar bebas karbon.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyiapkan Kajian Ilmiah Bandar Neutral Karbon *(Carbon Neutral City)* di bawah Pelan Tindakan Iklim Pulau Pinang *(Penang Climate Action Plan* – PCAP*)*. Kajian tersebut menunjukkan penurunan kadar pelepasan karbon yang konsisten, khususnya dalam sektor tenaga bangunan dan pengangkutan.

    (a) Hasil kajian menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang berpotensi mencapai pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Kaca (*Greenhouse Gases* – GHG) sebanyak 65% menjelang 2030 dan 94% menjelang 2050 melalui pendekatan *Business as Usual (BaU)*, iaitu unjuran berdasarkan corak pembangunan dan penggunaan

tenaga semasa tanpa pelaksanaan dasar baharu. Dapatan ini membuktikan bahawa Pulau Pinang berada di landasan positif ke arah pengurangan pelepasan karbon, sekali gus berada di landasan kukuh menuju status Bandar Neutral Karbon menjelang 2050.

Pelaksanaan semula Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 01 Julai 2024 telah mencatatkan hasil yang positif dan menjadi antara langkah signifikan dalam merealisasikan aspirasi bandar bebas karbon. Kadar kitar semula pada tahun 2023 sebanyak 41.78% telah meningkat kepada 43.72% pada tahun 2024 dan 45.27% sehingga September 2025. Penyediaan sebanyak 148 buah pusat kitar semula di kawasan pentadbiran MBPP turut menjadi petunjuk kemajuan signifikan dalam usaha mencapai status bandar bebas karbon.

Kajian ilmiah *Carbon Neutral City* yang dilaksanakan di bawah PCAP menggambarkan usaha berterusan oleh pihak MBPP dalam memperkukuh dasar kelestarian dan menyokong visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai status bandar hijau dan neutral karbon menjelang tahun 2050.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

17. Silicon Island Development telah berjaya menjalankan kerja tebus guna Pulau Selatan. Apakah perancangan pembangunan yang akan dibuat pada tahun 2026 hingga 2030 di pulau berkenaan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Silicon Island Development Sdn Bhd (SIDSB) adalah pemaju projek Pulau Silikon yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerja-kerja tambakan akan dilakukan dalam dua fasa iaitu 1,260 ekar dalam Fasa 1 dan baki 1,040 ekar dalam Fasa 2 menjadikan keseluruhan keluasan Pulau Silikon seluas 2,300 ekar. Sehingga akhir Oktober 2025, seluas 250 ekar telah ditambak. Kerja-kerja tambakan Fasa 1 dijadualkan untuk disiapkan pada 2030.

Berdasarkan Laporan Cadangan Pemajuan bagi Tebus Guna Tanah Pulau A, Fasa Pembangunan dijangka mengambil masa selama 25 tahun untuk disiapkan. Bagi tempoh tahun 2026 hingga 2030, beberapa pembangunan utama telah dirancang bagi merealisasikan visi Pulau Silikon sebagai hab teknologi hijau dan inovasi masa hadapan. Antaranya:

(1) Komponen pembangunan utama yang sedang dibangunkan ialah Lebuhraya *Pan Island Link 2A* (PIL2A) sepanjang 1.5km termasuk jejambat marin sepanjang 380 meter. PIL 2A adalah laluan utama kekal ke Pulau Silikon yang mempunyai laluan empat lorong di

setiap arah dan dijangka siap serta dibuka pada Januari 2029. Ia akan menghubungkan kawasan selatan Pulau Pinang ke Pulau Silikon serta meningkatkan akses ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan memperkukuh jaringan mobiliti negeri;

(2) Kerja-kerja tambakan di tapak Depoh LRT Laluan Mutiara di atas Pulau Silikon sedang rancak dilaksanakan dan dijangka diserahkan kepada pihak MRT Corp (pemilik aset LRT Laluan Mutiara) pada tahun 2026. Penyerahan tapak ini adalah langkah penting dalam penyediaan infrastruktur pengangkutan awam yang cekap dan mampan bagi menyokong pembangunan pulau ini;

(3) *Green Tech Park* (GTP) dijangka memulakan operasi pada 2027. GTP akan menjadi nadi ekonomi utama kepada Pulau Silikon dan pemangkin kepada pertumbuhan industri bernilai tinggi. Dengan lokasi strategiknya yang berdekatan dengan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (*FIZ*) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, taman perindustrian ini direka bentuk mengikut piawaian tinggi *Environmental, Social and Governance* (ESG) serta amalan terbaik antarabangsa. GTP akan menempatkan sektor-sektor berimpak tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu, pembangunan perisian, pembuatan semikonduktor, pembungkusan, peranti perubatan dan perkhidmatan perniagaan global (*GBS*) yang boleh menarik pelaburan daripada sektor penyelidikan dan pembangunan. Pulau Silikon dijangka menjana lebih 220,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2050, melengkapi ekosistem industri Negeri Pulau Pinang dan terus mengekalkan posisinya sebagai hab semikonduktor terkemuka di dunia. Di bawah fasa 1 pembangunan Pulau Silikon seluas 100 ekar dari keseluruhan 700 ekar GTP akan disiapkan lengkap dengan infrastruktur untuk beroperasi sebagai kawasan industri;

(4) *Heart of the Island* (HOTI) dijangka memulakan operasi pada tahun 2028. Terletak di pusat komersial Pulau Silikon, HOTI bakal menjadi tarikan pelancong bertaraf dunia dengan reka bentuk *placemaking* yang unik di tepi laut. Ia akan menampilkan pelbagai tarikan seperti taman botani, dataran awam, pusat beli-belah tepi laut, institusi

pendidikan, pejabat serta hotel bertaraf antarabangsa, hab makanan dan taman tema;

(5) Tapak loji rawatan kumbahan seluas 16.74 ekar pada ketika ini sedang diperingkat terakhir perancangan dan dijangka untuk memulakan pembinaan selewat-lewatnya pada awal 2026. Loji rawatan kumbahan ini perlu disiapkan sebelum suku pertama 2027 bagi membolehkan operasi GTP dimulakan; dan

(6) Pada tahun 2026 dan seterusnya, kemudahan infrastruktur lain termasuk jaringan jalan raya, kemudahan utiliti termasuk pembinaan koridor utiliti, penyediaan kemudahan *smart city*, pelaksanaan lanskap dan lain-lain infrastruktur akan rancak dilaksanakan bagi menjamin Pulau Silikon dapat dibangunkan dengan lain-lain pembangunan *top-side* yang akan menyemarakkan lagi pembangunan Pulau Silikon.

Keseluruhannya, pelaksanaan komponen-komponen utama ini dari tahun 2026 hingga 2030 akan meletakkan asas kukuh bagi pembangunan Pulau Silikon bagi merealisasikan visi sebagai ekosistem pintar, mampan dan berdaya tahan yang menyokong pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan serta kesejahteraan masyarakat Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG YB ONG AH TEONG

18. Senaraikan forum, simposium, seminar, kursus, persidangan dan pameran yang diwakil oleh Ketua Jabatan dan pegawai di agensi Kerajaan Negeri sejak 2023 hingga November 2025 bersama kos terlibat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Terdapat sebanyak 369 forum, simposium, seminar, kursus, persidangan dan pameran yang diwakili oleh Ketua Jabatan dan pegawai di agensi Kerajaan Negeri sejak tahun 2023 hingga Oktober 2025 melibatkan kos bernilai RM5,660,496.77.

Berikut adalah ringkasan perbelanjaan mengikut Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) bagi tahun 2023, tahun 2024 dan tahun 2025:

TAHUN	JABATAN NEGERI (RM)	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)	BADAN BERKANUN NEGERI (RM)	JUMLAH KESELURUHAN MENGIKUT TAHUN (RM)
2023	254,003.40	587,426.50	67,316.24	908,746.14
2024	1,009,449.41	451,537.13	28,820.27	1,489,806.81
2025	858,466.50	297,296.63	2,106,180.69	3,261,943.82
JUMLAH	**2,121,919.31**	**1,336,260.26**	**2,202,317.20**	**5,660,496.77**

Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS, PERSIDANGAN DAN PAMERAN

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
JABATAN NEGERI		
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang		
1	Persidangan Antarabangsa 2nd International Conference On Dam Safety Management And Engineering (ICDSME 2023)	**RM1,490.00**
2	Persidangan Eighth Asia-Pacific Urban Forum (APUF-8) di Suwon, Gyeonggi- Do, Korea Selatan (23 Oktober 2023 – 25 Oktober 2023)	**RM5,300.00**
3	Kursus Pengukuhan Fungsi Teras Unit Integriti Sektor Awam Siri 1 Anjuran Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah	**RM3,750.00**
4	Perkhidmatan Konsultan Bagi Program SIRIM Lead Auditor Courses Iso 37001 : 2016	**RM12,084.00**
5	Ageing Asia 2023 World Ageing Festival di Singapura Dari 21 - 26 Mei 2023	**RM23,087.50**
6	Pekan Raya Sumatera Utara Kali Ke- 49 (Medan Fair) 15 hingga 16 Jun 2023	**RM91,230.00**
7	China International Fair for Investment Trade (CIFIT) Serta Meraikan Ulang tahun Ke-30 Jalinan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen Di Xiamen, Republik Rakyat China Pada 5 - 9 September 2023	**RM25,850.00**
8	Forum Medtech 2023 Pada 6 Disember 2023 di Suntec Convention, Singapura.	**RM23,852.90**
Jabatan Pengairan Saliran		
9	Water Resources Forum The 30th UNESCO-IHP Regional Steering Committee for Asia And The Pacific 2023	**RM450.00**

SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS, PERSIDANGAN DAN PAMERAN

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
10	Persidangan Tahunan Persatuan Kebangsaan bagi MANCO25 2023	**RM650.00**
11	Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia 2023	**RM5,400.00**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang		
12	Program Latihan Penempatan Jangka Pendek Di Luar Negara (Oman) 23-29 Julai 2023	**RM49,954.00**
Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut		
13	Business Matching dan Seminar 2023 Oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Malaysia Serta Majlis Perasmian Pekan Raya Sumatera Utara (MEDAN FAIR) Kali Ke-49 Tahun 2023 Di Medan, Indonesia	**RM5,050.00**
Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang		
14	Kursus Alternative Dispute Resolution (ADR) In The Construction Industry	**RM800.00**
15	Asset And Project Management Conference (APMC 2023)	**RM810.00**
16	Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia 2023	**RM2,125.00**
17	Bayaran Yuran Penyertaan Kursus Lesen Kelas 'E' Bagi Kakitangan Ibu Pejabat JKR Pulau Pinang	**RM2,120.00**
JUMLAH PERBELANJAAN JABATAN NEGERI		**RM254,003.40**
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
Majlis Bandaraya Seberang Perai		
18	2023 Green Hydrogen Global Forum	**RM270.00**

SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS, PERSIDANGAN DAN PAMERAN

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
19	Forum Hebahan Garis Panduan Perancang Electric Vehicle Charging Bay (GPP EVCB) Dan Prosedur Permohonan Pemajuan	**RM1,164.00**
20	Forum Industri Dalam Construction 4.0 Dan Lawatan Teknikal	**RM800.00**
21	Forum Pemerkasaan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023	**RM1,614.40**
22	Forum Persidangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah 2023	**RM5,772.00**
23	Persidangan Malaysia Urban Forum 2023 (MUF2023)	**RM16,353.60**
24	World Cities Summit (WCS Mayors Forum And The 6th WeGO General Assembly (Seoul, Korea)	**RM21,967.73**
25	Simposium Penilaian Impak Sosial (SIA) 2023	**RM6,187.00**
26	Geotechnical Engineering Seminar 2023 - Invitation Of Collaboration 2023	**RM800.00**
27	Seminar Kewangan Dan Pengauditan Sektor Awam (SKPSA) 2023	**RM4,794.80**
28	Seminar Pengurusan Kewangan Dan Pelaksanaan Penguatkuasaan Bagi Tunggakan Caj Penyelenggaraan Dan Caruman Kumpulan Wang Penjelas Mengikut Akta Pengurusan Strata	**RM1,452.00**
29	Seminar Penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari (SUBMC) Mengikut Akta Pengurusan Strata (Akta757) Akta 2013	**RM1,729.00**
30	Seminar Pihak Berkuasa Tempatan: Pengukuhan Dan Peningkatan Hasil PBT	**RM3,444.00**
31	Seminar Town Planning Legislation And Procedure	**RM350.00**
32	UTEM Finance Seminar (UFIS 3.0) Dasar Dan Cabaran Pelaksanaan Pendigitalan Kewangan	**RM1,600.00**

SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS, PERSIDANGAN DAN PAMERAN

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
33	Kursus Animal Behavior And Welfare Day 2023	**RM150.00**
34	Kursus Asas Juruaudit Dalam	**RM1,860.00**
35	Kursus Asas Juruaudit Pada 7 Hingga 9 November 2023	**RM1,860.00**
36	Kursus Asas Polis Bantuan	**RM35,854.00**
37	Kursus Dan Bengkel Kemahiran Penggunaan Buluh	**RM3,400.00**
38	Kursus Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan PBT Tahun 2023 Zon Utara	**RM1,291.50**
39	Kursus Landconversion And Cost Understanding Real Property Gain Tax	**RM1,479.00**
40	Kursus Masterclass Penyediaan Blueprint Dan Pelan Tindakan Bandar Pintar 2023	**RM1,599.00**
41	Kursus Open Source Intelligence (OSINT)	**RM464.00**
42	Kursus Pelaksanaan Kajian Impak Latihan: Penyediaan Pelan Tindakan Latihan Pengurusan Program Secara Dalam Talian	**RM780.00**
43	Kursus Pengendalian Kenderaan 4x4	**RM1,920.00**
44	Kursus Pengurusan Harta/Aset Berkesan Dan Berstrategik Di Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	**RM3,776.00**
45	Kursus Pengurusan Pelanggan	**RM20,541.00**
46	Kursus Pengurusan Pokok Ameniti Arborikultur Putrajaya	**RM4,750.00**
47	Kursus Pentadbiran Pangkalan Data Oracle 12c	**RM23,768.00**
48	Kursus Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	**RM2,872.50**

SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS, PERSIDANGAN DAN PAMERAN

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
49	Ahli Panel Dalam Forum Persidangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah 2023	**RM5,772.00**
50	Persidangan Malaysia Urban Forum 2023 (MUF2023)	**RM16,353.60**
51	Persidangan Nasional Undang-Undang Kerajaan Tempatan 2023	**RM14,621.00**
52	Persidangan Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan Se-Malaysia Bagi Penggal Ke-2 Tahun 2023	**RM1,422.00**
53	Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri ke London, United Kingdom dan Dusseldorf, Germany pada 24 hingga 29 April 2023 (Kerajaan Negeri Pulau Pinang)	**RM64,923.00**
54	CITYNET SDG Leadership Program: City Benchmarking on Public Private Partnership (PPP) for Sustainable Development Goals pada 23 hingga 25 Mei 2023 di Seoul, Korea (CityNet Secretariat bersama Seoul Metropolitan Government)	**RM30,278.68**
55	The United Nation Habitat Assembly pada 5 hingga 9 Jun 2023 di Nairobi, Kenya (United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat))	**RM91,880.00**
56	Daring Cities 2023 Dialogues and ICLEI GexCom Meeting pada 11 hingga 13 Jun 2023 di Bonn, Germany (ICLEI World Secretariat)	**RM56,252.15**
57	Invitation to the World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) NIA Annual Joint Training Course 2023 pada 24 hingga 28 Julai 2023 di Seoul, Korea (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO), Singapore's Centre for Liveable Cities and the Urban Redevelopment Authority)	**RM26,729.30**
58	Invitation to the ASEAN Mayors Forum (AMF) 2023 di Jakarta, Indonesia pada 1 hingga 2 Ogos 2023 (United Cities and Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) /ASEAN Mayors Forum (AMF) Secretariat)	**RM5,344.80**

SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS, PERSIDANGAN DAN PAMERAN

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
(a) Kebaikan dan faedah menganggotai RCN adalah seperti berikut:

(i) Perkongsian pengetahuan global: Ahli dapat berkongsi dan memperoleh pengalaman serta amalan terbaik daripada bandar-bandar lain di seluruh dunia dalam menangani cabaran seperti perubahan iklim, bencana alam dan ketidaksamaan sosial;

(ii) Akses kepada kepakaran dan sumber teknikal: Ahli mendapat sokongan teknikal daripada pakar antarabangsa dalam perancangan bandar lestari, pengurusan risiko bencana dan strategi daya tahan komuniti;

(iii) Peluang pembiayaan dan kerjasama antarabangsa: Keahlian membolehkan bandar mengakses dana pembangunan dan projek kolaboratif dengan agensi seperti UN-Habitat, World Bank dan lain-lain;

(iv) Pengiktirafan antarabangsa: Penyertaan dalam RCN meningkatkan imej dan kredibiliti sesebuah bandar sebagai bandar yang progresif, berdaya tahan dan komited terhadap pembangunan mampan;

(v) Rangkaian kerjasama antara bandar: Keahlian dalam RCN membuka peluang untuk jalinan hubungan strategik bersama bandar lain bagi projek kolaboratif seperti pengurusan banjir, ekonomi hijau dan transformasi digital; dan

(vi) Pembangunan kapasiti dan latihan: Pegawai kerajaan tempatan dapat mengikuti bengkel, latihan dan program pembangunan kapasiti untuk memperkukuh keupayaan membuat perancangan dasar berasaskan daya tahan (*resilience-based policy planning*).

(b) Pendirian yang dibentangkan dalam forum RCN merangkumi:

(i) Komitmen terhadap bandar berdaya tahan dan inklusif: Menegaskan pendirian bahawa setiap dasar pembangunan perlu mengambil kira kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar serta keupayaan bandar menyesuaikan diri terhadap perubahan iklim;

(ii) Tumpuan kepada adaptasi perubahan iklim dan risiko bencana: Menggariskan langkah-langkah mitigasi seperti pelan pengurusan banjir bersepadu, pemulihan ekosistem semula jadi serta penggunaan teknologi pintar bagi sistem amaran awal;

(iii) Pendekatan berasaskan komuniti: Menekankan keperluan melibatkan komuniti tempatan dalam proses perancangan dan pelaksanaan strategi daya tahan agar dasar lebih inklusif dan efektif;

(iv) Pengukuhan tadbir urus dan akauntabiliti antara agensi: Menyeru supaya wujud penyelarasan yang lebih baik antara agensi kerajaan, pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan pelaksanaan strategi daya tahan (*resilience*) yang lebih bersepadu;

(v) Peralihan ke arah ekonomi hijau dan bandar pintar: Menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), pengangkutan rendah karbon dan pembangunan infrastruktur hijau untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dan alam sekitar; dan

(vi) Menutup jurang pembiayaan daya tahan (*resilience financing*): Mencadangkan mekanisme pembiayaan inovatif seperti bon hijau (*green bonds*) dan dana komuniti untuk melaksanakan projek berimpak tinggi terhadap daya tahan bandar.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

25. Malaysian Healthy Ageing Society mengharumkan nama Pulau Pinang dalam pelaksanaan Age Friendly City seperti wawancara di Astro Awani. Apakah tindakan PBT dalam pelaksanaan agenda tersebut?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Dalam melaksanakan agenda Bandar Mesra Usia (Age-Friendly City) dan mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat kebangsaan serta antarabangsa, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerbitkan Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Pulau) pada tahun 2024 hasil kolaborasi dengan pelbagai agensi termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Rapid Penang, serta pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melalui siri sesi libat urus yang dijalankan sejak tahun 2023.

Pelaksanaan inisiatif ini telah membuahkan hasil apabila MBPP berjaya meraih Anugerah Prihatin Warga Emas sempena *Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan* pada 8 Oktober 2024, di samping menerima pelbagai jemputan ke seminar antarabangsa untuk berkongsi amalan terbaik Pulau Pinang dalam pembangunan bandar mesra usia.

Seterusnya, MBPP bersama Penang Women's Development Corporation (PWDC) turut terlibat dalam Sarawak International Conference for Ageing pada 28 hingga 29 Oktober 2025 bagi

mempromosikan Pulau Pinang sebagai negeri perintis dalam pelaksanaan Age-Friendly City.

Pulau Pinang juga akan menjadi tuan rumah kepada seminar "Mayor's Meeting on Strengthening WHO Healthy Settings Malaysia" pada 25 hingga 26 November 2025, anjuran bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertemakan *"Healthier Cities, Stronger Futures: Leadership and Action Across Healthy Settings."*

Seminar ini akan menghimpunkan wakil-wakil daripada pelbagai negara ahli WHO seperti Australia, Singapura, Filipina dan Indonesia, sekali gus mengiktiraf Pulau Pinang sebagai negeri paling ke hadapan dalam menyelesaikan Fasa 1 pelaksanaan di bawah WHO-GNAFCC (Global Network for Age-Friendly Cities and Communities).

Tambahan juga, satu wawancara bersama Datuk Bandar MBPP akan diadakan pada 19 November 2025 bersama pihak Astro Awani. Intipati wawancara tersebut adalah berkenaan Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Pulau), usaha dan komitmen MBPP dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah Bandar Mesra Usia serta hala tuju Pulau Pinang khususnya di bahagian Pulau sebagai sebuah bandar yang lebih mesra usia.

Selain itu, bagi memastikan kesinambungan usaha ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Mesra Usia menjelang tahun 2030, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan geran bagi tempoh 2025 hingga 2028 bagi pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia Seberang Perai melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

26. Senaraikan jumlah kebun komuniti Urban Farming dalam kawasan PBT.

    (a) Nyatakan kos operasi dan hasil yang diperolehi.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Senarai kebun komuniti yang diluluskan pada tahun 2025 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

    (a) Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan secara *one off* kepada projek pembangunan komuniti (*urban farming*) di bawah pelbagai kategori termasuk sekolah, komuniti dan institusi. Peruntukan ini diberikan sebagai perbelanjaan modal (*capital expenditure*) untuk membiayai kos projek yang melibatkan pembinaan, perolehan dan naik taraf aset/peralatan atau pembaikan bagi memastikan projek tersebut dapat berfungsi apabila siap.

    Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam menyokong dan memperluas amalan pertanian bandar termasuk penyediaan tanah kosong milik MBPP kepada komuniti, persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk projek kebun komuniti. Sehubungan dengan itu, MBPP telah mengambil inisiatif menyediakan tapak *greenhouse* di Jalan

DS Ramanathan, Lebuhraya Rose yang akan menjalankan sistem penternakan ikan di bawah projek pertanian bandar (*Urban Fish Farming*) bersama pihak perunding dan pembekal dari Usains Infotech Sdn. Bhd. dengan melibatkan kos perkhidmatan perunding dan pembekal sebanyak RM99,357.84. Projek pemasangan sistem penternakan ikan dijangka bermula pada awal bulan November 2025 dan tempoh kontrak projek ini adalah selama 10 bulan. Selain itu, kos operasi sedia ada di Kebun Komuniti MBPP Lebuhraya Rose ini adalah berjumlah RM480,540.00. Manakala hasil bagi kebun komuniti di kawasan MBPP adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA KEBUN	HASIL SEBULAN (kg)
1.	Kebun Komuniti Lebuh Padang Tembak, Air Itam	20 hingga 50
2.	Kebun Komuniti Taman Jajar Sungai Kelian, Tanjung Bungah	5 hingga 20
3.	Kebun Komuniti Jalan Sungai Emas, Batu Ferringhi	20 hingga 50
4.	Kebun Komuniti Sungai Nibong Pantai	5 hingga 20
5.	Kebun Komuniti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Lebuhraya Rose, George Town	20 hingga 40

Selain itu, kos operasi dan hasil yang diperolehi oleh kebun komuniti di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah diuruskan oleh pihak komuniti sendiri dan tiada laporan yang dikemukakan kepada pihak MBSP.

LAMPIRAN A

SENARAI KEBUN KOMUNITI YANG DILULUSKAN TAHUN 2025 OLEH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)

BIL.	NAMA KEBUN	PENGUSAHA	JENIS TANAMAN
1.	Kebun Komuniti Lebuh Padang Tembak, Air Itam	MPKK Jalan Padang Tembak	Sayuran berdaun dan herba
2.	Kebun Komuniti Taman Jajar Sungai Kelian, Tanjung Bungah	MPKK Sungai Kelian	Sayuran berdaun dan herba
3.	Kebun Komuniti Jalan Sungai Emas, Batu Ferringhi	MPKK Jalan Sungai Emas	Sayuran berdaun, herba dan pokok buah-buahan
4.	Kebun Komuniti Sungai Nibong Pantai	MPKK Sungai Nibong Pantai	Sayuran berdaun dan herba
5.	Kebun Komuniti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Lebuhraya Rose, George Town	MBPP	Sayuran berdaun, herba, akuakultur dan penternakan *seagrapes*

LAMPIRAN B

SENARAI KEBUN KOMUNITI YANG DILULUSKAN TAHUN 2025 OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

BIL.	NAMA KEBUN	PENGUSAHA	DAERAH
1.	Thamby Kechil	20, Jalan Bunga Raya 1, Off Jalan Raja Uda	Seberang Perai Utara
2.	Taman Pandan	Lorong Bunga Rampai 3, Taman Pandan, Butterworth	Seberang Perai Utara
3.	Bomba Tasek Gelugor	Balai Bomba Tasek Gelugor	Seberang Perai Utara
4.	Dewan Bakau Tua	Dewan Dato Hj Ismail Che Chik, Jalan Kuala Muda, Bakau Tua	Seberang Perai Utara
5.	Dewan Taman Merbau Indah	Lorong Merbau Indah 13, Taman Merbau Indah	Seberang Perai Utara
6.	Pusat Sumner Alam Sekitar Desa Damai	Lorong Nangka 7, Taman Desa Damai	Seberang Perai Tengah
7.	Taman Bukit Kechil	Taman Bukit Kecil, Bukit Mertajam.	Seberang Perai Tengah
8.	Kawasan Rukun Tetangga Taman Keenways	Solok Mesra, Taman Keenways, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah
9.	Kawasan Rukun Tetangga Taman Sentosa	Tingkat Sentosa, Taman Sentosa, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah
10.	Taman Janggus Jaya	Lorong Janggus Jaya ⅓, Taman Janggus Jaya	Seberang Perai Tengah
11.	Taman Bukit Minyak	Jalan Bukit Minyak 2, Taman Bukit Minyak Indah	Seberang Perai Tengah
12.	Taman Puteri Gunung, Kepala Gajah	Lorong Putri Gunung 38, Taman Puteri Gunung	Seberang Perai Selatan

BIL.	NAMA KEBUN	PENGUSAHA	DAERAH
13.	Taman Tambun Indah	Lorong Tambun Indah 2, Taman Tambun Indah	Seberang Perai Selatan
14.	Dewan Bandar Cassia	Jalan Dedaun 1, Bandar Cassia	Seberang Perai Selatan
15.	Taman Murai Jaya	Lorong Murai Jaya 6, Taman Murai Jaya	Seberang Perai Selatan
16.	Taman Markisah	Lorong Markisah 2, Taman Markisah	Seberang Perai Selatan

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

27. Adakah George Town World Heritage Inc. berhasrat untuk mewartakan makanan Pulau Pinang dalam senarai warisan dunia?

    (a) Jika tidak, bolehkah satu inisiatif dapat dijalankan ke arah pewartaan tersebut?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dalam proses menyediakan strategi untuk mengangkat Gastronomi Pulau Pinang dalam senarai *UNESCO Creative Cities of Gastronomy*. Dua orang pakar Warisan Tidak Ketara di Malaysia,yang sekarang berkhidmat di GTWHI dalam proses menyediakan dokumen strategi dan bakal menjalankan kerja – kerja pelaksanaan di bawah seliaan YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.

    (a) Untuk pewartaan makanan Pulau Pinang dalam senarai UNESCO, ianya boleh dilaksanakan melalui nominasi Warisan Tidak Ketara di bawah Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003. Walau bagaimanapun, penyenaraian ke Warisan Kebangsaan merupakan satu keperluan sebelum diangkat ke peringkat UNESCO.

Sehingga kini terdapat sebanyak 213 makanan tradisional di Malaysia yang telah diwartakan sebagai makanan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Daripada keseluruhan senarai tersebut, 29 makanan adalah merupakan makanan tradisi yang berkaitan dengan Pulau Pinang. Senarai makanan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah mencalonkan 10 makanan tradisional Negeri Pulau Pinang untuk diwartakan di bawah Akta 645. Makanan Tradisional tersebut ialah Nasi Kandar, Pasembur, Char Kue Kak, Mi Hokkien, Mi Udang, Mi Sotong, Mi Jawa, Kerabu Bihun, Oh Chien dan Roti Benggali.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri kini sedang menjalankan kajian makanan tempatan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Warisan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) dan seterusnya akan dicalonkan untuk diwartakan di bawah Akta 645.

LAMPIRAN A

Senarai Makanan Warisan yang Berkaitan Dengan Pulau Pinang
(Diwartakan di Bawah Akta 645)

Bil.	Jenis Makanan	Tahun Pewartaan
1	Nasi Lemak	2009
2	Mi Mamak	2009
3	Laksa Asam	2009
4	Char Kuey Teow Pulau Pinang	2009
5	Halwa Sukun	2009
6	Yong Tau Fu	2009
7	Kari Kepala Ikan	2009
8	Teh Tarik	2009
9	Cendol	2009
10	Apam Balik	2009
11	Roti Canai	2009
12	Kurma Daging	2009
13	Bubur Cha-Cha	2012
14	Pulut Tekan dengan Seri Kaya	2012
15	Popia	2012
16	Pie Tee	2012
17	Choonpiah	2012
18	Kari Kapitan	2012
19	Ayam Pong Teh	2012
20	Gerang Asam	2012
21	Inche Kabin	2012
22	Kasui	2012
23	Rojak	2012
24	Keema	2012
25	Ais Kepal	2015
26	Kuih Ros	2015
27	Kuih Bangkit	2015
28	Sup Tulang	2015
29	Aiskrim Malaysia	2018

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

27. Adakah George Town World Heritage Inc. berhasrat untuk mewartakan makanan Pulau Pinang dalam senarai warisan dunia?

    (a) Jika tidak, bolehkah satu inisiatif dapat dijalankan ke arah pewartaan tersebut?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dalam proses menyediakan strategi untuk mengangkat Gastronomi Pulau Pinang dalam senarai *UNESCO Creative Cities of Gastronomy*. Dua orang pakar Warisan Tidak Ketara di Malaysia,yang sekarang berkhidmat di GTWHI dalam proses menyediakan dokumen strategi dan bakal menjalankan kerja – kerja pelaksanaan di bawah seliaan YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.

    (a) Untuk pewartaan makanan Pulau Pinang dalam senarai UNESCO, ianya boleh dilaksanakan melalui nominasi Warisan Tidak Ketara di bawah Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003. Walau bagaimanapun, penyenaraian ke Warisan Kebangsaan merupakan satu keperluan sebelum diangkat ke peringkat UNESCO.

Sehingga kini terdapat sebanyak 213 makanan tradisional di Malaysia yang telah diwartakan sebagai makanan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Daripada keseluruhan senarai tersebut, 29 makanan adalah merupakan makanan tradisi yang berkaitan dengan Pulau Pinang. Senarai makanan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah mencalonkan 10 makanan tradisional Negeri Pulau Pinang untuk diwartakan di bawah Akta 645. Makanan Tradisional tersebut ialah Nasi Kandar, Pasembur, Char Kue Kak, Mi Hokkien, Mi Udang, Mi Sotong, Mi Jawa, Kerabu Bihun, Oh Chien dan Roti Benggali.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri kini sedang menjalankan kajian makanan tempatan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Warisan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) dan seterusnya akan dicalonkan untuk diwartakan di bawah Akta 645.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIII)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG

28. Adakah Kerajaan Negeri akan membantu Penang Port untuk menjadikan pelabuhan negeri ini sebagai *home port* kapal persiaran dunia seperti di Singapura?

    (a) Nyatakan cabaran pelaksanaannya.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong sepenuhnya usaha menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai *home port* bagi kapal persiaran antarabangsa, sejajar dengan aspirasi untuk memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai hab pelancongan maritim utama di rantau Asia Tenggara. Inisiatif ini berpotensi membawa limpahan ekonomi yang besar kepada sektor pelancongan, peruncitan, logistik dan hospitaliti di Pulau Pinang, khususnya melalui pertambahan tempoh tinggal dan perbelanjaan pelancong.

    Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memberikan sokongan terhadap penganjuran *CruiseWorld Malaysia* yang diadakan di Pulau Pinang buat pertama kalinya. Program ini menjadi platform penting bagi memperkukuh promosi sektor pelancongan kapal persiaran serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemain industri mengenai potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelayaran antarabangsa dan pusat operasi pelancongan maritim serantau.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama rapat dengan Penang Port Sdn. Bhd., Kementerian Pengangkutan Malaysia serta agensi-agensi berkaitan bagi meneliti potensi dan keperluan pembangunan infrastruktur pelabuhan secara menyeluruh. Tumpuan utama akan diberikan kepada naik taraf kemudahan fizikal, penyelarasan pentadbiran pelabuhan, serta strategi pemasaran antarabangsa bagi merealisasikan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai *Home Port of Choice* bagi kapal persiaran di rantau ini pada masa hadapan.

(a) Pelaksanaan inisiatif ini berdepan dengan beberapa cabaran utama, antaranya adalah seperti berikut:

(i) Keperluan menaik taraf infrastruktur pelabuhan, termasuk terminal penumpang, sistem pengurusan bagasi, ruang berlepas dan ketibaan, serta kemudahan sokongan lain bagi menampung operasi kapal persiaran berskala besar;

(ii) Penyelarasan antara agensi pelaksana yang melibatkan Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, MAQIS dan Penang Port Sdn. Bhd., memerlukan mekanisme operasi bersepadu bagi melancarkan proses pelepasan dan ketibaan penumpang; dan

(iii) Keperluan strategi promosi dan insentif jangka panjang bagi menarik minat syarikat pelayaran antarabangsa untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pangkalan utama *home port* mereka di rantau ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

1. Apakah status pelaksanaan projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, Balik Pulau?

   (a) Bilakah tarikh tender dikeluarkan, kerja bermula dan siap disasar?

   (b) Berapakah kos semasa, sumber peruntukan serta pecahan pakej?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Status pelaksanaan projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, Balik Pulau dalam proses tender.

   (a) Berikut maklumat berkaitan tender:

   Tarikh Tender dikeluarkan : 25/9/2025
   Tarikh Tutup Tender : 4/12/2025
   Jangka Mula Kerja: Mac 2026
   Jangka Siap Kerja: Mac 2030

   (b) Kos semasa : Status *Property and Casualty* (P&C) iaitu masih dalam peringkat tender.

   Sumber Peruntukan: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

   Pecahan Pakej: Tiada

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

2. Senaraikan kampung warisan serta kampung yang sedang dalam permohonan pengiktirafan warisan di Pulau Pinang.

   (a) Senaraikan kampung warisan yang telah dihapuskan atau dipindahkan.

   (b) Sejauh manakah projek mega memberi impak terhadap kelestarian kampung warisan tersebut?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. PLANMalaysia telah menjalankan Kajian Pelan Induk Kampung-Kampung Warisan di Pulau Pinang dan menyediakan Pelan Pemeliharaan Pemuliharaan Pengurusan Kampung Warisan untuk memastikan kampung warisan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang kekal terpelihara.

   Sehingga kini, terdapat satu (1) pencalonan kampung warisan untuk ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Kampung Melayu Lama Air Itam.

   (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod kampung warisan yang telah dihapuskan atau dipindahkan.

   (b) Projek pembangunan berskala besar yang dilaksanakan bagi tujuan pemodenan kawasan khususnya yang melibatkan kampung warisan, sememangnya boleh memberi kesan langsung terhadap kelestarian setempat termasuk integriti,

nilai sosial serta warisan budaya komuniti. Sekiranya kawasan tersebut telah diwartakan sebagai tapak warisan, sebarang pembangunan yang tidak terkawal atau tidak mengambil kira garis panduan pemuliharaan berpotensi menjejaskan nilai keaslian tapak tersebut dan boleh menyebabkan status pewartaannya terjejas atau digugurkan daripada senarai warisan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

3. Senaraikan tanah pertanian yang ditukar status dari tanah pertanian kepada lot perumahan dari 2020 sehingga kini.

   (a) Apakah syarat khas, kadar premium dan kategori kegunaan perumahan diluluskan?

   (b) Berapakah pendapatan yang Kerajaan Negeri peroleh daripada pertukaran status ini mengikut tahun?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Jumlah lot tanah pertanian yang ditukar status kepada kediaman atau perumahan mengikut tahun dan jumlah pendapatan Kerajaan Negeri daripada pertukaran status ini adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah keluasan (meter^2).	Jumlah pendapatan (RM).
1.	2020	442,271.6151	14,743,951.20
2.	2021	378,312.0000	6,275,679.31.
3.	2022	232,627.7441	6,353,235.75
4.	2023	69,474.6797	2,415,661.55
5.	2024	418,377.6328	6,666,145.45
6.	2025	322,155.7487	10,930,740.10

Perincian tanah lot pertanian yang ditukar status kepada perumahan mulai tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kategori kegunaan tanah bagi tujuan perumahan adalah 'Bangunan' dan syarat nyata tanah adalah 'untuk tujuan kediaman sahaja'. Berdasarkan Kaedah 23(4)(i), Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang (Pindaan) 2021, kadar premium bagi permohonan mengubah kategori daripada kategori 'Pertanian' kepada 'Bangunan' adalah sebanyak 15% daripada nilaian tanah semasa.

Untuk makluman, bagi tahun 2020 hingga 2024, di bawah Kempen Pemilikan Rumah (*House Ownership Campaign* (HOC)) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 Sehingga Tahun 2024, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan diskaun terhadap kadar premium tambahan bagi permohonan pengubahan kategori penggunaan tanah pertanian kepada bangunan untuk tujuan kediaman/perumahan mengikut perincian yang dinyatakan dalam jadual seperti berikut:

Bil	Versi HOC	Tempoh Kuat Kuasa	Kadar Diskaun
1.	HOC	10.06.2020-09.06.2021	25%
2.	HOC 2.0	10.06.2021-30.06.2022	25%
3.	HOC 2.0 Plus	01.07.2022 - 31.12.2022	50%
4.	HOC 3.0	01.01.2023-31.12.2023	25%
5.	HOC 3.0 Plus	01.01.2024-31.12.2024	25%

LAMPIRAN A

TAHUN	2020		2021		2022		2023		2024		2025		
BUTIRAN	KELUASAN (m2)	PREMIUM	KELUASAN (m2)	PREMIUM	KELUASAN (m2)	PREMIUM	KELUASAN (m2)	PREMIUM	KELUASAN (m2)	PREMIUM	KELUASAN (m2)	PREMIUM	
DTL	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
DBD	0	0	0	0	13,202.8484 12,444.0638	RM401,062.50 RM378,000.00	0	0	0	0	0	0	
SPU	276540.0000								153300.0000				Belum terima
SPU	150305.0000	RM13,110,001.20	47040.0000	RM1,340,645.56	157,576.0000	RM4,254,552.80	34729.0000	RM1,172,008.97	6045.0000	RM1,016,801.30	318550.0000	RM4,603,751.00	RM5,517,889.00
SPU									15560.0000				RM4,902,537.73
SPS	0	0	28,942.0000 289,650.0000	RM3,795,093.75 RM911,700.00	30,680.1816 1,448.7744 3,253.6722	RM690,304.10 RM264,512.60	29,764.0000	RM1,004,535.00	0	0	0	0	
SPT	15,427	RM1,633,950.00	12680.0000	RM228,240.00	2,776.0000 8,033.0000 3,213.2037	RM364,803.75	2913.7363 1307.1345 760.8089	RM239,117.58	5,387 97,502 5952.9252 33738.6385 8118.9928 7562.5509 9182.3163 15301.1625 50282.1113 10444.9353	RM115,147.12	3605.7487	RM6,326,989.10	
Jumlah	442,271.6151	RM14,743,951.20	378,312.0000	RM6,275,679.31	232,627.7441	RM6,353,235.75	69,474.6797	RM2,415,661.55	418,377.6328	RM1,131,948.42	322,155.7487	RM10,930,740.10	

ID357/13

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

4. Apakah mekanisme yang dilaksanakan untuk mengatasi banjir kilat di kawasan Air Putih, khususnya susulan pertambahan projek yang dijangka memburukkan keadaan?

   (a) Apakah pelan RTB, skop naik taraf saliran dan garis masa pelaksanaan?

   (b) Berapakah peruntukan, sumber dana dan agensi pelaksana bagi projek ini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Antara mekanisme yang dilaksanakan untuk mengatasi kejadian banjir kilat di kawasan pulau, Pulau Pinang khususnya susulan pertambahan projek yang dijangka memburukkan keadaan adalah kawalan perancangan pembangunan dengan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh Japan International Corporation Agency (JICA).

   Bagi kawasan di luar Bandaraya George Town pula, pemaju-pemaju akan dikenakan syarat untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat berdasarkan kepada Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua, Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam Daerah Timur Laut dan Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian

tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu supaya air larian dari kawasan pembangunan dilepaskan ke sistem saliran utama secara terkawal dan tidak mendatangkan impak kepada kawasan sekitar.

(a) Buat masa ini, tiada Rancangan Tebatan Banjir (RTB) khusus untuk kawasan Air Putih di bawah perancangan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP). Walau bagaimanapun, cadangan untuk menaik taraf sistem saliran telah dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya Daerah Barat Daya (JKR DBD), melibatkan pembesaran longkang daripada saiz 600 milimeter (mm) kepada 1,200mm bagi meningkatkan kapasiti aliran air.

(b) Buat masa ini, tiada perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi pembangunan RTB di kawasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

5. Berapakah pendapatan Stadium Negeri mengikut musim sejak tahun 2022?

   (a) Apakah sokongan kewangan dan tadbir urus kerajaan bagi pengendali stadium?

   (b) Apakah usaha kerajaan dalam membudayakan penyokong untuk menonton di stadium memandangkan kehadiran kian merosot?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Pendapatan yang dihasilkan dari Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan adalah seperti berikut:

Tahun	Pendapatan (RM)
2022	133,445.00
2023	291,168.10
2024	350,705.20
2025	357,700.60

   (a) Setiap tahun Pihak Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) mendapat geran daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai wang pengurusan untuk mengendalikan pengoperasian PSDKLPP. Antara geran yang diterima adalah untuk pembayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan,

bayaran kontrak perkhidmatan, kos operasi dan utiliti serta cukai.

Tahun	Geran Diterima (RM)
2022	3,000,000.00
2023	5,000,000.00
2024	3,500,000.00
2025	3,500,000.00

(b) Pihak Pengurusan PSDKLPP berusaha membantu mempromosikan tarikh perlawanan serta bahan-bahan promosi perlawanan di media sosial PSDKLPP. Selain itu, dengan kerjasama bersama pihak Penang FC, tiket perlawanan untuk Piala Presiden dan Piala Belia adalah percuma. Orang awam adalah dibenarkan masuk secara percuma mengikut jadual pembukaan stadium.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

6. Apakah persiapan kerajaan bagi Sukan SEA 2027?

   (a) Di manakah lokasi dan apakah senarai *venue* sukan yang akan digunakan?

   (b) Bilakah garis masa naik taraf, pembinaan baharu dan ujian pra-acara dilaksanakan?

   (c) Berapakah kos, sumber peruntukan dan status perolehan setakat ini?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Perancangan ke arah persediaan menghadapi Sukan SEA 2027 masih berada pada peringkat awal penubuhan Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN 2027.

   (a) Setakat ini, penetapan beberapa buah negeri sebagai hos bersama penganjuran Sukan SEA 2027 telah diterima oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia yang terdiri daripada Negeri Sarawak, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) buat masa ini masih belum memuktamadkan lokasi sukan yang akan diguna pakai pada Sukan SEA 2027 kelak.

   (b) Kerajaan Negeri tidak mensasarkan sebarang pembinaan baharu atau menaik taraf mana-mana lokasi sukan yang

dirancang untuk digunakan semasa Sukan SEA 2027 dan akan menggunakan kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di dalam Negeri Pulau Pinang.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan tawaran untuk menjadi hos bersama bagi Sukan Snuker dan Biliard dengan anggaran peruntukan berjumlah RM15 juta. Pada masa ini, tiada sebarang perolehan dilaksanakan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

7. Apakah perkembangan terkini projek perumahan sakit di Titi Teras?

   (a) Bilakah garis masa baharu ditetapkan, berapakah kemajuan fizikal semasa dan bila CCC disasarkan?

   (b) Apakah bantuan kerajaan yang disediakan kepada pembeli projek tersebut, termasuk moratorium ansuran, sewa transit dan bantuan LAD?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Berdasarkan data terkini daripada sistem Transforming & Empowering Data Usage In Housing (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat dua (2) projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek sakit di kawasan Titi Teras dan Sungai Pinang. Projek-projek tersebut ialah Pangsapuri Quinton dan Pangsapuri Sri Bayu, yang dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini mengalami kelewatan melebihi 30% daripada jadual asal atau telah melampaui tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB). Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah pemulihan dan pemantauan berterusan bagi memastikan kemajuan pembinaan dapat dipertingkat serta penyiapan projek dapat dicapai mengikut sasaran.

   (a) Sehingga kini, kemajuan fizikal bagi Pangsapuri Quinton telah mencapai 71.11%, manakala Pangsapuri Sri Bayu

telah mencapai 89.7%. Garis masa baharu bagi kedua-dua projek ini sedang diselaraskan bersama pihak pelikuidasi bagi pihak pemaju, serta Rakan Pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri. Sasaran terkini adalah untuk menyiapkan kedua-dua projek berkenaan sepenuhnya dan memperoleh Sijil Penyiapan Kerja (Certificate of Practical Completion- CPC) pada sukuan keempat tahun 2026, tertakluk kepada kelulusan pelan tindakan pemulihan serta kelancaran pelaksanaan kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan.

(b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan projek-projek perumahan sakit dan terbengkalai dapat dihidupkan semula. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan rakyat, telah mengambil langkah proaktif dengan melantik rakan pembiayaan bagi melaksanakan kerja-kerja pemulihan projek-projek berkenaan supaya kepentingan pembeli terus terpelihara.

Pada masa ini, tumpuan utama Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan sepenuhnya dan diserahkan kepada pembeli dalam tempoh yang munasabah. Sehubungan dengan itu, bantuan khusus seperti moratorium ansuran, bantuan sewa transit atau pampasan Liquidated Assessment Damages (LAD) tidak disalurkan secara langsung oleh pihak Kerajaan Negeri. Justeru itu, tumpuan sepenuhnya diberikan kepada pelaksanaan pelan pemulihan projek agar projek dapat disiapkan dan unit dapat diserahkan kepada pembeli dengan segera.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

8. Apakah status terkini pembinaan asrama pekerja asing di Teluk Kumbar?

   (a) Apakah status penilaian impak sosial (SIA) projek ini?

   (b) Apakah mitigasi keselamatan dan trafik bagi kejiranan sekitar?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Sehingga kini hanya terdapat satu (1) permohonan Kebenaran Merancang No. MBPP/OSC/PM513/2023 bagi cadangan mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat (512 unit) di atas Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah dikemukakan oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. Kebenaran Merancang (Borang C1) telah diluluskan pada 29 November 2023 dan masih sah sehingga kini serta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan manakala Pelan Bangunan pula telah diluluskan pada 14 Ogos 2024. Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan Kebenaran Mula Kerja (COW) masih belum dikemukakan oleh pemaju.

   (a) Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) untuk tetuan Chong Company Sdn. Bhd. telah diluluskan pada 10 November 2023 dan kelulusan bagi Laporan SIA ini adalah sah sehingga 10 November 2025. Secara ringkasnya, hasil

Laporan Kajian SIA mengesyorkan supaya permohonan cadangan asrama pekerja yang bertujuan untuk menempatkan pekerja asing di penempatan khusus dengan persekitaran yang tersusun dan dikawal oleh pengurus asrama ini dibenarkan. Segala penemuan jangkaan impak negatif dari borang soal selidik dan *Focus Group Discussion* (FGD) telah dinilai dan kemudiannya langkah-langkah mitigasi telah dicadangkan melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang sistematik dan boleh dilaksanakan. Ini penting bagi memastikan Projek Asrama Pekerja Teluk Kumbar memberi faedah kepada semua pihak berkepentingan serta mengurangkan impak buruk yang dijangka berlaku dari pelbagai aspek dalam jangka masa panjang.

(b) Sebagai langkah dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan komuniti setempat, pihak pemaju hendaklah melaksanakan langkah-langkah mitigasi keselamatan seperti berikut:

(i) Penetapan peraturan khas bagi mengawal tingkah laku penghuni dan mengawal pergerakan keluar masuk pekerja asing bagi mengelakkan konflik dengan penduduk sekitar;

(ii) Pemilihan pekerja asing adalah melalui tapisan ketat di mana individu mempunyai rekod jenayah lampau tidak diterima untuk bekerja;

(iii) Pemantauan keselamatan dalaman 24 jam dijalankan sepanjang tempoh pengoperasian;

(iv) Pemantauan keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berkala;

(v) Penyediaan sistem biometrik untuk akses keluar/ masuk penghuni dari asrama;

(vi) Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di persimpangan Teluk Kumbar/Tingkat Teluk Kumbar; dan

(vii) Pelaksanaan langkah pengawalan kesihatan dan kebersihan kejiranan secara berterusan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Manakala bagi mengurangkan impak terhadap aliran trafik sedia ada, pihak pemaju hendaklah melaksanakan langkah-langkah mitigasi trafik seperti berikut:

(i) Pelebaran lorong lalu lintas (*carriageway*) di Tingkat Teluk Kumbar ke 33 kaki dari pintu masuk/keluar tapak pembangunan sehingga ke Jalan Teluk Kumbar;

(ii) Menaik taraf persimpangan Jalan Gertak Sanggul/ Jalan Teluk Kumbar dengan memasang satu sistem lampu isyarat serta mewujudkan dua (2) lorong terus dari arah selatan ke utara Jalan Teluk Kumbar, berserta satu (1) lorong khas untuk belokan kiri menuju ke Jalan Gertak Sanggul. Selain itu, dua (2) lorong pergerakan terus dari arah utara ke selatan Jalan Teluk Kumbar serta satu (1) lorong khas untuk belokan kanan ke Jalan Gertak Sanggul turut perlu dibina;

(iii) Menyediakan satu (1) lorong pecutan (*acceleration lane*) di Jalan Teluk Kumbar bagi kenderaan yang membelok ke kiri dari Jalan Gertak Sanggul serta satu (1) lorong penggabungan (*merging lane*) bagi kenderaan yang membelok ke kanan dari Jalan Gertak Sanggul ke Jalan Teluk Kumbar; dan

(iv) Pelebaran Jalan Gertak Sanggul berhampiran persimpangan Jalan Teluk Kumbar perlu dilebarkan kepada empat (4) lorong lalu lintas bagi melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

9. Apakah dasar kerajaan menyokong atau membantu peniaga kecil di tepi jalan?

   (a) Apakah SOP pelaksanaan pemutihan dan pelesenan semula dilaksanakan?

   (b) Adakah moratorium tindakan semasa proses pemutihan dikuatkuasakan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa prihatin terhadap isu yang melibatkan peniaga kecil dan sentiasa mencari alternatif bagi membantu golongan ini dalam memastikan aktiviti perniagaan yang diuruskan berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, PBT harus memastikan dan memberi perhatian yang serius dalam aspek keselamatan, kebersihan, lalu lintas dan pematuhan terhadap undang-undang berkuat kuasa bagi menjamin kesejahteraan semua pihak dapat dipelihara. Berikut merupakan beberapa inisiatif yang diambil oleh PBT untuk membantu peniaga kecil iaitu:

   (i) Sementara menunggu kekosongan tersebut, melaksanakan sistem *tagging* kepada penjaja/peniaga kecil terlibat bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan operasi perniagaan mereka secara sementara;

(ii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temu duga ruang niaga yang diadakan setiap bulan;

(iii) Mengenal pasti lokasi dan menyediakan penempatan semula khusus bagi golongan tersebut;

(iv) Meluluskan banyak penganjuran pasar malam bagi memberi ruang kepada peniaga/penjaja tanpa lesen menyertai pasar malam;

(v) Memudahkan proses pengeluaran lesen/permit melalui kaedah permohonan yang dibuat secara dalam talian termasuk sesi temu duga sebagai kemudahan kepada golongan penjaja kecil tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat dan masa menunggu yang agak lama untuk proses temu duga;

(vi) Membantu dalam memudahkan proses pengeluaran lesen/permit kepada penjaja/peniaga kecil iaitu dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;

(vii) Mewujudkan garis panduan yang boleh diakses melalui laman web PBT untuk dijadikan panduan kepada penjaja/peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan; dan

(viii) Memperkenalkan lesen trak bergerak/kenderaan bermotor bagi memudahkan para penjaja/peniaga kecil untuk berniaga tanpa menggunakan struktur binaan kekal.

(a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan program pemutihan dan pelesenan semula penjaja secara sistematik dengan langkah-langkah berikut:

(i) Mengenal pasti lokasi dan status tanah yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak pemutihan;

(ii) Menjalankan bancian bagi merekod penjaja/peniaga kecil yang berniaga tanpa lesen di sekitar kawasan cadangan;

(iii) Mengadakan lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan dan jabatan teknikal berkaitan untuk menilai kesesuaian tapak;

(iv) Menyediakan kertas cadangan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasaan PBT bagi mendapatkan kelulusan penempatan;

(v) Memindahkan penjaja/peniaga kecil yang telah dibanci ke tapak pemutihan yang diluluskan di mana mereka dikehendaki memohon lesen bagi membolehkan perniagaan dijalankan secara sah dan teratur; dan

(vi) Melaksanakan pemantauan berkala di tapak pemutihan bagi memastikan kepatuhan terhadap peraturan termasuk memastikan tiada penjaja tanpa lesen atau berniaga di luar kawasan yang dibenarkan.

(b) Tindakan penguatkuasaan akan ditangguhkan sementara bagi memberi ruang kepada penempatan semula penjaja/peniaga kecil dilaksanakan sepenuhnya. Tindakan penguatkuasaan hanya akan dilaksanakan selepas proses perpindahan tersebut disempurnakan sepenuhnya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

10. Apakah usaha Kerajaan Negeri mengawal harga barang memandangkan semakin banyak subsidi ditarik balik?

    (a) Apakah kaedah pemantauan dan tindakan anti-pencatutan?

    (b) Apakah saluran aduan rakyat dan tempoh respon minimum?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Urusan kawalan harga dan tindakan anti-pencatutan tidak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, tetapi diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri terus bekerjasama rapat dengan KPDN bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan barangan keperluan di Pulau Pinang.

    (a) Kaedah Pemantauan dan Tindakan Anti-Pencatutan

    Antara langkah pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh KPDN di seluruh negeri termasuklah:

(i) **Penguatkuasaan Undang-Undang Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan**

1) Penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011).

2) Notis bertulis dikeluarkan di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 kepada mana-mana pihak yang menaikkan harga secara mendadak untuk mendapatkan maklum balas dan menentukan sama ada wujud unsur pencatutan.

(ii) **Pemantauan dan Operasi Penguatkuasaan di Lapangan**

1) Melalui Ops Kesan, pemeriksaan agresif dilaksanakan meliputi seluruh rantaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negeri.

2) Di Pulau Pinang, pemeriksaan telah dijalankan melibatkan 356 premis dan 1,780 barangan bagi membendung kenaikan harga tidak munasabah.

(iii) **Pelaksanaan Skim Harga Maksimum dan Penetapan Harga Terkawal**

1) KPDN menetapkan harga maksimum bagi barangan keperluan seperti minyak masak tulen kemasan botol, gula pasir putih bertapis, topeng muka, kit ujian COVID-19, gas LPG, petrol RON95 dan diesel.

2) Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) turut dilaksanakan bagi mengawal harga barangan tertentu semasa musim perayaan utama.

(iv) **Libat Urus dan Kolaborasi Antara Agensi**

1) Program libat urus dijalankan bersama peniaga untuk memberi khidmat nasihat dan meningkatkan pematuhan terhadap undang-undang kawalan harga.

2) Kerjasama juga dijalankan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan harga kekal stabil.

(v) **Peningkatan Kehadiran Pegawai Penguat Kuasa (Omnipresence)**

1) Kehadiran pegawai penguat kuasa dipertingkat di kawasan tumpuan pengguna bagi memastikan persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.

(b) Saluran Aduan Rakyat dan Tempoh Respon Minimum

Bagi memudahkan rakyat menyalurkan aduan berkaitan harga barang, pencatutan atau kekurangan bekalan, KPDN menyediakan pelbagai saluran rasmi seperti berikut:

(i) Hotline KPDN: 1-800-88-6800

(ii) Portal eAduan: https://eaduan.kpdn.gov.my

(iii) WhatsApp: 019-848 8000

(iv) QR Aduan Suri

(v) Kaunter Aduan / Pertanyaan:
Di Pejabat KPDN Negeri dan Pejabat Cawangan

Tempoh tindakan:

(i) Aduan berkaitan harga dan barangan kawalan akan disiasat dalam masa 24 jam.

(ii) Aduan lain akan disiasat dalam tempoh maksimum 14 hari bekerja, bergantung kepada tahap keseriusan aduan.

Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama penuh kepada KPDN dalam melaksanakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan bagi melindungi pengguna serta memastikan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang terjamin.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

11. Senaraikan projek rundingan terus yang diberikan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2020 hingga kini.

    (a) Siapakah penerima, berapakah nilai kontrak dan apakah skop kerja?

    (b) Apakah dasar Kerajaan Negeri berkaitan projek rundingan terus?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Kewangan Negeri (JKN), mulai tahun 2020 hingga kini sebanyak 27 projek telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi pelaksana.

    Anggaran pecahan projek-projek berdasarkan agensi pelaksana adalah seperti berikut:

    (i) 60% - Jabatan Kerja Raya (JKR);

    (ii) 20% - Bahagian Perumahan (Kini dikenali sebagai Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang); dan

    (iii) 20% - Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Perbadangan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC).

Nilai keseluruhan kontrak yang terlibat dianggarkan sekitar RM100 juta, dengan julat nilai kontrak adalah melebihi RM20 ribu hingga RM56 juta.

Skop kerja bagi projek-projek tersebut secara umumnya meliputi:

(i) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan lif serta kemudahan awam di perumahan awam negeri;

(ii) Pembaikan, penyelenggaraan dan kerja pembaikan cerun bagi menjamin keselamatan awam;

(iii) Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf bangunan Kerajaan termasuk kediaman rasmi TYT;

(iv) Kerja-kerja pengalihan utiliti dan penyediaan infrastruktur sokongan bagi pelaksanaan projek strategik; dan

(v) Pembangunan dan pemuliharaan warisan serta kemudahan pelancongan, khususnya di kawasan Bukit Bendera dan George town.

Senarai kontraktor serta maklumat projek adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

(b) Kerajaan Negeri melaksanakan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia serta pertimbangan khas yang diluluskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Secara dasarnya, kelulusan rundingan terus dipertimbangkan berdasarkan kepada kriteria berikut:

(i) Faktor kesegeraan demi kepentingan awam dan keselamatan;

(ii) Penyeragaman sistem, peralatan atau alat ganti sedia ada;

(iii) Projek yang melibatkan kawasan larangan, keselamatan atau sensitif;

(iv) Pembekalan oleh pengeluar atau pembekal tunggal; dan

(v) Kelulusan khas Kerajaan Negeri bagi projek strategik.

Setiap permohonan rundingan terus yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Jabatan Kewangan Negeri (JKN) untuk kelulusan. Bagi perolehan projek, penilaian teknikal dan kewajaran harga oleh JKR menjadi asas penting kepada pertimbangan dan kelulusan JKN, terutama bagi projek yang dilaksanakan di bawah seliaan JKR. Pelaksanaan rundingan terus juga adalah tertakluk kepada penilaian keupayaan syarikat dan rundingan harga yang telus bagi memastikan harga yang dipersetujui adalah munasabah dan memberi nilai faedah terbaik kepada Kerajaan Negeri.

Walaupun pelaksanaan rundingan terus adalah dibenarkan berdasarkan kriteria tertentu, Kerajaan Negeri komited memberi penekanan kepada kaedah tender terbuka sebagai mekanisme utama perolehan bagi menjamin persaingan sihat, ketelusan dan integriti dalam pengurusan kewangan awam di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK YANG DILULUSKAN SECARA RUNDINGAN TERUS DI BAWAH KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2020-2025

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
1.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Dewan Sri Pinang, DTL Pulau Pinang (Dewan Persidangan Sementara).	64,000.00	4 minggu	Syarikat Hikmah Hayat Enterprise	i. Memasang keseluruhan platform ruang sidang media dan backdrop ii. Memasang permaidani sedia ada di keseluruhan platform dewan persidangan iii. Membaiki mana- mana permukaan dinding, lantai, siling yang pecah dan rosak di bilik
2.	Kerja-Kerja Pembaikan Lif No. 1 di Rumah Pangsa Padang Tembak Blok J, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	29,318.60	2 bulan	Syarikat Titi Maju Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Pembaikan Lif No. 1 di Rumah Pangsa Padang Tembak Blok J, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

3.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif Bagi Dua (2) Unit Lif Di Program Perumahan Rakyat (PPR) Mak Mandin, Butterworth, Pulau Pinang.	102,960.00	52 bulan	Eita Elevator (M) Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif Bagi Dua (2) Unit Lif Di Program Perumahan Rakyat (PPR) Mak Mandin, Butterworth, Pulau Pinang.

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
4.	Kerja-Kerja Membaiki Dan Mengecat Semula Keseluruhan Permukaan Luar Dinding, Tiang, Pintu Dan Tingkap Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Laluan Berbumbung dan Bangunan Kediaman TYT Seri Mutiara, Pulau Pinang.	181,000.00	3 bulan	Damai Abadi Enterprise	i. Kerja-kerja membaiki dan mengecat semula bangunan kediaman TYT ii. Kerja-kerja membaiki dan mengecat semula Laluan Berbumbung
5.	Kerja-kerja Pembaikan Lima (5) Unit Lif Di Taman Kumbar Permai, Bayan Lepas, Pulau Pinang.	86,192.00	3 bulan	KONE Elevator (M) Sdn. Bhd	Kerja-kerja Pembaikan Lima (5) Unit Lif Di Taman Kumbar Permai, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

6.	Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Semula Garaj Kenderaan TYT Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Seri Mutiara, Pulau Pinang.	496,000.00	3 bulan	Excellent Engineering Venture Sdn. Bhd.	i. Kerja-kerja meroboh keseluruhan bangunan garaj kenderaan TYT sedia ada termasuk pendawaian elektrik dan mekanikal ii. Kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah bangunan 1 tingkat garaj kenderaan TYT

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
7.	Kerja Kecemasan Bagi Pembaikan Cerun Runtuh Di Antara Kawasan CH1410-CH1450, Landasan Funikular, Bukit Bendera, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	1,508,257.90.00	3 bulan	Teroka Jaya Sdn. Bhd.	i. Preliminaries ii. Design and consultant fees iii. Soil investigation, geophysical survey and geotechnical iv. Slope stabilisation works
8.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Dewan Sri Pinang, DTL, Pulau Pinang (Dewan Persidangan Sementara).	65,500.00	1 bulan	Hikmah Hayat Enterprise	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Dewan Sri Pinang, DTL, Pulau Pinang (Dewan Persidangan Sementara)

9.	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Seri Teratai, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	241,000.00	5 minggu	Teluk Daya Sdn. Bhd.	i. Menanggal keseluruhan kemasan bumbung jubin genting, kerangka bumbung kayu batten ii. Membaik pulih stuktur bumbung kerangka kekuda iii. Membekal dan memasang lapisan aluminium foil dan lapisan aluminium

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
10.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif bagi empat (4) lif di PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang.	210,000.00	5 tahun	Dover Elevators (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif bagi empat (4) lif di PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang.
11.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Taman Mesra Indah, SPU, Pulau Pinang.	29,700.00	2 bulan	KONE Elevator (M) Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Taman Mesra Indah, SPU, Pulau Pinang.
12.	Kerja-Kerja Pembaikan Sebuah Loji Berat Backhoe John Deere Model 310K, No. Pendaftaran PMF 4462.	74,000.00	3 bulan	DM Equipment Sdn. Bhd.	Membekal, memasang, pembaikan, mengujiterima dan mentauliah loji jentera berat backhoe PMF 4462.

13.	Kerja-Kerja Tambahan, Penyelenggaraan Dan Membaik Pulih Sesebuah 2 Tingkat (1 Unit) Di Atas Lot 9851, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Solok Bukit Jambul 2, Pulau Pinang Untuk YAB Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas.	2,435,850.00	6 bulan	Nyaman Sdn. Bhd.	i. Kerja-kerja awalan ii. Pemasangan CCTV alarm system iii. Pembaikan dinding dalaman dan luaran iv. Build in furniture v. Sistem pemasangan solar vi. Pest controller

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
14.	Kerja Membaikpulih Cerun Runtuh Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pusat Falak Sheikh Tahir, Jalan Pantai Acheh, Balik Pulau, Pulau Pinang.	2,174,236.20	4 bulan	Nilam Teknik Sdn. Bhd.	i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja tanah dan pembersihan tapak iii. Kerja-kerja penstabilan cerun
15.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pejabat Operasi Bukit Bendera Dan Kerja-Kerja Pengukuhan Cerun Serta Kerja-Kerja Berkaitan, JKR Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	667,377.61	3 bulan	Zaimi Yusoff Enterprise	i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja tanah dan pembersihan tapak iii. Kerja-kerja penstabilan cerun menggunakan kaedah tie back wall iv. Kerja-kerja membina akses pejalan kaki
16.	Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penyaman Udara Dan Lain- Lain Kerja Berkaitan Di Bangunan Seri Mutiara, Pulau Pinang.	1,907,900.00	9 minggu	BLT Engineering & Enterprise	i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja pemasangan penghawa dingin iii. Kerja-kerja sivil yang berkaitan

17.	Kerja-Kerja Pembaikan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kediaman Rasmi Tuan Yang Terutama, Seri Mutiara, Pulau Pinang.	8,400,000.00	4 bulan	Najcom Sdn. Bhd.	i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja pembaikan struktur iii. Kerja-kerja sivil yang berkaitan

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
18.	Kerja-Kerja Menggantikan Paip Flum Sediada Di Taliair Utama (Parit Buang Kg Indera Muda Ke Parit Buang Pokok Asam) Skim Pengairan Sungai Kulim, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	145,010.00	10 minggu	Warisan MYO Enterprise	i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja meroboh paip sedia ada iii. Kerja-kerja membekalkan paip GI 500mm diameter ke tapak bina
19.	Cadangan Pengalihan Laluan Utiliti Sediada TNB Dengan Menggantikan Kabel 33KV, Kabel 11KV, Kabel Talian Atas, Tiang Konkrit Dan Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Bagi Cadangan Projek Pelebaran Jalan Dan Menaiktaraf Jalan Dari Satu Lorong Ke Dua Lorong Dari Jalan Perusahaan Hingga Ke Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Tok Kangar, SPT, Pulau Pinang (Fasa 2).	557,456.00	4 bulan	Viewplex (M) Sdn. Bhd.	Kerja-kerja elektrikal dan mekanikal pengalihan utiliti sediada TNB di tapak bina

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
20.	Pembaikan Dan Penggantian Sistem Penyaman Udara Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Tapak Pesta Pulau Pinang.	1,184,000.00	2 bulan	Syarikat Daya Potensi Sdn. Bhd.	i. Kerja pembaikan di Dewan A termasuk kerja-kerja penggantian unit kendalian udara AHU, sistem pendawaian ii. Kerja pembaikan di Dewan Badminton termasuk kerja-kerja penggantian unit penyaman udara jenis package, sistem pendawaian iii. Kerja pembaikan di Dewan C
21.	Kerja-Kerja Penggantian Lampu Hiasan, Lampu Kawasan, Lampu Pintu Gerbang Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang.	515,000.00	6 minggu	Depernas Enterprise	i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja pemasangan lampu hiasan, lampu kawasan dan lampu pintu gerbang iii. Kerja-kerja pemasangan elektrik iv. Kerja-kerja ujiterima

22.	Kerja-Kerja Tambakan Water Body A Di Projek Pembangunan Gurney Bay Pulau Pinang.	23,700,000.00	18 bulan	TPJ Engineering Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Tambakan Water Body A Di Projek Pembangunan Gurney Bay Pulau Pinang.

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
23.	Kerja-Kerja Pembaikan Cerun Akibat Tanah Runtuh Serta Lain- Lain Kerja Berkaitan Di Pintasan Pemancar 3, Taman Tun Sardon, Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	795,000.00	6 bulan	Bina Mas Enterprise	i. Kerja-kerja awalan dan penyiasatan tanah ii. Kerja-kerja tanah dan pembersihan tapak iii. Kerja-kerja pembaikan cerun
24.	Kerja-Kerja Penyediaan Pameran di Sepuluh (10) Ruang Simpanan (Store Room) dan Satu (1) Bilik Orientasi dan Teater Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang.	1,030,000.00	6 bulan	Jayamas Property Construction Sdn. Bhd	Kerja-kerja penyediaan bahan produksi/ panel info secara digital, pemasangan platform serta peragaan bahan pameran.
25.	Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Membaiki di Seri Mutiara, DTL, Pulau Pinang.	490,000.00	14 Minggu	AME Hijrah Enterprise	Kerja-Kerja Menaik taraf dan Membaiki di Seri Mutiara, DTL, Pulau Pinang.

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
26.	Pembekalan Komponen Bailey Bridge Jenis ACROW 700XS Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan.	128,000.00	4 bulan	GTA Vision Sdn. Bhd.	i. Membekal komponen-komponen bailey bridge ii. Latihan pemasangan bailey bridge
27.	Projek Pengambilalihan Skop Kerja Pembinaan Struktur Keluli Bumbung Termasuk Pusat Penjaja (Hawker Center) Melalui Lantikan Tender Baru dan Kerja- Kerja Berkaitan.	56,400,000.00	78 Minggu	Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.	Pengambilalihan Skop Kerja Pembinaan Struktur Keluli Bumbung Termasuk Pusat Penjaja (Hawker Center) Melalui Lantikan Tender Baru dan Kerja-Kerja Berkaitan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

12. Sejauh manakah kerajaan mengkaji justifikasi dan impak kenaikan cukai tanah serta cukai pintu terhadap komuniti Melayu?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. **(i) Cukai Tanah**

Kerajaan Negeri tidak memiliki data pemilikan tanah mengikut etnik. Rekod hak milik tanah dalam dokumen rasmi hanya merangkumi jenis hak milik, tempoh pegangan, kategori kegunaan tanah, syarat nyata kegunaan, serta sekatan kepentingan.

Sehubungan itu, semua kajian justifikasi dan analisis impak kenaikan cukai tanah dilaksanakan berdasarkan lokasi kawasan (bandar dan desa), kategori kegunaan tanah, serta syarat nyata tanah. Penekanan utama diberikan kepada bangunan kediaman, khususnya rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah, bagi memastikan kadar kenaikan cukai tanah adalah minimum dan tidak membebankan rakyat.

Kenaikan cukai tanah sememangnya memberi kesan kepada semua pemilik tanah. Namun begitu, bagi mengurangkan beban dan memastikan kesannya kekal minimum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa langkah mitigasi termasuk pemberian pengecualian dan rebat cukai tanah kepada kumpulan sasaran.

Golongan B40 dan mereka yang berada di bawah paras kemiskinan terus diberikan perlindungan melalui dasar-dasar sedia ada agar tidak terkesan secara langsung. Selain itu, bayaran minimum cukai tanah turut diperkenalkan bagi tanah milikan individu yang berkeluasan 1,000 kaki persegi dan ke bawah, sebagai langkah untuk menjamin keadilan kepada pemilik tanah berskala kecil.

(ii) Cukai Pintu

Sehingga kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) belum bercadang untuk melaksanakan sebarang kenaikan cukai pintu. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pelarasan kadar cukai pintu pada masa hadapan, pelaksanaannya akan dibuat selaras peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta 171 tidak mengambil kira perbezaan kaum dalam menentukan justifikasi atau impak kenaikan cukai pintu. Formula pengiraan cukai telah diperincikan di bawah Seksyen 2 Akta 171, yang mentakrifkan sewa tahunan sebagai:

Anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka diperolehi dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar dan cukai awam.

Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa menyemak dan menilai justifikasi serta impak terhadap keseluruhan komuniti dan penduduk di Pulau Pinang sekiranya sebarang pelarasan kadar cukai pintu dilaksanakan pada masa hadapan, bagi memastikan keputusan yang diambil adalah adil, berimbang dan tidak membebankan rakyat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

13. Apakah status terkini Projek Sungai Nipah yang dilaporkan air tidak mengalir akibat tiada penyelenggaraan?

    (a) Bilakah kerja penyelenggaraan terakhir dilakukan dan agensi manakah yang bertanggungjawab?

    (b) Apakah langkah kerajaan mengelak risiko banjir akibat air pasang besar di sini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Sungai Nipah pada tahun 2025. Antara kerja yang dilaksanakan adalah kerja-kerja pengorekan dan pembersihan sungai. Ini adalah bagi memastikan aliran air sungai dapat mengalir dengan lancar dan tidak terganggu. Kerja ini telah dilaksanakan pada bulan Mei 2025. Kerja rutin penyelenggaraan ini hanya dapat dilaksanakan berdasarkan kepada jumlah peruntukan tahunan yang diperolehi.

    (a) Kerja penyelenggaraan terkini yang telah dilaksanakan di Sungai Nipah adalah pada 26 Oktober 2025.

    (b) Kerajaan Negeri melalui JPSPP sentiasa bersedia menghadapi musim tengkujuh dan fenomena air pasang. JPSPP meletakkan pam-pam bergerak di lokasi strategik untuk mengepam air keluar apabila berlakunya fenomena

air pasang. Selain itu, Bilik Gerakan banjir JPSPP akan diaktifkan apabila musim tengkujuh dan fenomena air pasang untuk memberi maklumat awal mengenai amaran paras sungai kepada agensi-agensi berkaitan untuk bersiap siaga.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

14. Senaraikan projek Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang.

    (a) Apakah dasar harga Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang?

    (b) Apakah definisi mampu milik berasaskan pendapatan median dan nisbah harga / pendapatan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Senarai Projek Rumah Mampu Milik, yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) di Pulau Pinang, adalah seperti yang disenaraikan di **LAMPIRAN A**.

    (a) Dasar harga RMKu di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

KATEGORI	HARGA	HAD PENDAPATAN ISI RUMAH
RMKu A	RM42,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM2,500.00
RMKu B1	RM72,500.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM3,500.00

KATEGORI	HARGA	HAD PENDAPATAN ISI RUMAH
RMKu B2	RM100,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM5,000.00
RMKu C1	RM150,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM8,000.00
RMKu C2	RM200,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM10,000.00
RMKu C3	RM300,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM12,000.00
RMKu D	RM400,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM15,000.00

(b) Rumah Mampu Milik secara umumnya didefinisikan sebagai kediaman yang memenuhi keperluan asas dan mampu dimiliki oleh isi rumah berdasarkan tahap pendapatan mereka (*United Nations Human Settlements Programme,* UN-HABITAT, 2011). Sesebuah rumah kediaman dianggap mampu milik apabila harga jualannya adalah sepadan dengan kemampuan isi rumah berdasarkan pendapatan median.

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Tahun 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), purata pendapatan isi rumah di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM6,502.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Lima Ratus Dua sahaja). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan had pendapatan isi rumah bagi kategori harga RMKu yang merangkumi RMKu Jenis A dan RMKu Jenis B supaya berada di bawah paras purata pendapatan negeri.

Penetapan ini bertujuan untuk memastikan penawaran perumahan di bawah Program RMKu mencukupi bagi pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan

berpendapatan rendah dan sederhana, agar tiada kumpulan yang terpinggir daripada peluang memiliki kediaman mampu milik di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK RUMAH MUTIARAKU (RMKU) A, B & C PULAU PINANG
SENARAI PROJEK RMKU A, B DAN C SIAP DAN TERIMA SIJIL LAYAK MENDUDUKI (OC) / SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SEJAK TAHUN 2008

DAERAH TIMUR LAUT (DTL)				
BIL.	**TAHUN**	**DAERAH**	**PROJEK**	**JENIS RMKu**
1	2008	DTL	TAMAN SERINA	A
2	2008	DTL	TAMAN SERINA	B
3	2008	DTL	DESA INDAH	B
4	2008	DTL	TAMAN PERMAI JAYA	B
5	2009	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	A
6	2009	DTL	NIPAH COURT	A
7	2009	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	B
8	2009	DTL	PALM COURT	B
9	2009	DTL	AMAN SRI AMAN C1	B
10	2009	DTL	BUKIT BI	B
11	2009	DTL	PUNCAK ERSKINE	B
12	2009	DTL	PINANG COURT	B
13	2010	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	A
14	2010	DTL	TAMAN SERI TANJONG	A
15	2010	DTL	TAMAN SINAR PELANGI	B
16	2010	DTL	TAMAN SRI AMAN C2	B
17	2010	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	B
18	2012	DTL	HALAMAN KENANGA	A
19	2012	DTL	HALAMAN KENANGA	B
20	2012	DTL	THE PULSE	B
21	2012	DTL	TAMAN PELANGI INDAH	B
22	2012	DTL	PALM COURT	B
23	2014	DTL	SHINEVILLE	B
24	2014	DTL	TAMAN BUKIT ERSKINE	B
25	2014	DTL	HALAMAN KRISTAL	B
26	2015	DTL	CRNTRIO AVENUE	B
27	2017	DTL	SELASIH COURT	B
28	2018	DTL	EGARDEN	B
29	2018	DTL	TRIPINNACLE	B
30	2018	DTL	TRIPINNACLE	C
31	2018	DTL	TAMAN GEMA INTAN	B
32	2018	DTL	TAMAN SKYRIDGE	B
33	2018	DTL	TAMAN SKYRIDGE	C
34	2018	DTL	ICONIC VUE	C
35	2020	DTL	ISANTORINI	C
36	2020	DTL	SP CHELLIAH	B
37	2019	DTL	SP CHELLIAH	C
38	2017	DTL	ARTIS 3	B
39	2021	DTL	332, 407 DAN 460, SEKSYEN 1 BATU FERINGGI, BATU FERINGGI, DTL	B
40	2021	DTL	THE STONE	C
41	2017	DTL	GRANITO	C
42	2018	DTL	THE ZEN	C
43	2019	DTL	THE DEW	C
44	2020	DTL	IDEAL RESIDENSI (1)	C

DAERAH BARAT DAYA (DBD)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2008	DBD	SAUJANA PERMAI	A
2	2010	DBD	PANGSAPURI BAYAN INDAH	A
3	2011	DBD	TAMAN FREESIA	A
4	2011	DBD	DESA NIPAH (LEMBAMAN)	A
5	2012	DBD	IDAMAN MELUR	A
6	2012	DBD	SETIA VISTA	A
7	2013	DBD	KUALA SG. PINANG	A
8	2013	DBD	TAMAN I PARK	A
9	2014	DBD	SETIA VISTA	A
10	2014	DBD	TAMAN FREESIA	A
11	2014	DBD	SRI AKASIA	A
12	2015	DBD	IDAMAN SEROJA	A
13	2015	DBD	TAMAN SERI ANGGUN	A
14	2016	DBD	BAYU NYAMAN	A
15	2016	DBD	PRESTIGE 3	A
16	2016	DBD	IDAMAN SELASIH	A
17	2016	DBD	IDAMAN SELASIH	B
18	2017	DBD	RIMBUN PANGSAPURI	A
19	2017	DBD	KEJORA	A
20	2017	DBD	SURIA MERBAH	A
21	2018	DBD	TAMAN RIA	A
22	2018	DBD	SUNWAY CASSIA/DESA KAYU MANIS	A
23	2018	DBD	TAMAN RIA	B
24	2018	DBD	RAMAH PAVILION	C
25	2016	DBD	I-CONDO @ ONE FORESTA	C
26	2017	DBD	MAHSURI COURT	A
27	2017	DBD	MAHSURI COURT	B
28	2017	DBD	MAHSURI COURT	C
29	2017	DBD	PALA PALACE	A
30	2017	DBD	DUA RESIDENCI	B
31	2017	DBD	DUA RESIDENCI	C
32	2021	DBD	MERCURY / TELUK KUMBAR HEIGHT	B
33	2021	DBD	KUALA SG. PINANG	A
34	2021	DBD	CASSA ARA	A
35	2021	DBD	CASSA ARA	B
36	2021	DBD	310, 311, 312 & 10632 (SBHG LOT 451(LOT LAMA), MUKIM D BAGAN AIR ITAM, JALAN PRESTIJ 4, DBD	A
37	2018	DBD	PRESTIGE III	C
38	2017	DBD	FAIRVIE RESIDENCE	B
39	2017	DBD	FAIRVIE RESIDENCE	C
40	2018	DBD	TREE O	C
41	2021	DBD	HAVANA RESIDENCE	C

SEBERANG PERAI UTARA (SPU)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2008	SPU	TAMAN SRI DESA (KG. BESAR)	A
2	2008	SPU	TAMAN CHEMPEDAK (PADANG CHEMPEDAK)	A
3	2008	SPU	TAMAN SEPADU	A
4	2009	SPU	TAMAN MERBAU INDAH	A
5	2009	SPU	BERTAM PERDANA 3	A
6	2009	SPU	TAMAN AMPANG JAJAR	A
7	2010	SPU	TAMAN SENTRAL	A
8	2010	SPU	TAMAN MERBAU JAYA	A
9	2010	SPU	TAMAN SG. DUA UTAMA	A
10	2010	SPU	TAMAN PENAGA PERMAI	A
11	2011	SPU	PANGSAPURI SURIA	A
12	2011	SPU	TAMAN SEJAHTERA INDAH	A
13	2012	SPU	BERTAM PERDANA 3 FASA 13	A
14	2013	SPU	TAMAN SERI INDAH	B
15	2014	SPU	BERTAM PERDANA FASA II	A
16	2014	SPU	BANDAR PUTRA BERTAM	A
17	2014	SPU	BANDAR PUTRA BERTAM	B
18	2015	SPU	TAMAN BAYU AMAN	A
19	2016	SPU	DESA ARA	A
20	2017	SPU	LAMPAM	A
21	2018	SPU	PATIN	A
22	2018	SPU	MEKARSARI	A
23	2018	SPU	MEKARSARI	B
24	2018	SPU	THE PARK, MAK MANDIN	C
25	2018	SPU	BERTAM PERDANA 2 FASA 1D-1	A
26	2021	SPU	TAMAN DESA ARA PERMAI	A
27	2021	SPU	TAMAN DESA ARA PERMAI	C
28	2021	SPU	OREN SERDANG	A
29	2021	SPU	JIRAN RESIDENSI	B
30	2021	SPU	JIRAN RESIDENSI	C
31	2021	SPU	DESA ARA	A
32	2021	SPU	LEGASI BERTAM	A
33	2017	SPU	TAMAN PERDA INDAH	B
34	2017	SPU	TAMAN PERDA INDAH	C
35	2016	SPU	TAMAN PERDA INDAH	B
36	2018	SPU	TAMAN PERDA INDAH	C
37	2020	SPU	BELUM DIKEMUKAKAN	A
38	2022	SPU	BELUM DIKEMUKAKAN	A
39	2023	SPU	SCIENTEX FASA 1	C
40	2020	SPU	SCIENTEX FASA 2	C
41	2020	SPU	SCIENTEX FASA 3	C
42	2020	SPU	SCIENTEX FASA 4	C
43	2020	SPU	SCIENTEX FASA 5	C
44	2020	SPU	SCIENTEX FASA 6	C
45	2020	SPU	SCIENTEX FASA 7	C
46	2019	SPU	SENAMAS	C

SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2009	SPT	TAMAN NAGASARI	A
2	2009	SPT	TAMAN SRI DELIMA	A
3	2009	SPT	TAMAN BUKIT JURU	A
4	2009	SPT	TAMAN PAUH JAYA	A
5	2009	SPT	TAMAN PAUH FASA 1A	B
6	2010	SPT	DESA TITI PANJANG	A
7	2011	SPT	TAMAN GUAR PERAHU INDAH	A
8	2011	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III	A
9	2011	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III	A
10	2011	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III	A
11	2013	SPT	DESA IMPIAN	A
12	2014	SPT	SERI AKASIA	A
13	2014	SPT	PARK VIEW RESIDENCES	A
14	2014	SPT	RUMAH PANGSA TROPIKA	A
15	2014	SPT	SANCTUARY COURT	A
16	2015	SPT	HILLPARK RESIDENSI	A
17	2016	SPT	LAGUNA INDAH	B
18	2017	SPT	TAMAN LEMBAH INDAH	A
19	2017	SPT	TAMAN DESA PROMINANCE	A
20	2017	SPT	PERMATANG TOK SUBOH	A
21	2008	SPT	TAMAN PERWIRA INDAH	A
22	2008	SPT	PINGGIRAN ALMA	A
23	2008	SPT	TAMAN BUKIT JURU	A
24	2008	SPT	TAMAN BAYU MUTIARA	A
25	2018	SPT	PANGSAPURI HARMONI	A
26	2017	SPT	PERMATANG TOK SUBOH	A
27	2021	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III BLOK C	A
28	2021	SPT	PR1MA @ PERMATANG PAUH	C
29	2021	SPT	WOODLANDS	C
30	2021	SPT	TAMAN LEMBAH PERMAI	A
31	2021	SPT	TAMAN NAGASARI A	A
32	2017	SPT	MACHANG BUBUK, MUKIM 15, SPT.	A
33	2017	SPT	PPA1M ALMA, JALAN SELADANG, MUKIM 15, SPT	C
34	2018	SPT	WAKAF SEETE AISHA FASA 2, SEBERANG JAYA, SPT	C
35	2018	SPT	PPA1M JALAN LESTARI, MUKIM 6	C
36	2021	SPT	DI ATAS LOT 31345, MUKIM 14, SPT	A
37	2017	SPT	D'PALMA	A
38	2021	SPT	JALAN SELADANG, MUKIM 15, SPT	A

SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)				
BIL.	**TAHUN**	**DAERAH**	**PROJEK**	**JENIS RMKu**
1	2008	SPS	TAMAN MERPATI INDAH	A
2	2009	SPS	TAMAN DATO' KRAMAT	A
3	2009	SPS	TAMAN PANCUR MUTIARA	A
4	2010	SPS	TAMAN JAWI RIA	A
5	2011	SPS	TAMAN TEKUKUR INDAH	A
6	2012	SPS	TAMAN SRI BISTAR	A
7	2012	SPS	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	A
8	2012	SPS	HALAMAN SEROJA	B
9	2012	SPS	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	B
10	2012	SPS	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	B
11	2013	SPS	TAMAN SERI SAUJANA	A
12	2014	SPS	TAMAN SERI PUTERA	A
13	2014	SPS	TAMAN PERDANA	A
14	2015	SPS	TAMAN SUNGAI JAWI FASA 1	A
15	2016	SPS	TAMAN PEKATRA INDAH	A
16	2016	SPS	SERI SAUJANA FASA 1K	A
17	2018	SPS	TAMAN HALAMAN INDAH	A
18	2018	SPS	TAMAN HALAMAN INDAH	B
19	2018	SPS	SURIA	B
20	2018	SPS	SURIA	C
21	2017	SPS	TAMAN SUNGAI JAWI	A
22	2017	SPS	TAMAN SUNGAI BAKAP PERDANA	A
23	2018	SPS	PANCHOR RESIDENCE	B
24	2021	SPS	KEPALA GAJAH	A
25	2017	SPS	BANDAR TASIK MUTIARA	A
26	2021	SPS	BANDAR TASIK MUTIARA B	A
27	2021	SPS	BANDAR TASIK MUTIARA C	A

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

15. Senaraikan jumlah pemilikan hartanah oleh warga asing di Pulau Pinang mengikut daerah, jenis hartanah dan nilai pasaran semasa.

    (a) Apakah dasar semasa Kerajaan Negeri berkaitan pembelian hartanah oleh warga asing?

    (b) Apakah kaedah serta syarat kelulusan pembelian hartanah oleh mereka?

    (c) Adakah Kerajaan Negeri menetapkan kuota maksimum atau had peratusan pemilikan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Berdasarkan rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2016 hingga 2025, sejumlah 4,331 unit hartanah telah dimiliki oleh bukan warganegara dengan jumlah nilai perolehan dianggarkan sebanyak RM7.1 bilion. Pentadbiran ini tidak mempunyai data nilai pasaran semasa hartanah tersebut. Data yang direkodkan oleh PTG adalah berdasarkan nilai perolehan hartanah yang dikemukakan oleh pemohon seperti yang dicatatkan di dalam Perjanjian Jual Beli yang telah disetemkan semasa permohonan dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Butiran terperinci adalah seperti **LAMPIRAN A** yang dilampirkan.

Analisis ringkas pemilikan hartanah oleh bukan warganegara berdasarkan Jadual 1:

(i) Jumlah keseluruhan pemilikan oleh bukan warganegara (2016 hingga 2025): 4,331 unit dengan nilai perolehan RM7.1 bilion.

(ii) Perbandingan jenis hartanah:

1) Berstrata: 3,687 unit (85.1%)

2) Landai: 644 unit (14.9%);

(iii) Daerah tertinggi pemilikan:

1) Timur Laut: 3,059 unit (70.6%)

2) Diikuti oleh Barat Daya: 709 unit (16.4%);

(iv) Purata nilai hartanah: RM1.64 juta seunit; dan

(v) Anggaran peratus pemilikan asing:

Daripada kira-kira 650,000 hak milik tanah (300,000 hak milik landai dan 350,000 hak milik strata) di seluruh negeri, pemilikan oleh bukan warganegara hanyalah 0.67%, menunjukkan paras yang rendah dan terkawal.

(a) Dasar semasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berpandukan Seksyen 433B Kanun Tanah Negara, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang (PLR) 2021 dan Garis Panduan Perolehan Hartanah oleh Warganegara Asing atau Syarikat Asing yang dikemaskini pada 1 Ogos 2024. Semua pembelian oleh bukan warganegara perlu mendapat kelulusan PBN di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara 1965 melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang.
Ringkasan utama dasar:

(i) Jenis Hartanah Dibenarkan

1) Kediaman (tidak termasuk rumah kos rendah, sederhana rendah, mampu milik atau unit kuota Bumiputera);

2) Perniagaan (tidak termasuk kedai kos rendah, gerai dan bengkel perkhidmatan);

3) Perindustrian; dan

4) Pertanian

(ii) Larangan Pembelian Hartanah Lelong (Auction Property), warga asing atau syarikat asing tidak dibenarkan membeli hartanah melalui lelongan perintah mahkamah atau lelongan awam, melainkan dengan kelulusan khas PBN ;

(iii) Had Harga Minimum;

Kawasan / Jenis Hartanah	Harga Minimum (RM)
Pulau – Berstrata	1,000,000
Pulau – Landai	3,000,000
Seberang Perai – Berstrata	500,000
Seberang Perai – Landai	1,000,000

(iv) Program Malaysia My Second Home (MM2H) - dibenarkan maksimum dua (2) unit, setiap satu bernilai sekurang-kurangnya RM500,000;

(v) Fi dan Levi:

1) Fi permohonan antara RM10,000 – RM40,000 setiap hak milik.

2) Levi kelulusan 1.5%–3% daripada nilai perolehan mengikut kawasan, jenis dan harga hartanah;

(vi) Syarat Tambahan:

1) Hartanah tidak boleh dijual dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian jual beli.

2) Kelulusan sah selama satu (1) tahun dan terbatal jika levi tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut; dan

(vii) Semua urus niaga tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara.

Dasar ini digubal bagi mengawal pembelian oleh warga asing secara seimbang, melindungi kemampuan rakyat tempatan memiliki rumah, serta menarik pelaburan asing berkualiti tinggi dalam sektor hartanah negeri.

(b) Permohonan dikemukakan oleh peguam berdaftar kepada PTG Pulau Pinang dan diproses berdasarkan:

(i) Borang permohonan dan dokumen sokongan (hak milik, pasport, perjanjian jual beli dan bukti kewangan) lengkap dan disahkan benar;

(ii) Nilai hartanah yang melepasi harga minimum;

(iii) Bayaran fi permohonan dan levi mengikut kategori hartanah; dan

(iv) Semakan serta kelulusan rasmi oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(c) Tiada kuota maksimum ditetapkan, namun kelulusan diberi secara teliti berpandukan dasar semasa dan pekeliling yang berkuatkuasa.

LAMPIRAN A

JADUAL 1: PEMILIKAN HARTANAH OLEH BUKAN WARGANEGARA ATAU SYARIKAT ASING DI PULAU PINANG (2016–2025)

Daerah	Jenis Hartanah	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	Jumlah Unit (10 Tahun)	Nilai Perolehan Hartanah (RM)
Timur Laut	Hartanah Berstrata	228	367	326	359	184	111	153	306	298	377	2709	4,118,421,385.08
	Hartanah Landai	42	34	45	29	35	23	17	42	55	28	350	842,706,430.00
Barat Daya	Hartanah Berstrata	9	17	26	44	86	61	48	95	157	107	650	862,022,371.50
	Hartanah Landai	8	4	2	0	3	2	3	0	35	2	59	288,164,360.00
Seberang Perai Utara	Hartanah Berstrata	0	2	6	45	5	0	1	2	11	4	76	15,376,333.00
	Hartanah Landai	3	1	4	1	0	2	5	3	15	13	47	432,153,008.00
Seberang Perai Tengah	Hartanah Berstrata	2	1	0	2	3	1	10	8	35	7	69	39,303,834.00
	Hartanah Landai	3	12	5	8	12	4	6	12	17	12	91	218,502,116.26
Seberang Perai Selatan	Hartanah Berstrata	1	14	7	52	9	5	12	25	38	20	183	116,257,968.00
	Hartanah Landai	9	9	13	5	7	4	7	8	13	22	97	173,954,927.00
Jumlah		**305**	**461**	**434**	**545**	**344**	**213**	**262**	**501**	**674**	**592**	**4331**	**7,106,862,732.84**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

16. Apakah insentif kerajaan kepada usahawan muda khususnya golongan B40?

    (a) Apakah jenis geran, jumlah maksimum dan tempoh program ditawarkan?

    (b) Apakah akses pasaran, e-dagang dan padanan pembeli yang ditawarkan?

    (c) Apakah kriteria kelayakan umur, pendapatan dan status perniagaan?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar dengan kerjasama pelbagai agensi negeri dan persekutuan, melaksanakan pelbagai program dan skim sokongan keusahawanan bagi memperkukuh penyertaan masyarakat dalam sektor ekonomi negeri. Program dan skim keusahawanan yang dilaksanakan memberi peluang kepada semua usahawan tempatan untuk menyertai, dengan keutamaan turut diberikan kepada golongan belia, B40, wanita dan usahawan luar bandar yang memenuhi syarat program masing-masing.

(a) Jenis Geran, Jumlah Maksimum dan Tempoh Program

Antara insentif utama yang ditawarkan ialah:

(i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan)

- Dilaksanakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh negeri; dan

- Menyediakan bantuan peralatan bernilai sehingga RM3,000.00 bagi membantu peniaga kecil dan usahawan mikro mengembangkan perniagaan sedia ada.

(ii) Skim Pinjaman Harapan (SPH) oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

- Menawarkan pinjaman mikro tanpa cagaran dan penjamin berjumlah RM5,000.00 hingga RM50,000.00;

- Tempoh bayaran balik adalah sehingga 48 bulan (4 tahun) bergantung kepada jumlah pinjaman dan keupayaan peminjam; dan

- Caj pengurusan dikenakan pada kadar yang berpatutan.

(iii) *Market Access Grant* dan MSME Level Up Programme (MELUP) melalui Digital Penang Sdn. Bhd.

- Menyediakan geran pembangunan pasaran bernilai sehingga RM20,000.00 bagi syarikat pemula dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS); dan

- Tempoh pelaksanaan program antara enam (6) hingga 12 bulan bergantung kepada aktiviti pembangunan pasaran.

(iv) Program Francais PERNAS oleh Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

- Menawarkan pelbagai skim seperti BEST-BYOB, Business In Transformation (BIT), Young Unity Entrepreneurs (YOUNITY) dan Women Entrepreneurs Empowerment Talent (SWEET); dan

- Memberi peluang kepada belia dan wanita menceburi bidang francais dengan bantuan geran dan pembiayaan tanpa faedah.

(v) Program Keusahawanan Luar Bandar (PREP) oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)

- Menyediakan latihan, bimbingan dan bantuan peralatan kepada usahawan luar bandar melalui bimbingan berterusan dan peluang promosi di platform jualan.

(vi) Geran Keusahawanan FAMA oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

- Menawarkan pelbagai geran termasuk:

  - Geran Mikro Industri Asas Tani (IAT) – sehingga RM5,000.00;

  - Geran K-Shoppe – sehingga RM20,000.00;

  - Geran Agropreneur Muda (GAM) – RM20,000 hingga RM30,000.00;

  - Geran Change Upgrade Product (CUP) – sehingga RM60,000.00; dan

  - Geran High Impact Product (HIP) dan Geran Agrotourism – sehingga RM200,000.00.

(vii) Program *NCER Entrepreneur Sustainable Transformation* (NEST) oleh Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)

- Menyediakan geran padanan, latihan digital dan bimbingan mentor industri kepada usahawan mikro dan PMKS.

(viii) Bantuan Modal Perniagaan oleh Zakat Pulau Pinang (MAINPP)

- Menawarkan bantuan modal dalam bentuk tunai atau peralatan kepada asnaf fakir dan miskin yang menjalankan perniagaan kecil sebagai sumber pendapatan utama.

(b) Akses Pasaran, E-Dagang dan Padanan Pembeli

Pelbagai program turut dilaksanakan bagi membantu usahawan mengakses pasaran yang lebih luas dan meningkatkan keupayaan digital:

- Digital Penang memperkenalkan program seperti *Market Access Programme* dan MELUP, yang memberi pendedahan kepada usahawan tentang pemasaran digital, strategi e-dagang, serta peluang menembusi pasaran antarabangsa melalui program padanan pembeli (*business matching*);

- FAMA dengan kerjasama agensi negeri dan Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang turut menganjurkan Program Jelajah Usahawan Pulau Pinang di seluruh Malaysia serta membawa produk usahawan ke ekspo dan pameran antarabangsa seperti Malaysia Fest di Singapura;

- PERDA menyediakan platform PERDA Business Outlet (PBO) dan Expo PERDA (EXPERT) untuk memperkenalkan produk usahawan luar bandar; dan

- Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) membantu peserta Program NEST menembusi pasaran digital dengan sokongan mentor industri dan rakan strategik seperti SME Corp Malaysia dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

(c) Kriteria Kelayakan Umur, Pendapatan dan Status Perniagaan

Secara umum, semua program keusahawanan ini terbuka kepada rakyat Pulau Pinang tanpa mengira latar belakang, dengan keutamaan kepada golongan belia, wanita, B40 dan usahawan luar bandar.

Kriteria asas penyertaan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia yang bermastautin di Pulau Pinang;
- Berumur antara 18 hingga 60 tahun;
- Menjalankan perniagaan aktif dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- Mempunyai pendapatan rendah atau sederhana, serta menunjukkan potensi untuk mengembangkan perniagaan melalui latihan, bimbingan dan bantuan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, pelbagai inisiatif ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama agensi pelaksana dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan, memperluas akses pasaran dan meningkatkan pendapatan rakyat secara inklusif serta mampan selaras dengan aspirasi Penang2030.

Perincian lengkap bagi semua program dan skim keusahawanan boleh dirujuk di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

RINGKASAN PROGRAM DAN SKIM SOKONGAN KEUSAHAWANAN OLEH AGENSI BERKAITAN DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	PROGRAM MELALUI AGENSI	BUTIRAN PROGRAM (JENIS GERAN / PEMBIAYAAN)	AKSES PASARAN / SOKONGAN TAMBAHAN	KRITERIA KELAYAKAN UTAMA
1	Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	Bantuan peralatan sehingga RM3,000 bagi peniaga kecil dan usahawan mikro untuk mengembangkan perniagaan sedia ada.	PDT turut menganjurkan program promosi komuniti serta pameran jualan bagi membantu memperluas pasaran produk tempatan.	Warganegara Malaysia bermastautin di Pulau Pinang, umur ≤60 tahun, pendapatan isi rumah <RM3,000, perniagaan aktif ≥1 tahun.
2	Skim Pinjaman Harapan (SPH) melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	Pinjaman mikro tanpa cagaran dan penjamin. Jumlah pinjaman antara RM5,000 hingga RM50,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 48 bulan. Caj pengurusan dikenakan pada kadar yang berpatutan.	Membantu usahawan mikro, belia dan wanita menambah modal kerja, memperkukuh aliran tunai dan mengembangkan perniagaan sedia ada.	Warganegara Malaysia, umur 21–60 tahun, perniagaan aktif ≥6 bulan, berdaftar dengan SSM atau PBT, tidak disenarai hitam.
3	Market Access Grant / MSME Level Up Programme (MELUP) melalui Digital Penang Sdn. Bhd.	Geran pembangunan pasaran bernilai sehingga RM20,000 bagi syarikat pemula dan PMKS untuk meningkatkan keupayaan pemasaran dan transformasi digital.	Melalui Market Access Grant & MELUP, peserta berpeluang mempelajari strategi digital, menembusi pasaran antarabangsa dan menyertai program padanan pembeli (*business matching*).	Syarikat pemula atau PMKS yang berdaftar di Pulau Pinang, mempunyai produk atau perkhidmatan aktif dan potensi pasaran luar.

BIL.	PROGRAM MELALUI AGENSI	BUTIRAN PROGRAM (JENIS GERAN / PEMBIAYAAN)	AKSES PASARAN / SOKONGAN TAMBAHAN	KRITERIA KELAYAKAN UTAMA
4	Program Keusahawanan & Pembiayaan Francais melalui Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	Termasuk skim seperti BEST-BYOB (60% geran + 40% pembiayaan tanpa faedah), Program Business In Transformation (BIT), Skim YOUNITY, Skim SWEET dan Geran Inovasi & Teknologi Halal.	Menyediakan latihan francais, bimbingan operasi perniagaan dan promosi jenama francais tempatan di pasaran baharu.	Bumiputera 18–60 tahun, B40/belia/wanita, tidak muflis, memiliki lesen atau pra-francais sah.
5	Program Pembangunan Keusahawanan Luar Bandar (PREP) melalui Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Program bimbingan dan pemantauan bersepadu kepada usahawan luar bandar termasuk bantuan mesin dan peralatan.	Menyediakan peluang pasaran melalui PERDA Business Outlet (PBO) dan Expo PERDA (EXPERT) bagi memperkenalkan produk luar bandar.	Usahawan luar bandar berdaftar dengan PERDA, keutamaan kepada B40, produk aktif & dipasarkan.
6	Program Geran Keusahawanan FAMA melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Menawarkan pelbagai skim seperti: • Geran Mikro IAT (RM5,000) • Geran K-Shoppe (RM20,000) • Geran Agropreneur Muda (RM20,000–RM30,000) • Geran CUP (RM60,000) • Geran HIP & Agritourism (hingga RM200,000)	FAMA bekerjasama dengan agensi negeri menganjurkan program Jelajah Usahawan dan penyertaan dalam ekspo antarabangsa seperti Malaysia Fest di Singapura bagi memperluas pasaran produk tempatan.	Usahawan kecil/mikro Industri Asas Tani (IAT) beroperasi ≥1 tahun, berdaftar dengan FAMA atau Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), keutamaan belia, B40 dan agropreneur aktif.

BIL.	PROGRAM MELALUI AGENSI	BUTIRAN PROGRAM (JENIS GERAN / PEMBIAYAAN)	AKSES PASARAN / SOKONGAN TAMBAHAN	KRITERIA KELAYAKAN UTAMA
7	Program NEST & Centre of Entrepreneurship (CoE) melalui Northern Corridor Economic Region (NCER/NCIA)	Program NCER Entrepreneur Sustainable Transformation (NEST) memberi geran padanan, latihan digital dan bimbingan mentor industri untuk meningkatkan keupayaan perniagaan.	Peserta dibimbing dalam bidang pemasaran, pensijilan halal dan automasi bersama rakan strategik seperti SME Corp Malaysia, MDEC dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).	Usahawan mikro atau PMKS, belia, wanita atau B40 yang berdaftar dan mempunyai produk komersial aktif.
8	Bantuan Modal Perniagaan melalui Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	Bantuan modal tunai atau peralatan kepada asnaf fakir dan miskin yang menjalankan perniagaan sebagai sumber pendapatan utama.	Menyokong asnaf dalam membangunkan perniagaan kecil agar mampu berdikari dan keluar daripada kemiskinan.	Warganegara Malaysia, bermastautin di Pulau Pinang, berstatus asnaf fakir atau miskin, sihat & berkeupayaan berniaga, perniagaan aktif atau berpotensi maju.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

17. Apakah strategi menyeluruh memastikan bumiputera tidak ketinggalan terutama dalam ekonomi negeri?

    (a) Apakah jurang pendapatan, pemilikan aset dan penyertaan sektor mengikut data terkini?

    (b) Apakah sasaran KPI tahunan yang ditetapkan?

    (c) Bagaimanakah pemantauan dan pelaporan awam dilaksanakan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam memastikan masyarakat Bumiputera tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi negeri, seiring dengan aspirasi Malaysia Madani dan agenda memperkukuh keseimbangan sosio ekonomi negara.

    Pelbagai inisiatif strategik telah dilaksanakan melalui Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dalam memastikan Bumiputera di Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam pelbagai sektor termasuk sektor ekonomi. Antara strategi yang dilaksanakan di bawah MPBPP ialah dengan membangunkan:

    (i) Pelan Pembangunan Usahawan 2025-2030; dan

(ii) Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Tahun 20262035 (PIPBPP35).

Ianya merangkumi halatuju serta strategi yang jelas bagi memastikan penyertaan dan memperkasa Bumiputera Pulau Pinang secara menyeluruh termasuk sektor ekonomi.

(a) Pendapatan isi rumah bulanan penengah Bumiputera di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan yang berterusan sepanjang tempoh 2019 hingga 2024.

Pada tahun 2019, pendapatan isi rumah penengah Bumiputera adalah sebanyak RM5,528.00, dengan peningkatan pada kadar 1.6% setahun bagi Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (Compound Annual Growth Rate, CAGR) kepada RM5,804.00 pada tahun 2022. Peningkatan ini terus kukuh dengan kadar pertumbuhan 6.7% (CAGR), menjadikan pendapatan isi rumah penengah Bumiputera sebanyak RM6,630.00 bagi tempoh 2019 sehingga 2024.

Sebagai perbandingan, kaum Cina merekodkan pendapatan isi rumah penengah sebanyak RM7,075.00 pada tahun 2019, meningkat 1.9% (CAGR) kepada RM7,489.00 pada tahun 2022, dan seterusnya meningkat 6.6% (CAGR) kepada RM8,542.00 pada tahun 2024.

Bagi kaum India, pendapatan isi rumah penengah meningkat daripada RM5,614.00 pada tahun 2019 kepada RM5,942.00 pada tahun 2022 dengan (CAGR) 1.9% dan seterusnya kepada RM6,872.00 pada tahun 2024 dengan (CAGR) 7.3%.

Dari sudut pendapatan isi rumah purata (mean), isi rumah Bumiputera meningkat daripada RM6,505.00 pada tahun 2019 kepada RM6,999.00 pada tahun 2022 dengan *CAGR* 2.4%, dan seterusnya kepada RM7,518.00 bagi 2024 dengan CAGR 3.6%.

Sementara itu, pendapatan isi rumah purata bagi isi rumah Cina meningkat daripada RM8,972.00 pada

tahun 2019 kepada RM9,464.00 bagi tahun 2022 dengan *CAGR* 1.8% dan kepada RM10,759.00 pada tahun 2024 dengan (CAGR) 6.4%.

Selain itu, pendapatan isi rumah purata bagi isi rumah India juga meningkat daripada RM6,866.00 pada 2019 kepada RM7,520.00 pada tahun 2022 dengan (CAGR) 3.0% dan RM8,207.00 pada tahun 2024 dengan (CAGR) 4.4%.

Peningkatan pendapatan isi rumah Bumiputera di Pulau Pinang bagi tempoh 2019 hingga 2024 menunjukkan perkembangan positif dan mengambarkan keberkesanan dasar pembangunan sosio ekonomi negeri yang inklusif. Walaupun jurang pendapatan antara kaum masih wujud, kadar pertumbuhan pendapatan Bumiputera yang lebih tinggi dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini menandakan daya tahan ekonomi dan peningkatan penyertaan Bumiputera adalah semakin kukuh.

Selain itu, data perbandingan mengikut negeri pada tahun 2024 telah merekodkan pendapatan isi rumah penengah Bumiputera di Pulau Pinang adalah lebih tinggi dan lebih baik jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Pendapatan isi rumah penengah Bumiputera bagi Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM6,630.00, diikuti dengan Terengganu sebanyak RM6,565.00, Negeri Sembilan sebanyak RM5,704.00, Pahang sebanyak RM5,052.00, Perlis sebanyak RM5,006.00, Kedah berjumlah RM4,913.00, Perak dengan jumlah RM4,893.00, Sabah sebanyak RM4,609.00 dan Kelantan sebanyak RM4,085.00.

(b) Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang 2026–2035 (PIPBPP35) yang diluncurkan pada 19 Julai 2025 merupakan kesinambungan usaha Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dalam memperkasa serta memperluas penyertaan Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi negeri.

Pelan ini digubal bagi memastikan golongan Bumiputera terus berdaya saing dalam menghadapi perubahan

ekosistem dan landskap ekonomi semasa. Ia bertunjangkan tiga teras utama, iaitu Individu dan Masyarakat, Ekonomi, serta Tadbir Urus dan Dasar, yang menjadi asas kepada hala tuju pembangunan negeri.

PIPBPP35 merangka strategi pembangunan secara menyeluruh dan bersepadu bagi memantapkan kedudukan Bumiputera di Pulau Pinang, dengan pelaksanaan yang dipetakan mengikut sektor-sektor utama pembangunan negeri. Kejayaan pelan ini bergantung kepada komitmen dan kerjasama pelbagai pihak dalam merealisasikan aspirasi pembangunan Bumiputera yang inklusif, mampan dan berpaksikan kesejahteraan bersama.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menetapkan sasaran KPI tahunan, termasuk:

(i) peningkatan bilangan PKS bumiputera yang berjaya meneroka pasaran baharu;

(ii) peningkatan penyertaan bumiputera dalam sektor strategik seperti elektrik & elektronik, perkhidmatan global (GBS), dan teknologi digital; dan

(iii) pertambahan pemilikan hartanah dan aset ekonomi oleh bumiputera secara berperingkat setiap tahun.

(c) Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang 2026–2035 (PIPBPP35) telah digubal oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai rakan penyelidik, bersama Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

MPBPP bernaung di bawah ICU, JPM, manakala BPPBPP berperanan sebagai urusetia kepada MPBPP.

Seterusnya, Jawatankuasa Kerja MPBPP bertanggungjawab membantu pelaksanaan fungsi serta tanggungjawab MPBPP dalam memastikan agenda pemerkasaan Bumiputera di Pulau Pinang dapat direalisasikan dengan berkesan.

Selain itu, pemantauan pelan ini akan merangkumi 161 inisiatif program yang merentasi 8 sektor pelaksanaan iaitu:

(i) Modal insan, wanita dan belia;

(ii) Pendidikan, Rohani dan Jasmani serta TVET;

(iii) Hartanah, Perumahan dan Aset Bumiputera Pulau Pinang;

(iv) Ekonomi, Industri dan Sumber Baharu;

(v) Keusahawanan, Ekuiti dan Koperasi;

(vi) Pertanian dan Rantaian Makanan;

(vii) Pelancongan, Warisan dan Budaya; dan

(viii) Pangkalan Data Bumiputera Pulau Pinang dan Tadbir Urus Digital.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

18. Apakah rancangan kerajaan mewujudkan inkubator usahawan dan hab perniagaan digital di daerah tanpa pusat keusahawanan?

    (a) Di manakah lokasi keutamaan dan apakah kriteria pemilihan tapak?

    (b) Bilakah garis masa pelaksanaan dari perolehan hingga operasi bermula?

    (c) Berapakah kos, sumber peruntukan dan model pembiayaan yang digunakan?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar komited memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri melalui pelaksanaan program pembangunan digital dan keusahawanan komuniti.

    Pada masa ini, tiada perancangan untuk mewujudkan inkubator atau hab perniagaan digital baharu secara fizikal. Namun, Kerajaan Negeri telah memanfaatkan Pusat NADI Komuniti Digital (Pusat NADI) sebagai hab digital komuniti bagi melaksanakan pelbagai inisiatif digital dan latihan keusahawanan di seluruh negeri.

Pusat NADI Komuniti Digital ialah inisiatif di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang menyediakan kemudahan internet serta latihan literasi dan keusahawanan digital kepada komuniti luar bandar.

Bermula suku pertama tahun 2025, Digital Penang telah memanfaatkan rangkaian Pusat NADI di seluruh negeri untuk melaksanakan program berteraskan digital bagi memperkasa masyarakat dengan kemahiran teknologi dan perniagaan dalam talian. Setakat ini, program tersebut telah dilaksanakan di 21 Pusat NADI dan beberapa pusat KADUN di seluruh Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri akan menilai keperluan mewujudkan pusat fizikal baharu berdasarkan keperluan dan permintaan setempat. Selain itu, Penang SME Centre di Bayan Lepas berfungsi sebagai pusat sehenti bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapatkan ruang operasi, kemudahan industri dan bimbingan perniagaan. Model ini dijadikan rujukan sekiranya pembangunan pusat keusahawanan baharu dipertimbangkan pada masa hadapan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

19. Apakah pelan jangka masa melahirkan atlet kebangsaan dan antarabangsa?

    (a) Senaraikan jenis permainan yang akan menjadi tumpuan.

    (b) Apakah strategi pengenalpastian bakat dan laluan pembangunan atlet?

    (c) Sejauh manakah kemudahan latihan bertaraf kebangsaan/ antarabangsa dinaik taraf? Senaraikan usaha yang dijalankan.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Pelan strategik Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bagi melahirkan atlet kebangsaan dan antarabangsa yang sedang dilaksanakan adalah seperti:

    (i) Mengenal pasti bakat atlet dan mengkelaskan mereka kepada beberapa sukan yang tertentu. Para atlet ini ini diletakkan di bawah Program Bakat dan Pelapis MSNPP;

    (ii) Menyediakan khidmat jurulatih secara sambilan kepada sukan-sukan yang berpotensi bagi memastikan latihan atlet dapat dijalankan mengikut teknik serta cara yang betul;

(iii) Para atlet diberi bantuan untuk mewakili negeri menyertai mana-mana kejohanan bagi menilai prestasi atlet tersebut;

(iv) Atlet yang berkelayakan akan disenaraikan oleh MSNPP dan Persatuan Sukan Negeri untuk mewakili negeri ke SUKMA; dan

(v) Atlet yang mempunyai prestasi yang baik di SUKMA, akan ditawarkan untuk memasuki kem latihan kebangsaan bagi mewakili negara di peringkat antarabangsa.

(a) Antara sukan yang diberi tumpuan bagi memastikan kejayaan di peringkat antarabangsa terutamanya peringkat Olimpik adalah seperti berikut:

(i) Akuatik-Renang;
(ii) Badminton;
(iii) Berbasikal;
(iv) Memanah;
(v) Olahraga; dan
(vi) Skuasy

Selain itu, sukan lain seperti Angkat Berat, Gimnastik Artistik, Judo, Karate, Lawn Bowls, Menembak, Pelayaran, Ping Pong, Tenpin Bowling dan Wushu juga turut diberi perhatian kerana mampu mengharumkan nama negeri dan negara.

(b) MSNPP dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sentiasa menilai prestasi atlet-atlet baharu. Program mengenal Pasti Bakat (TID) yang dilaksanakan di institusi pendidikan pada setiap tahun dilaksanakan mengikut keperluan sukan tertentu. Atlet yang mempunyai bakat akan diserap masuk ke Program Bakat dan Pelapis MSNPP untuk terus diberi latihan yang khusus, seterusnya dibawa mewakili negeri ke SUKMA.

(c) Kerajaan Negeri melalui agensi dan jabatan yang berkaitan sentiasa komited dalam membina dan menaiktaraf kemudahan fasiliti sukan di Pulau Pinang. Antara contoh fasiliti sukan yang bertaraf antarabangsa telah siap dibina adalah seperti Akademik Billiard dan

Snuker Bayan Lepas yang mana hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi pengangjur utama sukan tersebut semasa Sukan SEA 2027.

Selain itu, fasiliti sukan lain yang dinaik taraf juga adalah bertaraf kebangsaan dan antarabangsa seperti Kolam Renang DSA, Seberang Jaya, Pembaikan Stadium Negeri Pulau Pinang,Kompleks Sukan Sony Seberang Jaya dan sebagainya lagi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

20. Apakah jumlah peruntukan sukan akar umbi dari tahun 2022 sehingga kini?

    (a) Bagaimanakah peruntukan diagih mengikut daerah dan sukan keutamaan?

    (b) Apakah keberkesanan program sukan akar umbi yang dibiayai?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) melalui geran yang diperuntukan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia telah menyalurkan perbelanjaan pembangunan sukan akar umbi/bakat/pelapis/pembangunan Sukan Olimpik seperti berikut:

Jenis Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)
Program Bakat dan Pelapis Tahun 2022	488,500.00
Program Bakat dan Pelapis Tahun 2023	632,000.00
Program Bakat dan Pelapis Tahun 2024	703,211.75
Program Bakat, Pelapis dan Olimpik Tahun 2025	1,540,000.00

(a) Peruntukan untuk pembangunan sukan akar umbi akan diagihkan dan disalurkan melalui Persatuan Sukan Negeri kepada jenis sukan yang tersenarai dalam program akar umbi yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Pihak Persatuan perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada MSNPP selaku pengawai pengawal peruntukan berkenaan bagi menyertai sebarang kejohanan peringkat tempatan atau penganjuran program pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang.

Bagi bantuan bayaran elaun jurulatih yang melatih atlet-atlet, peruntukan akan terus disalur kepada jurulatih yang berkenaan. Jurulatih berkenaan juga telah diberikan kontrak lantikan sebagai jurulatih sukan di bawah MSNPP.

(b) Program pembangunan sukan akar umbi yang dibiayai ini memberi kesan yang sangat baik di mana atlet yang berlatih di bawah inisiatif ini akan berpeluang untuk diserap masuk ke dalam program latihan seterusnya dan berpeluang mewakili Pulau Pinang ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).

Selain itu, atlet-atlet berkenaan juga akan terpilih untuk mewakili pasukan atlet di bawah Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Atlet-atlet yang layak juga akan diserap ke dalam pasukan remaja kebangsaan untuk diberi pendedahan mewakili pasukan remaja negara menyertai kejohanan di luar negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

21. Apakah pelan naik taraf fasiliti sukan di luar bandar untuk tahun ini?

    (a) Di manakah lokasi keutamaan dan apakah justifikasinya?

    (b) Bagaimanakah penyelenggaraan dan operasi selepas naik taraf dijamin?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam merangka pelan fasiliti sukan di luar bandar melalui permohonan Pejabat Khidmat ADUN / Parlimen, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta cadangan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk diselaraskan bersama agensi berkaitan. Usaha ini adalah bertujuan untuk memberi tumpuan kepada peningkatan kemudahan sukan komuniti agar lebih inklusif dan selamat.

    (a) Antara pelan naik taraf yang telah dilaksanakan ialah gelanggang bola keranjang, trek joging, padang awam, gelanggang sepak takraw, taman permainan, pemasangan lampu di kawasan rekreasi dan tandas. Lokasi keutamaan untuk naik taraf adalah di atas tanah kerajaan (kawasan lapang) dan seliaan fasiliti di bawah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Kriteria pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepadatan penduduk, kekerapan penggunaan fasiliti yang tinggi, kemudahan yang sangat uzur dan potensi kawasan

yang menjadi tumpuan komuniti setempat dan juga berdasarkan permohonan.

(b) Bagi menjamin keberkesanan dan pembangunan sukan yang mampan adalah dengan mengemukakan cadangan peruntukan penyelenggaraan tahunan dan pemantauan berkala daripada PDT, MPKK dan persatuan yang berkaitan bagi memastikan fasiliti berada dalam keadaan baik dan digunakan secara optimum oleh komuniti. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan fasiliti tersebut tertakhluk kepada peruntukan yang diperoleh oleh PDT.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

22. Apakah dasar sokongan kerajaan kepada kelab sukan belia dan NGO sukan yang aktif?

    (a) Apakah bantuan kewangan, peralatan dan penggunaan fasiliti yang disediakan?

    (b) Bagaimanakah kelayakan ditentukan untuk memohon?

    (c) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri untuk Kejohanan Piala Mas yang akan diadakan pada tahun ini di Pulau Pinang?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Sukan telah meletakkan satu visi di dalam Penang2030 bagi meningkatkan penyertaan masyarakat, terutamanya golongan belia dalam aktiviti sukan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM350,000.00 kepada mana-mana persatuan sukan untuk melaksanakan program sukan di negeri ini.

    Bukan itu sahaja, mana-mana permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh Persatuan Sukan Negeri yang berdaftar secara sah bersama dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan bernaung di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) boleh mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan secara bertulis kepada MSNPP, bagi tujuan penyertaan atau

penganjuran kejohanan yang berlandaskan kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi.

Selain daripada sokongan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) telah melaksanakan program Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Geran Padanan Sukan (GPS) bagi menyokong penganjuran acara sukan pelbagai peringkat dari antarabangsa sehingga peringkat komuniti.

(a) Peruntukan Sukan Massa berjumlah RM150,000.00 telah diperuntukkan kepada kelab sukan dan belia bagi penganjuran program pembangunan sukan di peringkat komuniti dan masyarakat setempat.

Selain itu, melalui Jawatankuasa MMK Sukan, sejumlah RM350,000.00 telah diperuntukkan untuk dimohon oleh mana-mana persatuan sukan dan belia bagi melaksanakan program pembangunan sukan.

Bagi DSK, sejumlah 93 permohonan telah diluluskan setakat Jendela 6 dengan jumlah RM1,198,000.00 yang memanfaatkan acara sukan dengan jumlah penyertaan 22,858 peserta. Manakala untuk GPS, Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM1,165,000.00 melalui 17 permohonan bagi menganjurkan acara sukan dalam bentuk geran padanan.

(b) Bagi permohonan di bawah peruntukan MSNPP, kelayakan permohonan tertakluk kepada persatuan yang berdaftar dan sah di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia serta program yang bakal dianjurkan hendaklah bertujuan untuk membangunkan sukan peringkat komuniti dan masyarakat setempat serta memenuhi kriteria lain yang ditetapkan oleh pihak pelulus.

Manakala, bagi peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Sukan, kelayakan yang ditetapkan adalah persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) atau Pendaftar Pertubuhan Belia, serta mestilah bertujuan bagi pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang.

Bagi GPS yang merupakan inisiatif KBS yang bertujuan memberi peluang kepada badan sukan berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) dan kelab/persatuan belia berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS) memohon dana bagi menganjurkan program sukan bagi sukan prestasi tinggi dan impak tinggi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara.

Bagi DSK adalah inisiatif KBS untuk memberi bantuan bagi penganjuran program pembangunan sukan di peringkat komuniti kepada persatuan/pertubuhan kelab yang berdaftar dengan PJS atau ROY.

(c) Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah memperuntukkan sejumlah RM8,000.00 dibawah Geran Sukan Komuniti kepada Persatuan Bola Sepak Melayu Pulau Pinang bagi penganjuran Piala Bola Sepak Emas Raja-Raja 2025 yang berlangsung pada 10 hingga 12 Oktober 2025 di Pulau Pinang dan Kedah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

23. Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam membanci literasi al-Quran di sekolah rendah dan menengah negeri ini?

    (a) Apakah penilaian keberhasilan pengurangan buta al-Quran?

    (b) Berapakah peruntukan dari tahun 2023 sehingga kini untuk mengurangkan bilangan buta Al-Quran?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Berikut adalah pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dalam membanci dan meningkatkan literasi Al-Quran di sekolah rendah dan menengah:

    (i) Penilaian penguasaan bacaan Al-Quran murid dijalankan secara berterusan melalui sistem rekod tasmik dengan matlamat untuk memastikan semua murid Islam dapat Khatam Al-Quran sebelum tamat persekolahan Tahun Enam (6) yang dilaksanakan dibawah Program Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, dan Fardu Ain (j-QAF);

    (ii) Kem Literasi Al-Quran iaitu program pemulihan intensif yang dilaksanakan di sekolah rendah khususnya untuk

murid yang masih di tahap penguasaan Iqra' 1 hingga Iqra' 6 atau yang lemah dalam bacaan Al-Quran. Kem ini menggunakan modul khas untuk mengatasi masalah keciciran bacaan Al-Quran dalam tempoh yang singkat;

(iii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), menyediakan sokongan kepada institusi pendidikan Islam (termasuk Sekolah Agama Rakyat dan Kelas KAFA) yang mana pelajar-pelajar ini turut menyumbang kepada statistik literasi Al-Quran di negeri; dan

(iv) Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP menyokong program-program keagamaan tambahan seperti mahrajan, pertandingan atau seminar yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan kecintaan murid terhadap al-Quran sekali gus memperkukuh literasi al-Quran murid.

(a) Penilaian keberhasilan pengurangan buta al-Quran yang dilaksana oleh Kerajaan Negeri di peringkat rendah dan menengah adalah seperti berikut;

Peringkat sekolah rendah:

(i) Pentaksiran **Program Memperkasa JAWI dan al-Quran** kepada semua pelajar sekolah rendah agama dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang dilaksana di awal sesi pembukaan sekolah; dan

(ii) Keputusan **Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK)** pelajar tahun lima (5) setiap di peringkat rendah bagi menilai tahap kemahiran, kebolehan, dan penghayatan pelajar dalam bidang pengajian Islam seperti Al-Quran, ibadah (amali solat), dan penghayatan cara hidup Islam.

Peringkat Menengah:

(i) Keputusan peperiksaan **Sijil Menengah Agama (SMA)** bagi pelajar tingkat empat (4) dengan menggunakan Kurikulum al-Azhari;

(ii) Keputusan peperiksaan **Sijil Tinggi Agama (STA)** bagi pelajar tingkatan enam (6) dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD); dan

(iii) Keputusan peperiksaan **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** bagi pelajar tingkatan enam (6) dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Berkaitannya, Kerajaan Negeri telah melaksana kurikulum agama dan program pengukuhan al-Quran di semua sekolah Islam Pulau Pinang dengan tujuan untuk membasmi murid yang tidak menguasai (buta) al-Quran di Pulau Pinang.

(b) Peruntukan untuk program dan aktiviti mengurangkan bilangan murid yang tidak menguasai (buta) Al-Quran dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM BASMI BUTA AL-QURAN	JUMLAH 2023 (RM)	JUMLAH 2024 (RM)	JUMLAH 2025 (RM)
1	Program Pemerkasaan Jawi Dan Al-Quran Dan Program Menggapai Kecemerlangan UPKK	290,000.00	290,000.00	290,000.00

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

24. Apakah status semasa kadar murid yang menunaikan solat lima waktu di Negeri Pulau Pinang?

    (a) Apakah bentuk intervensi yang dilaksanakan bagi meningkatkan pematuhan solat lima waktu?

    (b) Bagaimanakah peranan imam, masjid setempat dan PIBG diselaraskan dalam usaha ini?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Solat Lima (5) waktu telah menjadi keutamaan kepada semua sekolah dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini berdasarkan kepada program yang telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Surau atau musolla telah digunakan secara maksimum dalam menjadikan solat fardhu sebagai salah satu pengajaran di sekolah dan menjadikan solat berjemaah di waktu zohor sebagai salah satu aktiviti harian sekolah.

    (a) Berikut adalah bentuk intervensi yang dilaksanakan di Pulau Pinang dalam meningkatkan solat lima (5) waktu di Negeri Pulau Pinang:

        (i) Modul latihan khusus - Kem Bestari Solat (KBS) : Pembangunan modul pembelajaran praktikal

tentang tatacara, adab dan kefahaman solat (bahan latihan, lembaran kerja, aktiviti praktikal). Modul seperti ini digunakan untuk melatih murid dan guru agar solat lebih betul dan berdikit-dikit menjadi kebiasaan di sekolah;

(ii) Program solat berjemaah/jadual solat di sekolah: Pengaturan waktu khusus di sekolah (contoh zohor berjemaah), penggiliran kelas atau tahun untuk ke surau, dan sesi solat berjemaah yang dipantau guru atau Ahli Jawatankuasa (AJK) tarbiah sekolah. Banyak kertas kerja dan amalan sekolah mencadangkan perlaksanaan solat berjemaah sebagai rutin;

(iii) Asrama/program tarbiah berterusan (SMKA & SABK): Program tarbiah asrama termasuk solat berjemaah, qiamullail, tadarus, bacaan ma'thurat, usrah dan modul pembangunan sahsiah dengan tujuan untuk membiasakan amalan ibadat harian kepada pelajar asrama;

(iv) Peningkatan fasiliti ibadat (surau/ruang solat, kelengkapan wuduk): Penyediaan/penambahbaikan surau, bilik wuduk, papan jadual waktu solat dan logistik (telekung, sejadah) untuk memudahkan pelajar menunaikan solat di sekolah. Pihak agama negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang terlibat dalam usaha penyelarasan fasiliti;

(v) Latihan dan pembangunan guru (guru Pendidikan Islam/pembimbing): Latihan pedagogi solat kepada guru, kursus pengukuhan nilai/adab (unit Adab & Nilai) dan pembinaan tenaga pemimpin rohani (takmir/guru takmir) untuk memimpin dan memantau amalan solat di sekolah;

(vi) Kerjasama antara JPN, jabatan agama dan badan bukan kerajaan (NGO)/Yayasan: Program bersama seperti sesi bimbingan, kem atau aktiviti komuniti yang melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang untuk menyampaikan ceramah, modul dan sokongan moral. Contohnya kerjasama

dilaporkan antara JPN Pulau Pinang dan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP); dan

(vii) Penglibatan ibu bapa & komuniti sekolah: Kempen kesedaran kepada ibu bapa, mesyuarat bersama dan makluman tentang kepentingan solat supaya sokongan di rumah dan sekolah selari untuk menjadikan pematuhan solat sebagai usaha bersama. (Digalakkan dalam panduan program tarbiah/kem sekolah).

(b) Penglibatan PIBG dan Masjid dalam menggalakkan solat di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Imam/Jawatankuasa Masjid:

1) Memimpin dan menjadi jurulatih rohani (taklimah, tazkirah, bimbingan solat & adab)

2) Menyediakan tenaga pengajar (imam atau bilal) untuk program solat berjemaah, ceramah dan program apresiasi solat.

3) JPN Pulau Pinang telah menjadikan beberapa masjid sebagai hub pendidikan untuk memudahkan dan menggalakan murid mendekati masjid terutamanya dalam solat 5 waktu.

(ii) Masjid setempat/Jawatankuasa Masjid:

1) Menyediakan ruang/kemudahan untuk aktiviti luar sekolah (program singgah solat, lawatan pembelajaran), membantu penyediaan modul agama komuniti;

2) Menggalakkan program "singgah solat/solat berjemaah" dan aktiviti tarbiah yang melibatkan pelajar seperti menyediakan RM5.00 setiap kali pelajar hadir solat subuh. Contohnya, pihak Masjid Jamek Shaik Eusoff telah melaksanakannya hampir 3 tahun.

(iii) Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG):

1) Memfasilitasi penglibatan ibu bapa untuk membantu menyediakan logistik (pengangkutan, pembiayaan kecil untuk sejadah/telekung, penganugerahan) dan menjadi jambatan komunikasi antara sekolah serta komuniti/masjid;

2) Menjalankan kempen kesedaran di kalangan ibu bapa tentang kepentingan solat lima (5) waktu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

25. Apakah status kes Eksploitasi Seksual Komersial Kanak-kanak (ESKK) melibatkan murid di Pulau Pinang? Senaraikan bilangan kes yang disahkan mengikut daerah dari tahun 2022 sehingga kini.

    (a) Apakah pelan pencegahan dan intervensi awal di sekolah?

    (b) Apakah perlindungan serta pemulihan mangsa kanak-kanak?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. ESKK merupakan salah satu inisiatif dibawah Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang yang dikelola oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Unit Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) dan Unit Siasatan Jenayah Kanak-Kanak Internet Malaysia, dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

    Bagi tempoh tahun 2022 hingga 31 Oktober 2025, sejumlah 28 kes Eksploitasi Seksual Komersial Kanak-kanak (ESKK) telah direkodkan di Pulau Pinang. Senarai bilangan kes mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Bagi pelan pencegahan dan intervensi awal di sekolah, sekiranya terdapat murid yang terlibat, intervensi akan dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bilangan 13 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan Eksploitasi Seksual Komersial Kanak-Kanak (ESKK) boleh dilapor melalui emel aduanskmm@mcmc.gov.my, portal https:// aduan. mcmc. gov.my, atau di balai polis berhampiran.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) tidak terlibat secara langsung dalam kes ESKK, namun memainkan peranan penting dalam melaksanakan intervensi awal terhadap kes penderaan fizikal, seksual dan emosi yang dilaporkan. Antara inisiatif yang dijalankan ialah Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak, yang telah dilaksanakan sejak tahun 2024 hingga 2025 melibatkan 50 buah sekolah di seluruh negeri. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman murid mengenai penderaan serta mempromosikan saluran aduan Talian Kasih 15999. Sehingga 31 Oktober 2025, lebih 5,000 kanak-kanak telah menerima manfaat daripada program ini.

(b) Bagi perlindungan dan pemulihan mangsa, pihak sekolah turut bertanggungjawab memaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekiranya terdapat aduan atau pengesanan kes salah laku seksual melibatkan murid.

Apabila menerima laporan, Pegawai JKM akan mengambil tindakan segera bagi memastikan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terbabit. Antara langkah yang dilaksanakan termasuk penyelamatan dan perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), penempatan sementara di Tempat Selamat, serta pemulihan melalui sesi kaunseling dan terapi psikososial bagi membantu mangsa pulih dalam persekitaran yang selamat.

LAMPIRAN A

STATISTIK KES EKSPLOITASI SEKSUAL KOMERSIL KANAK - KANAK (ESKK) DI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA 31 OKTOBER 2025

SEKSYEN / KESALAHAN	TIMUR LAUT				BARAT DAYA				SEBERANG PERAI UTARA				SEBERANG PERAI TENGAH				SEBERANG PERAI SELATAN				JUMLAH KESELURUHAN			
	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	**2022**	**2023**	**2024**	**2025**
SEKSYEN 11 AKSTKK 2017	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	**3**	**0**	**0**	**0**
SEKSYEN 15 AKSTKK 2017	8	0	2	1	0	0	1	0	0	1	2	1	0	2	2	0	0	0	1	4	**8**	**3**	**8**	**6**
JUMLAH	**10**	**0**	**2**	**1**	**0**	**0**	**1**	**0**	**0**	**1**	**2**	**1**	**0**	**2**	**2**	**0**	**1**	**0**	**1**	**4**	**11**	**3**	**8**	**6**

NOTA :
AKSTKK: Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak
Seksyen 11: Pengantunan kanak – kanak (*grooming*).
Seksyen 15: Komunikasi, pengedaran dan penyimpanan bahan lucah kanak – kanak

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

26. Apakah statistik kes buli di sekolah dari tahun 2020 hingga 2025 mengikut daerah, sekolah dan jenis buli?

(a) Nyatakan bilangan kes yang telah diambil tindakan tegas mengikut kategori.

(b) Senaraikan kadar pengulangan pesalah serta lokasi panas bagi kes buli tersebut.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Statistik Kes Buli Mengikut Daerah

DAERAH	TAHUN						JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN–21/10/25)	
TL			2	11	11	8	32
BD		1	1	3	2	5	12
SPU	1			4	8	8	21
SPT				4	3	1	8
SPS	1		1	1	8	9	20
JUMLAH	**2**	**1**	**4**	**23**	**32**	**31**	**93**

*Sumber PDRM

Rujukan:
TL : Daerah Timur Laut
BD : Daerah Barat Daya
SPU : Daerah Seberang Perai Utara
SPT : Daerah Seberang Perai Tengah
SPS : Daerah Seberang Perai Selatan

(a) Menurut rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, dari tahun 2020 sehingga 2025 sebanyak 93 kes telah dibuka kertas siasatan oleh pihak PDRM dan 17 kes daripadanya telah dituduh di Mahkamah.

(b) Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang tiada kadar pengulangan pesalah serta lokasi panas bagi kes buli dilaporkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

27. Apakah saluran aduan rasmi kes buli di sekolah (fizikal / digital) yang dilaksanakan di Pulau Pinang?

    (a) Senaraikan SOP pengendalian aduan termasuk perlindungan pelapor / mangsa daripada pembalasan.

    (b) Nyatakan tatacara penempatan sementara mangsa / tertuduh dan tempoh masa keputusan setiap peringkat.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang Saluran Aduan Rasmi Kes Buli di Sekolah berdasarkan Perenggan 4.2(a) Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 12 Tahun 2023, aduan salah laku buli boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

    (i) Fizikal:
        1) Membuat atau merujuk suatu aduan salah laku buli terus kepada pihak pentadbiran atau mana-mana guru di institusi pendidikan;dan

        2) Memasukkan aduan bertulis ke dalam peti aduan yang disediakan di institusi pendidikan.

    (ii) Digital

1) Mengemukakan aduan salah laku buli terus kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Portal Aduan Buli KPM; dan

2) Semua aduan yang diterima hendaklah direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) sebagai saluran rasmi pelaporan dan pemantauan kes disiplin.

(a) *Standard Operating Procedure* (SOP) Pengendalian Aduan dan Perlindungan Pelapor/Mangsa menurut Perenggan 4.3 SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023, apabila aduan salah laku buli diterima atau diketahui, Pengetua/Guru Besar (PGB) hendaklah dalam tempoh 24 jam mengambil tindakan seperti berikut :

(i) Menghubungi ibu bapa atau penjaga murid yang terlibat (pelaku dan mangsa);

(ii) Menghantar dan mengiringi murid yang mengalami kecederaan fizikal atau gangguan emosi ke klinik atau hospital kerajaan/ One Stop Crisis Centre (OSCC) untuk pemeriksaan;

(ii) Merekodkan aduan dalam SSDM (Sistem Sahsiah Diri Murid);

(iii) Melengkapkan laporan awal mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7 Tahun 2011: SOP 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid; dan

(v) Mengemukakan laporan awal kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk disampaikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM.

Perenggan 4.3(b) turut menetapkan bahawa jika ibu bapa atau penjaga mangsa tidak mengambil peduli, pihak sekolah boleh memberikan maklumat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat di bawah Seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001 bagi memastikan perlindungan terhadap mangsa. Semua maklumat pelapor dan mangsa dikendalikan secara sulit dan dilindungi daripada sebarang pembalasan.

(b) Tatacara Penempatan Sementara dan Tempoh Masa Keputusan berdasarkan Perenggan 4.4 hingga 4.7 SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023, tatacara pengendalian kes buli ditentukan mengikut status laporan:

(i) Kes Dilaporkan kepada Polis:

1) PGB hendaklah mengemukakan semua dokumen berkaitan kepada PDRM seperti laporan disiplin SSDM, kehadiran, akademik dan perkembangan murid;

2) Murid yang ditahan oleh polis direkodkan dalam SSDM, dan ketidakhadiran mereka bukan kesalahan disiplin;

3) Sepanjang siasatan polis berjalan tiada tindakan disiplin boleh diambil oleh pihak sekolah sehingga keputusan mahkamah diperoleh; dan

4) Walau apa pun keputusan mahkamah Pengetua / Guru Besar (PGB) hendaklah memastikan pelaku, mangsa dan saksi menjalani intervensi pemulihan bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

(ii) Kes Tiada Laporan Polis Dibuat

Berdasarkan Perenggan 4.5 SPI Bil. 12/2023, langkah tatacara adalah seperti berikut :

1) Melantik Guru Penyiasat untuk menjalankan siasatan segera dan mengemukakan laporan kepada PGB;

2) Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) mencadangkan tindakan disiplin yang wajar berdasarkan hasil siasatan;

3) Jawatankuasa Disiplin mengesyorkan tindakan lanjut (rotan, gantung sekolah atau buang sekolah);

4) PGB membuat pengesahan tindakan disiplin dalam SSDM;

5) Perjumpaan tertutup dengan ibu bapa/penjaga pelaku bagi memaklumkan kesalahan dan hukuman;

6) Jika timbul pertikaian Jawatankuasa Permuafakatan boleh ditubuhkan oleh PGB untuk penyelesaian dalaman;

7) Tindakan disiplin dilaksanakan selepas keputusan dimuktamadkan; dan

8) Intervensi pemulihan dijalankan kepada mangsa, pelaku dan saksi oleh GBK.

(iii) Tempoh Masa Mengikut SOP : Peringkat Tindakan/ Proses Tempoh Masa:

1) Penerimaan aduan Laporan awal dan maklum kepada ibu bapa dalam masa 24 jam;

2) Siasatan awal oleh Guru Penyiasat mendapatkan bukti dan laporan dalam 1 hingga 3 hari;

3) Pertimbangan Jawatankuasa Disiplin cadangan tindakan kepada PGB Dalam 7 hari selepas laporan;

4) Pelaksanaan tindakan disiplin dan intervensi pemulihan pelaku dan mangsa oleh GBK sehingga selesai;

5) Rayuan kepada Pendaftar oleh ibu bapa pelaku dalam 3 hari selepas keputusan; dan

6) Semua sekolah di bawah KPM termasuk di Pulau Pinang tertakluk kepada pelaksanaan SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023 bagi memastikan:

   a) Saluran aduan rasmi (fizikal dan digital) dapat diakses oleh semua pihak;

   b) Aduan dikendalikan secara sulit dan dalam tempoh masa yang ditetapkan;

   c) Perlindungan terhadap pelapor dan mangsa dijamin di bawah peruntukan undang-undang; dan

   d) Intervensi pemulihan dilaksanakan bagi membina semula kesejahteraan emosi murid serta mewujudkan ekosistem sekolah yang selamat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

28. Bagaimanakah kerajaan memastikan kes buli di asrama disiasat secara telus tanpa sebarang campur tangan atau keistimewaan, susulan insiden seperti kes Zara Qairina?

    (a) Apakah langkah bagi memulihkan keyakinan serta mempromosikan sekolah berasrama, termasuk kempen keselamatan, penetapan standard warden, audit asrama dan KPI penyertaan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memandang serius setiap insiden salah laku buli yang berlaku di institusi pendidikan terutamanya di sekolah-sekolah berasrama. Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan persekitaran sekolah yang selamat, beradab dan kondusif, JPNPP melaksanakan tindakan berpandukan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bilangan 12 Tahun 2023 : Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah KPM.

    SPI ini menjadi asas kepada semua sekolah di Pulau Pinang dalam mengurus kes buli secara telus, berstruktur dan bebas daripada campur tangan seperti berikut:-

    (a) Menjadi asas panduan pengurusan salah laku buli;

(b) Menjelaskan secara terperinci definasi, jenis, faktor dan implikasi salah laku buli;

(c) Menerangkan peranan jawatankuasa pengurusan salah laku buli; dan

(d) Menjelaskan tatacara pengurusan kes salah laku buli, tindakan disiplin dan intervensi salah laku buli.

Bagi memastikan ketelusan dalam siasatan setiap kes buli di asrama, JPNPP melaksanakan langkah-langkah berikut:

(i) Pelaksanaan Tatacara SPI Bil. 12 Tahun 2023

(1) Semua sekolah berasrama di bawah JPNPP diwajibkan melaksanakan siasatan mengikut garis panduan SPI Bil. 12/2023;

(2) Siasatan dijalankan oleh Guru Penyiasat yang dilantik dan hasil siasatan dilaporkan kepada Pengetua/Guru Besar serta Jawatankuasa Disiplin Sekolah; dan

(3) Semua laporan kes direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dan dikemukakan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk pemantauan lanjut oleh Sektor Pembangunan Murid JPNPP.

(ii) Penglibatan Agensi Penguat Kuasa

(1) Bagi kes yang mempunyai elemen jenayah, sekolah wajib memaklumkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan

(2) Langkah ini memastikan siasatan dilaksanakan secara profesional, bebas dan tanpa sebarang keistimewaan kepada mana-mana pihak.

(iii) Saluran Aduan Terbuka dan dipantau untuk memperkukuh ketelusan dan akses kepada pelaporan kes, JPNPP turut memaklumkan kepada sekolah serta

komuniti tentang saluran rasmi aduan buli yang disediakan oleh KPM iaitu :-

(1) SISPAA KPM: https://moe.spab.gov.my/

(2) Hotline KPM: 03-8884 9325

(3) *WhatsApp*: 014-800 9325

(4) E-mel: adubuli@moe.gov.my

(5) Peti Aduan Sekolah: Disediakan di setiap institusi pendidikan.

Aduan yang diterima akan disiasat secara langsung oleh pegawai di peringkat KPM, JPNPP atau PPD untuk memastikan tiada unsur penyembunyian atau manipulasi laporan di peringkat sekolah.

(iv) Program "Terjah Asrama" di Pulau Pinang:

Sebagai langkah pencegahan dan pemantauan lapangan, JPNPP melaksanakan Program Terjah Asrama di semua sekolah berasrama di negeri ini seperti:-

(1) Lawatan mengejut (spot check) dilaksanakan oleh pegawai JPNPP, PPD, dan PDRM;

(2) Pemeriksaan ini menilai tahap keselamatan, disiplin, kebajikan, dan pematuhan SOP pengurusan asrama;

(3) Program ini turut berperanan mendidik warden dan penghuni asrama tentang tanggungjawab serta budaya "asrama selamat, beradab dan bebas buli".

(a) Antara langkah Kerajaan Negeri melalui JPNPP adalah seperti berikut:

i) Penganjuran hari terbuka asrama untuk memberi ruang kepada masyarakat melihat lebih dekat kehidupan di asrama;

ii) Penetapan KPI asrama pada tahap 80% bagi menggalakkan usaha pihak sekolah menarik minat murid untuk tinggal di asrama;

iii) Audit asrama, penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan di asrama membantu menarik minat murid untuk tinggal di asrama. Kemudahan yang kondusif dapat menarik minat di kalangan murid untuk tinggal di asrama;

iv) Lantikan warden yang mencukupi mengikut kadar yang ditetapkan mampu memberi impak positif terhadap pengawasan murid di asrama. Kadar lantikan warden asrama di sekolah Pulau Pinang adalah menepati kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Warden baharu yang dilantik perlu mengikuti kursus dan taklimat berkaitan pengurusan tugas sebagai warden di asrama. Lantikan warden asrama dari kalangan guru. Warden dari kalangan guru lebih berkesan untuk mengurus dan membentuk sahsiah serta disiplin murid kerana lebih memahami akan kemenjadian murid bagi sesebuah sekolah;dan

v) Pemasangan CCTV telah diperluaskan kesemua asrama. Pihak KPM telah menyediakan kemudahan CCTV untuk asrama-asrama terpilih dan proses pemasangan sedang dilaksanakan. Pihak sekolah juga digalakkan nenggunakan peruntukan sedia ada untuk pemasangan CCTV di asrama.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIV)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH

29. Memandangkan RUU URA masih belum berkuat kuasa, apakah undang-undang yang diguna pakai bagi projek PSB Mahsuri?

    (a) Bagaimanakah pelaksanaan naik taraf infrastruktur akan dilaksanakan memandangkan kawasan tersebut berdekatan dengan kawasan yang sering mengalami banjir kilat?

    (b) Nyatakan garis masa pelaksanaan projek ini mengikut fasa.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri (KN) untuk membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak lagi ekonomik untuk didiami. Selain itu, Projek PSB ini adalah bertujuan untuk meningkatkan imej, reka bentuk bandar dan kualiti hidup masyarakat bandar serta merupakan produk utama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2021–2025 dan Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2026–2030.

    Pada masa kini, terdapat enam (6) skim perumahan/flat lama yang telah disenaraikan sebagai Projek PSB yang melibatkan tanah milikan tunggal (sole proprietor) seperti *State Secretary, Penang* (SSI) dan Pihak Berlkuasa Tempatan (PBT). Satu (1) daripada Projek PSB tersebut adalah Projek PSB Mahsuri,

Bayan Lepas di atas Lot 2319 – 2325, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Projek PSB Mahsuri ini dilaksanakan berpandukan Garis Panduan PSB (Pembangunan Perumahan) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 9/2022 pada 20 September 2022.

Selain itu, LPNPP turut merujuk kepada akta-akta sedia ada sebagai rujukan dalam pelaksanaan Projek PSB seperti berikut:

(i) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318];

(ii) Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757];

(iii) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];

(iv) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486];

(v) Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 [Akta 118]; dan

(vi) Kanun Tanah Negara [Akta 828].

(a) Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf infrastruktur di kawasan PSB Mahsuri yang berdekatan dengan lokasi sering berlaku banjir kilat akan dilaksanakan dengan mengambil kira faktor keselamatan, kejuruteraan dan keadaan geografi setempat. Bagi tujuan tersebut, KN melalui agensi teknikal yang berkaitan terutamanya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan kajian terperinci tapak bagi mengenal pasti punca utama berlakunya banjir serta tahap keberkesanan sistem saliran sedia ada. Hasil kajian ini akan dijadikan asas dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan secara berfasa. Antara komponen utama yang akan dilaksanakan termasuk penambahbaikan sistem perparitan dan saliran, pembinaan longkang baharu, kolam takungan sementara serta pemasangan perangkap sampah (silt trap) bagi mengawal aliran air hujan. Pemantauan berkala juga akan dilakukan bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan mengikut piawaian kejuruteraan, tidak menjejaskan alam

sekitar serta mampu mengurangkan risiko banjir kepada penduduk setempat.

Selain itu, pihak JPS turut mewajibkan supaya semua pembangunaan baharu perlu mematuhi beberapa garis panduan yang digunapakai oleh pihak jabatan seperti Garis Panduan JPS: Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai, Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai, pematuhan kepada kelulusan Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimentasi (ESCP), Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan di Kawasan Pantai dan lain-lain termasuk arahan-arahan semasa yang dikeluarkan melalui Pekeliling-Pekeliling JPS. Laporan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam juga akan digunakan sebagai bahan rujukan bagi sebarang pembangunan yang melibatkan sistem saliran. Kajian ini adalah berkesan sekiranya semua pihak mengguna pakai sepenuhnya hasil laporan kajian ini.

(b) Pada asalnya, Mahsuri 5 *Points Block* terdiri daripada enam (6) blok bangunan rumah pangsa kos rendah setinggi lima (5) tingkat yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di atas tanah KN pada tahun 1981. Ia merangkumi 360 unit kediaman yang berkeluasan antara 248 sehingga 527 kaki persegi. Walau bagaimanapun, satu (1) blok bangunan yang merangkumi 60 unit kediaman telah dirobohkan oleh pihak PDC atas pengesahan struktur bangunan tersebut lemah dan tidak lagi selamat untuk diduduki. Dengan mengambil kira usia bangunan-bangunan tersebut yang telah mencecah 40 tahun, pihak Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah mengambil inisiatif untuk membangunkan semula kawasan tersebut sebagai Projek PSB. Cadangan pembangunan Projek PSB Mahsuri ini terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu Fasa 1 yang mengandungi pembangunan satu (1) unit blok bangunan gantian yang merangkumi 300 unit kediaman. Manakala Fasa 2 pula merangkumi pembangunan bercampur termasuk unit-unit Rumah MutiaraKu (RMKu). Garis masa bagi kedua-dua fasa pembangunan adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

GARIS MASA BAGI PEMBANGUNAN FASA 1 DAN FASA 2		
PERINCIAN	**GARIS MASA FASA 1**	**GARIS MASA FASA 2**
Kebenaran Merancang (KM)	November 2024	Jun 2027
Kebenaran Memulakan Kerja (COW) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Januari 2025	Ogos 2027
Milikan Kosong (VP)	Jun 2027	September 2031

Jadual 1 : Garis Masa Bagi Pembangunan PSB Mahsuri Fasa 1 dan Fasa 2

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

1. Senaraikan tempat-tempat pelancongan dan agro pelancongan di daerah Seberang Perai Selatan.

   (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh dan mempromosi sektor ini?

   (b) Berapakah peruntukan yang dikhususkan untuk tujuan pelancongan mengikut daerah?

   (c) Sejauh manakah Kerajaan Negeri memastikan pembangunan pusat pelancongan seimbang, merangkumi semua daerah di Pulau Pinang?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Tempat-tempat pelancongan dan agro pelancongan di daerah Seberang Perai Selatan adalah seperti berikut:

   (i) Bukit Jawi Golf Resort;
   (ii) Mountain View Golf Resort;
   (iii) Design Village Outlet Mall;
   (iv) Kampung Nelayan Pulau Aman;
   (v) Hutan Lipur Cherok To' Kun;
   (vi) Taman rekreasi: Hutan Lipur Cherok To' Kun;
   vii) Firefly Sanctuary;
   (viii) Sungai Udang; dan
   (ix) Sepanjang pantai Seberang Perai Selatan boleh menikmati hasil laut segar atau memancing.

(a) Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) memberi tumpuan untuk memperkukuh dan mempromosikan sektor pelancongan serta agro-pelancongan di Seberang Perai Selatan (SPS), selaras dengan potensi kawasan tersebut yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, warisan budaya komuniti dan produk berasaskan laut. Usaha promosi ini dilaksanakan melalui kempen bertemakan *The Opposite Side of The Island – Seberang Perai*, yang menampilkan destinasi utama seperti Bukit Jawi Golf Resort, Mountain View Golf Resort, Design Village Outlet Mall, Pulau Aman, Firefly Sanctuary di Nibong Tebal dan Hutan Lipur Cherok To' Kun. Kempen ini digerakkan melalui platform media sosial, laman rasmi PGT serta kerjasama strategik bersama rakan industri.

Dalam memperkukuh sektor agro-pelancongan, Kerajaan Negeri turut merancang pelaksanaan pakej pelancongan berasaskan ladang dan hasil laut, termasuk lawatan ke kampung nelayan, aktiviti memancing serta pengalaman menikmati makanan laut segar. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada penglibatan langsung komuniti tempatan bagi memastikan manfaat ekonomi dapat disalurkan secara inklusif kepada nelayan dan petani setempat. Seiring dengan itu, aktiviti pelancongan alam seperti pemerhatian kelip-kelip turut dikawal selia berdasarkan prinsip kelestarian bagi memelihara ekosistem dan biodiversiti.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama *Think City* turut memperkukuh promosi pelancongan melalui penyediaan bahan promosi berbentuk buku, video dan brosur yang memfokuskan tarikan di Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan dalam aspek alam, warisan dan gastronomi. Promosi ini turut dipergiat melalui platform digital bagi menarik minat pelancong khususnya golongan muda dan pasaran serantau.

(b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan secara khusus mengikut lokasi atau daerah.

(c) Promosi pelancongan negeri dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu di bawah penyelarasan Penang

Global Tourism (PGT), dengan tumpuan kepada pengukuhan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. PGT melaksanakan strategi promosi berasaskan tema, produk dan pasaran sasaran, bukannya tertumpu kepada lokasi semata-mata.

Sebagai contoh, kempen promosi memberi penekanan kepada segmen pelancongan seperti pelancongan warisan, ekopelancongan, pelancongan komuniti dan agro, serta pelancongan kesihatan yang merangkumi semua daerah termasuk Seberang Perai. Pendekatan ini memastikan setiap destinasi dalam negeri menerima pendedahan yang seimbang, di samping memaksimumkan keberkesanan bajet promosi melalui pelaksanaan kempen digital, penyertaan dalam pameran pelancongan antarabangsa dan kerjasama dengan rakan industri seperti syarikat penerbangan, media serta pempengaruh sosial.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

2. Nyatakan syarat untuk kelulusan operasi bagi premis yang memproses besi terpakai atau barang lusuh di Pulau Pinang.

   (a) Senaraikan jumlah aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri berkaitan pengoperasian premis ini.

   (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan premis ini tidak menimbulkan gangguan seperti bising, bau busuk, habuk serta menggugat ketenteraman penduduk sekitar?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Antara syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak BerkuasaTempatan untuk kelulusan operasi bagi premis yang memproses besi terpakai atau barang lusuh adalah seperti berikut :

   (i) Hendaklah beroperasi di premis industri yang telah mempunyai kelulusan pelan berkaitan daripada PBT;

   (ii) Mempunyai kelulusan lesen perniagaan PBT yang sah;

   (iii) Aktiviti yang dijalankan hendaklah tidak menimbulkan isu kacau ganggu kepada penduduk tempatan dan alam sekitar;

   (iv) Mematuhi syarat-syarat pelesenan dan syarat-syarat jabatan teknikal;

(v) Mematuhi segala peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] dan Undang-undang Kecil PBT yang berkuat kuasa; dan

(vi) Mendapatkan permit daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan Akta Peniaga Sekenhend 1946 [*AKTA 189*];

(a) Jumlah aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri melalui PBT adalah sebanyak 27 aduan. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH ADUAN
MBPP	21
MBSP	6
JUMLAH KESELURUHAN	**27**

(b) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius terhadap isu gangguan seperti bising, bau busuk, habuk serta sebarang bentuk pencemaran yang boleh menggugat ketenteraman penduduk sekitar yang berpunca daripada aktiviti premis kitar semula, pemprosesan besi terpakai atau barangan lusuh yang tidak terkawal.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala untuk memastikan premis-premis tersebut mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh PBT.

PBT boleh mengeluarkan kompaun ke atas operasi dan membatalkan lesen/permit jika perlu berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] dan Undang-undang Kecil PBT yang berkuat kuasa.

Pihak PDRM juga akan membuat rondaan secara berkala bagi memastikan tiada aktiviti haram atau gangguan daripada operasi premis barangan lusuh yang mengganggu ketenteraman penduduk sekitar.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

3. Apakah status rumah Taman Sejahtera Rakyat Indera Timbalan di Kampung Kepala Gajah yang tidak dituntut oleh waris selepas kematian penghuni asal?

   (a) Apakah cara pihak lain hendak memohon rumah yang tidak dituntut oleh waris?

   (b) Apakah langkah kerajaan bagi memastikan rumah terbiar ini diselenggara dan tidak mendatangkan bahaya kepada penduduk sekitar?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Taman Sejahtera Rakyat Indera Timbalan di Kampung Kepala Gajah merupakan kawasan perumahan kerajaan yang dibangunkan di bawah Program Penempatan Masyarakat Setempat (PPMS). Bagi rumah di taman berkenaan yang tidak dituntut oleh waris selepas kematian penghuni asal, unit tersebut akan dikembalikan di bawah kawalan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk tujuan pengurusan lanjut. Rumah yang berkenaan boleh ditawarkan semula kepada penerima baharu yang layak, tertakluk kepada semakan dan kelulusan pihak berkuasa berkenaan.

   (a) Cara lain untuk memohon rumah yang tidak dituntut oleh waris ialah pemohon hendaklah mengemukakan surat permohonan bertulis kepada Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan. Surat permohonan tersebut perlu

menyatakan tujuan permohonan, latar belakang pemohon serta justifikasi keperluan. Selain itu, pemohon juga dikehendaki melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan bagi melengkapkan urusan pentadbiran.

(b) Bagi memastikan rumah yang terbiar tidak mendatangkan risiko atau ancaman kepada penduduk setempat, PDT akan melaksanakan pemeriksaan serta penyelenggaraan asas bagi memastikan keadaan rumah tersebut berada pada tahap selamat. Sekiranya didapati membahayakan, tindakan lanjut yang bersesuaian akan diambil mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

4. Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, terutama di daerah Seberang Perai Selatan?

   (a) Senaraikan fasiliti sukan yang boleh digunakan oleh rakyat secara percuma.

   (b) Sejauh manakah kerajaan merancang untuk membina kompleks sukan bagi kegunaan rakyat di DUN Sungai Bakap?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat selaras dengan agenda kesejahteraan rakyat dan pembangunan komuniti yang mampan. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Khidmat Parlimen/ ADUN dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

   Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti penyediaan kemudahan tempat sukan dan rekreasi yang mencukupi dan program kesihatan secara bersasar dalam komuniti. PDTSPS juga telah menaik taraf kemudahan sukan seperti padang awam, trek joging, gelanggang bola keranjang, gelanggang sepak

takraw, lampu limpah, tandas dan peralatan taman permainan. Sebagai contoh adalah projek naik taraf Trek Joging Padang Awam Jawi, Seberang Perai Selatan bagi menggalakkan aktiviti riadah keluarga dan merupakan satu trek joging di daerah ini.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan fasiliti sukan secara percuma bagi gelanggang sukan terbuka seperti gelanggang bola keranjang, gelanggang sepak takraw, futsal, gelanggang tenis, trek joging dan padang awam.

(b) Kerajaan Negeri sentiasa cakna mengenai keperluan merancang Kompleks Sukan Komuniti di kawasan DUN Sungai Bakap. Pada masa ini, cadangan pembinaan Kompleks Sukan Komuniti memerlukan kajian awal tapak dan analisa komuniti dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang bagi mengenal pasti kesesuaian lokasi yang memberi impak yang baik kepada masyarakat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

5. Senaraikan jumlah KAFA yang berpremis dan tidak berpremis di dalam DUN Sungai Bakap.

   (a) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dan bilik darjah, terutamanya KAFA yang tidak berpremis atau menumpang premis lain?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Senarai premis KAFA di dalam DUN Sungai Bakap adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA KAFA	PREMIS
1	KAFA Sekolah Kebangsaan Tasek Permai	Sekolah Kebangsaan
2	Sekolah Agama Rakyat Maahadul Islami	Bangunan Sendiri
3	Sekolah Agama Rakyat Ad-Diniah	Bangunan Sendiri
4	Sekolah Agama Rakyat An-Nur	Bangunan Sendiri
5	KAFA Masjid Kampung Besar	Masjid
6	KAFA Masjid Sungai Kechil	Masjid

BIL.	NAMA KAFA	PREMIS
7	KAFA Surau Lebai Tahir	Surau
8	KAFA Surau Sungai Baong	Surau
9	Surau Kampung Lima Kongsi	Surau
10	KAFA Surau Haji Shafiee	Surau
11	KAFA Dewan Kompleks Penjara	Jabatan Penjara

(a) Lantikan guru KAFA adalah tertakluk kepada kuota yang ditentukan di peringkat Persekutuan bagi setiap negeri. Pada tahun 2023, kuota yang diperuntukkan untuk Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 1,586 perjawatan. Namun pada tahun 2025 jumlah tersebut telah bertambah menjadikan kuota guru KAFA seramai 1,650 perjawatan. Pada masa ini, jumlah tersebut mampu menampung pengoperasian kelas-kelas KAFA di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

6. Apakah perancangan untuk menambah bilangan klinik kesihatan kerajaan di setiap daerah di Pulau Pinang?

   (a) Bilakah dijangkakan siap pembinaan klinik kesihatan di Bandar Tasek Mutiara? Senaraikan garis masa projek.

   (b) Sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina hospital baru di daerah Seberang Perai Selatan bagi menampung pertambahan penduduk?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Bagi tahun 2026 hingga 2030, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah meletakkan perancangan bagi penambahan 6 Klinik Kesihatan di Negeri Pulau Pinang antaranya:

Daerah	Perancangan Penambahan Klinik Kesihatan
Timur Laut	Klinik Kesihatan Batu Ferringi
Barat Daya	Klinik Kesihatan Teluk Kumbar
	Klinik Kesihatan Batu Maung
Seberang Perai Utara	Klinik Kesihatan Bertam
Seberang Perai Selatan	Klinik Kesihatan Batu Kawan
	Klinik Kesihatan Bandar Cassia

(a) Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara merupakan projek tender semula yang dijalankan oleh Kontraktor Marimas Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 11 November 2024 dan tarikh jangka siap adalah pada 12 September 2026. Kemajuan fizikal projek adalah 39.27% (Oktober 2025).

(b) Sehingga kini, tiada perancangan pembinaan hospital baru di daerah Seberang Perai Selatan, namun terdapat perancangan untuk naik taraf Hospital Sungai Bakap.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

7. Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kesesakan jalan raya dan risiko kemalangan akibat pergerakan lori tanah yang kerap melalui kawasan kampung serta kawasan sekolah di daerah Nibong Tebal?

   (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menetapkan jadual masa operasi lori tanah terutama pada waktu puncak?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Bagi menangani masalah kesesakan jalan raya dan risiko kemalangan akibat pergerakan lori tanah yang kerap melalui kawasan kampung serta berhampiran kawasan sekolah di Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menetapkan syarat dalam kelulusan kerja tanah yang mewajibkan pemaju menyediakan pelan laluan lori tanah. Pelan laluan tersebut bertujuan untuk mengelakkan penggunaan laluan melalui kawasan sensitif dan penempatan padat. Pelan berkenaan juga perlu mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi penyelenggara jalan.

   Manakala, beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh JKR bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:-

   (i) Mengehadkan penggunaan jalan oleh lori tanah kepada masa-masa tertentu serta menetapkan tempoh operasi lori supaya

tidak beroperasi pada waktu puncak yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meminimumkan risiko kemalangan;

(ii) Menjalankan penyelarasan dengan pemohon Aktiviti Kerja Tanah, di mana pemohon diwajibkan mematuhi laluan yang telah ditetapkan serta memastikan lori berada dalam keadaan baik dan bersih sebelum meninggalkan tapak kerja; dan

(iii) Menaik taraf dan membaik pulih kemudahan redaan trafik, termasuk pemasangan papan tanda amaran, papan tanda had laju, lampu amaran kuning (flashing amber light) dan jalur rentas kuning (yellow transverse bar) bagi memperlahankan kelajuan kenderaan yang melalui kawasan sekolah.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah (BSPTD) Seberang Perai Selatan telah menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap lori tanah yang melanggar peraturan jalan raya di kawasan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Tindakan saman telah dikenakan ke atas pemandu yang gagal mematuhi peraturan jalan raya manakala tindakan lain turut diambil terhadap kenderaan yang tidak mematuhi syarat keselamatan dan spesifikasi teknikal termasuk penggunaan tayar botak, ketiadaan segi tiga keselamatan, ketiadaan alat pemadam api serta ketidakpatuhan-ketidakpatuhan lain yang boleh meningkatkan risiko kemalangan.

(a) Kerajaan Negeri melalui JKR telah menetapkan Jadual Masa Operasi Lori Tanah seperti berikut:

Hari	**Tempoh Masa yang Dibenarkan Beroperasi**	**Tempoh Larangan Masa yang Dibenarkan Beroperasi**
Isnin sehingga Jumaat sahaja	9.00 pagi sehingga 5.00 petang	(i) 1.00 tengah hari sehingga 2.00 petang (ii) 5.00 petang sehingga 7.00 petang

Larangan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan murid sekolah serta kelancaran aliran trafik di kawasan terlibat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

8. Nyatakan jenis bantuan yang diberikan kepada usahawan kecil dan penjaja tempatan, di bandar dan luar bandar, sejak tahun 2022 hingga kini.

   (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu golongan ini dalam menghadapi kos barangan yang semakin meningkat?

   (b) Senaraikan bantuan yang boleh dimohon oleh usahawan kecil di daerah Seberang Perai Selatan.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan kelangsungan hidup dan kemajuan golongan usahawan kecil dan penjaja tempatan di bandar dan luar bandar, terutamanya dalam mendepani cabaran peningkatan kos barangan dan operasi. Bantuan yang telah dan sedang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan sejak tahun 2022 hingga kini, merangkumi insentif langsung dan sokongan pembangunan perniagaan adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	PELAKSANA/AGENSI	GOLONGAN SASARAN UTAMA
Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang	Kerajaan Negeri (Melalui Pihak Berkuasa Tempatan - PBT: MBPP & MBSP)	Penjaja dan Peniaga Berlesen.

JENIS BANTUAN	PELAKSANA/AGENSI	GOLONGAN SASARAN UTAMA
Bantuan Tunai/Insentif Khas	Kerajaan Negeri (Melalui PBT: MBPP & MBSP)	Penjaja dan Peniaga Berlesen.
Bantuan Modal Perniagaan (Zakat)	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	Asnaf Fakir Miskin yang berpotensi menjadi usahawan.
Program Peningkatan Ekonomi (Bantuan Alatan)	Pejabat Daerah dan Tanah	Peniaga kecil yang berpendapatan rendah.

(a) Antara langkah Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan kecil dan penjaja tempatan menghadapi kos barangan yang semakin meningkat adalah seperti berikut:

(i) Penyaluran Bantuan Tunai: Melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang, penyaluran insentif tunai secara langsung (seperti RM500) kepada penjaja dan peniaga kecil adalah untuk meringankan beban kewangan serta kos operasi perniagaan, yang sebahagiannya terjejas akibat peningkatan kos barangan; dan

(ii) Sokongan Prasarana: Kerajaan Negeri, melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), terus menyediakan dan menyelenggara prasarana perniagaan seperti gerai dan pasar awam dengan kadar sewa atau caj yang berpatutan. Ini membantu mengurangkan kos operasi usahawan dan penjaja yang berlesen, berbanding dengan menyewa premis persendirian.

(b) Senarai jenis bantuan dan skim pembiayaan utama yang boleh dimohon oleh usahawan kecil dan penjaja tempatan di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang beroperasi di peringkat negeri dan persekutuan adalah seperti berikut:

AGENSI/PROGRAM	JENIS BANTUAN	SASARAN UTAMA DI SPS
Pejabat Daerah dan Tanah	Program Peningkatan Ekonomi (Bantuan Alatan)	Peniaga kecil yang berpendapatan rendah.
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) - Zakat	Bantuan Modal Perniagaan Zakat: Bantuan kewangan untuk memulakan atau memajukan perniagaan.	Asnaf Fakir Miskin yang berpotensi menjadi usahawan di seluruh Pulau Pinang, termasuk SPS.
Penang Halal International (PHI)	Program Pembangunan Usahawan Digital: Kursus/latihan (contohnya, e-Commerce Made Easy @ Shopee/foodpanda) dan sokongan untuk memasuki pasaran digital.	Usahawan, penjaja kecil, dan koperasi Daerah Seberang Perai Selatan.
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Program Pembangunan Ekonomi: Pelbagai program keusahawanan, bantuan penyediaan premis/infrastruktur, dan latihan kemahiran (contohnya Program Rural Apprentice Entrepreneurship - PREP).	Usahawan kecil dan peniaga luar bandar/desa, termasuk di SPS.
MARA (Majlis Amanah Rakyat)	Pembiayaan Perniagaan dan Latihan: Skim pinjaman/pembiayaan perniagaan, kursus	Usahawan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera.

	keusahawanan, dan bantuan pembangunan. (MARA merupakan agensi yang sering bekerjasama dalam program keusahawanan di peringkat daerah).	

Bantuan Sokongan Pemasaran dan Infrastruktur

AGENSI/PROGRAM	JENIS BANTUAN	SASARAN UTAMA DI SPS
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Pemasaran Produk Agro-Makanan: Sokongan pemasaran melalui Pasar Tani dan pelbagai program pembangunan keusahawanan tani, termasuk perkhidmatan daripada Pejabat FAMA Daerah Seberang Perai Selatan.	Usahawan pertanian, penternakan, dan makanan (agro-makanan).
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	Infrastruktur dan Lesen: Penyediaan gerai dan premis perniagaan berlesen dengan kadar sewa yang berpatutan, serta bantuan insentif khas dari Kerajaan Negeri (cth. Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang).	Penjaja dan peniaga kecil berlesen di bawah bidang kuasa MBSP (merangkumi SPS).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

9. Senaraikan jumlah, lokasi serta status lesen premis kuari yang masih aktif beroperasi di Seberang Perai Selatan.

   (a) Apakah pemantauan berkala yang dilakukan bagi memastikan operasi kuari mematuhi syarat-syarat alam sekitar dan keselamatan?

   (b) Apakah terdapat perancangan untuk menghadkan atau menstruktur semula operasi kuari bagi mengurangkan impak terhadap penduduk setempat dan alam sekitar?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Menurut rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG), terdapat empat (4) kuari yang sedang aktif beroperasi di Seberang Perai Selatan yang mana satu (1) daripadanya diluluskan Permit 4C bagi lot-lot tanah yang tertakluk kepada Seksyen 71 Kanun Tanah Negara. Tiga (3) tapak kuari yang selebihnya tidak tertakluk kepada peruntukan undang-undang ini kerana berstatus *First Grade* atau *Condition A* atau *Condition B*. Senarai adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Status Permit
1	Pemilik: Asas Dunia Berhad Operator: Andesite Quarry Sdn. Bhd. Lot 817, 818, 1104 dan 1105, Mukim 4, Seberang Perai Selatan.	Permit 4C Aktif
	Lot 954, 961, 171, 179, Mukim 4, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus Condition B
2	Pemilik: Welepeq Sdn. Bhd. Operator: Hanson Quarry Sdn. Bhd. Lot 40, 41,129,134, 135, 169, 170, 171, 213 dan 267, Mukim 3, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus Condition A / B
3	Pemilik: Welepeq Sdn. Bhd. Operator: Hanson Quarry Sdn. Bhd. Lot 488, Jalan Lima Kongsi, Mukim 4, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus First Grade
4	Pemilik: Pakatan Protim Properties Sdn. Bhd. Operator: CMAPx Aggregates Sdn. Bhd. Lot 407, 408, 409, Mukim 14, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus First Grade

	Pemilik: Sterling Consortium (M) Sdn. Bhd. Operator: CMAPx Aggregates Sdn. Bhd. Lot 412, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus First Grade

(a) Pemantauan operasi kuari dilaksanakan secara bersepadu oleh Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta jabatan teknikal berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui lawatan tapak berkala bagi memastikan pematuhan kepada syarat yang ditetapkan. Pengusaha kuari wajib memaklumkan kepada Pentadbir Tanah sebelum memulakan kerja pencabutan bahan batuan mengikut Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021.

Selain itu, JMG melalui Inspektor Kuari Kanan turut menjalankan pemantauan berkala meliputi aspek kerja peletupan, pelepasan efluen, keselamatan operasi, serta kawalan hakisan dan kelodak. Selain itu, kuari di Seberang Perai Selatan terlibat dalam program penarafan kemampanan menggunakan kaedah *Sustainable Development Indicator (SDI)* sepanjang RMKe-12.

(b) Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengenakan had terhadap operasi kuari bagi mengurangkan impak kepada penduduk dan alam sekitar. Namun begitu, setiap permohonan pengkuarian tertakluk kepada syarat jabatan teknikal berkaitan seperti PBT, JAS, JMG, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan keselamatan operasi serta perlindungan alam sekitar dan kebajikan penduduk terjamin.

Selain itu, menurut JMG, semua operasi kuari diluluskan berdasarkan laporan skim kuari yang disediakan oleh Jurutera Perunding Profesional Perlombongan/Sumber Mineral yang berdaftar serta mendapat kelulusan agensi teknikal. Sekiranya terdapat impak ketara kepada alam sekitar atau penduduk, penstrukturan semula atau had

operasi boleh dipertimbangkan melalui semakan semula laporan skim kuari, yang perlu diluluskan oleh Inspektor Kuari Kanan sebelum Lesen Operasi Kuari dikeluarkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

10. Apakah tindakan penguatkuasaan terhadap lori membawa muatan berlebihan sehingga merosakkan jalan raya dan mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain?

    (a) Apakah kerosakan jalan raya akibat lori tanah akan ditanggung kerajaan atau pemaju / kontraktor yang bertanggungjawab?

    (b) Senaraikan aduan kerosakan jalan raya yang disebabkan lori muatan berlebihan.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Sepanjang tahun 2025, pelbagai tindakan penguatkuasaan telah dijalankan oleh pihak berkuasa bagi menangani isu kenderaan perdagangan, khususnya lori yang membawa muatan berlebihan.

    Antara tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah:

    (i) Pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) telah melaksanakan Ops Perdagangan ke atas kenderaan perdagangan seperti moto lori, bas dan lain-lain kenderaan berat, dengan pengeluaran saman terhadap pelbagai kesalahan termasuk membawa muatan berlebihan atau berbahaya, menggunakan tayar botak, tidak membawa alat pemadam api, tiada alat segitiga

keselamatan serta berpakaian tidak kemas semasa bertugas;

(ii) JSPT juga bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk membawa kenderaan yang disyaki membawa muatan berlebihan ke Stesen Timbang JPJ Valdor (SPS) dan Stesen Timbang JPJ Penaga (SPU) bagi tindakan lanjut di bawah Seksyen 57(1)(b)(vi) dan Seksyen 82(1) Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010;

(iii) Pihak JPJ turut melaksanakan dua (2) operasi utama, iaitu Ops Gempur Kenderaan Perdagangan yang berlangsung dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2025, serta Ops Perang Lebih Muatan yang dijalankan dari 14 Oktober hingga 31 Disember 2025. Kedua-dua operasi ini dilaksanakan lebih 16 jam setiap hari dengan tumpuan khusus kepada kenderaan perdagangan berat; dan

(iv) Sepanjang tempoh Januari hingga Oktober 2025, JPJ telah menyita sebanyak 199 buah kenderaan berat yang didapati melebihi had muatan yang ditetapkan di bawah Seksyen 80(1), selain mengeluarkan sebanyak 20,349 saman atas pelbagai kesalahan melibatkan kenderaan perdagangan.

Langkah-langkah penguatkuasaan berterusan ini dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya serta memelihara integriti infrastruktur jalan.

(a) Sekiranya berlaku kerosakan jalan raya akibat pergerakan lori tanah yang melaksanakan kerja di tapak, pemaju atau kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaiki kerosakan tersebut sebagaimana yang disyaratkan dalam kelulusan Pelan Kerja Tanah (PKT). Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berhak mengarahkan kerja-kerja di tapak dihentikan serta-merta sekiranya pemaju atau kontraktor gagal mematuhi arahan pembaikan yang diberikan, dan kerja hanya boleh disambung semula setelah pihak

berkuasa berpuas hati dengan kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan.

Pemaju diwajibkan membaiki sebarang kerosakan serta melaksanakan langkah kawalan keselamatan dan kebersihan jalan, termasuk penyediaan papan tanda amaran, pembersihan jalan, dan penyelenggaraan berkala sepanjang tempoh kerja tanah dijalankan.

Manakala bagi laluan yang melalui jalan di bawah seliaan JKR, permit laluan kerja tanah hendaklah diperoleh daripada JKR dan wang cagaran akan dikenakan sebagai jaminan bagi kerja-kerja pemulihan sekiranya berlaku kerosakan pada jalan awam.

Namun, bagi jalan di luar had penyenggaraan pemaju, segala kerja pembaikan akan ditanggung oleh kerajaan dan dilaksanakan oleh pihak JKR sebagai agensi penyelenggara jalan.

(b) Sehingga bulan Oktober 2025, tiada aduan kerosakan jalan raya yang disebabkan lori muatan berlebihan diterima oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada melalui JKR, MBPP dan MBSP.

Secara umum, antara jenis kerosakan jalan raya yang lazim berlaku akibat penggunaan lori bermuatan berlebihan termasuklah:

(i) Jalan berlubang (potholes);

(ii) Jalan mendap atau beralun (rutting/corrugation);

(iii) Jalan retak dan pecah (crocodile cracks);

(iv) Kerosakan pada longkang dan bahu jalan (shoulder damage); dan

(v) Kemerosotan jangka hayat struktur jalan dan jambatan.

Walau bagaimanapun, setakat ini keadaan jalan di kawasan terlibat adalah terkawal dan tiada aduan berkaitan kerosakan akibat lori bermuatan berlebihan dilaporkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

11. Berapakah jumlah pesakit kanser yang berpunca daripada rokok dan *vape* di Pulau Pinang dari tahun 2022 hingga kini?

    (a) Berapakah anggaran kos rawatan seorang pesakit kanser akibat rokok?

    (b) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan untuk merawat pesakit kanser ini dalam masa setahun, dari tahun 2022 hingga kini?

    (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengawal isu ini?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) buat masa ini tidak mempunyai data rasmi bagi jumlah pesakit kanser yang berpunca daripada rokok dan *vape* di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, berdasarkan data global serta Laporan Kanser Registri Kebangsaan Malaysia 2017 - 2021 menunjukkan kanser paru-paru kekal sebagai antara lima kanser utama di Malaysia dan mempunyai perkaitan rapat dengan tabiat merokok.

    (a) Menurut Laporan Kos Langsung Penjagaan Kesihatan Bagi Penyakit Tidak Berjangkit di Malaysia (*The Direct Health-Care Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia*) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), perbelanjaan

hospital bagi rawatan kanser berjumlah RM980.8 juta pada tahun 2017, dengan kos purata sebanyak RM7,087.00 bagi setiap episod rawatan kanser di hospital.

(b) JKNPP juga tidak mempunyai data rasmi peruntukan yang dibelanjakan untuk merawat pesakit kanser akibat daripada merokok dan *vape* sejak tahun 2022 dan sehingga kini.

(c) KKM telah mewarta Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) iaitu dengan mewajibkan penjualan rokok dan *vape* disimpan secara tertutup di dalam kabinet, tidak dibenarkan dipamerkan secara terbuka di kaunter atau rak jualan mulai 1 April 2025. Tujuannya adalah untuk mengurangkan akses mudah kepada produk ini, terutama bagi golongan muda dan mengawal tabiat merokok demi kesihatan awam.

Manakala bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merujuk keputusan MMK Bil 13/2025 pada 30 April 2025 dan disahkan pada tarikh yang sama, Kerajaan Negeri menetapkan pendirian untuk tidak menggalakkan penjualan bahan merokok, khususnya rokok elektronik dan *vape*, selaras dengan usaha melindungi kesihatan awam. Mengenai larangan *vape* dan rokok elektronik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengikuti keputusan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

12. Apakah jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan di bawah TPM80PP sejak penubuhannya?

    (a) Berapa banyak projek yang telah disiapkan?

    (b) Apakah jenis kerja penyelenggaraan yang paling banyak dilaksanakan di bawah program ini?

    (c) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan keberkesanan dan ketelusan dalam pelaksanaan projek-projek TPM80PP?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Sejak tahun 2013 sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM96,909,090.89 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Enam Juta Sembilan Ratus Sembilan Ribu Sembilan Puluh dan Lapan Puluh Sembilan Sen Sahaja) di bawah Program Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) yang melibatkan sebanyak 527 buah projek.

    (a) Daripada keseluruhan 527 buah projek yang telah diluluskan, sebanyak 489 buah projek telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak RM88,526,976.04 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lapan Juta Lima Ratus Dua Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Enam dan Empat Sen Sahaja). Baki projek

yang belum dilaksanakan adalah disebabkan oleh kegagalan pihak *Joint Management Body* (JMB)/*Management Committee* (MC) untuk mengemukakan baki bayaran sebanyak 20% dalam tempoh yang ditetapkan.

(b) Komponen kerja penyelenggaraan tertinggi yang dilaksanakan di bawah Program TPM80PP adalah kerja-kerja menaik taraf dan menggantikan lif baharu.

(c) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa melaksanakan pemantauan berkala ke atas setiap projek yang berkenaan bersama pihak kontraktor dan JMB/MC. Selain itu, semua kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi teknikal dan skop kerja yang telah diluluskan sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

13. Senaraikan rumah atau bangunan warisan yang terdapat di Pulau Pinang.

    (a) Adakah sebarang skim insentif, geran atau pengecualian cukai ditawarkan kepada pemilik hartanah warisan untuk mengekalkan warisan ini?

    (b) Apakah usaha mengenal pasti bangunan warisan yang masih belum diiktiraf oleh Kerajaan Negeri?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Senarai bangunan di Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan / Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah melaksanakan Program Insentif Pembaikan, Pemuliharaan dan Menaiktaraf Bangunan Warisan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebagai langkah strategik untuk melestarikan warisan seni bina, nilai sejarah dan identiti budaya tempatan. Program ini merangkumi dua (2) kategori insentif iaitu Kategori I dengan peruntukan maksimum RM200,000.00 bagi setiap permohonan, dan Kategori II dengan peruntukan maksimum RM50,000.00 bagi setiap permohonan.

Sehingga kini, 52 bangunan warisan Kategori I telah dipulihara dengan jumlah keseluruhan peruntukan RM11,068,513.28, manakala 312 bangunan warisan Kategori II telah dipulihara dengan jumlah keseluruhan peruntukan RM7,500,000.00.

Selain itu, GTWHI turut melaksanakan *Program George Town Heritage Habitat Seed Fund* bagi membantu pemilik bangunan warisan yang disewakan untuk jangka masa panjang menjalankan kerja baik pulih dan pemuliharaan. Melalui program ini, enam (6) buah bangunan iaitu No. 23 Lebuh Queen, No. 25 Lebuh Queen, No. 41 Lebuh Bishop, No. 42A Lebuh Bishop, No. 1 Lorong Muda dan No. 5 Lebuh King telah berjaya dipulihkan sepenuhnya pada tahun 2024.

GTWHI juga telah melaksanakan Program *George Town in The New Normal* yang menyediakan bantuan kewangan bayaran balik *one-off* sehingga RM1,500.00 bagi pemilik atau penyewa bangunan warisan Kategori I dan Kategori II untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan kecil bangunan warisan. Inisiatif ini memberi sokongan segera kepada pemilik bangunan untuk mengekalkan keadaan fizikal struktur bangunan warisan.

(b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri sedang mengemaskini inventori bangunan-bangunan yang berpotensi warisan di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI BANGUNAN DI NEGERI PULAU PINANG YANG TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI WARISAN KEBANGSAAN/ WARISAN DI BAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645)

BIL.	ITEM	KATEGORI	LOKASI
1.	Gereja St. George	Warisan Kebangsaan	No.1, Lebuh Farquhar George Town Pulau Pinang
2.	Masjid Melayu Leboh Acheh	Warisan Kebangsaan	Lebuh Acheh George Town 10200 Pulau Pinang
3.	Masjid Kapitan Keling	Warisan Kebangsaan	Jalan Masjid Kapitan Keling George Town 10200 Pulau Pinang
4.	Leong San Tong Khoo Kongsi	Warisan Kebangsaan	18, Lebuh Cannon George Town 10200 Pulau Pinang
5.	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang	Warisan Kebangsaan	Lebuh Farquhar George Town 10200 Pulau Pinang
6.	Penang Free School	Warisan Kebangsaan	Jalan Masjid Negeri 11600 Jelutong Pulau Pinang
7.	Bangunan Lembaga Muzium Pulau Pinang	Warisan	Lebuh Farquhar George Town 10200 Pulau Pinang
8.	Bangunan Municipal (Dewan Bandaran Pulau Pinang)	Warisan	Jalan Padang Kota Lama George Town 10200 Pulau Pinang
9.	Menara Jam Besar	Warisan	Lebuh Light, George Town 10450 Pulau Pinang
10.	Makam Sheikh Omar	Warisan	Jalan Kampung Melayu Kampung Melayu Ayer Itam 11500 Pulau Pinang
11.	Tapak Arkeologi Guar Kepah	Warisan	Lot 3471, PT. 23, Mukim 2, Seberang Perai Utara, Penaga, Malaysia

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

14. Senaraikan *hotspot* banjir kilat mengikut daerah di Pulau Pinang.

    (a) Apakah punca utama banjir kilat yang berlaku terutamanya di kawasan bandar di Pulau Pinang?

    (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini serta mengurangkan kesannya terhadap rakyat?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Senarai *hotspot* banjir kilat mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti di **JADUAL 1**:

JADUAL 1: SENARAI *HOTSPOT* BANJIR KILAT DI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH

BIL.	*HOTSPOT* BANJIR KILAT	DAERAH
1	Jalan P. Ramlee	Timur Laut
2	Lilitan Stadium (Astaka Makan)	
3	Lintang P. Ramlee	
4	Kem Askar Batu Uban	
5	Kampung Batu Uban	
6	Kampung Mutiara/Kampung Kubur	
7	Persimpangan Jalan Kampung Relau (Alora Hostel)	
8	Relau (Desa May)	

BIL.	*HOTSPOT* BANJIR KILAT	DAERAH
9	Jalan Paya Terubong (Sekolah Kebangsaan Seri Relau)/Persiaran Paya Terubong 5	Timur Laut
10	Pangsapuri Pelangi	
11	Kampung Nelayan	Barat Daya
12	Kampung Paya	
13	Kampung Matahari Naik	
14	Kampung Masjid	
15	Jalan Mahsuri (Sunshine Bayan Baru)	
16	Jalan Mayang Pasir 2 (Hotel Seri Malaysia dan Masjid Umar Ibnu Al-Khattab)	
17	Jalan Mayang Pasir	
18	Persiaran Mahsuri	
19	Kampung Padang/Jalan Mahkamah	
20	Kampung Seronok	
21	Jalan Dato' Ismail Hashim (hadapan Sekolah Kebangsaan Mutiara Perdana)	
22	Kampung Naran	
23	Taman Iping	
24	Kampung Tok Sani	Seberang Perai Utara
25	Kampung Labuh Banting	
26	Kampung Alor Merah	
27	Kampung Lahar Yooi	
28	Kampung Tok Jawa	
29	Kampung Lahar Ikan Mati	
30	Kampung Kubu	Seberang Perai Tengah
31	Kampung Terus	
32	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)/Jalan Jelawat	
33	Kampung Mengkuang Titi	
34	Kampung Kuala Mengkuang	
35	Kampung Permatang Rawa	
36	Taman Guru	
37	Taman Kota Permai	
38	Taman Sejahtera	
39	Jalan Bukit Minyak (hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Alma)	

BIL.	*HOTSPOT* BANJIR KILAT	DAERAH
40	Taman Sukun	Seberang Perai Tengah
41	Taman Sukun Indah	
42	Taman Seri Impian	
43	Taman Markisah	
44	Taman Perusahaan Usaha Jaya	
45	Kawasan Perindustrian Ringan Permatang Tinggi (Jalan Pala)	
46	Taman Impian Indah	
47	Taman Impian Ria	
48	Kampung Sethu	Seberang Perai Selatan
49	Taman Jawi Jaya	
50	Kampung Titi Hitam	
51	Kampung Sungai Kechil	
52	Taman Veerapen	
53	Kampung Lima Kongsi	

(a) Antara punca utama banjir kilat yang seringkali berlaku adalah disebabkan oleh keamatan hujan yang tinggi dan berterusan untuk tempoh yang lama, air laut pasang, sistem perparitan dalaman, longkang tersumbat dan air sungai melimpah.

(b) Dalam usaha menyelesaikan isu banjir kilat serta mengurangkan kesannya terhadap rakyat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB);

(ii) Penyelenggaraan sistem saliran sedia ada;

(iii) Pemasangan dan pengoperasian pam bergerak; dan

(iv) Pemasangan sistem pemantauan dan amaran awal.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

15. Senaraikan agensi-agensi yang terlibat untuk kelulusan sebuah projek perumahan baru.

    (a) Apakah kriteria-kriteria yang diperlukan sebelum sesebuah projek perumahan baru diluluskan?

    (b) Adakah agensi yang terlibat memastikan utiliti seperti air dan elektrik mencukupi untuk projek baru dan perumahan sedia ada sebelum memberi kelulusan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Terdapat sebanyak 15 buah agensi yang akan terlibat untuk kelulusan sesebuah projek perumahan baharu iaitu seperti berikut:

    (i) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);

    Meluluskan Pelan Kebenaran Merancang (PKM), Pelan Bangunan (PB) dan Pelan-pelan Kejuruteraan. Kelulusan pelan-pelan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi mengikut keperluan perundangan berkaitan.

    Walau bagaimanapun, sebelum PBT meluluskan projek pembangunan perumahan atau projek-projek Pembangunan lain, PBT perlu mendapat ulasan dan

pandangan teknikal yang berkaitan dengan bidang kuasa dan perundangan jabatan berkaitan. Jabatan tersebut adalah seperti di nombor ii sehingga xv iaitu:

(ii) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang;

(iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang;

(iv) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang;

(v) Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang;

(vi) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP);

(vii) Indah Water Konsortium (IWK);

(viii) Tenaga Nasional Berhad (TNB);

(ix) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Pulau Pinang;

(x) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang;

(xi) Tentera Udara Diraja Malaysia – Jika berkaitan;

(xii) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);

(xiii) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Pulau Pinang – Jika berkaitan;

(xiv) Pejabat Daerah dan Tanah - Daerah Timur Laut (DTL), Daerah Barat Daya (DBD), Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS); dan

(xv) Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang.

(a) Bagi projek pembangunan baharu, sebelum meluluskan sesebuah pembangunan perumahan, PBT perlu memastikan beberapa perkara penting mengikut peruntukan undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 *[Akta 172]* dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 *[Akta 133]* dan peruntukan-peruntukan perundangan lain yang berkaitan. Ini bertujuan untuk memastikan pembangunan tersebut

selamat, lestari dan sesuai dengan keperluan komuniti setempat.

Apabila sesuatu permohonan Kebenaran Merancang (KM) dikemukakan kepada PBT bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan baharu, terdapat beberapa perkara utama yang perlu dipastikan oleh PBT sebelum meluluskan permohonan tersebut, antaranya adalah:

Pematuhan terhadap Rancangan Pemajuan;

(i) Pematuhan terhadap Jenis Aktiviti yang dibenarkan di dalam Zon Guna Tanah di bawah Rancangan Pemajuan (Rancangan Tempatan/Rancangan Struktur) dan Susun Atur Pembangunan;

(ii) Kesesuaian tapak dan pemeliharaan topografi dan alam semula jadi;

(iii) Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA);

(iv) Penilaian Impak Trafik (TIA);

(v) Penilaian Impak Sosial (SIA);

(vi) Kestabilan tanah;

(vii) Kemudahan asas dan infrastruktur;

(viii) Sistem saliran dan perparitan;

(ix) Kemudahan awam;

(x) Sistem keselamatan kebakaran; dan

(xi) Aspek teknikal dan keselamatan

Aspek-aspek lain yang berkaitan adalah mengikut kesesuaian projek pembangunan tersebut. Pertimbangan terhadap permohonan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC). Jika diluluskan, semua kriteria ini akan dipastikan dipatuhi oleh pihak pemaju semasa di peringkat kelulusan pelan. Seterusnya, perakuan dan pematuhan oleh pihak

pemaju semasa di peringkat pembinaan sebelum Sijil Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance – CCC) didepositkan kepada PBT.

(b) Pihak pemaju diwajibkan mendapatkan perakuan daripada semua agensi penyedia utiliti utama sebelum sesuatu projek pembangunan dapat diluluskan sepenuhnya. Antara agensi yang terlibat ialah TNB, PBAPP, IWK dan SKMM.

Bagi tujuan tersebut, pihak pemaju hendaklah menyediakan dan melaksanakan kemudahan utiliti mengikut spesifikasi teknikal, piawaian keselamatan serta keperluan khusus setiap agensi utiliti berkenaan. Pelan utiliti yang lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan dan ditunjukkan di dalam PKM dan PB sebelum diluluskan oleh PBT.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

16. Senaraikan bilangan kes keganasan rumah tangga akibat pengaruh alkohol, dari tahun 2022 hingga kini, mengikut kaum dan daerah di Pulau Pinang.

    (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah ini?

    (b) Senaraikan pusat pemulihan golongan ketagihan alkohol mengikut daerah.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Statistik kes keganasan rumah tangga akibat pengaruh alkohol dari tahun 2022 hingga September 2025 mengikut pecahan kaum dan daerah di Pulau Pinang berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Kerajaan tidak melihat isu rumah tangga hanya daripada sudut penyalahgunaan alkohol semata-mata. Pendekatan kami bersifat menyeluruh untuk mengurangkan masalah ini secara keseluruhan.

    Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Dasar Keluarga Selamat pada tahun 2020 sebagai langkah utama memperkukuh institusi kekeluargaan. Susulan itu, kita menubuhkan First Support Point (FSP) bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga

mendapatkan sokongan awal dan rujukan intervensi dengan segera.

Selain itu, setiap tahun kita juga menganjurkan kempen *Penang Goes Orange*, bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk keganasan terhadap wanita, serta memperkukuh mesej bahawa keselamatan dan kesejahteraan keluarga adalah tanggungjawab bersama.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah aspek penguatkuasaan dan promosi perundangan Akta 521 (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994). Antara usaha yang dijalankan termasuk mempergiatkan hebahan mengenai saluran aduan serta prosedur mendapatkan perintah perlindungan di bawah akta tersebut. Penerangan berhubung tatacara perintah perlindungan turut diberikan kepada pegawai barisan hadapan seperti anggota PDRM, pemimpin komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan tindakan segera dan berkesan dapat diambil terhadap setiap laporan keganasan rumah tangga.

Selain itu, JKM turut menyediakan sokongan perlindungan dan pemulihan kepada mangsa melalui kerjasama dengan rumah perlindungan (tempat selamat) di seluruh negeri. Antara bentuk bantuan yang disediakan termasuk perlindungan sementara, bantuan psikologi, kaunseling trauma serta bantuan kebajikan bagi memastikan proses pemulihan mangsa dilaksanakan secara holistik dan berkesan.

Pihak Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Women's Centre for Change (WCC) di bahagian pulau serta mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita Pulau Pinang (PPW) di kawasan Seberang Perai bagi memperluas capaian perkhidmatan kepada golongan wanita yang memerlukan bantuan di bahagian seberang. Kedua-dua pertubuhan ini berperanan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat melalui ceramah

dan program, serta menyediakan khidmat kaunseling, sokongan emosi dan bantuan perundangan kepada mangsa yang terlibat dengan isu keganasan atau masalah sosial.

(b) Rawatan ketagihan alkohol di fasiliti kesihatan kerajaan adalah di bawah Jabatan Psikiatri *Addiction Psychiatry* dengan membekalkan ubat tertentu bagi merawat ketagihan. Namun demikian, hospital di Pulau Pinang tidak mempunyai Pakar Psikiatri dengan subkepakaran *Addiction Psychiatry*. Justeru itu, golongan ketagihan alkohol yang mendapatkan rawatan di klinik psikiatri di hospital kerajaan kebiasaannya diberi sesi kaunseling dan rawatan untuk *underlying cause of addiction* tanpa ubat khusus yang merawat ketagihan kerana ketiadaan pakar yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, klinik kesihatan menyediakan perkhidmatan saringan dan intervensi bagi masalah penggunaan alkohol.

Selain itu, program *One Stop Centre for Addiction* (OSCA) diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai pusat sehenti bagi rawatan dan sokongan kepada individu yang mengalami masalah penyalahgunaan bahan terlarang termasuk alkohol. Program ini dilaksanakan di klinik kesihatan terpilih termasuk Klinik Kesihatan Butterworth di Pulau Pinang melalui pendekatan bersepadu oleh pasukan kesihatan multidisiplin. Perkhidmatannya merangkumi saringan, kaunseling, rawatan perubatan, intervensi ringkas serta rujukan kepada pusat pemulihan atau pakar. OSCA bertujuan meningkatkan akses kepada rawatan ketagihan dan mengurangkan stigma terhadap pesakit.

LAMPIRAN A

STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA AKIBAT PENGARUH ALKOHOL TAHUNAN (2022-SEPTEMBER 2025) MENGIKUT PECAHAN KAUM

PECAHAN KAUM	2022	2023	2024	2025 (Sehingga September)	JUMLAH KES
MELAYU	3	2	4	1	**10**
CINA	6	1	1	2	**10**
INDIA	24	29	17	5	**75**
LAIN-LAIN	-	3	5	3	**11**
JUMLAH KESELURUHAN	**33**	**35**	**27**	**11**	**106**

STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA AKIBAT PENGARUH ALKOHOL TAHUNAN (2022-SEPTEMBER 2025) MENGIKUT PECAHAN DAERAH

DAERAH	2022	2023	2024	2025 (Sehingga September)	JUMLAH KES
TIMUR LAUT	12	16	11	5	**44**
BARAT DAYA	5	4	-	3	**12**
SEBERANG PERAI UTARA	7	7	7	1	**22**
SEBERANG PERAI TENGAH	4	4	3	1	**12**
SEBERANG PERAI SELATAN	5	4	6	1	**16**
JUMLAH KESELURUHAN	**33**	**35**	**27**	**11**	**106**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

17. Apakah tahap kesiapsiagaan Kerajaan Negeri dalam menghadapi fenomena La Nina lemah 2025 / 2026?

    (a) Apakah unjuran episod hujan lebat dan lokasi hotspot banjir yang dikenal pasti?

    (b) Bagaimanakah sumber serta aset tindak balas pantas PBT dan JPS disusun?

    (c) Apakah mekanisme amaran awal berasaskan komuniti yang diguna pakai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri telah memperkukuh pelan tindakan kesiapsiagaan dengan kerjasama Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan serta Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam pengurusan bencana dari segi pemantauan dan mengemas kini kawasan berisiko, pembangunan keupayaan sumber manusia dan kompetensi, melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai bencana terhadap masyarakat, menyediakan inventori logistik yang lengkap untuk tindak balas bencana serta mengemas kini pelan komunikasi dan koordinasi tindak balas bencana. Antara program yang telah dilaksanakan

untuk memastikan tahap kesiapsagaan Kerajaan Negeri baik adalah:

(i) Memantau dan mengemas kini amaran awal dan kawasan berisiko

Jabatan Meteorologi Malaysia atau MET Malaysia Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau keadaan ramalan cuaca manakala Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau paras air di sungai dan saliran terutama kawasan berisiko tinggi atau hotspots. Berdasarkan data semasa, terdapat 53 hotspots yang telah dikenal pasti di mana kawasan-kawasan ini mengalami banjir tiga (3) atau lebih dalam setahun.

(ii) Pembangunan keupayaan sumber manusia dan kompetensi

Kerajaan melaksanakan bengkel operasi bencana untuk meningkatkan kefahaman anggota terutamanya dalam agensi tindak balas supaya setiap anggota tahu tindakan yang perlu diambil sekiranya kesan fenomena La Nina berlaku di Negeri Pulau Pinang.

(iii) Melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap masyarakat

Kerajaan Negeri turut turun padang mengadakan kempen kesedaran dan kefahaman terhadap pelbagai peringkat masyarakat untuk menguar-uarkan maklumat mengenai Kesan fenomena La Nina. Pada 30 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah mengadakan taklimat persediaan bencana kepada agensi-agensi Kerajaan, Persatuan Bukan Kerajaan (NGO), MPKK serta pelajar sekolah menengah dan IPTA di seluruh negeri Pulau Pinang bersempena sambutan Bulan Kesiapsagaan Nasional Peringkat Negeri Pulau Pinang.

(iv) Menyediakan dan mengemas kini inventori logistik yang lengkap

Bagi memastikan aspek logistik dan penempatan mangsa bencana berjalan lancar, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebanyak 298 buah Pusat Penempatan Sementara (PPS) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Penyelenggaraan PPS yang telah dikenal pasti telah dibuat sebelum tiba musim Monsun Timur Laut 2025/2026 (MTL 2025/2026). Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menaik taraf infrastruktur Bilik Gerakan Negeri kepada Pusat Kawalan Bencana Negeri atau State Disaster Command Centre (SDCC) dan telah siap sepenuhnya pada Jun 2025. SDCC berfungsi untuk:

1. Menyelaras pengumpulan, penilaian dan penyebaran maklumat bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

2. Menyelaras tindakan operasi lapangan, termasuk bantuan logistik, aset dan sumber manusia antara agensi teknikal seperti APM, JPS, JKR, PDRM, JBPM dan lain-lain.

3. Menjadi pusat rujukan utama data situasi bencana yang diterima dari Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB) seluruh negeri.

4. Menyediakan laporan status bencana negeri secara masa nyata untuk tindakan segera oleh Pengerusi JPBN dan pihak pengurusan tertinggi negeri.

Bagi menghadapi Musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026, SDCC berada dalam keadaan kesiapsiagaan penuh, termasuk:

1. Penyediaan sistem komunikasi dan maklumat (dashboard bencana, pangkalan data, dan talian khas SDCC).

2. Pengujian semula peralatan ICT, sistem penjana kuasa sandaran dan rangkaian komunikasi dalaman.

3. Penyelarasan jadual bertugas pegawai operasi dan wakil agensi utama secara giliran.

(v) Pelan komunikasi dan koordinasi

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri menggunakan kemudahan teknologi komunikasi melalui Kumpulan Whatsapp untuk mengemas kini maklumat dan amaran awal bencana bagi memastikan semua agensi terutamanya agensi tindak balas sentiasa berwaspada dan bersiap sedia.

(vi) Bantuan Bencana dan Peruntukan Kewangan

Selain itu, bagi menjaga kebajikan sosial rakyat, Kerajaan Negeri juga bersiap sedia dari aspek bantuan kewangan kepada mangsa bencana kelak. Setakat Oktober 2025, sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Bantuan Wang Ihsan (BWI) untuk tempoh MTL 2022/2023.

Daripada jumlah tersebut, RM270,000 telah dibelanjakan untuk pembayaran bantuan kepada mangsa terlibat, manakala baki peruntukan sebanyak RM1.73 juta masih tersedia untuk digunakan bagi menghadapi musim tengkujuh akan datang.

a) Negara dijangka mula berhadapan dengan musim Monsun Timur Laut (MTL) pada awal November. Dengan jangkaan berlakunya La Niña pada penghujung tahun ini, Negara diramal menghadapi antara 5 ke 7 episod hujan lebat sepanjang tempoh MTL kali ini.

Suhu permukaan laut yang lebih panas daripada kebiasaan di rantau Asia Tenggara berpotensi mengaktifkan luruan angin MTL dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kekerapan episod hujan lebat di Negara kita.

Sekiranya luruan monsun kuat berlaku serentak dengan kewujudan sistem cuaca tekanan udara rendah di rantau ini, hujan monsun berkemungkinan menjadi lebih meluas dan berpanjangan. Keadaan ini akan meningkatkan risiko kejadian

banjir, terutamanya jika hujan lebat berterusan berlaku serentak dengan fenomena air pasang besar.

Sekiranya luruan monsun kuat berlaku dalam keadaan di mana sistem cuaca tekanan udara rendah wujud di rantau negara, hujan monsun boleh menjadi lebih menyeluruh dan berpanjangan. Risiko kejadian banjir besar akan meningkat sekiranya hujan lebat monsun berlaku serentak dengan kejadian air pasang besar.

Berdasarkan tinjauan cuaca terkini daripada model-model antarabangsa, kesan utama terhadap taburan hujan Negeri Pulau Pinang dijangka berada pada tahap normal berbanding purata jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, tinjauan cuaca ini akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa apabila maklumat baharu diperolehi.

Rujuk **LAMPIRAN A** untuk Maklumat Taburan Hujan di Pulau Pinang November 2025 hingga Mac 2026.
(Sumber : MET Malaysia)

b) Dalam memastikan kesiapsiagaan negeri menghadapi sebarang kemungkinan bencana, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyusun sumber serta aset tindak balas pantas secara menyeluruh, bersepadu dan berterusan.

Persediaan aset dan tindakan semasa bencana diselaras melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Sekretariat kepada kedua-dua jawatankuasa ini adalah APM, seperti yang digariskan dalam Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Pendekatan ini memastikan sebarang tindakan tindak balas dapat dijalankan secara teratur, bersepadu dan selaras antara semua agensi berkaitan. Merujuk kepada soalan ini, Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menggerakkan sumber dan aset MBPP bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah atau/dan Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR). Semu wakil agensi sentiasa berkomunikasi melalui aplikasi kumpulan Whatsapp bagi memastikan penyelarasan secara pantas di lapangan.

Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), sumber dan aset tindak balas pantas disusun secara sistematik melalui pelbagai langkah. Antara tindakan dan gerak kerja yang disusun oleh MBSP adalah:

i) MBSP telah menubuhkan Jabatan Pengurusan Krisis dengan kekuatan seramai 177 kakitangan serta 21 buah kenderaan pelbagai jenis termasuk grabber crane truck, RoRo truck, skylift, tanker, backhoe dan kenderaan pacuan empat roda. Pasukan ini beroperasi 24 jam sehari secara syif sepanjang tahun, termasuk pada hari cuti umum, bagi menangani aduan kecemasan di bawah bidang kuasa PBT seperti pokok tumbang dan penyelenggaraan longkang tersumbat;

ii) MBSP turut menyediakan talian aduan bebas tol 1-800-88-6777 yang beroperasi 24 jam sehari bagi menerima laporan kecemasan berkaitan bidang kuasa majlis. Bagi mempercepatkan masa tindak balas, operasi turut dijalankan di ketiga-tiga daerah iaitu Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betik (SPT), Taman Bertam Flora (SPU) dan Taman Nuri (SPS);

iii) MBSP juga mewajibkan semua 29 kontraktor pembersihan yang dilantik untuk mewujudkan pasukan tindak balas (Response Team) dan beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Arahan turut dikeluarkan kepada semua kontraktor untuk segera menjalankan pembersihan

longkang dan perangkap sampah di kawasan masing-masing setiap kali selepas hujan;

iv) Bagi tempoh selepas waktu rutin operasi (4.00 petang hingga 7.00 pagi), MBSP menempatkan pasukan Response Team melibatkan 224 orang kakitangan yang bertugas mengikut tujuh Depoh Parlimen bagi membersihkan halangan dalam longkang dan perangkap sampah semasa hujan lebat; dan

v) MBSP memastikan pam dan trash rake di 28 buah rumah pam milik MBSP berfungsi secara 24 jam dengan 94 tenaga kerja bertugas secara tiga syif setiap hari sepanjang tahun. Skuad Penyelenggaraan Kejuruteraan turut bersedia 24 jam untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecemasan yang melibatkan keperluan teknikal, termasuk pembelian tahunan peralatan gergaji berantai bagi menghadapi insiden pokok tumbang.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut memainkan peranan penting dalam menyokong kesiapsiagaan negeri melalui penyusunan sumber dan aset tindak balas pantas yang berfokus kepada lima langkah utama.

i. Pertama, JPS melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan, sungai dan sistem saliran di kawasan hotspot banjir bagi memastikan aliran air lancar serta mengurangkan risiko limpahan.

ii. Pemeriksaan berkala ke atas stesen hidrologi dan sistem telemetri dilaksanakan bagi memastikan semua peralatan pemantauan paras air dan sistem amaran awal banjir berfungsi dengan baik untuk memberikan amaran tepat kepada pihak berkuasa serta penduduk setempat.

iii. JPS turut menyediakan aset logistik dan peralatan operasi seperti pam air bergerak, lori, lori crane serta backhoe bagi

memastikan tindakan segera dapat dijalankan ketika berlaku banjir.

iv. Maklumat kawasan banjir akan disalurkan secara langsung kepada Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) di peringkat negeri dan daerah bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh urusetia PKOB;

v. Taklimat kesiapsiagaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah turut diadakan bagi memastikan penyelarasan tindakan antara semua agensi dan PBT dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini menggambarkan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan semua sumber, aset dan tenaga kerja daripada MBPP, MBSP dan JPS berada pada tahap kesiapsiagaan tertinggi. Melalui penyelarasan bersepadu antara agensi di peringkat negeri dan daerah, tindakan tindak balas pantas dapat dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan demi memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat Pulau Pinang sentiasa terjamin.

c) Mekanisme amaran awal berasaskan komuniti dilaksanakan melalui pelbagai saluran komunikasi rasmi dan massa bagi memastikan maklumat berkaitan amaran bencana dapat disampaikan kepada orang ramai dengan cepat, tepat dan meluas.

Hebahan amaran awal dibuat melalui media massa tradisional seperti akhbar, radio dan televisyen, serta media sosial rasmi seperti Facebook (FB), Instagram (IG), YouTube (YT) dan Twitter (TW/X). Pendekatan pelbagai saluran ini membolehkan maklumat sampai ke pelbagai lapisan masyarakat termasuk komuniti di kawasan luar bandar.

Selain itu, orang ramai disarankan agar sentiasa peka terhadap sebarang perubahan cuaca dan mendapatkan maklumat dan amaran terkini melalui laman web rasmi, aplikasi myCuaca dan saluran media social rasmi MET Malaysia.

LAMPIRAN A

Maklumat Taburan Hujan di Pulau Pinang November 2025 hingga Mac 2026

Negeri	Daerah	Tempoh	Jangkaan Jumlah Hujan Bulanan (mm)	Tinjauan Cuaca (Pengelasan)
Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	November	190 – 280	Purata
		Disember	90 – 130	Purata
		Januari	60 – 90	Purata
		Februari	70 - 110	Purata
		Mac	110 - 170	Purata
	Seberang Perai Utara	November	200 - 310	Purata
		Disember	80 - 130	Purata
		Januari	60 - 100	Purata
		Februari	60 - 100	Purata
		Mac	100 - 150	Purata
	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan	November	200 - 300	Purata
		Disember	100 – 150	Purata
		Januari	80 - 120	Purata
		Februari	70 - 100	Purata
		Mac	110 - 170	Purata

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

18. Apakah langkah Kerajaan Negeri memulihkan kualiti sungai-sungai di Pulau Pinang agar menjadi sumber air alternatif kepada Sungai Muda?

    (a) Sungai manakah dikenal pasti berpotensi sebagai sumber air mentah selepas pemulihan?

    (b) Berapakah peruntukan pembersihan dan pemantauan sejak 2023?

    (c) Apakah tempoh sasaran mencapai Kelas II bagi sungai utama?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Melalui Enakmen Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 dan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 yang diluluskan pada 22 Mei 2025, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang sebagai badan berkanun baharu. Lembaga ini akan berkuasa menguatkuasakan peraturan berkaitan pemuliharaan, pengurusan dan kawalan kualiti sumber air, termasuk pengawasan aktiviti yang menjejaskan sungai serta tindakan pembetulan di kawasan tadahan. Penguatkuasaan enakmen ini menandakan langkah penting dalam memperkukuh tadbir urus sumber air negeri melalui pendekatan kawal selia bersepadu dan pemuliharaan sungai sebagai sumber air alternatif yang mampan bagi masa hadapan.

Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah menyiapkan tiga (3) Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) di Negeri Pulau Pinang iaitu:

(i) IRBM Sungai Perai, Pulau Pinang/Kedah (2018)

(ii) IRBM Sungai Muda, Pulau Pinang/Kedah (2019)

(iii) IRBM Sungai Juru, Pulau Pinang (2021)

IRBM telah menggariskan pelbagai pelan tindakan untuk memastikan air yang mencukupi, air yang bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan persekitaran.

(a) Sungai yang dikenal pasti berpotensi sebagai sumber air mentah selepas pemulihan adalah seperti berikut:

(i) Sungai Perai; dan

(ii) Sungai Kerian.

(b) Peruntukan JPS bagi pembersihan dan pemantauan sejak 2023 bagi peruntukan pembangunan negeri dan pembangunan persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Tahun Peruntukan	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM)
Negeri (P08)	4,600,000.00	4,370,285.46	1,050,080.00
Persekutuan (P33)	3,130,545.22	4,710,000.00	2,540,000.00

Manakala semakan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) dengan Bahagian Air Marin, JAS Ibu Pejabat, anggaran kos pemantauan kualiti air sungai seluruh Malaysia pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 8.1 juta.

(c) Pemantauan berterusan dan program pembersihan yang dilaksanakan bersama agensi teknikal seperti JPSPP dan JASPP akan menjadi asas dalam menentukan pelan

sasaran masa ke arah mencapai status Kelas II dalam jangka sederhana hingga panjang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

19. Senaraikan jumlah tangkapan murid yang dibuat di bawah akta ini sejak dikuatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sejak dikuatkuasakan sehingga kini.

    (a) Bagaimanakah keberkesanan akta ini sejak dikuatkuasakan dalam menurunkan penggunaan vape khususnya dalam kalangan murid di negeri ini?

    (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap murid yang ditangkap?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, tiada data yang spesifik mengenai jumlah tangkapan atau notis kesalahan yang dikeluarkan di bawah Akta 852 kepada murid yang menggunakan produk merokok diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri. Namun begitu, data yang berkaitan kesalahan melibatkan murid telah dilaporkan di dalam Sistem Pengurusan Sahsiah (IdME/MOEIS). Sehingga 28 Oktober 2025 sistem menunjukkan seramai 56 orang murid telah terlibat dengan kes rokok dan 594 orang murid terlibat dengan kes rokok elektronik.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang telah berusaha meningkatkan kerjasama dengan agensi lain khususnya Jabatan Kesihatan Negeri

(JKN) Pulau Pinang dalam memberi penjelasan dan kesedaran berkaitan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang melibatkan program advokasi dan pengurusan kes murid ditangkap (intervensi).

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Kesihatan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bekerjasama dengan pihak berkuasa persekutuan untuk menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852). Di samping itu, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) akan turut melaksanakan program intervensi di sekolah bagi mendidik murid tentang bahaya merokok dan membantu para murid untuk berhenti merokok. Selain itu, murid yang ditangkap merokok akan dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk mendapatkan bantuan dan intervensi.

Di samping itu, tindakan seterusnya berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 4 Tahun 1997 bertajuk Hukuman Ke Atas Murid Menghisap Rokok yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperincikan langkah-langkah dan hukuman yang perlu dikenakan kepada murid yang didapati bersalah menghisap rokok dan menangani gejala merokok dalam kalangan murid serta mengukuhkan disiplin sekolah. SPI Bil. 4 Tahun 1997 menetapkan hukuman yang progresif bermula daripada tindakan ringan hingga yang lebih berat berdasarkan kekerapan kesalahan iaitu bagi kesalahan kali pertama akan dirotan satu (1) kali. Kesalahan kali kedua akan dirotan dua (2) kali. Kesalahan kali ketiga akan dirotan 3 kali. Kesalahan kali keempat akan digantung persekolah (tidak melebihi 14 hari). Kesalahan kelima akan dibuang sekolah.

Tambahannya, KPM juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 17 Tahun 2015, bertajuk Larangan Penggunaan Rokok Elektronik Atau Vape Di Sekolah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengarahkan semua institusi

pendidikan di bawah kementerian supaya melarang penggunaan rokok elektronik dan vape. Pekeliling ini bertujuan untuk menangani gejala penggunaan peranti tersebut yang mula menular dalam kalangan murid sekolah. Walaupun begitu, hukuman terhadap penggunaan rokok elektronik dan vape kini turut dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024. Akta baharu ini memberikan kuasa undang-undang yang lebih kukuh untuk mengenakan tindakan tegas termasuk denda dan penjara kepada sesiapa sahaja termasuk guru dan murid yang melanggar larangan ini di kawasan sekolah. Oleh itu, pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) sedang dilakukan untuk memasukkan peruntukan larangan merokok dan vape secara khusus.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

20. Senaraikan kes jenayah yang membabitkan pekerja asing mengikut daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini.

    (a) Apakah penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi memastikan tidak berlaku lambakan pekerja asing?

    (b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Kes jenayah yang membabitkan pekerja asing mengikut daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Penguatkuasaan bagi memastikan tidak berlaku lambakan pekerja asing adalah bukan di bawah bidang kuasa Imigresen sepenuhnya, walau bagaimanapun Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Pulau Pinang melaksanakan penguatkuasaan bersepadu secara berkala melalui beberapa operasi seperti Ops Sapu, Ops Patuh dan Ops Mega 3.0 di lokasi tumpuan pekerja asing seperti kawasan perindustrian, tapak pembinaan, pasar dan lain-lain.

(b) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan adalah seperti berikut:

(i) Pemerkasaan Pendidikan & Latihan Teknikal-Vokasional (TVET)

Pulau Pinang menyambut baik peruntukan tambahan bernilai RM200 juta untuk memperkukuh bidang TVET, yang dilihat sebagai langkah penting untuk "mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing" dengan melahirkan lebih ramai pekerja tempatan yang berkemahiran tinggi.

1) Ini memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mengisi pekerjaan dalam sektor perkilangan (termasuk elektronik/semikonduktor) yang sebelumnya mungkin diisi oleh pekerja asing.

2) Kesan: lebih banyak tenaga kerja tempatan yang bersedia dan layak untuk industri berintensif buruh mahir.

(ii) Kempen "Ambil Pekerja Lokal" / Penggalakan Gajikan Warga Tempatan

Contoh: Dalam negeri Pulau Pinang, melalui PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia telah dilancarkan Kempen Ambil Pekerja Lokal bagi menggalakkan majikan mengutamakan pekerja tempatan supaya kebergantungan kepada pekerja asing berkurang.

1) Contoh program yang menghubungkan pencari kerja tempatan dengan majikan, menyediakan bengkel temuduga, kursus persediaan dsb.

2) Memberi ruang kepada majikan untuk memilih pekerja tempatan dahulu.

(iii) Penggalakan Automasi & Teknologi dalam Industri Perkilangan

Pada skala nasional (dan relevan untuk Pulau Pinang sebagai negeri industri), kerajaan telah menyebut bahawa: "meningkatkan automasi dalam kalangan syarikat-syarikat bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing".

1) Dengan automasi & teknologi tinggi, syarikat bergantung kurang kepada buruh rendah/kasar (termasuk asing) dan lebih kepada pekerja mahir tempatan.

2) Industri di Pulau Pinang (termasuk sektor semikonduktor) antara sasaran untuk bergerak ke arah ini.

(iv) Pembangunan Infrastruktur Kediaman & Asrama Terkawal untuk Pekerja Asing

Walaupun ini mungkin dilihat sebagai langkah pengurusan pekerja asing, ia juga mencerminkan pengurusan lebih sistematik terhadap pekerja asing dan memberi isyarat bahawa negeri mengambil serius pengurusan tenaga asing.

Contoh: Pembangunan asrama pekerja yang boleh menempatkan 8,000 pekerja asing di Pulau Pinang.

1) Dengan pengurusan yang baik, negeri boleh l lebih mudah memantau bilangan pekerja asing, dan bagi majikan pula, memahami kos & pematuhan — yang mungkin menyokong usaha menggantikan sebahagian kebergantungan dengan pekerja tempatan.

2) Walaupun bukan terus "menggantikan", ia menunjukkan kawalan terhadap penggunaan pekerja asing.

LAMPIRAN A

KES JENAYAH YANG MEMBABITKAN PEKERJA ASING MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG SEJAK TAHUN 2022 HINGGA 2025

KATEGORI JENAYAH	DAERAH TIMUR LAUT				DAERAH BARAT DAYA				SBG PERAI UTARA				SBG PERAI TENGAH				SBG PERAI SELATAN				JUMLAH KESELURUHAN			
	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025
BUNUH					4		9					1	1	4	1	10	7	9	2	4	12	13	12	15
ROGOL	4	1	2		1	1				1		7	5		1	1		1			10	4	3	8
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	4	4	6	3	3			6	17			14	7		1	7				2	31	4	7	32
SAMUN TANPA S/API	2	3	1	2				4	3		2		6	1		1	2				13	4	3	7
MENCEDERAKAN	23	32	21	14	3	3	3	1	14	5	8	4	25	19	5	12	10	6	4	2	75	65	41	33
LAIN-LAIN KECURIAN	23	39	23	27	3	7	27	8	3	12	20	10	25	26	27	11	4	2	13	3	58	86	110	59
CURI MOTOKAR	1								1	1					2	1	6				8	1	2	1
CURI MOTOSIKAL	1	2	3	4	4	1		1	1	3	4	3	4	2	2	4		1		1	10	9	9	13
CURI VAN / LORI / JENTERA BERAT													1								1	0	0	0
PECAH RUMAH	1	7	3	1	1	1	11		5	10	13	6	6	11	3		1	1	5	1	14	30	35	8
MERUSUH	1	15	17	20	2			3	9				18	1		2	13		4		43	16	21	25
CULIK			3					4		3	3		6	3	3	5					6	6	9	9
CUBA BUNUH			1			1				1											0	2	1	0
PEMERASAN	5	2		1	2		1		1		1		2	4							10	6	2	1
UGUTAN JENAYAH	13	25	24	11	4	4			3	2	5		8	3			2	1	1	2	30	35	30	13
CABUL	6	7	8		3	5	1		1		1		5	3	1		2	3	2		17	18	13	0
KEGANASAN RUMAHTANGGA	2	2	5		1				1	3	3	2		2				1	1		4	8	9	2
KHIANAT	1	4	4	3	1				1	1	3	1	1		1				1		4	5	9	4
MENGHALANG PENJAWAT AWAM	4													1							4	1	0	0
PENDERAAN KANAK-KANAK		1	1			1	1							1							0	3	2	0
AKTA BARANG-BARANG LUSUH						1															0	1	0	0
AKTA BAHAN HAKISAN DAN LETUPAN										1											0	1	0	0
MEMILIKI SENJATAPI TANPA KEBENARAN SAH																2					0	0	0	2
MEMILIKI DAN MENGIMPORT SENJATA TIRUAN																				4	0	0	0	4
PEMERDAGANGAN MANUSIA DAN PENYULUDUPAN MIGRAN				2			2				1				3						0	0	6	2
JUMLAH JENAYAH	**91**	**144**	**122**	**88**	**32**	**25**	**55**	**27**	**60**	**43**	**64**	**48**	**120**	**81**	**50**	**56**	**47**	**25**	**33**	**19**	**350**	**318**	**324**	**238**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

21. Kenaikan cukai tanah yang mendadak memberi kesan kepada rakyat ketika kos sara hidup dan inflasi semakin tinggi.

    (a) Apakah kajian impak sosial dan ekonomi yang telah dilakukan sebelum pengumuman kenaikan ini?

    (b) Bagaimanakah mekanisme rebat cukai yang akan dilaksanakan dan siapa penerimanya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. (a) Berikut adalah kajian impak sosial dan ekonomi yang telah dilakukan sebelum pengumuman kenaikan ini.

    (i) **Kesan terhadap sektor ekonomi utama**

    Penilaian melibatkan impak sosio-ekonomi terhadap sektor pertanian, perumahan, dan perniagaan kecil.

    (ii) **Perbandingan kadar cukai antara negeri-negeri lain**

    Penilaian bagi memastikan semakan kekal berdaya saing dan munasabah.

    (iii) **Analisis kemampuan bayar**

    Menilai kesan kepada pemilik tanah mengikut kategori penggunaan tanah.

(iv) **Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan**

Penilaian oleh PBT dan wakil komuniti bagi mendapatkan maklum balas langsung.

(v) **Penilaian Langkah Mitigasi**

Mencadangkan mekanisme rebat, pengecualian dan kadar minimum bagi melindungi kumpulan B40 dan pesawah kecil.

(b) Kerajaan Negeri bersetuju memberikan rebat cukai untuk mengurangkan beban kewangan terutamanya pemilik tanah dan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang yang terkesan akibat pelarasan kadar baharu selepas lebih 30 tahun kadar lama tidak disemak. Antara mekanisme rebat cukai yang akan dilaksanakan adalah:

(i) **Rebat Cukai Tanah**

Rebat akan dikreditkan secara automatik ke dalam bil cukai tanah tahunan (tidak perlu permohonan manual oleh pemilik). Sistem e-Tanah akan dikemaskini untuk menolak amaun rebat secara automatik semasa cetakan bil. Pemilik tanah hanya perlu menjelaskan baki selepas rebat. Antara rebat yang diberikan adalah seperti dibawah:

1) Tahun pertama: 32.5%
2) Tahun kedua: 20%
3) Tahun ketiga: 20%

(ii) **Pengecualian Tunggakan Denda Lewat**

Pengecualian penuh (100%) tunggakan denda lewat diberikan bagi tempoh dari 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.

(iii) **Diskaun Premium**

Permohonan tukar kategori tanah dan syarat nyata pertanian kepada bangunan untuk kediaman sahaja iaitu:

1) Tukar kategori tanah pertanian kepada bangunan dengan kadar premium yang rendah.

2) Permohonan pindaan syarat nyata daripada *first grade* atau *condition A/B/C* kepada kategori mengikut Kanun Tanah Negara/ Bangunan untuk kediaman.

(iv) **Pemberian pelbagai cenderahati**

Dalam bentuk barangan dapur selain cabutan bertuah kepada pembayar cukai tanah dan cukai petak strata yang membayar cukai tanah dan cukai petak strata melalui Aplikasi PG Land secara dalam talian (online). Insentif ini diberikan bagi menggalakkan pembayaran cukai secara dalam talian (online) dalam kalangan pemilik-pemilik tanah dan petak strata di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

22. Nyatakan jumlah belia yang terlibat dengan ekonomi *gig* di Pulau Pinang dari tahun 2022 hingga kini.

    (a) Apakah inisiatif dan peruntukan khas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan belia yang terlibat dalam bidang ini?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat masa ini tidak mempunyai data secara tepat atau rasmi berkaitan jumlah keseluruhan belia yang terlibat dengan ekonomi *gig* di negeri ini. Namun, berdasarkan statistik PERKESO, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025, seramai 846,907 Orang Bekerja Sendiri (OBS) termasuk belia mendaftar dan mencarum secara aktif di bawah LINDUNG Kendiri. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,589 terlibat dalam ekonomi *gig* di negeri Pulau Pinang. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO sentiasa mengambil langkah strategik bagi memastikan lebih ramai pekerja sektor tidak formal, termasuk belia yang terlibat dalam ekonomi *gig* mendapat perlindungan sosial di bawah LINDUNG Kendiri.

    (a) Antaranya inisiatif yang dilaksanakan bagi menyokong golongan belia yang terlibat di dalam ekonomi *gig* ini adalah seperti pelaksanaan program libat urus bagi meningkatkan kesedaran pekerja *gig*.

Beberapa program telah dilaksanakan bagi mendengar terus isu-isu semasa yang ingin dibangkitkan oleh belia yang terlibat dalam ekonomi *gig* seperti Program Sembang Teh Tarik yang melibatkan seramai 1,000 orang pekerja gig, Program Penang Rider Jalan Teruih yang dihadiri seramai 1,000 orang *rider* dan Program *Meet & Greet* yang dilaksanakan pada 11 Oktober 2025 yang lalu dengan kerjasama Pertubuhan Santai Anak Utara (SAU) di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar Perlis yang melibatkan seramai 4,521 orang *rider* termasuk pekerja *gig*.

Selain itu, KESUMA melalui PERKESO dan Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan khas di bawah Belanjawan 2025 untuk membantu golongan belia yang terlibat dalam bidang ini seperti melaksanakan Program Skim Perlindungan Sosial (SPS) merupakan insentif bayaran caruman 70 peratus iaitu RM162.80 dibiayai oleh Kerajaan, manakala OBS hanya perlu membayar sebanyak 30 peratus iaitu sebanyak RM70.00 sahaja.

Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 26 Oktober 2025, seramai 65,087 OBS termasuk pekerja *gig* telah menerima manfaat di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,012 orang mewakili Negeri Pulau Pinang dengan jumlah bayaran insentif sebanyak RM979 ribu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

23. Sejauh manakah perkembangan projek pengambilan air dari Sungai Perak bagi menampung keperluan bekalan air jangka panjang Negeri Pulau Pinang?

    (a) Senaraikan garis masa untuk projek ini.

    (b) Apakah halangan dan cabaran untuk projek ini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Perkembangan projek pengambilan air dari Sungai Perak bagi menampung keperluan bekalan air jangka panjang Negeri Pulau Pinang kini berada pada peringkat rundingan rasmi antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri Perak telah melantik Konsortium Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) – Kumpulan Gamuda Berhad (PKNP-Gamuda) sebagai wakil rasmi negeri tersebut untuk mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

    Beberapa siri mesyuarat rundingan telah diadakan bagi membincangkan terma, mekanisme serta implikasi pelaksanaan projek berkenaan. Melalui Mesyuarat Rundingan Bilangan 3 Tahun 2025 yang telah diadakan pada 10 Oktober 2025, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan secara dasar yang akan dijadikan asas pertimbangan oleh Kerajaan Negeri Pulau

Pinang dalam membuat keputusan berhubung cadangan pembelian air terawat daripada Kerajaan Negeri Perak.

(a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Konsortium PKNPk-Gamuda pada 6 November 2025 bagi projek pembekalan air terawat dari Sungai Perak. Dengan termeterainya MoU ini, ianya bakal membolehkan Pulau Pinang membeli sekurang-kurangnya 300 juta liter air terawat sehari daripada Negeri Perak mulai tahun 2031, dan juga akses kepada sumber air utama kedua yang amat penting bagi memenuhi keperluan jangka panjang kepada Negeri Pulau Pinang.

(b) Kerajaan Negeri mengakui bahawa terdapat beberapa halangan dan cabaran yang perlu diteliti dengan cermat dalam proses pelaksanaan cadangan pembelian air terawat dari Negeri Perak ini.

Antaranya termasuklah keperluan untuk menyelaraskan terma teknikal dan kewangan antara kedua-dua Kerajaan Negeri bagi memastikan jaminan bekalan air yang mencukupi dan berterusan bagi menampung keperluan semasa dan masa hadapan rakyat Pulau Pinang serta memastikan kadar dan mekanisme pembayaran yang dipersetujui adalah munasabah dan mampan dalam jangka panjang.

Namun demikian, semua cabaran ini sedang ditangani secara berhemah melalui rundingan berterusan antara kedua-dua pihak bagi memastikan hasil yang dicapai kelak bersifat menang-menang (*win-win*) dan memberi manfaat bersama kepada Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan bahawa sebarang keputusan yang diambil akan berdasarkan analisis teknikal, kewangan dan strategik yang menyeluruh bagi menjamin kepentingan jangka panjang rakyat dan kelestarian sumber air Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

24. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan garis panduan atau zon khas bagi menghadkan operasi pusat hiburan dan penjualan arak agar tidak menjejaskan keharmonian komuniti pelbagai kaum dan agama?

    (a) Apakah syarat yang dikenakan kepada premis yang menjual arak termasuk kedai serbaneka 24 jam sebelum beroperasi?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai peruntukan undang-undang seperti Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 (Enakmen 1/1198) dan Peraturan-peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001 bagi mengawal selia operasi pusat hiburan.

    Manakala bagi aktiviti penjualan arak, pengoperasiannya adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang yang dikelola oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang selaras dengan kuasa pelesenan yang diperuntukkan di bawah Akta Eksais 1976 [AKTA 176].

    Tambahan lagi, setiap permohonan bagi pengoperasian pusat hiburan dan menjalankan aktiviti penjualan arak akan dirujuk kepada jabatan-jabatan berkaitan termasuk PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau

Pinang serta Pejabat Daerah dan Tanah bagi mendapatkan ulasan berhubung kesesuaian lokasi, keselamatan, sensitiviti masyarakat setempat dan kepatuhan terhadap peraturan sedia ada.

Tempoh pengoperasian bagi aktiviti penjualan arak secara runcit di kawasan pentadbiran kedua-dua PBT hanya dibenarkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam.

Syarat tempoh pengoperasian aktiviti hiburan adalah seperti berikut:

Jenis Aktiviti	**Hari**	**Tempoh Masa yang Dibenarkan**	**Hari**	**Tempoh Masa yang Dibenarkan**
	MBPP		**MBSP**	
Mesin simulator/mesin mencuba nasib	Isnin sehingga Ahad	10.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam	Ahad sehingga Khamis	2.00 petang sehingga 12.00 tengah malam
			Jumaat dan Sabtu	2.00 petang sehingga 2.00 pagi
Lain-lain	Isnin sehingga Ahad	8.00 malam sehingga 3.00 pagi	Isnin sehingga Khamis	2.00 petang sehingga 2.00 pagi
			Jumaat, Sabtu dan Ahad	2.00 petang sehingga 3.00

(a) Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh premis bagi penjualan arak adalah seperti berikut:

(i) Mempunyai sijil pendaftaran syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);

(ii) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang;

(iii) Mendapatkan kelulusan lesen penjualan arak daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang;

(iv) Mendapatkan kelulusan lesen premis dan iklan daripada PBT;

(v) Tidak membenarkan permohonan baharu yang berada di dalam jarak radius kurang 250 meter dari rumah kediaman, rumah ibadat, pusat pendidikan dan padang permainan;

(vi) Tidak membenarkan permohonan baharu untuk premis perniagaan yang berada di bawah flat, apartment, kondominium atau rumah kediaman yang sama jenis;

(vii) Menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan yang berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam;

(viii) Tidak membenarkan aktiviti penjualan arak bersama dengan barangan jualan lain di premis kedai-kedai runcit dan kedai serbaneka;

(ix) Menempatkan arak di setiap kabinet yang dikunci selepas tempoh penjualan arak; dan

(x) Tidak membenarkan penjualan/pembekalan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

25. Senaraikan jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu bawah pengaruh alkohol dari tahun 2022 hingga kini.

    (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung kes kemalangan jalan raya yang diakibatkan oleh pemandu yang mabuk?

    (b) Apakah bantuan Kerajaan Negeri yang diberikan kepada keluarga mangsa terutamanya yang meninggal dunia?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu di bawah pengaruh alkohol dari tahun 2022 hingga Oktober 2025 merujuk kepada statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah Kes Kemalangan Jalan Raya Yang Melibatkan Pemandu Di Bawah Pengaruh Alkohol Dari Tahun 2022 Hingga Oktober 2025

TAHUN	2022	2023	2024	2025
Jumlah kes kemalangan jalan raya	5	5	4	6

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang telah mengenal pasti beberapa lokasi yang sering digunakan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol serta waktu yang kerap berlakunya kemalangan melibatkan pemandu dalam keadaan mabuk.

Sehingga Oktober 2025, sebanyak 59 operasi telah dijalankan dan hasilnya 45 tangkapan telah dibuat di bawah Seksyen 45(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987) terhadap pemandu dan penunggang kenderaan yang didapati memandu di bawah pengaruh alkohol.

(b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang telah mewujudkan Tabung Bantuan Segera bagi Bayaran Mangsa Bencana Meninggal Dunia sebagai bantuan khas kepada keluarga terdekat mangsa. Bantuan ini diberikan secara bayaran sekali (*one-off*) berjumlah RM1,000.00 kepada waris terdekat mangsa yang meninggal dunia akibat kemalangan, kebakaran, lemas atau kejadian lain mengikut keadaan semasa. Selain itu, jumlah keseluruhan bantuan yang disalurkan tidak melebihi RM2,000.00 bagi satu-satu keluarga, bergantung kepada tahap keperluan dan penilaian kes. Inisiatif ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan keluarga yang terkesan dengan kehilangan ahli keluarga akibat bencana yang tidak diduga.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

26. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan sukan bola sepak di Pulau Pinang bagi tahun 2024 dan 2025?

    (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri menggalakkan rakyat tempatan berdaya saing dalam sukan ini khususnya di daerah dan komuniti?

    (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi penambahbaikan infrastruktur sukan ini di seluruh daerah dan komuniti?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) serta pihak-pihak berkaitan sentiasa komited dalam membangunkan sukan bola sepak di negeri ini.

    Antara langkah-langkah yang diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

    (i) Penyaluran bantuan kewangan untuk pemerkasaan program pembangunan bakat-bakat muda melalui kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang serta kelab-kelab bola sepak tempatan untuk menganjurkan klinik bola sepak, akademi latihan bola sepak, serta penganjuran pertandingan peringkat akar umbi;

(ii) Memberi sokongan serta dana kewangan kepada pasukan yang mewakili negeri Pulau Pinang dalam kejohanan Liga-Liga dibawah pengiktirafan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM);

(iii) Menaik taraf kemudahan infrastruktur sukan negeri seperti naik taraf stadium bola sepak, padang bola sepak peringkat komuniti serta lain-lain kemudahan sokongan termasuk penyaluran bantuan peralatan latihan dan pertandingan;

(iv) Mengerat dan menjalin hubungan kerjasama strategik bersama dengan Badan Bola Sepak Kebangsaan seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Malaysia Football League (MFL) dan lain-lain lagi; dan

(v) Memperkasakan program pendidikan dan ilmu latihan kejurulatihan kepada Jurulatih bola sepak tempatan.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MSNPP sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Sukan Negeri dalam menganjurkan klinik-klinik Pengenalan Sukan di pelbagai lokasi dan lokaliti tempatan bagi menggalakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi untuk merangsang penjanaan bilangan atlet-atlet pelapis negeri.

Objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan platform bersukan selain memberi pengenalan serta pendedahan awal kepada masyarakat tentang aktiviti - aktiviti sukan yang boleh diceburi oleh anak-anak muda Negeri Pulau Pinang.

(b) Antara usaha Kerajaan Negeri bagi membangunkan fasiliti sukan bola sepak, terdapat beberapa projek yang sedang dilaksanakan dan dinaik taraf, seperti Kompleks Sukan Sony, Seberang Jaya, menaik taraf Stadium Negeri Pulau Pinang, menaik taraf Stadium Bandaraya Pulau Pinang dan sebagainya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

27. Berapakah jumlah kilang yang dikenakan tindakan atas kesalahan pencemaran udara, bau dan air sejak tahun 2022 sehingga kini?

    (a) Apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh JAS Pulau Pinang?

    (b) Apakah langkah pemantauan berterusan yang dilaksanakan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar, premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) yang dikenakan tindakan atas kesalahan melakukan pencemaran sejak tahun 2022 sehingga kini adalah seperti berikut :

    - Tahun 2022 : 380 premis
    - Tahun 2023 : 229 premis
    - Tahun 2024 : 317 premis
    - Tahun 2025 sehingga 24 Oktober 2025 : 241 premis

    (a) Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap premis adalah seperti berikut :

        (i) *Field Citation* (Arahan di lapangan);

        (ii) Notis Arahan di bawah Seksyen 31, AKAS 1974;

(iii) Notis Arahan di bawah Seksyen 37, AKAS 1974;

(iv) Penahanan Operasi kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a), AKAS 1974;

(v) Perintah Larangan di bawah Seksyen 31A atau Seksyen 34AA, AKAS 1974; dan

(vi) Tindakan mahkamah.

(b) Bagi langkah pemantauan berterusan, Jabatan ini menguatkuasakan Seksyen 49A, AKAS 1974 iaitu pihak premis perlu melantik Orang Yang Berwibawa (Competent Person) yang diperakukan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk menjalankan aktiviti berikut :

(i) Pengendalian kelengkapan kawalan;

(ii) Pengurusan buangan terjadual;

(iii) Menjalankan kajian; dan

(iv) Penyediaan dan pengemukaan laporan atau dokumen berkaitan alam sekeliling.

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar juga telah memperkenalkan pelaporan secara digital bagi pelaporan secara kendiri oleh Competent Person melalui Sistem Aplikasi Alam Sekitar seperti berikut :

(i) *Online Environmental Reporting* (OER);

(ii) *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS);

(iii) MyPremis; dan

(iv) *Continous Emission Monitoring System* (CEMS).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

28. Nyatakan statistik masalah pengangguran dalam kalangan belia di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini.

    (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini?

    (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan dan membantu golongan belia dalam sektor ekonomi digital atau e-dagang?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Berdasarkan statistik PERKESO, jumlah pengangguran dalam kalangan belia di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penganguran Belia
2022	1,271
2023	3,711
2024	7,508
2025 (Sehingga Oktober)	3,490
Jumlah Keseluruhan	**15,980**

    (a) Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu belia keluar daripada masalah penganguran.

Program StartupPenang500 telah berjaya dilaksanakan bagi tahun ini dengan bertujuan memupuk minat serta membangunkan syarikat pemula dalam kalangan belia melalui pendedahan kepada inovasi, bimbingan industri dan akses kepada ekosistem digital terutamanya pelajar univerisiti awam dan swasta.

Selain itu juga, program keusahawanan turut dilaksanakan bagi membantu belia negeri ini kepada perniagaan sendiri seperti program e-dagang dan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) yang dilaksanakan oleh Digital Penang, Pejabat Daerah dan Tanah serta Jawatankuasa MMK Keusahawanan dan Luar Bandar.

Bukan itu sahaja, inisiatif lain juga turut dilaksanakan oleh PERKESO seperti melaksanakan karnival kerjaya, menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam portal dan aplikasi mudah alih serta menyediakan Pusat Satelit sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya.

(b) Kerajaan Negeri melalui Digital Penang telah melaksanakan program berasaskan e-dagang yang memberi manfaat kepada pelbagai syarikat dan belia, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Digital Penang juga telah berkolaborasi dengan platform e-dagang utama di Malaysia seperti TikTok dan Lazada melalui penganjuran program seperti TikTok Ads Seminar, TikTok *Shop Northern Roadshow*, Lazada *Masterclass Training*, dan Lazada Teh Tarik *Session*.

Kesemua program ini telah berjaya membimbing lebih daripada 400 peserta, dengan fokus kepada peningkatan kemahiran pemasaran digital, strategi jualan atas talian, serta penggunaan platform e-dagang secara berkesan bagi memperluas pasaran dan meningkatkan daya saing perniagaan tempatan.

Kerajaan Negeri turut memberikan geran kepada persatuan dan pertubuhan bagi melaksanakan program keusahawanan secara dalam talian sebagai usaha

menggalakkan penglibatan belia dalam sektor ekonomi digital dan e-dagang. Inisiatif ini memberi ruang kepada golongan belia untuk mempromosikan produk dan memasarkan perniagaan melalui platform digital, sekaligus meningkatkan kemahiran mereka dalam pemasaran moden dan pengurusan digital.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XV)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL

29. Senaraikan bilangan kawasan cerun Kelas III/IV yang terdapat di Pulau Pinang dan status risikonya.

    (a) Apakah intervensi segera di lokasi kritikal?

    (b) Bagaimana sistem siren / hujan setempat dipasang dan diuji?

    (c) Bilakah garis masa penambahbaikan struktur / saliran disiapkan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Bilangan Kawasan cerun Kelas III/IV dibawah seliaan JKR dan status risikonya adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Antara langkah-langkah intervensi segera di lokasi kritikal adalah seperti berikut :

        (i) Kerja-kerja penstabilan segera dilaksanakan di cerun berisiko tinggi melalui tindakan Emergency Works seperti:

            1) Pembinaan tembok penahan (retaining wall) atau *soil nail* di lokasi runtuhan;

2) Pembersihan runtuhan dan pemasangan longkang permukaan serta *subdrain* untuk kawalan air larian;

3) Pemasangan kain geotekstil, *gabion wall* dan *shotcrete* bagi menahan hakisan serta kegagalan cerun.

(ii) Pemantauan berkala dijalankan oleh konsesi penyelenggaraan bagi jalan persekutuan dan di peringkat JKR Daerah bagi jalan negeri untuk melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan analisis berkala terhadap lokasi-lokasi cerun berisiko dan untuk memastikan tindakan pembaikan dapat dilaksanakan dengan segera apabila diperlukan.

(b) Pada masa ini, tiada sistem siren atau sistem amaran hujan setempat yang dipasang oleh pihak JKR Pulau Pinang.

(c) Bagi kerja-kerja pembaikan kecemasan (emergency works) di lokasi cerun yang runtuh atau mengalami kegagalan struktur, tempoh siap bergantung kepada tahap kerosakan dan keadaan lokasi tertakluk kepada cuaca dan tahap akses di tapak.

LAMPIRAN A

Bilangan kawasan cerun Kelas III/IV dibawah seliaan JKR dan status risikonya

KATEGORI/KELAS	SLOPE RISK	BILANGAN CERUN
JKR DAERAH TIMUR LAUT (JALAN NEGERI)		
KELAS III	HIGH	3
KELAS IV	VERY HIGH	32
JKR DAERAH TIMUR LAUT (JALAN PERSEKUTUAN)		
KELAS III	HIGH	8
KELAS IV	VERY HIGH	8
JKR DAERAH BARAT DAYA (JALAN NEGERI)		
KELAS III	HIGH	3
KELAS IV	VERY HIGH	26
JKR DAERAH BARAT DAYA (JALAN PERSEKUTUAN)		
KELAS III	HIGH	27
KELAS IV	VERY HIGH	28

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

1. Berapakah laporan polis dalam kesalahan memasang bendera Malaysia di Pulau Pinang?

   (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri akan lakukan dalam usaha memastikan bendera jalur gemilang kita dihormati rakyat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Laporan Polis dalam kesalahan memasang bendera Malaysia di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Penerangan Negeri sentiasa komited dalam memastikan Jalur Gemilang dihormati serta dikibarkan dengan penuh semangat patriotik oleh rakyat negeri ini. Antara tindakan yang diambil ialah:

      (i) Kempen Kesedaran dan Pendidikan Patriotik;

      Mengadakan kempen kesedaran di sekolah, institusi pengajian tinggi, dan komuniti setempat bagi mendidik rakyat tentang etika dan tatacara yang betul dalam mengibarkan Jalur Gemilang serta menggunakan media sosial terkini seperti berikut:

      1) Pengkongsian Info terkini melalui Aset Digital SocMed JAPEN:

a) Menggunakan Facebook, Instagram, X :
@JapenPenang
Tiktok: JAPEN Penang dan
Youtube : Japen Penang

b) Rakan Strategik Digital:
Menggunakan Kumpulan What'sApp/Telegram

c) Lapangan bersemuka:
Hebahan *Info On Wheels* (10W) Edaran risalah / makluman mengenai Jalur Gemilang. Hebahan melalui IOW akan dilakukan meliputan setiap daerah dan lokaliti bagi penyebaran secara terus kepada penduduk setempat.

d) Rakan Strategik bersemuka/dalam talian:
Menggunakan Komuniti MADANI

e) Terbitan bahan-bahan/pautan-pautan:
Menggunakan DBook JAPEN
i) https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/qrcode/risalah_panduan_kibar_bendera_malaysia.png

https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/?product=risalah-etika-bendera-malaysia;

(ii) Program Sambutan Hari Kebangsaan dan Bulan Kebangsaan

Menganjurkan pelbagai program seperti perarakan, pertandingan menghias bangunan dengan Jalur Gemilang, dan aktiviti komuniti untuk menyemarakkan semangat cintakan negara;

(iii) Pemantauan dan Pematuhan Tatacara Pengibaran

Menjalankan pemantauan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan bendera dikibarkan dengan betul di premis kerajaan, sekolah, dan premis perniagaan;

(iv) Kerjasama dengan Agensi Persekutuan dan NGO

Bekerjasama dengan Jabatan Penerangan, NGO, serta pertubuhan belia untuk memperluas usaha menyemai semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat; dan

(v) Pengiktirafan dan Galakan.

Memberi penghargaan kepada agensi, sekolah, atau komuniti yang menunjukkan inisiatif terbaik dalam menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang.

LAMPIRAN A

Laporan polis dalam kesalahan memasang bendera Malaysia di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

DAERAH	NO LAPORAN	JUMLAH
Timur Laut	Jelutong 4918/25 Jalan Patani 9638/25 Batu Feringghi 2058/25	3
Barat Daya	-	0
Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam 9001/25	1
Seberang Perai Selatan	-	0
Seberang Perai Utara	Kepala Batas 9214/25	1
	JUMLAH	**5**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

2. Apakah Jawatankuasa HOPE (memilih pemilikan rumah mampu milik) mengambil kira untuk penambahbaikan ketelusan pemilihan dengan melantik wakil-wakil rakyat dari kalangan wakil-wakil rakyat pembangkang untuk turut serta dalam pemilihan ini?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan / *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE) telah diperkenalkan oleh Yang Berhormat (YB) Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk menilai, memantau dan membincangkan prestasi serta pencapaian berkaitan sektor perumahan di Negeri Pulau Pinang. Ia merangkumi aspek pengurusan, permohonan, penawaran serta penyelesaian isu berkaitan Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) selaras dengan Visi Penang2030 dan dasar inklusif Kerajaan Negeri.

   Setiap permohonan RMKu akan melalui proses semakan dan tapisan yang teliti berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan (GP) RMKu. Proses ini melibatkan pengesahan maklumat pemohon, semakan kelayakan pendapatan, status pemilikan hartanah dan pematuhan kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Setelah proses pengesahan permohonan selesai, nama pemohon-pemohon akan disenaraikan dalam senarai menunggu untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat HOPE bagi tujuan pemilihan dan penawaran. Proses pemilihan dan penawaran dijalankan secara langsung di dalam Mesyuarat HOPE berdasarkan kekananan dalam senarai menunggu yang direkodkan dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) LPNPP. Kaedah ini dilaksanakan bagi menjamin ketelusan dan memastikan setiap pemohon yang layak menerima tawaran mengikut giliran yang telah ditetapkan.

Kerajaan Negeri sentiasa komited terhadap prinsip ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan dasar perumahan. Pada masa ini, tiada cadangan untuk melantik atau melibatkan mana-mana wakil rakyat daripada barisan kerajaan mahupun pembangkang untuk menyertai Mesyuarat HOPE ini memandangkan proses penawaran telah dan akan terus dijalankan secara telus dan terus (real-time) daripada SMP, LPNPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

3. Apakah program-program jangka panjang Kerajaan Negeri untuk menyewa pusat konvensyen di Pulau Pinang?

   (a) Berapakah pusat atau bangunan seperti pusat konvensyen itu telah dibina?

   (b) Adakah perancangan untuk membina pusat konvensyen?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Bangunan pusat konvensyen PICCA@Butterworth Arena yang terletak di Bandar Butterworth telah dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di atas tanah milikan CMI. Bangunan tersebut telah dipajak kepada pengendali (operator) swasta bagi tempoh 10 tahun bermula tahun 2023. Melalui perjanjian pajakan tersebut, Kerajaan Negeri telah diberikan keistimewaan penggunaan dewan dengan kuota untuk tujuan penganjuran majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri.

   Dengan keistimewaan ini, majlis rasmi anjuran Kerajaan Negeri boleh dilaksanakan di PICCA@Butterworth Arena sepanjang tempoh pajakan berkenaan.

   (a) Di bawah pentadbiran CMI, terdapat satu pusat konvensyen yang telah siap dibina dan beroperasi sejak tahun 2023 di Bandar Butterworth, yang dikenali sebagai PICCA@Butterworth Arena.

(b) Pada masa ini, CMI tidak mempunyai perancangan untuk membina pusat konvensyen baharu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

4. Apakah hasil pencapaian PMTF (Penang Monitoring Task Force) dalam isu tarif dan hal yang bersangkutan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan bertujuan untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan.

   Kerajaan Negeri menerusi InvestPenang telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 selepas pengumuman tarif baharu bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak industri serta pemegang taruh berkaitan.

   Semua hasil dan dapatan daripada sesi tersebut telah diserahkan kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk tindakan lanjut. Selain itu, YAB Ketua Menteri turut membangkitkan isu berkenaan di Dewan Rakyat pada 5 Mei 2025 bagi menarik perhatian dan pertimbangan Kerajaan Persekutuan.

   Memandangkan isu ini memerlukan campur tangan serta keputusan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus bekerjasama secara berterusan khususnya bersama MITI bagi memastikan kepentingan industri negeri terpelihara.

Susulan lawatan rasmi Presiden Amerika Syarikat baru-baru ini, Kerajaan Negeri masih menunggu maklumat lanjut berkaitan akses pasaran keutamaan (*preferential market access*) dan pengecualian barangan (*items exclusion*) yang mungkin memberi kesan kepada sektor pelaburan dan perdagangan negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

5. Apakah sudah disediakan geran khas untuk pelajar TVET terutama sekali dari kalangan pelajar B40 untuk memulakan perniagaan kecil mengikut kemahiran mereka?

   (a) Jika sudah disediakan, nyatakan berapa banyak telah dibelanjakan?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Merujuk kepada dasar dan inisiatif sedia ada, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menawarkan pelbagai skim dan program keusahawanan dengan kerjasama agensi pelaksana secara umum dan bersasar kepada golongan belia. Namun begitu, Kerajaan Negeri belum mewujudkan geran khas untuk pelajar TVET terutama sekali daripada kalangan pelajar B40 untuk memulakan perniagaan kecil mengikut kemahiran mereka.

   Sebagai pemakluman, berikut adalah antara skim dan inisiatif yang boleh disertai oleh golongan pelajar tersebut:

   (i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) Negeri Pulau Pinang

   Inisiatif ini dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Pulau Pinang yang menawarkan bantuan peralatan sehingga RM3,000.00 kepada usahawan mikro dan B40 tempatan dengan objektif untuk

meningkatkan produktiviti dan mengembangkan perniagaan. Kelayakan adalah terhad kepada rakyat Pulau Pinang yang memiliki lesen sah dan telah beroperasi minimum satu (1) tahun;

(ii) Skim Pinjaman Harapan (SPH) oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

Skim ini menawarkan pinjaman mikro tanpa cagaran berjumlah antara RM5,000 hingga RM50,000;

(iii) Program *NCER Entrepreneur Sustainable Transformation* (NEST) oleh *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA)

48	KIAH SOON FURNITURE SDN. BHD.	DI ATAS LOT 589, JALAN TOKONG , PERKAMPUNGAN JAWI, 14200 SUNGAI JAWI	-
49	SB CHUAN HENG TRADING	LOT 1213, JALAN SUNGAI PUYOH, 14200 SUNGAI JAWI	-
50	NORTHRICH FRONTIER SDN. BHD.	3245, JALAN BESAR, 14300 NIBONG TEBAL	-
51	SYA SRI SELATAN SDN. BHD.	2360, JALAN SUNGAI DAUN, 14300 NIBONG TEBAL	-
52	OON HOCK HUAT	1, LORONG BLM 4/14, BANDAR LAGUNA MERBOK, 0800 SUNGAI PETANI, KEDAH	-
53	P W TEXTILE MANF SDN. BHD. (GREEN RAY)	3375, JALAN OOI KAR SENG, 14300 NIBONG TEBAL	-
54	NG JOO LIM	3382, JALAN OOI KAR SENG, 14300 NIBONG TEBAL	-

LAMPIRAN A

SENARAI KILANG HARAM DI NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2022 SEHINGGA 2024

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN			
BIL.	**NAMA SYARIKAT**	**LOKASI**	**CATATAN**
55	SOUTHERN PIPE INDUSTRY (MALAYSIA) SDN. BHD.	3081, JALAN BESAR, 14300 NIBONG TEBAL	-
56	LOH CHEONG LOON	3402, JALAN TELOK IPIL, 14300 NIBONG TEBAL	-
57	UNITED SWEETHEART GARMENT	846, MAIN ROAD, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI	-
58	GOLDEN FRONTIER PACKAGING SDN. BHD.	12, LADANG VALDOR, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI	-
59	TAI SUN FOUNDRY & CONSTRUCTION SDN. BHD.	401, BAGAN BUKIT TAMBUN, 14110 SIMPANG AMPAT	-
60	BEH HANG TONG	DI ATAS LOT 934 & 8969, KAMPUNG PABOI, 14110 SIMPANG AMPAT	-
61	CBC MARKETING (M) SDN. BHD.	LOT 5512, JALAN PABOI, 14000 SIMPANG AMPAT	-
62	CERAH JAYA TRADING	LOT 334, JALAN PABOI, KAMPUNG PATHAU, 14110 SIMPANG AMPAT	-
63	ACE ENCLOSURES SDN. BHD.	LOT 1012, JALAN BKT TAMBUN, 14110 SIMPANG AMPAT	-
64	MARA	1533 JALAN BESAR SIMPANG AMPAT, 14100 SIMPANG AMPAT	-
65	YAP CHONG THEAM	LOT 5241, JALAN CEGAR 1, 14100 SIMPANG AMPAT	-
66	CHIN NYOK FONG	LOT 5241, JALAN CEGAR 1, 14100 SIMPANG AMPAT	-
67	CHIAM AH BAH @ CHIAM HUNG SIM	1598, JALAN BUKIT TAMBUN, 14110 SIMPANG AMPAT	-
68	CHONG NAM EST	1120, LADANG VALDOR, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI	-
69	ONG CHING JOO	LOT 1253, VALDOR ESTATE, VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
70	ANG KAH HEONG	LOT 1253, VALDOR ESTATE, VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
71	ONG CHING JOO	LOT 1253, VALDOR ESTATE, VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
72	ANG KAH HEONG	LOT 1253, VALDOR ESTATE, VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-

SENARAI KILANG HARAM DI NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2022 SEHINGGA 2024

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN			
BIL.	**NAMA SYARIKAT**	**LOKASI**	**CATATAN**
73	HONG YANG TIMBER SDN. BHD.	DI ATAS LOT 1699 JALAN HUJUNG VALDOR, KAMPUNG VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
74	KHOO KEAT CHEONG	1006, JALAN 8 VALDOR VILLAGE, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI	-
75	LEAN TEAK PLASTICS FACTORY (I & E) SDN. BHD.	1353, JALAN BESAR SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI	-
76	NG YAM KENG	1101, LUAR PERKAMPUNGAN VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
77	SUNBLOCK SDN. BHD.	1, LORONG INDUSTRI 3, KAWASAN INDUSTRI BUKIT PANCHOR, 14300 NIBONG TEBAL	-
78	LAI JIN ENTERPRISE	LOT 8934, LORONG IKS SIMPANG EMPAT J, TAMAN IKS SIMPANG EMPAT, 14100 SIMPANG AMPAT	-
79	TEAMHOPE SDN. BHD.	10, LORONG NAFIRI 4, KAWASAN PERINDUSTRIAN VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
80	OPTAMAS SDN. BHD.	LOT 1241, JALAN SERULING, KAWASAN PERINDUSTRIAN VALDOR, 14200 SUNGAI JAWI	-
81	NG YOK LEE	TIADA	-
82	LEE YA CONSTRUCTION & TRADING SDN. BHD.	TIADA	-
83	ONG BOON HWA	TIADA	-
84	SOUTHERN LATEX PRODUCTS SDN. BHD.	TIADA	-
85	RENAISSANCE PLASTERBOARD (M) SDN. BHD.	DI ATAS LOT 2308, JALAN BAGAN BUAYA, 14300 NIBONG TEBAL	-
86	LTH TIMBER EXPORT IMPORT(M) SDN. BHD.	3852, JALAN BELAKANG BUKIT CHANGKAT, 14300 NIBONG TEBAL	-
87	WEISHEN ENGINEERING SDN. BHD.	NO. TBP 1026, JALAN PABOI BUKIT TAMBUN, 14110 SIMPANG AMPAT	-
88	PRECICO ELECTRONICS SDN. BHD.	PLOT 26, LORONG IKS TASEK 3, KAWASAN INDUSTRI PERDA TASEK 14120 SIMPANG AMPAT	-
89	HONG BERSAUDARA KILANG KAPUR	1369, SIMPANG TIGA, 14300 NIBONG TEBAL	-

LAMPIRAN A

SENARAI KILANG HARAM DI NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2022 SEHINGGA 2024

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN			
BIL.	**NAMA SYARIKAT**	**LOKASI**	**CATATAN**
90	AKN SERVICES CENTRE SDN. BHD CHIN LAK MOTOR SDN. BHD.	2181, JALAN BESAR, 14300 NIBONG TEBAL	-
91	ENTERPRENUER PARK SIMPANG AMPAT FASA 1 (MARA)	1533, JALAN BESAR SIMPANG AMPAT, 14100 SIMPANG AMPAT	-
92	GOOI CHIN SOO	3701, JALAN CHANGKAT SUNGAI JAWI, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI	-
93	PEMBINAAN LAC SDN. BHD.	1420, JALAN KAMPUNG CHANGKAT DAIN, KAMPUNG SUNGAI DURI, 14200 SUNGAI JAWI	-
94	PALMUKIMOS PLASTIC SDN. BHD.	2267, JALAN BUKIT JAWI, KAMPUNG PAYA KEMIAN, 14200	-
95	ABADI PLASTIC INDUSTRIES SDN. BHD.	TIADA	-
96	SPARCAM SECURE SYSTEM TECHNOLOGY	TIADA	-
97	EPPOR PACK SDN. BHD.	2263, MUKIM 9 PERMATANG KLING 14300 NIBONG TEBAL	-
98	CLYTATLY ENTERPRISE	1674, JALAN KUBANG SEMANG, 13500 PERMATANG PAUH	-
99	HHM INDUSTRIES SDN. BHD.	2732, JALAN HARMONI, TAMAN BUKIT MAS, 14000 BUKIT MERTAJAM	-
100	WENG SOON TAI FISHERY SDN. BHD.	TIADA DATA	-
101	SIN GUAN HUP OIL & RICE MILL SDN. BHD.	469, JALAN SAMAGAGAH, PERMATANG PAUH, 13500 PERMATANG PAUH	-
102	WS POLYCYCLE TRADING	LOT 3336, JALAN CHANGKAT ESTATE, CHANGKAT, 14300 NIBONG TEBAL	-
103	SKY RAILWAY FURNITURE TRADING SDN. BHD.	TIADA DATA	-
104	YI SHUNFA FURNITURE SDN. BHD.	DI ATAS LOT 873, JALAN HUTAN PETAI, KAMPUNG KEPALA GAJAH, 14120 SIMPANG AMPAT	-
105	ARDA-TEK (M) SDN. BHD.	3486, KAMPUNG TELOK WANG, 14000 BUKIT MERTAJAM	-
106	FD FURNITURE SDN. BHD.	TIADA DATA	-

SENARAI KILANG HARAM DI NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2022 SEHINGGA 2024

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN			
BIL.	**NAMA SYARIKAT**	**LOKASI**	**CATATAN**
107	FARBEN TECHNIQUE (M) SDN. BHD.	TIADA DATA	-
108	JYT ENGINEERING SDN. BHD.	1153, OFF JALAN KUBANG SEMANG, PERMATANG PAUH, 13500 PERMATANG PAUH	-
109	MARI YA SUCCES SDN. BHD.	TIADA DATA	-
110	CH PERUNDING	LOT 984 & 986, LADANG JURU, 14000 SIMPANG AMPAT	-
111	LAY CHEW LIANG	TIADA DATA	-
112	TRIO PAPER MILLS	JALAN BYRAM, NIBONG TEBAL, 14300 NIBOG TEBAL	-
113	CHUAN HENG ENTERPRISE SDN. BHD.	1571, KAMPUNG BARU, 13300 TASEK GELUGOR	-
114	JANAHARTA SDN. BHD.	TIADA DATA	-
115	GUAN KIM HENG TRADING DAN TRANSPORT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 414, JALAN SEBERANG TASEK, TASEK 14120, SIMPANG AMPAT	-
116	NGIAH LEONG COMMERCIAL SDN. BHD.	1158, MUKIM 15, JALAN TASEK, LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI	-
117	KEAN BENG LEE INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	1384, LOT 841, MUKIM 1, JALAN TASEK, 14120 SIMPANG AMPAT	-

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

12. Kemukakan maklumat jumlah saman ke atas e-hailing motosikal yang melanggar undang-undang lalu lintas di Pulau Pinang.

    (a) Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri dalam membendung kesalahan ini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sebanyak 599 saman ke atas e-hailing motorsikal yang melanggar undang-undang lalu lintas di Pulau Pinang setakat bulan September 2025.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan terus bekerjasama dengan PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi mempertingkatkan penguatkuasaan di kawasan tumpuan e-hailing seperti terminal pengangkutan, pusat bandar dan kawasan komersial. Antara tindakan susulan Kerajaan Negeri dalam membendung kesalahan ini adalah:

        (i) Penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) serta pemantauan digital turut dipertingkatkan untuk mengesan kesalahan lalu lintas secara lebih berkesan; dan

(ii) Program kesedaran dan pendidikan keselamatan jalan raya akan diteruskan melalui kempen bersama agensi seperti JPJ dan Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS). Tumpuan diberikan kepada penunggang e-hailing bagi meningkatkan kefahaman terhadap peraturan lalu lintas serta etika pemanduan yang selamat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

13. Kemukakan kerja-kerja dan kontrak PDC yang lewat, terbengkalai dan projek-projek sakit di seluruh negeri.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Terdapat satu (1) projek lewat jadual di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) iaitu Kerja-Kerja Pembinaan Infrastruktur di Taman Perindustrian PDC, BKIP3, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Berdasarkan laporan PDC, status terkini adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Bil.	Status	Peratus
1.	Jadual	54.22
2.	Sebenar	39.10
3.	Lewat	15.12

Jadual 1 : Status Projek Lewat Jadual di Bawah PDC

Punca kelewatan kerana kegagalan kontraktor memasuki tapak pada peringkat awalan dan kelewatan penghantaran bahan binaan utama serta kelewatan pelantikan kontraktor utama.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

14. Berapakah jumlah hutang terkumpul terkini Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada PDC?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Setakat Oktober 2025, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hutang dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebaliknya Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian pinjaman kepada PDC berjumlah RM100 juta. Pinjaman tersebut dilaksanakan melalui perjanjian Pembiayaan Sebahagian Kos Projek *GBS By The Sea* yang telah diluluskan pengeluaran sebanyak RM20 juta pada tahun 2023 dan RM50 juta pada tahun 2024.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

15. Apakah situasi perjudian dalam talian terkini di Pulau Pinang?

    (a) Kemukakan statistik mengikut kes dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengawal dan meningkatkan kesedaran kepada rakyat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Situasi perjudian di Pulau Pinang adalah terkawal dengan adanya tindakan pemeriksaan dan serbuan sentiasa dibuat secara berterusan di mana serbuan dibuat setiap hari jika ada terkesan kegiatan / aktiviti perjudian khasnya judi dalam talian.

    (a) Berikut merupakan statistik mengikut kes pada Januari hingga September tahun 2025:

TAHUN	KES	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	NFA
2025 (JAN – SEPT)	245	393	32	177
JUMLAH KESELURUHAN	**847**			

Tindakan yang dilaksanakan oleh pihak PDRM di Negeri Pulau Pinang adalah:

(i) Penguatkuasaan & kerjasama antara agensi:

(1) (Teruskan dan tingkatkan operasi bersama (ops bersepadu) antara PDRM, SPRM (jika berkaitan), MCMC, dan Bank Negara untuk menumpaskan sindiket, membekukan akaun keldai, dan menjejaki aliran wang.

(2) Tindakan Terhadap Premis: langkah seperti pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang terlibat dalam aktiviti perjudian turut dilaksanakan dengan kerjasama syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB).

(ii) Pendidikan Dan Kesedaran Awam

(1) Kempen Kesedaran: Kerajaan menjalankan kempen kesedaran melalui pelbagai platform untuk mendidik masyarakat tentang bahaya perjudian dalam talian dan penipuan siber.

(2) Pendidikan di Sekolah: Usaha mendidik pelajar tentang risiko perjudian dan penipuan dalam talian turut diperluaskan di institusi Pendidikan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

16. Apakah perkembangan jawatankuasa penyelesaian tanah untuk menyelesaikan isu masalah pampasan tanah di Mukim 21 dan Mukim 18 SPT?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Bagi Mukim 21, pihak JKR telah memohon peruntukan untuk tujuan pengambilan balik tanah pada tahun 2025. Walau bagaimanapun tiada peruntukan diluluskan untuk tujuan pengambilan tersebut. Kerajaan Negeri masih sedang meneliti isu-isu berbangkit.

    Bagi Mukim 18, prosiding perbicaraan yang dijangkakan berlangsung pada bulan November 2025. Oleh itu, pembayaran pampasan belum dapat diputuskan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

17. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengawal dan menarik talent pool yang merupakan belia Pulau Pinang dari migrasi ke negeri lain untuk peluang pekerjaan?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Pengekalan dan penarikan semula belia Pulau Pinang sebagai *talent pool* berkualiti tinggi juga adalah kunci kepada kejayaan Visi Penang2030.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi InvestPenang komited dalam usaha berterusan untuk membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam kalangan belia. Inisiatif strategik ini direka khusus untuk memperkasakan kemahiran sekali gus mengawal migrasi ke tempat lain untuk peluang pekerjaan. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

(i) Memberi khidmat fasilitasi kepada pelabur-pelabur baru di dalam pelaksanaan projek agar peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dapat diwujudkan secara berterusan. Selain itu, InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat mutinasional untuk melokalisasikan rantaian bekalan (supply chain) dan memberi perkhidmatan fasilitasi dalam *business matching* yang mana secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada perniagaan tempatan; dan

(ii) Kerjasama berterusan antara InvestPenang dengan agensi-agensi lain dalam usaha mempromosi/ menarik pelaburan baru dan penambahan pelaburan sedia ada di samping di samping menyokong industri kecil sederhana tempatan. Kolaborasi ini membuka peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi bagi penempatan pekerjaan oleh pelabur baru atau sedia ada yang mengembangkan operasi.

Kerajaan Negeri melalui *Penang Career Assistance & Talent Centre* (Pusat CAT) terus memainkan peranan untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia tempatan melalui kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan untuk membantu golongan pencari kerja tempatan untuk meningkatkan sumber pendapatan. Selain itu, Pusat CAT berperanan memberi khidmat padanan kerja (job matching) meliputi inisiatif-inisiatif seperti yang berikut:

(i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach program* untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar tempatan dan juga pencari kerja di Malaysia tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang;

(ii) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;

(iii) Kerjasama dengan Penang STEM bagi mempromosikan program berasaskan kemahiran iaitu *Technical Skills Learning* (TSL) kepada sasaran tertentu bagi menggalakkan penyertaan program dan membuka lebih banyak peluang kepada belia yang tidak meneruskan pengajian di peringkat tinggi; dan

(iv) Kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan termasuk *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA), *Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia* (HRDCorp), dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam mempromosikan program-program

yang memberi manfaat seperti program *upskilling*, latihan, dan kursus jangka pendek kepada golongan belia agar mereka diberi peluang pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melaksanakan inisiatif strategik untuk mengawal migrasi dan menarik *talent pool* belia Pulau Pinang yang tertumpu pada dua (2) teras utama iaitu:

(i) Penggalakan Keusahawanan

Program seperti Pertandingan Keusahawanan Belia (YEC) dan Dana Pembangunan Belia disediakan untuk memupuk semangat keusahawanan dan kepimpinan; dan

(ii) Pengiktirafan Bakat

Skim insentif seperti *Best! Anak Penang - Penang Young Talent Excellence Incentive Scheme* menawarkan ganjaran kepada belia yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum dan menjadikannya tarikan utama untuk mereka kekal dan menyumbang kepada pembangunan negeri.

Dengan pelbagai inisiatif dengan wawasan yang jelas, peluang perkerjaan bagi industri-industri di Pulau Pinang secara langsung akan membuka peluang yang luas kepada golongan belia agar dapat menarik dan mengekalkan bakat di negeri ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

18. Berapakah jumlah pengangguran bagi mereka yang berkelayakan dari segi pendidikan di Pulau Pinang?

    (a) Berapakah statistik mereka yang menerima gaji di bawah gaji graduan baharu (fresh graduate)?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Merujuk kepada Jadual 9g dalam penerbitan Statistik Siswazah 2024 yang diterbitkan oleh DOSM, jumlah penganggur siswazah di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 meningkat kepada 7,000 orang berbanding 6,300 orang pada tahun 2023 yang mana 3,400 orang mempunyai kelayakan Ijazah dan 3,600 orang mempunyai kelayakan diploma seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Menurut laporan yang disediakan oleh Penang Institute, setakat ini tiada data khusus yang menyatakan secara spesifik statistik mereka yang menerima gaji di bawah gaji graduan baharu (fresh graduate).

    Namun begitu, berdasarkan taburan graduan bekerja di Pulau Pinang yang berjumlah 333,200 orang dengan median gaji bagi siswazah adalah RM5,334.00 serta anggaran paras gaji bagi graduan baharu adalah RM2,500.00-RM3,000.00, maka anggaran graduan bekerja yang menerima gaji di bawah paras gaji graduan

baharu adalah 10.3% bagi nilai gaji di bawah paras RM2,500.00 dan 17.8% bagi paras gaji RM3,000.00.

Dinyatakan bahawa anggaran ini merupakan pengiraan anggaran terbaik yang boleh diberikan berdasarkan maklumat daripada laporan penerbitan Statistik Siswazah 2024.

JADUAL 9G DALAM PENERBITAN STATISTIK SISWAZAH 2024 YANG DITERBITKAN OLEH JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)

Jadual 9g: Statistik Utama Siswazah, Pulau Pinang, 2020 - 2024
Table 9g: Principal Statistics of Graduates, Pulau Pinang, 2020 - 2024

Statistik Utama *Principal Statistics*	2020[r]	2021[r]	2022[r]	2023	2024
Jumlah *Total*	**335.3**	**355.5**	**364.6**	**381.9**	**405.0**
Tenaga Buruh *Labour Force*	278.3	303.3	304.6	325.6	340.3
Bekerja *Employed*	271.5	296.1	297.4	319.3	333.2
Penganggur *Unemployed*	6.8	7.3	7.1	6.3	7.0
Luar Tenaga Buruh *Outside Labour Force*	56.9	52.2	60.0	56.3	64.8
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah *Graduates Labour Force Participation Rate*	83.0	85.3	83.5	85.3	84.0
Kadar Pengangguran Siswazah *Graduates Unemployment Rate*	2.4	2.4	2.3	1.9	2.1

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

19. Dengan peningkatan kos sara hidup di kawasan bandar Pulau Pinang, bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan kemampuan belia dari segi perumahan, gaji dan kestabilan kewangan dan untuk mengelakkan penghijrahan bakat muda dalam jangka panjang?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Dengan peningkatan kos sara hidup di kawasan bandar khususnya di Pulau Pinang yang sedang pesat membangun sebagai hab ekonomi dan teknologi, Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan belia terutamanya dari segi kemampuan memiliki rumah, kestabilan pendapatan serta jaminan masa depan kewangan. Justeru, beberapa strategi dan inisiatif jangka pendek serta jangka panjang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi negeri dengan kemampuan belia seterusnya mengelakkan penghijrahan bakat muda ke luar negeri.

    Dari segi perumahan, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) terus memperkukuh dasar Rumah Mampu Milik (kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku – RMKu) yang memberi keutamaan kepada golongan muda dan keluarga baharu berpendapatan sederhana.

    Penyediaan Rumah MutiaraKu yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri

selaras dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan' dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMKu pelbagai kategori menjelang tahun 2030.

Sehingga 31 Oktober 2025, pembekalan unit RMKu telah mencecah sebanyak 170,175 unit bersamaan 77.35% seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri membenarkan permohonan RMKu kepada pemohon yang berusia seawal 21 tahun dan ia memberi kelebihan kepada golongan muda untuk memiliki rumah pertama.

Mengikut data yang dikemaskini dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) sejak 2020 sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 13,365 tawaran telah diberikan kepada pemohon yang berkelayakan bagi golongan muda yang berada di bawah umur 40 tahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,722 pemohon telah menerima tawaran, sebanyak 3,909 pemohon dikenalpasti telah menolak tawaran dan sebanyak 4,734 pemohon merupakan penawaran berulang.

Antara inisiatif dalam membantu untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan belia, Kerajaan Persekutuan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) yang merupakan syarikat diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan telah memberikan kerjasama untuk lebih melibatkan diri bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. SJKP berperanan sebagai penjamin bagi kemudahan kewangan melalui panel-panel bank yang turut terlibat dalam skim ini.

Bagi membantu bakal pembeli rumah kali pertama, Skim Jaminan Kredit Perumahan telah diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM40 bilion oleh Kerajaan Persekutuan dengan had pembiayaan yang lebih tinggi, iaitu sehingga RM500,000.00 dengan tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun. Terkini skim ini ditawarkan melalui 15 institusi kewangan utama seperti di **LAMPIRAN B**.

Skim pembiayaan seperti ini membolehkan pihak institusi kewangan membantu golongan yang sukar mendapatkan

pinjaman dan golongan yang tidak mempunyai bukti pendapatan bulanan yang tetap tanpa mengira jenis pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menggalakkan pelaksanaan Skim Sewa Untuk Milik (*Rent to Own* – RTO) sebagai langkah membantu belia yang belum mampu menyediakan deposit awal untuk membeli rumah. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan Visi Penang2030 di bawah sasaran kedua dalam Inisiatif Strategik A1: Menangani isu kemampuan dan kepelbagaian perumahan dengan sasaran pembekalan sebanyak 22,000 unit RMM melalui Skim Sewa Beli menjelang tahun 2030. Sehingga kini, sebanyak 5,096 unit bersamaan dengan 23.16% telah disenaraikan untuk ditawarkan secara sewa beli.

Melalui Skim RTO ini, golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dari institusi kewangan masih boleh memiliki rumah dengan menandatangani perjanjian sewa beli dengan Kerajaan Negeri melalui LPNPP untuk tempoh 15 ke 20 tahun pada kadar faedah 0%. Unit tersebut seterusnya boleh dipindah milik kepada penyewa beli apabila bayaran penuh disempurnakan. Skim RTO ini melibatkan skim-skim perumahan jenis RMKu A, RMKu B dan RMKu C.

Di samping aspek perumahan, bakat muda di Negeri Pulau Pinang juga dikukuhkan dari segi kemampuan gaji dan kestabilan kewangan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuklah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), *Penang Skills Development Centre* (PSDC) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran dan kebolehpasaran untuk menerapkan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri berteknologi tinggi dan secara langsung melonjakkan kemampuan kewangan dalam kalangan belia malah mengelakkan penghijrahan dalam jangka panjang.

Berikut adalah beberapa pendekatan dan inisiatif yang berkaitan:

(i) Pertandingan Keusahawanan Belia (YEC) dan Dana Pembangunan Belia disediakan untuk memupuk semangat keusahawanan dan kepimpinan;

(ii) Pembangunan dan penawaran program latihan berimpak tinggi oleh PSDC khususnya dalam sektor berimpak tinggi seperti semikonduktor, automasi, mekatronik, reka bentuk cip dan Digitalisasi Industri (*Industry 4.0*) melalui program *Penang Semiconductor Industrial Skills Enhancement* (PeKIS) dan *Penang Chip Design Academy* (PCDA) yang menggunakan pendekatan '*train and place*' untuk menjamin setiap peserta menerima latihan teknikal yang relevan dan mendapat pekerjaan selepas tamat latihan; dan

(iii) Program NCER yang melibatkan penglibatan aktif golongan B40 dan belia di Pulau Pinang melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat, Usahawan Tani (IPR-INTAN) yang memfokuskan kepada penggunaan teknologi dan kaedah pertanian moden dalam meningkatkan pendapatan peserta dan produktiviti. Melalui penglibatan dalam program IPR-INTAN ini, para peserta akan memperoleh pendapatan minimum RM2,000.00 sebulan, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 serta berpeluang untuk menjadi Usahawan Tani.

Secara ringkas, strategi Kerajaan Negeri adalah dwifokus iaitu dengan meningkatkan kemampuan golongan belia melalui pendidikan dan kemahiran malah pada masa yang sama menawarkan insentif dan sokongan untuk pengurusan kewangan yang lebih baik serta mengurangkan sebahagian beban kos sara hidup.

LAMPIRAN A

PERINCIAN MENGIKUT JENIS RMKU DAN PERINGKAT PEMBANGUNAN SEJAK TAHUN 2008 SEHINGGA 31 OKTOBER 2025

JENIS RMKu	SIAP DIBINA (unit)	PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN (unit)	PERANCANGAN (unit)
RMKu A	23,017	4,029	6,944
RMKu B	15,592	5,741	13,030
RMKu C	22,562	25,195	54,065
Jumlah	61,171	34,965	74,039
Jumlah Keseluruhan	**170,175**		

LAMPIRAN B

SENARAI INSTITUSI KEWANGAN DI BAWAH SKIM JAMINAN KREDIT PERUMAHAN

BIL.	NAMA BANK
1.	Affin Bank Berhad
2.	AmBank Islamic Berhad
3.	Bank Simpanan Nasional Berhad
4.	Maybank Islamic Berhad
5.	Agro Bank Berhad
6.	Bank Islam Malaysia Berhad
7.	Hong Leong Bank Berhad
8.	MBSB Bank Berhad
9.	Alliance Bank Malaysia
10.	Bank Muamalat Malaysia
11.	Hong Leong Islamic Bank
12.	RHB Islamic Bank
13.	Alliance Islamic Bank
14.	Bank Rakyat Berhad
15.	Maybank Berhad

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

20. Apakah rancangan jangka panjang kerajaan untuk merapatkan jurang antara keperluan industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang dan kemahiran semasa belia Pulau Pinang untuk memasuki pasaran kerja?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Pembangunan industri berteknologi tinggi yang meliputi sektor elektrik dan elektronik, semikonduktor, automasi, reka cipta litar elektronik dan pembungkusan termaju semakin rancak membangun dan menjadi pemacu utama ekonomi di Negeri Pulau Pinang. Impak pembangunan tersebut mencipta keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan menuntut para belia supaya bersedia dengan kemahiran yang kukuh dan relevan dengan arus semasa.

Oleh yang demikian, rancangan jangka panjang akan menjadi penanda aras untuk merapatkan jurang keperluan industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang dan kemahiran semasa belia Pulau Pinang untuk memasuki pasaran kerja.

Untuk menyokong aspirasi tersebut, pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi menjadi agenda utama terutama golongan belia. Berikut adalah beberapa inisiatif penting yang merupakan pelan jangka panjang untuk pembangunan kemahiran belia:

(i) Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang;

1) Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang adalah inisiatif jangka panjang Kerajaan Negeri yang bertujuan memperkasa belia dengan kemahiran dalam bidang *Science, Technology, Engineering dan Mathematics* (STEM) untuk memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi di Negeri Pulau Pinang. Dalam memastikan laluan kerjaya yang jelas bagi graduan STEM untuk menyertai industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang, pendekatan yang digunakan adalah dengan menyediakan program latihan praktikal, bengkel, kursus sijil/ diploma dan peluang pembangunan kemahiran digital serta menggalakkan penyertaan belia dalam projek penyelidikan dan pembangunan, inkubasi teknologi dan inisiatif inovasi industri. Objektif utama pelan tindakan tersebut adalah seperti yang berikut:

a) Meningkatkan kebolehan belia melalui latihan STEM yang relevan dengan permintaan industri;

b) Mewujudkan kerjasama strategik antara kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta bagi memastikan kemahiran yang diajar sepadan dengan kehendak pasaran kerja; dan

c) Menarik dan membangunkan bakat tempatan untuk menyokong pertumbuhan sector teknologi tinggi seperti elektronik, reka bentuk cip, pembungkusan maju, dan digitalisasi.

(ii) Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030 (PPIP 2030);

1) Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030 (PPIP 2030) adalah strategi jangka panjang kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai

destinasi pelaburan pilihan dan pusat industri berteknologi tinggi. Pelan ini menekankan pembangunan infrastruktur industri, peningkatan daya saing syarikat tempatan serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi yang selaras dengan keperluan sektor elektronik, digital dan pembuatan. Melalui PPIP 2030, kerajaan negeri bertujuan memperkukuh ekosistem industri bersepadu yang menyokong inovasi, penyelidikan dan pembangunan serta peluang pekerjaan bernilai tinggi bagi belia tempatan sekali gus merapatkan jurang kemahiran antara tenaga kerja dan kehendak pasaran.

(iii) Pembangunan Digital Dan Latihan Kemahiran Khusus; dan

1) Pembangunan digital dan latihan kemahiran khusus di Negeri Pulau Pinang bertumpu kepada pemerkasaan belia dengan kemahiran digital dan teknikal yang relevan dengan industri berteknologi tinggi. Melalui inisiatif Digital Penang iaitu kampus pengaturcaraan *42 Penang* serta institusi latihan teknikal seperti Penang Skills Development Centre (PSDC), belia diberi peluang mengikuti latihan praktikal, pembangunan perisian, keselamatan siber dan kemahiran teknikal lain yang selaras dengan kehendak pasaran semasa.

(iv) Pusat Penyelidikan/ Reka Bentuk Cip Dan Pembungkusan Maju.

1) Pusat penyelidikan dan reka bentuk cip serta pembungkusan maju di Pulau Pinang bertujuan membangunkan kapasiti tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan serta inovasi teknologi cip elektronik. Dengan sokongan Kerajaan Negeri dan kerjasama industri, pusat ini menyediakan peluang latihan, penyelidikan, dan inkubasi teknologi yang membangunkan bakat tempatan mahir dalam reka bentuk cip dan pembungkusan maju.

Pelan strategik yang dibangunkan hendaklah dimanfaatkan oleh golongan belia agar wawasan Kerajaan Negeri bergerak seiring dan peluang yang terbuka perlu digunakan untuk kemajuan masa hadapan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

21. Berikan jumlah graduan baharu yang bekerja secara ketidakpadanan (job mismatch) dengan kelayakan pendidikan mereka di Pulau Pinang.

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Berdasarkan data terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2024, jumlah tenaga buruh berpendidikan tinggi di Pulau Pinang adalah seramai 380,000 orang. Sebanyak 93.9% daripada jumlah tersebut yang mewakili 356,700 orang bekerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi (skilled) dan ini menunjukkan padanan yang baik antara tahap pendidikan dan jenis pekerjaan.

    Oleh yang demikian, kira-kira 6.1% graduan yang dikesan berada dalam kategori pekerjaan di bawah tahap kelayakan pendidikan (job mismatch). Situasi ini menggambarkan bahawa walaupun sebahagian besar graduan di Negeri Pulau Pinang berjaya memperoleh pekerjaan yang setara dengan kelayakan mereka, masih terdapat segelintir yang bekerja di bawah tahap kemahiran akademik.

    Walau bagaimanapun, kadar tersebut adalah lebih rendah berbanding kadar nasional iaitu 15.8%. Pencapaian positif sebegini membuktikan bahawa pembangunan industri yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri berupaya memainkan peranan penting dalam menangani isu kesepadanan kemahiran graduan dengan pasaran kerja. Di samping itu, usaha

berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap graduan mendapat penempatan pekerjaan yang setara dengan tahap kemahiran mereka.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

22. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyelaraskan strategi pembangunan ekonomi dan sosialnya untuk memastikan belia dapat membina mata pencarian yang mampan, kukuh dan relevan tanpa perlu meninggalkan Negeri Pulau Pinang untuk peluang pekerjaan?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Untuk membendung penghijrahan belia demi peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang giat melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menyelaraskan strategi pembangunan ekonomi dan sosial. Kini, Negeri Pulau Pinang dikenali sebagai *Silicon Valley of the East* dengan ekosistem industri elektrik dan elektronik (*E&E*) yang kukuh dan pelbagai strategi diselaraskan untuk memastikan golongan belia tetap kukuh dan relevan tanpa perlu meninggalkan Negeri Pulau Pinang untuk peluang pekerjaan. Antara strategi yang telah dibuat adalah seperti yang berikut:

(i) **Pelaburan Strategik**

Melalui InvestPenang dan Penang Development Corporation (PDC), Kerajaan Negeri menarik pelaburan berkualiti tinggi dari syarikat multinasional (MNC) dan perusahaan tempatan;

(ii) **Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi**

Rentetan daripada pelaburan yang wujud, kehadiran syarikat-syarikat semikonduktor gergasi seperti Intel Malaysia, Advanced Micro Devices (AMD), Bosch dan lain-lain membuka peluang pekerjaan yang luas dalam bidang kejuruteraan, automasi dan teknologi digital yang sesuai dengan kemahiran belia berpendidikan tinggi. Senario ini malahan menarik minat belia dari negeri luar untuk berhijrah ke Pulau Pinang;

(iii) **Pembangunan Modal Insan dan Kemahiran Belia**

Pembangunan modal insan di peringkat akar umbi sangat dititikberatkan melalui pelbagai program *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) di peringkat sekolah. Seterusnya, program latihan yang ditawarkan mempunyai kesinambungan pada golongan belia melalui Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) iaitu Penang Skills Development Centre (PSDC) yang menawarkan program yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. TVET PSDC telah melahirkan 243 orang graduan pada tahun 2024 dan 2025. Daripada jumlah tersebut, 226 orang graduan yang mewakili 93% daripada jumlah keseluruhan telah mendapat penempatan pekerjaan. Statistik ini membuktikan bahawa strategi Kerajaan Negeri dalam pembinaan modal insan melahirkan tenaga mahir yang kukuh dan relevan dari segi kemampuan ekonomi dan sosial secara tidak langsung. Pembangunan modal insan juga meliputi pembiayaan biasiswa kepada pelajar cemerlang dalam bidang STEM melalui *Penang Future Foundation* (PFF) dengan keutamaan kepada mereka yang kembali bekerja di Pulau Pinang;

(iv) **Galakan Keusahawanan dan Ekonomi Kreatif**

Selain sektor perindustrian, Kerajaan Negeri turut memacu ekonomi kreatif dan keusahawanan sebagai strategi mapan memperkukuh kemampuan ekonomi dan sosial para belia. Antara inisiatif yang dijalankan termasuklah:

(i) Pelaksanaan kelas-kelas digital oleh Digital Penang di seluruh negeri bagi membuka peluang kepada golongan belia dan masyarakat untuk mendalami asas kemahiran digital. Usaha ini memperluas kesedaran awam terhadap potensi teknologi sebagai pemangkin utama pembangunan ekonomi masa hadapan, di samping memperkukuh keupayaan modal insan tempatan untuk beradaptasi dengan perubahan ekonomi berasaskan inovasi dan automasi. Menyokong syarikat pemula (*start-up*) tempatan dengan pembiayaan dan bimbingan perniagaan; dan

(ii) Menggalakkan belia menceburi bidang ekonomi kreatif melalui *Penang Creative Economy Agenda* (PCEA) yang bertujuan untuk memperkukuh bidang seni, reka bentuk, kandungan digital dan pelancongan budaya sebagai sektor berpotensi tinggi untuk belia kreatif. Di Negeri Pulau Pinang, sektor ini diangkat sebagai satu pemacu diversifikasi ekonomi yang bukan semata-mata bergantung kepada industri berat atau pengeluaran.

(v) **Pembangunan Sosial**

Untuk mengekalkan bakat muda di negeri ini, aspek keseimbangan hidup dan kemampanan sosial juga diseimbangi oleh Kerajaan Negeri melalui tawaran Perumahan Mampu Milik yang memberi keutamaan kepada golongan muda dan keluarga baharu berpendapatan sederhana. Dasar Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) membenarkan permohonan Rumah Mutiaraku (RMKu) kepada pemohon yang berusia seawal 21 tahun dan ia memberi kelebihan kepada golongan muda untuk memiliki rumah pertama; dan

(vi) **Penyelarasan Dasar dan Kerjasama Pelbagai Pihak**

Kerajaan Negeri menyelaras pembangunan yang bersepadu melalui Pelan Induk Visi Penang2030: "Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara" yang menjadi asas kepada pembangunan yang seimbang dengan mengambil kira kepentingan setiap lapisan masyarakat dan golongan belia tidak terkecuali.

Secara keseluruhan, melalui strategi bersepadu yang menggabungkan pembangunan ekonomi bernilai tinggi, pemerkasaan kemahiran, sokongan keusahawanan dan peningkatan kualiti hidup, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha memastikan belia dapat membina kerjaya mampan dan relevan tanpa perlu berhijrah untuk peluang pekerjaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

23. Berikan statistik premis kedai makan yang dikenakan tindakan / diarah tutup atas faktor ketidakpatuhan dari aspek kebersihan di Pulau Pinang pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Berdasarkan rekod dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), sebanyak 17,500 buah premis makanan telah diperiksa di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tempoh 2023 sehingga 2025. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 546 premis makanan telah dikenakan tindakan penutupan kerana didapati tidak mematuhi standard kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan. Perincian statistik premis kedai makanan yang diperiksa dan premis yang dikenakan tindakan penutupan adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PREMIS YANG TELAH DIPERIKSA	JUMLAH PREMIS YANG DIKENAKAN TINDAKAN PENUTUPAN
2023	5,745	52
2024	5,939	208
2025 (sehingga Oktober)	5,816	286

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVI)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR

24. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang tidak mengorbankan kemampuan ekonomi belia dan komuniti setempat?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang secara berterusan membantu mewujudkan peluang pekerjaan baharu berpendapatan tinggi bagi memberi manfaat kepada golongan belia khususnya dalam sektor kemahiran dan teknologi.

Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah memberi khidmat fasilitasi kepada pelabur baharu dalam pelaksanaan projek agar peluang pekerjaan dapat diwujudkan secara berterusan. Selain itu, InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat multinasional melokalisasikan rantaian bekalan (*supply chain*) dan menyediakan perkhidmatan padanan perniagaan (*business matching*) yang secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada perniagaan dan tenaga kerja tempatan.

Kerjasama berterusan turut dijalinkan antara InvestPenang dan agensi-agensi berkaitan bagi meneruskan usaha mempromosikan serta menarik pelaburan baharu sama ada daripada pelabur baharu mahupun penambahan pelaburan daripada pelabur sedia ada. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem pelaburan negeri tetapi juga membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

tempatan, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutamanya golongan belia yang berkemahiran.

Selain itu, *The Penang Career Assistance and Talent Centre* (Penang CAT Centre) terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan sumber manusia tempatan melalui pelaksanaan kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan membantu pencari kerja tempatan meningkatkan sumber pendapatan dan kebolehpasaran diri.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Penang CAT Centre ialah:

(i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya utama melalui pelaksanaan program *outreach* yang memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar, belia serta pencari kerja di seluruh Malaysia mengenai peluang pekerjaan di negeri ini;

(ii) Menjalin jangkauan proaktif dengan agensi-agensi pekerjaan bagi memahami dan mendapatkan maklumat tentang peluang pekerjaan aktif untuk dikongsi kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta platform media sosial rasmi Penang CAT Centre; dan

(iii) Bekerjasama dengan *Penang Science, Technology, Engineering and Mathematics* (Penang STEM) dalam mempromosikan program berasaskan kemahiran seperti *Technical Skills Learning* (TSL) bagi menggalakkan penyertaan belia yang tidak melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi untuk memperoleh kemahiran teknikal yang diperlukan oleh industri.

Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama dengan Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Human Resource Development Corporation (HRDCorp) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam mempromosikan serta melaksanakan pelbagai program latihan, *upskilling* dan kursus jangka pendek. Program-program ini memberi manfaat secara langsung kepada golongan belia agar mereka dapat meningkatkan kemahiran dan berpeluang mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Dengan pelbagai pelan perancangan dan kerjasama strategik yang dilaksanakan ini, peluang pekerjaan dalam pelbagai industri di Pulau Pinang semakin berkembang sekali gus memberi ruang yang lebih luas kepada golongan belia untuk menyertai pasaran kerja berkemahiran tinggi. Usaha berterusan ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negeri yang pesat tidak mengorbankan kemampuan ekonomi belia dan komuniti setempat, sebaliknya memperkukuh pembangunan ekonomi rakyat secara menyeluruh dan mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

1. Senaraikan kilang-kilang yang telah dan akan beroperasi di *Penang Technology Park* (PTP).

   (a) Nyatakan bilangan pekerja tempatan serta pekerja asing di kilang tersebut mengikut kewarganegaraan.

   (b) Di manakah penempatan pekerja-pekerja asing tersebut?

   (c) Apakah perancangan trafik bila mana semua kilang ini beroperasi sepenuhnya nanti?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Antara kilang-kilang yang telah dan akan beroperasi di *Penang Technology Park* (PTP) berdasarkan pengumuman termasuklah INV New Material Technology, Senior Material Co. Ltd., Trensor Malaysia dan SuperSIC Malaysia.

   (a) Menurut Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang (JIMPP), maklumat terperinci mengenai bilangan pekerja tempatan serta pekerja asing di kilang tersebut mengikut kewarganegaraan di PTP adalah di bawah tanggungjawab pihak pemaju serta agensi teknikal negeri. Walau bagaimanapun, JIMPP menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan berkala bagi memastikan pekerja asing di kawasan tersebut mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah.

(b) JIMPP juga melaporkan bahawa data terperinci berhubung jumlah atau penempatan pekerja asing di tapak berkenaan tidak disimpan. Maklumat tersebut direkod dan disahkan melalui sistem FWCMS (*Foreign Workers Centralised Management System*) yang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

(c) Perancangan trafik bila mana semua kilang-kilang ini beroperasi sepenuhnya nanti adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan pelebaran Jalan Tun Hamdan Sheik Tahir kepada lapan (8) lorong dua hala dari persimpangan Persiaran Perindustrian Bertam Perdana hingga Jalan Mekar Sari 1;

(ii) Melaksanakan pelebaran jalan Lebuh Bertam Perdana kepada enam (6) lorong dua hala dari persimpangan Persiaran Perindustrian Bertam Perdana hingga Jalan Paya Keladi;

(iii) Melaksanakan pelebaran jalan Persiaran Perindustrian Bertam Perdana kepada enam (6) lorong dua hala dari persimpangan Lebuh Bertam Perdana hingga Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir;

(iv) Membina jalan baru enam (6) lorong yang menyambungi Persiaran Perindustrian Bertam Perdana dengan Jalan Mekar Sari 1; dan

(v) Membina jalan baru enam (6) lorong yang menyambungi Jalan Mekar Sari 1 dengan Jalan Paya Keladi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL YB BUKHORI BIN GHAZALI

2. Nyatakan bilangan kemalangan dan kemalangan maut di sepanjang Jalan Lebuh Bertam Perdana dari tahun 2020 hingga terkini.

   (a) Senaraikan sebab-sebab kemalangan tersebut.

   (b) Adakah terdapat keperluan untuk mengurangkan had laju di kawasan yang berkaitan?

   (c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mengurangkan kemalangan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Bilangan kemalangan dan kemalangan maut di sepanjang Jalan Lebuh Bertam Perdana dari tahun 2020 hingga terkini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Di antara sebab-sebab berlakunya kemalangan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (b) Terdapat keperluan untuk mengurangkan had laju di kawasan Jalan Bertam Perdana kerana jalan tersebut berhampiran kawasan perumahan, sekolah, masjid dan premis perniagaan dimana kehadiran pejalan kaki, penunggang motosikal dan laluan keluar masuk ke kawasan perumahan.

(c) Tindakan penguatkuasaan dengan menjalankan rondaan secara berkala, tindakan penguatkuasaan bagi pengguna yang melakukan kesalahan jalan raya serta bekerjasama dengan lain- lain agensi seperti JPJ dalam memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan jalan raya dan seterusnya dapat membantu mengurangkan kemalangan jalan raya di laluan tersebut.

LAMPIRAN A

Nyatakan bilangan kemalangan dan kemalangan maut di sepanjang Jalan Lebuh Bertam Perdana dari tahun 2020 hingga terkini.

Bilangan kemalangan dan kemalangan maut di sepanjang Jalan Lebuh Bertam Perdana dari tahun 2020 hingga terkini adalah seperti berikut:

TAHUN	MAUT	PARAH	RINGAN	BILANGAN KEMALANGAN
2020	0	0	0	0
2021	0	1	0	1
2022	0	0	5	5
2023	0	0	16	16
2024	0	0	15	15
2025	3	1	10	14
JUMLAH	3	2	46	51

(a) Senaraikan sebab-sebab kemalangan tersebut?

Berikut merupakan sebab-sebab punca kemalangan. Diantaranya adalah seperti berikut:

TAHUN	TAK NAMPAK / PERASAN ADA KEND/ OBJEK/ BINATANG DIDEPAN ATAU SEBELAH (SAMA ARAH)	CUAI KELUAR / MASUK SIMPANG JALAN SUSUR	TERBABAS	MENGEKOR RAPAT	LEKA/ BERANGAN/ LETIH/ MENGANTUK
2020	0	0	0	0	0
2021	0	0	1	0	0
2022	1	3	1	0	0
2023	2	4	7	0	1
2024	2	4	4	1	2
2025	2	1	11	0	0
JUMLAH	7	12	24	1	3

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL YB BUKHORI BIN GHAZALI

3. Nyatakan keluasan tanah pertanian di daerah SPU mengikut DUN bagi tahun 2022 hingga terkini.

   (a) Berapakah keluasan tanah tersebut yang telah ditukar status kepada tanah kediaman dan tanah industri?

   (b) Senaraikan tanah-tanah yang telah ditukar status tanpa kebenaran.

   (c) Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap tanah tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Pentadbiran ini ingin memaklumkan bahawa maklumat keluasan tanah bagi kategori pertanian di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi tahun 2022 hingga 2024 tidak dapat disediakan pada masa ini memandangkan sistem pangkalan data semasa yang digunakan hanya merekodkan data keluasan terkini sahaja dan tidak mengekalkan rekod sejarah tahun-tahun sebelumnya.

   Oleh yang demikian, berdasarkan semakan terkini bagi tahun 2025, jumlah keseluruhan tanah yang dikategorikan sebagai tanah pertanian di Daerah SPU adalah sebanyak 13,141.0738 hektar.

   (a) Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat khusus berkaitan data keluasan tanah pertanian mengikut

DUN. Walau bagaimanapun, hasil semakan dengan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU) mendapati bahawa keluasan tanah pertanian yang telah diluluskan permohonan tukar syarat kepada tanah kediaman dan industri bagi tempoh 2022 hingga 2025 adalah seperti berikut:

MENGUBAH KATEGORI PENGGUNAAN TANAH DARIPADA 'TIADA' KEPADA 'BANGUNAN'

BIL.	MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)	TAHUN
1	13	15.7576	2022
2	3	3.4729	2023
3	12	0.6045	2024
4	11	15.3300	2024
5	6	1.5560	2024
6	13	31.8550	2025
JUMLAH KELUASAN		**68.5760**	

MENGUBAH KATEGORI PENGGUNAAN TANAH DARIPADA 'TIADA' KEPADA 'PERINDUSTRIAN'

BIL.	MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)	TAHUN
1	12	1.1837	2022
2	12	0.8422	2023
3	12	0.6070	2024
4	3	0.3247	2024
JUMLAH KELUASAN		**2.9576**	

(b) Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat terperinci berhubung keluasan tanah pertanian yang telah ditukar status tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun, hasil semakan dengan PDT SPU menunjukkan terdapat sebanyak 21 kes direkodkan di Daerah SPU bagi tempoh 2022 hingga 2025 seperti berikut:

BIL	NAMA DUN	BIL KES
1	N.01 - Penaga	0
2	N.02 - Bertam	1
3	N.03 - Pinang Tunggal	16
4	N.04 - Permatang Berangan	0
5	N.05 - Sungai Dua	4
6	N.06 - Telok Ayer Tawar	0
7	N.07 - Sungai Puyu	0
JUMLAH		**21**

(c) Bagi kes tanah pertanian yang telah ditukar status tanpa kebenaran, tindakan akan diambil di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828) yang membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengenakan penalti, mengarahkan pemilik memulihkan semula tanah kepada kegunaan asal atau melaksanakan tindakan penguatkuasaan lain yang difikirkan wajar.

Sebagai langkah penguatkuasaan yang lebih berkesan, Pentadbiran ini telah mewartakan kadar denda baharu bagi kes-kes pelanggaran syarat tanah melalui Warta Bil. 29 [Pg.P.U. 20] bertarikh 17 Julai 2025. Pewartaan ini telah diedarkan kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk pelaksanaan di peringkat daerah.

Sebelum pewartaan tersebut, tindakan lanjut oleh PDT agak terhad kerana tiada kadar denda yang berkuat kuasa untuk dikenakan di bawah Seksyen 127 KTN. Dengan penguatkuasaan warta baharu ini, PDT kini boleh mengambil tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh terhadap mana-mana pemilik tanah yang menukar kategori atau syarat penggunaan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

4. Berapakah jumlah aduan yang diterima oleh MBSP setiap bulan mengikut DUN daripada tahun 2023 hingga kini?

   (a) Untuk setiap bulan, berapa peratus aduan yang telah diselesaikan?

   (b) Berapakah tempoh masa yang ditetapkan untuk setiap aduan?

   (c) Apakah langkah seterusnya jika aduan tidak dapat diselesaikan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Jumlah keseluruhan aduan yang diterima oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) setiap bulan mengikut DUN bermula tahun 2023 hingga Oktober 2025 adalah sebanyak 89,778 aduan. Jumlah aduan terperinci mengikut bulan dan tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Peratusan aduan yang telah diselesaikan mengikut bulan adalah seperti perincian di **LAMPIRAN A**.

   (b) Tempoh masa bagi akuan penerimaan aduan adalah dalam satu (1) hari bekerja daripada tarikh diterima, manakala maklum balas kepada pengadu diberikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

(c) Sekiranya sesuatu aduan tidak dapat diselesaikan, perkara tersebut akan dibincangkan di peringkat pengurusan untuk pertimbangan lanjut. Tindakan susulan akan diambil berdasarkan jenis dan keperluan kes. Jika perlu, satu sesi perbincangan akan diadakan bersama pengadu, pihak yang diadu serta jabatan dalaman yang terlibat bagi mencari penyelesaian yang sesuai.

LAMPIRAN A

BULAN	JAN 2023					FEB 2023					MAC 2023				
DUN	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	135	5.9%	2138	94.1%	2273	186	8.6%	1977	91.4%	2163	222	9.2%	2200	90.8%	2422
N10 - Seberang Jaya	6	7.6%	73	92.4%	79	12	15.4%	66	84.6%	78	8	7.4%	100	92.6%	108
N14 - Machang Bubuk	7	9.7%	65	90.3%	72	4	5.8%	65	94.2%	69	7	12.1%	51	87.9%	58
N17 - Bukit Tengah	5	7.5%	62	92.5%	67	2	4.7%	41	95.3%	43	2	3.3%	58	96.7%	60
N18 - Bukit Tambun	1	2.0%	48	98.0%	49	3	9.7%	28	90.3%	31	3	6.4%	44	93.6%	47
N3 - Pinang Tunggal	3	5.6%	51	94.4%	54	4	6.5%	58	93.5%	62	2	4.0%	48	96.0%	50
N20 - Sungai Bakap	3	7.5%	37	92.5%	40	2	5.6%	34	94.4%	36	3	10.3%	26	89.7%	29
N15 - Padang Lalang	1	3.7%	26	96.3%	27	1	2.8%	35	97.2%	36	1	2.6%	37	97.4%	38
N7 - Sungai Puyu	1	6.3%	15	93.8%	16	1	5.0%	19	95.0%	20	2	11.1%	16	88.9%	18
N16 - Perai	3	8.8%	31	91.2%	34	4	16.7%	20	83.3%	24	2	8.0%	23	92.0%	25
N13 - Berapit		0.0%	13	100.0%	13	0	0.0%	15	100.0%	15	1	6.3%	15	93.8%	16
N4 - Permatang Berangan		0.0%	8	100.0%	8	0	0.0%	19	100.0%	19	1	8.3%	11	91.7%	12
N8 - Bagan Jermal	1	9.1%	10	90.9%	11	0	0.0%	13	100.0%	13	3	21.4%	11	78.6%	14
N2 - Bertam		0.0%	11	100.0%	11	0	0.0%	15	100.0%	15	1	6.7%	14	93.3%	15
N9 - Bagan Dalam		0.0%	15	100.0%	15	2	18.2%	9	81.8%	11	0	0.0%	8	100.0%	8
N19 - Jawi		0.0%	11	100.0%	11	0	0.0%	11	100.0%	11	1	6.3%	15	93.8%	16
N5 - Sungai Dua	1	4.8%	20	95.2%	21	1	5.9%	16	94.1%	17	1	6.7%	14	93.3%	15
N11 - Permatang Pasir		0.0%	7	100.0%	7	4	25.0%	12	75.0%	16	1	14.3%	6	85.7%	7
N6 - Telok Ayer Tawar	1	8.3%	11	91.7%	12	2	10.0%	18	90.0%	20	1	6.7%	14	93.3%	15
N12 - Penanti		0.0%	4	100.0%	4	0	0.0%	8	100.0%	8	0	0.0%	9	100.0%	9
N21 - Sungai Acheh		0.0%	6	100.0%	6	1	9.1%	10	90.9%	11	1	14.3%	6	85.7%	7
N1 - Penaga	1	16.7%	5	83.3%	6	1	20.0%	4	80.0%	5	1	33.3%	2	66.7%	3
Grand Jumlah	169	6.0%	2667	94.0%	2836	230	8.4%	2493	91.6%	2723	264	8.8%	2728	91.2%	2992

BULAN	APR 2023					MEI 2023					JUN 2023				
DUN	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	205	12.2%	1482	87.8%	1687	194	9.0%	1962	91.0%	2156	184	12.0%	1355	88.0%	1539
N10 - Seberang Jaya	0	0.0%	36	100.0%	36	8	9.1%	80	90.9%	88	7	8.8%	73	91.3%	80
N14 - Machang Bubuk	5	8.5%	54	91.5%	59	7	7.9%	82	92.1%	89	3	3.5%	83	96.5%	86
N17 - Bukit Tengah	6	11.5%	46	88.5%	52	2	4.2%	46	95.8%	48	4	4.4%	87	95.6%	91
N18 - Bukit Tambun	4	21.1%	15	78.9%	19	2	4.7%	41	95.3%	43	11	13.9%	68	86.1%	79
N3 - Pinang Tunggal	3	6.3%	45	93.8%	48	2	5.0%	38	95.0%	40	4	7.4%	50	92.6%	54
N20 - Sungai Bakap	5	13.9%	31	86.1%	36	3	8.8%	31	91.2%	34	14	17.5%	66	82.5%	80
N15 - Padang Lalang	2	6.5%	29	93.5%	31	6	14.6%	35	85.4%	41	7	11.1%	56	88.9%	63
N7 - Sungai Puyu	1	7.1%	13	92.9%	14	2	9.1%	20	90.9%	22	4	16.0%	21	84.0%	25
N16 - Perai	3	18.8%	13	81.3%	16	0	0.0%	25	100.0%	25	1	2.9%	33	97.1%	34
N13 - Berapit	2	14.3%	12	85.7%	14	1	10.0%	9	90.0%	10	4	16.0%	21	84.0%	25
N4 - Permatang Berangan	2	33.3%	4	66.7%	6	0	0.0%	25	100.0%	25	3	20.0%	12	80.0%	15
N8 - Bagan Jermal	2	20.0%	8	80.0%	10	2	18.2%	9	81.8%	11	2	14.3%	12	85.7%	14
N2 - Bertam	1	6.7%	14	93.3%	15	3	14.3%	18	85.7%	21	4	21.1%	15	78.9%	19
N9 - Bagan Dalam	0	0.0%	2	100.0%	2	2	33.3%	4	66.7%	6	3	18.8%	13	81.3%	16
N19 - Jawi	1	10.0%	9	90.0%	10	2	25.0%	6	75.0%	8	0	0.0%	12	100.0%	12
N5 - Sungai Dua	1	11.1%	8	88.9%	9	2	16.7%	10	83.3%	12	1	3.6%	27	96.4%	28
N11 - Permatang Pasir	2	18.2%	9	81.8%	11	0	0.0%	7	100.0%	7	0	0.0%	21	100.0%	21
N6 - Telok Ayer Tawar	2	33.3%	4	66.7%	6	0	0.0%	10	100.0%	10	5	17.9%	23	82.1%	28
N12 - Penanti	1	9.1%	10	90.9%	11	0	0.0%	15	100.0%	15	1	12.5%	7	87.5%	8
N21 - Sungai Acheh	0	0.0%	3	100.0%	3	1	16.7%	5	83.3%	6	0	0.0%	3	100.0%	3
N1 - Penaga	1	16.7%	5	83.3%	6	0	0.0%	13	100.0%	13	0	0.0%	5	100.0%	5
Grand Jumlah	249	11.9%	1852	88.1%	2101	239	8.8%	2491	91.2%	2730	262	11.3%	2063	88.7%	2325

BULAN	JUL 2023						OGOS 2023						SEPT 2023					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain		188	12.4%	1324	87.6%	1512		162	10.3%	1413	89.7%	1575		131	9.1%	1308	90.9%	1439
N10 - Seberang Jaya		13	10.7%	108	89.3%	121		13	12.9%	88	87.1%	101	1	16	12.2%	114	87.0%	131
N14 - Machang Bubuk		7	6.9%	95	93.1%	102		6	6.2%	91	93.8%	97		11	14.1%	67	85.9%	78
N17 - Bukit Tengah		18	16.4%	92	83.6%	110	1	11	12.6%	75	86.2%	87		12	9.7%	112	90.3%	124
N18 - Bukit Tambun		9	12.0%	66	88.0%	75		16	15.0%	91	85.0%	107		17	18.3%	76	81.7%	93
N3 - Pinang Tunggal		11	11.2%	87	88.8%	98		7	10.9%	57	89.1%	64		5	7.5%	62	92.5%	67
N20 - Sungai Bakap		22	22.4%	76	77.6%	98		14	17.9%	64	82.1%	78		19	23.5%	62	76.5%	81
N15 - Padang Lalang		10	12.8%	68	87.2%	78		8	11.8%	60	88.2%	68		6	13.3%	39	86.7%	45
N7 - Sungai Puyu		10	18.2%	45	81.8%	55		11	18.6%	48	81.4%	59		9	15.5%	49	84.5%	58
N16 - Perai		5	13.2%	33	86.8%	38		2	4.9%	39	95.1%	41		4	10.3%	35	89.7%	39
N13 - Berapit		3	8.1%	34	91.9%	37		3	5.4%	53	94.6%	56		6	19.4%	25	80.6%	31
N4 - Permatang Berangan		0	0.0%	29	100.0%	29		2	11.8%	15	88.2%	17		3	9.7%	28	90.3%	31
N8 - Bagan Jermal	1	6	19.4%	24	77.4%	31		1	5.3%	18	94.7%	19		9	22.0%	32	78.0%	41
N2 - Bertam		3	8.6%	32	91.4%	35			0.0%	36	100.0%	36		2	4.9%	39	95.1%	41
N9 - Bagan Dalam		3	11.5%	23	88.5%	26		7	14.6%	41	85.4%	48		7	23.3%	23	76.7%	30
N19 - Jawi		5	22.7%	17	77.3%	22		2	11.1%	16	88.9%	18		1	4.5%	21	95.5%	22
N5 - Sungai Dua		0	0.0%	23	100.0%	23		2	10.0%	18	90.0%	20		2	8.3%	22	91.7%	24
N11 - Permatang Pasir		5	27.8%	13	72.2%	18		1	5.3%	18	94.7%	19		3	12.5%	21	87.5%	24
N6 - Telok Ayer Tawar		2	10.0%	18	90.0%	20		4	22.2%	14	77.8%	18		7	25.9%	20	74.1%	27
N12 - Penanti		3	15.8%	16	84.2%	19			0.0%	9	100.0%	9		0	0.0%	13	100.0%	13
N21 - Sungai Acheh		0	0.0%	5	100.0%	5		1	6.3%	15	93.8%	16		5	35.7%	9	64.3%	14
N1 - Penaga		1	11.1%	8	88.9%	9		1	10.0%	9	90.0%	10		0	0.0%	6	100.0%	6
Grand Jumlah	1	324	12.7%	2236	87.3%	2561	1	274	10.7%	2288	89.3%	2563	1	275	11.2%	2183	88.8%	2459

BULAN	OKT 2023						NOV 2023						DIS 2023						JUMLAH TAHUN 2023
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	
Lain-lain	1	127	7.9%	1483	92.1%	1611	1	161	10.5%	1365	89.4%	1527	2	123	8.2%	1374	91.7%	1499	21403
N10 - Seberang Jaya	1	3	2.7%	107	96.4%	111		6	6.1%	92	93.9%	98		9	8.4%	98	91.6%	107	1138
N14 - Machang Bubuk		5	4.5%	105	95.5%	110		14	12.7%	96	87.3%	110		11	7.6%	134	92.4%	145	1075
N17 - Bukit Tengah		6	5.0%	114	95.0%	120		13	11.8%	97	88.2%	110		6	8.1%	68	91.9%	74	986
N18 - Bukit Tambun		11	8.9%	112	91.1%	123		6	6.6%	85	93.4%	91		5	5.3%	89	94.7%	94	851
N3 - Pinang Tunggal		5	7.6%	61	92.4%	66		7	11.3%	55	88.7%	62		9	9.0%	91	91.0%	100	765
N20 - Sungai Bakap	1	9	9.9%	81	89.0%	91		5	7.4%	63	92.6%	68		6	9.5%	57	90.5%	63	734
N15 - Padang Lalang		4	5.3%	71	94.7%	75		6	9.0%	61	91.0%	67		0	0.0%	35	100.0%	35	604
N7 - Sungai Puyu	1	5	7.4%	62	91.2%	68		7	11.1%	56	88.9%	63		6	11.5%	46	88.5%	52	470
N16 - Perai		1	1.9%	52	98.1%	53		4	12.5%	28	87.5%	32		3	12.5%	21	87.5%	24	385
N13 - Berapit		1	2.1%	46	97.9%	47		2	9.1%	20	90.9%	22		3	13.0%	20	87.0%	23	309
N4 - Permatang Berangan		2	8.3%	22	91.7%	24		2	10.5%	17	89.5%	19		2	5.0%	38	95.0%	40	245
N8 - Bagan Jermal		3	7.7%	36	92.3%	39		5	17.9%	23	82.1%	28		4	20.0%	16	80.0%	20	251
N2 - Bertam		6	14.6%	35	85.4%	41	1	6	19.4%	24	77.4%	31		3	15.0%	17	85.0%	20	300
N9 - Bagan Dalam		4	16.7%	20	83.3%	24		3	9.1%	30	90.9%	33		2	8.3%	22	91.7%	24	243
N19 - Jawi		2	6.7%	28	93.3%	30		2	6.9%	27	93.1%	29		4	16.7%	20	83.3%	24	213
N5 - Sungai Dua		3	13.6%	19	86.4%	22		1	5.3%	18	94.7%	19		2	9.5%	19	90.5%	21	231
N11 - Permatang Pasir		4	17.4%	19	82.6%	23		1	6.3%	15	93.8%	16		10	45.5%	12	54.5%	22	191
N6 - Telok Ayer Tawar		4	14.3%	24	85.7%	28		10	24.4%	31	75.6%	41		4	16.7%	20	83.3%	24	249
N12 - Penanti		1	12.5%	7	87.5%	8		2	16.7%	10	83.3%	12		1	3.8%	25	96.2%	26	142
N21 - Sungai Acheh		0	0.0%	17	100.0%	17		2	12.5%	14	87.5%	16		6	33.3%	12	66.7%	18	122
N1 - Penaga		0	0.0%	10	100.0%	10		0	0.0%	7	100.0%	7		2	11.1%	16	88.9%	18	98
Grand Jumlah	4	206	7.5%	2531	92.3%	2741	2	265	10.6%	2234	89.3%	2501	2	221	8.9%	2250	91.0%	2473	31005

BULAN	JAN 2024						FEB 2024					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	24	11	0.7%	1553	97.8%	1588	18	44	3.5%	1201	95.1%	1263
N10 - Seberang Jaya		0	0.0%	104	100.0%	104		5	4.9%	98	95.1%	103
N14 - Machang Bubuk	4	3	2.6%	107	93.9%	114	1	7	6.9%	94	92.2%	102
N17 - Bukit Tengah	3	2	2.3%	81	94.2%	86	2	8	11.4%	59	84.3%	70
N18 - Bukit Tambun		0	0.0%	97	100.0%	97	4	4	5.5%	65	89.0%	73
N3 - Pinang Tunggal		0	0.0%	86	100.0%	86		1	1.5%	65	98.5%	66
N20 - Sungai Bakap	2	2	3.5%	53	93.0%	57		1	2.1%	47	97.9%	48
N15 - Padang Lalang	2	0	0.0%	56	96.6%	58	1	3	6.3%	44	91.7%	48
N7 - Sungai Puyu		2	4.4%	43	95.6%	45		7	19.4%	29	80.6%	36
N16 - Perai	1	1	2.9%	32	94.1%	34	1	1	2.9%	33	94.3%	35
N13 - Berapit		3	6.3%	45	93.8%	48		4	10.8%	33	89.2%	37
N4 - Permatang Berangan		0	0.0%	48	100.0%	48		0	0.0%	25	100.0%	25
N8 - Bagan Jermal	1	5	15.6%	26	81.3%	32		2	11.8%	15	88.2%	17
N2 - Bertam		0	0.0%	43	100.0%	43		0	0.0%	20	100.0%	20
N9 - Bagan Dalam	2	7	20.6%	25	73.5%	34		3	10.0%	27	90.0%	30
N19 - Jawi	1	1	2.8%	34	94.4%	36		0	0.0%	18	100.0%	18
N5 - Sungai Dua	1	0	0.0%	26	96.3%	27		2	6.3%	30	93.8%	32
N11 - Permatang Pasir	1	0	0.0%	37	97.4%	38		0	0.0%	18	100.0%	18
N6 - Telok Ayer Tawar		0	0.0%	23	100.0%	23		2	10.0%	18	90.0%	20
N12 - Penanti		0	0.0%	8	100.0%	8	1	0	0.0%	20	95.2%	21
N21 - Sungai Acheh		0	0.0%	16	100.0%	16	1	0	0.0%	16	94.1%	17
N1 - Penaga		0	0.0%	5	100.0%	5		2	22.2%	7	77.8%	9
Grand Jumlah	42	38	1.4%	2548	97.0%	2627	29	96	4.6%	1982	94.0%	2108

BULAN	MAC 2024						APR 2024					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	18	78	5.6%	1304	93.1%	1400	27	84	5.8%	1347	92.4%	1458
N10 - Seberang Jaya	4	8	6.0%	121	91.0%	133	3	4	4.0%	93	93.0%	100
N14 - Machang Bubuk	2	10	7.6%	119	90.8%	131	1	9	7.6%	108	91.5%	118
N17 - Bukit Tengah	1	4	4.9%	77	93.9%	82	4	6	8.1%	64	86.5%	74
N18 - Bukit Tambun		5	5.6%	85	94.4%	90	2	5	6.0%	76	91.6%	83
N3 - Pinang Tunggal	1	2	2.7%	72	96.0%	75	1	2	2.4%	80	96.4%	83
N20 - Sungai Bakap		4	6.2%	61	93.8%	65	2	2	3.4%	54	93.1%	58
N15 - Padang Lalang	2	2	3.1%	60	93.8%	64	2	6	10.2%	51	86.4%	59
N7 - Sungai Puyu		10	20.4%	39	79.6%	49	1	8	15.1%	44	83.0%	53
N16 - Perai		4	7.5%	49	92.5%	53		5	12.2%	36	87.8%	41
N13 - Berapit		3	7.1%	39	92.9%	42		1	2.5%	39	97.5%	40
N4 - Permatang Berangan		1	3.7%	26	96.3%	27		2	5.1%	37	94.9%	39
N8 - Bagan Jermal		5	16.7%	25	83.3%	30		6	20.7%	23	79.3%	29
N2 - Bertam		0	0.0%	16	100.0%	16		0	0.0%	21	100.0%	21
N9 - Bagan Dalam		2	8.7%	21	91.3%	23	1	3	12.0%	21	84.0%	25
N19 - Jawi		4	19.0%	17	81.0%	21		0	0.0%	19	100.0%	19
N5 - Sungai Dua	1	2	8.0%	22	88.0%	25		1	9.1%	10	90.9%	11
N11 - Permatang Pasir		0	0.0%	13	100.0%	13		3	7.9%	35	92.1%	38
N6 - Telok Ayer Tawar		3	17.6%	14	82.4%	17		3	20.0%	12	80.0%	15
N12 - Penanti	1	0	0.0%	17	94.4%	18	1	1	6.7%	13	86.7%	15
N21 - Sungai Acheh		1	8.3%	11	91.7%	12		1	6.3%	15	93.8%	16
N1 - Penaga	1	2	13.3%	12	80.0%	15		1	5.3%	18	94.7%	19
Grand Jumlah	31	150	6.2%	2220	92.5%	2401	45	153	6.3%	2216	91.8%	2414

BULAN	MEI 2024						JUN 2024						BULAN	JUL 2024				
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI	
Lain-lain	24	134	7.7%	1579	90.9%	1737	27	84	5.9%	1317	92.2%	1428	Lain-lain	38	95	5.6%	1577	92.2%
N10 - Seberang Jaya	4	12	7.5%	143	89.9%	159		6	5.3%	108	94.7%	114	N10 - Seberang Jaya	4	7	4.8%	135	92.5%
N14 - Machang Bubuk	5	7	5.6%	112	90.3%	124	2	3	2.6%	110	95.7%	115	N14 - Machang Bubuk	2	10	8.0%	113	90.4%
N17 - Bukit Tengah	4	8	8.5%	82	87.2%	94	3	7	7.4%	84	89.4%	94	N17 - Bukit Tengah	11	12	9.3%	106	82.2%
N18 - Bukit Tambun	3	4	4.7%	78	91.8%	85	9	3	3.0%	88	88.0%	100	N18 - Bukit Tambun	6	3	3.4%	80	89.9%
N3 - Pinang Tunggal	1	10	8.4%	108	90.8%	119	1	2	2.4%	80	96.4%	83	N3 - Pinang Tunggal	4	4	5.5%	65	89.0%
N20 - Sungai Bakap	4	8	8.9%	78	86.7%	90	2	5	8.3%	53	88.3%	60	N20 - Sungai Bakap	2	4	8.3%	42	87.5%
N15 - Padang Lalang	1	4	6.2%	60	92.3%	65	5	6	11.5%	41	78.8%	52	N15 - Padang Lalang	3	4	6.0%	60	89.6%
N7 - Sungai Puyu	2	4	6.3%	57	90.5%	63	2	7	17.5%	31	77.5%	40	N7 - Sungai Puyu	4	6	16.7%	26	72.2%
N16 - Perai		2	7.1%	26	92.9%	28	1	3	9.4%	28	87.5%	32	N16 - Perai	2	4	8.2%	43	87.8%
N13 - Berapit		4	11.8%	30	88.2%	34		5	14.3%	30	85.7%	35	N13 - Berapit	1	3	5.5%	51	92.7%
N4 - Permatang Berangan		5	11.4%	39	88.6%	44	1	1	3.4%	27	93.1%	29	N4 - Permatang Berangan		3	6.4%	44	93.6%
N8 - Bagan Jermal	1	4	13.3%	25	83.3%	30		2	7.1%	26	92.9%	28	N8 - Bagan Jermal	3	9	19.1%	35	74.5%
N2 - Bertam		3	11.1%	24	88.9%	27		1	4.8%	20	95.2%	21	N2 - Bertam		2	8.0%	23	92.0%
N9 - Bagan Dalam		3	10.7%	25	89.3%	28		1	5.0%	19	95.0%	20	N9 - Bagan Dalam	1	2	6.3%	29	90.6%
N19 - Jawi	1	0	0.0%	29	96.7%	30		1	4.3%	22	95.7%	23	N19 - Jawi		2	6.3%	30	93.8%
N5 - Sungai Dua		1	3.6%	27	96.4%	28		1	5.0%	19	95.0%	20	N5 - Sungai Dua	1	3	10.0%	26	86.7%
N11 - Permatang Pasir	1	1	6.3%	14	87.5%	16	2	3	12.5%	19	79.2%	24	N11 - Permatang Pasir			0.0%	26	100.0%
N6 - Telok Ayer Tawar		1	2.5%	39	97.5%	40		0	0.0%	15	100.0%	15	N6 - Telok Ayer Tawar		2	8.7%	21	91.3%
N12 - Penanti		0	0.0%	18	100.0%	18		0	0.0%	17	100.0%	17	N12 - Penanti	1	2	9.1%	19	86.4%
N21 - Sungai Acheh		1	5.6%	17	94.4%	18		1	9.1%	10	90.9%	11	N21 - Sungai Acheh	1	3	15.8%	15	78.9%
N1 - Penaga		2	22.2%	7	77.8%	9	1	0	0.0%	3	75.0%	4	N1 - Penaga			0.0%	8	100.0%
Grand Jumlah	51	218	7.6%	2617	90.7%	2886	56	142	6.0%	2167	91.6%	2365	Grand Jumlah	84	180	6.3%	2574	90.7%

	OGOS 2024						BULAN	SEPT 2024						OKT 2025					
JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
1710	66	57	3.7%	1403	91.9%	1526	Lain-lain	81	69	3.5%	1831	92.4%	1981	101	84	4.3%	1768	90.5%	1953
146	7	3	2.3%	119	92.2%	129	N10 - Seberang Jaya	4	2	1.6%	121	95.3%	127	10	7	4.4%	141	89.2%	158
125	8	6	4.9%	109	88.6%	123	N14 - Machang Bubuk	8	9	6.6%	120	87.6%	137	6	14	8.9%	138	87.3%	158
129	10	1	0.8%	109	90.8%	120	N17 - Bukit Tengah	12	6	5.6%	89	83.2%	107	26	3	2.6%	86	74.8%	115
89	9	3	2.1%	128	91.4%	140	N18 - Bukit Tambun	6	6	5.8%	92	88.5%	104	5	0	0.0%	90	94.7%	95
73	5	3	3.4%	81	91.0%	89	N3 - Pinang Tunggal	2	3	2.9%	99	95.2%	104	3	3	3.8%	73	92.4%	79
48	2	2	4.1%	45	91.8%	49	N20 - Sungai Bakap	4	0	0.0%	66	94.3%	70	3	1	1.4%	67	94.4%	71
67	6	3	4.4%	59	86.8%	68	N15 - Padang Lalang	5	0	0.0%	50	90.9%	55	10	1	1.2%	71	86.6%	82
36	2	4	7.5%	47	88.7%	53	N7 - Sungai Puyu		4	5.6%	67	94.4%	71	2	2	4.9%	37	90.2%	41
49	2	9	17.3%	41	78.8%	52	N16 - Perai	1	3	7.9%	34	89.5%	38	2	5	9.6%	45	86.5%	52
55	2	0	0.0%	39	95.1%	41	N13 - Berapit		1	2.2%	44	97.8%	45	3	7	15.9%	34	77.3%	44
47	1	0	0.0%	28	96.6%	29	N4 - Permatang Berangan		1	1.8%	54	98.2%	55	4	1	1.6%	59	92.2%	64
47	2	2	5.9%	30	88.2%	34	N8 - Bagan Jermal		2	5.0%	38	95.0%	40	3	3	13.0%	17	73.9%	23
25	1	1	4.5%	20	90.9%	22	N2 - Bertam	1	1	4.2%	22	91.7%	24	1	3	8.3%	32	88.9%	36
32	4	2	6.5%	25	80.6%	31	N9 - Bagan Dalam	1	0	0.0%	16	94.1%	17	3	1	4.3%	19	82.6%	23
32		0	0.0%	33	100.0%	33	N19 - Jawi	1	0	0.0%	38	97.4%	39	3	1	3.0%	29	87.9%	33
30	1	0	0.0%	20	95.2%	21	N5 - Sungai Dua	1	2	7.1%	25	89.3%	28	7	1	2.6%	30	78.9%	38
26		1	2.2%	44	97.8%	45	N11 - Permatang Pasir	1	1	2.4%	40	95.2%	42	3	1	4.2%	20	83.3%	24
23	1	0	0.0%	22	95.7%	23	N6 - Telok Ayer Tawar		1	3.6%	27	96.4%	28	4	1	2.5%	35	87.5%	40
22		0	0.0%	10	100.0%	10	N12 - Penanti		0	0.0%	25	100.0%	25		0	0.0%	18	100.0%	18
19	3	0	0.0%	17	85.0%	20	N21 - Sungai Acheh	2	0	0.0%	35	94.6%	37	1	0	0.0%	16	94.1%	17
8		0	0.0%	6	100.0%	6	N1 - Penaga		0	0.0%	9	100.0%	9	1	1	8.3%	10	83.3%	12
2838	132	97	3.6%	2435	91.4%	2664	Grand Jumlah	130	111	3.5%	2942	92.4%	3183	201	140	4.4%	2835	89.3%	3176

BULAN	NOV 2024						DIS 2024						JUMLAH TAHUN 2024
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	
Lain-lain	77	49	3.0%	1505	92.3%	1631	74	84	5.1%	1498	90.5%	1656	19332
N10 - Seberang Jaya	5	2	1.7%	112	94.1%	119	6	7	6.4%	96	88.1%	109	1501
N14 - Machang Bubuk	10	9	8.4%	88	82.2%	107	8	6	5.4%	97	87.4%	111	1465
N17 - Bukit Tengah	4	3	3.8%	71	91.0%	78	12	4	4.0%	84	84.0%	100	1149
N18 - Bukit Tambun	5	1	1.1%	89	93.7%	95	6	6	7.1%	73	85.9%	85	1136
N3 - Pinang Tunggal	3	3	4.3%	64	91.4%	70	2	2	2.7%	69	94.5%	73	1000
N20 - Sungai Bakap	3	1	1.9%	49	92.5%	53	2	3	3.8%	74	93.7%	79	748
N15 - Padang Lalang	1	1	2.3%	41	95.3%	43	3	1	2.4%	38	90.5%	42	703
N7 - Sungai Puyu	1	5	15.6%	26	81.3%	32	1	4	7.5%	48	90.6%	53	572
N16 - Perai	4	2	4.7%	37	86.0%	43	4	3	7.1%	35	83.3%	42	499
N13 - Berapit	2	2	5.9%	30	88.2%	34	2	2	5.7%	31	88.6%	35	490
N4 - Permatang Berangan	2		0.0%	25	92.6%	27	2		0.0%	37	94.9%	39	473
N8 - Bagan Jermal	1	4	11.4%	30	85.7%	35	2	1	2.2%	42	93.3%	45	390
N2 - Bertam		2	7.4%	25	92.6%	27		3	8.8%	31	91.2%	34	316
N9 - Bagan Dalam	2	1	4.2%	21	87.5%	24			0.0%	22	100.0%	22	309
N19 - Jawi	1		0.0%	22	95.7%	23	1	3	11.1%	23	85.2%	27	334
N5 - Sungai Dua	1	2	8.0%	22	88.0%	25			0.0%	22	100.0%	22	307
N11 - Permatang Pasir	3	2	7.1%	23	82.1%	28	2		0.0%	18	90.0%	20	332
N6 - Telok Ayer Tawar	2		0.0%	13	86.7%	15	2		0.0%	19	90.5%	21	280
N12 - Penanti	2	1	8.3%	9	75.0%	12	1		0.0%	17	94.4%	18	202
N21 - Sungai Acheh		1	5.3%	18	94.7%	19		1	10.0%	9	90.0%	10	212
N1 - Penaga	1		0.0%	9	90.0%	10			0.0%	7	100.0%	7	113
Grand Jumlah	130	91	3.6%	2329	91.3%	2550	130	130	4.9%	2390	90.2%	2650	31863

BULAN	JAN 2025						FEB 2025					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	64	82	5.2%	1427	90.7%	1573		4	20.0%	20	83.3%	24
N10 - Seberang Jaya	2	7	6.0%	108	92.3%	117		1	20.0%	5	83.3%	6
N14 - Machang Bubuk	7	10	7.5%	117	87.3%	134		0	0.0%	7	100.0%	7
N17 - Bukit Tengah	5	1	1.1%	88	93.6%	94		0	0.0%	4	100.0%	4
N18 - Bukit Tambun	5	0	0.0%	69	93.2%	74		1	33.3%	3	75.0%	4
N3 - Pinang Tunggal	2	2	2.9%	64	94.1%	68		1	33.3%	3	75.0%	4
N20 - Sungai Bakap	1	4	7.0%	52	91.2%	57	1	0	0.0%	2	66.7%	3
N15 - Padang Lalang	4	2	3.4%	52	89.7%	58		0	0.0%	3	100.0%	3
N7 - Sungai Puyu	3	6	10.9%	46	83.6%	55		0	0.0%	2	100.0%	2
N16 - Perai	1	0	0.0%	45	97.8%	46		0	0.0%	1	100.0%	1
N13 - Berapit	2	1	2.9%	31	91.2%	34	1	2	200.0%	1	25.0%	4
N4 - Permatang Berangan	2	0	0.0%	29	93.5%	31		0	0.0%	1	100.0%	1
N8 - Bagan Jermal	1	2	6.1%	30	90.9%	33		0	0.0%	4	100.0%	4
N2 - Bertam	1	0	0.0%	30	96.8%	31		0	0.0%	2	100.0%	2
N9 - Bagan Dalam	2	1	4.8%	18	85.7%	21		0	0.0%	0	0.0%	0
N19 - Jawi	1	5	22.7%	16	72.7%	22		1	50.0%	2	66.7%	3
N5 - Sungai Dua	1	2	8.0%	22	88.0%	25		1	100.0%	1	50.0%	2
N11 - Permatang Pasir		2	7.4%	25	92.6%	27		0	0.0%	3	100.0%	3
N6 - Telok Ayer Tawar	4	0	0.0%	16	80.0%	20		0	0.0%	3	100.0%	3
N12 - Penanti		2	8.3%	22	91.7%	24		0	0.0%	2	100.0%	2
N21 - Sungai Acheh	2	1	6.3%	13	81.3%	16		0	0.0%	1	100.0%	1
N1 - Penaga		0	0.0%	12	100.0%	12		0	0.0%	1	100.0%	1
Grand Jumlah	110	130	5.1%	2332		2572	2	11	15.5%	71	84.5%	84

LAMPIRAN A

BULAN	MAC 2025						APR 2025					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	20	33	9.6%	292	84.6%	345	21	32	10.1%	318	85.7%	371
N10 - Seberang Jaya	6	11	8.1%	119	87.5%	136	5	16	13.9%	115	84.6%	136
N14 - Machang Bubuk		3	13.6%	19	86.4%	22	3	6	33.3%	18	66.7%	27
N17 - Bukit Tengah		6	18.2%	27	81.8%	33	4	1	6.3%	16	76.2%	21
N18 - Bukit Tambun	4	6	11.1%	44	81.5%	54	3	3	6.1%	49	89.1%	55
N3 - Pinang Tunggal	3	13	11.3%	99	86.1%	115	5	15	13.5%	111	84.7%	131
N20 - Sungai Bakap	4	6	5.5%	99	90.8%	109	6	10	19.6%	51	76.1%	67
N15 - Padang Lalang	3	5	11.9%	34	81.0%	42	6	5	13.9%	36	76.6%	47
N7 - Sungai Puyu	10	6	7.2%	67	80.7%	83	16	3	4.8%	62	76.5%	81
N16 - Perai	7	5	3.9%	117	90.7%	129	5	5	5.4%	93	90.3%	103
N13 - Berapit	3	4	9.1%	37	84.1%	44	1	2	5.6%	36	92.3%	39
N4 - Permatang Berangan		5	27.8%	13	72.2%	18	2	1	4.8%	21	87.5%	24
N8 - Bagan Jermal	5	2	3.1%	58	89.2%	65	3	3	5.0%	60	90.9%	66
N2 - Bertam		1	5.9%	16	94.1%	17	3	1	7.1%	14	77.8%	18
N9 - Bagan Dalam	1	2	3.4%	55	94.8%	58	2	9	0.0%	74	0.0%	85
N19 - Jawi		0	0.0%	84	100.0%	84	2	3	7.7%	39	88.6%	44
N5 - Sungai Dua	1	0	0.0%	12	92.3%	13	4	3	12.0%	25	78.1%	32
N11 - Permatang Pasir	2	1	4.5%	19	86.4%	22	2	0	0.0%	12	85.7%	14
N6 - Telok Ayer Tawar	4	6	13.0%	36	78.3%	46	7	11	26.8%	41	69.5%	59
N12 - Penanti	2	4	11.4%	29	82.9%	35	1	1	2.3%	43	95.6%	45
N21 - Sungai Acheh	2	1	3.2%	28	90.3%	31	3	1	5.0%	20	83.3%	24
N1 - Penaga	54	76	6.5%	1046	88.9%	1176	89	125	10.1%	1234	85.2%	1448
Grand Jumlah	131	196	7.3%	2350	87.8%	2677	193	256	10.3%	2488	84.7%	2937

BULAN	MEI 2025						JUN 2025					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	15	40	13.4%	243	81.5%	298	23	24	10.3%	232	83.2%	279
N10 - Seberang Jaya	14	13	8.1%	133	83.1%	160	6	10	9.6%	104	86.7%	120
N14 - Machang Bubuk	2	3	12.5%	19	79.2%	24	4	7	63.6%	11	50.0%	22
N17 - Bukit Tengah	2	3	12.0%	20	80.0%	25	3	3	18.8%	16	72.7%	22
N18 - Bukit Tambun	1	8	17.8%	36	80.0%	45	1	2	9.5%	21	87.5%	24
N3 - Pinang Tunggal	6	15	11.6%	108	83.7%	129	19	24	25.3%	95	68.8%	138
N20 - Sungai Bakap	11	7	8.0%	69	79.3%	87	2	1	2.3%	44	93.6%	47
N15 - Padang Lalang	4	2	6.9%	23	79.3%	29	3	8	28.6%	28	71.8%	39
N7 - Sungai Puyu	15	11	12.5%	62	70.5%	88	17	14	16.3%	86	73.5%	117
N16 - Perai	5	8	8.0%	87	87.0%	100	7	6	5.7%	105	89.0%	118
N13 - Berapit	1	4	14.3%	23	82.1%	28		3	7.7%	39	92.9%	42
N4 - Permatang Berangan	1	4	10.0%	35	87.5%	40	2	2	6.7%	30	88.2%	34
N8 - Bagan Jermal	4	6	9.1%	56	84.8%	66	3	11	44.0%	25	64.1%	39
N2 - Bertam		3	16.7%	15	83.3%	18	3	5	33.3%	15	65.2%	23
N9 - Bagan Dalam	2	8	7.5%	97	90.7%	107	3	12	0.0%	78	0.0%	93
N19 - Jawi	1	25	18.0%	113	81.3%	139		3	8.6%	35	92.1%	38
N5 - Sungai Dua	3	3	7.0%	37	86.0%	43		0	0.0%	19	100.0%	19
N11 - Permatang Pasir	1	0	0.0%	23	95.8%	24	1	1	4.0%	25	92.6%	27
N6 - Telok Ayer Tawar	6	3	6.8%	35	79.5%	44	6	6	13.3%	45	78.9%	57
N12 - Penanti	1	6	23.1%	19	73.1%	26	5	2	8.0%	25	78.1%	32
N21 - Sungai Acheh	1	1	5.0%	18	90.0%	20	5	4	14.8%	27	75.0%	36
N1 - Penaga	70	123	9.1%	1156	85.7%	1349	75	130	11.5%	1135	84.7%	1340
Grand Jumlah	166	296	10.2%	2427	84.0%	2889	188	278	12.4%	2240	82.8%	2706

BULAN	JUL 2025						OGOS 2025					
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH
Lain-lain	19	31	8.7%	308	86.0%	358	23	39	13.3%	294	82.6%	356
N10 - Seberang Jaya	8	10	7.8%	110	85.9%	128	8	14	11.5%	122	84.7%	144
N14 - Machang Bubuk	1	4	12.5%	27	84.4%	32	10	5	23.8%	21	58.3%	36
N17 - Bukit Tengah		4	21.1%	15	78.9%	19	1	1	5.0%	20	90.9%	22
N18 - Bukit Tambun	4	4	10.0%	32	80.0%	40	5	3	9.4%	32	80.0%	40
N3 - Pinang Tunggal	9	20	12.9%	126	81.3%	155	15	14	15.7%	89	75.4%	118
N20 - Sungai Bakap	5	5	7.6%	56	84.8%	66	5	2	3.6%	55	88.7%	62
N15 - Padang Lalang	1	5	11.9%	36	85.7%	42	2	6	27.3%	22	73.3%	30
N7 - Sungai Puyu	9	8	6.8%	100	85.5%	117	14	12	12.6%	95	78.5%	121
N16 - Perai	7	3	3.3%	81	89.0%	91	9	11	14.9%	74	78.7%	94
N13 - Berapit	3	1	2.9%	30	88.2%	34	4	6	22.2%	27	73.0%	37
N4 - Permatang Berangan	2	3	9.7%	26	83.9%	31		4	26.7%	15	78.9%	19
N8 - Bagan Jermal	1	4	6.7%	55	91.7%	60	2	10	16.1%	62	83.8%	74
N2 - Bertam	4	0	0.0%	17	81.0%	21		4	25.0%	16	80.0%	20
N9 - Bagan Dalam	4	4	3.2%	117	93.6%	125	2	13	0.0%	67	0.0%	82
N19 - Jawi		0	0.0%	35	100.0%	35	1	2	4.9%	41	93.2%	44
N5 - Sungai Dua	1	1	4.3%	21	91.3%	23	2	3	13.0%	23	82.1%	28
N11 - Permatang Pasir		1	5.9%	16	94.1%	17	1	3	25.0%	12	75.0%	16
N6 - Telok Ayer Tawar	1	10	16.7%	49	81.7%	60	4	3	9.1%	33	82.5%	40
N12 - Penanti	2	3	11.5%	21	80.8%	26	1	3	9.4%	32	88.9%	36
N21 - Sungai Acheh	1	3	14.3%	17	81.0%	21	3	4	14.3%	28	80.0%	35
N1 - Penaga	93	159	11.0%	1195	82.6%	1447	63	170	14.2%	1196	83.7%	1429
Grand Jumlah	175	283	9.6%	2490	84.5%	2948	175	332	14.0%	2376	82.4%	2883

BULAN	SEPT 2025						OKT2025						JUMLAH TAHUN 2025
DUN	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	RUJUK AGENSI LUAR	SEDANG DALAM PROSES		SELESAI		JUMLAH	
Lain-lain	21	39	14.6%	208	77.6%	268	10	79	60.8%	130	59.4%	219	4395
N10 - Seberang Jaya	3	20	16.5%	98	81.0%	121	5	26	52.0%	50	61.7%	81	1259
N14 - Machang Bubuk		1	5.6%	17	94.4%	18		5	45.5%	11	68.8%	16	354
N17 - Bukit Tengah	2	3	12.0%	20	80.0%	25	1	8	57.1%	14	60.9%	23	298
N18 - Bukit Tambun		8	16.7%	40	83.3%	48	2	6	35.3%	17	68.0%	25	447
N3 - Pinang Tunggal	9	23	19.0%	89	73.6%	121	5	47	114.6%	41	44.1%	93	1183
N20 - Sungai Bakap	2	10	13.7%	61	83.6%	73	5	26	104.0%	25	44.6%	56	687
N15 - Padang Lalang	4	3	8.1%	30	81.1%	37	1	11	64.7%	17	58.6%	29	375
N7 - Sungai Puyu	8	18	15.5%	90	77.6%	116	9	18	51.4%	35	56.5%	62	936
N16 - Perai	7	14	12.0%	96	82.1%	117	9	22	36.7%	60	65.9%	91	974
N13 - Berapit	4	6	19.4%	21	67.7%	31		11	110.0%	10	47.6%	21	337
N4 - Permatang Berangan	3	5	22.7%	14	63.6%	22		9	60.0%	15	62.5%	24	260
N8 - Bagan Jermal	3	8	11.6%	58	84.1%	69	3	16	48.5%	33	63.5%	52	580
N2 - Bertam	1	7	31.8%	14	63.6%	22	2	3	75.0%	4	44.4%	9	194
N9 - Bagan Dalam	3	23	26.7%	60	69.8%	86	5	26	0.0%	45	0.0%	76	803
N19 - Jawi	1	7	12.7%	47	85.5%	55	1	8	36.4%	22	71.0%	31	537
N5 - Sungai Dua	1	4	22.2%	13	72.2%	18		12	109.1%	11	47.8%	23	259
N11 - Permatang Pasir	1	7	28.0%	17	68.0%	25	1	6	50.0%	12	63.2%	19	232
N6 - Telok Ayer Tawar	1	14	27.5%	36	70.6%	51	1	17	60.7%	28	60.9%	46	481
N12 - Penanti	2	4	14.3%	22	78.6%	28		8	80.0%	10	55.6%	18	305
N21 - Sungai Acheh		4	23.5%	13	76.5%	17	1	4	50.0%	8	61.5%	13	244
N1 - Penaga	54	229	17.3%	1037	78.6%	1320	48	425	64.4%	660	58.3%	1133	11771
Grand Jumlah	130	457	17.0%	2101	78.2%	2688	109	793	63.0%	1258	58.2%	2160	26911

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

5. Apakah pencapaian Program Kewarganegaraan Pulau Pinang sejak diperkenalkan?

   (a) Berapakah jumlah permohonan sejak tahun 2022 hingga kini?

   (b) Berapakah bilangan kelulusan dan kes tertangguh mengikut daerah?

   (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan sistem pendaftaran kelahiran / perkahwinan tidak boleh dimanipulasi?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Sejak PKPP ditubuhkan pada tahun 2013, jumlah keseluruhan kes-kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 2293 kes, dan kes yang telah berjaya mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia adalah sebanyak 450 kes. Hal ini meliputi permohonan taraf kewarganegaraan dibawah Perkara 14 (Pendaftaran Kelahiran Luar Negara – lebih tempoh 1 tahun), Perkara 15A, Perkara 15 (1), Perkara 15 (2), Perkara 16 dan Perkara 19 (1) dan permohonan-permohonan lain seperti Daftar Lewat Sijil Kelahiran, Daftar Lewat Kad Pengenalan, Permit Masuk dan lain-lain termasuk Permohonan Anak Angkat bagi anak yang bukan warganegara, Permohonan Sijil Kewarganegaraan, Permohonan OBT (Orang Baru Tiba), Pembetulan Maklumat atau Pindaan sijil kelahiran dan juga Permohonan Seksyen 13 (Anak luar nikah). Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan golongan terjejas mendapat bimbingan sewajarnya,

meskipun kuasa kelulusan adalah sepenuhnya di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Usaha ini turut mencerminkan keyakinan rakyat terhadap PKPP serta keberkesanannya sebagai platform sokongan yang mesra rakyat.

Hal ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pendaftaran dan pemilikan dokumen sah semakin meningkat, di samping keyakinan yang semakin kukuh terhadap peranan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan terjejas.

Melalui kerjasama strategik antara Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN), ramai pemohon yang sebelum ini ditolak permohonan telah berjaya memperoleh taraf kewarganegaraan, khususnya bagi kes kanak-kanak angkat kepada ibu bapa warganegara Malaysia.

Selain itu, penganjuran program turun padang (*roadshow*), sesi penerangan awam serta libat urus komuniti oleh PKPP turut membantu meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai isu kewarganegaraan dan kepentingan pendaftaran kelahiran secara tepat pada masanya.

(a) Statistik pencapaian Program Kewarganegaraan Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2022 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti perincian di **LAMPIRAN A**.

(b) Maklumat bilangan atau rekod rasmi permohonan taraf kewarganegaraan hanya boleh diperoleh secara langsung daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Pulau Pinang. Program Kewarganegaraan Pulau Pinang (PKPP) hanya menyimpan rekod dalaman bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan kes, namun rekod tersebut tidak disepadukan dengan sistem rasmi JPN.

Untuk makluman, JPN tidak berkongsi data sensitif atau rekod permohonan kewarganegaraan dengan mana-mana pihak luar, termasuk PKPP dan Kerajaan Negeri, atas faktor keselamatan dan kerahsiaan maklumat. Oleh itu, sebarang pengesahan data atau maklumat rasmi berkaitan permohonan kewarganegaraan hendaklah dirujuk terus kepada JPN sebagai agensi berkuasa utama dalam urusan pendaftaran dan kewarganegaraan.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan urusan pendaftaran kelahiran dan perkahwinan dilaksanakan secara telus serta mengikut undang-undang melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), iaitu agensi persekutuan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap proses berkenaan.

Program Kewarganegaraan Pulau Pinang (PKPP) tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan atau mengubah rekod pendaftaran. Peranan PKPP terhad kepada membantu menyelaras permohonan, mengesahkan dokumen sokongan serta memastikan maklumat yang dikemukakan adalah lengkap dan sah sebelum dikemukakan kepada JPN untuk tindakan lanjut.

PKPP bertindak sebagai penghubung antara pemohon dan JPN bagi memastikan semua proses mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mengelakkan sebarang bentuk penyalahgunaan.

Melalui pendekatan ini, kerajaan negeri memastikan setiap permohonan pendaftaran kelahiran dan perkahwinan yang dikemukakan melalui PKPP mematuhi prosedur sah JPN dan tidak boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak.

LAMPIRAN A

STATISTIK PERMOHONAN PROGRAM KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA 31 OKTOBER 2025
(berdasarkan rekod dalaman PKPP)

JENIS PERMOHONAN	TAHUN 2022	TAHUN 2023	TAHUN 2024	TAHUN 2025
(A) PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN MALAYSIA (MYPR / MYKAS) - PERKARA 16 - PERKARA 19 (1)	72	93	45	176
(B) PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN DI BAWAH - PERKARA 15 A - PERKARA 15 (1) - PERKARA 15 (2)	380	161	255	254
PERMOHONAN LUAR KAWASAN PULAU PINANG	124	105	58	50

JENIS PERMOHONAN	TAHUN 2022	TAHUN 2023	TAHUN 2024	TAHUN 2025
(C) DAFTAR LEWAT SIJIL KELAHIRAN	63	37	110	44
(D) DAFTAR LEWAT KAD PENGENALAN	15	24	19	33
(E) KES-KES IMIGRESEN - PERMIT MASUK - PAS RESIDEN - PAS PELAJAR	25	125	190	55
(F) LAIN-LAIN - ANAK ANGKAT -SIJII KEWARGANEGARAAN -PERMOHONAN OBT - PEMBETULAN ATAU PINDAAN SIJIL KELAHIRAN	93	275	241	45

JENIS PERMOHONAN	TAHUN 2022	TAHUN 2023	TAHUN 2024	TAHUN 2025
-PERMOHONAN SEKYEN 13 (SIJIL KELAHIRAN BUKAN WARGANEGARAAN) - ISU KEMASUKAN SEKOLAH(MURID BUKAN WARGANEGARA) - KES MELANGGARI AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959				
JUMLAH	**772**	**820**	**918**	**657**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

6. Sejauh mana Kerajaan Negeri bekerjasama dengan sektor swasta untuk menyediakan peluang pekerjaan fleksibel bagi warga emas yang masih produktif?

   (a) Senaraikan jenis pekerjaan atau program latihan semula yang ditawarkan mengikut daerah.

   (b) Berapa ramai warga emas yang telah berjaya mendapat pekerjaan melalui inisiatif ini?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. MBPP telah bekerjasama dengan satu (1) agensi swasta iaitu Sunway Hotel dan satu (1) Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) yang beroperasi di '*Home of Hope*', Lebuhraya Rose bagi menyediakan peluang pekerjaan secara sambilan kepada warga emas yang masih produktif.

   (a) NCSM telah menawarkan pekerjaan sebagai *care-taker* (pembantu penjagaan) pesakit kanser manakala Sunway Hotel telah menawarkan pekerjaan sebagai pembantu akaun dan kerani tempahan.

   (b) Buat permulaan Program Pemerkasaan Warga Emas oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), seramai sembilan (9) orang warga emas telah ditawarkan pekerjaan di jabatan-jabatan dalaman MBPP.

Perincian penempatan warga emas yang telah dilantik melalui program ini adalah seperti berikut:

(i) Hub Kitar Semula, Taman Serina Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, dua (2) orang;

(ii) Tandas Awam Pantai Shamrock, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, satu (1) orang;

(iii) Pusat Kawalan Vektor dan Veterinar, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, dua (2) orang;

(iv) Unit Bandar Pintar, Jabatan Perancangan Pembangunan, dua (2) orang; dan

(v) Tapak Pertanian Bandar (*Urban Farming*), Jabatan Perancangan Pembangunan, dua (2) orang.

Selain itu, NCSM telah menawarkan pekerjaan kepada satu (1) orang warga emas manakala pihak Sunway Hotel telah menawarkan pekerjaan kepada dua (2) orang warga emas di bawah Program Pemerkasaan Warga Emas oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Jumlah warga emas yang mendapat manfaat pekerjaan sehingga hari ini berdasarkan maklumat di atas ialah sebanyak 12 orang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

7. Berapakah bilangan rumah RMKu A dan B yang tidak dihuni, meskipun sudah dibeli mengikut DUN dari tahun 2022 sehingga kini?

   (a) Apakah dasar moratorium jual dan sewa bagi RMKu A dan B untuk mengekang spekulasi?

   (b) Bagaimanakah kerajaan memastikan rumah RMKu A dan B dihuni pemilik sendiri dalam tempoh awal?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak mempunyai kawalan langsung terhadap status penghunian selepas penawaran dan serahan milikan kosong (*vacant possession*) dibuat kepada pembeli. Bagi tempoh Januari 2022 sehingga Oktober 2025, sebanyak 5,306 tawaran Rumah MutiaraKu (RMKu) telah diberikan kepada pemohon yang layak iaitu sebanyak 4,256 unit bagi kategori RMKu Jenis A dan sebanyak 1,050 unit bagi kategori RMKu Jenis B. Butiran terperinci mengenai jumlah tawaran mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) boleh dirujuk di **LAMPIRAN A**.

   (a) **Dasar Penjualan dan Pemilikan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah** – Bagi membendung aktiviti spekulasi terhadap hartanah mampu milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan dasar moratorium penjualan bagi semua unit RMKu Jenis A (dahulunya dikenali sebagai

Rumah Kos Rendah) dan RMKu Jenis B (dahulunya dikenali sebagai Rumah Kos Sederhana Rendah) seperti ketetapan berikut:

KATEGORI	HARGA MAKSIMUM	TEMPOH MORATORIUM	SYARAT UTAMA
RMKu A	RM42,000.00	10 TAHUN DARI TARIKH PERJANJIAN JUAL BELI	PEMBELI TIDAK DIBENARKAN UNTUK PINDAH MILIK KEDIAMAN TERSEBUT BAGI TUJUAN JUAL BELI
RMKu B	RM72,500.00		

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan setiap unit RMKu Jenis A dan Jenis B benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran serta tidak disalahgunakan untuk tujuan spekulatif.

Sebarang permohonan kelulusan penjualan dalam tempoh moratorium hendaklah dikemukakan kepada LPNPP selaku urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan bersama justifikasi kukuh serta dokumen sokongan yang lengkap bagi pertimbangan.

Melalui pelaksanaan dasar moratorium yang ketat, disokong dengan pemantauan berterusan dan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri berhasrat memastikan dasar perumahan mampu milik dilaksanakan secara berkesan dan dapat mencapai matlamat kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

(b) Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah melaksanakan beberapa langkah bagi menggalakkan pemilik menghuni kediaman masing-masing serta memastikan rumah yang dibeli dimanfaatkan mengikut tujuan asal.

Antara langkah utama yang dilaksanakan adalah keperluan setiap pembeli menandatangani akuan bersumpah yang mengikat mereka dengan syarat bahawa unit kediaman yang dibeli hendaklah diduduki oleh pemilik sendiri dan tidak dibenarkan disewakan atau dijadikan premis bagi sebarang aktiviti komersial.

Selain itu, sekiranya berlaku urusan pindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, pembeli wajib mendapatkan kebenaran bertulis daripada Kerajaan Negeri sebelum sebarang transaksi dilaksanakan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan rumah mampu milik benar-benar didiami oleh golongan sasaran yang layak di samping mengekang aktiviti spekulasi hartanah dan penyalahgunaan unit perumahan bagi tujuan keuntungan komersial.

Secara keseluruhannya, walaupun kawalan terhadap status penghunian selepas serahan milikan kosong tidak terletak secara langsung di bawah bidang kuasa LPNPP, pihak LPNPP tetap komited untuk melaksanakan pemantauan dan tindakan susulan secara berterusan. Usaha ini penting bagi memastikan setiap unit RMKu Jenis A dan Jenis B digunakan mengikut maksud asal sebagai kediaman utama kepada golongan sasaran dan bukan dijadikan instrumen pelaburan atau spekulasi pasaran hartanah.

LAMPIRAN A

STATISTIK TAWARAN RMKu A DAN RMKu B MENGIKUT DUN DARI JANUARI 2022 SEHINGGA OKTOBER 2025

NO.	DUN	KATEGORI RUMAH	
		RMKu A	RMKu B
N01	PENAGA	66	4
N02	BERTAM	55	3
N03	PINANG TUNGGAL	76	4
N04	PERMATANG BERANGAN	70	10
N05	SUNGAI DUA	78	11
N06	TELOK AYER TAWAR	73	5
N07	SUNGAI PUYU	97	17
N08	BAGAN JERMAL	129	10
N09	BAGAN DALAM	59	6
N10	SEBERANG JAYA	133	11
N11	PERMATANG PASIR	70	9
N12	PENANTI	51	0
N13	BERAPIT	42	0
N14	MACHANG BUBOK	208	4
N15	PADANG LALANG	103	3
N16	PERAI	43	2
N17	BUKIT TENGAH	134	2
N18	BUKIT TAMBUN	551	11
N19	JAWI	244	15
N20	SUNGAI BAKAP	775	25
N21	SUNGAI ACHEH	138	3
N22	TANJONG BUNGAH	14	52
N23	AIR PUTIH	14	17
N24	KEBUN BUNGA	17	24
N25	PULAU TIKUS	14	19
N26	PADANG KOTA	8	23

NO.	DUN	KATEGORI RUMAH	
		RMKu A	RMKu B
N27	PENGKALAN KOTA	4	87
N28	KOMTAR	4	33
N29	DATOK KERAMAT	25	80
N30	SUNGAI PINANG	37	168
N31	BATU LANCANG	9	79
N32	SERI DELIMA	34	41
N33	AIR ITAM	36	50
N34	PAYA TERUBONG	40	88
N35	BATU UBAN	43	64
N36	PANTAI JEREJAK	57	17
N37	BATU MAUNG	196	22
N38	BAYAN LEPAS	210	15
N39	PULAU BETONG	178	5
N40	TELOK BAHANG	121	11
JUMLAH TAWARAN		**4,256**	**1,050**
JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN		**5,306**	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

8. Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai penganjuran program-program agensi Kerajaan Negeri di semua Pusat Khidmat ADUN?

   (a) Senaraikan program-program dari agensi Kerajaan Negeri yang telah diadakan di di semua Pusat Khidmat ADUN dari tahun 2023 sehingga kini.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan bahawa penganjuran program oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri di semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) perlu diselaraskan melalui saluran rasmi pentadbiran negeri. Hal ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan agenda pembangunan negeri berjalan lancar serta berkesan di samping memastikan pematuhan terhadap prosedur pentadbiran Kerajaan Negeri.

   (a) Antara program-program agensi Kerajaan Negeri yang diadakan dengan kerjasama Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

      (i) **Program dibawah Inisiatif Kebajikan i-Sejahtera** seperti Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Anak Emas dan banyak lagi. Tugas Pusat Khidmat ADUN

adalah sebagai tempat rujukan, pendaftaran, kaunter untuk mengemaskini maklumat dan tuntutan insentif. Program dilaksanakan secara tahunan;

(ii) **Bengkel Kraf Kreatif & Penjanaan Pendapatan** yang diadakan dengan kerjasama agensi Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP) bagi mengajar kemahiran seperti sulaman, kraftangan atau kemahiran industri kraf kreatif;

(iii) **Program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT (iBITA)** yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) melalui Pejabat Daerah dan Tanah. Pusat Khidmat ADUN berperanan menerima dan mengesahkan dokumen sokongan (yang memerlukan pengesahan oleh ADUN atau wakil) bagi permohonan iBITA;

(iv) **Program Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang (ePPN)** oleh Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang. Pusat Khidmat ADUN berperanan sebagai rujukan atau pusat maklumat untuk permohonan pinjaman pendidikan tinggi negeri walaupun permohonan kini dibuat secara dalam talian (online) melalui sistem ePPN (dikemaskini pada 2023);

(v) **Taklimat Pembaharuan Semula Bandar (PSB)** oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memberi taklimat atau perbincangan dengan penduduk perumahan awam mengenai projek-projek pembaikan atau pembangunan semula (*redevelopment*);

(vi) **Program Penyaluran Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).** Pusat Khidmat ADUN menjadi lokasi rujukan dan pengesahan untuk permohonan pelbagai skim bantuan zakat termasuk Bantuan Binaan Rumah (Skim Inapan Kasih) untuk Asnaf Fakir/Miskin;

(vii) **Kempen Kesedaran Hijau Komuniti** oleh Penang Green Council (PGC) dengan tujuan pengurangan plastik sekali guna atau pertandingan komuniti hijau di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Komuniti (JPK);

(viii) **Program Keterangkuman Digital** oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Pusat Khidmat ADUN membantu dalam mengenal pasti lokasi yang sesuai dan mempromosikan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di bawah inisiatif Kerajaan MADANI untuk memastikan komuniti mendapat akses kepada kemahiran digital dan internet;

(ix) **Kempen Keselamatan Komuniti (Rukun Tetangga)** oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Pulau Pinang. Pusat Khidmat ADUN bekerjasama dengan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/ Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk menganjurkan ceramah keselamatan, pencegahan jenayah atau gotong-royong; dan

(x) Pelbagai lagi program/aktiviti demi kesejahteraan masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

9. Senaraikan 25 bandar baharu dan 10 bandar yang diperluas seperti diwartakan 4 September 2025.

   (a) Apakah implikasi fiskal kepada rakyat hasil pengisytiharan bandar-bandar ini?

   (b) Berapakah anggaran hasil tambahan kepada PBT / Negeri?

   (c) Apakah mekanisme perlindungan kepada golongan rentan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. 10 Bandar sedia ada yang diperluaskan seperti yang diwartakan pada 4 September 2025 adalah:

   (1) Sungai Bakap,SPS
   (2) Nibong Tebal, SPS
   (3) Nibong Tebal, SPT
   (4) Kepala Batas, SPU
   (5) Butterworth, SPU
   (6) Bayan Lepas, DBD
   (7) Balik Pulau, DBD
   (8) Batu Ferringgi, DTL
   (9) Tanjong Bungah, DTL
   (10) George Town, DTL

   25 Bandar baharu seperti yang diwartakan 4 September 2025 adalah:

   (1) Jawi, SPS

(2) Bandar Cassia, SPS
(3) Simpang Ampat, SPS
(4) Bandar Tasek Mutiara, SPS
(5) Alma, SPT
(6) Bukit Minyak, SPT
(7) Bukit Tengah, SPT
(8) Bandar Perda, SPT
(9) Seberang Jaya, SPT
(10) Sungai Dua, SPU
(11) Teluk Air Tawar, SPU
(12) Bertam, SPU
(13) Tasek Gelugor, SPU
(14) Pokok Sena, SPU
(15) Ara Kuda, SPU
(16) Bayan Baru, DBD
(17) Batu Maung, DBD
(18) Sungai Ara, DBD
(19) Pulau Silikon, DBD
(20) Bukit Jambul, DTL
(21) Puncak Penara,DTL
(22) Perdana Mutiara, DTL
(23) Pinang Emas, DTL
(24) Bayu Emas, DTL
(25) Lembah Permai,DTL

(a) Pengisytiharan peluasan bandar dan bandar-bandar baharu akan menyebabkan kenaikan kadar cukai tanah selaras dengan kadar cukai baharu yang diwartakan pada 11 September 2025. Selain itu, pengisytiharan peluasan bandar dan bandar baharu turut akan membolehkan pemilik tanah di kawasan bandar memanfaatkan peningkatan nilai tanah masing-masing, seiring peningkatan kadar cukai baharu tersebut.

(b) Anggaran hasil tambahan kepada Negeri melalui semakan cukai tanah dan pengkelasan semula tanah desa dan bandar adalah sekitar RM80-100 juta selepas pemberian rebat antara 20%-32.5% mulai tahun 2026-2028. Ini adalah tambahan kepada kutipan cukai tanah sedia ada iaitu RM140-145 juta setahun.

(c) Mekanisma perlindungan kepada golongan rentan adalah:

(i) Pelaksanaan *rebate* cukai tanah secara berfasa dalam tempoh 3 tahun awal pelaksanaan (2026-2028);

(ii) Pengecualian 100% tunggakan denda cukai tanah dan cukai petak pada tahun pertama pelaksanaan; dan

(iii) Diskaun premium bagi permohonan tukar kategori dan syarat nyata.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

10. Apakah tindakan yang diambil terhadap peniaga yang berniaga di atas bahu jalan hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas, khususnya di kawasan bandar?

    (a) Bagaimana PBT mengurus aduan penduduk berkaitan gangguan trafik?

    (b) Senaraikan lokasi yang telah diambil tindakan oleh pihak PBT.

    (c) Apakah pelan jangka panjang untuk penyusunan semula lokasi perniagaan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa memberi perhatian terhadap isu penjajaan di kawasan tumpuan awam yang berpotensi menjejaskan kelancaran trafik dan imej bandar.
    Bagi mengatasi isu peniaga yang menjalankan perniagaan di atas bahu jalan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:-

    (i) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga tanpa lesen yang menyebabkan halangan dan kesesakan lalu lintas;

(ii) Mengeluarkan notis atau kompaun kepada peniaga tanpa lesen serta mengarahkan mereka menghentikan aktiviti perniagaan dengan serta-merta;

(iii) Menjalankan operasi penguatkuasaan dan rampasan terhadap peniaga yang masih berdegil meneruskan aktiviti perniagaan di kawasan larangan; dan

(iv) Menempatkan semula peniaga ke gerai atau tapak perniagaan milik PBT yang lebih tersusun, selamat dan menawarkan kadar sewaan yang berpatutan.

(a) PBT mengurus aduan penduduk berkaitan gangguan trafik melalui pelaksanaan beberapa tindakan seperti berikut:-

(i) Melaksanakan tindakan menunda kenderaan yang menghalang laluan utama;

(ii) Mengeluarkan notis pelanggaran dan kompaun di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] terhadap mana-mana pihak yang menyebabkan halangan awam dan gangguan trafik; dan

(iii) Menambah kawalan lalu lintas dengan melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan, antaranya mengecat garisan kuning sebagai tanda larangan parkir di bahu jalan serta melukis petak kuning di simpang utama bagi mengelakkan halangan lintasan dan memastikan kelancaran aliran trafik.

(b) MBPP telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh terhadap peniaga yang menjalankan perniagaan di atas bahu jalan di seluruh kawasan pentadbirannya. Manakala bagi kawasan di bawah pentadbiran MBSP pula, tindakan penguatkuasaan turut dilaksanakan di beberapa lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan aktiviti perniagaan di atas bahu jalan iaitu seperti berikut:-

(i) Bertam Putra;

(ii) Tasek Gelugor Utama;

(iii) Masjid Seberang Jaya;

(iv) Bandar Sunway;

(v) Teluk Air Tawar;

(vi) C-Mart Nibong Tebal;

(vii) Jawi Jaya;

(viii) Perkampungan Jawi; dan

(ix) Bandar Perda

(c) Kedua-dua PBT turut melaksanakan pelan jangka masa panjang yang merangkumi inisiatif seperti penempatan semula penjaja secara berperingkat, pelaksanaan program pemutihan penjaja melalui bancian dan sistem penandaan (*tagging*), pembangunan kompleks penjaja moden dengan kemudahan yang lebih lengkap serta penambahbaikan dasar dan pelan tindakan dari semasa ke semasa.

Selain itu, kedua-dua PBT juga sedang meneliti serta melaksanakan proses penempatan semula penjaja tanpa lesen, khususnya di kawasan yang dikenal pasti menyebabkan kesesakan lalu lintas. Peniaga yang terlibat turut dijemput menghadiri sesi temu duga bagi mengisi kekosongan gerai dan tapak penjaja milik PBT.

Langkah-langkah ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan persekitaran penjajaan yang lebih tersusun, selamat dan kondusif, di samping memastikan kebajikan penjaja terus terpelihara serta kelancaran aliran trafik di kawasan bandar dapat dikekalkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

11. Berapa banyak lesen penjaja sementara (LPS) telah dikeluarkan dari tahun 2022 hingga 2025 mengikut daerah dan bangsa?

    (a) Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan LPS dalam menangani isu penjaja tanpa kebenaran?

    (b) Adakah LPS akan ditukar kepada lesen tetap selepas penilaian?

    (c) Bagaimana pemantauan dijalankan bagi memastikan LPS tidak disalahgunakan?

    (d) Apakah justifikasi pemberian LPS?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sebanyak 146 lesen Tapak Penjaja Sementara (TPS) telah dikeluarkan oleh MBPP dari tahun 2022 sehingga 2025. Perincian lesen TPS mengikut daerah dan bangsa adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    Manakala pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mengeluarkan Lesen Penjaja Sementara (LPS).

    (a) Keberkesanan pelaksanaan TPS dalam menangani isu penjaja tanpa kebenaran adalah seperti berikut:

(i) **Lokasi perniagaan yang teratur dengan penyediaan TPS secara berpusat**

Dengan penyediaan TPS secara berpusat, penjaja yang sebelum ini berniaga di tepi jalan atau kawasan larangan dapat dipindahkan ke lokasi yang sah dan strategik;

(ii) **Kebersihan tapak perniagaan dijamin melalui syarat kebersihan dan keselamatan makanan**

Majlis menetapkan peraturan yang jelas berkenaan pengurusan sisa, kebersihan tapak dan keselamatan makanan; dan

(iii) **Memberi peluang kepada penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan**

Pelaksanaan LPS membuka peluang kepada penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan secara sah.

(b) Sehingga kini, pihak MBPP tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menukarkan lesen TPS MBPP kepada lesen tetap kerana lokasi TPS merupakan kawasan sementara yang berpotensi untuk dimajukan pada masa hadapan. Selain itu, TPS hanya dilengkapi dengan kemudahan asas berbanding dengan pasar dan kompleks perniagaan milik MBPP yang mempunyai kemudahan yang lebih lengkap.

(c) MBPP menjalankan pemantauan berkala di TPS milik MBPP dengan melaksanakan bancian peniaga serta memantau aktiviti perniagaan yang dijalankan di tapak tersebut.

(d) Justifikasi-justifikasi pemberian LPS oleh MBPP adalah seperti berikut:

(i) Membolehkan PBT mengawal aktiviti penjajaan tidak berlesen dengan lebih tersusun serta

memudahkan pemantauan terhadap lokasi, waktu operasi dan jenis jualan yang dijalankan;

(ii) Kebanyakan penjaja tidak berlesen terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, pemberian LPS memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan secara sah sementara menunggu penempatan di tapak tetap atau kelulusan lesen kekal; dan

(iii) Lesen sementara digunakan sebagai langkah pemutihan bagi penjaja tidak berlesen sebelum penempatan ke tapak penjaja yang sah.

LAMPIRAN A

LESEN TAPAK PENJAJA SEMENTARA (TPS) DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPP MENGIKUT DAERAH DAN BANGSA

TAHUN	DAERAH TIMUR LAUT			DAERAH BARAT DAYA			JUMLAH
	MELAYU	CINA	INDIA	MELAYU	CINA	INDIA	
2022	53	31	8	5	-	-	97
2023	-	1	-	3	2	-	6
2024	6	1	1	5	-	1	14
2025	10	11	1	7	-	-	29
JUMLAH	**69**	**44**	**10**	**20**	**2**	**1**	**146**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

12. Berapakah jumlah dan jenis premis yang telah diserbu dan diarahkan tutup sejak tahun 2020 sehingga kini di Pulau Pinang?

    (a) Berapa banyak yang didapati beroperasi semula selepas tindakan diambil?

    (b) Apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh PBT untuk memastikan premis-premis tersebut tidak kembali beroperasi secara haram?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. **Perincian jumlah gerai makanan dan kedai runcit** yang telah diserbu dan diarahkan untuk tidak beroperasi (tutup) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2020 sehingga Oktober 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PREMIS		JENIS PREMIS
	MBPP	MBSP	
2020	335		Kedai/Gerai Makanan dan Kedai runcit
2021	153		
2022	250		
2023	252	71	
2024	679	180	
2025 (Sehingga Oktober)	788	108	
JUMLAH	**2457**	**301**	

(a) Jumlah **premis yang didapati beroperasi semula selepas tindakan penguatkuasaan diambil** dari tahun 2020 sehingga 2025 bagi **kawasan MBPP** adalah sebanyak **21 buah premis** manakala di **kawasan MBSP** adalah sebanyak **10 buah premis**.

(b) Antara langkah yang diambil untuk mengelakkan premis-premis berkenaan kembali beroperasi secara tidak sah adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan **pemantauan dan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa**;

(ii) Melaksanakan **hebahan pendidikan kepada orang awam** berhubung peraturan aktiviti perniagaan dan tindakan penguakuasaan yang diambil ke atas kesalahan yang dilakukan melalui laman media sosial rasmi PBT;

(iii) Melaksanakan **program pemutihan penjaja atau program penempatan penjaja** di tempat-tempat baharu yang sesuai; dan

(iv) Menjalankan **kerja-kerja pembangunan landskap secara kekal** di kawasan berkenaan bagi **mengelakkan ia digunakan semula** sebagai tapak aktiviti perniagaan tidak berlesen.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL YB BUKHORI BIN GHAZALI

13. Senaraikan lot-lot tanah yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 97 dan 100 KTN (Akta 828) di semua daerah Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.

    (a) Senaraikan sebab-sebab rampasan dibuat.

    (b) Nyatakan bagaimana SOP rayuan dalam mendapatkan kembali tanah tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Berikut adalah statistik tanah yang telah dirampas bawah Seksyen 97 dan 100 KTN (Akta 828) di semua daerah Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini:

DAERAH	TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2025
SPU	96
SPS	114
SPT	56
DTL	71
DBD	76
JUMLAH	**413**

    (a) Sebab perampasan dibuat adalah kerana pemilik tanah atau pihak berkepentingan atas tanah milik gagal menjelaskan cukai tanah yang ditetapkan walaupun notis pentadbiran dan Notis 6A telah dikeluarkan oleh PDT kepada tuan tanah. Proses perampasan ini juga

dilaksanakan selaras dengan Seksyen 97 dan 100 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

(b) SOP rayuan bagi mendapatkan kembali tanah tersebut adalah dengan mengemukakan surat permohonan pembatalan pelucuthakan kepada Pihak Berkuasa Negeri seperti yang tertakluk bawah Seksyen 133 KTN (Akta 828).

PBN boleh mengenakan penalti tidak melebihi enam kali ganda jumlah sewa yang tidak dibayar oleh pemilik asal tanah. Penalti ini dikenakan sebagai syarat untuk membatalkan pelucuthakan tersebut.

Hanya tuan tanah asal sebelum dilucuthak sahaja yang boleh memohon untuk pembatalan pelucuthakan ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL YB BUKHORI BIN GHAZALI

14. Senaraikan anak syarikat berkaitan GLC serta Badan Berkanun di Negeri Pulau Pinang.

    (a) Senaraikan ahli-ahli lembaga pengarah di atas.

    (b) Nyatakan prestasi dan keuntungan semua syarikat dan Badan Berkanun tersebut sejak 2020 sehingga kini.

    (c) Senaraikan syarikat yang mengalami kerugian dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Terdapat tujuh belas (17) syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah seliaan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).

    Senarai keseluruhan lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI, berserta Badan-Badan Berkanun Negeri, adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Senarai ahli lembaga pengarah bagi lapan belas (18) GLC serta Badan-Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

    (b) GLC di bawah CMI dan SSI ini umumnya menjalankan aktiviti bukan berteraskan keuntungan (non-profit activities). Prestasi kewangan dan operasi bagi GLC

tersebut serta Badan-Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

(c) Beberapa GLC mempunyai baki kewangan pada akhir tahun kewangan yang dibawa ke hadapan untuk digunakan pada tahun berikutnya. Secara umumnya, geran yang diterima digunakan bagi melaksanakan program-program serta menampung sebahagian daripada kos operasi syarikat.

Bagi mengatasi masalah kerugian yang dihadapi oleh GLC, Kerajaan Negeri akan memastikan peruntukan operasi yang mencukupi disediakan bagi pelaksanaan program dan aktiviti utama. Selain itu, GLC juga disyorkan untuk mengoptimumkan sumber melalui kerjasama antara satu sama lain, termasuk penggabungan aktiviti dan program bagi memberi manfaat yang lebih meluas kepada rakyat.

GLC turut digalakkan menjana dana alternatif melalui kerjasama strategik atau usahasama dengan pihak swasta bagi memastikan kelestarian kewangan jangka panjang.

LAMPIRAN A

SENARAI GLC DI BAWAH CMI DAN SSI

BIL.	NAMA GLC
CMI	
1.	Invest-In Penang Berhad
SSI	
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)
4.	George Town World Heritage Incorporated
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.
9.	Penang Science Cluster
10.	Penang Tech Centre
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.

SENARAI BADAN BERKANUN NEGERI

BIL.	NAMA
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang

LAMPIRAN B

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH GLC DI BAWAH CMI DAN SSI

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
1.	Invest-In-Penang Berhad	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid 3. YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 4. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 5. YB Dato' Zabidah Binti Safar 6. YB Tuan Fahmi Bin Zainol 7. YB Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican 8. YB Tuan Goh Choon Aik 9. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 10. YB Puan Phee Syn Tze 11. YBhg. Dato' Aziz Bin Bakar
2.	George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 3. YB Dato' Zabidah Binti Safar 4. YB Tuan Wong Hon Wai 5. YB Tuan Teh Lai Heng 6. YB Tuan Wong Yuee Harng 7. YBhg. Dato' Ir. Rajendran P. Anthony 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu 3. YB Tuan Lee Khai Loon 4. YB Tuan Wong Yuee Harng 5. YBhg. Dato' Lawrence Lim Hua Kwang 6. YBrs. Prof Madya Dr. Mohd Wira Mohd Shafiei 7. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 8. Encik Baylon Tham Wai Leong 9. Encik Tan Soo Siang 10. Puan Heng Yeh Shuan 11. Puan Kuan Yoke Lean

BIL.	NAMA GLC	1. AHLI LEMBAGA PENGARAH
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2. YAB Tuan Chow Kon Yeow 3. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YB Dato' Hj Rashidi Bin Zinol 6. YB Tuan Zairil Khir Johari 7. YB Tuan Gooi Hsiao-Leung 8. YBhg. Dato' Ng Wan Peng 9. YBhg. Dato' Dr. Ooi Kee Beng 10. YBhg. Dato' Tang Ching Siang 11. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 12. YBrs. Dr. Iza Fazlan 13. Encik Thillai Raj T. Ramanathan
5.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC Sdn. Bhd.)	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid 3. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 4. YB Zairil Khir Johari 5. YB Tuan Woo Sze Zeng 6. YBhg. Dato' Seri Haji Ahmad Bin Ismail
6.	George Town Conservation And Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC Sdn. Bhd.)	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Tuan Wong Hon Wai 3. YB Tuan H'ng Mooi Lye 4. YBhg. Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. Puan Zahidah Binti Abd Jalil 7. YBhg. Dato' Hamdan Bin Abdul Majeed 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 9. Puan Fizulin Binti Mohamed Zin

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
7.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	1. YB Tuan Gooi Zi Sen 2. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 3. YB Tuan Wong Yuee Harng 4. YB Tuan Woo Sze Zeng 5. YB Puan Tan Hooi Peng 6. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 7. Encik Muhamad Khairul Bin Mohd Ali 8. Encik Ahmad Zaki Shah Bin Shah Headan 9. Encik Muhammad Fadzil Bin Roslan 10. Encik Chong Wei Hoong
8.	PWDC Sdn. Bhd.	1. YB Puan Lim Siew Khim 2. YB Puan Heng Lee Lee 3. YB Puan Tan Hooi Peng 4. YB Puan Phee Syn Tze 5. Yb Tuan Goh Choon Aik 6. YBhg. Dato' Seri Selvakumar A/L Shanmugam Chetty 7. YBhg. Prof. Dato' Dr. Noraida Endut 8. YBhg. Dato' Rohana Binti Abdul Ghani 9. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 10. Puan Aida Binti Yusof Rawa 11. Puan Nurhidayah Binti Che Rose
9.	Penang FC Sdn. Bhd.	1. YB Tuan Gooi Zi Sen 2. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 3. YB Dato' Zabidah Binti Safar 4. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 5. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 6. Encik Muhammad Muashraf Bin Mohamed 7. Encik Mohd Faidrol Bin Mohd Radi

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
10.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	1. YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid 2. YB Tuan Fahmi Bin Zainol 3. YB Dato' Hj Rashidi Bin Zinol 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. YBhg. Dato' Prof Dr. Noor Inayah Binti Ya'akob 7. YBhg. Dato' Ir. Haji Zamri Yusuf 8. YBhg. Datuk Hj Mohd Ridzwan Bin Bakar 9. Encik Zainuddin Mohamed 10. Encik Ariffin Bin Saidin 11. Encik Muhammad Anwar Hizam Bin Naji Mudin
11.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	1. YB Puan Lim Siew Khim 2. YB Tuan Teh Lai Heng 3. YBhg. Dato' Seri Anwar Fazal 4. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 5. Puan Tan Huck Hong 6. Puan Jenny Liew Siew Yuen 7. Ybrs. Dr. Kuah Li Feng 8. Encik Tang Ah Chai 9. Encik Tharman A/L Anandan 10. Encik Arokiadas A/L Anthonysamy 11. Encik Loo Boon Seng@Loo Keat Seng 12. Encik Lee Khai

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
12.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	1. YB Tuan Wong Hon Wai 2. YB Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik 3. YB Tuan Joseph Ng Soon Siang 4. YB Puang Heng Lee Lee 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. YBhg. Dato' Albert Tan Sam Soon 7. YBhg. Dato' Tony Goh Nai Heng 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 9. Encik Clement Liang Chow Ming 10. Encik Kenneth Tan Teong Keen
13.	Penang Convention & Exhibition Bureau Sdn. Bhd. (PCEB Sdn. Bhd.)	1. YB Tuan Wong Hon Wai 2. YB Tuan Lee Boon Heng 3. YB Tuan Wong Yuee Harng 4. YBhg. Dato' Khoo Boo Lim 5. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah
14.	Penang Science Cluster	1. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 2. YB Tuan Goo Zi Sen 3. YB Tuan Ong Ah Teong 4. YBhg. Dato' Yoon Chon Leong 5. YBhg. Dato' Noorashidah Binti Ahmad 6. YBrs. Dr. Ng Chin Liang 7. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 8. YBhg. Dato' Chu Jenn Weng 9. Encil Selvam Chinappan 10. Encik Fu Yongji 11. Encik Dominic Chew

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
15.	Penang Tech Centre	1. YB Tuan jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 2. YB Tuan Teh Lai Heng 3. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBhg. Dato' Seri Wong Siew Hai 6. YBhg. Dato' Seri Ir. Lim Kok Khong 7. YBhg. Dato' Seri Tan Eng Kee 8. YBhg. Dato' Cheok Lay Leng 9. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 10. Encik Fong Hock Guan 11. Encik Lim Boon Soo 12. Encik Lim Yong Chiat 13. Encik Ang Lye Hin 14. Encik Tan Siew Jin 15. Puan Heng Charng Yee
16.	Penang STEM Sdn. Bhd.	1. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 2. YB Puan Tan Hooi Peng 3. YB Tuan Wong Yuee Harng 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBhg. Dato Seri' Selvakumar A/L Shanmugam Chetty 6. YBhg. Dato' Loo Lee Lian 7. YBhg. Dato' Solomon Arulanandam A/L Lorthu 8. YBhg. Dato Chuah Choo Bin 9. YBhg. Dato Fong Swee Kiang 10. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
17.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 3. YB Dato' Zabidah Binti Safar 4. YB Dato' Wan Nor Sakina Binti Saad 5. YB Tuan H'ng Mooi Lye 6. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 7. YBhg. Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony 8. YBhg. Dato' Baderul Amin Bin Abdul Hamid
18.	Penang AGROTECH Sdn. Bhd.	1. YB Tuan Fahmi Bin Zainol 2. YB Dato' Hj Rashidi Bin Zainol 3. YB Tuan Woo Sze Zeng 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. YBhg. Dato Goh Cheng Liang 7. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 8. Encik Khairil Ahmad Bin Kamil Ahmad 9. Encik Mohamad Kahirani Bin Abdul Shukor

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN NEGERI

BIL.	NAMA	AHLI LEMBAGA PENGARAH
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid 3. YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 4. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 5. YB Dato' Wan Nor Sakina Binti Saad 6. YB Dato' Zabidah Binti Safar 7. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah

LAMPIRAN C

PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN SEMASA GLC DI BAWAH CMI DAN SSI DARI TAHUN 2020 HINGGA 30 SEPTEMBER 2025

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,720,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,340,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,310,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,890,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,560,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM2,270,000.00
CMI					
2.	George Town World Heritage Incorporated	2020	RM3,200,000.00	Tiada	RM3,310,101.00
		2021	RM3,200,000.00		RM3,086,888.00
		2022	RM3,200,000.00		RM3,098,650.00
		2023	RM3,200,000.00		RM2,974,607.00
		2024	RM2,750,000.00		RM2,514,394.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,836,110.75
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2020	RM500,000.00	RM201,070.00	RM1,580,953.00
		2021	RM1,500,000.00	RM168,139.00	RM1,700,000.00
		2022	RM1,500,000.00	RM493,269.00	RM1,849,927.00
		2023	RM2,000,000.00	RM633,062.00	RM2,071,308.00
		2024	RM1,500,000.00	RM836,783.00	RM2,088,092.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00	RM515,700.00	RM1,776,064.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00	Tiada	RM738,935.00
		2021	RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,466,792.00
		2022	RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM2,853,206.00
		2023	RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,273,206.00
		2024	RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM6,446,822.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM2,296,279.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2020	Tiada	Tiada	Tiada
		2021	Tiada	Tiada	Tiada
		2022	Tiada	Tiada	Tiada
		2023	Tiada	Tiada	Tiada
		2024	RM425,000.00	Tiada	RM31,194.55
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,500.00	Tiada	RM350,841.41
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
		2022	RM7,695,710.00		RM2,363,810.88
		2023	Tiada		RM3,208,968.51
		2024	RM4,000,000.00		RM4,390,442.80
		2025 (Sehingga 30 September	RM4,000,000.00		RM3,271,703.74

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2020	RM1,000,000.00	Tiada	RM863,223.00
		2021	RM1,000,000.00		RM810,116.00
		2022	RM1,500,000.00		RM2,035,775.00
		2023	RM1,500,000.00		RM1,618,779.00
		2024	RM1,500,000.00		RM1,369,267.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,350,000.00		RM945,501.00
8.	Penang Tech Centre	2020	RM650,000.00	RM854,679.03	RM2,422,734.64
		2021	RM752,000.00	RM1,510,055.67	RM1,882,285.54
		2022	RM850,000.00	RM2,235,579.41	RM3,007,689.99
		2023	RM850,000.00	RM3,239,343.28	RM4,037,180.93
		2024	RM850,000.00	RM2,555,380.07	RM3,379,163.20
		2025 (Sehingga 30 September)	RM637,500.00	RM2,497,047.34	RM2,757,034.55
9.	Penang Science Cluster	2020	RM3,300,000.00	RM4,774.213.00	RM6,915,820.00
		2021	RM356,898.00	RM4,278,745.00	RM3,673,797.00
		2022	RM801,887.00	RM3,291,838.00	RM3,599,497.00
		2023	RM1,264,781.00	RM4,568,885.00	RM6,153,050.00
		2024	RM400,000.00	RM4,734,142.00	RM5,012,726.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM200,000.00	RM3,397,308.00	RM3,269,232.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2020	RM560,000.00	RM236,163.00	RM711,318.00
		2021	RM410,000.00	RM155,862.00	RM662,161.00
		2022	RM630,000.00	RM219,290.00	RM753,554.00
		2023	RM650,000.00	RM712,387.00	RM1,221,648.00
		2024	RM600,000.00	RM468,905.00	RM1,010,352.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM405,000.00	RM509,408.00	RM990,081.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2020	RM7,050,000.00	RM9,229,041.00	RM7,965,798.00
		2021	RM5,530,000.00	RM6,208,105.00	RM9,242,783.00
		2022	RM6,480,000.00	RM9,561,262.00	RM8,562,243.00
		2023	RM7,300,000.00	RM11,179,112.00	RM6,402,229.00
		2024	RM4,947,720.00	RM6,490,836.00	RM5,463,596.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM3,000,000.00	RM5,181,501.00	RM 3,950,999.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2020	RM6,141,156.00	RM54,826.00	RM3,634,726.00
		2021	RM4,231,087.00	RM14,900.00	RM3,061,654.00
		2022	RM5,683,418.00	RM53,297.00	RM5,963,699.00
		2023	RM5,737,863.00	RM33,727.00	RM7,282,635.00
		2024	RM7,538,552.00	RM14,000.00	RM7,752,989.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM5,170,200.00	Tiada	RM5,118,412.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM823,355.00
		2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,401,229.00
		2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM1,062,746.00
		2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,776,268.00
		2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM904,987.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM968,730.00
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM12,173,634.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM15,183,966.00
		2023	RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,460,392.00
		2024	RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,411,209.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,902,440.00
15.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.	2020	RM1,500,000	RM418,620	RM1,196,755
		2021	RM2,500,000	RM387,556	RM2,141,679
		2022	RM2,500,000	RM524,330	RM3,062,478
		2023	RM2,500,000	RM877,939	RM3,597,745
		2024	RM1,500,000	RM608,437	RM2,399,161
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000	RM448,221	RM1,776,502

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM357,724.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,828.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,285,276.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,265,538.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM858,841.65
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	2025 (Sehingga 30 September)	Belum terima	-	-
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025			

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

15. Apakah status Taman Rekreasi Pantai Kamlon, Bumbung Lima?

    (a) Nyatakan kos yang telah dikeluarkan setelah beberapa kali kerja-kerja membaiki dilakukan.

    (b) Apakah perancangan seterusnya dalam membina kembali taman ini?

    (c) Apakah cadangan terhadap beberapa papan tanda yang menunjukkan arah ke taman ini kerana ia mengelirukan orang ramai?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Taman Rekreasi Pantai Kamloon pada asalnya berkeluasan 45.50 ekar dan terletak di tepi Sungai Muda, bersebelahan dengan Lebuhraya Utara-Selatan serta berhampiran dengan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Sungai Muda. Akses ke kawasan ini adalah melalui Pekan Bumbong Lima.

    Kawasan rekreasi ini pada mulanya telah dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) pada tahun 2003. Pengurusan taman tersebut kemudiannya telah diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dan diuruskan oleh JPS Daerah Seberang Perai Utara mulai Januari 2009.

    Namun demikian, selepas Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Muda siap sepenuhnya pada tahun 2015,

kawasan rekreasi tersebut telah terbahagi kepada dua bahagian dan tidak lagi diselenggara secara aktif.

(a) Pembaikan terakhir di Taman Rekreasi Pantai Kamloon telah dilaksanakan pada tahun 2011 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM82,885.20 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Lima dan Dua Puluh Sen Sahaja). Selepas tahun tersebut, tiada lagi sebarang kerja-kerja pembaikan atau penyelenggaraan dijalankan di kawasan berkenaan.

(b) Sehingga tahun 2025, tiada sebarang perancangan pembangunan yang melibatkan kawasan Taman Rekreasi Pantai Kamloon. Buat masa ini, pembangunan semula taman tersebut belum dipertimbangkan memandangkan faktor kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pihak JPS akan meneliti potensi dan keperluan pembangunan semula kawasan tersebut pada masa hadapan sekiranya terdapat keperluan dan peruntukan yang sesuai.

(c) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menyemak semula lokasi dan kedudukan papan tanda sedia ada di kawasan berkenaan bagi memastikan ia tidak mengelirukan orang ramai. Sekiranya JPS memutuskan bahawa Taman Rekreasi Pantai Kamloon tidak lagi beroperasi, papan tanda berkenaan akan ditanggalkan oleh pihak JKR.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

16. Nyatakan *hotspot* kawasan banjir di daerah SPU mengikut DUN.

    (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah bagi kawasan tanah rendah yang sering dilanda banjir ini?

    (b) Bagaimanakah jadual penyelenggaraan boleh membantu mengurangkan risiko banjir?

    (c) Apakah terdapat penyelesaian jangka panjang sebagai langkah pencegahan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Lokasi *hotspot* banjir di Daerah Seberang Perai Utara mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: LOKASI *HOTSPOT* BANJIR DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA MENGIKUT DUN

PARLIMEN	DUN	*HOTSPOT* BANJIR
Bagan	Sungai Puyu	Kampung Tok Sani
Tasek Gelugor	Permatang Berangan	Kampung Labuh Banting
		Kampung Lahar Yooi
		Kampung Tok Jawa
	Sungai Dua	Kampung Alor Merah
Kepala Batas	Bertam	Kampung Lahar Ikan Mati

(a) Antara langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut adalah pelaksanaan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Dan Sistem Saliran Mesra Alam (DMP) Daerah Seberang Perai Utara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) yang telah siap pada bulan Februari 2019. Susulan daripada itu, JPSPP akan melaksanakan Kajian Reka Bentuk Terperinci di Kawasan-kawasan *Hotspot* Banjir berdasarkan kepada keutamaan dan ketersediaan peruntukan untuk penyelesaian keseluruhan sistem saliran di kawasan tersebut.

(b) Kerja-kerja penyelenggaraan amat membantu dalam mengurangkan risiko berlakunya banjir kerana sistem saliran yang diselenggara dengan baik dapat menampung kapasiti air hujan yang lebih banyak terutamanya semasa hujan lebat. Walau bagaimanapun, kejadian-kejadian luar jangka seperti fenomena air pasang besar dan perubahan cuaca ekstrem masih berpotensi untuk meningkatkan risiko berlakunya kejadian banjir.

(c) Penyelesaian jangka panjang akan dapat diperolehi daripada hasil kajian Kajian Reka Bentuk Terperinci di Kawasan-kawasan *Hotspot* Banjir yang dilaksanakan oleh JPSPP. Projek-projek mitigasi banjir akan dilaksanakan berdasarkan kepada keutamaan dan ketersediaan peruntukan semasa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

17. Senaraikan kilang-kilang haram yang terdapat di Parlimen Kepala Batas mengikut DUN ketika ini serta berapa lama kilang-kilang tersebut telah beroperasi.

    (a) Nyatakan garis panduan dalam permohonan lesen.

    (b) Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk memproses permohonan ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Berdasarkan semakan terkini pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebanyak 76 buah kilang haram telah dikenal pasti di Parlimen Kepala Batas dan kilang-kilang ini dipercayai telah beroperasi sejak 20 sehingga 30 tahun yang lalu iaitu sebelum pelaksanaan program pemutihan serta penguatkuasaan peraturan sedia ada oleh pihak MBSP. Perincian senarai kilang haram mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Garis panduan untuk permohonan lesen perniagaan di bawah MBSP adalah merujuk kepada Manual Pelesenan Panduan Permohonan dan Peraturan Lesen Premis dan Iklan MBSP yang berkuat kuasa pada bulan September 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN B (sila imbas kod QR)**

(b) Tempoh masa untuk memproses permohonan lesen adalah bergantung kepada kategori permohonan seperti berikut:

Bil.	Kategori Permohonan	Tempoh Pemprosesan
1	Tidak Berisiko Dalam Skim	24 jam
2	Tidak Berisiko Luar Skim	30 hari
3	Berisiko Dalam Skim (Aktiviti Industri)	24 jam
4	Berisiko Dalam Skim (Aktiviti Am)	30 hari
5	Berisiko Luar Skim	30 hari

LAMPIRAN A

SENARAI KILANG HARAM MENGIKUT DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) DI BAWAH PARLIMEN KEPALA BATAS, PULAU PINANG

N01 - DUN PENAGA				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
1	ENG HEAP SENG RICE MILL SDN. BHD.	733, 1832 & 1984	968, PERMATANG JANGGUS, 13100 PENAGA	BERAS
2	OOI LIAN SENG & 2 LAGI	606	643, PENAGA, 13100 PENAGA	TIADA MAKLUMAT
3	LIM SIEW GEK	1700	6520, LAHAR ENDIN, 13100 PENAGA	TIADA MAKLUMAT
4	HITARO CORPORATION SDN. BHD.	3771	777, LAHAR IKAN MATI, 13200 KEPALA BATAS	MANUFACTURING & TRADING AUTO SPARE PARTS
5	ENG HEAP SENG HOLDINGS SDN. BHD.	733, 1832 & 1984	6746, PERMATANG JANGGUS, 13100 PENAGA	MEMASAK KOPI/SERBUK KOPI
6	AMAN SENTOSA SDN. BHD.	3146	1146, PERMATANG JANGGUS, 13100 PENAGA	MENGETIN/MEMBOTOL/BUNGKUS MAKANAN
7	CHOO SENG RICE MILL	606	643, PENAGA, 13100 PENAGA	BERAS
8	KILANG BERAS LEONG GUAN SDN. BHD.	3581, 3584, 1249 & 3871	968, PERMATANG TINGGI, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
1	LEE BOON CHAI & TEOH POH AEM	787, 789 & 1781	1119, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TEMPAT MENYIMPAN BARANG BARANG PLASTIK, BAJA, MINYAK DAN GULA
2	LEE BENG HOON	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
3	LEE CHEE HOCK	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
4	LEE CHEE HUP	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
5	LEE CHEE TEONG	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
6	LEE CHEE EE	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
7	TRANSFORM ELECTRICAL INDUSTRY SDN. BHD.	1772	1122, JLN. PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	MEMBUAT TRANSFORMER
8	TEH NAM SENG & TEH LAM HUAT	2505	DI ATAS LOT 2505, JLN. PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
9	OOI TZE KUAN	1513	503, PERMATANG SINTOK, 13100 PENAGA	KERJA-KERJA BESI

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
10	CIPLI INDUSTRIES SDN. BHD.	1199	DI ATAS LOT 1199, JLN. PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS	MEMBUAT PAIP PLASTIK
11	KEPALA BATAS BIHUN SDN. BHD.	2993	1239, KG. PADANG, LAHAR KEPAR, 13200 KEPALA BATAS	KILANG PENGISAR BIHUN, LAKSA, MI SEGERA, MI DAN KUETIAU.
12	LEE AH MOW	1736	409, JLN. BUTTERWORTH, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
13	KIM THYE LEONG RICEMILL SDN. BHD.	1003	423, PERMATANG MANGGIS, 13200 KEPALA BATAS	MEMPROSES PADI DAN BERAS
14	SOON BEE CHAN RICE MILL SDN. BHD.	6259	1187, PERMATANG SINTOK, 13100 PENAGA	KILANG MEMPROSES PADI DAN BERAS
15	HAIDAR ALI BIN MUTHALIF DL	2362	1949, JLN. BERTAM, 13200 KEPALA BATAS	KILANG ROTI DAN BISKUT
16	GUAN SHEN OIL & RICE MILLS	2366	1472, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
17	CHNG SIN HOCK	1064	1485, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
18	LOH SEK PHANG & LOH SIEK HOW	1066	1422, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
19	LIM CHIN JOO	6174	1416, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	KAYU BALAK

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
20	TAN KIM KUANG & HONG YEW WAH	2478	5404, PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS	MEMPROSES KAYU LAPIS
21	LY YANG WOOD PRODUCTS	22364 (1098)	NO. 2668, JLN. DUA, JLN. DATUK HJ. AHMAD BADAWI, 13200 KEPALA BATAS	KERJA-KERJA KAYU
22	CHEW SEANG WOOI	72	1124, JLN. KEDAH, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
23	PUSAT PENGELUARAN BENIH PADI LAHAR BUBU	4218	LOT 2286, PMTG. MANGGIS, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
24	SENG CUSHION	5492	DI ATAS LOT 5492, JLN. PERMATANG SINTOK, 13100 PENAGA	MEMBUAT KUSYEN
25	GUAN HIN FOODIES FACTORY (P.P.) SDN. BHD.	72	TIADA	TIADA MAKLUMAT
26	KOPERASI PEKERJA KUMPULAN SOKONGAN P. PINANG BHD.	330	1301, KG. BARU, 13100 PENAGA	TIADA MAKLUMAT
27	TAN CHOO SAN	872	669, JALAN SG. PUYU, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
28	TAN ENG AIK	873	NO. 807, BAGAN AJAM TAMAN EMAS 13000 BUTTERWORTH	PEMBORONG BEG
29	SHUN SHUN ENTERPRISE	1172	TIADA DATA	SEJUK BEKU IKAN

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
30	AUDIO TONES ENTERPRISE SDN. BHD.	2478	TIADA DATA	MEMPROSES KAYU LAPIS
31	GOLDEN STAR MACHINERY & HARDWARE SDN. BHD.	13006	TIADA DATA	KERJA-KERJA BESI
32	KEAN HIN COFECTIONERY SDN. BHD.	729	DI ATAS LOT 2205, OFF JLN. KUBANG SEMANG, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT
33	CASA INTI SDN. BHD.	2596	752, JLN. ARA KUDA, KG. TELOK WANG, 14000 BUKIT MERTAJAM	PERABOT
34	KEPALA BATAS BIHUN SDN. BHD.	1246, 291, 2992, 5928, 5932, 5935, 5939 & 5942	TIADA DATA	KILANG BIHUN

N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
1	KILANG BERAS LEONG GUAN SDN. BHD.	787, 789 & 1781	572, PERMATANG TINGGI, 13200 KEPALA BATAS	TEMPAT MENYIMPAN BARANG BARANG PLASTIK, BAJA, MINYAK DAN GULA
2	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	791	TIADA	TIADA MAKLUMAT
3	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG	791	1596, JLN. KUBANG MENERONG, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
4	ANG JOO LOONG	791	6201, TINGKAT SELAMAT 2, KAMPUNG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
5	YAAP GOH LIM	791	DI ATAS LOT 1434 TKT. SELAMAT 7, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
6	TM BRICKS INDUSTRIES SDN. BHD.	791	LOT 1403 & 1404, TKT SELAMAT 9, KG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
7	AMKAWOOD K. D. SDN. BHD.	1772	LOT 3795, TKT. SELAMAT 11, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	MEMBUAT TRANSFORMER

N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
8	ARINDU WOOD SDN. BHD.	2505	LOT 179, JLN. KG. BARU, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
9	SEE HAI ENTERPRISE SDN. BHD.	1513	LOT 2111, KUBANG MENERONG, 13300 TASEK GELUGOR	KERJA-KERJA BESI
10	LUSTY ENGINEERING & CONSTRUCTION	1199	DI ATAS LOT 1549 TKT. SELAMAT 4, KG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	MEMBUAT PAIP PLASTIK
11	LAZIM ASIA SDN. BHD.	2993	1483, TKT. SELAMAT 4 KAMPUNG SELAMAT 1330 TASEK GELUGOR	KILANG PENGISAR BIHUN, LAKSA, MI SEGERA, MI DAN KUETIAU
12	KUALITI AYU SDN. BHD.	1736	3035, KG. BARU, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
13	KILANG BIHUN BERAS INDAH SDN. BHD.	1003	2736, TKT. SELAMAT 6, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	MEMPROSES PADI DAN BERAS
14	DOUBLE SECURE PRODUCTS (M) SDN. BHD.	6259	NO. 7697, TKT. SELAMAT 4 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR	KILANG MEMPROSES PADI DAN BERAS
15	LIM SING HOO	2362	7053, TKT. SELAMAT 10, KG. SELAMAT, 13300 TASIK GELUGOR	KILANG ROTI DAN BISKUT

N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
16	LIM CHIN KOK	2366	LOT PT. 1613, MK. 12 SPU, KAMPUNG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
17	SHAN TATT ENTERPRISE	1064	TIADA	TIADA MAKLUMAT
18	LAVIE FURNITURE MANUFACTURING SDN. BHD.	1066	DI ATAS LOT 1491, TKT. SELAMAT 5, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
19	TLP RESOURCES SDN. BHD. (TPL)	6174	444, TANJONG BEREMBANG, 14310 NIBONG TEBAL	KAYU BALAK
20	KILANG PAPAN NAGA JAYA SDN. BHD.	2478	TIADA DATA	MEMPROSES KAYU LAPIS
21	FARBEN TECHNIQUE (M) SDN. BHD.	22364 (1098)	TIADA DATA	KERJA-KERJA KAYU
22	SUN RENEWABLES SDN. BHD.	72	TIADA DATA	TIADA MAKLUMAT
23	XINTONGSI ENTERPRISE	4218	TIADA DATA	TIADA MAKLUMAT
24	WEI SIONG CANVAS TRADING SDN. BHD.	5492	TIADA DATA	MEMBUAT KUSYEN
25	HEOP SEONG SUPPLIERS	72	TIADA DATA	TIADA MAKLUMAT

N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	**NAMA SYARIKAT/PEMUNYA**	**NO. LOT**	**ALAMAT/LOKASI**	**JENIS PERUSAHAAN**
26	BEAUTY WOOD ENTERPRISE SDN. BHD. & ACCORD FURNITURE INDUSTRIES SDN. BHD.	330	808, JLN. SG. PUYU, 13020 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
27	JV EVERICH HARDWARE SDN. BHD. & OSAKA PLASTICS (M) SDN. BHD.	872	1178, MAKLOM, 13800 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
28	NSTP ENTERPRISE	873	TIADA DATA	PEMBORONG BEG
29	SHAN TATT ENTERPRISE	1172	TIADA DATA	SEJUK BEKU IKAN
30	ADVANCE CASKET ENTERPRISE	2478	1399, JLN. PADANG BENGGALI, TELOK AIR, TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	MEMPROSES KAYU LAPIS
31	LAZIM ASIA SDN. BHD.	13006	TIADA DATA	KERJA-KERJA BESI
32	AN MARKETING TRADINGS SDN. BHD.	729	1451, JLN. PECAH BATU, 14400 KUBANG SEMANG	TIADA MAKLUMAT
33	BEH KEAN ENTERPRISE	2596	LOT 5958, TKT. SELAMAT 7, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	PERABUT
34	LAW MENG HAI	1246, 291, 2992, 5928, 5932, 5935, 5939 & 5942	TIADA DATA	KILANG BIHUN

LAMPIRAN B



MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

18. Apakah definisi miskin dan miskin tegar serta bagaimanakah ukuran itu dibuat?

    (a) Senaraikan bilangan terkini miskin dan miskin tegar mengikut kaum bagi setiap DUN dari tempoh 2022 hingga kini.

    (b) Apakah usaha kerajaan dalam mencapai sasaran sifar miskin tegar dan bagaimanakah pencapaian setakat ini?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Definisi Miskin dan Miskin Tegar dalam sistem eKasih menggunakan definisi rasmi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi (KE) dan disokong oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Definisi tersebut adalah seperti berikut:

KATEGORI EKASIH	KRITERIA PENGUKURAN
Miskin Tegar	Ketua Isi Rumah (KIR) dengan pendapatan bulanan kurang daripada PGK per kapita. PGK bagi Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa ialah PGK 2022 dengan kadar PGK Per kapita sebanyak RM315.00.

KATEGORI EKASIH	KRITERIA PENGUKURAN
Miskin	Ketua Isi Rumah (KIR) dengan pendapatan bulanan kurang daripada PGK per kapita. PGK bagi Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa ialah PGK 2022 dengan kadar PGK Per kapita sebanyak RM719.00.

(a) Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) bagi kategori Miskin dan Miskin Tegar mengikut kaum serta setiap DUN bagi tempoh tahun 2022 hingga 1 November 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pelbagai inisiatif seperti:

(i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD) yang berperanan untuk melaksanakan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat, serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat daerah.

(ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah tambahan yang proaktif melalui Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah JKM. Mulai 1 Januari 2025, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) di bawah BAES telah dinaikkan dari RM260.00 kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

(iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa serta kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan kadar miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2022											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	92	35	127	62	27	89	70	43	113	3	1	4
Air Putih	11	5	16	6	5	11	23	16	39	0	0	0
Bagan Dalam	151	65	216	81	24	105	32	10	42	1	1	2
Bagan Jermal	156	47	203	66	11	77	41	16	57	2	0	2
Batu Lancang	30	7	37	19	3	22	55	24	79	0	0	0
Batu Maung	194	48	242	36	14	50	25	18	43	1	0	1
Batu Uban	66	14	80	37	12	49	56	34	90	2	0	2
Bayan Lepas	430	112	542	44	16	60	39	15	54	2	2	4
Berapit	99	30	129	19	4	23	59	19	78	0	0	0
Bertam	349	117	466	50	25	75	12	5	17	1	0	1
Bukit Tambun	126	30	156	120	21	141	36	14	50	1	1	2
Bukit Tengah	200	59	259	45	10	55	19	7	26	2	0	2
Datok Keramat	100	34	134	40	18	58	33	38	71	2	0	2
Jawi	196	48	244	112	41	153	56	30	86	0	0	0
Kebun Bunga	18	9	27	30	20	50	62	73	135	0	0	0
Komtar	44	18	62	26	7	33	15	13	28	0	2	2
Machang Bubuk	350	110	460	63	22	85	71	44	115	0	0	0
Padang Kota	6	1	7	9	4	13	15	7	22	1	0	1
Padang Lalang	103	33	136	28	12	40	39	25	64	0	0	0
Pantai Jerejak	86	15	101	27	14	41	35	16	51	0	0	0
Paya Terubong	35	4	39	51	25	76	125	81	206	0	0	0
Penaga	952	322	1,274	3	1	4	22	6	28	1	1	2
Penanti	399	161	560	6	5	11	12	10	22	2	1	3

LAMPIRAN A

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2022											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	11	3	14	20	13	33	42	27	69	0	0	0
Perai	43	8	51	62	20	82	19	11	30	0	0	0
Permatang Berangan	809	297	1,106	43	15	58	15	4	19	0	0	0
Permatang Pasir	404	143	547	30	9	39	10	9	19	0	1	1
Pinang Tunggal	585	180	765	19	6	25	12	7	19	1	1	2
Pulau Betong	311	106	417	14	3	17	25	18	43	0	0	0
Pulau Tikus	27	11	38	2	9	11	11	11	22	0	0	0
Seberang Jaya	411	103	514	92	31	123	42	22	64	3	0	3
Seri Delima	57	19	76	29	6	35	21	17	38	0	0	0
Sungai Acheh	483	173	656	29	14	43	29	8	37	2	0	2
Sungai Bakap	361	113	474	105	19	124	43	14	57	0	2	2
Sungai Dua	526	186	712	9	6	15	13	4	17	0	0	0
Sungai Pinang	155	63	218	67	32	99	45	21	66	1	0	1
Sungai Puyu	139	34	173	57	19	76	59	26	85	0	0	0
Tanjong Bunga	77	40	117	29	10	39	25	14	39	1	0	1
Telok Ayer Tawar	273	95	368	33	8	41	20	4	24	3	1	4
Telok Bahang	257	92	349	4	4	8	26	11	37	0	0	0
Pulau Pinang	4,929	1,666	6,595	644	224	868	457	228	685	10	5	16

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2023											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	88	35	123	42	17	59	39	13	52	1	0	1
Air Putih	29	24	53	27	20	47	85	51	136	0	0	0
Bagan Dalam	121	56	177	65	36	101	27	9	36	0	2	2
Bagan Jermal	97	39	136	64	30	94	42	19	61	0	1	1
Batu Lancang	20	9	29	22	3	25	52	17	69	0	0	0
Batu Maung	190	65	255	40	12	52	27	14	41	0	0	0
Batu Uban	93	21	114	38	13	51	64	27	91	2	0	2
Bayan Lepas	370	145	515	27	11	38	31	15	46	1	0	1
Berapit	36	19	55	16	3	19	39	17	56	0	0	0
Bertam	288	141	429	57	20	77	13	9	22	0	0	0
Bukit Tambun	135	46	181	91	35	126	45	16	61	0	0	0
Bukit Tengah	210	84	294	45	14	59	26	4	30	1	1	2
Datok Keramat	87	27	114	35	8	43	43	18	61	1	0	1
Jawi	180	72	252	112	46	158	59	30	89	0	0	0
Kebun Bunga	7	9	16	16	6	22	22	16	38	0	0	0
Komtar	36	26	62	25	7	32	19	7	26	1	0	1
Machang Bubuk	336	127	463	80	23	103	70	30	100	0	1	1
Padang Kota	4	4	8	15	6	21	11	7	18	0	0	0
Padang Lalang	96	47	143	30	26	56	49	18	67	1	0	1
Pantai Jerejak	67	24	91	19	13	32	30	10	40	0	1	1
Paya Terubong	31	8	39	74	29	103	149	65	214	1		1
Penaga	753	347	1,100	4	1	5	13	6	19	0	3	3
Penanti	393	197	590	3	4	7	12	8	20	2	1	3

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2023											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	7	7	14	22	10	32	44	25	69	0	0	0
Perai	20	9	29	77	23	100	17	6	23	0	0	0
Permatang Berangan	817	314	1,131	36	19	55	10	3	13	0	0	0
Permatang Pasir	467	199	666	39	32	71	16	9	25	0	2	2
Pinang Tunggal	747	309	1,056	22	16	38	17	6	23	1	1	2
Pulau Betong	304	121	425	14	3	17	25	18	43	1	0	1
Pulau Tikus	24	8	32	9	4	13	17	9	26	0	0	0
Seberang Jaya	365	141	506	70	25	95	42	10	52	2	1	3
Seri Delima	47	14	61	31	4	35	23	6	29	0	0	0
Sungai Acheh	491	195	686	29	16	45	29	8	37	2	0	2
Sungai Bakap	355	143	498	81	32	113	24	12	36	0	1	1
Sungai Dua	577	224	801	9	4	13	12	6	18	1	1	2
Sungai Pinang	160	68	228	90	37	127	43	13	56	0	0	0
Sungai Puyu	126	70	196	54	19	73	58	24	82	0	0	0
Tanjong Bunga	71	43	114	21	10	31	19	4	23	1	0	1
Telok Ayer Tawar	317	144	461	26	13	39	13	6	19	2	2	4
Telok Bahang	270	102	372	8	3	11	17	13	30	0	0	0
Pulau Pinang	8,832	3,683	12,515	1,585	653	2,238	1,393	604	1,997	21	18	39

LAMPIRAN A

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2024											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	132	0	132	75	0	75	72	0	72	2	0	2
Air Putih	61	0	61	72	0	72	172	0	172	0	0	0
Bagan Dalam	170	0	170	122	1	123	42	0	42	2	0	2
Bagan Jermal	154	4	158	114	3	117	87	0	87	1	0	1
Batu Lancang	33	0	33	37	1	38	95	2	97	0	0	0
Batu Maung	225	0	225	42	0	42	36	0	36	1	0	1
Batu Uban	120	1	121	59	0	59	101	1	102	2	0	2
Bayan Lepas	505	1	506	46	0	46	40	0	40	1	0	1
Berapit	65	1	66	36	0	36	66	0	66	0	0	0
Bertam	418	0	418	76	0	76	23	0	23	0	0	0
Bukit Tambun	175	0	175	135	1	136	69	0	69	0	0	0
Bukit Tengah	255	0	255	66	2	68	39	1	40	4	0	4
Datok Keramat	117	3	120	54	0	54	66	0	66	0	0	0
Jawi	257	0	257	225	3	228	90	0	90	0	0	0
Kebun Bunga	21	0	21	33	0	33	68	0	68	0	0	0
Komtar	79	0	79	35	1	36	30	0	30	2	0	2
Machang Bubuk	465	3	468	114	1	115	125	0	125	1	0	1
Padang Kota	13	0	13	20	0	20	18	1	19	0	0	0
Padang Lalang	163	1	164	74	0	74	99	0	99	0	0	0
Pantai Jerejak	88	0	88	37	0	37	34	0	34	0	0	0
Paya Terubong	60	0	60	112	1	113	240	0	240	0	0	0
Penaga	1,083	2	1,085	6	0	6	16	0	16	0	0	0
Penanti	564	2	566	14	0	14	17	0	17	4	0	4

LAMPIRAN A

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2024											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	20	0	20	37	0	37	70	0	70	0	0	0
Perai	42	0	42	133	0	133	33	0	33	1	0	1
Permatang Berangan	1,080	2	1,082	56	0	56	17	0	17	0	0	0
Permatang Pasir	579	3	582	87	2	89	26	1	27	2	0	2
Pinang Tunggal	1,023	1	1,024	65	0	65	20	0	20	2	0	2
Pulau Betong	384	3	387	13	0	13	42	0	42	1	0	1
Pulau Tikus	31	0	31	15	0	15	27	0	27	0	0	0
Seberang Jaya	518	3	521	89	0	89	55	0	55	3	0	3
Seri Delima	74	0	74	38	0	38	41	0	41	0	0	0
Sungai Acheh	635	2	637	57	0	57	39	0	39	1	0	1
Sungai Bakap	464	2	466	161	2	163	47	0	47	1	0	1
Sungai Dua	705	2	707	17	0	17	20	0	20	1	0	1
Sungai Pinang	253	1	254	153	0	153	85	0	85	0	0	0
Sungai Puyu	192	2	194	101	1	102	127	0	127	1	0	1
Tanjong Bunga	133	0	133	45	0	45	37	0	37	0	0	0
Telok Ayer Tawar	394	0	394	45	0	45	34	0	34	4	0	4
Telok Bahang	369	3	372	16	0	16	30	0	30	1	0	1
Pulau Pinang	12,119	42	12,161	2,732	19	2,751	2,395	6	2,401	38	0	38

LAMPIRAN A

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2025											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
15.	YBhg. Datuk Hj Mohd Zaidi bin Hj Mohd Said	Ahli Lembaga Pengarah
16.	Tuan Haji Mohd Naki bin Md Ali	Ahli Lembaga Pengarah
17.	Tuan Zahar bin Zainul	Ahli Lembaga Pengarah

(b) Jumlah pekerja dan emolumen bulanan bagi setiap syarikat berkenaan seperti berikut:

AGENSI	JUMLAH PEKERJA	JUMLAH EMOLUMEN SEBULAN (RM)
ZAKAT MAINPP	143	702,021.00
PHZ	52	172,115.00
IKS	15	43,219.00
DH	57	147,218.00

(c) Berdasarkan rekod tiada tanah wakaf yang dimiliki oleh Zakat MAINPP. Namun begitu, pihak Zakat MAINPP telah menebus tanah di Lot 537, Seksyen 2, Bandar Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut dengan nilaian RM8,000,000.00.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

26. Senaraikan fungsi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) serta program-program yang dilaksanakan sejak 2020 sehingga kini.

    (a) Apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai prestasi YIPP dan setiap ahli lembaga pengarah?

    (b) Nyatakan laporan serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap ahli lembaga pengarah bagi memastikan mereka berfungsi secara efektif dan memenuhi tanggungjawab mereka.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Fungsi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) adalah seperti berikut:

    (i) Menyokong Institusi Islam lain di Pulau Pinang;

    (ii) Merancang dan mempromosikan usaha untuk memperkukuhkan perkembangan pendidikan kepada pelajar Muslim dengan mewujudkan peluang pendidikan; dan

    (iii) Memberi bantuan dan mewujudkan akses kepada pendidikan dan peluang pendidikan di peringkat yang lebih tinggi bagi masyarakat Muslim di Pulau Pinang.

Program-program yang telah dilaksanakan oleh YIPP sejak tahun 2020 hingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(a) Penilaian prestasi YIPP dilaksanakan melalui mekanisme berikut:

(i) Audit Kewangan Tahunan

Diaudit oleh juruaudit luar yang dilantik oleh Lembaga Pengarah YIPP bagi menilai tahap tadbir urus kewangan, pematuhan prosedur, dan keberkesanan kawalan dalaman;

(ii) Audit Prestasi dan Pemantauan

Disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui pembentangan laporan setiap tahun;

(iii) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun bagi menilai pelaksanaan dasar, keputusan strategik, dan isu operasi yang dibentangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif; dan

(iv) Pelaporan Tahunan Prestasi Kewangan kepada Kerajaan Negeri

YIPP mengemukakan laporan prestasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebagai pihak pemegang amanah utama.

Mekanisme yang digunakan untuk menilai prestasi YIPP adalah berdasarkan kepada pengurusan organisasi yang sistematik, pengurusan kewangan yang cekap, pengurusan sumber manusia yang mencakupi semua kebolehan bakat dan pencapaian serta amalan pentadbiran yang profesional selaras dengan tatakelola yang ditetapkan oleh YIPP.

Manakala setiap Ahli Lembaga Pengarah (ALP) berperanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pembuat dasar syarikat dan memantau perjalanan syarikat secara keseluruhannya selaras dengan Piagam YIPP.

(b) Sehingga kini tiada laporan dan *Key Performance Indicator* (KPI) khusus untuk setiap ALP namun begitu semua ALP adalah tertakluk kepada Piagam YIPP dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kerajaan Negeri. Secara dasarnya pelantikan dan pertukaran ALP YIPP hendaklah melalui persetujuan dari Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri dan perlu diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (MMKN) untuk kelulusan. Setiap ALP bertanggungjawab untuk memacu, memantau, dan memastikan tadbir urus projek YIPP selaras dengan garis panduan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

LAMPIRAN A

PROGRAM-PROGRAM YIPP BERMULA 2020 SEHINGGA 2025

Bil.	Perkara	Program
1.	Pulau Pinang Mengajar	Majlis Pelancaran Pulau Pinang Mengajar (PPM)
		Program Lawatan Sambil Belajar Pulau Pinang Mengajar (PPM)
		Kelas Online Pulau Pinang Mengajar (PPM)
		Pertandingan Melukis dan Mewarna Bersempena Hari Guru
		E-Kad Raya Aidilfitri daripada Pelajar PPM untuk Sukarelawan PPM
		Kad Ucapan Penghargaan kepada Timbalan Ketua Menteri (1) Pulau Pinang
		Majlis Brainstorm Sukarelawan PPM 2020
		Program Turun ke Padang (Bancian dan Soal Selidik)
		Majlis Ibadah Korban Gerakan Pulau Pinang Mengajar
		Pembentangan Laporan Setahun PPM kepada Timbalan Ketua Menteri (1) Pulau Pinang
		Majlis Pelancaran Buku *Pulau Pinang, Aku Ingin Mengajar!*

		Kempen *Keep Lessons Alive* (Februari 2021 hingga Mac 2021)
		Perjumpaan Dalam Talian bersama Sukarelawan PPM (17 Februari 2021)
		Pembentangan Program Pulau Pinang Mengajar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (25 Februari 2021)
		Kempen Kotak Nutrisi Untuk Dhuafa (5 April 2021)
		Penyerahan Kotak Nutrisi Untuk Dhuafa pada di PPR Jalan Sungai (26 April 2021)
		Majlis Apresiasi Gerakan Pulau Pinang Mengajar di Lexis Suites Hotel Penang (5 Mei 2021)
		Kursus Pemantapan Sukarelawan YIPP Bersama Projek Iqra' Secara Dalam Talian (20 Jun 2021)
		Program Ibadah Korban Untuk Pelajar PPM di SAR al-Amin (12 Julai 2021)
		Kursus Pembangunan Sukarelawan YIPP Bersama Khazanah Research Institute Secara Dalam Talian (21 Ogos 2021)
		Pertandingan Mewarna dan Melukis (Pulau Pinang Mengajar Sempena Hari Malaysia (4 hingga 13 September 2021)

		Sharing Session bersama ADAB Youth Garage (AYG) Secara Dalam Talian (5 Oktober 2021)
		Pertandingan Video Sambutan Maulidur Rasul Pulau Pinang Mengajar (11 hingga 19 Oktober 2021)
		Lawatan Kerja ke ADAB Youth Garage (AYG) di Selangor (25 November hingga 26 November 2021)
		Program *Ranking Top Volunteer* Pulau Pinang Mengajar di laman sosial *Facebook* Yayasan Islam Pulau Pinang (7 Januari 2022)
		Majlis Apresiasi Pulau Pinang Mengajar (16 April 2022)
		Penyerahan Kotak Nutrisi untuk Duafa' (16 April 2022)
		Pembukaan Kelas Bimbingan Pulau Pinang Mengajar di Kampung Melayu, Air Itam (2 Julai 2022)
		Majlis Ibadah Korban untuk Duafa' - Pulau Pinang Mengajar (12 Julai 2022)
		Majlis Perasmian Pulau Pinang Mengajar di lokasi Kampung Melayu, Air Itam dirasmikan oleh YB Zairil Khir Johari (3 September 2022)
		Lawatan Sambil Belajar Pulau Pinang Mengajar 2022 (17 Disember 2022)

		Program Celik Membaca, Menulis & Mengira (3M) (28 Januari 2023)
		Bengkel Training of Trainer Sukarelawan PPM 2023 (18 Mac 2023)
		Majlis Pelancaran Modul PPM 2023 (18 Mac 2023)
		Majlis Perasmian Pulau Pinang Mengajar di lokasi Flat UDA, Tanjung Tokong (27 Mei 2023)
		Program Celik Membaca, Menulis & Mengira (3M)
		Rakaman Selamat Pagi Malaysia: Bingkisan Pulau Pinang siaran 17 Mei - Pulau Pinang Mengajar (11 Mei 2024)
		Program Beramah Mesra Dan Aktiviti Bersama Pelajar Pulau Pinang Mengajar (PPM) Di Flat UDA Tanjung Tokong Dari Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) (23 Mei 2024)
		Majlis Perasmian Pulau Pinang Mengajar
		Program Training of Trainers
		Sesi Libat Urus Literasi & Numerasi Pulau Pinang
		Bengkel Pemurnian Bahan Bacaan Maya E-Lentera & Modul Pil.2.0 PPD SPT
		Bengkel Peningkatan Profesionalisme Guru Pemulihan Khas Negeri Pulau Pinang

2	Iltizam Huffaz	Majlis Graduasi
		Program Motivasi dan Kerjaya
		Perjumpaan Bersama Mudir Maahad Tahfiz
		Kelas Rutin setiap Sabtu dan Ahad
		Ujian Percubaan SPM
		Promosi Pendaftaran Iltizam Huffaz
		Ujian Kemasukkan Pelajar Iltizam Huffaz
		Taklimat Pendaftaran
		Perjumpaan Bersama Guru-Guru Iltizam Huffaz
3	KAFA Menengah Pulau Pinang	Program Khas Ramadhan
		Program Semarak Islami
		Program Seminar Kenegaraan Madani
		Sukan KAFA Menengah
		Bengkel PdPC
		Masjid Khatam Al-Quran & Quamullail
		Kursus Pemantapan Profesionalisme
		Ihtifal Sanawi KAFA Menengah
		Majlis Idul Ilmi
		Kursus dan Bengkel Guru KAFA Menengah

		Bengkel Pemantapan Jawi Guru KAFA Menengah Pulau Pinang
		Bengkel Pemantapan Jawi, Teknik Menjawab & Motivasi Calon Peperiksaan Sijil KAFA Menengah (SKM) 2025
4	Program Khas	Bicara Ramadan
		Akademi Khat Pulau Pinang (Kem Bina Juara)
		Bengkel Pengurusan Kewangan Keluarga Islam (Kursus Ilmu Keluarga)
		Kursus Ilmu Keluarga Bahagia
		Bengkel Kajian Khaira Ummah
		Bengkel Pemurnian Modul Belia Islam
		Rakaman YIPP TV
		Pertandingan Video Merdeka
		Dialog Kepimpinan Mahasiswa Pulau Pinang
		Kayuhan Ambang Merdeka dan Majlis Sambutan Ambang Kemerdekaan Khaira Ummah 2030
		Bengkel Asas Seni Khat Pulau Pinang
		Pertandingan Muazzin Muda Pulau Pinang
		Latihan Sukarelawan Menghadapi Bencana
		Pameran Haji Kisah Mek Teh ke Tanah Suci di Lebuh Acheh

		Bengkel Warisan Seni Khat sempena Perayaan Warisan George Town 2022
		Minggu Penghayatan Islam - Bengkel Khat di SMK Tunku Puan Habsah
		Penggambaran Siri Dokumentari Legasi - 39 Koleksi Terpilih Arkib Negara Malaysia di Galeri Haji Pulau Pinang
		Program Outreach Pemuliharaan Warisan Surau Lama, Kubang Semang
		Pameran Digital Storyboard Mek Teh Sempena Bulan Hari Raya Haji

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL YB BUKHORI BIN GHAZALI

27. Nyatakan jumlah peruntukan geran MARRIS kepada JKR, MBSP, JPS dan lain-lain agensi kerajaan dari tahun 2020 sehingga kini untuk daerah SPU mengikut DUN.

    (a) Perincikan perbelanjaan untuk jabatan-jabatan di atas pada tahun 2020 sehingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Peruntukan Penyelenggaraan Jalan Persekutuan (MARRIS) diagihkan kepada agensi-agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah dan Tanah adalah berdasarkan skop penyelenggaraan jalan dan juga sempadan masing-masing. Pembahagian peruntukan ini tidak dibuat secara terus mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), sebaliknya pengagihan dan pelaksanaan kerja adalah berdasarkan kepada aduan, keperluan semasa serta keutamaan keadaan jalan di sesuatu lokasi.

    Sehubungan itu, keutamaan pemberian peruntukan adalah bagi kerja-kerja pembaikan kecemasan, kerosakan kritikal, serta penyelenggaraan yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kelancaran pengguna jalan raya. Perincian jumlah perbelanjaan MARRIS bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU) mengikut DUN dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PERBELANJAAN MARRIS BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA OKTOBER 2025 KEPADA DAERAH SPU MENGIKUT DUN

BIL	KADUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
1.	PENAGA	3,395,308.06	2,960,240.14	4,392,421.97	6,360,399.28	3,198,945.63	3,642,115.43	23,949,430.51
2	BERTAM	2,782,038.10	2,629,032.77	3,394,805.41	4,514,841.66	3,712,799.59	2,275,405.00	19,308,922.53
3.	PNG.TUNGGAL	3,685,201.85	2,965,913.32	7,657,132.56	11,604,384.96	9,516,812.57	3,914,100.09	39,343,545.35
4.	PMTG. BERANGAN	2,871,509.08	3,223,450.90	5,843,558.88	6,328,328.54	6,854,783.80	3,746,462.98	28,868,094.18
5.	SG. DUA	4,303,182.47	3,042,029.56	4,988,082.94	5,572,719.13	3,353,973.46	2,441,887.77	23,701,875.33
6.	T.A. TAWAR	1,948,170.94	1,420,563.54	1,582,540.47	2,783,274.34	2,069,536.77	1,285,167.30	11,089,253.36
7.	SG. PUYU	4,328,432.88	3,167,422.48	5,514,231.12	4,480,820.79	4,380,161.83	3,227,864.19	25,098,933.29
8.	BAGAN JERMAL	2,272,959.50	1,927,260.11	5,408,446.49	5,918,172.34	4,687,798.18	3,591,332.28	23,805,968.90
9	BAGAN DALAM	2,000,144.90	2,773,099.68	3,404,761.93	3,241,070.65	3,762,872.65	2,651,872.99	17,833,822.80

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL YB BUKHORI BIN GHAZALI

28. Berapakah bilangan balai polis yang terdapat di daerah Seberang Perai Utara (SPU) mengikut DUN?

    (a) Senaraikan kes-kes jenayah sama ada jenayah kecil atau besar dan bilangan kes setiap balai dari tahun 2020 sehingga kini.

    (b) Adakah nisbah terkini seorang polis dengan penduduk mencapai sasaran?

    (c) Adakah cadangan untuk membina balai polis di DUN Pinang Tunggal?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. Terdapat lima (5) buah balai polis yang terdapat di kawasan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) iaitu Balai Polis Kepala Batas, Balai Polis Butterworth, Balai Polis Tasek Gelugor, Balai Polis Sungai Dua, dan Balai Polis Telok Ayer Tawar. Berikut adalah senarai Balai Polis mengikut pecahan DUN iaitu:

    (i) DUN N.01 PENAGA – Balai Polis Kepala Batas;

    (ii) DUN N.02 BERTAM - Balai Polis Kepala Batas;

    (iii) DUN N.03 PINANG TUNGGAL - Balai Polis Kepala Batas;

(iv) DUN N.04 PERMATANG BERANGAN – Balai Polis Tasek Gelugur;

(v) DUN N.05 SUNGAI DUA – Balai Polis Sungai Dua;

(vi) DUN N.06 TELOK AYER TAWAR – Balai Polis Telok Ayer Tawar;

(vii) DUN N.07 SUNGAI PUYU – Balai Polis Butterworth;

(viii) DUN N.08 BAGAN JERMAL – Balai Polis Butterworth; dan

(ix) DUN N.09 BAGAN DALAM – Balai Polis Butterworth.

(a) Kes-kes jenayah sama ada jenayah kecil atau besar dan bilangan kes setiap balai dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

(b) Nisbah seorang anggota polis dengan penduduk didapati tidak mencapai sasaran. Berikut adalah nisbah terkini mengikut pecahan balai polis:

(1) Balai Polis Kepala Batas – 1:610

(2) Balai Polis Butterworth – 1:996

(3) Balai Polis Tasek Gelugor – 1:2583

(4) Balai Polis Sungai Dua – 1:1572

(5) Balai Polis Telok Ayer Tawar – 1:1044

(c) Setakat ini tiada sebarang cadangan untuk membina Balai Polis lain di DUN Pinang Tunggal kerana memadai Balai Polis Kepala Batas dan Tasek Gelugor serta kadar jenayah adalah terkawal dan tidak membimbangkan.

LAMPIRAN A

a.Senaraikan kes-kes jenayah sama ada jenayah kecil atau besar dan bilangan kes setiap balai dari tahun 2020 sehingga kini.

Berikut merupakan senarai kes-kes jenayah kecil dan besar dari tahun 2020 sehingga September 2025 di Daerah Seberang Perai Utara iaitu:

1) Balai Polis Kepala Batas

JENIS JENAYAH / TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-SEPT)	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN							
BUNUH	1	0	0	0	1	1	3
ROGOL	1	6	8	3	12	7	37
SAMUN BKWN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN BKWN TANPA S/API	4	6	6	7	5	4	32
SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	3	6	6	3	2	4	24
MENCEDERA (324/325/326)	3	19	12	7	18	12	71
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	**12**	**37**	**32**	**20**	**38**	**28**	**167**
JENAYAH HARTA BENDA							
CURI (379/380/381)	44	44	36	47	67	57	295
CURI M/KAR	6	3	3	8	8	7	35
CURI M/SIKAL	56	43	29	47	47	29	251
CURI VAN / LORI / J.BERAT	0	2	2	2	1	0	7
PECAH RUMAH (SIANG/MLM)	34	31	50	51	44	29	239
JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA	**140**	**123**	**120**	**155**	**167**	**122**	**827**
JUMLAH KESELURUHAN	**152**	**160**	**152**	**175**	**205**	**150**	**994**

2) Balai Polis Butterworth

JENIS JENAYAH / TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-SEPT)	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN							
BUNUH	0	1	0	3	0	1	5
ROGOL	3	7	10	5	6	4	35
SAMUN BKWN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN BKWN TANPA S/API	7	7	14	9	13	6	56
SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	1	12	12	7	6	14	52
MENCEDERA (324/325/326)	15	22	25	17	23	23	125
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	**26**	**49**	**61**	**41**	**48**	**48**	**273**
JENAYAH HARTA BENDA							
CURI (379/380/381)	45	72	45	42	50	27	281
CURI M/KAR	10	8	17	13	6	8	62
CURI M/SIKAL	52	31	57	36	42	16	234
CURI VAN / LORI / J.BERAT	2	0	1	2	2	0	7
PECAH RUMAH (SIANG/MLM)	39	34	29	45	32	22	201
JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA	**148**	**145**	**149**	**138**	**132**	**73**	**785**
JUMLAH KESELURUHAN	**174**	**194**	**210**	**179**	**180**	**121**	**1058**

3) Balai Polis Tasek Gelugor

JENIS JENAYAH / TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-SEPT)	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN							
BUNUH	1	0	0	0	0	1	2
ROGOL	6	5	3	3	4	6	27
SAMUN BKWN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN BKWN TANPA S/API	4	4	8	10	6	5	37
SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	0	6	4	3	6	2	21
MENCEDERA (324/325/326)	8	7	8	11	19	8	61
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	**19**	**22**	**23**	**27**	**35**	**22**	**148**
JENAYAH HARTA BENDA							
CURI (379/380/381)	32	54	33	32	46	22	219
CURI M/KAR	3	1	2	5	3	8	22
CURI M/SIKAL	45	29	26	31	30	18	179
CURI VAN / LORI / J.BERAT	0	0	0	1	1	0	2
PECAH RUMAH (SIANG/MLM)	26	22	30	51	45	18	192
JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA	**106**	**106**	**91**	**120**	**125**	**66**	**614**
JUMLAH KESELURUHAN	**125**	**128**	**114**	**147**	**160**	**88**	**762**

4) Balai Polis Sungai Dua

JENIS JENAYAH / TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-SEPT)	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN							
BUNUH	0	0	0	0	0	0	0
ROGOL	3	0	2	1	1	3	10
SAMUN BKWN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN BKWN TANPA S/API	0	1	6	7	6	5	25
SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	3	2	2	1	2	4	14
MENCEDERA (324/325/326)	5	3	1	3	6	3	21
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	**11**	**6**	**11**	**12**	**15**	**15**	**70**
JENAYAH HARTA BENDA							
CURI (379/380/381)	7	19	23	15	17	13	94
CURI M/KAR	2	1	2	3	3	0	11
CURI M/SIKAL	11	10	14	19	18	8	80
CURI VAN / LORI / J.BERAT	0	0	1	1	0	1	3
PECAH RUMAH (SIANG/MLM)	11	13	19	32	12	17	104
JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA	**31**	**43**	**59**	**70**	**50**	**39**	**292**
JUMLAH KESELURUHAN	**42**	**49**	**70**	**82**	**65**	**54**	**362**

5) Balai Polis Teluk Air Tawar

JENIS JENAYAH / TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-SEPT)	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN							
BUNUH	0	0	0	0	0	0	0
ROGOL	2	1	3	3	1	0	10
SAMUN BKWN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN BKWN TANPA S/API	0	5	4	4	1	0	14
SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	1	2	1	1	0	1	6
MENCEDERA (324/325/326)	1	2	2	1	7	1	14
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	**4**	**10**	**10**	**9**	**9**	**2**	**44**
JENAYAH HARTA BENDA							
CURI (379/380/381)	10	14	10	5	12	3	54
CURI M/KAR	0	2	2	2	1	1	8
CURI M/SIKAL	17	5	9	5	10	5	51
CURI VAN / LORI / J.BERAT	0	0	0	0	1	0	1
PECAH RUMAH (SIANG/MLM)	7	7	14	11	8	2	49
JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA	**34**	**28**	**35**	**23**	**32**	**11**	**163**
JUMLAH KESELURUHAN	**38**	**38**	**45**	**32**	**41**	**13**	**207**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

29. Senaraikan statistik dan tatakelola tindakan penguatkuasaan oleh MBSP dari tahun 2020 sehingga kini.

    (a) Berapakah jumlah notis, sitaan dan kompaun yang dikeluarkan bagi setiap daerah mengikut DUN?

    (b) Berapakah nilai rampasan dari tahun 2020 sehingga kini mengikut DUN?

    (c) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam menyeimbangkan tindakan penguatkuasaan dengan kebajikan peniaga kecil?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Tatakelola tindakan penguatkuasaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dilaksanakan berdasarkan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa serta prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

    Berikut adalah merupakan statistik tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh pihak MBSP iaitu:

TAHUN	BILANGAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN
2020	2,437
2021	1,451
2022	1,455
2023	2,446
2024	6,654
2025 (Sehingga September)	3,991
JUMLAH	**18,434**

(a) Jumlah notis, sitaan dan kompaun yang telah dikeluarkan oleh pihak MBSP mengikut setiap daerah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Jumlah nilai rampasan dari tahun 2020 sehingga kini mengikut setiap DUN adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(c) Kerajaan Negeri melalui MBSP sentiasa prihatin terhadap isu yang melibatkan peniaga kecil / penjaja dan sentiasa mencari alternatif bagi membantu golongan ini dalam memastikan aktiviti perniagaan yang diuruskan oleh mereka berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, pihak MBSP harus memastikan dan memberi perhatian yang serius dalam aspek keselamatan, kebersihan, lalu lintas dan pematuhan terhadap undang-undang yang sedang berkuat kuasa bagi menjamin kesejahteraan semua pihak dapat dipelihara. Berikut merupakan beberapa inisiatif yang diambil oleh pihak MBSP untuk menjaga kebajikan peniaga kecil / penjaja iaitu:

(i) Pelaksanaan Program Pemutihan Penjaja dengan mengenal pasti peniaga-peniaga tanpa lesen melalui proses penandaan (tagging) dan bancian. Mereka juga diberikan peluang untuk berpindah ke tapak niaga yang diluluskan sebelum tindakan penguatkuasaan diambil;

(ii) Penyediaan tapak penempatan penjaja yang sah, tersusun dan mematuhi peraturan dan garis panduan semasa yang berkuat kuasa serta dinilai daripada pelbagai kriteria yang berkaitan; dan

(iii) Pelaksanaan pendekatan berperingkat dan bertimbang rasa dalam tindakan penguatkuasaan dengan mengutamakan pemberian nasihat secara lisan. Kemudiannya, pengeluaran notis dan kompaun serta pelaksanaan perbincangan bersama peniaga tanpa lesen sebelum tindakan tegas diambil.

LAMPIRAN A

STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2025

DAERAH	DUN	TAHUN																	
		2020			2021			2022			2023			2024			2025		
		NOTIS	SITAAN	KOMPAUN	NOTIS	SITAAN	KOMPAUN	NOTIS	SITAAN	KOMPAUN	NOTIS	SITAAN	KOMPAUN	NOTIS	SITAAN	KOMPAUN	NOTIS	SITAAN	KOMPAUN
SPU	PENAGA	12	26	35	15	13	36	21	0	43	61	1	19	61	0	71	54	0	39
	BERTAM	23	76	94	30	20	91	49	4	120	167	5	12	155	30	292	241	30	104
	PINANG TUNGGAL	10	35	24	8	0	11	36	0	9	163	10	13	228	10	32	181	17	43
	PERMATANG BERANGAN	20	30	87	1	4	1	34	0	49	73	0	33	101	35	109	183	20	93
	SUNGAI DUA	15	53	26	9	0	17	22	3	26	55	0	3	101	25	144	122	15	82
	TELUK AIR TAWAR	3	26	7	6	10	12	23	3	10	89	3	6	84	30	80	72	14	32
	SUNGAI PUYU	8	20	19	1	3	2	13	4	19	41	1	8	29	15	59	26	0	67
	BAGAN JERMAL	35	9	104	4	4	9	24	2	70	71	8	39	53	12	264	55	14	139
	BAGAN DALAM	7	18	12	2	1	2	13	0	18	35	1	13	55	10	237	32	4	127
SPT	SEBERANG JAYA	25	68	82	20	39	155	34	6	55	157	18	129	192	65	686	250	29	133
	PERMATANG PASIR	6	40	14	15	4	23	18	0	20	10	2	4	30	16	11	82	15	7
	PENANTI	12	25	41	18	1	7	26	0	30	24	2	6	41	1	67	137	0	35
	BERAPIT	5	25	113	11	5	33	20	0	35	76	10	12	46	40	252	26	15	16
	MACHANG BUBOK	20	55	24	18	12	125	20	15	130	160	33	6	123	40	480	71	44	80
	PADANG LALANG	8	50	48	7	2	45	15	0	55	54	6	13	24	45	147	79	23	177
	PERAI	199	87	331	63	37	105	34	15	40	289	0	29	121	14	486	115	15	40
	BUKIT TENGAH	6	20	9	61	3	101	43	4	60	135	4	11	60	10	235	136	6	216
SPS	BUKIT TAMBUN	21	26	34	29	8	48	24	6	34	71	16	19	81	12	442	43	6	51
	JAWI	12	41	37	26	8	41	11	0	31	75	5	7	184	15	40	79	20	142
	SUNGAI BAKAP	28	27	50	17	3	48	18	10	17	23	3	20	6	9	9	38	4	32
	SUNGAI ACHEH	5	6	3	1	0	0	12	0	2	80	0	7	9	10	83	20	0	3
JUMLAH		**480**	**763**	**1,194**	**362**	**177**	**912**	**510**	**72**	**873**	**1,909**	**128**	**409**	**1,784**	**444**	**4,226**	**2,042**	**291**	**1,658**

LAMPIRAN B

STATUS TERKINI JUMLAH NILAI RAMPASAN OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI DARI TAHUN 2020

DUN	TAHUN					
	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM)
PENAGA	900	750	0	3,060	0	0
BERTAM	4,740	2,300	0	650	2,210	2,110
PINANG TUNGGAL	500	0	0	0	400	770
PERMATANG BERANGAN	900	0	0	0	3,030	4,400
SUNGAI DUA	1,390	250	550	0	400	1,500
TELUK AIR TAWAR	1,630	800	1,450	450	2,350	550
SUNGAI PUYU	470	250	0	100	0	0
BAGAN JERMAL	2,130	0	400	300	850	900
BAGAN DALAM	0	200	0	50	100	0
SEBERANG JAYA	5,640	3,450	4,320	1,050	5,890	3,330
PERMATANG PASIR	0	900	0	0	1,490	600
PENANTI	1,080	0	0	0	0	700
BERAPIT	3,690	1,830	1,915	1,500	4,897	1,540
MACHANG BUBOK	2,660	510	950	550	2,440	3,340
PADANG LALANG	1,190	0	0	0	0	0
PERAI	8,160	1,050	850	300	550	2,300
BUKIT TENGAH	1,920	3,000	1,750	1,250	370	680
BUKIT TAMBUN	200	1,200	300	100	1,720	1,950
JAWI	2,570	150	0	250	2,520	550
SUNGAI BAKAP	300	520	350	0	900	150
SUNGAI ACEH	0	70	0	0	150	0
JUMLAH	**40,070**	**17,230**	**12,835**	**9,610**	**30,267**	**25,370**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVII)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI

30. Senaraikan jumlah kilang dan syarikat di Pulau Pinang yang baru dibuka sejak tahun 2020 sehingga kini dan berapakah nilai pelaburan masing-masing.

    (a) Senaraikan juga jumlah kilang dan syarikat yang ditutup, berhenti operasi dan jumlah pekerja yang terlibat diberhentikan pada tahun 2020 sehingga kini mengikut daerah.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. Senarai kilang dan syarikat baharu yang dibuka di Pulau Pinang sejak tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    Bagi kawasan pembangunan perindustrian di bawah **Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)**, sebanyak **115 buah syarikat** telah membeli tanah perindustrian sejak tahun 2020 hingga 30 September 2025 bagi tujuan memulakan atau mengembangkan operasi perniagaan masing-masing.

    (a) Pihak **InvestPenang** tidak mempunyai data terperinci berhubung jumlah kilang dan syarikat yang telah ditutup atau berhenti operasi, serta jumlah pekerja yang terlibat dengan pemberhentian kerja bagi tempoh tahun 2020 hingga kini mengikut daerah.

Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**, jumlah kehilangan pekerjaan yang direkodkan di Pulau Pinang bagi **sektor perkilangan** dalam tempoh tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** di bawah:

JADUAL 1: JUMLAH KILANG DAN SYARIKAT YANG DITUTUP, BERHENTI OPERASI DAN JUMLAH PEKERJA YANG TERLIBAT DIBERHENTIKAN PADA TAHUN 2020 SEHINGGA KINI.

TAHUN	INDUSTRI	JUMLAH KEHILANGAN PEKERJAAN
2020	Perkilangan	5,219
2021	Perkilangan	1,168
2022	Perkilangan	1,232
2023	Perkilangan	3,599
2024	Perkilangan	7,372
2025	Perkilangan	2,669
JUMLAH KESELURUHAN		**21,259**

Sumber: PERKESO

LAMPIRAN A

JUMLAH KILANG DAN SYARIKAT DI PULAU PINANG YANG BARU DIBUKA SEJAK TAHUN 2020 SEHINGGA 2025

TAHUN	SYARIKAT	JENIS PELABURAN	NILAI PELABURAN
2020	B Braun	Pembesaran	Tidak dinyatakan
	Western Digital	Pembesaran	Tidak dinyatakan
2021	Lam Research	Kilang Baharu	RM1 bilion
	Greatech Technology	Kilang Baharu	RM51 juta
2022	Applied Engineering Technology (M) Sdn. Bhd. (AETM)	Kilang Baharu	-
	Sustio Sdn. Bhd.	Kilang Baharu	Lebih RM600 juta (untuk seluruh kampus binaan)
	Smith+Nephew	Kilang Baharu	Lebih USD100 juta
	Comet Group	Kilang Baharu	-
	Indium Corporation	Kilang Baharu	RM250 juta
	Scandinavian IBS Sdn. Bhd. (SIBS)	Kilang Baharu	RM500 juta
	LEM	Kilang Baharu	-
	DHL	Kilang Baharu	RM150 juta
	Boston Scientific	Pembesaran	-
	Lanco Integrated	Kilang Baharu	-
	National Instruments (NI)	Kilang Baharu	USD40 juta (RM166 juta)
2023	AEM	Kilang Baharu	-

LAMPIRAN A

TAHUN	SYARIKAT	JENIS PELABURAN	NILAI PELABURAN
	Elna PCB Malaysia Sdn Bhd (Elna PCB)	Pembesaran	RM1 bilion (anggaran)
	SlimHaus Technology Sdn Bhd	Kilang Baharu	RM18 juta
	Ebara Precision Machinery	Kilang Baharu	RM30.4 juta
	Commerz Trade Services Sdn Bhd	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Rinchem	Rumah Gudang	-
	Bosch	Kilang Baharu	EUR350 Juta
	xFusion International Pte Ltd ("xFusion")	Kilang Baharu	-
	Federal Oats Mills	Pusat/Pejabat Baharu	Lebih RM135 juta
	GlobalFoundries	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Micron Technology	Pembesaran	USD2 bilion
	Phabritek Sdn Bhd	Kilang Baharu	RM100 juta
	Jutze Interconnect Sdn Bhd	Kilang Baharu	RM28 juta
	NSW Automation	Relokasi	RM20 juta
	Lattice Semiconductor	Pusat/Pejabat Baharu	-
2024	Nihon Handa Co., Ltd.	Kilang Baharu	-
	Advantech	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Actiforce	Kilang Baharu	RM50 juta
	LEM Malaysia	Kilang Baharu	-
	Ultra Clean Holdings (UCT)	Kilang Baharu	RM250 juta
	TTM Technologies, Inc.	Kilang Baharu	RM958 juta

LAMPIRAN A

TAHUN	SYARIKAT	JENIS PELABURAN	NILAI PELABURAN
	Lam Research Corp.	Rumah Gudang	-
	Swisslog	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Cohu, Inc.	Kilang Baharu	-
	KLS Martin Group	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Enovix Corporation	Kilang Baharu	RM5.8 bilion (secara keseluruhan)
	RIGOL Technologies Co., Ltd.	Kilang Baharu	Lebih RM100 juta
	ELNA PCB(M) Sdn. Bhd.	Kilang Baharu	Lebih RM1 bilion
	Benchmark Electronics	Kilang Baharu	-
	Amphenol	Kilang Baharu	-
	Dexcom	Kilang Baharu	-
	Shan Poornam Group	Kilang Baharu	-
	Keyto MY Sdn. Bhd.	Kilang Baharu	-
	EQX Iwata Sdn Bhd	Pemindahan Pemilikan	-
2025	M.A.i GmbH & Co. KG	Kilang Baharu	-
	Advanced Semiconductor Engineering, Inc. (ASE)	Pembesaran	-
	Meridian Adhesives Group (Meridian)	Pembesaran	-
	Sustio Sdn, Bhd.	Pembesaran	RM750 juta
	KUKA Robotics Malaysia	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Coherent Corporation	Pusat/Pejabat Baharu	-

TAHUN	SYARIKAT	JENIS PELABURAN	NILAI PELABURAN
	AMD Corporation	Kilang Baharu	-
	Bitdeer Technologies Group	Pusat/Pejabat Baharu	-
	Linktel Technologies	Pembesaran	RM200 juta

Sumber: InvestPenang

Nota: Kompilasi dibuat berdasarkan pengumuman media berkaitan pembukaan kilang dan pusat fasiliti baharu oleh syarikat dan pelabur di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

1. Senaraikan pengiktirafan pelancongan antarabangsa sejak tahun 2023 yang telah diterima oleh Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Pulau Pinang terus mengekalkan reputasi cemerlang sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia apabila menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa daripada agensi pelancongan global, media antarabangsa dan platform penilaian pelancongan terkenal. Senarai berikut merangkumi pencapaian utama yang memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan di Asia Tenggara dan dunia:

   (i) *The Travel* menamakan Pulau Pinang di tangga ke-13 dalam senarai "*The 18 Most Beautiful Southeast Asia Destinations.*";

   (ii) *Ranking Royal* menilai Pulau Pinang sebagai negeri paling selamat untuk dilawati di Malaysia;

   (iii) *TripAdvisor's Travelers' Choice 2022* menobatkan ESCAPE Penang sebagai taman tema ketiga terbaik di Asia;

   (iv) *Travel + Leisure Southeast Asia* menamakan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pulau terbaik dalam *T+L Luxury Awards Asia Pacific 2023*;

(v) *House Beautiful* menyenaraikan Pulau Pinang antara *Top 20* negara dan 3 bandar Asia yang memiliki antara jalan paling indah di dunia;

(vi) *Malaysia Book of Records* mengiktiraf New World Park Food City sebagai tempat yang mempamerkan bilangan bendera negeri terbanyak di Malaysia;

(vii) Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa memenangi Anugerah Utama dalam *Condé Nast Traveler's 2023 Readers' Choice Awards*;

(viii) *Travel Weekly Asia Readers' Choice Awards 2023* menobatkan Pulau Pinang sebagai "*Best Island Destination – Asia Pacific.*";

(ix) Platform pelancongan terbesar China, *Ctrip*, menempatkan Pulau Pinang di tangga ke-4 dunia selepas Abu Dhabi, England dan Hong Kong bagi kadar peningkatan tempahan sempena *China Golden Week*;

(x) Dalam acara anugerah yang diadakan sempena *ITB Asia Travel Fair* di Singapura, *Ctrip* turut menganugerahkan Pulau Pinang sebagai "*Best Beach Destination of the Year.*";

(xi) *Guangzhou Daily, China (*Tourism Review 2023–2024*)* menyenaraikan Pulau Pinang sebagai destinasi luar negara paling popular di Guangdong;

(xii) *Holiday Money Report* menamakan Pulau Pinang sebagai destinasi ke-11 terbaik di dunia dari segi nilai pelancongan;

(xiii) Pulau Pinang berada di tangga ke-4 daripada 10 bandar terbaik di Asia untuk ekspatriat berpindah (2024);

(xiv) *Travel + Leisure Luxury Awards Asia Pacific 2024* menobatkan Pulau Pinang sebagai pulau ke-8 terbaik di Asia Pasifik;

(xv) *Lonely Planet* menyenaraikan Pulau Pinang sebagai satu daripada 7 destinasi terbaik di Asia Tenggara untuk pengembara solo, serta antara 13 destinasi terbaik untuk dikunjungi di Asia;

(xvi) *Post Office Travel Money Report 2025* (UK) menempatkan Pulau Pinang di tangga ke-12 dunia sebagai "*Best-Value Holiday Destination.*";

(xvii) *Time Out* mengiktiraf Pulau Pinang sebagai antara 10 bandar makanan jalanan terbaik di Asia;

(xviii) *Travelbinger* menamakan Pulau Pinang dalam senarai 13 lokasi ideal untuk persaraan di Asia bagi warga Amerika;

(xix) *Smart Travel Asia* menempatkan Pulau Pinang di tangga ke-7 antara 10 destinasi pelancongan terbaik di Asia;

(xx) *Condé Nast Traveler 2025* menobatkan Pulau Pinang dalam Top 10 "*Best Islands in Asia.*"; dan

(xxi) *Penang Hill Funicular Railway* turut tersenarai antara "*Most Beautiful Funicular Railways Around the World*" oleh *Travel + Leisure Magazine.*

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

2. Jelaskan status terkini bagi kerja penempatan semula tanah tambun Pengkalan Weld secara terperinci.

   (a) Senaraikan kerja-kerja susulan yang bakal dijalankan sehingga notis penempatan semula dan surat tawaran bagi penempatan semula dikeluarkan kepada penduduk yang terlibat termasuk jangka masa bagi kerja-kerja masing-masing.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menangani isu penempatan setinggan secara berhemah dengan mengambil kira kebajikan penduduk serta keperluan pembangunan semasa. Pendekatan yang digunapakai meliputi pelaksanaan bancian, siasatan dan libat urus bersama penduduk bagi mengenal pasti status serta latar belakang penghuni sebagai asas pertimbangan Kerajaan Negeri dalam menentukan bentuk tindakan yang sesuai.

   (a) Status terkini bagi kerja-kerja penempatan semula penduduk di Pengkalan Weld adalah seperti berikut:

Tarikh	Status Kerja
09 Januari 2025	PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) telah memperoleh kebenaran daripada Jawatankuasa Tanah Negeri bagi

	cadangan pembangunan di tanah Kerajaan serta cadangan penyelesaian isu setinggan di kawasan tersebut.
22 Januari 2025	Kertas cadangan telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) secara dasar bagi cadangan kerjasama serta penempatan semula penduduk sedia ada.
27 Mei 2025	Mesyuarat bersama Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTTL) telah diadakan bagi membincangkan kaedah penyelesaian pampasan kepada penduduk yang terlibat.
11 Julai 2025	Mesyuarat lanjutan telah diadakan bersama YB Wong Yuee Harng (ADUN Pengkalan Kota), YB Teh Lai Heng (ADUN KOMTAR) dan YB Lim Hui Ying (Ahli Parlimen Tanjong), yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri bagi membentangkan cadangan kaedah penyelesaian dan data bancian di kawasan tanah tambun Pengkalan Weld. YAB Ketua Menteri telah mencadangkan agar permohonan Pelan Kebenaran Merancang untuk kerja-kerja perobohan dikemukakan dengan segera bagi membolehkan pemasangan *hoarding* dilaksanakan selepas proses pemindahan penduduk selesai. PDTTL perlu menjalankan siasatan terperinci terhadap penduduk sedia ada dan memuktamadkan cadangan jenis pampasan. Bagi pihak Penang Development Corporation (PDC) pula, PDC sedang dalam proses memuktamadkan bentuk pampasan yang sesuai bagi penyewa-penyewa rumah kluster PDC seramai 37 orang di Pengkalan Weld.

Tarikh	Status Kerja
11 Ogos 2025 sehingga 22 Ogos 2025	PDTTL telah melaksanakan bancian serta sesi siasatan terhadap keseluruhan penduduk yang terlibat. Berdasarkan hasil siasatan tersebut, PDTTL kini sedang menyediakan satu kertas pertimbangan untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi memutuskan hala tuju dan tindakan selanjutnya terhadap penempatan setinggan di kawasan berkenaan.

Keadaan semasa di tapak tanah tambun Pengkalan Weld masih kekal seperti sedia ada.

Maklumat siasatan oleh PDTTL akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri sebelum diputuskan oleh PBN.

Setelah PBN membuat keputusan, Pentadbir Tanah akan melaksanakan keputusan tersebut dengan menyelaras bersama agensi-agensi berkaitan dan memaklumkan keputusan tersebut kepada penduduk terlibat.

Proses penempatan semula dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2026 setelah Projek Cecil Residence yang dibangunkan oleh PDCP memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*).

Pihak PDCP sedang dalam proses penyediaan Pelan Kebenaran Merancang untuk kerja-kerja perobohan bangunan. Ia hanya akan dilakukan selepas kerja-kerja ukur selesai dilaksanakan pada penghujung bulan Disember 2025 atau pada awal bulan Januari 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

3. Adakah kesemua penduduk yang terlibat dalam perintah pindah Projek Foreshore Residence di Lebuh Sandilands diberi pampasan seunit rumah seperti yang dijanjikan sejak dua penggal yang lalu tanpa sesiapa individu yang tertinggal?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) Sandilands Foreshore atau juga dikenali sebagai Foreshore Residence dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) seluas 4.23 ekar. Pembangunan ini merangkumi komponen sebanyak 321 unit RMKu B, 80 unit RMKu C2, 402 unit RMKu C3 serta 192 unit pangsapuri perkhidmatan.

   Seramai 51 orang yang layak dan telah menerima Notis Perintah Pindah akan ditawarkan satu (1) unit rumah di Projek Foreshore Residence secara percuma berdasarkan Perjanjian Pampasan yang telah dimeterai antara pihak pemaju (Tanjung Villa Development Sdn. Bhd.) dan pemilik rumah yang terlibat.

   Pihak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan sesi libat urus bagi memudahkan proses pendaftaran penerima pampasan yang belum berdaftar. Hasil semakan mendapati bahawa daripada keseluruhan 51 orang yang terlibat, seramai 38 orang telah ditawarkan rumah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui LPNPP. Baki penerima pampasan diminta untuk melengkapkan proses pendaftaran bagi

membolehkan tawaran rumah diberikan. Tawaran kepada individu yang masih belum menerima tawaran rumah hanya dapat dilaksanakan setelah mereka mendaftar atau disenaraikan sebagai pemohon aktif dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh pihak LPNPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

4. MBPP pada tahun 2013 telah menangguhkan projek pembangunan parkir bertingkat di kawasan Gat Lebuh Macallum. Masalah kekurangan parkir di kawasan perumahan tersebut semakin serius.

   (a) Bilakah projek tersebut bakal dijalankan dalam rancangan MBPP bagi menunaikan rancangan sebelum ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa cakna terhadap isu kekurangan tempat letak kenderaan di sekitar Negeri Pulau Pinang.

   (a) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 1 Tahun 2019 pada 9 Januari 2019 telah memutuskan bahawa cadangan pembangunan tempat letak kenderaan bertingkat di Gat Lebuh Macallum tidak akan diteruskan oleh pihak MBPP kerana keluasan tapak projek yang kecil boleh mendatangkan gangguan kepada penduduk sekitar yang kini menggunakan kawasan tersebut sebagai tempat letak kenderaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

5. Penyambungan pengangkutan awam bawah projek LRT.

   (a) Adakah stesen *LinkBike* sedia ada mampu menampung keperluan penumpang LRT sebagai pengangkutan batu pertama dan terakhir?

   (b) Huraikan rancangan MBPP untuk menambah baik sistem *LinkBike*, termasuk ke kawasan perumahan demi mendorong orang awam menaiki LRT.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. (a) Sejumlah 29 stesen dan 250 buah basikal *LinkBike* telah disediakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) buat masa ini. Pihak MBPP berpandangan bahawa stesen *LinkBike* sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan orang awam yang menggunakan perkhidmatan LRT nanti. Namun, pihak MBPP mempunyai perancangan untuk mengembangkan sistem *LinkBike* untuk penyambungan ke stesen-stesen LRT.

   (b) Antara perancangan MBPP untuk menambah baik sistem *LinkBike* termasuk ke kawasan perumahan demi mendorong orang awam menggunakan perkhidmatan LRT adalah seperti berikut :

(i) Membina dan menaik taraf laluan basikal dan pejalan kaki yang bersambungan;

(ii) Menyediakan perkhidmatan sewaan basikal elektrik yang bersambungan dengan stesen LRT pada masa hadapan;

(iii) Melaksanakan kajian mengenai pengurusan mobiliti di Pulau Pinang yang turut merangkumi kajian untuk meneliti integrasi pengangkutan awam termasuk LRT serta mengkaji lokasi *Park* & *Ride* yang bersesuaian bagi pengangkutan awam;

(iv) Menyediakan pelan induk laluan basikal di kawasan George Town;

(v) Menyediakan pelan induk laluan pejalan kaki dan reka bentuk tipikal yang disesuaikan dengan corak infrastruktur dan koridor jalan awam sedia ada di Pulau Pinang; dan

(vi) Meneruskan penggunaan aplikasi mudah alih *PEARL-One Touch Penang* untuk menyokong penyewaan *LinkBike* serta pembayaran secara dalam talian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

6. Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan lagi laluan basikal yang selamat di sekitar kawasan laluan projek LRT dan juga kawasan George Town bagi menambah baik sistem pengangkutan awam secara menyeluruh selari dengan penyiapan kerja projek LRT menjelang tahun 2031?

   (a) Huraikan secara terperinci rancangan penambahan laluan basikal.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Kerajaan Negeri sedar bahawa satu strategi menyeluruh diperlukan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang selari dengan penyiapan kerja projek Transit Aliran Ringan *Light Rail Transit* – LRT menjelang tahun 2031. Sebagai salah satu inisiatif utama, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil langkah proaktif dengan merancang untuk menambahkan lagi laluan basikal yang selamat di sekitar kawasan laluan projek LRT dan kawasan George Town.

   MBPP sememangnya mempunyai hasrat dan komitmen untuk mengembangkan infrastruktur pengangkutan awam inklusif serta menyokong mod pengangkutan aktif seperti berbasikal dalam mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada di kawasan MBPP. Strategi ini adalah berpandukan kepada pewujudan satu sistem pengangkutan yang bersepadu *integrated* dan mampan *sustainable* dengan

menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan slogan *'Cleaner, Greener, Healthier and Safer Penang'*. Hala tuju Kerajaan Negeri dalam usaha ini perlu diperkukuh dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

(a) Perincian rancangan penambahan laluan basikal yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui MBPP adalah seperti berikut:

(i) Merangka pelan laluan basikal di kawasan Bayan Baru. Laluan basikal yang dirancang untuk disediakan di kawasan Bayan Baru ini adalah sepanjang 10 kilometer dan melibatkan rizab Sungai Keluang, Jalan Tengah, Persiaran Mahsuri, Jalan Mayang Pasir, Jalan Mahsuri dan Jalan Sultan Azlan Shah. Pembinaan laluan basikal yang terlibat ini adalah untuk menghubungkan kawasan perumahan dan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dengan stesen LRT serta sebagai batu pertama dan terakhir *first mile and last mile* bagi menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam; dan

(ii) MBPP sedang dalam proses untuk melantik syarikat perunding bagi menjalankan kajian pengurusan mobiliti di kawasan George Town dan kawasan yang terlibat dengan jajaran LRT Mutiara. Perunding yang bakal dilantik ini akan menjalankan kajian menyeluruh mengenai kesesakan lalu lintas, laluan basikal, laluan pejalan kaki, lorong bas dan caj kesesakan *congestion pricing* di kawasan George Town termasuk jajaran LRT Mutiara. Penyediaan laluan basikal berserta dengan stesen basikal akan disediakan berdasarkan kepada hasil laporan kajian yang akan dilaksanakan oleh perunding kelak.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

7. Bagi warga Pulau Pinang yang memerlukan keperluan asas seperti kerusi roda, tongkat, lampin sekali pakai dan sebagainya, Nyatakan bagaimana orang awam dapat memperolehinya secara percuma dan bantuan daripada pihak kerajaan selain daripada melalui peruntukan ADUN?

   (a) Jelaskan SOP dan kelayakan pemohon bantuan tersebut di atas.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Warga Pulau Pinang golongan B40 yang memerlukan bantuan asas seperti kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan seumpamanya boleh memperolehnya daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui saluran bantuan yang berikut:

   (i) **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang**

   Barangan yang disediakan: Pihak JKM menyediakan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (Bantuan Kesihatan & Perubatan). Bantuan ini meliputi alat-alat seperti kerusi roda, kaki/tangan palsu dan lain-lain alat sokongan perubatan.

   Cara Permohonan:Permohonan bagi Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan boleh dibuat terus di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terdekat.

Syarat Kelayakan:

(a) Pemohon mestilah seorang warganegara yang bermastautin di Malaysia.
(b) Pemohon perlu mendapatkan syor perubatan bertulis daripada doktor.
(c) Pemohon tergolong dalam kumpulan berpendapatan B40.

(ii) **Zakat Pulau Pinang (ZPP)**

Barangan yang disediakan: Bagi pemohon beragama Islam, ZPP menyediakan bantuan perubatan kepada golongan asnaf yang layak termasuk pembiayaan rawatan, ubat-ubatan dan bantuan alat perubatan seperti kerusi roda, kaki palsu, atau alat bantuan pendengaran.

Cara Permohonan: Pendaftaran dan permohonan terus melalui pejabat ZPP yang terdekat.

Syarat Kelayakan:

(a) Beragama Islam.
(b) Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap.
(c) Bermastautin di Pulau Pinang sekurang kurangnya 3 bulan.
(d) Pendapatan keluarga tidak mencukupi Had Al Kifayah.
(e) Tidak menerima bantuan dari mana-mana pihak atau telah menerima bantuan tetapi masih belum mencukupi.

(iii) **Pejabat MMK Kebajikan**

Barangan yang disediakan: Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO Kebajikan turut menyediakan sebanyak 50 unit kerusi roda **percuma** setiap tahun.

Cara Permohonan: Permohonan bantuan ini hendaklah dikemukakan melalui Pusat Khidmat Wakil Rakyat

Kerajaan Perpaduan atau Pejabat Penyelaras KADUN. Permohonan akan diproses berdasarkan prinsip *first come, first served*, tertakluk kepada kelulusan YB kawasan sebagai keputusan muktamad.

Syarat Kelayakan:

(a) Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia.
(b) Pemohon tergolong dalam kumpulan berpendapatan B40.
(c) Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut
(d) Salinan Kad Pengenalan (IC)
(e) Salinan Kad OKU (jika ada)
(f) Gambar kehidupan harian terkini pemohon
(g) Laporan perubatan (kerajaan atau swasta)
(h) Semua dokumen perlu disahkan oleh YB Kawasan/
(i) Penghulu / Pengerusi MPKK.

Walau bagaimanapun, jika keperluan adalah mendesak, Pusat Khidmat boleh terus menghubungi Pejabat EXCO Kebajikan untuk menguruskan pinjaman kerusi roda atau tongkat terpakai melalui NGO di sekitar Pulau Pinang. Pemohon hanya perlu menyediakan bayaran deposit bagi tujuan peminjaman.

Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan semua Pusat Khidmat menjalinkan kerjasama erat dengan NGO kebajikan agar bantuan dapat disalurkan dengan pantas dan berkesan, demi memastikan tiada golongan yang memerlukan terpinggir daripada perhatian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

8. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menilai keberkesanan program bantuan jangka masa panjang sedia ada terhadap golongan yang memerlukan, seperti Bantuan JKM orang tua, OKU dan sebagainya?

   (a) Adakah terdapat mekanisme penilaian impak kepada kumpulan B40 ataupun golongan yang memerlukan secara tersasar?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Bagi menilai keberkesanan bantuan, JKM melaksanakan proses kaji semula bantuan bulanan ke atas penerima dalam tempoh tiga (3) bulan terakhir sebelum tamat tempoh kelulusan bantuan semasa. Proses ini bertujuan mengemas kini status penerima bantuan, menilai keberkesanan serta menentukan sama ada bantuan tersebut wajar diteruskan, disemak semula atau ditamatkan berdasarkan keadaan semasa penerima.

   (a) Antara mekanisme penilaian impak yang digunakan adalah menilai sama ada penerima tergolong dalam kategori produktif atau tidak produktif bagi menentukan bentuk intervensi yang sesuai.

      (i) Bagi Klien Produktif yang mempunyai keupayaan bekerja akan dirujuk kepada program pemerkasaan seperti *2 Years Exit Programme (2YEP)*, latihan kemahiran dan keusahawanan, atau program

bersama agensi seperti PERKESO, HRD Corp, TEKUN, dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); dan

(ii) Bagi Klien Tidak Produktif seperti pesakit kronik atau terlantar akan terus menerima bantuan jangka panjang seperti Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), dan Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/Pesakit Kronik (BPT).

Selain itu, JKM turut melaksanakan langkah-langkah tambahan bagi memastikan bantuan disalurkan secara bersasar dan adil, antaranya termasuk:

(i) Penggunaan data e-Kasih (Pangkalan Data Kemiskinan Nasional) bagi menilai pendapatan isi rumah dan kelayakan berdasarkan garis kemiskinan;

(ii) Semakan silang pangkalan data melalui Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat di peringkat Negeri dan Daerah bagi mengelakkan pertindihan bantuan antara agensi; serta,

(iii) Menjalankan siasatan sosial oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat bagi mengesahkan maklumat pemohon dan menilai keperluan sebenar penerima.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

9. Nyatakan polisi sedia ada MBPP untuk menggalakkan penggunaan semula bangunan lama atau terbiar di kawasan George Town.

   (a) Adakah polisi sedia ada disambut baik dengan permohonan yang tinggi?

   (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri buat jangka masa panjang dalam mendorong lagi polisi demi rejuvenasi bangunan lama dan terbiar?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Polisi sedia ada yang diguna pakai dan diamalkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menggalakkan penggunaan semula bangunan lama atau terbiar di kawasan George Town adalah seperti berikut:

   (i) Mengguna pakai Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town (RKK TWDGT) yang menjadi rujukan utama MBPP dan agensi berkaitan dalam menilai permohonan pembaikan, pengubahgunaan atau pembangunan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang;

   (ii) Menggalakkan pemuliharaan fizikal serta penggunaan semula bangunan lama dan terbiar supaya dapat terus dimanfaatkan secara ekonomi dan sosial tanpa menjejaskan

nilai warisan asal. Sebagai contoh, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dan MBPP telah melaksanakan Program Insentif Pembaikan Bangunan Warisan yang memberi sokongan kewangan kepada pemilik Bangunan Warisan Kategori I dan II; dan

(iii) Memudahkan mekanisme dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan Pelan Bangunan di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang dengan membatalkan keperluan untuk mengemukakan permohonan Pelan Bangunan Prarundingan Warisan.

(a) Pihak MBPP mendapati polisi sedia ada yang diguna pakai mendapat sambutan yang baik daripada pemilik bangunan dan pelabur tempatan. Berdasarkan rekod, pihak MBPP mendapati trend permohonan telah menunjukkan peningkatan sejak dua (2) tahun kebelakangan ini. Bilangan bangunan terbiar di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town didapati semakin berkurangan hasil galakan berterusan.

Selain itu, trend penggunaan semula (*adaptive reuse*) semakin meningkat, khususnya bagi Bangunan Warisan Kategori II yang telah diubah suai menjadi hotel butik, kafe, premis komersial dan lain-lain.

(b) Antara perancangan Kerajaan Negeri buat jangka masa panjang dalam mendorong lagi polisi demi rejuvenasi bangunan lama dan terbiar adalah seperti berikut:

(i) Merancang untuk memperkukuh pelaksanaan RKK TWDGT dengan menyemak semula garis panduan konservasi, menambah baik prosedur kelulusan, serta memperkenalkan mekanisme pemantauan yang lebih cekap bagi memastikan semua projek selaras dengan Nilai Keunggulan Sejagat (*Outstanding Universal Value* - OUV) Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang;

(ii) Menyediakan bantuan teknikal kepada perunding, pemilik dan kontraktor dalam aspek konservasi, dokumentasi, dan penyediaan *Heritage*

Impact Assessment (HIA) bagi memudahkan proses kelulusan. Langkah ini juga memastikan kerja-kerja pemuliharaan dilaksanakan mengikut piawaian serta garis panduan yang ditetapkan; dan

(iii) Memperkukuh kerjasama strategik dengan agensi-agensi Kerajaan, badan berkaitan serta sektor swasta bagi memperluas pelaksanaan projek penggunaan semula (*adaptive reuse*) sebagai salah satu langkah galakan utama ke arah rejuvenasi bangunan lama dan terbiar di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

10. Bandar mesra usia.

(a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan sebarang insentif bagi pengusaha yang menubuhkan pusat aktiviti sosial atau seni komuniti?

(b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menghidupkan semula bangunan terbiar menjadi ruang komuniti bandar?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk memperkenalkan insentif baharu buat masa ini bagi pengusaha yang menubuhkan pusat aktiviti sosial atau seni komuniti di bawah Bandar Mesra Usia. Walau bagaimanapun, MBPP mempunyai insentif sedia ada yang diberikan kepada mana-mana Pusat Aktiviti Sosial atau Seni Komuniti seperti berikut:

(i) Pengecualian cukai pintu secara bertempoh ke atas bangunan yang telah diluluskan kegunaan sebagai Pusat Aktiviti Sosial atau Seni Komuniti yang bukan untuk tujuan keuntungan sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan perlu mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan;

(ii) Pengurangan kadar sewa sedia ada kepada kadar sewa Badan Bukan Kerajaan (NGO) sekiranya melibatkan bangunan MBPP dan mematuhi garis panduan penyewaan premis MBPP oleh NGO; dan

(iii) MBPP telah menyewa premis di 252A, Jalan Air Itam untuk dijadikan sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas bagi komuniti warga emas berkumpul dan melaksanakan aktiviti bersama.

(b) Komponen ruang awam dan bangunan telah dikenal pasti sebagai salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan Pelan Strategik Bandar Mesra Usia : Pulau Pinang. Pihak MBPP mengambil tindakan untuk menghidupkan semula bangunan terbiar dengan membuka iklan penyewaan secara terbuka dan *Request for Proposal* (RFP) bagi premis kosong. Pihak MBPP juga menjalankan kajian pengukuhan bangunan serta melaksanakan kerja-kerja menaik taraf keseluruhan bangunan bagi memastikan keselamatan, keselesaan penyewa dan komuniti setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

11. Berapakah stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) disediakan di Pulau Pinang setakat ini?

    (a) Senaraikan pengusaha-pengusaha yang sedia ada dengan kadar caj masing-masing.

    (b) Nyatakan kadar penggunaan stesen EV.

    (c) Berapakah petak parkir dikeluarkan dan diganti dengan stesen EV?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Sejumlah 460 unit pengecas kenderaan elektrik (EV) telah disediakan di Pulau Pinang buat masa ini.

    (a) Pengusaha-pengusaha yang sedia ada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kadar caj pengecasan adalah seperti berikut:

Bil.	Operator Pengecas	Jenis EVCB	Harga /kWh
1.	Chargesini	AC	RM1.09
		DC	RM1.19
2.	Gentari	DC	RM1.60

Proses pemasangan unit pengecasan EV oleh pengusaha di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih dilaksanakan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2026. Kadar pengecasan oleh pengusaha di bawah seliaan MBSP belum ditentukan buat masa ini.

(b) Kadar purata penggunaan stesen pengecasan EVCB yang diselia oleh MBPP pada masa kini adalah dari 1% sehingga 13% berdasarkan lokasi. Pihak MBSP tidak dapat menganggarkan kadar penggunaan stesen EV secara keseluruhan buat masa ini, memandangkan kerja-kerja pemasangan fasiliti oleh pengusaha di bawah seliaan MBSP masih dijalankan.

(c) Sebanyak 147 unit petak parkir di kawasan MBPP dan 100 unit petak parkir di kawasan MBSP telah dikeluarkan dan diganti dengan stesen EV.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA YB WONG YUEE HARNG

12. Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan lebih banyak program latihan semula (reskilling) untuk golongan yang kehilangan kerja akibat perubahan pasaran ekonomi sekarang?

    (a) Senaraikan program latihan semula dan cara permohonan/ penyertaan.

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Kerajaan Negeri kekal komited dalam menyokong program latihan semula bagi individu yang terkesan akibat perubahan pasaran ekonomi semasa. Inisiatif ini bertujuan untuk melengkapkan golongan yang kehilangan pekerjaan dengan kemahiran yang relevan mengikut industri serta membantu mereka memasuki sektor pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi.

    Bagi merealisasikan matlamat ini, Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan institusi latihan dan rakan industri untuk membangunkan lebih banyak program latihan semula (reskilling) dan peningkatan latihan (upskilling) merentasi pelbagai sektor, sebagai usaha memperkukuh daya tahan tenaga kerja dan menyokong pemulihan ekonomi.

    (a) Program latihan semula yang sedang ditawarkan oleh *Penang Skills Development Centre* (PSDC) ialah Program *IC Design Mastery* yang dilaksanakan di bawah *Penang Chip Design Academy* (PCDA) yang diuruskan

oleh PSDC. Program tersebut merupakan sebahagian daripada strategi PSD@5KM+ yang dirangka untuk menyediakan peluang latihan semula dan peningkatan kemahiran secara khusus. Butiran terperinci tentang program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

(i) Kumpulan Sasaran

Graduan baharu, professional pertengahan kerjaya, dan individu yang kehilangan pekerjaan akibat gangguan ekonomi;

(ii) Fokus Industri

Elektrikal & Elektronik (E&E), Mikroelektronik, dan bidang kejuruteraan berkaitan;

(iii) Objektif Program

Melahirkan bakat yang berkelayakan dalam reka bentuk IC (*Integrated Circuit*), iaitu peranan strategik dalam industri semikonduktor; dan

(iv) Kelayakan

Pemohon perlu lulus penilaian awal, termasuk semakan kelayakan akademik, untuk dipertimbangkan bagi penyertaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri secara kolektif bersama Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sedang melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kemahiran kepada mereka yang kehilangan pekerjaan melalui program *reskilling* dan *upskilling* agar memenuhi permintaan pemain industri pada masa kini. Antaranya ialah:

(i) Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara PERKESO, Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) dan *HCL Technologies Malaysia Sdn. Bhd.* di bawah Program Latihan *Next TECH* yang bertujuan untuk membantu individu hilang pekerjaan dan golongan lain seperti graduan, pencari kerja dan pekerja gig

dalam latihan kemahiran semula, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran berdasarkan modul latihan keselamatan siber, sains data dan kecerdasan buatan (AI); dan

(ii) Melaksanakan program-program kebolehpasaran pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan pencari kerja seperti Karnival Pekerjaan, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, *Career Talk*, Program *Profiling* Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteraskan Pembangunan modal insan.

Statistik menunjukkan bahawa sejak Januari hingga 24 Oktober 2025, seramai 11,0147 Orang Berinsurans (OB) di Negeri Pulau Pinang yang kehilangan pekerjaan telah memohon untuk menjalani program *upskilling* dan *reskilling* di bawah faedah LINDUNG Kerjaya. Daripada jumlah tersebut, seramai 10,713 peserta telah diluluskan untuk menjalani program latihan dan seramai 3,460 peserta mendapat pekerjaan. Antara program latihan semula yang bersesuaian dengan permintaan pasaran pekerjaan semasa yang ditawarkan di bawah PERKESO adalah *Digital Marketing*, AI dan *Cybersecurity*.

PERKESO juga menyediakan penggantian pendapatan dan bantuan kehilangan pekerjaan di bawah LINDUNG Kerjaya. OB dikehendaki mengemukakan permohonan LINDUNG Kerjaya di Pejabat PERKESO yang terdekat dalam tempoh 60 hari dari tarikh kehilangan pekerjaan dan memenuhi syarat kelayakan caruman, antaranya ialah mempunyai bilangan caruman yang mencukupi serta tidak bekerja mengikut definisi kehilangan pekerjaan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Sekiranya permohonan diluluskan, OB juga boleh memilih untuk menghadiri latihan kemahiran semasa menganggur atau selepas diambil bekerja dengan majikan baru yang mana ini adalah sebahagian daripada program pasaran buruh aktif di bawah LINDUNG Kerjaya.

Di samping itu, terdapat juga pelbagai inisiatif yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Pulau Pinang yang kehilangan kerja termasuklah:

(i) Latihan *Reskilling* HRD Corp yang menyediakan pembiayaan untuk kursus latihan semula dalam pelbagai kemahiran industri yang melatih individu yang baru menyertai pasaran kerja atau pekerja yang perlu beralih ke peranan baharu terutamanya dalam bidang digital;

(ii) *Penang Young Digital Talent Program di bawah* Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) iaitu program reskilling yang bertujuan untuk membantu golongan lepasan universiti dan belia menguasai kemahiran digital dan ekonomi gig bagi membolehkan mereka beralih ke pekerjaan dalam ekonomi digital; dan

(iii) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang melatih semula komuniti luar bandar dan golongan B40 dalam kemahiran baharu seperti hospitaliti dan kemahiran kraf bagi membolehkan mereka memperoleh pekerjaan yang lebih baik dan tetap dalam sektor kemahiran yang berkembang.

Bagi tujuan permohonan kursus dan cara mendapatkan maklumat spesifik seperti tarikh, lokasi dan syarat-syarat kursus, pemohon boleh merujuk kepada portal rasmi agensi yang berkaitan atau laman web institusi TVET tempatan seperti PSDC dari masa ke masa untuk mendapatkan info terkini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA YB WONG YUEE HARNG

13. Bagaimanakah Kerajaan Negeri bersedia menghadapi risiko kemelesetan ekonomi global yang mungkin menjejaskan pekerjaan, pelaburan dan perbelanjaan pengguna di negeri ini susulan Presiden Amerika Syarikat mengumumkan perang perdagangan dengan China?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Kerajaan Malaysia kekal neutral dalam konflik perdagangan antarabangsa dan terus mengamalkan pendekatan terbuka terhadap pelaburan asing. Sejajar dengan dasar ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur dari semua negara yang juga sebahagian daripada sektor-sektor yang dipromosikan seperti elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor, teknologi perubatan, dan Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services atau GBS).

Kerajaan Negeri juga komited untuk memperkukuh daya tahan dan daya saing industri-industri strategik di Pulau Pinang melalui agensi pelaksana seperti InvestPenang.

Usaha-usaha berterusan sedang dijalankan untuk meningkatkan infrastruktur sokongan pelaburan, memperkemas proses pengawalseliaan dan urusan perniagaan, serta mengurangkan kos keseluruhan menjalankan perniagaan di negeri ini.

Langkah-langkah ini adalah penting bagi mengekalkan peranan strategik Pulau Pinang dalam rantaian bekalan global, di samping memastikan pertumbuhan ekonomi negeri kekal mampan dan inklusif demi manfaat masyarakat secara keseluruhannya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA YB WONG YUEE HARNG

14. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan ekosistem pelaburan untuk menarik syarikat teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui ke Pulau Pinang sejajar dengan trend global menuju ekonomi karbon rendah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah penting bagi memperkukuh ekosistem pelaburan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui, sejajar dengan trend global ke arah ekonomi karbon rendah. Antara inisiatif utama yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Pelancaran *Penang Energy Framework (PEF)*

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Rangka Kerja Tenaga Negeri iaitu *Penang Energy Framework (PEF)* yang menetapkan sasaran untuk mengurangkan intensiti tenaga sebanyak kira-kira 25% serta menjana sekurang-kurangnya 10% daripada penggunaan tenaga negeri melalui sumber tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2030;

(b) Keperluan tenaga boleh diperbaharui bagi bangunan baharu

Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa semua bangunan awam baharu perlu memasang sistem tenaga boleh diperbaharui, di samping memperkenalkan

keperluan *Building Energy Intensity (BEI)* bagi pembangunan baharu sebagai langkah kawalan dan pemantauan penggunaan tenaga;

(c) Projek *Penang South Islands (PSI)*

Projek *Penang South Islands (PSI)* direka berteraskan prinsip kelestarian, dengan menumpukan kepada pembangunan kawasan industri dan bandar yang rendah karbon. Projek ini bertujuan menarik pelaburan daripada syarikat berteknologi tinggi yang mengamalkan amalan mesra alam dan hijau;

(d) Penglibatan industri dalam amalan kelestarian

Kerajaan Negeri menggalakkan pemain industri di Pulau Pinang untuk menerapkan model perniagaan berasaskan kelestarian bagi memastikan kesejahteraan alam sekitar terus terpelihara. Semakin banyak syarikat pengilangan menunjukkan komitmen terhadap amalan *Environment, Social and Governance (ESG)* dalam sistem tadbir urus serta operasi mereka. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk program kitar semula, penggunaan panel solar, serta pemasangan sistem penuaian air hujan *(rainwater harvesting system)* di premis perindustrian; dan

(e) Pengiktirafan antarabangsa terhadap amalan hijau

Semakin banyak pemain industri di Pulau Pinang telah memperoleh atau sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seperti *Leadership in Energy and Environmental Design (LEED), Responsible Business Alliance (RBA)* dan *Green Building Index (GBI).* Pencapaian ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memperkukuh pembangunan industri yang mampan dan berdaya saing di peringkat global.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

15. Jelaskan usaha Kerajaan / Agensi berkenaan dalam menangani dan menyelesaikan masalah pembetungan yang telah lama wujud di bandaraya George Town.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Loji Rawatan Kumbahan Serantau George Town (PEG227) yang berperanan penting dalam memproses aliran kumbahan dari kawasan George Town dan sekitarnya dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP).

Selepas loji tersebut siap dibina pada tahun 2007, Indah Water Konsortium (IWK) telah mengambil alih sebagai pengendali sistem pembetungan dari segi operasi dan penyelenggaraan. IWK telah mengambil langkah yang berterusan bagi memastikan aset-aset pembetungan uzur, termasuk paip yang telah dipasang sejak beberapa dekad lalu terus berfungsi dengan cekap dan selamat.

Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh IWK adalah pelaksanaan penilaian keadaan aset melalui pendekatan pengurusan risiko bagi mengenal pasti paip pembetungan yang telah uzur serta berisiko mengalami kegagalan struktur melalui Kajian dan Penilaian Menyeluruh Sistem Pembetungan Sedia Ada. Hasil penilaian ini digunakan untuk menentukan keutamaan kerja pembaikan dan penggantian paip di kawasan yang dikenal pasti sebagai kritikal.

Berdasarkan senarai keutamaan yang telah dikenal pasti, IWK melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan penggantian paip secara berperingkat menggunakan kaedah moden *(trenchless method)* seperti *pipe relining* dan *pipe bursting* bagi mengurangkan keperluan penggalian secara terbuka. Di samping itu, beberapa projek penaiktarafan loji rawatan dan stesen pam turut dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti rawatan serta kecekapan operasi sistem pembetungan sedia ada.

Secara keseluruhannya, IWK komited untuk terus melaksanakan kerja penyelenggaraan, pembaikan dan penaiktarafan secara berfasa dengan kerjasama rapat pelbagai agensi berkaitan bagi memastikan sistem pembetungan di George Town kekal berdaya tahan serta memenuhi piawaian kebangsaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

16. Apakah penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap kemudahan sukan di negeri Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan prestasi atlet menuju SUKMA 2026 dan SEA Games 2027?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) tidak mensasarkan sebarang pembinaan baharu dan akan menggunapakai kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di dalam negeri Pulau Pinang bagi penganjuran Sukan SEA pada tahun 2027 yang akan datang.

Manakala untuk menghadapi Sukan SUKMA 2026, MSNPP hanya memberi penekanan terhadap penambahbaikan peralatan latihan yang digunapakai oleh Jurulatih Sukan Negeri untuk meningkatkan prestasi serta daya saing atlet menjelang penyertaan di SUKMA pada bulan Ogos 2026. Tiada kemudahan atau naiktaraf baharu dilaksanakan pada fasiliti latihan pada tahun 2025 ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

17. Huraikan bilangan staf teknikal PBA berdasarkan kaum masing-masing.

    (a) Adakah PBA menghadapi masalah kekurangan pekerja di tapak pembaikan sewaktu musim perayaan?

    (b) Apakah puncanya kerja-kerja pembaikan di Lebuh Macallum berhadapan The Fifth Avenue Hotel dibiarkan tanpa sebarang kerja di tapak melebihi satu minggu dari pertengahan sampai hujung bulan Oktober?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Komposisi bilangan staf teknikal Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berdasarkan kaum adalah seperti berikut:

Kaum	Jumlah Kakitangan Teknikal PBAPP
Melayu	544
Cina	4
India	118
Jumlah	666

Jadual di atas hanya menunjukan kakitangan teknikal yang bergred S3 ke gred G4.

(a) PBAPP tidak menghadapi masalah kekurangan pekerja di tapak pembaikan semasa musim perayaan kerana pihak PBAPP telah melaksanakan perancangan sumber

PBAPP telah melaksanakan perancangan sumber manusia yang rapi bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan berjalan dengan lancar. Pelaksanaan sistem kerja secara bergilir (*syif*) dan jadual tugasan (*duty roster*) yang disusun khas bagi musim perayaan dan cuti umum memastikan kehadiran petugas yang mencukupi, sekali gus membolehkan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dilaksanakan dengan lancar dan berterusan. Jadual ini juga memastikan pasukan teknikal dan pasukan pembaikan sentiasa berada dalam keadaan siap siaga (*standby*) untuk memberi maklum balas segera terhadap sebarang laporan gangguan bekalan atau kejadian paip bocor. Pelaksanaan ini turut selaras dengan keperluan jadual kerja yang diluluskan oleh SPAN serta perancangan operasi semasa musim perayaan.

(b) Masalah di Lebuh Macallum adalah berpunca daripada kerja pengorekan yang telah dijalankan di lokasi aduan, namun tiada paip air PBAPP ditemui di kawasan tersebut. Sehubungan itu, PBAPP telah melaksanakan beberapa kerja pengesanan dan pembaikan kebocoran paip di lokasi-lokasi lain di sekitar Lebuh Macallum. Walau bagaimanapun, aliran air masih dikesan di lokasi aduan berkenaan.

Proses mengesan titik sebenar kebocoran bukanlah mudah kerana ianya memerlukan kepakaran dan pengalaman sebelum kerja-kerja pembaikan dapat dimulakan. Hasil siasatan mendapati air berkenaan keluar dari saluran kabel utiliti (*duct*) bawah tanah, yang menyebabkan pengesanan punca sebenar menjadi lebih mencabar.

PBAPP telah mengambil langkah keselamatan dengan meletakkan kon keselamatan di kawasan terlibat sementara siasatan lanjut dijalankan untuk mengenal pasti sumber sebenar aliran air tersebut. PBAPP juga akan menambah baik sistem komunikasi dengan pengguna pada masa hadapan bagi memastikan makluman yang lebih jelas dan tepat dapat disampaikan kepada orang awam.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

18. Senaraikan lokasi-lokasi utama Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menghadapi kemungkinan bencana dan kapasiti masing-masing.

    (a) Huraikan prosedur pengaktifan PPS, sama ada setelah amaran cuaca dikeluarkan atau setelah berlakunya bencana.

    (b) Bagaimanakah maklumat berkenaan dengan maklumat pemindahan kecemasan dikendalikan kepada penduduk dan warga Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Lokasi-lokasi utama Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dikenal pasti di seluruh negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 291 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang boleh diaktifkan pada bila-bila masa sekiranya berlaku bencana.

SENARAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2025	
DAERAH	**JUMLAH PPS**
TIMUR LAUT	118
BARAT DAYA	30
SEBERANG PERAI UTARA	59
SEBERANG PERAI TENGAH	59
SEBERANG PERAI SELATAN	25
JUMLAH KESELURUHAN	**291**

Sumber rujukan dari semua pihak Pejabat Daerah dan Tanah (Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan) di Pulau Pinang.

(a) Dalam mekanisme pengurusan bencana yang ditetapkan dalam Arahan NADMA No. 1, Agensi Tindak Balas dan/atau Agensi Teknikal perlu membuat penilaian sejauh mana kejadian yang berlaku memerlukan Tindak Balas mekanisme pengurusan bencana. Dalam konteks banjir, MetMalaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan membuat penilaian tahap ramalan cuaca dan paras air dan akan mengeluarkan amaran cuaca atau paras air. Maklumat tersebut disalurkan kepada Pejabat Daerah dan agensi yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) sebagai salah satu langkah kesiapsiagaan menghadapi bencana.

Prosedur pengaktifan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akan dilaksanakan setelah sesuatu bencana berlaku di daerah dalam negeri Pulau Pinang. Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) akan mengarahkan pembukaan rasmi PPS setelah mendapat nasihat dan pandangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Sekretariat JPBD iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah.

(b) Maklumat berkenaan dengan maklumat pemindahan kecemasan dikendalikan kepada penduduk dan warga Pulau Pinang adalah melalui rangkaian komunikasi rasmi dan bersepadu antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti. Berikut ialah cara pengurusan maklumat tersebut disampaikan kepada penduduk secara teratur:

(i) Penyebaran Maklumat Kepada Penduduk

Maklumat tentang pengaktifan PPS dan arahan pemindahan akan disebarkan oleh agensi pengurusan bencana seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan agensi-agensi yang terlibat sewaktu bencana melalui pelbagai saluran supaya maklumat

disampaikan dengan cepat dan pantas kepada penduduk dan masyarakat.

(ii) Pengumuman di Lapangan

Pengumuman kecemasan dilaksanakan oleh PDRM, APM, RELA dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menggunakan pembesar suara bergerak (mobile PA system) atau rondaan ke kawasan atau daerah yang terlibat dengan bencana. Agensi tersebut akan memaklumkan lokasi PPS, masa pemindahan dan laluan selamat kepada penduduk atau masyarakat sekitar.

(iii) Media Rasmi & Digital

Maklumat tentang bencana juga disebarkan melalui Facebook rasmi Pejabat Daerah, JKM, APM dan JPBN.

(iv) Aplikasi Bencana

Info berkaitan bencana juga disebarkan di aplikasi seperti MyPublicInfoBanjir (JPS), InfoBencanaJKM (JKM), Mycuaca (MET Malaysia), Portal Bencana (NADMA) dan Penang Alert (SUK Pulau Pinang) sebagai langkah kesiapsiagaan bencana kepada semua pihak. Pesanan ringkas (SMS), *WhatsApp* komuniti, Telegram rasmi, dan siaran radio tempatan juga memainkan peranan dalam penyebaran maklumat berkaitan bencana.

(v) Ketua Komuniti

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Penghulu dan ketua kampung akan menerima maklumat daripada Pusat Kawalan Daerah (PKOB) dan berperanan dalam menyebarkan maklumat tersebut terus kepada penduduk di kawasan masing-masing. Tambahan pula, orang awam atau penduduk boleh mendapatkan maklumat berkaitan bantuan, maklumat PPS terdekat dan maklumat lain di Bilik Gerakan di daerah masing-masing melalui panggilan di talian yang ditetapkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

19. Huraikan statistik terkini yang menunjukkan penurunan kejadian banjir, termasuk bilangan kejadian per tahun di Negeri Pulau Pinang.

    (a) Adakah sistem pengesanan kenaikan paras air sungai oleh pihak JPS / MBPP masih berfungsi baik?

    (b) Jelaskan bagaimana sistem tersebut dapat membantu dalam pemindahan kecemasan penduduk sekitar sungai sebelum air sungai melimpah dan berlakunya banjir.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Berdasarkan kepada data lima (5) tahun terkini kejadian banjir, terdapat nilai penurunan berlakunya kejadian banjir di negeri Pulau Pinang secara keseluruhan pada tahun 2025 yang direkodkan sehingga 24 Oktober 2025 berbanding tahun sebelumnya yang direkodkan seperti perincian di bawah. Walau bagaimanapun, sehingga tempoh yang dinyatakan, terdapat peningkatan kejadian banjir bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Barat Daya (DBD). Manakala, Daerah Timur Laut (DTL) dan Seberang Perai Selatan (SPS) menunjukan nilai penurunan.

    Terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya banjir saban tahun. Hal ini perlu dilihat secara menyeluruh memandangkan terdapat punca-punca yang disebabkan oleh perubahan cuaca dan iklim dunia serta kejadiaan air pasang besar di luar jangka. Walau bagaimanapun, setiap kejadian yang berlaku, JPS memainkan

peranan dan tanggungjawab dalam memastikan maklumat awal dapat disalurkan segera kepada masyarakat. Perincian statistik kejadian banjir adalah seperti berikut:

KEJADIAN BANJIR TAHUN 2020 HINGGA 24 OKTOBER 2025

TAHUN	BILANGAN KEJADIAN BANJIR BERDASARKAN LAPORAN BANJIR SEMASA					JUMLAH
	DAERAH DTL	DAERAH DBD	DAERAH SPU	DAERAH SPT	DAERAH SPS	
2020	5	3	7	6	7	28
2021	4	15	2	2	7	30
2022	0	4	2	3	6	15
2023	16	10	6	10	7	49
2024	6	6	9	12	14	47
2025	4 (sehingga 24 Oktober 2025)	12 (sehingga 24 Oktober 2025	12 (sehingga 24 Oktober 2025	14 (sehingga 24 Oktober 2025	3 (sehingga 24 Oktober 2025	45 (sehingga 24 Oktober 2025

Nota: Jumlah kejadian banjir ini adalah berdasarkan jumlah Laporan Banjir Semasa yang disediakan pada tahun tersebut

(a) Sehingga kini, sistem pengesanan kenaikan aras air sungai berada dalam keadaan baik dan dipantau secara harian dan berkala melalui laman web Public Infobanjir atau Sistem Pengoperasian Hidirologi Telemetri Negeri (SPHTN) dan di tapak. Sekiranya berlaku kerosakan, pembaikan dibuat dengan kadar segera untuk memastikan sistem pengesanan ini dapat beroperasi dengan baik pada masa yang diperlukan serta tempoh pembaikan bergantung kepada ketersediaan alat ganti sedia ada di negeri.

(b) Di Negeri Pulau Pinang terdapat stesen-stesen ramalan dan amaran banjir yang disediakan untuk memberikan maklumat awal kepada semua masyarakat untuk mengambil tindakan selanjutnya. Stesen-stesen yang disediakan antaranya melibatkan stesen hujan, stesen aras air dan siren yang boleh dilihat secara terus dan dipantau oleh umum melalui laman sesawang rasmi Public Infobanjir dan SPHTN Pulau Pinang yang mana memberikan maklumat daripada stesen-stesen yang terdapat di kelima-lima (5) daerah. Daripada maklumat yang dipaparkan tersebut, siren-siren di lokasi yang disediakan akan berbunyi di peringkat amaran dan bahaya. Setiap masyarakat boleh mengambil tindakan awal untuk menyimpan

barangan, berpindah atau bergerak ke PPS sehingga air kembali surut. Dalam masa yang sama JPS turut akan mengerakan aset-aset sedia ada seperti pam bergerak, mengaktifkan pintu air, rumah pam dan kenderaan (lori, lori crane, backhoe). Manakala, di peringkat agensi teknikal, pemakluman awal ramalan dan amaran banjir turut dimaklumkan secara terus ke pusat pengurusan bencana negeri/daerah untuk siapsiaga bagi sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

20. Apakah kadar hakisan yang direkodkan di persisiran pantai Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2023?

    (a) Nyatakan langkah mitigasi jangka masa pendek dan panjang yang telah atau bakal diambil untuk menangani hakisan tanah di persisiran pantai.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Kajian Hakisan Pantai Negara (National Coastal Erossion Study, NCES) yang disiapkan pada tahun 2015 merekodkan lima puluh satu (51) lokasi hakisan pantai di Pulau Pinang. Ini merangkumi tujuh (7) lokasi pada Kategori 1 (critical erosion), tiga belas (13) lokasi pada Kategori 2 (Significant Erosion) dan tiga puluh satu (31) lokasi pada Kategori 3 (Acceptable Erosion). Statistik hakisan pantai terbaharu sedang dikemaskini melalui Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (Integrated Shoreline Management Plan, ISMP) yang dijangka siap dikemaskini pada 23 Jun 2027.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) sentiasa memantau keadaan sungai dan pantai di Negeri ini bagi memastikan ia berfungsi dengan optimum. Dalam situasi kecemasan, JPSPP akan melaksanakan kerja-kerja pencegahan segera sekiranya terdapat kejadian limpahan air laut ke kawasan berhampiran. Kerja-kerja ini adalah langkah kawalan di tapak bagi mengelakkan situasi menjadi lebih buruk.

Antara mitigasi jangka pendek yang dilaksanakan oleh JPSPP untuk menangani hakisan pantai adalah:

(i) Pembinaan struktur perlindungan pantai sementara seperti pemasangan beg geo (geobag) atau pelindung (revetment) di kawasan kritikal;

(ii) Kerja-kerja pengisian pasir (beach nourishment) bagi menambah semula pasir di kawasan yang terhakis untuk menstabilkan pantai; dan

(iii) Pemantauan berkala bagi mengenal pasti kawasan berisiko tinggi.

Langkah mitigasi jangka panjang yang dilaksanakan pula adalah melalui kaedah struktur dan bukan struktur. Untuk langkah struktur, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan persekutuan pada tahun 2024 untuk melaksanakan tiga (3) projek Fenomena Air Pasang Besar (FAPB) seperti berikut:

(i) Projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di persisiran Pantai Bagan Ajam, Daerah Seberang Perai Utara;

(ii) Projek pembinaan ban Pantai Byram, Muara Sungai Kerian Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan; dan

(iii) Projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di Pantai Mak Minah, Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Untuk langkah bukan struktur, JPS Malaysia kini sedang melaksanakan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang dengan objektif kajian seperti berikut:

(i) Penilaian dan pemilihan strategi pengurusan pembangunan pantai supaya pembangunan di kawasan pantai boleh dilaksanakan secara mampan;

(ii) Penilaian dan pemilihan opsyen pertahanan untuk garis pantai; dan

(iii) Perumusan Garis Panduan Khusus dan Dasar untuk Aktiviti/ Cadangan Pembangunan di kawasan pantai.

Output daripada kajian ISMP ini adalah seperti berikut:

(i) Inventori pantai dan aset kawasan pantai;

(ii) Cadangan jenis struktur perlindungan untuk kawasan hakisan;

(iii) Garis panduan pembangunan di kawasan pantai;

(iv) Penentuan anjakan pembangunan (setback) untuk pantai; dan

(v) Cadangan bentuk pembangunan guna tanah yang sesuai dengan objektif yang ditetapkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

21. Huraikan data yang diterima sejak tandas pintar MBPP Pasar Lebuh Cecil dibuka kepada orang awam, termasuk jumlah penggunaan harian, aduan / kadar kepuasan pengguna.

    (a) Huraikan impak penjimatan tenaga dan air dengan sistem pengumpulan air hujan dan sensor di tandas ini.

    (b) Adakah tandas pintar ini projek berjaya dan bakal ditambahkan lagi di tempat awam lain?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui sistem pendaftaran kemasukan menggunakan kod QR bayaran, purata penggunaan tandas pintar MBPP di Pasar Lebuh Cecil secara harian telah direkodkan seramai 230 orang.

    Berdasarkan rekod MBPP, sebanyak lima (5) aduan telah diterima bagi tandas pintar MBPP di Pasar Lebuh Cecil pada tahun 2024 melibatkan kerosakan sistem siraman tandas (*flush)* dan bekalan air rendah. Bilangan aduan ini berkurangan bagi tahun 2025 dengan hanya satu (1) aduan diterima melibatkan kerosakan bumbung. Pengurangan aduan ini menunjukkan kadar kepuasan pengguna telah meningkat bagi tahun 2025.

(a) Analisis impak penjimatan bagi tenaga elektrik, air dan sistem pengumpulan air hujan serta penderia (*sensor*) pada sistem siraman di tandas ini adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

(b) Pelaksanaan tandas pintar ini telah menunjukkan kejayaan yang positif dan mendapat maklum balas yang baik daripada orang awam. Kejayaan tersebut dapat dilihat melalui peningkatan tahap kebersihan, kemudahan akses serta penggunaan teknologi bagi memudahkan transaksi bayaran oleh pengguna.

Berikutan itu, MBPP komited untuk memperluaskan pelaksanaan tandas pintar di kawasan awam, dengan sasaran sekurang-kurangnya satu unit setiap tahun. Antara lokasi yang dicadangkan untuk dinaik taraf kepada tandas pintar bagi tahun 2026 adalah seperti berikut:

(i) Tandas Awam Pasar Jelutong;

(ii) Tandas di Kompleks Farlim;

(iii) Tandas di Pengkalan Weld;

(iv) Tandas di Kampung Baru;

(v) Tandas di Persiaran Gurney; dan

(vi) Tandas di Kampung Baru.

Pada tahun 2025, sebanyak **21 unit tandas lelaki dan wanita telah dinaik taraf berbanding tahun sebelumnya iaitu 11 unit tandas**. Penjimatan bagi bil air dan elektrik adalah seperti di bawah:

(a) Perbandingan bagi bil air tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di jadual di bawah.

Bulan	Bil Air (PBA) / RM					
	Bil Keseluruhan			Perbandingan Per Unit		
	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Perbezaan	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Penjimatan
Januari	779.1	1,253.49	- 474.39	70.83	59.69	11.14
Mac	690.9	847.70	- 156.80	62.81	40.37	22.44
Mei	836.85	847.70	- 10.85	76.08	40.37	35.71
Julai	780.43	1,704.85	- 924.42	70.95	81.18	- 10.24
September	786.94	1,023.47	- 236.53	71.54	48.74	22.80
PENJIMATAN			**- 1,802.99**			**81.86**

Perbandingan penggunaan air ini adalah lebih realistik apabila mengambil kira peningkatan jumlah kemudahan daripada 11 unit kepada 21 unit selepas kerja naik taraf dilaksanakan. Secara keseluruhannya, **terdapat penjimatan kos bil air sebanyak RM81.86**, dengan mengambil andaian bahawa penggunaan air bagi tujuan pembersihan adalah sama sebelum dan selepas naik taraf tandas. Penjimatan ini turut disumbang melalui penggunaan teknologi seperti *smart sensor* pada sinki dan *urinal*, selain pelaksanaan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) yang digunakan secara menyeluruh.

(b) Perbandingan bagi bil elektrik bagi tahun 2024 dan 2025 adalah seperti jadual di bawah.

Bulan	Bil Elektrik (TNB) / RM					
	Bil Keseluruhan			Perbandingan Per Unit		
	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Perbezaan	Tahun (2024)	Tahun (2025)	Penjimatan
Januari	253.57	55.80	197.95	23.07	2.66	20.41
Februari	231.00	43.15	187.85	21.00	2.05	18.95
Mac	254.85	45.00	209.85	23.17	2.14	21.03
April	264.25	43.15	221.10	24.02	2.05	21.97
Mei	262.05	232.15	29.90	23.82	11.05	12.77
Jun	261.55	-	261.55	23.78	0.00	23.78
Julai	233.10	372.25	- 139.15	21.19	17.73	3.46
Ogos	262.50	781.70	- 519.20	23.86	37.22	- 13.36
September	255.40	414.30	- 158.90	23.22	19.73	3.49
PENJIMATAN			**290.95**			**112.49**

Penjimatan penggunaan elektrik turut dapat dilihat selepas pelaksanaan kerja naik taraf, dengan **jumlah penjimatan direkodkan sebanyak RM112.49**. Penggunaan tenaga solar juga diperkenalkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber elektrik

konvensional. Butiran bil air (bagi bulan Julai 2025) dan bil elektrik (bagi bulan Ogos 2025) turut mengambil kira peningkatan penggunaan semasa musim perayaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA YB WONG YUEE HARNG

22. Nyatakan prosedur bagaimana tanah melalui penambakan didaftar oleh Pejabat Tanah.

    (a) Nyatakan jangka masa bagi tanah tambun di tepi pantai Pangsapuri Pelangi, Gat Lebuh Macallum bakal didaftar dalam inventori Pejabat Tanah.

    (b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dan status terkini bagi tanah tersebut yang telah pun terbiar selama ini dan mendatangkan kacau ganggu kepada komuniti tempatan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. (a) Plot 1 dan Plot 2 di tepi pantai Pangsapuri Pelangi, Gat Lebuh Macallum merupakan tanah kerajaan yang diperoleh melalui kaedah tebus guna (reclamation).

    (b) Bagi Plot 1, Pihak Berkuasa Negeri melalui mesyuarat pada 11.12.2024 telah meluluskan pemberimilikan kepada Perbadanan Bekalan Air (PBA) Pulau Pinang.

    Bagi Plot 2, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN) bertarikh 21.11.2024 telah memberikan kelulusan dasar/prinsip terhadap permohonan pemberimilikan kepada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Pulau Pinang bagi tujuan mendirikan pembangunan pusat pentadbiran, jeti dan kuarters maritim Negeri Pulau Pinang.

Susulan keputusan tersebut, Kerajaan Negeri pada 3.12.2024 memohon pihak APMM untuk mengemukakan permohonan pemberimilikan secara rasmi melalui Kementerian Dalam Negeri dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Surat permohonan pengesahan perancangan permohonan pemberimilikan telah dikemukakan pada 28.10.2025 dan pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) kini sedang menunggu pengesahan rancangan permohonan pemberimilikan daripada pihak APMM.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

23. Apakah perkembangan terkini projek rintis penanaman padi ratun?

    (a) Senaraikan lokasi dan keluasan projek rintis padi ratun yang akan terlibat pada peringkat awal.

    (b) Huraikan sokongan teknikal, kewangan dan tenaga kerja yang bakal disediakan kepada MARDI bagi projek perintis ini.

    (c) Bagaimanakah hasil projek ini dapat memanfaatkan pesawah Negeri Pulau Pinang?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek rintis penanaman padi ratun di Malaysia.

    (a) Projek rintis padi ratun ini akan dijalankan di MARDI Seberang Perai dengan melibatkan keluasan penanaman seluas satu (1) ekar.

    (b) Projek rintis ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama seperti yang berikut:

        (i) Kerjasama penyelidikan melalui suntikan dana daripada syarikat tempatan atau dana Kerajaan

Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menampung kos operasi dan tenaga kerja;

(ii) Jalinan kerjasama dengan kumpulan pakar daripada Fujian Agriculture and Forestry University, China (FAFU) sebagai rujukan pasukan pelaksana tempatan khususnya MARDI serta perkongsian kepakaran dengan penyelidik tempatan. Kos pengurusan yang berkaitan dengan kumpulan pakar FAFU akan ditanggung sepenuhnya oleh pemberi dana;

(iii) Varieti padi tempatan sedia ada seperti MR 297 dan MR 333 boleh dinilai bagi melihat kesesuaian dan adaptasi dengan kaedah ini; dan

(iv) Output kajian seperti laporan teknikal, analisa untung rugi, analisa risiko persekitaran dan tahap penerimaan pesawah terhadap kaedah penanaman ini juga perlu diambil kira.

(c) Sekiranya projek ini memberi dapatan yang positif dari segi pengeluaran hasil dan mengurangkan kos input dan operasi, ia boleh diperkenalkan dan dipraktikkan oleh pesawah di Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XVIII)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG

24. Huraikan inisiatif baharu Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan ekosistem keusahawanan di Pulau Pinang, khususnya usahawan mikro dan pengusaha kecil.

    (a) Senaraikan bantuan kewangan / *grant* Kerajaan Negeri kepada pengusaha SME termasuk syarat dan kelayakan.

    (b) Nyatakan langkah yang diambil bagi mempromosikan produk tempatan Pulau Pinang ke pasaran antarabangsa.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama agensi pelaksana seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Digital Penang dan Penang Women's Development Corporation (PWDC) terus memperkukuhkan ekosistem keusahawanan negeri melalui penambahbaikan dan peluasan pelaksanaan program sedia ada di samping memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih berfokus kepada peningkatan daya saing, pendigitalan dan akses pasaran antarabangsa. Antara inisiatif tersebut termasuk pelaksanaan program latihan keusahawanan, penyediaan ruang niaga, serta penganjuran program pembangunan kapasiti dan promosi

produk tempatan bagi meningkatkan daya saing usahawan Pulau Pinang.

(a) Bantuan kewangan / *grant* Kerajaan Negeri kepada pengusaha SME termasuk syarat dan kelayakan adalah seperti yang berikut:

(i) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC):

PDC bertindak sebagai agensi pelaksana bagi Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang ditawarkan kepada usahawan mikro di Pulau Pinang.

Skim 1 – Pinjaman antara RM5,000.00 hingga RM25,000.00
Syarat utama:

1) Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun dan pengundi di Pulau Pinang.

2) Berniaga dan menetap di Pulau Pinang serta beroperasi lebih enam (6) bulan.

3) Mempunyai lesen perniagaan sah dan akaun bank atas nama syarikat.

4) Tidak disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan.

Skim 2 – Pinjaman antara RM26,000.00 hingga RM50,000.00
Tambahan syarat:

1) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga pekerja tetap yang mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

2) Jualan kasar bulanan antara RM26,000.00 hingga RM50,000.00 bagi tiga bulan terakhir.

3) Disokong oleh seorang penjamin;

(ii) Digital Penang

Bagi syarikat pemula (startup), Digital Penang menyediakan Market Access Grant, iaitu geran khusus kepada syarikat perisian di peringkat awal (*seed stage*). Setiap syarikat layak menerima sehingga RM20,000.00 bagi tujuan pembangunan pasaran termasuk kolaborasi strategik dan penyertaan program antarabangsa. Syarat utama termasuk pelaburan sendiri sebanyak RM2,000.00, mempunyai produk di pasaran serta pendapatan tahunan tidak melebihi RM500,000.00. Tempoh pelaksanaan geran adalah kurang daripada 12 bulan.

Selain itu, MSME Level Up Program (MELUP) turut dilaksanakan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) meningkatkan tahap pendigitalan dan keupayaan bersaing dalam pasaran digital melalui bengkel dan bimbingan strategik; dan

(iii) Penang Women's Development Corporation (PWDC)

PWDC tidak menawarkan geran kewangan secara langsung, sebaliknya memberi tumpuan kepada program pembangunan kapasiti dan bimbingan bagi memperkasa keupayaan usahawan wanita di Pulau Pinang. PWDC melaksanakan Program PenMentor, iaitu inisiatif khusus bagi memperkukuh keusahawanan wanita mikro dan kecil. Program ini memberi tumpuan kepada kemahiran pemasaran digital, strategi penjenamaan dan pengurusan perniagaan, serta bimbingan intensif selama tiga bulan bersama mentor industri. Sejak dilaksanakan enam tahun lalu, sebanyak 435 usahawan wanita telah menamatkan program ini dengan peningkatan jualan purata sebanyak 30%, membuktikan keberkesanan inisiatif ini dalam memperkasa keusahawanan wanita di Pulau Pinang.

(b) Langkah yang diambil bagi mempromosikan produk tempatan Pulau Pinang ke pasaran antarabangsa

Kerajaan Negeri, melalui kerjasama antara PDC, Digital Penang, Penang Halal International (PHI) dan PWDC, terus memperkukuh promosi produk tempatan ke pasaran global melalui pelbagai pendekatan strategik, antaranya:

(i) Penyertaan dalam pameran dan misi perdagangan antarabangsa, termasuk:

1) MIHAS 2025, MITEC, Kuala Lumpur (17–20 September 2025);

2) "Penang Week" di World Expo 2025 Osaka (22–24 September 2025);

3) Melaka International Halal Festival (MIHF) 2025 (16–19 Oktober 2025);

4) MIHAS @ Shanghai 2025 (5–10 November 2025); dan

5) Pernas International Franchise Festival 2025, Big Sale Sabah 2025 dan Jelajah Usahawan Pulau Pinang @ Kuala Lumpur.

(ii) Market Access Programme & MELUP (Digital Penang)

Program ini memberi peluang kepada syarikat pemula dan PMKS meneroka potensi pasaran antarabangsa serta membina kolaborasi teknologi dengan rakan industri luar negara. Antara kejayaan yang dicapai termasuk:

1) ADA Biotech – Pemenang *Techsauce Innovation Award 2024 (Thailand);*

2) Spacein Sdn. Bhd. – Pingat Perak *the Crown Prince Cipta Award (Brunei);*

3) Haroct Technologies – *Food Systems Change Market Impact Award 2025;*

4) Zero Technologies – *AI Rising Award* (Technology & Art Festival, China); dan

5) Formedic Technologies – *MYIIC Luminary Award* (Malaysia).

Pada tahun 2025, program ini turut diperluas kepada PMKS, di mana 10 syarikat tempatan telah dibawa ke Thailand untuk sesi perkongsian pengetahuan dan pasaran; dan

(iii) Pembangunan kapasiti dan promosi digital Kerajaan Negeri melalui Digital Penang turut memperkukuh penggunaan platform e-dagang dalam kalangan usahawan tempatan bagi memperluas capaian ke pasaran antarabangsa melalui pendekatan digital dan promosi bersepadu.

Secara keseluruhannya, usaha bersepadu melalui PDC, Digital Penang, PHI dan PWDC membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri serta memastikan usahawan mikro, wanita dan PMKS Pulau Pinang mampu menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih berdaya saing dan mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

1. Berapakah jumlah kutipan sebenar hasil negeri bagi tahun 2025 berbanding anggaran hasil bagi tahun yang sama?

   (a) Nyatakan pecahan mengikut sumber hasil seperti premium tanah, cukai tanah, sumbangan dan dividen.

   (b) Senaraikan agensi atau anak syarikat penyumbang utama.

   (c) Nyatakan peratus perbezaan antara kutipan sebenar dan anggaran.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. **Jadual A**

HASIL	ANGGARAN HASIL (RM)	HASIL SEBENAR SEHINGGA 12 NOVEMBER 2025 (RM)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
Premium Tanah - Tukar Syarat Premium Jualan Tanah Premium Pemberian Milikan	12,500,000.00 0.00 77,416,249.00	69,074,504.80 19,381,150.80 148,971,597.84	552.60 0.00 192.43
Cukai Tanah	174,568,637.00	143,688,974.25	82.31

Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan	20,000,010.00	6,000,000.00	30.00
Dividen Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW) Dividen Dari Pelaburan Saham Dan Syer Keuntungan Dari Baki Wang Dalam Bank - Akaun Semasa	 42,600,000.00 8,000,000.00 2,500,000.00	 39,568,639.62 11,194,717.04 4,657,054.37	 92.88 139.93 186.28
Lain-Lain Hasil (termasuk hasil cukai, bukan cukai dan terimaan bukan hasil)	569,010,880.00	473,760,357.72	83.26
Jumlah Keseluruhan Hasil	906,595,776.00	916,296,996.44	101.07%

(a) Secara keseluruhan, kutipan hasil utama negeri adalah daripada Hasil Bukan Cukai, yang menyumbang RM690,443,014.99 (75.35% daripada jumlah kutipan sebenar), diikuti oleh Hasil Cukai sebanyak RM156,482,776.54 (17.08%).

Agensi utama yang menyumbang jumlah yang signifikan dan merupakan antara sumber hasil tertinggi bagi Kerajaan Negeri terutamanya melalui kutipan Premium Tanah (di bawah Hasil Bukan Cukai) dan Cukai Tanah (di bawah Hasil Cukai), ialah jabatan yang bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan tanah negeri, iaitu Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

Terdapat 17 Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri

(SSI). 18 GLC ini mendapat geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti bukan berteraskan keuntungan (*non-profit activity*). Justeru, entiti-entiti ini tidak menyumbang secara langsung kepada kutipan hasil negeri pada masa ini.

Kerajaan Negeri kini dalam proses mengenal pasti pendekatan bagi memastikan GLC terlibat dapat menyumbang semula kepada hasil negeri, sama ada melalui dividen, perkongsian hasil atau pengurangan kebergantungan terhadap geran tahunan. Usaha ini juga bertujuan memperkukuh keupayaan kewangan GLC agar lebih mampan dan berdikari, di samping terus menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negeri.

(b) Peratus perbezaan antara kutipan sebenar dan anggaran hasil (sehingga 12 November 2025) adalah seperti berikut:

BIL.	KOMPONEN	ANGGARAN HASIL (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	PERATUS PERBEZAAN (%)
1	**HASIL CUKAI**	223,648,639.00	156,482,776.54	69.97
2	**HASIL BUKAN CUKAI**	570,412,707.00	690,443,014.99	121.04
3	**TERIMAAN BUKAN HASIL**	112,534,430.00	69,371,204.91	61.64
	JUMLAH	906,595,776.00	916,296,996.44	101.07

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

2. Nyatakan penyata kewangan dan audit bagi semua GLC di bawah CMI / SSI bagi tahun kewangan berakhir dari tahun 2020 sehingga kini.

   (a) Nyatakan status laporan audit dan penyata kewangan (untung / rugi) setiap tahun.

   (b) Jumlah sumbangan tahunan kepada Akaun Hasil Negeri.

   (c) Pecahan perbelanjaan emolumen, bonus dan Bantuan Khas Kewangan mengikut kumpulan jawatan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Terdapat tujuh belas (17) Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).

   Daripada keseluruhan lapan belas (18) GLC tersebut, sebanyak enam belas (16) GLC telah diaudit sepenuhnya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024 dan laporan pengauditan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sementara itu, laporan audit bagi PYDC Strategies Sdn. Bhd. untuk tahun kewangan 2024 masih dalam proses pengauditan.

   Dua (2) GLC lagi iaitu Penang Agrotech Sdn. Bhd. dan Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd. masing-masing telah ditubuhkan pada 15 Oktober 2024 dan 14 April 2025 masih belum mempunyai laporan kewangan untuk diaudit.

(a) Penyata Kewangan (untung/rugi) GLC di bawah CMI dan SSI dari tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Kesemua lapan belas (18) Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) ini menerima geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan menjalankan aktiviti yang tidak berorientasikan keuntungan (*non-profit activities*). Oleh itu, GLC berkenaan tidak mempunyai hasil kewangan yang disumbangkan kepada Akaun Hasil Negeri.

Walau bagaimanapun, terdapat GLC yang mempunyai baki kewangan pada hujung tahun dan dibawa ke tahun berikutnya bagi tujuan pelaksanaan program serta menampung sebahagian kos operasi syarikat. Secara umumnya, geran tahunan yang diterima digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan program-program yang selaras dengan mandat penubuhan GLC berkenaan.

Selain itu, pelaksanaan program juga dilaksanakan melalui penjanaan dana tambahan daripada pihak swasta atau melalui usaha sama serta kerjasama strategik antara GLC dan sektor swasta bagi memperkukuh impak serta keberkesanan program.

(c) Kebanyakan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) merekodkan perbelanjaan secara keseluruhan tanpa pengasingan mengikut kumpulan perjawatan. Walau bagaimanapun, perincian perbelanjaan bagi emolumen, bonus dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) mengikut kumpulan perjawatan bagi keseluruhan lapan belas (18) GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

PENYATA KEWANGAN (UNTUNG/RUGI) GLC DI BAWAH CMI/SSI DARI TAHUN 2020 HINGGA 2024

BIL.	NAMA GLC	TAHUN				
		2020	2021	2022	2023	2024
1.	Invest-in-Penang Berhad	23,292	10,192	13,175	16,884	14,625
2.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	0	0	0	0	0
3.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd	0	0	0	315	0
4.	George Town World Heritage Incorporated	19,527	14,703	37,282	30,034	35,703
5.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	(879,883)	(32,539)	143,342	559,672	242,177
6.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	1,309	66	474	(176)	113
7.	Penang Tech Centre	(918,057)	379,771	77,889	52,162	(329,394)
8.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	112,418	632,833	(117,378)	(257,438)	(418,683)
9.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	62,191	(322,655)	287,243	11,001	(Belum selesai di audit)
10.	Penang Science Cluster	1,223,519	1,030,913	860,786	(227,532)	242,326
11.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	0	0	(2,611)	0	0
12.	Penang STEM Sdn. Bhd.	84,845	(96,299)	95,736	140,739	58,553
13.	Digital Penang Sdn. Bhd.	997	674	893	939	3,079
14.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	(1,201)	(1,041,352)	(1,222,642)	(1,563,917)	(2,317,515)
15.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Belum ditubuhkan	(2,630)	(172)	12,167	85,332
16.	Penang FC Sdn. Bhd.	Belum ditubuhkan	(418,202)	418,202	2247	555
17.	Penang Agrotech Sdn.Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024				
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025				

Nota: i) Untuk tahun 2025 laporan kewangan GLC belum selesai di audit.
ii) Nilai 0 bermaksud jumlah geran yang diperoleh ditolak dengan jumlah perbelanjaan adalah sama, iaitu tiada baki.

LAMPIRAN B

PERBELANJAAN EMOLUMEN, BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2025

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
1.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	1. Pengurusan tertinggi	2020	15,050.00	-	12,00.00
			2021	15,050.00	-	18,000.00
			2022	14,300.00	-	14,300.00
			2023	15,700.00	-	14,300.00
			2024	18,300.00	-	7,000.00
			2025	14,980.00	-	7,490.00
		2. Pengurusan dan Profesional	2020	59,496.00	-	4,608.00
			2021	-	-	-
			2022	-	-	-
			2023	-	-	-
			2024	-	-	-
			2025	188,816.00	-	9,440.00
		3. Pelaksana	2020	312,540.00	-	23,595.00
			2021	282,540.00	-	35,061.00
			2022	317,460.00	-	26,455.00
			2023	354,600.00	-	28,350.00
			2024	497,580.00	-	32,439.00
			2025	268,530.00	-	13,426.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd	1. Pengurusan tertinggi	2020	485,024.00	-	39,780.00
			2021	478,200.00	-	36,175.00
			2022	396,775.00	-	32,863.00
			2023	516,116.00	-	50,385.00
			2024	494,875.00	-	42,773.00
			2025	421,700.00	-	21,085.00
		2. Pengurusan dan Profesional	2020	413,560.00	-	33,329.00
			2021	420,495.00	-	32,630.00
			2022	525,892.00	-	43,480.00
			2023	455,975.00	-	43,498.00
			2024	452,944.00	-	35,291.00
			2025	383,642.00	-	20,435.00
		3. Pelaksana	2020	133,365.00	-	7,560.00
			2021	113,286.00	-	5,420.00
			2022	116,578.00	-	5,924.00
			2023	128,843.00	-	9,219.00
			2024	146,580.00	-	8,383.00
			2025	125,391.00	-	4,670.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA	
				EMOLUMEN (RM)	BONUS / BKK (RM)
3.	Digital Penang Sdn. Bhd	1. Executive	2020	439,971.00	36,664.00
			2021	1,218,654.00	101,555.00
			2022	1,398,233.00	116,519.00
			2023	1,563,932.00	130,328.00
			2024	2,039,205.00	169,934.00
			2025	1,517,636.00	126,470.00
		2. Non-Executive	2020	28,371.00	2,364.00
			2021	120,396.00	10,033.00
			2022	-	-
			2023	35,578.00	2,965.00
			2024	-	-
			2025	-	-

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
4.	George Town World Heritage Incorporated.	2020	1,358,778.00	-	105,230.00
		2021	1,446,265.00	-	52,442.00
		2022	1,367,528.00	-	131,414.00
		2023	1,275,344.00	-	61,441.00
		2024	1,285,917.00	-	87,627.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
5.	Penang Tech Centre	1. Pengurusan	2020	532,350.00	-	-
			2021	409,386.23	-	-
			2022	396,000.00	-	47,075.00
			2023	505,375.40	-	43,862.50
			2024	427,800.00	-	36,250.00
			2025	329,550.00	-	17,025.00
		2. Eksekutif / Pegawai	2020	664,394.86	-	-
			2021	458,889.07	-	-
			2022	594,703.62	-	37,525.00
			2023	860,676.03	-	78,875.00
			2024	993,170.23	-	75,600.00
			2025	767,399.83	-	39,500.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS TAHUNAN / BKK (RM)
6.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2020	1,106,690.07	58,323.50
		2021	1,190,118.14	67,663.54
		2022	1,170,714.49	64,343.06
		2023	1,162,505.15	81,193.53
		2024	1,179,741.87	74,400.13
		2025	833,215.74	32,189.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS / BKK (RM)
7.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2020	962,014.00	68,565.00
		2021	1,020,843.00	68,224.00
		2022	1,264,525.00	88,781.00
		2023	1,340,998.00	107,127.00
		2024	1,151,894.00	77,988.00
		2025	798,474.00	37,074.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS / BKK (RM)
8.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2020	1,088,676.00	78,427.00
		2021	1,182,213.00	78,875.00
		2022	1,282,109.00	90,145.00
		2023	1,401,099.00	121,155.00
		2024	1,359,561.00	115,606.00
		2025	1,045,876.00	48,370.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
9.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	266,153.49	-	Tiada
		2021	1,019,939.23	-	Tiada

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
		2022	1,253,853.70	-	28,608.85
		2023	1,742,941.17	-	103,300.41
		2024	2,120,134.78	-	97,285.09
		2025	1,883,413.96	-	44,950.33

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2020	356,882.00	18,450.00	-
		2021	409,907.00	17,550.00	-
		2022	417,031.00	37,680.00	-
		2023	485,719.00	47,699.00	-
		2024	556,647.00	41,225.00	-
		2025	465,448.00	22,050.00	-

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN	BONUS	BKK
11.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	1. Pengurusan dan Profesional	2020	373,552.80	-	11,249.00
			2021	373,552.80	-	11,249.00
			2022	531,977.52	-	15,864.27
			2023	573,304.20	-	18,777.25
			2024	678,400.20	-	16,618.64
			2025	661,224.00	-	24,000.00
		2. Pelaksana	2020	21,883.80	-	2,211.00
			2021	21,883.80	-	2,211.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN	BONUS	BKK
			2022	66,142.80	-	2,136.00
			2023	35,845.80	-	1,399.00
			2024	37,791.00	-	1,678.80
			2025	884.00	-	1,000.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
12.	Penang FC Sdn. Bhd.	1. Pengurusan tertinggi	2020	-	-	-
			2021	298,197.00	-	4,150.00
			2022	455,747.00	-	24,116.00
			2023	398,819.00	-	28,119.00
			2024	721,522.00	-	31,032.00
			2025	603,000.00	-	50,250.00
		2. Pengurusan dan Profesional	2020	-	-	-
			2021	6,743,480.00	-	-
			2022	8,166,890.00	-	-
			2023	8,535,534.00	-	-
			2024	6,435,281.00	-	-
			2025	5,274,000.00	-	-
		3. Pelaksana	2020	-	-	-
			2021	713,225.00	-	-
			2022	1,418,892.00	-	-
			2023	1,220,155.00	-	-
			2024	687,004.00	-	-
			2025	430,400.00	-	-

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
13.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	1. Pengurusan tertinggi	2020	-	-	-
			2021	42,000.00	Tiada	Tiada
			2022	79,200.00	-	6,000.00
			2023	90,000.00	-	8,750.00
			2024	97,200.00	-	7,600.00
			2025	87,000.00	-	4,100.00
		2. Pengurusan dan Profesional	2020	-	-	-
			2021	20,348.39	-	Tiada
			2022	165,560.00	-	15,000.00
			2023	276,266.35	-	26,125.00
			2024	348,169.00	-	23,991.66
			2025	314,050.00	-	13,350.00
		3. Pelaksana	2020	-	-	-
			2021	Tiada	Tiada	Tiada
			2022	13,000.00	-	800.00
			2023	28,629.04	-	1,000.00
			2024	28,434.82	-	1,400.00
			2025	13,500.00	-	1,250.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
14.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2020	-	-	-
		2021	-	-	-
		2022	-	-	-
		2023	-	-	-
		2024	-	-	-
		2025	24,000.00	Tiada	Tiada

15. Invest-In Penang Berhad memaklumkan bahawa maklumat berkaitan pecahan perbelanjaan emolumen, bonus dan bantuan khas kewangan mengikut kumpulan perjawatan adalah tertakluk kepada dasar kerahsiaan syarikat serta perbelanjaan nondisclosure (NDA). Justeru, butiran terperinci tidak dapat dikongsi.

16. Penang Science Cluster (maklumat tidak dikemukakan).

17. Penang Agrotech Sdn. Bhd. (ditubuhkan pada 15 Oktober 2024 dan belum ada lantikan).

18. Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd. (ditubuhkan pada 14 April 2025 dan belum ada lantikan).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

3. Nyatakan struktur gaji dan elaun semasa bagi penjawat awam tertinggi di peringkat legislatif, eksekutif serta pengurusan tertinggi setiap Government-Linked Companies (GLC) Negeri.

   (a) Nyatakan julat gaji dan elaun bagi setiap kategori jawatan tersebut.

   (b) Apakah dasar atau garis panduan yang digunakan dalam menentukan kadar imbuhan dan semakan tahunan masing-masing?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Bagi peringkat legislatif, penjawat awam yang tertinggi adalah *ex-officio* yang terdiri daripada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Pegawai Kewangan Negeri dan YB Penasihat Undang-undang. Ketiga-tiga ex-officio tersebut termasuk dalam kategori Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Struktur gaji dan elaun bagi penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Penetapan struktur gaji dan elaun tersebut adalah berdasarkan kajian berkala yang dilaksanakan oleh JPA, dengan mengambil kira faktor ekonomi, keperluan semasa dan kedudukan fiskal negara.

   Pada masa ini, struktur gaji dan elaun penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2024 – Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Sistem Saraan Perkhidmatan Awam). Kadar kenaikan gaji tahunan serta perincian kemudahan-

kemudahan yang lain turut diperincikan di dalam pekeliling berkenaan.

Julat gaji dan elaun bagi penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 2024 –Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Sistem Saraan Perkhidmatan Awam). Julat bagi gaji bulanan pegawai di kumpulan ini berada di dalam lingkungan RM7,990.00 ke RM26,200.00, bergantung kepada gred serta tempoh perkhidmatan pegawai. Julat bagi elaun pula adalah daripada RM7,300.00 sehingga RM11,000.00.

Merujuk kepada Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), terdapat tujuh belas (17) GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Senarai pengurusan tertinggi berserta gaji dan elaun semasa bagi lapan belas (18) GLC tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kadar kenaikan gaji tahunan bagi penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah 9%, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing.

Bagi pegawai-pegawai di GLC, dasar atau garis panduan yang digunakan dalam menentukan kadar imbuhan dan semakan tahunan adalah berdasarkan prestasi pegawai melalui *Key Performance Indicators* (KPI), kelayakan, pengalaman dan kemampuan kewangan syarikat, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, rujukan struktur saraan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan pasaran industri (market benchmarking) juga digunakan bagi memastikan kadar yang ditetapkan adalah munasabah dan kompetitif.

LAMPIRAN A

Gaji dan Elaun Pengurusan Tertinggi GLC di bawah CMI dan SSI

Bil	Nama GLC	Perkara		
		Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)
SSI				
1.	Invest-In Penang Berhad	Invset Penang memaklumkan bahawa maklumat mengenai gaji semua perkerja adalah maklumat sulit yang dilindungi di bawah perjanjian kerahsiaan (NDA) dan dasar privasi organisasi. Justeru, pendedahan maklumat tersebut kepada pihak luar tidak dibenarkan. Maka maklumat gaji tidak diperolehi.		
CMI				
2.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM40,200-RM74,600	Bil Telefon, pembelian telefon baru
3.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000-RM16,000	RM600 (Telefon dan Perjalanan)
4.	George Town World Heritage Incorporated	Pengurus Besar	RM7,676 – RM20,592	RM6,316
5.	Penang STEM Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000	RM 128 (Pengangkutan)
6.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM14,980	RM4,300 (Elaun perkhidmatan, telefon, sara hidup)
7.	Penang FC Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada
8.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Pengurus Besar	RM8,200	RM500 (petrol)

Bil	Nama GLC	Perkara		
		Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)
9.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	RM200 (telefon)
10.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM18,000-RM20,000	RM2,000 (Perjalanan, telefon dan internet, penggunaan komputer riba)
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	Elaun telefon RM300
12.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	Pengurus Besar	RM8,000 – RM15,000	RM1,800 (Perkhidmatan, Perumahan, COLA, Telefon)
13.	Penang Tech Centre	Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada
14.	Penang Science Cluster	Ketua Pegawai Eksekutif	Julat gaji untuk pengurusan tertinggi adalah daripada RM8,900 ke RM19,500.00	

Bil	Nama GLC	Perkara		
		Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)
15.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)	Pengurus Besar (Kosong-tiada Pengurus Besar buat masa kini)	Setara dengan Gred N48	
16.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	Tiada Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar Seketariat oleh Pengurusan CMI dan Think City	Tidak berkenaan	
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Pengurus Besar	RM8,376	RM350 (telefon dan pengangkutan)
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Pengurus Besar/CEO Belum dilantik	Tidak berkenaan	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

4. Perincikan jumlah sumbangan kewangan / geran kepada semua GLC di bawah CMI dan SSI dari tahun 2018 hingga 2025.

   (a) Nyatakan tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh GLC.

   (b) Perincikan KPI dan KRA bagi setiap GLC.

   (c) Adakah performance review tahunan dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA GLC?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Sehingga 31 Oktober 2025, terdapat 17 Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) yang berada di bawah seliaan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan 1 GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Jumlah keseluruhan sumbangan geran mengurus yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada 18 GLC tersebut dari tahun 2018 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) Penyaluran geran kepada GLC adalah bagi tujuan pembayaran emolumen, kos operasi dan pelaksanaan program/projek yang bersesuaian dengan objektif GLC tersebut ditubuhkan. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

   (b) KPI dan KRA yang telah ditetapkan adalah berbeza mengikut fungsi setiap GLC, selaras dengan objektif

penubuhannya. Maklumat terperinci mengenai KPI dan KRA setiap GLC adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

(c) Semakan prestasi tahunan dilaksanakan bagi menilai keberkesanan penggunaan sumbangan kewangan serta pencapaian KPI dan KRA. Penilaian ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah setiap GLC. Semakan prestasi ini juga digunakan bagi tujuan penambahbaikan strategi, pelan tindakan, malah jumlah peruntukan geran mengurus yang wajar diluluskan bagi tahun berikutnya. Perincian *performance review* tahunan yang dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan GLC terhadap pencapaian KPI dan KRA adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

LAMPIRAN A

Sumbangan kewangan/geran kepada GLC di bawah CMI dan SSI dari Tahun 2018 hingga Okt 2025

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Sumbangan geran daripada Kerajaan Negeri	Sumber kewangan daripada sumber lain	Jumlah
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2018	Tiada	RM4,000,000.00	RM4,000,000.00
		2019	Tiada	RM4,820,000.00	RM4,820,000.00
		2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,000,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,600,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,500,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM 1,750,000.00 (PDC)	RM3,500,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM2,800,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM3,400,000.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Sumbangan geran daripada Kerajaan Negeri	Sumber kewangan daripada sumber lain	Jumlah
CMI					
2.	George Town World Heritage Incorporated	2018	RM2,700,000.00	Tiada	RM2,700,000.00
		2019	RM2,700,000.00		RM2,700,000.00
		2020	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00
		2021	RM 3,200,000.00		RM 3,200,000.00
		2022	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00
		2023	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00
		2024	RM2,750,000.00		RM2,750,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,968,754.00
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2018	RM3,695,000.00	RM112,534.00	RM3,807,534.00
		2019	Tiada	RM389,062.00	RM389,062.00
		2020	RM500,000.00	RM201,070.00	RM701,070.00
		2021	RM1,500,000.00	RM168,139.00	RM1,668,139.00
		2022	RM1,500,000.00	RM493,269.00	RM1,993,269.00
		2023	RM2,000,000.00	RM633,062.00	RM2,633,062.00
		2024	RM1,500,000.00	RM836,783.00	RM2,336,785.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00	RM515,700.00	RM2,228,200.00

4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00	Tiada	RM964,591.00
		2021	RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,965,278.00
		2022	RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM3,946,634.00
		2023	RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,902,800.00
		2024	RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM5,417,900.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM4,137,500.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2018	-	-	-
		2019	-	-	-
		2020	-	-	-
		2021	-	-	-
		2022	-	-	-
		2023	-	-	-
		2024	RM425,000.00	-	RM425,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,000.00	-	RM382,000.00
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
		2022	RM7,695,710.00		RM7,695,710.00
		2023	Tiada		Tiada
		2024	RM4,000,000.00		RM4,000,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM4,000,000.00		RM4,000,000.00
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2018	RM820,000.00	Tiada	RM820,000.00
		2019	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00
		2020	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00
		2021	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00

		2022	RM1,500,000.00		RM1,500,000.00
		2023	RM1,500,000.00		RM1,500,000.00
		2024	RM1,500,000.00		RM1,500,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,350,000.00		RM1,350,000.00
8.	Penang Tech Centre	2018	RM1,181,275.00	RM2,118,743.33	RM3,300,018.33
		2019	RM468,754.00	RM3,876,507.85	RM4,345,261.85
		2020	RM650,000.00	RM854,679.03	RM1,504,679.03
		2021	RM752,000.00	RM1,510,055.67	RM2,262,055.67
		2022	RM850,000.00	RM2,235,579.41	RM3,085,579.41
		2023	RM850,000.00	RM3,239,343.28	RM4,089,343.28
		2024	RM850,000.00	RM2,555,380.07	RM3,405,380.07
		2025 (Sehingga 30 September)	RM637,500.00	RM2,497,047.34	RM3,134,547,34
9.	Penang Science Cluster	2018	RM1,514,296.00	RM1,776,438.00	RM3,290,734.00
		2019	RM993,408.00	RM1,595,277.00	RM2,588,685.00
		2020	RM3,300,000.00	RM4,774.213.00	RM8,074,213.00
		2021	RM356,898.00	RM4,278,745.00	RM4,635,643.00
		2022	RM801,887.00	RM3,291,838.00	RM4,093,725.00
		2023	RM1,264,781.00	RM4,568,885.00	RM5,833,666.00
		2024	RM400,000.00	RM4,734,142.00	RM5,134,142.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM200,000.00	RM3,397,308.00	RM3,597,308.00
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2018	RM537,850.00	RM60,925.00	RM598,775.00
		2019	RM500,000.00	RM215,915.00	RM715,915.00
		2020	RM560,000.00	RM236,163.00	RM796,163.00
		2021	RM410,000.00	RM155,862.00	RM565,862.00

		2022	RM630,000.00	RM219,290.00	RM849,290.00
		2023	RM650,000.00	RM712,387.00	RM1,362,387.00
		2024	RM600,000.00	RM468,905.00	RM1,068,905.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM405,000.00	RM509,408.00	RM914,408.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2018	RM7,361,300.00	RM9,038,600.00	RM16,399,900.00
		2019	RM7,402,000.00	RM8,126,350.00	RM15,528,350.00
		2020	RM7,050,000.00	RM9,229,041.00	RM16,279,041.00
		2021	RM5,530,000.00	RM6,208,105.00	RM11,738,105.00
		2022	RM6,480,000.00	RM9,561,262.00	RM16,041,262.00
		2023	RM7,300,000.00	RM11,179,112.00	RM18,479,112.00
		2024	RM4,947,720.00	RM6,490,836.00	RM11,438,556.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM3,000,000.00	RM5,181,501.00	RM8,181,501.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2018	RM4,890,868.00	Tiada	RM4,890,868.00
		2019	RM8,643,945.00	RM33,375.00	RM8,677,320.00
		2020	RM6,141,156.00	RM54,826.00	RM6,195,982.00
		2021	RM4,231,087.00	RM14,900.00	RM4,245,987.00
		2022	RM5,683,418.00	RM53,297.00	RM2,736,715.00
		2023	RM5,737,863.00	RM33,727.00	RM5,771,590.00
		2024	RM7,538,552.00	RM14,000.00	RM7,552,552.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM5,170,200.00	RM20,000.00	RM5,170,200.00

13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2018	RM 1,857,250	RM 24,095	RM 1,881,345
		2019	RM 820,000	RM 84,105	RM 904,105
		2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM885,546.00
		2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,078,574.00
		2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM2,446,269.00
		2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,787,269.00
		2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM1,005,852.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM1,197,980.00
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM11,755,898.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM16,023,848.00
		2023	RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,492,899.00
		2024	RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,874,600.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,933,449.00
15.	Penang Women's Development Corporation Sdn. Bhd. (PWDC)	2020	RM1,500,000.00	RM418,620.00	RM1,918,620.00
		2021	RM2,500,000.00	RM387,556.00	RM2,887,556.00
		2022	RM2,500,000.00	RM524,330.00	RM3,024,330.00
		2023	RM2,500,000.00	RM877,939.00	RM3,377,939.00
		2024	RM1,500,000.00	RM608,437.00	RM2,108,437.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000.00	RM448,221.00	RM1,623,221.00

16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM354,611.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,666.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,297,242.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,350,870.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM907,812.00
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2025. Peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2025 adalah sebanyak RM204,412.00 tetapi belum diterima.			
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2025			

LAMPIRAN B

Tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh GLC

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	Perbelanjaan Invest-in-Penang Berhad tertumpu kepada pelaksanaan mandat utama sebagai agensi promosi pelaburan, iaitu mempromosikan serta menarik pelaburan asing dan domestik melalui pelaksanaan misi pelaburan, seminar dan program promosi, pembangunan ekosistem industri, termasuk program peningkatan keupayaan syarikat tempatan, pembangunan bakat serta penyelidikan pasaran. Selain itu, perbelanjaan turut merangkumi aspek operasi dan pentadbiran bagi memastikan tadbir urus yang baik serta penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Jenis perbelanjaan yang ditetapkan dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah setiap tahun.
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Perbelanjaan digunakan bagi tujuan operasi, penganjuran acara serta promosi pelancongan, selaras dengan objektif penubuhan GLC untuk menyokong inisiatif pelancongan negeri. Semua perbelanjaan direkod dan dilapor mengikut SOP PGTSB bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Perbelanjaan melibatkan pentadbiran syarikat, promosi dan pemasaran & komunikasi. dalam mengurus, mempromosi, memasarkan dan menjalanan aktiviti berkaitan dengan lokasi pameran, persidangan dan konvensyen, kemudahan dan fasiliti, penganjuran, penasihat bagi semua jenis projek tempatan dan antarabangsa yang melibatkan acara perniagaan bagi badan korporat, syarikat, individu, jabatan kerajaan dan swasta.
4.	George Town World Heritage Incorporated	Perbelanjaan adalah untuk membiayai pembayaran operasi dan pelaksanaan aktiviti dalam pengurusan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site Manager*) UNESCO George Town.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Perbelanjaan emolumen, kos operasi serta program-program PWDC juga dijalankan dengan fokus kepada pemerkasaan wanita serta pembinaan kapasiti dan komuniti di sektor awam dan swasta.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Perbelanjaan merangkumi kos merancang dasar dan melaksanakan program bagi mempromosikan masyarakat inklusif dan harmoni serta bertindak sebagai agensi pelaksana MMK Hal Ehwal Bukan Islam, Pulau Pinang.
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Perbelanjaan Operasi: Kos pengurusan dan pentadbiran harian syarikat termasuk emolumen dan perkhidmatan mengurus syarikat. Perbelanjaan Program: Melibatkan pelaksanaan inisiatif di bawah empat tonggak utama strategi Digital Penang—Ekonomi Digital, Infrastruktur Digital, Masyarakat

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		Digital, dan Kerajaan Digital. Jenis perbelanjaan termasuk pengurusan program, bayaran sewa, gaji pengajar untuk kelas atau latihan keusahawanan dan kemahiran digital, pemberian geran kepada start-ups, sumbangan/penajaan kepada universiti dan rakan strategik, serta percetakan dan bahan promosi untuk penyampaian maklumat, pemasaran, dan penglibatan awam.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	Perbelanjaan merangkumi kos bagi melaksanakan program bertujuan menimbulkan minat pelajar peringkat rendah dan menengah rendah dalam STEM melalui aktiviti *hands-on* yang menyeronokkan, serta memberi inspirasi kepada pelajar untuk memilih aliran STEM di peringkat menengah atas bagi membentuk bakat masa depan dalam bidang berkaitan.
9.	Penang Science Cluster	Perbelanjaan merangkumi kos menjalankan program STEM bagi membangunkan tenaga kerja masa depan Pulau Pinang.
10.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	Perbelanjaan merangkumi kos operasi, pengurusan, serta pelaksanaan program atau projek untuk pendidikan dan kesedaran awam bagi manfaat alam sekitar dan masyarakat Pulau Pinang.
11.	Penang Tech Centre	Perbelanjaan syarikat dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu Operasi (OPEX), Pembangunan (CAPEX), CSR/Sosial, dan Tadbir Urus serta Audit. Perbelanjaan Operasi (OPEX) meliputi kos harian bagi melaksanakan aktiviti syarikat seperti gaji, utiliti, sewaan dan penyelenggaraan.

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		Pembangunan (CAPEX) pula melibatkan pelaburan jangka panjang atau perolehan aset baharu seperti pembinaan, pembelian peralatan dan naik taraf sistem bagi meningkatkan kecekapan operasi. Kategori CSR/Sosial memberi tumpuan kepada sumbangan kepada masyarakat dan negeri melalui bantuan pendidikan serta program kelestarian. Tadbir Urus dan Audit memastikan pematuhan dan ketelusan korporat melalui yuran audit, perkhidmatan perundingan dan latihan pematuhan.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	Tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh PYDC adalah selaras dengan peranan utamanya sebagai sebuah GLC yang bertanggungjawab melaksanakan inisiatif pembangunan belia dari pelbagai aspek termasuk kesukarelawanan, kepimpinan, belia berpersatuan, keusahawanan, kemahiran insaniah dan keterlibatan komuniti. Secara keseluruhannya, perbelanjaan PYDC tertumpu kepada dua komponen utama iaitu: 1. Perbelanjaan Operasi, yang meliputi kos emolumen, utiliti, sewaan, penyelenggaraan aset, perkhidmatan sokongan serta perbelanjaan pentadbiran harian organisasi bagi memastikan keberkesanan fungsi pengurusan dalaman; dan 2. Perbelanjaan Program dan Aktiviti Pembangunan Belia, yang merangkumi pelaksanaan program aktiviti komuniti, kem Latihan/kepimpinan, seminar,

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		bengkel serta kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi dan sektor bagi memperkasa potensi dan penyertaan aktif golongan belia di negeri Pulau Pinang.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	Tujuan perbelanjaan merangkumi kos menjalankan aktiviti liga dan kejohanan domestik, pembangunan bakat dan pemain muda melalui akademi dan program akar umbi, pentadbiran dan operasi kelab, penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur sukan, promosi, pemasaran dan penjanaan hasil, serta tanggungjawab sosial korporat melalui program komuniti dan penglibatan masyarakat. Jenis perbelanjaan kelab bola sepak profesional merangkumi emolumen dan gaji, pengurusan pasukan, peralatan dan kelengkapan sukan, operasi dan pentadbiran, penyelenggaraan stadium dan padang latihan, promosi dan pemasaran, yuran serta lesen, CSR dan program komuniti, serta perbelanjaan lain seperti insurans, rawatan perubatan dan pampasan kontrak.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Geran diterima digunakan untuk kos operasi dan pentadbiran syarikat serta pelaksanaan aktiviti termasuk promosi dalam dan luar negara, pembangunan usahawan (termasuk usahawan Halal), latihan pensijilan Halal, dan pengukuhan industri Halal Pulau Pinang.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	Perbelanjaan digunakan untuk kos operasi termasuk emolumen, tuntutan, perkhidmatan dan bekalan, serta meliputi bayaran sewaan dan penyelenggaraan pejabat, perkhidmatan setiausaha, audit dan cukai, penyelenggaraan kenderaan

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		dan sistem IT, serta program promosi dan penjenamaan termasuk lawatan luar negara untuk mempromosi inisiatif Kerajaan Negeri.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	GTCDC menetapkan perbelanjaannya bagi tujuan pemuliharaan, pembangunan, dan pengurusan aset-aset warisan budaya di George Town, Pulau Pinang serta kos operasi.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Perbelanjaan mengurus dan operasi bagi program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Perbelanjaan mengurus dan operasi syarikat. Sebagai medium untuk menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula dana tersebut kepada syarikat-syarikat kecil yang melaksanakan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN C

KPI dan KRA bagi lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	**KRA 1:** Penarikan pelaburan baharu ke negeri. • **KPI 1.1:** Nilai pelaburan yang diluluskan setiap tahun. • **KPI 1.2:** Bilangan projek pelaburan yang berjaya direalisasikan. **KRA 2:** Promosi pelaburan dan penjenamaan negeri. • **KPI 2.1:** Pelaksanaan program promosi pelaburan berimpak tinggi. • **KPI 2.2:** Peningkatan visibiliti Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan. **KRA 3:** Pemerkasaan ekosistem perindustrian. • **KPI 3.1:** Fasilitasi pelabur sedia ada bagi memastikan kelangsungan pelaburan. • **KPI 3.2:** Kolaborasi strategik dengan pemain industri dan institusi berkaitan
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	**KRA 1:** Peningkatan ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa. • **KPI 1.1:** Peningkatan 5% setiap tahun bagi jumlah ketibaan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. • **KPI 1.2:** Penilaian keberkesanan promosi pelancongan melalui indikator ketibaan pelancong dan aktiviti industri pelancongan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		KRA 2: Pengukuhan promosi dan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama. • **KPI 2.1:** Peningkatan penyertaan dalam aktiviti promosi luar negara dan kerjasama strategik antarabangsa. • **KPI 2.2:** Peningkatan liputan media dan kehadiran jenama Pulau Pinang dalam platform pelancongan global
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	**KRA 1:** Pemantapan sektor MICE (Meetings, Incentives, Conventions, and Exhibitions). • **KPI 1.1:** Expected Economic Income (EEI) daripada acara yang dianjurkan. • **KPI 1.2:** Jumlah penganjuran program tempatan dan antarabangsa.
4.	George Town World Heritage Incorporated	**KRA 1:** Pemeliharaan dan pemantapan status Tapak Warisan Dunia UNESCO. • **KPI 1.1:** Menjalin sekurang-kurangnya satu (1) perkongsian strategik dengan agensi warisan antarabangsa atau nasional setiap tahun. **KRA 2:** Penyediaan perkhidmatan rundingan profesional dalam pengurusan warisan. • **KPI 2.1:** Memberi maklum balas pertama kepada semua pertanyaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. • **KPI 2.2:** Menyediakan maklum balas yang boleh dipercayai dan membina kepada pihak berkepentingan. **KRA 3:** Pemerkasaan penyertaan sivik dan libat urus komuniti. • **KPI 3.1:** Menganjurkan sekurang-kurangnya empat (4) aktiviti libat urus komuniti setiap tahun.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		KRA 4: Kecekapan institusi dan tadbir urus korporat. • **KPI 4.1:** Penggunaan sekurang-kurangnya 90% geran operasi yang diterima daripada kerajaan menjelang akhir tahun fiskal. • **KPI 4.2:** Pelaksanaan sistem kebajikan inklusif dan pembangunan kapasiti pelbagai disiplin untuk semua kakitangan
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	**KRA 1:** Pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (Gender Inclusiveness Policy - GIP). • **KPI 1.1:** Pelaksanaan satu (1) sesi meja bulat Kluster Teknikal dan Bukan Teknikal. • **KPI 1.2:** Enam (6) sesi kesedaran untuk kakitangan MBPP dan MBSP. • **KPI 1.3:** Penubuhan Jawatankuasa Dasar GI di peringkat negeri serta pelaporan berkala kepada Jawatankuasa Gender dan MMK. **KRA 2:** Pelaksanaan Belanjawan Responsif Gender (GRPB). • **KPI 2.1:** Pemantauan GRPB *Pilot Projects* dan pelaksanaan di sekurang-kurangnya 10 jabatan/agensi negeri. • **KPI 2.2:** Anjuran bengkel GRPB untuk kakitangan MBPP dan MBSP sebelum Disember 2025. • **KPI 2.3:** Pelaksanaan GRPB *Champion Award* dan penyediaan laporan status pelaksanaan kepada pihak berkaitan. **KRA 3:** Advokasi Komuniti mengenai GIP dan GRPB. • **KPI 3.1:** Penerbitan Risalah Komuniti Keterangkuman Jantina.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 3.2:** Dua (2) sesi penyebaran maklumat dan penilaian keperluan untuk MBPP serta MBSP. **KRA 4:** Kepimpinan dan Perwakilan Wanita. • **KPI 4.1:** Penganjuran Sidang Wanita 2024 dan 2025. • **KPI 4.2:** Pelaksanaan Program Kepimpinan Lanjutan – WELIT. **KRA 5:** Pemerkasaan Ekonomi Wanita. • **KPI 5.1:** Pelaksanaan program PenMentor, Wanita Jana Rezeki Pulau & Seberang Perai. • **KPI 5.2:** Pembentukan pangkalan data bantuan kewangan usahawan wanita. **KRA 6:** Dasar Keluarga Selamat dan Penuaan Aktif. • **KPI 6.1:** Latihan 30 FSP mengenai advokasi keganasan domestik. • **KPI 6.2:** Pelaksanaan projek Penuaan Aktif dan penerbitan kajian kes warga emas. **KRA 7:** Pengukuhan Komunikasi dan Penjenamaan PWDC. • **KPI 7.1:** Tiga (3) lawatan media setahun dan sekurang-kurangnya 10 liputan media bagi setiap acara utama. • **KPI 7.2:** Peningkatan 10% pengikut media sosial dan pelancaran laman web baharu PWDC. **KRA 8:** Pematuhan dan Tadbir Urus Korporat.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 8.1:** Pematuhan penuh terhadap audit, LHDN, KWSP, PERKESO dan keperluan statutori lain. • **KPI 8.2:** Penyelesaian aduan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	**KRA 1:** Pengukuhan keharmonian antara agama dan kefahaman masyarakat. • **KPI 1.1:** Melaksanakan sekurang-kurangnya 15 sesi eksplorasi keagamaan setiap tahun (2024: 20 sesi, 133%). • **KPI 1.2:** Melaksanakan sekurang-kurangnya 2 program dialog antara agama setiap tahun (2024: 5 program, 166%). **KRA 2:** Pembangunan ilmu dan penerbitan berkaitan keharmonian sosial. • **KPI 2.1:** Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan baharu setahun (2024: 1 penerbitan, 50%; satu dibawa ke tahun berikutnya). • **KPI 2.2:** Menyiapkan penerbitan video *Penang HOW Now* dan melaksanakan program utama *Peace 21* dengan pencapaian 100%. **KRA 3:** Penganjuran sambutan keagamaan dan kolaborasi komuniti. • **KPI 3.1:** Menganjurkan sekurang-kurangnya enam (6) sambutan keagamaan pelbagai agama setiap tahun (2024: 5 sambutan, 80%).
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	**KRA 1:** Kerajaan Digital • **KPI 1.1:** Pelaksanaan MyKADUN di 13 pejabat Parlimen. • **KPI 1.2:** Penyediaan pembaca kad pengenalan (IC Reader) di 53 pusat perkhidmatan (40 pusat KADUN dan 13 Parlimen). **KRA 2:** Ekonomi Digital

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 2.1:** Penubuhan 500 syarikat pemula menjelang 2030. • **KPI 2.2:** Penyertaan sekurang-kurangnya 90 syarikat dalam program transformasi digital MSME *Level Up Programme* setiap tahun. **KRA 3:** Masyarakat Digital • **KPI 3.1:** Pelaksanaan 120 kelas digital (DahDigital) pada tahun 2025. • **KPI 3.2:** Penganjuran sekurang-kurangnya 750 kelas digital kumulatif sejak 2021. **KRA 4:** Asas Digital • **KPI 4.1:** Menjalin sekurang-kurangnya 15 rakan perkongsian strategik untuk menyokong inisiatif Digital Penang.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	**KRA 1:** Peningkatan kesedaran dan penyertaan dalam bidang STEM. • **KPI 1.1:** Penganjuran lebih 250 program STEM setiap tahun. • **KPI 1.2:** Menarik penyertaan melebihi 40,000 peserta setahun. **KRA 2:** Pengukuhan kolaborasi strategik. • **KPI 2.1:** Pelaksanaan inisiatif bersama sektor industri, institusi pendidikan dan komuniti. • **KPI 2.2:** Peningkatan bilangan program berasaskan penyelidikan dan *hands-on.* **KRA 3:** Pengembangan capaian program. • **KPI 3.1:** Penganjuran aktiviti STEM di daerah luar bandar.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 3.2:** Pemantapan rangkaian kerjasama dengan sekolah dan institusi tempatan.
9.	Penang Science Cluster	**KRA 1:** Pembangunan program sains dan inovasi negeri dengan penglibatan pihak swasta dan sekolah • **KPI 1.1:** Penetapan KPI dan KRA bagi setiap projek selaras dengan keperluan pembiaya. • **KPI 1.2:** Kelulusan projek dan prestasi dipantau oleh Lembaga Pengarah.
10.	Penang Tech Centre	**KRA 1:** Peningkatan kesedaran dan pembelajaran STEM. • **KPI 1.1:** Bilangan pelawat ke pusat pembelajaran. • **KPI 1.2:** Pelaksanaan aktiviti STEM dan kadar penglibatan pelajar. **KRA 2:** Tadbir urus dan prestasi kewangan. • **KPI 2.1:** Pencapaian prestasi kewangan tahunan yang positif dan mampan.
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	**KRA 1:** Advokasi Dasar Hijau. • **KPI 1.1:** Bilangan cadangan dasar hijau yang dikemukakan. • **KPI 1.2:** Tahap penerimaan pihak berkepentingan terhadap dasar hijau. • **KPI 1.3:** Bilangan sesi libat urus berkaitan dasar hijau. **KRA 2:** Promosi Pendidikan Alam Sekitar. • **KPI 2.1:** Bilangan program dan kempen kesedaran awam. • **KPI 2.2:** Kadar penyertaan serta tahap peningkatan kesedaran komuniti. **KRA 3:** Perkongsian dan Kerjasama Strategik.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 3.1:** Bilangan MoU atau perkongsian strategik ditandatangani. • **KPI 3.2:** Bilangan inisiatif bersama dengan agensi kerajaan, NGO, akademia dan sektor swasta. **KRA 4:** Penganjuran Acara Hijau. • **KPI 4.1:** Bilangan acara hijau negeri atau antarabangsa dianjurkan. • **KPI 4.2:** Jumlah penyertaan peserta dan tahap pencapaian objektif acara.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	**KRA 1**: Pembangunan kapasiti dan kepimpinan belia. • **KPI 1.1**: Bilangan program latihan dan pembangunan kepimpinan dilaksanakan. • **KPI 1.2**: Tahap penyertaan belia dalam program pembangunan diri dan keusahawanan. **KRA 2**: Penglibatan dan mobilisasi komuniti belia. • **KPI 2.1**: Bilangan sukarelawan belia berdaftar di bawah Sukarelawan Belia Pulau Pinang. • **KPI 2.2:** Bilangan program komuniti yang melibatkan sukarelawan belia. **KRA 3**: Pemerkasaan pertubuhan belia. • **KPI 3.1**: Bilangan pertubuhan yang dimanfaatkan melalui Dana Pembangunan Belia. • **KPI 3.2**: Nilai keseluruhan dana diluluskan dan bilangan program yang dimanfaatkan. **KRA 4:** Pembangunan belia berisiko dan luar bandar.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 4.1**: Bilangan belia berisiko atau B40 terlibat dalam program pemerkasaan. • **KPI 4.2**: Bilangan program atau sesi libat urus di komuniti luar bandar. **KRA 5**: Pengiktirafan dan insentif belia. • **KPI 5.1**: Bilangan permohonan dan penerima Skim Insentif Best Anak Penang. • **KPI 5.2**: Nilai keseluruhan insentif disalurkan kepada penerima yang layak. **KRA 6**: Program khas pembangunan bakat belia. • **KPI 6.1**: Bilangan penyertaan dalam program E-Sukan dan Belia Berirama. • **KPI 6.2**: Bilangan program atau pertandingan diadakan di semua daerah.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	**KRA 1:** Pengurusan pasukan yang efisien. • **KPI 1.1:** Tiada kelewatan dalam penganjuran perlawanan. • **KPI 1.2:** Semua perlawanan dijalankan dengan lancar mengikut jadual. **KRA 2:** Pengurusan kewangan dan pematuhan. • **KPI 2.1:** Penyediaan laporan kewangan suku tahunan secara lengkap dan tepat masa. **KRA 3:** Pemasaran dan komunikasi digital. • **KPI 3.1:** Peningkatan sekurang-kurangnya 20% kadar penglibatan (engagement) media sosial dan aktiviti penjenamaan kelab. **KRA 4:** Sumber manusia dan pentadbiran. • **KPI 4.1:** Kadar kehadiran staf melebihi 95%.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 4.2:** Tiada ketirisan atau isu tatakelola dalam operasi harian. **KRA 5:** Prestasi teknikal dan kejurulatihan. • **KPI 5.1:** Peningkatan prestasi fizikal dan taktikal pemain melalui pemantauan berkala.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	**KRA 1:** Pembangunan usahawan Halal yang berdaya saing. • **KPI 1.1:** Bilangan usahawan yang mendapat konsultasi pensijilan Halal. • **KPI 1.2:** Penyertaan usahawan dalam program latihan dan seminar Halal. **KRA 2:** Promosi dan penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Serantau. • **KPI 2.1:** Bilangan program promosi dan expo Halal dianjurkan. • **KPI 2.2:** Bilangan misi promosi Halal di dalam dan luar negara. • **KPI 2.3:** Kolaborasi strategik dengan agensi berkaitan industri Halal.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	**KRA 1**: Pelaksanaan projek pembangunan strategik negeri. • **KPI 1.1**: Pelaksanaan projek PSI dan PTMP mengikut jadual, bajet dan piawaian kerajaan negeri. **KRA 2:** Pengurusan kewangan dan keberkesanan kos. • **KPI 2.1**: Pengoptimuman penggunaan sumber kewangan bagi setiap projek. • **KPI 2.2:** Peningkatan kecekapan kos dalam semua operasi syarikat. **KRA 3**: Promosi, reputasi dan komunikasi strategik. • **KPI 3.1:** Pengukuhan imej korporat melalui strategi komunikasi awam yang berkesan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		• **KPI 3.2:** Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap peranan PIC dalam pembangunan negeri.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	**KRA 1:** Pemuliharaan dan pengurusan warisan. • **KPI 1.1:** Bilangan projek pemuliharaan bangunan dan tapak warisan yang berjaya disiapkan setiap tahun. • **KPI 1.2:** Peratusan bangunan warisan yang dipulihkan berbanding jumlah keseluruhan yang memerlukan pemuliharaan. • **KPI 1.3:** Pematuhan projek terhadap Garis Panduan Rancangan Kawasan Khas George Town (SAP). • **KPI 1.4:** Penilaian kesan warisan terhadap nilai *Outstanding Universal Value* (OUV) Tapak Warisan Dunia. **KRA 2:** Pembangunan mampan dan regenerasi bandar. • **KPI 2.1:** Peningkatan keluasan atau kualiti ruang awam seperti promenade di Esplanade. • **KPI 2.2:** Penilaian tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti hidup, infrastruktur dan persekitaran. **KRA 3:** Penglibatan komuniti dan pembangunan kapasiti. • **KPI 3.1:** Bilangan peserta dalam program pendidikan, bengkel dan acara awam yang dianjurkan oleh GTCDC. • **KPI 3.2:** Bilangan projek komuniti yang disokong oleh GTCDC. • **KPI 3.3:** Tahap maklum balas dan penglibatan komuniti terhadap inisiatif pemuliharaan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		KRA 4: Kestabilan kewangan dan perkongsian strategik. • **KPI 4.1:** Projek disiapkan dalam peruntukan belanjawan yang ditetapkan. • **KPI 4.2:** Jumlah pendapatan dijana daripada aset dan projek pembangunan. • **KPI 4.3:** Kejayaan kerjasama strategik dengan rakan seperti *Think City*, Kerajaan Negeri, dan *Aga Khan Trust for Culture*.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025

LAMPIRAN D

***Performance review* tahunan yang dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA**

Bil.	NAMA GLC	*Perfomance Review* Tahunan
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	Semakan prestasi tahunan dilaksanakan melalui penyediaan dan pembentangan laporan prestasi tahunan kepada Lembaga Pengarah, yang merangkumi pencapaian terhadap KPI dan KRA yang ditetapkan. Semakan ini digunakan bagi tujuan penambahbaikan strategi serta pelan tindakan tahun berikutnya untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dan penjajaran berterusan.
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA melalui: • Penilaian dan pemantauan di peringkat strategik dan projek: PGT bekerjasama dengan agensi negeri lain dalam pembangunan dan pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Penang (Penang Tourism Master Plan) yang melibatkan kajian semula pertengahan penggal untuk menilai prestasi keseluruhan sektor pelancongan dan keberkesanan strategi. • Penggunaan KPI dan kriteria penilaian luaran: KPI digunakan untuk menilai program atau acara tertentu (cth., PGT menilai Bon Odori 2025 sebagai acara penting) dan kriteria penilaian ditetapkan untuk kontrak perunding atau cadangan luar.

Bil.	NAMA GLC	*Perfomance Review* Tahunan
		• Kajian dan laporan industri: PGT menjalankan atau menggunakan kaji selidik pelancong dan analisis prestasi-kepentingan (Importance-Performance Analysis) untuk menilai persepsi pelawat terhadap tarikan dan perkhidmatan pelancongan di Penang, yang seterusnya memaklumkan strategi pemasaran dan penambahbaikan produk.
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Ya, *performance review* dijalankan setiap tahun oleh PCEB melalui penerbitan Annual Review dan dihebahkan melalui media.
4.	George Town World Heritage Incorporated	Ya, *performance review* tahunan dijalankan oleh GTWHI untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. GTWHI menumpukan kepada: • Penilaian dan pemantauan projek dan dasar di peringkat organisasi menggunakan KPI. • Penglibatan pihak berkepentingan, perunding, dan sukarelawan dalam projek tertentu, dengan KPI dan kriteria penilaian yang ditetapkan untuk kontrak luar. • Penggunaan KPI secara umum dalam pengurusan prestasi organisasi seperti yang dibincangkan dalam kajian literatur.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PWDC menggunakan Penilaian Prestasi Tahunan (Yearly Performance Review) untuk menilai pencapaian setiap KPI yang telah ditetapkan pada awal tahun.

Bil.	NAMA GLC	*Perfomance Review* Tahunan
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Setiap awal tahun, HARMONICO akan mengemukakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pada setiap akhir tahun, Harmonico akan melaporkan pencapaian KPI tersebut kepada Lembaga Pengarah serta menyediakan laporan tahunan yang merangkumi semua program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Digital Penang membentangkan laporan kewangan dan program yang dilaksanakan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah suku tahunan, bagi tujuan pemantauan, penambahbaikan berterusan, serta mendapatkan maklum balas mengenai prestasi dan hala tuju syarikat.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Laporan prestasi Penang STEM akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun bagi menilai pencapaian KPI dan KRA serta menetapkan langkah penambahbaikan.
9.	Penang Science Cluster	Ya, *performance review* dilaksanakan projek demi projek mengikut pembiaya projek dan dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.
10.	Penang Tech Centre	Ya, *performance review* dijalankan secara dua fasa, di mana fasa pertama melibatkan pengurusan tertinggi manakala fasa kedua dibincangkan dan disahkan dalam mesyuarat lembaga.

Bil.	NAMA GLC	*Perfomance Review* Tahunan
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	Ya, *performance review* tahunan dijalankan oleh PGC pada peringkat individu dan organisasi bagi menilai impak sumbangan KPI dan KRA. Selain itu, penyelarasan dan semakan KPI separuh tahun dilaksanakan untuk memastikan sasaran prestasi kekal relevan dan selaras dengan keutamaan strategik organisasi. PGC juga menyediakan Pelan Strategik 2025–2028 sebagai penanda aras bagi mencapai visi dan misi organisasi.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PYDC menggunakan laporan prestasi suku tahunan sebagai mekanisme pemantauan bagi memastikan semua program dan inisiatif berada pada landasan yang ditetapkan. Laporan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan, kelulusan tindakan susulan, serta penjajaran dengan KPI dan hala tuju strategik organisasi. Selain itu, PYDC turut melaksanakan penilaian prestasi tahunan ke atas setiap kakitangan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan projek yang diamanahkan kepada mereka. Prestasi projek dijadikan indikator dalam penilaian individu, sekali gus memastikan akauntabiliti, budaya kerja berasaskan prestasi, dan peningkatan kualiti penyampaian program kepada belia dan masyarakat.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan oleh Penang FC bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Performance Review Tahunan Penang FC merangkumi prestasi pasukan, kewangan, pembangunan pemain, pemasaran, penajaan, dan penglibatan komuniti. Laporan prestasi dibentangkan kepada pengurusan, kemudian disemak oleh Lembaga Pengarah dan CMI untuk penambahbaikan dan penetapan sasaran tahun berikutnya.

Bil.	NAMA GLC	*Perfomance Review* Tahunan
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan oleh PHI bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. *Performance review* dilaksanakan melalui penilaian kemajuan dan pelarasan sasaran, dengan fokus kepada impak strategik seperti peningkatan imej PHI sebagai hab halal antarabangsa, pengukuhan jaringan dengan industri, agensi kerajaan dan pemain industri, serta pembangunan pasaran halal.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PIC melaksanakan *performance review* tahunan secara keseluruhan memandangkan bilangan pegawai yang terhad. Mulai tahun hadapan, semakan prestasi akan dijalankan untuk setiap pegawai bagi: i. Menilai pencapaian prestasi individu dan jabatan terhadap KPI dan KRA syarikat; ii. Menyokong budaya kerja berasaskan prestasi (performance-driven culture); dan iii. Memastikan penjajaran antara matlamat individu, jabatan, dan objektif strategik organisasi.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	Ya, *performance review* tahunan dilaksanakan oleh GTCDC bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. GTCDC melaksanakan ulasan prestasi tahunan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA yang telah ditetapkan. Proses ini memastikan GTCDC kekal selaras dengan objektif strategik pemuliharaan warisan dan pembangunan mampan di George Town.

Bil.	NAMA GLC	*Perfomance Review* Tahunan
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn.Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

5. Nyatakan status terkini mengenai cadangan penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC). Mengapa ia ditolak oleh kementerian berkaitan?

   (a) Huraikan justifikasi ekonomi negeri bagi penubuhan PIFC tersebut.

   (b) Adakah kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan? Jika ya, terangkan.

   (c) Jelaskan manfaat langsung yang akan diterima rakyat Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Konsep dan mekanisme penubuhan PIFC

   Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.Tiga teras utama PIFC ialah:-

   (i) Dana Pelaburan Industri Negeri (State Sovereign Wealth Fund)

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech dan perkhidmatan sokongan profesional.

Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja *(working group)* yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan,

khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan Pulau dan Seberang Perai.

(a) Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital. Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini. Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:-

(i) Peningkatan Rantaian Nilai Industri (Upgrading Value Chain)

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi.

(ii) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (brain drain).

(iii) Perintis Inovasi Kewangan Digital (Digital Financial Innovation)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(iv) Peluang Pekerjaan dan Pemerkasaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

(b) Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau.Langkah-langkah susulan termasuk:-

- Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.

- Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.

- Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

(c) Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

RUMUSAN ISU DAN PERSOALAN UTAMA

Daripada semua soalan bertulis, persoalan mengenai PIFC boleh dirangkumkan kepada lima isu utama:

1. Konsep dan Mekanisme Pelaksanaan PIFC

o Apakah struktur, mekanisme, dan dasar penubuhan PIFC?

o Termasuk cadangan Dana Pelaburan Industri Negeri, pendigitalan harta tanah, pembangunan fizikal, serta insentif dan peraturan.

2. Status Permohonan kepada Kerajaan Persekutuan dan Sebab Tidak Diluluskan

o Mengapa cadangan tidak disokong oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)?

o Adakah ia ditolak sepenuhnya atau masih terbuka untuk rundingan?

3. Lokasi dan Perancangan Tapak PIFC

o Di mana lokasi yang dicadangkan, khususnya antara kawasan P/ulau dan Seberang Perai (Ampang Jajar)?

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

6. Pulau Pinang kini menyatakan kesediaan menerima pulangan 10% hasil cukai daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tuntutan asal 20%.

   (a) Apakah mekanisme sekiranya tuntutan ini tidak dipenuhi?

   (b) Apakah langkah alternatif untuk memperoleh hasil tambahan daripada Kerajaan Persekutuan?

   (c) Bagaimana agihan hasil ini akan dimanfaatkan secara langsung untuk rakyat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Pulau Pinang kini menyatakan kesediaan menerima pulangan 10% hasil cukai daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tuntutan asal 20%.

   (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memperjuangkan hak berkaitan sama ada menerusi Dewan Rakyat, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, Mesyuarat Majlis Kewangan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan lain-lain platform berkaitan demi kepentingan pembangunan serta rakyat negeri ini.

   (b) Langkah alternatif untuk memperoleh hasil tambahan daripada Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

(i) Permohonan dana padanan *matching grant* bagi projek strategik seperti perumahan mampu milik, pengangkutan awam dan infrastruktur digital;

(ii) Permohonan peluasan skim geran berdasarkan prestasi *performance-based grants* untuk negeri yang mencapai kecekapan prestasi tertentu yang ditetapkan; dan

(iii) Meningkatkan kerjasama dalam pelaksanaan projek dengan kementerian-kementerian berkaitan meliputi kepelbagaian sektor.

Pada masa sama sebagai langkah alternatif, Kerajaan Negeri turut menjajarkan agenda pembangunan dengan dasar Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) yang diperkenalkan sejak tahun 2019. Menerusi mekanisme ini, Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan kepada negeri bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan mampan, yang mana sebanyak RM50 juta daripada peruntukan EFT ini disalurkan sebagai hasil kepada Kerajaan Negeri. Pulau Pinang berpotensi menerima manfaat langsung daripada skim berkaitan melalui pelaksanaan projek pemuliharaan, infrastruktur hijau dan pembangunan komuniti lestari sejajar dengan komitmen negeri terhadap pembangunan mampan.

(c) Agihan atau hasil pengembalian yang diterima akan dimanfaatkan secara langsung untuk rakyat melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur asas, program kesejahteraan sosial, bantuan pendidikan, kelestarian kesihatan, inisiatif hijau dan sebagainya yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat. Langkah ini bukan sahaja bakal memperkukuh kedudukan fiskal negeri malah juga memastikan hasil serta manfaat ekonomi dapat diagihkan secara saksama kepada seluruh rakyat Pulau Pinang.

Dalam pada itu, pulangan hasil tersebut juga akan digunakan bagi memperkukuh program dan kemudahan rakyat antaranya:-

(i) Memperluas program kebajikan dan jaringan keselamatan sosial negeri termasuk bantuan tunai bersasar, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan;

(ii) Meningkatkan kualiti perkhidmatan awam tempatan, seperti penyelenggaraan infrastruktur, sistem pengangkutan serta pembangunan hijau yang lestari;dan

(iii) Menggalakkan pertumbuhan ekonomi inklusif melalui sokongan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), keusahawanan sosial dan industri kreatif tempatan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

7. Jelaskan kaedah permohonan dan pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

   (a) Nyatakan punca utama kegagalan memperoleh atau memperbaharui lesen.

   (b) Berapakah bilangan isi rumah yang terjejas sekiranya gagal perbaharui? Perincikan mengikut daerah dan tahun.

   (c) Adakah terdapat perubahan dasar atau peraturan baharu serta nyatakan tarikh ia berkuatkuasa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) boleh dimohon oleh orang-orang atau badan-badan kepada siapa tanah boleh dilupuskan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara. Kuasa untuk melulus LPS adalah Pentadbir Tanah kecuali bagi permohonan LPS di atas tanah rizab dan permohonan rayuan yang tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

   Permohonan LPS boleh dikemukakan melalui Borang 7 dalam Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021 beserta bayaran permohonan dan dokumen-dokumen sokongan berdasarkan senarai semak Pejabat Daerah dan Tanah. Pembaharuan LPS pula boleh dibuat melalui Borang 9, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021 beserta bayaran permohonan. Permohonan dan

bayaran perlu dikemukakan terus kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan.

(a) Punca utama kegagalan pemohon memperoleh kelulusan LPS adalah disebabkan sebab-sebab berikut:

Bagi permohonan LPS yang baru

(i) Pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Bilangan 3 Tahun 2022 dan lain-lain arahan/pekeliling PTG yang sedang berkuatkuasa. Contoh syarat-syarat yang terkandung dalam pekeliling tersebut adalah pemohon dan pasangan mestilah belum memiliki rumah atau tapak kediaman di Pulau Pinang dan pendapatan seisi rumah ialah RM4,850.00 dan ke bawah.

(ii) Tapak yang dimohon terletak di atas rizab/simpanan jalan dan sungai atau tanah-tanah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Bagi permohonan memperbaharui LPS

(i) Pemohon gagal memperbaharui LPS walaupun surat peringatan dan panggilan telefon telah dibuat kepada pemegang LPS.

(ii) Pemohon tidak mengusahakan tapak yang diluluskan.

(iii) Berlaku pelanggaran syarat kelulusan atau pemohon tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan. Sebagai contoh, pemohon telah mengusahakan tapak dengan tujuan yang berlainan dengan apa yang telah diluluskan.

(b) Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat berkaitan bilangan isi rumah yang terjejas sekiranya LPS gagal diperbaharui. Walau bagaimanapun, terdapat 1 permohonan pembaharuan LPS yang telah ditolak pada tahun 2021 di Pejabat Daerah dan Timur Laut manakala terdapat 8 permohonan yang telah ditolak antara tahun 2019 sehingga 2021 di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

(c) Terdapat perubahan dasar baru berkaitan LPS melalui Warta Kerajaan No. 325 bertarikh 13 Mac 2025 yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2025. Dasar baru ini melibatkan perwakilan kuasa di bawah Seksyen 65 Kanun Tanah Negara kepada semua Pentadbir Tanah dan Daerah di Negeri Pulau Pinang untuk meluluskan dan menolak permohonan Lesen Pendudukan Sementara kecuali permohonan berikut:

(i) Lesen Pendudukan Sementara di atas tanah rizab; dan

(ii) Rayuan Lesen Pendudukan Sementara kecuali seperti yang berikut:

(a) Rayuan ke atas tanah yang telah diluluskan kepada pihak lain; atau

(b) Rayuan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

8. Perincikan jumlah keseluruhan tanah kerajaan yang dijual atau dipindah milik sejak tahun 2008 termasuk lokasi, keluasan dan butiran pembeli.

   (a) Nyatakan jumlah hasil jualan serta penggunaannya.

   (b) Jelaskan dasar semasa penjualan tanah bebas milik atau pajakan atau kaedah lain.

   (c) Terangkan mekanisme kawalan dan audit bagi menjamin ketelusan urus niaga.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Untuk makluman, Kerajaan Negeri tidak menjual tanah kerajaan sebaliknya melupuskan tanah tersebut melalui proses pemberimilikan kepada pemohon yang layak mengikut peruntukan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828).

   Pemberimilikan ini hanya diluluskan setelah melalui proses semakan dan pertimbangan terperinci oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk aspek kegunaan tanah, kepentingan awam serta kesesuaian lokasi.

   (a) Berdasarkan rekod digital yang boleh diakses bermula tahun 2022, statistik kelulusan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kelulusan Permohonan	Jumlah Premium Diluluskan (RM)	Jumlah Keluasan (meter persegi)
2022	29	4,819,955.63	451,282.69
2023	76	24,749,138.62	1,397,049.5
2024	116	197,857,696.22	1,140,100.65
2025	75	44,647,534.74	66,001.54

Walau bagaimanapun, jumlah premium yang dinyatakan tidak menggambarkan jumlah hasil sebenar yang diterima Kerajaan Negeri kerana angka tersebut merujuk kepada premium yang diluluskan semasa pemprosesan permohonan pemberimilikan dan bukan premium yang telah dibayar.

Dalam sesetengah kes, pemohon mungkin tidak bersetuju dengan kadar premium, mengemukakan rayuan atau permohonan pengurangan, ataupun menarik balik permohonan selepas kelulusan diberikan.

(b) Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri tidak meluluskan pemberimilikan tanah kerajaan dengan pegangan kekal (freehold). Tanah kerajaan biasanya dilupuskan mengikut tempoh pegangan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara iaitu selama 30, 60 atau 99 tahun bergantung kepada jenis kegunaan dan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes khas yang dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk diberi pegangan kekal (freehold) atas sebab-sebab tertentu seperti projek yang dikenal pasti sebagai pemangkin (catalyst) pembangunan negeri atau yang mempunyai kepentingan awam kepada rakyat. Pertimbangan sebegini adalah selaras dengan garis panduan Seksyen 76 (aa) dan surat atau arahan yang berkuatkuasa berhubung Tatacara Pemberimilikan Tanah Kerajaan Secara Pegangan Kekal.

(c) Pendaftaran urusniaga hendaklah mematuhi keperluan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Divisyen* IV Kanun Tanah Negara (KTN). Contohnya bagi permohonan pindahmilik melibatkan individu, ianya hendaklah

disempurnakan melalui Borang 14A yang disaksikan oleh pihak-pihak yang dibenarkan di bawah Jadual Kelima KTN.

Borang 14A yang lengkap hendaklah disertakan bersama dokumen hakmilik keluaran (DHKK), salinan sijil setem dan salinan kad pengenalan pemberi dan penerima. Seterusnya bagi pendaftaran pindahmilik tersebut, semakan terperinci akan dilakukan berkaitan fi pendaftaran dan levi serta sama ada terdapat sekatan kepentingan atau halangan kepada urusniaga seperti kaveat. KTN juga memperuntukkan satu seksyen khusus berhubung larangan/kawalan pemilikan tanah melalui kaedah berimilik dan urusniaga tanah kepada warga asing dan syarikat pemilikan asing.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

9. Jelaskan impak semakan kadar cukai tanah baharu terhadap rakyat Pulau Pinang.

   (a) Nyatakan unjuran pemilik tanah yang mengalami kenaikan >50% disertakan lokasinya.

   (b) Adakah skim diskaun, rebat atau pengecualian disediakan bagi golongan B40 dan warga emas?

   (c) Huraikan unjuran hasil tambahan serta penggunaannya bagi penambahbaikan infrastruktur di kawasan terkesan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. (a) Peratus kenaikan kadar cukai tanah bagi bandar dan desa di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

      (i) Industri: 151% - 400%;

      (ii) Perniagaan: 25% - 159%;

      (iii) Kediaman: 29% - 127% ; dan

      (iv) Pertanian: 50% - 439% (kadar terendah RM15 per hektar untuk padi dan tertinggi kadar durian RM800 per hektar)

   (b) Cadangan semakan cukai tanah bagi negeri Pulau Pinang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara 2024, dan semakan

semula hanya akan dibuat pada setiap 10 tahun. Ini bermakna, kadar baharu ini akan dikekalkan tanpa sebarang kenaikan pada tempoh minimum 10 tahun sehinggalah semakan baharu dilaksanakan.

Semakan Cukai Tanah ini tidak melibatkan 300,000 akaun Cukai Petak Strata. Semua pemilik petak strata akan terus membayar cukai petak strata mengikut kadar sedia ada.

Susulan kepada pewartaan kadar cukai tanah yang baharu yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2026, kadar cukai kediaman akan dinaikkan daripada RM0.54 kepada RM0.70 satu meter persegi dengan bayaran minimum RM70 setiap lot bagi semua tanah-tanah di Bandar contohnya di Jelutong, Tanjong Bungah, Bayan Lepas, Bayan Baru, Balik Pulau, Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Bertam, Batu Kawan dan lain-lain.

Bagi tanah-tanah Desa pula, kadar cukai bagi kediaman akan dinaikkan daripada RM0.22 kepada RM0.50 satu meter persegi dengan bayaran minimum RM50.00 setiap lot.

Ini bermakna semua pemilik tanah kediaman yang berkeluasan kurang daripada 100 meter persegi atau 1076 kaki persegi akan membayar kadar cukai minimum RM70 setahun di kawasan bandar atau RM50 setahun di kawasan desa. Kadar minimum ini termasuk rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan sebahagian skim Rumah Mampu Milik atau Rumah MutiaraKu di Pulau Pinang yang berkeluasan kurang daripada 100 meter persegi atau 1,076 kaki persegi.

Kerajaan Negeri juga turut memperkenalkan kadar baharu untuk Rumah Kampung iaitu RM50 setiap lot. Kadar ini diperkenalkan bagi membantu pemilik-pemilik kediaman dalam kategori rumah kampung membayar kadar yang minimum dan tidak membebankan walaupun keluasan tanah milik mereka adalah melebihi 100 meter persegi.

Bagi mengurangkan impak dan bebanan kewangan kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang, maka satu mekanisme rebat bayaran cukai sebanyak 32.5 peratus

akan dilaksanakan pada tahun 2026 diikuti rebat sebanyak 20 peratus pada tahun 2027 dan rebat sebanyak 20 peratus pada tahun 2028.

Rebat bayaran cukai tanah ini akan memberi manfaat kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang tanpa mengira kategori dan kegunaan tanah. Walau bagaimanapun, semua pemilik tanah yang menikmati rebat ini perlu membayar kadar cukai tanah sedia ada sekiranya amaun bayaran cukai tanah selepas rebat diberikan adalah lebih rendah daripada amaun sedia ada yang dibayar pada tahun 2025. Lazimnya, pemberian rebat ini akan menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengutip hasil cukai berjumlah RM80 - 100 juta setahun pada tahun 2026 - 2028.

Selain daripada rebat antara 32.5 peratus - 20 peratus untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 2026, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi beberapa insentif lain kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang, antaranya:

(i) **Pengecualian bayaran denda ke atas tunggakan cukai tanah dan cukai petak sebanyak 100 peratus mulai 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026** melibatkan tunggakan denda berjumlah RM25 juta akan dikecualikan. Inisiatif tersebut adalah bertujuan menggalakkan pemilik tanah dan pemilik petak untuk membayar cukai sebagaimana diperuntukan.

(ii) **Pemberian diskaun 50 peratus kadar premium** untuk pertukaran kategori tanah pertanian kepada bangunan bagi tujuan kediaman sahaja tertakluk kepada garis panduan perancangan. Diskaun ini ditawarkan sepanjang tahun 2026 sahaja. Insentif ini diberikan bagi menggalakkan semua pemilik tanah ketegori pertanian yang berada dalam zon perlingkungan pembangunan untuk menukar kategori tanah milik masing-masing daripada pertanian kepada bangunan (kediaman sahaja dan bukan pembangunan perumahan) kerana aktiviti pertanian sudah tidak dijalankan di atas tanah tersebut, sebaliknya terdapat rumah-rumah kediaman

individu yang telah didirikan sejak sekian lama. Insentif ini juga akan membantu pemilik-pemilik tanah kategori pertanian meningkatkan nilai pemilikan tanah dan kediaman persendirian masing-masing.

(iii) **Pemberian pelbagai cenderahati** dalam bentuk barangan dapur selain cabutan bertuah kepada pembayar cukai tanah dan cukai petak strata yang membayar cukai tanah dan cukai petak strata melalui Aplikasi PG Land secara dalam talian (*online*). Insentif ini diberikan bagi menggalakkan pembayaran cukai secara dalam talian (*online*) dalam kalangan pemilik-pemilik tanah dan petak strata di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri berharap dengan cadangan semakan cukai tanah pada tahun 2026, hasil cukai Kerajaan Negeri akan meningkat dengan ketara, dan Kerajaan Negeri akan lebih berupaya untuk menyediakan lebih banyak insentif kewangan dan bantuan sara hidup kepada seluruh rakyat Pulau Pinang untuk tempoh jangka masa panjang.

(c) Inisiatif Peningkatan Hasil Cukai yang dikemukakan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) merangkumi strategi peningkatan hasil tanah dan cukai petak dalam tempoh lima tahun (2026 – 2030). Secara keseluruhan, inisiatif ini dijangka menyumbang kepada peningkatan hasil cukai tanah dan cukai petak daripada RM140-145 juta setahun kepada RM300-350 juta setahun dalam tempoh lima (5) tahun, manakala hasil bukan cukai (premium tanah, fi-fi transaksi, fi kebenaran) dijangka meningkat daripada RM300 juta setahun kepada RM400-450 juta setahun.

Penggunaan hasil-hasil ini bagi penambahbaikan infrastruktur di kawasan terkesan akan disalurkan melalui agensi-agensi terlibat bergantung kepada perancangan Kerajaan Negeri kelak.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

10. Perincikan jumlah, nama KRT dan alamat surat-menyurat serta butiran seperti nama, nombor telefon pengerusi dan setiausaha setiap KRT dalam DUN Seberang Jaya dan Parlimen Permatang Pauh.

    (a) Jelaskan aset yang diselia oleh KRT berkenaan.

    (b) Nyatakan bentuk sokongan atau bantuan tahunan yang diterima oleh setiap KRT oleh Kerajaan Negeri.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Perincian maklumat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang diperolehi dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang (JPNIN) di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu mengikut nama, alamat KRT, nama pengerusi, nombor telefon dan nama Setiausaha seperti **LAMPIRAN A**.

    (a) Pihak Kerajaan Negeri tidak menyelia sebarang aset Kawasan Rukun Tetangga (KRT), memandangkan KRT adalah dibawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN).

(b) Tiada peruntukan khas dari Kerajaan Negeri memandangkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah di bawah seliaan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). Namun program-program yang melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sumbangan akan disalurkan mengikut keperluan.

LAMPIRAN A

KAWASAN RUKUN TETANGGA PARLIMEN PERMATANG PAUH

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENGERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
1	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH JAYA FASA 5	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HASBULLAH BIN UMAR	019-4055527	ISMAIL BIN TAIB	019-4172112
2	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH JAYA FASA 6	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	Ramli bin Mohamed Ali	012-4861155	Ismail bin Mansor	012-4688839
3	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SIAKAP	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PUSAT RUKUN TETANGGA SIAKAP,13700 PERAI	AHMAD BIN HAD	012-4682974	AHMAD SHAHIDI BIN KAMARUDIN	010-4374469
4	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SEMBILANG	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	NO.51 PERSIARAN SEMBILANG, SEBERANG JAYA	AB WAHAB SAARANI BIN MAT REJAB	019-5490664	HALIJAH BT MOHD YUNUS	012-3721584
5	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PERUMAHAN KLASTER TENGGIRI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	NUR SYAHIDA BINTI RAHIM	018-7806538	MOHAMAD AMIRUL FAIZ BIN BASHAH	012-4594623
6	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH INDAH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI TAMAN PAUH INDAH, JALAN PAUH INDAH 1, TAMAN PAUH INDAH, 13500 BUKIT MERTAJAM, PG	ABDUL RAHMAN BIN ISMAIL	017-4067372	AZIRAH BINTI MANAF	013-4363386
7	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	RUMAH PANGSA KERAJAAN NEGERI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI JALAN TUNA, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	NORZI BIN ISMAIL	016-4532949	NOR MUHAIDZAN BINTI ISMAIL	019-4186005
8	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI TAMAN PAUH, LORONG PAUH 2, TAMAN PAUH, 13700 PERAI	MOHD HASAN BIN MOHAMED	013-4222244	ROZITA BINTI SABLI	011-12598926
9	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	RUMAH PANGSA SRI PAUH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	B-2-18 PANGSA SRI PAUH, LRG PAUH 2 13500PERMATANG PAUH	PIRUS BIN ADINAN	013-5999365	KAMA BT OSMAN	019-5492716
10	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SIAKAP 2	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT KRT	MUHAMMAD YUSOFF BIN AHAD	011-32939707	MUHAMMAD AMIN	013-4157368
11	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERSONA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT KRT	AZHAR BIN MOHAMAD	019-5404752	MOHD MIRZA BIN AZIZ	019-4658245
12	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN HAJI MOHD AMEN	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT KRT	HJ MOHD NOOR BIN HJ HJ HUSSAIN	012-4927792	MOHD ANI BIN SIRAT	013-4566823
13	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	LAMPAM	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PUSAT RUKUN TETANGGA LAMPAM,13700 PERAI	TAN KEE LOO	012-5124360	MUHAMMAD FAHMIE BIN ZUZIZA@AMRAN	013-7141410
14	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SERI TENGGIRI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI SRI TENGGIRI, JALAN TENGGIRI 13700 SEBERANG JAYA	MIOR JAMAL BIN ALANG MIOR	019-5797889	HILLMY BIN HJ. AHMAD	019-4104512

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENGERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
15	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SERI GERBANG TUNA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PUSAT RUKUN TETANGGA SERI GERBANG TUNA	AMIRUDDIN BIN HAMID	016-4541902	MUHAMMAD SAIFUL HAFIDZ BIN ESHAK	012-4317588
16	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SUTERA PRIMA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHAMAD SALIM BIN ABDUL WAHAB	013-4882524	SHARIFUDDIN BIN SABTU	019-4104008
17	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERMATA (BLOK A-N)	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PRT PANGSAPURI PERMATA A-N, LRG ABC 1, 14000 BANDAR PERDA, BKT MERTAJAM, PG	ABDUL HADI BIN JAPRI	013-4453491	ZURAIDA BINTI DISA	014-7593307
18	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERMATA (BLOK O, P & T)	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HASNAN BIN JAMALUDDIN	012-4549972	SHARMINI BINTI MOHD NASSER	017-5815876
19	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERMATA (BLOK Q, R & S)	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	KABIN RUKUN TETANGGA PANGSAPURI PERMATA C, LROG Q, 14000 BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	RUSHDI BIN OTHMAN	018-462 5623	ROZITA BINTI M.MEDAR	017-455 1290
20	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK L, JLN TENGGIRI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI BLOK L JALAN TENGGIRI, JALAN TENGGIRI, 13700 SEBERANG JAYA	ZULKHARNAIN BIN YACOB	017-5318381	MOHAMMAD ROHAFIZ BIN RAMLI	017-4826380
21	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	FLAT DESA SRI JAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD SUHAIZAN BIN ABDUL KARIM	019-5416241	TAHIRAH BINTI MAT ISA	017-5440126
22	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SERI AROWANA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI TAMAN SERI AROWANA, LORONG SERI AROWANA 4, TAMAN SERI AROWANA, 13700 PULAU PINANG	SEAH AH ENG	019-4189988	MUKUNTHAN A/L KURUPPANAN	014-9638573
23	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK E, KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	BILIK KRT BLOK RUANG LEGAR KONDOMINIUM MUTIARA BLOK E BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM PULAU PINSNG	RAZIZ BIN AHMAD	019-4882411	NUR AMIZAH BT ZAHARI	012-5494892
24	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PERMATANG RAWA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	ABDUL BIN ISHAK	011-69633196	MUHAMMAD FADHIL BIN AZMI	012-4422744
25	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PERMATANG BATU	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN KOMUNITI KG PTG BATU, 14000 BUKIT MERTAJAM	MOHAMAD ASRE BIN JUSOH	019-5771926	MOHAMAD IDRES BIN MOHAMAD HANIAPAH	016-4600750
26	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SUTERA 1	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	KOVALAGAN A/L SOMASANDERAM	014-2580812	VELUSAMAY A/L SUBRAMANIAM	017-3556881
27	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SUTERA 2	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD ISA BIN MUSTAPA	016-4114007	NOR AIDA BINTI IDRIS	012-4102865
28	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK B KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD AZRAN BIN ZAINOL	019-4166968	ROHAMEZAN BIN ROHIM	012-4022003

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENGERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
29	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN JANGGUS JAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN RUKUN TETANGGA TAMAN JANGGUS JAYA	FAM CHEW ENG HUAT	013-4883131	KHOO PHAIK EAN	012-4037278
30	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI CASA PRIMA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	ABDUL GHAFFAR SHAROFF BIN SHARIFF	019-5294003	NORADZLIN BINTI NADZRIN	012-4435919
31	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI DESA SRI JAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya		ZAILAN BIN ABU KASSIM	019-4586455		
32	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN WAKAF SEETEE AISAH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	NORIZA BINTI RAZALI	019-4728470	NORMASLYNDA OMAR	012-4755265
33	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TAMAN CASA IDAMAN	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HADZI BIN MOHAMED YUSUFF	019-4487068	SABRI BIN KULOP MOHAMED	019-4784272
34	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG BELAH DUA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	KHAIRI BIN ISMAIL	012-5733643	MUHAMMAD NUR HIDAYAT BIN FAIZAN	017-4961373
35	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	MUKIM 4 KAMPUNG PERTAMA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	KHAIRIL ANNUAR BIN IBRAHM	013-5314675	ZAHARAH BINTI DIN	016-4485886
36	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	JALAN BHARU, TAMAN BUNGA RAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD YUSOF BIN HUSSIN	012-4878729	SITI NOOR KATIJAH BINTI YUSOF	012-8936628
37	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK C, KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHAMAD FAUZI BIN IBRAHIM	012-4734460	MOHD HAFIZ BIN JAMALUDIN	017-3167094
38	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PAUH DAMAI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AFZAL KHAN BIN AHMAD	019-5666546	NOR ALINA BT MAT ALI	017-5121865
39	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG TAMAN BARU	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	Azmi Bin Mat Rasit	012-4907621	Muhamad Hidzir Bin Romlee	013-2267673
40	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK D KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SYAIFUL FADZLY BIN MOHAMMAD	014-2598201	MUHAMMAD FARID BIN ZULKIPLI	017-4471353
41	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI SUTERA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD FAIZAL B MOHD YUSOP	010-7700725	MOHAMAD FITRI B SHAMSUDIN	018-5790365
42	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI IDAMAN	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SHAFIE BIN DZULKIFLI	013-3803510	MOHAMAD SAYUTI BIN BAHARUDIN	019-4732000
43	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	RESIDENSI PAUH PERMAI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD SALZAHRIN BIN MOHAMAD HAMZAH	017-4557664	AFFARIZA BINTI MUSA	018-2894458
44	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK A KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD IKHWAN BIN KAMAL	011-20959543	WAN ZAHARUDDIN BIN WAN ISMAIL	017-4661554
45	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PAYA	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SURIANI BINTI OTHMAN	011-57495645	SITI FAIRUZ	019-4650859
46	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG CROSS STREET	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	PUSAT RUKUN TETANGGA KG CROSS STREET	KUAN YAN LEE	012-4561780	LEE JOO KHIAM	018-3144642

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENGERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
47	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN ARA INDAH	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	PUSAT AKTIVITI RUKUN TETANGGA TAMAN ARA INDAH,LRG ARA INDAH 1/1 TAMAN ARA INDAH 13000 PERMATANG PAUH PULAU PINANG	ROSLI BIN OSMAN	012-4283139	SOBAH BINTI SAID	012-7721062
48	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KUBANG SEMANG MUKIM 5 - ZON 1	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HAZLI BIN BAHARUDIN	013-4887164	MOHD ANUAR BIN MAIDEN	011-19832090
49	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TANAH LIAT MK.8	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	1074 MK 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM	ABDUL BAHRIN RIAD BIN ABDULLAH	019-5555227	ABDUL RAHMAN RAIS BIN ABDULLAH	019-5735369
50	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BUKIT INDERA MUDA / KEPALA BUKIT	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	DEWAN ORANG RAMAI BUKIT INDERA MUDA, JALAN KUBANG SEMANG, 14400 BUKIT MERTAJAM	MOHD FAUZI BIN HUSSIN	012-5735176	NOOR NUJAINI BINTI AHMAD	012-4168545
51	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PERMATANG PASIR/KG PERMATANG ARA/KG PERMATANG RAMBAI	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SHARUDIN BIN ALI	019-4211720	MOHD GHAZALI BIN ISMAIL	012-5399961
52	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TAMAN PASIR INDAH	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	TEW WOOI CHEAT	012-4240050	ROSHAIMIZAM BIN SUHAIMI	0196822748
53	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PERMATANG TENGAH/PERMATANG JANGGUS	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	PUSDAT RUKUN TETANGGA PERMATANG TENGAH/PERMATANG JANGGUS	ASRI BIN ISMAIL	019-4562900	MOHAMAD ASYRAF FAKHRI BIN MOHD IDRIS	017-4128413
54	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN CERMAI/TMN SAMA GAGAH	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	PUSAT RUKUN TETANGGA TAMAN CERMAI/TAMAN SAMAGAGAH	LEE SUI KEAT	012-4246238	LIM SHUANG GUAN	017-5046717
55	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN KOPERASI GURU/TMN GURU	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AZHAN SYAMIL BIN GHAZALI	019-4733213	AHMAD SYAFIQ BIN MOHD HANIFF	012-3405280
56	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN GUAR PERAHU	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	PUSAT AKTIVITI RUKUN TETANGGA TAMAN GUAR PERAHU, JALAN GUAR PERAHU 4, TAMAN GUAR PERAHU, 14400 BUKIT MERTAJAM	MOHAMAD SHAMSUL BIN IBRAHIM	013-4020455	AIDI FAIZAL BIN AWANG	017-4370305
57	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PEKAN PENANTI	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AZIZAN BIN AZIZ	012-4357069	NORMAH BT ABD HALIM	012-5078977
58	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN MALWIRA	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	DATO HJ MOHD SABRI BIN SAMAD	019-4440774	ZAINUDIN BIN AHMAD	176376030
59	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	MENGKUANG TITI	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HANAFIAH BIN AHMAT	013 -453 9227	AMIRRUDIN BIN MAT ESA	012-595 7695
60	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG KUBANG ULU	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AZHARIZAL BIN CHE MAN	017-6623831	AMIR HUSAINI BIN ABDULLAH SUKAR	013-5897999

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENGERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
61	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SG SEMAMBU MK 20	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOKHTAR BIN MOHAMAD	012-7165259	ZURAIMI BIN MORAD	019-4885474
62	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG BUKIT BERANGAN	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHAMAD NASIR BIN YOB	017-9271655	SITI HAJAR BINTI SHAFIE	011-61494537
63	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TANAH LIAT MK.9	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	JKK RUKUN TETANGGA RUKUN TANAH LIAT MK.9	MARZUKI BIN ELIAS	019-4790117	MUHAMMAD AMIRUL SYAFIQ BIN HASRALNUDIN	011-27411687
64	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG GUAR JERING/KG KUBU	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SUHAIMI BIN SABUDIN	012-4782184	SHAMSHOL BIN HASSAN	019-4527091
65	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SIMPANG TIGA KUBANG ULU	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	ZAIMULLOH BIN MUHAMMAD ZAINI	014-2410608	ROZITA BINTI OSMAN	017-4883594
66	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG MENGKUANG	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HELMI BIN AHMAD	019-4704410	MOHAMAD DAUD BIN YAKOB	013-5221892
67	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TAMAN SERI AKASIA	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AHMAD FAHMI BIN RAMLI	012-5566862	MOHAMAD ROSYIDI BIN CHE PA	019-5454875
68	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG TUN SARDON	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	ABDUL HASRUL NIZAM BIN MOHAMAD	019-4099580	ASNI BINTI OTHMAN	013-4400016
69	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TAMAN SERI MENGKUANG	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AHMAD ZACHKI BIN AHMAD SURI	019-4477700	ARIF ANUAR BIN ABDUL HAJAR	012-4852369
70	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG PADANG TEMUSU	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AKMAL ANAS BIN	017-4251391	MUHAMMAAD AFIQ HAKIMI BIN MOHD SUKRI	018-8749817
71	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KUALA MENGKUANG	P.044 Permatang Pauh	N.12 Penanti	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	NORIMI BIN JAAFAR	NORIMI BIN JAAFAR	IZYAN WAHIDAH BINTI OSMAN	012-4792453

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

11. Perincikan jumlah perbelanjaan, butiran projek dan program yang telah digunakan oleh setiap Pejabat Penyelaras KADUN bagi P.16(02) dan P.16(03) dari tahun 2023 hingga 2025.

    (a) Nyatakan jumlah peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada setiap MPKK dalam kawasan berkenaan khususnya di dalam setiap DUN dalam Parlimen Permatang Pauh.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Perincian jumlah perbelanjaan, butiran projek dan program yang telah digunakan oleh setiap Pejabat Penyelaras KADUN bagi P.16(02) dan P.16(03) dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

    (a) Menurut rekod Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) kadar peruntukan elaun bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi setiap Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Parlimen Permatang Pauh bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERUNTUKAN PEGAWAI PENYELARAS KADUN DI PDTSPU
P.16 (02) DAN P.16 (03) DARI TAHUN 2023 SEHINGGA 2025

BIL	KADUN	TAHUN											
		2023				2024				2025			
		BIL PROJEK	P.16 (02) (RM)	BIL PROJEK	P.16 (03) (RM)	BIL PROJEK	P.16 (02) (RM)	BIL PROJEK	P.16 (03) (RM)	BIL PROJEK	P.16 (02) (RM)	BIL PROJEK	P.16 (03) (RM)
1	PENAGA	1	19,000.00	10	79,648.00	0	0.00	8	99,960.00	0	0.00	7	70,000.00
2	PINANG TUNGGAL	0	0	0	0	2	17,166.00	14	82,834.00	1	11,770.00	12	76,000.00
3	PERMATANG BERANGAN	2	19,751.00	9	80,000.00	0	0	9	80,000.00	0	0.00	7	80,000.00
4	SUNGAI DUA	1	19,648.17	9	79,957.00	1	19,996.25	5	79,920.00	2	19,995.50	6	80,000.00
5	TELOK AIR TAWAR	0	0	0	0	1	20,000.00	6	80,000.00	2	8,225.80	18	79,875.00
JUMLAH KESELURUHAN :		4	58,399.17	28	239,605.00	4	57,162.25	42	422,714.00	5	39,991.30	50	385,875.00

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2024

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERALATAN PA SISTEM SERTA MENJALANKAN UJIAN AUDIO DIDEWAN MPKK TAMAN WIRA PANTAI ROBINA ECO PARK, TELOK AIR TAWAR, BUTTERWORTH	18,830.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	MEMBEKAL, MENGHANTAR CHAINSAW,GRASS CUTTER (MPKK TAMAN WIRA) SET ARABIAN KANOPI & KERUSI MEJA (SURAU BAYU AMAN & SURAU BAGAN BELAT) TELOK AYER TAWAR, BUTTERWORTH	16,980.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG KERUSI, MEJA SERTA PERKARA BERKAITAN UNTUK DEWAN MPKK TAMAN WIRA & SURAU TAMAN SENANGAN TELOK AYER TAWAR, BUTTERWORTH.	18,396.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANGAN KEPERLUAN ASAS KEPADA PENDUDUK KURANG UPAYA DIKAWASAN PENYELARAS KADUN TELOK AYER TAWAR BUTTERWORTH.	5,916.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR LCD PROJEKTOR , LCD SCREEN, HDMI CABLE & KERUSI LATIHAN (SURAU TAMAN WIRA)	9,997.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR T-SHIRT, TOPI, HADIAH, PENYEDIAAN MAKAN & MINUM JAMUAN MAKAN MALAM & PENGHARGAAN AMBANG MERDEKA	9,881.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**80,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 28 OKTOBER 2025

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL PEMBESAR SUARA MUDAHALIH SERTA AKSESORI KEPADA KUIL SRI MUNEESWARASWAMI DEVASTHANAM	1,700.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	PERKHIDMATAN PEMANGKASAN POKOK DAN PEMBERSIHAN DI PERMATANG TOK GELAM	3,000.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL PRINTER, KERUSI PLASTIK, MEJA DAN MESIN RUMPUT KEPADA MPKK PEKAN DARAT	3,700.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL KERUSI,MEJA DAN KEMAH KEPADA MPKK PERMATANG KUCING	5,800.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL BLOWER, WATERJET DA VACUUM CLEANER KEPADA MPKK TAMAN WIRA	1,250.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL SET PAPAN CARROM DAN SEBUAH MEJA KEPADA SURAU BAGAN TAMBANG	500
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL PROJECTOR KEPADA PIBG SMK TELOK AYER TAWAR	3,600.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBIAYAI PROGRAM SAMBUTAN AMBANG MERDEKA PADA 30 OGOS 2025	19,125.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL PAPAN TANDA AWAS KANAK-KANAK MELINTAS DI KAWASAN JALAN BAGAN BELAT	3,000.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL BATU CRUSHER RUN DAN CERMIN CONVEX DI JALAN HAJI MURSHID PEKAN DARAT	4,400.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL LAMPU SOLAR DI KAWASAN GELANGGANG TAKRAW PEKAN DARAT	2,400.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL 3 UNIT LAMPU SOLAR DI JALAN MINI TAR BELAKANG MASJID PERMATANG TOK GELAM	6,600.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL 50 KERUSI DAN 10 MEJA KEPADA MPKK TAMAN SENANGAN	3,200.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL PORTABLE PA SISTEM UNTUK SEKOLAH TAMAN SENANGAN	3,600.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL BAKUL MAKANAN SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI	2,500.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL PERALATAN KHEMAH, STHIL CHAINSAW DAN KANVAS KANOPI KEPADA MPKK PERMATANG BINJAI	4,500.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL BAKUL MAKANAN KEPADA PENDUDUK DI TELOK AIR TAWAR	6,000.00
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBEKAL T-SHIRT UNTUK PROGRAM FAMILI FUN WALK ANJURAN MPKK BAGAN AJAM	5,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**79,875.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2023
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
SUNGAI DUA (PPK)	2023	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DAN KAYU KEKUDA DALAM SUNGAI DUA DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	19,648.17
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**19,648.17**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
SUNGAI DUA (PPK)	2024	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SETOR SUKAN KOMUNITI PENDUDUK ALOR MERAH DAN KERJA-KERJA MEMBAIKI RUMAH PENDUDUK DUN SUNGAI DUA	19,996.25
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**19,996.25**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 28 OKTOBER 2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
SUNGAI DUA (PPK)	2025	KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH 2 BUAH RUMAH PENDUDUK DUN SUNGAI DUA	11,995.50
SUNGAI DUA (PPK)	2025	KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH 2 BUAH RUMAH IAITU DI SUNGAI KOROK DAN KAMPUNG MANGGIS DUN SUNGAI DUA	8,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**19,995.50**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 28 OKTOBER 2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	KERJA-KERJA MENGGANTIKAN BUMBUNG DI TAMAN EMAS, BUTTERWORTH KADUN TELOK AIR TAWAR	6,525.80
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2025	MEMBINA TITI KONKRIT MELINTASI LONGKANG TEPI PONDOK BAS JALAN TELUK AIR TAWAR BUTTERWORTH (HADAPAN KLINIK BERSATU)	1,700.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**8,225.80**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
TELOK AYER TAWAR (PPK)	2024	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMBUAT SERTA MEMASANG GRILL DILOBBY SERTA MENGECAT BUMBUNG DEWAN MPKK TAMAN WIRA -PANTAI ROBINA ECO PARK	20,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN	**20,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2023

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
SUNGAI DUA (PPK)	2023	PROGRAM SESI LIBAT URUS BERTEMU RAKYAT DAN SUMBANGAN BAKUL RAHMAH KEPADA GOLONGAN B40 BERSAMA MPKK SUNGAI DUA, SPU	8,528.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	PENGANJURAN KURSUS BINA INSAN ANAK MUDA SUNGAI DUA BERSAMA JBPP SUNGAI DUA PADA 29 APRIL 2023	9,935.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	MAJLIS BERBUKA PUASA PPK SUNGAI DUA BERSAMA KARIAH MASJID AL-RIDZUAN NYIUR SEBATANG, MASJID JAMIUL JALAL WAL KAMAL PAJAK SONG,& MASJID JAMEK PERMATANG BULUH PADA 3,4,5 APRIL 2023	9,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	MAJSLIS IHYA RAMADAN PENDUDUK DAN KARIAH MASJID PERMATANG TOK JAYA, SURAU AL-ISTIQAMAH TAMAN DESA MURNI & SURAU AL-SHAFA TAMAN SERI MURNI PADA 7,8,9 APRIL 2023	9,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	MENGANJURKAN MAJLIS IFTAR RAMADAN 2023 BERSAMA KOMUNITI MASJID DALAM KADUN SUNGAI DUA ; MASJID TUAN SAMAD, MASJID JAMEK SUNGAI LOKAN & MASJID JAMEK ALOR MERAH PADA 10,11,12 APRIL 2023	9,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	MAJLIS BERBUKA PUASA RAMADAN 2023 PPK SUNGAI DUA ANJURAN BERSAMA MASJID AL AMIN SUNGAI DUA, MASJID HAJI RASHID & MASJID AL MARBAWI, MERBAU KUDONG PADA 13,14,15 APRIL 2023	9,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	PROGRAM JELAJAH SAHUR DAN SERAHAN SUMBANGAN BARANGAN KESELAMATAN KEPADA KRT KADUN SUNGAI DUA PADA 18 APRIL 2023	5,494.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	SUMBANGAN BISKUT RAYA KEPADA MPKK, KOMUNITI & MASYARAKAT SEMPENA SAMBUTAN AIDILFITRI 2023 (19 APRIL 2023)	10,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2023	SUMBANGAN AYAM BAGI KUMPULAN RENTAN BAGI MEYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 2023 (20 APRIL 2023)	10,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**79,957.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
SUNGAI DUA (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SET KANOPI TERMASUK KERUSI MEJA , KATIL HOSPITAL DAN KERUSI RODA UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG KADUN SUNGAI DUA	20,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SET KANOPI TERMASUK KERUSI MEJA, KATIL HOSPITAL DAN KERUSI RODA UNTUK KEGUNAAN KELAB WANITA INTEGRITI PULAU PINANG	20,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SET KANOPI TERMASUK KERUSI MEJA, PA SISTEM, LCD PROJECTOR, DAN SCREEN PROJEKTOR UNTUK KEGUNAAN GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAWANGAN ALOR MERAH TASEK GELUGOR	10,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SET KANOPI TERMASUK KERUSI MEJA , KATIL HOSPITAL DAN KERUSI RODA UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA KADUN SUNGAI DUA	20,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2024	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SET KANOPI TERMASUK KERUSI MEJA , KATIL HOSPITAL DAN KERUSI RODA UNTUK KEGUNAAN KELAB BOLA SEPAK KAMPUNG SETOL	9,920.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**79,920.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 28 OKTOBER 2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
SUNGAI DUA (PPK)	2025	MEMBEKAL 200 BAKUL MAKANAN SEMPENA PROGRAM IHYA RAMADHAN 2025 KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA KADUN SUNGAI DUA	20,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2025	JAMUAN RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI 2025 ANJURAN BERSAMA KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA DAN JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG KADUN SUNGAI DUA	20,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2025	PROGRAM SAMBUTAN HARI JURURAWAT DAN SAMBUTAN HARI GURU ANJURAN KELAB WANITA INTEGRITI PULAU PINANG	10,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2025	PROGRAM SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN ANJURAN JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG KADUN SUNGAI DUA	10,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2025	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KATIL HOSPITAL, PEMPERS DAN KERUSI RODA UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA KADUN SUNGAI DUA	10,000.00
SUNGAI DUA (PPK)	2025	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERUSI BATU DAN KERUSI KULIAH UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG KADUN SUNGAI DUA	10,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**80,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 28 OKTOBER 2025

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	PINDAH PERUNTUKAN KEPADA 03 SEBANYAK RM20,000.00	
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**0.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2024

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	TIADA PROJEK	
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**0.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2023

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BUIMBUNG RUMAH MAIZOM BINTI ESMAIL	9,801.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA DINDING BAHAGIAN LUAR SURAU TAMAN KOSKAM TERMASUK KERJA-KERJA MENGIKIS CAT LAMA DAN MENGECAT SEMULA MENGGUNAKAN CAT RINTANGAN CUACA	9,950.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**19,751.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2024

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN UNTUK PEMBERIAN 200 SET HAMPER BAKUL MAKANAN KEPADA KELUARGA B40 DALAM KADUN PERMATANG BERANGAN, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG	20,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN KEPERLUAN PROGRAM SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2024 KADUN PERMATANG BERANGAN PADA 25 OGOS 2024	5,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN KEPERLUAN PROGRAM INFO-MESRA KHIDMAT MASYARAKAT KADUN PERMATANG BERANGAN	5,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	MEMBIAYAI PROGRAM SAMBUTAN SEMPENA MAUDILUR RASUL 1446H PADA 16/09/2024	5,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN KEPERLUAN BENGKEL PEMERKASAAN WANITA: "SIHAT ANGGUN BERJAYA"	5,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN KEPERLUAN PROGRAM ZIARAH KASIH DAN SUMBANGAN KEBAJIKAN DALAM KADUN PERMATANG PERMATANG BERANGAN, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG	5,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN BEKALAN UNTUK PEMBERIAN PAKAIAN SERAGAM KEPADA 150 AHLI KUMPULAN PAKATAN MENTARA WANITA	15,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN KEPERLUAN PROGRAM "BACK TO SCHOOL" KADUN PERMATANG BERANGAN	5,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2024	PENYEDIAAN PROGRAM TAUTAN KASIH MASYARAKAT MADANI KADUN PERMATANG BERANGAN 2024	15,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**80,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 28 OKTOBER 2025

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	MEMBEKAL BAJU-T UNTUK PERSERTA FUN WALK 2025 SIMFONI USAHAWAN (KADUN PERMATANG BERANGAN)	3,500.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	MEMBEKAL BAKUL MAKANAN UNTUK SUMBANGAN RAMADHAN 1446H/2025M	6,500.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	PROGRAM JALINAN KASIH RAMADHAN KADUN PERMATANG BERANGAN PADA 8 MAC 2025	20,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	Sumbangan Kain Batik dan Kurma Sempena Hari Wanita Kadun Permatang Berangan	4,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	Sumbangan Kurma Kepada Peserta Tadarus Al-Quran Sempena Hari Nuzul Al-Quran 1446H Kadun Permatang Berangan	6,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	Sumbangan Bakul Makanan Kepada Golongan B40 Dalam Kadun Permatang Berangan	20,000.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2025	Program Santuni Komuniti (Kadun Permatang Berangan)	20,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**80,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2023

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	MAJLIS BERBUKA PUASA/SAHUR/BUBUR LAMBUK DI KADUN PERMATANG BERRANGAN BERSAMA MPKK 6,7,8,& 9 APRIL	9,500.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	PROGRAM IHYA RAMADAN PPK PERMATANG BERANGAN BERSAMA MPKK 13,14, 15 & 16 APRIL	9,750.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	SUMBANGAN KEPERLUAN MEMASAK JUADAH RENDANG AYAM BAGI HARI RAYA 2023 BERSAMA MPKK LAHAR YOOI & MPKK TAMAN SENA INDAH PADA PADA 20.04.2023	4,560.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	MEMBEKALKAN KETUPAT PALAS & KORDIAL BERSAMA MPKK KADUN PERMATANG BERANGAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PADA 21.04.2023	8,720.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	MENYEDIAKAN KIT KESIHATAN & MESIN RUMPUT KEPADA MPKK	8,505.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	PROGRAM RUMAH TERBUKA & JAMUAN RAKYAT PERINGKAT KADUN PERMATANG BERANGAN BERSAMA MPKK, JPWK & JBPP PERMATANG BERANGAN PADA 10.05.2023	9,830.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	MEMBEKAL SET KERUSI MEJA KEPADA MPKK TASEK GELUGOR	9,750.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	KENDURI RAKYAT & MAJLIS APRESIASI KOMUNITI PERMATANG BERANGAN	9,995.00
PERMATANG BERANGAN (PPK)	2023	MEMBEKAL KHEMAH & KERUSI KEPADA MPKK PADANG MENORA	9,390.00
		JUMLAH PERBELANJAAN:	**80,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2023
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PENAGA	2023	PROGRAM MEMASAK DAN MENGEDAR BUBUR LAMBUK SEMPENA BULAN RAMADAN PADA 2 APRIL 2023	9,600.00
	2023	PROGRAM KENDURI RAKYAT SEMPENA MENYAMBUT BULAN RAMADAN PADA 6 APRIL 2023	3750
	2023	PROGRAM MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MASYARAKAT	9,600.00
	2023	PROGRAM "KEMBALI KE SEKOLAH" DAN SUMBANGAN MAKANAN KEPADA B40 PADA 14 APRIL 2023	10,000.00
	2023	PROGRAM PEDULI PESAKIT KRONIK-MENYEDIAKAN KERUSI RODA DAN KATIL PESAKIT	9,100.00
	2023	PROGRAM BANTUAN BAKUL MAKANAN SEMPENA BULAN RAMADAN	9,648.00
	2023	PROGRAM MOREH BERSAMA KOMUNITI	3,000.00
	2023	MEMBEKAL KANOPI DAN JUADAH MAKANAN SERTA MINUMAN BAGI PROGRAM JAMUAN RAHMAH PERINGKAT KADUN PENAGA	9,950.00
	2023	MENGANJURKAN PROGRAM JELAJAH 'LOVE PENANG' PERINGKAT DUN PENAGA	10,000.00
	2023	MENGANJURKAN PROGRAM JUALAN RAHMAH BERSAMA FAMA	5,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**79,648.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2023
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PENAGA [PPK PENAGA]	2023	PROJEK MENAIKTARAF PADANG BOLA SEPAK PENAGA	19,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**19,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PINANG TUNGGAL	2024	KERJA-KERJA BINAAN LALUAN JALAN SEMENTARA DI KAMPUNG BAHARU MUKIM 12 KADUN PINANG TUNGGAL	4,660.00
	2024	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TAPAK MAINAN LAMA DAN MEMBINA TAPAK RUANGAN AKTIVITI DI TABIKA KEMAS PAYA KELADI HUJUNG KADUN PINANG TUNGGAL	12,506.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**17,166.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PENAGA PPK	2024	PINDAH PERUNTUKAN	
	JUMLAH PERBELANJAAN :		**0**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PINANG TUNGGAL	2024	MEMBIAYAI PROGRAM HARI RAYA KORBAN KADUN PINANG TUNGGAL	15,000.00
	2024	MEMBEKAL HAMPER HARI RAYA AIDILADHA KADUN PINANG TUNGGAL	19,500.00
	2024	MEMBEKAL PROGRAM KOMUNITI HARMONI DESA MADANI KADUN PINANG TUNGGAL	8,000.00
	2024	MEMBEKAL PROGRAM RAIKAN MUHARRAM MEMASAK BUBUR ASYURA BERSAMA KOMUNITI KADUN PINANG TUNGGAL (TARIKH PROGRAM : 4/8/2024)	4,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN PROGRAM SEMARAK MERDEKA JIWA MADANI KADUN PINANG TUNGGAL	4,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN PERTANDINGAN DAM AJI TRADISIONAL KADUN PINANG TUNGGAL	2,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN HAMPER ZIARAH KASIH MADANI KADUN PINANG TUNGGAL	4,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MEMASANG SET PEMBESAR SUARA DI SURAU KG PAYA KELADI HUJUNG KADUN PINANG TUNGGAL	7,500.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN HAMPER PERAYAAN DEEPAVALI KADUN PINANG TUNGGAL	4,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ISLAM BELIA MADANI KADUN PINANG TUNGGAL	4,884.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN JAMUAN BERSAMA KOMUNITI INDIA KADUN PINANG TUNGGAL	3,950.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN MAJLIS APRESIASI PASUKAN KAROM PERINGKAT KADUN PINANG TUNGGAL	2,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN KERUSI RODA UNTUK ORANG SAKIT KADUN PINANG TUNGGAL	2,000.00
	2024	MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN BAJU TSHIRT KEPADA AJK SURAU AL MUHTADIN TAMAN BENTARA BERTAM PERDANA 3 KADUN PINANG TUNGGAL	2,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**82,834.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 31.12.2024
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PENAGA	2024	JAMUAN HARI RAYA KORBAN KELUARGA DUN PENAGA (TARIKH : 20 JUN 2024)	20,000.00
	2024	MEMBEKAL HAMPER MAKANAN BAGI PENDUDUK YANG KURANG BERKEMAMPUAN DALAM KADUN PENAGA	20,000.00
	2024	KARNIVAL MADANI DAN PERTANDINGAN MEMANCING BERSAMA PEJABAT PENYELARAS KADUN PENAGA	14,950.00
	2024	MEMBEKAL BANTUAN PERALATAN DAN BARANGAN KESIHATAN KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN DALAM KADUN PENAGA	19,960.00
	2024	MEMBEKAL KERUSI SANDAR PLASTIK UNTUK PIBG SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG JANGGUS KADUN	3,250.00
	2024	MEMBEKAL LAMPU SOLAR BAGI KEGUNAAN MASJID DI TANAH PERKUBURAN DALAM KADUN PENAGA	1,800.00
	2024	PROGRAM SEMINAR UPKK BAGI PELAJAR TAHUN 5 KELAS KAFA KADUN PENAGA	12,000.00
	2024	MEMBEKAL PERALATAN SUKAN DALAM	8,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**99,960.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 28.10.2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PENAGA	2025	MEMBEKAL KERUSI SANDAR PLASTIK UNTUK SK KUALA MUDA, KADUN PENAGA	5,000.00
	2025	MEMBEKAL KERUSI SANDAR PLASTIK DAN MEJA SEKOLAH UNTUK MAADAD AL-IMAM AN-NAWAWI, KADUN PENAGA	15,000.00
	2025	MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DAN BERBUKA PUASA, KELUARGA PENAGA (TARIKH : 23.3.2025 - DATARAN KUALA MUDA)	15,000.00
	2025	PROGRAM EDARAN BUBUR LAMBUK DAN LAUK BERBUKA PUASA KADUN PENAGA (TARIKH : 17.3.2025)	5,000.00
	2025	MAJLIS KORBAN DAN JAMUAN KELUARGA PENAGA	10,000.00
	2025	PROGRAM 'KG. AGUNG RUN 25' (TARIKH : 16.8.2025)	10,000.00
	2025	MEMBIAYAI KENDURI RAKYAT BAGI PROGRAM KARNIVAL JELAJAH USAHAWAN 2025 PERINGKAT DAERAH SPU PADA 12 OKTOBER 2025	10,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**70,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (03) SEHINGGA 28.10.2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PINANG TUNGGAL	2025	MEMBIAYAI BUAH KURMA TANGKAI UNTUK AGIHAN KEPADA PENDUDUK SEMPENA RAMADAN TAHUN 2025 KAWASAN MPKK KAMPUNG TOK BEDU KADUN PINANG TUNGGAL	9,900.00
	2025	MEMBIAYAI PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK DAN IFTAR BERSAMA PENDUDUK DI MASJID AL-HIDAYAH KG. LAHAR TIANG KADUN PINANG TUNGGAL	5,000.00
	2025	MEMBIAYAI MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PENDUDUK DI MASJID AL-ABIDIN KG PERMATANG SETAR, PINANG TUNGGAL KADUN PINANG TUNGGAL	3,000.00
	2025	MEMBIAYAI HAMPER RAYA UNTUK AGIHAN PENDUDUK DI KAWASAN MPKK KG TOK BEDU KADUN PINANG TUNGGAL	17,500.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL KENDURI RAKYAT SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT KADUN PINANG TUNGGAL	5,000.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL SUMBANGAN BANTUAN BARANGAN KEPERLUAN ASAS BAGI PENDUDUK KADUN PINANG TUNGGAL	10,000.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL SEBAHAGIAN FESTIVAL DESAKU KAWASAN MPKK KUBANG MENERONG KADUN PINANG TUNGGAL	6,100.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL KERUSI RODA BAGI PENDUDUK UZUR KADUN PINANG TUNGGAL	4,000.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL KERUSI BATU BAGI KOMUNITI KADUN PINANG TUNGGAL	6,000.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL SET PEMBESAR SUARA (STAND PORTABLE) KEPADA TABIKA KEMAS PERMATANG TINGGI BAKAR BATA KADUN PINANG TUNGGAL	2,000.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL SET GENDANG DAN PERALATAN SENI SILAT MEMPERTAHANKAN DIRI BELIA KADUN PINANG TUNGGAL	3,500.00
	2025	MEMBIAYAI DAN MEMBEKAL JERSY BOLASEPAK BELIA KADUN PINANG TUNGGAL	4,000.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**76,000.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 28.10.2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PINANG TUNGGAL	2025	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN PEMBAIKAN LONGKANG DI KAWASAN KG PERMATANG TINGGI 'B' KADUN PINANG TUNGGAL	11,770.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**11,770.00**

LAMPIRAN A

PRESTASI PELAKSANAAN PEMBANGUNAN P.16 (02) SEHINGGA 28.10.2025
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

DUN	TAHUN	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN
PPK PENAGA	2025	PINDAH PERUNTUKAN	0.00
		JUMLAH PERBELANJAAN :	**0.00**

LAMPIRAN B

JUMLAH PERBELANJAAN PERUNTUKAN TAHUN 2024

BIL.	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	P.16(02) (RM)	P.16(03) (RM)
1	PERMATANG PASIR	20,000.00	80,000.00
2	PENANTI	20,000.00	80,000.00
3	SEBERANG JAYA	19,028.84	79,945.00
4	PULAU BETONG	19,960.00	79,998.50
5	TELUK BAHANG	19,960.00	68,614.00

JUMLAH PERBELANJAAN PERUNTUKAN TAHUN 2025

BIL.	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	P.16(02) (RM)	P.16(03) (RM)
1	PERMATANG PASIR	20,000.00	70,000.00
2	PENANTI	0	55,391.00
3	SEBERANG JAYA	19,950.00	48,925.00
4	PULAU BETONG	0	53,240.00
5	TELUK BAHANG	0	41,029.00

LAMPIRAN B

TAHUN	BIL.	PERINCIAN PROJEK/BEKALAN	KOS (RM)
2024	1	Menaiktaraf dan membaiki longkang konkrit termasuk kerja-kerja berkaitan di Kampung Tersusun Jalan Baru, Seberang Jaya	14,278.84
	2	Kerja-kerja membekal dan mengorek tanah untuk pemasangan dua unit papan tanda jalan di Tok Kandu	4,750.00
JUMLAH			**19,028.84**

TAHUN	BIL.	PERINCIAN PROJEK/BEKALAN	KOS (RM)
2025	1	Kerja Menaiktaraf Lantai Gelanggang Badminton di Kampung Taman Baru Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan	19,950.00
JUMLAH			**19,950.00**

LAMPIRAN B

TAHUN	BIL.	PERINCIAN PROJEK/BEKALAN	KOS (RM)
2024	1	Membekalkan penghawa dingin Wall FTV 28PB Smart Control Function kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti, Dewan PDK OKU, Persiaran Sembilang, Seberang Jaya	9,900.00
	2	Membekal tiga unit penghawa dingin jenama Daikin Wall FTV 35PB Smart Control Function kepada PIBG SMK Seberang Jaya untuk kegunaan pusat sumber sekolah	13,050.00
	3	Membekal Set Meja dan Kerusi Kayu dam Meja Guru Sekolah Sinar Harapan	9,850.00
	4	Membekal Sistem Kamera Berlitar (CCTV) di Dewan MPKK Tenggiri	5,800.00
	5	Membekalkan set khemah 20' x 20' termasuk kerusi dan PA Sistem bagi Program Kemerdekaan dan Perasmian Pekan Hari Lembah Makanan Perda	2,000.00
	6	Program Sambutan Hari Kemerdekaan 2024 Komuniti Taman Sembilang	2,000.00
	7	Membekalkan baju korporat dan tudung seragam kepada JPWK N10 Kadun Seberang Jaya	2,050.00
	8	Membekalkan 31 unit bola sepak jenis Molten kepada Kelab Bola Sepak Cilik Junior	2,945.00
	9	Membekalkan baju sublimation kepada seluruh MPKK dalam Kadun Seberang Jaya	7,200.00
	10	Membekalkan satu unit penghawa dingin kepada Surau Kampung Belah Dua, Seberang Jaya	4,800.00
	11	Membekalkan 4 set papan,tapak kaki besi dan buah karom kepada MPKK Bandar Perda	3,000.00
	12	Membekalkan 3 unit penghawa dingin kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya	13,050.00
	13	Membekalkan 21 set bakul makanan kepada MPKK Jalan Siakap	1,302.00
	14	Membekalkan satu (1) unit 'smart TV' kepada Lembaga Pengurus SJK(C) Seng Keow	2,998.00
JUMLAH			**79,945.00**

TAHUN	BIL.	PERINCIAN PROJEK/BEKALAN	KOS (RM)
2025	1	Membekal Pakaian Untuk Program Fun Walk Daerah Spt	1,925.00
	2	Membekalkan Khemah 20x20 Kepada Kawasan Rukun Tetangga(KRT) Pangsapuri Pauh Damai	3,750.00
	3	Membekalkan Mee Kari Untuk Majlis Sambutan Jamuan Hari Raya Mpkk Kampung Belah Dua Pada 19.04.2025	3,000.00
	4	Membekalkan Khemah,Kerusi Dan Meja Kepada MPKK Pertama	5,700.00
	5	Membekalkan Kerusi Plastik Bersandar Kepada PIBG SMK Permatang Rawa	2,700.00
	6	Membekalkan Power Amplifier Jenis Show 400 Watt Kepada Surau Al-Islam	3,950.00
	7	Membekalkan 2 Unit Tong Sampah Beroda 660 Liter Kepada MPKK Jalan Tenggiri	3,800.00
	8	Perkhidmatan Membekalkan Kambing Golek 2 Ekor Untuk Program Jelajah Belia 2025 Pada 15.06.2025	3,600.00
	9	Perkhidmatan Membekalkan Makan Tengahari Dan Bahan Mentah Sempena Program Pembuatan Kek Dan Roti Bagi JPWK Seberang Jaya Pada 14.06.2025	2,500.00
	10	Membekalkan 100 Helai Baju Sempena Funwalk Hari Kemerdekaan Ke -68 Kepada MPKK Jalan Hussein Onn	3,000.00
	11	Membekalkan Makanan Untuk Program Santai Merdeka MPKK Kampung Belah Dua	4,000.00
	12	Membekalkan Baju Program Ride Surau Kampung Belah Dua, Seberang Jaya	2,000.00
	13	Membekalkan Dua Unit Cermin Cembung Kepada MPKK Kampung Belah Dua	1,600.00
	14	Membekalkan Satu Unit Rostrum Kepada PIBG SMK Permatang Rawa	1,700.00
	15	Membekalkan Khemah 20x20,Meja Dan Kerusi Kepada Persatuan Riadah Dan Rekreasi Air,Persisiran Sungai Perai, Seberang Jaya	5,700.00
JUMLAH			**48,925.00**

LAMPIRAN C

JUMLAH PERUNTUKAN ELAUN YANG DISALURKAN KEPADA SETIAP MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK) DI DALAM SETIAP KAWASAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN) PARLIMEN PERMATANG PAUH

BIL.	DUN	NAMA MPKK	PERUNTUKAN TAHUN 2023 (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2024 (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 (RM)
1.	PENANTI	MPKK BERAPIT ROAD	34,600.00	34,600.00	34,800.00
2.		MPKK GUAR PERAHU MK 21	34,600.00	34,600.00	34,800.00
3.		MPKK KAMPUNG BARU SUNGAI LEMBU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
4.		MPKK KAMPUNG MENGKUANG	34,600.00	34,600.00	34,800.00
5.		MPKK KAMPUNG TERUS	34,600.00	34,600.00	34,800.00
6.		MPKK KAMPUNG TOK ELONG	34,600.00	34,600.00	34,800.00
7.		MPKK KAMPUNG TUN SARDON	34,600.00	34,600.00	34,800.00
8.		MPKK KUALA MENGKUANG	34,600.00	34,600.00	34,800.00
9.		MPKK KUBANG SEMANG / SUNGAI SEMAMBU MK20	34,600.00	34,600.00	34,800.00
10.		MPKK KUBANG ULU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
11.		MPKK MENGKUANG MAK SULUNG MK 20	34,600.00	34,600.00	34,800.00
12.		MPKK MENGKUANG TITI	34,600.00	34,600.00	34,800.00
13.		MPKK PADANG IBU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
14.		MPKK TAMAN SERI AKASIA-SPG 3 KUBANG ULU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
15.		MPKK TANAH LIAT / SIMPANG TIGA BERAPIT MK9	34,600.00	34,600.00	34,800.00
JUMLAH (RM)			**519,000.00**	**519,000.00**	**522,000.00**

LAMPIRAN C

BIL.	DUN	NAMA MPKK	PERUNTUKAN TAHUN 2023 (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2024 (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 (RM)
1.	PERMATANG PASIR	MPKK BUKIT INDRA MUDA / KEPALA BUKIT	34,600.00	34,600.00	34,800.00
2.		MPKK KAMPUNG PAYA / CROSS STREET	34,600.00	34,600.00	34,800.00
3.		MPKK KAMPUNG PETANI	34,600.00	34,600.00	34,800.00
4.		MPKK KAMPUNG PETANI / KAMPUNG PELET	34,600.00	34,600.00	34,800.00
5.		MPKK KUBANG SEMANG MK5	34,600.00	34,600.00	34,800.00
6.		MPKK PENGKALAN TAMBANG	34,600.00	34,600.00	34,800.00
7.		MPKK PERMATANG PASIR (SPT)	34,600.00	34,600.00	34,800.00
8.		MPKK PERMATANG RAWA MK 8	34,600.00	34,600.00	34,800.00
9.		MPKK PERMATANG TENGAH	34,600.00	34,600.00	34,800.00
10.		MPKK PMTG TENGAH / PMTG PAUH / SAMAGAGAH	34,600.00	34,600.00	34,800.00
11.		MPKK SUNGAI SEMAMBU MK 5	34,600.00	34,600.00	34,800.00
12.		MPKK TANAH LIAT MUKIM 8	34,600.00	34,600.00	34,800.00
JUMLAH (RM)			**415,200.00**	**415,200.00**	**417,600.00**

LAMPIRAN C

BIL.	DUN	NAMA MPKK	PERUNTUKAN TAHUN 2023 (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2024 (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 (RM)
1.	SEBERANG JAYA	MPKK BANDAR PERDA	34,600.00	34,600.00	34,800.00
2.		MPKK JALAN BARU PERAI	34,600.00	34,600.00	34,800.00
3.		MPKK JALAN HUSSEIN ONN	34,600.00	34,600.00	34,800.00
4.		MPKK JALAN SEMBILANG	34,600.00	34,600.00	34,800.00
5.		MPKK JALAN SIAKAP	34,600.00	34,600.00	34,800.00
6.		MPKK JALAN TENGGIRI	34,600.00	34,600.00	34,800.00
7.		MPKK KAMPUNG BELAH DUA	34,600.00	34,600.00	34,800.00
8.		MPKK KAMPUNG PERTAMA	34,600.00	34,600.00	34,800.00
9.		MPKK KAMPUNG TAMAN BARU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
10.		MPKK SIMPANG EMPAT / PERMATANG RAWA / PERMATANG BATU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
11.		MPKK TOK KANDU	34,600.00	34,600.00	34,800.00
JUMLAH (RM)			**380,600.00**	**380,600.00**	**382,800.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

12. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan PSDC terus menjadi rujukan nasional dalam program TVET?

    (a) Berapakah jumlah peruntukan negeri yang disalurkan kepada PSDC pada 2018 hingga 2025?

    (b) Nyatakan jumlah pelajar TVET dari PSDC yang mendapat penempatan pekerjaan.

    (c) Adakah modul PSDC telah diperkenal ke institusi lain di Malaysia?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Kerajaan Negeri sentiasa konsisten memastikan Penang Skills Development Centre (PSDC) terus menjadi rujukan nasional dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui pelbagai dimensi. Antaranya ialah:

    (i) **PSDC sebagai Pusat Kecemerlangan TVET**

    PSDC mengekalkan peranannya sebagai Pusat Kecemerlangan TVET yang menjadi rujukan di peringkat negeri dan nasional. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah strategik untuk memperkukuh ekosistem TVET dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan melalui PSDC;

(ii) **Pembangunan dan Penawaran Program Latihan Berimpak Tinggi**

PSDC secara berterusan menyesuaikan kurikulum latihan TVET untuk memenuhi keperluan industri semasa khususnya dalam sektor berimpak tinggi seperti semikonduktor, automasi, mekatronik, reka bentuk cip dan digitalisasi industri (*Industry* 4.0). Antara inisiatif utama adalah program *Penang Semiconductor Industrial Skills Enhancement* (PeKIS) dan Penang Chip Design Academy (PCDA) yang menggunakan pendekatan *train and place* untuk menjamin setiap peserta menerima latihan teknikal yang relevan dan mendapat pekerjaan selepas tamat latihan;

(iii) **Kerjasama Strategik dengan Industri dan Agensi Kerajaan**

PSDC terus memperkukuh jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan rakan industri utama iaitu Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), InvestPenang, Kementerian Ekonomi, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST). Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan program latihan yang dibuat adalah selaras dengan keperluan sebenar industri. Justeru itu, PSDC bertindak sebagai penghubung strategik antara kerajaan dan industri bagi memperkasa pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi di Pulau Pinang;

(iv) **Peranan PSDC sebagai Penyedia Latihan**

PSDC berperanan sebagai penyedia latihan utama dalam ekosistem TVET negeri serta menyediakan program latihan berstruktur dan bersesuaian dengan kehendak industri. Peranan ini membolehkan PSDC menyumbang secara langsung kepada pembangunan kemahiran dan kebolehpasaran graduan serta memastikan latihan yang ditawarkan selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa;

(v) **Pengiktirafan dan Peranan di Peringkat Nasional**

PSDC merupakan salah satu pengasas Federation of Malaysian Skills Development Centres (FMSDC) iaitu gabungan pusat latihan kemahiran negeri di seluruh Malaysia yang berperanan memperkukuh jaringan TVET di peringkat nasional. Selain itu, PSDC juga merupakan Ahli Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia yang membolehkan PSDC terlibat secara langsung dalam perbincangan dasar dan pembangunan hala tuju TVET negara;

(vi) **Peranan sebagai Hab Rujukan dan Pemindahan Ilmu TVET**

PSDC berperanan sebagai hab rujukan utama bagi pusat latihan kemahiran lain di seluruh negara. Melalui perkongsian kepakaran dan pembangunan kapasiti, PSDC telah bekerjasama dengan Sarawak Skills Development Centre (Sarawak Skills) dan Johor Skills Development Centre (Johor Skills) dalam memperkukuh keupayaan latihan TVET di Malaysia; dan

(vii) **Komitmen kepada Pembangunan Modal Insan Negeri**

PSDC memberi tumpuan kepada pembangunan belia tempatan, graduan baharu serta tenaga kerja sedia ada agar bersedia mengisi permintaan sektor berkemahiran tinggi. Usaha ini secara langsung menyokong matlamat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai hab pembangunan bakat berkemahiran tinggi yang unggul di Malaysia.

Secara keseluruhannya, PSDC kekal komited untuk menjadi pusat latihan TVET berorientasikan industri yang unggul dan berdaya saing, serta terus menyumbang kepada pembangunan modal insan negeri dan negara melalui pendekatan kolaboratif, inovatif, dan berpandangan jauh.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 kepada PSDC sejak tahun 2018 hingga 2025. Peruntukan ini khusus bagi

pelaksanaan program latihan *German Dual Vocational Training* (GDVT) yang bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional belia serta graduan tempatan.

Sehingga kini, PSDC bersama rakan industri telah menggunakan peruntukan sebanyak lebih kurang RM700,000.00 daripada jumlah keseluruhan peruntukan tersebut. Dana ini telah digunakan secara berkesan untuk tujuan seperti yang berikut:

(i) Menyediakan latihan berstruktur yang memenuhi standard industri Jerman;

(ii) Menyokong program *place and train* bagi peserta; dan

(iii) Membiayai kos fasiliti latihan, pengajar dan bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan kehendak industri.

Peruntukan ini telah dimanfaatkan secara strategik untuk memastikan hasil latihan selaras dengan kehendak industri, meningkatkan kebolehpasaran peserta serta menyokong matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pembangunan bakat berkemahiran tinggi. PSDC terus memantau penggunaan peruntukan dengan teliti bagi memastikan keberkesanan program latihan dan penglibatan industri secara optimum.

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi sokongan kewangan yang signifikan dan PSDC telah berjaya menggunakan sebahagian daripada dana tersebut secara berkesan untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi sejajar dengan aspirasi pembangunan ekonomi berasaskan industri dan teknologi di Negeri Pulau Pinang.

(b) TVET PSDC telah melahirkan 243 orang graduan pada tahun 2024 dan 2025. Daripada jumlah tersebut, 226 orang iaitu 93% daripadanya telah mendapat penempatan pekerjaan atau melanjutkan pengajian manakala baki 7% terdiri daripada mereka yang belum bekerja atau belum mengemas kini status.

Data ini menunjukkan bahawa kadar kebolehpasaran keseluruhan graduan TVET PSDC ialah 93% sekali gus mencerminkan keberkesanan pelaksanaan program latihan PSDC dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan industri di Pulau Pinang dan di peringkat nasional.

(c) Modul latihan dan pendekatan pembelajaran yang dibangunkan oleh PSDC telah diperkenalkan dan dikongsi dengan beberapa institusi latihan lain di Malaysia. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha PSDC untuk memperkukuh ekosistem TVET negara melalui perkongsian kepakaran serta amalan terbaik dalam pembangunan kemahiran berasaskan industri.

Perangkaan modul adalah berdasarkan pengalaman luas PSDC dalam memenuhi keperluan industri dan telah disesuaikan agar boleh diguna pakai oleh institusi lain dengan keberkesanan yang sama. Antara modul yang telah dikongsi di peringkat nasional ialah:

(i) Modul dalam bidang Industri 4.0;

(ii) Modul Kualiti dan Produktiviti yang menggunakan pendekatan *Total Quality Management* (TQM), *Six Sigma dan Lean*; dan

(iii) Modul pembangunan kemahiran teknikal berasaskan keperluan industri semasa.

Antara institusi latihan yang telah menerima dan mengadaptasi modul PSDC sehingga tahun ini adalah Sarawak Skills dan Johor Skills yang melibatkan perkongsian bahan latihan, metodologi pengajaran dan pementoran tenaga pengajar bagi memastikan penyampaian latihan yang berkualiti dan selaras dengan kehendak industri semasa.

Sebagai salah satu pengasas FMSDC dan Ahli MPKK di bawah JPK, Kementerian Sumber Manusia, PSDC merupakan entiti yang menyokong penuh agenda pembangunan tenaga mahir negara malah berpeluang berkongsi model, modul dan amalan terbaik dengan pusat latihan kemahiran negeri lain melalui platform-platform tersebut dalam memperkukuh standard TVET di Malaysia.

Ini membuktikan bahawa PSDC bukan sahaja berperanan sebagai pusat latihan berprestasi tinggi di Negeri Pulau Pinang malahan sebagai pusat rujukan dan pemindahan ilmu dalam pembangunan kemahiran di peringkat kebangsaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

13. Nyatakan usaha dan inisiatif bagi memastikan usahawan serta pemilik perniagaan tempatan kekal berdaya saing.

    (a) Apakah langkah menangani perusahaan warga asing di platform maya yang menjejaskan pendapatan rakyat tempatan?

    (b) Jelaskan kerjasama antara agensi bagi penguatkuasaan dan pemantauan aktiviti tersebut.

    (c) Nyatakan bentuk sokongan atau insentif digital untuk usahawan negeri.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Kerajaan Negeri Pulau Pinang kekal komited memastikan usahawan serta pemilik perniagaan tempatan berdaya saing, khususnya dalam menghadapi cabaran ekonomi digital dan persaingan global.

    Pendekatan ini dilaksanakan melalui pelbagai strategi pembangunan usahawan, pendigitalan perniagaan serta peluasan pasaran antarabangsa di bawah Portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar.

    Pelbagai inisiatif dilaksanakan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Digital Penang Sdn. Bhd., yang menumpukan kepada peningkatan kapasiti

keusahawanan, adaptasi teknologi digital serta memperkukuh ekosistem perniagaan tempatan.

Program seperti Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) membantu usahawan mikro dan kecil mengembangkan perniagaan melalui pembiayaan mikro serta bantuan peralatan. PDC turut membangunkan prasarana baharu seperti Waterfront Foodie @ Bayan Lepas, Kompleks Usahawan di Bandar Cassia, dan Unit Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Penang Science Park North sebagai ruang niaga moden dan pusat latihan keusahawanan.

Melalui Digital Penang, pelbagai program kesedaran digital dan latihan e-dagang dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran teknologi dan keupayaan perniagaan tempatan.

(a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa terhadap aktiviti perniagaan warga asing di platform maya kerana kuasa penguatkuasaan terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Jabatan Imigresen Malaysia, dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Namun, Kerajaan Negeri melalui agensi pelaksana memainkan peranan sokongan dengan menyalurkan maklumat dan aduan kepada agensi persekutuan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan usahawan tempatan melalui latihan dan kempen berkaitan pematuhan undang-undang perniagaan digital.

Langkah ini membantu memastikan usahawan tempatan bersaing secara sah dan beretika dalam ekosistem digital yang semakin kompetitif.

(b) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaksana berkaitan sentiasa bersedia menyokong dan menyalurkan maklumat kepada agensi persekutuan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi membantu tindakan susulan di bawah bidang kuasa mereka.

(c) Digital Penang menyediakan pelbagai bentuk sokongan digital bagi memperkukuh keupayaan usahawan negeri, antaranya:

(i) Market Access Grant dan Seed Grant – bantuan kewangan sehingga RM20,000 kepada syarikat pemula untuk pembangunan pasaran dan promosi produk;

(ii) MSME Level Up (MELUP) Programme – bimbingan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), dengan 20% peserta mencatat peningkatan hasil jualan sekurang-kurangnya 40%;

(iii) Program Akses Pasaran Antarabangsa – membuka peluang kolaborasi antara syarikat tempatan dan rakan perniagaan luar negara;

(iv) Latihan E-Dagang dan Pemasaran Digital – kerjasama dengan platform seperti TikTok, Lazada dan Shopee; dan

(v) Program Keselamatan Siber untuk PMKS – meningkatkan *cyber resilience* dan keselamatan transaksi dalam talian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

14. Nyatakan status semasa perancangan RTB Sungai Juru di Kampung Jalan Bahru dan RTB Sungai Derhaka di Kampung Pertama yang pernah dirancang untuk dilaksana sebelum ini.

    (a) Adakah projek ini masih dalam perancangan atau telah dibatalkan? Jika tidak, jelaskan.

    (b) Nyatakan sama ada terdapat perancangan baharu bagi kawasan terlibat.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Kawasan tadahan Kampung Jalan Bahru termasuk dalam Kajian Rekabentuk Terperinci Sistem Saliran Sungai Tok Kedili. Kajian ini masih di peringkat reka bentuk awalan. Manakala, Sungai Pertama (Sungai Derhaka) di Kampung Pertama adalah merupakan sebahagian daripada Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai Pakej 1 yang telah dilaksanakan sebelum ini.

    (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) akan meneruskan permohonan bagi pelaksanaan Projek RTB Sungai Perai Fasa 2 yang akan dikemukakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

    (b) Bagi pelaksanaan projek penaiktarafan sistem saliran Sungai Tok Kedili, permohonan peruntukan pelaksanaan

projek fizikal hanya akan dilaksanakan setelah kajian reka bentuk terperinci projek tersebut siap sepenuhnya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

15. Jelaskan pelaksanaan dan reka bentuk Projek Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua (JSD).

    (a) Perincikan garis masa bagi setiap fasa pembinaan.

    (b) Huraikan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang dirangka bagi mengurangkan kesan terhadap komuniti setempat sepanjang tempoh pembinaan dijalankan.

    (c) Lampirkan pelan reka bentuk penuh projek termasuk susun atur persimpangan utama.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos keseluruhan yang telah dimuktamadkan selepas Makmal Kajian Nilai (Value Assessment, VA) sebanyak RM2.908 bilion, melibatkan pembiayaan secara hibrid melalui peruntukan pembangunan, Dana Mudahcara Infrastruktur (DMI) dan sumbangan oleh PLUS Berhad. Kaedah ini telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024.

Projek ini melibatkan skop kerja seperti yang berikut:

(i) Laluan terus dari Juru ke Sungai Dua sepanjang 17.4 km
(ii) Laluan sedia ada 17.4 km dan persimpangan;
(iii) Membina baharu satu (1) plaza tol di susur masuk Persimpangan Jambatan Pulau Pinang ke *Mainline Express Lanes* (MEL), satu (1) plaza tol di susur keluar MEL ke Persimpangan East-West, satu (1) plaza tol di susur masuk dari Persimpangan East-West ke MEL serta menaik taraf Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
(iv) Meroboh dan membina semula dua (2) buah jejambat pejalan kaki sedia ada dan membina baharu dua (2) jejambat pejalan kaki di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
(v) Kerja geoteknik;
(vi) Perabot jalan;
(vii) Pembinaan sistem perparitan jalan;
(viii) Pengalihan utiliti; dan
(ix) Pengambilan tanah.

Projek ini dimulakan dengan pelaksanaan satu kajian trafik secara terperinci oleh Kementerian Kerja Raya khususnya bagi menangani isu kesesakan di laluan antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Kajian ini dijalankan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di 40 lokasi sepanjang jajaran tersebut bagi menganalisis aliran trafik sebenar dan merangka penyelesaian yang lebih berkesan serta mampan.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam beberapa siri mesyuarat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Berhad, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan (MOF) serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan tersebut, konsep penyuraian trafik telah dipersetujui yang merangkumi tiga (3) komponen utama, iaitu MEL, pembinaan Laluan Pengumpul dan Pengedar (Collector–Distributor Lanes, CDL), serta kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan laluan sedia ada.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa melalui lima (5) pakej utama, dengan tempoh pembinaan keseluruhan selama 48 bulan.

(a) Garis Masa dan Status Pelaksanaan:

(i) Makmal Kajian Nilai (Value Assessment): 24 – 28 Februari 2025
(ii) Lantikan Perunding Rekabentuk & Penyeliaan Tapak: 17 Julai 2025
(iii) Mula kerja fizikal (Pakej 1 – Naiktaraf East-West Interchange & Slip Ramp): November 2025
(iv) Mula kerja fizikal (Pakej 2–5 – MEL & CDL): Pertengahan tahun 2026
(v) Jangkaan siap projek: Jun 2030

(b) Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang dirangka bagi mengurangkan kesan terhadap komuniti setempat sepanjang tempoh pembinaan dijalankan adalah seperti berikut:

(i) Penyampaian makluman secara berkala melalui media sosial dan saluran rasmi kepada pengguna jalan mengenai maklumat terkini supaya pengguna jalan dapat membuat perancangan awal perjalanan;

(ii) Pemasangan papan tanda tunjuk arah sementara dan tetap dipasang di laluan utama dan laluan alternatif supaya pemandu dapat menyesuaikan haluan sebelum tiba di kawasan kerja;

(iii) Penempatan papan tanda di lokasi strategik dimana diletakkan pada jarak yang mencukupi sebelum kawasan kerja agar pengguna jalan mempunyai masa untuk menukar lorong atau haluan; dan

(iv) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala papan tanda secara rutin untuk memastikan ia kekal dalam keadaan baik, jelas kelihatan pada waktu siang dan malam, serta tidak dihalang oleh kerja-kerja pembinaan.

(c) Pelan reka bentuk penuh projek termasuk susun atur persimpangan utama adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

CADANGAN PENYURAIAN TRAFIK DI LEBUHRAYA PLUS DAN KAWASAN SEKITAR DI ANTARA JURU DAN SUNGAI DUA, PULAU PINANG ("PROJEK JSD")



Cadangan Projek - Skematik

Perbandingan antara jajaran yang sedia ada dan jajaran yang dicadangkan juga ditunjukkan di dalam Rajah



MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

20	Asia Youth Exchange Program-AYEP	JCI Elite	26 Julai-30 Julai 2024	Tunku Abdul Rahman University of Management & Technology	1414	RM1,000.00
21	Speakup - Triumphs Talk: Leaders Unleashed'	JCI United	4 Ogos 2024	Dewan Budaya USM Penang	400	RM2,000.00
22	NO Shame to Menstrual		29 Nov-1 Dis	Sekitar Pulau Pinang	1000	RM1,500.00
23	Teknik Asas Fotografi Menggunakan Telefon Pintar	IKRAM Muda Pulau Pinang	10 Ogos 2024	Dewan Makam Noordin, Masjid Kapitan Keling, Jalan Buckingham, George Town, Pulau Pinang	58	RM1,000.00
24	Anti Zina Anak Muda (A.Z.A.M)		1,3,9 & 11 Ogos 2024	7 buah sekolah menengah terpilih di Pulau Pinang (Kemaskini : SMK Bandar Baru Perda, SMK Permatang Pasir, Sekolah area Kepala Batas)	1,800	RM3,000.00
25	Entrepreneurs Teen		30 November 2024	Dewan Hidayah Centre Foundation Pulau Pinang	24	RM2,000.00
26	Program Jalinan Budi Belia MBDSPT Bersama Masyarakat	Majlis Belia Daerah SPT	11 Ogos 2024	SMK Permatang Pasir	80	RM2,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
27	Perubahan Inspirasi Belia untuk Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit	Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Pulau Pinang	11 Ogos 2024	Queensbay Mall	223	RM2,000.00
32	*Ambulance Awareness* EXPO		29 September 2024	Klippa, Batu Kawan	294	RM1,000.00
28	2024 Junior Chamber International Malaysia Akademi	JCI Tanjung Bunga	22-25 Ogos 2024	Lexis Suite Penang	88	RM4,000.00
29	Program Konvoi Bermotor Ziarah Kasih Tahun 2024	Gerakan 4B Belia Permatang Pauh	31 Ogos 2024	Kawasan parlimen Permatang Pauh	50	RM2,000.00
30	Program Kesukarelawanan Remaja : Membersihkan Pantai Bersih	Pertubuhan Generasi Muda Mutiara Pulau Pinang (GEMBIRA)	1 September 2024	Pantai Bersih	40	RM1,000.00
31	Kursus Pengenalan Pertolongan Cemas dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)	Persatuan Keturunan Ni Utara Semenanjung Malaysia	29 September 2024	Pejabat Persatuan Keturunan Ni Utara Semenanjung Malaysia	14	RM1,000.00
33	Program "1 Belia, 1 Darah" 2024	Gerakan Belia 4B Pulau Pinang	29 September 2024	8 Parlimen iaitu Kepala Batas, Tasek Gelugor, Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Batu Kawan, Nibong Tebal, Bayan Baru dan Tanjong.	200	RM5,500.00
34	Program Eksplorasi Jati Diri Kepimpinan Belia Seberang Perai Utara	Majlis Belia Daerah SPU	28 - 29 September 2024	Taman Negara,Teluk Bahang,Pulau Pinang	46	RM2,000.00
35	Kem JOTA-JOTI 2024 Daerah Bukit Mertajam	Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang	19-20 Oktober 2024	Pusat Kokurikulum Negeri Pulau Pinang	363	RM1,500.00
35 PROGRAM		**30 PERTUBUHAN/ PERSATUAN**			**11419**	**RM93,500.00**

DANA PEMBANGUNAN BELIA 2025

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
1	Bengkel TikTok Affiliate Madani	Kelab Belia MADANI Penanti	22/2/25	Dewan Yayasan Aman, Penanti	30	RM1,000.00
2	Projek Penempatan 2025 Tahap Emas Peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda	Kelab Belia Cergas Permatang Tinggi	27-31/7/2025	Pulau Aman, Pulau Pinang	10	RM2,000.00
3	Projek Penjelajahan Lasak 2025 Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda		2 - 5/4/2025	Sungai Sedim & Gunung Bintang, Kedah Darul Aman	14	RM1,000.00
4	*Escape To Lead*: Transformasi Pemimpin Muda	Kelab Belia Kampung Selamat Selatan	23/8/2025	Escape Penang	12	RM1,800.00
5	*CANVA MASTERCLASS: Turns Creativity Into Money*	Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (Negeri Pulau Pinang)	9/8/2025	Seberang Jaya	11	RM1,300.00
6	*World of Wonders (W.O.W)*	Persatuan Belia Harmoni Malaysia Pulau Pinang	10/5/25	Dewan Seminar SMI AL-IKRAM, Tasek Gelugor	36	RM2,000.00
7	Kursus Kepimpinan Melalui Tauladan 2025	Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Negeri Pulau Pinang	25-27/4/25	IKBN Bukit Mertajam ,Pulau Pinang	38	RM2,000.00
8	Majlis Apresiasi Majlis Belia Daerah Barat Daya	Majlis Belia Daerah Barat Daya	27/4/2025	White Resort Camp	100	RM3,000.00
9	Kursus Kepimpinan Dan Kesedaran Pencegahan Jenayah	Kelab Bell Belia Tamil Negeri Pulau Pinang	22-24/8/2025	USM Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal	243	RM3,000.00
10	*JCI Malaysia Area North Convention*	JCI Butterworth City	25-27/4/2025	Royale Chulan Hotel	290	RM2,500.00
11	*G6 Summit*	JCI Penang	26/7/2025	Komtar, Pulau Pinang	122	RM2,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
12	Program Kem Kepimpinan Pewaris Belia	Gerakan Belia 4B(M) Tasek Gelugor	27/9/2025	Tangga Pelangi, Berapit	60	RM1,000.00
13	Kem Latihan dan Ujian Pengakap Muda dan Remaja Daerah Georgetown Utara 2025	Persatuan Pengakap Tempatan Daerah Georgetown Utara	9/8/2025	SJK (C) Phor Thay, Pulau Pinang.	34	RM2,000.00
14	Eksplorasi ESD"*Empowering Youth For Sustainable Future*"	Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW)	26/7/2025	Politeknik Balik Pulau	80	RM1,000.00
15	Kem Kemahiran Komunikasi Kepimpinan Remaja	IKRAM Muda	15/4/25	Kem PERDA, Balik Pulau, Pulau Pinang	43	RM1,000.00
16	Kem Kemahiran Pengurusan Psikologi Remaja		20-21/4/25	Kem PERDA, Balik Pulau, Pulau Pinang	43	RM1,000.00
17	Pesta Tanglung 2025	Than Hsiang Buddhist Welfare Associaion Malaysia	4/10/25	Than Hsiang Temple	250	RM1,000.00
18	Kem Kepimpinan Belia Untuk Pelajar Sekolah Menengah		5-8/6/25	Than Hsiang Temple	120	RM2,000.00
19	Program Peningkatan Literasi Kewangan Belia	Pertubuhan Hakka Seberang Perai	22/6/2025	Pejabat Pertubuhan Hakka Seberang Perai	48	RM2,000.00
20	Pertandingan Kaligrafi Cina (Tulisan Pen & Tulisan Berus), Karangan dan Melukis (Lukisan Warna & Lukisan Berus Cina) Tahun 2025	Youth Section Hung Kung Association	19/3/2025, 21/9/2025	SM Persendirian Jit Sin, Bukit Mertajam	3022	RM2,000.00
21	Lawatan Ke Tech Dome Penang	Persatuan Keturunan Ni Utara Semenanjung Malaysia	7/9/25	Tech Dome	21	RM1,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
22	*BUDDY 2025*	Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang	3/5/2025 – 19/7/2025 (Setiap hari Ahad – 12 hari)	Tamarai 1 Stop Skills Learning Centre, Jalan Tokong Bagan Luar	30	RM1,000.00
23	Bengkel Latihan Fasilitator untuk Program Seni, Budaya dan Pendidikan	Persatuan Pendidikan Seni Pulau Pinang	25-31/8/2025	George Town	9	RM2,400.00
24	Perkemahan Kepimpinan Pemuda Pemudi 2025	Teoh Si Cheng Hoe Tong Youth Committee	31 Mei - 2 Jun 2025	SJKC Tar Thong Pulau Pinang	138	RM2,000.00
25	Kembara Belia Pulau Pinang ke Dataran Merdeka	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	13-14 Jun 2025	Pulau Pinang -> Kuala Lumpur	40	RM5,800.00
26	Program Tunas MADANI 30: Transisi Kepimpinan Belia		19-21 Sept 2025	Langkawi	40	RM4,700.00
27	Program Belia Menjejak Warisan : Sejarah Guar Kepah	Majlis Belia Daerah SPU	21/9/25	Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah Seberang Perai	50	RM1,000.00
28	Kem Seni Pertuturan Bahasa Cina Sekolah Menengah Kali Ke-2 Peringkat Negeri Pulau Pinang	Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Daerah Timur Laut	26-27/4/25	Pusat Belia KOMTAR	50	RM1,000.00
29	Pertandingan Seni Pertuturan Bahasa Cina Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Piala GBBM Ke-24 Peringkat Negeri Pulau Pinang		9/8/2025	Auditorium F, KOMTAR	36	RM1,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
30	Kontes Mewarna Kreatif Hari Kebangsaan Kali Ke-5 Peringkat Negeri Pulau Pinang	Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Cawangan Bukit Bendera	31/8/2025	Gurney Paragon	200	RM1,000.00
31	Kem Pembangunan Modal Insan	MIYC Pulau Pinang	23-25/5/2025	Kem White Resort	20	RM2,500.00
32	*The Rising Star(Creating the pathway to your dream)*	MIYC Mccallum	14/9/2025	Bilik Seminar, Ramakrishna Ashrama, Pulau Pinang	20	RM1,300.00
33	*The Power Of Unity*: Membina Pasukan Yang Hebat	JCI Bayan	16/8/25	Balai Bomba & Penyelamat Bayan Baru	30	RM5,000.00
34	*Penang's PKM Splendor Competition 2025*		May - July/2025	Pulau Pinang	300	
35	Konvensyen Nasional Junior Chamber International (JCI) Malaysia 2025		9-11/10/2025	St Giles Wembley Penang	1400	
36	*2025 Youth Skills Day*	JCI United Penang	22/6/2025	Kompleks Masyarakat Penyayang	400	RM2,000.00
37	*Bunny Hope 2.0*		Sepanjang Tahun 2025	Pulau Pinang	50	
38	*Triumph Talk 2.0: Public Speaking Competition*		Julai - Ogos 2025	Tiada Rekod	500	
39	Program Hari Keusahawanan Belia	Gerakan Belia 4B (M) Cawangan Tanah Liat	11/5/2025	Kawasan parlimen Permatang Pauh	100	RM1,000.00
40	Konvensyen Siswa 4B Pulau Pinang : Perlantikan Dan Pemantapan Kepimpinan	Gerakan Belia 4B(M) Pulau Pinang	13 – 15/6/2025	Taman Negeri Bukit Panchor	84	RM3,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
41	Youth Leadership and Volunteerism Camp 2025	Gerakan Belia 4B(M) Kawasan Permatang Pauh	4-5/10/25	SMK Penanti, Permatang Pauh	60	RM1,000.00
42	Projek Generasi P-30 Kawasan Tanjung	Gerakan Belia 4B(M) Tanjung	12-14/5/2025	SMK Datuk Hj Mohamed Nor Ahmad, SMT Tunku Abdul Rahman, dan SMK Abdullah Munshi.	150	RM1,000.00
43	Projek Generasi P-30 Batu Kawan	Gerakan Belia 4B Batu Kawan	26-28/5/2025	SMK Batu Kawan, SMK Bandar Tasek Mutiara, SMK Simpang Ampat	150	RM1,000.00
44	Projek Generasi P-30 Bukit Mertajam	Gerakan Belia 4B(M) Kawasan Bukit Mertajam	19-21/5/25	SMK Bukit Mertajam, SMK Bandar Baru Perda & SMK Permatang Rawa	150	RM1,000.00
45	Projek Generasi P-30 Bayan Baru	Gerakan Belia 4B (M) Kawasan Bayan Baru	5-7/5/2025	SMK Raja Tun Uda, SMK Sungai Ara, dan SMK Sungai Nibong.	150	RM1,000.00
46	Program Pembinaan Pasukan Ahli-Ahli Belia BSMM Cawangan Pulau Pinang	Persatuan Bulan Sabit Merah Negeri Pulau Pinang	21-22/6/2025	Pulau Pangkor	30	RM2,000.00
47	Kursus Kepengakapan Muda Remaja	Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang	9-11/5/2023	Pusat Kecemerlangan Pengakap Pulau Pinang (PUSKEP)	150	RM2,000.00
48	Program Sukarelawan Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Penyu Sedunia	Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Balik Pulau	23-24/5/2025	Pusat Konservasi Penyu, Pantai Kerachut, Taman Negara	60	RM2,000.00
49	Perkhemahan Lencana Jaya Diri Pengakap Remaja	Persekutuan Pengakap Malaysia Bayan Lepas	29-31/8/2025	SMK Seri Bayu	85	RM1,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
50	Malam Anugerah Skuad Antidadah Negeri Pulau Pinang Tahun 2025	Skuad Antidadah Negeri Pulau Pinang	1/11/2025	The Kapokasmara Centre, Bertam Putra, Kepala Batas	100	RM3,000.00
51	Retreat Kepimpinan Skuad Antidadah Daerah SPU Tahun 2025	Skuad Antidadah Daerah Seberang Perai Utara	18-19/10/ 2025	Resort & Homestay Sharina Art Spaces, Balik Pulau	30	RM1,500.00
52	Anti Zina Anak Muda (A.Z.A.M)	IKRAM Muda	10/8,20/8,10/9,20/9,10/10/25	Pulau Pinang	1000	RM1,000.00
53	Jom Jadi Wira		11/10/25	Pulau Pinang	50	RM1,000.00
54	Program Bakul Buah Mandarin	Gabungan Anak Pulau Pinang, Universiti Teknologi Malaysia	12/2/2025	Seluruh kampus UTM, Skudai, Johor	30	RM1,000.00
55	Program *Training For Trainers: Leading The Way*		12-13/4/2025	Pusat Latihan dan Kepimpinan UPNM, Negeri Sembilan	12	
56	Kem Agama Buddha "Step Out, Get Moving" Tahun 2025	Young Buddhist Association (YBAM)	5-7 Julai 2025	SMK Chung Ling	100	RM2,000.00
57	Bengkel Persediaan MUET	Pertubuhan Belia Liga Muslim	19 Julai 2025	Bangunan Liga Muslim	150	RM2,000.00
58	Kem Kepimpinan Belia	Persatuan Kang Har Tong Ooi Si Chong Soo	4-5 Oktober 2025	Hickory on Penang Hill	40	RM2,000.00
59	The Boys' Brigade in Malaysia Founder's Day 2025	Majlis Negeri Pulau Pinang Briged Putra Malaysia	11 Oktober 2025	Hotel Atrium, Sunshine Central	400	RM4,000.00
59 Program		**47 Persatuan/ Pertubuhan**			**11021**	**RM99,800.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

22. Huraikan tahap kesediaan kontinjen Pulau Pinang dalam menghadapi penyertaan SUKMA 2026 Selangor.

    (a) Perincikan jumlah acara dan jenis sukan yang akan disertai oleh kontinjen negeri.

    (b) Jelaskan perancangan persediaan atlet serta fasiliti latihan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

    (c) Nyatakan sasaran pencapaian pingat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kontinjen Negeri Pulau Pinang telah memulakan persiapan bagi menghadapi Sukan SUKMA 2026 selepas berakhirnya Sukan SUKMA 2024 di Sarawak. Sasaran yang diletakkan kini ialah bagi meraih 60 pingat emas dan menukar 50% pingat perak yang diperoleh pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas.

    (a) Sebanyak 36 jenis sukan akan disertai oleh kontinjen Negeri Pulau Pinang dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (b) Program persiapan Kontinjen Negeri Pulau Pinang ke SUKMA XXII Selangor 2026 telah dimulakan sejurus selepas berakhirnya penyertaan di Sukan SUKMA XXI Sarawak 2024. Sasaran utama Kontinjen Negeri Pulau

Pinang ialah untuk meraih 60 pingat emas dan menukar 50% pingat perak yang diperoleh pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) juga telah melaksanakan beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi Tinggi (JKPT) bagi menetapkan kriteria kelayakan serta mengenal pasti atlet yang berpotensi. Selain itu, MSNPP turut menyalurkan bantuan dana penyertaan dan penganjuran kejohanan kepada persatuan sukan negeri mengikut kelayakan masing-masing untuk membantu atlet mendapat pendedahan melalui penyertaan dalam kejohanan dan pada masa yang sama menilaikan prestasi atlet dari semasa ke semasa.

(c) Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah menetapkan bahawa setiap sukan perlu menyumbang sekurang-kurangnya satu pingat emas. Bagi sukan individu yang mempunyai banyak acara, mereka diminta untuk menyumbang lebih daripada satu pingat emas bagi memastikan sasaran Pulau Pinang berada dalam kelompok tiga (3) negeri terbaik secara keseluruhan tercapai.

Secara tidak langsung, Negeri Pulau Pinang dijangka mampu meraih 60 pingat emas serta menukar 50% daripada pingat perak yang diperoleh pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas dalam Sukan SUKMA 2026.

LAMPIRAN A

SENARAI LENGKAP 37 JENIS SUKAN YANG AKAN DISERTAI OLEH KONTIJEN NEGERI PULAU PINANG DI SUKAN SUKMA 2026

BIL.	JENIS SUKAN (SUKMA 2026 – SELANGOR)	KATEGORI / NOTA TAMBAHAN
1	Akuatik (Renang, Terjun, Polo Air, Renang Artistik)	4 disiplin dalam satu sukan
2	Angkat Berat	Individu
3	Badminton	Individu & Beregu
4	Tenis Meja (Ping Pong)	Individu & Beregu
5	Gimnastik Artistik / Gimrama	Individu
6	Golf	Individu & Berpasukan
7	Lawan Pedang (Fencing)	Individu & Berpasukan
8	Memanah	Individu & Berpasukan
9	Menembak	Individu & Berpasukan
10	Olahraga (Atletik)	Lintasan & Padang
11	Pelayaran	Terbuka lelaki & wanita
12	Hoki	Lelaki & Wanita
13	Judo	Individu
14	Taekwondo	Kyorugi & Poomsae
15	Karate	Kata & Kumite
16	Lawn Bowls	Berpasukan
17	Pencak Silat	Tunggal, Ganda, Regu
18	Sepak Takraw	Regu & Double
19	Skuasy	Individu & Berpasukan
20	Tenpin Boling	Individu & Berpasukan
21	Wushu	Taolu & Sanda
22	Bola Sepak	Lelaki & Wanita
23	Ragbi	Lelaki & Wanita
24	Bola Jaring	Wanita
25	Bola Keranjang	Lelaki & Wanita
26	Bola Tampar	Lelaki & Wanita
27	Tenis	Individu & Beregu
28	Berbasikal (Lebuhraya / Trek / MTB / BMX)	4 disiplin
29	E-Sukan	Sukan tambahan rasmi
30	Catur	Sukan tambahan rasmi
31	Kriket	Sukan tambahan rasmi
32	Kabaddi	Sukan tambahan rasmi

BIL.	JENIS SUKAN (SUKMA 2026 – SELANGOR)	KATEGORI / NOTA TAMBAHAN
33	Muay Thai	Sukan tambahan
34	Petanque	Sukan tambahan
35	Silambam	Sukan tambahan (tradisional India)
36	Bola Baling	
37	Sofbol	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

23. Apakah status pelaksanaan projek Penang Sports City?

    (a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan mutu sukan termasuk pembangunan fasiliti.

    (b) Jelaskan status keputusan Jawatankuasa Penganjuran KBS berhubung acara Sukan SEA 2027 yang ditawarkan kepada Pulau Pinang.

    (c) Nyatakan tahap persiapan Pulau Pinang sebagai tuan rumah bersama Sukan SEA 2027.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Bagi Projek Pembangunan Sport City Batu Kawan, tarikh tutup iklan adalah pada 7 April 2025 dan Projek Sport City Batu Kawan merupakan satu projek yang dilaksanakan melalui kaedah Request for Proposal (RFP) oleh Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP). Status semasa projek adalah sedang melalui proses penilaian dan masih dalam tempoh sah laku perolehan.

    (a) Bagi membangunkan dan meningkatkan mutu sukan di negeri ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya program persediaan menghadapi Sukan SUKMA dan Sukan SEA yang akan datang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Selain itu, sukan-sukan yang berpotensi menyumbang pingat juga ditambah peruntukan dan diketengahkan. Peralatan sukan ditambah baik serta beberapa fasiliti sukan dinaik taraf dan dibina baharu seperti asrama atlet di MSNPP, Kompleks Sukan Sony, menaik taraf Stadium Negeri dan Stadium Bandaraya Pulau Pinang serta beberapa projek lain.

(b) Bagi Sukan SEA 2027, keputusan awal Kementerian Belia Sukan (KBS) ialah bersetuju dengan Pulau Pinang sebagai penganjur Sukan Biliard dan Snuker. Namun, KBS melalui Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN 2027 serta Sekretariat Malaysia SEA GAMES Organising Committee (MASOC) 2027 masih belum memuktamadkan keputusan akhir bagi meletakkan beberapa sukan lain kepada Negeri Pulau Pinang.

(c) Negeri Pulau Pinang akan menjadi negeri penganjur Sukan Biliard dan Snuker dengan kos peruntukan berjumlah RM15 juta.

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan untuk menambah penganjuran sukan Sepak Takraw, Judo, Ping Pong dan Tinju di Pulau Pinang bersama-sama dengan Sukan Snuker & Biliard. Namun, penetapan sukan-sukan tersebut masih belum dimuktamadkan sehingga keputusan penerimaan sukan diputuskan oleh Persekutuan Sukan Asia Tenggara (Southeast Asian Games Federation). Kerajaan Negeri tidak mensasarkan sebarang pembinaan baharu dan akan mengguna pakai kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di negeri ini.

Sekretariat Penganjuran Tempatan Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Sukan SEA 2027 sedang dalam proses penubuhan dengan tujuan menyelaras segala urusan berkaitan penganjuran temasya tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

24. Nyatakan tindakan dan langkah pencegahan bagi menangani penularan wabak influenza di Pulau Pinang, khususnya di sekolah, tadika dan institusi pendidikan.

    (a) Nyatakan statistik kes mengikut DUN dan daerah.

    (b) Jelaskan langkah intervensi bersama agensi berkaitan.

    (c) Nyatakan bantuan atau garis panduan khas kepada institusi pendidikan terlibat.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sentiasa memantau *trend* aktiviti influenza dan wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada serta mengenal pasti lokasi yang menjadi *hotspot* bagi masalah ini di Pulau Pinang khususnya di institusi pendidikan.

    Dengan itu, langkah-langkah utama yang diambil oleh JKNPP adalah bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Penerangan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan pihak lain bagi mengekang peningkatan kes influenza. Hebahan kepada masyarakat turut dilaksanakan melalui media massa dan media sosial.

Institusi pendidikan yang mempunyai kes influenza pula akan berhubung terus dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi memantau dan memastikan keadaan dalam terkawal dan selamat.

(a) Buat masa ini, JKNPP tidak mempunyai data rasmi mengenai jumlah pelajar yang telah disahkan dijangkiti sejak awal tahun 2025 hingga kini mengikut daerah dan kategori sekolah. Walau bagaimanapun, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan bagi tahun 2025 di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas dan pesakit yang menghidap penyakit kronik memerlukan rawatan lanjut di hospital.

(b) JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk Influenza melalui langkah-langkah berikut:

(i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;

(ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan kendiri dan tanggungjawab bersama;

(iii) Pihak sekolah disarankan untuk membuat laporan awal kepada PKD berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

(iv) Ibu bapa perlu memastikan bahawa anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema atau batuk sebelum menghantar mereka ke sekolah; dan

(v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

(c) Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, pihak JPNPP telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di institusi pendidikan.

Manakala untuk golongan warga emas yang berisiko tinggi, program imunisasi pemberian vaksin Influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

25. Terangkan strategi pelaksanaan program perumahan mampu milik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

    (a) Jelaskan status pelan *zero-entry cost* bagi kumpulan B40.

    (b) Nyatakan langkah segera untuk menangani isu kualiti pembinaan serta projek sakit atau terbengkalai.

    (c) Adakah terdapat perancangan khusus untuk membangunkan perumahan mampu milik bumiputera?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dan prihatin terhadap keperluan rakyat, khususnya dalam memastikan setiap isi rumah di negeri ini berpeluang memiliki kediaman sendiri. Bagi memperkukuh keberkesanan pelaksanaan Program Perumahan Mampu Milik yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu), Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan beberapa inisiatif utama seperti berikut:

    (i) Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pemurnian data dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) bagi memastikan semua pemohon berdaftar mempunyai status aktif dan memenuhi kelayakan untuk ditawarkan satu (1) unit

RMKu. Langkah ini dilaksanakan melalui kaedah baharu, iaitu pelaksanaan Program *Outreach* dan Hari Bertemu Pelanggan LPNPP yang akan diadakan pada setiap suku tahun mengikut daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang;

(ii) Penawaran unit-unit RMKu dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan/ *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE). Melalui pelaksanaan Mesyuarat HOPE ini, proses tawaran rumah mampu milik dapat dijalankan dengan lebih telus, teratur dan berkesan, dengan mengambil kira status pemohon yang aktif serta memenuhi syarat kelayakan untuk ditawarkan satu (1) unit rumah mampu milik di bawah Program RMKu;

(iii) Penawaran RMKu turut dilaksanakan melalui Skim Sewa Beli (Rent to Own – RTO). Bagi pemohon yang tidak berjaya mendapatkan pembiayaan perumahan sebanyak tiga (3) kali atau lebih bagi memiliki unit RMKu melalui kaedah jual beli biasa, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan unit-unit di bawah Skim RTO, di mana pembiayaan adalah terikat dengan LPNPP untuk tempoh 15 tahun. Walau bagaimanapun, setiap penawaran di bawah skim ini akan dibuat tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri;

(iv) Pada peringkat awal pelaksanaan, hanya lima (5) kategori RMKu diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang, iaitu RMKu Jenis A, B, C1, C2 dan C3. Namun demikian, dengan mengambil kira keperluan semasa serta pelbagai faktor sosioekonomi, Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah memperkenalkan dua (2) kategori baharu iaitu RMKu Jenis B2 dan RMKu Jenis D. RMKu Jenis B2 diperkenalkan selaras dengan Visi Pembangunan Perumahan Inklusif MADANI (PIM) Kerajaan Perpaduan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, serta bertepatan dengan Manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023. Kategori ini menawarkan rumah dengan harga jualan maksimum RM100,000.00 dan keluasan 750 kaki persegi (tanpa kemasan). Penambahan kategori ini bertujuan untuk mengisi jurang antara RMKu Jenis B (harga maksimum RM72,000.00)

dan RMKu Jenis C1 (harga maksimum RM150,000.00). Pelaksanaannya dijangka memberi manfaat kepada golongan belia B40 dan M40 yang baru berkeluarga, khususnya mereka yang berpendapatan isi rumah antara RM3,500.00 sehingga RM8,000.00. Sementara itu, RMKu Jenis D diperkenalkan melalui Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah dan Pemilikan Rumah Inklusif MADANI (MADANI Home Ownership Campaign) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 14 Tahun 2025 pada 7 Mei 2025 dan disahkan pada tarikh yang sama. Pelaksanaan kategori ini adalah bagi tempoh satu (1) tahun bermula pada 1 Jun 2025 hingga 31 Mei 2026 dengan harga jualan maksimum RM400,000.00 dan keluasan minimum 950 kaki persegi (dengan kemasan). Kategori RMKu Jenis D ini tidak dibenarkan dibuka kepada pasaran terbuka serta tidak boleh digunakan bagi tujuan pematuhan pembangunan bercampur.

(a) Pelan *Zero-Entry Cost* bagi kumpulan B40 masih belum diwujudkan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Namun demikian, konsep pelaksanaan pelan tersebut telah mula diterapkan oleh PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) semasa Karnival Kesihatan & Kebajikan Bagan, Butterworth yang dianjurkan oleh Pusat Khidmat KADUN Bagan Dalam dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Bagan pada 4 Mei 2025. Inisiatif tersebut bertujuan untuk mempromosikan penjualan dua (2) buah projek perumahan, iaitu Projek Dua Residensi dan Jiran Residensi, di mana deposit sebanyak 10% ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju, manakala pembeli hanya perlu mendapatkan pembiayaan bagi baki 90% daripada harga jualan rumah.

Selain itu, melalui Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah dan Pemilikan Rumah Inklusif MADANI (MADANI Home Ownership Campaign – MOC) yang berkuat kuasa mulai pada 1 Jun 2025 sehingga 31 Mei 2026, pihak pemaju turut digalakkan untuk menyertai skim pemilikan mudah (easy ownership scheme), di mana 10% wang pendahuluan akan didahulukan oleh pemaju bagi membantu meringankan beban kewangan pembeli rumah, khususnya dalam kalangan kumpulan B40 dan M40.

(b) Langkah segera untuk menangani isu kualiti pembinaan serta projek sakit atau terbengkalai di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Pemantauan Kualiti Pembinaan – Kualiti projek perumahan mampu milik dipantau melalui penilaian *Quality Assessment System in Construction* (QLASSIC) dengan skor minimum 70% bagi memastikan tahap kualiti pembinaan memuaskan dan menepati piawaian yang ditetapkan;

(ii) Pemeriksaan Akhir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – PBT bersama agensi teknikal berkaitan akan menjalankan pemeriksaan akhir (final inspection) sebelum Sijil Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance – CCC) dikeluarkan;

(iii) Maklumat Projek Sakit Berdasarkan Sistem *Transforming & Empowering Data Usage in Housing* (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) – Berdasarkan data Sistem TEDUH terdapat dua (2) buah projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek sakit iaitu Pangsapuri Quinton dan Pangsapuri Sri Bayu yang dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini telah mengalami kelewatan melebihi 30% dari jadual asal serta tempoh Perjanjian Jual Beli;

(iv) Pelantikan Pemaju Penyelamat (White Knight) – Bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik pemaju penyelamat (White Knight) untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan agar projek dapat disiapkan dan kepentingan pembeli terpelihara; dan

(v) Peranan KPKT – KPKT merupakan agensi bertanggungjawab terhadap pemantauan dan penyelarasan projek sakit atau terbengkalai di seluruh negara. Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan KPKT akan terus diperkukuh bagi memastikan

tindakan pemulihan dilaksanakan secara berkesan demi melindungi hak dan kepentingan pembeli rumah.

(c) Pada masa ini, tiada perancangan khusus untuk membangunkan perumahan mampu milik khusus bagi Bumiputera memandangkan setiap projek perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah ditetapkan mengikut agihan kuota Bumiputera yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, tawaran perumahan mampu milik akan terus dilaksanakan berdasarkan pembahagian dan pengagihan kuota yang ditetapkan selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030) seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PEMBAHAGIAN DAN PENGAGIHAN KUOTA SELARAS DENGAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2030 (RSN2030)

JENIS KEDIAMAN	KAUM		
	Melayu (Bumiputera)	India	Cina dan Lain-lain
Rumah Kos Rendah (RMKu A – RM42,000.00)	50%	15%	35%
Rumah Kos Sederhana Rendah (RMKu B – RM72,500.00)	40%	10%	50%
Rumah Mampu Milik (RMKu C – RM150,000.00 – RM300,000.00)	40%	10%	50%

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan pelaksanaan cukai hartanah kosong (*vacant property tax)* di Pulau Pinang.

    (a) Adakah kajian awal atau pelan pelaksanaan sedang dijalankan?

    (b) Apakah kriteria dan mekanisme pengesanan hartanah kosong yang dicadangkan?

    (c) Bagaimanakah hasil cukai ini dijangka dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat dan pasaran perumahan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan *Vacant Property Tax* (VPT) di bawah struktur percukaian tanah sedia ada di Pulau Pinang buat masa ini. Walaupun VPT ini ada dilaksanakan di luar negara, Kerajaan Negeri berpandangan struktur cukai tanah dan cukai petak strata sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu tanah-tanah kosong dan terbiar milik persendirian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

27. Huraikan status terkini projek perumahan Kampung Bagan Serai, Seberang Jaya.

    (a) Nyatakan jumlah isi rumah terlibat dan bilangan unit bakal dibina berdasarkan perancangan terkini.

    (b) Jelaskan mengenai status bayaran pampasan bulanan kepada penduduk. Jika dihentikan, mengapa?

    (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan penduduk asal menikmati kediaman baharu yang dijanjikan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Projek perumahan di Kampung Bagan Serai, Seberang Jaya merupakan projek yang dibangunkan oleh Tetuan JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) yang kini sedang dalam memuktamadkan perjanjian usaha sama pembangunan bersama pihak Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB), iaitu anak syarikat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Cadangan pembangunan secara usaha sama ini akan dimuktamadkan setelah laporan kajian kebolehlaksanaan pembangunan diperoleh kelak iaitu dijangka selewat-lewatnya pada Disember 2025.

    (a) Berdasarkan rekod JKPSB, terdapat sebanyak 117 buah keluarga yang terlibat dalam projek ini. Manakala, jumlah

akhir unit yang bakal dibina akan ditentukan setelah konsep pembangunan diperakukan oleh pihak berkuasa berkaitan.

(b) Sehingga September 2025, Tetuan JKPSB tidak pernah menghentikan bayaran pampasan bulanan kepada penduduk setinggan yang terlibat. Bagi tahun 2025, bayaran pampasan bulanan bagi tempoh sehingga Disember 2025 telah pun dikreditkan sepenuhnya ke akaun isi rumah yang berkenaan.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dan proaktif dalam memantau pelaksanaan projek ini secara menyeluruh bagi memastikan setiap penduduk asal menikmati hak kediaman baharu mereka sebagaimana yang telah dipersetujui, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjamin kebajikan serta kesejahteraan rakyat secara berterusan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

28. Nyatakan status semasa pemegang lesen syarikat pengeluar Beras Cap Feri di Pulau Pinang.

    (a) Adakah tempoh lesen pengeluar tersebut disambung dan kekal beroperasi atau akan dipertimbangkan syarikat yang lain?

    (b) Huraikan hala tuju pengukuhan penggunaan padi tempatan dan perancangan Kerajaan Negeri terhadap Beras Cap Feri bagi tahun 2026 dan seterusnya.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. (a) Lesen serta tempoh operator Beras Cap Feri iaitu Syarikat Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd. dikeluarkan oleh pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB). Syarikat berkenaan masih dibenarkan untuk menjadi pengeluar Beras Cap Feri serta masih aktif beroperasi sehingga kini. Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang peruntukan kepada pihak operator Beras Cap Feri.

    (b) Tujuan Kerajaan Negeri mewujudkan Beras Cap Feri pada tahun 2024 adalah untuk memberi pilihan beras yang berkualiti serta harga yang lebih rendah di antara jenama beras import dalam pasaran serta memastikan kecukupan beras untuk kegunaan rakyat terutamanya di Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, bagi menghasilkan produk Beras Cap Feri dengan menggunakan beras putih tempatan tanpa bantuan subsidi daripada kerajaan untuk tujuan jualan dengan harga kawalan iaitu sebanyak RM2.60/kilogram akan diselaraskan melalui keputusan dan pertimbangan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkenaan subsidi serta harga jualan beras putih tempatan kelak.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XIX)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH

29. Jelaskan status perancangan pelaksanaan teknologi penanaman padi ratun di Negeri Pulau Pinang.

    (a) Nyatakan lokasi-lokasi yang dicadangkan untuk menjalankan projek perintis ini.

    (b) Apakah kajian telah dijalankan berkenaan hasil awal dari segi jumlah tuaian dan kos pengeluaran?

    (c) Adakah Kerajaan Negeri akan memperluas projek ini ke daerah lain sekiranya berjaya?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. (a) Projek rintis padi ratun ini akan dijalankan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Seberang Perai dengan melibatkan keluasan penanaman seluas satu (1) ekar.

    (b) Dapatan kajian dari segi jumlah tuaian dan kos pengeluaran masih belum diperolehi. Kajian kebolehlaksanaan teknologi ini akan dijalankan secara projek rintis di MARDI Seberang Perai selama dua (2) musim iaitu bermula Musim 1/2026 pada April 2026.

(c) Kerajaan Negeri sentiasa komited terhadap projek yang meningkatkan keterjaminan makanan negara. Sekiranya projek ini memberi dapatan yang positif dari segi pengeluaran hasil dan mengurangkan kos input dan operasi, ia boleh diperkenalkan dan dipraktikkan oleh pesawah di Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

1. Apakah status pelaksanaan Garis Panduan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Pulau Pinang?

   (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah baik proses kelulusan bagi rumah ibadat yang telah lama beroperasi tetapi belum mempunyai status tanah kekal?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Pada masa ini, Garis Panduan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sedang dalam peringkat penyediaan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PlanMalaysia) dan masih menunggu kelulusan rasmi daripada Jemaah Menteri sebelum dapat digunapakai secara sah oleh semua Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif melalui Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam dengan menggunakan draf garis panduan tersebut sebagai rujukan sementara. Inisiatif ini dilaksanakan untuk memastikan penilaian bagi setiap permohonan baharu pembangunan RIBI dan kes sedia ada dapat dilakukan secara teratur. Dengan pendekatan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memastikan bahawa semua permohonan pembangunan atau pewartaan RIBI sentiasa selaras dengan dasar perancangan fizikal dan sosial negeri.

   (a) Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha menambah baik prosedur dan tatacara sedia ada berkaitan proses kelulusan serta pengesahan status tanah bagi rumah ibadat yang telah

lama beroperasi. Melalui Jawatankuasa Penyelarasan RIBI,pelbagai langkah sedang diteliti termasuk penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) permohonan, penyelarasan antara agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pertimbangan kaedah penyerahan tanah yang lebih praktikal. Usaha ini diharap dapat mempercepatkan penyelesaian isu pewartaan dan pemberimilikan tanah bagi RIBI yang telah wujud sekian lama demi menjamin keharmonian dan kesejahteraan masyarakat majmuk di negeri ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

2. Apakah rancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri untuk menangani kesesakan trafik di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah terutamanya sepanjang Jalan Perusahaan Auto City dan Jalan Bukit Tengah yang sering padat pada waktu puncak?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan kesesakan lalu lintas di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah terutamanya sepanjang Jalan Perusahaan (Auto City) dan Jalan Bukit Tengah yang sering padat pada waktu puncak. Bagi pelan jangka masa pendek menangani kesesakan trafik di kawasan tersebut, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) sentiasa akan memastikan pemasangan papan tanda yang mencukupi dan maklumat tepat agar pengguna tidak keliru atau tersilap jalan, sekali gus mengelakkan hambatan *bottleneck* atau punca kesesakan tambahan.

   Bagi perancangan jangka masa panjang pula, JKRPP mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Bukit Tengah (Jalan Persekutuan). Projek telah diangkat untuk permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) kepada Kementerian Kerja Raya (KKR). Selain itu, JKRPP kini juga dalam peringkat reka bentuk akhir oleh perunding dan perlaksanaan pelan pengambilan balik tanah bagi projek penaiktarafan Jalan Kebun Nenas.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

3. Berikutan peningkatan kes keganasan di sekolah-sekolah kebelakangan ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkukuh keselamatan dan kesejahteraan pelajar di sekolah-sekolah di Pulau Pinang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap sebarang insiden keganasan dan salah laku buli yang berlaku di sekolah-sekolah di negeri ini. Bagi memastikan keselamatan serta kesejahteraan pelajar sentiasa terjamin, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan secara bersepadu di semua peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan agensi penguatkuasaan luar.

   Antara langkah-langkah utama yang diambil ialah seperti berikut:

   (a) Pelaksanaan Garis Panduan Rasmi KPM (SPI Bil. 12 Tahun 2023);

      (i) Semua sekolah di Pulau Pinang diwajibkan mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil. 12/2023 : Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah KPM;

      (ii) Garis panduan ini menjelaskan dengan terperinci tatacara siasatan, tindakan disiplin, intervensi dan pelaporan kes keganasan atau buli secara telus,

berstruktur dan bebas daripada campur tangan mana-mana pihak; dan

(iii) Semua kes direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM)/Sistem Pengurusan Sahsiah dalam IDMe/MOEIS dan dipantau oleh Sektor Pembangunan Murid JPNPP.

(b) Penglibatan Agensi Penguat Kuasa;

(i) Bagi kes yang mempunyai elemen jenayah, pihak sekolah diwajibkan memaklumkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan siasatan dijalankan secara profesional dan telus; dan

(ii) Kerjasama dengan agensi seperti Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan PWDC (Penang Women's Development Corporation) turut dijalankan bagi tujuan pencegahan dan pendidikan kesedaran sivik.

(c) Program Pencegahan dan Pendidikan Anti Buli;

JPNPP bersama PPD dan sekolah telah melaksanakan pelbagai program kesedaran dan pencegahan secara berterusan, antaranya:

(i) Program "Gerakan Kepimpinan Madani: Hentikan Salah Laku Buli dan Seksual" (2024–2025) di semua 396 buah sekolah di Pulau Pinang;

(ii) Kempen "Kami Benci Buli" yang dijalankan sepanjang tahun di sekolah melalui perhimpunan pagi dan aktiviti murid;

(iii) Program "Town Hall Discussion : Benci Buli – Cegah dan Lawan" (25 September 2025) di Dewan Sri Pinang;

(iv) Program "Town Hall Tribunal Antibuli: #GenerasiTanpaBuli" (25 September 2025) anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JPM dan JPNPP;

(v) Kempen Pencegahan Buli semasa Penang2030 Festival KOMTAR 2025; dan

(vi) Pemasangan banting, poster dan banner anti buli di semua sekolah.

(d) Pemantauan dan Pemeriksaan "Terjah Asrama";

(i) Dilaksanakan oleh pegawai JPNPP, PPD, dan PDRM secara lawatan mengejut (*spot check*) di semua sekolah berasrama;

(ii) Pemeriksaan memberi tumpuan kepada aspek keselamatan, disiplin, kebajikan dan pematuhan SOP asrama; dan

(iii) Program ini turut mendidik warden dan penghuni asrama tentang budaya "asrama selamat, beradab dan bebas buli."

(e) Pelaksanaan Program Duta Sahsiah & Kit Duta Sahsiah;

(i) Dilancarkan secara serentak di seluruh negeri Pulau Pinang pada 25 November 2024, melibatkan 396 buah sekolah;

(ii) Program ini bertujuan memupuk kepimpinan murid dan rakan sebaya sebagai ejen perubahan sahsiah positif di sekolah; dan

(iii) Duta Sahsiah turut memainkan peranan sebagai mentor untuk mengesan dan membantu rakan yang berisiko terlibat dalam salah laku atau keganasan.

(f) Penggunaan Data Sahsiah untuk Intervensi Awal;

(i) Semua sekolah diwajibkan merekod amalan baik dan salah laku murid dalam sistem SSDM atau IDMe (MOEIS);

(ii) Tujuan utama adalah untuk pemantauan perkembangan sahsiah, intervensi awal, dan pengiktirafan murid berkelakuan baik, bukan untuk ganjaran atau anugerah semata-mata; dan

(iii) Data ini juga menjadi asas kepada penyediaan program intervensi sahsiah dan pencegahan buli oleh JPNPP dan KPM.

(g) Pengukuhan Keselamatan Fizikal dan Pengurusan Asrama;

(i) Audit keselamatan dan kebajikan asrama dilaksanakan secara berkala;

(ii) Pemasangan CCTV di asrama-asrama terpilih telah diperluaskan dengan peruntukan daripada KPM serta inisiatif sekolah;

(iii) Lantikan warden mengikut kadar ditetapkan oleh KPM dan semua warden mengikuti kursus pengurusan asrama untuk meningkatkan profesionalisme; dan

(iv) Penetapan KPI pengisian asrama pada tahap 80% sebagai galakan kepada pihak sekolah menyediakan persekitaran kondusif dan selamat.

Melalui pelaksanaan menyeluruh SPI Bil. 12/2023, pemantauan berterusan, kolaborasi strategik dengan agensi luar, dan pengukuhan program sahsiah murid seperti Duta Sahsiah, JPN Pulau Pinang komited memastikan semua sekolah di negeri ini kekal sebagai institusi pendidikan yang selamat, beradab dan bebas daripada sebarang bentuk keganasan atau buli.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

4. Adakah Kerajaan Negeri akan memperluas inisiatif 'Zon Sekolah Selamat' termasuk pemasangan kamera pemantau (CCTV) dan lampu amaran di kawasan sekolah dalam KADUN Bukit Tengah?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha secara berperingkat untuk memperluas inisiatif "Zon Sekolah Selamat" di seluruh negeri termasuk dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah.

   Tindakan untuk menambah baik keselamatan di kawasan sekolah seperti pemasangan kamera pemantau (CCTV) dan lampu amaran sedang dipertimbang untuk dilaksanakan berdasarkan permohonan daripada pihak sekolah dan Jawatankuasa Tetap Lalu lintas dan Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Cadangan penambahbaikan tersebut akan diteliti dan dilaksanakan mengikut keutamaan dan peruntukan sedia ada.

   Selain itu, pada 23 Oktober 2023, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta untuk pemasangan CCTV pada sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara sebagai sebahagian daripada sebelas (11) langkah keselamatan tambahan untuk mencegah kejadian tidak diingini.

Terdapat juga rancangan untuk menghubungkan sistem CCTV yang dipasang di sekolah secara terus dengan rangkaian pemantauan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membolehkan pengawasan masa nyata dan tindak balas yang lebih pantas terhadap insiden.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan pusat komuniti atau pusat aktiviti warga emas di Bukit Tengah memandangkan kawasan ini mempunyai populasi penduduk matang yang semakin meningkat?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Buat masa ini, tiada cadangan untuk menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Bukit Tengah. Penubuhan PAWE adalah bergantung kepada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun. Sebarang cadangan penubuhan PAWE baharu hanya dapat dipertimbangkan sekiranya terdapat peruntukan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan. Setakat ini, terdapat dua (2) buah PAWE di Daerah Seberang Perai Tengah iaitu PAWE Permatang Pauh dan PAWE Bukit Mertajam.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

6. Apakah langkah terkini Kerajaan Negeri dalam mengawal pencemaran sungai dan udara akibat pelepasan industri berat di Pulau Pinang terutamanya kawasan Bukit Tengah?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Bagi memastikan kawalan pencemaran dijalankan dengan berkesan di kawasan Bukit Tengah, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap industri dan sistem kumbahan seperti operasi bersepadu bersama agensi berkaitan, siasatan segera terhadap aduan awam, rondaan berkala di kawasan berisiko serta pemeriksaan berjadual ke atas premis industri.

   Dari segi pengawasan pula, pemantauan kualiti air sungai dilaksanakan melalui program *Environmental Quality Management Plan (*EQMP*)*, dan data yang diperoleh dilaporkan kepada pihak berkepentingan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar.

   Selain itu, program pendidikan dan kesedaran turut dijalankan oleh JAS melalui kempen bersama pelbagai pihak bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

   Di samping itu, JAS Pulau Pinang turut membantu JAS Putrajaya dalam pelaksanaan Kajian Pembangunan *Total Maximum Daily*

*Load (*TMDL*)* Sungai Perai sebagai usaha memperkukuh pengurusan alam sekitar secara holistik.

Pada peringkat perancangan, kawalan dilaksanakan melalui pengawalseliaan projek-projek yang tertakluk kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), penyediaan ulasan bertulis bagi Penilaian Awal Tapak (PAT), serta pemprosesan notifikasi alat kawalan pencemaran dan loji pengolahan efluen bagi memastikan pematuhan kepada piawaian yang ditetapkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah laluan Rapid On-Demand atau perkhidmatan "feeder bus" untuk kawasan industri dan perumahan di Seberang Perai terutamanya kawasan Bukit Tengah bagi mengurangkan kesesakan dan memudahkan pengguna pengangkutan awam?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memperkukuh akses pengangkutan awam melalui pendekatan bersepadu, kecekapan operasi dan impak terhadap kesesakan lalu lintas serta sentiasa bekerjasama dengan pihak operator tunggal di Pulau Pinang iaitu Rapid Penang.

   Terkini, terdapat dua laluan bas Rapid Penang yang beroperasi di kawasan Bukit Tengah iaitu:

   (a) 801: Nibong Tebal – Penang Sentral

   (b) 802: Nibong Tebal – Bukit Mertajam

    (a) Adakah mana-mana hospital tersebut sedang beroperasi melebihi kadar optimum 85% seperti disyorkan oleh KKM?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Berikut adalah kadar penggunaan katil di hospital (Bed Occupancy Rate, BOR) bagi tahun 2025 (sehingga September) di hospital di Pulau Pinang:

Hospital	Kadar Penggunaan Katil Di Hospital (%)
Hospital Pulau Pinang	69.89
Hospital Seberang Jaya	106.57
Hospital Bukit Mertajam	75.51
Hospital Kepala Batas	90.13
Hospital Sungai Bakap	55.05
Hospital Balik Pulau	44.81

(a) Melalui data purata kadar penggunaan katil di hospital bagi tahun 2025 (Sehingga September), terdapat 2 buah hospital yang beroperasi melebihi kapasiti BOR 85% iaitu Hospital Seberang Jaya dan Hospital Kepala Batas.

Antara faktor perkara ini berlaku adalah kerana kedatangan pesakit dan rujukan dari negeri luar (Selatan Kedah dan Perak Utara) kepada hospital tersebut. Selain itu, terdapat juga peningkatan penduduk secara keseluruhannya di daerah Seberang Perai dengan adanya kawasan-kawasan perumahan mampu milik baru yang telah dibuka.

Kekurangan hospital swasta di kawasan yang berdekatan juga menjadi salah satu faktor utama yang menjadikan kedua-dua hospital tersebut terpaksa menerima lebih banyak pesakit berbanding hospital lain di Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

14. Berapakah jumlah katil hospital yang ada dalam setiap hospital kerajaan di Pulau Pinang mengikut kelas wad (Kelas 1, 2, 3)?

    (a) Bagaimana nisbah katil hospital kerajaan kepada populasi (*beds per 1,000 population*) di Pulau Pinang dibandingkan dengan purata kebangsaan serta piawaian WHO?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Kebanyakkan Hospital Kerajaan di Negeri Pulau Pinang hanya mempunyai Wad Kelas 3 sahaja. Namun, bagi Hospital Pulau Pinang, terdapat Wad Kelas 1, Wad Kelas 2 dan juga Wad Kelas 3. Perincian bagi jumlah kesemua Jenis Wad Kelas di Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Keseluruhan jumlah katil rasmi di seluruh Pulau Pinang adalah sebanyak 2,129 buah. Anggaran populasi penduduk di Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah sebanyak 1.8 juta penduduk. Dengan menggunakan piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 29 katil hospital per 10,000 penduduk, Pulau Pinang memerlukan sekitar 5,221 katil dibandingkan 2,129 yang sedia ada sekarang. Ini menunjukkan kapasiti bagi jumlah katil sedemikian adalah hanya sekitar 41% dari keperluan mengikut piawaian WHO.

LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL, WAD KELAS DAN JUMLAH KATIL YANG TERSEDIA

Hospital	Wad Kelas 1 (Jumlah Katil)	Wad Kelas 2 (Jumlah Katil)	Wad Kelas 3 (Jumlah Katil)	Jumlah
Hospital Pulau Pinang	32	11	1120	1,163
Hospital Balik Pulau	0	0	72	72
Hospital Kepala Batas	0	0	134	134
Hospital Seberang Jaya	0	0	413	413
Hospital Bukit Mertajam	0	0	242	242
Hospital Sungai Bakap	0	0	105	105
JUMLAH KESELURUHAN				**2,129**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

15. Selain isu kepadatan wad, apakah cabaran lain yang dikenal pasti dalam sistem kesihatan awam di Pulau Pinang seperti:-

    (i) Kekurangan kemudahan primer;

    (ii) Kekangan tenaga kerja;

    (iii) Peningkatan beban penyakit (NCD) serta penuaan penduduk; dan

    (iv) Ketidakseimbangan antara sektor awam dan swasta, kesan pelancongan kesihatan.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. (i) Cabaran utama kemudahan kesihatan primer di Pulau Pinang ialah ruang yang terhad dan taburan fasiliti yang tidak seimbang. Sebahagian fasiliti tidak mempunyai ruang rawatan yang mencukupi untuk menampung peningkatan pesakit serta penambahan skop perkhidmatan kesihatan awam. Oleh itu, perancangan semula melalui naik taraf atau penggabungan fasiliti perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan penduduk setempat;

    (ii) Cabaran tenaga kerja kesihatan di Pulau Pinang ialah kekurangan pegawai perubatan dan jururawat menyebabkan beban kerja staf berlebihan yang akan menjejaskan keberkesanan dan kesejahteraan tenaga

kerja. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengemaskini garis panduan dan dalam tindakan untuk melaksanakan penyusunan semula penempatan staf di setiap jenis klinik kesihatan bagi memastikan agihan staf yang lebih optimum;

(iii) Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling cepat menua di Malaysia, dengan peningkatan ketara warga emas dan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, hipertensi, penyakit jantung dan kanser yang memerlukan rawatan jangka panjang. Kekurangan pakar geriatrik dan jururawat terlatih turut menjejaskan kualiti perkhidmatan kesihatan, manakala sokongan sosial dan kemudahan kaunseling komuniti masih rendah dan terhad; dan

(iv) Pulau Pinang menghadapi cabaran ketidakseimbangan antara sektor awam dan swasta apabila ramai pakar berpindah ke hospital swasta menyebabkan jurang yang besar antara perkhidmatan dengan peningkatan beban pesakit di hospital awam. Warga emas berpendapatan rendah turut berdepan kesukaran mengakses perkhidmatan kesihatan akibat kekangan kewangan dan infrastruktur yang tidak mesra Orang Kurang Upaya (OKU) serta warga emas. Selain itu, program promosi kesihatan ke arah penuaan sihat di Pulau Pinang masih terhad dan lebih menumpukan rawatan berbanding pencegahan. Oleh itu, program saringan, aktiviti komuniti dan kempen pemakanan sihat akan sentiasa dipertingkatkan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi merealisasikan hasrat transformasi dari *sick care* kepada *health care*. Pelancongan kesihatan pula tidak melibatkan fasiliti kerajaan kecuali bagi kes penyakit berjangkit yang dilaporkan untuk tindakan kawalan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

16. Apakah langkah jangka masa pendek dan panjang yang sedang diambil untuk menangani cabaran-cabaran sistem kesihatan awam di Pulau Pinang termasuk cadangan membangunkan Pelan Induk Infrastruktur Kesihatan Pulau Pinang yang berasaskan data sebenar mengenai keperluan, beban penyakit dan pengagihan kemudahan secara adil di seluruh negeri.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sentiasa berusaha untuk mengoptimumkan perkhidmatan kesihatan sedia ada di samping merancang dan memohon projek-projek pembangunan serta peralatan-peralatan perubatan baharu. Ini merupakan sebahagian daripada usaha dalam meningkatkan kapasiti dan menambah perkhidmatan kesihatan di negeri Pulau Pinang.

    Antara projek yang telah selesai adalah *multi-storey block* Hospital Seberang Jaya yang mempunyai tambahan katil pesakit sebanyak 316. Selain itu, blok berkenaan akan memfokuskan kepada perkhidmatan Pediatrik Kardiologi di negeri ini.

    Projek yang sedang dalam fasa pembangunan adalah Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang serta Blok Wanita & Kanak-kanak yang juga akan menambah kapasiti perkhidmatan dari segi bilangan klinik pakar, katil wad, dewan bedah dan sebagainya.

Hospital-hospital lain di Pulau Pinang juga tidak ketinggalan dalam usaha menambah bangunan baru dan dalam proses merangka pelan pembangunan serta perkhidmatan yang ingin disediakan. Kesemua projek ini akan menjadikan pertambahan perkhidmatan dan kapasiti katil pesakit di Pulau Pinang bertambah di masa hadapan.

Bagi Pelan Induk Infrastruktur Kesihatan Pulau Pinang, perancangan projek pembangunan RMKe-13 untuk Bahagian Kesihatan Awam adalah seperti berikut:

(i) Membina Kompleks Kesihatan Kubang Semang (Klinik Gantian);

(ii) Membina Klinik Gantian Kompleks Kesihatan Jalan Perak (Klinik Gantian);

(iii) Membina Klinik Kesihatan Butterworth (Klinik Gantian);

(iv) Membina Kompleks Kesihatan Bukit Panchor (Klinik Gantian);

(v) Membina Klinik Kesihatan Jenis 2 Batu Maung (Klinik Baharu); dan

(vi) Membina Klinik Kesihatan Machang Bubok (Klinik Gantian).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

17. Senaraikan semua projek berserta anggaran kos yang telah dipohon di bawah Rolling Plan (RP1) tahun 2026 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) untuk Pulau Pinang telah diluluskan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Sebanyak 86 projek baharu telah diluluskan untuk pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) bagi Negeri Pulau Pinang, seperti yang disenaraikan dalam **Lampiran A**

SENARAI PROJEK BAHARU PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG YANG TELAH DILULUSKAN DI BAWAH POJEK DI BAWAH

ROLLING PLAN PERTAMA (RP1) TAHUN 2026,

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK-13)

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
1	PROGRAM PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA PULAU PINANG 2.0	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) - Ibu Pejabat	Kementerian/ Agensi	15,000,000.00	3,000,000.00
2	PROGRAM PEROLEHAN TANAH STRATEGIK BUMIPUTERA PULAU PINANG 2.0	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) - Ibu Pejabat	Kementerian/ Agensi	150,000,000.00	30,000,000.00
3	PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN BUMIPUTERA PULAU PINANG 2.0	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) - Ibu Pejabat	Kementerian/ Agensi	30,000,000.00	6,500,000.00
4	OE KE DE - PROGRAM PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA (PPAM) PULAU PINANG	Perumahan Penjawat Awam Malaysia	Kementerian/ Agensi	90,000,000.00	18,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
5	PROJEK MESRA RAKYAT DI NEGERI PULAU PINANG	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) - Ibu Pejabat	Kementerian/ Agensi	130,000,000.00	26,000,000.00
6	OE KE DE - PELUNASAN ASET JAMBATAN KEDUA SDN BHD (JKSB)	Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan	Kementerian/ Agensi	2,737,763,924.00	100.00
7	PEMBANGUNAN SEMULA DEWAN SRI PINANG (DSP) DAN GALERI TYT YANG DI-PERTUA PULAU PINANG, LEBUH LIGHT, GEORGETOWN, PULAU PINANG	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (PKEN)	JKR Malaysia	52,000,000.00	15,000,000.00
8	PEMBINAAN INFRASTRUKTUR ASAS BAGI PEMBANGUNAN INDUSTRI HAB LOGISTIK DAN GUDANG KARGO UDARA	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (PKEN)		100,000,000.00	500,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
9	PEMBINAAN INFRASTRUKTUR ASAS DAN UTILITI BAGI PEMBANGUNAN INDUSTRI	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (PKEN)	JKR Malaysia	100,000,000.00	500,000.00
10	NCER - PEMBANGUNAN BAKAT UNTUK MEREALISASIKAN PELABURAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI SEKTOR STRATEGIK UTAMA DI WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) - MEA	Kementerian/ Agensi	50,000,000.00	15,000,000.00
11	NCER - PEMBANGUNAN EKOSISTEM (RANTAIAN BEKALAN) BAGI MENYOKONG PELABURAN DI WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) – MEA		15,000,000.00	2,000,000.00
12	PROJEK MENAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN DAN SALIRAN DI SKIM PENGAIRAN SUNGAI JARAK, SEBERANG PERAI UTARA, IADA PULAU PINANG	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian	JPS Malaysia	28,500,000.00	250,000.00
13	KAJIAN KEMUNGKINAN PEMBANGUNAN PELABUHAN TUNA DI PULAU PINANG ARAH KETERJAMINAN MAKANAN DALAM NEGARA	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	JKR Malaysia	1,000,000.00	200,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
14	PEMERKASAAN PASAR NELAYAN NEGERI PULAU PINANG	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	JKR Malaysia	375,000.00	90,000.00
15	NAIK TARAF PREMIS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK KEMAS NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	JKR Malaysia	1,550,000.00	400,000.00
16	MENAIK TARAF BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) BALIK PULAU, PULAU PINANG	Majlis Amanah Rakyat - MARA	JKR Malaysia	350,000.00	350,000.00
17	PENINGKATAN TAHAP PERSIJILAN KURSUS MASAKAN DAN PRAMUSAJI KEPADA TAHAP TIGA (3) DI GIATMARA BALIK PULAU, PULAU PINANG	Majlis Amanah Rakyat - MARA	Kementerian/ Agensi	500,000.00	200,000.00
18	MEMBINA JALAN DAN JAMBATAN DARI JALAN PENAGA BAWAH KE JALAN PASIR GEBU, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Bahagian Prasarana	Tidak	11,600,000.00	150,000.00
19	JALAN PERHUBUNGAN DESA NEGERI PULAU PINANG FASA III	Bahagian Prasarana	Tidak	8,800,000.00	1,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
20	PROGRAM AMENITI SOSIAL NEGERI PULAU PINANG FASA II	Bahagian Prasarana	Tidak	5,500,000.00	1,000,000.00
21	PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) - BINA BAHARU RUMAH NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Kesejahteraan Rakyat	Tidak	20,000,000.00	2,000,000.00
22	PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) - BAIK PULIH RUMAH NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Kesejahteraan Rakyat	Tidak	38,000,000.00	3,000,000.00
23	MENAIKTARAF RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI FIBER OPTIK BERSEPADU DI PERDA-TECH DAN IBU PEJABAT	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	3,500,000.00	100,000.00
24	PEMERKASAAN EKOSISTEM IKS TASEK BAGI MENINGKATKAN DAYA SAING USAHAWAN	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	4,900,000.00	50,000.00
25	ZON KOMUNITI PENGUMPULAN DAN PEMASARAN PRODUK PERTANIAN	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	4,500,000.00	50,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
26	KEMUDAHAN AWAM MAMPAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	2,000,000.00	100,000.00
27	REJUVENASI PREMIS NIAGA PERDA	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	2,000,000.00	500,000.00
28	TRANSFORMASI EKSPLORASI KEILMUAN ASPIRASI DINAMIK (TEKAD)	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	2,000,000.00	250,000.00
29	PERDA REGIONAL ENTREPRENEURSHIP EMPOWERMENT	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	5,000,000.00	1,000,000.00
30	PERDA HALAL GROWTH & INNOVATION HUB (GROW-HALAL@PERDA)	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	2,000,000.00	1,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
31	PROGRAM PEMERKASAAN TAHFIZ TVET @ INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH) TAHUN 2026	Bahagian Korporat Dan Pembangunan Kemahiran	Kementerian/ Agensi	200,000.00	100,000.00
32	MENGGANTIKAN JAMBATAN FT3111/002/60 YANG MERENTASI SUNGAI DERHAKA DI JALAN PERSEKUTUAN FT3111, SEKSYEN 2.90, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	JKR Malaysia	18,000,000.00	160,000.00
33	KAJIAN TRAFIK DAN GUNA TANAH KE ATAS CADANGAN PEMBINAAN PAN ISLAND LINK (PIL), PULAU PINANG	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	Kementerian/ Agensi	1,000,000.00	500,000.00
34	KERJA AWALAN PROJEK NAIKTARAF JALAN FT006 DARI BAYAN LEPAS KE TELUK KUMBAR SEKSYEN 20.00 SEHINGGA SEKSYEN 23.00, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG (REKA BENTUK)	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	Kementerian/ Agensi	5,000,000.00	1,000,000.00
35	KERJA AWALAN NAIK TARAF LALUAN PERSEKUTUAN FT001 DARI PERSIMPANGAN PERMATANG KELING (SEK 720) KE JAMBATAN DI	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	JKR Malaysia	40,000,000.00	700,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
	ATAS SUNGAI JUNJUNG (SEK 740), SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN (MENAIKTARAF JALAN PERSIMPANGAN DARI SEKSYEN 735.000 - 731.000 DAN SEKSYEN 729.100 - 727.100), PULAU PINANG (REKA BENTUK & PENGAMBILAN TANAH)				
36	PEMANJANGAN LANDASAN SISIAN DI NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL (NBCT)	PUSAT LOGISTIK NEGARA	JKR Malaysia	71,000,000.00	3,000,000.00
37	PROJEK NAIKTARAF SISTEM PENGUDARAAN DAN PENYAMAN UDARA BERPUSAT DI JABATAN KIMIA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Kimia	JKR Malaysia	6,070,000.00	930,000.00
38	PENGUBAHSUAIAN MAKMAL IN VIVO (HAIWAN) DI IPHARM, NIBM UNTUK ANALISIS KAWALAN KUALITI LOT PENGELUARAN VAKSIN	Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)	Kementerian/ Agensi	4,000,000.00	495,000.00
39	MYPHYTOLEAD: PENGUKUHAN PLATFORM PENGHASILAN UBATAN BOTANI TEMPATAN BERASASKAN BUKTI UNTUK RAWATAN OBESITI, DIABETES, DENGGI DAN KANSER PARU-PARU	Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)	Kementerian/ Agensi	8,050,000.00	1,500,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
40	PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN GATE HOUSE (BEL RETIRO) ,BUKIT BENDERA , PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan (TOURISM)	JKR Malaysia	8,000,000.00	400,000.00
41	MENAIK TARAF KEMUDAHAN JETI PANTAI KERACHUT DI TAMAN NEGARA PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan (TOURISM)	JKR Malaysia	3,300,000.00	200,000.00
42	PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF KOMPLEKS JKKN PULAU PINANG	Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara	JKR Malaysia	3,000,000.00	200,000.00
43	PROJEK PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN BAN PANTAI DI PERSISIR PANTAI KAWASAN BAGAN LEBAI TAHIR, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	10,000,000.00	250,000.00
44	PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI JURU,DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	60,000,000.00	400,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
45	PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR (RMKE-13) DI PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	25,000,000.00	5,000,000.00
46	RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI NYIUR, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	161,000,000.00	10,000.00
47	PROJEK MENAIK TARAF MUKA SAUK DI TITI KERAWANG DAN TELUK AWAK SERTA PEMASANGAN PAIP AIR MENTAH DARI MUKA SAUK KE EMPANGAN TELUK BAHANG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PULAU PINANG	Jabatan Bekalan Air - PETRA		26,500,000.00	500,000.00
48	KAJIAN MENYELURUH SUMBER BEKALAN AIR MENTAH DI NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Bekalan Air - PETRA		3,000,000.00	100,000.00
49	PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN (JENIS 2) KUBANG SEMANG DAN KOMPLEKS KESIHATAN BERSEPADU SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG (GANTIAN)	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	94,603,200.00	50,300,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
50	PEMBINAAN MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN ZON UTARA SERTA STOR EKSHIBIT JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	265,089,000.00	50,000.00
51	NAIK TARAF TANGKI BEKALAN AIR DI HOSPITAL KEPALA BATAS, PULAU PINANG	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	4,232,525.00	400,000.00
52	MENAIK TARAF KEMUDAHAN HEMODIALISIS DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Perkembangan Perubatan	Kementerian/ Agensi	290,000.00	290,000.00
53	KERJA AWALAN PROJEK PEMBINAAN MULTI STOREY BLOCK HOSPITAL KEPALA BATAS PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan (MOH)		2,000,000.00	500,000.00
54	PEROLEHAN KENDERAAN DAN PERALATAN BAGI DUA (2) PASUKAN PERGIGIAN BERGERAK NEGERI PULAU PINANG (GANTIAN)	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Kementerian/ Agensi	900,000.00	900,000.00
55	PEROLEHAN MESIN COMPUTED TOMOGRAPHY (CT SCAN) UNIT RADIOLOGI, HOSPITAL KEPALA BATAS, PULAU PINANG (BAHARU)	Bahagian Perkembangan Perubatan	Kementerian/ Agensi	7,000,000.00	10,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
56	KERJA AWALAN PEMBINAAN JALAN BAWAH (UNDERPASS) UNTUK MENGHUBUNGKAN JALAN MOUNT ERSKINE KE JALAN BURMA DI PERSIMPANGAN JALAN MOUNT ERSKINE/ JALAN GOTTLIEB/ JALAN BURMA/ JALAN BAGAN JERMAL SEKSYEN A: JALAN BAWAH (UNDERPASS)	Jabatan Kerajaan Tempatan	Kementerian/ Agensi	5,000,000.00	1,000,000.00
57	PROJEK PEMBANGUNAN DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN PULAU PINANG RMK13	Jabatan Kerajaan Tempatan	JKR Malaysia	30,000,000.00	6,000,000.00
58	MENAIK TARAF KOMPLEKS MEDAN SELERA BAYAN BARU, PULAU PINANG	Jabatan Kerajaan Tempatan	JKR Malaysia	5,000,000.00	300,000.00
59	NAIK TARAF TAMAN AWAM NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Landskap Negara - KPKT	JKR Malaysia	2,800,000.00	600,000.00
60	PROGRAM BAIK PULIH RUMAH DI BANDAR NEGERI PULAU PINANG RMK-13	Bahagian Kesejahteraan Komuniti	JKR Malaysia	5,500,000.00	1,500,000.00
61	PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR NEGERI PULAU PINANG RMK-13	Bahagian Kesejahteraan Komuniti	JKR Malaysia	540,000.00	180,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
62	PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (PPP) NEGERI PULAU PINANG RMKE-13	Jabatan Perumahan Negara	JKR Malaysia	20,000,000.00	5,000,000.00
63	TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) NEGERI PULAU PINANG RMKE-13	Jabatan Perumahan Negara	JKR Malaysia	30,000,000.00	7,000,000.00
64	PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Kampung Baru - KPKT	JKR Malaysia	7,500,000.00	1,500,000.00
65	PEMBANGUNAN STESEN OPERASI K9 WILAYAH UTARA BERSERTA KUARTERS DI BERTAM, PULAU PINANG	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	JKR Malaysia	19,000,000.00	10,300,000.00
66	PROGRAM RUMAH MESRA RAKYAT (RMR) PULAU PINANG RMKE-13	Syarikat Perumahan Negara Berhad	Kementerian/ Agensi	16,657,000.00	3,636,000.00
67	NAIK TARAF KEMUDAHAN SUKAN BERSKALA KECIL DI NEGERI PULAU PINANG RMKE-13	Bahagian Pembangunan	JKR Malaysia	10,000,000.00	1,500,000.00
68	MENAIK TARAF KOMPLEKS SUKAN BERTAM, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan	JKR Malaysia	10,000,000.00	100,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
69	NAIK TARAF INFRASTRUKTUR DI INSTITUT TEKNIKAL JEPUN MALAYSIA (JMTI) UNTUK PEMBANGUNAN SEBAGAI INSTITUT PREMIER	Jabatan Tenaga Manusia	JKR Malaysia	11,575,000.00	2,000,000.00
70	PEROLEHAN BAHARU PERALATAN LATIHAN BAGI BIDANG TEKNOLOGI PERCETAKAN DIGITAL DI ILP ARUMUGAM PILLAI NIBONG TEBAL PULAU PINANG	Jabatan Tenaga Manusia	Kementerian/ Agensi	1,385,000.00	1,108,000.00
71	PEMBINAAN 1 BILIK DARJAH PRASEKOLAH PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PRA PPKI) BAGI SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI AWANG HAD SALLEH, BARAT DAYA, PULAU PINANG. (PBA3006)	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	JKR Malaysia	3,000,000.00	300,000.00
72	PEMBINAAN 2 BILIK DARJAH PRASEKOLAH DAN 2 BILIK DARJAH PRASEKOLAH PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI BAGI SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNG BUNGA, PULAU PINANG (PBA1011)	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	JKR Malaysia	7,000,000.00	240,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
73	KERJA AWALAN BAGI PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR CASSIA, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	101,000,000.00	300,000.00
74	PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG (PBA3005)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	25,000,000.00	300,000.00
75	PEMBINAAN BAHARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JURU, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG YANG MENGANDUNGI 36 BILIK DARJAH SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN MENGIKUT PIAWAI	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	137,500,000.00	300,000.00
76	PEROLEHAN PERALATAN PROGRAM TEKNOLOGI AUTOMOTIF PERINGKAT DIPLOMA MENGIKUT KURIKULUM STANDARD KOLEJ VOKASIONAL (KSKV) DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	Kementerian/ Agensi	2,130,000.00	1,136,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
77	PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN 15 BILIK DARJAH PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) DAN 5 BENGKEL KEMAHIRAN SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN MENGIKUT PIAWAI DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SAMA GAGAH, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG (PEA0006)	Bahagian Pendidikan Khas	JKR Malaysia	20,000,000.00	300,000.00
78	PEMBEKALAN SMART TV 65 INCI DI 370 KELAS PRASEKOLAH DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan Kurikulum	JKR Malaysia	2,300,000.00	2,000,000.00
79	PPP/PFI - PEMBANGUNAN ASRAMA BERKAPASITI 1,000 PELAJAR DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG	Jabatan Pengajian Politeknik	Kementerian/ Agensi	33,765,106.00	6,753,100.00
80	USM - PEMBINAAN PUSAT PENGAJARAN KANSER (CANCER TEACHING CENTRE, CTC) DI PUSAT PAKAR KLINIKAL DAN PENYELIDIKAN KANSER (PPKPK), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	122,794,980.00	1,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
81	USM- NAIK TARAF FASILITI BERPUSAT SMART LEARNING CLASSROOM DAN SISTEM AUDIO VISUAL DI DEWAN-DEWAN KULIAH DAN BILIK-BILIK TUTORIAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KAMPUS INDUK, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	27,100,000.00	5,000,000.00
82	USM - PEROLEHAN PERALATAN BAHARU PENYELIDIKAN DI PUSAT PAKAR KLINIKAL DAN PENYELIDIKAN KANSER (PPKPK), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kementerian/ Agensi	30,000,000.00	15,000,000.00
83	USM- NAIKTARAF SERTA PEROLEHAN BAHARU SISTEM LIF PENUMPANG DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KAMPUS KEJURUTERAAN, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	7,950,000.00	1,000,000.00
84	USM - PEMBANGUNAN BAHARU UNTUK PENGEMBANGAN PROGRAM BAGI PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA @ BUKIT JAMBUL, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	55,000,000.00	5,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
85	PPP/PFI - PEMBANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN 1,000 PELAJAR UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) BERTAM, PULAU PINANG	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Kementerian/ Agensi	42,153,848.00	8,430,800.00
86	UITM - NAIKTARAF KESELURUHAN BUMBUNG BANGUNAN DI UITM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	JKR Malaysia	3,000,000.00	1,500,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN			**5,233,724,583.00**	**286,369,000.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH YB GOOI HSIAO-LEUNG

18. Nyatakan anggaran jumlah kutipan hasil cukai Persekutuan dari Negeri Pulau Pinang bagi setiap tahun dari 2020 sehingga 2025, dengan perincian mengikut kategori utama seperti cukai pendapatan individu, cukai korporat, SST, duti kastam serta cukai tidak langsung lain sebagaimana disusun dan direkodkan oleh LHDN dan JKDM.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Data kutipan hasil cukai dilaporkan secara agregat mengikut jenis-jenis cukai langsung dan cukai tidak langsung secara keseluruhan dan bukannya mengikut negeri. Jumlah hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikutip di peringkat negeri tidak semestinya menggambarkan sumbangan aktiviti ekonomi yang sebenar di negeri berkenaan. Oleh itu, tiada pecahan khusus bagi jumlah kutipan hasil cukai Persekutuan yang boleh dikemukakan mengikut negeri.

Hasil kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Laporan tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada laman web khas belanjawan tahunan iaitu https://belanjawan.mof.gov.my/ms/.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

19. Senaraikan jumlah keseluruhan pindahan kewangan dan perbelanjaan Persekutuan yang diterima oleh Pulau Pinang setiap tahun dari tempoh 2020 hingga 2025 termasuk:

    (i) Geran perlembagaan dan statutori; dan

    (ii) Peruntukan pembangunan Persekutuan di bawah RMK-12 dan RMK-13.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. (i) Senarai Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (ii) Merujuk kepada data yang diperoleh daripada Kementerian Ekonomi, peruntukan pembangunan Persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah seperti yan g diperincikan di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2020 HINGGA 2025

BIL	JENIS PEMBERIAN	2020	2021	2022	2023	2024	2025
1	Pemberian Mengikut Bilangan Kepala	25,064,400.00	25,236,540.00	25,401,840.00	25,558,020.00	25,705,080.00	12,921,510.00
2	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10%	5,152,586.71	8,183,162.43	7,458,579.24	6,206,820.24	12,053,123.29	-
3	Pemberian Pertambahan Hasil	11,755,764.00	-	11,910,162.00	12,015,110.00	12,378,720.00	-
4	Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama (JKM, JPV, JPS, JPBD, MSN)	30,336,772.28	31,492,607.18	21,317,387.70	22,298,451.19	20,419,877.74	22,139,671.70
5	Pemberian Pelancongan	10,065,021.00	3,298,111.40	13,345.00	1,350.30	2,220,331.80	2,786,731.80
6	Peruntukan Bagi Inisiatif Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia Di Bawah UNESCO	-	-	-	25,000,000.00	-	-
7	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	15,966,000.00	16,310,300.00	15,516,000.00	20,553,000.00	20,553,000.00	20,553,000.00
JUMLAH (RM)		**98,340,543.99**	**84,520,721.01**	**81,617,313.94**	**111,632,751.73**	**93,330,132.83**	**58,400,913.50**
8	Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)**	186,151,318.00	208,768,683.00	208,768,700.00	210,952,060.00	221,721,000.00	187,317,810.00
BIL	**JENIS PEMBERIAN**	**2020**	**2021**	**2022**	**2023**	**2024**	**2025**
9	*Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation* (EFT)	-	-	794,300.00	3,087,606.00	2,000,000.00	9,170,000.00
10	Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan Tahun 2024 : Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri	-	-	-	-	850,000.00	-
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		**284,491,861.99**	**293,289,404.01**	**291,180,313.94**	**326,672,417.73**	**317,901,132.83**	**254,888,723.50**

**Nota :

Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) adalah setakat 28 Oktober 2025

Justifikasi :

1) Pemberian mengikut bilangan kepala dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan

2) Pemberian bayaran perkhidmatan 10% dibuat mengikut peruntukan Perkara 80(5) Perlembagaan Persekutuan, Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa kerajaan negeri layak menerima sejumlah pemberian kos perkhidmatan di atas pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan.

3) Pemberian pertambahan hasil adalah berasaskan prinsip perkongsian hasil iaitu negeri akan mendapat pemberian ini apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya.

4) Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama - Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membiayai sebahagian kos pengurusan perkara-perkara di bawah Jadual Kesembilan (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan.

5) Pemberian pelancongan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan akan disalurkan ke Akaun Amanah Jawatankuasa Induk Pelancongan sebanyak 70%, manakala baki 30% akan diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri selaras dengan kadar pengagihan yang dinyatakan dalam Kertas MkewN Bil:2/2019

6) Peruntukan ini dikreditkan ke Akaun Pemberian Pelancongan

7) Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup merupakan salah satu daripada Pemberian Dari Kumpulan Wang Rizab Negeri

9) Jumlah pengagihan peruntukan akan ditentukan berdasarkan peruntukan belanjawan tahun berikutnya serta penilaian pencapaian pelaksanaan tahun semasa. Anggaran kos bagi perancangan EFT tahun berikutnya dibuat berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diterima pada tahun semasa.

10) Pemberian ini dipemungutkan oleh BPEN, PSUKPP dan dikreditkan ke akaun amanah pembangunan. Penyaluran kepada Penang Agrotech dibuat pada Januari 2025 untuk melaksanakan projek tersebut (Program Bantuan Khas Nelayan Negeri Pulau Pinang)

LAMPIRAN B

Merujuk kepada data yang diperoleh daripada Kementerian Ekonomi, peruntukan pembangunan persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

ROLLING PLAN **RMK12**	**BILANGAN PROJEK DILULUSKAN**	**JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)**
RP1	166	649,848,000
RP2	171	606,293,600
RP3	231	854,647,500
RP4	280	1,007,603,700
RP5	311	1,746,863,600
JUMLAH KESELURUHAN	**1,159.00**	**4,865,256,400.00**

ROLLING PLAN **RMK13**	**BILANGAN PROJEK DILULUSKAN**	**JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)**
RP1	86	5,233,724,583

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

20. Adakah proses pengesahan panjang jalan (*road length verification*) dijalankan dari 2018 sehingga 2025 yang telah menyebabkan peningkatan atau pengurangan dalam jumlah peruntukan MARRIS kepada Pulau Pinang? Berikan butiran.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Peruntukan MARRIS setiap tahun yang diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF) adalah berdasarkan kepada panjang jalan yang didaftarkan dan disahkan dalam Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (*MARRIS Online*). Mengikut Garis Panduan MARRIS 4.0 (PB 3.6), penyaluran peruntukan dibuat berpandukan kriteria seperti jenis jalan yang layak, panjang jalan berdaftar dan keperluan penyelenggaraan sebenar yang disahkan oleh agensi pelaksana.

Bermula tahun 2024, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah melaksanakan proses pemurnian dan pengesahan data panjang jalan bagi memastikan ketepatan rekod serta mengelakkan pertindihan antara jalan negeri dan jalan persekutuan. Hasil daripada proses tersebut, sebahagian rekod jalan yang didaftarkan secara bertindih telah dikeluarkan daripada sistem, menyebabkan jumlah panjang jalan yang direkodkan di Pulau Pinang berkurangan seperti ditunjukkan di **LAMPIRAN A**.

Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang diterima daripada MOF menunjukkan *trend* peningkatan dari tahun ke tahun sejajar dengan pertambahan kos penyelenggaraan, keperluan semasa di peringkat negeri serta penambahbaikan formula agihan mengikut garis panduan terkini MARRIS 4.0.

LAMPIRAN A

TERIMAAN MOF DAN LAPORAN PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN JALAN RAYA (MARRIS) PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2025

TAHUN	PANJANG JALAN	TERIMAAN DARIPADA MOF	PERBELANJAAN SEBENAR
	KM	RM	RM
2018	4732.139	114,097,838.00	135,460,227.26
2019	5000.139	183,364,182.00	157,860,895.30
2020	5623.083	186,151,318.00	192,246,435.79
2021	7362.132	208,768,683.00	187,701,566.93
2022	6249.468	208,768,700.00	208,540,992.09
2023	6537.659	210,952,060.00	264,508,881.39
2024	6536.734	221,721,000.00	244,510,515.80
2025 (sehingga Oktober)	6536.734	187,317,810.00	81,092,488.39

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

21. Adakah MOF atau JKR telah memberi maklum balas berhubung semakan kadar kos penyelenggaraan (*unit cost per kilometre*) yang digunakan dalam pengiraan MARRIS memandangkan kos bahan dan kerja telah meningkat sejak 2018?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Berdasarkan surat maklum balas daripada Kementerian Kewangan (MOF) bertarikh 10 September 2025 kepada Jabatan Kewangan Negeri (JKN) Pulau Pinang, MOF memaklumkan bahawa semua bentuk pemberian kepada Kerajaan Negeri termasuk Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kedudukan fiskal negara serta komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan yang semakin meningkat.

    Sehubungan itu, MOF berpandangan bahawa formula semasa bagi pengiraan peruntukan penyelenggaraan jalan negeri berdasarkan panjang jalan masih relevan dengan objektif pemberian MARRIS. Pengiraan formula tersebut turut mengambil kira pemboleh ubah tambahan berdasarkan pandangan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia mengikut keperluan semasa yang memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri.

Selain itu, MOF juga memaklumkan bahawa pihaknya akan memastikan jumlah peruntukan MARRIS meningkat setiap tahun seiring dengan pertambahan panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS *Online*.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

22. Berapakah panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di Pulau Pinang mengikut daerah dan berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh KKR atau JKR bagi penyelenggaraan rutin, periodik dan pembinaan baharu Jalan Persekutuan di Pulau Pinang setiap tahun dalam tempoh dari 2018 hingga 2025?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Jumlah panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di Pulau Pinang adalah 209.87 kilometer (km).

Jumlah peruntukan tahunan yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) bagi kerja rutin dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan dari tahun 2018 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JADUAL 1: PERUNTUKAN KERJA RUTIN DI JALAN PERSEKUTUAN (2018–2025)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2018	4,020,000.00
2019	4,020,000.00
2020	4,020,000.00
2021	4,170,000.00
2022	4,040,000.00
2023	4,330,000.00
2024	5,830,000.00

JADUAL 2: PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN (2018–2025)

TAHUN	PECAHAN PERUNTUKAN MENGIKUT JKR DAERAH (RM)					JUMLAH (RM)
	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	
2018	650,000.00	500,000.00	800,000.00	1,200,000.00	2,450,000.00	5,600,000.00
2019	350,000.00	5,680,000.00	1,900,000.00	1,100,000.00	749,000.00	9,779,000.00
2020	2,200,000.00	1,350,000.00	1,950,000.00	1,650,000.00	1,200,000.00	8,350,000.00
2021	3,300,000.00	4,970,000.00	2,670,000.00	4,780,000.00	6,080,000.00	21,800,000.00
2022	1,300,000.00	1,300,000.00	2,750,000.00	5,050,000.00	2,800,000.00	13,200,000.00
2023	1,500,000.00	5,340,000.00	5,010,000.00	500,000.00	2,300,000.00	14,650,000.00
2024	7,780,000.00	13,890,000.00	14,030,000.00	10,500,000.00	12,950,000.00	59,150,000.00
2025	6,280,000.00	9,430,000.00	3,210,000.00	5,180,000.00	4,900,000.00	29,000,000.00
JUMLAH (RM)	**23,360,000.00**	**42,460,000.00**	**32,320,000.00**	**29,960,000.00**	**33,429,000.00**	**161,529,000.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

23. Adakah terdapat cadangan untuk menyeragamkan sistem pelaporan MARRIS dengan data Jalan Persekutuan bagi memastikan rekod keseluruhan jaringan jalan di Pulau Pinang dikemaskini secara bersepadu?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang membangunkan sistem MyInfra bagi tujuan penyeragaman data Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri supaya dapat direkodkan serta dikemas kini secara bersepadu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

24. Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang diterima dari MOF oleh Kerajaan Negeri, MBPP dan MBSP bagi setiap tahun dalam tempoh dari 2018 sehingga 2025.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. Jumlah peruntukan MARRIS yang diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF) oleh Kerajaan Negeri dan peruntukan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi setiap tahun dari 2018 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

AGIHAN MARRIS BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA DAN 2025 KEPADA MBSP DAN MBPP

TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
MBPP	23,057,532.70	38,103,569.97	39,652,950.59	40,239,657.09	37,111,391.97	40,334,078.64	36,680,236.52	39,026,773.41
MBSP	58,820,470.88	56,830,304.27	70,062,410.98	80,004,438.10	84,374,982.85	115,017,284.83	136,705,485.89	89,168,795.22

TAHUN	TERIMAAN DARIPADA MOF
	RM
2018	114,097,838.00
2019	183,364,182.00
2020	186,151,318.00
2021	208,768,680.00
2022	208,770,700.00
2023	210,952,060.00
2024	221,721,000.00
2025 (sehingga Oktober)	187,317,810.00

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH YB GOOI HSIAO-LEUNG

25. Nyatakan tarikh sebenar setiap tahun dari tempoh 2020 sehingga 2025 apabila peruntukan MARRIS diterima daripada MOF dan tarikh ia disalurkan oleh Perbendaharaan Negeri kepada JKRPP, MBPP dan MBSP.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. Peruntukan MARRIS daripada Kementerian Kewangan (MOF) diterima oleh Jabatan Kewangan Negeri secara bulanan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Peruntukan tersebut dikreditkan sebelum penghujung setiap bulan tertakluk kepada jadual penyaluran yang ditetapkan oleh MOF dan tiada tarikh tetap ditetapkan bagi setiap bulan.

    Bagi peringkat negeri, Jabatan Kewangan Negeri menyalurkan peruntukan tersebut kepada Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) secara empat fasa iaitu suku tahunan. Penyaluran ini dilaksanakan sebelum penghujung setiap suku tahun berdasarkan jadual yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa MARRIS.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

26. Adakah berlaku kelewatan dalam penerimaan atau penyaluran peruntukan MARRIS oleh MOF pada mana-mana tahun dari 2020 hingga 2025? Jika ya, nyatakan tempoh kelewatan, punca kelewatan dan kesan terhadap jadual penyelenggaraan jalan, tender kerja, serta keberkesanan pelaksanaan program MARRIS.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Untuk makluman, tiada kelewatan berlaku dalam penerimaan atau penyaluran peruntukan MARRIS oleh Kementerian Kewangan (MOF) bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Penyaluran kepada Kerajaan Negeri dilaksanakan secara bulanan dan kebiasaannya diterima sebelum penghujung setiap bulan, manakala agihan kepada 14 agensi/ jabatan pelaksana dibuat secara berfasa, iaitu suku tahunan dan semua bayaran telah disalurkan sebelum penghujung setiap suku tahun. Sekiranya terdapat keperluan tambahan, khususnya bagi kerja-kerja kecemasan, keutamaan akan diberikan dalam peruntukan tambahan tertakluk kepada baki yang ada. Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh lima tahun ini tiada sebarang isu kelewatan direkodkan dan pelaksanaan program penyelenggaraan jalan di bawah MARRIS berjalan lancar tanpa menjejaskan jadual penyelenggaraan, proses tender kerja mahupun keberkesanan pelaksanaannya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

27. Nyatakan projek-projek yang dipohon di bawah RMK-13 untuk perbelanjaan pembangunan dan naik taraf jalan raya dan untuk tebatan banjir di Pulau Pinang dan khususnya untuk KADUN Bukit Tengah.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Projek-projek kerja raya dan tebatan banjir yang dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) di KADUN Bukit Tengah adalah seperti berikut:

(i) Projek menaik taraf Jalan Tunggal (FT001) dari dua (2) lorong kepada jalan berkembar empat (4) lorong dari Permatang Tinggi (Sek. 740.4) ke Sungai Juru (Sek. 746.4);

(ii) Projek pemuliharaan Sungai Juru;

(iii) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Nyiur;

(iv) RTB Sungai Kelang Ubi;

(v) Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Pulau Pinang (Daerah Seberang Perai Tengah);

(vi) Projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di pesisir pantai kawasan Bagan Lebai Tahir;

(vii) RTB Sungai Perai (Fasa 2); dan

(viii) Menaik taraf infrastruktur mekanikal dan elektrikal untuk kawalan banjir Negeri Pulau Pinang (Fasa 2).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

28. Nyatakan status terkini dan anggaran projek menaik taraf jalan dari Permatang Tinggi (Seksyen 740.4) ke Sungai Juru (Seksyen 746.4) di laluan Persekutuan FT001 Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Status terkini projek ini adalah telah mendapat kelulusan bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan (*preliminary works*) yang meliputi penyediaan reka bentuk terperinci, kajian impak trafik, penyelarasan dengan utiliti awam dan semakan teknikal di tapak. Kerja-kerja awalan ini dilaksanakan sebagai persediaan sebelum proses pelaksanaan fizikal projek penuh dapat dijalankan. Anggaran kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM533 juta.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH YB GOOI HSIAO-LEUNG

29. Nyatakan hasil perbincangan Kerajaan Negeri dengan Pusat mengenai pembangunan loji Waste to Energy (WtE) di Pulau Pinang dan SWCorp.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan satu perbincangan bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada 19 Ogos 2025. Melalui perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasarkan pembinaan sebanyak 18 buah loji Waste to Energy (WtE) di seluruh negara menjelang tahun 2040 dan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) telah dikenal pasti sebagai lokasi cadangan pembangunan loji WtE bagi Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XX)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG

30. Apakah kesan terbaru yang direkodkan dari segi jumlah pelaburan langsung asing (FDI), nilai eksport semikonduktor dan komponen elektronik serta jumlah guna tenaga dalam sektor tersebut di Pulau Pinang dalam suku kedua dan ketiga 2025 sejak pelaksanaan tarif terbaru oleh Amerika Syarikat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. **Prestasi Pelaburan dan Eksport Negeri Pulau Pinang Setakat Suku Kedua Tahun 2025**

Sejak pelaksanaan tarif terbaharu oleh Amerika Syarikat, jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam sektor pembuatan di Negeri Pulau Pinang bagi Suku Kedua (Q2) Tahun 2025 telah mencatatkan nilai sebanyak RM5.8 bilion. Angka ini merupakan data yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam tempoh yang sama, jumlah guna tenaga di negeri ini direkodkan seramai 931,000 orang, menunjukkan pertumbuhan berterusan dalam sektor pekerjaan berkaitan pembuatan dan industri sokongan.

Setakat ini, data pelaburan oleh MIDA serta data guna tenaga oleh DOSM hanya diterbitkan sehingga Suku Kedua 2025. Data bagi Suku Ketiga masih belum diterbitkan. Sektor E&E kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negeri. Berdasarkan data daripada METS DOSM, nilai eksport

E&E dari Negeri Pulau Pinang bagi Suku Kedua (Q2) Tahun 2025 adalah sebanyak RM97.8 bilion.

Bagi tempoh Julai hingga Ogos 2025, nilai eksport E&E direkodkan pada RM70.6 bilion, menandakan momentum eksport yang masih kukuh walaupun dalam tempoh separuh kedua tahun.

Setakat ini, data nilai eksport E&E bagi tahun 2025 hanya diterbitkan sehingga bulan Ogos.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

1. Nyatakan jumlah murid miskin yang menerima bantuan persekolahan atau sumbangan khas melalui program Kerajaan Negeri atau agensi, serta bentuk bantuan yang disalurkan sepanjang tahun 2024 dan 2025 mengikut kawasan DUN.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Antara bantuan persekolahan atau sumbangan khas melalui program Kerajaan Negeri dan agensinya yang disalurkan kepada murid dalam kalangan berkemampuan dan B40 adalah seperti berikut:-

   (i) Skim Awal Persekolahan dan Skim Pakaian Seragam Sekolah oleh Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP):

   Jumlah penerima bantuan persekolahan iaitu bagi tahun 2024 seramai 21,702 orang manakala bagi tahun 2025 seramai 20,344 orang. Perinciannya mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti di **LAMPIRAN A**.

   (ii) Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang:
   Jumlah murid B40 yang menerima Bantuan Biasiswa Kecil Negeri (BKN) bagi tahun 2024 seramai 4,191 orang

manakala bagi tahun 2025 seramai 3,875 orang. Perinciannya seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A

TAHUN 2024					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N01	PENAGA	226	175,100.00	887	133,050.00
N02	BERTAM	116	85,950.00	733	109,950.00
N03	PINANG TUNGGAL	239	184,150.00	1157	173,550.00
N04	PERMATANG BERANGAN	239	179,750.00	696	104,400.00
N05	SUNGAI DUA	189	142,400.00	594	89,100.00
N06	TELOK AYER TAWAR	130	95,650.00	643	96,450.00
N07	SUNGAI PUYU	32	24,200.00	188	28,200.00
N08	BAGAN JERMAL	77	55,600.00	409	61,350.00
N09	BAGAN DALAM	43	31,500.00	464	69,600.00
N10	SEBERANG JAYA	278	205,150.00	673	100,950.00
N11	PERMATANG PASIR	207	154,750.00	387	58,050.00
N12	PENANTI	196	149,750.00	701	105,150.00
N13	BERAPIT	12	9,000.00	125	18,750.00
N14	MACHANG BUBOK	254	191,150.00	969	145,350.00
N15	PADANG LALANG	53	41,950.00	315	47,250.00
N16	PERAI	17	11,150.00	193	28,950.00
N17	BUKIT TENGAH	115	84,650.00	448	67,200.00
N18	BUKIT TAMBUN	56	40,700.00	368	55,200.00
N19	JAWI	105	84,000.00	517	77,550.00
N20	SUNGAI BAKAP	200	158,500.00	900	135,000.00
N21	SUNGAI ACHEH	95	70,250.00	493	73,950.00
N22	TANJONG BUNGA	39	27,250.00	418	62,700.00

TAHUN 2024					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N23	AIR PUTIH	37	25,350.00	14	2,100.00
N24	KEBUN BUNGA	1	800.00	98	14,700.00
N25	PULAU TIKUS	9	7,900.00	442	66,300.00
N26	PADANG KOTA	5	3,550.00	266	39,900.00
N27	PENGKALAN KOTA	2	1,350.00	40	6,000.00
N28	KOMTAR	17	14,250.00	185	27,750.00
N29	DATOK KERAMAT	44	33,750.00	104	15,600.00
N30	SUNGAI PINANG	76	60,650.00	271	40,650.00
N31	BATU LANCANG	4	2,450.00	213	31,950.00
N32	SERI DELIMA	33	26,200.00	184	27,600.00
N33	AIR ITAM	43	31,500.00	377	56,550.00
N34	PAYA TERUBONG	5	4,900.00	44	6,600.00
N35	BATU UBAN	50	38,050.00	274	41,100.00
N37	BATU MAUNG	99	82,450.00	496	74,400.00
N36	PANTAI JEREJAK	40	30,550.00	393	58,950.00
N38	BAYAN LEPAS	183	140,500.00	892	133,800.00
N39	PULAU BETONG	109	79,650.00	849	127,350.00
N40	TELOK BAHANG	112	85,400.00	495	74,250.00
JUMLAH		**3,787**	**2,871,800.00**	**17,915**	**2,687,250.00**

TAHUN 2025					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N01	PENAGA	259	195,100.00	745	119,429.71
N02	BERTAM	118	92,500.00	837	136,901.95
N03	PINANG TUNGGAL	274	207,750.00	1291	197,159.88
N04	PERMATANG BERANGAN	266	200,800.00	651	106,372.25
N05	SUNGAI DUA	197	146,000.00	453	76,713.30
N06	TELOK AYER TAWAR	111	82,250.00	497	82,514.84
N07	SUNGAI PUYU	21	17,350.00	96	14,299.55
N08	BAGAN JERMAL	90	65,700.00	299	52,955.80
N09	BAGAN DALAM	45	33,850.00	278	45,618.65
N10	SEBERANG JAYA	264	198,050.00	903	146,298.25
N11	PERMATANG PASIR	208	159,000.00	521	85,903.55
N12	PENANTI	204	158,400.00	816	140,094.10
N13	BERAPIT	11	8,600.00	159	23,720.90
N14	MACHANG BUBOK	245	184,200.00	810	141,110.45
N15	PADANG LALANG	56	40,050.00	244	37,927.45
N16	PERAI	19	13,250.00	160	29,119.90
N17	BUKIT TENGAH	130	95,650.00	304	48,613.90
N18	BUKIT TAMBUN	71	53,300.00	398	68,063.80
N19	JAWI	115	88,900.00	499	82,893.65
N20	SUNGAI BAKAP	208	160,900.00	896	143,089.25
N21	SUNGAI ACHEH	113	82,950.00	687	99,589.90
N22	TANJONG BUNGA	34	22,600.00	240	43,835.45

TAHUN 2025					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N23	AIR PUTIH	38	27,600.00	-	-
N24	KEBUN BUNGA	1	850.00	79	16,324.90
N25	PULAU TIKUS	7	6,300.00	465	76,998.30
N26	PADANG KOTA	4	2,750.00	256	44,677.95
N27	PENGKALAN KOTA	3	1,900.00	-	-
N28	KOMTAR	20	15,650.00	65	12,835.90
N29	DATOK KERAMAT	41	31,350.00	245	42,593.10
N30	SUNGAI PINANG	79	65,250.00	84	15,217.45
N31	BATU LANCANG	2	1,400.00	258	44,771.30
N32	SERI DELIMA	37	28,200.00	123	17,248.50
N33	AIR ITAM	31	24,650.00	336	60,321.10
N34	PAYA TERUBONG	3	2,150.00	73	12,042.30
N35	BATU UBAN	51	41,200.00	285	47,390.95
N37	BATU MAUNG	104	84,650.00	316	49,339.05
N36	PANTAI JEREJAK	37	28,600.00	398	70,301.70
N38	BAYAN LEPAS	204	159,800.00	635	105,210.75
N39	PULAU BETONG	96	72,300.00	733	122,341.35
N40	TELOK BAHANG	113	88,550.00	279	50,087.30
JUMLAH KESELURUHAN		**3,930**	**2,990,3000.00**	**16,414**	**2,709,928.38**

LAMPIRAN B

STATISTIK PENERIMA BIASISWA KECIL NEGERI (BKN)

BIL.	DAERAH	TAHUN 2024		TAHUN 2025	
		BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
1.	Barat Daya	453	344,040.00	396	295,680.00
2.	Timur Laut	824	616,320.00	745	544,440.00
3.	Seberang Perai Utara	1,096	798,960.00	1,158	837,600.00
4.	Seberang Perai Tengah	1,030	774,720.00	812	610,560.00
5.	Seberang Perai Selatan	788	584,640.00	763	561,720.00
JUMLAH KESELURUHAN		**4,191**	**3,118,920.00**	**3,875**	**2,850,000.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

2. Nyatakan langkah-langkah strategik yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menangani kes-kes buli serta masalah sosial dalam kalangan murid sekolah di negeri ini.

   (a) Nyatakan jumlah kes buli dan masalah sosial yang telah dilaporkan bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini mengikut kategori sekolah dan DUN.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memandang serius isu salah laku buli dan masalah sosial dalam kalangan murid di sekolah-sekolah di bawah seliaan JPNPP. Sejajar dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat, beradab dan bebas buli, pelbagai langkah strategik telah dan sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh KPM, JPN Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah.

   Langkah-Langkah Strategik Pencegahan dan Intervensi seperti berikut:

   (i) Pelaksanaan Garis Panduan SPI Bil. 12 Tahun 2023.

      (1) JPNPP memastikan semua sekolah mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 12 Tahun 2023:

Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan. Antara tindakan utama seperti berikut:

(a) Siasatan kes dijalankan oleh guru penyiasat yang dilantik;

(b) Semua laporan direkodkan dalam sistem IDMe/ Sistem Salsiah Diri Murid (SSDM); dan

(c) Kes yang mempunyai unsur jenayah dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjut.

(ii) Program Pencegahan Buli dan Kesedaran Sahsiah.

(1) Pelbagai program pencegahan dan pendidikan nilai dilaksanakan sepanjang tahun dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Penang Women's Development Corporation (PWDC), Non Govermental Organisation (NGO) dan pelbagai agensi berkaitan, antaranya:

(a) Program "Gerakan Kepimpinan Madani: Hentikan Salah Laku Buli dan Seksual Polis Diraja Malaysia Tahun 2024". Dilaksanakan pada 15 Disember 2024 hingga 13 Januari 2025, melibatkan 396 buah sekolah seluruh negeri Pulau Pinang.Turut disertai oleh pengurusan tertinggi JPNPP, PPD dan sekolah;

(b) Kempen "Kami Benci Buli" dilaksanakan secara berkala semasa perhimpunan pagi dan aktiviti murid sepanjang tahun;

(c) Program *Town Hall Discussion* Kontinjen Pulau Pinang – Benci Buli: Cegah dan Lawan. Diadakan pada 25 September 2025 di Dewan Sri Pinang;

(d) Program Town Hall Tribunal Anti Buli: #Generasi Tanpa Buli anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri dan JPN Pulau Pinang, diadakan pada 25 September 2025 di Dewan SJKC Aik Hua;

(e) Kempen Pencegahan Buli sempena Penang2030 Festival@KOMTAR 2025 diadakan pada 11 Oktober 2025, menekankan mesej "Sekolah Selamat, Murid Sejahtera"; dan

(f) Pemasangan bahan kempen anti-buli dalam bentuk kain rentang, banting dan poster pencegahan buli dipasang di semua sekolah seluruh negeri.

(iii) Pemerkasaan Program Duta Sahsiah dan Kit Duta Sahsiah.

(1) Dilancarkan pada 25 November 2024 di semua 396 buah sekolah di Pulau Pinang, dengan pelancaran peringkat negeri di SMK Seri Balik Pulau (Daerah Barat Daya); dan

(2) Murid dilatih sebagai Duta Sahsiah untuk menjadi agen perubahan, mempromosikan tingkah laku positif dan menentang budaya buli di sekolah.

(iv) Program Intervensi dan Pemantauan Asrama.

(1) Program Terjah Asrama dilaksanakan oleh JPNPP, PPD dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan suasana asrama selamat dan terkawal;

(2) Pemeriksaan mengejut (*spot check*) dilakukan bagi menilai aspek keselamatan, disiplin, kebajikan dan pematuhan SOP;

(3) Pemasangan CCTV sedang diperluas ke semua asrama bagi pemantauan berterusan; dan

(4) Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) juga dalam proses membantu pemasangan CCTV di beberapa sekolah asrama di Pulau Pinang.

(v) Penggunaan Data Sahsiah untuk Pemantauan dan Intervensi Awal.

(1) SSDM/ Pengurusan Sahsiah dalam Sistem IDMe/ Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) digunakan bukan sekadar merekod salah laku tetapi untuk:

(a) Memantau perkembangan sahsiah murid secara berterusan;

(b) Mengenal pasti murid berisiko bagi intervensi awal oleh guru bimbingan dan kaunseling;

(c) Memberi pengiktirafan kepada murid berakhlak baik; dan

(d) Menyediakan data rasmi untuk perancangan dasar dan intervensi JPN/KPM.

(vi) Kolaborasi Antara Agensi dan Komuniti.

(1) Lawatan Asrama bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan warden;

(2) Program "Kit 5 Minit Bersama GBK" dilaksanakan secara mingguan bagi membentuk sahsiah dan kesejahteraan emosi murid; dan

(3) Pembudayaan Sahsiah Terpuji dilaksanakan di peringkat sekolah melalui Sektor Pembangunan Murid JPNPP.

Kerajaan Negeri melalui JPN Pulau Pinang komited untuk terus memperkukuh strategi pencegahan buli melalui pendekatan pendidikan nilai, intervensi awal dan kolaborasi pelbagai agensi. Fokus utama ialah memastikan setiap murid berada dalam persekitaran sekolah yang selamat,

harmoni dan bebas daripada sebarang bentuk buli atau salah laku sosial.

(a) Statistik Kes Buli dan Masalah Sosial (2024– September 2025) berdasarkan laporan rasmi melalui SSDM/Sistem Pengurusan Sahsiah Dalam IDMe (MOEIS) adalah seperti berikut:

TAHUN DATA BULI	BIL KES
2023	289 kes
2024	709 kes
2025 (September)	313 kes

Nota: Data ini merupakan jumlah keseluruhan laporan kes bagi sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang. Tiada pecahan mengikut kategori sekolah atau DUN direkodkan dalam sistem IDMe.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

3. Apakah strategi pelaksanaan, latihan dan pembangunan atlet yang telah dikenal pasti bagi mencapai sasaran 60 pingat emas dalam temasya SUKMA XXII Selangor 2026?

   (a) Nyatakan acara-acara sukan yang disasarkan menyumbang pingat emas tersebut serta justifikasi dan prestasi semasa pasukan SUKMA negeri.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa komited bagi memastikan program latihan menuju kejohanan SUKMA Selangor 2026 diberi perhatian penuh. Kejayaan atlet dan negeri ini memerlukan sokongan menyeluruh daripada semua pihak. Sehubungan itu, beberapa strategi dan inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan oleh MSNPP, antaranya adalah:

   (i) Penekanan diberikan kepada Pembangunan Kejurulatihan yang berkualiti melalui latihan berterusan dan pendedahan kepada latihan antarabangsa, integrasi sains sukan seperti kecergasan fizikal, pemakanan, psikologi, biomekanik dan fisioterapi;

   (ii) Pemantauan prestasi atlet dilaksanakan menggunakan teknologi moden seperti *Global Positioning System* (GPS) dan analisis video, manakala perancangan latihan tahunan yang tersusun mengikut kalendar pertandingan tahunan;

(iii) Menerapkan sains ke dalam sukan dan pengurusan kecederaan melalui pemeriksaan berkala dan sokongan fisioterapi;

(iv) Pendedahan kepada atlet untuk sukan-sukan yang disertai;

(v) Sokongan akademik disediakan bagi memastikan keseimbangan atlet dalam bidang sukan dan pendidikan; dan

(vi) Penilaian prestasi atlet dijalankan secara berkala berdasarkan *key performance indicator* (KPI) yang boleh diukur seperti kekuatan, ketepatan kemahiran dan pencapaian sasaran pingat.

(a) Pulau Pinang akan menyertai kesemua 37 jenis sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan Sukan SUKMA Selangor 2026. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mensasarkan kesemua sukan yang disertai menyumbang sekurang-kurangnya satu (1) pingat emas bagi Negeri Pulau Pinang.

Bagi acara individu yang mempunyai banyak kategori pertandingan, sasaran ditetapkan agar mereka menyumbang lebih daripada satu pingat emas bagi memastikan kontinjen Pulau Pinang berada dalam kelompok tiga negeri terbaik keseluruhan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

4. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu mengurangkan beban tugas guru, sokongan psikososial kepada guru serta usaha bagi meningkatkan kesejahteraan serta motivasi warga pendidik dalam menghadapi cabaran sistem pendidikan masa kini?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri melalui Sektor Psikologi dan Kaunseling (SPsK) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memainkan peranan penting di peringkat negeri dalam memperkukuh kesejahteraan psikologi warga pendidikan, khususnya guru sebagai tunjang utama sistem pendidikan negara melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif berfokus. SPsK juga komited memastikan guru berada dalam keadaan sejahtera, berdaya tahan serta memiliki keseimbangan emosi dan mental yang optimum bagi menyokong keberkesanan tugas dan profesionalisme keguruan.

Antara Sokongan Psikososial dan Usaha meningkatkan Motivasi serta Kesejahteraan Guru adalah seperti:

(i) Program #3A "Aware, Alert, Action":
Merupakan program kesedaran kesejahteraan psikologi warga KPM termasuk guru, yang memberi pendedahan tentang pengurusan emosi, kesejahteraan psikologi dan teknik-kemahiran psikologi positif. Program ini termasuk sesi ceramah, psikopedagogi, ujian psikologi seperti

Depression, Anxiety, and Stress Scale (DASS) dan Inventori Kesejahteraan Kendiri. Perkongsian bahan psikopendidikan ini dilakukan pada setiap bulan dengan topik-topik yang berbeza dari SPsK kepada Pengetua dan Guru Besar untuk dikongsikan kepada warga sekolah.

(ii) "3P" (Pencegahan, Pemulihan & Pembangunan):
Program 3P adalah intervensi dalam konteks perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada guru dalam membina kesejahteraan diri:

(1) Pencegahan (*Prevention*): Aktiviti yang bertujuan mengenal pasti dan menangani faktor risiko lebih awal sebelum masalah menjadi besar;

(2) Pemulihan (*Recovery/Intervention*): Aktiviti intervensi bagi individu yang telah mengalami isu psikologi/emosi atau kaunseling; dan

(3) Pembangunan (*Development/Growth*): Aktiviti yang memperkasa dan membangunkan kapasiti guru dalam aspek kesejahteraan, kemahiran hidup, daya tahan mental, dan pengurusan diri.

(iii) Hub Kesejahteraan Dan Literasi Kesejahteraan Psikologi (e-Pembelajaran):

(1) Hub Kesejahteraan Psikologi -Portal ini dibangunkan oleh KPM sebagai *one-stop centre* (pusat sehenti) untuk warga guru mendapatkan maklumat, panduan dan pembelajaran kendiri berkaitan kesejahteraan psikologi dan telah dipautkan dalam aplikasi *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) dapat diakses secara dalam talian untuk maklumat dan sokongan kesejahteraan; dan

(2) Literasi Kesejahteraan Psikologi (e-Pembelajaran) iaitu modul atas talian melalui Hub Kesejahteraan Psikologi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam DELIMa yang mengandungi video, infografik dan e-modul seperti:

(a) Minda Sejahtera;

(b) Teknik *Grounding*;

(c) Pengurusan Emosi Positif; dan

(d) Sokongan Sosial di Tempat Kerja.

(iv) Program Kesejahteraan Psikologi dan Kaunseling Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Inisiatif #111 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan:

Program ini khusus memberi fokus kepada kesejahteraan psikologi guru/pegawai pendidikan sebagai salah satu teras kebajikan guru dan warga pendidik. Memfokuskan tahap kesejahteraan psikologi warga PPP melalui instrumen khusus iaitu Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi)

(v) Latihan Kompetensi Kaunselor Pendidikan & Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK):

SPsK turut menyediakan ruang dan peluang kepada kaunselor pendidikan dan guru bimbingan dan kaunseling untuk menghadiri latihan dan kolokium peringkat BPsK, KPM sebagai persediaan ilmu dan kemahiran dalam menangani isu psikososial di organisasi.

(vi) Seminar kepada guru-guru kaunseling di Pulau Pinang anjuran Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) pada 17 Julai 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

5. Hanya 144 orang pesawah atau 2.88% daripada 5,057 pesawah Pulau Pinang berumur bawah 40 tahun. Sehubungan itu, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai orang muda dalam kegiatan penanaman padi?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai orang muda dalam kegiatan penanaman padi termasuk sokongan kewangan, penggunaan teknologi moden, latihan kemahiran dan pembangunan imej positif terhadap kerjaya pesawah.

   Usaha strategik yang sedang dirancang bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

   (i) Menyediakan insentif khas kepada pesawah muda;

   Program Pembangunan Petani Pelapis memberi bantuan berbentuk insentif pemula kepada petani sebelum petani muda mendapat dana yang lebih besar. Insentif yang dinyatakan termasuk input peralatan, input pertanian pintar, mekanisasi kecil dan infrastruktur ladang.

   Selain itu, terdapat juga Pembangunan Kelompok Tani yang mengutamakan geran kepada kelompok tani di

peringkat kawasan yang akan menyediakan insentif bagi kumpulan petani yang ingin menaik taraf kelompok kepada koperasi.

(ii) Mewujudkan program latihan dan *mentor-mentee* pesawah muda;

Program *Farmers Field School* (FFS) merupakan salah satu pendekatan pengembangan pertanian yang dilaksanakan dengan kerjasama DOA Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang bagi membangunkan kapasiti pesawah muda melalui proses pembelajaran secara praktikal di lapangan. Kaedah ini memberi peluang kepada peserta untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran di ladang melalui pemerhatian, analisis dan perbincangan bersama fasilitator sepanjang satu musim penanaman padi. Pendekatan ini menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar, pembangunan kemahiran membuat keputusan teknikal serta pengurusan ladang secara kendiri di samping menggalakkan perkongsian pengalaman pesawah.

Program ini dijalankan di Bumbung Lima, Kepala Batas dengan penyertaan golongan pesawah muda. Jadual pelaksanaan disusun berpandukan panduan *Rice Check* yang disyorkan oleh DOA, manakala sesi latihan diadakan sekali seminggu sepanjang satu musim tanaman. Sepanjang tempoh pelaksanaan, peserta menjalani sesi latihan di ladang dan ladang demonstrasi untuk mempelajari aspek utama penanaman padi seperti semaian, pengurusan perosak dan penyakit, pengairan, pembajaan, hasil, kos pengeluaran serta amalan teknik penanaman yang disyorkan. Fasilitator daripada DOA akan bertindak sebagai pembimbing dengan menggunakan pendekatan keadaan sebenar ladang kepada peserta. Program ini telah membantu meningkatkan pengetahuan agronomi dan kecekapan pengurusan ladang dalam kalangan pesawah muda yang terlibat.

Program FFS ini dilaksanakan pada setiap tahun bagi menggalakkan penyertaan pesawah belia di kawasan ini selain memastikan amalan penanaman padi dijalankan

mengikut panduan *Rice Check*. Inisiatif ini diharap dapat melahirkan generasi pesawah muda yang lebih berkemahiran, berdaya saing dan berpengetahuan dalam pengurusan tanaman padi yang mampan.

(iii) Menggalakkan penggunaan teknologi pertanian pintar seperti dron dan sistem automasi;

Melalui DOA Negeri Pulau Pinang, insentif mekanisasi turut disediakan kepada kelompok tani padi yang telah dinaik taraf kepada koperasi dan melalui ahli koperasi yang akan memberi perkhidmatan penyelenggaran sawah padi. Penglibatan golongan belia dalam kalangan ahli adalah amat penting bagi melaksanakan perkhidmatan pertanian yang menggunakan teknologi mekanisasi moden seperti pengendalian dron dan jentera penuaian padi.

Sejak tahun 2019 sehingga kini, sebanyak enam (6) jentera dan lima (5) dron pertanian telah diberikan kepada koperasi padi yang aktif. Kumpulan petani belia juga turut dilatih bagi menjalankan operasi keseluruhan mekanisasi yang disediakan.

(iv) Menambah baik infrastruktur pertanian dan akses kepada tanah;

Infrastruktur yang ditambah baik akan mempengaruhi hasil padi. Selain itu, infrastruktur saliran yang baik juga akan dapat membantu dalam menyelesaikan isu seperti tanah jerlus dan juga perosak seperti keladi agas. Oleh yang demikian, penambahbaikan infrastruktur akan menjadikan lot-lot tanaman padi sedia ada berada dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk diusahakan oleh kumpulan petani belia.

(v) Promosi dan pembangunan imej positif kerjaya pesawah; dan

Kempen kesedaran perlu dilaksanakan melalui saluran media dan program komuniti untuk menonjolkan potensi pendapatan serta kepentingan strategik kerjaya pesawah terhadap sekuriti makanan negara. Usaha ini penting untuk

mengubah persepsi masyarakat khususnya golongan muda agar melihat kerjaya pesawah sebagai satu bidang yang berdaya maju dan berpotensi tinggi dari segi ekonomi. Selain itu, platform jaringan usahawan tani muda juga wajar diwujudkan bagi menggalakkan perkongsian ilmu, pengalaman dan inovasi dalam kalangan pesawah muda ke arah pembangunan komuniti tani yang lebih progresif.

(vi) Kerjasama strategik dengan agensi dan institusi pendidikan.

Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai jabatan/agensi berkaitan, institusi pengajian tinggi serta pihak industri dalam usaha melahirkan tenaga muda yang berpengetahuan, berkemahiran dan mampu mengadaptasi teknologi moden dalam penanaman padi.

Melalui inisiatif ini, modul latihan di institut-institut pertanian dapat diperkasakan dengan komponen teknologi baharu, penyelidikan terapan dan amalan agronomi moden. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem latihan dan inovasi, malah menyokong agenda pemodenan serta kelestarian industri padi negeri ke arah peningkatan daya saing golongan pesawah muda.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

6. Purata hasil padi bagi tahun 2024 hanya 4.86 tan per hektar. Apakah fakor-faktor yang menyebabkan pengurangan ini?

   (a) Apakah strategi dan pelan tindakan yang disusun supaya purata hasil padi ini meningkat semula pada musim-musim akan datang?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Punca utama penurunan dalam pengeluaran hasil tanaman padi di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh merebaknya rumpai keladi agas (*Monochoria vaginalis*). Rumpai ini tergolong dalam kumpulan rumpai daun lebar akuatik yang sering ditemui di kawasan sawah padi. Keladi agas membiak dengan cepat melalui biji benih dan rizom serta bersaing dengan tanaman padi untuk mendapatkan nutrien, cahaya matahari dan air. Keadaan ini menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, hasil tuaian berkurangan dan mutu beras menurun. Selain itu, rumpai yang tumbuh padat turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan sawah serta meningkatkan kos kawalan ladang. Rumpai ini juga berpotensi merebak ke kawasan berhampiran sekiranya tidak dikawal dengan segera seterusnya dapat menjejaskan keseluruhan produktiviti kawasan jelapang.

   Selain keladi agas yang merebak, terdapat beberapa faktor lain turut menyumbang kepada penurunan hasil padi di negeri ini. Kemerebakan perosak dan penyakit terutamanya oleh bena perang, ulat pengorek batang dan tikus sawah merupakan faktor

yang menyebabkan kerosakan serius terhadap tanaman. Penyakit seperti hawar daun bakteria (BLB), reput tangkai (sheath rot) dan *blast* turut menjejaskan hasil padi sekiranya kawalan tidak dijalankan dengan berkesan dan mengikut jadual. Serangan perosak dan penyakit ini biasanya berlaku apabila kawalan kimia dilakukan secara tidak menyeluruh atau melebihi kadar yang disyorkan sehingga mengganggu keseimbangan ekosistem sawah.

Faktor lain yang turut memberi kesan besar ialah masalah pengairan dan saliran. Sebahagian kawasan sawah khususnya yang terletak di hujung sistem tali air, mengalami kekurangan bekalan air pada musim kemarau, manakala kawasan rendah pula sering mengalami takungan air yang berlebihan akibat sistem saliran yang tidak berfungsi dengan baik. Keadaan paras air yang tidak sekata ini menyebabkan pertumbuhan padi tidak seragam dan akhirnya membawa kesan penurunan kepada hasil keseluruhan.

Selain itu, penggunaan benih tidak sah atau benih lama turut menjadi punca hasil rendah. Terdapat pesawah yang masih menggunakan benih simpanan sendiri yang mempunyai kadar percambahan rendah dan kurang daya tahan terhadap penyakit. Penggunaan benih sah dan berkualiti tinggi amat penting bagi memastikan pertumbuhan yang seragam, cepat serta tahan terhadap serangan perosak dan penyakit, seterusnya menjamin hasil yang optimum.

Pengurusan ladang yang kurang efisien juga menyumbang kepada penurunan hasil. Amalan agronomi yang tidak mengikut garis panduan seperti jarak tanaman yang tidak seragam, penggunaan baja yang tidak seimbang serta kawalan rumpai dan perosak yang tidak berjadual menyebabkan tanaman tidak mencapai potensi hasil sebenar. Penggunaan racun tidak mengikut kadar yang disyorkan pula boleh menjejaskan kesuburan tanah serta meningkatkan rintangan rumpai dan perosak dalam jangka masa panjang.

Dalam masa yang sama, peningkatan kos input pertanian seperti baja, racun dan upah buruh turut memberi kesan terhadap produktiviti sawah. Kos pengeluaran yang semakin meningkat menyebabkan sesetengah petani mengurangkan kadar input,

manakala harga padi semasa yang tidak seimbang dengan kos pengeluaran mengurangkan minat dan motivasi pesawah untuk mengusahakan sawah secara intensif. Situasi ini akhirnya menyebabkan hasil padi per hektar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Tambahan pula, terdapat kawasan sawah yang tidak diusahakan atau dibiarkan terbiar akibat faktor usia pesawah yang semakin lanjut, warisan tanah yang tidak dibahagi, atau pulangan yang tidak menggalakkan. Kawasan sawah terbiar ini seterusnya menjadi tempat pembiakan rumpai dan perosak, sekali gus menjejaskan kawasan sawah aktif bersebelahan. Masalah ini turut menyukarkan usaha penyelarasan penanaman dan kawalan perosak secara bersepadu.

Akhir sekali, faktor cuaca dan perubahan iklim turut memainkan peranan penting dalam penurunan hasil padi. Taburan hujan yang tidak menentu, musim kemarau panjang, banjir kilat dan suhu tinggi semasa tempoh pembungaan boleh menyebabkan padi menjadi hampa atau tidak berisi. Keadaan ini semakin ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini akibat perubahan iklim global yang menjejaskan kestabilan sistem pengairan dan jadual penanaman.

Secara keseluruhannya, penurunan hasil padi di Negeri Pulau Pinang berpunca daripada gabungan faktor biotik seperti kemerebakan rumpai, perosak dan penyakit serta faktor abiotik seperti pengairan, benih, pengurusan ladang dan cuaca. Oleh itu, pelaksanaan tindakan kawalan bersepadu, peningkatan penggunaan teknologi moden serta pematuhan amalan agronomi baik amat penting bagi memastikan pengeluaran padi negeri ini dapat ditingkatkan secara mampan dan berterusan.

(a) Bagi memastikan pengeluaran hasil padi di Negeri Pulau Pinang dapat ditingkatkan secara mampan, pelbagai langkah strategik telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang melalui pendekatan bersepadu yang merangkumi kawalan rumpai, peningkatan amalan agronomi, penyelenggaraan pengairan serta sokongan teknikal kepada pesawah.

Salah satu usaha utama Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang adalah pembendungan dan kawalan rumpai keladi agas *Monochoria vaginalis* yang dikenal pasti sebagai punca utama penurunan hasil padi. Bagi menangani isu ini, satu pasukan *Task Force* khas telah ditubuhkan pada Mei 2023 untuk menyelaras tindakan pembasmian, kawalan serta pemulihan kawasan sawah yang terjejas. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Program Pembangunan Tanaman Padi telah memperuntukkan sebanyak RM900,000.00, manakala pada musim kedua 2023, tambahan sebanyak RM400,000.00 telah disalurkan khusus bagi perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas di dua (2) daerah utama yang meliputi kawasan seluas 74.4 hektar. Pelaksanaan program tersebut berjaya menurunkan keluasan infestasi rumpai sebanyak 64.15% pada musim pertama tahun 2024 dan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan.

Selain itu, pada tahun 2025, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah diadakan di seluruh negeri bagi meningkatkan kesedaran pesawah tentang kepentingan kawalan awal di peringkat penyediaan tanah *pra-cambah*. Sebanyak enam (6) bendera kuning tanda amaran turut dinaikkan di lokasi bancian perosak dan penyakit di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) sebagai isyarat kepada pesawah untuk melaksanakan kawalan segera.

Seterusnya, petak demonstrasi penanaman mengikut kaedah *rice check* turut dilaksanakan di SPU melibatkan keluasan empat (4) hektar bagi musim kedua tahun 2025 sebagai platform latihan lapangan kepada pesawah dalam mengamalkan pengurusan tanaman yang betul dan berkesan.

Langkah-langkah teknikal lain turut diberi penekanan bagi meningkatkan hasil padi di negeri ini. Antaranya ialah pengawalan rumpai dan perosak secara bersepadu (IPM) yang menggabungkan kawalan awal sebelum penanaman, kawalan kimia menggunakan racun pra-rawat dan pasca-

rawat mengikut kadar disyorkan, serta kawalan manual dan mekanikal bagi kawasan kemerebakan tinggi. Langkah ini dilengkapi dengan amalan agronomi baik seperti penggunaan benih sah dan berkualiti tinggi, penanaman mengikut jarak disyorkan, serta kawalan paras air sawah antara 5cm hingga 10cm bagi mengurangkan pertumbuhan rumpai daun lebar seperti keladi agas.

Dari segi infrastruktur, pemantapan sistem pengairan dan saliran sawah amat penting untuk memastikan air mencukupi dan sekata di semua kawasan jelapang. Agensi-agensi pengairan dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) disaran mempertingkat kerja penyelenggaraan tali air, parit dan pintu kawalan secara berkala agar pengagihan air dapat dijalankan dengan cekap mengikut fasa pertumbuhan tanaman.

Selain itu, penggunaan benih sah dan teknologi moden perlu dipertingkatkan di kalangan pesawah. Benih sah yang diperakui Jabatan Pertanian mampu menjamin kadar percambahan tinggi dan seragam, manakala penerapan teknologi seperti jentera menabur benih terus *direct seeding machine* serta sistem pemantauan amaran awal perosak dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran. Program demonstrasi dan latihan lapangan *rice check* yang dijalankan di kawasan tumpuan pengeluaran padi juga memainkan peranan penting dalam memberi bimbingan teknikal berterusan kepada pesawah.

Dari sudut sokongan pengurusan dan insentif, kerajaan disaran meneruskan bantuan dan subsidi pertanian termasuk benih sah, baja, racun serta bantuan mekanisasi bagi mengurangkan beban kos pengeluaran pesawah. Usaha mengaktifkan semula kawasan sawah terbiar juga perlu diberi keutamaan melalui program kerjasama antara agensi dan koperasi pesawah bagi mengoptimumkan penggunaan tanah.

Akhir sekali, aktiviti pemantauan, bancian dan penyelidikan berterusan perlu dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan program kawalan keladi agas serta mengenal pasti pendekatan terbaik yang sesuai dengan

keadaan tempatan. Melalui perlaksanaan tindakan bersepadu ini, hasil padi Negeri Pulau Pinang dijangka dapat ditingkatkan secara berperingkat ke arah mencapai sasaran purata 7 hingga 10 tan sehektar menjelang tahun 2030, seterusnya memperkukuh kedudukan negeri sebagai penyumbang penting kepada keterjaminan makanan negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

7. Projek Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua akan bermula. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengelak kemungkinan berlaku kesesakan trafik yang lebih teruk di jajaran ini semasa tempoh pembinaan projek?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

   Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengelak kemungkinan berlaku kesesakan trafik yang lebih teruk di jajaran ini semasa tempoh pembinaan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua adalah dengan memastikan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) atau kontraktor yang dilantik melaksanakan perkara berikut:-

   (i) Mengemukakan Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan, TMP) kepada MBSP bagi semakan dan kelulusan sebelum kerja pembinaan dimulakan;

(ii) Menetapkan penyediaan laluan alternatif dan lencongan sementara bagi memastikan aliran trafik kekal lancar sepanjang tempoh pelaksanaan projek; dan

(iii) Memastikan koordinasi berterusan antara KKR, LLM, PLUS, MBSP dan PDRM bagi pemantauan trafik serta pelaksanaan langkah mitigasi di lokasi-lokasi kritikal.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

8. Nyatakan jumlah kampit beras tempatan (bersubsidi) yang diperuntukkan untuk pasaran Pulau Pinang dan jumlah kampit telah dijual bagi tempoh Mac hingga Ogos 2025.

   (a) Apakah beras tempatan kurang laku / kurang permintaan berbanding beras import?

   (b) Bilakah Beras Cap Feri akan masuk ke pasar raya dan kedai-kedai runcit?

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Dalam tempoh 6 bulan pelaksanaan Program Khas Beras Putih Tempatan Bersubsidi (BPT) tahun iaitu bulan Mac hingga Ogos 2025 sejumlah 926, 972 kampit telah diedarkan di dalam Negeri Pulau Pinang.

   (a) Permintaan beras tempatan dan beras import adalah bergantung kepada pilihan pengguna. Pemilihan beras tempatan dan beras import juga bergantung kepada perbezaan pendapatan setiap pengguna. Kini pilihan lebih terbuka antara kedua-duanya kerana program subsidi beras putih tempatan telah tamat. Hal ini telah menyebabkan perbezaan nilai beras tempatan dan beras import hanya sedikit berbanding dahulu.

   (b) Pihak FAMA hanya dibenarkan untuk memasarkan Beras Cap Feri melalui Program JAM sahaja berdasarkan permit

yang diluluskan oleh pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB). Program JAM diadakan di lokasi terpilih termasuk di Pasar Tani, Pasar Tani Kekal dan *Outlet* Agrobazaar Kedai Rakyat terpilih di seluruh Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

9. Projek naik taraf Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas disenaraikan sebagai keutamaan dalam Belanjawan Persekutuan 2026. Jelaskan mengenai skop kerja yang terlibat dalam projek naik taraf tersebut serta kos projek.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Skop kerja yang terlibat dalam projek naik taraf tersebut serta kos projek adalah seperti berikut:

Skop Kerja	Anggaran Kos (RM)
Naik taraf Boling Padang	5,000,000.00
Naik taraf Trek Sintetik	2,000,000.00
Naik taraf Lampu Limpah	2,000,000.00
Kerja perundingan	1,000,000.00
Jumlah	**10,000,000.00**

Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan dan skop kerja yang akan dilaksanakan bergantung kepada perincian kelulusan belanjawan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan kelak.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

10. Padi ratun.

(a) Apakah kerjasama MARDI dengan Universiti Perhutanan & Pertanian Fujian (FAFU) sudah dimeterai untuk laksanakan projek kajian di MARDI Seberang Perai?

(b) Apakah sudah dibuat kajian menyeluruh kesediaan dan penerimaan pesawah terhadap penanaman padi ratun?

(c) Nyatakan jangkaan hasil per hektar bagi padi ratun.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. (a) Perjanjian kerjasama antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan Fujian Agriculture and Forestry University, China (FAFU) masih belum dimeterai. Namun, perbincangan awal berkenaan hala tuju projek akan diadakan dalam masa terdekat.

(b) Sehingga kini, kaedah penanaman padi secara ratun belum pernah dijalankan sama ada di peringkat *research and development* (R&D) atau secara komersial di jelapang padi Malaysia. Justeru, tiada data berkenaan tahap penerimaan dan kesediaan pesawah terhadap kaedah penanaman ini.

(c) Tiada data jangkaan hasil boleh dicadangkan kerana ia belum pernah dinilai.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

11. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina gelanggang pickleball di setiap DUN bagi menggalakkan penyertaan rakyat dalam aktiviti sukan rekreasi baharu ini?

    (a) Jika ada, nyatakan agensi pelaksana, anggaran kos pembinaan, serta strategi promosi dan pembangunan bakat sukan *pickleball* di peringkat komuniti dan sekolah.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi yang berkaitan sentiasa komited dalam membangunkan sukan di negeri ini. Namun, permohonan bagi pembinaan dan menaik taraf gelanggang *pickleball* perlu terlebih dahulu di mohon kepada Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

    Kerajaan Negeri turut menyokong aktiviti sukan *pickleball* di mana ia mampu melahirkan masyarakat sihat di sebalik memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.

    (a) Bagi sukan *pickleball*, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang (PSDKLPP) telah membina Nibong Tebal Arena yang menyediakan gelanggang *pickleball* bersama-sama gelanggang badminton dengan jumlah kos peruntukan bagi tahun 2025 adalah RM235,000.00.

Namun, anggaran kos bagi pembinaan sebuah gelanggang *pickleball* dianggarkan sebanyak RM160,000.00. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut tertakluk kepada keadaan dan status tanah tapak cadangan, serta pelbagai faktor lain yang perlu diteliti sebelum pelaksanaan projek dibuat.

Beberapa strategi dan usaha promosi bagi sukan *pickleball* di peringkat komuniti dan sekolah telah dilaksanakan, antaranya ialah:

(i) Mempromosikan *pickleball* semasa Hari Sukan Negara di Balik Pulau; dan

(ii) Mempromosikan *pickleball* semasa Karnival Edutech.

Persatuan Pickleball Pulau Pinang turut memainkan peranan penting dalam mempromosi sukan ini kepada masyarakat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

12. Apakah pelan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam menggalakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian terutamanya pengeluaran makanan asas?

    (a) Nyatakan jumlah usahawan tani yang telah berjaya dibangunkan melalui program bimbingan, geran bantuan atau kerjasama strategik bersama agensi Persekutuan dan sejauh mana impaknya terhadap ekonomi desa.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Kerajaan Negeri komited dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang ke arah pertanian moden dan berhasrat untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai peluang ekonomi yang menarik minat belia. Ia sedang dilaksanakan melalui perancangan yang sejajar dengan inisiatif negeri seperti *Penang Strategy for Economic Ecosystem Development* (Penang SEED) dan sasaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

    Strategi pelaksanaan bagi jangka masa panjang adalah seperti yang berikut:

    (i) Memodenkan Pertanian (*Agri-Tech* & Pertanian Bandar)

        Galakan penggunaan teknologi seperti *Internet of Things* (IoT), fertigasi, *vertical farming* dan automasi

supaya pertanian dapat menarik minat belia berkemahiran digital dan memberi pulangan ekonomi yang lebih baik.

(ii) Insentif Kewangan & Bantuan Permulaan

Pembiayaan geran, subsidi dan skim pembiayaan mikro untuk usahawan belia yang terlibat dengan agroperniagaan.

(iii) Latihan, Pendidikan dan Pemindahan Kemahiran

Program latihan teknikal, kursus penanaman secara moden, kolaborasi dengan institusi pengajian dan program inkubator supaya belia memperoleh kemahiran pengurusan ladang moden, pemasaran dan pemprosesan makanan. Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang bersedia menawarkan perkhidmatan nasihat teknikal dan program pembinaan kemahiran.

(iv) Akses Kepada Tanah, Infrastruktur dan Kawasan Pertanian Bandar

Menyediakan lot kecil, tapak pertanian bandar/kebun komuniti atau rancangan sewa jangka panjang untuk belia menjalankan pertanian bandar/komersial kecil supaya kos permulaan rendah dan risiko dikurangkan. Cadangan polisi dan perancangan negeri menekankan pengurusan fizikal ruang pertanian dalam pelan terancang.

(v) Rangkaian Nilai Melalui Pasaran Tempatan, Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dan Produk Hiliran

Memperkasa rantaian nilai bantuan pemasaran seperti di pasar tani dan platform e-dagang, sokongan pemprosesan hiliran serta menjadi penghubung kepada pembeli utama seperti sekolah, institusi dan hotel.

(a) Program Agropreneur Muda merupakan inisiatif kerajaan bagi menggalakkan penglibatan belia dalam sektor agromakanan melalui pemberian bantuan geran dan bimbingan keusahawanan. Individu warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 43 tahun layak

dipertimbangkan untuk menerima Geran Agropreneur Muda *Start-Up,* manakala individu berumur antara 21 hingga 45 tahun layak bagi Geran Agropreneur Muda *Scale-Up*. Pelaksanaan program ini telah memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi luar bandar dengan memperkukuh penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian moden. Sehingga kini, seramai 27 orang usahawan tani di Negeri Pulau Pinang masih aktif meneruskan perusahaan selepas menerima bantuan di bawah Program Agropreneur Muda dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan belia tani di negeri ini.

Sehingga tahun 2025, seramai 350 orang usahawan industri asas tani telah berjaya dibangunkan melalui pelbagai program bimbingan, bantuan geran serta kerjasama strategik dengan jabatan/agensi berkaitan. Inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah program ini adalah Geran Agropelancongan, Geran Pemadanan *High Impact Product* (HIP), Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP), Geran Galakan Pemasaran serta Program Rezeki Tani.

Manfaat program-program yang ditawarkan ini kepada ekonomi desa adalah seperti yang berikut:

(i) Peningkatan Pendapatan dan Taraf Hidup

(a) Peningkatan pendapatan isi rumah yang membantu meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar secara purata antara 20% hingga 40% selepas menerima bantuan dan dapat memperbaiki taraf hidup keluarga tani di Negeri Pulau Pinang;

(b) Menjana pendapatan mampan melalui pemberian geran sehingga RM30,000.00 bagi projek *Start-Up* dan geran sehingga RM50,000.00 bagi projek *Scale-Up*. Para agropreneur muda berupaya memperoleh peralatan, input serta teknologi baharu yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran melalui geran ini. Pendapatan yang dijana menjadi lebih stabil dan mampan dalam jangka panjang;

(c) Sokongan Pembiayaan Modal Melalui Tabung Usahawan Tani (TUT) yang memberi pinjaman bersifat mudah kepada usahawan tani baharu dan sedia ada bagi tujuan modal pusingan, pembelian aset serta penambahbaikan operasi ladang. Inisiatif ini membantu memperkukuh kedudukan kewangan agropreneur kecil dan memudahkan pengembangan aktiviti pertanian secara komersial; dan

(d) Mengurangkan penghijrahan belia ke bandar dengan menyediakan peluang pekerjaan dan keusahawanan di kawasan luar bandar, menjadikan sektor pertanian sebagai sumber rezeki yang berdaya maju serta menarik minat generasi muda.

(ii) Pemodenan dan Daya Tarik Sektor Pertanian

(a) Penggunaan teknologi dan inovasi dalam bantuan berbentuk geran yang dapat mendorong agropreneur muda untuk mengadaptasi teknologi moden seperti sistem fertigasi, mekanisasi, automasi serta penggunaan aplikasi digital dalam pengurusan ladang. Langkah ini meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengubah landskap pertanian daripada tradisional kepada lebih berteknologi dan produktif; dan

(b) Meremajakan sektor pertanian dengan meningkatkan penyertaan aktif golongan belia yang berumur 18 hingga 45 tahun bagi memastikan kesinambungan tenaga kerja muda dalam sektor pertanian dan memperkukuh pembangunan ekonomi desa.

(iii) Kesan Gandaan (*Multiplier Effect*) terhadap Ekonomi Setempat

(a) Mewujudkan peluang pekerjaan dengan pertambahan projek pertanian sama ada secara langsung (pekerja ladang dan pengurus operasi) atau tidak langsung (pembekal input, pengangkutan, pemprosesan dan pembungkusan);

(b) Pengukuhan rantaian nilai agromakanan melalui kejayaan usahawan muda dalam pengeluaran pertanian memberi kesan kepada industri asas tani (IAT) dan bidang pemprosesan makanan. Sebagai contoh, hasil tanaman yang meningkat dapat menyokong perniagaan pemprosesan makanan tempatan yang turut dijalankan oleh agropreneur muda lain; dan

(c) Sokongan kepada ekonomi tempatan dalam pelaburan semula keuntungan melalui perniagaan komuniti setempat seperti membeli bekalan daripada pembekal tempatan dan menggunakan perkhidmatan logistik tempatan. Tindakan ini membantu merancakkan aktiviti ekonomi desa dan mengukuhkan kitaran ekonomi setempat.

(vi) Perubahan Persepsi dan Pengukuhan Sekuriti Makanan

(a) Perubahan budaya dan persepsi yang berjaya mengubah pandangan masyarakat khususnya golongan muda terhadap sektor pertanian. Pertanian kini dilihat sebagai kerjaya profesional yang berpotensi tinggi dari segi pendapatan serta pembangunan diri; dan

(b) Keterjaminan dan kelestarian makanan melalui peningkatan produktiviti serta pengeluaran hasil pertanian oleh usahawan muda secara langsung yang menyumbang kepada pengukuhan bekalan makanan tempatan dan menyokong matlamat keterjaminan makanan negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

13. Penularan wabak Influenza A.

(a) Berapakah jumlah pelajar yang telah disahkan dijangkiti sejak awal tahun 2025 hingga kini mengikut daerah dan kategori sekolah?

(b) Apakah langkah-langkah pencegahan, kawalan, dan intervensi kesihatan awam yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengekang penularan wabak ini serta memastikan keselamatan pelajar?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. (a) Buat masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai data rasmi mengenai jumlah pelajar yang telah disahkan dijangkiti sejak awal tahun 2025 hingga kini mengikut daerah dan kategori sekolah.

Walau bagaimanapun, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan bagi tahun 2025 di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak kecil, warga emas dan pesakit yang

menghidap penyakit kronik memerlukan rawatan lanjut di hospital.

(b) JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah berikut:

(i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;

(ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan kendiri dan tanggungjawab bersama;

(iii) Pihak sekolah disarankan untuk membuat laporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

(iv) Ibu bapa perlu memastikan bahawa anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema atau batuk sebelum menghantar mereka ke sekolah; dan

(v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza - Like Illness* di Institut Pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di

institusi pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

26. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan:

(a) Status terkini pelaksanaan Tabung Dana Wakaf melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah-sekolah seluruh negeri.

(b) Jumlah sekolah yang telah menubuhkan tabung tersebut, jumlah kutipan semasa serta kaedah pengurusan dan penyaluran dana wakaf yang dilaksanakan bagi memastikan manfaatnya sampai terus kepada pembangunan pendidikan dan kebajikan murid.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. (a) Tabung Wakaf Pendidikan Pulau Pinang (TWPPP) telah diwujudkan oleh Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai pusat pengumpulan dana khusus bagi pembangunan sektor pendidikan di negeri ini. Buat masa ini, tabung tersebut tidak diwujudkan secara khusus melalui PIBG di sekolah- sekolah, sebaliknya dikendalikan secara langsung oleh Wakaf MAINPP sebagai inisiatif negeri di bawah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030). Pelaksanaan TWPPP kini berada pada fasa awal pengumpulan

dana, sebelum manfaatnya diperluas melalui pengembangan 'ain wakaf tersebut dan diagihkan kepada pelbagai sektor pendidikan di peringkat negeri. Wakaf MAINPP juga telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi menggalakkan penyertaan warga pendidik dan masyarakat dalam sumbangan wakaf tunai ke dalam tabung tersebut.

(b) Menurut rekod Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyatakan sehingga kini, tiada tabung wakaf yang diwujudkan secara berasingan oleh pihak sekolah atau Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG). Tabung Wakaf Pendidikan Pulau Pinang yang dilancarkan secara rasmi pada 17 Jun 2025 sempena Karnival Islami Masyarakat MADANI. Dana wakaf ini diurus, dikembang dan diagihkan kepada pelbagai institusi pendidikan bagi tujuan pembangunan fizikal dan insaniah. Sehingga September 2025, jumlah terkumpul melalui saluran tabung ini adalah sebanyak RM19,651.74. Perincian agihan Wakaf berkaitan pendidikan sehingga september 2025 adalah seperti berikut:

Bil	Institusi/Sekolah/Penerima/ Manfaat Wakaf	Jumlah (RM)	Jenis Agihan
1	Sekolah Kebangsaan Jalan Baru, Prai	5,000.00	Smart TV
2	Sekolah Kebangsaan Bukit Minyak	5,000.00	Smart TV
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad	60,000.00	Naik taraf bilik mesyuarat
4	Sekolah Kebangsaan Seri Gemilang, Butterworth	2,789.00	Smart TV
5	Surau Sekolah Bukit Minyak	3,000.00	Penghawa Dingin

Jumlah keseluruhan agihan Wakaf MAINPP berkaitan sektor pendidikan bagi tahun 2025 setakat ini ialah RM75,789.00 menggunakan saluran dana Tabung Wakaf Pendidikan dan saluran dana Wakaf Am. Agihan ini membuktikan bahawa dana wakaf yang dikumpul mula dimanfaatkan untuk penambahbaikan kemudahan sekolah, pembangunan prasarana pembelajaran, dan penyediaan persekitaran pendidikan Islam yang lebih kondusif.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

27. Nyatakan projek-projek di bawah Program Rumah MutiaraKu (RMKu) yang sedang dalam pembinaan, bilangan unit mengikut kategori rumah dan tarikh jangka siap serta tarikh serah milikan kepada pembeli.

    (a) Huraikan secara terperinci proses penilaian dan tapisan pemohon RMKu.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Sebanyak 34,965 unit Rumah MutiaraKu (RMKu) yang masih dalam peringkat pembinaan. Kategori RMKu yang dalam peringkat pembinaan tersebut adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jenis RMKu	Unit
A	4,029
B	5,741
C	25,195
JUMLAH	**34,965**

Jadual 1 : Jumlah unit RMKu mengikut kategori dalam peringkat pembinaan

Tarikh jangkaan siap bagi projek yang masih dalam peringkat pembinaan adalah dalam tempoh tiga (3) tahun selepas tarikh permit mula kerja (COW) diperoleh. Manakala tarikh serahan

milikan kepada pembeli pula adalah tertakluk kepada Perjanjian Jual Beli (S&P) yang telah ditandatangani antara pembeli dan pemaju.

(a) Proses pemilihan dan penawaran unit RMKu kepada pembeli dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan / *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE) yang dipengerusikan oleh YB EXCO Perumahan dan Alam Sekitar. Mesyuarat HOPE tersebut bersidang hampir setiap bulan untuk memperakukan permohonan berdaftar dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) mengikut senarai menunggu yang aktif. Senarai menunggu yang aktif tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

(i) Warganegara Malaysia;

(ii) Berumur 21 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;

(iii) Anak kelahiran Pulau Pinang atau bermastautin di Pulau Pinang;

(iv) Pengundi berdaftar di Pulau Pinang;

(v) Bekerja di Pulau Pinang;

(vi) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM2,500.00 untuk RMKu A harga maksimum RM42,000.00;

(vii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM3,500.00 untuk RMKu B1 harga maksimum RM72,500.00;

(viii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM5,000.00 untuk RMKu B2 harga maksimum RM100,000.00;

(ix) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM8,000.00 untuk RMKu C1 harga maksimum RM150,000.00;

(x) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM10,00.00 untuk RMKu C2 harga maksimum RM200,000.00;

(xi) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM12,000.00 untuk RMKu C3 harga maksimum RM300,000.00;

(xii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM15,000.00 untuk RMKu D harga maksimum RM400,000.00;

(xiii) Bagi permohonan RMKu Jenis A, Jenis B1 dan B2, pemohon dan pasangan tidak mempunyai rekod memiliki rumah di mana-mana negeri di Malaysia; atau

(xiv) Bagi permohonan RMKu Jenis C1, C2, C3 dan D, pemohon dan pasangan yang memiliki hanya satu (1) hartanah (harga belian hartanah sedia ada adalah kurang dari harga RMKu yang dimohon) adalah layak memohon.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

28. Apakah program-program keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2025 khususnya dalam kalangan belia dan wanita?

    (a) Senaraikan program-program keusahawanan yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026 mengikut agensi penganjur dan sasaran peserta.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pelbagai agensi di bawah Portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar sentiasa komited memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, latihan, bimbingan serta jaringan pasaran bagi memperkasa usahawan tempatan, khususnya golongan belia dan wanita.

    Bagi tahun 2025, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti berikut:

    i. Penang Youth Development Corporation (PYDC)

    Menjalankan *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC) di peringkat daerah bagi menggalakkan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan. PYDC turut melaksanakan Program Belia Aspirasi di Sekolah Tunas Bakti Telok Ayer

Tawar dan PUSPEN Bukit Mertajam yang memberi pendedahan kepada 131 belia mengenai peluang keusahawanan. Selain itu, Program Reben Kuning bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri melibatkan 20 peserta klien penjara yang diberi latihan keusahawanan digital dan pengurusan diri.

ii. Penang Women's Development Corporation (PWDC)

Melaksanakan Program PenMentor dari Ogos hingga Oktober 2025 yang menumpukan kepada pembangunan dan pengukuhan kapasiti usahawan wanita mikro dan kecil. Seramai 92 peserta mengikuti latihan dalam bidang pemasaran digital, strategi perniagaan, pengurusan kewangan dan penjenamaan produk serta sesi bimbingan industri selama tiga bulan.

iii. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

Menjalankan sepuluh (10) program latihan keusahawanan sepanjang tahun 2025 dengan kerjasama pelbagai agensi seperti INSKEN, LHDN, PWDC, MDEC dan SIRIM. Antara program utama termasuk Seminar *Business Model Canvas* (BMC), Kursus E-Invois, Jom Mahir Akaun, *AI Business & Copywriting* dan Usahawan Wanita Bangkit.

iv. Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI)

Menganjurkan pelbagai program termasuk Jelajah Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Negeri Pulau Pinang, *Bootcamp* Usahawan Bumiputera serta Penang Halal & *Heritage Carnival* (P2HC). PHI juga menyertai MIHAS@Shanghai bagi memperkukuh jaringan antarabangsa dan menggalakkan penyertaan usahawan halal Pulau Pinang di pasaran global.

v. Digital Penang

Melaksanakan StartupPenang500, sebuah *Venture Building Investment Programme* yang menyokong pengasas teknologi universiti dan *startup* tempatan. Program ini menyediakan bimbingan, latihan dan akses pelabur bagi memperkukuh ekosistem *startup* di Pulau Pinang.

(a) Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan akan meneruskan pelbagai inisiatif keusahawanan bagi memperkukuh keberhasilan program sedia ada serta memperluas penyertaan usahawan tempatan. Fokus utama pelaksanaan program akan tertumpu kepada pembangunan kapasiti, pendigitalan perniagaan serta pengukuhan jaringan pasaran di peringkat negeri dan antarabangsa.

Antara program yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026 adalah seperti berikut:

(i) PYDC akan meneruskan usaha memperkasa belia dalam bidang keusahawanan melalui penganjuran *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC) di peringkat negeri sebagai kesinambungan kepada pelaksanaan peringkat daerah pada tahun sebelumnya;

(ii) PWDC menumpukan pelaksanaan Program PenMentor 2026 dengan memberi penekanan terhadap aspek pengembangan pasaran dan pendigitalan perniagaan wanita. Pada masa yang sama, Program Wanita Jana Rezeki X JPWK diteruskan bagi memperkukuh kapasiti, kepimpinan dan keusahawanan wanita komuniti di peringkat akar umbi;

(iii) PDC memfokus kepada program lanjutan ke arah pendigitalan perniagaan serta pembangunan infrastruktur keusahawanan, termasuk SME Halal @ PSPN dan Kompleks Dataran Usahawan Bandar Cassia bagi menyediakan ruang pertumbuhan yang kondusif kepada usahawan mikro dan kecil;

(iv) PHI meneruskan pelaksanaan program utama industri halal negeri seperti Jelajah Taklimat Halal Negeri Pulau Pinang, *Bootcamp* Usahawan Bumiputera Pulau Pinang, *Penang Halal & Heritage Carnival* (P2HC) serta *Penang International Halal Expo* (PIHEX) yang menjadi platform pengukuhan ekosistem halal dan jaringan pasaran antarabangsa; dan

(v) Digital Penang memperluas pelaksanaan inisiatif StartupPenang500 dan memperkukuh pembangunan ekosistem *startup* serta ekonomi digital negeri sejajar dengan hala tuju *Digital Economy Blueprint Pulau Pinang.*

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXI)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

29. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP).

(a) Perincikan cadangan pelarasan zon guna tanah melibatkan pertanian dan perumahan, termasuk kawasan pembangunan baharu atau pemuliharaan hijau.

(b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk pastikan pelarasan ini tidak menjejaskan keselamatan makanan, kelestarian alam sekitar dan keseimbangan pembangunan bandar dan desa?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. (a) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 ini disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*AKTA 172*]. RSNPP 2030 merupakan dokumen perancangan fizikal utama yang menjadi rujukan dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri secara menyeluruh. Dokumen ini menggariskan dasar-dasar pembangunan yang bersifat relevan, holistik dan komprehensif, selaras dengan aspirasi negeri ke arah pembangunan mampan dan berdaya huni. Melalui RSNPP 2030, Negeri Pulau Pinang telah dibahagikan kepada beberapa zon kesesuaian pembangunan bagi memastikan penggunaan tanah dan sumber dapat diurus secara optimum, seimbang dan mampan. Zon-zon ini dibentuk berdasarkan potensi pembangunan, kekangan fizikal serta sensitiviti alam

sekitar bagi mencapai keseimbangan antara keperluan sosioekonomi dan pemeliharaan sumber semula jadi.

Dalam konteks cadangan pelarasan zon guna tanah, RSNPP 2030 memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

(i) Zon Pertanian

Kawasan pertanian strategik dikekalkan di kawasan yang mempunyai potensi tinggi untuk aktiviti pertanian moden, pertanian bandar dan agropelancongan. Penekanan turut diberikan kepada peningkatan produktiviti tanah pertanian melalui amalan teknologi hijau dan pertanian pintar. Sebarang perubahan guna tanah bagi kawasan pertanian akan diteliti bagi mengelakkan sebarang impak negatif terhadap keselamatan makanan dan keseimbangan ekologi negeri.

(ii) Zon Perumahan

RSNPP 2030 menggalakkan pembangunan perumahan secara bersepadu dan mampan dengan penumpuan kepada kawasan yang mempunyai infrastruktur lengkap serta akses mudah kepada pengangkutan awam dan kemudahan asas. Pelarasan ini bertujuan untuk menyokong pertumbuhan bandar sedia ada serta menggalakkan konsep pembangunan berorientasikan transit (*transit-oriented development*).

(iii) Kawasan Pembangunan Baharu dan Pemuliharaan Hijau

Kawasan berpotensi tinggi yang mempunyai keupayaan infrastruktur sedia ada dan risiko alam sekitar yang rendah akan menjadi fokus bagi kawasan pembangunan baharu. RSNPP 2030 turut menekankan keperluan untuk mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan simpan, cerun bukit, kawasan tadahan air dan rizab sungai dalam zon perlindungan. Pada masa yang sama,

pewujudan rangkaian hijau negeri (state green network) digalakkan bagi menghubungkan kawasan rekreasi, taman awam dan kawasan semula jadi sebagai koridor ekologi.

Secara keseluruhannya, pelarasan zon guna tanah yang digariskan dalam RSNPP 2030 bertujuan untuk memastikan pembangunan di Negeri Pulau Pinang dapat dilaksanakan secara teratur, bersepadu dan mampan bagi mencapai aspirasi negeri iaitu "Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara".

(b) Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pendekatan yang holistik dan bersepadu dalam memastikan setiap pelarasan dasar pembangunan tidak menjejaskan keselamatan makanan, kelestarian alam sekitar serta keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Antara pendekatan yang diambil adalah seperti berikut:

(i) Keselamatan Makanan

1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan sasaran sebanyak 23% hektar dari keluasan keseluruhan Negeri Pulau Pinang sebagai kawasan sumber makanan negara yang merangkumi pertanian, penternakan dan akuakultur.

2) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti kawasan guna tanah yang berpotensi sebagai pengeluaran makanan baharu. Langkah ini disusuli dengan pewujudan bank data guna tanah untuk pengeluaran makanan. Berdasarkan maklumat spatial jabatan dan agensi berkepentingan di peringkat Negeri Pulau Pinang, pemakluman kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara ini akan dibuat sebanyak dua (2) kali setahun; dan

3) Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini sedang melaksanakan dasar dan langkah yang terkandung dalam Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) yang telah disasarkan sehingga 2040.

(ii) Kelestarian Alam Sekitar

1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar dengan melaksanakan kawalan pembangunan yang melebihi 76 meter bersamaan 250 kaki sebagai kawasan berbukit dan kawasan alam semula jadi; dan

2) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira faktor perlindungan kawasan sensitif alam sekitar bagi mengelakkan daripada berlakunya pembangunan tidak terkawal dengan mewartakan Hutan Simpan Kekal dan kawasan tadahan air.

(iii) Keseimbangan Pembangunan Bandar dan Desa

1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengawal pembangunan di kawasan bandar sedia ada untuk mengelakkan daripada berlakunya kesesakan dan ketumpatan tinggi di samping 'membandarkan' kawasan kampung iaitu dengan menyediakan infrastruktur asas, kemudahan utiliti dan fasiliti setara dengan kawasan bandar.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

1. Setiap Pusat Penang2030 menerima peruntukan pengurusan RM6,000 setiap suku tahun, adakah Kerajaan Negeri bercadang menaikkan jumlah tersebut selaras dengan peningkatan kos utiliti dan operasi?

   (a) Berapakah jumlah peruntukan tahunan bagi semua pusat ini?

   (b) Adakah kajian keberkesanan penggunaan peruntukan telah dijalankan?

   (c) Apakah perancangan semakan kadar baharu bagi memastikan kelestarian operasi pusat-pusat ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri pada masa ini belum bercadang untuk menaikkan jumlah peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa meneliti keperluan tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan program dan operasi Pusat Penang2030 dapat dijalankan dengan berkesan, selaras dengan peningkatan kos utiliti dan operasi.

   (a) Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 8/2024 pada 6 Mac 2024 dan disahkan pada 13 Mac 2024 telah memutuskan peruntukan kos operasi Pusat Penang2030 sebanyak RM2,000.00 sebulan. Sehubungan itu, peruntukan tahunan sebanyak RM696,000.00 telah

dibajetkan untuk pembayaran kos operasi berkenaan. Namun, pembayaran kos operasi Pusat Penang2030 hanya berdasarkan laporan pemantauan Pusat Penang2030 yang berjaya dikemukakan pada setiap suku tahun.

Setakat 31 Oktober 2025, kos operasi sebanyak RM432,000.00 telah disalurkan kepada Pusat Penang2030 yang telah mengemukakan laporan pemantauan.

(b) Kajian keberkesanan penggunaan peruntukan Pusat Penang2030 sentiasa dipantau dan dijalankan melalui laporan pemantauan suku tahunan yang dikemukakan oleh setiap Pusat Penang2030 bagi memastikan perbelanjaan berhemah dan program memberi impak positif kepada komuniti setempat.

Lawatan tapak juga diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan operasi Pusat Penang2030 berjalan dengan lancar.

(c) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum merancang untuk menyemak semula kadar peruntukan pengurusan bagi pusat-pusat Penang2030. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus memantau keperluan operasi dan kos semasa bagi memastikan kelestarian pelaksanaan program di setiap Pusat Penang2030.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM YB KUMARAN KRISHNAN

2. Apakah hasil sebenar daripada sembilan strategi baharu hasil negeri 2025 dan sejauh mana sasaran pungutan dicapai?

   (a) Berapakah jumlah cukai tambahan diperoleh melalui semakan kadar lesen *liquor*, fi hotel, caj pembangunan dan lelongan tanah?

   (b) Apakah perancangan kerajaan memperkukuh kecekapan kutipan serta ketelusan pengurusan hasil negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Berdasarkan rekod, lima (5) daripada sembilan (9) strategi baharu hasil negeri 2025 telah menjana kutipan sebenar berjumlah RM4,782,429.17. Amaun ini adalah data kutipan hasil sebenar yang diterima sehingga 31 Oktober 2025. Terdapat strategi yang tiada kutipan direkodkan pada tahun 2025 berikutan masih di peringkat pengenalpastian lot dan proses kerja yang dilaksanakan secara berperingkat. Status pencapaian bagi sembilan (9) strategi peningkatan hasil yang dilaksanakan pada 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Tiada cukai tambahan yang diperoleh melalui semakan kadar baru setakat ini dan perincian adalah seperti berikut:

      (i) Lesen *liquor*

      Status cukai tambahan bagi lesen *liquor* masih di peringkat permohonan. Ketetapan kadar lesen *liquor*

adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan kali terakhir pindaan kadar ini dibuat adalah pada tahun 2014 melalui Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 163] bertarikh 20 Jun 2014.

Surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2025 telah dikemukakan bagi mencadangkan kadar lesen *liquor* sedia ada disemak semula.

(ii) Fi hotel

Cadangan penyemakan kadar baharu fi hotel kini berada di peringkat akhir pemuktamadan selepas melalui proses libat urus bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan agensi pelancongan berkaitan.

Langkah ini bertujuan memastikan kadar baharu yang ditetapkan lebih sepadan dengan struktur fi pelancongan di negeri lain, serta mengambil kira kemampuan industri dan sensitiviti pengguna. Apabila dimuktamadkan, kadar fi baharu ini dijangka meningkatkan hasil bukan cukai kepada Kerajaan Negeri secara berterusan, di samping menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan yang mampan dan terkawal.

(iii) Cadangan lelongan tanah-tanah kerajaan

Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan Secara Lelongan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Pengeluaran pekeliling kepada semua Pejabat Tanah telah dilaksanakan untuk menggerakkan proses lelongan hartanah berpotensi. Pekeliling tersebut adalah Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 2 Tahun 2025 bertajuk "Garis Panduan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Secara Lelongan", berkuatkuasa pada 26 Mei 2025. Pelaksanaan garis panduan ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk

memaksimumkan pulangan hasil tanah secara telus dan berdaya saing.

Setakat ini, satu (1) kawasan telah dikenal pasti bagi pelaksanaan awal, melibatkan empat (4) lot tanah di Daerah Timur Laut. Proses penilaian dan penyelarasan lanjut sedang dijalankan sebelum pelaksanaan lelongan dilaksanakan sepenuhnya.

(iv) Caj pembangunan

Sesi libat urus bersama wakil-wakil rakyat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 29 April 2025 bagi membentangkan simulasi semakan kadar cukai tanah dan pengkelasan kawasan daripada desa kepada bandar. Sesi ini bertujuan memberikan pendedahan awal serta mendapatkan maklum balas berhubung implikasi kadar baharu yang dicadangkan, sebelum pelaksanaan secara menyeluruh oleh Kerajaan Negeri.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk memperkukuh kecekapan kutipan hasil serta memastikan ketelusan dalam pengurusan kewangan negeri. Sehubungan itu, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan melalui pendekatan tadbir urus berasaskan prinsip *Competency, Accountability and Transparency* (CAT).

Antara langkah utama yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk:

(i) Pendigitalan kutipan hasil negeri melalui peluasan penggunaan kaedah e-pembayaran bagi meningkatkan kecekapan urus niaga, mengurangkan ketirisan serta memudahkan pemantauan hasil oleh jabatan dan agensi berkaitan.

(ii) Pelaksanaan semakan semula kadar dan prosedur kutipan hasil melalui bengkel khas bersama jabatan dan pihak berkuasa tempatan bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan serta mengurangkan tunggakan hasil. Hasil bengkel tersebut, sebanyak 24 strategi dikenal pasti untuk menambah baik hasil

negeri, di mana sembilan (9) strategi utama telah mula dilaksanakan (**LAMPIRAN A**).

(iii) Pemantapan pengurusan tunggakan hasil melalui tindakan penguatkuasaan, pemantauan berjadual dan pelaporan prestasi kutipan secara berkala kepada pihak pengurusan tertinggi negeri.

(iv) Peningkatan ketelusan dan akauntabiliti melalui pelaksanaan dasar tender terbuka bagi penjualan aset dan tanah milik kerajaan negeri, bagi memastikan proses lebih telus, adil dan berintegriti, sekali gus mengelakkan sebarang persepsi negatif terhadap urus niaga kerajaan negeri.

(v) Pelaksanaan inisiatif Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) di peringkat negeri bagi mempercepat dan memperkemas proses pentadbian hasil tanpa menjejaskan kawalan dalaman serta pematuhan kepada tatacara kewangan.

Kerajaan Negeri juga sedang memperkukuh mekanisme pemantauan hasil melalui pelaporan kewangan secara digital, audit dalaman yang lebih kerap serta pembangunan *dashboard* hasil negeri bagi membolehkan analisis prestasi kutipan dilaksanakan secara masa nyata.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini dijangka dapat memperkukuh kecekapan sistem kutipan hasil, meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan negeri, serta menjamin kedudukan fiskal Pulau Pinang kekal mampan dan berdaya tahan pada masa hadapan.

LAMPIRAN A

Senarai hasil yang dijangka diterima Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2025 - 2027 adalah seperti berikut:

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
1.	Melaksanakan kutipan tunggakan cukai petak sejumlah RM6 juta pada tahun 2025 (50% daripada tunggakan keseluruhan RM12 juta)	PTGPP telah menjalankan *taskforce* turun padang dengan mengadakan lawatan ke skim-skim strata di daerah Timur Laut bagi mengenalpasti nombor patil bagi dipadankan dengan nombor hakmilik. Usaha ini telah menunjukkan impak positif di mana tunggakan cukai petak dapat dilaksanakan serta pencerahan kepada orang awam tentang cukai petak serta perbezaannya di antara cukai taksiran, cukai tanah serta caj penyelenggaran dapat dijelaskan. Selain itu, peringatan membayar cukai juga digiatkan di semua platform media sosial PTGPP bagi memberi kesedaran kepada orang awam. Tindakan penguatkuasaan dan perampasan juga wajar dilaksanakan sekirannya Kerajaan Negeri serius dalam mengurangkan tunggakan cukai petak.	Berdasarkan kepada unjuran kutipan tunggakan cukai petak untuk tahun 2025 yang berjumlah RM6 juta, setakat 29/10/2025 kutipan tunggakan cukai petak yang berjaya dikutip berjumlah RM2,438,600.07.	Kutipan Tunggakan Cukai Petak setakat 29/10/2025 adalah RM2,438,600.07. Melibatkan bayaran oleh 19,882 akaun cukai petak di Negeri Pulau Pinang.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
2.	Cadangan Lelongan Tanah-Tanah Kerajaan, Contoh: Tanah-Tanah Yang Dilucuthak di bawah Seksyen 100 KTN Atau Tanah Lain Milik Kerajaan Yang Bernilai Tinggi dan Berpotensi Untuk Dilelong.	Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan secara lelongan telah dibentangkan dan diluluskan PBN. PTGPP telah memohon kesemua Pejabat Daerah untuk mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) hakmilik tanah untuk dicadangkan bagi tujuan lelongan.	Unjuran RM10 juta	Garis panduan lelong telah dikeluarkan pada 20 Mei 2025. Setakat ini satu (1) kawasan telah dikenal pasti melibatkan empat (4) Lot di Daerah Timur Laut. Proses lelongan tanah-tanah ini dijangkakan dapat diselesaikan pada pertengahan tahun 2026.
3.	Semakan Proses Tukar Syarat dan Kategori Tanah	PTGPP telah menyediakan Garis Panduan yang membolehkan pemohon mengemukakan permohonan tukar syarat secara serentak dengan permohonan perlanjutan tempoh pajakan.		Garis Panduan Kadar Premium dan Diskaun Bagi Dasar Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan telah dikeluarkan pada 10 April 2025. Semenjak garis panduan ini diluluskan sehingga Oktober 2025, sebanyak 3 permohonan tukar syarat secara serentak telah dipertimbangkan dengan kutipan premium tukar syarat kumulatif sebanyak RM2,181,970.00 manakala kutipan premium bagi permohonan pelanjutan

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
				tempoh pegangan yang diproses bersama permohonan tukar syarat ini adalah sebanyak RM4,207,694.80.
4.	Semakan semula kadar lesen *liquor*.	Ketetapan kadar lesen liquor adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan kali terakhir pindaan kadar ini dibuat adalah pada tahun 2014 melalui Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 163] bertarikh 20 Jun 2014. JKN telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2025 bagi mencadangkan kadar lesen liquor sedia ada disemak semula.	Anggaran kutipan lesen 2025 adalah RM1,900,000.00.	Pencapaian kutipan lesen setakat September 2025 adalah RM1,217,648.00.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
5.	Semakan semula kadar duti hiburan dan penambahbaikan proses kerja kutipan duti hiburan.	Cadangan kadar baharu telah diluluskan oleh MMKN pada 18 Disember 2024. Kadar baharu telah diwartakan pada 20 Mac 2025 melalui Perintah Kadar Duti Hiburan 2025 Pg. P.U.6. berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.	Duti hiburan yang terlibat dengan semakan semula kadar adalah Kod H162804 – Cukai Tiket Permainan Hiburan , Kod H162807- Cukai Hiburan Kelab Malam dan Kod H162810- Cukai Hiburan *Coffee House.* Unjuran hasil bagi ketiga-tiga jenis duti hiburan adalah RM5,700,000.00.	Kutipan hasil bagi ketiga-tiga kod ini sehingga 31 Oktober 2025 adalah RM566,547.00. Pungutan hasil ini adalah tertakhluk kepada bilangan aktiviti hiburan yang dilaksanakan sepanjang tahun.
6.	Meningkatkan caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan seperti di kadar bayaran yang telah diluluskan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	JPV telah menguatkuasa caj baharu bagi caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan bermula 2 Mei 2025; Bagi status semakan warta dengan pihak PUU: JPV telah menerima keputusan semakan Warta Pusat-Pusat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bertarikh 15 Oktober 2025 dengan No. Ruj. PUNPP 352/100/1/2/SUB/59 dan dalam proses mengangkat kertas MMK.	Unjuran Hasil 2025 bagi perkhidmatan rawatan dan jualan ubat adalah RM930,000.00 (H0272101 dan H0273806).	Pencapaian Hasil sehingga 30 September 2025 adalah RM579,338.10.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
7.	Kajian semula kadar perkhidmatan sewaan pokok hiasan di Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang.	Surat Permohonan Kelulusan Penyelarasan Semula Kadar Perkhidmatan Sewaan Pokok Hiasan di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang [Ruj. JTB/PP/02/085 Jld. 20 (100)] telah dihantar kepada JKN pada 20 Februari 2025 untuk pertimbangan bagi kelulusan kadar perkhidmatan sewaan yang baru.	Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah menerima kelulusan kadar baharu perkhidmatan sewaan pokok hiasan pada 11 Mac 2025 dari pihak JKN (Ruj.: JKNPP/400/3/8/7 (38). Kadar baharu berkuatkuasa mulai 1 April 2025. Untuk makluman, Unjuran Hasil Tahun 2025 ialah RM42,000.00 meliputi semua jenis perihal hasil.	Jumlah kutipan hasil perkhidmatan sewaan pokok hiasan sehingga 31 Ogos 2025 ialah RM24,396.00
8.	Cadangan kerjasama dengan pihak swasta sebagai operator / pengurus kuarters-kuarters Kerajaan Negeri.	Satu perbincangan dengan semua pemegang taruh dan agensi berkaitan berhubung cadangan bagi melaksanakan perolehan secara RFP bagi tanah kerajaan di Lengkok Jeselton dan Kampung 18 telah diadakan pada 19 Februari 2025 bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi berkaitan kesesuaian jenis pembangunan yang boleh dicadangkan dalam TOR kelak. Hasil perbincangan telah memutuskan agar RFP hanya		

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		dilaksanakan bagi pembangunan tanah kerajaan di Lengkok Jeselton sahaja manakala satu (1) unit kuarters (sebagai percubaan) di Kampung 18 akan dikenal pasti bagi cadangan menyewakan premis tersebut kepada pihak swasta untuk dijadikan premis komersial. Pihak BKP dalam proses pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyedia RFP berdasarkan PK2.8, Pekeliling Perbendaharaan. Pihak BKP juga telah memohon penilaian hartanah daripada JPPH bagi mendapatkan harga pasaran sebelum kuarters-kuarters yang tidak berpenghuni di Kampung 18 tersebut boleh ditawarkan kepada syarikat luar untuk dikomersilkan.		
9.	Semakan Semula Kadar fi hotel di Negeri Pulau Pinang	Satu sesi libat urus bersama Persatuan-persatuan hotel di Pulau Pinang telah diadakan pada 21 Ogos 2025 yang dipengerusikan oleh YB Wong Hon Wai, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif. Sesi tersebut turut dihadiri oleh	Anggaran - RM11,500,000	Hasil Sebenar - RM9,198,740

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		wakil-wakil daripada JKN, Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Persatuan Perhotelan serta Penang Global Tourism. Dalam perbincangan tersebut, pelbagai isu dan cadangan telah dibangkitkan, termasuk cadangan kadar baharu fi hotel yang dikemukakan oleh YB EXCO iaitu pada kadar tidak melebihi kadar yang dikenakan di Melaka, iaitu antara RM3 hingga RM5. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak BKT masih menunggu kadar baharu fi hotel tersebut oleh pihak YB EXCO/BPEN (Pelancongan) serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Pihak BKT akan melaksanakan pindaan terhadap kadar fi hotel di bawah Undang-undang Kecil Hotel hanya setelah kadar baharu tersebut		

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		dimuktamadkan dan diluluskan oleh MMKN.		

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM YB KUMARAN KRISHNAN

3. Apakah bentuk kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan sektor swasta dalam memperkukuh pembelajaran digital di sekolah-sekolah di Pulau Pinang?

   (a) Adakah syarikat teknologi tempatan terlibat sejak 2023?

   (b) Berapa banyak sekolah telah menerima manfaat dan senaraikan mengikut daerah serta jenis sekolah?

   (c) Apakah inisiatif baharu dirancang untuk tahun 2026?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Science Cluster (PSC), Penang STEM Sdn. Bhd. dan Penang Tech Centre menjalin kerjasama strategik dengan sektor swasta bagi memperkukuh pembelajaran digital di sekolah-sekolah. Syarikat-syarikat swasta bekerjasama memberikan sokongan dalam bentuk sumbangan kewangan (*cash contribution*) serta bimbingan dan kepakaran (*mentorship*) kepada pelajar dan guru yang terlibat.

   (a) Sejak tahun 2023, sebanyak 17 buah syarikat teknologi tempatan telah terlibat secara aktif dalam menyokong pelaksanaan program Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dan pelbagai inisiatif pendidikan digital. Kerjasama ini dapat memperluas jangkauan program ke lebih banyak sekolah serta menyediakan

pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan relevan dengan perkembangan industri teknologi semasa. Senarai 17 buah syarikat teknologi tempatan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Sejak 2023, sebanyak 184 buah sekolah telah menerima manfaat melalui inisiatif pembelajaran digital yang dilaksanakan oleh Penang Tech Centre, *297* buah sekolah melalui anjuran Penang STEM dan 417 buah sekolah di bawah pelaksanaan Penang Science Cluster. Inisiatif ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti bengkel digital/ STEM, pertandingan, kem dan sebagainya. Perincian jenis dan jumlah sekolah mengikut daerah yang dilaksanakan oleh tiga (3) GLC tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(c) Bagi tahun 2026, antara inisiatif baharu yang dirancang adalah seperti penganjuran Pertandingan Robotik Antarabangsa bersama Pusat Sains di rantau ASEAN, Experiental Robotics, National AI Challenge, AI Whizkids, AI-on-Wheels, Experience AI, Project Ignite, Coolest Projects Malaysia, FIRST Tech Challenge, Computer Science Core Schools, Advanced MakerLab Tracks, AI Data Science, pembelajaran kemahiran teknikal, matematik dan sebagainya.

LAMPIRAN A

SYARIKAT TEKNOLOGI TEMPATAN TELAH TERLIBAT SECARA AKTIF DALAM MENYOKONG PELAKSANAAN PROGRAM STEM

BIL.	SYARIKAT
1	VITROX TECHNOLOGIES SDN BHD
2	MI EQUIPMENT
3	GREATECH
4	INARI TECHNOLOGY SDN BHD
5	PENTAMASTER CORPORATION BHD
6	NSW AUTOMATION
7	GSH PRECISION
8	WIITRAC
9	NATIONGATE
10	ELLIANCE
11	A2 AUTOMATION
12	PROJET TECHNOLOGY
13	SOPHIC AUTOMATION
14	AEMULUS
15	UWC INDUSTRIAL SDN BHD
16	DUFU TECHNOLOGY
17	SNS NETWORK

LAMPIRAN B

PERINCIAN JENIS DAN JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH YANG DILAKSANAKAN OLEH PENANG TECH CENTRE

DAERAH	JENIS SEKOLAH				
	SK	SJKC	SJKT	SMK	JUMLAH SEKOLAH
SPT	10	4	3	12	29
SPU	12	5	3	10	30
SPS	5	2	5	7	19
DBD	13	9	1	10	33
DTL	18	22	4	29	73
JUMLAH	**58**	**42**	**16**	**68**	**184**

LAMPIRAN B

PERINCIAN JENIS DAN JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH YANG DILAKSANAKAN OLEH PENANG STEM

DAERAH	JENIS SEKOLAH								
	SK	SJKC	SJKT	SR AGAMA	SMK	SMK AGAMA	SM TEKNIK	KOLEJ VOKASIONAL	JUMLAH SEKOLAH
SPT	23	12	5	1	23	-	-	-	64
SPU	22	12	2	-	21	-	-	-	57
SPS	10	8	2	-	15	-	-	1	36
DBD	14	14	1	-	9	1	-	1	40
DTL	25	33	3	-	34	3	1	1	100
Jumlah	**94**	**79**	**13**	**1**	**102**	**4**	**1**	**3**	**297**

LAMPIRAN B

PERINCIAN JENIS DAN JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH YANG DILAKSANAKAN OLEH PENANG SCIENCE CLUSTER

DAERAH	JENIS SEKOLAH															
	SK	SJKC	SJKT	SR AGAMA	SK (KHAS)	SMK	SMJK	SMK AGAMA	SM AGAMA (SABK)	SM BERASRAMA PENUH	SM (KHAS)	SM TEKNIK	KOLEJ VOKASIONAL	KOLEJ TINGKATAN 6	REFUGEE	JUMLAH SEKOLAH
SPT	32	16	7	2	1	24	1	-	5	1	-	-	1	-	1	91
SPU	45	16	4	3	-	25	1	1	6	1	-	-	1	1	-	104
SPS	21	7	11	1	-	14	1	1	-	-	-	-	1	-	-	57
DBD	22	14	2	1	-	10	2	-	1	-	-	-	1	-	-	53
DTL	30	37	5	-	2	22	8	2	1	-	1	1	1	1	1	112
Jumlah	**150**	**90**	**29**	**7**	**3**	**95**	**13**	**4**	**13**	**2**	**1**	**1**	**5**	**2**	**2**	**417**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

4. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah baik sistem pengangkutan awam tempatan di Seberang Perai Utara, khususnya sekitar Bagan Dalam dan Penang Sentral, termasuk cadangan perkhidmatan bas mini komuniti serta penyelarasan jadual feri, bas dan ETS bagi kemudahan penduduk berpendapatan rendah dan pengguna pada waktu puncak?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Sebagai pengendali utama perkhidmatan bas di Pulau Pinang, Rapid Penang komited memperkukuh sistem pengangkutan awam di Seberang Perai dan Penang Sentral yang berfungsi sebagai hab integrasi di antara bas, feri dan tren ETS.

Sebelum ini, kawasan Bagan Dalam pernah mempunyai perkhidmatan bas laluan T614 diantara Julai hingga September 2023. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kadar purata penumpang yang rendah iaitu hanya sekitar 18 orang sehari, pihak Rapid Penang telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini bagi membolehkan sumber operasi dioptimumkan ke laluan yang mempunyai permintaan lebih tinggi.

Seterusnya, pada masa ini, perkhidmatan Rapid Penang mengendalikan laluan utama iaitu 601,603, 604, 605, 613, 701, 702, 703, 706, 709, 801, EB60 dan EB80 yang menghubungkan kawasan perumahan serta pusat tumpuan

aktiviti ekonomi dengan Penang Sentral. Selain itu perkhidmatan *Rapid on Demand* (ROD) T710B turut melengkapkan rangkaian perjalanan *first mile last mile* pengguna bagi kemudahan komuniti setempat.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan kebolehcapaian pengangkutan awam, Rapid Penang kini sedang meneliti semula jadual operasi dan kekerapan perjalanan serta kesesuaian bagi memastikan penawaran perkhidmatan lebih efisyen terutama di waktu puncak. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan.

Rapid Penang akan terus melaksanakan pendekatan bersepadu dan inklusif bagi membantu Kerajaan negeri dalam memastikan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya kekal efisien, boleh dipercayai, mesra rakyat dan mampan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

5. Apakah langkah komprehensif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani peningkatan kes influenza dalam kalangan pelajar sekolah?

   (a) Adakah program saringan kesihatan dilaksanakan di sekolah-sekolah?

   (b) Adakah pelan tindakan bersama Jabatan Pendidikan dirangka?

   (c) Apakah bentuk bantuan atau sokongan diberikan kepada pelajar yang dijangkiti atau terjejas akibat wabak ini?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah:

   (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;

   (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan kendiri dan tanggungjawab bersama;

(iii) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

(iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan

(v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* Di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 30 Jun 2022, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

(a) Program saringan kesihatan dilaksanakan di sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang bagi memastikan kesihatan murid pada tahap optimum, meliputi saringan kesihatan fizikal dan mental yang dijalankan secara berkala dari pra sekolah hingga Tingkatan 5. KPM juga akan meningkatkan kekerapan saringan kesihatan mental pelajar.

(b) Ya, beberapa pelan strategik telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bersama-sama agensi yang terlibat bagi terus mengekang influenza di negeri ini. JKNPP sentiasa memantau trend aktiviti influenza atau wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada serta mengenal pasti lokasi-lokasi yang menjadi *hotspot* bagi penyakit ini di Pulau Pinang terutamanya di institusi pendidikan.

Dengan itu, langkah-langkah utama yang di ambil oleh JKNPP adalah bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Penerangan, JPNPP dan pihak-pihak lain bagi mengekang influenza daripada terus meningkat. Hebahan kepada masyarakat melalui media massa dan media sosial turut dilaksanakan.

Institusi pendidikan yang mempunyai kes influenza pula akan berhubung terus dengan PKD bagi memantau dan memastikan keadaan terkawal dan selamat.

(c) Sehingga kini, tiada peruntukan kewangan bagi mereka yang dijangkiti wabak influenza. Murid-murid yang dijangkiti influenza diberikan sokongan psikologi oleh guru kelas dan guru kaunseling.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

6. Apakah status pelaksanaan Sistem MyKADUN yang masih belum digunakan sepenuhnya di semua kawasan DUN dan dilaporkan kurang mesra pengguna bagi Pegawai Seranta?

   (a) Berapa banyak KADUN yang aktif menggunakan sistem ini?

   (b) Apakah punca utama kelewatan peluasan?

   (c) Adakah kerajaan bercadang menaik taraf sistem serta memperkukuh latihan penggunaan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Sistem MyKADUN telah dilancarkan di semua 40 Pusat Khidmat KADUN pada tahun 2024. Pelaksanaannya turut diperluaskan ke semua 13 Pusat Khidmat Ahli Parlimen di Pulau Pinang pada tahun 2025.

   (a) Penggunaan Sistem MyKADUN di Pusat Khidmat KADUN adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: PENGGUNAAN SISTEM MYKADUN DI PUSAT KHIDMAT KADUN

BIL.	KATEGORI	JULAT TRANSAKSI*	BILANGAN PUSAT KHIDMAT
1	Sangat Aktif	> 201	10
2	Aktif	21 – 200	10
3	Kurang Aktif	1 – 20	9
4	Tidak Aktif	0	11

* Transaksi melibatkan semakan rekod pelanggan, kemaskini maklumat, pendaftaran pelanggan dan sebagainya.

(b) Tiada kelewatan dalam peluasan pelaksanaan Sistem MyKADUN kerana sistem ini telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan berjalan dengan lancar di semua Pusat Khidmat KADUN yang dikenal pasti.

(c) Kerajaan Negeri melalui Digital Penang telah melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem MyKADUN termasuk penambahan fungsi pembaca kad pengenalan bagi memudahkan proses pendaftaran dan pengesahan data pengguna. Selain itu, latihan dan taklimat teknikal turut diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat bagi memastikan sistem ini dapat digunakan dengan lebih berkesan dan mesra pengguna di semua Pusat Khidmat KADUN.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM YB KUMARAN KRISHNAN

7. Pegawai seranta sering ditugaskan pada waktu malam dan hujung minggu bagi menjayakan program komuniti di peringkat akar umbi, apakah langkah bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara?

   (a) Adakah elaun khas atau elaun pengangkutan akan disediakan?

   (b) Adakah penilaian semula gred dan skim perkhidmatan pegawai seranta akan dilaksanakan bagi mengiktiraf beban tugas sebenar mereka?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Skop tugas, tanggungjawab serta waktu bekerja Pegawai Seranta ditentukan sepenuhnya oleh ADUN yang melantik, berdasarkan keperluan aktiviti komuniti setempat. Setiap ADUN telah diperuntukkan sejumlah dana khusus bagi tujuan pelantikan Pegawai Seranta di kawasan masing-masing. Setiap ADUN juga mempunyai fleksibiliti untuk menetapkan kadar upah yang mengambil kira pengalaman, tahap tanggungjawab serta keperluan tugas sebenar pegawai berkenaan, termasuk pelaksanaan aktiviti pada waktu malam atau hujung minggu.

   (a) Pada masa ini, tiada elaun khas atau elaun pengangkutan tambahan disediakan secara berpusat oleh Kerajaan Negeri. Memandangkan kadar upah bagi pegawai-pegawai ini ditentukan oleh ADUN masing-masing, adalah wajar setiap ADUN mengambil kira kompleksiti tugas Pegawai

Seranta di KADUN masing-masing semasa menetapkan kadar upah.

(b) Pelantikan Pegawai Seranta ini dibuat secara *Contract for Service* (CFS), oleh itu tidak tertakluk kepada mana-mana skim atau gred perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam.

Semakan terhadap peruntukan bagi tujuan pembayaran upah Pegawai Seranta adalah tertakluk kepada kedudukan fiskal semasa Kerajaan Negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

8. Apakah langkah terkini Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dalam menangani peningkatan kes buli dan salah laku pelajar di sekolah, bagi menjamin keselamatan serta kesihatan mental murid?

   (a) Berapa jumlah kes direkodkan sejak tiga tahun lalu?

   (b) Apakah bentuk intervensi awal dilaksanakan?

   (c) Adakah kerjasama dengan PDRM atau NGO diwujudkan bagi pencegahan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. (a) Dalam Usaha Pencegahan Buli Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)/ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Sekolah telah melaksanakan pencegahan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).Antara program yang dijalankan secara berterusan adalah seperti berikut:

   (i) Program ceramah anti-buli, Kempen anti buli dgn kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) dan Penang Women Development Corporation (PWDC);

(ii) Program Gerakan Kepimpinan Madani: Hentikan Salah Laku Buli Dan Seksual Tahun 2024 telah dilaksanakan pada 15 Disember 2024 hingga 13 Januari 2025;

(iii) Kempen "Kami Benci Buli" dilaksanakan di sekolah sepanjang tahun secara berkala sewaktu perhimpunan pagi;

(iv) Program Town Hall Discussion Kontijen Pulau Pinang Tahun 2025 "Benci Buli – Cegah dan lawan" pada 25 September 2025 di Dewan Sri Pinang;

(v) Program "Town Hall Tribunal Antibuli: #Generasi Tanpa Buli Anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang" pada 25 September 2025 di Dewan SJKC Aik Hua

(vi) Kempen Pencegahan Buli sempena PENANG2030 FESTIVAL KOMTAR 2025 pada 11 Oktober 2025.

(vii) Pemasangan Banner, Bunting dan Poster pencegahan buli di sekolah.

(viii) Pemerkasaan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) dengan melaksanakan program seperti:

(a) Pelaksanaan Program Duta Sahsiah dan Kit Duta Sahsiah;

(b) Program Kit 5 min bersama Guru Bimbangan & Kaunseling (GBK);

(c) Lawatan Asrama bersama PDRM serta Terjah asrama; dan

(d) Pembudayaan Sahsiah Terpuji.

(b) Menurut pihak rekod pihak PDRM Pulau Pinang jumlah kes yang direkodkan adalah seperti berikut:

STATISTIK KES BULI MENGIKUT DAERAH

DAERAH	TAHUN						JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN – 21/10/25)	
TL			2	11	11	8	32
BD		1	1	3	2	5	12
SPU	1			4	8	8	21
SPT				4	3	1	8
SPS	1		1	1	8	9	20
JUMLAH	**2**	**1**	**4**	**23**	**32**	**31**	**93**

(c) Bentuk intervensi awal yang dilaksanakan bagi menangani kes buli dan salah laku pelajar adalah seperti berikut:

(1) Pencegahan Awal:

(i) Kempen dan ceramah anti-buli bersama PDRM & NGO;

(ii) Program Buddy System dan Rakan Sebaya

(iii) Latihan guru mengenal pasti murid berisiko; dan

(iv) Aktiviti kesedaran seperti mural & video anti-buli.

(2) Pembangunan Sahsiah & Emosi:

(i) Sesi kaunseling berkala oleh Unit Bimbingan & Kaunseling;

(ii) Latihan kemahiran sosial dan pengurusan emosi;

(iii) Program jati diri dan kepimpinan murid; dan

(iv) Penglibatan ibu bapa dalam pemantauan dan sokongan.

(3) Pemulihan Awal:

(i) Kaunseling wajib kepada pelaku dan mangsa;

(ii) Tugasan khidmat komuniti dan pemantauan berterusan; dan

(iii) Bimbingan sahsiah dan mentor rakan sebaya.

(4) Tindakan Krisis (Jika Kes Serius):

(i) Kaunseling trauma untuk mangsa;

(ii) Laporan kepada Polis dan JPNPP jika perlu; dan

(iii) Pelan pemulihan sebelum kembali ke sekolah.

(d) Kerajaan Negeri melalui JPNPP telah mengadakan kerjasama dengan PDRM bagi tujuan pencegahan. Antaranya adalah setiap sekolah telah ditempatkan seorang pegawai perhubungan yang terdiri daripada PDRM yang akan sentiasa memantau pelajar termasuk berkaitan kes buli. JPNPP juga sering mengadakan lawatan/terjah ke asrama sekolah bersama PDRM dalam usaha mencegah kegiatan buli di sekolah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

9. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui EXCO Pendidikan bagi memperkukuh perkhidmatan kaunseling di sekolah-sekolah seluruh negeri untuk menjamin kesejahteraan mental pelajar?

   (a) Adakah nisbah kaunselor kepada pelajar mencukupi?

   (b) Adakah pelajar berisiko dipantau secara berkala?

   (c) Apakah bentuk sokongan psikologi dan intervensi disediakan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang(JPNPP)?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang telah menjalankan saringan minda sihat kepada murid sebanyak 2 kali setahun dan menjalankan intervensi umum dan khusus untuk membantu murid yang memerlukan bantuan dalam kesihatan mental.

   Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama erat dengan semua agensi di Pulau Pinang bagi memastikan setiap isu berkaitan pendidikan dapat diatasi secara bersama-sama dan praktikal.

(a) Nisbah Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) kepada bilangan murid adalah 1 GBK : 500 murid. Nisbah ini adalah tertakluk kepada nisbah yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan. Di sekolah Menengah bilangan GBK adalah mengikut nisbah yang telah ditetapkan. Namun di sekolah rendah masih terdapat kekurangan GBK seramai 41 orang seluruh negeri Pulau Pinang

(b) Menurut JPNPP, semua pelajar berisiko dalam kesihatan mental akan dipantau oleh Guru Bimbingan & Kaunseling (GBK) secara harian dan turut dipantau oleh para guru dikelas. Selain itu, semua murid dalam konteks kesihatan mental akan mengikuti sesi intervensi krisis sebelum dirujuk kepada institusi kesihatan.

(c) Semua kes murid dalam kategori kesihatan mental akan mengikuti sesi intervensi krisis dan mengikuti program berdasarkan modul Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM YB KUMARAN KRISHNAN

10. Apakah langkah komprehensif diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kes pengabaian dan penderaan warga emas di negeri ini?

    (a) Adakah program intervensi komuniti dijalankan untuk pengesanan awal?

    (b) Berapakah kes dirujuk kepada JKM sejak 2023?

    (c) Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan hotline khas aduan warga emas terabai bagi mempercepat tindakan penyelamatan dan bantuan sosial?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pendekatan menyeluruh bagi mengurangkan kes pengabaian dan penderaan warga emas melalui intervensi berasaskan komuniti serta pengukuhan jaringan sokongan sosial.

    (a) Antara inisiatif utama ialah Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pertubuhan sukarelawan. Program ini memberi bantuan kepada warga emas yang tinggal bersendirian atau tiada waris melalui penyediaan makanan, penjagaan diri, pembersihan rumah, sokongan emosi, serta bantuan mendapatkan rawatan kesihatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menubuhkan Sukarelawan Mutiara bersama ADUN dan rakan strategik seperti Pertubuhan Buddhist Tzu-chi Merits Malaysia bagi memperkukuh pelaksanaan KBDR. Sukarelawan Mutiara bertindak sebagai penghubung antara kerajaan dan masyarakat untuk mengesan awal kes pengabaian serta menyantuni warga emas di peringkat komuniti.

Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kebajikan warga emas terpelihara, malah memperkukuh semangat kejiranan dan budaya kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang.

(b) Berdasarkan semakan rekod Talian Kasih 15999 dari tahun 2023 hingga kini, tiada aduan berkaitan pengabaian atau penderaan warga emas telah diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang.

(c) Talian Kasih 15999 yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berfungsi sebagai saluran utama untuk laporan kecemasan sosial, termasuk pengabaian atau penderaan warga emas. Setiap aduan yang diterima akan dirujuk kepada Penyelaras Warga Emas Daerah atau Pegawai Kes untuk siasatan di lapangan. Jika perlu, kes turut dibawa ke Bahagian Kaunseling untuk sesi bimbingan bersama keluarga.

Bagi kes penderaan, aduan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Pendekatan ini memastikan tindakan penyelamatan dan bantuan sosial dijalankan secara segera dan menyeluruh.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

11. Apakah pelan kerajaan untuk memperluas dan memperkukuh PAWE bagi menyokong kesejahteraan warga emas?

    (a) Berapakah PAWE beroperasi dan indikator keberkesanannya sejak dimulakan?

    (b) Adakah penambahan dirancang di Seberang Perai Utara?

    (c) Bagaimanakah prestasi Pulau Pinang dibandingkan dengan negeri lain serta adakah geran tahunan operasi disediakan bagi menjamin kelestarian pusat ini?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Pelan Kerajaan Negeri untuk memperluas dan memperkukuh Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dilaksanakan melalui pendekatan bersepadu yang memberi penekanan kepada sokongan program, pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan bagi menggalakkan warga emas untuk menganjurkan pelbagai aktiviti di pusat masing-masing yang bersifat inklusif dan berimpak kepada komuniti.

    Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Kempen Warga Emas Celik, dan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menggerakkan semua pertubuhan PAWE untuk menganjurkan program berteraskan 5 komponen di bawah kempen ini. Pejabat MMK Pembangunan Sosial turut menyediakan sokongan strategik dengan membawa masuk

rakan kolaborasi seperti agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan aktiviti untuk memberi impak positif serta membangunkan kemahiran warga emas.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM2,000 kepada setiap PAWE sebagai galakan untuk melaksanakan aktiviti yang selaras dengan objektif kempen dan memberi manfaat terus kepada komuniti warga emas.

(a) Setakat ini, terdapat sembilan (9) buah PAWE yang telah mula beroperasi di Negeri Pulau Pinang iaitu:

(i) PAWE Sungai Dua;

(ii) PAWE Permatang Pauh;

(iii) PAWE Bukit Mertajam;

(iv) PAWE Batu Kawan;

(v) PAWE Bayan Baru;

(vi) PAWE Balik Pulau;

(vii) PAWE Bukit Bendera;

(viii) PAWE Jelutong; dan

(ix) PAWE Kepala Batas;

Keberkesanan pelaksanaan PAWE dapat dilihat melalui beberapa indikator utama. Antaranya ialah peningkatan kadar penyertaan warga emas dalam aktiviti komuniti, di mana semakin ramai warga emas terlibat secara aktif dalam program senamrobik, kelas kemahiran, keusahawanan dan aktiviti sosial yang dijalankan di PAWE. Selain itu, terdapat peningkatan tahap kesejahteraan sosial dan mental warga emas hasil daripada interaksi berterusan sesama rakan sebaya dan sokongan komuniti.

Di samping itu, PAWE berjaya berfungsi sebagai platform pembangunan komuniti apabila warga emas bukan sahaja menjadi penerima manfaat, tetapi turut menjadi tenaga penggerak dalam merancang dan melaksanakan aktiviti. Keberkesanan ini turut terserlah melalui pengiktirafan dan sokongan berterusan Kerajaan Negeri yang turut memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia dan program seperti Kempen Warga Emas Celik, yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran sosial, digital dan kewangan warga emas.

Secara keseluruhannya, indikator-indikator ini menunjukkan bahawa PAWE telah mencapai objektif asal penubuhannya, dan kini berkembang sebagai pusat komuniti dinamik yang memperkasa warga emas untuk kekal sihat, produktif dan dihargai dalam masyarakat.

(b) Buat masa ini, tiada perancangan untuk menambah PAWE di Daerah Seberang Perai Utara. Penubuhan PAWE baharu adalah bergantung kepada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai data perbandingan prestasi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) antara negeri-negeri lain. Untuk makluman, kesemua PAWE ini menerima bantuan kewangan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM50,000.00 setahun bagi tujuan pengoperasian pusat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM YB KUMARAN KRISHNAN

12. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkasa Buletin Mutiara sebagai medium rasmi penyampaian dasar, program dan pencapaian kerajaan kepada rakyat?

    (a) Berapakah kos penerbitan dan edaran tahunan Buletin Mutiara?

    (b) Adakah edisi digital menunjukkan peningkatan capaian pembaca?

    (c) Apakah langkah bagi memastikan liputan lebih menyeluruh dan seimbang khususnya di kawasan Seberang Perai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Dalam terus memperkasakan Buletin Mutiara sebagai medium rasmi penyampaian dasar, program dan pencapaian Kerajaan Negeri kepada rakyat, kandungan penerbitan berita harian adalah berpaksikan kepada intipati manifesto pilihan raya, Visi Penang2030 serta kerangka Malaysia Madani yang digagaskan oleh Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan. Bukan itu sahaja, medium penyebaran seperti platform media sosial diperluaskan selaras dengan era pendigitalan, tanpa mengabaikan naskah cetakan yang memiliki audiens dan kepentingan penjenamaannya tersendiri.

Dalam pada itu, beberapa pendekatan strategik turut diambil, termasuk:

(i) Penyediaan Pelan Komunikasi Strategik Negeri Pulau Pinang;

(ii) Penglibatan maklumat secara langsung oleh semua Ahli Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, Agensi Berkaitan Negeri (GLC), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain, dengan menetapkan piawaian mesej dan saluran komunikasi rasmi bersepadu yang efektif;

(iii) Mengoptimumkan penggunaan platform digital dan teknologi baharu;

(iv) Mengurus krisis komunikasi dan memperkukuh jaringan dengan pengamal media;

(v) Peralihan kepada separa digital Buletin Mutiara (edisi interaktif dalam talian);

(vi) Memastikan semua komunikasi patuh kepada dasar bahasa, undang-undang dan etika komunikasi awam; dan

(vii) Pelaksanaan tinjauan bagi mengetahui tahap penerimaan umum terhadap Buletin Mutiara.

(a) Kos penerbitan dan edaran tahunan Buletin Mutiara adalah seperti berikut:

(i) Kos penerbitan

2020: RM3,840,000.00

2021: RM3,840,000.00

2022: RM4,860,000.00

2023: RM4,860,000.00

2024: RM3,600,000.00

2025 (Januari – Ogos): RM2,400,000.00

(ii) Kos edaran

2020: RM1,152,000.00

2021: RM1,152,000.00

2022: RM1,152,000.00

2023: RM1,152,000.00

2024: RM672,000.00

2025 (Januari – Ogos): RM448,000.00

(b) Perbandingan capaian laman web Buletin Mutiara (*www.buletinmutiara.com*) bagi tahun 2024 dan 2025 untuk tempoh bulan Januari hingga September adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(c) Lazimnya, liputan Buletin Mutiara adalah seimbang meliputi kedua-dua bahagian iaitu Pulau dan Seberang Perai. Selain program-program yang dijalankan oleh barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), para Ahli Parlimen (MP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), liputan yang diberikan juga adalah berbentuk wawancara, liputan khas serta tinjauan khas.

Sebagai makluman, maklumat berhubung liputan yang dibuat adalah berdasarkan penganjuran program-program, sumber dan permintaan yang diperoleh daripada barisan ADUN, MP, PBT, NGO serta badan-badan berkaitan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN A



Website recorded a total **3,335,926** page views and a total of **665,498** visitors. Average page view per visitor is **5.05** views.



Website recorded a total **3,406,732** page views and a total of **685,370** visitors. Average page view per visitor is **5.02** views. Both **Page Views** and **Total Visitors** increased as compared to the same period in 2024.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

13. Apakah langkah segera dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan Negeri bersama agensi Persekutuan, PDRM, JIM, serta UNHCR bagi menangani peningkatan penempatan komuniti Rohingya di kawasan Bagan Dalam, termasuk aspek keselamatan awam, kawalan kesihatan, kebersihan, integrasi sosial, penyediaan penempatan sementara serta kawalan kemasukan baharu secara menyeluruh dan berkesan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Berikut merupakan perancangan langkah segera dan jangka panjang bagi mengatasi secara menyeluruh dan berkesan dalam menangani peningkatan penempatan komuniti Rohingya.

Langkah Segera

(a) Pemantauan dan Penguatkuasaan Keselamatan:

(i) PDRM, JIM bersama RELA dan PBT telah meningkatkan rondaan serta operasi bersepadu di kawasan penempatan bagi memastikan keselamatan awam dan mencegah aktiviti jenayah.

1) Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23 (semakan 2023) adalah garis panduan utama kerajaan Malaysia untuk menguruskan pelarian dan pemohon suaka, yang merangkumi dasar dan mekanisme untuk menyelia isu berkaitan pelarian,

termasuk peranan agensi kerajaan yang terlibat. Arahan ini juga termasuk cadangan bantuan sosial untuk pelarian yang berdaftar dan kemungkinan kebenaran bekerja secara sah, serta menekankan bahawa kad UNHCR tidak melindungi pemegang daripada undang-undang Malaysia sekiranya berlaku pelanggaran.

2) Pendataan dan pengesahan identiti oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memastikan status pendatang didokumenkan dan tindakan sewajarnya diambil terhadap mereka yang tidak sah.

(b) Kawalan Kesihatan dan Kebersihan:

(i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah menjalankan pemeriksaan kesihatan berkala bagi mencegah penularan penyakit berjangkit seperti TB, demam denggi, dan COVID-19.

(ii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil langkah segera membersihkan kawasan penempatan dan menyediakan tong sampah serta sistem kutipan sisa yang lebih teratur.

(c) Peningkatan Infrastruktur dan Sanitasi:

(i) Pembangunan semula kawasan berisiko dengan penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, tandas awam, dan sistem saliran bagi mengurangkan risiko kesihatan awam.

(ii) Pelaksanaan program gotong-royong komuniti secara berkala melibatkan penduduk tempatan dan komuniti Rohingya di bawah inisiatif "Komuniti Harmoni dan Bersih".

Langkah Jangka Panjang

(a) Pelan Penempatan dan Integrasi Sosial:

(i) Kajian bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi antarabangsa seperti UNHCR untuk mencari penyelesaian jangka panjang mengenai status pelarian dan penempatan terkawal yang lebih sistematik.

(ii) Malaysia, sebagai bukan negara pihak kepada Konvensyen Pelarian 1951, memberikan bantuan berdasarkan dasar kemanusiaan dan membenarkan pelarian berada sementara di dalam negara tertakluk kepada undang-undang sedia ada sebelum ditempatkan semula atau pulang ke negara asal.

(iii) Kerajaan bercadang menyediakan bantuan sosial kepada pelarian yang berdaftar dengan kerajaan dan UNHCR, termasuk kemungkinan kebenaran bekerja secara sah.

(iv) Program pendidikan komuniti dan kesedaran sivik bagi memperkukuh kefahaman komuniti tempatan dan menggalakkan keharmonian sosial.

(v) Kad UNHCR tidak memberikan kekebalan daripada undang-undang Malaysia. Sebarang pelanggaran peraturan akan tertakluk kepada undang-undang dan hukuman di Malaysia.

(vi) JIM bekerjasama dengan UNHCR dalam memastikan hanya pemegang kad sah berada di negeri ini, selain memperkukuh Program Kesedaran Komuniti (Outreach) bagi mengawal isu sosial dan kesihatan awam.

(b) Peningkatan Infrastruktur dan Sanitasi:

(ii) Pembangunan semula kawasan berisiko dengan penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, tandas awam, dan sistem saliran bagi mengurangkan risiko kesihatan awam.

(iii) Pelaksanaan program gotong-royong komuniti secara berkala melibatkan penduduk tempatan dan

komuniti Rohingya di bawah inisiatif "Komuniti Harmoni dan Bersih".

(c) Pemantauan dan Pelaporan Berkala:

(i) Penubuhan Pasukan Petugas Tetap Negeri yang melibatkan Kerajaan Negeri, PDRM, JIM, KKM, PBT, dan agensi berkaitan untuk memantau perkembangan, mengkoordinasi tindakan, serta melapor secara berkala kepada Majlis Keselamatan Negeri (MKN).

(ii) Tindakan bersepadu akan diteruskan bagi mengawal kemasukan baharu, mengekang penempatan haram, serta menjaga kesejahteraan awam.

(d) Kawalan Kesihatan dan Kebersihan:

(i) Secara umumnya Jabatan ini tidak terlibat di dalam sebarang program yang melibatkan komuniti Rohingya termasuk sebarang program kesihatan. Namun demikian, sekiranya terdapat pesakit Rohingya yang datang ke mana-mana hospital kerajaan, rawatan yang sewajarnya akan diberikan. Sekiranya terdapat sebarang pelaporan yang diperlukan seperti penyakit berjangkit, penyakit kawalan, wabak dan lain-lain, pihak hospital akan melakukan pelaporan yang diperlukan ke Bahagian-Bahagian atau Jabatan-Jabatan yang berkenaan.

Selain itu juga sekiranya pesakit hadir ke Klinik Kesihatan, mereka akan diberikan rawatan yang sewajarnya. Untuk imunisasi kanak-kanak, hanya imunisasi yg diberikan pengecualian akta fi sahaja yang akan diberikan secara percuma iaitu DTaP-IPV-HB-Hib (Dipteria-Tetanus-Pertusis-polio-hepatitis B-Hemophilus influenzae type b) dan juga pada ketika ini utk vaksin MR (Measles-Rueblla) bagi program MRSIA. Vaksin lain atau perkhidmatan yg lain, boleh diberikan jika mereka boleh bersetuju bayar.

Menurut SOP Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pemakluman kepada PDRM akan dilakukan bagi kes Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang hadir atau dimasukkan(admitted) di fasiliti KKM.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

14. Apakah mekanisme audit dan kawalan dalaman dilaksanakan oleh RIBI bagi memastikan pengurusan serta penyewaan aset tanah amanah dijalankan secara telus dan tidak disewakan kepada pihak yang bercanggah dengan tujuan asal atau sensitiviti agama dan jenis pemantauan, laporan audit tahunan dan tindakan pembetulan yang dilaksanakan untuk menjamin integriti pentadbiran aset tersebut?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Bagi menjamin ketelusan dan integriti pengurusan aset, beberapa agensi yang terlibat dalam pengurusan serta penyewaan aset tanah amanah memainkan peranan penting, seperti:

    (a) Unit Audit di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang berperanan untuk:

        (i) Menilai keberkesanan struktur kawalan dalaman organisasi bagi memastikan setiap urusan penyewaan dan pajakan mematuhi prosedur yang ditetapkan;

        (ii) Mengesahkan kewujudan serta rekod aset majlis, termasuk tapak RIBI;

(iii) Menjalankan semakan khas terhadap sebarang aduan, penyelewengan atau penyalahgunaan aset.

(b) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) yang bertanggungjawab mengurus penyewaan, pajakan dan penjualan serta pembelian tanah turut melaksanakan pemantauan pematuhan bagi memastikan tapak pajakan RIBI yang diluluskan mematuhi syarat serta tujuan asal kelulusan.

Merujuk kepada penerangan di atas, terdapat 3 jenis pemantauan yang dilaksanakan secara berkala:

- Pemantauan Pematuhan (*Compliance Monitoring*) yang dijalankan oleh pihak JPPH;

- Pemantauan Audit Dalaman *(Internal Audit Monitoring)* oleh Unit Audit MBPP dan MBSP; serta

- Pemantauan Penguatkuasaan *(Enforcement Monitoring)* yang dilaksanakan oleh agensi-agensi terlibat dalam pengurusan aset tanah amanah

Sekiranya terdapat pelanggaran syarat atau penyelewengan, tindakan pembetulan akan dilaksanakan, termasuk:

- Penguatkuasaan terhadap tapak tanpa kelulusan;
- Pembatalan sewaan atau pajakan sekiranya berlaku pelanggaran syarat;
- Pemutihan data bagi mengemaskini rekod aset; dan
- Pelaksanaan kempen kesedaran bagi meningkatkan kefahaman pihak berkaitan terhadap prosedur dan tanggungjawab mereka

Langkah-langkah ini secara keseluruhannya memastikan integriti, ketelusan, dan akauntabiliti dalam pentadbiran aset tanah amanah, termasuk tapak RIBI sentiasa terpelihara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

15. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menangani kekurangan tanah RIBI dan tapak perkuburan?

    (a) Bagaimanakah tapak baharu ditadbir secara telus serta mampan dan apakah tatakelola dan mekanisme audit yang dilaksanakan?

    (b) Adakah kerajaan menjamin tapak ini tidak diserahkan tanpa kebenaran pihak berkepentingan setiap agama serta pengurusannya mengambil kira sensitiviti keagamaan komuniti setempat?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Menangani Kekurang Tanah RIBI dan Tapak Perkuburan
    Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam menangani isu kekurangan tanah bagi menampung keperluan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), termasuk:
    Pajakan tanah RIBI milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) MBPP dan MBSP;

    Pemberimilikan melalui penjualan tanah atau pajakan tanah Kerajaan Negeri melalui Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);

Pemberimilikan melalui pajakan atau lesen pendudukan sementara (LPS) melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) sebagai kegunaan sementara.
Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang juga telah melaksanakan "Kajian Perancangan Tanah Perkuburan untuk Islam dan Agama Selain Islam di Pulau Pinang" yang diterajui oleh Pasukan Perunding SD REKA. Kajian ini merangkumi penyelidikan ke atas keperluan tapak pengebumian, kemudahan pembakaran mayat (krematorium), penyimpanan abu mayat (kolumbarium) dan pelupusan abu mayat bagi memastikan perancangan tapak perkuburan yang mencukupi dan sesuai bagi kemudahan rakyat Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

(a) **Tadbir Urus, Tatakelola dan Mekanisme Audit Tapak RIBI dan Tanah Perkuburan Baharu**

(i) Tanah RIBI

Mekanisme tadbir urus, tatakelola dan audit bagi tapak RIBI akan dilaksanakan oleh pentadbiran pemilik institusi kerajaan masing-masing ke atas penjualan, penyewaan, atau pajakan tapak tersebut.

(ii) Tanah Perkuburan

Bagi tanah perkuburan, kajian menunjukkan bahawa mekanisme kawalan dan pelaksanaan boleh dijalankan secara teratur melalui beberapa langkah, iaitu:

- **Mewujudkan Jadual Pengelasan Pelaksanaan**: Mengatur pelaksanaan pembangunan dan pengurusan tapak bawah seliaan badan kerajaan ataupun institusi swasta.

- **Menubuhkan Jawatankuasa dan Tanah Amanah Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan**:

  Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi tanah perkuburan.

- **Memantau Caruman Kubur bagi Pemajuan Pembangunan**: PBT akan memastikan dana yang dikutip daripada pemaju akan digunapakai untuk pembangunan dan penyelenggaraan tapak perkuburan.

- **Menetapkan Syarat Kawalan Penggunaan Ruang Perkuburan dan Kolumbarium Mengikut Kewarganegaraan**: Pengurusan dan penggunaan ruang perkuburan dan kolumbarium harus mengikut ketetapan kewarganegaraan dan kategori yang telah ditetapkan.

- **Menetapkan Carta Aliran Pembangunan Kubur Bersepadu**: Memantau pelaksanaan pembangunan di tapak baharu yang telah dikenalpasti secara sistematik dan terancang.

Mekanisme ini akan memastikan pengurusan tapak perkuburan baharu dilaksanakan secara telus, mampan, dan mematuhi garis panduan dan keperluan perancangan kerajaan negeri.

(b) Kaedah Menjamin Pengurusan Tapak RIBI dan Tanah Perkuburan dengan mengambil kira Sensitif Keagamaan Komuniti Setempat

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan penyerahan dan pengurusan tapak RIBI serta tanah perkuburan dijalankan mengikut tatacara pengendalian piawai (SOP) yang telah ditetapkan. Setiap penyerahan tapak hanya dibuat selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), serta Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK) Hal Ehwal Bukan Islam, sambil mengambil kira pandangan dan persetujuan pihak berkepentingan bagi setiap agama. Selain itu, mekanisme pengurusan tapak menekankan pematuhan terhadap syarat penggunaan, kawalan ruang, dan garis panduan yang ditetapkan, bagi memastikan pengurusan tapak dijalankan secara adil, teratur, dan sensitif terhadap kepercayaan serta keperluan komuniti setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

16. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperluas program STEM, robotik dan AI ke sekolah rendah serta menengah di Seberang Perai, termasuk SJKT dan SK di DUN Bagan Dalam?

    (a) Apakah kerjasama dengan agensi pendidikan, industri teknologi dan institusi latihan bagi membina minat serta memperkukuh ekosistem bakat digital generasi muda?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang terdiri daripada *Tech Dome Penang* (TDP), *Penang Sciece Cluster* (PSC), *Penang Math Platform* (PMP) dan Penang STEM telah menjadi tunjang utama menggerakkan inisiatif memperluas program *Science*, *Technology*, *Engineering* dan *Mathematics* (STEM), robotik dan *Artificial Intelligence* (AI) ke sekolah rendah serta menengah di seluruh pelosok Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan Seberang Perai meliputi semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kebangsaan. Di kawasan DUN Bagan Dalam, Sekolah Kebangsaan Kuala Perai adalah antara senarai sekolah yang terlibat dengan program anjuran PSC.

Fokus utama program yang dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap pelajar, tanpa mengira latar belakang atau lokasi, mendapat peluang sama rata untuk terlibat dalam bidang teknologi masa depan.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui GLC yang berkaitan telah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan rakan industri bagi memperkukuh ekosistem pembangunan bakat digital di negeri ini.

Antara rakan strategik utama termasuklah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, sekolah-sekolah rendah dan menengah, syarikat teknologi terkemuka seperti di **LAMPIRAN A** serta institusi pengajian tinggi dan latihan. Rakan industri turut memainkan peranan penting dengan menyediakan sumbangan kewangan, peralatan, tenaga pakar serta bimbingan mentor, membolehkan pelajar mendapat pengalaman sebenar dunia industri. Di samping itu, institusi pengajian tinggi menyumbang dari aspek kepakaran teknikal dan tenaga pengajar untuk memastikan kandungan pembelajaran sentiasa relevan dengan keperluan masa kini.

Matlamat utama usaha ini adalah untuk menimbulkan minat pelajar terhadap sains dan teknologi sejak awal usia, di samping membangunkan kemahiran digital serta melahirkan bakat tempatan yang bersedia menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi masa depan.

Kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri serta sekolah-sekolah setempat dalam menjayakan usaha ini amat memberi impak kepada keberkesanan program. Kerjasama ini perlu diteruskan demi memperkukuh ekosistem pendidikan STEM, robotik dan AI di Negeri Pulau Pinang.

SENARAI SYARIKAT TEKNOLOGI *MULTINATIONAL CORPORATION* (MNC) (RAKAN STRATEGIK PROGRAM STEM, AI DAN ROBOTIK)

BIL.	SYARIKAT
1.	Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd.
2.	Lam Research International Sdn. Bhd.
3.	Analog Devices Sdn. Bhd.
4.	Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.
5.	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.
6.	Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd.
7.	Emerson Network Power (Malaysia) Sdn. Bhd.
8.	AMS OSRAM OPTO Semiconductors (M) Sdn. Bhd.
9.	Boston Scientific Medical Device (Malaysia) Sdn. Bhd.
10.	HP Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd.
11.	Intel Technology Sdn. Bhd.
12.	Kontron Asia Pacific Design Sdn. Bhd.
13.	Robert Bosch (M) Sdn. Bhd.
14.	Google DeepMind (CO-PenangSTEM)
15.	Broadcom Sdn. Bhd.
16.	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.
17.	Agilent Technologies LDA Malaysia Sdn. Bhd.
18.	Jabil Circuit Sdn. Bhd.
19.	B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.
20.	Smith and Nephew Operations Sdn. Bhd.
21.	DELL Global Business Center Sdn. Bhd.

SENARAI SYARIKAT TEKNOLOGI *MULTINATIONAL CORPORATION* (MNC) (RAKAN STRATEGIK PROGRAM STEM, AI DAN ROBOTIK)

BIL.	SYARIKAT
1.	ViTrox Corporation Berhad
2.	Inari Technology Sdn. Bhd.
3.	GREATECH (M) Sdn. Bhd
4.	SNS Network Technology Berhad
5.	Pentamaster Corporation Berhad

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

17. Apakah kaedah dan garis panduan Kerajaan Negeri memastikan tapak RIBI diserahkan pemaju mempunyai keluasan mencukupi, lokasi strategik dan sesuai untuk tujuan keagamaan?

    (a) Adakah kerajaan akan memperkenalkan penilaian teknikal wajib atau dasar minimum keluasan tapak RIBI seperti amalan MAINPP bagi menjamin keadilan, ketelusan serta keberkesanan dalam penyerahan tanah oleh pemaju?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mewajibkan bahawa setiap projek pembangunan perumahan baharu yang dikemukakan oleh pihak pemaju harus mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Pelan bangunan yang dikemukakan harus mengambilkira penyediaan fasiliti kemudahan masyarakat, termasuk tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), selaras dengan dasar perancangan pembangunan yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri.

    Bagi konteks MBPP, "Garis Panduan untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru – Lampiran H.2" digunapakai.

(a) Skop Pematuhan :

(i) Hanya terpakai bagi pemajuan perumahan yang mengandungi lima (5) unit dan ke atas.

(ii) Tidak terpakai kepada pemajuan rumah kedai.

(b) Keluasan Tapak :

(i) Piawaian: 0.10 meter persegi luas tanah bagi setiap penduduk, bersamaan 500 meter persegi bagi setiap 500 penduduk.

(ii) Tapak yang disediakan hendaklah berasingan dan tidak boleh digabung (offset) dengan kemudahan masyarakat lain.

(iii) Tapak tersebut adalah khusus untuk kegunaan rumah ibadat / kemudahan keagamaan sahaja.

(c) Lokasi Tapak :

(i) Tapak RIBI hendaklah sesuai dan memuaskan kepada Majlis, dengan mengambil kira lokasinya mudah diakses dari jalan utama dan utiliti asas setempat.

(ii) Keluasan tapak perlu menampung bangunan rumah ibadat yang munasabah dengan saiz ruang lantai minimum 10 meter persegi, serta anjakan dari sempadan plot atau bangunan terdekat mengikut piawaian perancangan dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL).

(d) Penyerahan Tapak :

(i) Tapak RIBI yang disediakan oleh pemaju hendaklah diserahkan kepada Majlis dengan harga namaan RM 1.00 seplot.

(ii) Sebarang permohonan untuk memiliki tapak tersebut oleh pertubuhan keagamaan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan.

Bagi konteks MBSP, "Garis Panduan Piawaian Perumahan Majlis Bandaraya Seberang Perai – Penyediaan Kemudahan Awam" digunapakai.

(a) Keluasan Tapak :

(i) Piawaian: 0.10 meter persegi luas tanah bagi setiap penduduk, atau bersamaan 0.39 meter persegi bagi setiap unit kediaman.

(ii) Piawaian ini bertujuan memastikan keluasan tapak RIBI mencukupi bagi menampung keperluan komuniti setempat dalam pembangunan perumahan baharu.

(b) Lokasi Tapak :

(i) Cadangan tapak RIBI di bawah atau di dalam bangunan berstrata tidak dibenarkan bagi menjaga kesesuaian dan keharmonian fungsi keagamaan.

(c) Pengecualian Penyediaan Tapak :

(i) Bagi pemaju yang ingin memohon pengecualian daripada penyediaan tapak RIBI secara fizikal, rayuan hendaklah disertakan

dengan pelan susun atur dan pelan bangunan yang menunjukkan lokasi sedia ada tapak RIBI terdekat di kawasan pembangunan tersebut; dan;

(ii) Justifikasi yang munasabah serta bukti bahawa keperluan komuniti keagamaan di kawasan berkenaan telah pun dipenuhi.

Sekiranya pemaju tidak dapat menyediakan tapak yang memuaskan atau tapak yang dicadangkan tidak boleh diterima oleh PBT, pemaju boleh menawarkan sumbangan kewangan sebagai ganti tapak fizikal. Kadar dan zon nilai sumbangan adalah ditetapkan mengikut perhitungan PBT. Semua sumbangan kewangan ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) di bawah seliaan PBT, untuk digunakan bagi tujuan penyediaan kemudahan RIBI di masa hadapan.

(a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mempunyai garis panduan sedia ada berhubung dasar penyediaan dan penyerahan tapak rumah ibadat bukan Islam (RIBI) oleh pemaju dalam projek pembangunan perumahan baharu. Sehubungan itu, tiada perancangan untuk memperkenalkan penilaian teknikal wajib atau menetapkan dasar keluasan minimum tapak RIBI seperti amalan yang dilaksanakan oleh MAINPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

18. Apakah perancangan strategik kerajaan untuk menjadikan kawasan seperti Butterworth sebagai zon pelancongan utama dalam negeri ini?

    (a) Apakah tarikan warisan, seni dan ekonomi yang akan diperkukuh di sana?

    (b) Apakah pelaburan dan inisiatif pembinaan kemudahan sokongan pelancongan dirancang?

    (c) Bagaimanakah komuniti tempatan akan dilibatkan agar pembangunan pelancongan memberi manfaat langsung kepada rakyat setempat?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi tumpuan kepada usaha promosi bersepadu bagi memperkenalkan Butterworth sebagai zon pelancongan utama negeri melalui pelaksanaan kempen digital dan promosi media sosial oleh *Penang Global Tourism* (PGT). Usaha ini melibatkan penghasilan video promosi, kandungan kreatif dan kolaborasi bersama pempengaruh media sosial bagi menonjolkan keunikan destinasi pelancongan di Butterworth. Kempen ini dijalankan secara strategik di platform seperti Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube untuk menarik minat pelancong muda serta pasaran serantau. Selain itu, PGT turut memperkenalkan kempen bertema seperti "*The Other Side of Penang*" yang menampilkan Seberang Perai

sebagai destinasi pelancongan alternatif dengan tarikan seni, budaya dan komuniti setempat.

Melalui pendekatan ini, Butterworth bukan sahaja diposisikan sebagai pintu masuk utama ke Pulau Pinang, tetapi juga sebagai destinasi pelancongan tersendiri yang menonjolkan warisan tempatan, kehidupan komuniti, dan daya tarikan baharu berpotensi tinggi untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa. Selain itu, inisiatif pelancongan berasaskan kereta api turut digalakkan, dengan promosi laluan Kuala Lumpur–Butterworth dan Thailand–Butterworth yang menawarkan pengalaman perjalanan unik dan selesa kepada pelancong.

Selaras dengan usaha ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan Program Regenerasi Bandar Butterworth Baharu (*Butterworth Urban Regeneration Programme*) sejak tahun 2015, sebagai inisiatif utama untuk memulihkan, memperindah dan menaik taraf kawasan tumpuan awam di Butterworth. Program ini bertujuan menjadikan Butterworth sebuah hab pelancongan dan kebudayaan yang lebih hidup, moden dan berdaya tarikan, sejajar dengan aspirasi menjadikan Seberang Perai destinasi pelancongan yang mampan dan seimbang dengan bahagian pulau.

(a) Antara tarikan utama yang terus diperkukuh di Butterworth ialah *Butterworth Fringe Festival* (BFF), acara tahunan bertaraf antarabangsa yang telah dianjurkan sejak tahun 2015. Festival ini merupakan satu-satunya festival berkonsepkan persembahan seni jalanan (*street art performance*) di Seberang Perai dan menjadi platform penting dalam memupuk minat terhadap seni, budaya dan ekonomi kreatif tempatan. Penganjuran BFF bukan sahaja memperkukuh imej Butterworth sebagai hab seni dan budaya utama di tanah besar Pulau Pinang, malah turut memberi impak ekonomi positif kepada komuniti setempat melalui penglibatan peniaga kecil, pengusaha makanan dan usahawan kreatif di sekitar kawasan festival.

Selain itu, *Butterworth Art Walk* turut menjadi tarikan ikonik yang menggambarkan kisah dan warisan masyarakat tempatan melalui lukisan mural bertemakan sejarah, perdagangan dan kehidupan nelayan. Kawasan

ini berfungsi sebagai ruang komuniti terbuka yang menghubungkan pelancong dan penduduk dengan identiti budaya setempat. Pelbagai program seni dan kebudayaan seperti pameran seni jalanan, bengkel komuniti dan persembahan budaya juga diadakan di sini bagi menarik minat pelancong dan memberi peluang kepada artis muda tempatan menonjolkan bakat mereka.

Di samping itu, pembangunan kawasan rekreasi seperti Taman Eko Robina, Pantai Bersih dan kawasan tepi laut Butterworth sedang dipergiat bagi merancakkan sektor pelancongan, rekreasi dan gaya hidup. Usaha ini turut disokong oleh pemuliharaan bangunan bersejarah dan tapak warisan lama di kawasan bandar lama Butterworth, yang mengekalkan identiti komuniti serta sejarah maritim Seberang Perai. Malah, Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Ketara (Alam Bina) telah mengesyorkan kawasan enklaf sivik di Jalan Bagan Luar untuk diwartakan sebagai Warisan Negeri di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) sebagai satu langkah penting dalam memperkukuh kedudukan Butterworth sebagai destinasi pelancongan warisan, seni dan budaya utama Negeri Pulau Pinang.

(b) Antara inisiatif pembinaan kemudahan sokongan pelancongan yang telah dan sedang dilaksanakan di kawasan Butterworth adalah *Butterworth Digital Library*, yang berperanan sebagai pusat ilmu dan aktiviti komuniti digital, serta kerja menaik taraf Gelanggang Serbaguna Hardcourt Lebuh Benggali yang menyediakan ruang riadah dan aktiviti sukan kepada penduduk setempat serta pelancong.

Selain itu, *Pocket Park* di Lebuh Kampung Benggali dan Kolam Renang Awam MBSP dibangunkan sebagai ruang rekreasi dan interaksi sosial yang mesra komuniti, manakala Projek Menaiktaraf Lorong Belakang Bagan Luar 2 dan Projek Menaiktaraf Taman Pantai pula menambah baik kemudahan awam dan landskap bandar untuk meningkatkan daya tarikan kawasan berkenaan.

Di samping itu, pelaksanaan seni awam seperti mural, arca dan seni instalasi di lokasi tumpuan seperti

Butterworth Art Walk turut memperindah ruang bandar sambil menonjolkan identiti sejarah serta budaya tempatan.

(c) Melalui pendekatan pelancongan berasaskan komuniti (*Community-Based Tourism – CBT*), penduduk tempatan di Butterworth digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pelancongan dan kebudayaan, termasuk pengendalian aktiviti di *Butterworth Art Walk*, program seni jalanan, serta penyertaan dalam festival dan acara budaya tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan dan seni tempatan, tetapi juga menarik lebih ramai pengunjung serta menjana impak ekonomi positif kepada komuniti setempat.

Kerajaan Negeri melalui MBSP sentiasa komited menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan pelancongan di Butterworth agar manfaat ekonomi dan sosialnya dapat dinikmati secara langsung oleh penduduk. Antara langkah utama yang dilaksanakan termasuk Geran Pekan Seberang Perai, hasil kerjasama MBSP dan *Think City* yang disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Geran ini menjadi platform untuk menggalakkan komuniti membangunkan produk dan inisiatif pelancongan di bandar-bandar kecil, sekali gus meningkatkan taraf ekonomi tempatan secara mampan dan inklusif.

Selain itu, komuniti turut diberi peranan langsung dalam penganjuran acara seperti BFF dan program warisan lain, di mana mereka berpeluang menjadi pengusaha makanan, peniaga kraf tangan dan penggiat seni. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk rasa kepemilikan terhadap pembangunan tempatan tetapi juga menghidupkan semula ekonomi komuniti melalui aktiviti pelancongan kreatif. Tambahan pula, komuniti turut dilibatkan sejak peringkat awal perancangan projek seperti Cadangan Pembangunan Laman Komuniti Lebuh Kampung Benggali, dengan sesi libat urus diadakan sebanyak tiga kali sebelum projek dimulakan, bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan benar-

benar memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakat setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

19. Apakah dasar dan garis panduan Kerajaan Negeri dalam memastikan pengambilan kakitangan LPNPP dilaksana secara telus, berasaskan merit dan saksama?

    (a) Nyatakan bilangan kekosongan jawatan semasa.

    (b) Nyatakan tempoh purata pengisian jawatan kosong.

    (c) Adakah dasar keutamaan atau insentif diberikan kepada calon anak tempatan tanpa menjejaskan kelayakan dan keadilan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 [Enakmen 13] dan mula beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2021 melalui Warta Nombor 50 bertarikh 30 Julai 2020. Penubuhan ini adalah selaras dengan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bernombor rujukan JPA.BPO(R)193/3/7-3 s.k.6 (17) bertarikh 24 Mei 2018 yang memperakukan LPNPP sebagai Badan Berkanun Diasingkan Saraan dan Dibebaskan. Berdasarkan punca kuasa tersebut,

LPNPP juga berperanan sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi urusan pelantikan pegawai dan kakitangannya.

LPNPP sentiasa memastikan proses pengambilan dan pengisian jawatan dilaksanakan secara telus, berasaskan merit dan prinsip kesaksamaan, sejajar dengan amalan tadbir urus terbaik sektor awam negeri. Semua urusan pengambilan pegawai dan kakitangan adalah tertakluk kepada Tatacara Pelantikan Melibatkan Pegawai Lantikan Tetap/Kontrak/Sementara yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 25 Januari 2021, iaitu sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 19, Enakmen 13.

(a) Sehingga 28 Oktober 2025, terdapat sebanyak 23 kekosongan perjawatan di LPNPP yang meliputi pelbagai gred perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Tempoh purata bagi pengisian satu jawatan kosong di LPNPP adalah antara tiga (3) sehingga enam (6) bulan tertakluk kepada kumpulan perkhidmatan serta kelulusan daripada PBM.

Proses pengisian jawatan di LPNPP dilaksanakan melalui beberapa peringkat utama seperti berikut:

(i) Pengesahan kekosongan perjawatan dan permohonan kelulusan pengisian (1 sehingga 2 bulan);

(ii) Hebahan iklan kekosongan perjawatan dan tapisan awal calon (1 bulan); dan

(iii) Pelaksanaan temu duga, penilaian dan pelantikan rasmi (1 sehingga 3 bulan).

Langkah-langkah penambahbaikan turut dilaksanakan bagi mempercepat proses pengisian jawatan, termasuk melalui penggunaan Sistem e-Servis@LPNPP bagi pengurusan permohonan dan semakan yang lebih cekap serta bersepadu.

(c) LPNPP mengamalkan pendekatan terbuka, inklusif dan berintegriti dalam semua urusan pengambilan serta pelantikan pegawai dan kakitangan. Semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan dan kriteria merit adalah layak memohon dan boleh dipertimbangkan bagi pelantikan jawatan di LPNPP.

Walaupun tiada dasar keutamaan khusus diberikan kepada calon anak tempatan, LPNPP sentiasa menggalakkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam perkhidmatan negeri sebagai usaha menyokong pembangunan sosioekonomi Negeri Pulau Pinang. Pemilihan akhir dilaksanakan secara adil, telus dan berasaskan merit, tanpa sebarang bentuk diskriminasi terhadap asal-usul atau tempat tinggal calon.

LAMPIRAN A

STATISTIK PENGISIAN JAWATAN
DI LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG (LPNPP)
MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED JAWATAN	JUMLAH JAWATAN (BIL.)	PENGISIAN (BIL.)	KEKOSONGAN (BIL.)
KUMPULAN PERKHIDMATAN EKSEKUTIF (PEGAWAI EKSEKUTIF)	9 – 13	12	9	3
KUMPULAN PERKHIDMATAN BUKAN EKSEKUTIF 1 (PENOLONG PEGAWAI EKSEKUTIF)	6 – 8	29	24	5
KUMPULAN PERKHIDMATAN BUKAN EKSEKUTIF 2 (PEMBANTU EKSEKUTIF)	3 – 5	58	45	13
KUMPULAN PERKHIDMATAN BUKAN EKSEKUTIF 3 (PEMBANTU AM/PEMANDU)	1 – 2	12	10	2
JUMLAH		**111**	**88**	**23**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN

20. Dalam ucapan belanjawan, Kerajaan Persekutuan merancang penstrukturan semula subsidi bahan bakar bagi memastikan agihan lebih tepat.

    (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbang subsidi tambahan atau inisiatif pengangkutan mini tempatan bagi mengurangkan kos sara hidup?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan subsidi petrol RON 95 melalui inisiatif BUDI MADANI RON95 (BUDI95) yang berkuat kuasa pada 30 September 2025, di mana harga RON 95 ditetapkan pada RM1.99 seliter untuk semua rakyat Malaysia. Manfaat ini meliputi siling 30 liter sebulan melalui penggunaan MyKad untuk tujuan pengesahan di semua stesen minyak bagi memastikan subsidi tersebut dimanfaatkan oleh mereka yang layak, termasuklah penduduk di Pulau Pinang.

    (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program dan bayaran insentif khusus untuk pekhidmatan pengangkutan awam dengan peruntukan tahun 2025 sebanyak RM14 juta. Antara program pengangkutan awam yang dilaksanakan adalah:-

        (i) Perkhidmatan Bas Percuma Congestion Alleviation Transport (CAT) Bridge dengan dua (2) laluan iaitu

dari Seberang Jaya ke Bayan Lepas termasuk Kawasan Perindustrian dan laluan Bukit Mertajam ke KOMTAR;

(ii) Perkhidmatan Central Area Transit (CAT) George Town yang dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);

(iii) Pembiayaan Pas Mutiara My50 di mana rakyat Pulau Pinang dapat menikmati perkhidmatan bas Rapid Penang secara percuma di semua laluan dengan menggunakan pas tersebut;

(iv) Perkhidmatan bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR untuk penjawat awam yang bekerja di KOMTAR; dan

(v) Bayaran insentif kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah setiap tahun.

Manakala bagi inisiatif mini tempatan, pihak Rapid Penang telah melaksanakan perkhidmatan *Rapid On Demand* (ROD) dengan menggunakan van. Para penumpang boleh menggunakan Pas Mutiara yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri untuk menaiki perkhidmatan ini secara percuma. Selain itu, pihak MBPP juga akan melancarkan laluan baharu iaitu CAT Hospital pada tahun hadapan di mana laluan ini akan meliputi kawasan-kawasan hospital di sekitar George Town. Penyediaan perkhidmatan bas shuttle percuma CAT di kawasan hospital adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan lalu lintas serta menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di dalam kawasan Hospital Pulau Pinang. Cadangan ini juga adalah selaras dengan hala tuju Bandar Mesra Usia untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisen terutama kepada warga emas dan golongan kurang upaya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM YB KUMARAN KRISHNAN

21. Apakah langkah segera Kerajaan Negeri menangani banjir berulang di kawasan Tol Sungai Nyior, memandangkan jalan tol berbayar tidak seharusnya terdedah kepada risiko sedemikian?

    (a) Apakah pelan mitigasi jangka pendek dan panjang?

    (b) Adakah sistem saliran akan dinaik taraf?

    (c) Bilakah kerja pembaikan bermula dan apakah tanggungjawab pihak konsesi tol?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA *FORWARD COMMITMENT* OLEH J/K MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN) SEHINGGA OKT 2025	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (SEHINGGA SEPT 2025)
		RM	RM	RM
1	JKR HQ	2,000,000.00	1,360,311.31	42,451.31
2	JKR DTL	10,440,000.00	10,552,100.48	1,996,058.84
3	JKR DBD	21,546,000.00	21,650,628.21	13,053,918.10
4	JKR SPU	10,320,000.00	10,469,131.82	2,586,153.96
5	JKR SPT	13,680,000.00	13,858,487.14	4,086,746.59
6	JKR SPS	11,307,000.00	11,439,065.26	4,574,707.50
7	PDT DTL	561,000.00	569,385.38	181,000.00
8	PDT DBD	1,279,500.00	1,772,103.60	1,260,500.00
9	PDT SPU	3,502,589.10	4,141,096.17	3,848,299.12
10	PDT SPS	828,480.00	1,278,007.20	912,735.00
11	PDT SPT	3,954,000.00	4,245,909.13	3,431,123.00
12	JPS	8,994,000.00	8,994,540.00	8,073,544.00
13	MBPP	37,263,157.23	39,026,773.41	16,222,289.59
14	MBSP	91,200,000.00	89,168,795.22	20,822,961.38
JUMLAH KESELURUHAN		**216,875,726.33**	**218,526,334.33**	**81,092,488.39**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

8. Nyatakan sebab tidak ada ruang sub-stesen TNB dan bagaimana kos tinggi ini akan diatasi bagi memudahkan pembangunan kawasan RIBI Ampang Jajar dalam kawasan Parlimen Bagan?

   (a) Apakah langkah untuk mengatasi ketiadaan tapak letak kenderaan agar tidak mencetuskan kesesakan trafik yang teruk?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak bagi membangunkan sub-stesen bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Ampang Jajar. Seterusnya, Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) akan merancang dan mengambil tindakan untuk pelaksanaan lanjut bagi memastikan bekalan elektrik dapat disalurkan dengan lebih teratur kepada setiap tapak RIBI.

   (a) Tujuh (7) Persatuan RIBI telah menolak plot tanah yang ditawarkan. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menukar guna plot tersebut untuk dijadikan sebagai kawasan tempat letak kereta bagi kemudahan pengunjung ke kawasan pusat RIBI tersebut. Penyediaan kemudahan kawasan tempat letak kereta ini dalam peringkat perancangan dan dijadualkan untuk dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2026, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

9. Nyatakan jumlah peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) setiap tahun sejak 2018 kepada setiap 40 buah KADUN.

   (a) Bolehkah peruntukan ditambah untuk KADUN Air Putih, Bagan Jermal, Sungai Puyu dan Bagan Dalam?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. Jumlah peruntukan MARRIS dari 2018 hingga Oktober 2025 kepada 40 buah KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Kerajaan Negeri perlu mengambil kira purata terimaan tahunan daripada Kementerian Kewangan (MOF) serta keperluan 14 agensi pelaksana lain yang turut menggunakan peruntukan di bawah peruntukan MARRIS. Sehubungan dengan itu, agihan dibuat secara praktikal berdasarkan keperluan semasa dan tahap keutamaan kerja-kerja penyelenggaraan di setiap daerah. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan tambahan khususnya bagi kerja-kerja kecemasan, keutamaan akan diberikan dalam agihan peruntukan tambahan tertakluk kepada baki sedia ada.

LAMPIRAN A

AGIHAN PERUNTUKAN MARRIS DARI 2018 HINGGA OKTOBER 2025 KEPADA 40 BUAH KADUN

BIL	KADUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
1.	TG. BUNGA	2,868,430.46	6,081,968.09	5,263,401.18	3,478,119.12	6,613,480.43	4,098,844.01	4,698,097.21	2,692,556.46	**35,794,896.96**
2.	DTK . KERAMAT	1,301,850.89	648,761.59	439,443.61	1,592,272.91	1,057,741.36	2,594,345.98	1,335,600.96	976,467.03	**9,946,484.33**
3.	AIR PUTIH	388,906.07	1,451,652.74	2,022,451.22	970,981.59	494,024.95	989,179.49	2,692,273.33	898,298.85	**9,907,768.24**
4.	BT. UBAN	3,465,392.07	6,690,219.39	7,319,962.28	6,468,140.35	8,594,585.07	9,398,087.42	10,832,993.18	9,737,340.18	**62,506,719.94**
5.	PAYA TERUBONG	1,168,345.34	3,997,342.96	3,803,012.24	3,969,685.74	3,562,443.42	4,622,015.55	3,533,689.22	3,434,388.61	**28,090,923.08**
6.	AIR ITAM	2,099,670.85	2,230,593.62	1,326,790.85	2,697,525.68	2,564,524.47	4,190,316.96	2,517,510.11	1,167,733.35	**18,794,665.89**
7.	KEBUN BUNGA	218,874.96	1,982,398.04	1,699,923.23	942,948.42	1,952,866.45	2,227,845.25	1,103,648.53	1,343,619.92	**11,472,124.80**
8.	KOMTAR	1,704,237.58	1,863,223.45	1,873,492.02	762,230.09	1,331,099.34	2,434,994.35	1,988,805.31	1,808,853.35	**13,766,935.49**
9.	PGKLN. KOTA	1,217,077.03	708,530.94	250,093.36	857,339.28	924,841.09	643,415.43	1,566,162.74	1,484,207.25	**7,651,667.12**
10.	SG. PINANG	700,962.00	915,522.48	1,426,962.01	956,438.86	1,100,438.02	1,352,943.05	707,031.70	533,147.61	**7,693,445.73**
11.	BT. LANCHANG	1,356,745.82	1,153,015.50	1,516,855.30	1,651,059.90	1,900,829.17	3,208,591.79	1,864,998.94	758,350.37	**13,410,446.79**
12.	SERI DELIMA	3,989,115.19	2,931,092.63	2,653,429.81	2,844,961.40	5,064,779.99	3,723,964.19	2,234,920.60	1,952,564.05	**25,394,827.86**
13.	PULAU TIKUS	2,108,160.69	2,208,768.10	1,503,302.35	3,022,807.87	1,421,944.72	1,413,657.64	2,498,862.42	1,435,932.44	**15,613,436.23**
14.	PDG. KOTA	524,596.95	527,788.75	639,681.79	1,425,706.53	521,046.29	769,723.09	831,269.82	561,667.90	**5,801,481.12**

BIL	KADUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
15.	PANTAI JEREJAK	1,792,592.68	3,071,786.41	5,003,543.12	5,024,076.89	6,003,938.60	3,721,478.38	4,270,742.36	4,400,722.95	**33,288,881.39**
16.	BT. MAUNG	731,661.26	2,220,888.14	2,096,477.43	1,824,396.37	2,150,036.27	3,334,065.30	2,869,561.98	2,652,422.92	**17,879,509.67**
17.	BAYAN LEPAS	294,394.33	2,556,371.10	3,290,626.02	1,125,041.96	1,697,009.14	1,536,125.59	1,725,711.48	1,430,034.40	**13,655,314.02**
18.	PULAU BETONG	7,397,225.32	3,886,340.45	7,869,231.97	3,690,200.08	4,294,268.81	5,007,166.96	3,270,420.90	6,749,020.23	**42,163,874.72**
19.	TLK. BAHANG	1,722,668.70	1,597,203.27	2,844,266.70	2,321,728.44	3,026,078.35	4,972,852.50	3,071,857.50	3,726,682.80	**23,283,338.26**
20.	BERAPIT	7,308,003.06	7,322,518.66	4,580,689.36	6,204,978.32	6,237,893.04	6,155,459.24	5,254,596.99	4,379,517.13	**47,443,655.80**
21.	BKT. TENGAH	8,267,607.74	11,469,479.98	8,388,758.82	8,008,495.91	12,751,706.03	12,511,447.69	11,726,663.70	10,851,501.96	**83,975,661.83**
22.	MACHANG BUBUK	3,998,817.39	5,868,581.42	7,838,034.21	7,716,614.28	12,784,374.42	10,824,897.51	12,134,576.84	10,429,922.50	**71,595,818.57**
23.	PDG. LALANG	7,797,616.50	8,289,719.99	5,330,095.76	4,788,959.43	8,982,121.34	10,574,253.60	7,607,877.96	4,808,891.24	**58,179,535.82**
24.	PENANTI	7,488,680.13	11,466,670.49	5,001,232.08	4,583,762.02	4,692,147.66	6,229,337.98	5,760,264.64	4,500,955.89	**49,723,050.89**
25.	PERAI	7,616,702.43	9,634,784.50	5,983,512.84	5,051,856.95	10,284,406.77	12,339,874.44	10,216,409.01	5,654,605.86	**66,782,152.80**
26.	PMTG. PASIR	7,351,966.07	9,841,546.93	5,250,298.02	2,618,670.87	3,863,209.17	7,172,898.26	3,308,687.83	2,906,772.81	**42,314,049.96**
27.	SBRG. JAYA	8,019,297.10	13,354,249.84	6,773,253.73	6,114,809.32	9,258,286.84	10,262,105.74	9,278,760.36	6,860,317.00	**69,921,079.93**
28.	PENAGA	2,910,722.52	3,426,957.51	3,395,308.06	2,960,240.14	4,392,421.97	6,360,399.28	3,198,945.63	3,642,115.43	**30,287,110.54**
29.	BERTAM	2,821,403.16	5,367,141.87	2,782,038.10	2,629,032.77	3,394,805.41	4,514,841.66	3,712,799.59	2,275,405.00	**27,497,467.56**

BIL	KADUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
30.	PNG.TUNGGAL	3,872,282.12	4,662,736.06	3,685,201.85	2,965,913.32	7,657,132.56	11,604,384.96	9,516,812.57	3,914,100.09	**47,878,563.53**
31.	PMTG. BERANGAN	4,066,100.09	6,104,490.37	2,871,509.08	3,223,450.90	5,843,558.88	6,328,328.54	6,854,783.80	3,746,462.98	**39,038,684.64**
32.	SG. DUA	3,606,512.29	4,221,090.32	4,303,182.47	3,042,029.56	4,988,082.94	5,572,719.13	3,353,973.46	2,441,887.77	**31,529,477.94**
33.	T.A. TAWAR	2,092,240.84	1,520,582.76	1,948,170.94	1,420,563.54	1,582,540.47	2,783,274.34	2,069,536.77	1,285,167.30	**14,702,076.96**
34.	SG. PUYU	1,952,601.33	2,535,194.49	4,328,432.88	3,167,422.48	5,514,231.12	4,480,820.79	4,380,161.83	3,227,864.19	**29,586,729.11**
35.	BAGAN JERMAL	2,407,825.12	6,071,654.19	2,272,959.50	1,927,260.11	5,408,446.49	5,918,172.34	4,687,798.18	3,591,332.28	**32,285,448.21**
36.	BAGAN DALAM	2,434,905.80	1,303,423.58	2,000,144.90	2,773,099.68	3,404,761.93	3,241,070.65	3,762,872.65	2,651,872.99	**21,572,152.18**
37.	BKT TAMBUN	3,255,774.96	8,200,225.40	6,922,625.73	4,306,492.83	11,485,088.24	11,987,186.89	13,039,842.32	10,437,862.89	**69,635,099.26**
38.	SG. BAKAP	2,058,262.56	6,629,039.55	7,298,733.75	5,150,539.57	5,860,734.58	7,088,210.20	6,714,351.85	7,132,723.00	**47,932,595.06**
39.	JAWI	3,272,537.31	7,416,306.41	7,449,770.41	8,688,588.17	10,775,509.16	8,276,623.42	6,775,129.72	7,660,520.34	**60,314,984.94**
40.	SG. ACHEH	2,090,468.16	3,752,281.88	5,731,654.39	5,177,000.70	4,997,398.07	5,392,099.88	6,801,783.90	7,034,210.90	**40,976,897.88**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

10. Nyatakan sama ada benar kos projek kereta kabel Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang telah naik dan jadual siap kerja telahpun dilewatkan.

    (a) Apakah kos baru dan tarikh siap terkini serta implikasinya kepada syarikat dan Kerajaan Negeri?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Ya, kos projek kereta kabel Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah naik dan tempoh siap kerja telah berubah berbanding jadual asal.

    (a) Kos asal projek kereta kabel adalah sebanyak RM245 juta, namun kos ini telah meningkat melebihi RM400 juta. Hal ini disebabkan oleh kenaikan kos upah tenaga kerja, kenaikan harga bahan binaan, perubahan anggaran kos terkini mengikut perubahan pasaran (pelaksanaan cukai SST) dan keperluan pembinaan serta perubahan kadar pertukaran mata wang asing.

Dari segi tempoh pelaksanaan, tarikh asal siap ialah pada Disember 2026, manakala tarikh baharu projek ini dijangka siap adalah pada Februari 2027. Lanjutan tempoh pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh faktor keadaan cuaca, lantikan sub-kontraktor yang bersesuaian dan berpengalaman, perubahan jadual pelaksanaan projek berikutan pengubahsuaian reka bentuk bangunan *Multistorey Carpark* dan *Garden Station* yang memerlukan permohonan semula Kebenaran Merancang serta kelulusan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Projek ini dilaksanakan melalui kaedah Perkongsian Awam Swasta *Public-Private Partnership* (PPP), maka syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. merupakan pihak konsesi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembiayaan projek ini.

Peningkatan kos ini membawa kesan kewangan kepada syarikat pelaksana kerana semua perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak konsesi. Syarikat perlu mendapatkan sumber pembiayaan tambahan bagi menampung kenaikan kos bahan binaan, tenaga kerja dan logistik bagi memastikan kerja pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Dari sudut pengurusan, syarikat juga perlu menilai semula strategi pelaksanaan projek bagi memastikan keberdayaan komersial jangka panjang tidak terjejas.

Bagi pihak Kerajaan Negeri pula, walaupun tidak menanggung sebarang kos kewangan secara langsung, namun peningkatan kos dan kelewatan tetap memberi implikasi secara tidak langsung. Antaranya ialah kelewatan dalam merealisasikan manfaat projek kepada rakyat dan ekonomi negeri, termasuk peluang pekerjaan, aktiviti pelancongan, serta sumbangan kepada hasil negeri melalui cukai dan bayaran konsesi. Pihak PBBPP mewakili Kerajaan Negeri memainkan peranan aktif dalam pemantauan bagi memastikan jadual projek dipatuhi, dan menjaga kepentingan awam agar matlamat asal projek ini tercapai secara mampan dan berimpak tinggi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

11. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Penang Science Cluster untuk menjalankan pendidikan STEM dan menganjurkan *Penang International Science Fair* setiap tahun sejak 2018.

    (a) Adakah peruntukan akan ditambah untuk operasinya dalam pejabatnya di Butterworth?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang Science Cluster (PSC) untuk perbelanjaan operasi dan pelaksanaan program termasuk pendidikan STEM adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, PSC turut menerima sumbangan daripada pihak industri bagi pelaksanaan program.

    Penang International Science Fair (PISF) adalah program tahunan yang dianjurkan oleh PSC dan dibiayai oleh sumbangan industri seperti di **LAMPIRAN B**.

    (a) Bagi jumlah peruntukan untuk operasi pejabat yang terletak di Butterworth, tumpuan utama adalah untuk membiayai program teras yang telah dikenal pasti dan jumlah peruntukan tahunan dikekalkan.

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN PENANG SCIENCE CLUSTER UNTUK PENDIDIKAN STEM

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI (RM)	PERUNTUKAN DARIPADA SUMBER LAIN (RM)
1.	2018	1,514,296.00	1,776,438.00
2.	2019	993,408.00	1,595,277.00
3.	2020	3,300,000.00	4,774,213.00
4.	2021	356,898.00	4,278,745.00
5.	2022	801,887.00	3,291,838.00
6.	2023	1,264,781.00	4,568,885.00
7.	2024	400,000.00	4,734,142.00
8.	2025 (sehingga 30 September 2025)	200,000.00	3,397,308.00
JUMLAH		**8,831,270.00**	**28,416,846.00**

LAMPIRAN B

ANGGARAN SUMBANGAN INDUSTRI BAGI PENANG INTERNATIONAL SCIENCE FESTIVAL (PSIF)

BIL.	TAHUN	ANGGARAN SUMBANGAN INDUSTRI BAGI PISF (RM)
1.	2018	472,000.00
2.	2019	611,000.00
3.	2020	0
4.	2021	150,000.00
5.	2022	218,000.00
6.	2023	598,000.00
7.	2024	634,000.00
8.	2025	645,000.00
JUMLAH		**3,328,000.00**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

12. Nyatakan kos lawatan ke EXPO Sedunia di Osaka, Jepun bersama dengan rombongan dan nyatakan setiap anggota yang menyertainya, siapa yang menanggung kos, serta manfaatnya kepada Kerajaan Negeri dan keperluan kehadiran rombongan yang begitu ramai.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. **Kos Keseluruhan**

Jumlah kos yang terlibat adalah sebanyak RM2,145,470.69. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Senarai Delegasi, Peranan Dan Tanggungjawab

Senarai delegasi Pulau Pinang sempena Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

Peranan dan tanggungjawab setiap delegasi adalah seperti di **LAMPIRAN C**. Setiap anggota delegasi memainkan peranan tersendiri dalam memastikan penyertaan Pulau Pinang di EXPO Osaka 2025 mencapai objektif pelancongan, pelaburan, promosi dan reputasi antarabangsa yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri.

Manfaat Kepada Kerajaan Negeri

Penganjuran Minggu Pulau Pinang (Penang Week) di Pavilion Malaysia sempena World Expo 2025 Osaka telah memberi impak positif yang signifikan kepada imej dan ekonomi negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Program ini berjaya memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi, pusat inovasi dan destinasi pelancongan budaya yang terkemuka di rantau ini.

Dari segi impak ekonomi, Penang Week telah membuka peluang kerjasama strategik dengan pelabur dan syarikat antarabangsa melalui 20 sesi padanan perniagaan (business matching) yang melibatkan syarikat dari Jepun. Sepanjang program ini, tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) turut ditukar antara Penang Development Corporation (PDC) dan pelabur asing, melibatkan nilai pelaburan berpotensi berjumlah RM426 juta, iaitu dengan FedEx (RM153 juta), DHL (RM153 juta) dan Shizen International & Atlantic Blue (RM120 juta).

Dari aspek promosi antarabangsa, program ini telah memperkenalkan kekuatan Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti seperti demonstrasi masakan tempatan, serta pameran syarikat dan usahawan Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, halal dan pelancongan. Penyertaan ini turut memperkukuh jaringan pelaburan, pelancongan dan diplomasi perdagangan antara Pulau Pinang dan Jepun, serta memposisikan negeri ini sebagai destinasi utama untuk pelaburan berkualiti tinggi dan pelancongan berasaskan warisan.

Selain itu, warisan budaya tidak ketara Pulau Pinang turut diketengahkan melalui pertunjukan fesyen kebaya Nyonya dan batik, yang diadakan setiap petang di pentas Pavilion Malaysia. Persembahan ini berjaya menarik perhatian pengunjung antarabangsa dengan menampilkan keanggunan dan kehalusan seni busana tradisional Pulau Pinang. Kejayaan kebaya Nyonya yang telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO pada Disember 2024 menjadi pemangkin kepada usaha Kerajaan Negeri untuk terus memartabatkan warisan ini di pentas global. Sambutan luar biasa daripada para pengunjung membuktikan bahawa warisan budaya Pulau Pinang bukan sahaja kaya dengan nilai estetik,

tetapi juga mampu memperkukuh imej negeri ini sebagai destinasi pelancongan budaya bertaraf dunia.

Sepanjang tempoh penganjurannya, Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka tersebut menerima sambutan luar biasa dengan jumlah pengunjung yang amat memberangsangkan. Sehubungan itu, pelaksanaan program jelajah *Not The Penang You Know* di Osaka adalah amat bertepatan pada masanya, kerana ia dapat memanfaatkan momentum dan minat tinggi rakyat Jepun terhadap Malaysia yang tercetus melalui pameran Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka. Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan minat tersebut dengan menggalakkan pelancong Jepun memilih Malaysia, khususnya Pulau Pinang, sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.

LAMPIRAN A

KOS YANG TERLIBAT SEMPENA

MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPO DUNIA OSAKA 2025

BIL.	DELEGASI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	SUMBER KEWANGAN
1	PDC (Urusetia Induk) bersama BPEN (*Focal Point* yang dilantik MITI)	1,600,000.00	PDC dan MITI (MITI = RM220,000.00)
2	Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa	281,029.50	Kerajaan Negeri, JPBD, MBPP, MBSP
3	Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif	80,275.00	Kerajaan Negeri
4	Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital	19,122.50	Kerajaan Negeri
5	Pembangunan Sosial, Kebajikan Dan Hal Ehwal Bukan Islam	40,709.00	Kerajaan Negeri
6	InvestPenang	91,634.69	InvestPenang
7	PHI	32,700.00	PHI
JUMLAH (RM)		**2,145,470.69**	

LAMPIRAN B

SENARAI DELEGASI KERAJAAN NEGERI
KE MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPO DUNIA OSAKA
2025

DELEGASI PDC

PDC *BOD MEMBERS*		
BIL.	**NAMA**	**JAWATAN**
1	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Ketua Menteri Pulau Pinang
2	YB Jagdeep Singh a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang
3	YB Dato' Haji Zulkifli bin Long	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
4	YB Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
5	YB Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri
6	YB Goh Choon Aik	ADUN Bukit Tambun
7	YBrs. Puan Nor Hasnah binti Badroddin	Pengarah Kanan Bahagian Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
DELEGASI PDC		
BIL.	**NAMA**	**JAWATAN**
1	Ybhg. Dato' Aziz bin Bakar	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
2	Ybhg. Dato' Mohammad Azhar bin Hamdan	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kanan (Teknikal/Perancangan) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
3	YBrs. Sr. Tuan Haji Roslan bin Hassan	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
4	Puan Nor Aznita binti Zainuddin	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Pembangunan & Pengurusan Harta
5	Cik Azian binti Ahmad	Pengurus Kanan

		Ketua Bahagian Perancangan Fizikal & Pembangunan Tanah
6	Encik Samsuri bin Abd Jalil	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
7	Encik Mohd Sani bin Mohd Akier	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Guaman
8	Encik Azahar Mohd Zamri Khoo	Pengurus Ketua Bahagian Perindustrian
9	Encik Azizee Rohemee bin Abdullah	Pengurus Ketua Unit Projek Khas
10	Encik Zulkifli bin Ismail	Pengurus Ketua Bahagian Korporat & Komunikasi
11	Encik Zulkifli bin Yusoff	Pegurus Ketua Bahagian Perancangan Strategik dan Pelaburan
12	Encik Muhamad Akmal bin Mohamad Junaidi	Penolong Pengurus Bahagian Perancangan Strategik dan Pelaburan
13	Cik Intan Zarith Soraya binti Shahfawi	Pegawai Perhubungan Awam Bahagian Korporat & Komunikasi
14	Encik Mohd Lukman bin Abd Wahab	Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Korporat & Komunikasi
15	Encik Muhammad Shamel Mirza Lam	Pelukis Pelan Kanan Bahagian Korporat & Komunikasi
16	Cik Nur Izzah binti Abdul Raman	Setiausaha Pejabat Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
17	Puan Nursyazwani binti Haji Rosli	Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Korporat & Komunikasi
18	Puan Shankeeta Vani Balasundaram	Penolong Pengurus Kanan
19	En Ir Izwanaim Ismail	Chief Operating Officer Solar Voltech Sdn. Bhd.

PEJABAT KETUA MENTERI		
BIL.	**NAMA**	**JAWATAN**
1	Encik Mohd Balkish bin Othman	Setiausaha Sulit Kanan
2	Puan Yap Lee Ying	Pengarah Komunikasi / Setiausaha Akhbar
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)		
BIL.	**NAMA**	**JAWATAN**
1	Encik Zarul Azwan bin Adam	Penolong Setiausaha Kanan (Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)
2	Puan Junaidah binti Jamil	Penolong Setiausaha Kanan (Kewangan, Pembangunan Ekonomi &Tanah dan Komunikasi)
3	Puan Fatimah binti Jamaludin	Penolong Setiausaha (Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar)

DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB H'ng Mooi Lye	EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
2	Puan Lee Cunmin	Isteri kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
3	YB Dato' Wan Nor Sakina binti Saad	Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang
4	YBhg. Dato' TPr. Gs. Rozita binti Hamit	Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
5	Encik Muhamad Husni bin Mahmud	Setiausaha Bahagian, BKT
6	Encik Azim Rabbani bin Syed Sultan	Penolong Setiausaha, BKT
6	Puan Low Vin Yin	Pembantu Khas kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

BIL.	NAMA	JAWATAN
7	YBhg. Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid	Datuk Bandar, MBSP
8	Encik Faris Zaki bin Basri	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, MBSP
9	Sr. Cheong Chee Hong	Setiausaha Bandaraya, MBPP
10	Puan Tan Bee Luan	Pengarah Jabatan Perbendaraan, MBPP

DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Wong Hon Wai	EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
2	Encik Ong Zhan Hao	Pegawai Khas kepada EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
3	Encik Ooi Chok Yan	Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Global Tourism*;
4	Cik Yoon Pauline	Pegawai Pemasaran, *Penang Global Tourism*

DELEGASI DI BAWAH EXCO PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Puan Lim Siew Khim	EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam

DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Tuan Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
2	Puan Lennie Khor	Pegawai Khas kepada YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
3	Puan Najwa Juaini binti Azmi	Setiausaha Bahagian BKSA
4	Encik Muhammad Sharrieffuddin bin Mohd Jaki	Penolong Setiausaha (Infrastruktur & Pengangkutan)
5	Yuweneswaran a/l Suppiah	Pegawai Tadbir Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang

DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Dato' Loo Lee Lian	Ketua Pegawai Eksekutif
2	Puan Tun Qurratul Ain	Pengurus Kanan, Bahagian Ekonomi Digital
3	Puan Ong Mee Choo	Pengarah, *Penang Silicon Design @5KM+* (PSD@5KM+)

DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Mohd Azraie Ramli	CEO
2	Isharina Basri	Pen. Pengurus Pentadbiran & Kewangan
3	Nur Shahidah Syed Mohamed	Pegawai Media

LAMPIRAN C

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP DELEGASI MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPO DUNIA OSAKA 2025

DELEGASI PDC (URUSETIA INDUK) BERSAMA BPEN (FOCAL POINT YANG DILANTIK MITI)

1. Penyediaan dan pengurusan Pavilion Pulau Pinang sepanjang minggu Pulau Pinang;
2. Pelaksanaan aktiviti promosi, pameran, *pocket talk*, *business matching* terhadap tujuh (7) projek berimpak tinggi oleh PDC;
3. Urusan protokol dan majlis perasmian pada 24 September 2025 serta majlis MoU. Terdapat tiga (3) MoU yang terlibat iaitu FedEX, DHL dan Shizen International & Atlantic Blue;
4. Lawatan ke fasiliti model Jepun seperti Nakanoshima Qross di Osaka, bagi melihat model hospital-inovasi yang serupa dengan visi Pulau Pinang dalam sektor kesihatan;
5. Sesi libat urus pemain industri Jepun; dan
6. Speaker bagi program *pocket talk.*

DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

1. Kunjungan hormat dan lawatan penanda aras ke fasiliti serta organisasi berkaitan dengan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perancangan bandar dalam aspek pengurusan sisa pepejal, bandar pintar, mitigasi menghadapi perubahan iklim dan lain-lain yang berkaitan.

2. Delegasi Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri kunjungan hormat dan lawatan penanda aras seperti berikut:
   (i) Sesi Kunjungan Hormat ke Osaka City Council;
   (ii) Sesi Kunjungan Hormat ke Sakai City Government;
   (iii) Lawatan ke Fasiliti Suminoe Incineration Plant (*Waste to Energy* – WtE Plant);
   (iv) Lawatan ke Fasiliti DINS Kansai Recycling Assortment Centre (RAC);
   (v) Lawatan ke Syarikat Ryoden Corporation (syarikat smart farming);
   (vi) Lawatan ke Research Institute of Environment, Agriculture and Fisheries, Osaka (RIEAFO);
   (vii) Lawatan ke Global Environment Centre Foundation (GEC);

(viii) Majlis Perasmian Penang Week di Pavilion Malaysia dan Lawatan ke Pavilion Negara-negara Lain di Ekspo Osaka 2025;
(ix) Lawatan Penanda Aras ke Tapak Warisan Dunia United Nations Educational, Scientific and Cultured Oraganisation (UNESCO) di Todai-Ji, Nara;
(x) Lawatan Penanda Aras ke Osaka Castle Park; dan
(xi) Lawatan Penanda Aras ke Projek Umekita (Projek Pembangunan Semula Bandar di Umekita, Osaka).

DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan; dan
2. Menjalankan sesi pameran, *pocket talk*, *business matching* pemain industri pelancongan di Jepun.

DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL

1. Delegasi Kerajaan Negeri melibatkan portfolio MMK Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital ke "Minggu Pulau Pinang" sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 pada 23 September 2025 adalah susulan daripada jemputan daripada *Japan International Cooperation Agency* (JICA) menerusi kajian yang dilaksanakan dengan kerjasama JICA dan Bandar Kawasaki berkaitan dengan Pengurusan Sumber Air dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

2. Penyertaan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 merupakan satu usaha strategik bagi memperkukuh dasar pembangunan mampan dan pengurusan sumber air negeri. Melalui platform antarabangsa ini, Kerajaan Negeri berpeluang memperkenalkan dasar serta hala tuju Pulau Pinang dalam aspek infrastruktur hijau, ekonomi berdaya tahan dan pengurusan sumber air yang lestari.

3. Lawatan ini turut memberi ruang kepada delegasi negeri untuk meneruskan kerjasama dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) susulan pelaksanaan Kajian JICA mengenai Pengurusan Sumber Air Pulau Pinang. Melalui libat urus ini, Pulau Pinang dapat menilai amalan terbaik Jepun dalam pengurusan air, mitigasi kemarau dan pembangunan bandar lestari, sekali gus memperkukuh pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025.

Secara keseluruhannya, penyertaan ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sekadar lawatan promosi, tetapi satu langkah penting bagi memperkukuh hubungan dasar antarabangsa, memperluas kerjasama teknikal, serta memastikan dasar dan polisi negeri terus selaras dengan amalan global ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai

negeri contoh dalam tadbir urus air dan pembangunan mampan.

DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG

1. Penyertaan InvestPenang ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sahaja bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan strategik dalam sektor reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*), tetapi juga memperkenalkan keupayaan dan kepakaran syarikat-syarikat tempatan kepada pasaran Jepun dan antarabangsa. Inisiatif ini sejajar dengan pelaksanaan *Penang Silicon Design @ 5KM+*, yang memberi tumpuan kepada pengukuhan rantaian nilai industri semikonduktor serta pembangunan bakat tempatan.

2. InvestPenang memperkukuh hubungan ekonomi dua hala antara Pulau Pinang dan Jepun, di samping menggalakkan kerjasama strategik dalam bidang teknologi, inovasi, dan penyelidikan reka cip. Usaha ini seterusnya mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai rakan strategik utama dalam ekosistem inovasi dan ekonomi digital serantau.

3. Antara acara utama yang dianjurkan ialah seminar *Penang, Malaysia Business Seminar* di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan tema "*Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy*." Pada seminar tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian, menyampaikan pembentangan mengenai landskap industri Pulau Pinang dan kelebihan negeri ini sebagai hab inovasi serta teknologi. Beberapa syarikat reka bentuk IC tempatan seperti Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip, dan Tenasic Technology turut diketengahkan sebagai contoh kejayaan industri tempatan.

4. Seminar ini telah disertai lebih dari 30 delegasi Jepun. Sebagai penganjur dan penyelaras utama seminar ini, InvestPenang bertanggungjawab menyelaras urusan bersama JETRO selaku rakan kolaborasi, serta pihak pengurusan Pavilion Malaysia bagi memastikan kelancaran pelaksanaan seminar. Ini termasuk penyediaan jadual pembentangan, pengurusan jemputan syarikat Jepun dan wakil industri, penyediaan bahan promosi serta pameran, pengurusan logistik (susun atur lokasi, kemudahan audiovisual, jamuan ringan, bahan cenderamata), dan koordinasi keseluruhan perjalanan program bagi seminar ini.

5. InvestPenang juga turut menyertai sesi *business matching* yang dianjurkan oleh MATRADE, bertujuan menghubungkan syarikat reka bentuk IC tempatan dengan rakan kongsi berpotensi di Jepun.

6. Selain penyertaan di Ekspo Dunia Osaka, delegasi InvestPenang juga mengadakan tujuh lawatan rasmi dan sesi pertemuan bersama agensi Jepun seperti JETRO, syarikat pemula (*startups*), serta korporat besar dalam industri semikonduktor di Tokyo, Kyoto, dan Osaka bagi memperkukuh promosi

keupayaan reka cip Pulau Pinang dan mempersiapkan negeri sebagai destinasi pelaburan berteknologi tinggi.

Secara keseluruhannya, delegasi InvestPenang terlibat secara langsung dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan keseluruhan program dalam misi pelaburan InvestPenang ke Jepun.

DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)

PHI berfungsi sebagai wakil industri halal Pulau Pinang yang memainkan peranan sebagai agensi yang mempromosi, hubungan industri halal antarabangsa, dan membantu memposisikan Pulau Pinang bukan hanya sebagai pusat teknologi dan pelaburan, tetapi juga sebagai destinasi industri halal yang kompetitif. Turut memaparkan ialah produk-tempatan, halal *lifestyle* serta peluang industri halal daripada Pulau Pinang yang sekali gus memperluaskan industri halal negeri ke peringkat antarabangsa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

13. Nyatakan apakah tindakan yang diambil oleh PDC ke atas segala teguran semua Laporan Tahunan Ketua Audit Negara.

    (a) Adakah suatu audit forensik bebas dijalankan untuk projek-projek gagal seperti projek pelebaran Jalan Tok Kangar yang masih belum siap selepas 5 tahun?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Berikut adalah tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terhadap setiap teguran di dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara:-

    (i) Tindakan penambahbaikan diambil bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang pada masa hadapan;

    (ii) Maklum balas terhadap teguran tersebut telah dimuat naik ke dalam sistem *Auditor General's Dashboard*, Jabatan Audit Negara (AG Dashboard) dan sentiasa dipantau sehingga status "Dalam Tindakan" berubah kepada "Selesai"; dan

    (iii) Laporan Penemuan Audit dan status semasa AG Dashboard telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

    Selain itu, PDC juga telah melantik firma audit luar iaitu Deloitte Business Advisory Sdn. Bhd. untuk menjalankan pengauditan

ke atas projek-projek yang diuruskan oleh PDC termasuk projek Jalan Tok Kangar pada tahun 2022 dan 2024. Laporan Penemuan-Penemuan Audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit PDC pada 30 Mac 2023 dan 23 Disember 2024.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

14. Senaraikan kos lawatan luar negeri dan negara oleh Ketua Menteri, Ahli EXCO dan ahli rombongannya serta maksud dan kejayaan setiap lawatan itu sejak 2020.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Kos lawatan ke luar negeri dan ke luar negara oleh YAB Ketua Menteri, Ahli EXCO dan ahli rombongannya serta maksud dan kejayaan setiap lawatan sejak 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2020 DAN 2021

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Lawatan Kerja Ke Chengdu, China Dari 6 Hingga 9 Januari 2020.	1,880.00	1. YB Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain EXCO Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi; dan 2. Penang International Halal Hub.	Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Halal Penang dan Chengdu New High Tech Park dan China Islamic Finance Club, seterusnya membuka pasaran baharu berkaitan produk makanan halal di Chengdu.
2.	Penyertaan Ke *Penang Roadshow In India* (Mumbai, Delhi, Chennai) Dari 12 Hingga 19 Januari 2020.	11,603.76	1. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan; 2. YB Satees Muniandy ADUN Bagan Dalam; dan 3. Penang Conventions and Exhibitions Bureau.	Membuka peluang pasaran baharu di India, menarik peningkatan pelancong dari India melalui promosi produk tarikan baharu negeri melalui majlis pelancaran / *networking* dan sesi *'business to business'* di Mumbai, Delhi dan Chennai.
3.	Penyertaan Ke Majlis Penganugerahan *ASEAN Tourism Awards 2020* Pada 16 Januari 2020 Di Brunei Darussalam.	16,378.00	1. YB Jagdeep Singh Deo EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; dan 2. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Menerima anugerah *ASEAN Clean Tourist City Standard 2020* dan mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama melalui tarikan kepada tempat peranginan, pelancongan eko, warisan dan kepelbagaian budaya.
4.	Penyertaan Ke Persidangan *World Urban Forum* Kali Ke 10	70,160.00	1. YB Jagdeep Singh Deo	Membantu Kerajaan Negeri menguruskan proses urbanisasi dengan

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	(WUF 10) Di Abu Dhabi, United Arab Emirates Dari 8 Hingga 15 Februari 2020.		EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 2. Majlis Bandaraya Seberang Perai; 3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; dan 4. Sekretariat GTCDC.	lebih terancang di Pulau Pinang melalui pendedahan kepada delegasi berhubung sistem pentadbiran dan polisi yang dilaksanakan oleh negara luar.
Tiada lawatan ke luar negara bermula Mac 2020 sehingga awal tahun 2022 berikutan Perintah Kawal Pergerakan kerana wabak COVID-19				

* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2022

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Delegasi Kerajaan Negeri Ke EXPO 2020 Dubai Pada 16 Hingga 19 Januari 2022 Di Dubai Exhibition Centre, Dubai.	527,101.00	1. YB Dato Haji Abdul Halim bin haji Hussain EXCO Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi; 2. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Kreatif Industri; 3. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun; 4. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausahaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP); 5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; 6. Invest Penang; 7. Penang Global Tourism; dan 8. Penang Halal International.	Mengeratkan hubungan dengan pihak berkuasa korporat di Dubai serta untuk terus bekerjasama dan meneroka potensi pelaburan dan perniagaan, mengeratkan hubungan ekonomi dalam bidang perdagangan, pelaburan bernilai tinggi, teknologi, logistik. e-commerce dan lain-lain lagi. Jumlah keseluruhan *'potential values'* yang diperolehi sepanjang Minggu Pulau Pinang EXPO 2020 Dubai adalah RM18,221,918,034.00 atau USD 4,372.438,272.00.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
2.	Penyertaan Ke Program *International Urban And Regional Cooperation* (IURC) Di Republik Portugal Dari 24 April Hingga 1 Mei 2022.	16,738.00	1. YB Phee Boon Poh EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan; 2. Penang Green Council; dan 3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Menggalakkan kerjasama antara Pulau Pinang dengan bandar-bandar European Union (EU) dalam usaha memupuk konsep *circular economy* untuk pembangunan bandar yang mampan terutamanya dalam pengurusan sisa. dan "*city to city matchmaking*" ini akan membolehkan bandar-bandar yang berkaitan berkongsi cabaran, masalah dan kaedah penyelesaian dalam tiga bidang utama iaitu penyelidikan dan inovasi, perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik serta meneroka peluang pelaburan dan perniagaan.
3.	Lawatan Kerja Ke Amsterdam Bagi Menghadiri Program *Geospatial World Forum* (GWF) 2022 Dari 7 Hingga 14 Mei 2022.	54,931.00	1. YB Chong Eng EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan 2. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.	Menerima *Geospatial World Excellence Award* bagi Projek *Penang Stops Violence*, berkongsi pandangan dan pengalaman dengan peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin negara lain berhubung amalan dan penggunaan alatan dan penyelesaian geospatial dalam pelbagai bidang terutamanya dari sudut sosial dan mempromosi Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.
4.	Penyertaan Ke *Arabian Travel Market* (ATM) 2022 Di Dubai Dan Roadshow Di Republik Islam Iran Dari 10 Hingga 18 Mei 2022.	8,492.47	1. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Merangsang pelancongan antarabangsa dari Wilayah Timur Tengah terutamanya dari Dubai dan Tehran dengan memperkenalkan daya tarikan baharu negeri dan menggalakkan ejen-ejen

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				pelancongan tempatan mempromosi pakej pelancongan Negeri Pulau Pinang.
5.	Lawatan Kerja Ke Singapura Bagi Menjalinkan Kerjasama Bersama Singapura Dalam Pembangunan Belia Dari 12 Hingga 14 Jun 2022.	13,255.00	1. YB Soon Lip Chee EXCO Belia dan Sukan; dan 2. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang.	Memperkukuh kerjasama bagi agenda pembangunan belia dalam pelbagai aspek termasuklah pengukuhan akademik, keusahawanan dan kesenian.
6.	Penyertaan Ke Persidangan *World Urban Forum* Kali Ke 11 (WUF 11) Di Katowice, Poland Dan Lawatan Teknikal Ke Vienna, Austria Dari 24 Jun Hingga 5 Julai 2022	183,510.00	1. Pegawai Kewangan Negeri (Mewakili YB Jagdeep Singh Deo yang tidak dapat hadir); 2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; dan 3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.	Membantu Kerajaan Negeri mengurus dan melaksanakan proses urbanisasi dengan lebih terancang di Pulau Pinang serta dapat mempelajari sistem pentadbiran dan polisi yang dilaksanakan oleh negara luar seterusnya membuat penambahbaikan kepada sistem sedia ada.
7.	Lawatan Kerja Ke CPG Corporation Singapura Mulai 13 Hingga 15 Julai 2022.	81,367.75	1. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur Dan Pengangkutan; 2. YB H'ng Mooi Lye ADUN Jawi; 3. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun;	Memberikan peluang pembelajaran dan percambahan idea kepada ahli jawatankuasa yang terlibat secara langsung dalam pengurusan banjir untuk memahami pelaksanaan *best practices* serta teknologi terkini yang diguna pakai dalam pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan pengurusan di rantau Asia Pasifik.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			4. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP. 5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; 6. Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan 7. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang.	
8.	Lawatan Kerja Ke Temasya Sukan Komanwel Ke-22 Birmingham, England 2022 Dari 27 Julai Hingga 3 Ogos 2022 Dan Kunjungan Hormat Ke UK Sport.	132,021.50	1. YB Soon Lip Chee EXCO Belia Dan Sukan; dan 2. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, PSUKPP.	Mengeratkan kerjasama melalui sesi perkongsian dan pertukaran idea antara Kerajaan Negeri dan United Kingdom dalam hal ehwal pembangunan sukan yang seterusnya digunapakai dalam penyediaan rancangan Pelan Induk Pembangunan Sukan di Negeri Pulau Pinang di samping memberi pendedahan dan pengalaman kepada delegasi berhubung gerak kerja penganjuran Temasya Sukan Komanwel.
9.	Menghadiri Persidangan Antarabangsa – *26th General Conference, International Council Of Museums (ICOM)* Di Prague, Czech Republik pada 20 Hingga 28 Ogos 2022.	85,813.00	1. YB. Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.	Platform kepada YB EXCO dan Lembaga Muzium bagi membina dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa secara terus dengan penjawat-penjawat tertinggi ICOM dan seterusnya membantu pihak Lembaga Muzium bagi pelaksanaan dasar-dasar

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				dan hala tuju muzium yang melibatkan tema perundangan.
10.	Menghadiri Persidangan *The International Conference On Cohesive Societies* Di Singapura Dari 5 Hingga 7 September 2022.	2,410.00	1. YB Chong Eng EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan 2. Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd.	Meningkatkan pengetahuan melalui perbincangan dan perkongsian maklumat berkenaan pendekatan untuk mengurus hubungan antara kaum dalam masyarakat majmuk dan berkongsi Visi Kerajaan Negeri Penang2030 berkenaan pengekalan hubungan mesra antara pelbagai komuniti demi keamanan dan kebahagiaan masyarakat.
11.	Penyertaan Ke Pameran *Geylang Serai Food Festival 2022* Di Singapura Berserta Majlis Mesyuarat Dari 7 Hingga 11 September 2022.	91,812.00	1. YB Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan; 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; 3. Penang Halal International; 4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang; 5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; dan 6. Invest Penang.	Memperkenalkan Penang Halal sebagai hab halal yang bertanggungjawab untuk mempromosi dan membangunkan industri halal dan taman perindustrian halal di Pulau Pinang dan platform kepada para usahawan dalam mengembangkan perusahaan ke peringkat antarabangsa.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
12.	Lawatan Kerja Ke Camden London Borough Council Dan King's Cross, London, United Kingdom Dari 12 Hingga 19 September 2022.	225,373.00	1. YB. Jagdeep Singh Deo EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; 3. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang; dan 4. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Meninjau dan mempelajari pendekatan dan pengalaman King's Cross Central Partnership selaku pelaksana dan Camden London Borough Council selaku pihak berkuasa merancang berkaitan strategi dan program memulakan pembaharuan semula bandar, reka bentuk, kos dan perundangan berkaitan pembaharuan semula, penentuan konsep kediaman, komersil dan bercampur bagi kemampanan kos, dan penglibatan awam swasta dalam mengatasi birokrasi perancangan.
13.	Jemputan Ke *Asia-Pacific Ministerial Conference On Disaster Risk Reduction* (APMCDRR), Brisbane, Australia, 19 Hingga 22 September 2022.	118,295.00	1. YB Phee Boon Poh EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan; dan 2. Unit Pengurusan Bencana, PSUKPP.	Membantu Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan merangka halatuju strategik, koordinasi, menjalinkan kerjasama dan mengembangkan pelaksanaan instrumen-instrumen yang bertaraf antarabangsa berkenaan pengurusan risiko melalui pendedahan kepada maklumat-maklumat pengurusan bencana secara menyeluruh di peringkat global.
14.	Lawatan Kerja Ke Ho Chi Minh City, Vietnam Bagi Menjalinkan Kerjasama Dalam Pembangunan Belia Dari 5 Hingga 9 Disember 2022.	5,914.11	1. YB Soon Lip Chee EXCO Belia dan Sukan; 2. YB Kumaresan a/l Aramugam ADUN Batu Uban; dan	Melawat dan menandatangani *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan Sunwah Innovations HCMC untuk membangunkan golongan belia di kedua-dua belah pihak negara dan memperkaya ilmu dan pengalaman

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			3. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang.	dalam bidang keusahawanan, inovasi, teknologi dan kepimpinan melalui inisiatif program pertukaran, projek usaha sama industri dan komuniti, kem, bengkel dan sebagainya.
15.	Lawatan Kerja Ke Tamil Nadu, India Dari 19 Hingga 24 Disember 2022.	30,224.00	1. YB Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy TKM2 / EXCO Perancang Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi dan Inovasi; 2. YB Satees a/l Muniandy ADUN Bagan Dalam; dan 3. Ahli Majlis MBSP.	Meningkatkan perniagaan dengan usahawan dan pengusaha industri di India dan menarik pelabur-pelabur India terutamanya dalam bidang pendidikan, perindustrian dan perubatan untuk melabur di Pulau Pinang.
16.	Lawatan Kerja Ke Jepun Mulai 19 Hingga 26 Disember 2022.	59,406.60	1. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Unit Komunikasi Korporat & Inovasi, PSUKPP.	Merangsang pelancongan antarabangsa dari Jepun dalam merancakkan semula sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan memperkenalkan daya tarikan baharu negeri.

* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2023

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Lawatan Kerja Ke Kementerian Pembangunan Negara (MND) dan Lembaga Perumahan & Pembangunan Singapura (HDB) Dari 15 Hingga 17 Januari 2023.	41,800.00	1. YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; 3. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang; dan 4. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Mempelajari pendekatan dan pengalaman Lembaga Perumahan dan Pembangunan Singapura (HDB) berhubung strategi dan program memulakan pembaharuan semula bandar, reka bentuk kos dan perundangan berkaitan pembaharuan semula dan konsep pemajuan dan libat urus komuniti.
2.	Penyertaan Ke *11th Regional 3R And Circular Economy Forum In Asia And The Pacific* Di Siem Reap, Kemboja Dari 7 Hingga 12 Februari 2023.	6,720.00	1. YB Phee Boon Poh EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan; dan 2. Penang Green Council.	Membincangkan dasar dan program berkaitan 3R (reduce, reuse, recycle) dan ekonomi kitaran, penyusunan institusi dan teknologi di samping memajukan konsep 3R dan ekonomi kitaran di rantau ini dan menggalakkan perbincangan sinergi dalan mencapai *Sustainable Development Goals* (SDG) dan Perjanjian Paris mengenai perubahan iklim melalui 3R dan ekonomi kitaran.
3.	Penyertaan Ke *11th Meeting Of Partners Of East Asian-Australasian Flyway*	14,570.00	1. YB Phee Boon Poh (Diwakili oleh Encik Muhammad Ezhar bin Yusof)	Meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan kawasan berkepentingan burung hijrah sejajar dengan hasrat

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Partnership - EAAFP (MoP11) Di Brisbane, Australia Dari 10 Hingga 18 Mac 2023.		Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang; dan 2. Ahli Majlis MBSP.	Kerajaan Negeri untuk menjadikan Kompleks Hutan Paya Air Laut di pesisir pantai Penaga sehingga ke Teluk Air Tawar sebagai *Flyway Site* di bawah forum EAAFP, iaitu tapak persinggahan burung hijau yang pertama di Semenanjung dan kedua di Malaysia selepas Sarawak.
4.	Penyertaan Ke *Ninth World Tamils Economic Conference*, Dubai Mulai 19 Hingga 20 Mac 2023 Dan Lawatan Kerja Ke Naturalis Biodiversity Center (NBC), Leiden, Belanda Mulai 20 Hingga 27 Mac 2023.	364,780.60	1. YB Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy TKM2 / EXCO Perancang Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi dan Inovasi; 2. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; dan 4. Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri (CMO).	Membantu dalam persediaan Kerajaan Negeri untuk membawa pulang rangka Guar Kepah dengan cara mengenal pasti keadaan sebenar 41 rangka, mengenal pasti keperluan ruang penyimpanan dan pameran di galeri arkeologi berdasarkan keadaan semasa rangka, mengenal pasti prosedur terbaik bagi melancarkan proses pemulangan rangka dan mempelajari konsep pengurusan warisan terbaik bagi pemeliharaan dan pemuliharaan aset warisan yang dilaksanakan NBC untuk diaplikasi dalam pengurusan rangka Guar Kepah.
5.	Lawatan Kerja Ke London, United Kingdom dan Dusseldorf, Germany Pada 21 Hingga 29 April 2023 dan Lawatan Teknikal Ke Fasiliti	285,502.00	1. YB Jagdeep Singh Deo EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa;	Lawatan kerja ini adalah penting bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui tentang pelaksanaan kaedah kitar semula dan teknologi termasuk *Waste-to-Energy* (WtE) dan

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Pengurusan Sisa Pepejal Di Thailand Pada 19 Hingga 23 Mei 2023.		2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; 3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; 4. Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan 5. Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang.	pengurusan tapak pelupusan yang efisien yang telah dilaksanakan di negara-negara tersebut dan sebagai rujukan serta panduan terutamanya bagi penyediaan *Request for Proposal* (RFP) Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) di negeri ini pada tahun 2023.
6.	Lawatan Kerja Ke Wilayah Henan, Negara China Bagi Menjalinkan Kerjasama Dalam Pembangunan Belia Dari 8 Hingga 12 Mei 2023.	25,209.00	1. YB Soon Lip Chee EXCO Belia dan Sukan; dan 2. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang.	Menggalakkan pertukaran dan perkongsian ilmu dalam bidang pembangunan belia dari aspek pengukuhan akademik, keusahawanan, e-dagang, kepimpinan dan sebagainya.
7.	Penyertaan Ke *Ageing Asia 2023 – World Ageing Festival* Di Singapura Dari 21 Hingga 26 Mei 2023.	72,262.50	1. YB Chong Eng EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan 2. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.	Menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Singapura di samping meluaskan ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan perkongsian melalui *Ageing Asia Health Longevity Rountable and Facility Tour* berkenaan amalan terbaik dan cabaran dalam memenuhi keperluan masyarakat yang semakin tua.
8.	Lawatan Delegasi Ketua Menteri Pulau Pinang Ke Bandar Xiamen Bagi	156,835.25	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang.	Menggalakkan pelaburan dan kerjasama antara kedua pihak melalui pertukaran dalam bidang berkepentingan bersama

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Menyertai *China International Fair For Investment & Trade* Serta Meraikan Ulangtahun Ke-30 Jalinan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen di Xiamen, Republik Rakyat China Pada 5 Hingga 9 September 2023.		2. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 3. YB Teh Lai Heng ADUN KOMTAR; 4. YB Wong Yuee Harng ADUN Pengkalan Kota; 5. YB Tan Hooi Peng ADUN Seri Delima; dan 6. Invest Penang.	seperti ekonomi, perdagangan, pendidikan, sains, kebudayaan dan pelancongan di samping menonjolkan Pulau Pinang sebagai hab utama untuk industri pelancongan, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan di Asia Tenggara.
9.	Lawatan Kerja Ke ITB China Di Shanghai Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 11 Hingga 15 September 2023.	25,850.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Memperkukuh penjenamaan Pulau Pinang di pasaran Negara China dengan mempamerkan kepelbagaian negeri ini dalam budaya, makanan, tempat tarikan baharu pelancongan dan pelancongan perubatan serta menggalakkan penambahan penerbangan terus ke Pulau Pinang.
10.	Penyertaan Ke *The 20th IMT-GT Chief Minister and Gavernors' Forum and IMT-GT Expo-Gebyar* Melayu Pesisir Di Bandar Batam, Kepulauan Riau, Indonesia	23,980.00	1. YB Haji Rashidi bin Zinol EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar.	Meningkatkan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara IMT-GT dan peluasan pasaran eksport.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Dari 26 Hingga 28 September 2023.			
11.	Lawatan Penanda Aras *Gender Responsive Budgeting* (GRB) 2023 Ke Pulau Jeju dan Seoul, Korea Selatan Dari 7 Hingga 14 Oktober 2023.	54,547.00	1. YB Lim Siew Khim EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam; 2. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; 4. Jabatan Kewangan Negeri; 5. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang; 6. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan 7. Majlis Bandaraya Seberang Perai.	Mengenal pasti amalan-amalan terbaik dalam pelaksanaan GRPB di Korea Selatan dan memperkukuhkan GRPB dengan melihat pelaksanaan kitaran bajet tahunan Kerajaan Tempatan (Seoul dan Pulau Jeju) termasuk penggunaan data pecahan jantina, analisis gender, penyata bajet gender, bajet penyertaan rakyat dan penilaian impak gender sebagai alat pemantauan.
12.	Lawatan Kerja Ke ITB Asia Di Singapura Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 25 Hingga 27 Oktober 2023.	14,975.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Memperkukuh destinasi pelancongan yang berasaskan riadah di Pulau Pinang dan membuka ruang pemasaran dengan syarikat penerbangan di Asia untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi penerbangan mereka.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
13.	Lawatan Kerja Ke Prince Of Songkhla University, Thailand Dari 24 Hingga 26 Oktober 2023.	16,345.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi; dan 2. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang.	Membincangkan tentang perkembangan terkini dalam bidang agroteknologi dan meneroka peluang untuk menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan yang akan memanfaatkan sektor pertanian, penternakan serta industri penghasilan makanan negeri.
14.	Lawatan Kerja Bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ke Adelaide, Australia Pada 2 Hingga 9 Disember 2023 Sempena Ulangtahun Ke-50 Hubungan Antarabangsa Bandaraya George Town Dan Adelaide.	140,000.00	1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; dan 2. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Dapat melihat teknologi dan kaedah terkini berkenaan penggunaan tenaga yang diperbaharui bagi membangunkan sebuah bandar mampan dan bersih di negara-negara maju dan membantu Kerajaan Negeri untuk memahami sistem dan teknologi yang telah dilaksanakan dan pengurusan bandar pintar dengan lebih mendalam supaya dapat dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang mengikut situasi yang sesuai.
15.	Lawatan Kerja Ke Singapura Pada 5 Disember 2023 Hingga 10 Disember 2023.	23,215.40	1. YB Jagdeep Singh Deo TKM2/ EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi; dan 2. Tech Dome Penang.	Mewujudkan perkongsian maklumat yang efektif mengenai teknologi terkini dalam bidang industri pembuatan bersama kilang-kilang terkemuka seperti Hewlett Packard (HP) dan FLEX yang merupakan antara syarikat EMS (Electronic Manufacturing Services) iaitu industri ketiga terbesar di dunia yang turut beroperasi di Pulau Pinang.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
16.	Lawatan Kerja Ke Program *'When Buddha Meets The Gods'* Anjuran Muzium Fo Guang Shan Buddha Di Kaohsiung, Taiwan, Republic of China Dari 23 Hingga 28 Disember 2023.	15,795.00	1. YB Lim Siew Khim EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam; 2. YB Teh Lai Heng ADUN KOMTAR; dan 3. Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO).	Memahami, bertukar pendapat, pengalaman serta amalan terbaik berkaitan hal ehwal bukan islam di luar negara, membuat lawatan ke Jabatan Thanatologi University of South China untuk memahami dan mempelajari pengurusan perkuburan dari aspek fizikal dan rohani, dan mempromosi Pulau Pinang kepada pemimpin-pemimpin luar.
17.	Lawatan Kerja Ke Kaherah Mesir Dan Jordan Dari 15 Hingga 23 Disember 2023.	209,643.00	1. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid TKM1 / EXCO Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat; 2. YB Haji Rashidi bin Zinol EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; dan 3. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.	Menjalin kerjasama yang erat bersama pelbagai pihak yang berkepentingan di Mesir dan Jordan dalam memperkasa pembangunan modal insan Islam di kalangan pelajar seiring dengan Visi Penang2030 disamping menyantuni dan meninjau kebajikan para pelajar Pulau Pinang terutamanya dalam isu bangunan asrama pelajar Pulau Pinang milik Kerajaan Negeri yang sedang dalam proses pembinaan serta penambahbaikan.
18.	Lawatan Kerja Ke Singapura Sports Hub - National Singapore Stadium dan Jurong Lake Garden,	11,051.70	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan; dan	Mempelajari contoh *Sports City* yang berjaya di Singapura untuk diaplikasi bagi pembangunan *Sports City* di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Singapura Dari 17 Hingga 19 Disember 2023.		2. Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang.	

* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2024

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Penyertaan Ke *Penang Roadshow For Xiamen* Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 4 Hingga 7 Januari 2024.	23,400.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Mempromosikan Pulau Pinang di Xiamen sebagai susulan kepada penerbangan terus Xiamen-Penang oleh Xiamen Airline dan meninjau persiapan *Xiamen's Marathon*.
2.	Penyertaan Ke *10th Annual Global Organisation Of Tamil Origin Meet – A Decade Of Excellence* Di Chennai, India Dari 5 Hingga 13 Januari 2024.	49,915.00	1. YB Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu EXCO Perumahan dan Alam Sekitar; 2. YB Kumaresan a/l Arumugam ADUN Batu Uban; 3. YB Kumaran a/l Krishnan ADUN Bagan Dalam; dan 4. Ahli Majlis MBSP.	Menyediakan platform kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk bersama-sama meneroka peluang ekonomi di mana pemilik perniagaan kecil daripada seluruh dunia akan berpeluang untuk mempamerkan dan mempromosikan produk mereka serta dapat memupuk pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat Tamil dan memperkenalkan dan mempromosikan budaya, seni dan warisan masyarakat Tamil ke seluruh dunia.
3.	Penyertaan Ke Program Promosi *Penang Roadshow To India* Dari 13 Hingga 24 Januari 2024.	51,700.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.	Bertemu dengan pengurusan Indigo Airline untuk perbincangan penerbangan terus dari Chennai-Penang dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE.
4.	Lawatan Kerja Ke Tapak Pekan Raya Sumatera Utara (Medan Fair) 2024 Di Medan,	12,226.00	1. YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol	Dapat melihat dan menganalisis potensi Pavilion Negeri Pulau Pinang bagi penyertaan Medan Fair, mendapat input

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Sumatera Utara Pada 5 Hingga 7 Februari 2024.		EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; dan 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.	langsung daripada Konsul Jeneral Medan berkenaan hal ehwal ekonomi semasa produk-produk Pulau Pinang di Medan dan menilai potensi penyertaan Medan Fair bagi produk tempatan Pulau Pinang.
5.	Penyertaan Ke *Penang Roadshow In Taipei* Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 26 Hingga 31 Mac 2024.	24,350.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 2. YB Joseph Ng ADUN Air Itam; dan 3. Penang Global Tourism.	Mempromosikan dan mengemas kini produk pelancongan seperti program perniagaan, pendidikan dan pakej perkahwinan, mempromosi pakej *Experience Penang* di pasaran Taipei, menghubungkan pemain industri pelancongan Pulau Pinang dengan agensi pelancongan tempatan di Bandaraya Taipei untuk membuka lebih banyak peluang perniagaan dan mengekalkan permintaan tinggi kepada kedua-dua syarikat penerbangan untuk perjalanan ke Pulau Pinang.
6.	Lawatan Kerja Ke Kilang Pemasangan Jentera *Materials Recovery Facility* (MRF) dan Loji Pengurusan Sisa Pepejal Di Qingdao Dan Shanghai, China Dari 20 Hingga 27 Mac 2024.	12,190.00	1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; dan 2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP.	Membantu dalam menentukan hala tuju sistem pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang dan mengetahui lebih lanjut tentang kilang pemasangan *Materials Recovery Facility* (MRF) yang akan dilaksanakan di Integrated Solid Waste Management Centre di Ampang Jajar.
7.	Lawatan Kerja Teknikal Ke Kilang Pengeluar Sistem	Tiada (ditanggung	1. YB Zairil Khir Johari	Lawatan teknikal ini merangkumi lawatan ke ibu pejabat dan kilang Doppelmayr

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Kereta Kabel Doppelmayr Cable Car GmbH Dan Pengeluar Komponen Lain Sistem Kereta Kabel Di Austria Dan Switzerland Bagi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera Dari 21 Hingga 25 April 2024.	oleh Hartasuma Sdn. Bhd. Selaku pihak konsesi projek)	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital.	Cable Car GmbH, kilang dan fasiliti CWA Constructions yang merupakan pengeluar gondola, kilang pengeluar kabel (wire rope) iaitu Fatzer AG Wire Ropes serta ke ibu pejabat dan kilang Garaventa AG yang merupakan pembekal sistem funikular Bukit Bendera untuk melihat pembangunan, pemasangan dan pengujian komponen sistem kereta kabel dalam mematuhi piawaian antarabangsa.
8.	Penyertaan Ke *Arabian Travel Mart* (ATM) Dubai Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 5 Hingga 8 Mei 2024.	24,482.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Mempromosi pelancongan di Pulau Pinang terutama melalui penerbangan terus FlyDubai dari Doha ke Pulau Pinang, memperkukuh nama Pulau Pinang di pasaran Timur Tengah dan meneroka peluang pemasaran bagi Pulau Pinang bersama syarikat penerbangan di pasaran Timur Tengah.
9.	Lawatan Kerja Ke *15th International Economic Forum "Russia-Islamic World: Kazan Forum 2024"* Di Kazan, Republik Tatarstan Dari 14 Hingga 19 Mei 2024.	36,077.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.	Memenuhi jemputan Kementerian Ekonomi Persekutuan Russia sebagai tetamu speaker untuk sesi meja bulat antara Kerajaan Persekutuan Russia dan Malaysia, di samping mendapatkan perkembangan terbaru dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan selain meneroka peluang untuk menjalin kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				daerah-daerah dalam Persekutuan Russia yang maju dalam bidang pertanian agar dapat membawa kemajuan dan manfaat kepada sektor pertanian dan penternakan serta industri penghasilan makanan Negeri Pulau Pinang.
10.	Lawatan Kerja Ke *Hong Kong International Dragon Boat Races* Dari 13 Hingga 17 Jun 2024 Di Hong Kong.	15,865.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 2. Ahli Jawatankuasa *Penang International Dragon Boat Festival.*	Mempromosikan *Penang International Dragon Boat Festival* di Hong Kong, mengekalkan hubungan yang baik dengan Hong Kong Economic Trade Office selaku rakan tajaan utama *Penang International Dragon Boat Festival* 2023 dan 2024 dan mempelajari cara-cara pengendalian kejohanan *Hong Kong International Dragon Boat Races* untuk digunakan semasa penganjuran *Penang International Dragon Boat Festival.*
11.	Penyertaan Ke *Liaison Meeting For Sister Cities* Di Hainan, China Dari 15 Hingga 18 Julai 2024.	8,860.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. YB Wong Yuee Harng ADUN Pengkalan Kota.	Mengukuhkan dialog dan kerjasama melalui platform multi-lateral, meningkatkan pertukaran budaya dan meneroka amalan terbaik dalam melindungi tradisi kebudayaan masing-masing dan pembangunan bidang kerajaan tempatan melalui perkongsian idea dan pengalaman.
12.	Lawatan Kerja Ke Chongqing, China Bersama Penang	16,214.00	1. YB Wong Hon Wai	Menggalakkan kedatangan pelancong Negara China ke Pulau Pinang melalui

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Global Tourism (PGT) Dari 16 Hingga 20 September 2024.		EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Chongqing yang mempunyai penerbangan terus ke Pulau Pinang, memperkukuh hubungan Malaysia dan China melalui ketersambungan menerusi penerbangan terus yang membolehkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan menjalinkan hubungan dengan ejen pelancongan Negara China dan mengekalkan momentum dalam pasaran tempatan. China menjadi pasaran tumpuan yang merupakan salah satu daripada sepuluh negara dengan jumlah ketibaan antarabangsa tertinggi ke Pulau Pinang.
13.	Lawatan Kerja Ke Innotrans 2024 Di Berlin, Jerman Dari 22 Hingga 29 September 2024.	12,320.00	1. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital; 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; dan 3. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang.	Menambah baik pemahaman dan pengetahuan mengenai sistem pengangkutan dan sistem rel terkini yang dibangunkan di negara-negara maju selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang.
14.	Lawatan Kerja Ke ITB Singapore Di Marina Bay Sands, Singapore Dari 22 Hingga 25 Oktober 2024.	15,375.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Mempromosikan dan mengemaskini produk-produk serta perniagaan, pendidikan dan pelancongan Pulau Pinang dan menghubungkan pemain pelancongan dengan agensi pelancong

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				tempatan untuk memupuk lebih banyak peluang perniagaan.
15.	Lawatan Kerja Ke Aceh, Indonesia Pada 23 Hingga 25 Oktober 2024.	31,340.00	1. YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; 2. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan; dan 3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.	Menjalinkan hubungan kerjasama di antara pihak YB EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar bersama pihak pemerintah Aceh, Indonesia.
16.	Persidangan *The Twelfth Session Of World Urban Forum* (WUF12) Dan Pameran Urban EXPO Bagi Projek *Penang Nature-Based Climate Adaption Programme* (PNBCAP) Di Cairo, Mesir Serta Lawatan Teknikal Ke Istanbul, Turki Dari 30 Oktober 2024 Hingga 9 November 2024.	280,085.30	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang; 2. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital; 3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; 4. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang; dan 5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Memberi peluang kepada Kerajaan Negeri terutamanya kepada ahli Jawatankuasa Pemandu Projek PNBCAP untuk berkongsi dan menimba ilmu berkenaan pelaksanaan projek PNBCAP di Pulau Pinang serta pendedahan terhadap penggunaan teknologi terkini dalam pelaksanaan projek berasaskan alam semula jadi (nature-based solution) melalui lawatan ke projek-projek yang dilaksanakan oleh Aga Khan Trust for Culture (AKTC) dan Think City di Istanbul bagi tujuan melihat kaedah-kaedah yang diguna pakai di sana yang sesuai untuk diadaptasi di Pulau Pinang.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
17.	Lawatan Kerja Ke India Pada 30 November 2024 Hingga 8 Disember 2024.	45,000.90	1. YB Jagdeep Singh Deo TKM2/ EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.	Menjalin hubungan dua hala yang lebih erat serta membincangkan potensi kerjasama, memperkukuhkan pertukaran pengetahuan dan mempromosikan inovasi dalam sektor teknologi dan industri elektronik antara Pulau pinang, Chennai dan Mumbai.

* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2025

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Lawatan Kerja Dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ke Heilongjiang, Harbin, China Dari 4 Hingga 9 Januari 2025 Bersama YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.	45,006.00	1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; dan 2. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Memberi pendedahan kepada delegasi Malaysia untuk mempelajari kaedah merancang pembangunan sesebuah bandar yang berdaya huni, mampan dan pintar di Negara China.
2.	Penyertaan Ke *World Tamil Diaspora Day 2025* Di Chennai, India Dari 8 Hingga 13 Januari 2025.	80,530.00	1. YB Dato' Seri Sundarajoo a/l EXCO Perumahan dan Alam Sekitar; 2. YB Kumaresan a/l Arumugam ADUN Batu Uban; dan 3. YB Kumaran a/l Krishnan ADUN Bagan Dalam.	Meraikan, mengiktiraf dan menghargai sumbangan orang Tamil yang tinggal di seluruh dunia di samping mengekalkan identiti budaya mereka dan merupakan satu kesempatan untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman dalam pelbagai bidang misalnya seperti bidang teknologi dan inovasi daripada diaspora India yang lain dari pelbagai negara di mana kebanyakan daripada mereka memegang pimpinan jawatan tertinggi di dalam syarikat teknologi global dan kepakaran mereka dalam kecerdasan buatan (AI), robotik dan tenaga boleh diperbaharui dapat memainkan peranan penting dalam kemajuan teknologi di Pulau Pinang.
3.	Lawatan Kerja Ke Hiroshima Pada 22 Hingga 28 Januari 2025.	62,659.05	1. YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Menjalin hubungan dua hala yang lebih erat serta membincangkan potensi kerjasama, memperkukuhkan

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			TKM2 / EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.	pertukaran pengetahuan dan mempromosikan inovasi dalam sektor teknologi dan industri elektronik antara Pulau pinang dan Jepun.
4.	Lawatan Kerja Ke *Singapore Chingay Parade* 2025 Dari 7 Hingga 8 Februari 2025.	27,633.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 2. YB Wong Yuee Harng ADUN Pengkalan Kota; dan 3. George Town World Heritage Incorporated.	Mempromosikan perarakan Chingay Pulau Pinang di Singapura dan ruang perkongsian maklumat berkaitan pengendalian *Singapore Chingay Parade 2025* untuk diaplikasikan semasa penganjuran Perarakan Chingay Pulau Pinang.
5.	Penyertaan Ke *Penang Roadshow In Taiwan* Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 16 Hingga 22 Februari 2025.	29,125.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 2. YB Heng Lee Lee ADUN Berapit; dan 3. Penang Global Tourism.	Meneroka potensi *Secondary City* kepada Bandar Taipei. Bandar Taipei ialah tumpuan utama untuk banyak kempen pelancongan antarabangsa, menjadikan pasaran di sana lebih kompetitif dan tepu. Peningkatan ekonomi Bandar Taichung dan Bandar Kaohsiung sebagai bandar kedua dan ketiga terbesar di Taiwan menjadikan penduduknya sebagai pelancong berpotensi kepada Negeri Pulau Pinang.
6.	Penyertaan Ke Kongres Pembangunan Dan Kerjasama Bandar-Bandar Persahabatan Antarabangsa	28,563.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan	Mengukuhkan hubungan antarabangsa Pulau Pinang dengan bandar-bandar strategik, khususnya dalam konteks kerjasama ekonomi, pelancongan dan

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Di Chengdu, China Dari 15 Hingga 19 April 2025.		2. YB Chee Yeh Keen ADUN Bagan Jermal.	pembangunan bandar lestari dan mempelajari amalan terbaik dalam pembangunan bandar, yang boleh dijadikan rujukan bagi perancangan dan inisiatif di Pulau Pinang.
7.	Penyertaan Ke *Shandong International Friendship Cities Conference For Cooperation And Development 2025* Di Wilayah Shandong, China Dari 26 Hingga 31 Mei 2025.	50,290.00	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang; dan 2. YB Dato' Seri Law Choo Kiang YDP Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.	Persidangan IFCCE SD 2025 merupakan platform antarabangsa bertujuan mencipta satu rangkaian global untuk wakil-wakil negara sahabat bertukar idea dan mengeratkan hubungan diplomatik. Persidangan tersebut menampilkan pelbagai program termasuk sesi dialog antara jabatan kerajaan, sesi perbincangan antara wakil-wakil syarikat, pameran perdagangan dan persembahan budaya tradisional. YAB Tuan Chow Kon Yeow telah menandatangani Memorandum of Understanding (MOU) berkaitan *Strengthening Friendly Exchanges and Cooperation between Penang State of Malaysia and Shandong Province of the People's Republic of China* bersama Gabenor Wilayah Shandong, YAB Tuan Zhou Naixiang. Majlis bersejarah tersebut mencerminkan komitmen teguh Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Shandong dalam memperkukuh

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				hubungan dua hala serta memperluas jalinan kerjasama selaras dengan kepentingan bersama demi kemakmuran dan kestabilan serantau. Meluaskan hubungan dua hala dan merapatkan kerjasama dalam sektor perdagangan, pelancongan, sumber tenaga dan lain-lain. Namun, perbincangan lanjut perlu diadakan terlebih dahulu memandangkan ia akan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.
8.	Lawatan Kerja Ke *World Expo Osaka 2025* di Osaka, Jepun Dari 2 Hingga 6 Jun 2025.	31,555.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.	Memenuhi jemputan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menyertai minggu pertanian lestari yang berlangsung di Pavilion Malaysia dalam *World Expo Osaka 2025* di samping mendapatkan perkembangan terbaru dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan selain meneroka peluang untuk menjalin kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak kerajaan dan swasta negara Jepun yang maju dalam bidang teknologi pertanian dan perikanan agar dapat membawa kemajuan dan manfaat kepada sektor penanaman padi serta sayuran dan juga sektor perikanan Negeri Pulau Pinang yang kedua-duanya

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				merupakan industri pertanian utama negeri.
9.	Lawatan Teknikal Ke Shenzhen Mindray Bio-Medical Electronics Co. Ltd. Dan Shenzhen Emergency Medical Center, Shenzhen, China Dari 8 Hingga 11 Jun 2025.	10,648.00	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan.	Memahami model pengurusan yang dilaksanakan dalam perancangan, pemasangan AED di tempat awam, konsep latihan penggunaan AED-CPR dan pengurusan sistematik di Shenzhen yang disampaikan oleh wakil daripada Shenzhen Emergency Medical Centre. Buat masa ini, Negeri Pulau Pinang sedang membangunkan lagi AED di serata tempat.
10.	Lawatan Kerja Teknikal Kedua Ke Kilang Pengeluar Sistem Kereta Kabel Dan Pengeluar Komponen Lain Sistem Kereta Kabel Di Austria Dan Switzerland Bagi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera Dari 9 Hingga 16 Jun 2025.	37,519.40 (kos selebihnya ditanggung oleh Hartasuma Sdn. Bhd. selaku pihak konsesi projek)	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang; 2. YB Lee Boon Heng ADUN Kebun Bunga; 3. YB Joseph Ng Soon Siang ADUN Ayer Itam; 4. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; 5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan 6. Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.	Mengukuhkan hubungan strategik di antara Kerajaan Negeri dan pembekal utama iaitu Doppelmayr Cable Car GmbH yang merupakan sebagai salah satu peneraju global dalam teknologi kereta kabel serta untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang teknologi yang terkini. Ia merangkumi lawatan ke ibu pejabat dan kilang Doppelmayr Cable Car GmbH, kilang pengeluar gondola iaitu CWA Constructions, kilang pengeluar kabel (wire rope) iaitu Fatzer AG Wire Ropes serta ibu pejabat dan kilang Garaventa AG yang merupakan pembekal sistem funikular.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
11.	Lawatan Kerja Ke Singapura Untuk Mengadakan Kunjungan Hormat Kepada Kementerian Kesihatan Singapura Dari 16 Hingga 17 Jun 2025.	8,658.00	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan; dan 2. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.	Memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua kerajaan serta mendapatkan input strategik berkaitan amalan terbaik dalam pelaksanaan program CPR-AED, termasuk dari segi pemantauan keberkesanan penggunaan AED, pencapaian kadar survival, serta integrasi sistem antara sektor kesihatan awam dan komuniti.
12.	Penyertaan Ke Jelajah Promosi Pulau Pinang Di Shenzhen Dan Hong Kong Dari 24 Hingga 29 Jun 2025.	46,640.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 2. YB Tan Hooi Peng ADUN Seri Delima; dan 3. Penang Global Tourism.	Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama kepada pasaran berpotensi tinggi seperti Shenzhen dan Hong Kong selaras dengan inisiatif Penang2030 dan mewujudkan jaringan strategik dengan pengusaha tarikan pelancongan dan ejen pelancongan untuk merangsang peningkatan kemasukan pelancong dari China ke Pulau Pinang.
13.	Penyertaan Ke *World Summit On The Information Society (WSIS) High-Level Event 2025* Di Geneva, Switzerland Dari 5 Hingga 13 Julai 2025.	90,253.00	1. YB Lim Siew Khim EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan 2. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.	Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima *Champion Award* di WSIS 2025 bagi aplikasi mudah alih PSV di bawah Kategori C10: *Ethical Dimensions of the Information Society*. Aplikasi yang dibangunkan oleh PWDC dengan kerjasama PeGIS ini telah dipilih daripada lebih 970 penyertaan global kerana keberkesanan fungsinya dalam memberi bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				Anugerah ini mengiktiraf inovasi digital Negeri Pulau Pinang dalam menangani cabaran sosial serta mengukuhkan komitmen negeri ke arah membina komuniti yang selamat dan inklusif.Selain itu, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengadakan mesyuarat bersama Pegawai Teknikal World Health Organization (WHO), Dr. Thiago Herrick De Sa bagi membentangkan inisiatif *Age-Friendly City Penang Island* (AFCPI) dan *Age-Friendly City Seberang Perai* (AFCSP) serta mendapatkan panduan berhubung proses dan langkah seterusnya dalam usaha penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Rangkaian Global WHO.
14.	Program Retreat Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Dan Lawatan Penanda Aras Di Tian Ying Technology Sdn. Bhd. (Subsidiary Of CNTY) Serta Kunjungan Hormat Ke Kedutaan Malaysia Di Hanoi, Vietnam Pada 13 Hingga 16 Julai 2025.	25,720.25	1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; dan 3. Ahli Majlis MBSP.	Dapat mempelajari teknologi yang digunakan oleh Syarikat Tian Ying Technology bagi pengurusan operasi sisa pepejal yang boleh dipertimbangkan sebagai salah satu model bagi perancangan jangka panjang di Negeri Pulau Pinang dan dapat meraih manfaat strategik melalui perluasan pelaburan syarikat tempatan di Hanoi, khusus dalam industri semikonduktor.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
15.	Lawatan Kerja Ke Singapura Pada 20 Hingga 23 Julai 2025.	21,170.00	1. YB Jagdeep singh Deo a/l Karpal Singh TKM2 / EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.	Lawatan ke SMU memberikan perkongsian produktif berkenaan peranan universiti yang membentuk kualiti modal insan di peringkat global. SMU adalah antara universiti yang menyertai komuniti universiti ASEAN di mana Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang juga adalah ahli aktif dalam komuniti tersebut.
16.	Penyertaan Ke *Penang Roadshow In Indonesia* Dari 11 Hingga 14 Ogos 2025.	16,600.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Menyediakan platform kepada pemain industri pelancongan Pulau Pinang untuk menjalin perkongsian dengan agensi dan pembeli Indonesia yang dipercayai dan mempelbagaikan strategi pemasaran dengan meliputi kedua-dua wilayah utara dan tengah Indonesia. Kempen ini menyasarkan pasaran yang lebih luas dan berkembang melangkaui segmen pasaran sedia ada.
17.	Lawatan Kerja Ke Vietnam Bagi Menyertai Mesyuarat Bebas Asap Ke-9 Wilayah Asia Pasifik Dan Kementerian Kesihatan Vietnam Pada 27 Hingga 30 Ogos 2025.	22,020.00	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan; 2. YB Wong Yuee Harng ADUN Pengkalan Kota; dan 3. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.	Mendapat pendedahan mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar bebas asap rokok dan diyakin akan membawa pembangunan dan kemampanan dasar bebas asap rokok Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi, sekali gus memastikan kesihatan dan keselamatan masyarakat Pulau Pinang.

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
18.	Lawatan Kerja Ke Universiti Central Queensland (CQ) Dan Pusat Prestasi Sukan Gold Coast, Australia Dari 17 Hingga 24 September 2025.	55,037.00	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan; 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; dan 3. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.	Mempelajari pengurusan serta tatacara pengurusan pencegahan risiko kecederaan atlet, pengurusan prestasi sukan dan pendedahan sains sukan untuk meningkatkan prestasi sukan atlet-atlet di Negeri Pulau Pinang dan mempelajari tatacara penganjuran program sukan berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
19.	Penyertaan Ke Minggu Pulau Pinang di Ekspo Dunia Osaka 2025 Dari 22 Hingga 27 September 2025	2,145,470.69 (termasuk 1.4 juta kos ditanggung PDC)	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang; 2. YB Jagdeep Singh a/l Karpal Singh TKM2 / EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi; 3. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital; 4. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; 5. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; 6. YB Puan Lim Siew Khim	Minggu Pulau Pinang di Ekspo Dunia Osaka 2025 telah berlangsung dari 22 September 2025 sehingga 27 September 2025. Kos keseluruhan yang ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi penganjuran program ini adalah sebanyak RM1.4 juta, menggunakan peruntukan yang telah diluluskan. Selain itu, MITI melalui BPEN turut menanggung kos sebanyak RM220,000.00 bagi sokongan program. Penganjuran Minggu Pulau Pinang (Penang Week) di Pavilion Malaysia sempena World Expo 2025 Osaka telah memberi impak positif yang signifikan kepada imej dan ekonomi negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Program ini berjaya memperkukuh

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam; 7. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun; 8. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; 9. Pejabat Ketua Menteri; 10. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; 11. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; 12. Bahagian Kawal Selia Air, PSUKPP; 13. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; 14. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; 15. Majlis Bandaraya Seberang Perai; 16. PlanMalaysia; 17. InvestPenang;	kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi, pusat inovasi dan destinasi pelancongan budaya yang terkemuka di rantau ini. Dari segi impak ekonomi, Penang Week telah membuka peluang kerjasama strategik dengan pelabur dan syarikat antarabangsa melalui 20 sesi padanan perniagaan (business matching) yang melibatkan syarikat dari Jepun. Sepanjang program ini, tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) turut ditukar antara Penang Development Corporation (PDC) dan pelabur asing, melibatkan nilai pelaburan berpotensi berjumlah RM426 juta, iaitu dengan FedEx (RM153 juta), DHL (RM153 juta) dan Shizen International & Atlantic Blue (RM120 juta). Dari aspek promosi antarabangsa, program ini telah memperkenalkan kekuatan Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti seperti demonstrasi masakan tempatan, serta pameran syarikat dan usahawan Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, halal dan pelancongan. Penyertaan ini turut memperkukuh jaringan pelaburan, pelancongan dan diplomasi perdagangan antara Pulau

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			18. Penang Halal International; dan 19. Penang Global Tourism.	Pinang dan Jepun, serta memposisikan negeri ini sebagai destinasi utama untuk pelaburan berkualiti tinggi dan pelancongan berasaskan warisan. Selain itu, warisan budaya tidak ketara Pulau Pinang turut diketengahkan melalui pertunjukan fesyen kebaya Nyonya dan batik, yang diadakan setiap petang di pentas Pavilion Malaysia. Persembahan ini berjaya .menarik perhatian pengunjung antarabangsa dengan menampilkan keanggunan dan kehalusan seni busana tradisional Pulau Pinang. Kejayaan kebaya Nyonya yang telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO pada Disember 2024 menjadi pemangkin kepada usaha Kerajaan Negeri untuk terus memartabatkan warisan ini di pentas global. Sambutan luar biasa daripada para pengunjung membuktikan bahawa warisan budaya Pulau Pinang bukan sahaja kaya dengan nilai estetik, tetapi juga mampu memperkukuh imej negeri ini sebagai destinasi pelancongan budaya bertaraf dunia. Sepanjang tempoh penganjurannya, Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka tersebut menerima sambutan luar

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				biasa dengan jumlah pengunjung yang amat memberangsangkan. Sehubungan itu, pelaksanaan program jelajah "Not The Penang You Know" di Osaka adalah amat bertepatan pada masanya, kerana ia dapat memanfaatkan momentum dan minat tinggi rakyat Jepun terhadap Malaysia yang tercetus melalui pameran Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka. Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan minat tersebut dengan menggalakkan pelancong Jepun memilih Malaysia, khususnya Pulau Pinang, sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.
20.	Kunjungan Hormat Ke Atas Pihak Jabatan Perikanan Thailand dan National Bureau of Agricultural Commodity and Food Standards (ACFS) di Bangkok, Thailand Pada 26 September 2025.	10,672.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.	Membincangkan isu sekatan eksport ikan siakap yang dikenakan oleh Kerajaan Thailand kepada penternak ikan di Negeri Pulau Pinang.
21.	Program Pemukiman Kajian Semula Keberkesanan Projek Tahun 2025 Dan Perancangan Strategik Tahun 2026 Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan	49,920.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi; 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP;	Program ini melibatkan penyusunan gerak kerja dan perancangan strategik bagi projek dan aktiviti berimpak tinggi yang dapat mengembangkan prestasi bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2026, khususnya dalam

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Koperasi Di Medan, Indonesia Pada 8 Hingga 10 Oktober 2025.		3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang; 4. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang; 5. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang; 6. Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang; 7. FAMA Negeri Pulau Pinang; 8. IADA Negeri Pulau Pinang; 9. MARDI Negeri Pulau Pinang; 10. MAQIS Negeri Pulau Pinang; dan 11. LKIM Negeri Pulau Pinang.	merancang senarai permohonan projek khas yang akan dibentang kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) selain mencontohi daya tarikan destinasi agropelancongan di Medan, Indonesia untuk dijadikan model rujukan bagi pengoperasian tapak Penang Durian Valley @ Relau yang sedang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA).
22.	Penyertaan Ke *Malaysia International Halal Showcase* Di Shanghai, China (MIHAS@Shanghai 2025) Dari 4 Hingga 7 November 2025.	38,560.80	1. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid TKM1 / EXCO Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat; 2. YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol	Mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab halal serantau, menarik pelaburan dan kerjasama antarabangsa khususnya dalam sektor halal dan menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara dua (2) syarikat dari Pulau Pinang iaitu Nashmir Capsule Sdn Bhd bersama Jiangsu

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; dan 3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.	Zhouyu Glasses Co. dengan nilai RM21 juta (5 tahun) dan Syarikat Hang Tuah Sdn Bhd dengan King Sight (GZ) Co Ltd dengan nilai RM2 juta (2 tahun). Memberi peluang dan platform kepada usahawan-usahawan Pulau Pinang mengembangkan lagi produk mereka ke persada dunia dan mempromosi produk agromakanan dan koperasi dari Negeri Pulau Pinang ke pasaran China sempena MIHAS@Shanghai 2025.

* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

15. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan untuk Penang Digital Library dan Butterworth Digital Library setiap tahun sejak ia mula beroperasi.

    (a) Nyatakan masalah yang dihadapi dalam aspek kelajuan internet.

    (b) Adakah waktu operasi akan dipanjangkan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Perpustakaan Digital Pulau Pinang di bawah pengurusan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) terdiri daripada tiga (3) buah cawangan iaitu Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL), Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) dan Perpustakaan Digital Batu Maung (BMDL).

    Kos pengurusan perpustakaan digital ini ditanggung melalui Peruntukan Mengurus CMI, yang merangkumi pembayaran gaji bagi empat (4) orang kakitangan tetap dan lima belas (15) orang sukarelawan, bayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, bayaran bil utiliti termasuk elektrik dan air, bayaran bagi penyelenggaraan sistem teknologi maklumat serta penyelenggaraan bangunan. Anggaran kos pengoperasian keseluruhan bagi ketiga-tiga cawangan adalah sebanyak RM1.5 juta setahun.

(a) Setakat ini, tiada sebarang masalah yang dilaporkan berkaitan kelajuan internet di ketiga-tiga cawangan perpustakaan digital tersebut.
Kelajuan internet yang disediakan adalah seperti berikut:

(i) Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) dengan kelajuan internet 300 *Megabits per second* (Mbps) (3 talian);

(ii) Perpustakaan Digital Batu Maung (BMDL) dengan kelajuan internet 300 Mbps; dan

(iii) Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) dengan kelajuan internet 50 Mbps *(dedicated metro-e).*

(b) Waktu operasi PDL dan BDL dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari termasuk cuti umum, manakala BMDL beroperasi dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari termasuk cuti umum, selaras dengan waktu operasi bangunan Southbay Plaza.

Pada masa ini, tiada cadangan untuk memanjangkan waktu operasi kesemua perpustakaan digital tersebut kerana waktu operasi semasa adalah ideal dan selaras dengan keperluan pengguna, jika dibandingkan dengan perpustakaan lain.

Kerajaan Negeri melalui CMI sentiasa berusaha memastikan pengurusan dan penyediaan perpustakaan digital berjalan dengan cekap, teratur dan selamat, serta dapat memberi akses yang optimum kepada masyarakat Pulau Pinang bagi tujuan pendidikan, pembelajaran dan pembangunan sumber manusia.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

16. Nyatakan kedudukan defisit kewangan Kerajaan Negeri terkini.

    (a) Nyata kemajuan usaha-usaha kewangan untuk menebus balik pendapatan hasil RM1 bilion yang telah dibelanjakan dalam 5 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Sehingga 27 Oktober 2025 , Kerajaan Negeri mencatatkan surplus semasa sebanyak RM218,895,004.10, menjadikan baki Akaun Hasil Disatukan (AHD) adalah sebanyak RM374,839,789.63, berbanding baki awal tahun 2025 AHD sebanyak RM155,944,785.53. Prestasi ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk meningkatkan semula baki AHD melalui strategi peningkatan hasil negeri, di samping melaksanakan perbelanjaan secara ideal.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

17. Nyatakan jumlah peruntukan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan sama ada ia boleh dinaikkan kepada tahap 10% apa yang diperuntukkan untuk agama Islam demi menampung keperluan mereka yang bukan beragama Islam?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Berdasarkan statistik Bantuan Kewangan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang yang direkod oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, sebanyak RM6,109,000.00 peruntukan telah disalurkan kepada 175 buah RIBI bagi kegunaan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan kecemasan dari tahun 2024 sehingga kini.

TAHUN	AMAUN (RM)	JUMLAH (RIBI)
2024	3,614,000.00	97
2025	2,495,000.00	78
JUMLAH	6,109,000.00	175

Kerajaan Negeri telah berkomited dalam Manifesto 40 untuk menyalurkan peruntukan berjumlah RM10juta sepanjang tahun 2023 hingga 2028 melalui tabung ini bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf Rumah Ibadat Bukan Islam . Setakat ini, jumlah dana sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi permohonan yang diterima. Oleh itu, tiada keperluan buat masa ini untuk menaikkan peruntukan tahap 10% setahun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

18. Nyatakan bilangan pemilik yang masih ada dalam tapak RIBI di Ampang Jajar.

    (a) Adakah suatu standard pembinaan RIBI bertaraf antarabangsa dan tempoh waktu yang ditetapkan untuk siapnya pembinaan agar ia tidak menjadi tanah terbiar atau pembinaan yang kucar-kacir?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri telah memberimilik 31 lot tanah kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) untuk ditawarkan kepada persatuan-persatuan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Setakat ini, sebanyak 24 persatuan RIBI telah menerima tawaran pajakan tanah dan sehingga September 2025, 11 persatuan RIBI telah mengemukakan Pelan Bangunan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk kelulusan pembinaan RIBI masing-masing. (Senarai RIBI adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Baki tujuh (7) plot tanah yang ditolak oleh persatuan RIBI akan digunakan sebagai kawasan tempat letak kereta.

    (a) Pembinaan RIBI di Ampang Jajar dilaksanakan mengikut reka bentuk yang disediakan oleh setiap persatuan RIBI berdasarkan konsep dan kepercayaan agama masing-masing, selaras dengan garis panduan MBSP. Setiap persatuan RIBI telah diberikan tempoh sehingga lima (5) tahun dari tarikh menandatangani Perjanjian Pajakan

untuk penyediaan pelan bangunan dan pelaksanaan pembangunan RIBI sebagai salah satu syarat dalam Perjanjian Pajakan Tanah. CMI turut memantau kemajuan pembangunan di tapak bagi memastikan tiada tanah terbiar.

LAMPIRAN A

Senarai Persatuan Membuat Permohonan Pelan Bangunan

Bil.	Plot		Persatuan
1	1	PT599	FGA Church Prai
2	2	PT600	Local Spiritual Assembly Of The Bahai's Of Seberang Perai
3	4	PT602	Paramita Buddhist Association
4	5	PT603	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan San Gong Ang Hai Gi
5	6	PT604	Pertubuhan Keturunan See Pulau Pinang
6	9	PT607	Pertubuhan Penganut Agama Buddha Zheng Xin
7	12	PT610	Pertubuhan Penganut Dewa Feng Shan Si Bao Gong
8	14	PT612	Penganut Dewa Ji Gong (Ji Shi Miao)
9	25	PT623	Butterworth Chinese Methodist Church
10	27	PT625	Pertubuhan Penganut Dewa Yin Fu Dian Dai Er Yer Bo
11	31	PT630	Penang Christian Centre

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

19. Nyatakan kedudukan wang pendahuluan RM100 juta daripada Kerajaan Persekutuan, maksud penggunaannya dan bilakah jumlah ini akan dipulangkan serta adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah wang pendahuluan ini lagi daripada Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. Permohonan Pendahuluan sebanyak RM100 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan yang kemudiannya akan ditolak (off-set) daripada jumlah pemberian persekutuan yang akan datang. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan (MOF) telah menyalurkan sebanyak RM100 juta kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2024 dan tindakan *off-set* akan dilaksanakan mulai tahun 2027 hingga 2029 tiga (3) tahun seperti berikut:

Sumber *Off Set*	**Tahun 1 (2027) (RM Juta)**	**Tahun 2 (2028) (RM Juta)**	**Tahun 3 (2029) (RM Juta)**
Bayaran Perkhidmatan	5	5	5
Senarai Bersama	15	15	15
TAHAP	3	3	3
Capitation Grant	10	10	11
JUMLAH	**33**	**33**	**34**

Pada masa ini, terimaan pendahuluan sebanyak RM100 juta tersebut belum diperakaunkan sebagai Hasil Negeri, tetapi direkodkan ke dalam Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri (JKN). Memandangkan Akaun Hasil Disatukan (AHD) Negeri sedang menunjukkan momentum pertumbuhan yang positif, JKN hanya akan melaksanakan pelarasan ke AHD mulai tahun 2027 hingga 2029 berdasarkan jumlah persetujuan *off-set* seperti jadual di atas. Tindakan ini akan memastikan Kerajaan Negeri dapat menampung kekurangan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun-tahun tersebut, sekaligus tidak menjejaskan perancangan perbelanjaan negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memohon pendahuluan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

20. Nyatakan pihak mana yang memenangi pembidaan tender terbuka semula ke atas penjualan 559 ekar tanah di Byram / Changkat, Seberang Perai Selatan serta butiran lanjut tentang urusan tanah tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Tawaran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (A) Bilangan 5/2025 yang bersidang pada 22 Julai 2025, mesyuarat telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada sebuah syarikat konsortium berkaitan dan kini dalam proses memuktamadkan perjanjian.

    Pihak PDC akan membuat pengumuman rasmi setelah pihak syarikat tersebut menandatangani perjanjian bersama PDC.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG

21. Nyatakan jumlah bangunan Kerajaan Negeri yang usang dan uzur dalam kawasan Parlimen Bagan.

    (a) Apakah rancangan dan perbelanjaan yang diperlukan untuk memperbaiki dan memulihkannya?

1	Encik Zarul Azwan bin Adam	Penolong Setiausaha Kanan (Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)
2	Puan Junaidah binti Jamil	Penolong Setiausaha Kanan (Kewangan, Pembangunan Ekonomi &Tanah dan Komunikasi)
3	Puan Fatimah binti Jamaludin	Penolong Setiausaha (Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar)

DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB H'ng Mooi Lye	EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
2	Puan Lee Cunmin	Isteri kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
3	YB Dato' Wan Nor Sakina binti Saad	Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang
4	YBhg. Dato' TPr. Gs. Rozita binti Hamit	Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
5	Encik Muhamad Husni bin Mahmud	Setiausaha Bahagian, BKT
6	Encik Azim Rabbani bin Syed Sultan	Penolong Setiausaha, BKT
6	Puan Low Vin Yin	Pembantu Khas kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

BIL.	NAMA	JAWATAN
7	YBhg. Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid	Datuk Bandar, MBSP
8	Encik Faris Zaki bin Basri	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, MBSP
9	Sr. Cheong Chee Hong	Setiausaha Bandaraya, MBPP
10	Puan Tan Bee Luan	Pengarah Jabatan Perbendaraan, MBPP

DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Wong Hon Wai	EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
2	Encik Ong Zhan Hao	Pegawai Khas kepada EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
3	Encik Ooi Chok Yan	Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Global Tourism*;
4	Cik Yoon Pauline	Pegawai Pemasaran, *Penang Global Tourism*

DELEGASI DI BAWAH EXCO PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Puan Lim Siew Khim	EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam

DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Tuan Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
2	Puan Lennie Khor	Pegawai Khas kepada YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
3	Puan Najwa Juaini binti Azmi	Setiausaha Bahagian BKSA
4	Encik Muhammad Sharrieffuddin bin Mohd Jaki	Penolong Setiausaha (Infrastruktur & Pengangkutan)
5	Yuweneswaran a/l Suppiah	Pegawai Tadbir Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang

DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Dato' Loo Lee Lian	Ketua Pegawai Eksekutif
2	Puan Tun Qurratul Ain	Pengurus Kanan, Bahagian Ekonomi Digital
3	Puan Ong Mee Choo	Pengarah, *Penang Silicon Design @5KM+* (PSD@5KM+)

DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Mohd Azraie Ramli	CEO
2	Isharina Basri	Pen. Pengurus Pentadbiran & Kewangan
3	Nur Shahidah Syed Mohamed	Pegawai Media

LAMPIRAN B

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP DELEGASI
MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPO DUNIA OSAKA 2025

DELEGASI PDC (URUSETIA INDUK) BERSAMA BPEN (FOCAL POINT YANG DILANTIK MITI)

1. Penyediaan dan pengurusan Pavilion Pulau Pinang sepanjang minggu Pulau Pinang;
2. Pelaksanaan aktiviti promosi, pameran, *pocket talk*, *business matching* terhadap tujuh (7) projek berimpak tinggi oleh PDC;
3. Urusan protokol dan majlis perasmian pada 24 September 2025 serta majlis MoU. Terdapat tiga (3) MoU yang terlibat iaitu FedEX, DHL dan Shizen International & Atlantic Blue;
4. Lawatan ke fasiliti model Jepun seperti Nakanoshima Qross di Osaka, bagi melihat model hospital-inovasi yang serupa dengan visi Pulau Pinang dalam sektor kesihatan;
5. Sesi libat urus pemain industri Jepun; dan
6. Speaker bagi program *pocket talk.*

DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

1. Kunjungan hormat dan lawatan penanda aras ke fasiliti serta organisasi berkaitan dengan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perancangan bandar dalam aspek pengurusan sisa pepejal, bandar pintar, mitigasi menghadapi perubahan iklim dan lain-lain yang berkaitan.

2. Delegasi Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri kunjungan hormat dan lawatan penanda aras seperti berikut:
   (i) Sesi Kunjungan Hormat ke Osaka City Council;
   (ii) Sesi Kunjungan Hormat ke Sakai City Government;
   (iii) Lawatan ke Fasiliti Suminoe Incineration Plant (*Waste to Energy* – WtE Plant);
   (iv) Lawatan ke Fasiliti DINS Kansai Recycling Assortment Centre (RAC);
   (v) Lawatan ke Syarikat Ryoden Corporation (syarikat smart farming);
   (vi) Lawatan ke Research Institute of Environment, Agriculture and Fisheries, Osaka (RIEAFO);
   (vii) Lawatan ke Global Environment Centre Foundation (GEC);
   (viii) Majlis Perasmian Penang Week di Pavilion Malaysia dan Lawatan ke Pavilion Negara-negara Lain di Ekspo Osaka 2025;

(ix) Lawatan Penanda Aras ke Tapak Warisan Dunia United Nations Educational, Scientific and Cultured Oraganisation (UNESCO) di Todai-Ji, Nara;
(x) Lawatan Penanda Aras ke Osaka Castle Park; dan
(xi) Lawatan Penanda Aras ke Projek Umekita (Projek Pembangunan Semula Bandar di Umekita, Osaka).

DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan; dan

2. Menjalankan sesi pameran, *pocket talk*, *business matching* pemain industri pelancongan di Jepun.

DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL

1. Delegasi Kerajaan Negeri melibatkan portfolio MMK Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital ke "Minggu Pulau Pinang" sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 pada 23 September 2025 adalah susulan daripada jemputan daripada *Japan International Cooperation Agency* (JICA) menerusi kajian yang dilaksanakan dengan kerjasama JICA dan Bandar Kawasaki berkaitan dengan Pengurusan Sumber Air dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

2. Penyertaan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 merupakan satu usaha strategik bagi memperkukuh dasar pembangunan mampan dan pengurusan sumber air negeri. Melalui platform antarabangsa ini, Kerajaan Negeri berpeluang memperkenalkan dasar serta hala tuju Pulau Pinang dalam aspek infrastruktur hijau, ekonomi berdaya tahan dan pengurusan sumber air yang lestari.

3. Lawatan ini turut memberi ruang kepada delegasi negeri untuk meneruskan kerjasama dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) susulan pelaksanaan Kajian JICA mengenai Pengurusan Sumber Air Pulau Pinang. Melalui libat urus ini, Pulau Pinang dapat menilai amalan terbaik Jepun dalam pengurusan air, mitigasi kemarau dan pembangunan bandar lestari, sekali gus memperkukuh pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025.

Secara keseluruhannya, penyertaan ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sekadar lawatan promosi, tetapi satu langkah penting bagi memperkukuh hubungan dasar antarabangsa, memperluas kerjasama teknikal, serta memastikan dasar dan polisi negeri terus selaras dengan amalan global ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri contoh dalam tadbir urus air dan pembangunan mampan.

DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG

1. Penyertaan InvestPenang ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sahaja bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan strategik dalam sektor reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*), tetapi juga memperkenalkan keupayaan dan kepakaran syarikat-syarikat tempatan kepada pasaran Jepun dan antarabangsa. Inisiatif ini sejajar dengan pelaksanaan *Penang Silicon Design @ 5KM+*, yang memberi tumpuan kepada pengukuhan rantaian nilai industri semikonduktor serta pembangunan bakat tempatan.

2. InvestPenang memperkukuh hubungan ekonomi dua hala antara Pulau Pinang dan Jepun, di samping menggalakkan kerjasama strategik dalam bidang teknologi, inovasi, dan penyelidikan reka cip. Usaha ini seterusnya mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai rakan strategik utama dalam ekosistem inovasi dan ekonomi digital serantau.

3. Antara acara utama yang dianjurkan ialah seminar *Penang, Malaysia Business Seminar* di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan tema "*Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy*." Pada seminar tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian, menyampaikan pembentangan mengenai landskap industri Pulau Pinang dan kelebihan negeri ini sebagai hab inovasi serta teknologi. Beberapa syarikat reka bentuk IC tempatan seperti Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip, dan Tenasic Technology turut diketengahkan sebagai contoh kejayaan industri tempatan.

4. Seminar ini telah disertai lebih dari 30 delegasi Jepun. Sebagai penganjur dan penyelaras utama seminar ini, InvestPenang bertanggungjawab menyelaras urusan bersama JETRO selaku rakan kolaborasi, serta pihak pengurusan Pavilion Malaysia bagi memastikan kelancaran pelaksanaan seminar. Ini termasuk penyediaan jadual pembentangan, pengurusan jemputan syarikat Jepun dan wakil industri, penyediaan bahan promosi serta pameran, pengurusan logistik (susun atur lokasi, kemudahan audiovisual, jamuan ringan, bahan cenderamata), dan koordinasi keseluruhan perjalanan program bagi seminar ini.

5. InvestPenang juga turut menyertai sesi *business matching* yang dianjurkan oleh MATRADE, bertujuan menghubungkan syarikat reka bentuk IC tempatan dengan rakan kongsi berpotensi di Jepun.

6. Selain penyertaan di Ekspo Dunia Osaka, delegasi InvestPenang juga mengadakan tujuh lawatan rasmi dan sesi pertemuan bersama agensi Jepun seperti JETRO, syarikat pemula (*startups*), serta korporat besar dalam industri semikonduktor di Tokyo, Kyoto, dan Osaka bagi memperkukuh promosi

keupayaan reka cip Pulau Pinang dan mempersiapkan negeri sebagai destinasi pelaburan berteknologi tinggi.

Secara keseluruhannya, delegasi InvestPenang terlibat secara langsung dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan keseluruhan program dalam misi pelaburan InvestPenang ke Jepun.

DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)

PHI berfungsi sebagai wakil industri halal Pulau Pinang yang memainkan peranan sebagai agensi yang mempromosi, hubungan industri halal antarabangsa, dan membantu memposisikan Pulau Pinang bukan hanya sebagai pusat teknologi dan pelaburan, tetapi juga sebagai destinasi industri halal yang kompetitif. Turut memaparkan ialah produk-tempatan, halal *lifestyle* serta peluang industri halal daripada Pulau Pinang yang sekali gus memperluaskan industri halal negeri ke peringkat antarabangsa.

LAMPIRAN C

KOS YANG TERLIBAT SEMPENA
MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPO DUNIA OSAKA 2025

BIL.	DELEGASI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	SUMBER KEWANGAN
1	PDC (Urusetia Induk) bersama BPEN (*Focal Point* yang dilantik MITI)	1,600,000.00	PDC dan MITI (MITI = RM220,000.00)
2	Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa	281,029.50	Kerajaan Negeri, JPBD, MBPP, MBSP
3	Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif	80,275.00	Kerajaan Negeri
4	Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital	19,122.50	Kerajaan Negeri
5	Pembangunan Sosial, Kebajikan Dan Hal Ehwal Bukan Islam	40,709.00	Kerajaan Negeri
6	InvestPenang	91,634.69	InvestPenang
7	PHI	32,700.00	PHI
JUMLAH (RM)		**2,145,470.69**	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

14. Apakah perkembangan inisiatif Penang Aging Society setakat ini?

    (a) Senaraikan kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), termasuk program atau projek yang telah dilaksanakan oleh MBPP dan MBSP dalam usaha menyokong masyarakat warga emas di negeri ini.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah bertindak sebagai Pelaksana Projek dengan kerjasama Penang Women's Development Corporation (PWDC) selaku Pengurus Projek dan Malaysian Healthy Ageing Society (MHAS) sebagai Konsultan Projek dalam pelaksanaan Projek Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Kawasan Pulau) atau *Age-Friendly City Penang Island* (AFCPI) bagi tempoh tiga (3) tahun (2023 sehingga 2025).

    Projek ini menggunakan pendekatan kolaboratif yang melibatkan agensi kerajaan, organisasi berasaskan komuniti serta penduduk setempat. Melalui penerapan nilai tanggungjawab bersama dan pemilikan komuniti, projek ini akan mewujudkan sebuah bandar yang inklusif, di mana setiap individu dihargai, dihormati dan diperkasa.

    MBPP telah menjadi sebahagian daripada Rangkaian Global Bandar dan Komuniti Mesra Warga Emas *(Global Network for*

Age-friendly Cities and Communities - GNAFCC) sejak 28 Julai 2023. Penyertaan ini telah diiktiraf melalui penganugerahan Sijil Keahlian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pengiktirafan terhadap komitmen MBPP dalam mewujudkan persekitaran bandar yang mesra dan inklusif kepada warga emas.

Sesi Libat Urus Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Warga Emas MBPP telah diadakan sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 12 sehingga 13 Disember 2022, 09 sehingga 10 Januari 2023 dan 02 sehingga 03 Disember 2023. Sesi ini melibatkan penyertaan daripada agensi-agensi kerajaan, komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan tujuan untuk mendapatkan input, pandangan dan idea yang relevan. Semua maklum balas yang diterima akan diselaraskan dan dimasukkan ke dalam Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia MBPP sebagai panduan pelaksanaan yang lebih menyeluruh dan berkesan. Buku pelan ini telah dilancarkan secara rasminya pada 07 September 2024.

Berdasarkan Kerangka Kerja WHO, Projek Bandar Mesra Usia merangkumi lapan (8) domain utama iaitu:

(i) Ruang Awam dan Bangunan;
(ii) Pengangkutan;
(iii) Perumahan;
(iv) Penglibatan Sosial;
(v) Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial;
(vi) Penglibatan Sivik dan Peluang Pekerjaan;
(vii) Komunikasi dan informasi; dan
(viii) Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan.

MBPP kini berada dalam peringkat penyediaan Laporan Akhir untuk dikemukakan kepada WHO. Kitaran Pertama *(Cycle 1)* bagi Projek AFCPI dijangka disiapkan sepenuhnya pada tahun ini selepas laporan akhir tersebut dihantar kepada WHO.

Manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula kini dalam proses mengemukakan permohonan untuk menjadi ahli (GNAFCC) di bawah WHO. Permohonan bagi Projek *Age-Friendly City Seberang Perai* (AFCSP) dijangka akan dikemukakan secara lengkap kepada WHO pada awal November 2025.

Inisiatif ini akan dilaksanakan bermula bulan November 2025 sehingga tahun 2028 dengan kerjasama PWDC melalui tiga (3) fasa:

Fasa 1 – Perancangan: November 2025 sehingga Januari 2027;
Fasa 2 – Pelaksanaan: Februari sehingga November 2027; dan
Fasa 3 – Pemantauan dan Penilaian: Disember 2027 sehingga November 2028.

Antara aktiviti yang dijangka akan dijalankan dalam masa terdekat ialah empat (4) sesi *Focus Group Discussions* (FGD) bagi mengumpul input daripada penduduk kawasan Seberang Perai. Hasil daripada FGD tersebut, input-input yang diterima ini akan digunakan untuk menjalankan penilaian keperluan sebagai asas bagi merangka Pelan Tindakan Strategik AFCSP Tahun 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

15. Senaraikan semua aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh agensi Kerajaan Negeri seperti MBPP, MBSP dan sebagainya berserta fungsi utama dan kos pembangunannya.

    (a) Nyatakan jumlah pengguna bagi setiap aplikasi sejak dilancarkan, serta sama ada jumlah tersebut mencapai KPI yang ditetapkan?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. **JAWAPAN KJAB1** (Jawapan bagi **ID 683** selepas menerima semua jawapan KJAB2 dan KJAB3) dikompilkan seperti di dalam jadual di **LAMPIRAN A**

LAMPIRAN A

SENARAI APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN NEGERI

Bil.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)				
	APLIKASI	**FUNGSI**	**KOS PEMBANGUNAN**	**JUMLAH PENGGUNA**	**KPI**
1	Penang Smart Parking (PSP)	Aplikasi Penang Smart Parking merupakan aplikasi capaian mobile bagi urusan pembayaran tempat letak kereta yang mudah, cepat dan selamat. Telah mula digunapakai sejak 19 Ogos 2019, fungsi utamanya ialah sebagai saluran bayaran tempat letak kereta MBPP secara digital menggantikan penggunaan kupon konvensional serta sekaligus mampu menangani ketidakseragaman yang wujud antara bahagian pulau dan Seberang Perai sebelum ini. Dalam masa yang sama, aplikasi yang berfungsi secara mesra pengguna dan mudah iaitu membantu pemandu mengesan tempat parkir yang terbaik atau destinasi yang dituju dengan pantas dan membayar parkir dengan pembayaran tanpa tunai. Aplikasi ini dibangunkan bukan sahaja memudahkan penduduk tempatan	Secara Private Funding Initiative (PFI) untuk sistem aplikasi dan perkongsian caj hasil oleh penyedia perkhidmatan teknologi, Heitech Padu Berhad melalui konsep konsep 4P - *Public, Private, Professional Partnership.* Skop perkhidmatan adalah pembangunan dan integrasi sistem aplikasi, 14,000 unit sensor, modul penguatkuasa dan pelbagai kompaun, 1,268 unit papan tanda, mengecat dan menyelenggara, pengurusan 481 ejen	1,703,070 Pengguna (Meliputi Google Play, App Store dan Huawei Gallery)	Jumlah tersebut telah mencapai KPI yang ditetapkan oleh MBPP

Bil.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)				
	APLIKASI	**FUNGSI**	**KOS PEMBANGUNAN**	**JUMLAH PENGGUNA**	**KPI**
		malah turut memberi kemudahan kepada para pengunjung dari luar Pulau Pinang kerana dilengkapi dengan kombinasi teknologi sensor sebanyak 14,000 unit yang lengkap dengan sistem pandu arah carian petak parkir, bayaran tanpa tunai mengikut jam/hari dengan transaksi mudah alih serta pemantauan penguatkuasaan dan analisis dalam talian secara menyeluruh. Selain daripada bayaran secara atas talian, turut dibangunkan adalah pembayaran secara e-Kupon bagi membantu golongan yang tidak mempunyai telefon pintar atau mempunyai masalah semasa menggunakan telefon pintar. Aplikasi ini turut dilengkapi dengan fungsi dan peranti Automated Number Plate Recognition (ANPR) bagi operasi penguatkuasa secara masa nyata bagi mengesan pesalah meletak kenderaan serta bayaran yang belum dijelaskan. Terdapat juga fungsi bayaran bagi lain-lain kompaun MBPP seperti kompaun kesihatan dan kebersihan.	e-kupon untuk MBPP, serta promosi penggunaan diseluruh negara.		

Bil.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)				
	APLIKASI	**FUNGSI**	**KOS PEMBANGUNAN**	**JUMLAH PENGGUNA**	**KPI**
2	Pearl One Touch Penang	Aplikasi Pearl One Touch Penang merupakan aplikasi capaian secara mobile bagi perkhidmatan-perkhidmatan MBPP berasaskan gerbang e-Wallet Payment Gateway untuk pembayaran tanpa tunai dan pembelian atas talian yang mudah dan selamat untuk kegunaan orang awam, pelancong, perniagaan serta pelabur. Ianya telah dilancarkan pada 28 April 2023, dengan fungsi utamanya sebagai saluran setempat bayaran bil-bil perkhidmatan MBPP iaitu cukai taksiran, bayaran kompaun, lesen perniagaan dan permit, bayaran tempat letak kereta untuk pas harian atau mengikut jam, tempahan kemudahan venue seperti balai rakyat, padang atau dewan, dan pelbagai bil-bil perkhidmatan serta sewaan-sewaan MBPP. Selain itu, aplikasi ini juga menyokong industri pelancongan dan ekonomi setempat dengan berintegrasi bersama pemain industri, peniaga kecil dan pihak swasta. Antaranya ialah kemudahan bayaran ChargeSini untuk pengguna	Secara Private Funding Initiative (PFI) untuk sistem aplikasi dan perkongsian caj platform fee oleh penyedia perkhidmatan Fintech, ManagePay Services Sdn. Bhd. (MPay) melalui konsep konsep *4P - Public, Private, Professional Partnership.* Skop perkhidmatan adalah pembangunan dan integrasi sistem aplikasi serta promosi penggunaan diseluruh negara.	45,707 Pengguna (Meliputi Google Play, App Store dan Huawei Gallery)	Jumlah tersebut telah mencapai KPI yang ditetapkan oleh MBPP

Bil.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)				
	APLIKASI	FUNGSI	KOS PEMBANGUNAN	JUMLAH PENGGUNA	KPI
		kenderaan elektrik (EV) boleh mengecas kenderaan mereka di 52 buah stesen-stesen pengecas EV ChargeSini di seluruh Pulau Pinang, fungsi semakan cuaca masa nyata (*weather sensor*), informasi perkhidmatan dan kecemasan, maklumat mengenai Tapak Warisan UNESCO George Town, informasi kitar semula dan insentif, lokasi tandas-tandas awam, lokasi AED dan pelbagai lagi turut disediakan. Melalui aplikasi PEARL juga, pengguna boleh membuat aduan dan bencana terus kepada MBPP. Aplikasi ini merupakan antara inisiatif MBPP dalam melaksanakan transformasi digital dengan kemudahan kepada penggunanya, khususnya warga Pulau Pinang mengakses lebih dari 100 perkhidmatan atas talian MBPP dalam satu aplikasi. Juga tersedia fungsi DuitNow iaitu pengguna boleh membuat pembayaran dengan PearlPay Wallet di mana-mana kedai yang menerima DuitNow QR serta fungsi Pearl Mastercard.			

Bil.	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)				
	APLIKASI	**FUNGSI**	**KOS PEMBANGUNAN**	**JUMLAH PENGGUNA**	**KPI**
1	Penang Smart Parking (PSP)	a) Pembayaran Caj Tempat Letak Kereta (TLK) Secara Digital. b) Mengenalpasti Ruang Tempat Letak Kereta (TLK) Kosong (Find Parking). c) Pembayaran / Semakan Kompaun Tempat Letak Kereta (TLK).	Tiada	1,703,070 Pengguna (Dikemaskini Sehingga 15 Oktober 2025)	Tiada
2	ASPIRE Seberang Perai	a) Merupakan saluran bayaran untuk pelbagai bil seperti cukai taksiran, sewa gerai, kompaun dan lain-lain. b) Ia juga merupakan saluran aduan untuk penduduk Seberang Perai. Permohonan lesen anjing serta tempahan dewan & kompleks sukan juga boleh dibuat di aplikasi ASPIRE.	Kos pembangunan ditanggung oleh penyedia perkhidmatan. MBSP dikenakan caj 1.8% daripada jumlah kutipan	66,707 pengguna (sehingga 25 Oktober 2025)	Tiada

MAKLUMAT TAMBAHAN KJAB 2 - MBPP

Pembangunan kedua-dua aplikasi ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa dan ianya telah membuktikan MBPP komited dengan transformasi digital bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mengurangkan kerenah birokrasi, menyokong gaya hidup digital semasa serta memperkukuhkan hubungan digital antara MBPP dan rakyat.

Selain dari inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Transformasi Digital MBPP bagi tempoh 2021-2025, ianya merupakan komitmen MBPP bagi menyokong visi Penang2030 bagi Tema D3 - Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran Dengan Teknologi Pintar.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

16. Nyatakan jumlah kes yang diterima melalui *First Support Point* setiap tahun mengikut daerah sejak dilancarkan.

    (a) Nyatakan agensi yang bekerjasama dengan program ini.

    (b) Nyatakan juga tarikh dan kekerapan sesi perbincangan tahunan yang diadakan bagi membincangkan isu serta penambahbaikan pelaksanaan program tersebut.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Sejak pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat (DKS) pada tahun 2020, sebanyak 261 kes telah dirujuk kepada *First Support Points* (FSP). Perincian kes setiap tahun mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Antara agensi dan pihak yang bekerjasama dalam pelaksanaan program di bawah Dasar Keluarga dan Safe Family Policy (FSP) ini ialah:-

        (i) Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC);

        (ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM);

        (iii) Pejabat Daerah dan Tanah;

        (iv) Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga;

(v) Pusat Khidmat ADUN;

(vi) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK);

(vii) Jawatankuasa Belia Pulau Pinang;

(viii) Institusi keagamaan;

(ix) Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan

(x) Women's Centre for Change (WCC)

(b) Bagi membincangkan isu serta penambahbaikan pelaksanaan program *First Support Point* (FSP) di bawah inisiatif Dasar Keluarga Selamat, sesi perbincangan dan libat urus telah diadakan secara berkala melibatkan pelbagai pihak termasuk Pegawai KADUN, Pegawai Daerah, NGO, dan pemimpin komuniti setempat.

Rekod sesi perbincangan tahunan yang telah diadakan dari tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut:-

Tahun	Aktiviti / Kumpulan	Tarikh
2021	FGD FSP I bersama Pegawai KADUN	2 Disember 2021
	FGD FSP II bersama Pegawai KADUN	16 Disember 2021
2023	FGD FSP Kumpulan 1	9 Februari 2023
	FGD FSP Kumpulan 2	18 Mac 2023
	FGD FSP bersama Pegawai Daerah	19 Sep 2023
2024	Tiada FGD FSP (Fokus kepada latihan untuk PDRM, JPWK, KADUN dan NGO)	

2025	FGD FSP bersama Penghulu, NGO dan Pusat KADUN	17 Oktober 2025

Bagi tahun 2024, tiada sesi Focus Group Discussion (FGD) dijalankan seperti tahun-tahun sebelumnya. Sebaliknya, semua First Support Point (FSP) telah digerakkan untuk turun ke lapangan di kawasan masing-masing dan bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) bagi melaksanakan aktiviti komuniti serta memberi bimbingan dan khidmat nasihat secara terus kepada wanita yang memerlukan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

17. Apakah status terkini pengoperasian blok baharu Hospital Seberang Jaya?

    (a) Adakah wad rawatan rapi (ICU) dan dewan bedah telah berfungsi sepenuhnya serta menerima pesakit seperti dirancang?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Mengikut jadual perancangan, sehingga 11 November 2025, blok baharu Hospital Seberang Jaya dijangka mencapai tahap operasi sebanyak 85%. Jabatan yang masih belum memulakan perkhidmatan di blok baharu ini ialah Jabatan Pediatrik, Kardiologi dan Kardiotorasik disebabkan kekangan peralatan perubatan yang masih dalam proses perolehan dan kekurangan sumber manusia termasuk Pegawai Perubatan, Kejururawatan dan perkhidmatan sokongan yang lain.

    (a) Wad Rawatan Rapi (GICU) di blok baharu Hospital Seberang Jaya telah mula beroperasi pada 4 November 2025. Bagi dewan bedah pula, pengoperasian sepenuhnya akan bermula pada 11 November 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

18. Nyatakan dengan teliti tentang perkembangan terkini berhubung proses pemberimilikan tanah bagi projek pembangunan semula Hospital Bukit Mertajam.

    (a) Bilakah projek ini dijangka dimulakan dan jangkaan siap?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Cadangan projek pembangunan Hospital Bukit Mertajam kini dalam peringkat permohonan pemberimilikan tanah. Status semasa adalah seperti berikut:

    (i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bil.1/2025 yang bersidang pada 21 April 2025 telah bersetuju dengan permohonan pemberimilikan dan pengambilan tanah bagi tujuan cadangan pembangunan Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang;

    (ii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sedang menyediakan permohonan pelan pra-hitungan bagi tujuan pemberimilikan tanah;

    (iii) Tapak cadangan pembangunan Hospital Bukit Mertajam melibatkan Lot Asal 723 (Plot A dan Plot B) serta Lot 10285, Seksyen 4, Bandar Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Tapak ini turut

melibatkan jalan negeri, iaitu Lorong Usahaniaga 4, yang merentasi kawasan tapak cadangan di bahagian tengah;

(iv) Oleh itu, pada 14 Oktober 2025, pihak JKNPP telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi Pelantikan Perkhidmatan Perunding untuk Kajian Reka Bentuk Konsep dan Penilaian Tapak bagi memastikan kesesuaian dan ketepatan permohonan pemberimilikan tanah dari sudut teknikal serta mengenal pasti keberkesanan penggunaan ruang tanah secara optimum.

(a) Cadangan projek pembangunan Hospital Bukit Mertajam akan dijangka dikemukakan kepada pihak KKM di bawah permohonan peruntukan projek pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

19. Pulau Pinang dijangka menjadi negeri tertua di Malaysia menjelang tahun 2030. Nyatakan pelan strategik Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu berkaitan penuaan penduduk, termasuk penyediaan fasiliti kesihatan geriatrik dan sokongan komuniti warga emas dengan teliti.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dalam menghadapi peralihan status negeri menua menjelang tahun 2030. Antara usaha utama ialah pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia (Age-Friendly City Initiative) yang dilancarkan pada tahun 2023 di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Malaysia Healthy Ageing Society (MHAS). Inisiatif ini kini memasuki tahun ketiga pelaksanaan dan sedang berada pada fasa penyerahan laporan kitaran pertama seperti yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

    Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang merangka Pelan Tindakan Strategik Age-Friendly City Seberang Perai (AFCSP) yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2026. MBSP juga sedang dalam proses permohonan untuk menjadi ahli Global Network for Age-Friendly Cities and Communities (GNAFCC) di bawah WHO, dan permohonan tersebut dijangka dikemukakan pada bulan November 2025. Dengan pelaksanaan kedua-dua pelan ini,

Pulau Pinang disasarkan menjadi Negeri Mesra Usia sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Selain aspek perancangan bandar, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian terhadap penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan geriatrik di hospital-hospital kerajaan di seluruh negeri. Antara kemudahan geriatrik yang disediakan adalah seperti berikut:

(i) **Daerah Timur Laut**

(a) Hospital Pulau Pinang

(1) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

(2) Lawatan Pakar Geriatrik Pesakit Wad Perubatan

(ii) **Daerah Barat Daya**

(a) Hospital Balik Pulau

(1) 2 wad Geriatrik (jumlah katil 7)

(iii) **Daerah Seberang Perai Tengah**

(a) Hospital Seberang Jaya

(1) 12 katil Geriatrik dalam Wad Perubatan

(2) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

(b) Hospital Bukit Mertajam

(1) 8 katil Geriatrik dalam Wad Perubatan

(2) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

(iv) **Daerah Seberang Perai Selatan**

(a) Hospital Sungai Bakap

(1) 1 wad Geriatrik (jumlah katil 4)

(2) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

Perkhidmatan tambahan turut dilaksanakan seperti *Fracture Liaison Service* bagi pesakit patah tulang, *Memory Clinic* bagi pesakit demensia, serta penambahan jumlah katil hospital dan pusat rehabilitasi geriatrik. Pada masa hadapan, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan turut merancang pelaksanaan *Seamless Geriatric Care* (kerjasama dengan Klinik Kesihatan) dan *Orthogeriatrics* (kerjasama dengan Pakar Ortopedik), tertakluk kepada ketersediaan tenaga profesional multidisiplin seperti jururawat, ahli fisioterapi, ahli pemulihan, ahli farmasi, pakar dietetik dan pakar geriatrik.

Kerajaan Negeri turut memperkukuh jaringan sokongan komuniti warga emas melalui penubuhan sembilan (9) buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berperanan sebagai pusat pendampingan sosial dan pembangunan diri warga emas di peringkat komuniti. Pelbagai aktiviti seperti senamrobik, kelas kemahiran dan program kesihatan dijalankan di PAWE dengan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri.

Selain itu, melalui Kempen Warga Emas Celik, Kerajaan Negeri memperkasa warga emas dalam bidang kemahiran digital, literasi kewangan, penuaan aktif, hak bersuara dan sosial.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang memperkemas garis panduan pendaftaran Pusat Jagaan Warga Emas bagi memudahkan pengusaha membuat pendaftaran secara sah, selamat dan mesra pengusaha.

Kerajaan Negeri turut dalam perbincangan dengan MMK Kerajaan Tempatan bagi mempertimbangkan diskaun 50% atau pengecualian caj infrastruktur (infra fee) kepada pengusaha pusat jagaan, tertakluk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang dijangka dibentangkan menjelang hujung tahun ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

20. Nyatakan peratusan pegawai wanita dan lelaki yang memegang jawatan penyelia atau jawatan kanan dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa ini.

    (a) Adakah mekanisme bagi memastikan proses kenaikan pangkat dilaksanakan secara adil tanpa sebarang *bias* jantina?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Sebanyak 49.4% pegawai wanita dan 50.6 % pegawai lelaki memegang jawatan penyelia atau jawatan kanan yang terdapat dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat pegawai wanita dan lelaki yang memegang jawatan penyelia atau jawatan kanan adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan	Wanita	Lelaki
1.	Jabatan Negeri	215	192
2.	Badan Berkanun Negeri	55	44
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	137	181
	Jumlah	**407**	**417**

(a) Urusan pemangkuan, kenaikan pangkat dan rayuan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan berdasarkan peraturan-peraturan kenaikan pangkat, peraturan lembaga kenaikan pangkat serta surat pekeliling

perkhidmatan berkaitan yang dijadikan panduan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan pemangkuan, kenaikan pangkat dan rayuan dalam perkhidmatan awam.

Bagi memastikan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat dilaksanakan secara adil, pegawai awam perlu memenuhi syarat-syarat pemangkuan yang ditetapkan dan akan dipertimbangkan secara merit mengambilkira tahap kecekapan dan prestasi kerja pegawai, kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaian dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai serta kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan negara.

Lembaga kenaikan pangkat juga boleh mengambil kira aspek lain yang difikirkan relevan antaranya kebolehan dan potensi pegawai dengan jawatan kenaikan pangkat yang dinilai melalui kaedah-kaedah seperti temu duga, peperiksaan atau pusat penilaian *assessment centre,* kriteria penilaian khas berkaitan dengan bidang kerja seperti kriteria kecemerlangan atau penyelidikan, personaliti dan tingkah laku yang baik serta kebolehan mewujudkan perhubungan yang harmoni dan kesesuaian dan penerimaan Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

Sekiranya terdapat dua atau lebih pegawai yang diputuskan sama dari segi merit, Lembaga hendaklah mengambil kira kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat disamping kekananan pegawai dalam memberikan pertimbangan pemangkuan seseorang pegawai. Justeru, tidak timbul isu *bias* jantina dalam urusan kenaikan pangkat penjawat awam.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT YB HENG LEE LEE

21. Nyatakan bilangan pusat perlindungan sementara, bantuan guaman dan kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga serta serangan seksual di Pulau Pinang.

    (a) Nyatakan jumlah penerima bantuan dalam tempoh 10 tahun mengikut daerah.

    (b) Adakah kemudahan sedia ada mencukupi bagi menampung keperluan meningkat?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Pusat perlindungan sementara yang diwartakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai Tempat Selamat adalah Anjung Singgah di Lebuh Chulia. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) bagi mendaftarkan premis di bawah seliaAN Persatuan Pembela Wanita Pulau Pinang sebagai tempat perlindungan sementara.

    JKM tidak menyediakan bantuan guaman. Namun demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) ada menyediakan perkhidmatan sokongan di mahkamah bagi membantu mangsa keganasan seksual dan rumah tangga.

(a) Bilangan penerima perkhidmatan sokongan di mahkamah yang dibekalkan oleh Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan penerima perkhidmatan sokongan di mahkamah
2016	27
2017	48
2018	28
2019	14
2020	23
2021	2
2022	22
2023	16
2024	19
Jumlah	**199**

Berdasarkan statistik daripada pihak JKM pula, sebanyak 70 kes keganasan rumah tangga telah menerima intervensi dalam tempoh tahun 2016 hingga 31 Oktober 2025. Intervensi ini dilaksanakan melalui dua (2) bentuk perkhidmatan utama, iaitu:

(i) Perkhidmatan kaunseling: 62 kes (89%)
(ii) Perlindungan di tempat selamat: 8 kes (11%)

Selain itu, bilangan kes keganasan rumah tangga yang berpunca daripada pelaku memaksa atau mengancam untuk melakukan perbuatan berbentuk seksual atau selainnya, yang mana mangsa berhak untuk tidak melakukannya, turut diperincikan mengikut daerah bagi tempoh tahun 2016 hingga 31 Oktober 2025.

Perincian berkaitan data-data tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Kemudahan sedia ada berfungsi buat sementara waktu, namun Kerajaan Negeri sedang meneliti perancangan untuk menambah kemudahan tersebut bagi menampung keperluan yang semakin meningkat, khususnya dalam aspek perlindungan mangsa keganasan rumah tangga.

Kerajaan Negeri melalui JKM akan meneruskan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi berkaitan bagi memastikan mangsa yang memerlukan intervensi segera dapat ditempatkan dalam persekitaran yang selamat, sesuai dan kondusif.

LAMPIRAN A

BILANGAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA YANG BERPUNCA DARIPADA PELAKU MEMAKSA ATAU MENGANCAM UNTUK MELAKUKAN PERBUATAN BERBENTUK SEKSUAL ATAU SELAINNYA YANG MANA MANGSA ITU BERHAK UNTUK TIDAK MELAKUKANNYA MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 31 OKTOBER 2025 BAGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

TAHUN	PKMDTL	PKMDSPU	PKMDSPT	PKMDSPS	PKMDBD	JUMLAH
2016	-	-	9	-	2	11
2017	-	1	-	1	1	3
2018	-	1	2	-	2	5
2019	-	4	-	-	-	4
2020	3	7	2	-	1	13
2021	-	-	-	-	-	-
2022	2	1	1	-	-	4
2023	-	1	-	-	-	1
2024	1	-	1	-	-	2
2025	-	-	1	-	-	1
JUMLAH	**6**	**15**	**16**	**1**	**6**	**44**

LAMPIRAN A

BILANGAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA YANG MENERIMA PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN PERLINDUNGAN TEMPAT SELAMAT MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 31 OKTOBER 2025 BAGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

TAHUN	PERKHIDMATAN KAUNSELING					PERLINDUNGAN TEMPAT SELAMAT					JUMLAH
	TL	SPU	SPT	SPS	BD	TL	SPU	SPT	SPS	BD	
2016	6	-	6	-	-	1	-	-	-	-	13
2017	5	2	1	-	1	-	1	-	-	-	10
2018	-	1	1	-	1	-	-	-	-	-	3
2019	1	1	1	-	-	-	-	-	-	-	3
2020	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	2
2021	6	3	2	-	2	1	-	-	-	-	14
2022	3	-	1	2	-	1	-	-	-	-	7
2023	1	4	4	-	-	1	-	-	-	-	10
2024	-	1	1	-	-	-	1	1	-	-	4
2025	-	1	1	1	-	-	1	-	-	-	4
JUMLAH	**23**	**14**	**18**	**3**	**4**	**4**	**3**	**1**	-	-	**70**

PETUNJUK:
TL = TIMUR LAUT
SPU = SEBERANG PERAI UTARA
SPT = SEBERANG PERAI TENGAH
SPS = SEBERANG PERAI SELATAN
BD = BARAT DAYA

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

22. Nyatakan bilangan *digital library* serta peruntukan yang diberikan setiap tahun sejak mula beroperasi.

    (a) Jelaskan bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Digital Library Bukit Mertajam (Jit Sin), termasuk butiran peruntukan dan adakah peruntukan tahunan dijanjikan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Perpustakaan Digital Pulau Pinang di bawah pengurusan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) terdiri daripada tiga (3) buah perpustakaan, iaitu Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL), Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) dan Perpustakaan Digital Batu Maung (BMDL).

    Kos pengurusan Perpustakaan Digital ditanggung melalui Peruntukan Mengurus CMI yang merangkumi pembayaran gaji empat (4) orang kakitangan perpustakaan dan lima belas (15) orang sukarelawan. Peruntukan tersebut juga digunakan bagi tujuan pembayaran perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, bayaran utiliti (bil elektrik dan air), penyelenggaraan sistem teknologi maklumat serta penyelenggaraan bangunan.

Anggaran kos pengoperasian bagi ketiga-tiga Perpustakaan Digital adalah sebanyak RM1.5 juta setahun.

(a) Kerajaan Negeri turut memberikan komitmen kepada Persatuan Bekas Murid-murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam bagi penubuhan Perpustakaan Digital Bukit Mertajam (Jit Sin) seperti berikut:

(i) Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada 18 September 2022;

(ii) Peruntukan sebanyak RM300,000.00 secara one-off telah disediakan bagi tujuan pembangunan;

(iii) Peruntukan tambahan sebanyak RM200,000.00 daripada Jabatan Kewangan Negeri telah disalurkan pada 4 November 2024 bagi tujuan program dan perbelanjaan;

(iv) Sistem bahan bacaan PDL boleh diakses secara dalam talian, di mana kos langganan sistem *e-book* ditanggung oleh CMI; dan

(v) Khidmat nasihat berkaitan pengurusan dan pengoperasian perpustakaan turut diberikan kepada pihak Perpustakaan Digital Bukit Mertajam (Jit Sin).

Tiada peruntukan tahunan yang dijanjikan kepada pihak berkenaan. Walau bagaimanapun, kerjasama berterusan di antara CMI dan Perpustakaan Digital Bukit Mertajam (Jit Sin) diteruskan dari segi pemberian khidmat nasihat pengurusan dan pengoperasian perpustakaan serta akses kepada bahan bacaan *e-book* Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

23. Nyatakan jumlah peruntukan setiap tahun bagi George Town Festival (GTF) sejak diperkenalkan.

    (a) Apakah perancangan jangka panjang bagi GTF dan peruntukan bagi 2026?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Jumlah peruntukan setiap tahun bagi Penganjuran George Town Festival (GTF) sejak diperkenalkan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Peruntukan bagi Penganjuran George Town Festival (GTF) (2010-2026)

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
George Town Festival 2010	1,000,000
George Town Festival 2011	1,000,000
George Town Festival 2012	1,750,000
George Town Festival 2013	3,000,000
George Town Festival 2014	3,000,000
George Town Festival 2015	3,500,000

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
George Town Festival 2016	4,000,000
George Town Festival 2017	4,500,000
George Town Festival 2018	4,000,000
George Town Festival 2019	3,000,000
George Town Festival 2020	3,000,000
George Town Festival 2021	1,500,000
George Town Festival 2022	1,500,000
George Town Festival 2023	1,500,000
George Town Festival 2024	1,500,000
George Town Festival 2025	1,500,000
George Town Festival 2026	1,500,000 (Perancangan)

(a) GTF beraspirasi untuk menjadi festival seni terkemuka di Asia Tenggara dengan menonjolkan kreativiti, warisan serta inovasi budaya. GTF menumpukan kepada pembangunan ekosistem seni yang mampan dan inklusif melalui penyediaan ruang untuk penggiat seni tempatan, kebangsaan dan serantau. Melalui kerjasama antarabangsa serta penerapan teknologi digital seperti platform dalam talian, pameran maya dan interaksi digital, GTF memperluas capaian dan penglibatan masyarakat. Festival ini terus kekal relevan sebagai ruang dinamik yang menghubungkan seni, komuniti dan masyarakat global.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

24. Nyatakan senarai projek pembangunan yang sedang dan telah dilaksanakan di Pasar Bandar Bukit Mertajam serta kosnya.

    (a) Adakah kemajuan setiap projek tersebut berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Senarai projek pembangunan sedang dan telah dilaksanakan di Pasar Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang berserta kosnya adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

    (a) Ya, kemajuan setiap projek di Pasar Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN BERSERTA KOS DI PASAR BANDAR BUKIT MERTAJAM

TAHUN	SKOP KERJA	KOS	STATUS
2022	(i) Menaik taraf sistem bekalan air di pasar	RM19,800.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Ribu Lapan Ratus Sahaja)	Siap mengikut jadual
	(ii) Kerja-kerja pembaikan longkang dan lantai	RM60,461.22 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Ribu Empat Ratus Enam Puluh Satu dan Dua Puluh Dua Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
2023	Pembaikan bumbung, *gutter* dan penggantian *grating* longkang	RM41,081.74 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Satu Ribu Lapan Puluh Satu dan Tujuh Puluh Empat Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
2024	(i) Penggantian *grating*	RM37,535.98 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus Tiga Puluh Lima dan Sembilan Puluh Lapan Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN BERSERTA KOS DI PASAR BANDAR BUKIT MERTAJAM

TAHUN	SKOP KERJA	KOS	STATUS
2024	(ii) Pembaikan lantai Ro-Ro	RM6,049.59 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Empat Puluh Sembilan dan Lima Puluh Sembilan Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
	(iii) Kerja-kerja pembaikan konkrit pada *ramp* dan lantai tempat sampah	RM6,148.64 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Satu Ratus Empat Puluh Lapan dan Enam Puluh Empat Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
2025	Kerja-kerja pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam	RM23,396,196.60 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tiga Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Enam dan Enam Puluh Sen Sahaja)	Dalam tempoh pelaksanaan. Kemajuan semasa (sehingga 15 Oktober 2025): Jadual: 20% Sebenar: 17%

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

25. Nyatakan perancangan pendek dan panjang Kerajaan Negeri terhadap kesesakan lalu lintas di Jalan Kulim.

    (a) Nyatakan perancangan pelebaran sebelum ini dengan teliti.

    (b) Berapa jumlah kos jika projek pelebaran dijalankan tahun depan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Projek-projek cadangan bagi perancangan jangka masa panjang untuk menangani kesesakan lalu lintas di Jalan Kulim telah pun disenaraikan dalam Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RPNPP). Senarai projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Perancangan bagi projek pelebaran Jalan Kulim telah bermula sejak tahun 2016. Kerja ukur tanah telah dilaksanakan oleh juruukur yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP). Susulan daripada itu, perunding lantikan JKRPP telah melaksanakan proses penyediaan reka bentuk dan penyediaan tender dari tahun 2018 sehingga 2020. Pada tahun 2022, kerja-kerja ukur tanah dan penyediaan pelan Pengambilan Balik Tanah (PBT) telah siap dilaksanakan dan JKRPP telah memulakan proses permohonan peruntukan sejak dari tahun 2023 untuk PBT dan pembinaan. Projek ini

tertangguh kerana menunggu kelulusan peruntukan dan penyelesaian isu PBT termasuk rundingan dengan pemilik tanah seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk jalan-jalan berdekatan seperti Jalan Kampung Besar.

(b) Anggaran kos semasa pelaksanaan projek ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PROJEK-PROJEK CADANGAN BAGI PERANCANGAN JANGKA MASA PANJANG UNTUK MENANGANI KESESAKAN LALU LINTAS DI JALAN KULIM

BIL.	CADANGAN PROJEK	STATUS	ANGGARAN KOS (RM)
1	Cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1)	Menunggu kelulusan peruntukan untuk pembinaan serta Pengambilan Balik Tanah	34.5 juta
2	Cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 2)	Menunggu kelulusan peruntukan untuk pembinaan serta Pengambilan Balik Tanah	16.4 juta
3	Cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 3)	Menunggu kelulusan peruntukan untuk pembinaan serta Pengambilan Balik Tanah	14.3 juta
4	Cadangan pelebaran dan peaiktarafan persimpangan Jalan Maju/Jalan Berjaya ke Jalan Kulim	Menunggu kelulusan peruntukan untuk kerja ukur dan reka bentuk	3.0 juta
5	Pengambilan Balik Tanah (PBT) bagi projek cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1, 2 dan 3)	-	100.0 juta

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

26. Nyatakan butiran projek Northern TechValley @ BKE, termasuk lokasi, keluasan dan nilai pelaburan.

    (a) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang dijangka diwujudkan?

    (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menambah kemudahan perumahan untuk menampung pertumbuhan penduduk dan tenaga kerja di kawasan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) projek Northern TechValley@BKE bagi cadangan pembangunan industri dan rumah mampu milik yang terletak di Lot 149, 150, 189, 664, 665, 668, 801, 802, 1349, 1350, 1351, 1352, 1353, 1362 dan 10635 (PT 66) Mukim, 19, Seberang Perai Tengah oleh Tetuan Suling Hill Development Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh MBSP pada 6 Julai 2023 dengan keluasan 173.12 ekar. Projek ini dibangunkan bersama Majestic Gen dan AME Elite Consortium Berhad, dengan menyasarkan syarikat perusahaan kecil dan sederhana untuk beroperasi di kawasan tersebut. Pada masa ini, kerja-kerja tanah sedang dijalankan.

    Berdasarkan maklumat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (*Malaysian Investment Development Authority*-MIDA), sehingga kini, tiada permohonan projek pelaburan untuk sektor perkilangan yang diluluskan oleh MIDA di Northern TechValley @ BKE.

(a) Tiada maklumat berkaitan jumlah peluang pekerjaan yang dijangka diwujudkan. Namun projek ini dijangkakan akan menjadi pemangkin dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

(b) Kawasan projek juga telah diluluskan PKM oleh MBSP dengan komponen pembangunan perumahan mampu milik sebanyak 150 unit. Pembangunan ini dirancang bagi meningkatkan kemudahan perumahan di kawasan sekitar, khususnya untuk menampung pertumbuhan penduduk dan keperluan tenaga kerja yang semakin meningkat. Inisiatif ini sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri untuk memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat melalui penyediaan perumahan sekali gus menyokong pembangunan sosioekonomi yang seimbang di wilayah Seberang Perai.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

27. Bolehkah Kerajaan Negeri menjalankan TIA bagi Jalan Kampung Besar yang kini tidak lagi mampu menampung aliran trafik?

    (a) Nyatakan tarikh serta butiran perbincangan antara Kerajaan Negeri dan RAC berhubung hak laluan serta rancangan peluasan jalan dalam tempoh 7 tahun lalu.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas di Jalan Kampung Besar yang semakin sesak dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) mempunyai perancangan untuk melaksanakan satu (1) kajian lalu lintas di laluan tersebut pada tahun 2026 tertakluk kepada ketersediaan peruntukan semasa.

    (a) Projek menaik taraf Jalan Kampung Besar merupakan salah satu projek yang telah disenaraikan di bawah Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RPNPP). Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah melakukan pertemuan bersama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) pada 26 Julai 2017 bagi membincangkan berkenaan pelaksanaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, projek tersebut terpaksa ditangguhkan kerana jajaran jalan sedia ada melibatkan kawasan tanah milik RAC.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXIV)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE

28. Berapakah peratusan pegawai Orang Kurang Upaya (OKU) dalam agensi Kerajaan Negeri dan adakah sasaran 1% telah dicapai?

    (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan semua bangunan awam dan sistem pengangkutan mencapai standard mesra OKU sepenuhnya menjelang tahun 2026?

YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Secara keseluruhannya, jumlah peratusan pegawai awam Orang Kurang Upaya (OKU) yang berkhidmat di agensi Kerajaan Negeri adalah sebanyak 0.83% iaitu hampir mencecah 1% sasaran yang ditetapkan. Pecahan jumlah pegawai awam OKU di agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    Penyertaan OKU ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah dilaksanakan melalui pengambilan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik masing-masing berdasarkan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

    (a) Bagi memastikan semua sistem pengangkutan mencapai standard mesra OKU sepenuhnya menjelang tahun 2026, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) komited dalam menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki awam di dalam kawasan bandaraya dan akan memastikan semua laluan pejalan kaki awam adalah mematuhi

peraturan aksesibiliti sejagat (*Universal Design (*UD) & *Accessibility*) dengan menetapi MS1184 melalui pendekatan seperti yang berikut:

(i) Kawalan pembangunan baharu

MBPP telah mensyaratkan pemajuan yang mengambil kira kemudahan dan fasiliti serta aksesibiliti untuk golongan OKU hendaklah disediakan mengikut Seksyen 34A Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan mengikut piawaian *'Malaysian Standard M.S. 1184'*;

(ii) Projek-projek menaiktaraf laluan pejalan kaki

Pada setiap tahun, MBPP akan menyediakan peruntukan bagi membina atau menaik taraf laluan pejalan kaki di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti bagi memberi keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna. Selain itu, elemen mesra OKU juga adalah salah satu elemen penting yang diterapkan di dalam pembinaan dan kerja naiktaraf di semua projek laluan pejalan kaki tersebut supaya dapat digunakan dan memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat. Senarai projek dan kos yang telah dibelanjakan oleh MBPP untuk membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki di sekitar kawasan bandaraya George Town dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**;

(iii) Penyediaan *platform ramp* dan ruang untuk OKU di dalam bas

MBPP sentiasa bekerjasama dengan Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. dalam menambah baik perkhidmatan bas di kawasan pulau untuk memudahkan orang awam menggunakan perkhidmatan bas terutama kepada golongan OKU. Semua bas rapid yang beroperasi di atas jalanraya mempunyai *platform ramp* di bahagian tengah bas untuk memudahkan penumpang berkerusi roda, warga emas atau individu berkeperluan khas untuk naik dan turun bas dengan selamat tanpa perlu menaiki tangga bas. Di

samping itu, ruang khas di dalam bas untuk kerusi roda lengkap dengan tali keselamatan; dan

(iv) Pembinaan pondok perhentian bas

MBPP telah membina dan menaik taraf pondok perhentian bas yang lama dan usang secara berperingkat. Bermula tahun 2010, MBPP telah menaik taraf pondok perhentian bas lama jenis *galvanized steel* kepada jenis *tempered glass* yang lebih mesra pengguna dari segi keselesaan dan keselamatan. Kesemua pondok perhentian bas yang telah dibina mempunyai ciri-ciri kemudahan mesra OKU seperti *guiding block*, *warning textiles*, pagar (*railing*), landasan (*ramp*) serta lampu. Pemasangan lampu pada pondok perhentian bas untuk pencahayaan demi keselamatan pengguna bas awam pada waktu malam sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Dilaporkan bahawa MBPP telah membina dan menaik taraf sebanyak 600 buah pondok perhentian bas di seluruh kawasan pulau. Sebahagian pondok perhentian bas yang dibina telah dilengkapi ciri-ciri mesra OKU. Kini, MBPP sedang mengenal pasti sebahagian pondok perhentian bas yang tidak memenuhi ciri-ciri mesra OKU dan kerja pembaikan dan menaik taraf akan dilaksanakan pada suku pertama tahun 2026.

Seterusnya, sebanyak 418 buah pondok perhentian bas telah dipasang lampu dan sebanyak 112 buah pondok perhentian sedang dalam proses pemasangan lampu solar dan kerja-kerja pemasangan lampu solar dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada 30 November 2025 manakala baki sebanyak 70 buah pondok perhentian bas lagi akan dipasang lampu solar pada tahun 2026.

Di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua bangunan awam mencapai standard mesra OKU menjelang tahun 2026 adalah seperti yang berikut:

(i) Setiap pembangunan terutamanya melibatkan bangunan kegunaan awam di kawasan MBSP disyaratkan untuk

mematuhi keperluan rekabentuk sejagat *Universal Design* (UD) melalui:

(a) Borang Semakan Rekabentuk Sejagat;

(b) *Malaysia Standard (*MS 1184:2014*) Universal Design and Accessibility in the Built Environment - Code of Practice;*

(c) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang merangkumi keperluan untuk OKU, kanak-kanak, ibu mengandung dan warga emas;

(ii) MBSP menganggotai Jawatankuasa Kumpulan Tindakan Aksesibiliti Pulau Pinang (*Penang Accessibilty Action Group - PAAG*) yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 bertujuan memperkasa dan mempertingkatkan kesejahteraan orang ramai di Pulau Pinang; dan

(iii) MBSP mengadakan Audit Aksesibiliti terhadap bangunan-bangunan awam, kawasan lapang dan kemudahan masyarakat yang baru serta sedia ada dalam penambahbaikan kemudahan *Universal Design* (UD) kepada masyarakat.

Di peringkat Jabatan Kerja Raya (JKR), elemen mesra OKU akan diambil kira dalam projek pembangunan baharu atas keperluan pelanggan dan syarat Pihak Berkuasa Tempatan manakala bagi fasiliti OKU untuk bangunan sedia ada, ianya tertakluk kepada peruntukan naik taraf yang diluluskan.

LAMPIRAN A

PECAHAN JUMLAH PEGAWAI AWAM OKU DI AGENSI KERAJAAN NEGERI

BIL.	AGENSI	JUMLAH PENGISIAN TETAP & KONTRAK	JUMLAH PENGISIAN PEGAWAI AWAM OKU	PERATUSAN
1.	Jabatan Negeri	3,887	33	0.85%
2.	Badan Berkanun Negeri	659	7	1.06%
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	7,012	56	0.80%
Jumlah		**11,558**	**96**	**2.71%**

LAMPIRAN B

SENARAI PROJEK DAN KOS YANG TELAH DIBELANJAKAN OLEH MBPP UNTUK MEMBINA DAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SEKITAR KAWASAN BANDARAYA GEORGE TOWN DARI TAHUN 2023 HINGGA 2025

BIL	KADUN		PEMBIAYAAN	NAMA JALAN	DAERAH	PANJANG (M)	KOS (RM)	TAHUN
1	N29	KOMTAR	MBPP	Jalan Sungai Ujong	DTL	112	92,787.35	2023
2	N29	BATU LANCANG	MBPP	Lebuhraya Jelutong (Dari Persimpangan Lorong Ipoh Hingga Sungai Jelutong)	DTL	365	356,939.50	2023
3	N29	BATU LANCANG	MBPP	Jalan Jelutong (Dari Premis No. 410-A Hingga Premis No. 426)	DTL	160	230,030.00	2023
4	N30	SUNGAI PINANG	BP1 KPKT	Sebahagian Jalan Sungai Dan Sebahagian Jalan Maqbul	DTL	120	167,007.00	2023
5	N25	PULAU TIKUS	MBPP	Jalan Tull	DTL	582	500,005.00	2023
6	N26	PADANG KOTA	MBPP	Lebuh Light (Dari Lebuh King Hingga Jalan Masjid Kapitan Keling) Dan Sebahagian Jalan Masjid Kapitan Keling	DTL	250	429,501.84	2024
7	N29	KOMTAR	MBPP	Jalan Anson (Dari persimpangan Jalan Macalister sehingga persimpangn Lebuh Melaka)	DTL	170	295,035.00	2024
8	N25	PULAU TIKUS	MBPP	Jalan Dato Keramat (Hadapan Public Bank)	DTL	190	269,481.38	2024
9	N29	BATU LANCANG	BP1 KPKT	Taman Hijau 2	DTL	210	117,591.35	2024
10	N33	AIR ITAM	MARRIS	Jalan Ayer Itam (Dari persimpangan Jalan Ibbetson Hingga Persimpangan Jalan Grove)	DTL	580	389,06.78	2024
11	N29	KOMTAR	MARRIS	Lebuh Carnarvon	DTL	370	1,954,000.00	2025

LAMPIRAN B

SENARAI PROJEK DAN KOS YANG TELAH DIBELANJAKAN OLEH MBPP UNTUK MEMBINA DAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SEKITAR KAWASAN BANDARAYA GEORGE TOWN DARI TAHUN 2023 HINGGA 2025

BIL	KADUN		PEMBIAYAAN	NAMA JALAN	DAERAH	PANJANG (M)	KOS (RM)	TAHUN
12	N27	PENGKALAN KOTA	BP1 KPKT	Lebih McNair (Dari Lebuh Herriot Hingga Lebuh Sandiland)	DTL	145	153,955.00	2025
13	N25	PULAU TIKUS	BP1 KPKT	Lebuhraya Babington	DTL	160	287,312.00	2025
14	N26	PADANG KOTA	MBPP	Jalan Tun Syed Shed Barakbah Dan Lebuh Light	DTL	330	402,695.00	2025
15	N26	PADANG KOTA	MBPP	Jalan Larut (Hadapan Sekolah Kebangsaan Welesley)	DTL	120	215,000.00	2025
16	N27	PENGKALAN KOTA	BP1 KPKT	Lintang Macallum 1	DTL	160	317,137.00	2025
17	N29	KOMTAR	BP1 KPKT	Lebuh Cintra	DTL	220	350,055.00	2025
18	N25	PULAU TIKUS	MBPP	Jalan Utama (Laluan Berbumbung)	DTL	200	271,010.10	2025
19	N29	BATU LANCANG	MBPP	Jalan Van Praagh	DTL	300	235,682.00	2025
				JUMLAH PERUNTUKAN DIBELANJAKAN		**4,599**	**6,530,176.30**	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

1. Bagaimanakah kerajaan memastikan kenaikan cukai tidak membebankan rakyat Pulau Pinang?

   (a) Nyatakan semua rebat, pengecualian dan pelan ansuran berserta syarat kelayakan serta tempoh.

   (b) Jelaskan tindakan atau hukuman jika gagal bayar, serta perlindungan khusus bagi petani yang kurang hasil pendapatan, B40, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. (a) Semua pemilik tanah kediaman yang berkeluasan kurang daripada 100 meter persegi atau 1,076 kaki persegi akan membayar kadar cukai minimum RM70 setahun di kawasan bandar atau RM50 setahun di kawasan desa. Kadar minimum ini termasuk rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan sebahagian skim Rumah Mampu Milik atau Rumah MutiaraKu di Pulau Pinang yang berkeluasan kurang daripada 100 meter persegi atau 1,076 kaki persegi.

   Kerajaan Negeri juga turut memperkenalkan kadar baharu untuk Rumah Kampung iaitu RM50 setiap lot. Kadar ini diperkenalkan bagi membantu pemilik-pemilik kediaman dalam kategori rumah kampung membayar kadar yang

minimum dan tidak membebankan walaupun keluasan tanah milik mereka adalah melebihi 100 meter persegi.

Bagi mengurangkan impak dan bebanan kewangan kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang, maka satu mekanisme rebat bayaran cukai sebanyak 32.5 peratus akan dilaksanakan pada tahun 2026 diikuti rebat sebanyak 20 peratus pada tahun 2027 dan rebat sebanyak 20 peratus pada tahun 2028.

Rebat bayaran cukai tanah ini akan memberi manfaat kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang tanpa mengira kategori dan kegunaan tanah. Walau bagaimanapun, semua pemilik tanah yang menikmati rebat ini perlu membayar kadar cukai tanah sedia ada sekiranya amaun bayaran cukai tanah selepas rebat diberikan adalah lebih rendah daripada amaun sedia ada yang dibayar pada tahun 2025. Lazimnya, pemberian rebat ini akan menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengutip hasil cukai berjumlah RM80 hingga RM100 juta setahun pada tahun 2026 hingga 2028.

Selain daripada rebat antara 20 peratus hingga 32.5 peratus untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 2026, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi beberapa insentif lain kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang antaranya:-

(i) Pengecualian bayaran denda ke atas tunggakan cukai tanah dan cukai petak sebanyak 100 peratus mulai 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026 melibatkan tunggakan denda berjumlah RM25 juta akan dikecualikan. Inisiatif tersebut adalah bertujuan menggalakkan pemilik tanah dan pemilik petak untuk membayar cukai sebagaimana diperuntukan;

(ii) Pemberian diskaun 50 peratus kadar premium untuk pertukaran kategori tanah pertanian kepada bangunan bagi tujuan kediaman sahaja tertakluk kepada garis panduan perancangan. Diskaun ini ditawarkan sepanjang tahun 2026 sahaja. Insentif ini diberikan bagi menggalakkan semua pemilik tanah ketegori pertanian yang berada dalam zon perlingkungan pembangunan untuk menukar kategori tanah milik masing-masing daripada pertanian kepada bangunan (kediaman

sahaja dan bukan pembangunan perumahan) kerana aktiviti pertanian sudah tidak dijalankan di atas tanah tersebut, sebaliknya terdapat rumah-rumah kediaman individu yang telah didirikan sejak sekian lama. Insentif ini juga akan membantu pemilik-pemilik tanah kategori pertanian meningkatkan nilai pemilikan tanah dan kediaman persendirian masing-masing;

(i) Pemberian pelbagai cenderahati dalam bentuk barangan dapur selain cabutan bertuah kepada pembayar cukai tanah dan cukai petak strata yang membayar cukai tanah dan cukai petak strata melalui Aplikasi PG Land secara dalam talian (*online*). Insentif ini diberikan bagi menggalakkan pembayaran cukai secara dalam talian (*online*) dalam kalangan pemilik-pemilik tanah dan petak strata di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri berharap dengan cadangan semakan cukai tanah pada tahun 2026, hasil cukai Kerajaan Negeri akan meningkat dengan ketara dan Kerajaan Negeri akan lebih berupaya untuk menyediakan lebih banyak insentif kewangan dan bantuan sara hidup kepada seluruh rakyat Pulau Pinang untuk tempoh jangka masa panjang.

(b) Bagi pemilik tanah yang gagal menjelaskan bayaran cukai tanah dalam tempoh ditetapkan, tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut peruntukan Seksyen 95 dan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN), antaranya termasuk pengeluaran Notis 6A, Notis 8A dan seterusnya tindakan perampasan hak milik tanah sekiranya tunggakan tidak diselesaikan.

Walau bagaimanapun, bagi golongan berpendapatan rendah seperti petani yang kurang hasil pendapatan, kumpulan B40, warga emas dan OKU, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) memberikan pertimbangan khas untuk pemilik membuat permohonan rayuan pengurangan cukai tanah dan pembayaran secara ansuran. Langkah ini diambil bagi memastikan kebajikan golongan rentan tetap dilindungi tanpa menjejaskan hasil negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

2. Apakah bukti berasaskan kajian bahawa projek North Coastal Paired Road (NCPR) mengurangkan kesesakan, bukan sekadar mengalihkan masalah atau menambah kesesakan ketika pembinaan?

   (a) Senaraikan laporan penuh TIA NCPR dan status pengesahan pihak bebas.

   (b) Nyatakan pelan jangka pendek pengurusan trafik sepanjang pembinaan.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Projek North Coastal Paired Road (NCPR) dilaksanakan bertujuan bagi menangani kesesakan lalu lintas yang kritikal di sepanjang laluan sedia (Tanjung Bungah -Batu Ferringhi - Teluk Bahang) yang sempit, berliku dan mempunyai had kapasiti rendah. Projek ini dirancang sebagai laluan alternatif berkapasiti lebih tinggi dan selamat sekaligus menjimatkan masa perjalanan serta memperkukuh daya saing sektor pelancongan di kawasan tersebut.

   (a) Kajian Impak Trafik, *Traffic Impact Assessment* (TIA) telah dilaksanakan oleh perunding trafik bebas yang bertauliah dan berdaftar di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Laporan TIA tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan NCPR akan mengurangkan aliran trafik di jalan pesisir sedia

ada sehingga 20% – 30% pada waktu puncak, bergantung kepada segmen jalan dan corak pergerakan tempatan.

Kajian turut mengambil kira unjuran pertumbuhan trafik 20 tahun menggunakan model *Origin–Destination Matrix* menunjukkan bahawa tanpa NCPR, masa perjalanan dari Teluk Bahang ke George Town akan meningkat lebih dua kali ganda menjelang tahun 2035. Secara keseluruhan, hasil dapatan TIA mengesahkan bahawa NCPR bukan sahaja mengurangkan masalah trafik di laluan sedia ada, malah memperbaiki keselamatan jalan raya dan mengurangkan masa perjalanan, terutama bagi penduduk dan pelancong di sepanjang koridor utara Pulau Pinang.

(b) Pelan Pengurusan Trafik, *Traffic Management Plan* (TMP) yang terperinci akan disediakan dan diluluskan oleh pihak berkuasa teknikal sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan kelak. Pelan ini bertujuan memastikan aliran trafik di sepanjang kawasan pelancongan kekal lancar, selamat dan terkawal sekaligus menafikan persepsi bahawa projek ini "mengalihkan kesesakan" semasa tempoh pembinaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

3. Menjelang Tahun Melawat Malaysia, apakah persiapan Kerajaan Negeri dalam memastikan semua destinasi pelancongan berada dalam keadaan terbaik?

   (a) Adakah peruntukan tambahan akan disediakan bagi penyelenggaraan taman awam agar kejadian kolam teratai di Taman Botani kotor tidak berlaku lagi?

   (b) Sejauh mana kerajaan melibatkan komuniti setempat atau NGO dalam penjagaan taman?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memperindah persekitaran bandar dan memperkukuh imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama negara. Usaha ini turut bertujuan memastikan kawasan tumpuan pelancongan berada dalam keadaan terbaik serta menawarkan pengalaman yang positif dan berkualiti kepada para pelawat.

Di bahagian Pulau, MBPP telah melaksanakan beberapa projek pengindahan di pintu masuk utama melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pendekatan 4P (Public-Private-People Partnership) dengan kerjasama pihak pemaju. Antara projek pengindahan utama yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah di Bulatan Udini, Bulatan Bayan Lepas, Bulatan Bayan Baru, Bulatan Batu Maung, Bulatan 800 (Boulder Valley) Jalan Teluk Bahang, Bulatan Bukit Kukus, Persimpangan Jalan Yeap Chor Ee–Jalan Masjid Negeri serta Laman Tunas dan Gerbang Pusat Coop City di Taman Tunas Muda, Sungai Ara.

Selain itu, MBPP turut menumpukan kepada pengindahan landskap di kawasan tumpuan pelancongan dan laluan utama seperti menaik taraf Linear Garden di George Town, landskap sepanjang laluan basikal di Lebuhraya Sungai Nibong, landskap di bawah jejambat Jalan Sultan Azlan Shah serta penanaman pokok bougainvillea di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja memperindah imej bandar raya Pulau Pinang, malah menambah baik infrastruktur hijau bandar bagi mewujudkan persekitaran yang lebih lestari dan mesra pelawat.

Sementara itu, di bahagian Seberang Perai, MBSP giat melaksanakan pelbagai projek peningkatan kemudahan dan promosi pelancongan bagi memperkukuh kedudukan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan mampan. Antara usaha yang dijalankan termasuk penyelenggaraan serta penaiktarafan infrastruktur pelancongan seperti laluan pejalan kaki, papan tanda, kemudahan awam dan landskap di kawasan tumpuan pelancong. Antara lokasi yang telah dinaik taraf ialah Butterworth Art Walk dan Taman Rekreasi Taman Pantai, yang kini menjadi antara tarikan utama di Seberang Perai.

Selain projek fizikal, MBSP turut menumpukan kepada aspek promosi dan aktiviti komuniti melalui penaiktarafan papan iklan (*billboard*) pelancongan serta penganjuran program kebudayaan dan pelancongan seperti Butterworth Fringe Festival, Nibong Tebal Festival, Hari Warisan Seberang Perai, Hari Sungai Sedunia dan Sungai Perai Nature Walk. Program-program ini telah berjaya menarik penyertaan pelancong domestik dan antarabangsa serta meningkatkan penglibatan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan.

Secara keseluruhannya, usaha MBPP dan MBSP ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap kawasan sama ada di pulau mahupun di tanah besar, memainkan peranan penting dalam menjayakan visi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan lestari, bersih dan berdaya saing menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

(a) Dataran Teratai (Kolam Teratai) yang terletak di Taman Botani Pulau Pinang termasuk dalam kawasan pelaksanaan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027.

Walaupun kawasan tersebut terlibat dalam projek pembangunan, kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan tetap dijalankan secara berkala oleh Jabatan Taman Botani.

(b) Jabatan Taman Botani Pulau Pinang (JTBPP) terus memainkan peranan aktif dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan taman dan alam sekitar melalui pelbagai program pendidikan dan kesedaran hijau. Penyertaan komuniti setempat digalakkan secara berterusan melalui aktiviti seperti program pendidikan alam sekitar, lawatan berpandu dan inisiatif CSR. Program-program ini melibatkan pelajar institusi pendidikan, agensi kerajaan serta syarikat swasta. JTBPP turut bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Malaysia Nature Society (MNS), Friends of Penang Botanic Gardens Society (FOBGS) dan Water Watch Penang bagi memperkukuh program pendidikan dan pemeliharaan ekosistem taman secara lestari.

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MBSP telah melaksanakan pelbagai program landskap dan pemeliharaan alam sekitar bersama komuniti sepanjang tahun 2025, termasuk Forest Bathing Siri 1 dan 2, penanaman pokok bakau, Program 7P's serta peluncuran penanaman pokok pinang sempena Hari Landskap Negara 2025. MBSP turut menyertai Pameran Laman PBT di Johor dan menganjurkan aktiviti komuniti seperti jualan pokok sempena Hari Bandaraya dan Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri. Usaha ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama sektor swasta seperti Lee Ting

San Group, Citadines Prai, Setia Fontaines dan Jayamas Group, termasuk pelaksanaan Kempen Penanaman 100,000 Pokok Pinang.

Sementara itu, MBPP turut melaksanakan pelbagai inisiatif CSR bersama syarikat, institusi dan pemaju perumahan bagi menyokong aktiviti penanaman pokok, kerja pembersihan, penyelenggaraan landskap dan penambahbaikan kemudahan taman. Inisiatif ini memperkukuh penyertaan masyarakat serta menyemarakkan semangat tanggungjawab bersama terhadap penjagaan alam sekitar.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

4. Mengapa projek *North Coastal Paired Road* (NCPR) diteruskan tanpa perundingan awam / Town Hall?

   (a) Nyatakan pihak yang dirunding dan kemukakan minit / laporan jika ada.

   (b) Apakah langkah memastikan projek besar akan datang dilaksana telus dengan penyertaan rakyat?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Projek *North Coastal Paired Road* (NCPR) telah melalui proses penilaian yang menyeluruh serta dasar perundingan awam. Kajian Impak Sosial (*Social Impact Assessment,* SIA) dan sesi perundingan awam (Public Engagement / Town Hall) telah dilaksanakan semasa di peringkat kajian awalan projek sebelum maklumat, maklum balas serta hasil kajian tersebut dijilidkan dalam Laporan EIA Terperinci (Detailed EIA Report).

   (a) Sesi libat urus dan tinjauan awam melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk penduduk dan komuniti tempatan di kawasan Batu Ferringhi, Tanjung Bungah dan Teluk Bahang. Maklum balas dan hasil soal selidik SIA menunjukkan kira-kira 68% responden bersetuju dengan pelaksanaan projek NCPR ke arah meningkatkan keselesaan perjalanan, keselamatan pengguna jalan dan penambahbaikan akses ke zon pelancongan.

(b) Pelaksanaan sesuatu projek perlu melalui peringkat tertentu dengan mematuhi dan mengambil kira syarat serta keperluan melibatkan semua aspek terutamanya aspek perundangan dari pihak berkuasa mengikut bidang kuasa masing-masing. Sehubungan itu, dalam konteks penyertaan rakyat dalam sesuatu projek, ianya dilibatkan melalui kajian impak sosial (SIA) yang merupakan sebahagian dari kelulusan Laporan Impak Alam Sekitar (EIA). Justeru, kelulusan EIA ini merupakan sebahagian dari syarat dan keperluan perundangan sesuatu projek itu untuk dilaksanakan.

Berhubung penyertaan rakyat dalam pelaksanaan projek, sesi *town hall* atau libat urus akan diperluaskan lagi melalui hebahan media dalam memastikan setiap pandangan, cadangan dan maklumbalas diteliti dan diperhalusi sebelum tindakan seterusnya diambil.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

5. Apakah perkembangan semasa reklamasi Silicon Island (PSI) termasuk jumlah hektar direklamasi, status pulau dan tarikh operasi pabrik pertama?

   (a) Nyatakan target tahunan dan realisasi hingga kini.

   (b) Jelaskan halangan teknikal dalam reklamasi pulau.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Silicon Island Development Sdn Bhd (SIDSB) adalah pemaju projek Pulau Silikon yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerja-kerja tambakan akan dilakukan dalam dua fasa iaitu 1,260 ekar dalam Fasa 1 dan baki 1,040 ekar dalam Fasa 2 menjadikan keseluruhan keluasan Pulau Silikon seluas 2,300 ekar. Sehingga akhir Oktober 2025 seluas 250 ekar telah ditambak. Kerja-kerja tambakan Fasa 1 dijadualkan untuk disiapkan pada 2030. Kerja-kerja mampatan sedang dijalankan di kawasan ini dan kilang pertama dijangka dibina pada tahun 2026 dan beroperasi pada tahun 2027. Kehadiran kilang-kilang ini akan membuka peluang pelaburan, menjana pekerjaan dan menyokong pembangunan kluster industri berteknologi tinggi untuk Pulau Pinang

   (a) Sasaran semasa bagi kerja-kerja tambakan adalah 180 ekar setahun. Berdasarkan Laporan Cadangan Pemajuan bagi Tebus Guna Tanah Pulau A, Fasa pembangunan dijangka mengambil masa selama 25 tahun untuk

disiapkan. Bagi tempoh tahun 2026 hingga 2030, beberapa pembangunan utama telah dirancang bagi merealisasikan visi Pulau Silikon sebagai hab teknologi hijau dan inovasi masa hadapan. Antaranya:

(i) Komponen pembangunan utama yang sedang dibangunkan ialah Lebuhraya *Pan Island Link 2A* (PIL2A) sepanjang 1.5km termasuk jejambat marin sepanjang 380 meter. PIL 2A adalah laluan utama kekal ke Pulau Silikon yang mempunyai laluan empat lorong di setiap arah dan dijangka siap serta dibuka pada Januari 2029. Ia akan menghubungkan kawasan selatan Pulau Pinang ke Pulau Silikon serta meningkatkan akses ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan memperkukuh jaringan mobiliti negeri;

(ii) Kerja-kerja tambakan di tapak Depoh LRT Laluan Mutiara di atas Pulau Silikon sedang rancak dilaksanakan dan dijangka diserahkan kepada pihak MRT Corp (pemilik aset LRT Laluan Mutiara) pada tahun 2026. Penyerahan tapak ini adalah langkah penting dalam penyediaan infrastruktur pengangkutan awam yang cekap dan mampan bagi menyokong pembangunan pulau ini;

(iii) Tapak loji rawatan kumbahan seluas 16.74 ekar pada ketika ini sedang di peringkat terakhir perancangan dan dijangka untuk memulakan pembinaan selewat-lewatnya pada awal 2026. Loji rawatan kumbahan ini perlu disiapkan sebelum suku pertama 2027 bagi membolehkan operasi *Green Tech Park* dimulakan; dan

(iv) Pada tahun 2026 dan seterusnya, kemudahan infrastruktur lain termasuk jaringan jalan raya, kemudahan utiliti termasuk pembinaan koridor utiliti, penyediaan kemudahan *smart city*, pelaksanaan lanskap dan lain-lain infrastruktur akan rancak dilaksanakan bagi menjamin Pulau Silikon dapat dibangunkan dengan lain-lain pembangunan *top-side* yang akan menyemarakkan lagi pembangunan Pulau Silikon.

(b) Pada ketika ini tiada halangan dari segi aspek teknikal yang ketara dalam proses tebus guna. Cabaran operasi yang perlu diberi perhatian adalah faktor cuaca, terutamanya semasa musim hujan, yang memerlukan penyesuaian jadual kerja dan langkah keselamatan tambahan di tapak bagi memastikan kerja pembinaan dan tambakan dapat diteruskan dengan selamat dan teratur.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

6. Apakah garis masa terperinci pembinaan LRT Mutiara dari tahun 2025 sehingga 2031?

   (a) Senaraikan risiko kelewatan utama?

   (b) Nyatakan pelan kecemasan *contingency* sekiranya melebihi masa dan kos yang telah ditetapkan.

   (c) Senaraikan pencetus klausa denda yang ada dalam perjanjian.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Garis masa terperinci aktiviti pembinaan daripada pihak Malaysia Rapid Transit Corporation (MRTC) adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti Pembinaan	Garis Masa
1.	Penyediaan Skim Kereta Api @ *Railway Scheme* (RWS) (a) Meliputi penyediaan kemas kini RWS, semakan, kelulusan RWS dan Pemeriksaan Awam (PI)	Januari 2025 – Mac 2026

Bil.	Aktiviti Pembinaan	Garis Masa
2.	Pengambilan Balik Tanah Segmen 1 & Segmen 2 (a) Meliputi Pewartaan Seksyen 4 & 8 termasuk pemberimilikan tanah	Januari 2025 – Oktober 2026
3.	Pakej Sivil Segmen 1 & Segmen 2 (a) Termasuk lantikan kontraktor, reka bentuk kerja-kerja sivil, pembinaan dan pemasangan	Januari 2025 – Disember 2030
4.	Pakej Sistem Untuk Keseluruhan Jajaran (a) Termasuk proses tender, lantikan kontraktor, reka bentuk kerja sistem, penghantaran, pemasangan sistem kereta api	Januari 2025 – Disember 2030
5.	Pengujian dan Pentauliahan (T&C) Sistem Kereta Api Untuk Keseluruhan Jajaran (a) Termasuk T&C, Pemeriksaan dan kelulusan APAD	Disember 2030 – Disember 2031
6.	Operasi Laluan (Pembukaan keseluruhan laluan)	Disember 2031

(a) Perkara-perkara yang berpotensi boleh menyebabkan kelewatan seperti mana bagi mana-mana projek mega adalah seperti berikut:

(i) Pengambilan balik tanah yang melibatkan isu pemilik tanah tidak bersetuju atau yang berkemungkinan melibatkan isu litigasi;

(ii) Pengalihan utiliti;

(iii) Faktor cuaca yang luar biasa;

(iv) Kelulusan reka bentuk dan kelulusan teknikal yang melibatkan beberapa peringkat agensi serta perubahan reka bentuk;

(v) Kemungkinan jika terdapat isu inflasi bekalan bahan binaan dan kekurangan tenaga kerja;

(vi) Isu keselamatan, kecemasan atau kesesakan trafik semasa pembinaan yang diluar jangkaan perancangan; dan

(vii) Risiko dalam fasa pembinaan segmen 2 dalam keadaan geometri yang berbeza yang perlu mengambil kira faktor cuaca, laluan kapal, peraturan maritim, pengaruh laut dalam dan sebangainya.

(b) Pelan kecemasan *contingency* yang berkemungkinan sekiranya melebihi masa dan kos yang telah ditetapkan dirancang oleh pihak MRTC adalah seperti berikut:

(i) Penjadualan semula dengan kaedah *Fast Tracking* atau *Crashing* untuk mempercepatkan aktiviti kritikal bagi mengurangkan kelewatan; dan

(ii) Penglibatan semula pihak berkepentingan utama *Stakeholder Re-Engagement* dengan menyelaraskan semula keutamaan dan jangkaan pihak kerajaan, kontraktor, dan masyarakat setempat.

(iii) Perjanjian kontrak utama pembinaan sivil LRT Mutiara antara pihak MRTC dan kontraktor yang dilantik adalah diluar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pihak MRTC memaklumkan bahawa denda kelewatan atau *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) akan terpakai kepada kelewatan dalam penyiapan kerja atau sekiranya sesuatu aktiviti kerja tidak disiapkan dalam tempoh masa mengikut garis masa projek seperti yang dikenakan dalam mana-mana kontrak pembinaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

7. Sejauh mana kerajaan bersedia menambah pegawai untuk jawatankuasa yang diwujudkan oleh DUN terutamanya PAC dalam melancarkan lagi gerak kerja jawatankuasa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Pertambahan jawatan dalam perkhidmatan awam, sama ada secara tetap atau kontrak, dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa dan jangka panjang di peringkat agensi masing-masing.

   Keperluan hal pertambahan pegawai untuk Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Negeri akan diteliti oleh Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada wujud keperluan ataupun tidak. Sekiranya ada keperluan, perkara tersebut akan dirujuk kepada pihak berkuasa melulus berdasarkan justifikasi munasabah dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

8. Keputusan Mahkamah Tinggi menolak tuntutan RM30 juta Prasarana terhadap PPSB.

   (a) Apakah implikasi operasi feri terhadap rakyat dan ekonomi negeri?

   (b) Nyatakan peranan Kerajaan Negeri dalam semakan perjanjian PPSB–Prasarana bersama SPPP.

   (c) Apakah punca kerugian yang berlaku sehingga berlaku tuntutan ini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. (a) Semasa pengambilalihan semula operasi feri oleh PPSB bermula 1 Januari 2021, operasi feri dilaksanakan sesuai mengikut perancangan dan jadual yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa pelabuhan (Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang). Walaupun tuntutan mahkamah terhadap Prasarana sedang berjalan pada ketika itu, operasi feri dijalankan seperti biasa tanpa sebarang implikasi terhadap rakyat dan ekonomi negeri.

   (b) Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam semakan perjanjian di antara pihak PPSB dan Prasarana bersama Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP). Semakan perjanjian ini bukan di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri.

(c) Feri Pulau Pinang (yang dikendalikan oleh Penang Port Sdn Bhd "PPSB" telah diserahkan kepada Prasarana Malaysia Berhad "Prasarana" melalui *Business and Asset Purchase Agreement* ("BPA") bertarikh 22 Disember 2016 dan perjanjian tambahan bertarikh 30 Ogos 2017.

Pada 6 Januari 2020, PPSB telah dimaklumkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta "UKAS" semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) dimana Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa operasi Feri Pulau Pinang diambil alih oleh PPSB daripada Parasarana. Keputusan ini telah dinyatakan di dalam surat UKAS bertarikh 20 Januari 2020.

Melalui surat Kementerian Pengangkutan bertarikh 28 Ogos 2020, PPSB telah dimaklumkan bahawa Prasarana akan mengendalikan operasi Feri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2020 dan PPSB perlu mengambil alih operasi Feri Pulau Pinang berdasarkan kepada model perniagaan yang baru bermula dari 1 Januari 2021.

PPSB, Prasarana dan Rapid Ferry Sdn Bhd (anak syarikat Prasarana) kemudiannya telah menandatangani *Asset Rental, Sale and Purchase Agreement* "ARSPA" bertarikh 14 Jun 2021 bagi pengambil alihan operasi Feri Pulau Pinang oleh PPSB.

PPSB telah memfailkan Writ dan Pernyataan Tuntutan pada 30 Ogos 2021 di Mahamah Tinggi Pulau Kuala Lumpur terhadap Prasarana dan Rapid Ferry untuk menuntut RM12,634,696.18 bagi tujuan bantuan operasi (*operational assistance*) yang masih tertunggak dan belum dibayar (setakat 31 Julai 2021) oleh Prasarana dan Rapid Ferry.

Prasarana dan Rapid Ferry kemudiannya telah memfailkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas bertarikh 17 November 2021 dimana mereka telah menuntut balas:

(i) RM30 juta bagi Kerugian Operasi (*Operational Loss*) dibawah Klausa 4 BPA ; dan

(ii) RM119,941.17 bagi kemudahan kupon feri (yang kemudiannya telah dibayar oleh PPSB pada 27 November 2021).

Melalui keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2025, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak Tuntutan balas Prasarana RM30 juta dengan kos sebanyak RM50 ribu untuk dibayar oleh Prasarana kepada PPSB. Prasarana kemudiannya telah memfailkan rayuan pada 17 September 2025 di Mahkamah Rayuan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

9. Senaraikan aktiviti yang dilakukan dan perbelanjaan oleh penyelaras KADUN Sungai Dua dari tahun 2023 sehingga kini dan berapa peruntukan yang dikeluarkan oleh mereka?

   (a) Senaraikan aktiviti dan perbelanjaan yang telah dilakukan dengan menggunakan peruntukan Negeri dan peruntukan Persekutuan.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Senarai aktiviti dan perbelanjaan yang telah dilakukan oleh penyelaras KADUN Sungai Dua dari tahun 2023 sehingga kini dengan menggunakan peruntukan negeri dan peruntukan persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PPK SUNGAI DUA

NO	KETERANGAN P 16(03)	TAHUN	RM
1	MEMBEKAL 200 BAKUL MAKANAN SEMPENA PROGRAM IHYA RAMADHAN 2025 KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA KADUN SUNGAI DUA	2025	20,000.00
2	MEMBIAYAI JAMUAN RUMAH TERBUKA AIDILFITRI 2025 ANJURAN BERSAMA JPWK DAN JBPP KADUN SUNGAI DUA	2025	20,000.00
3	SUMBANGAN HAMPER SERTA CENDERAHATI SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN HARI JURURAWAT DAN HARI GURU KEPADA KELAB WANITA INTEGRITI PULAU PINANG	2025	10,000.00
4	PROGRAM SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN ANJURAN JBPP KADUN SUNGAI DUA	2025	10,000.00
5	MEMBEKAL i) 3 UNIT KATIL HOSPITAL ii) 5 UNIT KERUSI RODA iii) 137 LAMPIN DEWASA KEPADA JPWK KADUN SUNGAI DUA	2025	10,000.00
6	MEMBEKAL i) 20 UNIT KERUSI BATU ii) 100 UNIT KERUSI KULIAH KEPADA JAWATANKUASA BELIA KADUN SUNGAI DUA	2025	10,000.00
		JUMLAH	**80,000.00**

NO	KETERANGAN P 16(03)	TAHUN	RM
1	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH 2 BUAH RUMAH DI PAJAK SONG DAN SIMPANG 4 PERMATANG BULOH KADUN SUNGAI DUA	2025	11,995.50
2	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH RUMAH DI MAKLOM DAN SEBERANG TOK DOL KADUN SUNGAI DUA	2025	8,000.00
		JUMLAH	**19,995.50**

PEGAWAI PENYELARAS KADUN N05 SUNGAI DUA

LAMPIRAN A

PPK SUNGAI DUA

NO	KETERANGAN P 16(03)	TAHUN	RM
1	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR i) 3 SET KANOPI 20'x20' BESERTA KERUSI DAN MEJA ii) 2 SET KATIL HOSPITAL iii) 7 UNIT KERUSI RODA KEPADA JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG	2024	20,000.00
2	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR i) 3 SET KANOPI 20'x20 BESERTA KERUSI DAN MEJA ii) 2 SET KATIL HOSPITAL iii) 7 UNIT KERUSI RODA KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA	2024	20,000.00
3	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR i) 1 SET KANOPI 20'x20 BESERTA KERUSI DAN MEJA ii) 1 UNIT PA SYSTEM iii) 1 UNIT SCREEN PROJECTOR iv) 1 UNIT LCD PROJECTOR KEPADA GERAKAN BELIA 4B SUNGAI DUA	2024	10,000.00
4	MEMBEKAL i) 3 SET KANOPI 20'x20 BESERTA KERUSI DAN MEJA ii) 2 SET KATI HOSPITAL iii) 7 KERUSI RODA KEPADA KELAB WANITA INTERGRITI PULAU PINANG	2024	20,000.00
5	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR i) 1 SET KANOPI 20'x20 BESERTA KERUSI DAN MEJA ii) 2 UNIT KATIL HOSPITAL iii) 3 UNIT KERUSI RODA KEPADA KELAB BOLA SEPAK KAMPUNG SETOL SG DUA	2024	9,920.00
		JUMLAH	**79,920.00**

NO	KETERANGAN P 16(03)	TAHUN	RM
1	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SETOR SUKAN KOMUNITI PENDUDUK ALOR MERAH DAN KERJA-KERJA MEMBAIKI RUMAH PENDUDUK DUN SUNGAI DUA	2024	19,996.25
		JUMLAH	**19,996.25**

PEGAWAI PENYELARAS KADUN N05 SUNGAI DUA

ID717/4

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

10. Nyatakan lokasi di Pulau Pinang yang dikenal pasti untuk pembangunan semula (bandar / strata lama / flat kos rendah) berserta status semasa.

    (a) Terangkan pelan pembangunan semasa setiap lokasi.

    (b) Nyatakan peruntukan undang-undang / enakmen yang sedang digunakan sementara URA belum dikuatkuasa.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Merujuk Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Tahun 2021–2030, terdapat enam (6) buah projek perumahan berstrata kos rendah yang dikenal pasti untuk projek pembangunan Pembaharuan Semula Bandar (PSB) iaitu:

    (i) PSB Mahsuri 5 Points Block, Bayan Lepas, Mukim 12, Daerah Barat Daya (DBD);

    (ii) PSB Taman Free School, George Town, Seksyen 6, Daerah Timur Laut (DTL);

    (iii) PSB Mak Mandin, Seksyen 3, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU);

    (iv) PSB Taman Siakap, Seberang Jaya, Mukim 1, Seberang Perai Tengah (SPT);

(v) PSB Taman Mesra, Bagan Lalang, Mukim 14 dan Mukim 16, SPU; dan

(vi) PSB Padang Tembak, Ayer Itam, DTL.

(a) Pelan pembangunan semasa bagi setiap lokasi adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Garis Panduan (GP) Pelaksanaan PSB (Pembangunan Perumahan) Pulau Pinang telah diluluskan pada tahun 2022. GP ini merupakan panduan pelaksanaan Projek PSB dan digunakan oleh Agensi Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi berkaitan serta pemaju yang disesuaikan mengikut amalan dan pemakaian Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan. GP ini menggariskan perkara-perkara asas berhubung pertimbangan-pertimbangan utama dalam menguruskan permohonan berkaitan Projek PSB.

Selain itu, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang turut merujuk kepada akta-akta sedia ada sebagai rujukan dalam pelaksanaan Projek PSB seperti berikut:

(i) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318];

(ii) Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757];

(iii) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];

(iv) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486];

(v) Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 [Akta 118]; dan

(vi) Kanun Tanah Negara [Akta 828].

LAMPIRAN A

STATUS SEMASA PELAKSANAAN PEMBANGUNAN PROJEK PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR (PSB) NEGERI PULAU PINANG

BIL.	PROJEK	STATUS SEMASA PEMBANGUNAN
1.	PSB Mahsuri, DBD	Peringkat pembinaan Fasa 1 (Blok Unit Gantian)
2.	PSB Taman Free School, DTL	Dipinda ke *Rolling Plan* (RP) 3 tahun 2028 bagi memberi gambaran pelaksanaan sebenar Projek PSB dengan menjadikan Projek PSB Mahsuri sebagai contoh. Namun, kerja-kerja bancian awal telah dijalankan.
3.	PSB Mak Mandin, SPU	Sesi Libat Urus (SLU) bersama semua penduduk terlibat telah dijalankan dan dalam proses perolehan pelantikan pemaju.
4.	PSB Taman Siakap, SPT	SLU bersama Penyelaras KADUN dan Agensi Teknikal terlibat telah dilaksanakan. Proses pengaktifan semula Perbadanan Pengurusan (MC) sedang dilaksanakan bagi membolehkan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang melaksanakan projek berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].
5.	PSB Taman Mesra, SPU	Proses pelantikan Perunding Pengurusan Projek (PMC) telah selesai. Kini, dalam proses perolehan untuk pelantikan pemaju secara *Request For Proposal* (RFP).
6.	PSB Padang Tembak, DTL	Pelaksanaan projek pada RP 5 tahun 2030 bagi memberi gambaran pelaksanaan sebenar Projek PSB dengan menjadikan Projek PSB Mahsuri sebagai contoh serta mengkaji kaedah pelaksanaan yang bersesuaian memandangkan skala projek ini yang sangat besar dan memerlukan modal awalan yang sangat tinggi serta kekangan tapak yang bersesuaian bagi pembinaan blok unit gantian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

11. Bolehkah kerajaan memecahkan peruntukan kepada pembangkang sebanyak RM60,000 kepada Projek Pembangunan Masyarakat P.16 (02) dan Projek Khas dan Latihan Khas P.16 (03) dengan nisbah 1:1?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Kerajaan Negeri sedang mengkaji cadangan tersebut dan akan memperkenalkan mekanisme terbaik untuk semua pihak mulai tahun 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

12. Nyatakan semua tanah kerajaan yang dijual di bawah harga pasaran dari tahun 2023 sehingga kini mengikut lokasi, keluasan, pembeli, harga jualan vs nilaian JPPH dan perbezaan (RM).

    (a) Nyatakan syarikat yang membelinya serta kaedah pembelian (tender/rundingan).

    (b) Apakah justifikasi meluluskan jualan bawah harga pasaran?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Kerajaan Negeri secara prinsipnya tidak menjual tanah kerajaan, sebaliknya melupuskan tanah tersebut melalui proses pemberimilikan kepada pemohon yang layak mengikut peruntukan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828). Pemberimilikan ini hanya diluluskan setelah melalui pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dengan mengambil kira aspek kegunaan tanah serta dasar pembangunan negeri. Proses ini juga disokong oleh penilaian rasmi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang menentukan nilai semasa tanah sebagai asas kepada penetapan kadar premium.

    Berdasarkan prinsip Kerajaan Negeri, premium tanah yang dikenakan adalah berpandukan kepada nilaian semasa JPPH, dan bukan di bawah harga pasaran. Oleh itu, tidak timbul isu tanah kerajaan dijual pada harga rendah kerana secara

umumnya pelupusan tanah adalah melalui pemberimilikan yang dibuat mengikut nilai semasa yang diperakukan oleh JPPH serta mengikut dasar yang sedang berkuat kuasa.

Berdasarkan rekod digital yang boleh diakses bermula tahun 2022, statistik kelulusan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kelulusan Permohonan	Jumlah Premium Diluluskan (RM)	Jumlah Keluasan (meter persegi)
2022	29	4,819,955.63	451,282.69
2023	76	24,749,138.62	1,397,049.5
2024	116	197,857,696.22	1,140,100.65
2025	75	44,647,534.74	66,001.54

Walau bagaimanapun, jumlah premium yang dinyatakan tidak menggambarkan jumlah hasil sebenar yang diterima Kerajaan Negeri kerana angka tersebut merujuk kepada premium yang diluluskan semasa pemprosesan permohonan pemberimilikan dan bukan premium yang telah dibayar.

Dalam sesetengah kes, pemohon mungkin tidak bersetuju dengan kadar premium, mengemukakan rayuan atau permohonan pengurangan, ataupun menarik balik permohonan selepas kelulusan diberikan.

(a) Senarai pemohon yang telah diluluskan permohonan pemberimilikan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Perkara ini tidak berkaitan kerana seperti yang telah dijelaskan, Kerajaan Negeri tidak menjual tanah di bawah harga pasaran. Secara prinsipnya, setiap pemberimilikan tanah kerajaan adalah berpandukan kepada nilaian semasa JPPH dan premium diluluskan berdasarkan nilaian tanah semasa. Prinsip ini memastikan ketelusan, keadilan dan konsistensi dasar dalam semua urusan pelupusan tanah kerajaan di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BIL	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
1.	2025	SPU	AMKAWOOD K.D. SDN BHD.	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (PMP)
2.			PERTUBUHAN KEBAJIKAN TURATH AL-KHODAFI PULAU PINANG	
3.			PERSATUAN PENGANUT DEWA HOCK TEIK TAMAN MAK MANDIN BUTTERWORTH	
4.			YONGLAND SDN BHD	
5.			PROFESSIONAL TOOLS & DIES SDN BHD	
6.		SPT	BOON YONG LEE CONSTRUCTION SDN BHD	
7.			MEWAH MARKETING SDN. BHD.	
8.			SCB PROPERTIEES SDN BHD	
9.			KILANG BIHUN BERAS INDAH SDN BHD	
10.			ATS BINTANG SDN. BHD.	
11.		DTL	SAMUDRA MAJU MM SDN. BHD.	
12.			TIMUR LAUT DEVELOPMENT SDN. BHD.	
13.			AA DORMITORY (SUNGAI PINANG) SDN. BHD.	
14.			JELUTONG DEVELOPMENT SDN BHD	
15.			THE TITULAR ROMAN CATHOLIC BISHOP OF PENANG	
16.		SPS	MAINPP	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (PMJ)
17.		DTL	TNB	
18.			LEMBAGA WAKAF HINDU	
19.			CMI	
20.			TNB	
21.		DBD	LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG	
22.			MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG	
23.		DBD	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG	

BIL	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
24.			LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH, SJK(C) CHUNG SHAN	
25.		SPT	MAINPP	
26.			PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)	
27.		SPU	MAINPP	
28.			MBSP	
29.			LEMBAGA PENGELOLA SJK(C) AIK KEOW	
30.			PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN	

BIL.	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
1.	2024	DTL	PLB LAND SDN BHD	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (PMP)
2.			STARK DEVELOPMENT	
3.			TROPICAL ISLAND	
4.			RIMBUN PURNAMA HARTANAH SDN. BHD.	
5.			PERBADANAN PENGURUSAN GEMBIRA PARADE 1	
6.			KELAB RENANG PULAU PINANG	
7.			JELUTONG DEVELOPMENT SDN BHD	
8.			TENAGA NASIONAL BERHAD	
9.			VIBRANT CENTURY SDN BHD	
10.			BINA PRIMUS SDN. BHD.	
11.			THE TITULAR ROMAN CATHOLIC BISHOP OF PENANG	
12.			LUM CHOON & COMPANY SDN. BHD.	
13.			PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG	
14.			PERSATUAN PENGANUT DEWA LAK HUP KEONG	
15.			PACIFIC VANTAGE	
16.		SPT	PERSATUAN KUNG HAR TONG (NG KONGSI) BUKIT MERTAJAM	
17.			JURU DEVELOPMENT SDN. BHD.	

BIL.	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
18.		SPT	WELLESLEY BUILDING CONSTRUCTION SDN.BHD.	
19.			OOI WAH REALTY SDN. BHD.	
20.			PERTUBUHAN PERAYAAN YU LAN BM	
21.			PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT GODDESS OF MERCY PERMATANG TINGGI	
22.			SETIA JUTARIA SDN. BHD	
23.			THIRUPATHI PROPERTIES (JURU) SDN. BHD.	
24.			ASTANA KAPITAL SDN. BHD.	
25.			CMI	
26.			JUWARA DEVELOPMENT SDN. BHD	
27.		DBD	PERSATUAN PENGANUT DEWA TEOW TIAN SU ZHENG YIT	
28.			PERSATUAN PERKUBURAN KWANGTUNG & TENGCHOW TELUK KUMBAR	
29.			MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG	
30.			PERTUBUHAN PENGANUT SRI MUNISWARAR MUTHUMARIAMMAN DEVASTHANAM	
31.			FARMARENA SDN. BHD.	
32.		SPU	WOOLLEY DEVELOPMENT SB	
33.		SPS	JKPTG	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (PMJ)
34.			PBAPP	
35.			MAIPP	
36.		DTL	PTP	
37.			CMI	
38.			MAINPP	
39.			MBPP	
40.			PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)	
41.			TNB	
42.			PBAPP	
43.		DBD	MAINPP	
44.			LEMBAGA WAKAF HINDU	
45.			TNB	

BIL.	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
46.		SPU	CMI	
47.			MAINPP	
48.			MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG	
49.		SPT	MAINPP	
50.			MBSP	

BIL.	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
1.	2023	SPS	PELANGI VET PHARMA SDN. BHD.	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (PMP)
2.			KERJAPURI SDN. BHD.	
3.			KTB EDAR SDN. BHD	
4.		DTL	PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN. BHD.	
5.			AA DORMITARY (SUNGAI PINANG) SDN. BHD.	
6.			QUINN LAND SDN. BHD.	
7.			TIMUR LAUT DEVELOPMENT SDN. BHD.	
8.			KOSEL RESOURCES SDN. BHD.	
9.		SPT	RUMAH BERHALA HOCK TEIK SOO	
10.			SETIA JUTARIA SDN. BHD.	
11.		DBD	TECHWARE BUILDERS SDN BHD	
12.			B.BRAUN MEDICAL	
13.			ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA PP	
14.			PERS. PENGANUT DEWA HOCK TEIK SOO	
15.		SPU	PJD EASTERN LAND SDN BHD	
16.			LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG (LPNPP)	
17.		SPS	LEMBAGA WAKAF HINDU	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN (PMJ)
18.			MAINPP	
19.		DTL	MAINPP	
20.			CMI	
21.			TNB	
22.			LEMBAGA WAKAF HINDU	
23.		DTL	MBPP	
24.			LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA	
25.			PTP	

BIL.	TAHUN	DAERAH	NAMA PEMOHON	KAEDAH (PMP/PMJ)
26.		SPT	PERTUBUHAN LEMBAGA PENGURUSAN SJK(C) CHUNG HWA 3, PERAI	
27.			PBA	
28.			LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG	
29.			PBAPP	
30.			CMI	
31.		DBD	TNB	
32.			SEKOLAH MENENGAH PHOR TAY (PERSENDIRIAN)	
33.		SPU	CMI	
34.			MAINPP	

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

13. Masalah kepanasan dan kurang selesa di pasar awam Pekan Sungai Dua menjadi masalah kepada penjaja dan pembeli. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

    (a) Bagaimana kerajaan meningkatkan keselamatan di pasar awam ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Tindakan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam mengatasi masalah kepanasan dan kurang selesa di Pasar Awam Pekan Sungai Dua dilaksanakan melalui beberapa langkah penambahbaikan seperti berikut:

    (i) MBSP telah memasukkan cadangan pemasangan kipas tambahan dalam perancangan penyelenggaraan bagi menambah baik pengaliran udara di kawasan pasar; dan

    (ii) Selain itu, MBSP mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja pemasangan jeriji udara (*louvers)* pada tahun 2026 bagi meningkatkan sistem pengudaraan serta memberi keselesaan kepada penjaja dan pembeli.

    (a) Bagi memastikan keselamatan penjaja dan pengunjung sentiasa terjamin, pihak MBSP telah mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Menempatkan satu (1) orang pengawal keselamatan yang bertugas dari jam 7.00 malam sehingga 7.00 pagi setiap hari bagi memastikan kawalan keselamatan di kawasan pasar berada pada tahap optimum;

(ii) Pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) turut dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026 bagi memperkukuh pemantauan keselamatan di kawasan berkenaan; dan

(iii) Kerja-kerja menaik taraf pagar di sekeliling pasar awam tersebut dijadualkan bermula pada awal tahun 2026 sebagai langkah tambahan bagi meningkatkan keselamatan di kawasan berkenaan.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri melalui MBSP sentiasa komited untuk memastikan kemudahan awam, khususnya pasar, sentiasa berada dalam keadaan selesa, selamat dan kondusif demi kesejahteraan penjaja serta keselesaan masyarakat setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

14. Apakah pendapatan negeri selepas semakan kadar sewa / pajakan tanah (CMI/SSI)?

    (a) Nyatakan hasil tambahan mengikut lot/penyewa.

    (b) Berapa peratus penyewa bersetuju dengan kadar baharu, dan berapa kes rayuan / penstrukturan semula diluluskan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan State Secretary Incorporated (SSI) sentiasa memastikan pengurusan aset tanah dijalankan secara teratur dan berlandaskan ketelusan bagi menjana hasil yang mampan kepada negeri.

    Hasil pendapatan CMI dan SSI diperoleh melalui tawaran pajakan serta sewaan tanah kepada syarikat-syarikat swasta. Setiap tawaran dilaksanakan berasaskan nilaian semasa tanah yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

    Secara keseluruhannya, bagi tahun 2024, jumlah hasil yang diperolehi daripada urus niaga sewaan dan pajakan tanah dibawah pengurusan CMI dan SSI adalah sebanyak RM6,409,632.25.

    (a) Maklumat hasil mengikut lot dan penyewa merupakan maklumat sulit yang dimeterai melalui perjanjian rasmi antara pemilik tanah dan syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, perbandingan jumlah hasil keseluruhan bagi tempoh tiga tahun adalah seperti berikut:

PERBANDINGAN JUMLAH HASIL KESELURUHAN BAGI TEMPOH 2023 HINGGA 2025

BIL	TAHUN	HASIL SEWAN DAN PAJAKAN TANAH
1	2023	RM 3,223,697.69
2	2024	RM 6,409,632.25
3	2025 (sehingga 30 September 2025)	RM 8,493,891.79

(b) Secara keseluruhan, CMI dan SSI mempunyai sebanyak 96 tawaran sewaan dan pajakan tanah yang masih aktif, dan kesemua kadar sewaan serta pajakan ditetapkan berasaskan nilaian semasa JPPH.

Pada tahun 2019 dan 2020, CMI telah menurunkan kadar pajakan dan sewaan kepada syarikat-syarikat yang terlibat berikutan kesan pandemik COVID-19, selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri.

Bagi tahun 2025, CMI telah menerima lapan (8) permohonan pengurangan kadar sewaan daripada pihak penyewa. Daripada jumlah tersebut, empat (4) permohonan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah CMI dengan kadar pengurangan yang bersesuaian, manakala baki empat (4) lagi masih dalam peringkat semakan sebelum diangkat untuk pertimbangan lanjut.

Kerajaan Negeri melalui CMI dan SSI akan terus memastikan pengurusan serta kutipan hasil daripada pajakan dan sewaan tanah dilaksanakan secara telus, berintegriti dan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri. Pendekatan ini penting bagi menjamin kelestarian sumber hasil negeri serta menyokong agenda pembangunan ekonomi yang mampan di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

15. Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan pengecualian visa kepada pelancong China dan India tidak menjejaskan keselamatan serta sosioekonomi tempatan?

    (a) Apakah mekanisme pemantauan pelancong yang tinggal melebihi tempoh?

    (b) Bagaimanakah kerjasama dengan agensi pusat dilaksanakan?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik langkah Kerajaan Persekutuan melaksanakan inisiatif pengecualian visa kepada pelancong dari China dan India kerana dasar ini membuka ruang besar kepada peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa dan memberi impak positif kepada ekonomi pelancongan negeri. Pasaran China dan India merupakan antara pasaran pelancongan terbesar dunia, dengan jumlah pelancong yang mempunyai kuasa perbelanjaan tinggi dan minat terhadap pelancongan budaya, makanan serta kesihatan iaitu segmen yang sinonim dengan kekuatan produk pelancongan Pulau Pinang.

Melalui pengecualian visa ini, Pulau Pinang berpotensi menikmati lonjakan kemasukan pelancong berkualiti yang akan menjana limpahan ekonomi langsung kepada sektor hospitaliti seperti penginapan, makanan dan minuman (*F&B*), pengangkutan serta peruncitan tempatan. Secara tidak langsung, langkah ini juga menyokong pertumbuhan pelancongan perubatan, pelancongan warisan serta acara perniagaan (MICE) yang menjadi tumpuan utama negeri. Peningkatan pelancong dari dua (2) pasaran utama Asia ini turut memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan serantau dan destinasi mesra keluarga.

Bagi memastikan kesan positif ini dapat dimaksimumkan tanpa menjejaskan keselamatan atau kesejahteraan komuniti tempatan, Kerajaan Negeri memberikan kerjasama dengan agensi Persekutuan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara langkah yang diambil JIM dan PDRM termasuk pemantauan pintu masuk antarabangsa serta pelaksanaan mekanisme saringan dan kawalan digital bagi memastikan pematuhan terhadap tempoh lawatan dan keselamatan awam.

Selain kawalan keselamatan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menitikberatkan pengurusan sosioekonomi setempat agar manfaat daripada peningkatan kemasukan pelancong dapat diagihkan secara inklusif kepada rakyat tempatan. Melalui kerjasama dengan *Penang Global Tourism* (PGT), Kerajaan Negeri dapat memperkukuh pengurusan destinasi pelancongan secara mampan bagi mengelakkan *overtourism* dan melindungi kesejahteraan penduduk, khususnya di kawasan sensitif seperti George Town dan Batu Ferringhi. Usaha ini turut diperkukuh melalui kempen promosi "Pulau Pinang yang berlainan" ("*Not The Penang You Know*") yang memfokuskan kepada pengenalan destinasi baharu dan kurang diterokai di seluruh negeri, sekali gus menggalakkan penyebaran manfaat pelancongan secara lebih seimbang serta meningkatkan daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang lestari dan inklusif.

Secara keseluruhannya, pengecualian visa ini bukan sekadar memudahkan kemasukan pelancong tetapi menjadi pemangkin utama dalam mengembangkan potensi ekonomi pelancongan Pulau Pinang yang menghubungkan kekuatan produk warisan, budaya dan kesihatan dengan dua (2) pasaran pelancongan paling dinamik di dunia.

(a) Pemantauan terhadap pelancong antarabangsa dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). JIM menjalankan pemantauan dan siasatan secara berterusan melalui pelbagai mekanisme termasuk aduan awam serta operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Langkah ini bertujuan memastikan setiap pelancong mematuhi syarat kemasukan, tempoh tinggal dan peraturan imigresen yang ditetapkan, sekali gus mengekalkan tahap keselamatan serta ketenteraman awam di negeri ini.

(b) JIM Pulau Pinang turut bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan lain serta Kerajaan Negeri melalui mesyuarat penyelarasan dan operasi bersepadu yang dilaksanakan secara berkala. Kerjasama ini memastikan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan serta menyeluruh khususnya dalam menangani isu-isu berkaitan pelancong antarabangsa, keselamatan sempadan dan pematuhan undang-undang imigresen di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

16. Nyatakan baki rizab Kerajaan Negeri mengikut tahun bagi tahun 2015 sehingga 2024, dipecahkan kepada Akaun Hasil Disatukan (bebas) dan Akaun Amanah Disatukan (terikat).

    (a) Apakah pemacu utama sehingga rizab pernah meningkat sekitar RM1 bilion?

    (b) Apakah dasar penggunaan rizab dan had minimum rizab operasi?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Baki rizab Kerajaan Negeri dari tahun 2015 hingga 2024, dipecahkan kepada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Pemacu utama peningkatan rizab adalah daripada peningkatan kutipan hasil cukai dan bukan cukai, termasuk hasil premium tanah, bayaran lesen serta dividen daripada pelaburan.

    Selain itu, langkah penjimatan perbelanjaan dan pengurusan kewangan berhemat oleh Kerajaan Negeri turut menyumbang kepada peningkatan rizab.

    Kerajaan Negeri mencatatkan kedudukan Akaun Hasil Disatukan (AHD) sekitar RM1 bilion bermula tahun 2016 hingga 2019. Pada masa tersebut, purata perbelanjaan Kerajaan Negeri adalah antara RM700 juta hingga RM800 juta setahun, kecuali pada tahun 2018 di mana

perbelanjaan sebenar mencecah RM1.005 bilion. Dari segi hasil pula, Kerajaan Negeri mencatatkan purata kutipan hasil antara RM600 juta hingga RM900 juta bagi tempoh 2015 hingga 2019, kecuali pada tahun 2016, di mana Kerajaan Negeri mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1.029 bilion. Peningkatan tersebut antara lain disumbang oleh peningkatan Terimaan Bukan Hasil, selain Bayaran Premium Tanah melibatkan projek Bayan Mutiara yang berjumlah RM250 juta.

(b) Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan dasar pengurusan rizab yang berhemat dengan mengambil kira kedudukan fiskal semasa, keperluan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta keutamaan dasar negeri. Paras rizab dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan kecairan dan keupayaan kewangan Kerajaan Negeri berada pada tahap yang mampan. AHD hanya digunakan untuk menampung kekurangan atau defisit perbelanjaan ketika mana perbelanjaan melebihi hasil. Dalam hubungan ini, penetapan had minimum penggunaan rizab akan mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak mampu melaksanakan pembayaran, sekaligus akan menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan berpotensi terdedah kepada tindakan perundangan sekiranya melibatkan perlanggaran kontrak.

Oleh itu, kaedah terbaik dan praktikal dalam mengawal AHD adalah melalui belanjawan yang melibatkan kawalan perbelanjaan, di samping meningkatkan kutipan hasil.

LAMPIRAN A

KEDUDUKAN BAKI RIZAB KERAJAAN NEGERI DARI TAHUN 2015 HINGGA 2024, BERDASARKAN PECAHAN AKAUN HASIL DISATUKAN DAN AKAUN AMANAH DISATUKAN

TAHUN	AKAUN HASIL DISATUKAN (RM JUTA)	AKAUN AMANAH DISATUKAN (RM JUTA)	KUMPULAN WANG DISATUKAN (RM JUTA)
2015	952.53	606.91	1,559.44
2016	1,041.74	786.79	1,828.53
2017	1,092.90	877.75	1,970.65
2018	1,074.63	896.25	1,970.88
2019	1,154.84	944.99	2,099.83
2020	887.78	933.68	1,821.46
2021	848.81	1,268.19	2,117.00
2022	688.84	1,170.41	1,859.25
2023	330.03	1,136.01	1,466.04
2024	155.94	1,228.80	1,384.74

Sumber: Unit Bendahari Negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

17. Senaraikan bilangan gerai-gerai tepi jalan yang telah dirobohkan di Pulau Pinang mengikut daerah.

    (a) Apakah SOP untuk sebelum gerai-gerai dirobohkan?

    (b) Sejauh manakah ADUN-ADUN dimaklumkan sebelum perobohan?

    (c) Adakah ADUN berkuasa menghalang perobohan ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Bilangan gerai tepi jalan yang telah diambil tindakan perobohan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut daerah adalah seperti berikut:-

PBT	MBPP		MBSP		
DAERAH	DTL	DBD	SPU	SPS	SPT
Bilangan Gerai Tepi Jalan Yang Telah Diroboh	40	45	2	1	0

    (a) Prosedur sebelum tindakan perobohan gerai dilaksanakan oleh PBT adalah seperti berikut:

(i) Penjaja tanpa lesen akan diberi notis amaran oleh Pegawai Pelesenan PBT kawasan bagi memaklumkan kesalahan dan tempoh untuk menghentikan aktiviti perniagaan;

(ii) Pegawai Pelesenan PBT kawasan akan membuka Fail Perintah Operasi (PO) dan melengkapkan maklumat berkaitan penjaja tanpa lesen untuk pertimbangan dan kelulusan;

(iii) Pertimbangan dan kelulusan PO bagi tempoh perniagaan penjaja kurang dari enam (6) bulan akan dibuat di peringkat Jabatan PBT dan diluluskan oleh Setiausaha Bandaraya PBT sahaja. Manakala, PO bagi tempoh perniagaan penjaja melebihi enam (6) bulan perlu pertimbangan dan kelulusan di peringkat Pengerusi Jawatankuasa MMK (EXCO) Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; dan

(iv) Pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dan perobohan akan dijalankan secara berjadual mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan setelah PO diluluskan.

(b) Pemakluman kepada Ahli Undangan Dewan Negeri (ADUN) /Penyelaras Kawasan Ahli Undangan Dewan Negeri (KADUN) hanya akan diberikan bagi kes perobohan gerai yang tempoh perniagaan melebihi enam (6) bulan. Manakala, bagi tempoh perniagaan kurang dari enam (6) bulan, tindakan perobohan dilaksanakan terus tanpa pemberitahuan kepada ADUN/Penyelaras KADUN.

(c) Tidak. ADUN/Penyelaras KADUN tidak mempunyai kuasa untuk menghalang tindakan perobohan yang dijalankan oleh PBT. Tindakan perobohan dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

18. Senaraikan aktiviti-aktiviti pelancongan yang dilaksanakan di DUN Sungai Dua dari tahun 2023 sehingga kini.

    (a) Senaraikan produk tempatan di sini yang dipromosikan oleh Kerajaan Negeri.

    (b) Senaraikan usahawan yang terlibat dalam pelancongan ini dan agensi-agensi yang turut membantu.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menganjurkan program Sungai Perai Nature Walk yang menjadi acara tahunan sejak 2018 sehingga kini. Program ini adalah aktiviti eko-pelancongan yang menampilkan keindahan alam semula jadi di sepanjang laluan sungai bermula dari kawasan Sungai Dua (Seberang Perai Utara) sehingga ke Kampung Terus (Seberang Perai Tengah). Laluan ini memberi peluang kepada pengunjung menikmati pemandangan flora dan fauna tempatan serta kehidupan komuniti kampung tradisional. Selain itu, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) turut menganjurkan program-program seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Antara produk yang dipromosikan dan disokong oleh Kerajaan Negeri ialah pakej *agrotourism* dan eko-pelancongan yang dilaksanakan oleh Koperasi Labuh Banting dan Koperasi Pengkalan Machang. Selain itu MBSP juga sedang menjalankan Kajian Inventori Produk

Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT, SPS) yang dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2026. Hasil kajian ini merangkumi kategori utama iaitu sejarah, warisan, seni dan budaya, gastronomi, *agrotourism*, *ecotourism*, sukan dan rekreasi, kesihatan dan vista.

(b) Kebanyakan produk eko-pelancongan dan *agrotourism* yang ditawarkan adalah diuruskan oleh Koperasi dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kawasan terlibat. Ia tidak dijalankan secara individu oleh masyarakat setempat. Agensi yang membantu adalah seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), PERDA dan MBSP.

LAMPIRAN A

AKTIVITI-AKTIVITI PELANCONGAN (FIZIKAL DAN BUKAN FIZIKAL) YANG DILAKSANAKAN OLEH PERDA DI DUN SUNGAI DUA DARI TAHUN 2023 SEHINGGA KINI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

NO	PROGRAM	TARIKH
	2023	
1	Program Promosi *Agrotourism* di *Love Penang Agrofest* @ Pesta Mengkuang 2023	16-18 Jun 2023
2	*Open Day Agrotourism* Pengkalan Machang di Jeti Pengkalan Machang	6 Ogos 2023
	2024	
3	Program Pengukuhan dan Penanda Aras *Agrotourism* ke Projek Pelancongan Negeri Terengganu	11-15 Julai 2024
4	Lawatan Penanda Aras PPRT KEDA ke Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Tahun 2024 Siri 2	12 Ogos 2024
5	*Field Visit ke Agrotourism* Tasek Gelugor bersama Delegasi Program Latihan Antarabangsa *"Ruraltourism Towards Integrated Rural Development"* Anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA) dengan kerjasama *Centre On Integrated Rural Development For Asia And The Pacific* (CIRDAP) Tahun 2024	13-15 Oktober 2024
6	Kerja-kerja Naik Taraf dan Baik Pulih di bawah Peruntukan Pembangunan Kemudahan Asas dan Infrastruktur Agro-Desa	Jan-Dis 2024
	2025	
7	Program *Explorace Agrotourism* bersama Ahli Lembaga Pengarah PERDA YBrs. Tuan Mohd Hilmi Bin Elias bersama delegasi belia	23 Februari 2025
8	Bengkel Perancangan Festival Sungai *Agrotourism* bagi Koperasi Labuh Banting dan Pengkalan Machang	11-12 Mei 2025
9	Program Pemerkasaan Sektor Pertanian KPKM Pulau Pinang dengan kerjasama PERDA dan pelbagai agensi	27-28 Sept 2025

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

19. Apakah usaha kerajaan untuk selenggara Sungai Prai dan Sungai Perai Mati untuk membersihkan sampah dan tumbuhan yang menghalang aliran air serta pengorekan untuk membuang mendapan dalam sungai?

    (a) Berikan garis masa projek penyelenggaraan ini serta kos yang diperuntukkan.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Perai Mati setiap tahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2025 kerja-kerja mendalam dan membuang enapan tidak lagi dilaksanakan oleh JPSPP. Berikutan pelepasan sisa rawatan *residual discharge* dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke Sungai Perai Mati oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), agensi ini telah dipertanggungjawabkan terhadap penjagaan dan keseimbangan ekosistem sungai tersebut.

    Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, PBAPP melantik kontraktor bagi kerja-kerja penyahlodakan *desilting* dan pengorekan *dredging* sungai sebanyak tiga (3) kali setahun.

    Sejak bulan Julai 2025, PBAPP telah menghentikan sepenuhnya pelepasan sisa rawatan ke sungai berdekatan bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar.

(a) Bagi tindakan segera, JPS Pulau Pinang telah memohon peruntukan dari JPS Malaysia di bawah Kerja Pemuliharaan Sungai untuk mengurangkan Risiko Banjir Fasa 3 sebanyak RM50,000.00 untuk membersihkan Sungai Perai Mati. Peruntukan dijangkakan akan diterima pada awal November 2025 dan kerja-kerja akan dilaksanakan sebaik peruntukan diterima.

Pada masa ini juga, PBAPP sedang dalam proses penawaran tender untuk melantik kontraktor bagi kerja-kerja pengorekan sungai. Kerja ini dijangka siap dilaksanakan pada awal tahun 2026. Setelah kerja-kerja tersebut siap sepenuhnya, PBAPP akan mengatur pemeriksaan tapak bersama JPSPP dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JASPP) sebelum tanggungjawab penyelenggaraan diserahkan semula kepada JPSPP.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

20. Apa perkembangan terkini status naik taraf dan pelebaran jalan di Pekan Sungai Dua?

    (a) Senaraikan garis masa projek dan kos terkini projek yang dijalankan.

    (b) Bagaimana projek ini tidak memberi kesan kesesakan dengan pertumbuhan kawasan-kawasan yang baru buka di sini?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Status semasa projek naik taraf dan pelebaran jalan di Pekan Sungai Dua adalah di peringkat perolehan kontraktor. Tender iklan dijangka akan dikeluarkan pada bulan November 2025 dan kontraktor dijangka masuk ke tapak pada awal tahun 2026.

    (a) Anggaran kos semasa projek ini adalah sebanyak RM6.25 juta dengan pelaksanaan mengambil masa selama 18 bulan bermula bulan Februari 2026 sehingga bulan Ogos 2027.

    (b) Bagi memastikan kelancaran trafik semasa tempoh pembinaan, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) akan memastikan Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan*, TMP) yang teratur dan menyeluruh. Langkah ini bertujuan untuk meminimumkan gangguan kepada pengguna jalan raya serta mengelakkan

kesesakan khususnya dengan mengambil kira pertumbuhan pesat kawasan pembangunan baharu di sekitar pekan Sungai Dua.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

21. Apakah syarat-syarat semasa yang dikenakan kepada warga asing untuk membeli hartanah di Pulau Pinang, termasuk had harga minimum dan jenis hartanah yang dibenarkan?

    (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat ini bagi melindungi kepentingan rakyat tempatan?

    (b) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat ini oleh pembeli asing?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. Syarat-syarat semasa yang dikenakan ke atas warga asing atau syarikat asing untuk membeli hartanah di Negeri Pulau Pinang serta langkah kawal selia oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

    (i) Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN):
    Semua perolehan oleh bukan warganegara / syarikat asing hendaklah mendapat kelulusan PBN di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara. Permohonan mesti dikemukakan melalui firma guaman kepada Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP).

(ii) Jenis hartanah yang dibenarkan / tidak dibenarkan:

Dibenarkan: Kediaman (strata atau landai) dan kategori komersial/industri tertentu yang mendapat kelulusan (contoh: hotel, hospital swasta, sekolah swasta) serta tanah pertanian/ agro-projek hanya dengan kelulusan khas untuk tujuan komersial berkeluasan melebihi 5 ekar dan tertakluk kepada syarat tambahan.

Dilarang / terhad: Rumah kos rendah / kos sederhana / rumah mampu milik / unit kuota Bumiputera; tanah pertanian (kecuali kelonggaran khas); hartanah yang dikeluarkan Perintah Jual (lelongan mahkamah / bank) tidak boleh dibeli oleh bukan warganegara kecuali dengan kelulusan khas PBN.

(iii) Had harga minima:

- Pulau - Hartanah Berstrata: RM1,000,000.
- Pulau - Hartanah Landai: RM3,000,000.
- Seberang Perai - Hartanah Berstrata: RM500,000.
- Seberang Perai - Hartanah Landai (Seberang Perai): RM1,000,000.
- MM2H: Dibenarkan maksimum 2 unit kediaman; nilai minima RM500,000 setiap satu.
- Pemastautin Tetap (PR): minima RM250,000

(iv) Syarat tambahan transaksi:

- Fi permohonan dan fi kelulusan (Levi) dikenakan seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang (PLR) 2021
- Hartanah tidak dibenarkan dijual semula dalam tempoh 3 tahun dari tarikh Perjanjian Jual Beli.
- Kelulusan sah 1 tahun; denda/penamatan jika bayaran fi kelulusan (Levi) tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

· Dokumen sokongan lengkap (pasport, salinan carian rasmi, perjanjian jual beli, bukti cukai tanah, dokumen syarikat dan lain-lain dokumen mengikut keperluan).

(a) Kerajaan Negeri melalui PTGPP sentiasa menilai dan mengkaji semula garis panduan dan had harga minima dari semasa ke semasa. Sebarang pengubahsuaian dasar akan dibuat berdasarkan penilaian keadaan pasaran hartanah, kesan terhadap keterjangkauan rumah untuk penduduk tempatan, serta kepentingan pembangunan ekonomi negeri.

(b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP) melaksanakan beberapa langkah kawal selia bagi memastikan semua pembelian hartanah oleh warga asing mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, seperti berikut:

(i) Semakan Awal Permohonan

Setiap permohonan oleh warga asing hendaklah dikemukakan melalui firma guaman berdaftar dan diproses secara rasmi oleh PTGPP di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara 1965.

Permohonan mesti dikemukakan bersama-sama borang permohonan lengkap berserta dokumen sokongan yang telah disetemkan dan disahkan benar.

Hanya permohonan yang memenuhi syarat harga minimum, kategori hartanah yang dibenarkan serta tidak melanggar mana-mana larangan (termasuk hartanah lelong dan unit kuota Bumiputera) akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

(ii) Pematuhan Nilai Minima Hartanah

Setiap permohonan yang dikemukakan melalui firma guaman akan disemak oleh PTGPP bagi memastikan harga perolehan tidak lebih rendah daripada had minimum yang ditetapkan bagi kawasan dan jenis hartanah.

Permohonan yang tidak memenuhi harga minima tidak akan diproses atau dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

(iii) Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

Hanya permohonan yang mematuhi harga minima dan kategori hartanah dibenarkan akan dikemukakan kepada PBN untuk pertimbangan dan kelulusan rasmi.

Surat kelulusan yang dikeluarkan akan menyatakan nilai perolehan yang diluluskan dan levi yang perlu dibayar berdasarkan kadar yang ditetapkan.

(iv) Pembayaran Fi Kelulusan (Levi)

Fi Kelulusan (Levi) sebanyak 1.5% atau 3% daripada nilai perolehan hartanah mengikut kawasan, kategori dan nilai perolehan hartanah hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat kelulusan.

(v) Pemantauan

Semua maklumat transaksi pembelian oleh warga asing direkodkan dalam Sistem e-Tanah Pulau

Pinang berdasarkan dokumen rasmi yang dikemukakan oleh pemohon.

Semakan dibuat semasa proses permohonan bagi memastikan harga perolehan yang dinyatakan mematuhi harga minima yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Sekiranya terdapat percanggahan maklumat atau bukti ketidakpatuhan selepas kelulusan diberikan, PTGPP berhak menangguhkan pendaftaran, menarik balik kelulusan, atau mengesyorkan tindakan lanjut mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

22. Nyatakan bilangan kes warga emas meninggal di rumah tanpa ditemani di Pulau Pinang mengikut daerah bagi tahun 2023 hingga 2025.

    (a) Huraikan punca kematian utama kematian tersebut.

    (b) Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Statistik warga emas yang ditemui meninggal dunia berseorangan di dalam rumah berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2023 hingga Oktober 2025 adalah seperti di **Jadual 1**. Namun demikian, menurut maklum balas pihak polis, tiada kategori khusus bagi merekodkan kes sebegini. Oleh itu, data yang dikongsikan mungkin tidak sepenuhnya mencerminkan situasi sebenar.

Jadual 1: Statistik Warga Emas Meninggal Dunia Berseorangan Dari Tahun 2023 Hingga Oktober 2025

DAERAH	2023	2024	2025
TIMUR LAUT	3	1	1
BARAT DAYA	1	0	0

SEBERANG PERAI UTARA	1	4	2
SEBERANG PERAI TENGAH	0	6	0
SEBERANG PERAI SELATAN	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN	**6**	**12**	**3**

(a) Punca kematian warga emas kebiasaannya berkaitan dengan sakit tua atau komplikasi daripada penyakit kronik seperti sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis terutamanya bagi mereka yang tinggal bersendirian.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang bersama rakan strategik *Tzu-Chi Society* dalam menubuhkan Sukarelawan Mutiara bagi membantu dan menyantuni golongan warga emas yang tiada waris. Inisiatif ini bertujuan menjadi saluran komunikasi dua hala antara rakyat dan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti keperluan sebenar masyarakat serta menyelesaikan isu kebajikan dan masalah sosial melalui kerjasama komuniti dan agensi. Selain itu, program ini memupuk masyarakat yang penyayang, prihatin, dan bersatu melalui semangat kejiranan, memperkukuh kepimpinan akar umbi serta menjalin kerjasama dengan Pusat Khidmat ADUN, sekali gus memperkasa budaya kesukarelawanan selaras dengan dasar kebajikan negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

23. Apakah penilaian kesan jangka panjang terhadap sektor pelancongan Batu Ferringhi dan Teluk Bahang jika projek berskala besar / di cerun bukit menjejaskan daya tarikan?

    (a) Nyatakan analisis kos-faedah kerugian pelancongan berbanding manfaat NCPR yang dilaksanakan.

    (b) Nyatakan jaminan Batu Ferringhi dan Teluk Bahang kekal zon pelancongan berdaya maju pasca NCPR.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Berdasarkan semakan dan penilaian yang dilaksanakan, Projek *North Coastal Paired Road* (NCPR) berpotensi memberi impak positif jangka panjang bukan sahaja kepada sektor ekonomi malah kepada sektor pelancongan di kawasan Batu Ferringhi dan Teluk Bahang. Batu Feringghi dengan tempat tarikan pantai seperti Feringghi Bay serta perhotelan manakala Teluk Bahang merupakan sebahagian tapak rizab biosfera UNESCO dengan tempat tarikan seperti Taman Negara, Entopia dan ESCAPE.

    NCPR telah direka dengan pematuhan rapi kepada kawalan dan syarat-syarat pembangunan tanah berisiko, terutamanya di kawasan berbukit dan cerun serta pemuliharaan alam semulajadi.

    Projek NCPR tidak akan menjejaskan daya tarikan sektor pelancongan kerana cadangan jajaran NCPR berada di luar daripada zon pelancongan pantai sedia ada. Sebaliknya, projek

ini dijangka memperkukuh daya saing destinasi pelancongan tersebut melalui peningkatan kecekapan jaringan pengangkutan, kebolehcapaian (*accessibility*), keselamatan dan keselesaan perjalanan.

(a) Batu Ferringhi dan Teluk Bahang merupakan antara destinasi utama pelancongan Pulau Pinang yang kerap mengalami kesesakan teruk, terutamanya pada hujung minggu dan musim percutian. Tambahan pula, jalan sedia ada (Tanjung Bungah – Batu Ferringhi – Teluk Bahang) adalah satu-satunya laluan utama dan sering terganggu oleh kemalangan atau kerja penyelenggaraan, yang boleh menjejaskan imej destinasi pelancongan dan pengalaman pengguna.

Justeru, dengan pelaksanaan projek NCPR ini dapat mengurangkan masa perjalanan dari George Town ke Teluk Bahang, dianggarkan penjimatan antara 30 hingga 60 minit pada waktu puncak. Pengurangan kesesakan di Batu Ferringhi akan menambah baik imej kawasan tersebut sebagai destinasi santai, mesra pelancong dan mudah diakses. Pelaksanaan projek NCPR dijangka menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi pelancongan meliputi peningkatan nilai hartanah, peluasan pelaburan hotel dan resort baru serta mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan pelancongan.

(b) Bagi menjamin kelangsungan sektor pelancongan, pelaksanaan NCPR turut menekankan langkah-langkah pembangunan terancang yang memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemuliharaan alam sekitar. Batu Ferringhi dan Teluk Bahang wajar kekal sebagai ikon pelancongan utama Negeri Pulau Pinang yang berasaskan kelestarian keindahan alam semula jadi. Secara keseluruhan, pelaksanaan NCPR dijangka meningkatkan nilai estetika, infrastruktur dan daya saing sektor pelancongan di Batu Ferringhi dan Teluk Bahang di peringkat serantau. Pendekatan bersepadu dan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar akan menjadikan kawasan ini destinasi tarikan lebih menarik, berdaya saing dan mampan dalam jangka panjang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

24. Senaraikan hasil tanah Kerajaan Negeri disewakan melalui CMI / SSI dari tahun 2020 sehingga kini.

    (a) Nyatakan bayaran tertunggak dan tindakan kerajaan untuk mengutipnya.

    (b) Berapa peratus pembayar cukai menerima / menyelesaikan bayaran mengikut jadual, dan berapa permohonan rayuan / ansuran diluluskan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. Senarai hasil yang diperoleh melalui sewaan dan pajakan tanah di bawah pengurusan Chief Minister Incorporated (CMI) dan State Secretary Incorporated (SSI) dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	HASIL SEWAN DAN PAJAKAN TANAH (RM)
1	2020	613,268.24
2	2021	16,704,710.87
3	2022	3,276,681.11
4	2023	3,223,697.69
5	2024	6,409,632.25
6	2025 (sehingga 30 September 2025)	8,493,891.79

(a) Jumlah bayaran tertunggak bagi sewaan tanah dibawah pengurusan Chief Minister Incorporated (CMI) dan State Secretary Incorporated (SSI) bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM331,445.00.

Bagi usaha untuk memastikan kutipan hasil tunggakan dapat dilaksanakan dengan berkesan, beberapa tindakan telah diambil oleh CMI seperti berikut:

(i) mengeluarkan notis peringatan rasmi kepada penyewa bagi setiap kelewatan bayaran melebihi 30 hari;

(ii) mengeluarkan surat amaran pembatalan lesen perniagaan kepada penyewa yang masih gagal membuat bayaran selepas tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh notis peringatan dikeluarkan; dan

(iii) menolak atau menggunakan deposit bayaran sedia ada bagi menyelesaikan tunggakan yang masih belum dijelaskan.

(b) Secara keseluruhannya, terdapat 96 kontrak penyewaan yang berkuat kuasa di bawah CMI dan SSI. Daripada jumlah tersebut, 91 penyewa telah menjelaskan bayaran sewaan mengikut jadual yang ditetapkan, manakala 5 penyewa masih belum membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, sekali gus ini menyebabkan tunggakan hasil kepada kerajaan negeri.

Kesemua penyewa yang terlibat telah diberikan surat peringatan dan amaran agar menyelesaikan bayaran dalam tempoh terdekat. Setakat ini, tiada sebarang permohonan rayuan atau permohonan pembayaran secara ansuran yang telah diluluskan di bawah pengurusan CMI dan SSI.

Kerajaan Negeri melalui CMI dan SSI akan terus memantau status pembayaran sewaan secara berterusan serta memperkukuh langkah penguatkuasaan bagi memastikan hasil Kerajaan Negeri dapat dikutip dengan lebih cekap dan berkesan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

25. Sejauh mana Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan dana khas atau skim pinjaman pusingan sementara bagi membantu syarikat Pulau Pinang yang terjejas oleh kelewatan bayaran balik cukai?

    (a) Nyatakan inisiatif sokongan aliran tunai sementara.

    (b) Jelaskan kaedah menilai impak ekonomi negeri akibat kelewatan tersebut.

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Isu kelewatan bayaran balik cukai adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, khususnya melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bagi cukai pendapatan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

    Bayaran balik cukai merujuk kepada pemulangan lebihan cukai yang telah dibayar oleh syarikat atau individu kepada pihak berkuasa cukai. Kelewatan dalam pemulangan ini boleh menjejaskan aliran tunai operasi syarikat, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

    Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan dana khas baharu bagi menangani isu ini kerana ia di luar bidang kuasa negeri. Sebaliknya, bantuan kepada syarikat dan usahawan

tempatan dilaksanakan melalui skim pembiayaan sedia ada yang ditawarkan oleh agensi negeri dan agensi persekutuan.

(a) Inisiatif sokongan aliran tunai sementara

Antara skim sedia ada yang berfungsi sebagai sokongan aliran tunai sementara ialah:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH) dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi membantu usahawan mikro di Pulau Pinang meningkatkan keupayaan modal kerja dan mengembangkan perniagaan.

Terdapat dua (2) kategori pinjaman di bawah skim ini:

(1) Skim 1 – Pinjaman antara RM5,000 hingga RM25,000

Syarat utama:

(a) Warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 60 tahun dan berdaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang;

(b) Menetap dan menjalankan perniagaan di Pulau Pinang serta telah beroperasi lebih enam (6) bulan;

(c) Mempunyai lesen perniagaan yang sah dan akaun bank atas nama syarikat;dan

(d) Tidak disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan.

(2) Skim 2 – Pinjaman antara RM26,000 hingga RM50,000

Tambahan syarat:

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) pekerja tetap yang mencarum KWSP;

(b) Jualan kasar bulanan antara RM26,000 hingga RM50,000 bagi tiga (3) bulan terakhir; dan

(c) Disokong oleh seorang (1) penjamin.

Skim ini membantu usahawan mikro menampung modalpusingan dan kos operasi sementara, khususnya ketika menghadapi kekangan aliran tunai akibat kelewatan bayaran balik cukai.

(ii) Kerjasama dengan agensi persekutuan seperti TEKUN Nasional, SME Corp, SME Bank dan BSN, yang turut menyediakan skim pembiayaan mikro dan kemudahan moratorium bagi perniagaan yang terjejas oleh faktor aliran tunai.

Melalui pengukuhan skim-skim sedia ada ini, bantuan dapat disalurkan dengan lebih cepat dan terselaras tanpa perlu menubuhkan dana baharu.

(b) Kaedah menilai impak ekonomi negeri

Memandangkan isu ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri tidak melaksanakan penilaian langsung terhadap kesan kelewatan bayaran balik cukai. Namun begitu, prestasi ekonomi negeri dipantau secara berterusan melalui laporan dan data rasmi yang diterbitkan oleh agensi seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), InvestPenang dan MIDA.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXV)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF

26. Mengapakah sehingga kini Perancangan Tempatan (Local Plan) masih belum dimuktamadkan walaupun ia merupakan dokumen penting untuk merancang pembangunan mampan berasaskan rakyat?

    (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh mendakwa mengamalkan perancangan mampan tanpa *Local Plan* yang berkuat kuasa?

    (b) Bilakah tarikh sebenar *Local Plan* akan dibentangkan untuk semakan awam?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini berada di Peringkat 2 iaitu penyediaan Draf Rancangan Tempatan MBPP 2035 (DRTMBPP2035) manakala di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, Laporan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP2030) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) pada 16 Mac 2021 dan disahkan pada 25 Mac 2021. Pihak MBSP kini sedang dalam peringkat mengemas kini laporan termasuk kelulusan perlingkungan semula sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat JPN untuk kelulusan dan seterusnya dibawa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartaan.

    Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 2, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, *[AKTA 172],* sekiranya

sesuatu kawasan belum mempunyai Rancangan Tempatan (RT), maka Rancangan Struktur Negeri (RSN) akan digunakan sebagai dokumen rujukan utama dalam mempertimbangkan rancangan kemajuan atau permohonan pembangunan di kawasan tersebut.

RSN menetapkan dasar dan strategi pembangunan di peringkat negeri, termasuk guna tanah utama, jaringan infrastruktur, perlindungan alam sekitar serta keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar.

Justeru itu, Kerajaan Negeri masih menggunakan saluran kawalan pemajuan yang selaras dengan Akta 172 dengan berpandukan pada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) sebagai dokumen rancangan pemajuan utama.

(a) Perancangan mampan adalah perancangan yang dilihat dari pelbagai aspek. Selain itu, perancangan mampan juga merujuk kepada perancangan kerajaan melalui dokumen dan kajian yang berterusan seperti Penang2030, Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang, *Penang Island Climate Action Plan 2030* dan *Green City Action Plan* (GCAP).

Menurut Akta 172, RSN dan RT merupakan rancangan pemajuan. Oleh yang demikian, walaupun RT belum diwartakan, Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MBSP boleh menggunakan dokumen RSNPP2030 sebagai rujukan utama dalam mengawal pembangunan secara mampan di Negeri Pulau Pinang.

Tambahan lagi, pihak MBPP akan membuat edaran notis secara bertulis kepada pemunya tanah berjiran berkenaan dengan pemajuan yang telah diterima di kawasan terlibat selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 21(6), Akta 172. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perancangan mampan berasaskan rakyat diamalkan dalam proses perancangan.

Manakala di pihak MBSP pula, DRTSP2030 digunakan sebagai panduan walaupun masih dalam peringkat draf. Ini

adalah berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 22(2)(b), Akta 172.

(b) **MBPP**

Status semasa DRTMBPP2035, kini berada di Peringkat 2 iaitu penyediaan Laporan Draf Awal (LDA). Merujuk kepada manual Rancangan Tempatan Edisi 2022 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), proses penyediaan RT melibatkan empat (4) peringkat seperti berikut:

(i) Peringkat 1: Peringkat Mobilisasi;

(i) Peringkat 2: Penyediaan Draf RT;

(ii) Peringkat 3: Publisiti dan penyertaan Awam; dan

(iii) Peringkat 4: Pewartaan dan Pembatalan.

Di Peringkat 2 ini, terdapat empat (4) laporan utama yang perlu disediakan bagi menyempurnakan kajian RT iaitu:

(i) Laporan Pendekatan Kajian (LPK);

(ii) Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP);

(iii) Laporan Draf Awal RT; dan

(iv) Laporan Draf Akhir RT.

Laporan akhir DRTMBPP2035 ini dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2026 sebelum kebenaran diperoleh dari Kerajaan Negeri bagi tujuan publisiti akhir untuk semakan orang awam.

MBSP

Pihak MBSP telah mengadakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam DRTSP2030 pada 12 April 2021 sehingga 09 Julai 2021 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 12A dan 13, Akta 172 dan tiada lagi

program semakan awam susulan akan dilaksanakan oleh MBSP selepas ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA: 4(A)(XXVI)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

1. Senaraikan semua kes lubang benam (sinkhole) yang berlaku di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

   (a) Nyatakan lokasi dan daerah setiap kes.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Sebanyak 38 kes lubang benam (*sinkhole)* yang dilaporkan berlaku di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023, 2024 dan 2025. Perincian kes mengikut daerah adalah seperti berikut:

TAHUN	DAERAH	BILANGAN KES	JUMLAH
2023	TIMUR LAUT (DTL)	6	10
	BARAT DAYA (DBD)	0	
	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	2	
	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	0	
	SEBERANG PERAi SELATAN (SPS)	2	
	TIMUR LAUT (DTL)	2	8
	BARAT DAYA (DBD)	2	

2024	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	1	
	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	1	
	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	2	
2025	TIMUR LAUT (DTL)	4	20
	BARAT DAYA (DBD)	4	
	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	3	
	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	7	
	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	2	
JUMLAH KESELURUHAN			38

(a) Lokasi dan daerah setiap kes adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI DAN DAERAH BAGI KES LUBANG BENAM (*SINKHOLE*) YANG BERLAKU DI NEGERI PULAU PINANG PADA TAHUN 2023, 2024 DAN 2025

TAHUN	DAERAH	LOKASI
2023	TIMUR LAUT (DTL)	1) Jalan Perak berhadapan Klinik Kesihatan 2) Jalan Sungai Pinang 3) Jalan Paya Terubong (FT220) Seksyen 7.75 4) Jalan Paya Terubong (FT220) Seksyen 12.79 5) Jalan Persekutuan FT006 Seksyen 10.20 6) Jalan Persekutuan FT006 Seksyen 3.80
	BARAT DAYA (DBD)	Tiada
	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	1) Tingkat Laksamana 8, Taman Robina 2) Lorong Serdang 1, Pusat Perniagaan Serdang
	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	Tiada
	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	1) Lorong Gamelan Indah 6, Taman Gamelan Indah 2) Lorong Halaman Indah 10, Taman Halaman Indah
2024	TIMUR LAUT (DTL)	1) Jalan Free School 2) Jalan Tanjung Seksyen 66.70
	BARAT DAYA (DBD)	1) Jalan Pantai Jerejak 2) Jalan Sungai Ara
	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	1) Lorong Sepadu 6, Taman Sepadu
	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	1) Lorong Impian 11, Taman Impian
	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	1) Lorong Halaman Indah 10, Taman Halaman Indah 2) Lorong Halaman Indah 3, Taman Halaman Indah

TAHUN	DAERAH	LOKASI
2025	TIMUR LAUT (DTL)	1) Jalan Burma 2) Pengkalan Weld 3) Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Azad 4) Jalan Sultan Azlan Shah Seksyen 11.9
	BARAT DAYA (DBD)	1) Balik Pulau 2) Sungai Pinang 3) Sungai Ara
	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	1) Lorong Penaga Permai 9, Taman Penaga Permai 2) Solok Riang Taman Riang 3) Lorong Pokok Sena Indah 2, Taman Pokok Sena Indah
	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	1) Lorong Perniagaan 3, Taman Desa Cahaya 2) Lorong Budiman 5, Taman Budiman 3) Jalan Machang Bubok 1, Taman Machang Bubok 4) Jalan Cempaka, Taman Jaya 5) Jalan Todak 3, Bandar Seberang Jaya 6) Lorong Guar Perahu 21, Taman Guar Perahu 7) Lorong Seri Juru 4, Taman Seri Juru
	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	1) Jalan Besar, Taman Tang Ling 2) Lorong Widuri 2, Taman Widuri

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA: 4(A)(XXVI)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

2. Nyatakan peruntukan dan perbelanjaan yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri, agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelidik dan mengesan tempat berpotensi berlaku kejadian lubang bernam (sinkhole) di seluruh negeri pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memperuntukkan sejumlah RM68,000.00 bagi kerja-kerja penyelidikan berhubung punca kejadian lubang benam *(sinkhole)* di Jalan Jaya, Taman Cempaka, Seberang Perai Tengah pada tahun 2025. Namun, tiada peruntukan yang disediakan oleh agensi-agensi negeri seperti Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, MBPP telah mengambil inisiatif dengan membelanjakan sejumlah RM98,000.00 bagi pembelian alat Radar Penembusan Tanah (*Ground Penetrating Radar,* GPR) untuk mengesan dan memeta sebarang objek di bawah lapisan permukaan jalan melalui kaedah geofizik. Penggunaan alat ini dapat membantu dalam pengesanan awal kejadian lubang benam (*sinkhole*).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA: 4(A)(XXVI)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

3. Nyatakan berapakah kes kejadian cerun runtuh (*landslide*) di seluruh Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

   (a) Berikan lokasi dan daerah untuk setiap kes.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Jumlah kes kejadian cerun runtuh di Pulau Pinang bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: STATISTIK KEJADIAN CERUN RUNTUH/ RUNTUHAN TEMBOK PENAHAN DI PULAU PINANG (2023-2025)

TAHUN	BILANGAN KES (MBPP)	BILANGAN KES (JKR)
2023	30	17
2024	16	12
2025	33	35

   (a) Senarai lokasi dan daerah kejadian cerun runtuh di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI DAN DAERAH KEJADIAN CERUN RUNTUH DI PULAU PINANG (2022-2025) (SENARAI JKR)

BIL.	LOKASI	NO. LALUAN	DAERAH
2023			
1	Jalan Pasir Panjang	P237/1.63	Barat Daya
2	Jalan Batu Ferringhi	FT006/53.6	Barat Daya
3	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/39.3	Barat Daya
4	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/45.4	Barat Daya
5	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/46.8	Barat Daya
6	Jalan Pantai Acheh	P243/2.75	Barat Daya
7	Jalan Jeep	Jalan Jeep/2.10	Timur Laut
8	Jalan Jeep	Jalan Jeep/3.10	Timur Laut
9	Jalan Jeep	Jalan Jeep/2.00	Timur Laut
10	Jalan Jeep	Jalan Jeep/2.50	Timur Laut
11	Jalan Jeep	Jalan Jeep/0.50	Timur Laut
12	Jalan Jeep	Jalan Jeep/0.60	Timur Laut
13	Jalan Jeep	Jalan Jeep/0.80	Timur Laut
14	Jalan Jeep	Jalan Jeep/1.60	Timur Laut
15	Jalan Jeep	Jalan Jeep/1.80	Timur Laut
16	Jalan Yahya Petra	FT280/0.85	Timur Laut
17	Jalan Tanjung Bungah	FT006/65.0	Timur Laut
2024			
1	Jalan Jeep	Jalan Jeep/3.10	Timur Laut
2	Jalan Jeep	Jalan Jeep/2.10	Timur Laut
3	Jalan Batu Ferringhi	FT006/59.0	Timur Laut
4	Jalan Batu Ferringhi	FT006/60.80 dan 60.95	Timur Laut
5	Jalan Yahya Petra	FT280/2.8	Timur Laut
6	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/45.24	Barat Daya
7	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/45.60	Barat Daya
8	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/46.75	Barat Daya
9	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/46.97	Barat Daya
10	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/47.20	Barat Daya
11	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/47.55	Barat Daya
12	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/53.38	Barat Daya
2025			
1	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.63	Timur Laut
2	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/40.42	Barat Daya
3	Jalan Balik Pulau- Teluk Bahang	FT006/47.25	Barat Daya

BIL.	LOKASI	NO. LALUAN	DAERAH
4	Jalan Balik Pulau - Teluk Bahang	FT006/43.80	Barat Daya
5	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.10	Timur Laut
6	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.17	Timur Laut
7	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.54	Timur Laut
8	Jalan Yahya Petra	FT0280/4.10	Timur Laut
9	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.61	Timur Laut
10	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.89	Timur Laut
11	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.71	Timur Laut
12	Jalan Yahya Petra	FT0280/2.07	Timur Laut
13	Jalan Yahya Petra	FT0280/3.36	Timur Laut
14	Jalan Yahya Petra	FT0280/2.18	Timur Laut
15	Jalan Yahya Petra	FT0280/2.32	Timur Laut
16	Jalan Yahya Petra	FT0280/2.48	Timur Laut
17	Jalan Batu Ferringhi	FT006/59.60	Timur Laut
18	Jalan Paya Terubong	FT0220/13.80	Timur Laut
19	Jalan Tun Sardon	P14/0.50	Barat Daya
20	Jalan Tun Sardon	P14/1.10	Barat Daya
21	Jalan Tun Sardon	P14/1.40	Barat Daya
22	Jalan Tun Sardon	P14/4.00	Barat Daya
23	Jalan Tun Sardon	P14/4.55	Barat Daya
24	Jalan Tun Sardon	P14/5.15	Barat Daya
25	Jalan Tun Sardon	P14/5.73	Barat Daya
26	Jalan Tun Sardon	P14/5.75	Barat Daya
27	Jalan Tun Sardon	P14/5.83	Barat Daya
28	Jalan Tun Sardon	P14/5.87	Barat Daya
29	Jalan Tun Sardon	P14/6.15	Barat Daya
30	Jalan Tun Sardon	P14/6.95	Barat Daya
31	Jalan Tun Sardon	P14/7.00	Barat Daya
32	Jalan Tun Sardon	P14/1.05	Barat Daya
33	Jalan Tun Sardon	P14/3.23	Barat Daya
34	Jalan Tun Sardon	P14/3.60	Barat Daya
35	Jalan Tun Sardon	P14/5.65	Barat Daya

SENARAI LOKASI DAN DAERAH KEJADIAN CERUN RUNTUH DI PULAU PINANG (2022-2025) (SENARAI MBPP)

2023

BIL	LOKASI	DAERAH
1	NOTIS MENGHENDAKI KACAU GANGGU DIHAPUSKAN, SEKSYEN 82, AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, DI ATAS LOT 691, MUKIM 16, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
2	ADUAN CERUN DI ATAS LOT 458, MUKIM 1, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	DAERAH BARATDAYA
3	ADUAN HAKISAN TANAH DI KAWASAN CERUN BERBATU DIPERCAYAI DI ATAS TANAH KERAJAAN LOT 6581, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
4	ADUAN HAKISAN TANAH DI KAWASAN CERUN BERBATU DIPERCAYAI DI ATAS TANAH KERAJAAN, LOT 6581, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
5	ADUAN TEMBOK PENAHAN BERISIKO DIPERCAYAI DI ATAS TANAH KERAJAAN, JALAN TANJUNG BUNGAH BERHADAPAN PENANG SWIMMING CLUB TANJUNG BUNGAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
6	ADUAN TEMBOK PENAHAN BERISIKO DIPERCAYAI DI ATAS TANAH KERAJAAN, JALAN PERSIARAN TANJUNG BUNGAH BERSEBELAHAN NO. 43, JALAN CHEE SENG 7, TANJUNG BUNGAH, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
7	PEMILIK LOT 8819, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
8	PEMILIK TANAH DI ATAS LOT 587, MUKIM 14, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
9	ADUAN KACAU GANGGU DIPERCAYAI DI ATAS LOT 1584, MUKIM 4, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	DAERAH BARATDAYA
10	KEJADIAN RUNTUHAN TEBING CERUN BERSEBELAHAN JALAN BALIK PULAU BERHAMPIRAN LOT 1097, MUKIM 16 DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT

BIL	LOKASI	DAERAH
11	ADUAN RUNTUHAN CERUN BERSEBELAHAN JALAN PINTASAN PEMANCAR 3, GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
12	ADUAN KACAU KELONGGARAN BATU DIPERCAYAI DI ATAS LOT 125, MUKIM 5, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	DAERAH BARAT DAYA
13	KEJADIAN RUNTUHAN CERUN BERBATU BERHAMPIRAN JALAN SOLOK PAYA TERUBONG 8, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
14	ADUAN TANAH RUNTUH BERSEBELAHAN SUNGAI DONDANG BERHAMPIRAN LOT 5201, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
15	ADUAN KACAU GANGGU TANAH RUNTUH DIPERCAYAI DI MUTIARA VIEW (LOT 4737,SEKSYEN 5, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG)	DAERAH TIMUR LAUT
16	ADUAN MENGENAI KEBIMBANGAN BANGUNAN DI CERUN DI PANGSAPURI FORESTVILLE, LENGKOK KELICP, DERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	DAERAH BARATDAYA
17	ADUAN KACAU GANGGU TANAH RUNTUH DIPERCAYAI DI ATAS LOT 810, MUKIM 1, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	DAERAH BARAT DAYA
18	ADUAN KACAU GANGGU TANAH RUNTUH DIPERCAYAI DI ATAS LOT 812, MUKIM 1, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	DAERAH BARAT DAYA
19	KEJADIAN RUNTUHAN DI PINTASAN PEMANCAR 3, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
20	ADUAN BERKAITAN RUNTUHAN TEMBOK PENAHANAN DI BELAKANG RUMAH NO. 174, PINTASAN PEMANCAR 2, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
21	NOTIS MENGHENDAKI KACAU GANGGU DIHAPUSKAN DI ATAS LOT 1137, MUKIM 9, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	DAERAH BARAT DAYA
22	NOTIS MENGHENDAKI KACAU GANGGU DIHAPUSKAN, SEK. 82, AKTA KERAJAAN	DAERAH TIMUR LAUT

BIL	LOKASI	DAERAH
	TEMPATAN 1976, DI ATAS LOT 703, MUKIM 16, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	
23	MAKLUMAN INSIDEN TANAH RUNTUH DI ATAS LOT 104, BANDAR BUKIT BENDERA BERDEKATAN LALUAN KE LOT 10000 (HOTEL CRAG) BUKIT BENDERA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
24	ADUAN KEJADIAN RUNTUHAN TEBING CERUN BERSEBELAHAN JALAN BALIK PULAU BERHAMPIRAN LOT 1097, MUKIM 16, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
25	ADUAN BERKAITAN HAKISAN TANAH DAN POKOK TUMBANG DI KAWASAN CERUN BERSEBELAHAN PANGSAPURI MUTIARA INDAH, GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
26	PEMILIK NO. 692, BANDAR TANJUNG TOKONG, SEKSYEN 1, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	DAERAH TIMUR LAUT
27	ADUAN BERKAITAN HAKISAN TANAH DAN POKOK TUMBANG DI KAWASAN CERUN BERHAMPIRAN PANGSAPURI ISLAND RESORT, JALAN SOLOK BATU FERINGGHI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	DAERAH TIMUR LAUT
28	ADUAN BERKAITAN MENDAPAN TANAH BERSEBELAHAN SUNGAI KELUANG BERHAMPIRAN WISMA THAN HSIANG, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.	DAERAH BARAT DAYA
29	ADUAN BERKAITAN HAKISAN TANAH DAN POKOK TUMBANG DI KAWASAN CERUN BERSEBELAHAN PANGSAPURI MUTIARA INDAH, GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	DAERAH TIMUR LAUT
30	ADUAN BERKAITAN HAKISAN TANAH DAN POKOK DI KAWASAN CERUN BERHAMPIRAN PENGSAPURI ISLAND RESORT, JALAN SOLOK BATU FERINGGHI, DTL. PULAU PINANG	DAERAH TIMUR LAUT

2024

BIL	LOKASI	DAERAH
1	LOT 7683, MUKIM 13, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
2	LOT 4183, 4184, 4185 & 4186, BANDAR TANJUNG BUNGAH, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
3	LOT 3618, JLN TAN JIT SENG, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
4	LOT 11923, MUKIM 12, DBD	DAERAH BARAT DAYA
5	LOT 693, MUKIM 16, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
6	LOT 438, MUKIM 6, DBD	DAERAH BARATDAYA
7	LOT 655, BANDAR BATU FERINGGHI, SEKSYEN 2, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
8	JALAN BUKIT BELAH 3, TELUK KUMBAR HEIGHTS, DBD	DAERAH BARAT DAYA
9	BERSEBELAHAN ECO TERRACES, JALAN PAYA TERUBONG, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
10	JALAN MARIE PITCHAY, TG. BUNGAH, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
11	LOT 8755, MKM 13, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
12	KM 4.60, JALAN TUN SARDON	DAERAH BARATDAYA
13	LOT 13730, MKM 12, DBD	DAERAH BARAT DAYA
14	RUMAH NO.19, JALAN BATU FERINGGHI	DAERAH TIMUR LAUT
15	JLN. TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS, DBD	DAERAH BARAT DAYA
16	BELAKANG RUMAH NO.66, JALAN PERMAI, GELUGOR	DAERAH TIMUR LAUT

2025

BIL	LOKASI	Dearah
1	BELAKANG RUMAH 48, JLN BUNGA CEMPA PUTIH, TG BUNGAH, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
2	TANAH MBPP-LOT 2166, BDR GEORGETOWN, SEK.2, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
3	INSIDEN BATU JATUH DI JLN PAYA TERUBONG-TIANG JPT134	DAERAH TIMUR LAUT
4	LANDSLIDE ALL SEASON	DAERAH TIMUR LAUT
5	LOT 1618, MKM. 4, DTL, PP	DAERAH TIMUR LAUT
6	ADUAN RUNTUHAN TEMBOK DI BELAKANG RUMAH 170-E, LORONG ZOO 3	DAERAH TIMUR LAUT
7	SRI GOLDEN BAY	DAERAH TIMUR LAUT
8	RUNTUHAN BATU JALAN LEMBAH PERMAI	DAERAH TIMUR LAUT
9	ADUAN BELAKANG TG PARK 1, TG BUNGAH, PENANG-TANAH MBPP PT76, MK.18-DTL	DAERAH TIMUR LAUT
10	ADUAN BATU JATUH DI JALAN BATU FERINGGHI, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
11	TINGKAT PAYA TERUBONG 2	DAERAH TIMUR LAUT
12	PEARL HILL	DAERAH TIMUR LAUT
13	LAVINA APARTMENT,PANTAI JEREJAK 2, GELUGOR, DBD	DAERAH BARAT DAYA
14	ADUAN KERETAKAN BANGUNAN DAN MENDAPAN JALAN DALAMAN, PANGSAPURI PELANGI, LINTANG MACCALUM, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
15	219, SOLOK PEMANCAR, GELUGOR-LOT 875-876, BDR GELUGOR, DTL	DAERAH TIMUR LAUT
16	348-O-LENGKOK PEMANCAR, GELUGOR	DAERAH TIMUR LAUT
17	ADUAN BATU JATUH DI JALAN TUN SARDON	DAERAH BARAT DAYA
18	NO 5U, JALAN DELIMA, GELUGOR, GEORGETOWN	DAERAH TIMUR LAUT

BIL	LOKASI	Dearah
19	DI LOT 458, MKM 1, DBD	DAERAH BARAT DAYA
20	BUKIT GEDUNG	DAERAH BARAT DAYA
21	JLN BUKIT MUTIARA	DAERAH TIMUR LAUT
22	69, JALAN PUNCAK MUTIARA, TG BUNGAH, PP	DAERAH TIMUR LAUT
23	PERSIARAN NURI,	DAERAH BARAT DAYA
24	TRI PINNACLE	DAERAH TIMUR LAUT
25	KUIL SRI MALAI MUNISWARAR, MOUNT ERSKINE, PULAU PINANG	DAERAH TIMUR LAUT
26	DUA RESIDENSI	DAERAH BARAT DAYA
27	LOT 30, MKM 11, DBD	DAERAH BARAT DAYA
28	APARTMENT TAMAN TERUBONG JAYA BLOK 18 & 19	DAERAH TIMUR LAUT
29	ECO TERRACES	DAERAH TIMUR LAUT
30	EMERALD HEIGHTS	DAERAH TIMUR LAUT
31	LEBUH RELAU 5, SETIA SKY VISTA	DAERAH BARAT DAYA
32	TAMAN TERUBONG JAYA BLOK41, TINGKAT PAYA TERUBONG 4	DAERAH TIMUR LAUT
33	MUTIARA INDAH, GELUGOR	DAERAH TIMUR LAUT

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

4. Nyatakan peruntukan dan perbelanjaan untuk setiap projek Kerajaan Negeri bagi memperkukuhkan cerun di seluruh negeri pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Peruntukan dan perbelanjaan untuk setiap projek bagi memperkukuhkan cerun di seluruh Negeri pada tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
	membersihkan longkang di sepanjang Jalan Pantai Acheh, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	
	2024	
10	Kerja-kerja membaik pulih cerun di atas lot 9444 (Grandview Heights) dan lot 6582 (Bukit Saujana), Mukim 13 serta tanah milik Kerajaan Negeri di Lorong Bukit Kukus, Paya Terubong, Daerah Timur Laut.	4,799,000.00
11	Kerja-kerja pembaikan cerun akibat tanah runtuh dan kerja-kerja berkaitan di Pintasan Pemancar 3, Taman Tun Sardon, Gelugor, Daerah Timur Laut.	795,000.00
13	Kerja-kerja penyediaan tembok dinding penahan di kawasan tanah milikan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) di atas sebahagian lot 482 (PT 71), Jalan Kaki Bukit, Bandar Bukit Gelugor, Daerah Timur Laut.	168,000.00
14	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di Jalan Gertak Sanggul, Daerah Barat Daya.	133,000.00
	2025	
15	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di sepanjang Jalan Tun Sardon, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	170,000.00
16	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng di sepanjang Jalan Pasir Panjang, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	130,000.00
17	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di Jalan Pantai Acheh, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	150,000.00

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
18	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun dan benteng di sepanjang Jalan Tun Sardon, Daerah Barat Daya.	200,000.00
19	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun di sepanjang Jalan Gertak Sanggul dan di sekitar kawasan Daerah Barat Daya.	500,000.00
20	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di Jalan Gertak Sanggul, Daerah Barat Daya.	200,000.00
21	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun di sepanjang Jalan Gertak Sanggul dan di sekitar kawasan Daerah Barat Daya.	500,000.00
22	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng di sepanjang Jalan Pasir Panjang, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	150,000.00
23	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di sepanjang Jalan Tun Sardon, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	400,000.00
24	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun di sepanjang Jalan Tun Sardon dan di sekitar kawasan Daerah Barat Daya.	500,000.00
25	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di Jalan Pantai Acheh Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	150,000.00
26	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja benteng tepi jambatan di Lengkok Telok Bahang, Daerah Barat Daya.	200,000.00

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK CERUN NEGERI PULAU PINANG (2023-2025)

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
	2023	
1	Kerja-kerja membaik pulih cerun di atas lot 9444 (Grandview Heights) dan lot 6582 (Bukit Saujana), Mukim 13 serta tanah milik Kerajaan Negeri di Lorong Bukit Kukus, Paya Terubong, Daerah Timur Laut.	2,000,000.00
2	Kerja-kerja pembaikan cerun akibat tanah runtuh di atas tanah Kerajaan Negeri lot 1416, Mukim 13, Daerah Timur Laut	1,749,895.00
3	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di Jalan Gertak Sanggul, Daerah Barat Daya.	120,000.00
4	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun di sepanjang Jalan Gertak Sanggul dan di sekitar kawasan Daerah Barat Daya.	200,000.00
5	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan membersihkan longkang di sepanjang Jalan Tun Sardon, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	150,000.00
6	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng di sepanjang Jalan Pasir Panjang, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.	120,000.00
7	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun dan benteng si sepanjang Jalan Tun Sardon, Daerah Barat Daya.	200,000.00
8	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan cerun dan benteng di sepanjang Jalan Pasir Panjang, Daerah Barat Daya.	200,000.00
9	Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri untuk kerja-kerja membersihkan belukar, tumbuh-tumbuhan di kawasan cerun dan benteng dan	150,000.00

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA: 4(A)(XXVI)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

5. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk membendung kejadian cerun runtuh.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Bagi membendung kejadian cerun runtuh, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Pulau Pinang dan agensi-agensi berkaitan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

(i) Mengehadkan aktiviti pembinaan di kawasan tanah tinggi, lereng bukit dan zon sensitif geologi;

(ii) Mensyaratkan semua pembangunan di kawasan berbukit mematuhi *Penang Safety Guideline for Hill Site Development* (2020), Garis Panduan Rekabentuk Cerun (JKR, 2009) dan Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi (PLANMalaysia, 2009);

(iii) Merujuk semua permohonan di kawasan berbukit/bercerun ke JMG Pulau Pinang untuk ulasan di peringkat permohonan kebenaran merancang;

(iv) Memastikan pemaju mematuhi semua keperluan *Erosion Sediment Control Plan* (ESCP) di peringkat kerja tanah; dan

(v) Menjalankan pemantauan secara berkala di kawasan-kawasan bercerun.

Selain itu, JKRPP juga telah menerima peruntukan berjumlah RM8.79 juta dari Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk membaiki cerun yang berisiko tinggi di Pulau Pinang. Projek ini merangkumi 16 lokasi cerun berisiko tinggi di Pulau Pinang yang akan melibatkan kerja-kerja penyelidikan tanah, pembersihan tapak dan pemantapan cerun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

6. Nyatakan jumlah pendaratan ikan di setiap daerah (Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan) bagi setiap bulan dari tahun 2024 sehingga 2025.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Jumlah pendaratan ikan mengikut daerah bagi setiap bulan pada tahun 2024 sehingga September 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PENDARATAN IKAN MENGIKUT DAERAH BAGI SETIAP BULAN PADA TAHUN 2024 SEHINGGA SEPTEMBER 2025 (TAN METRIK)

2024	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (JAN - APR)	JUMLAH (MEI - DIS)
Barat Daya	468.344	646.375	863.821	875.432	1079.88	962.361	718.28	739.725	582.581	775.94	678.305	736.431	**2853.972**	**6273.503**
Timur Laut	630.609	823.656	1131.77	1149.245	1349.051	1166.49	942.143	972.495	788.833	1029.153	905.368	1008.02	**3735.28**	**8161.549**
Seberang Perai Utara	2148.424	4225.005	3903.476	3469.596	946.785	1073	721.734	687.121	721.023	840.291	752.066	671.114	**13746.501**	**6413.138**
Seberang Perai Tengah					74.035	74.392	70.353	75.684	70.861	75.527	77.377	79.624		**597.853**
Seberang Perai Selatan					478.917	523.23	534.329	547.994	577.724	538.497	585.113	618.386		**4404.19**

Nota: Tiada data mengikut daerah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan bagi bulan Januari hingga April kerana data diambil dari setiap pangkalan bermula bulan Mei.

2025	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	JUMLAH BESAR
Barat Daya	623.223	659.348	605.6	923.867	737.529	720.588	763.044	723.569	647.292	**6404.06**
Timur Laut	371.274	397.84	298.405	404.977	353.354	343.357	335.068	345.487	0	**2849.762**
Seberang Perai Utara	1087.447	2626.889	2268.588	2732.697	1875.623	1934.13	2375.81	1687.83	1623.18	**18212.19**
Seberang Perai Tengah	85.413	108.291	109.17	106.119	103.936	110.597	109.384	107.096	108.041	**948.047**
Seberang Perai Selatan	623.223	659.348	605.6	923.867	737.529	720.588	763.044	723.569	647.292	**6404.06**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

7. Nyatakan jumlah pendaratan udang di setiap daerah (Timur Laut , Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan) bagi setiap bulan dari tahun 2024 sehingga 2025.

YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Jumlah pendaratan udang mengikut daerah bagi setiap bulan pada tahun 2024 sehingga September 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PENDARATAN UDANG MENGIKUT DAERAH BAGI SETIAP BULAN PADA TAHUN 2024 SEHINGGA SEPTEMBER 2025 (TAN METRIK)

2024	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (JAN - APR)	JUMLAH (MEI - DIS)
Barat Daya	33.887	48.567	66.802	73.594	75.561	43.082	50.982	50.01	28.838	46.24	46.343	71.567	**222.85**	**412.623**
Timur Laut	8.606	15.108	19.605	22.603	24.344	14.447	13.115	14.271	9.265	20.1	10.993	20.138	**65.922**	**126.673**
Seberang Perai Utara	110.253	99.47	101.98	94.527	84.59	110.87	109.58	103.88	102.99	46.089	45.834	44.136	**406.23**	**647.97**
Seberang Perai Tengah					10.058	13.62	12.926	13.664	14.313	7.563	7.757	8.567		**88.468**
Seberang Perai Selatan					50.04	72.863	71.079	67.478	65.544	56.367	58.617	57.491		**499.479**

Nota: Tiada data mengikut daerah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan bagi bulan Januari hingga April kerana data diambil dari setiap pangkalan bermula bulan Mei.

2025	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	JUMLAH BESAR
Barat Daya	60.321	53.294	48.131	58.813	55.579	52.044	69.368	43.445	0	**440.995**
Timur Laut	21.587	20.916	21.367	19.887	18.313	16.497	19.922	16.394	0	**154.883**
Seberang Perai Utara	50.773	50.459	44.615	40.803	41.864	44.619	50.889	48.32	51.599	**423.941**
Seberang Perai	8.057	6.961	6.738	5.355	5.033	6.256	5.566	6.408	7.266	**57.64**
Seberang Perai	53.505	47.614	41.671	40.792	42.065	45.864	47.041	52.31	52.705	**423.567**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

8. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tarikan eko-pelancongan dalam negeri.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) sedang memperkukuh promosi produk ekopelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti bagi memperluas kepelbagaian produk pelancongan negeri. Antara kawasan tumpuan utama termasuk Taman Negara Pulau Pinang, Hutan Simpan Bukit Mertajam (Cherok To' Kun), Hutan Paya Bakau Sungai Acheh, Entopia, Penang Hill UNESCO Biosphere Reserve, Kampong Agong, dan Penang River Cruise di Sungai Juru. Inisiatif ini menekankan aktiviti berasaskan alam seperti mendaki bukit, jelajah hutan (*eco trails*), pemerhatian burung, pelancongan pendidikan, dan program kesedaran biodiversiti. PGT turut menggalakkan agensi pelancongan tempatan membangunkan dan memasarkan pakej komuniti di kawasan luar bandar seperti Pulau Aman, Nibong Tebal dan Balik Pulau, termasuk aktiviti lawatan ke ladang, memancing dan pengalaman kampung yang dikendalikan oleh penduduk setempat. Promosi dilaksanakan secara aktif melalui media sosial, saluran *YouTube MyPenang*, dan laman rasmi PGT bagi menarik pelancong yang mengutamakan alam semula jadi dan gaya hidup lestari.

   Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekopelancongan di tanah besar Pulau Pinang. MBSP kini sedang

menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT, SPS) yang dijangka siap pada tahun 2026, bertujuan mendokumentasikan produk pelancongan tempatan dalam kategori warisan, budaya, gastronomi, *agrotourism, ecotourism*, sukan dan rekreasi. Selain itu, Sambutan Hari Warisan Seberang Perai sempena Festival Penang2030 telah diadakan di Kampung Agong, Penaga pada 12 Julai 2025, sebagai usaha meningkatkan kesedaran dan menarik pelancong ke kawasan ekopelancongan luar bandar. MBSP juga bekerjasama dengan pihak swasta dan komuniti tempatan, termasuk Auto-City Group, Think City Sdn. Bhd., dan agensi pelancongan negeri, dalam membangunkan produk seperti Penang River Cruise di Sungai Juru yang menampilkan pelayaran menyusuri perkampungan nelayan, ladang akuakultur dan hutan paya bakau. Di samping itu, MBSP turut giat mempromosikan kawasan Teluk Air Tawar–Kuala Muda (TAT-KM) sebagai destinasi ekopelancongan strategik melalui kolaborasi dengan NGO dan inisiatif *Bird Flyway*, bagi memelihara habitat burung migrasi serta memperkukuh potensi pelancongan alam semula jadi di Seberang Perai.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

9. Nyatakan jumlah bilangan kamera litar tertutup (CCTV) yang berfungsi di seluruh Pulau Pinang mengikut KADUN.

   (a) Berapakah buah CCTV akan dipasang oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2025 dan 2026 di setiap KADUN?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Sejumlah 1,525 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang dan masih berfungsi di seluruh Pulau Pinang. Perincian bilangan mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Maklumat bilangan CCTV yang akan dipasang oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2025 dan 2026 mengikut KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRANA

SENARAI KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) YANG TELAH DIPASANG DAN BEROPERASI MENGIKUT KADUN

NO	KADUN	BILANGAN (UNIT)
1	Penaga	0
2	Bertam	10
3	Pinang Tunggal	19
4	Permatang Berangan	5
5	Sungai Dua	7
6	Telok Ayer Tawar	2
7	Sungai Puyu	15
8	Bagan Jermal	0
9	Bagan Dalam	26
10	Seberang Jaya	153
11	Permatang Pasir	4
12	Penanti	6
13	Berapit	4
14	Machang Bubuk	16
15	Padang Lalang	3
16	Perai	25
17	Bukit Tengah	30
18	Bukit tambun	29
19	Jawi	16
20	Sungai Bakap	15
21	Sungai Acheh	3
22	Tanjong Bungah	131
23	Air Putih	13
24	Kebun Bunga	67
25	Pulau Tikus	67
26	Padang Kota	124
27	Pengkalan Kota	70
28	KOMTAR	122
29	Datok Keramat	37
30	Sungai Pinang	69
31	Batu Lancang	31
32	Seri Delima	41
33	Air Itam	28
34	Paya Terubong	72
35	Batu Uban	39
36	Pantai Jerejak	68
37	Batu Maung	83
38	Bayan Lepas	10
39	Pulau Betong	51
40	Telok Bahang	14
JUMLAH		**1,525**

LAMPIRAN B

SENARAI KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) YANG AKAN DIPASANG PADA TAHUN 2025 DAN 2026 MENGIKUT KADUN

NO	KADUN	TAHUN 2025	TAHUN 2026
		BILANGAN (UNIT)	BILANGAN (UNIT)
1	Penaga	7	0
2	Bertam	23	12
3	Pinang Tunggal	16	41
4	Permatang Berangan	12	0
5	Sungai Dua	17	19
6	Telok Ayer Tawar	2	8
7	Sungai Puyu	38	9
8	Bagan Jermal	13	11
9	Bagan Dalam	41	18
10	Seberang Jaya	36	125
11	Permatang Pasir	3	2
12	Penanti	6	5
13	Berapit	19	25
14	Machang Bubuk	19	45
15	Padang Lalang	9	5
16	Perai	28	90
17	Bukit Tengah	18	85
18	Bukit tambun	36	69
19	Jawi	22	19
20	Sungai Bakap	7	29
21	Sungai Acheh	6	5
22	Tanjong Bungah	0	Perancangan untuk pemasangan 300 unit CCTV. Lokasi akan ditentukan kemudian.
23	Air Putih	0	
24	Kebun Bunga	0	
25	Pulau Tikus	18	
26	Padang Kota	24	
27	Pengkalan Kota	0	
28	KOMTAR	12	
29	Datok Keramat	3	
30	Sungai Pinang	3	
31	Batu Lancang	12	
32	Seri Delima	0	
33	Air Itam	0	
34	Paya Terubong	6	
35	Batu Uban	3	
36	Pantai Jerejak	12	
37	Batu Maung	3	
38	Bayan Lepas	0	
39	Pulau Betong	0	
40	Telok Bahang	0	
JUMLAH		**474**	**922 (Anggaran)**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

10. Nyatakan berapa jumlah pekerja dan jumlah peruntukan keseluruhan emolumen untuk setiap syarikat berkaitan kerajaan (Government-linked Corporation) seperti Chief Minister Incorporated, Penang Global Tourism, Penang Green Council, Penang Development Corporation, Digital Penang dan George Town World Heritage Incorporated.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Jumlah pekerja serta peruntukan keseluruhan emolumen bagi Chief Minister Incorporated (CMI) dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah CMI iaitu Penang Global Tourism (PGT), Penang Green Council (PGC), Digital Penang dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bagi tahun 2025 adalah seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PEKERJA DAN PERUNTUKAN KESELURUHAN EMOLUMEN BAGI CHIEF MINISTER INCORPORATED (CMI) SERTA GLC DI BAWAHNYA IAITU PGC, DIGITAL PENANG, GTWHI DAN PGT BAGI TAHUN 2025

BIL.	NAMA	JUMLAH PEKERJA (SEMASA)	JUMLAH PERUNTUKAN EMOLUMEN TAHUN 2025 (RM)
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)	12 orang	RM693,921.36
2.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	15 orang	RM1,300,000.00
3.	Digital Penang Sdn. Bhd.	22 orang	RM2,886,500.00
4.	George Town World Heritage Incorporated Sdn. Bhd.	19 orang	RM1,070,108.57
5.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	15 orang	RM930,733.00

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

11. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan kereta dan motor yang berhenti di tepi jalan yang dilarang berhenti terutamanya di Jalan Jelutong, Jalan Macalister dan Jalan Burma?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Perancangan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurangkan kereta dan motosikal yang berhenti di tepi jalan yang dilarang berhenti di Jalan Jelutong, Jalan Macalister dan Jalan Burmah adalah seperti berikut:-

    (i) Melaksanakan Zon Larangan Berhenti bermula 01 Jun 2025 bagi lima (5) bahagian jalan utama seperti jalan berikut:-

        (a) Sebahagian Jalan Jelutong (dari Jalan Ahmad Nor ke Jalan Bukit Dumbar);

        (b) Sebahagian Jalan Burma (dari Jalan Cantonment ke Jalan Jones);

        (c) Sebahagian Jalan Macalister (dari Jalan Anson ke Jalan Penang);

        (d) Sebahagian Pengkalan Weld (dari Gat Lebuh Melayu ke Gat Lebuh Chulia); dan

(e) Sebahagian Jalan Masjid Kapitan Keling (dari Lebuh Bishop ke Lebuh Chulia) bagi mengurangkan gangguan kepada aliran lalu lintas dan memastikan lalu lintas bergerak lancar.

(ii) Membuat pemantauan melalui Kamera Litar Tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan yang terlibat. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan;

(iii) Membuat kerja-kerja pemasangan *railing* bagi mengurangkan kenderaan berhenti di tepi jalan dan seterusnya mengawal aktiviti jual beli di kawasan berkenaan;

(iv) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM);

(v) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak PDRM terutama pada waktu puncak untuk mengawal lalulintas di jalan-jalan ini;

(vi) Menyediakan perkhidmatan *e-hailing* yang dikenali sebagai 'Kumpool'. Perkhidmatan ini disediakan bertujuan untuk membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memberi kemudahan kepada orang awam sebagai alternatif lain untuk pengangkutan awam. Petak-petak *e-hailing* juga disediakan di kawasan-kawasan yang bersesuaian; dan

(vii) Menyediakan petak punggah-memunggah di kawasan-kawasan bersesuaian bagi mengurangkan masalah peletakan kenderaan perdagangan di tepi-tepi jalan utama.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

12. Nyatakan berapa jumlah peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2020, 2021, 2022, 2023, 2024 dan 2025 bagi membiayai kemudahan pengangkutan awam seperti Pas Mutiara, bas CAT Bridge, bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST), van Rapid Penang On-Demand dan lain-lain.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri bagi program-program kemudahan pengangkutan awam untuk tahun 2020 sehingga 2025 adalah sebanyak RM56,334,343.69.

    Perincian mengikut tahun dan program perkhidmatan adalah seperti di Jadual 1 di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRANA

JADUAL1

TAHUN	PERKHIDMATAN	JUMLAH BAYARAN (Termasuk SST)	JUMLAH KESELURUHAN BAYARAN SEBENAR
2020	BESTKOMTAR	RM669,754.11	**RM7,399,424.11**
	CAT BRIDGE	RM6,729,670.00	
2021	BESTKOMTAR	RM845,750.98	**RM8,665,932.98**
	CAT BRIDGE	RM5,699,200.00	
	PAS MY30	RM2,005,260.00	
	TAMBANG FERI	RM115,722.00	
2022	BESTKOMTAR	RM870,684.00	**RM10,308,685.60**
	CAT BRIDGE	RM2,920,000.00	
	PAS MY50	RM6,000,000.00	
	TAMBANG FERI	RM518,001.60	
2023	BESTKOMTAR	RM873,122.00	**RM14,505,726.00**
	CAT BRIDGE	RM4,380,000.00	
	PAS MY50	RM8,859,300.00	
	TAMBANG FERI	RM393,304.00	
2024	BESTKOMTAR	RM524,400.00	**RM10,259,750.00**
	CAT BRIDGE	RM4,392,000.00	
	PAS MY50	RM5,343,350.00	
2025	BESTKOMTAR	RM214,600.00	**RM5,194,825.00**
	CAT BRIDGE	RM2,172,000.00	
	PAS MY50	RM2,808,225.00	
		JUMLAH KESELURUHAN	**RM56,334,343.69**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

13. Nyatakan jumlah peruntukan atau perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membina jalan-jalan baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2025.

    (a) Namakan jalan-jalan baharu yang berkenaan.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membina jalan-jalan baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah sebanyak RM401,873,151.61 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Satu Juta Lapan Ratus Tujuh Puluh Tiga Satu Ratus Lima Puluh dan Satu Enam Puluh Satu Sen Sahaja) yang melibatkan 23 buah projek. Perincian perbelanjaan mengikut agensi pelaksana adalah seperti berikut:-

AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PROJEK	JUMLAH KOS(RM)
MBPP	2	RM383,344,716.07
MBSP	-	-
PDT DTL	-	-
PDT DBD	16	RM650,185.54
PDT SPU	-	-
PDT SPT	4	RM178,250.00
PDT SPS	-	-
JKR	1	RM17,700,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	23	RM401,873,151.61

(a) Perincian nama-nama jalan baharu sejak tahun 2020 sehingga 2025 mengikut agensi pelaksana adalah seperti di **LAMPIRANA**.

LAMPIRANA

PERINCIAN NAMA-NAMA JALAN BAHARU SEJAK TAHUN 2020 SEHINGGA 2025 MENGIKUT AGENSI PELAKSANA

BIL.	NAMA JALAN	TAHUN	AGENSI PELAKSANA
1.	PENYAMBUNGAN JALAN KAMPUNG PISANG KE JALAN THEAN TEK	2020	MBPP
2.	PEMBINAAN JALAN BERKEMBAR JALAN PAYA TERUBONG (BUKIT KUKUS)	2021	
3.	PEMBINAAN JALAN DI TANAH SIMPANAN JALAN PERMATANG DAMAR LAUT MENUJU KE LOT 838	2020	PDTDBD
4.	PEMBINAAN JALAN BARU DI KAMPUNG SERONOK - BAYAN LEPAS	2020	
5.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG KE TANAH PERKUBURAN ISLAM BERPUSAT DAERAH BARAT DAYA DI SUNGAI RUSA DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2021	
6.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI SUNGAI BURONG, BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2022	
7.	PEMBINAAN JALAN DI TITI TERAS, BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN (BERHADAPAN KAWASAN PERKUBURAN ISLAM TITI TERAS)	2022	
8.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI JALAN PRESINT 2 (LORONG 3), BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2022	
9.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG JALAN PRESINT 1 (LORONG 2), BALIK PULAU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2022	
10.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI LOT 10078 DAN LOT 237, MUKIM B DI SUNGAIRUSA	2023	
11.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 218, MUKIM A DI SUNGAI PINANG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2023	
12.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 851 DAN LOT 426, MUKIM B DI SUNGAI RUSA DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2023	

BIL.	NAMA JALAN	TAHUN	AGENSI PELAKSANA
13.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI LOT 342, BATU MAUNG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	PDT DBD
14.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI LOT 71916, BATU MAUNG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
15.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 1094, MUKIM 6 DI PONDOK UPEH DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
16.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT97, LOT 100 DAN LOT 104, MUKIM A DI SUNGAI PINANG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
17.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI ATAS LOT 96, MUKIM 6 DI PONDOK UPEH DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2024	
18.	PEMBINAAN JALAN BAHARU DI LOT 464, MUKIM D DI KAMPUNG JALAN BAHARU DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	2025	
19.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DI LOT 1285/565 DAN LAIN-LAIN KERJA-KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI KAMPUNG PELET, PENANTI	2020	PDT SPT
20.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG (FASA 1/2022) BINA BAHARU JALAN DI ATAS LOT 8416 DAN 8417, KEBUN SIREH	2022	
21.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG (FASA 1/2022) KERJA-KERJA MEMBINA JALAN BAHARU DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI LOT 1009, MUKIM 2, SUNGAI SINTOK, PERMATANG PASIR SEBERANG PERAI TENGAH	2022	
22.	PEMBINAAN JALAN KAMPUNG DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI LOT 1372, MUKIM 19, PENANTI, SEBERANG PERAI	2023	
23.	PEMBINAAN JALAN 100 KAKI DI BELAKANG CARREFOUR, SEBERANG JAYA, MUKIM 4, SEBERANG PERAI TENGAH	2027	JKR

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

14. Nyatakan jumlah keseluruhan pokok baharu yang telah ditanam oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri setiap tahun dari tahun 2020 sehingga 2025.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Penanaman pokok baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang dilaksanakan oleh pelbagai agensi termasuk Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan, Penang Development Corporation (PDC), Jabatan Taman Botani, Jabatan Perhilitan serta Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai).

Berdasarkan maklumat Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), jumlah keseluruhan pokok baharu yang telah ditanam di seluruh negeri bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Pokok Baharu Ditanam
2020	37,622
2021	45,353
2022	50,021
2023	53,996
2024	432,567
2025 (Sehingga Ogos 2025)	33,436
Jumlah Keseluruhan	**652,995**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

15. Nyatakan perancangan untuk menyediakan lebih banyak tempat letak kereta di kawasan Pasar Pulau Tikus untuk kegunaan orang ramai.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil perhatian serius berhubung keperluan tempat letak kereta di kawasan Pasar Pulau Tikus terutamanya pada waktu puncak.

    MBPP sedang melaksanakan kajian ke atas Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035 dan langkah-langkah untuk penambahan ruang atau tempat letak kereta di kawasan Pasar Pulau Tikus akan diteliti dan diberi keutamaan dalam kajian tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

16. Nyatakan perancangan pembangunan jangka masa panjang atau pembangunan semula kampung oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang di tanah kawasan Kampung Bagan Jermal di KADUN Pulau Tikus.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Pada masa ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan pembangunan semula di atas tanah milik MBPP yang terletak di kawasan Kampung Bagan Jermal, Tanjong Tokong, Pulau Pinang.

    Keutamaan MBPP pada masa ini adalah tertumpu kepada kawasan Kampung Sireh, Jalan Perak, dan beberapa kawasan lain yang telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemajuan Tetap MBPP. Setiap keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh pihak MBPP dengan mengambil kira faktor kesesuaian dan keperluan semasa di kawasan tersebut. Pembangunan yang sedang dirancang di kawasan-kawasan tersebut akan dijadikan sebagai model rujukan bagi pelaksanaan pembangunan tanah milik MBPP pada masa hadapan.

    Sehubungan dengan itu, Kampung Bagan Jermal akan dikekalkan sebagai kawasan kampung tanpa sebarang perubahan kepada status semasanya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

17. Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menaik taraf sistem perparitan di KADUN Pulau Tikus dari tahun 2023 hingga 2025.

    (a) Berapakah peruntukan akan disediakan pada tahun 2026 untuk kerja tersebut?

    (b) Nyatakan longkang dan parit mana yang akan dinaik taraf pada tahun 2026.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menaik taraf sistem perparitan di KADUN Pulau Tikus dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: PERUNTUKAN NAIK TARAF PERPARITAN KADUN PULAU TIKUS MENGIKUT AGENSI (2023-2025)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	
	JPSPP	MBPP
2023	99,740.00	900,062.30
2024	99,901.00	356,482.88
2025	49,990.00	287,312.00

    (a) Bagi tahun 2026, JPSPP memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 bagi kerja-kerja pemuliharaan dan

penyelenggaraan sungai di KADUN Pulau Tikus. MBPP pula tidak memperuntukkan sebarang perbelanjaan khusus untuk tujuan tersebut. Walau bagalmanapun, pihak MBPP telah melantik tiga (3) kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan tahunan melibatkan Zon A yang turut merangkumi KADUN Pulau Tikus seperti berikut:

(i) Satu (1) kontraktor tahunan bagl kerja membina dan menyelenggara sistem perparitan;

(ii) Satu (1) kontraktor tahunan bagi kerja membina dan menyelenggara gegili dan bahu jalan; dan

(iii) Satu (1) kontraktor tahunan bagi kerja membina dan menyelenggara sistem perparitan dan bahu jalan bagi seluruh pulau.

(b) Dua (2) program/ kerja yang akan dilaksanakan oleh JPSPP di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2026 adalah seperti berikut:

(i) Program pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di Sungai Babi dan kerja-kerja berkaitan; dan

(Ii) Kerja penyelenggaraan saliran Sungai Bagan Jermal dan kerja-kerja berkaitan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS YB JOSHUA WOO SZE ZENG

18. Nyatakan projek-projek pembinaan jalan baharu atau pelebaran jalan di kawasan KADUN Pulau Tikus yang akan dilaksanakan pada tahun 2026 dan 2027 berserta dengan kos untuk setiap projek.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Terdapat dua (2) buah projek pembinaan jalan baharu atau pelebaran kawasan jalan di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus yang akan dilaksanakan pada tahun 2026 dan 2027. Keterangan lanjut berserta kos untuk setiap projek adalah seperti berikut:

Tajuk Projek	Anggaran Kos (RM)	Tempoh Pelaksanaan
Pembinaan Jalan Bawah (*Underpass*) untuk Menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal	33,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tiga Juta Sahaja)	2026 sehingga 2029

Tajuk Projek	Anggaran Kos (RM)	Tempoh Pelaksanaan
Projek Menaik Taraf Jalan di sebahagian Jalan Tanjong Tokong dari Tingkat Hock Hin ke Jalan Fettes.	RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu Sahaja)	2026
Jumlah	**33,500,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tiga Juta Lima Ratus Ribu Sahaja)**	

MESYUARATKEDUAPENGGALKETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

19. Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2023, 2024 dan 2025. Nyatakan berapa peruntukan yang telah diberi kepada setiap sekolah.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten menyediakan peruntukan tahunan untuk pelbagai jenis sekolah di seluruh negeri termasuk dalam kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus. Antara kategori sekolah yang terlibat adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Peruntukan ini disalurkan melalui permohonan dan keperluan sekolah berkaitan projek penyelenggaraan, naik taraf dan program pendidikan. Statistik peruntukan Kerajaan Negeri kepada sekolah dalam KADUN Pulau Tikus seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

STATISTIK PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEPADA SEKOLAH DI KAWASAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN) PULAU TIKUS

TAHUN	SJKC (RM)	SMPC (RM)	SEKOLAH MUBALIGH (RM)	SAR (RM)
2023	23,000.00	400,000.00	24,000.00	53,070.00
2024	35,000.00	400,000.00	20,000.00	57,828.00
2025	38,000.00	400,000.00	35,000.00	57,348.00 (anggaran yang akan diagihkan pada Disember 2025)

MESYUARATKEDUAPENGGALKETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVI)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG

20. Nyatakan berapa kes pokok tumbang yang telah berlaku di KADUN Pulau Tikus pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

    (a) Berapakah kos telah digunakan oleh Kerajaan Negeri dan MBPP / MBSP untuk memeriksa dan merawat pokok-pokok di seluruh negeri pada tahun 2023, 2024 dan 2025?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sejumlah 53 kes pokok tumbang telah direkodkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Tikus dari tahun 2023 sehingga 2025 mengikut perincian seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2023	16
2024	29
2025	8
JUMLAH	**53**

    (a) Jumlah kos yang telah digunakan oleh MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Jaya (MBSP) untuk tujuan memeriksa dan merawat pokok-pokok bagi tempoh 2023 sehingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	MBPP	MBSP
	KOS (RM)	
2023	0.00	0.00
2024	1,700,000.00	50,000.00
2025	988,800.00	0.00
JUMLAH	**2,688,800.00**	**50,000.00**

Pihak MBSP juga melaksanakan pemeriksaan dan perawatan menggunakan peruntukan di bawah *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS) yang melibatkan kontrak melangkau tahun, di mana tempoh kontrak tersebut bermula pada tahun 2022. Justeru itu, jumlah kos keseluruhan untuk tujuan tersebut diambil kira dari tahun 2022 sehingga 2025 iaitu sebanyak RM20,712,876.96 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Tujuh Ratus Dua Belas Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Enam dan Sembilan Puluh Enam Sen Sahaja).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

1. Adakah Kerajaan Negeri akan menaikkan syarat kelayakan penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya kepada isi rumah berpendapatan RM1,700.00 sebulan selari dengan pengumuman Kerajaan yang mensyaratkan kadar gaji minimum kepada semua majikan adalah sebanyak RM1,700.00 sebulan berkuat kuasa 1 Februari 2025?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Fokus utama Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah bagi menyediakan kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah yang layak. Tiada keperluan buat masa ini untuk menetapkan syarat had pendapatan isi rumah sebanyak RM1,700.00 untuk memohon unit PPR. Sistem penggiliran penyewaan setiap tiga (3) tahun bagi penyewa yang layak dilihat lebih efektif berbanding menaikkan had pendapatan.

   Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang tiada perancangan untuk meningkatkan had pendapatan isi rumah sebanyak RM1,700.00 sebagai salah satu (1) syarat kelayakan untuk memohon unit PPR memandangkan masih terdapat pemohon yang layak dengan pendapatan di bawah kadar RM1,500.00 dalam senarai menunggu PPR. Penetapan ini selaras dengan matlamat asal program untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar untuk mendiami tempat tinggal yang selamat dan sejahtera.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

2. Nyatakan jumlah pengurangan sisa pepejal yang berjaya dicapai hasil pelaksanaan Material Recovery Facility (MRF) dan Gasification Plant di Pusat Transit Sampah Ampang Jajar.

   (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi maksud tersebut dan tempoh jangkaan pulangan modal (ROI)?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (*Integrated Solid Waste Management Centre* – ISWMC) di Ampang Jajar dijadualkan untuk memulakan pengoperasian pada Februari 2026. Setelah beroperasi, pusat ini dijangka dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal sebanyak 325 tan sehari pada tahun pertama dan kadar pengurangan tersebut dijangka meningkat kepada 585 tan sehari dalam tempoh lima (5) tahun.

   Bagi komponen Loji Gasifikasi (*Gasification Plant*), dianggarkan sebanyak 685 MMBtu (*Million British Thermal Units*) gas bio-metana dapat dihasilkan setiap hari, bersamaan purata 250,000 MMBtu setahun.

   (a) Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat, manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) hanya

perlu membayar caj fi pelupusan sisa (*tipping fees*) setelah pengoperasian dimulakan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

3. Adakah pemindahan Klinik Kesihatan Mak Mandin ke Bagan Ajam (akan dikenali Klinik Kesihatan Bagan Ajam) akan melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan dan penambahan lorong di Jalan Thamby Kecil bagi mengatasi kesesakan trafik?

   (a) Berapakah jumlah petak parkir kenderaan yang akan disediakan dalam kawasan klinik baru berbanding di KK Mak Mandin?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Pemindahan Klinik Kesihatan Mak Mandin ke Bagan Ajam yang akan dikenali sebagai Klinik Kesihatan Bagan Ajam tidak melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan dan penambahan lorong di Jalan Thamby Kecil. Walau bagaimanapun, pembinaan satu (1) lorong nyahpecutan (*deceleration lane*) akan dilaksanakan bagi laluan masuk utama ke kawasan klinik, tertakluk kepada rizab jalan sedia ada seluas 50 kaki yang akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kerja-kerja penyambungan serta pembinaan keseluruhan jajaran jalan di dalam rizab 50 kaki di luar kawasan tapak projek adalah di bawah tanggungjawab MBSP.

   (a) Sejumlah 155 petak parkir kereta, empat (4) petak parkir khas Orang Kurang Upaya (OKU) dan 82 petak parkir motosikal akan disediakan di Klinik Kesihatan Bagan Ajam. Bilangan petak parkir kenderaan di sini adalah lebih banyak berbanding di Klinik Kesihatan Mak Mandin yang mempunyai 76 petak parkir kereta, empat (4) petak parkir OKU dan 30 petak parkir motosikal sahaja.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

4. Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam menyokong sekolah-sekolah di bawah pentadbiran persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) yang berdepan kekangan kewangan bagi menganjurkan aktiviti pelajar?

   (a) Adakah Kerajaan Negeri sedia memperuntukkan sejumlah dana untuk membantu PIBG-PIBG di seluruh Negeri Pulau Pinang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai pelbagai inisiatif dan peruntukan untuk menyokong sekolah-sekolah di negeri tersebut, termasuk membantu Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang berdepan kekangan kewangan bagi menganjurkan aktiviti pelajar.Beberapa cara dan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan sokongan termasuk:

   (i) Peruntukan Pembangunan Pendidikan Tahunan

   Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten memperuntukkan dana yang besar dalam belanjawan tahunannya untuk sektor pendidikan di negeri. Peruntukan ini disalurkan kepada pelbagai jenis sekolah, termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, dan

sekolah swasta yang tertentu. Oleh itu, sebahagian daripada peruntukan ini boleh digunakan untuk menyokong aktiviti pelajar dan pembangunan sekolah yang diuruskan oleh PIBG;

(ii) Pemberian Dana Program Secara Permohonan

Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO Pendidikan dan Pengajian Tinggi sentiasa terbuka untuk menerima permohonan berkaitan program yang akan dianjurkan oleh pihak PIBG jika program tersebut memberi kebaikan kepada pelajar di sekolah. Peruntukan ini juga tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri;

(iii) Kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk memastikan bantuan disalurkan secara efisien dan telus kepada sekolah yang memerlukan. Pihak sekolah melalui PIBG perlu mengikut prosedur permohonan yang ditetapkan untuk mendapatkan bantuan ini; dan

(iv) Inisiatif Bantuan Awal Persekolahan dan Biasiswa Kecil Negeri (BKN)

Kerajaan Negeri juga mempunyai inisiatif lain yang secara tidak langsung meringankan beban kewangan ibu bapa seperti bantuan awal persekolahan, pembelian peralatan dan Biasiswa Kecil Negeri (BKN). Hal ini membolehkan ibu bapa menumpukan sumber kewangan mereka kepada yuran PIBG atau aktiviti tambahan yang lain.

(a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan apa-apa peruntukan khas kepada PIBG sekolah di Negeri Pulau

Pinang. Namun begitu, pihak PIBG boleh menghantar permohonan untuk dipertimbangkan berdasarkan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri. Hal ini kerana Kerajaan Negeri sentiasa komited memberikan sokongan kewangan dan infrastruktur yang ketara kepada sekolah dalam memastikan aktiviti pelajar dapat dijalankan dengan baik walaupun terdapat kekangan kewangan. Oleh itu, pihak PIBG dapat mengalihkan fokus dana PIBG yang terhad untuk menganjurkan aktiviti lain demi kepentingan dan kebajikan pelajar.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

5. Apakah cadangan Kerajaan Negeri bagi menyuraikan kesesakan trafik di persimpangan lampu isyarat Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) dekat Bagan Ajam pada waktu pagi dan peningkatan trafik pada waktu kemuncak?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Cadangan Kerajaan Negeri bagi menyuraikan kesesakan trafik di persimpangan lampu isyarat Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) berdekatan kawasan Bagan Ajam pada waktu puncak pagi dan petang adalah seperti berikut:

   (a) Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah membuat pemantauan dan mengenal pasti permasalahan yang terlibat dengan mengambil tindakan penambahan bilangan pegawai penguat kuasa untuk bertugas di persimpangan utama lampu isyarat BORR pada waktu puncak pagi dan petang bagi mengawal aliran kenderaan dan memastikan tiada pemandu memotong barisan sehingga mengganggu aliran trafik. Pihak PDRM berkomited untuk membuat pemantauan secara berkala dari semasa ke semasa bagi menangani isu kesesakan trafik di kawasan tersebut; dan

   (b) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai perancangan bagi projek menaik taraf persimpangan BORR (Seksyen 765) ke Permatang Pak Elong (Sek.773) FT001, Seberang Perai Utara. Perancangan projek ini masih di peringkat reka

bentuk dan proses pengambilan balik tanah yang merupakan projek sambungan kepada projek naik taraf Laluan FT001 yang telah siap pembinaan pada tahun 2022. Projek ini juga dijangka dapat meningkatkan kelancaran trafik dan mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak di persimpangan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

6. Senaraikan jumlah dan lokasi penternak lembu yang menjalankan aktiviti penternakan tanpa lesen di sekitar kawasan Parlimen Bagan.

   (a) Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap aktiviti ternakan lembu haram bagi mengelak pencemaran dan gangguan kepada penduduk setempat?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengenal pasti seramai lima (5) orang penternak lembu tanpa lesen di sekitar kawasan Parlimen Bagan iaitu empat (4) orang penternak di sekitar Kampung Tok Sani, Butterworth dan satu (1) orang penternak di sekitar Kampung Benggali, Butterworth.

   (a) Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Bahagian Veterinar MBSP terhadap aktiviti penternakan lembu haram bagi mengelakkan pencemaran dan gangguan kepada penduduk setempat adalah seperti berikut:

      i. Mengeluarkan kompaun di bawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 (kompaun tanpa lesen);

      ii. Mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 *[Akta 171]* supaya tidak melepaskan ternakan lembu berkeliaran di kawasan awam;

iii. Mengeluarkan kompaun di bawah Undang-undang Kecil Haiwan Merayau MPSP 1990; dan

iv. Rondaan dan pemantauan berkala bagi operasi tangkapan ternakan lembu yang merayau di kawasan-kawasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

7. Apakah status terkini rancangan pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (PSB) bagi Projek Perumahan Taman Mesra, Bagan Lalang yang melibatkan 23 blok rumah kediaman kos rendah berbilang tingkat dan merangkumi sebanyak 816 petak?

   (a) Bilakah tapak pembangunan unit rumah gantian akan bermula sebelum blok-blok kediaman sedia ada dibangunkan semula secara berfasa?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melantik Perunding Pengurusan Projek (PMC) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan LPNPP pada 14 Oktober 2025. Seterusnya, LPNPP kini sedang dalam perancangan untuk mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama pemilik-pemilik rumah Taman Mesra buat kali kedua bagi memberikan penerangan lanjut berkaitan cadangan konsep Pembaharuan Semula Bandar (PSB) Taman Mesra. SLU tersebut dicadang untuk diadakan pada bulan Disember 2025.

   (a) Pelaksanaan Projek PSB Taman Mesra masih di peringkat awal perancangan dan akan dimuktamadkan setelah pelantikan pemaju melalui proses *Request for Proposal (RFP)* yang dijangka akan dilaksanakan pada sukuan pertama tahun 2026.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

8. Apakah langkah mitigasi yang dirancang bagi kawasan Sungai Puyu dan Bagan Ajam yang dijangka terkesan dengan peningkatan aliran kenderaan semasa pelaksanaan projek penyuraian trafik di antara Plaza Tol Juru dan Sungai Dua?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

   Antara langkah mitigasi yang dirancang bagi kawasan Sungai Puyu dan Bagan Ajam yang dijangka terkesan dengan peningkatan aliran kenderaan semasa pelaksanaan projek ini adalah:

   (i) Penyediaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) oleh kontraktor dilantik yang merangkumi laluan alternatif, penutupan lorong berperingkat dan kawalan trafik di persimpangan utama;

   (ii) Pemasangan papan tanda tunjuk arah sementara dan tetap dipasang di laluan utama dan laluan alternatif supaya

pemandu dapat menyesuaikan haluan sebelum tiba di kawasan kerja;

(iii) Penjadualan kerja pembinaan di luar waktu puncak bagi mengurangkan kesesakan;

(iv) Penyediaan laluan lencongan sementara serta penempatan flagman (petugas kawalan trafik) di lokasi strategik bagi membantu pengaliran kenderaan dan keselamatan pengguna;

(v) Pihak kontraktor yang dilantik di bawah KKR turut dikehendaki mengemukakan langkah mitigasi khusus bagi kawasan Sungai Puyu, Bagan Ajam serta jalan-jalan tempatan yang berpotensi terjejas, bagi mengelakkan kesesakan dan gangguan trafik sepanjang tempoh pelaksanaan projek;

(vi) Pemantauan bersama KKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Projek Lebuhraya Utara–Selatan (PLUS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi memastikan pelaksanaan TMP berjalan lancar dan tidak menjejaskan jalan tempatan;

(vii) Penyampaian Makluman kepada Pengguna Jalan mengenai maklumat terkini akan disampaikan secara berkala melalui media sosial dan saluran rasmi. Tujuannya adalah untuk membolehkan penduduk serta pengguna jalan, terutamanya di kawasan seperti Sungai Puyu dan Bagan Ajam membuat perancangan awal perjalanan;

(viii) Penempatan papan tanda di lokasi strategik dimana diletakkan pada jarak yang mencukupi sebelum kawasan kerja agar pengguna jalan mempunyai masa untuk menukar lorong atau haluan tanpa tergesa-gesa. Termasuk kawasan sekitar Sungai Puyu, Bagan Ajam, dan susur keluar ke Lebuhraya Utara-Selatan;

(ix) Pemasangan papan tanda yang mencukupi dan maklumat tepat di mana pengguna tidak akan keliru atau tersilap jalan, sekali gus mengelakkan *bottleneck* atau punca kesesakan tambahan; dan

(x) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala papan tanda sementara akan diperiksa secara rutin untuk memastikan ia kekal dalam keadaan baik, jelas kelihatan pada waktu siang dan malam, serta tidak dihalang oleh kerja-kerja pembinaan.

Semua langkah mitigasi ini perlu dikemukakan oleh pihak KKR atau kontraktor yang dilantik, termasuk TMP, untuk kelulusan jabatan-jabatan teknikal sebelum pelaksanaan projek.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

9. Apakah status terkini rancangan pelaksanaan Skim Perumahan Sewa Beli (Rent to Own) melibatkan penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya?

   (a) Berapakah jumlah penduduk yang masih belum menyelesaikan tunggakan?

   (b) Bilakah kerja-kerja pembaikan kebocoran bumbung di tingkat atas yang dilaporkan sudah begitu lama akan dilaksanakan?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Pelaksanaan cadangan penukaran Skim Sewa Beli (*Rent to Own* – RTO) di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya tidak dapat dilaksanakan pada masa ini memandangkan sebahagian besar penyewa masih mempunyai tunggakan sewa yang tinggi. Kerajaan Negeri masih memerlukan unit-unit sewaan di PPR Taman Bagan Jaya bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah, selaras dengan matlamat menyediakan kediaman mampu milik kepada rakyat yang benar-benar memerlukan.

   Pada masa yang sama, proses pemutihan sedang dijalankan bagi mengenal pasti dan menangani unit-unit yang telah hilang kelayakan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil secara menyeluruh di semua skim PPR dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan

pengurusan perumahan rakyat dilaksanakan secara telus dan berkesan.

(a) Sehingga bulan Oktober 2025, keseluruhan jumlah tunggakan sewa di PPR Taman Bagan Jaya adalah sebanyak RM1,386,266.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Enam Ribu Dua Ratus Enan Puluh Enam Sahaja) yang melibatkan sebanyak 302 lejer.

(b) Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis air bagi menangani kebocoran siling di unit tingkat atas sedang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang melalui kontraktor yang dilantik. Pelaksanaan kerja-kerja tersebut telah bermula pada 3 September 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada 26 November 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

10. Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan lampu jalan di sepanjang laluan perumahan kampung yang didiami majoriti penduduk Melayu di Lorong Bagan Lalang, Butterworth yang bergelap sejak puluhan tahun?

    (a) Apakah halangan dan kekangan yang menyebabkan perkampungan tersebut tidak mempunyai lampu jalan?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) telah membuat semakan dan mendapati kawasan perumahan kampung tersebut merupakan tanah Kerajaan Negeri bersebelahan Lot 2817, Mukim 16, Seberang Perai Utara, yang telah diberi Lesen Pendudukan Sementara (LPS).

    Jajaran laluan bagi cadangan pemasangan lampu jalan adalah berstatus Jalan Kampung yang didaftarkan di bawah sistem MARRIS dan diselenggara oleh PDTSPU.

    Sehubungan dengan itu, pihak Pejabat Daerah akan menyediakan perancangan penstrukturan semula pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan berkenaan untuk diangkat kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi pertimbangan dan pelaksanaan seterusnya.

(a) Berdasarkan semakan, didapati terdapat tiang-tiang berlampu sedia ada yang disediakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), namun kedudukannya terhalang oleh binaan rumah dan penjajaran jalan yang lazim digunakan oleh penduduk.

Bagi mengatasi keadaan ini, pemasangan lampu baharu akan dicadangkan pada tiang-tiang yang terletak di atas jajaran jalan lazim sedia ada, iaitu jalan sambungan dari Lorong Bagan Lalang, bagi memastikan pencahayaan yang lebih menyeluruh, selamat dan memberi manfaat kepada penduduk setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

11. Senaraikan jumlah Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang aktif dan tidak aktif di perumahan sekitar kawasan DUN Sungai Puyu.

    (a) Apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan untuk mewujudkan semula JMB yang tidak aktif?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Terdapat 12 buah Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan 29 buah Perbadanan Pengurusan (MC) bagi skim perumahan dalam kawasan DUN Sungai Puyu. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) buah JMB adalah aktif dan tiga (3) buah JMB adalah tidak aktif. Manakala bagi MC pula, 18 buah MC adalah aktif dan 11 buah MC adalah tidak aktif. Selain itu, masih terdapat tiga (3) skim perumahan yang masih belum menubuhkan JMB/MC. Perincian JMB/MC dalam kawasan DUN Sungai Puyu adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) sentiasa mengeluarkan surat peringatan kepada JMB/MC agar dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). Selain itu, COB juga turut mengeluarkan surat wakil kepada pemilik-pemilik rumah untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi tujuan pelaksanaan pelantikan jawatankuasa baharu JMB/MC berdasarkan

peruntukan di bawah Perenggan 11(5)(a), Jadual Kedua, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

COB juga dalam usaha untuk membuat lantikan ejen pengurusan bagi skim perumahan tertentu mengikut kesesuaian.

DUN SUNGAI PUYU SEBERANG PERAI UTARA (JMB)

BIL	NO. LOT	JMB/MC	MK.	NAMA TAMAN	ALAMAT	PARLIMEN	DUN	SKIM	LAST AGM	CATITAN
1	10051	JMB	9	**TMN SELAYANG UTAMA**	BILIK PENGURUSAN TMN SELAYANG UTAMA, NO.2, LRG SELAYANG UTAMA 1, TMN SELAYANG, UTAMA, 13020 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
2	1490	JMB	9	**TMN SELAYANG UTAMA**	BILIK PENGURUSAN TMN SELAYANG UTAMA, NO 2, LRG SELAYANG UTAMA 1,TMN SELAYANG, UTAMA, 13020 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
3	2703	JMB	14	**TMN MESRA- BLOK 21 & 22**	JMB TAMAN MESRA, BADAN PENGURUSAN TAMAN MESRA, JALAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	R/PANGSA KOS RENDAH	2014	TIDAK AKTIF
4	5677	JMB	14	**PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA**	PEJABAT PENGURUSAN A-G-19, R/P KOS RENDAH, PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA, 12300 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	R/PANGSA KOS RENDAH	2024	AKTIF
5	964 & 967	JMB	14	**PANGSAPURI SERI CHEMPA**	PEJABAT PENGURUSAN, LORONG WIDURI 1, 12200 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2023	AKTIF
6	3962	JMB	14	**TMN SERI ARA (MANDARIN QUARTER)**	NO 12A, JLN SERI ARA 1, TMN SERI ARA, 13000 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2012	TIDAK AKTIF
7	801	JMB	14	**TMN SERI SEGAR**	BILIK PENGURUSAN TAMAN SERI SEGAR, TAMAN SERI SEGAR, BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF

8	5148	JMB	14	**PANGSAPURI TMN MAK MANDIN JAYA**	PEJABAT PENGURUSAN GROUND FLOOR, LORONG MAK MANDIN JAYA 2, 12300,BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2024	AKTIF
9	10120	JMB	14	**PANGSAPURI HIJAU INDAH, JALAN CAPRI, 12000 BUTTERWORTH**	PEJ PENGURUSAN,TINGKAT BAWAH R/PANGSA, TMN AMPANG JAJAR,JLN PERMATANG PAUH, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	R/PANGSA KOS RENDAH	2024	AKTIF
10	20022	JMB	14	**PANGSAPURI MESRA JAYA**	PEJABAT PENGURUSAN NO. 3-17 PANGSAPURI MESRA, JAYA, LORONG MESRA PERMAI 4, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2023	AKTIF
11	20107	JMB	14	**TMN SEGEMAL INDAH**	PEJABAT PENGURUSAN, SOLOK SEGEMAL INDAH, TAMAN SEGEMAL INDAH, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
12	17,491,751	JMB	14	**PANGSAPURI VISTA SAMUDERA**	NO. 5-01,PANGSAPURI VISTA SAMUDERA, JALAN SAMUDERA, 12200 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2017	TIDAK AKTIF
13	2495		14	TAMAN TANJUNG INDAH		P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*		BELUM ADA JMB/MC
14	3587		16	TAMAN SERI PINANG		P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	KOMERSIAL		BELUM ADA JMB/MC
15	2687		14	PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA		P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	KOMERSIAL		BELUM ADA JMB/MC

PETUNJUK

AKTIF :	**9**
TIDAK AKTIF :	**3**
BELUM ADA JMB/MC :	**3**
JUMLAH	**15**

DUN SUNGAI PUYU SEBERANG PERAI UTARA (MC)

BIL	NO. LOT	JMB/MC	MK.	NAMA TAMAN	ALAMAT	PARLIMEN	DUN	SKIM	LAST AGM	CATITAN
1	3	MC	9	**PANGSAPURI OREN 3**	5-3A, PEJABAT PENGURUSAN PANGSAPURI OREN 3, JALAN PANTAI BERSIH, 13000 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2024	AKTIF
2	10030	MC	9	**TMN DESA OREN**	108 LORONG DESA OREN 1, TAMAN DESA OREN SUNGAI PUYU, 13020 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
3	5328	MC	9	**PANGSAPURI OREN 4**	5-3A, PEJABAT PENGURUSAN PANGSAPURI OREN 3, JALAN PANTAI BERSIH, 13000 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2024	AKTIF
4	1415	MC	9	**RESIDENSI ZAMRUD**	PEJABAT PENGURUSAN, PERSIARAN ZAMRUD, 13050 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
5	530	MC	14	**TMN SENTRAL (BLOK A & B)**	BLK PENGURUSAN TKT BAWAH PANGSAPURI SENTRAL, JLN SENTRAL, TMN SENTRAL, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSA	2019	TIDAK AKTIF
6	5736	MC	14	**TMN SENTRAL**	BILIK PENGURUSAN, TINGKAT BAWAH, R/PANGSA SENTRAL, TMN SENTRAL, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	R/PANGSA KOS RENDAH	2024	AKTIF
7	5, 351, 081	MC	14	**PANGSAPURI CARISSA**	PEJABAT PENGURUSAN, G-01, PANGSAPURI CARRISA, LORONG PERUSAHAAN RINGAN 2, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2024	AKTIF
8	10023	MC	14	**VILLA TANJUNG**	MANAGEMENT OFFICE A01-13, JALAN VILLA TANJUNG BUTTERWORTH, 12300 PULAU PINANG	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2024	AKTIF
9	3685	MC	14	**PANGSAPURI TANJUNG PERMAI**	LORONG TANJUNG INDAH 2, TAMAN TANJUNG INDAH, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2023	AKTIF
10	20055	MC	14	**TMN CARISSA VILLA**	NO. 3, JALAN CARISSA VILLA, TAMAN CARISSA VILLA, 13400	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF

					BUTTERWORTH					
11	20148	MC	14	**TMN REGENSI OREN**	G-01, PANGSAPURI REGENSI OREN, LORONG SERI TANJUNG 1, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2023	AKTIF
12	185	MC	14	**PANGSAPURI KAMELIA**	NO. 1, RUMAH KELAB, PANGSAPURI KAMELIA, JALAN KAMPUNG PAYA, 12200 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2022	TIDAK AKTIF
13	20091	MC	14	**TAMAN VILA PERMAI**	NO 10 JALAN VILA PERMAI, TAMAN VILA PERMAI, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
14	2494	MC	14	**TAMAN TANJUNG INDAH**		P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*TOWNHOUSE*		TIDAK AKTIF
15	2493	MC	14	**TAMAN TANJUNG INDAH**		P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*		TIDAK AKTIF
16	5331	MC	14	**TAMAN SEGAR JAYA (DELINK)**	BILIK PENGURUSAN TAMAN SEGAR JAYA, TAMAN SEGAR JAYA, BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
17	20150	MC	14	**PANGSAPURI SEGEMAL INDAH**	NO. G-03 PANGSAPURI SEGEMAL INDAH, JALAN SEGEMAL, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2024	AKTIF
18	3443	MC	16	**TAMAN BAGAN LALANG (BLOK B)**	BLOK A, LORONG BAGAN LALANG 14, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSA	2019	TIDAK AKTIF
19	3444	MC	16	**TAMAN BAGAN LALANG (BLOK B)**	LORONG BAGAN LALANG 14, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSA	2024	TIDAK AKTIF
20	3445	MC	16	**TAMAN BAGAN LALANG (BLOK C)**	LORONG BAGAN LALANG 16, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSA	2019	TIDAK AKTIF
21	3446	MC	16	**TAMAN BAGAN LALANG (BLOK D)**	LORONG BAGAN LALANG 18, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSA	2019	TIDAK AKTIF
22	3559	MC	16	**TAMAN BAGAN LALANG (BLOK E)**	LORONG BAGAN LALANG 22, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSA	2008	TIDAK AKTIF

26	10089	MC	16	**TAMAN CASA UTOPIA**	A-G-03, TAMAN CASA UTOPIA, LORONG SUNGAI DUA, UTAMA 34, 13800 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	KONDO	2024	AKTIF
27	10071	MC	16	**TAMAN CASSA MAYA**	NO.2, PEJABAT PENGURUSAN DAN DEWAN ORANG RAMAI, LORONG CASSA MAYA 1, TMN CASSA MAYA, 13800 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED*	2024	AKTIF
28	10176	MC	16	**TAMAN JATI**	7335, JALAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	*LANDED* -TERES 3 TGKT	2023	AKTIF
29	10175	MC	16	**PANGSAPURI JATI**	7335, JALAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH	P43 - BAGAN	N7 - SUNGAI PUYU	PANGSAPURI	2023	AKTIF

PETUNJUK

AKTIF :	**18**
TIDAK AKTIF :	**11**
JUMLAH :	**29**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

12. Apakah status terkini cadangan pemutihan kilang-kilang yang berada di antara laluan Kampung Tok Sani dan Taman Sri Pinang, Sungai Puyu?

    (a) Bilakah kerja-kerja naik taraf, pembaikan dan pelebaran jalan di hadapan kawasan pembangunan industri yang terlibat boleh dilaksanakan bagi memberi keselesaan kepada penduduk setempat menggunakan jalan tersebut yang semakin teruk?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 09 Tahun 2025 pada 30 Oktober 2025 telah meluluskan Cadangan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

    Program ini melibatkan sebanyak 183 buah kilang dengan 277 lot tanah yang terletak di tiga (3) buah daerah dalam kawasan pentadbiran MBSP. Garis panduan pelaksanaan program ini adalah merujuk kepada Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Merancang di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Syarat pelaksanaan program pemutihan adalah seperti berikut:

    (i) Tempoh Perlingkungan Semula kepada Zon Industri ini adalah selama dua (2) tahun sahaja dan berkuat kuasa

dari tarikh kelulusan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan tarikh surat makluman kepada pemilik kilang/ tanah. Dalam tempoh dua (2) tahun tersebut senarai kilang-kilang yang telah diluluskan Perlingkungan Semula dikehendaki mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) kepada pihak MBSP;

(ii) Selepas tamat tempoh dua (2) tahun tersebut, tindakan penguatkuasaan secara intensif akan dilaksanakan ke atas senarai kilang-kilang yang tidak mengambil apa-apa tindakan bagi mendapatkan kelulusan dan kebenaran daripada pihak MBSP; dan

(iii) Pemilik tanah/ kilang yang tidak mengemukakan PKM dalam tempoh dua (2) tahun tersebut atau PKM yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dikehendaki mematuhi keputusan tersebut dan memberhentikan operasi, mengosongkan dan memulihkan tapak kepada keadaan asal.

Kerja-kerja penaiktarafan, pembaikan dan pelebaran jalan di hadapan kawasan pembangunan industri yang terlibat akan dilaksanakan setelah pihak kilang mengemukakan PKM kepada pihak MBSP. Di peringkat kelulusan PKM tersebut, pemaju atau pihak kilang akan disyaratkan untuk membina dan menaik taraf jalan di hadapan kawasan pembangunan masing-masing mengikut piawaian Jabatan Kerja Raya (JKR). Setelah kerja-kerja tersebut siap dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, jalan berkenaan hendaklah diserahkan kepada JKR selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan dan pengurusan jalan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

13. Senaraikan lokasi dan syarikat pemaju yang masih belum menyerahkan lot-lot parkir kepada MBSP sejak 2021 sehingga 2025 di sekitar Seberang Perai.

    (a) Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap syarikat pemaju yang belum menyerahkan pemajuan lot-lot parkir berkenaan kepada MBSP?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari tahun 2021 sehingga 2025, tiada pemaju atau projek yang menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di kawasan Seberang Perai yang gagal atau belum menyerahkan lot-lot parkir kepada MBSP.

    (a) Syarikat yang tidak menyerahkan pemajuan lot-lot parkir boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 20 dan 28, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Pihak MBSP akan mengeluarkan notis pematuhan dan tindakan pendakwaan akan dilaksanakan sekiranya pemaju tidak mematuhi notis tersebut. Pihak yang disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Sahaja) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) bagi setiap hari

kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU YB PHEE SYN TZE

14. Berapakah jumlah kejadian pokok tumbang yang telah direkodkan berlaku di sekitar DUN Sungai Puyu sejak 1 Januari 2025 sehingga 24 Oktober 2025 dan menyebabkan kerosakan pada harta benda awam?

    (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menghadkan ketinggian setiap pokok pada satu paras sebelum dipangkas untuk mengatasi risiko pokok tumbang?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), sebanyak tiga (3) kes aduan pokok tumbang telah direkodkan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Puyu dalam tempoh mulai 01 Januari 2025 sehingga 30 September 2025 iaitu seperti berikut:

    (i) Kampung Manggis, Sungai Puyu Melibatkan pokok persendirian yang terletak di sekitar Kampung Manggis, Sungai Puyu (tiada alamat spesifik);

(ii) Jalan Bagan Lalang, Sungai Puyu Melibatkan pokok persendirian di alamat 1344, Jalan Bagan Lalang, 13400 Butterworth, Pulau Pinang; dan

(iii) Taman Teratai, Sungai Puyu Melibatkan pokok milik MBPP di alamat Jalan Teratai 1, 13400 Butterworth, Pulau Pinang.

Namun begitu, kejadian pokok tumbang ini tidak menyebabkan sebarang kerosakan terhadap harta benda awam.

(a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, pemeriksaan kesihatan dan pemangkasan pokok secara berkala bagi memastikan keselamatan awam dan kesejahteraan persekitaran sentiasa terpelihara. Justeru itu, buat masa ini pihak MBSP tidak bercadang untuk mengehadkan ketinggian pokok pada satu (1) paras tertentu sebelum ia dipangkas bagi mengelakkan kejadian pokok tumbang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

15. Apakah punca menyebabkan banjir kilat masih berlaku di Taman Bunga Raya, Butterworth walaupun Projek Tebatan Banjir Fasa 1 telah siap dilaksanakan pada Disember 2023?

    (a) Nyatakan kekangan yang dihadapi untuk pelaksanaan Fasa 2.

    (b) Apakah tindakan mitigasi yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan berkenaan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Punca menyebabkan banjir kilat masih berlaku di Taman Bunga Raya, Butterworth walaupun Projek Tebatan Banjir Fasa 1 telah siap dilaksanakan pada Disember 2023 adalah kejadian hujan luar jangka melebihi keupayaan reka bentuk asal dan air pasang tinggi yang berlaku di parit monsun menyebabkan kebocoran atau limpahan air masuk ke taman perumahan.

    (a) Kekangan yang dihadapi untuk pelaksanaan Fasa 2 adalah kesulitan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam memenuhi syarat dan ulasan agensi yang melibatkan Jalan Thamby Kecil, Jalan Bagan Ajam serta parit perimeter Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). Justeru, MBSP telah mengambil inisiatif dengan menyediakan reka bentuk baharu bagi mitigasi banjir di Jalan Thamby Kecil dan Tingkat Melur 1 dan 2.

(b) Tindakan mitigasi yang telah dilaksanakan oleh MBSP bagi mengurangkan risiko banjir kilat di Taman Bunga Raya adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan kerja-kerja penutupan kebocoran parit monsun ke Taman Bunga Raya; dan

(ii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit perimeter dan kolam takungan banjir di Taman Bunga Raya secara berkala.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

16. Apakah status terkini cadangan pembinaan rumah mampu milik di Ampang Jajar, Seberang Perai Utara?

    (a) Nyatakan jumlah unit rumah dan kemudahan yang akan dibina di kawasan berkenaan.

    (b) Jika projek ini dibatalkan, nyatakan sebab pembatalan tersebut.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Cadangan Pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) Ampang Jajar di atas PT 636 dan sebahagian Lot 6151, Seksyen 3, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) yang seluas 17.52 ekar merangkumi sebanyak 2,800 unit perumahan (720 unit RMKu B dan 2,080 unit RMKu C). Satu (1) kertas pemakluman bagi Projek Pembangunan RMKu Ampang Jajar tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 22 April 2025.

    Mesyuarat Lembaga Pengarah LPNPP telah bersetuju dan memutuskan bahawa cadangan Pembangunan RMKu Ampang Jajar akan dilaksanakan secara menyeluruh oleh Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (*Chief Minister Incorporated* – CMI) dan cadangan pembangunan projek tersebut telah digugurkan sepenuhnya daripada Pelan Induk Perancangan Pembangunan

LPNPP sepertimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa RMM Bilangan 1 Tahun 2024 (Khas) pada 18 April 2024.

Susulan keputusan itu, satu (1) surat telah dikemukakan kepada Pengurus Besar CMI pada 31 Mei 2024 untuk tindakan selanjutnya iaitu keperluan mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi hala tuju pelaksanaan projek tersebut.

(a) CMI sedang dalam proses merangka cadangan pembangunan yang lebih holistik bagi kawasan Ampang Jajar, Butterworth yang akan dapat melengkapi kemudahan di *Penang International Covention, Cultural & Arts Centre* (PICCA) Butterworth Arena seumpama konsep pembangunan Setia Spice dan Penang Waterfront Convention. Tanah di kawasan Butterworth ini juga mempunyai potensi penjanaan hasil yang tinggi kepada Kerajaan Negeri. Bagi tujuan tersebut, CMI sedang dalam proses perancangan untuk menyedia dan mengiklankan *Request for Proposal* (RFP) bagi cadangan pelaksanaan pembangunan bercampur yang lebih mampan dan berimpak ekonomi tinggi. Komponen RMKu akan turut disyaratkan di bawah RFP tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah unit RMKu yang akan dibina masih belum ditetapkan.

(b) Projek pembangunan yang melibatkan komponen RMKu di Ampang Jajar tidak akan dibatalkan, malah akan diteruskan. Walau bagaimanapun, komponen bagi projek pembangunan bercampur tersebut masih belum diputuskan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

17. Apakah perkembangan terkini mengenai cadangan tebus guna tanah seluas 650 hektar di Pantai Bersih, Bagan Ajam?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri telah meneliti semula pelaksanaan Perjanjian Penambakan Tanah dan Penempatan di kawasan Pantai Bersih, Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, yang sebelum ini dimeterai bersama Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RSCB).

    Setelah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kekangan daripada pihak RCSB berkaitan lokasi tambakan, kos pelaksanaan serta impak sosioekonomi, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan perjanjian tersebut. Notis Penamatan Perjanjian berkenaan telah dikemukakan kepada pihak RCSB pada 22 September 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

18. Senaraikan lokasi dan jumlah keluasan tanah yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang.

    (a) Berapakah kejadian pencerobohan Hutan Simpan Kekal yang direkodkan berlaku sejak 1 Januari 2024 sehingga 24 Oktober 2025?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah mewartakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 seluas 6,509.21 ha. Senarai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti dalam **LAMPIRAN A**.

    (a) Tiada kes pencerobohan haram dalam HSK yang direkodkan dari 1 Januari 2024 hingga 31 Oktober 2025.

LAMPIRAN A

Senarai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Pulau Pinang

BIL.	HUTAN SIMPAN (HS)	DAERAH	KELUASAN (HA)
1	HS Balik Pulau	Barat Daya	166.38
2	HS Bukit Gemuroh		51.66
3	HS Bukit Genting		9.09
4	HS Bukit Relau		67.56
5	HS Laksamana		226.28
6	HS Pantai Acheh		73.05
7	HS Pasir Panjang		32.77
8	HS Telok Bahang		830.20
9	HS Pulau Betong		1.23
10	HS Tanjung Gemuruh		44.24
11	HS Sungai Pinang (Plot 1)		3.85
12	HS Sungai Pinang (Plot 2)		195.94
13	HS Sungai Rusa (Plot 2)		5.27
14	HS Sungai Rusa (Plot 3)		196.66
15	HS Bukit Kerajaan	Timur Laut	2,287.91
16	HS Penara Bukit		94.99
17	HS Highlands		91.54
18	HS Pulau Jerejak		285.84
19	HS Pasir Gebu	Seberang Perai Utara	127.59
20	HS Lahar Endin		129.11
21	HS Kuala Bekah		69.80
22	HS Air Itam Dalam		22.09
23	HS Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah	312.95
24	HS Bukit Juru		150.18
25	HS Bukit Seraya		45.11
26	HS Juru		22.56
27	HS Byram	Seberang Perai Selatan	214.66
28	HS Bukit Panchor		446.60
29	HS Sungai Chenaam		248.76
30	HS Sungai Udang		55.36
JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN (HA)			**6,509.21**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

19. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyusun semula lokasi penjaja di kawasan tumpuan seperti di Jalan Raja Uda, Jalan Ong Yi How dan Jalan Bunga Tanjung 7 bagi memastikan aktiviti ekonomi tidak mengganggu aliran trafik yang semakin meningkat?

    (a) Senaraikan jumlah penjaja yang berlesen dan tidak berlesen di kawasan berkenaan.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa memberi perhatian terhadap isu penjajaan di kawasan tumpuan awam yang berpotensi menjejaskan kelancaran trafik. Pada masa ini, MBSP sedang meneliti dan mempertimbangkan penyusunan semula lokasi penjaja di kawasan Jalan Raja Uda, Jalan Ong Yi How dan Jalan Bunga Tanjung 7 bagi memastikan aktiviti ekonomi tidak mengganggu aliran trafik serta persekitaran bandar kekal teratur.

    Proses pertimbangan ini mengambil kira beberapa faktor utama, antaranya:

    (i) Kesesuaian tapak dan status tanah yang terlibat;

    (ii) Bilangan penjaja sedia ada;

(iii) Sokongan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan, Ahli Majlis dan komuniti setempat;

(iv) Kemudahan asas seperti akses laluan, tempat letak kenderaan dan aspek keselamatan; dan

(v) Ketersediaan lokasi alternatif bagi tujuan pemutihan penjaja.

Proses ini selaras dengan usaha jangka panjang MBSP untuk menyusun, mengawal dan mengesahkan aktiviti penjajaan bagi memastikan kebajikan penjaja terpelihara serta persekitaran bandar kekal teratur, selamat dan kondusif.

(a) Jumlah penjaja berlesen dan tidak berlesen di kawasan berkenaan adalah seperti berikut:

Kawasan	Berlesen	Tidak Berlesen
Jalan Raja Uda	35	7
Jalan Ong Yi How	7	1
Jalan Bunga Tanjung 7	4	9
JUMLAH	**46**	**17**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU YB PHEE SYN TZE

20. Nyatakan tapak dan lokasi yang telah dicadangkan atau ditetapkan Kerajaan Negeri bagi pembinaan *Penang Financial Centre* (Pusat Kewangan Pulau Pinang).

    (a) Adakah kelulusan atau persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan diperlukan bagi pelaksanaannya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. **Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC**

Cadangan *Penang International Financial Centre* (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

(i) **Dana Pelaburan Industri Negeri *(State Sovereign Wealth Fund)***

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) **Pendigitalan Harta Tanah**

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) **Pembangunan Fizikal Hab Kewangan**

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, *fintech*, dan perkhidmatan sokongan profesional.

Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja *(working group)* yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-

hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

(i) **Peningkatan Rantaian Nilai Industri *(Upgrading Value Chain)***

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi.

(ii) **Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi**

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh

perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat *(brain drain)*.

(iii) **Perintis Inovasi Kewangan Digital *(Digital Financial Innovation)***

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(iv) **Peluang Pekerjaan dan Pemerkasaan Ekonomi Setempat**

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

(v) **Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju**

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau. Langkah-langkah susulan termasuk:

(a) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.

(b) Menumpukan kepada inisiatif *fintech* dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.

(c) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

21. Apakah langkah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pendidikan bagi mengawal penularan penyakit seperti Influenza A dan denggi di kalangan murid sekolah di sekitar kawasan Parlimen Bagan?

    (a) Senaraikan jumlah kes yang telah direkodkan melibatkan pelajar-pelajar sekolah sejak 1 Januari 2025 sehingga 24 Oktober 2025.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah berikut:

    (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;

    (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan kendiri dan tanggungjawab bersama;

    (iii) Pihak sekolah disarankan membuat laporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

(iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar mereka ke sekolah; dan

(v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institusi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan jangkitan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di institusi pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan jangkitan influenza.

Bagi penularan influenza di pasar raya seluruh Negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang penyakit tersebut serta langkah-langkah pencegahannya. Hebahan melalui media sosial juga dilakukan melalui Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Bagi penyakit denggi pula, pencegahan dan kawalan denggi di sekolah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dan melaksanakan Program Bebas Denggi Di Sekolah (PBDS) sejak tahun 1995 sebagai sebahagian daripada inisiatif 3K (Kebersihan, Kesihatan & Keselamatan) di sekolah. Aktiviti-aktiviti PBDS yang dijalankan adalah seperti berikut:

(i) Pendidikan dan kesedaran melalui ceramah, penyiaran poster dan bahan maklumat, pameran, kuiz dan persembahan kreatif;

(ii) Pemantauan dan tindakan melalui pemeriksaan berkala premis sekolah;

(iii) Penglibatan komuniti dalam aktiviti gotong royong dan kempen;

(iv) Pelaporan dan pemantauan melalui laporan bulanan Program PBDS ke Kementerian Pendidikan/jabatan berkaitan;

(v) Kepimpinan sekolah melalui guru dan staf sekolah; dan

(vi) Pemantauan kes denggi melibatkan pelajar sekolah dan tindakan kawalan dilaksanakan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah jika siasatan mendapati sekolah berisiko menjadi tempat penularan penyakit demam denggi.

(a) Bagi tahun 2025, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas dan penghidap penyakit kronik, memerlukan rawatan lanjut di hospital.

Bagi kes penyakit demam denggi, sehingga 4 November 2025, terdapat 177 kes melibatkan pelajar sekolah yang berumur 7 hingga 17 tahun daripada keseluruhan 1,587 kes demam denggi yang dicatatkan di Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan siasatan, punca jangkitan demam denggi adalah di rumah atau kawasan sekitarnya dan bukan di sekolah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

22. Nyatakan sejarah perancangan dan kelulusan Projek Penyuraian Trafik antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua bermula dari persetujuan Negeri, permohonan kelulusan Kerajaan Pusat, kos, tarikh permulaan dan tempoh jangkaan siap.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos keseluruhan yang telah dimuktamadkan selepas Makmal Kajian Nilai (Value Assessment, VA) sebanyak RM2.908 bilion, melibatkan pembiayaan secara hibrid melalui peruntukan pembangunan, Dana Mudahcara Infrastruktur (DMI) dan sumbangan oleh PLUS Berhad. Kaedah ini telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024.

Projek ini melibatkan skop kerja seperti yang berikut:

(i) Laluan terus dari Juru ke Sungai Dua sepanjang 17.4 km;

(ii) Laluan sedia ada 17.4 km dan persimpangan;

(iii) Membina baharu satu plaza tol di susur masuk Persimpangan Jambatan Pulau Pinang ke *Mainline Express Lanes* (MEL), satu plaza tol di susur keluar MEL ke Persimpangan East-West, satu plaza tol di susur masuk dari Persimpangan East-West ke MEL serta menaik taraf Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;

(iv) Meroboh dan membina semula dua buah jejambat pejalan kaki sedia ada dan membina baharu dua jejambat pejalan kaki di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;

(v) Kerja geoteknik;

(vi) Perabot jalan;

(vii) Pembinaan sistem perparitan jalan;

(viii) Pengalihan utiliti; dan

(ix) Pengambilan tanah.

Projek ini dimulakan dengan pelaksanaan satu kajian trafik secara terperinci oleh Kementerian Kerja Raya khususnya bagi menangani isu kesesakan di laluan antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Kajian ini dijalankan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di 40 lokasi sepanjang jajaran tersebut bagi menganalisis aliran trafik sebenar dan merangka penyelesaian yang lebih berkesan serta mampan.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam beberapa siri mesyuarat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Berhad, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan (MOF) serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan tersebut, konsep penyuraian trafik telah dipersetujui yang merangkumi tiga komponen utama, iaitu MEL, pembinaan Laluan Pengumpul dan Pengedar (Collector–Distributor Lanes, CDL), serta kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan laluan sedia ada.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa melalui lima pakej utama, dengan tempoh pembinaan keseluruhan selama 48 bulan.

Garis Masa dan Status Pelaksanaan:

(i) Makmal Kajian Nilai (Value Assessment): 24 – 28 Februari 2025;
(ii) Lantikan Perunding Rekabentuk & Penyeliaan Tapak: 17 Julai 2025;
(iii) Mula kerja fizikal (Pakej 1 – Naiktaraf East-West Interchange & Slip Ramp): November 2025; dan
(iv) Mula kerja fizikal (Pakej 2–5 – MEL & CDL): Pertengahan tahun 2026.

Jangkaan siap projek: Jun 2030

Pelaksanaan projek ini dijangka memberikan impak positif yang besar kepada kelancaran sistem pengangkutan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Dengan pembinaan MEL dan CDL, aliran trafik secara terus dapat dipisahkan daripada trafik tempatan, sekali gus mengurangkan kesesakan secara signifikan serta meningkatkan tahap perkhidmatan (Level of Service) LOS di kawasan berkenaan.

Selain itu, reka bentuk persimpangan yang lebih efisien akan mengurangkan titik konflik dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Secara keseluruhan, projek ini diyakini akan meningkatkan keberkesanan jaringan jalan raya utama negara, memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan sosial, serta merangsang pelaburan strategik di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

23. Jelaskan mengenai dasar 'Hari Tanpa Beg Plastik' berserta spesifikasi beg plastik yang dilarang seperti ketebalan atau jenis mikron.

    (a) Sektor manakah yang terlibat dalam penguatkuasaan dasar tersebut?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma sejak tahun 2009 dengan mengenakan caj sebanyak RM0.20 bagi setiap beg plastik yang dibeli. Bagi memperkukuh usaha tersebut, caj berkenaan telah dinaikkan daripada RM0.20 kepada RM1.00, diikuti dengan pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada tahun 2021.

    Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat pembangunan mampan di bawah Visi Penang2030: "Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga, Inspirasi Negara," Pulau Pinang telah melaksanakan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari di seluruh negeri bermula 1 September 2025. Fasa pelaksanaan ini memberi penekanan kepada aspek pendidikan secara berhemah sehingga 31 Ogos 2026.

    Menurut Garis Panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025, kempen ini mengguna pakai prinsip tidak lagi membekalkan beg plastik jinjing kepada pengguna di kaunter bayaran di premis-premis perniagaan terpilih.

Beg plastik jinjing merujuk kepada beg plastik yang mempunyai pemegang di kiri dan kanan, lazimnya digunakan untuk membawa barang belian. Beg ini kebiasaannya diberikan kepada pengguna di kaunter bayaran dan diperbuat daripada komponen asas plastik (polimer sintetik/ separa sintetik) yang direka untuk penggunaan sekali sahaja sebelum dibuang.

(a) Menurut Garis Panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025, sektor yang terlibat dalam penguatkuasaan dasar ini adalah seperti berikut:

(i) Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);

(ii) Pasaraya Besar (*Supermarket*);

(iii) Pasaraya Serbaneka (*Departmental store*);

(iv) Kedai Serbaneka (*Convenient store*);

(v) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);

(vi) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);

(vii) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);

(viii) Farmasi (*Pharmacy*) dan Klinik (*Clinic*); dan

(ix) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).

Pasar awam, penjaja dan kompleks penjaja milik PBT adalah dikecualikan dan tertakluk kepada dasar, undang-undang dan peraturan semasa Kerajaan Negeri. Namun, premis ini digalakkan untuk menyertai dan menyahut kempen tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

24. Nyatakan langkah-langkah penguatkuasaan serta matlamat utama penubuhan *Marine Sanctuary* bagi melindungi biodiversiti laut di kawasan *Middle Bank* dan ladang rumput laut.

    (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan pewartaan zon pembangunan kawasan tersebut dan menggazetkannya semula sebagai *Marine Sanctuary*?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Sekiranya *Middle Bank* diwartakan sebagai santuari marin Negeri Pulau Pinang, kawasan ini berpotensi berfungsi sebagai tapak semaian hidupan laut, pemuliharaan ekologi marin serta destinasi *edu-tourism* dan *regenerative tourism* bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan kesedaran alam sekitar. Langkah penguatkuasaan yang dicadangkan termasuk pemasangan pelampung sempadan, pelaksanaan "Open Sea Season" bagi kawalan tangkapan dan saiz hasil laut, pemantauan kualiti air menggunakan teknologi IoT dan AI, pengawalan jumlah pengunjung berdasarkan *carrying capacity*, serta penetapan jenis projek pemuliharaan yang sesuai di kawasan tersebut.

    (a) Penang Institute dan CEMACS (USM) mencadangkan agar kawasan *Middle Bank* dikeluarkan daripada Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Pulau Pinang sebagai kawasan berpotensi tambakan, serta dizonkan semula sebagai santuari marin mengikut

peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

25. Apakah hasil kajian trafik di persimpangan lampu isyarat Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu yang menyebabkan kesesakan pada waktu kemuncak?

    (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menukar sistem kawalan lampu isyarat di kawasan tersebut supaya boleh selari dengan sistem kawalan terkini di persimpangan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) berdekatan Jalan Bagan Lalang?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Hasil kajian trafik di persimpangan lampu isyarat Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu mendapati bahawa punca kesesakan lalu lintas pada waktu puncak di kawasan tersebut adalah reka bentuk jalan sedia ada yang terhad dan lorong yang sempit. Persimpangan Jalan Kampung Benggali/Sungai Puyu hanya mempunyai satu (1) lorong bagi setiap arah tanpa lorong khas bagi kenderaan membelok ke kanan atau kiri. Keadaan ini menyebabkan konflik pergerakan kenderaan di persimpangan dan meningkatkan masa menunggu semasa lampu isyarat merah. Kajian keperluan pelebaran jalan atau penambahan lorong khas membelok kanan/kiri perlu dilaksanakan supaya cadangan penyelesaian yang optimum dapat dikenal pasti. Sekiranya infrastruktur jalan tidak ditambah baik, kesesakan akan terus berlaku disebabkan kapasiti kenderaan yang kian bertambah.

(a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kini dalam proses pelaksanaan sistem penyelarasan lampu hijau secara serentak (*greenwave*) di kedua-dua persimpangan utama iaitu Jalan Kampung Benggali/Sungai Puyu dan Jalan Bagan Lalang/Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). Sistem ini menggunakan kaedah plan berbilang (*multiplan)* dengan kawalan masa tetap *(fixed-time control)* bagi memastikan aliran trafik lebih lancar dan seimbang antara kedua-dua simpang. Kaedah ini masih dalam pemantauan oleh pihak MBSP sehingga tetapan masa fasa lampu isyarat yang optimum dapat diperoleh dengan keadaan infrastruktur jalan sedia ada di tapak.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

26. Senaraikan jumlah sekolah yang tidak mempunyai garisan lintasan pejalan kaki dan lampu amaran kepada pengguna jalan raya di sekitar kawasan Parlimen Bagan.

    (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan murid dan pelajar semasa di jalan raya berhadapan sekolah?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terdapat sebanyak 27 buah sekolah yang berada di dalam kawasan Parlimen Bagan. Kesemua 27 buah sekolah tersebut telah mempunyai garisan lintasan pejalan kaki yang lengkap.

    (a) Langkah Kerajaan Negeri melalui pelbagai jabatan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan murid dan pelajar di jalan raya berhadapan sekolah adalah seperti berikut:

        (i) Menjalankan Audit Keselamatan Jalan *Road Safety Audit* di lokasi sekolah berisiko bagi menentukan keperluan pemasangan lampu amaran berkedip, lintasan pejalan kaki, papan tanda had laju dan bonggol jalan;

(ii) Mewujudkan Zon Keselamatan Sekolah (School Safety Zone) dengan garisan kuning dan tanda amaran bagi memperlahankan kelajuan kenderaan;

(iii) Melaksanakan kerja pengecatan semula lintasan pejalan kaki, penyelenggaraan lampu amaran sedia ada serta pembaikan bonggol dan tanda jalan melalui JKR dan MBSP;

(iv) MBSP menyediakan warden trafik sekolah bagi membantu kawalan keselamatan semasa waktu ketibaan dan kepulangan murid;

(v) Bahagian Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengadakan kempen kesedaran keselamatan jalan raya bersama sekolah, ibu bapa dan komuniti; dan

(vi) Program "Polis Sekolah Angkat" dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi meningkatkan pemahaman berkaitan keselamatan jalan raya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

27. Apakah langkah Kerajaan Negeri bersama PDRM dalam usaha membanteras kegiatan lumba haram yang semakin aktif di sekitar Ampang Jajar dan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)?

    (a) Senaraikan kesalahan dan jumlah tangkapan yang telah direkodkan sejak 1 Januari sehingga 24 Oktober 2025 melibatkan kegiatan lumba haram itu.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Usaha yang telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membanteras kegiatan lumba haram ataupun mat rempit ialah seperti menjalankan operasi secara berkala, mengenalpasti lokasi dan masa kegiatan mat rempit berlangsung serta melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) dan menjalankan operasi bersepadu bersama lain- lain agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

    (a) Berikut merupakan Statistik Tangkapan Kegiatan Lumba Haram atau Mat Rempit dari 1 Januari sehingga 20 Oktober 2025 di negeri Pulau Pinang seperti berikut:

        (i) Jumlah Operasi : 319;

        (ii) Jumlah Saman : 9,606 saman;

(iii) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 1, 777 Kenderaan; dan

(iv) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 113 Tangkapan

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU YB PHEE SYN TZE

28. Berapakah jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang di jalan utama sekitar kawasan Parlimen Bagan dan masih berfungsi?

    (a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah pemasangan CCTV di beberapa lokasi tumpuan lain untuk membendung peningkatan kejadian jenayah?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Sejumlah 17 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang dan masih berfungsi di jalan utama sekitar kawasan Parlimen Bagan.

    (a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menambah bilangan CCTV di beberapa lokasi tumpuan lain. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk pemasangan CCTV tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

29. Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Kerajaan Kawasaki dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) telah menjalankan kajian mengenai sumber dan masalah air di Pulau Pinang sejak tahun 2022. Apakah hasil serta dapatan utama kajian tersebut?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Hasil serta dapatan utama daripada kajian menerusi program kerjasama teknikal JICA dan Bandar Kawasaki adalah penyediaan deraf Laporan Pelan Induk Pengurusan Sumber Air Pulau Pinang (*Penang Water Resources Management Master Plan*). Laporan ini akan menjadi rujukan asas dalam memperkukuh pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 serta pembentukan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang yang akan ditubuhkan kelak.

    Pelan Induk ini merangkumi kerangka strategik yang komprehensif bagi menangani isu pengurusan sumber air secara mampan, termasuk langkah melindungi kawasan tadahan, mengawal pencemaran sungai, serta menggalakkan penerapan teknologi pintar untuk menjamin kelestarian dan keselamatan air negeri.

    Pencapaian visi dan matlamat Pelan Induk ini amat bergantung kepada penerapan teknologi inovatif, khususnya melalui kerjasama strategik berterusan dengan JICA dan Bandar

Kawasaki, yang telah memberi manfaat besar kepada Negeri Pulau Pinang.

Kajian ini turut menyediakan platform untuk pertukaran pandangan dan pengalaman dua hala dalam bidang pengurusan sumber dan bekalan air, sistem pembetungan, mitigasi banjir, serta teknologi rawatan air yang lebih maju. Hasil daripada perkongsian ini menunjukkan bahawa pemindahan teknologi akan lebih berkesan sekiranya dilaksanakan melalui kerjasama jangka panjang yang disertai dengan latihan teknikal, pelaksanaan projek perintis, serta program pembangunan yang strategik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVII)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE

30. Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah keadaan tanah lemah di Jalan Bagan Lalang yang pernah menyebabkan mendapan jalan dan lubang benam pada sebelum ini?

    (a) Adakah Jalan Bagan Lalang itu masih boleh menampung kenderaan berat pada setiap hari?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

30. Kejadian lubang benam (*sinkhole*) besar yang telah berlaku di Jalan Bagan Lalang adalah disebabkan oleh kegagalan saluran kumbahan pada anggaran kedalaman tujuh (7) meter (m). Kerja-kerja menaik taraf paip kumbahan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) melalui projek penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) di Mak Mandin dan pembinaan rangkaian paip pembetungan dalam kawasan tadahan Butterworth Utara. Kerja–kerja penggantian paip pembetungan juga akan dijalankan di bawah projek ini sekaligus dapat menyelesaikan masalah mendapan jalan dan lubang benam yang berlaku sebelum ini.

    (a) Sehingga kini, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) tidak menerima sebarang aduan berhubung kejadian mendapan jalan di Jalan Bagan Lalang setelah kerja–kerja pembaikan dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) pada tahun 2023.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA YB TAN HOOI PENG

1. Apakah langkah persiapan dan pelan tindakan yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi menghadapi kesan fenomena La Nina seperti banjir dan tanah runtuh?

   (a) Apakah kaedah penyebaran maklumat serta amaran awal yang digunakan bagi memastikan penduduk sentiasa peka terhadap risiko bencana alam?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Berdasarkan rekod-rekod terdahulu, setiap episod La Nina memberi kesan yang berbeza kepada pola taburan hujan negara bergantung kepada intensiti dan tempoh kejadiannya. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi apa juga kemungkinan berlakunya bencana dengan membuat persediaan dan perancangan seperti mengadakan mesyuarat jawatankuasa bencana di peringkat daerah dan negeri secara berkala bagi memastikan kekuatan anggota dan aset mencukupi dan berada pada tahap yang optimum. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah telah memperkukuh pelan tindakan kesiapsagaan dengan kerjasama Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan serta Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam pengurusan bencana dari segi pemantauan dan mengemas kini kawasan berisiko, pembangunan keupayaan sumber manusia dan kompetensi, melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai bencana terhadap masyarakat, menyediakan inventori logistik yang

lengkap dan dalam keadaan baik serta mengemas kini pelan komunikasi dan koordinasi tindak balas bencana.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah melaksanakan beberapa kaedah penyebaran maklumat dan amaran awal bagi memastikan penduduk sentiasa peka terhadap risiko bencana alam di negeri ini.

Antara kaedah utama ialah penyebaran maklumat melalui infografik berkaitan bencana di platform media sosial rasmi Unit Pengurusan Bencana bagi tujuan hebahan amaran awal dan meningkatkan kesedaran awam. Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah mengambil inisiatif bagi mengeluarkan infografik berkaitan bencana bermula dari tahun 2023. Sebanyak lima belas (15) infografik telah dikeluarkan setakat ini iaitu (13) pada tahun 2023 dan (7) pada tahun 2024 manakala bagi tahun 2025 pula, sebanyak (5) infografik telah dikeluarkan. Tajuk infografik bencana ini juga dipelbagaikan mengikutkan kesesuaian semasa dan dirujuk dari pelbagai sumber agensi seperti Jabatan Metrologi Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Semua infografik boleh didapati melalui Sistem Penang Alert dan laman sosial rasmi *Facebook* Unit Pengurusan Bencana, Pejabat SUK Pulau Pinang.

Selain itu, pelaksanaan program di bawah *Community Based Disaster Risk Management* (CBDRM) turut diberi penekanan bagi memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat terhadap risiko bencana. Antara inisiatif di bawah program ini ialah *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA), yang dilaksanakan secara berterusan melalui penyertaan dalam program bersama komuniti bagi memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran awam berkaitan pengurusan risiko bencana. Objektif utama program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada warga negeri Pulau Pinang tentang risiko perubahan iklim terutamanya berkaitan bencana banjir dan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi yang boleh diambil oleh komuniti setempat. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsiagaan dan keupayaan tindak balas masyarakat dalam menghadapi

situasi kecemasan bencana alam. Antara program CEPA yang telah disertai adalah seperti berikut:

(i) Pada 8 Oktober 2025 dan 9 Oktober 2025 Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah membuka *booth* pameran di Sekolah Menengah Bakti, Tasik Gelugor dan SMK Datuk Haji Ahmad Said. *Booth* tersebut menampilkan bahan pameran berkaitan pengurusan bencana seperti panduan menghadapi banjir, kebakaran, tanah runtuh dan ribut, serta memperkenalkan fungsi dan peranan UPB dalam penyelarasan bantuan bencana di peringkat negeri. Melalui penyertaan ini, para pelajar dan warga sekolah berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pegawai UPB, mendapatkan maklumat berkaitan langkah-langkah keselamatan, serta menyertai aktiviti interaktif seperti kuiz kesedaran bencana dan demonstrasi penggunaan peralatan asas kecemasan. Program ini juga menjadi platform penting untuk memupuk budaya kesiapsiagaan bencana sejak di bangku sekolah.

(ii) Pada 9 Mac 2025 (Ahad) *Think City Penang* telah mengadakan satu bengkel persediaan bencana perubahan iklim Bersama komuniti pada 9 Mac 2025 di Dewan MPKK Jalan Tengah Selatan, Bayan Lepas. Unit Pengurusan Bencana dipanggil untuk memberikan taklimat mengenai risiko dan kesan banjir serta persediaan untuk banjir. UPB juga menyampaikan maklumat berkenaan bantuan-bantuan yang disalurkan oleh kerajaan bagi mangsa yang terjejas akibat bencana dan cara memohon bantuan tersebut.

(iii) Pada 30 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah mengadakan program sambutan Bulan Kesiapsagaan Nasional. Pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada agensi awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Program tersebut menjadi salah satu platform untuk menghebahkan maklumat mengenai ramalan cuaca

sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026, panduan pendaftaran PPS, risiko penyakit bawaan air semasa dan selepas banjir serta panduan menyelamat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

2. Penaiktarafan Dewan Sri Pinang dan Galeri Seni Negeri Pulau Pinang memerlukan pusat seni dan persembahan bertaraf antarabangsa. Apakah status terkini projek penaiktarafan ini, termasuk skop kerja, anggaran kos keseluruhan dan tempoh pelaksanaannya?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Status terkini:

(i) Kementerian Ekonomi (KE) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM52 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) bagi pelaksanaan projek ini dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini; dan

(ii) Kerja awalan melibatkan kerja ukur topografi dan pemetaan utiliti telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan selesai pada Oktober 2025; dan

Skop kerja bagi projek ini merangkumi:

(i) Naik taraf ruang guna sama dan ruang seni persembahan (auditorium);

(ii) Rawatan struktur, fasad dan ruang dalaman;

(iii) Naik taraf sistem mekanikal, elektrik dan sistem keselamatan;

(iv) Pemasangan lif dan tangga bergerak (*escalator*);

(v) Penambahbaikan kemudahan asas;

(vi) Pembinaan Galeri TYT;

(vii) Pembesaran ruang makan; dan

(viii) Penaiktarafan landskap.

Anggaran kos keseluruhan projek: RM52,000,000.00

Perancangan masih dibuat dan tempoh pelaksanaan belum dimuktamadkan lagi.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

3. Senaraikan acara antarabangsa yang akan dianjurkan di Penang Waterfront Convention Centre (PWCC) pada tahun ini dan akan datang, berserta jangkaan jumlah pelancong serta manfaat ekonomi kepada Negeri Pulau Pinang.

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Melalui Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB), beberapa acara perniagaan dan pameran antarabangsa utama telah berjaya disusun dan akan berlangsung di Penang Waterfront Convention Centre (PWCC) seperti berikut:

   (a) *K-Beauty Expo Malaysia & K-MediTech Expo* (20 hingga 22 November 2025)

      (i) Melibatkan antara 150 hingga 200 pempamer (exhibitors) dan sekitar 5,000 pengunjung.

      (ii) Menjana anggaran sumbangan ekonomi (Estimated Economic Impact – EEI) sebanyak RM29 juta;

   (b) *WaterTech Asia* 2025 (2 hingga 4 Disember 2025)

      (i) Menarik penyertaan lebih 600 peserta dan pempamer.

(ii) Menyumbang EEI sebanyak RM3.4 juta kepada ekonomi negeri;

(c) *MedHealth Pharma 2026* (12 hingga14 Mei 2026)

(i) Disertai oleh lebih 300 peserta dari dalam dan luar negara.

(ii) Memberikan EEI sebanyak RM1.8 juta; dan

(d) *MSA–CoA Annual Scientific Congress 2026* (31 Julai hingga 2 Ogos 2026)

(i) Menghimpunkan lebih 1,000 peserta dan pengunjung profesional perubatan.

(ii) Menjana EEI sebanyak RM5.6 juta.

Secara keseluruhannya, penganjuran acara-acara antarabangsa ini bukan sahaja menonjolkan keupayaan Pulau Pinang sebagai destinasi acara perniagaan bertaraf dunia, malah menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan sektor pelancongan dan ekonomi negeri melalui peningkatan kadar penginapan hotel, penggunaan perkhidmatan logistik, pengangkutan serta perbelanjaan pelancong.

Selain acara berskala antarabangsa, beberapa acara nasional dan tempatan turut dijadualkan berlangsung di PWCC, yang dijangka memperkukuh lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai hab acara perniagaan serantau dan meningkatkan limpahan ekonomi kepada komuniti setempat.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

4. Apakah status semasa projek pembesaran LTAPP termasuk skop kerja, kapasiti penumpang baharu, kemudahan tambahan yang dirancang serta tempoh pelaksanaan keseluruhan projek?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Status semasa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) mengikut pakej kerja adalah seperti berikut:

   (i) Pakej Kerja 01 iaitu pembinaan bangunan sokongan dengan progres terkini sebanyak 78%;

   (ii) Pakej Kerja 02 iaitu kerja- kerja pelebaran apron parkir pesawat dan taxiway dengan progres terkini adalah sebanyak 30%; dan

   (iii) Pakej Kerja 03 merangkumi pembesaran terminal utama dan infrastruktur dalaman di mana pakej kerja ini masih dalam fasa rekabentuk (Design Stage).

   Pada masa ini, LTAPP beroperasi dengan kapasiti 6.5 juta penumpang setahun (*million passenger per annum* - mppa). Melalui projek pembesaran ini, kapasiti LTAPP akan ditingkatkan kepada 12 juta mppa bagi menampung pertumbuhan trafik penumpang masa hadapan.

Antara kemudahan tambahan yang disediakan turut merangkumi pembinaan 16 petak parkir apron baharu, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 28 petak parkir apron bagi kegunaan penerbangan domestik dan antarabangsa. Ruang lantai terminal juga telah diperluas sehingga dua kali ganda daripada saiz asal, sekali gus menyediakan kapasiti yang mencukupi untuk menampung peningkatan jumlah penumpang. Penambahan ini menjadi asas penting kepada fasa perluasan apron dan terminal pada masa hadapan. Selain itu, kerja-kerja pembaikan dan naik taraf turut dilaksanakan di taxiway K bagi melancarkan pergerakan pesawat ke kawasan parkir.

Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama empat (4) tahun, dengan kerja-kerja pembinaan yang telah bermula pada tahun 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada Suku Ketiga tahun 2028.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

5. Apakah tahap kesesakan di terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada masa ini?

   (a) Adakah masalah ini berpunca daripada kekurangan kaunter imigresen?

   (b) Apakah langkah atau pelan penambahbaikan yang dirancang bagi mengatasi isu tersebut serta meningkatkan kecekapan pengurusan penumpang?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah 6.5 juta mppa (*million passenger per annum*). Bagi tempoh Januari hingga September 2025, LTAPP telah merekodkan sebanyak 6,160,138 orang penumpang secara keseluruhan, terdiri daripada 2,974,557 penumpang domestik (48%) dan 3,185,581 penumpang antarabangsa (52%). Berdasarkan jumlah tersebut, purata penumpang harian yang menggunakan lapangan terbang ini adalah sekitar 22,815 orang sehari, melebihi kapasiti reka bentuk terminal sedia ada iaitu 18,200 orang sehari.

   (a) Antara punca kesesakan yang berlaku di terminal, khususnya di kawasan antarabangsa, adalah kerana kekurangan kaunter *autogate* Imigresen di kawasan pelepasan dan ketibaan antarabangsa. Pada masa ini, kaunter *autogate* sedia ada hanya boleh digunakan oleh warganegara

Malaysia, sedangkan jumlah penumpang antarabangsa kini telah melebihi jumlah penumpang domestik.

(b) Pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua penumpang yang tiba melalui LTAPP. Sehubungan itu, antara langkah atau pelan penambahbaikan yang dirancang bagi mengatasi isu tersebut serta meningkatkan kecekapan pengurusan penumpang adalah, pihak MAHB telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dengan melaksanakan Projek Sistem Imigresen Bersepadu *National Integrated Immigration System* (NiiSE) yang melibatkan penaiktarafan sistem *autogate* sedia ada kepada sistem baharu yang boleh digunakan oleh semua penumpang daripada 63 buah negara termasuk tambahan tujuh (7) negara ASEAN dan warganegara Malaysia. 11 unit egate (5 unit untuk pelepasan dan 6 unit untuk ketibaan) dijangka akan dipasang pada bulan Disember 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

6. Baru-baru ini, beberapa kes jenayah pembunuhan dilaporkan di Pulau Pinang. Apakah kadar jenayah semasa serta kedudukan negeri ini dalam indeks keselamatan berbanding negeri-negeri lain?

   (a) Apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meyakinkan masyarakat serta memperkukuh tahap keselamatan awam di negeri ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Berdasarkan analisis dari statistik jenayah indeks bagi tempoh 01 Januari hingga 30 September 2024 berbanding tempoh yang sama tahun 2025, keseluruhan kes jenayah indeks menunjukkan penurunan sebanyak -823 kes @ -25.5% iaitu daripada (3223) kes kepada (2400) kes.

   Bagi kes bunuh Pulau Pinang menunjukkan peningkatan sebanyak +2 kes @ +33.3% iaitu daripada (6) kes kepada (8) kes.

   Negeri Pulau Pinang berada di kedudukan yang keenam (6) keseluruhan kes jenayah indeks berbanding dengan negeri-negeri lain.

   (a) Usaha yang dilaksanakan dalam mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang bersama agensi-agensi kerajaan negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan

keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terjamin. Langkah – langkah yang diambil adalah seperti berikut :-

(i) Tindakan proaktif diambil bersama-sama agensi kerajaan yang lain dengan mengadakan Operasi Bersepadu disamping mempertingkatkan operasi-operasi yang sedia ada secara berkala seperti Op Dadu, Op Noda, Op Cantas, Op Rentap, Op Pintu, Op Lejang dan Op Lusuh. Kesemua penugasan ini ditumpukan pada tempat-tempat yang sering berlaku jenayah dan menjadi punca peningkatan kes jenayah.

(ii) Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes misalnya lain-lain curi, curi motosikal, pecah rumah dan samun akan ditangani secara lebih berkesan dengan mewujudkan *Task Force* samada di peringkat Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) dan daerah dalam usaha menangani jenayah tersebut.

(iii) Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB), rondaan kereta peronda (MPV) dan operasi-operasi berkala ke atas tempat-tempat sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah.

(iv) Tindakan proaktif juga diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO-NGO bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

7. Senaraikan semua klinik kesihatan di DTL berserta jumlah tenaga perubatan di setiap klinik, serta jumlah pesakit yang telah menerima rawatan dari tahun 2022 hingga 2025.

   (a) Nyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Gelugor bagi menampung keperluan penduduk setempat memandangkan keluasan tapaknya yang kecil dan terhad.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Terdapat sebanyak 11 buah klinik kesihatan di Daerah Timur Laut dengan jumlah kedatangan pesakit dan staf kesihatan seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) Bagi Klinik Kesihatan Gelugor Daerah Timur Laut, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang buat masa ini sedang memohon kelulusan bagi pelaksanaan projek seperti berikut:

      (i) Mengubah suai anjung klinik untuk dijadikan kaunter pendaftaran dan ruang farmasi tambahan;
      (ii) Menaik taraf bilik kad dan farmasi; dan
      (iii) Menaik taraf sistem elektrik di bahagian klinik pesakit luar.

LAMPIRAN A

JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT DAN STAF KESIHATAN DI KLINIK KESIHATAN DAERAH TIMUR LAUT

Klinik Kesihatan (KK)	Jumlah staf	Purata Kedatangan Pesakit Harian			
		2022	2023	2024	2025 (sehingga Ogos)
KK Air Itam	55	352	434	361	359
KK Jalan Angsana	93	815	1018	865	720
KK Bukit Bendera	2 (daripada KK Air Itam)	1	1	1	0
KK Bukit Jambul	36	340	224	407	339
KK Jalan Macalister	60	516	867	798	536
KK Jalan Perak	107	1416	1572	1246	842
KK Lebuh Muntri	13	63	103	105	51
KK Sungai Dua Timur Laut	74	684	777	788	663
KK Tanjung Bungah	43	317	476	540	457
KK Gelugor	9	48	62	67	59
KK UTC Pulau Pinang	10	70	139	148	83

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

8. Nyatakan jumlah peruntukan Geran MARRIS yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang bagi setiap tahun sejak 2023.

   (a) Bagaimanakah peruntukan tersebut diagihkan kepada setiap daerah, memandangkan sering timbul aduan bahawa JKR daerah menghadapi kekangan peruntukan dan perlu menunggu kelulusan dana?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Jumlah peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: PERUNTUKAN MARRIS JKRPP (2023-2025)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2023	77,224,899.48
2024	60,155,099.58
2025	67,943,701.06

   (a) Agihan peruntukan yang disalurkan kepada setiap JKR Daerah adalah berdasarkan kepada penyaluran peruntukan oleh Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan senarai permohonan oleh setiap JKR Daerah pada setiap tahun.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

9. Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin meningkatkan tahap kebersihan dan amalan sihat di premis-premis makanan memandangkan usaha-usaha pemeriksaan dan penutupan masih tidak memberikan dampak yang signifikan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengambil langkah-langkah yang berterusan untuk memastikan tahap kebersihan dan amalan sihat di premis-premis makanan berada pada tahap yang terbaik. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap kebersihan dan amalan sihat di premis-premis makanan adalah seperti berikut:

   (a) Bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan operasi dan pemantauan bersepadu bagi membolehkan tindakan yang lebih agresif dapat diambil;

   (b) Membuat penggredan premis makanan bagi menilai tahap pematuhan kebersihan dan keselamatan;

   (c) Mengadakan pertandingan premis makan terbaik setiap tahun bersempena Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga bagi menggalakkan peniaga menjaga tahap kebersihan; dan

(d) Mengadakan kursus dan latihan pengendali makanan yang lebih efektif.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

10. Apakah jumlah keseluruhan penumpang (ridership) Perkhidmatan Rapid On Demand (ROD) di seluruh Pulau Pinang setakat ini?

    (a) Berapakah bilangan van ROD yang beroperasi di negeri ini?

    (b) Apakah jumlah *ridership* di kawasan Seri Delima serta bilangan van yang disediakan di bawah kawasan tersebut?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. (a) Jumlah keseluruhan penumpang (ridership) Perkhidmatan Rapid On Demand (ROD) di seluruh Pulau Pinang secara purata penumpang harian setakat ini adalah seperti jadual berikut:

No	Zon	Purata Penumpang Harian
1	T110B Gurney	376
2	T111B Georgetown	452
3	T210B Farlim	325
4	T311B Jelutong	197
5	T312B Bayan Lepas	122
6	T313B Bayan Baru	199
7	T410B Balik Pulau	189

8	T611B Bertam	105
9	T710B Sunway	377
10	T711B BM City	166
11	T712B Alma	147
12	T810B Batu Kawan	141
13	T811B Nibong Tebal	94

(b) Jumlah van ROD yang beroperasi di Pulau Pinang ialah 50 unit.

(c) Kawasan Seri Delima adalah di dalam ROD zon Jelutong dengan purata harian penumpang untuk zon Jelutong sebanyak 197 orang dengan empat (4) buah van beroperasi di zon ini. Selain itu, bagi yang memilih perkhidmatan bas, pengguna boleh menaiki bas nombor 206 yang beroperasi dari Jetty ke Tesco Sungai Nibong.

Rapid Penang sentiasa menilai semula liputan perkhidmatan berdasarkan corak permintaan, kepadatan penduduk dan keperluan komuniti setempat. Sekiranya terdapat keperluan baharu di kawasan Seri Delima, pihak Rapid Penang sedia meneliti potensi peluasan zon ROD secara berperingkat tertakluk kepada penilaian teknikal, dan kapasiti operasi.

Langkah ini sejajar dengan komitmen berterusan Rapid Penang untung memastikan akses pengangkutan awam yang inklusif, efisien dan kondusif kepada semua pengguna.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

11. Senarai dan prestasi GLC di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

    (a) Senaraikan semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berserta jumlah peruntukan tahunan yang diterima sejak tahun 2022.

    (b) Nyatakan juga peranan utama serta prestasi kewangan masing-masing sepanjang tempoh tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) Terdapat sebanyak tujuh belas (17) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Perincian mengenai prestasi GLC adalah seperti di **LAMPIRAN A**, manakala jumlah peruntukan tahunan yang diterima sejak tahun 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

    (b) Peranan utama setiap GLC adalah seperti di **LAMPIRAN C** dan prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

Prestasi bagi Badan Berkanun Negeri

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Tahun	Prestasi
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)	2022	1. Peningkatan hasil setelah keadaan ekonomi Kembali pulih iaitu sebanyak RM3,276,681.11 2. Pelaksanaan RFP • Pelantikan Operator Bagi Menguruskan Astaka Hillside Tanjung Bungah (Kompleks Mutiara Selera), Jalan Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang • Pelantikan Operator Bagi Menguruskan Butterworth Arena Dan Tempat Letak Kereta Di Ampang Jajar, Jalan Permatang Pauh, Taman Kerapu, 13400 Butterworth, Pulau Pinang 3. Anugerah/ Pengiktirafan: • Projek Penang Bay sebagai Projek Perintis pertama di bawah inisiatif UN Habitat Sustainable Development Goals (SDG) Cities semasa Persidangan SDG Cities di Shanghai, China • SDG Cities Silver Certification on World Cities Day Senarai projek Siap: 1. Penawaran Tanah RIBI Ampang Jajar 2. Stonyhurst International Scholl Penang 3. Projek Penempatan Taman Kalidonia Indah Fasa 1
		2023	1. Penjanaan hasil tahunan kepada Kerajaan Negeri melalui pajakan/sewaan dan projek pembangunan sebanyak RM3,223,697.69 Anugerah/ Pengiktirafan: 1. Johan Anugerah Nirtunai agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kategori C (<1,000 transaksi)

			Senarai Projek Siap: 2. PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena, Butterworth 3. Astaka Hillside, Tanjung Bungah
		2024	1. Penjaaan hasil tahunan kepada Kerajaan Negeri melalui pajakan/sewaan dan projek pembangunan sebanyak RM6,409,632.25 2. Pelaksanaan RFP • *Request For Proposal* (RFP) Untuk Pembangunan Tanah Kerajaan Di Atas Sebahagian Lot 642, Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Untuk Tujuan Pembangunan Bercampur • *Request For Proposal* (RFP) Bagi Cadangan Pembangunan Satu (1) Unit Feri Pulau Angsa Untuk Dijadikan Produk Pelancongan Anugerah/ Pengiktirafan: 1. Project Of the Year at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project 2. Excellence Award for Landscape Design (Malaysia Project) in the Professional category at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project 3. Conservation and Preservation Award at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)- George Town Esplanade Project 4. Sijil Kecemerlangan MCIEA 2024 - Anugerah Projek Terbaik (Infrastruktur-Kategori Kecil) bagi Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama, Esplanade, Pulau Pinang 5. MBE Award 2025 (Projek Picca@butterworth Arena) Senarai projek siap: 1. Linear Garden, George Town 2. Gurney Bay Fasa 1 3. Galeri Arkeologi Guar Kepah, Kepala Batas 4. Feringgi Bay

		2025	1. Penjaaan hasil sehingga 31 September 2025 dan anggaran hasil tahunan kepada Kerajaan Negeri melalui pajakan/sewaan dan projek pembangunan sebanyak RM8,493,891.79 (Tidak termasuk bayaran 10% (Fasa 1) tanah gelugor yang dilaksanakn oleh CMI melalui RFP dengan hasil yang telah diterima Kerajaan Negeri ialah sebanyak RM22 juta) 2. Penganjuran *CMI and ICDM Governance Dialogue* bersama pengurusan tertinggi semua GLC. Anugerah/ Pengiktirafan: 3. Johan Anugerah Nirtunai agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kategori C (<1,000 transaksi) Senarai projek siap dan dijangka siap: 4. Projek Penempatan Semula Ladang Byram 5. Astaka Kota Selera dan Parit Kubu (Moat), Fort Cornwallis 6. Fort Cornwallis (10 galeri pameran di *storeroom*)

Prestasi bagi lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Nama GLC</th><th>Tahun</th><th>Prestasi</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Invest-In Penang Berhad</td><td>2022-2024</td><td>1. Program promosi pelaburan antarabangsa dilaksanakan secara berterusan.
2. Peningkatan visibiliti Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan utama.
3. Hubungan strategik dengan pemain industri dan institusi dikukuhkan.
4. Nilai pelaburan tahunan meningkat selaras dengan sasaran KPI dengan penarikan pelaburan pembuatan ke dalam negeri Pulau Pinang. Jumlah pelaburan pembuatan yang berjaya direkodkan bagi tahun 2022 hingga kini adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Jumlah (RM) - bilion</th></tr>
<tr><td>2022</td><td>13.7</td></tr>
<tr><td>2023</td><td>63.4</td></tr>
<tr><td>2024 (Jan - Jun)</td><td>5.0</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td rowspan="4">2.</td><td rowspan="4">Penang Global Tourism Sdn. Bhd.</td><td>2022</td><td>1. Penang International Food Festival 2022 (20 – 28 Aug 2022)</td></tr>
<tr><td>2023</td><td>1. Penang International Food Festival 2023 (3 – 25 Jun 2023)</td></tr>
<tr><td>2024</td><td>1. Chap Goh Mei (24 Feb 2024)
2. Penang Bon Odori 2024 (27 July 2024)</td></tr>
<tr><td>2025</td><td>1. Jumlah ketibaan pelancong meningkat lebih 5% berbanding tahun sebelumnya.
2. Promosi pelancongan di pasaran antarabangsa dilaksanakan secara aktif.
3. Liputan media antarabangsa dan pengiktirafan jenama Pulau Pinang bertambah.
4. Kolaborasi promosi dengan agensi pelancongan global dipertingkat.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Penang Convention &</td><td>2022</td><td>1. Asian Tourism & Hospitality Awards 2022- 2023 "Pioneering Business Events CEO of the Year 2022"</td></tr>
</table>

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
	Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)		*Expected Economic Income* (EEI) tahunan sebanyak RM375.91 juta
		2023	1. Asian Tourism & Hospitality Awards 2022- 2023 "Pioneering Business Events CEO of the Year 2022" 2. *Expected Economic Income* (EEI) tahunan sebanyak RM1.03 bilion
		2024	1. The BrandLaureate Awards Brand Leadership Award for Leadership Excellence in the MICE and Hospitality industries Nation Branding Award for M.I.C.E (Meeting, Incentive, Conference, Exhibition) in the category of The BrandLaureate Fast Moving Growing Sustainable Business & Brands Award 2024 2. *Expected Economic Income* (EEI) tahunan sebanyak RM1.29 bilion
		2025	1. Pertambahan bilangan acara MICE tempatan dan antarabangsa. 2. Sumbangan *Expected Economic Income* (EEI) meningkat sejajar dengan sasaran. 3. Hubungan dengan penganjur antarabangsa diperkukuh untuk menarik acara baharu. 4. *Expected Economic Income* (EEI) tahunan sebanyak RM865.47 juta (sehingga September)
4.	George Town World Heritage Incorporated	2022	1. Sia Boey sebagai Taman Hijau Arkeologi Bandar yang pertama di Malaysia. Projek ini juga telah memenangi Honorary Mention dibawah The Edge Malaysia-PAM Green Excellence Award 2020, dan MIP Planning Excellence Awards 2022. 2. Projek Normal Baharu Di George Town. Pihak GTWHI telah menggunakan sistem pangkalan data dalam talian untuk merekodkan informasi pemohon dan bangunan warisan yang terlibat dalam projek ini. 3. Penganjuran George Town Heritage Celebrations 2022
		2023	1. Penganjuran George Town Heritage Celebrations 2023 2. Penganjuran George Town Festival 2023

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
		2024	1. Mendapatkan peruntukan RM25 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk Program Inisiatif Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Sebanyak 10 komponen projek iaitu Pembaikan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori I dan Kategori II, Laluan Kaki-Lima untuk Semua, Lukisan Terukur bagi Bangunan Kategori I, Laporan Kajian Dilapidasi dan Pernyataan Tatacara Kerja, Penaiktarafan Sistem Pencarian Jalan, Projek Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti terhadap Warisan Budaya, Projek Pembinaan Kapasiti Warisan Budaya Tidak Ketara Berasaskan Komuniti, Aktiviti Warisan Kebudayaan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan *George Town Heritage Research, Education and Learning International Centre* (RELIC). 2. Pemasangan 10 unit defibrilator luaran automatik (AED) di bangunan warisan Kategori 1 di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
		2025	1. Berjaya menjalin sekurang-kurangnya satu perkongsian strategik antarabangsa. 2. Semua pertanyaan warisan dijawab dalam tempoh 7 hari bekerja. 3. Aktiviti libat urus komuniti melebihi empat (4) kali setahun. 4. Tahap penggunaan geran operasi mencapai 90% menjelang akhir tahun fiskal. 5. Pelaksanaan sistem kebajikan dan latihan kakitangan dijalankan dengan baik.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2022	1. Aplikasi *Penang Stops Violence* telah memenangi Anugerah *'Geospatial World Execellence Award'* di bawah kategori Keselamatan Awam di *Geospatial World Forum,* Amsterdam pada Mei 2022. 2. GRPB Movers bertujuan merekrut lebih ramai orang awam yang boleh menjadi penggerak GRPB. 3. Pusat Komuniti Padang Tembak dibuka 4. MoU bersama MHAS sebagai satu inisiatif untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia. 5. Penerbitan buku pertama bertajuk 'Step In' dengan kod ISBN 6. Bengkel Digital Eko-Usahawan Peringkat Asas khusus kepada wanita dalam golongan pendapatan B40.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			7. JelaJah Cendoi Pasemboq ke 40 KADUN seluruh Pulau Pinang untuk menyantuni komuniti setempat dengan pelbagai aktiviti dan hadiah-hadiah menarik.
		2023	1. Taska D'Komtar 2.0 - Inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan Taska untuk menempatkan anak-anak penjawat awam. 2. The *Mayor's Dialogue on Sustainable Budgeting* anjuran URBANICE Malaysia dengan kerjasama PWDC. 3. Pelancaran Pelan Tindakan 2023 dan Pelan Strategik 2023-2025 Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). 4. UCLG ASPAC dengan kerjasama PWDC telah menjalankan Sesi Bengkel GRPB untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. 5. MBPP dengan sokongan PWDC, diterima sebagai Ahli Bandar Mesra Usia bawah *World Health Organisation* (WHO). 6. MBPP bersama PWDC menerajui inisiatif Bandar Mesra Usia untuk menjadi Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang inklusif. 7. Pengiktirafan PWDC sebagai rakan kerjasama oleh PDRM Pulau Pinang. 8. Latihan *First Support Point* bagi Dasar Keluarga Selamat untuk peserta dari kalangan ahli JPWK, PYDC dan PEKA. Malaysia *Book of Records 'Largest Participation in a Zumba Event'* sempena Hari Wanita Sedunia Pulau Pinang 2023. Seramai 9,500 peserta telah mengambil bahagian acara zumba ini.
		2024	1. Perasmian Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia - MBPP 2. Bengkel Wanita Gerak merupakan sebahagian daripada Geran Pekan Seberang Perai yang dibawakan oleh *Think City*. 3. Latihan untuk PDRM dalam mengendalikan Kes Keganasan Rumah Tangga berlandaskan Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang. 4. Program PenMentor sebuah program yang menawarkan kursus intensif, bimbingan permentoran kepada usahawan wanita dan juga sebagai platform untuk mengembangkan jaringan.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			5. Kerja Perundingan GRPB di luar Pulau Pinang - inisiatif bersama Urbanice.
		2025	1. Pelaksanaan dasar GIP dan GRPB dijalankan mengikut jadual. 2. 6 sesi kesedaran GIP dilaksanakan di MBPP dan MBSP. 3. Penubuhan Jawatankuasa Dasar GI peringkat negeri telah dibuat. 4. Projek GRPB dilaksanakan di lebih 10 jabatan/agensi negeri. 5. Penganjuran Sidang Wanita dan Program WELIT dijalankan seperti dirancang. 6. Program ekonomi wanita (PenMentor & Wanita Jana Rezeki) mencapai sasaran. 7. Aduan diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021-2024	1. Explorasi Keagamaaan Memperkenalkan konsep explorasi keagamaan yang menonjolkan keharmonian dan kepelbagaian agama di Pulau Pinang. Antara produk yang telah diperkenalkan termasuk: 20 buah video *Penang How Now*, 4 buah *Streets of Harmony* di Pulau Pinang dan beberapa lagi jelajah keagamaan. 2. eRIBI -Membangunkan eRIBI, satu sistem yang mengumpul data dan maklumat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Pulau Pinang secara menyeluruh, lengkap dan berpusat. -Menggunakan eRIBI sebagai pengantara Kerajaan negeri dengan RIBI di Pulau Pinang. 3. Kerjasama Komuniti Pengukuhan kerjasama bersama komuniti dalam penganjuran perayaan keagamaan peringkat negeri setiap tahun 4. Sambutan Harmoni Pulau Pinang Sambutan tahunan yang meraihkan kepelbagaian dan keharmonian agama dan bangsa di Pulau Pinang.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			5. Urusetia Peruntukan Khas RIBI -Dilantik sebagai urusetia bagi Jawatankuasa Peruntukan Khas RIBI yang bertanggungjawab untuk memproses semua permohonan peruntukan khas daripada RIBI di Pulau Pinang -Unit Perhubungan Masyarakat ditubuhkan dalam struktur pengurusan HARMONICO bagi menyelia khusus hal ehwal bukan Islam di Pulau Pinang
		2025	1. Melaksanakan lebih 15 sesi eksplorasi keagamaan (133% pencapaian). 2. Melaksanakan 5 program dialog antara agama (166% pencapaian). 3. Menyiapkan penerbitan video *Penang HOW Now* dan program *Peace 21* (100%). 4. Melaksanakan 5 daripada 6 sambutan keagamaan pelbagai agama (80%).
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2023	1. DPSB pada tahun 2023 telah menerima anugerah *Outstanding Ecosystem among Medium-Sized Population cities in Southeast Asia by Startup Blink*. Lebih daripada 200 syarikat pemula telah berdaftar dengan DPSB, yang menjadi pemangkin kepada ekosistem keusahawanan digital di Pulau Pinang. 2. Hasil daripada kejayaan program "Dah Digital!" juga, DPSB telah dijemput sebagai rakan strategik oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk merangka pelan dan melaksanakan program di pusat-pusat NADI di seluruh negeri. 3. DPSB telah memperkasakan sebanyak 1,530 perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) dalam meningkatkan kemahiran teknologi digitalisasi, menyokong pertumbuhan mereka dalam ekonomi digital yang semakin berkembang pesat.
		2024	1. Program MyKADUN dan 2. Program *Mentorship* untuk memperkuatkan ekonomi digital
		2025	1. Program MyKADUN dilaksanakan di 13 pejabat Parlimen.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			2. Pembaca IC disediakan di 53 pusat perkhidmatan. 3. Lebih 90 MSME menyertai *Digital Transformation Programme* setiap tahun. 4. Lebih 750 kelas digital berjaya dilaksanakan sejak 2021. 5. 15 perkongsian strategik digital diwujudkan dengan rakan industri.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	Program perintis 2022-2024	Pembangunan Bakat TVET / TECH Start (18 Sekolah, 9 Penaja) Program Perintis : 2022/2023 & 2023/2024 Melibatkan kerjasama sekolah dan institusi latihan TVET untuk meningkatkan kesedaran mengenai pilihan kerjaya TVET dan menawarkan pembelajaran kemahiran asas untuk pelajar sekolah menengah atas yang kurang cenderung secara akademik dengan sokongan industri. Program 2 Tahun (Tingkatan 4 & Tingkatan 5) Pensijilan: *City & Guilds* Fokus: *Mechatronics*.
		2023-2024	STEM Future Proofing (21 Sekolah, 10 Penaja) Program modular untuk pelajar sekolah menengah atas yang cenderung secara akademik, menyediakan asas pembelajaran yang membawa kepada kerjaya di bidang STEM. Program 2 tahun (Tingkatan 4 & 5) Aliran subjek : Engineering & Computer Science.
		2022-2024	*STEM Showcases* (Han Chiang & UOW Batu Kawan) Acara tahunan yang menyediakan platform untuk pelajar sekolah rendah dan menengah.
		2025	1. Menganjur lebih 250 program STEM setahun dengan 40,000 peserta. 2. Kolaborasi bersama industri dan institusi pendidikan meningkat. 3. Penganjuran program berasaskan penyelidikan dan hands-on diperluas. 4. Aktiviti STEM dilaksanakan di kawasan luar bandar.
9.	Penang Science Cluster	2018-2024	1. 70,000 pelajar setahun di Pulau Pinang menyertai program *Penang Science Cluster*, dari bengkel 2 jam hingga ke program *mentorship* selama 10 bulan. 2. Lebih daripada setengah juta pelajar dari semua sekolah di Pulau Pinang telah menyertai program-program *Penang Science Cluster*.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			3. 80% program yang dijalankan oleh *Penang Science Cluster* ditaja oleh pihak industri dan yayasan. 4. Menyediakan latihan kepada guru-guru dalam pelbagai subjek dan bidang teknologi di semua sekolah di Pulau Pinang. 5. Menubuhkan MakerLab kepada 129 sekolah di Pulau Pinang. Program-program *Penang Science Cluster* dijalankan di 10 negeri di Malaysia, termasuk program seperti *Experience AI*.
10.	Penang Tech Centre	2022	1. Membantu mosti untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang.
		2023	1. Membantu mosti untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang. 2. Penceramah jemputan untuk *International Symposium on the Development of Natural Science Museums under the Belt and Road Initiative 2023*. 3. Menubuhkan Konsotium Pendidikan AI yang pertama di Malaysia. Dilantik sebagai Jawatankuasa Pemandu Rangkaian Kolaboratif Pusat Sains Malaysia (MYSAINS).
		2024	1. Membantu mosti untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang. 2. Penceramah Untuk *International Symposium on the Development of Astronomy Museum & Planetarium in the new era 2024*. 3. Membinakan Hub Pendidikan AI yang pertama di Malaysia. Dilantik sebagai Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Dan Pembudayaan - Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan (JANGKA) MOSTI.
		2025	1. Jumlah pelawat ke pusat pembelajaran meningkat. 2. Aktiviti pembelajaran STEM dijalankan secara konsisten. 3. Laporan kewangan menunjukkan kedudukan positif dan stabil.
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd	2020-2024	*1.* Pengiktirafan Pencapaian Jabatan Kerajaan Pulau Pinang bagi Tahun 2020 & 2021. *2.* Anugerah dari MalaysiaGBC untuk *"Leadership In Sustainability Awards 2020 - Best Sustainability Leadership (For Institution/ NGOs)(Honourable Mention)".*

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
	(Penang Green Council)		3. Penubuhan Unit Pengurusan Bencana Negeri di Pulau Pinang. 4. seminar antarabangsa dengan kerjasama *"SEAcircular stakeholder consultation", "Circular Cities Stakeholder Consultation", "Climate Modelling and GHG Training for Early Career Researchers" dan "18. Science for Climate Action Seminar* 5. Program Industri Hijau Pulau Pinang yang berpaksikan konsep ESG bagi tujuan membimbing industri tempatan supaya mempunyai daya saing dalam pasaran global. 6. Persidangan *"Green Finance"* yang pertama di Pulau Pinang berikutan dengan Persidangan dan siri bengkel ESG pada tahun 2022, 2023 dan 2024.
		2025	1. Beberapa cadangan dasar hijau dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. 2. Bilangan program kesedaran awam dan pendidikan alam sekitar meningkat. 3. Kolaborasi strategik dengan NGO, agensi dan sektor swasta diperluas. 4. Acara hijau negeri dan antarabangsa dianjurkan dengan penyertaan tinggi.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	2015-2024	1. Pinang (PYDC) telah menganjurkan **Sidang Muda Negeri Pulau Pinang**, untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan belia dalam urus tadbir awam di Pulau Pinang dari segi kepimpinan dan perkongsian minda. Program Sidang Muda telah kekal dianjurkan sehingga kini dan telah memanfaatkan seramai 242 orang belia melalui program ini. Beberapa alumni Sidang Muda kini telah menceburi bidang politik dan menjadi seorang wakil rakyat/ahli-ahli majlis atau pegawai-pegawai khas bagi ADUN atau Ahli Parlimen. Antaranya termasuk YB Daniel Gooi (EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang), YB Kumaresan (ADUN Batu Uban), Lee Chun Kit (Mantan ADUN Pulau Tikus), Ooi Mei Mei (Ahli Majlis MBPP) dan sebagainya.
		2020-2024	2. Program **Sukarelawan Belia Pulau Pinang** yang dilancarkan sejak tahun 2020 dan kini telah berjaya menarik pendaftaran melebihi seramai 7,300 orang Sukarelawan Belia Pulau Pinang setakat bulan Oktober 2024. 3. ***Youth Entrepreneurship Challenge*** telah dianjurkan secara tahunan sejak tahun 2020 dan kini merupakan tahun ke-lima dianjurkan dengan sokongan dari

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			sektor awam, industri-industri, institut pendidikan serta NGO seperti PERDASAMA, Malaysia Indian Chamber of Commerce, Federation of Manufacturing Malaysia (FMM), Penang Chinese Chamber of Commerce Young Entrepreneurs Section (PCCC YES) dan sebagainya.
		2022-2024	**Penubuhan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP)** telah memainkan peranan sebagai mekanisme formal yang menjadi pemangkin program pembangunan belia di setiap KADUN serta melatih lebih ramai lagi pemimpin belia.
		2021-2024	1. **Platform Youth With Rhythm** yang mendorong golongan belia Pulau Pinang untuk aktif dalam segi seni dan bakat dilancarkan sejak tahun 2021 Sejak tahun 2021, sebanyak 92 persembahan yang telah melibatkan 3404 orang bakat belia melalui platform *Youth With Rhythm*. 2. Di bawah inisiatif **Pemerkasaan Belia Luar Bandar,** Siri Jelajah Belia telah diperkenalkan bagi mendekati belia di kawasan luar bandar dan memfokuskan penglibatan mereka di dalam program komuniti setempat. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah berjaya mencatat rekod Malaysian Book of Records untuk "The Longest Urban Forest Themed Mural Art in 2023" menerusi inisiatif *Blank Canvas* di Taman Rimba Woodhaven pada 26 Jun 2024.
		2025	1. Program kepimpinan dan pembangunan belia dilaksanakan di semua daerah. 2. Bilangan sukarelawan belia berdaftar meningkat. 3. Dana Pembangunan Belia disalurkan kepada lebih banyak pertubuhan. 4. Belia berisiko dan B40 terlibat dalam program pemerkasaan. 5. Penerima Skim Insentif Best Anak Penang bertambah. 6. Aktiviti E-sukan dan program khas belia dilaksanakan mengikut sasaran.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	2022	1. Selepas penantian 20 tahun, pasukan Penang FC telah berjaya menjejakkan kaki ke separuh akhir dalam saingan Piala Malaysia Musim 2022 berjaya tewaskan Sri Pahang dengan jaringan 5-2. 2. Hilal El-Helwe berjaya menjaringkan 4 gol (Top 3) dalam saingan Liga Malaysia 2022. 3. Penang FC merangkul gelaran juara pada 2022 dalam kejohanan 3 penjuru Piala TYT (Tuan Yang Terutama) menewaskan pasukan *New Road Team* (Nepal) dengan jaringan 5-0. 4. Skuad Penang FC U-23 dibawah kendalian jurulatih Akmal Rizal berjaya merangkul pingkat perak dalam acara bola sepak temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2022.
		2023	1. Penang FC merangkul gelaran juara pada tahun 2023 dalam Piala Harapan 2023 menewaskan pasukan Selangor FC dengan jaringan 2-1. 2. Sonny Saad berjaya merangkul sebagai penjaring terbanyak dalam Piala Harapan 2023 dengan 3 gol sepanjang kejohanan berlangsung.
		2025	1. Semua perlawanan dianjurkan mengikut jadual tanpa kelewatan. 2. Laporan kewangan suku tahunan disiapkan tepat masa. 3. Tahap kehadiran staf melebihi 95%. 4. Tiada isu tatakelola atau ketirisan direkodkan. 5. Peningkatan kadar penglibatan media sosial melebihi 20%.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2013-2024	1. Penganjuran bengkel kecemerlangan, kursus, seminar berkelompok dan program 'outreach' dalam mendapatkan pengiktirafan pensijilan halal dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). 2. Penyertaan dalam *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), Selangor International Halal Convention (SELHAC), Halal Fiesta (HALFEST), Medan Fair, Selangor International Business Summit (SIBS), Sabah International Women Expo*

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			(SIWE), *World Islamic Entrepeneur Summit* (Padang, Indonesia), Thaifex (Bangkok), dan *Istanbul Halal Expo*. 3. Penganjuran acara tahunan *Penang International Halal Expo and Conference* (PIHEC) yang telah bermula dari tahun 2010. PIHEX 2024 ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim dijadualkan pada 7 Disember 2024. PHI dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyelerasan Pelaksanaan (ICU-JPM) telah menganjurkan BootCamp Usahawan Bumiputera Negeri Pulau Pinang siri 1 bertemakan **"Pastikan Halal, Memperkasa Ekonomi Ummah"** pada 16 sehingga 18 Ogos 2024
		2025	1. Bilangan usahawan mendapat konsultasi pensijilan Halal meningkat. 2. Program latihan dan seminar Halal dijalankan dengan penyertaan tinggi. 3. Menyertai dan menganjur beberapa ekspo Halal serantau. 4. Kerjasama strategik industri Halal diperluas dalam dan luar negara.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	2023-2024	Pemantauan kerja-kerja tambakan telah bermula pada September 2023 dan sehingga akhir Oktober 2024, seluas 50 ekar tanah telah dihasilkan. Fasa pertama tambakan melibatkan kawasan seluas 1260 ekar dan kilang pertama dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2027.
		2025	1. Penyerahan bot dan enjin Baharu kepada nelayan yang berdaftar di bawah Pelan Pengurusan Kesan Sosial (SIMP). 2. Program pendidikan seperti subsidi tuisyen serta pembangunan kemahiran untuk nelayan berdaftar 3. Projek PSI & PTMP dilaksanakan mengikut jadual dan bajet. 4. Komunikasi strategik diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran awam serta kecekapan kos dan prestasi kewangan dipertingkat secara berterusan dalam pelaksanaan projek fizikal.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2022	1. Perasmian Projek Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut, Padang Kota Lama (13 Mei 2022) 2. *SDG Cities Silver Certification on World Cities Day*
		2023	1. Pra Pelancaran Dan Lawatan Tapak Projek Konservasi Dan Penyediaan Semula Parit Kubu (Moat) Di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang. (14 Mac 2023) 2. Pecah Tanah Dan Lawatan Tapak Linear Garden Di Tembok Laut Padang Kota Lama (Esplanade), George Town, Pulau Pinang (15 Mei 2023) 3. Pecah Tanah Projek Konservasi Dan Penyediaan Semula Parit Kubu (Moat) Di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang. (18 Jun 2023)
		2024	1. *Project Of the Year at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project* 2. *Excellence Award for Landscape Design (Malaysia Project) in the Professional category at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project* 3. *Conservation and Preservation Award at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)- George Town Esplanade Project* 4. Sijil Kecemerlangan MCIEA 2024 - Anugerah Projek Terbaik (Infrastruktur-Kategori Kecil) bagi Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama, Esplanade, Pulau Pinang 5. Perasmian Projek Menaiktaraf Linear Garden, George Town, Pulau Pinang. Pra-Pelancaran Projek Konservasi Dan Penyediaan Semula Parit Kubu (Moat) Bahagian Selatan Dan Program *A Day At Fort* Di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang.
		2025	1. Penyiapan projek pemuliharaan tapak warisan iaitu Fort Cornwallis (Moat dan Muziologi) dan Astaka Kota Selera 2. Kerjasama strategik dengan *Think City* dan Aga Khan *Trust for Culture* diteruskan.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.		Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.		Ditubuhkan pada 14 April 2025

LAMPIRAN B

GERAN YANG DITERIMA OLEH GLC DARIPADA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2022 HINGGA 30 SEPTEMBER 2025

NO.	SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC)	TAHUN			
		2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM) HINGGA 30 SEPTEMBER
SSI					
1.	Invest-in-Penang Berhad	1,750,000.00	1,750,000.00	1,500,000.00	400,000.00
CMI					
2.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2,500,000.00	2,500,000.00	1,500,000.00	1,175,000.00
3.	Penang Science Cluster	801,887.00	1,264,781.00	400,000.00	200,000.00
4.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2,187,259.00	2,453,509.04	1,300,000.00	1,130,000.00
5.	George Town World Heritage Incorporated	3,200,000.00	3,200,000.00	3,500,000.00	1,968,754.00
6.	Penang Tech Centre	850,000.00	850,000.00	850,000.00	637,500.00
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,012,500.00
8.	Penang FC Sdn. Bhd.	11,000,000.00	13,700,000.00	10,200,000.00	6,000,000.00
9.	Digital Penang Sdn. Bhd.	3,850,000.00	4,500,000.00	3,500,000.00	2,462,500.00
10.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	5,683,418.00	5,653,863.00	3,868,000.00	5,000,000.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	6,480,000.00	7,300,000.00	6,000,000.00	3,000,000.00
12.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	1,123,394.00	1,369,462.00	1,150,000.00	776,250.00
13.	Penang STEM Sdn. Bhd.	630,000.00	650,000.00	600,000.00	405,000.00
14.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	1,500,000.00	2,000,000.00	1,500,000.00	1,712,500.00
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	7,695,710.00	-	8,000,000.00	4,000,000.00
16.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	-	-	850,000.00	382,500.00
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024			204,412.00
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025			

LAMPIRAN C

PERANAN GLC DI BAWAH CMI DAN SSI

BIL	NAMA SYARIKAT	PERANAN GLC
1.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGTSB)	Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan bagi Negeri Pulau Pinang.
2.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	Sebagai pemangkin pelaksanaan inisiatif-inisiatif /agenda hijau bagi membantu Pulau Pinang maju ke arah negeri yang hijau dan mampan.
3.	PWDC Sdn. Bhd. (Penang Women's Development Corporation)	Mengintegrasikan perspektif gender ke dalam dasar, program, amalan dan mengukuhkan kepimpinan dan penyertaan dalam sfera politik serta meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.
4.	PYDC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Youth Development Cooperation)	Mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.
5.	Digital Penang Sdn. Bhd. (DPSB)	Menerajui agenda transformasi digital Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan memanfaatkan teknologi dalam mengembangkan kelebihan komparatif dalam ekonomi digital.
6.	Penang Stem Sdn. Bhd. (PSSB)	Memberi pendedahan awal, memupuk minat pelajar serta menyediakan bengkel dan latihan untuk pelajar dalam bidang STEM dan TVET Teknikal.
7.	Penang Science Cluster (PSC)	Menyediakan pendidikan dan latihan dalam bidang sains, kejuruteraan, inovasi dan penyelidikan untuk melahirkan bakat di Pulau Pinang.

BIL	NAMA SYARIKAT	PERANAN GLC
8.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	Melaksanakan penambahbaikan reruang awam dan konservasi tapak warisan seperti di dalam rancangan kawasan khas tapak warisan dunia George Town. Pembangunan semula brownfield di pesisir laut di bahagian utara seperti Penang Bay.
9.	George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)	Sebagai *Special Purpose Vehicle* yang profesional dalam pengurusan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site Manager*) UNESCO George Town.
10.	Penang Tech Centre (PTC)	Mewujudkan hab pembelajaran teknologi, pertukaran idea dan berfungsi sebagai pusat peningkatan keupayaan dalam bidang STEM.
11.	PICEB Sdn. Bhd. (Penang Convention & Exhibition Bureau)	Mengurus, mempromosi, memasarkan dan menjalanan aktiviti berkaitan dengan lokasi pameran, persidangan dan konvensyen, kemudahan dan fasiliti, penganjuran, penasihat bagi semua jenis projek tempatan dan antarabangsa yang melibatkan acara perniagaan bagi badan korporat, syarikat, individu, jabatan kerajaan dan swasta.
12.	Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI)	Mempromosi dan membangunkan industri halal di Pulau Pinang serta membantu usahawan bagi mendapatkan pensijilan halal serta mempromosikan produk halal mereka ke pasaran halal global.
13.	Penang FC Sdn. Bhd. (PFCSB)	Menguruskan Penang FC (Kelab Bola Speak Pulau Pinang).
14.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB)	Menerajui pelaksanaan pelan induk pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dan pemantauan projek Silicon Island.
15.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Sebagai agensi pelaksana bagi mengurus tadbir hal-hal berkaitan hal ehwal bukan Islam dan sebagai penggerak utama kepada strategi-strategi atau dasar-dasar yang telah digubal di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri.

BIL	NAMA SYARIKAT	PERANAN GLC
16.	Invest-In-Penang Berhad	Menjana ekonomi Pulau Pinang termasuk merancang dan meningkatkan kemasukan pelaburan dari dalam atau luar negara dan menerokai peluang pelaburan baharu.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Sebagai medium untuk menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula dana tersebut kepada syarikat-syarikat kecil yang melaksanakan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Pulau Pinang.

Prestasi dan kedudukan kewangan semasa GLC di bawah CMI dan SSI dari Tahun 2020 hingga 30 September 2025

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,720,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,340,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,310,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,890,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,560,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM2,270,000.00
CMI					
2.	George Town World Heritage Incorporated	2020	RM3,200,000.00	Tiada	RM3,310,101.00
		2021	RM3,200,000.00		RM3,086,888.00
		2022	RM3,200,000.00		RM3,098,650.00
		2023	RM3,200,000.00		RM2,974,607.00
		2024	RM2,750,000.00		RM2,514,394.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,836,110.75
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2020	RM500,000.00	RM201,070.00	RM1,580,953.00
		2021	RM1,500,000.00	RM168,139.00	RM1,700,000.00
		2022	RM1,500,000.00	RM493,269.00	RM1,849,927.00
		2023	RM2,000,000.00	RM633,062.00	RM2,071,308.00
		2024	RM1,500,000.00	RM836,783.00	RM2,088,092.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00	RM515,700.00	RM1,776,064.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00	Tiada	RM738,935.00
		2021	RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,466,792.00
		2022	RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM2,853,206.00
		2023	RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,273,206.00
		2024	RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM6,446,822.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM2,296,279.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2020	Tiada	Tiada	Tiada
		2021	Tiada	Tiada	Tiada
		2022	Tiada	Tiada	Tiada
		2023	Tiada	Tiada	Tiada
		2024	RM425,000.00	Tiada	RM31,194.55
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,500.00	Tiada	RM350,841.41
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
		2022	RM7,695,710.00		RM2,363,810.88
		2023	Tiada		RM3,208,968.51
		2024	RM4,000,000.00		RM4,390,442.80
		2025 (Sehingga 30 September	RM4,000,000.00		RM3,271,703.74

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2020	RM1,000,000.00	Tiada	RM863,223.00
		2021	RM1,000,000.00		RM810,116.00
		2022	RM1,500,000.00		RM2,035,775.00
		2023	RM1,500,000.00		RM1,618,779.00
		2024	RM1,500,000.00		RM1,369,267.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,350,000.00		RM945,501.00
8.	Penang Tech Centre	2020	RM650,000.00	RM854,679.03	RM2,422,734.64
		2021	RM752,000.00	RM1,510,055.67	RM1,882,285.54
		2022	RM850,000.00	RM2,235,579.41	RM3,007,689.99
		2023	RM850,000.00	RM3,239,343.28	RM4,037,180.93
		2024	RM850,000.00	RM2,555,380.07	RM3,379,163.20
		2025 (Sehingga 30 September)	RM637,500.00	RM2,497,047.34	RM2,757,034.55
9.	Penang Science Cluster	2020	RM3,300,000.00	RM4,774.213.00	RM6,915,820.00
		2021	RM356,898.00	RM4,278,745.00	RM3,673,797.00
		2022	RM801,887.00	RM3,291,838.00	RM3,599,497.00
		2023	RM1,264,781.00	RM4,568,885.00	RM6,153,050.00
		2024	RM400,000.00	RM4,734,142.00	RM5,012,726.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM200,000.00	RM3,397,308.00	RM3,269,232.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2020	RM560,000.00	RM236,163.00	RM711,318.00
		2021	RM410,000.00	RM155,862.00	RM662,161.00
		2022	RM630,000.00	RM219,290.00	RM753,554.00
		2023	RM650,000.00	RM712,387.00	RM1,221,648.00
		2024	RM600,000.00	RM468,905.00	RM1,010,352.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM405,000.00	RM509,408.00	RM990,081.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2020	RM7,050,000.00	RM9,229,041.00	RM7,965,798.00
		2021	RM5,530,000.00	RM6,208,105.00	RM9,242,783.00
		2022	RM6,480,000.00	RM9,561,262.00	RM8,562,243.00
		2023	RM7,300,000.00	RM11,179,112.00	RM6,402,229.00
		2024	RM4,947,720.00	RM6,490,836.00	RM5,463,596.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM3,000,000.00	RM5,181,501.00	RM 3,950,999.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2020	RM6,141,156.00	RM54,826.00	RM3,634,726.00
		2021	RM4,231,087.00	RM14,900.00	RM3,061,654.00
		2022	RM5,683,418.00	RM53,297.00	RM5,963,699.00
		2023	RM5,737,863.00	RM33,727.00	RM7,282,635.00
		2024	RM7,538,552.00	RM14,000.00	RM7,752,989.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM5,170,200.00	Tiada	RM5,118,412.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM823,355.00
		2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,401,229.00
		2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM1,062,746.00
		2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,776,268.00
		2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM904,987.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM968,730.00
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM12,173,634.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM15,183,966.00
		2023	RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,460,392.00
		2024	RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,411,209.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,902,440.00
15.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.	2020	RM1,500,000	RM418,620	RM1,196,755
		2021	RM2,500,000	RM387,556	RM2,141,679
		2022	RM2,500,000	RM524,330	RM3,062,478
		2023	RM2,500,000	RM877,939	RM3,597,745
		2024	RM1,500,000	RM608,437	RM2,399,161
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000	RM448,221	RM1,776,502

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	**Peruntukan daripada sumber lain**	**Perbelanjaan operasi dan pengurusan**
16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM357,724.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,828.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,285,276.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,265,538.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM858,841.65
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	2025 (Sehingga 30 September)	Belum terima	-	-
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025			

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

12. Bilakah Projek Ideal Venice di bawah KADUN Seri Delima dijangka siap sepenuhnya dan memperoleh Sijil Siap dan Pematuhan (CCC)?

    (a) Nyatakan jumlah unit rumah mampu milik dan unit pasaran terbuka (open market) dalam projek ini.

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Projek Ideal Venice Residency yang terletak di bawah Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima merupakan projek yang dibangunkan oleh Syarikat Ideal Capital Venture Sdn. Bhd. yang terdiri daripada 1,632 unit rumah mampu milik (RMM) (kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu - RMKu) Jenis C3 berkeluasan sebanyak 850 kaki persegi (kp). Mengikut jadual perancangan asal, projek ini dijadualkan siap sepenuhnya pada penghujung sukuan pertama tahun 2026. Walau bagaimanapun, berdasarkan prestasi semasa dan kemajuan kerja lebih awal dari jadual, **projek ini dijangka siap sepenuhnya dan akan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada bulan Disember 2025**.

    (a) Jumlah keseluruhan unit yang akan disediakan melalui projek ini adalah sebanyak **1,632 unit RMKu C3** yang berkeluasan sebanyak 850 kp. Projek ini telah mendapat kelulusan sebanyak 50% dari keseluruhan unit (**816 unit**) yang boleh dijual kepada **pasaran terbuka**. Manakala, baki 50% unit tersebut akan dijual mengikut senarai nama

yang berdaftar dan layak melalui Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

13. Nyatakan statistik tangkapan kes dadah di Pulau Pinang bagi tempoh 2023 hingga 2025 oleh PDRM dan AADK.

    (a) Nyatakan bilangan tangkapan yang melibatkan remaja.

    (b) Adakah Taman Tun Sardon dikenal pasti sebagai kawasan *hotspot* aktiviti dadah?

    (c) Apakah pandangan serta tindakan PDRM dalam membanteras kegiatan ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Statistik tangkapan oleh PDRM di Pulau Pinang bagi tahun 2023 hingga 2025 seperti berikut:

TANGKAPAN/TAHUN	2023	2024	2025
Bekalan	2,545	2,671	2,253
Memiliki	6,947	7,426	6,241
Urin	4,446	12,398	9,870
JUMLAH	**13,938**	**22,495**	**18,364**

Penerangan Sek.:
*Bekalan : (Sek. 39B),(Sek. 39A2),(Sek. 39A1),(Sek.6B)
*Memiliki: (Sek.12(2)),(Sek 6ADB),(AR 1952),(Sek.10)
*Urin: (Sek.15(1) ADB)

Manakala jumlah tangkapan yang dirujuk kepada AADK di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983

dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah sebanyak 1376 orang,tahun 2024 sebanyak 1454 orang dan pada tahun 2025 adalah sebanyak 1195 orang (setakat September 2025).

(a) Tangkapan melibatkan remaja oleh PDRM adalah seperti berikut:

Seksyen Kesalahan / TAHUN		**2023**		**2024**		**2025**	
Akta	Seksyen	L	P	L	P	L	P
ADB 1952	12	73	17	74	12	44	12
ADB 1952	15	61	21	87	22	48	13
ADB 1952	39A	8	1	12	4	5	3
ADB 1952	39B	5	1	7	2	4	1
ADB 1952	6	17	0	1	0	5	0
ADB(LLPK)	6	0	0	0	0	0	0
AKTA RACUN 1952	30	38	0	21	0	13	1
JUMLAH KESELURUHAN		**202**	**40**	**22**	**40**	**119**	**30**

Manakala kes yang dirujuk kepada AADK melibatkan remaja di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di Pulau Pinang pada tahun 2023 sebanyak 27 orang, tahun 2024 sebanyak 31 orang dan tahun 2025 sebanyak 27 orang (setakat September 2025)

(b) Dibawah AADK Taman Tun Sardon bukan kawasan *hotspot* aktivtiti penyalahgunaan dadah. Jumlah penyalahguna dadah yang sedang mengikuti Rawatan dan Pemulihan dalam komuniti bersama pihak AADK Timur Laut, Pulau Pinang adalah seramai 23 orang. MPKK, Qariah dan Pihak ADUN di kawasan tersebut juga aktif dan sering bekerjasama dengan pihak AADK dalam mengadakan program pencegahan dadah seperti ceramah dan pameran Antidadah.

Namun begitu beberapa tindakan telah diambil oleh pihak PDRM diantaranya adalah seperti berikut:

(i) Operasi Tapis dilaksanakan secara berkala dimana operasi dijalankan disekitar Taman Tun Sardon dan sekitar Pulau Pinang.

(ii) Ops Tapis Khas dilaksanakan Secara tersusun dan pemantauan serta tangkapan akan dilakukan secara bersasar.

(c) Pandangan PDRM terhadap kegiatan dadah :

(i) Ancaman besar terhadap keselamatan negara.

PDRM melihat kegiatan dadah bukan sekadar masalah sosial, tetapi juga ancaman terhadap keselamatan dan kestabilan negara kerana ia sering berkait dengan jenayah lain seperti kecurian, pergaduhan dan pembunuhan.

(ii) Punca kepada keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat.

Penyalahgunaan dadah menjejaskan kesejahteraan keluarga serta pembangunan modal insan, terutamanya dalam kalangan belia.

(iii) Cabaran utama dalam penguatkuasaan undang-undang

PDRM menganggap pengedaran dadah sebagai satu bentuk jenayah terancang yang melibatkan sindiket antarabangsa dan memerlukan pendekatan strategik serta kerjasama pelbagai agensi.

Tindakan PDRM dalam membanteras kegiatan dadah

(i) Operasi dan risikan berterusan
Melaksanakan operasi khas seperti Ops Tapis bagi memburu pengedar serta pengilang dadah.
Menggiatkan aktiviti risikan terhadap sindiket antarabangsa yang menggunakan Malaysia sebagai transit.

(ii) Kerjasama dengan agensi lain
Bekerjasama rapat dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan Maritim Malaysia untuk memantau penyeludupan dadah di sempadan.

(iii) Tindakan pencegahan komuniti
Menjalankan program kesedaran awam, ceramah dan kempen di sekolah, IPT dan komuniti melalui Program *Community Policing* dan Rakan Cop.

(iv) Penggunaan teknologi dan data risikan
Memanfaatkan sistem pangkalan data dan teknologi pengawasan (seperti kamera litar tertutup dan analisis forensik digital) bagi mengenal pasti jaringan sindiket.

(v) Pendekatan pemulihan
Menyokong usaha pemulihan penagih melalui kerjasama dengan pusat rawatan AADK agar bekas penagih dapat kembali ke masyarakat dan tidak mengulangi kesalahan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

14. Bilakah *flyover* IJM dari arah Bayan Lepas ke The Light City dijangka dibuka sepenuhnya?

    (a) Apakah status laluan basikal di kawasan tersebut?

    (b) Apakah langkah keselamatan serta penyelenggaraan yang dirancang bagi memastikan laluan ini kekal selamat digunakan pada waktu malam dan ketika hujan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Kerja-kerja pembinaan *flyover* IJM dari arah Bayan Lepas ke The Light City telah dimulakan pada 06 Mei 2024 dan siap sepenuhnya pada 14 Ogos 2025. Pada masa ini, pihak IJM Land Berhad sedang menunggu kelulusan Sijil Kesiapan Pembinaan Lebuhraya (SKP) daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Setelah semua proses kelulusan SKP diperoleh daripada pihak LLM, *flyover* tersebut dijangka dapat dibuka sepenuhnya kepada pengguna jalan raya pada penghujung bulan November 2025.

    (a) Status laluan basikal baharu sepanjang 1.5 kilometer di kawasan pesisiran pantai (*promenade*) dijangka akan dibuka kepada orang awam pada pertengahan bulan Disember 2025 selepas kerja-kerja pembinaan di tapak *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC) siap sepenuhnya. Dalam pada itu, pihak IJM Land Berhad telah menyediakan laluan basikal sementara berhampiran tapak

projek The Light IJM bagi kegunaan orang awam sehingga bulan Disember 2025.

(b) Langkah keselamatan dan penyelenggaraan yang dirancang bagi memastikan laluan ini kekal selamat digunakan pada waktu malam dan ketika hujan adalah seperti berikut:

1) Pihak MBPP telah memasang sebanyak 195 unit tiang lampu solar di sepanjang laluan basikal khas *dedicated bicycle lane* di seluruh kawasan MBPP termasuk laluan basikal berhampiran The Light City iaitu sebanyak 16 unit pada tahun 2019 untuk memastikan keselamatan penunggang pada waktu malam;

2) Pihak MBPP juga akan memastikan penyelenggaraan lampu jalan sedia ada di laluan basikal di kawasan The Light City ini diselenggara bagi tujuan pencahayaan pada waktu malam; dan

3) Pihak IJM Land Berhad telah memasang dan menyelenggara papan tanda keselamatan dan papan tanda dengan logo basikal untuk memastikan keselamatan penunggang basikal pada waktu malam di kawasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

15. Apakah perancangan terkini penempatan semula peniaga di Astaka Akuarium susulan Projek LRT Mutiara?

    (a) Adakah tapak baharu atau astaka gantian disediakan? Nyatakan di mana.

    (b) Adakah sebarang bentuk pampasan atau bantuan ex gratia diberikan kepada peniaga yang terjejas?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Perancangan terkini penempatan semula peniaga di Astaka Akuarium masih dalam perbincangan antara Kerajaan Negeri dan pihak MRT Mutiara (MRTM). Selain itu, Astaka Akuarium terletak di atas tanah milik yang telah diwartakan di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG). Buat masa ini, tanah-tanah yang diwarta di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah sedang dalam proses siasatan di bawah seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah.

    (a) Melalui surat bertarikh 16 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada pihak Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) mengenai hasrat agar Kompleks Astaka Gelugor yang terlibat dapat dibina semula oleh pihak MRT Corp di atas Lot 6080 dan Lot 6081, Mukim 13, Daerah Timur Laut sebagai tapak gantian kepada kompleks asal.

Cadangan pembinaan semula kompleks astaka di tapak berhadapan Jalan Akuarium ini telah dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan bersama agensi-agensi berkaitan. Namun begitu, tanah di Jalan Akuarium tersebut merupakan tanah yang berstatus Persekutuan di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan, iaitu tanah yang digunakan bagi tujuan atau maksud Kerajaan Persekutuan tetapi diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, pelaksanaan pembinaan di tapak tersebut memerlukan kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan.

Setakat ini, perkara ini masih dalam peringkat perbincangan dan masih belum dimuktamadkan. Kerajaan Negeri masih menunggu maklum balas rasmi daripada pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) dan MRT Corp berhubung pelaksanaan cadangan pembinaan semula tersebut.

(b) Pampasan bagi maksud pengambilan tanah adalah berdasarkan prinsip-prinsip dalam Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 setelah dimuktamadkan oleh Pentadbir Tanah dalam proses siasatan di bawah seksyen 12. Justeru, peniaga-peniaga yang berada di atas tanah kerajaan di sekitar kawasan yang terlibat dengan jajaran Projek LRT Laluan Mutiara, Kerajaan Negeri akan melaksanakan sesi siasatan (*hearing*) bagi mengenal pasti status dan latar belakang setiap peniaga yang terlibat.

Sesi siasatan yang pertama dijadualkan bermula pada bulan November 2025 dan hasil siasatan ini akan digunakan sebagai asas pertimbangan Kerajaan Negeri dalam menentukan bentuk bantuan, pampasan *ex-gratia* atau penempatan semula yang sesuai bagi peniaga-peniaga yang terjejas.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

16. Apakah status semasa Projek LRT Pulau Pinang termasuk kerja-kerja yang sedang dijalankan?

    (a) Adakah dijangka berlakunya kesesakan lalu lintas sepanjang tempoh pembinaan?

    (b) Apakah langkah mitigasi yang dirancang bagi mengurangkan kesan terhadap pengguna jalan raya?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Setakat ini, pihak MRT Corporation (MRTC) memaklumkan bahawa di bawah pakej Kontrak Sivil Utama 1 (CMC 1) Projek Penang LRT Laluan Mutiara, beberapa aktiviti awal telah dimulakan di tapak. Kerja-kerja pelebaran jalan telah dimulakan terlebih dahulu, diikuti dengan kerja-kerja penyiasatan tanah (soil investigation) di sepanjang pembahagi jalan (road median). Pada masa yang sama, kerja-kerja pemindahan utiliti dan penebangan pokok juga sedang dijalankan di beberapa kawasan.

    Selain itu, kerja-kerja cerucuk telah dimulakan di beberapa lokasi utama termasuk Macallum, Bandar Sri Pinang, East Jelutong dan Kampung Baruh. Seterusnya, kerja-kerja cerucuk di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Sungai Tiram dijadualkan untuk dimulakan pada November 2025.

(a) Sememangnya dijangka berlaku kesesakan atau gangguan lalu lintas dalam tempoh pembinaan yang akan melibatkan pelencongan jalan raya, sekatan separa lorong dan kerja-kerja berat di koridor trafik tinggi.

Sepanjang tempoh pembinaan, Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan (TMP)) telah dirangka oleh pihak MRT Corporation (MRTC) bagi memastikan kelancaran aliran kenderaan di sepanjang rancangan jajaran LRT serta untuk membolehkan kerja-kerja dijalankan dengan selamat dan terkawal.

Perubahan seperti pengurangan lorong dan lencongan sementara dijangka boleh menyebabkan sedikit kesesakan di kawasan tertentu, khususnya semasa waktu puncak. Walau bagaimanapun, aliran trafik utama masih akan dikekalkan agar jalan raya terus boleh digunakan oleh orang awam.

Pelaksanaan TMP tersebut juga akan melibatkan pengurangan lorong (lane reduction) dan lencongan laluan di jalan-jalan utama yang terlibat dalam aktiviti pembinaan jajaran bertingkat (viaduct) dan stesen seperti Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tengah dan Jalan Magazine.

(b) MRTC telah disyaratkan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyediakan Pelan Pengurusan Lalu Lintas (PPL) bagi setiap lokasi stesen bermula dari George Town hingga ke Permatang Damar Laut supaya langkah mitigasi dapat dianalisis dan dilaksanakan dengan lebih terperinci. Langkah-langkah mitigasi utama yang akan dilaksanakan oleh pihak MRTC termasuklah:

(i) Mengeluarkan lampu isyarat di persimpangan Jalan Tengah / Jalan Sultan Azlan Shah dan menjadikan persimpangan tersebut sebagai belokan kiri sahaja (left in, left out);

(ii) Menaik taraf pusingan U di Jalan Mahsuri;

(iii) Menyediakan satu pusingan U baharu di Jalan Sultan Azlan Shah iaitu sebelum persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mayang Pasir;

(iv) Membuka satu laluan baharu di jalan khidmat Jalan Sultan Azlan Shah, dari jalan bund menuju ke FIZ 4;

(v) Melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di Jalan Sultan Azlan Shah (sekitar kawasan FIZ) bagi mengekalkan enam (6) lorong lalu lintas dua hala;

(vi) Beberapa persimpangan lampu isyarat juga akan disusun semula (reconfigured) oleh pihak MRTC bagi memperbaiki aliran kenderaan;

(vii) Laluan bebas henti (free-flow traffic) akan diperkenalkan di beberapa persimpangan utama serta pusingan U bebas henti (free-flow U-turn);

(viii) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town serta perkhidmatan Bas *Congestion Allevation Transport* Bridge (CAT Bridge) dan mana-mana perkhidmatan bas yang dioperasikan oleh Rapid Penang menggunakan Pas Mutiara yang disediakan secara percuma bagi mengurangkan kenderaan persendirian serta mengurangkan kesesakan di atas jalan raya;

(ix) Mengalakkan penjawat awam yang berkhidmat di Komtar menggunakan Perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR yang akan membantu dalam mengurangkan kesesakan pada waktu puncak;

(x) Menggalakkan pengunaan) perkhidmatan *Rapid On-Demand* (ROD) sebagai kesalinghubungan (connectivity) yang amat penting bagi membolehkan orang awam atau pengguna bas menyambung perjalanan mereka dengan rangkaian bas Rapid. Di samping ini, perkhidmatan ROD ini disediakan bertujuan bagi memenuhi permintaan

pengangkutan awam di kawasan dengan kepadatan yang tinggi yang masih belum mempunyai akses kepada pengangkutan bas Rapid dalam jarak radius 3km;

(xi) Mengalakkan penggunaan basikal melalui penyediaan laluan basikal baru;

(xii) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan berkerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan pada waktu-waktu kesesakan teruk; dan

(xiii) Pihak industri di FIZ juga telah dinasihatkan untuk merancang langkah mitigasi seperti waktu bekerja fleksibel atau '*staggered working hours*', '*car-pooling*' dan perancangan perjalanan bagi mengurangkan impak kepada pekerja. Sementara itu, pekerja di kawasan FIZ dan sekitar juga disaran untuk menggunakan perkhidmatan bas awam untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan terbabit sepanjang kerja-kerja pembinaan dijalankan.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk meminimumkan impak terhadap trafik sedia ada, memastikan pergerakan kenderaan kekal lancar, dan meningkatkan kecekapan aliran trafik di kawasan-kawasan utama sepanjang tempoh pembinaan LRT Laluan Mutiara.

Pihak MRTC juga akan menyediakan laluan alternatif dan pengalihan trafik yang akan diurus sebagai sebahagian daripada pelan pengurusan trafik (TMP) yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 14 Oktober 2025 serta TMP ini juga akan disemak semula dan ditambah baik secara bulanan bagi perancangan masa depan. Maklumat lebih terperinci boleh didapati menerusi laman media sosial LRT Laluan Mutiara dan laman web rasmi MRTC.

Sementara pihak pemaju dan kontraktor akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan kesan projek terhadap keadaan trafik dari semasa ke semasa, pengguna jalan raya dinasihatkan dari semasa ke semasa untuk merujuk kepada laman web projek Laluan Mutiara dan media sosial LRT Mutiara Pulau Pinang untuk maklumat TMP dan pengumuman trafik terkini serta menyemak aplikasi navigasi seperti Waze untuk mendapatkan maklumat trafik masa nyata (real-time) bagi merancang perjalanan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

17. Apakah fungsi semasa Tangki Takungan Air Konkrit di kawasan Island Glades (Changkat Delima)?

    (a) Adakah tangki tersebut masih digunakan buat sementara waktu?

    (b) Adakah PBA mempunyai perancangan untuk memulih atau memanfaatkan semula kemudahan tersebut?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Fungsi tangki air konkrit di kawasan Island Glades (Changkat Delima) pada asalnya dibina sebagai kolam takungan pengimbang (*balancing reservoir*). Walau bagaimanapun, pada masa ini tangki-tangki tersebut tidak lagi beroperasi dan tidak digunakan.

    (a) Kedua-dua tangki air konkrit tersebut tidak lagi digunakan pada masa ini kerana sistem pengepaman terus dari Rumah Pam Desa Mutiara 1 sudah memadai untuk mengimbangi tekanan air dalam sistem retikulasi di kawasan berkenaan, sekali gus memastikan bekalan air kepada pengguna tidak terjejas.

    (b) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak mempunyai perancangan khusus untuk memulih atau memanfaatkan semula kemudahan tersebut dalam masa terdekat. Namun demikian, tangki-tangki berkenaan akan

diaktifkan semula sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan bagi menampung permintaan atau mengimbangi tekanan dalam sistem bekalan air di kawasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

18. Huraikan statistik dan trend kes keganasan di atas talian (online harassment) yang dilaporkan di Pulau Pinang sejak tahun 2023 hingga kini termasuk bentuk utama seperti buli siber, gangguan seksual digital dan penipuan dalam talian yang menjejaskan keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Statistik kes keganasan di atas talian yang dilaporkan di Pulau Pinang sejak dari tahun 2023 hingga Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN.**

Jumlah kes keganasan di atas talian yang dilaporkan menunjukkan peningkatan ketara dalam tempoh tiga (3) tahun menunjukkan trend kenaikan yang berterusan.

Beberapa faktor yang mempengaruhi trend peningkatan kes keganasan di atas talian (*online harassment*) kemungkinan disebabkan oleh:

(a) Peningkatan penggunaan media sosial yang memainkan peranan besar dalam peningkatan kes ini. Lebih ramai rakyat bergantung kepada platform digital untuk urusan kerja, sosial dan perniagaan, ruang interaksi dalam talian semakin luas dan terbuka kepada risiko seperti penipuan siber, gangguan seksual digital, serta buli siber. Dalam konteks ini, penipuan dalam talian menjadi bentuk keganasan paling ketara kerana ramai pengguna,

terutamanya warga emas dan golongan berpendapatan sederhana, masih kurang celik terhadap taktik penipuan digital yang semakin canggih.

(b) Peningkatan kes juga kemungkinan berpunca daripada kurangnya kesedaran tentang keselamatan digital dan perlindungan data peribadi. Ramai pengguna masih belum berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi, menggunakan kata laluan lemah, atau mempercayai mesej dan pautan yang tidak sahih. Situasi ini dimanipulasi oleh penjenayah siber yang semakin kreatif dalam memperdaya mangsa melalui mesej palsu, panggilan telefon dan laman web tiruan.

(c) Kemajuan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) turut menyumbang kepada peningkatan risiko penipuan digital. Penjenayah kini mampu menggunakan teknik penyamaran (*impersonation*), manipulasi imej dan suara (*deepfake*), serta mesej automatik yang meyakinkan untuk memperdaya mangsa. Hal ini menjadikan pengesanan dan penguatkuasaan undang-undang lebih mencabar.

(d) Selain itu, peningkatan kesedaran dan pelaporan masyarakat juga mungkin menjadi salah satu sebab peningkatan angka, terutamanya bagi kes berbentuk gangguan verbal, emosi dan siber. Melalui program kesedaran yang dijalankan seperti kempen *Penang Goes Orange* dan latihan *First Support Point* di bawah Dasar Keluarga Selamat, semakin ramai individu berani tampil membuat laporan apabila menghadapi gangguan digital, berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya di mana isu seperti buli siber atau gangguan emosi dianggap remeh atau tidak dilaporkan.

(e) Tekanan sosial dan ekonomi pasca pandemik turut menjadi faktor tidak langsung yang mendorong peningkatan kes. Ramai individu menghadapi tekanan hidup, kehilangan pekerjaan dan ketidaktentuan ekonomi, yang mendorong sebahagian pihak mengambil kesempatan melalui aktiviti jenayah siber atau melampiaskan kemarahan melalui saluran digital.

Secara keseluruhannya, trend peningkatan kes keganasan di atas talian ini mencerminkan kesan sampingan dunia digital yang semakin maju tetapi kurang dikawal. Ia menuntut tindakan menyeluruh daripada kerajaan, agensi penguatkuasaan, dan masyarakat untuk meningkatkan literasi digital, memperkukuh keselamatan siber serta membina budaya dalam talian yang lebih selamat dan beretika.

LAMPIRAN

STATISTIK DAN TREND KES KEGANASAN DI ATAS TALIAN (ONLINE HARASSMENT) YANG DILAPORKAN DI PULAU PINANG SEJAK TAHUN 2023 HINGGA KINI TERMASUK BENTUK UTAMA SEPERTI BULI SIBER, GANGGUAN SEKSUAL DIGITAL DAN PENIPUAN DALAM TALIAN YANG MENJEJASKAN KESELAMATAN SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT

TAHUN	2023	2024	2025	JUMLAH
FIZIKAL	23	30	31	84
VERBAL (LISAN)	0	0	4	4
PSIKOLOGI / EMOSI	0	2	3	5
SIBER (CYBERBULLYING)	0	0	1	1
AKADEMIK	0	0	0	0
PENIPUAN DALAM TALIAN	1,932	1,456	2,900	6,288
JUMLAH	**1,955**	**1,488**	**2,939**	**6,382**

*Statistik disediakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

19. Nyatakan lokasi dan jumlah AED dipasang oleh MBPP di seluruh Pulau Pinang.

    (a) Adakah terdapat perancangan menambah AED di bawah KADUN Seri Delima?

    (b) Mengapakah AED di Taman Kejiranan Karpal Singh belum direkod dalam sistem Pearl App?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Senarai lokasi dan jumlah *Automated External Defibrillator* (AED) yang telah dipasang oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

    (a) Pihak MBPP telah memasang AED di empat (4) buah lokasi di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima seperti berikut:

        (i) Balai Rakyat Taman Tun Sardon;
        (ii) Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Bunga Raya;
        (iii) Lorong 11, Taman Kejiranan Karpal Singh; dan
        (iv) Tanah Lapang Japanese Garden.

        Pihak MBPP buat masa ini tiada perancangan untuk menambah AED di KADUN Seri Delima. Namun, MBPP

akan meneliti keperluan pemasangan AED dari semasa ke semasa.

(b) Pihak MBPP sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf rak AED bagi memudahkan orang awam menggunakannya ketika kecemasan. Maklumat terkini lokasi dan gambar AED termasuk AED di Taman Kejiranan Karpal Singh akan dikemas kini dalam aplikasi *Pearl* selepas kerja menaik taraf selesai dilaksanakan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

20. Permohonan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Seri Delima telah dihantar namun belum menerima maklum balas. Apakah status permohonan dan adakah pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dapat membantu memudahkan serta menyelaras kelulusan permohonan tersebut?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang telah menerima cadangan permohonan daripada individu untuk penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Seri Delima pada 24 Januari 2025 yang lalu. Namun, semasa memproses permohonan tersebut, pihak JPBM telah mengenal pasti beberapa isu seperti berikut:

(i) Lokasi Cadangan Penubuhan

Pihak JBPM Negeri Pulau Pinang mendapati bahawa lokasi yang dicadangkan bagi penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Seri Delima terletak kurang dari 10 kilometer dari tiga (3) balai sedia ada yang berhampiran, iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Perak, BBP Paya Terubong, dan BBP Bayan Baru. Berdasarkan jarak tersebut, masa tindak balas (*response time*) bagi ketiga-tiga balai berkenaan masih berada dalam julat yang boleh dikawal serta mampu menampung keperluan operasi semasa.

(ii) Aduan Penyalahgunaan Pili Bomba

Pihak JBPM Negeri Pulau Pinang telah menerima satu (1) aduan awam berhubung penyalahgunaan pili bomba bagi tujuan pembersihan tokong yang didakwa melibatkan beberapa individu daripada ahli kumpulan dalam kalangan pihak pemohon tersebut. Hasil siasatan yang dijalankan mendapati bahawa aduan tersebut adalah berasas dan tindakan berkenaan menyalahi tatacara penggunaan aset kebombaan yang telah ditetapkan oleh pihak JBPM Negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, atas prinsip ketelusan dan integriti perkhidmatan awam, pihak JBPM Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah menangguhkan sementara proseskelulusan permohonan berkaitan bagi memastikan isu ini dapat ditangani dan diselesaikan sepenuhnya mengikut peraturan sedia ada.

(iii) Pertindihan Nama Ahli Pasukan Yang Akan Ditubuhkan Dengan Pasukan Sedia Ada

Pihak JBPM Negeri Pulau Pinang turut mendapati bahawa berlakunya pertindihan keanggotaan antara beberapa individu dalam kumpulan pemohon dengan PBS Juru yang masih aktif. Menurut Garis Panduan Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela JBPM Tahun 2011, individu yang sedang berkhidmat dengan mana-mana pasukan bomba sukarela lain adalah tidak dibenarkan untuk menyertai atau menjadi ahli kepada pasukan baharu. Ketetapan ini bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tanggungjawab, konflik komitmen dan kekeliruan dalam arahan operasi di lapangan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan permohonan tersebut diproses, pihak JBPM telah mengambil pendekatan proaktif dengan mengadakan satu sesi libat urus rasmi bersama pihak pemohon. Dalam sesi tersebut, pihak JBPM telah memberikan teguran dan penjelasan bahawa sebarang aktiviti atau tugas berkaitan kebombaan tidak boleh dilaksanakan sebelum kelulusan rasmi diperoleh daripada pihak Ibu Pejabat JBPM. Pihak pemohon juga telah berjanji untuk mematuhi arahan

tersebut dan seterusnya telah mengemukakan senarai nama ahli baharu yang tidak bertindih dengan ahli daripada pasukan aktif lain.

Pada ketika ini, permohonan tersebut telah dihantar ke Ibu Pejabat JBPM di Putrajaya untuk pertimbangan dan kelulusan.

Secara prinsipnya, JBPM Negeri Pulau Pinang bersetuju dengan penubuhan ini setelah mengambil kira faktor *response time* ketika waktu puncak. Pihak JBPM juga mendapati kawasan Seri Delima merupakan laluan utama yang sering mengalami bahawa kesesakan lalu lintas yang serius, terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan pasukan bomba untuk memberi tindak balas segera terhadap sebarang insiden kecemasan. Sehubungan itu, penubuhan PBS di kawasan berkenaan dilihat mampu berperanan sebagai pasukan sokongan awal *(first responder)* yang dapat membantu pihak JBPM Negeri Pulau Pinang dalam mempercepat tindakan kecemasan dan mengurangkan risiko kelewatan tindak balas. Keputusan bagi permohonan ini dijangka akan diterima pada hujung tahun ini.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

21. Status terkini Astaka Taman Tun Sardon.

    (a) Apakah status semasa projek penaiktarafan Astaka Taman Tun Sardon?

    (b) Adakah prestasi kerja di tapak berada pada tahap memuaskan dan mengikut jadual yang ditetapkan?

    (c) Bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya serta diserahkan untuk kegunaan awam?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. (a) Status terkini projek penaiktarafan Astaka Taman Tun Sardon berada di peringkat proses pembinaan struktur bangunan. Setakat 31 Oktober 2025, projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 15%.

    (b) Prestasi atau kemajuan semasa projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 25% dari tahap kemajuan mengikut jadual sebenar iaitu sebanyak 40%. Kelewatan ini berpunca daripada beberapa isu di tapak iaitu kelewatan pemindahan peniaga ke astaka sementara serta berlaku pindaan terhadap reka bentuk struktur astaka kerana keluasan tapak sedia ada yang sangat terhad.

(c) Berdasarkan tempoh kontrak yang telah ditetapkan, jangkaan awal projek ini disiapkan adalah pada 31 Mei 2026. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pelaksanaan bagi projek ini akan mengalami kelewatan dari jadual asal yang ditetapkan dan dijangka akan disiapkan melebihi tempoh masa kontrak tersebut. Justeru itu, pihak kontraktor projek kini sedang dalam proses mengemukakan permohonan lanjutan masa (extension of time - EOT) bagi mendapatkan pertimbangan sewajarnya daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyiapkan pembinaan astaka ini sebelum dibuka untuk kegunaan orang awam.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

22. Apakah inisiatif pembangunan sahsiah belia yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?

(a) Apakah langkah memperluas kegiatan riadah dan kokurikulum bagi mengurangkan ketagihan media sosial?

(b) Berapakah statistik kes buli dan jenayah seksual di sekolah-sekolah Pulau Pinang sepanjang tahun ini berbanding dengan tahun sebelumnya?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan sahsiah bagi golongan belia terutamanya untuk menggalakkan penyertaan sosial golongan belia dan memanfaatkan masa lapang. Antaranya termasuk program Sukarelawan Belia Pulau Pinang melibatkan belia dalam pelbagai aktiviti komuniti peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan komuniti seperti *ASEAN Senior Economic Official Meeting, Festival Penang2030*, Misi Bantuan Pengagihan Air Sempena Gangguan Bekalan Air, Hari Cuci Malaysia dan sebagainya. Sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri melalui PYDC telah berjaya menarik seramai 8,367 orang belia agar berdaftar sebagai Sukarelawan Belia.

Selain itu, 169 program melibatkan 22,845 orang belia telah berjaya dilaksanakan oleh Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) merangkumi aktiviti-aktiviti seperti bengkel dan kaunseling belia lepasan SPM, pemberian beg sekolah, program ihya ramadhan, edaran bubur lambuk, *food bank*, bengkel asas pengendalian drone untuk belia, kursus asas fotografi, sukan pickleball, badminton, pertandingan bola sepak, kelas memanah untuk belia, kelas mencanting batik, bengkel pengucapan awam dan lain-lain program yang memberi manfaat untuk golongan belia.

Seterusnya, demi memupuk daya kepimpinan dan sahsiah golongan belia Kerajaan Negeri turut menganjurkan program Sidang Muda yang merangkumi pelbagai siri program yang mendedahkan belia dengan perjalanan Dewan Undangan Negeri (DUN), proses penggubalan undang-undang dan pemahaman tentang sistem pentadbiran kerajaan.

(a) Dalam perkara mengurangkan ketagihan di media sosial beberapa langkah telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) iaitu:

(i) Program Klik Dengan Bijak (KDB): Ditadbir oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam talian kepada ibu bapa, penjaga dan pendidik;

(ii) Melaksanakan Bengkel kepada semua Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Bimbingan dan kaunseling dengan kerjasama Majlis Tindakan Pengguna Negeri;

(iii) Melaksanakan program Internet selamat ke sekolah dengan kerjasama Majlis Tindakan Pengguna Negeri dan pihak SKMM;

(iv) Melaksanakan program Internet selamat dan bahaya *scammer* dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan

(v) Meneruskan agenda Jerayawara Keselamatan Dalam Talian iaitu kempen anjuran Kementerian Komunikasi yang bertujuan untuk menjadikan internet lebih selamat terutamanya bagi kanak-kanak dan keluarga. Program ini juga menangani isu buli siber dan melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti PDRM.

(b) Menurut rekod JPNPP laporan kes buli melalui Sistem Pengurusan Sahsiah Dalam IDMe (MOEIS) adalah seperti berikut:

Tahun 2024: 709 murid.
Tahun 2025 (Sehingga September 2025): 313 murid.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

23. Banyak aduan diterima berhubung semak samun dan pokok besar di tanah kerajaan khususnya di kawasan Pintasan Pemancar dan lokasi lain. KADUN telah beberapa kali membantu atas dasar kecemasan, namun ini bukan penyelesaian jangka panjang. Apakah tindakan kekal yang akan diambil bagi menjamin keselamatan penduduk?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan tindakan kekal berhubung isu semak samun dan pokok-pokok di atas tanah Kerajaan. Namun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Jabatan Kewangan Negeri (JKN) yang dapat digunakan untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga memberikan bantuan bagi melaksanakan penyelenggaraan kepada PDT yang terlibat dalam menguruskan isu semak samun dan pokok-pokok di kawasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

24. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkenalkan modul literasi kecerdasan buatan (AI) dan pengaturcaraan (coding) di sekolah rendah serta menengah bagi mempersiapkan pelajar dengan kemahiran dan ilmu yang relevan dalam era AI seperti di China dan negara-negara Barat?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Kerajaan Negeri seiring dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang giat memperkenalkan literasi *Artificial Intelligence* (AI) di sekolah melalui kurikulum baharu projek perintis bilik darjah berteknologi AI dan garis panduan etika penggunaan AI yang dijangka siap pada akhir tahun 2025.

Selain itu, satu (1) modul berintegrasikan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sedang dalam fasa pembangunan dan penulisan. Pembinaan kandungan modul ini akan mengikut tahap persekolahan dan teknologi AI terkini agar relevan serta sesuai diterapkan di dalam pendidikan. Berikut adalah inisiatif utama literasi AI di sekolah:-

(i) Kurikulum Baharu Berasaskan AI

Asas AI diperkenalkan di sekolah rendah manakala aplikasi lanjutan seperti *Computer Vision* dan *Generative AI* diajar di peringkat menengah dan Kolej Vokasional.

Mata pelajaran seperti Teknologi dan Digital, Sains Komputer, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta Reka Bentuk dan Teknologi akan diintegrasikan dengan elemen AI;

(ii) Projek Perintis "*AI-Powered Classroom*"

KPM telah merintis konsep bilik darjah berkuasa AI di 11 sekolah sebagai langkah awal ke arah pembelajaran adaptif dan berteknologi tinggi. Antara sekolah terlibat di Pulau Pinang ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Maung yang merupakan sekolah rintis bagi Projek *AI-Powered Classroom*. Projek ini bertujuan untuk menyesuaikan pengalaman pembelajaran mengikut keperluan pelajar secara dinamik menggunakan teknologi AI;

(iii) Garis Panduan Literasi AI

Garis Panduan Literasi AI dijangka siap pada Akhir Tahun 2025 dengan tujuan untuk memastikan penggunaan AI di sekolah berlaku secara beretika, selamat dan berpandukan nilai murni. Dokumen ini akan menjadi dasar utama dalam mengawal selia penggunaan AI di semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan

(iv) Pelan Pendidikan 2026 – 2035

Pelan ini menekankan penjajaran kurikulum dengan realiti pasaran, pemerkasaan ekosistem TVET dan pembelajaran berasaskan teknologi seperti AI. Fokus utama pelan termasuk kualiti, akses, ekuiti, keluwesan dan kemampanan dalam pendidikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bekerjasama erat dengan *Penang Science Cluster* (PSC) dalam memastikan kemahiran AI dalam kalangan murid sentiasa dipertingkatkan antaranya dengan penganjuran Projek STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) *for All* Tahun 2025.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

25. Huraikan jenis dan jumlah kemalangan yang berlaku di UDINI *Underpass* sejak tahun 2022 hingga kini.

(a) Dicadangkan agar MBPP menambah *stud* atau reflektor jalan bagi meningkatkan kewaspadaan pemandu. Mohon pandangan.

(b) Selepas pemasangan papan tanda amaran (*signage*), adakah kadar kemalangan motosikal yang terbabas atau melanggar struktur *underpass* telah berkurangan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. (a) Sejak tahun 2022 sehingga 31 Oktober 2025, terdapat sebanyak lapan (8) kes kemalangan yang melibatkan motosikal. Perincian jenis dan jumlah kemalangan mengikut tahun adalah seperti berikut:

JENIS KENDERAAN	TAHUN				JUMLAH
	2022	2023	2024	2025	
Motosikal	2	3	1	2	8
Kereta	0	0	0	0	0
Lori	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN					**8**

(b) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah dan sentiasa mengambil pelbagai langkah proaktif secara

berterusan bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya di seluruh kawasan pentadbirannya.

Usaha ini telah dilaksanakan di kawasan UDINI *Underpass* melalui pemasangan dua (2) buah papan tanda larangan motosikal bersaiz besar di atas gantri dari arah Jalan Masjid Negeri dan Jalan Tunku Kudin. Selain itu, beberapa logo larangan motosikal juga dilukis pada permukaan jalan dari kedua-dua arah sebagai tanda amaran jelas kepada penunggang motosikal yang menggunakan lalu tersebut. Kesemua tindakan tersebut telah selesai dilaksanakan oleh pihak MBPP secara berfasa pada 18 Julai 2025.

Tambahan lagi, pendekatan yang diambil oleh pihak MBPP untuk memastikan tahap kewaspadaan dan mempertingkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya di kawasan UDINI *Underpass* terutamanya pada waktu malam atau dalam keadaan cuaca kurang baik adalah dengan merancang untuk memasang penanda jalan jenis pemantul cahaya kecil *(Cat's eye/ roadstud)* pada akhir tahun 2025.

(c) Ya, berdasarkan laporan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejak tarikh pemasangan papan tanda amaran (*signage*) pada 18 Julai 2025 sehingga 31 Oktober 2025, tiada kes kemalangan motosikal yang terbabas dilaporkan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

26. Berapakah jumlah stesen dan basikal *LinkBike* yang disediakan di seluruh Pulau Pinang pada masa ini?

    (a) KADUN Seri Delima telah mencadangkan penambahan stesen *LinkBike* di Taman Kejiranan Karpal Singh dan beberapa taman bagi mewujudkan satu laluan *park hopping* yang menghubungkan kawasan rekreasi utama. Apakah status pertimbangan cadangan ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Sistem perkongsian basikal *LinkBike* hanya beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Sejumlah 29 stesen dan 250 buah basikal *LinkBike* telah disediakan buat masa ini.

    (a) Pihak MBPP telah mengambil maklum cadangan KADUN Seri Delima bagi penambahan stesen *LinkBike* di Taman Kejiranan Karpal Singh dan beberapa taman bagi mewujudkan laluan *park hopping* yang menghubungkan kawasan rekreasi utama. Buat masa ini, cadangan tersebut dalam peringkat penelitian MBPP dan akan disusuli dengan perbincangan lanjut bersama pihak *LinkBike*.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

27. Tahun 2026 telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia (*Visit Malaysia Year 2026*). Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini?

    (a) Berapakah sasaran jumlah pelancong yang ditetapkan?

    (b) Adakah peruntukan khusus diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan inisiatif tersebut?

YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Sejak Ogos tahun 2023, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan perancangan strategik bagi memperkukuh sektor penerbangan antarabangsa melalui pembukaan laluan terus ke Pulau Pinang, sekali gus merancakkan kemasukan pelancong luar negara. Bagi tahun 2025, *Penang Global Tourism* (PGT) akan melaksanakan siri jelajah promosi di 10 bandar utama dunia, menyertai enam (6) pameran perdagangan dan pelancongan antarabangsa, serta mengambil bahagian dalam *World Expo 2025 Osaka* bagi memperluas jaringan promosi global Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama Asia.

    Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026), Kerajaan Negeri telah merangka pelan persiapan menyeluruh dengan tumpuan terhadap pengenalan produk dan pengalaman pelancongan baharu yang menonjolkan keunikan tempatan. Antara inisiatif utama ialah program *Beyond George Town*, yang

memperluas tumpuan pelancongan ke Seberang Perai melalui pembangunan pakej agro-pelancongan, pelancongan sungai, dan pelancongan makanan (*food tourism*) seperti jelajah kulinari di Bukit Mertajam, Kepala Batas dan Nibong Tebal. Penekanan turut diberikan kepada pelancongan berasaskan alam dan kelestarian, termasuk pemuliharaan penyu di Pantai Kerachut, jelajah hutan paya bakau, dan pelancongan pertanian, serta pengukuhan pelancongan kreatif dan warisan hidup (*living heritage*) melalui bengkel masakan tradisi, kraf tangan dan aktiviti seni komuniti.

Dari sudut promosi, Pulau Pinang akan melaksanakan kempen pemasaran global berasaskan kandungan digital dan kerjasama dengan sektor swasta serta *influencer* antarabangsa untuk memaparkan keunikan budaya dan warisan negeri. Selain itu, kerjasama dengan syarikat penerbangan, agensi pelancongan dalam talian (OTA) dan pengendali pelancongan antarabangsa turut diperkukuh bagi memperkenalkan pakej khas sempena VM2026. Dalam masa yang sama, aspek pengurusan pelancongan mampan diberi tumpuan melalui sistem maklumat masa nyata bagi memantau kepadatan pelancong di tapak warisan dan menggalakkan lawatan ke kawasan alternatif.

Inisiatif seperti kempen pelancongan hijau, pengurangan penggunaan plastik, pemulihan warisan dan penggunaan produk tempatan turut diperluas bagi menyokong matlamat pelancongan bertanggungjawab. Semua langkah ini dilaksanakan selaras dengan strategi nasional VM2026 melalui kerjasama erat bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

(a) Sasaran jumlah pelancong adalah peningkatan 5% setiap tahun bagi jumlah ketibaan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang merangkumi ketibaan domestik dan antarabangsa.

(b) Buat masa ini, tiada peruntukan khusus yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan inisiatif Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan semula sebahagian kutipan cukai pelancongan yang dikutip di Pulau Pinang, dan hasil tersebut boleh

dimanfaatkan bagi tujuan promosi serta pelaksanaan aktiviti berkaitan VM2026.

Selain itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) turut menyediakan pelbagai geran sokongan bagi penganjuran acara pelancongan, kebudayaan dan kesenian, yang boleh dimohon oleh agensi kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkukuh pelaksanaan program di bawah VM2026 di peringkat negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

28. Isu Perumahan.

(a) Berapakah jumlah projek perumahan mampu milik yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap antara tahun 2025 hingga 2027 termasuk pecahan unit mengikut kategori harga dan kawasan?

(b) Apakah status terkini Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) di Taman Tun Sardon serta langkah-langkah seterusnya bagi merealisasikannya?

YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. (a) Sehingga 31 Oktober 2025, perincian unit rumah mampu milik (kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu - RMKu) yang sedang dalam peringkat pembinaan mengikut kategori dan kawasan adalah sebanyak 70 buah projek seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, jangkaan tarikh siap bagi setiap projek adalah berbeza kerana ia bergantung kepada kemajuan kerja di tapak.

(b) Mesyuarat Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (JKPSB) Bilangan 3 Tahun 2025 yang telah diadakan pada 9 Oktober 2025 telah memperaku dan meluluskan cadangan pelaksanaan Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) di Taman Tun Sardon. Cadangan ini akan dilaksanakan bersama pihak pemaju melalui kaedah Kerjasama Awam dan Swasta (*Public Private Partnership*

– PPP) berdasarkan Garis Panduan PSB (Perumahan) Pulau Pinang. Projek ini disyorkan untuk dilaksanakan di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang 2026–2030, khususnya dalam Rancangan Pelaksanaan Kedua (RP2) pada tahun 2027. Secara keseluruhan, pelaksanaan projek ini akan dijalankan secara berfasa dan dijangka mengambil tempoh selama lebih kurang 15 ke 20 tahun untuk disiapkan sepenuhnya.

LAMPIRAN A

Senarai Projek RMKU A, B dan C Sedang Dibina

Daerah Timur Laut Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DTL	Sandiland Foreshore	Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 (Lot Baru 10039), Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	B	321	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
2	2017	DTL	Sandiland Foreshore	Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 & PT 354, Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	C	482	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
3	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmoni)	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.(Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	B	310	Sungai Pinang	Swasta
4	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmoni)	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.(Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	C	444	Sungai Pinang	Swasta
5	2018	DTL	Cecil Residensi	Tetuan PDC Properties	Di atas tanah kerajaan Plot A bersebelahan Lot 311 (di antara Jalan Pintasan Cecil dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu), Seksyen 11E, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	348	Pengkalan Kota	Swasta
6	2018	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Aspen Vintage Sdn.Bhd.	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehmah	B	38	Sungai Pinang	Swasta
7	2018	DTL	Pangsapuri Warisan Indah	Tetuan UDA Holdings SB	Di Atas Lot PT204 (Lot Baru 3195), Jalan Tanjung Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	A	550	Tanjong Bungah	GLC
8	2019	DTL	Granito	Tetuan Taman Sri Bunga (BSG)	Di Atas Lot 4714-4723 dan 4759-4769, Sebahagian Lot Lot 4713 dan 4758, Lorong Sungai Kellan 10, Bandar Tanjung Bungah,	B	342	Tanjong Bungah	Swasta
9	2020	DTL	Ideal Residensi (2)	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,554	Seri Delima	Swasta
10	2021	DTL	Pinang Perdana	Tetuan Saluran Melodi Sdn Bhd	Lot 1266, Jalan Makloom, seksyen 9W, Bandar Georgetown	C	20	Dato Keramat	Swasta
11	2021	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Major Development (*formerly* Hool Hwa)	Lot 809,810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar Jelutong	C	298	Batu Lanchang	Swasta
12	2017	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Major Development (formerly Hool Hwa)	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, Daerah Timur Laut	C	646	Batu Uban	Swasta
13	2024	DTL	118 Harmony	Tetuan Depstar Sdn. Bhd.	Di atas Lot 10225, Lebuh Relau, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	C	118	Batu Uban	Swasta
14	2024	DTL	Ideal Venice Residensi	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Di atas Lot 3363 (Plot C), Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir,	C	1,632	Batu Uban	Swasta
15	2022	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest SB (GEOVALLEY)	Lot 20409, Lot 20411, Lot 10290, 10292 dan sebahagian Lot 20344, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, Daerah Timur Laut	C	1,670	Paya Terubong	Swasta
						Jumlah DTL	8,773		

Daerah Barat Daya Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	A	123	Pulau Betong	Swasta
2	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	B	123	Pulau Betong	Swasta
3	2018	DBD	Quinton	Tetuan Prisma Bumiraya SB	Lot 94 & 95, Petak A (sebahagian Lot 378 & 380), Jalan Sungai Pinang, Mk. E Balik Pulau	C	379	Pulau Betong	Swasta
4	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Harmony Development Sdn. Bhd.	Di atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar 1, DBD	B	129	Bayan Lepas	Swasta
5	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	A	1,224	Pulau Betong	Swasta
6	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	B	360	Pulau Betong	Swasta
7	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	C	320	Pulau Betong	Swasta
8	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Harmony Development Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daearah Barat Daya	C	85	Bayan Lepas	Swasta
9	2021	DBD	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	Tetuan Kobay SB sdn Bhd	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	C	259	Bayan Lepas	Swasta
10	2022	DBD	London Pavillion	Tetuan M SUMMIT Premium	Lot 362,21173,21174 & 20088, 20092, Mukim 11, Permatang Damar Laut	C	527	Bayan Lepas	Swasta
11	2023	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest Sdn. Bhd	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	C	1,670	Bayan Lepas	Swasta
12	2024	DBD	Maldives Residences	Tetuan Solaris Prestasi Sdn Bhd	Lot 71641 (sebahagian Lot Lama 15318), Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Sultan Azlan Shah, Mukim 12, DBD	C	1,665	Bayan Lepas	Swasta
						Jumlah DBD	6,864		

Seberang Perai Utara

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2018	SPU	Taman Bayu Aman	Tetuan Welcome Development Sdn Bhd	Lot 6104 (Old Lot 1870) & 6106-6136 (Lot Lama 3354), Jln Teluk Air Tawar, Mk 7, SPU	A	160	Telok Air Tawar	Swasta
2	2018	SPU	Mak Mandin	Tetuan PDC	Lot 10214, Lorong Mak Mandin 5, Butterworth, SPU	A	187	Bagan Jermal	Kerajaan Negeri
3	2021	SPU	PPA1M Konifer	Tetuan Motif Era S/B	PPA1M Konifer Permatang Sintok, Mukim 5, SPU	C	112	Bertam	Swasta
4	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	104	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
5	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	C	312	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
6	2022	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Stop Leaks & Cleanz Sd. Bhd.	Lot 10691, Lorong Ser Tawar 1, Mukim 7, Butterworth	C	96	Telok Air Tawar	Swasta
7	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 5)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12, Seberang Perai Utara	C	364	Tasek Gelugor	Swasta
8	2024	SPU	Harbour View	Tetuan PJD Eastern Land Sdn. Bhd.	Di atas Lot 3675, Jalan Harbour Place Seksyen 4, Seberang Perai Utara	C	373	Bagan Dalam	Swasta
9	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 4)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	291	Tasek Gelugor	Swasta
10	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 3)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	282	Tasek Gelugor	Swasta
11	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 7)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	204	Tasek Gelugor	Swasta
12	2018	SPU	Taman Ara Damai	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 1640, Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	468	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
						Jumlah SPU	2,953		

Seberang Perai Tengah

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	SPT	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok A	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	79	Machang Bubok	Swasta
2	2018	SPT	The Loft	Tetuan Villa Acres SB	Lot-lot 17 dan 1798, Mukim 10, Jalan Betek	C	281	Padang Lalang	Swasta
3	2017	SPT	Aston Park	Tetuan Ivory Square S/B	Bukit Mertajam, Sek.4, Bukit Mertajam, SPT	A	87	Berapit	Swasta
4	2017	SPT	Taman Seri Puteri	Tetuan JKP Sdn Bhd	Guar Perahu, Kubang Semang	A	128	Penanti	Swasta
5	2017	SPT	Seberang Jaya	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Seberang Jaya	A	90	Seberang Jaya	Swasta
6	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Excell Focus Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 2163, Mukim 4, Jalan Permatang Pauh, SPT	C	410	Seberang Jaya	Swasta
7	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties SB	Di atas Lot 2140, Mukim 4	C	112	Seberang Jaya	Swasta
8	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Di Atas Lot 200, 252, dan 3117, Mukim 4, Seberang Perai Tengah	A	150	Seberang Jaya	Kerajaan Persekutuan
9	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	193	Machang Bubok	Swasta
10	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	30	Machang Bubok	Swasta
11	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	B	118	Machang Bubok	Swasta
12	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 3)	C	98	Machang Bubok	Swasta
13	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	A	29	Machang Bubok	Swasta
14	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	B	90	Machang Bubok	Swasta
15	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	A	63	Machang Bubok	Swasta
16	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	B	82	Machang Bubok	Swasta
17	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	A	24	Machang Bubok	Swasta
18	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	B	59	Machang Bubok	Swasta
19	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 7)	C	20	Machang Bubok	Swasta
20	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	C	112	Seberang Jaya	Swasta
21	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	B	198	Seberang Jaya	Swasta
22	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Iconic Maison sdn Bhd	Lot 317794 (Lot lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	C	751	Machang Bubok	Swasta
23	2021	SPT	Pangsapuri Rambai Mewah	Tetuan JSC Infrabina	DI ATAS LOT 2341-2378, 240-2407 DAN PETAK A	C	396	Machang Bubok	Swasta

Seberang Perai Tengah

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
24	2019	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Taraf Ria Sdn Bhd	Lot 32905(PT3054) Mukim 14, Jalan Bukit Minyak	C	160	Machang Bubok	Swasta
25	2022	SPT	Aston Minca Residence	Tetuan KH Venture Estate Sdn Bhd	Di atas lot 6, Seksyen 2 , Lebuh Aston , SPT	C	237	Permatang Pasir	Swasta
26	2023	SPT	Ari Altitude	Tetuan PTL Alpha Sdn Bhd	Lot 1726, Jalan Santuari 3, Mukim 14, SPT	C	500	Berapit	Swasta
						Jumlah SPT	4,497		

Seberang Perai Selatan

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI/ ECO	PT2195 (Lot lama 1534), Mukim 11, Ladang Kaledonia, Jalan Sungai Daun	A	272	Jawi	Kerajaan Negeri
2	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI/ Aspen	Penempatan Semula Ladang Byram Tanah Kerajaan PT2194 (Lot lama 7578), Mukim 11, SPS, Pulau Pinang	A	68	Jawi	Kerajaan Negeri
3	2020	SPS	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di Atas Lot 402,461,752,753,754,899, dan 900, Mukim 5, SPS	C	315	Sungai Bakap	Swasta
4	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	B	3,223	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
5	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	C	8,000	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
						Jumlah SPS	11,878		
						JUMLAH	34,965		

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025

PERKARA : 4(A)(XXVIII)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG

29. Apakah status cadangan kepada MBPP untuk membangunkan tapak tempat letak kereta di atas tanah rekreasi milik MBPP berhampiran Krystal Heights (Lintang Delima 14) bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan tersebut?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang dimaksudkan adalah di Lot 2287, Lintang Delima 14, Seksyen 5, Bandar George Town yang merupakan tanah yang diperoleh bagi tujuan tanah lapang. Tanah lapang tersebut perlu dikekalkan untuk tujuan asal dan pembangunan 10% tanah lapang tersebut untuk dijadikan dataran serba guna dan tempat letak kenderaan. Pihak MBPP buat masa ini tiada perancangan untuk membangunkan tempat letak kereta di atas tanah tersebut.